UUM
Universiti Utara Malaysia

PROSIDING
RENTAS 2021
BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MENDEPANI CABARAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

JILID 1 (1)

2 -3 JUN 2021

Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM
Dengan Kerjasama:
Dewan Bahasa dan Pustaka (Wilayah Utara)

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU (RENTAS) 2021

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MENDEPANI CABARAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

2–3 JUN 2021

PENYUSUN:
MAIZATUL AZURA YAHYA

SIDANG EDITOR:
MASHETOH ABD. MUTALIB
SHARIFAH FAZLIYATON SHAIK ISMAIL
NADIATUL SHAKINAH ABDUL RAHMAN

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU (RENTAS) 2021

eISSN 2785-8014

9 7 7 2 7 8 5 8 0 1 0 0 4

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-Prosiding RENTAS 2021: Bahasa, Sastera dan Budaya Mendepani Cabaran Pembinaan Negara Bangsa, 2-3 Jun 2021

Penyusun: Maizatul Azura Yahya
eISSN 2785-8014
1. Bahasa
2. Sastera
3. Budaya
I. Maizatul Azura Yahya. II. RENTAS 2021: Bahasa, Sastera dan Budaya Mendepani Cabaran Pembinaan Negara Bangsa/ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,UUM

Diterbitkan oleh:
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok,
Kedah, Malaysia

Tel: +604928 5707
Faks: +604928 5709
E-mel: slcp@uum.edu.my
Laman Sesawang: http://slcp.uum.edu.my/
http://rentas2021.wixsite.com/

KATA PENGANTAR

Kami memulakan prakata ini dengan nama Tuhan yang memercikkan setitis ilmu daripada segara keilmuan-Nya kepada kita. Kami juga ingin memulakan prakata ini dengan kalimah yang menjelmakan rasa syukur yang amat sangat. Pertamanya, dengan penganjuran RENTAS 2021. Keduanya, kita masih dapat di sini dan dalam ruang maya, walaupun seluruh psikologi kita diserang rasa bimbang: pandemik virus korona yang menatijahkan ketidakstabilan sosial, ekonomi dan politik; dan ketidaktentuan masa hadapan.

Barangkali fakta sejarawi perlu dikongsi. Sekadar untuk tatapan, dan tentunya ingatan. Kami yakin, semua sudah sedia maklum, bahawa kalau mengikut rencana asal, RENTAS sepatutnya dilangsungkan pada tahun 2020. Akan tetapi, virus korona menyerang dunia tanpa belas. Manusia yang ditakrifkan sebagai makhluk sosial oleh Aristoteles dipaksa menyendiri, dipaksa untuk mengurangi, dan kalau boleh tiada langsung, kontak. Natijahnya terkena langsung kepada RENTAS, lalu penundaannya adalah pasti. Daripada RENTAS 2020 kepada RENTAS 2021.

Memang, tahunnya berbeza: daripada 2020 ke 2021. Keadaannya juga demikian: daripada bersemuka kepada maya. Bagaimanapun, semangatnya kekal sama. Malah lebih lagi. Sebabnya, keterujaan menganjurkan persidangan dalam norma baharu.

Alhamdulillah, RENTAS 2021 berjaya juga dilangsungkan dalam latar yang sedemikian. Secara maya, tentunya. Walaupun sederhana, tetapi luapan keinginan untuk berkongsi buah fikiran dan rasa ingin tahu keilmuan yang menjadi dasarnya tidak pernah suram. Bahkan sentiasa membuak-buak. Barangkali, RENTAS 2021 menjadi lapangan untuk kita lari sebentar daripada hari-hari yang suram, dan daripada rutinitas dihempap dengan sihir SOP dan PKP.

Kami menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pembentang dan pemakalah. Satunya, kerana memilih RENTAS sebagai gelanggang persilatan ilmu. Keduanya, kerana kekal setia dan bersabar dengan kekangan dan kelemahan daripada pihak kami. Semoga perkongsian tuan-tuan sekalian membuahkan manfaat kepada kemajuan budaya ilmu dalam konteks negara kita.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka turut kami lafazkan ucapan terima kasih. Atas kesudian untuk bekerjasama menjayakan RENTAS 2021. Juga atas sumbangan kepakaran dan sumbangan kewangan yang diberikan. Semoga kita bisa meneruskannya pada masa-masa mendatang.

Ucapan terima kasih juga kami sandarkan pada pohon tempat kami berteduh, yakni Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Kelembutan angin yang bertiup lembut di bawah pohon itu melegakan kami ketika kami sedang bergelut dengan gerak kerja RENTAS yang hanya menemui titik akhir pada 3 Jun 2021.

Kepada semua ahli jawatankuasa RENTAS 2021, tiada lain daripada lafazkan terima kasih yang seikhlas mungkin dijulang kepada kalian semua. Tanpa kalian, RENTAS 2021 hanyalah rencana yang terkandung dalam kertas cadangan.

"Segala yang mendesak
akan segala berakhir
hanya saat abadi dapat
membawa erti kesucian."

ISI KANDUNGAN

JAWATANKUASA PENGANJUR

Penaung	Prof. Dr. Shukri Ahmad Dekan SLCP
Penasihat	P.M. Dr. Hishamudin Isam Tim. Dekan SLCP
Pengerusi	Dr. Mohd Tarmizi Hasrah
Timbalan Pengerusi	Dr. Khairul Faiz Alimi
Setiausaha	Dr. Zamimah Osman
Timb Setiausaha	Puan Rosilah Ishak
Bendahari	Dr. Ahmad Fuad Mat Hassan
Jawatankuasa Prosiding/Buku Program	Dr. Maizatul Azura Yahya Dr. Melor Fauzita Md. Yusoff
Jawatankuasa Promosi & Publisiti	En. Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim Pn. Iliya Nurul Iman Mohd Ridzuan En. Muhammad Hafiz Ummah Abu Bakar Bakri Pn. Lieyana Teo Mohd Zulkifli Teo Pn. Wafa Omar
Jawatankuasa Logistik dan Hospitaliti	En. Nasrol Hadi Dr. Phat Awang Deng En. Zulkifli Bakar
Jawatankuasa Penajaan & Kewangan	Dr. Yusniza Yaakub Dr. Marzalina Mansor En. Hazizi Harun Pn. Roshita Che Ani
Jawatankuasa Pendaftaran dan Penyertaan	Pn. Ainal Akmar Ahmad Pn. Che Hasniah Ya'akub Pn. Sharina Abdullah
Jawatankuasa Abstrak/Kertas Kerja dan Saringan/ Penilaian	Dr. Mashetoh Abd Mutalib Dr. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail Dr Rohizah Halim Dr. Nadiatul Sakinah Abdul Rahman
Jawatankuasa Protokol dan Sambutan	Dr. Rohaya Md. Ali Dr. Nasihah Hashim
Jawatankuasa Jamuan	Puan Nor Hafidah Ibrahim
Jawatankuasa Sijil/Cenderamata	Pn. Juwati Abdullah Pn. Zeety Kartini Abdul Hamid Pn. Aida Husni Abdul Hamid Pn. Masni Mansor
Jawatankuasa Dokumentari	Dr. Melor Fauzita Md Yusoff

TEMA:

PEMARTABATAN DAN PENGANTARABANGSAAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (LINGUISTIK)

KEKELIRUAN MAKNA KATA ANTARA DIALEK MELAYU PATANI DAN BAHASA MELAYU STANDARD DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWA DI PSU: CABARAN DAN SARANAN PENYELESAIANNYA

Abdonloh Khreeda-oh
Program Sarjana Muda Bahasa Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial
Universiti Prince of Songkla, Kampus Pattani
abdonlah.k@psu.ac.th

Hishamudin Isam, PhD
Mashetoh Abd Mutalib, PhD
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun, dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
din@uum.edu.my
mashetoh@uum.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meninjau masalah-masalah kekeliruan makna kata yang dihadapi oleh mahasiswa-mahasiswa Universiti Prince of Songkla (PSU) dalam pertuturan dan penulisan kata Bahasa Melayu Standard (BMS) akibat pengaruh dari dialek Melayu Patani (DMP). Objektif utama kajian adalah untuk meninjau pengaruh DMP terhadap penguasaan BMS dari segi makna. Data kajian diperolehi melalui bahan tulisan dan bahan lisan daripada mahasiswa-mahasiswa yang mengambil kursus Penulisan Bahasa Melayu II (413-324 Malay Writing II) dan Penterjemahan Bahasa Melayu I (413-325 Translation I) seramai 57 orang yang merupakan penutur asli DMP. Selain daripada huraian terhadap kesalahan makna, analisis turut dilakukan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan kekeliruan makna antara DMP dan BMS. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pemahaman yang baik tentang perbezaan makna kata antara DMP dan BMS seseorang mahasiswa akan membantu penguasaan BMS. Penjelasan tentang persamaan dan perbezaan berdasarkan perbandingan makna antara DMP dengan BMS akan meningkatkan kefahaman dan penguasaan BMS seseorang mahasiswa.

Kata Kunci: Kekeliruan Makna, Dialek Melayu Patani, Bahasa Melayu Standard, Persamaan makna, Perbezaan Makna

PENGENALAN

Menurut Glosari Dialek Kelantan (2016), dialek atau nama lainnya loghat atau bahasa daerah merupakan variasi atau kelainan dalam sesuatu bahasa yang menjadi ciri khas golongan tertentu dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek merupakan bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk standard baik daripada segi sebutan, tatabahasa, penggunaan kata-kata tertentu atau makna. Walau bagaimanapun, kelainan tersebut tidaklah begitu ketara untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain (Mario A.Pei & Frank Gaynor, 1954).

Istilah standard pula, menurut Kamus Dewan (Norisah Baharom, 2015) dimaksudkan sebagai sesuatu yang pokok, yang dasar dan yang benar atau sesuatu yang telah diterima umum sebagai betul, standard. Manakala bahasa Melayu Standard (seterusnya BMS) pula dimaksudkan bahasa Melayu yang seragam, iaitu variasi bahasa yang menjadi norma penggunaan dalam sistem pendidikan, pentadbiran, pemerintahan, perhubungan dan semua situasi rasmi seperti dalam ucapan mesyuarat, persidangan dan dalam media massa (Nik Safiah Karim dan rakan-rakannya, 2015)

Seterusnya, penguasaan bahasa standard bermaksud penguasaan semua aspek kebahasaan, termasuk aspek sebutan, ejaan, istilah, tatabahasa dan kosa kata. Abdul Hamid Mahmood (1997) menyatakan bahawa

daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar peringkat SPM, STPM dan kelas persediaan, mendapati Rajahan yang menunjukkan masih ramai pelajar Malaysia, baik pelajar bumiputra mahupun bukan bumiputra yang lemah dalam bahasa Malaysia. Salah satu faktor penting yang menyebabkan ketidakcekapan berbahasa Malaysia dalam kalangan pelajar tersebut iaitu anggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah dan merasakan bahasa Melayu itu bahasa ibunda mereka. Sebenarnya mereka tidak mengetahui bahawa bahasa Melayu yang mereka gunakan seharian itu adalah dialek Melayu, yang banyak berbeza daripada BMS (Abdul Hamid Mahmood, 1997).

Dilihat dalam konteks mahasiswa-mahasiswa Universiti Prince of Songkla (PSU), telah dapati bahawa ramai mahasiswa yang menghadapi pelbagai masalah dalam penguasaan BMS. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dilakukan ke atas golongan mahasiswa yang mengambil kelas Penulisan Bahasa Melayu II (413-324 *Malay Writing II*) dan Penterjemahan Bahasa Melayu I (413-325 *Translation I*) seramai 57 orang pada semester kedua tahun pengajian 2019 dan 2020.

Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau pengaruh dialek Melayu Patani (seterusnya DMP) terhadap penguasaan BMS berdasarkan aspek leksikal dan makna. Peninjauan dan penelitian yang bersandarkan kaedah pemerhatian informal dan kaedah temu bual ini turut dilakukan. Manakala kajian lapangan pula terbatas kepada kaedah Tugas Penyempurnaan Wacana (*Discourse Completion Task*-DCT) terhadap penulisan para mahasiswa tersebut

Data kajian pula diperolehi melalui bahan tulisan dan bahan lisan daripada mahasiswa-mahasiswa PSU yang merupakan penutur asli DMP. Seterusnya penganalisisan data dilakukan berdasarkan analisis kesalahan sebutan, kesalahan ejaan dan kesalahan makna. Analisis dilakukan juga terhadap faktor-faktor yang menyebabkan ketidakcekapan berbahasa Melayu Standard dalam kalangan mahasiswa tersebut.

MASALAH PENGUASAAN BAHASA MELAYU STANDARD

Daripada skrip-skrip jawapan dan ujian lisan dalam kalangan mahasiswa yang mengambil kelas Penulisan Bahasa Melayu II dan Penterjemahan Bahasa Melayu I seramai 57 orang, telah dikenalpasti beberapa masalah ketatabahasaan yang dihadapi oleh mahasiswa-mahasiswa tersebut dalam menguasai BMS. Masalah-masalah tersebut dapat digolongkan kepada tiga aspek seperti berikut:

(i) Kesalahan sebutan dan ejaan
(ii) Kesalahan pemilihan leksikal dan makna

Kesalahan Sebutan dan Ejaan

Ujian lisan yang dilakukan ke atas mahasiswa-mahasiswa kelas Penulisan Bahasa Melayu II dan Penterjemahan Bahasa Melayu I memperlihatkan ketidakseragaman dari segi sebutan. Kesalahan dari segi sebutan ini akan membawa kepada kesalahan ejaan seterusnya. Selain daripada terdapatnya sebutan-sebutan yang salah baik dari segi intonasi mahupun sukukatanya, terdapat pula percampuran dialek daerah atau loghat tempatan yang berbagai-bagai seperti yang dituturkan oleh setengah-setengah mahasiswa-mahasiswa di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkhla. Kesemua mahasiswa dalam pertuturan mereka, masih terdapat pelat atau telor bahasa ibunda apabila betutur dalam bahasa Melayu Standard. Berikut diperturunkan beberapa contoh kesalahan sebutan yang telah dipetik daripada kajian:

Salah	**Betul**
(1) masakkan Thai *pedah*	masakan Thai *pedas*
(2) saya mari dari *kampong*	Saya berasal dari *Kampung*…
(3) diya kakak *sulong* saya	Dia kakak *sulung* saya.
(4) saya suka *belaja* bahasa *Malayu*	Saya suka *belajar* Bahasa *Melayu*.
(5) ibu *mengoreng nasik* goreng	Ibu *menggoreng nasi* goreng.

Berdasarkan data-data yang terkumpul, sebutan BMS yang disebut dan dieja oleh mahasiswa-mahasiswa dipengaruhi oleh DMP yang merupakan bahasa ibunda mereka. Kadang-kadang mereka tidak sedar langsung tentang kesalahan sebutan tersebut.

Selain daripada itu, berdasarkan skrip-skrip yang diperiksa, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan yang terkisar di sekitar keselarasan vokal, sendi nama, akhiran -an, -kan, -i dan kata-kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Berikut adalah beberapa contoh:

i) Kesalahan pada keselarasan vokal

Salah	**Betul**
(1) saya ada sorang *adek* lelaki.	Saya ada seorang *adik* lelaki.
(2) Dia pakai *tudong* cat *puteh*.	Dia memakai *tudung* warna *putih*.
(3) ayah tanam *betek* di *kebong*.	Ayah menanam *betik* di *kebun*.
(4) *tulong tunyok* jalan ke rumah hospital.	*Tolong tunjuk*kan jalan ke hospital.
(5) adek *buleh* menaik basika.	Adik *boleh* menunggang basikal.

Jika ditinjau data-data yang di atas juga didapati bahawa, mahasiswa-mahasiswa telah menggunakan keselarasan vokal yang tidak tepat dan betul dengan keselarasan vokal BMS. Lantaran itu dapat diandaikan bahawa mereka menggunakan fahaman dan kebiasaan dalam penuturan seharian dalam mengeja kata-kata BMS.

ii) Kesalahan pada sendi nama

	Salah	**Betul**
(1)	diya talifon mari *di* rumah	Dia telefon *ke* rumah.
(2)	Hak ini nak hanta *di* Hadyai.	Yang ini akan hantar *ke* Hadyai.
(3)	nak pergi *di* bank sebentar.	Hendak pergi *ke* bank sebentar.
(4)	*Ke* balik *di* rumah.	Balik *ke* rumah.
(5)	rumah hospital letak *diantara*…	Hospital terletak antara…

Berdasarkan data-data yang dikemukakan, didapati bahawa berlaku kesalahan penggunaan kata sendi *ke* yang kesemuanya digantikan dengan kata sendi *di*. Kesalahan ini berlaku akibat pengaruh daripada DMP yang digunakan oleh mahasiswa-mahasiswa dalam kehidupan seharian. Manakala perkataan '*ke* balik' pada contoh yang keempat (4) menunjukkan pengaruh sebutan DMP daripada perkataan 'kelek' – '*ke* balik' yang bermaksud balik dalam BM Standard.

iii) Kesalahan pada apitan ke -an, me –i dan akhiran -an

Salah	**Betul**
(1) kebanyakkan	kebanyakan
(2) kemasukkan	kemasukan
(3) membaikki	membaiki
(4) mamasukki	memasuki
(5) masakkan	masakan

(iv) Kesalahan pada kata-kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan Arab

	Salah	**Betul**
(1)	teknoloji	teknologi
(2)	talifon/telepon	tetefon
(3)	radiyu	radio
(4)	masaalah	masalah
(5)	isnain	Isnin

Kesalahan Pemilihan Leksikal dan Makna

Kajian yang dilakukan ke atas skrip-skrip jawapan mahasiswa-mahasiswa PSU menunjukkan masih terdapat mahasiswa-mahasiswa yang tidak mahir dalam pemilihan kata-kata yang tepat dan sesuai digunakan dalam penulisan BMS. Akibatnya terbentuklah ayat-ayat yang menyalahi tatabahasa BMS sehinggan ayat-ayat yang ditulis menjadi janggal atau berubah maksud asalnya. Contoh-contoh adalah seperti berikut:

Salah (1) Kamu *biasa* pergi Songkla berapa kali?
Betul Kamu *pernah* pergi ke Songkla berapa kali?

Salah (2) Kamu makan nasi *sudah* atau *tak lagi*?
Betul Kamu *sudah* makan nasi atau *belum*?

Salah (3) *Bagaimana* kamu tidak *talifon mari* kelmarin?
Betul Kenapa kamu tidak telefon semalam?

Berdasarkan contoh pertama (1) penggunaan perkataan *biasa* adalah untuk mengungkapkan maksud *pernah* dalam BMS kerana perkataan *pernah* tidak digunakan dalam DMP. Manakala kesalahan pelatakan kata bantu *sudah* dalam ayat menunjukkan pengaruh DMP yang digunakan seharian. Seterusnya kesalahan penggunaan kata tanya *bagaimana* (dalam DMP disebut *'gaeno'* dengan maksud 'mengapa') telah mendatangkan kesalahan penggunaan BMS yang agak nyata.

GANGGUAN DIALEK MELAYU PATANI TERHADAP PENGUASAAN BAHASA MALAYSIA STANDARD

Berdasarkan data-data yang diperolehi, ciri-ciri DMP yang mengganggu penguasaan BMS dapat dilihatkan daripada dua aspek iaitu kelainan fonologi dan kelainan leksikal serta makna.

Kelainan Fonologi

Bidang fonologi merupakan bidang yang paling banyak dan paling ketara menggangu mahasiswa-mahasiswa yang merupakan penutur DMP dalam menguasai BMS. Hal ini berlaku kerana terdapatnya fonem vokal dan fonem konsonan yang berlainan antara DMP dengan BMS. Fonem vokal dan konsonan yang berlainan itu telah menyebabkan perkara-perkara berikut turut berlaku:

	Dialek Melayu Patani	Bahasa Melayu Standard
(1)	/ kuwaʔ /	kuat
(2)	/ basɔh /	basah
(3)	/ tuloŋ /	tolong
(4)	/ bɔwɔʔ /	bawa
(5)	/ napɔʔ /	nampak
(6)	/ nasiʔ /	nasi

Selain daripada itu, dari dalam 29 fonem konsonan yang terdapat dalam DMP semua variasi, hanya tiga fonem, iaitu / ʔ /, / h / dan / ŋ / sahaja yang boleh hadir di akhir kata (Ruslan Uthai, 2011: 72) seperti contoh (1) – (6) di atas. Sedangkan dalam BMS terdapat sebanyak 16 fonem konsonan yang boleh hadir di akhir kata, iaitu / p, b, t, d,(k = ʔ), g, s, h, j, l, r, m, n, dan ŋ / seperti dalam contoh berikut:

	Bahasa Melayu Standard	Dialek Melayu Patani	Kesalahan
(1)	sedap	/ sɯdaʔ /	sedak
(2)	adab	/ ʔadaʔ /	adap, adak
(3)	laut	/ laoʔ /	lauk
(4)	abad	/ ʔabaʔ /	abat
(5)	letak	/ lɯtɔʔ /	letok

(6)	beg	/ beʔ /	bek
(7)	beras	/ bɯɤah /	berah
(8)	buluh	/ buloh /	buloh, bulus
(9)	kolej	/ koleʔ /	koleg
(10)	halal	/ hala /	hala
(11)	bakar	/ baka /	baka
(12)	pinggan	/ piŋɛ /	pinggang
(13)	ulam	/ ʔulɛ /	ulan, ulang
(14)	bintang	/ bitɛ /	bitang, bitan

Kelainan Leksikal dan Makna

Dalam DMP juga terdapat banyak kata yang terdiri daripada ekasuku atau satu suku kata. Mengikut Ismail Hussein (1973: 75 dalam Abdul Hamid Mahmood, 1997: 160), pengaruh daripada bahasa Thai telah menyebabkan timbulnya kecenderungan untuk menunggalkan suku kata di dalam kata-kata yang bersuku kata dua. Kecenderungan tersebut merupakan sebahagian kata asal dalam DMP yang berdwisuku mengalami proses kehilangan suku kata sebelum akhirnya (Ruslan Uthai, 2011: 143). Contohnya, kata-kata berikut:

	Dialek Melayu Patani	**Bahasa Melayu Standard**
(1)	/ doʔ /	duduk
(2)	/ niŋ /	ini
(3)	/ dɔh /	sudah
(4)	/ paʔ /	empat
(5)	/ pɔʔ /	bapa
(6)	/ nɔʔ /	hendak
(7)	/ gi /	pergi
(8)	/ waʔ /	buat
(9)	/ dɔʔ /	tidak
(10)	/ pahtu /	selepas itu

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapat menunjukkan bahawa DMP akan menyimpang jauh berbeza daripada BMS yang akan melemahkan penutur dialek tersebut dalam menguasai BMS.

Selain daripada itu, terdapat kekeliruan makna disebabkan perbezaan makna antara DMP dan BMS, misalnya:

Kata Nama	**Dialek Melayu Patani**	**Bahasa Melayu Standard**
(1)	bujang	janda
(2)	hak	kepunyaan
(3)	batas	jalan
(4)	tepung	kuih
(5)	air bau	minyak wangi

Kata Kerja	**Dialek Melayu Patani**	**Bahasa Melayu Standard**
(1)	makan teh	minum teh

(2)	simpan rumah	kemas rumah
(3)	cabut baju	buang baju
(4)	katak	pukul
(5)	terbit	keluar
(6)	berahi	gemar

Kata Adjektif	**Dialek Melayu Patani**	**Bahasa Melayu Standard**
(1)	selalu	dengan segera
(2)	gaduh	cepat
(3)	semalam	malam tadi
(4)	puas	bosan
(5)	sakit berat	sakit teruk, tenat

Selain daripada contoh-contoh kosa kata DMP yang maknanya berbeza dengan BMS seperti di atas, terdapat juga kata-kata majmuk dalam DMP yang diciptakan untuk mengungkapkan istilah-istilah baharu dalam BMS. Kata-kata tersebut diandaikan tercipta berdasarkan kekeliruan makna dan juga ketidakfahaman istilah yang sebenar dalam BMS. Kata-kata tersebut juga mirip dengan kata-kata bahasa Thai. Dengan itu, kemungkinan besar perkataan DMP tersebut dipinjam daripada bahasa Thai. Contoh-contoh perkataan tersebut adalah seperti berikut:

	Dialek Melayu Patani	**Bahasa Melayu Standard**
(1)	telefon tangan	telefon bimbit
(2)	tangan dua	barangan terpakai
(3)	cari suara	kempen pilihan raya
(4)	tekan duit	mengeluarkan wang dari ATM
(5)	jamin nyawa	insurans nyawa

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN KETIDAKCEKAPAN BERBAHASA BMS DALAM KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWA PSU

Sehubungan dengan ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mengenalpasti sebab-sebab mengapa mahasiswa-mahasiswa tidak dapat menguasai BMS dengan baik dan pencapaian prestasi rendah dalam peperiksaan. Antara faktor-faktor yang turut bertanggungjawap atas permasalahan ini ialah:

Anggapan Bahasa Melayu Mudah

Ramai mahasiswa yang beranggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah. Mereka merasakan bahasa Melayu itu bahasa ibunda mereka. Mereka boleh bercakap dalam bahasa Melayu, mereka boleh menulis dalam bahasa Melayu dan mereka merasakan mereka tahu selok-belok bahasa Melayu. Mereka boleh lulus dengan baik. Mereka lupa dan mereka tidak mengetahui bahawa bahasa Melayu yang mereka gunakan seharian itu sebenarnya dialek Melayu, yang banyak berbeza daripada BMS.

Pengaruh Dialek Melayu Patani

Terdapat beberapa ciri DMP yang mempengaruhi penguasaan BMS iaitu pengaruh daripada sudut negatif yang boleh menyulitkan penguasaan BMS. Ciri-ciri dialek ini yang mengganggu penguasaan BMS dapat dilihatkan daripada beberapa aspek.

KESIMPULAN

Bagi mengatasi masalah penguasaan BMS dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa PSU yang merupakan penutur DMP, pengkaji telah menggunakan penghuraian ciri-ciri tertentu yang membezakan antara DMP

dengan BMS. Pemahaman tentang perbezaan antara DMP dan BMS akan membantu mahasiswa-mahasiswa mamahami BMS yang merupakan pengetahuan baru melalui pemahaman asal usul bahasa ibunda mereka yang merupakan pengetahuan sedia ada. Contoh-contoh rumusan perbandingan fonologi DMP dangen BMS yang membantu penambahan pemahaman mahasiswa-mahasiswa adalah seperti berikut:

I. Suku kata pertama DMP / -ɔ / ⇨ / -o / dalam BMS

(1)	/ kɔpi /	kopi
(2)	/ bɔla /	bola
(3)	/ ʔɔɤɛ /	orang

II. Suku kata pertama DMP / -ɛ / ⇨ / -e / dalam BMS

(1)	/ tɛ /	teh
(2)	/ bɛlɔʔ /	belok
(3)	/sɛpaʔ/	sepak

III. Suku kata kedua DMP / -ɔ / ⇨ / -a / dalam BMS

(1)	/ matɔ /	mata
(2)	/ mukɔ /	muka
(3)	/ siŋɔ /	singa

IV. Suku kata kedua DMP / -a / ⇨ / -ai / atau /-au / dalam BMS

(1)	/ misa /	misai
	/ suŋa /	sungai
	/ kɯda /	kedai
(2)	/ pula /	pulau
	/ pisa /	pisau
	/ kaca /	kacau

V. Suku kata kedua DMP / -ɛ / ⇨ / -an /, /-am/ atau /-ang / dalam BMS

(1)	/ daʔpɛ /	depan
	/ badɛ /	badan
	/ taŋɛ /	tangan
(2)	/ hitɛ /	hitam
	/ kɯtɛ /	ketam
	/ ʔayɛ /	ayam
(3)	/ musɛ /	musang
	/ bitɛ /	bintang
	/ bɯlalɛ /	belalang

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, bagi mengatasi masalah penguasaan BMS dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa salah satu cadangannya iaitu pengajar perlu memberi pengetahuan yang jelas kepada pelajar-pelajarnya tentang perbezaan antara BMS dengan dialek-dialek yang merupakan bahasa ibunda mereka demi peningkatan dari segi sebutan, ejaan, imbuhan, pemahaman makna dan sebagainya.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Guru dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext.

Abdul Jalil Anuar, Abdul Hamid Mahmood, Tengku Fauziah Ku Mat, Abdullah Salleh & Ismail Salleh. (2016). *Glosari Dialek Kelantan (Siri Glosari Dialek Semenanjung)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Haji Abdul Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom . (2015). *Kamus Dewan (Edisi Keempat).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mario A.Pei & Frank Gaynor. (1954). *A Dictionary of Linguistics*. New York.

Ruslan Uthai. (2005). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

LEKSIS GENDER DALAM NOVEL A. SAMAD SAID: SATU ANALISIS MEDAN SEMANTIK

Aminnudin Saimon
Kulliyah of Languages and Management
International Islamic University Malaysia
Pagoh, Johor.
deanamin@iium.edu.my

Nor Aisyah Hafiza Tazudin
Universiti Putra Malaysia
aisyahhafiza.tazudin@gmail.com

ABSTRAK

Leksis merupakan unit yang penting dalam bahasa terutamanya dalam pembentukan ayat. Dari sudut linguistik, leksis merupakan perbendaharaan kata dalam bahasa. Dari sudut linguistik, leksis gender ialah perbendaharaan kata yang melibatkan jantina sama ada jantina lelaki, perempuan atau neuter (neutral). Penyelidik menyenaraikan tiga objektif kajian yang utama, iaitu, mengenal pasti penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said, menginterpretasi leksis gender menggunakan teori Medan Semantik (Syed M. Naquib al-Attas, 2001), dan menjelaskan jalinan leksis gender dengan medan semantik dalam novel A. Samad Said. Data penyelidikan dikumpul daripada empat buah novel terpilih A. Samad Said, iaitu *'Langit Petang (1980)', 'Di Hadapan Pulau (2000)', 'Sungai Mengalir Lesu (2005)',* dan *'Adik Datang (2012)*. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi menjawab objektif kajian. Penyelidik juga menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi mengenal pasti leksis gender yang terdapat dalam novel terpilih A. Samad Said. Data leksis gender yang terdapat pada novel tersebut akan dianalisis menggunakan Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis T. Izutsu (1964) dan Syed M. Naquib al-Attas (1970 dan 2001). Hasil penyelidikan mendapati bahawa leksis gender yang dipaparkan dalam novel terpilih A. Samad Said dikategorikan kepada tujuh kata fokus, iaitu, kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, pekerjaan/jawatan, kata sifat, kata ganti nama diri dan kata nama. Selanjutnya, daripada 10,398 leksis gender yang dikaji, didapati leksis gender daripada kategori kata ganti nama diri mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 5,297 kekerapan, diikuti pula leksis gender daripada kategori kekeluargaan yang berjumlah 1,928 kekerapan dan leksis gender daripada kategori bentuk panggilan sebanyak 1,410 kekerapan. Hasil dapatan akhir menunjukkan bahawa setiap kata fokus akan menerbitkan satu konsepsi berdasarkan medan semantik yang melatarinya. Kata fokus yang dinyatakan mempunyai jalinannya dengan makna setiap kata kunci yang mengelilingi kata fokus yang membentuk lingkungan konsepsi sehingga menubuhkan medan semantik bagi leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said.

Kata Kunci: Leksis Gender, Medan Semantik, Novel Terpilih A. Samad Said, Kata Fokus, Kata Kunci.

PENGENALAN

Leksis ialah unit bahasa yang terkecil yang mengandungi makna. Lyons (1968) berpendapat bahawa perkataan merupakan suatu 'tanda' yang mencakupi dua bahagian, iaitu bentuk dan makna. Setiap ayat yang gramatis terbentuk daripada leksis dan daripada leksis pula membentuk bahasa. Selain itu, golongan kata seperti sinonim, antonim, hiponim, polisemi dan homograf terbentuk daripada leksis. Golongan kata seperti yang dinyatakan merupakan komponen utama dalam perkamusan. Oleh hal yang demikian, Lyons (1968) berpendapat bahawa kata merupakan unit teristimewa khusus bagi nahu tradisional dan kata ialah asas bagi perbezaan yang sering dibuat antara morfologi dengan sintaksis, dan juga merupakan unit utama dalam leksikografi. Selain berperanan dalam perkamusan, leksis juga berperanan dalam idiom atau peribahasa. Menurut Jos Daniel Parera (1993), leksikon merupakan satu himpunan kata atau idiom sebuah bahasa; ada pelbagai macam sesuai dengan bidang pemakaian kata dan idiom tersebut.

Lyons (1968) memberi definisi gender atau nama tradisionalnya, genus merupakan perkataan yang berasal daripada satu perkataan yang umum, yang bermakna 'golongan' atau 'jenis' (Romawi genus). Dalam nahu tradisional, nama untuk ketiga-tiga genus yang terdapat dalam bahasa Indo-Eropah Klasik ialah 'maskulin', 'feminin' dan 'neuter'. Gender dari sudut linguistik pula bermaksud klasifikasi nahu tentang kata nama atau kata-kata yang berkaitan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan, dan yang bersifat neuter, iaitu yang tidak merujuk kepada sebarang jantina (S. Nathesan, 2008). Dengan kata yang lebih mudah maksud gender itu ialah kata yang berkait dengan jantina. Contohnya, 'bapa', 'suami', 'jantan' ialah gender yang berkaitan dengan lelaki. Begitu juga halnya dengan gender yang berkaitan dengan perempuan. Dalam penyelidikan ini, gender yang dikaji ialah lelaki, perempuan dan neuter. Dalam budaya Melayu, banyak leksis yang berkaitan gender terhasil, antaranya dalam bentuk panggilan dan kekeluargaan 'pak', 'paman', 'anjang', 'busu' dan 'pok teh'.

Leksis gender mempunyai definisinya sendiri, iaitu perkataan atau leksikal yang digunakan bagi merujuk kepada sesuatu jantina. Maknanya di sini, leksis gender merupakan perkataan atau leksikal yang merujuk kepada sesuatu pemilikan yang terdapat pada jantina (Aminnudin Saimon, 2015). Perkataan atau leksikal yang merujuk kepada jantina mempunyai jumlah yang banyak seperti leksikal yang digunakan untuk merujuk panggilan, gelaran, kata sifat dan jawatan atau pekerjaan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat penggunaan kata fokus dan kata kunci yang terdapat dalam leksis gender.

Medan semantik merupakan satu lingkungan yang mengandungi sejumlah kata kunci yang mengelilingi satu kata fokus sebagai pusatnya (Rozita Che Rodi, 2013). Kata kunci bagi sesuatu bahasa atau teks ataupun wacana ialah sejumlah perkataan yang penting yang sangat kuat dalam menentukan pembentukan struktur pengkongsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi teks atau wacana, realiti, iaitu tentang alam semestanya (konsep kosmologi) dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia termasuk juga hakikat wujud itu sendiri (konsep ontologi) dan tentang nilai (konsep aksiologi) (Hashim Musa, 1995). Antara konsep penting dalam teori medan semantik ialah kata fokus, kata kunci, jalinan perkaitan makna dan lingkungan konsepsi yang dapat menubuhkan satu medan semantik untuk menjelaskan secara keseluruhan makna sesuatu ungkapan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankana adalah untuk melihat penggunaan leksis gender dalam novel A. Samad Said menggunakan pendekatan medan semantik. Daripada leksis gender tersebut akan dikelaskan kepada kata fokus, kakta kunci dan jalinan perkaitan medan semantik yang ada dalam novel A. Samad Said menggunakan pendekatan medan semantik.

PENYATAAN MASALAH

Kajian yang berkaitan leksis atau leksikal lebih terarah kepada variasi bahasa, kepelbagaian leksikal, perbezaan leksikal, namun kajian yang memfokuskan leksis gender masih lagi kurang dijalankan. Kajian mengenai leksis gender ini amat penting kerana penggunaan kata rujukan yang merujuk kepada sesuatu gender akan mempengaruhi keberkesanan dan keharmonian komunikasi. Hal ini sejajar dengan kenyataan Nik Safiah Karim (2012) yang mengatakan bahawa penggunaan kata panggilan yang merujuk kepada gender paling kerap gagal dipatuhi sepenuhnya. Leksis 'kita' merupakan leksis yang paling banyak kesalahan penggunaan dalam komunikasi. Justeru itu, bertitik tolak daripada isu yang timbul, masalah yang dikenal pasti ialah penggunaan leksis kata panggilan meluas penggunaanya, namun pemahaman dan rujukan gender yang tepat masih kurang difahami.

Sumber kekuatan masyarakat Melayu adalah melalui kesantunan yang dapat dijelmakan melalui penggunaan leksis gender yang tepat. Antara leksis gender yang terkandung dalam bahasa Melayu ialah leksis gender kekeluargaan, panggilan, kata sifat, gelaran dan sebagainya. Pada kebiasaannya, leksis gender ini ditonjolkan dalam komunikasi sama ada lisan atau tulisan, namun begitu kata kunci yang mengelilingi fokus itu bukanlah sesuatu proses yang mudah kerana melibatkan banyak perkara tertentu yang mesti diberi perhatian. Masalah yang berkaitan dengan pemahaman sesuatu konsep berkemungkinan disebabkan kesukaran memahami maknanya secara menyeluruh, iaitu dari segi definisi, makna asasinya dan lapangan konteks. Ketidakfahaman mengenai kata fokus, kata kunci, jalinan perkaitan makna, lingkungan konsepsi dan medan semantik bagi leksis gender menyebabkan kekaburan kefahaman dan mungkin juga ketaksaan serta kekeliruan pengertian terhadap leksis gender. Pengertian dan kefahaman yang sempurna terhadap leksis

gender akan diperoleh apabila diketahui makna kata fokus, kata kunci yang berkaitan dan seterusnya medan semantik, iaitu lingkungan pengertian dan konsepsi bagi leksis gender.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, terdapat tiga objektif yang utama, iaitu;

1. Mengenal pasti kata fokus bagi leksis gender dalam novel A. Samad Said
2. Menganalisis kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, terdapat tiga persoala kajian yang utaman, iaitu;

1. Apakah kata fokus yang terdapat dalam leksis gender?
2. Bagaimanakah menganalisis kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus?

BATASAN KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, penyelidik membataskan kajian kepada leksis gender sahaja. Daripada leksis yang terkandung dalam novel, penyelidik hanya membataskan dapatan kepada tujuh kategori leksis yang dikenal pasti menggunakan pengkategorian S. Nathesan (2010), iaitu kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, kata sifat, kata ganti nama diri, kata nama, dan pekerjaan. Kategori yang dikenal pasti ini kemudiannya akan dijadikan sebagai kata fokus yang akan menjadi elemen penting dalam objektif satu. Kemudiannya, setiap kata fokus ini akan dikelilingi oleh kata kunci mengikut kategori masing-masing. Sebagai contoh, kata fokus kekeluargaan mengandungi kata kunci bapa, bapak, ayah, ibu, emak, mak cik, pak cik, abang dan sebagainya.

SOROTAN LITERATUR

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah, dan Muhammad Zaidi Zakaria (2017) menjalankan kajian yang bertajuk 'Leksikal 'Sinonim' Dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi Dan Kesan Semantik' mendapati bahawa setiap leksikal sinonim dalam kajian ini mendokong perincian maksud yang khusus dan bukan sinonim. Sinonim merupakan salah satu fenomena linguistik yang menjadi perbahasan dalam kalangan ahli bahasa terutama isu kewujudannya dalam teks al Quran. Perkara tersebut menyebabkan sebilangan sarjana mengemukakan kategori dan ciri tertentu mengenai sinonim berdasarkan pandangan dan hujah masing-masing. Lanjutan daripada itu, kajian kualitatif ini memaparkan beberapa leksikal 'sinonim' (LS) menurut perbahasan Himadah Muhammad (2007). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti fungsi dan kesan semantik leksikal terhadap konteks ayat. Di samping itu, kajian juga mengklasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal untuk menampakkan kategori semantik. Justifikasi pandangan daripada sarjana al Quran juga diketengahkan sebagai validasi tafsiran. Kajian ini menerapkan teori Analisis Komponen Makna (AKM) sebagai panduan. Dapatan menunjukkan setiap LS dalam kajian ini mendokong perincian maksud yang khusus dan bukan sinonim. Ini kerana, LS yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai kesempurnaan, fungsi dan kesan tersendiri. Pemilihan perkataan juga selaras dengan kepentingan, justifikasi dan konteks ayat. Justeru, perbahasan yang dijalankan diharap menjelaskan konsep dan hubungan semantik antara leksikal sebagai asas untuk mengetengahkan peranannya secara linguistik, terutamanya dalam al Quran.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, dan Muhammad Zaid Daud (2020) bertajuk 'Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor' mendapati bahawa kekerapan dan peratusan jumlah semantik leksikal mencatatkan nilai frekuensi 1019 (100%) leksikal sahaja. Namun, melalui novel tersebut hanya terdapat semantik leksikal separa yang terdiri daripada; antonim – 442 (43.37%), sinonim – 218 (21.39%), meronim – 185 (18.15%) dan hiponim – 174 (17.07%). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa melalui pendekatan semantik leksikal ini adalah mungkin untuk mengklasifikasikan kumpulan leksikal yang berbeza menjadi kumpulan makna yang sama. Novel adalah salah satu medium komunikasi bukan lisan yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Melalui pembacaan novel ini, pembaca dapat mengalami pelbagai emosi. Sama ada sedih, gembira, teruja dan

sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan mengupas makna di sebalik novel berjudul "Sangkar" karya Samsiah Mohd. Novel ini diterbitkan pada tahun 2010 melalui penerbitan Alaf 21 Sdn. Bhd. Terdapat 248 halaman dan 26 bab untuk novel ini. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang terdiri daripada analisis teks beranotasi dan juga pendekatan kuantitatif sederhana untuk mencari frekuensi dan kerumitan leksikal dalam novel Sangkar ini. Untuk menganalisis novel ini pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal. Melalui pendekatan semantik leksikal ini adalah mungkin untuk mengklasifikasikan jenis leksikal menjadi sinonim, antonim, hiponim, polisemik, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim.

Kajian yang bertajuk 'Kata Kerja Dan Hubungan Leksikal Dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita' dijalankan oleh Indirawati Zahid (2019) mendapati bahawa kajian ini memperlihatkan antara kata kerja yang lazim digunakan dalam iklan kecantikan muka adalah "mencerah/mencerahkan", "merawat", "membantu" dan "melembap/melembapkan". Hubungan leksikal yang terbentuk daripada kekerapan kata kerja yang digunakan membentuk lapan kelompok sinonimi dan tiga kelompok antonimi. Pengiklan memilih kata yang tepat dalam mempengaruhi khalayak sasaran dan bermakna positif sebagaimana yang dinyatakan oleh Leech (1966) dan Dyer (1982). Iklan komersial merupakan satu bentuk pembujukan dalam usaha mempengaruhi khalayak sasaran tentang pandangan atau keputusan membeli. Iklan produk kecantikan wanita merupakan salah satu daripadanya. Analisis dilakukan pada iklan dua jenama terkenal, iaitu D'HERBS dan Vida Beauty dengan memfokuskan analisis pada kata kerja yang digunakan dalam slogan dan keterangan produk kecantikan muka. Kajian ini bertitik tolak daripada kajian yang telah dilakukan oleh Leech (1966) tentang kata kerja yang lazim digunakan dalam iklan. Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengenal pasti kata kerja yang lazim digunakan dan menganalisis hubungan leksikal yang wujud pada kata kerja yang lazim digunakan. Terdapat empat metod yang diaplikasi, iaitu kajian pustaka, syot layar, analisis frekuensi dan analisis teks.

Indirawati Zahid dan Jasminerah Abdul Jalil (2019) menjalankan kajian yang bertajuk 'Kata Kerja, Hubungan Leksikal Dan Komponen Makna Dalam Bahasa Iklan Kecantikan' mendapati bahawa analisis memperlihatkan penggunaan kata kerja yang lazim disebabkan oleh faktor ketepatan makna dan kolokasi. Terdapat 18 kata kerja yang lazim dan membentuk lima kelompok hubungan leksikal, sinonimi. Kelima-lima kelompok kata sinonim ini akhirnya membentuk tiga komponen makna bersama, iaitu [-mencukupi], [+ada] dan [-ada]. Komponen makna bersama ini telah menjadi asas pemilihan kata kerja dalam bahasa iklan. Dalam konteks iklan produk kecantikan wanita terdapat sejumlah kata kerja yang digunakan untuk mempengaruhi penggunanya. Bagi memperlihatkan fungsi ini, analisis frekuensi, hubungan leksikal dan komponen makna kata kerja dilakukan pada slogan dan keterangan produk kecantikan dua syarikat ternama di Malaysia. Produk kecantikan tubuh, iaitu kecantikan dalaman dan luaran dikumpulkan mulai bulan Julai sehingga September 2018. Jumlah keseluruhan kata kerja ialah 233 kata. Antara metod yang diaplikasi, ialah syot layar, analisis frekuensi dan analisis teks. Analisis ini mempunyai dua objektif, iaitu 1) mengenal pasti kata kerja yang lazim digunakan; dan 2) menganalisis hubungan leksikal dan komponen makna kata kerjanya. Pengenalpastian kata kerja yang lazim dalam iklan bertitik tolak daripada perbincangan Leech (1966) manakala komponen makna berasaskan Nida (1979).

Kajian yang bertajuk 'Analisis Gender Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Leksikal Dan Makna' oleh Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital dan Nor Suhaila Che Pa (2015) mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu mempunyai leksikal gender, iaitu perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan dan yang bersifat neutral, yakni yang tidak merujuk kepada lelaki atau perempuan. Hal ini dapat dikenal pasti dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna. Bahasa merupakan satu alat yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berhubung. Penggunaan bahasa dipengaruhi oleh pelbagai unsur sosial yang mewujudkan pelbagai variasi bahasa dalam sesebuah komuniti bahasa. Gender merupakan salah satu aspek sosial yang dimaksudkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan mengelaskan leksikal perempuan yang dikelompokkan dalam kategori kekeluargaan. Sebanyak 48 leksikal yang berdasarkan gender perempuan dalam kategori kekeluargaan telah diperoleh daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) sebagai sampel kajian. Sumber data bagi penggunaan leksikal perempuan diperoleh daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengaplikasian kajian menggunakan teori medan semantik telah dijalankan oleh T. Izutsu (1964) dalam kajiannya yang bertajuk *'God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung'*. Dalam kajian tersebut, beliau telah mengkaji secara mendalam pemaknaan yang ada dalam teks al-Quran yang berkaitan dengan weltanschauung pandangan alam semesta. Bagi setiap satu medan makna yang dianalisis telah ditentukan satu kata fokus yang menjadi inti utama penghuraian makna. Berdasarkan penelitian terhadap teks al-Quran, beliau telah menubuhkan beberapa medan semantik tentang weltanschauung atau pandangan alam semesta. Contohnya, medan semantik yang menjelaskan konsep pemaknaan perkataan 'iman' dan 'kufur'. Kata fokus 'iman' dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang mempunyai jalinan perkaitan maknanya. Kata kunci tersebut ialah 'Allah', 'takhdib', 'tasdiq', 'isyan', 'islam', 'kufur' dan 'shukur'. Menurut T. Izutsu (1964) jalinanan perkaitan makna antara kata kunci itu telah membentuk satu lingkungan konsepsi yang menjelaskan konsep pegangan dan kepercayaan, iaitu merujuk kepada makna yang ada dalam teks al-Quran yang berkaitan dengan weltanschauung atau pandangan alam semesta. Kata fokus 'kufur' dikelilingi sejumlah kata kunci yang mempunyai jalinan perkaitan maknanya. Kata kunci bagi kata fokus ini ialah 'Allah', 'shirk', 'isyan', 'istikbar', 'zulm', 'dalal', dan fisq'. Makna bagi kata fokus 'kufur' berlawanan dengan makna bagi 'iman'. Berdasarkan teks al-Quran yang dikaji daripada sudut weltanschauung, T. Izutsu (1964) menjelaskan perkataan 'kufur' sebagai tidak mempercayai atau mengingkari perintah Tuhan.

Kajian yang bertajuk *'The Mysticism of Hamzah Fansuri'* oleh Syed M. Naquib Al-Attas (1970) telah menghuraikan secara mendalam berkaitan konsep kata fokus dan kata kunci dalam tiga karya utama Hamzah Fansuri, iaitu 'Asraru'l Arifin', 'Sharabul Asyiqin' dan 'al-Muntahi'. Berdasarkan kajian tersebut, beliau telah menubuhkan tiga medan semantik yang berpusatkan tiga kata fokus, iaitu 'wujud', 'ada' dan 'diri' bagi keseluruhan teks karya Hamzah Fansuri. Kata fokus bagi 'wujud' merupakan pemusatan makna bagi kata kunci yang mengelilinginya, iaitu tentang konsep 'kewujudan' atau kosmologi. Terdapat 17 kata kunci yang mengelilingi kata fokus 'wujud' telah dikenal pasti, iaitu 'semata', 'keadaan', 'mengadakan', 'diadakan', 'ada', 'bekas', 'kelakuan', 'sendiri', 'diri', 'dijadikan', 'menjadikan', 'menjadi', jadi', 'nyata', 'kenyataan', 'kelengkapan' dan 'lengkap'. Kata fokus 'ada' pula merupakan pemusatan makna bagi kata-kata kunci yang mengelilinginya, iaitu tentang konsep 'wujud' atau ontologi. Menurut Syed M. Naquib Al-Attas (1970), beliau telah mengenal pasti sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus 'ada' berdasarkan ketiga-tiga teks karya Hamzah Fansuri yang dikaji. Kata kunci tersebut ialah 'Dhat', 'Huwiyyah', 'Sirr', 'Nafs', 'Shu'un', 'Ayn', 'Tajalliyat', 'Ta'ayyunat', 'Batin', 'Fana', Mutlaq', 'Mawjud', 'Zahir', 'Adam', 'Athar', 'Wujud', 'Mahiyah', 'Khalaqa', 'Ijad' dan 'Abraza'. Syed M. Naquib Al-Attas (1970) menghuraikan setiap kata kunci itu secara mendalam dan beliau menyimpulkan bahawa kata kunci mempunyai jalinan perkaitan makna yang berpusatkan kata fokus 'ada'.

Berdasarkan sorotan kajian yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa kajian-kajian yang berkaitan leksis gender hanya berkisar pada leksikal, makna dan komponen makna. Kajian yang mengarah atau memfokuskan pada leksis gender masih lagi kurang dijalankan. Begitu juga dengan kajian yang menggunakan medan semantik sebagai pendekatan utama. Oleh itu, kajian ini penting bagi mempertingkatkan pemahaman, pengetahuan mengenai leksis gender, kata kunci, kata fokus dan jalinan konsepsi.

METODOLOGI

Secara keseluruhannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini merangkumi kaedah kajian, kerangka teori, bahan kajian dan bentuk kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Data yang dikenal pasti akan dianalisis kandungannya menggunakan teori Medan Semantik. Data leksis gender diperoleh melalui novel terpilih A. Samad Said, iaitu Adik Datang (2012), Langit Petang (1980), Di Hadapan Pulau (2000) dan Sungai Mengalir Lesu (2005).

KERANGKA TEORI

Bagi memastikan kesemua objektif dicapai, pengkaji menjalankan kajian berdasarkan teori medan semantik. Analisis medan semantik kebiasaannya digunakan untuk menghubungkan item leksikal dalam sesuatu medan. Matlamatnya adalah untuk melihat persamaan atau perbezaan antara item leksikal berkenaan. Berbeza dengan fitur semantik, iaitu matlamatnya adalah untuk mendapatkan fitur pembeza atau distingtif yang dapat

menerangkan pelbagai makna sesuatu kata (Hatch & Brown, 1995). Dalam kajian ini, untuk penelitian serta penghuraian akan digunakan teori medan semantik sebagai konsep dasar. Parera (2004) mengatakan bahawa setiap kata dapat dikelompokkan sesuai dengan medan semantiknya. Dalam medan itu, setiap unsur yang berbeza didefinisikan dan diberi batas yang jelas sehingga tidak berlakunya pertindihan antara sesama makna. Medan semantik merupakan satu jaringan asosiasi yang rumit berdasarkan persamaan, kontak/hubungan atau hubungan asosiasi (Rozita Che Rodi, 2013). Setiap medan semantik akan selalu bersepadanan antara sesama medan sehingga membentuk keutuhan bahasa yang tidak bertindihan.

Teori medan semantik juga merupakan satu pendekatan kajian yang dilakukan untuk melihat hubungan paradigmatik antara beberapa perkataan yang mempunyai pertalian antara satu sama lain. Ianya terdiri dairpada sekumpulan butir leksikal yang maknanya saling berhubungan disebabkan kehadiran masing-masing dalam konteks yang serupa (Rozita Che Rodi, 2013). Pertalian ini wujud kerana perkataan itu berada dalam lingkungan konsepsi yang sama dan perkataan itu boleh digunakan untuk menjelaskan makna atau pengertian perkataan yang berhubungan. Melalui kajian medan semantik juga boleh dilakukan perbandingan antara bahasa yang berlainan untuk melihat bahasa-bahasa ini membahagikan sesuatu medan semantik tertentu. Syed M. Naquib al-Attas (1970) menegaskan bahawa dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa terdapat apa yang dinamakan sebagai medan semantik yang bertindihan antara satu sama lain. Jika medan semantik itu cukup besar, maka lapangan itu akan membentuk subperbendaharaan kata. Medan semantik mengandungi kata kunci yang mengelilingi satu kata kunci tertentu sebagai pusatnya, iaitu dinamakan kata fokus.

Kata kunci ialah sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu teks yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat atau teks tersebut tentang realiti, kewujudan, kehidupan dan tentang nilai. Kata kunci bertindak sebagai kata fokus apabila perkataan itu menampakkan lapangan semantik yang ketara dan penting yang sangat rapat hubungannya dengan makna pusat perbendaharaan kata bahasa itu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam objektif yang pertama ini, leksis gender yang diperoleh akan dikategorikan mengikut pengkategorian S. Nathesan (2008). Beliau telah mengelaskan leksis gender kepada tujuh kategori, iaitu kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, pekerjaan, kata sifat, kata ganti nama diri dan kata nama am. Kategori yang diberikan ini akan dijadikan sebagai kata fokus bagi kata kunci yang mengelilinginya. Pengkateogrian leksis gender yang dijadikan kata fokus ini adalah bertujuan untuk melihat leksis gender yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novelnya. Setiap leksis gender yang dijadikan sebagai kata fokus pula akan melihat kepada kata kunci yang dijadikan sebagai pertalian yang ada pada kata fokus dan kata kunci yang mengelilinginya. Kata fokus bagi setiap pengkategorian hanyalah melihat kepada leksis gender.

KATA FOKUS 'KEKELUARGAAN'

Pengenalpastian kata fokus ditentukan berdasarkan kehadirannya yang paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi sesebuah teks tentang realiti, dan tentang kajian dan kewujudan diri manusia (Hashim Musa, 1995). Sehubungan itu, kata fokus yang telah dikenal pasti adalah berdasarkan pengkategorian S. Nathesan (2008) mengenai leksis gender. Hasil dapatan yang diperoleh daripada keempat-empat novel ASS mendapati bahawa leksis gender yang digunakan merangkumi kata fokus kekeluargaan. Kata kunci yang terlibat dalam leksis gender kekeluargaan adalah seperti bapa, bapak, ayah dan sebagainya. Kata fokus kekeluargaan juga dapat dibahagikan kepada kekeluargaan asas dan kembangan. Setiap kata fokus ini juga dapat dibahagikan mengikut gender, iaitu lelaki, perempuan dan neuter.

1. Kekeluargaan asas

Asmah Haji Omar (2009) mengatakan bahawa keluarga asas terdiri daripada *pak, ayah, emak, abang, adik* dan *kakak.* Hal ini dapat dilihat pada data yang diperoleh seperti di bawah.

Data 1

"...Betul bapa kau pulang? Dia bertanya. "Betul?" Sakinah mengangguk-angguk.

(SML:155)

Data 2

...Ayahnya sendiri sudah pasti tidak akan kembali lagi – sudah bersemadi di tanah perkuburan di belakang surau...

(AD: 2)

Data 3

...Dia telah dimarahi oleh Tuminah, kakaknya supaya jangan ke sungai waktu hujan begini.

(SML:2)

Data 4

...Di manakah Jabbar – adik bongsu ayahnya...

LP: 94)

Daripada data yang diperoleh, penggunaan leksis gender yang merujuk kepada kekeluargaan asas mencatat jumlah yang besar. Hal ini demikian kerana penggunaan leksis gender yang diketengahkan oleh A. Samad Said adalah sangat baik bagi menunjukkan elemen kekeluargaan dalam novelnya.

JADUAL 1. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan asas lelaki

Novel/leksis	Bapa	Ayah	Bapak	Abang	Jumlah
AD	2	83	11	177	**273**
DHP	8	50	6	3	**67**
SML	12	12	1	26	**51**
LP	5	0	0	3	**8**
Jumlah	**27**	**145**	**18**	**209**	**399**

JADUAL 2. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan asas perempuan

Novel/leksis	Emak	Ibu	Kakak	Jumlah
AD	65	87	2	**154**
DHP	57	32	15	**104**
SML	118	15	10	**143**
LP	0	23	1	**24**
Jumlah	**240**	**157**	**28**	**425**

JADUAL 3. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan asas neuter

Novel/leksis	Adik
AD	45
DHP	17
SML	11
LP	8
Jumlah	**71**

2. Kekeluargaan kembangan

Dalam kekeluargaan kembangan, leksis gender yang digunakan dalam novel terpilih A. Samad Said antaranya adalah datuk, pak cik, mak cik, nenek, saudara, sepupu dan cucu. Sama juga halnya dengan kekeluargaan asas, kekeluargaan kembangan juga dipisahkan mengikut gender. Oleh yang demikian, kata fokus dan kata kunci yang terkandung akan lebih mudah dikenal pasti dan dianalisis. Perhatikan data di bawah yang mengandungi leksis gender kekeluargaan kembangan.

Data 5
...Tuk Marzuki, datuk Afidah pernah berjanji untuk membawanya ke pulau tersebut...
(DHP: 2)

Data 6
...jangan ikut tabiat pak ciknya, Budin sentiasa kurang ajar, sentiasa tidak bertimbang rasa, sentiasa tidak bertanggungjawab...
(HP: 19)

Data 7
"...Jangan selalu dengar kata Mak cik Fiah. Jangan...jangan dengar juga kata Raof, perahu hilang..."
(AD: 28)

Daripada jumlah yang diperoleh, leksis gender lelaki dilihat lebih banyak digunakan, iaitu leksis 'datuk' sebanyak 334 kekerapan, pakcik 100 kekerapan, mak cik 67, nenek 13. Gender neuter pula mencatat sebanyak 73, iaitu menerusi leksis gender cucu, saudara 11 kekerapan dan sepupu hanya satu, iaitu dalam novel DHP. Perhatikan jadual di bawah yang menunjukkan keseluruhan dapatan kekeluargaan kembangan.

JADUAL 4. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan kembangan lelaki

Novel/leksis	Datuk	Pak cik	Jumlah
LP	0	40	**40**
DHP	181	29	**210**
SML	0	2	**2**
AD	153	29	**182**
Jumlah	**334**	**100**	**434**

JADUAL 5. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan kembangan perempuan

Novel/leksis	Mak cik	Nenek	Jumlah
LP	16	0	**16**
DHP	33	1	**34**
SML	2	5	**7**
AD	16	7	**23**
Jumlah	**67**	**13**	**80**

JADUAL 6. Kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan kembangan neuter

Novel/leksis	Cucu	Saudara	Sepupu	Jumlah
LP	20	3	0	**23**
DHP	25	4	1	**30**
SML	17	2	0	**19**
AD	11	2	0	**13**
Jumlah	**73**	**11**	**1**	**85**

Kata Fokus 'Panggilan'

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada novel A. Samad Said, leksis gender bentuk panggilan terbahagi kepada dua, iaitu bentuk panggilan formal dan tidak formal. Awang Sariyan (2007) mengatakan bahawa bentuk panggilan formal merujuk kepada situasi atau konteks sesuatu majlis atau urusan yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa dan institusi swasta dna pertubuhan. Beliau menambah suasana dan urusan tidak rasmi berkaitan dengan sesuatu yang lebih bersifat persendirian, peribadi dan tidak berkaitan kepentingan kerajaan dan institusi lain.

Panggilan Gender Lelaki

Dalam novel terpilih A. Samad Said menunjukkan bahawa penggunaan leksis 'tuan' digunakan secara kerap dan berulang-ulang, terutamanya untuk merujuk kepada mereka yang bergelaran 'Syed'. Asmah Haji Omar (2009) mengatakan leksis 'Tuan' ditujukan kepada orang laki-laki yang bergelar 'Syed'. Mokhtar Haji Mohd. Tohar dan Ahmad Fawzi M. Basri (2003) mengatakan bahawa panggilan hormat 'Tuan' digunakan untuk merujuk kepada mereka yang berjawatan/bergelar Syed. Data yang diberikan di bawah menjelaskan mengenai kata fokus panggilan sama ada bersifat formal atau tidak formal yang diperoleh daripada novel A. Samad Said.

Data 8

"...Ana mewakili <u>Tuan</u> Syed Agil. Seperti Tuan Syed Agil juga, ana tiak rela siapa tu? Siapa tu?..."

(AD: 349)

Data 9

"...Jangan fikir begitu. <u>Pak cik</u> percaya dia sudah pun memaafkan engkau" kata Ariff, menepuk-nepuk perlahan bahu Zawiyah...

(LP: 140)

Data 10

"...Dah <u>abang</u> kata jangan dirisaukan hal itu. Biar <u>abang</u> uruskan. Dia memang perasa budaknya. Dia tak sangka ayahnya akan hilang..."

(AD: 4)

Data 11

...Raihan berkata, "Betul juga kata <u>Tuk</u> Marzuki. Mustahillah tidak ada pekerjaan di kem tersebut..."

(DHP: 34)

Panggilan Gender Perempuan

Berdasarkan dapatan, leksis gender kakak, mak dan mak cik merupakan bentuk panggilan yang paling menonjol dan paling banyak digunakan berbanding dengan leksis mek. Perhatikan data di bawah yang menggunakan leksis gender panggilan perempuan.

Data 12

"...Kan kakak dah kata, jangan ke sungai masa hujan. Berapa kali kakak dah kata. Tahu tak sungai tu selalu makan orang?" (SML: 7)

Data 13

"...Mak jangan nangis, mak..." kata Zalifah, menangis. (AD: 335)

Panggilan Gender Neuter

Leksis gender neuter bentuk panggilan yang dikenal pasti daripada novel A. Samad Said ialah leksis wak seperti yang terdapat pada data di bawah.

Data 14

"...Aizam menangis bila **Wak** Keroyok mati..." (AD: 341)

Kata Fokus 'Gelaran'

Daripada dapatan yang diperoleh, leksis gender gelaran terbahagi kepada dua, iaitu;

i. gelaran yang diwarisi
ii. gelaran pencapaian.

Gelaran yang diwarisi pula terbahagi kepada tiga, iaitu;

i. gelaran daripada keturunan pemerintah,
ii. keturunan orang besar dan
iii. keturunan Nabi Muhammad SAW.

Gelaran berdasarkan pencapaian pula terbahagi kepada empat, iaitu;

i. gelaran yang diberi oleh kerajaan,
ii. pencapaian akademik,
iii. pertubuhan profesional dan
iv. keagamaan.

Kebanyakan gelaran diwarisi dan pencapaian lebih bersifat neutral. Hanya gelaran 'Dayang', 'Puteri', 'Syed', 'Syarifah', 'Lebai', 'Haji', 'Hajah', 'Ustaz' dan 'Ustazah' yang khusus merujuk kepada gender lelaki dan perempuan. Akan tetapi, gender neuter yang lainnya akan berubah menjadi gender lelaki atau perempuan jika penambah jantina disertakan pada nama (S. Nathesan, 2008).

Kata Fokus 'Jawatan/Pekerjaan'

Leksis gender yang terkandung dalam kategori jawatan/pekerjaan kebanyakannya merujuk kepada leksis neuter. Sama juga halnya seperti kata fokus gelaran, gender neuter akan berubah menjadi gender lelaki atau perempuan jika penambah jantina disertakan dalam nama (S. Nathesan, 2008). Daripada dapatan yang diperoleh, kata fokus jawatan/pekerjaan dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu;

i. Unit beruniform
ii. Golongan profesional
iii. Pekerjaan lain.

Kata Fokus 'Kata Ganti Nama Diri'

Terdapat tiga bentuk kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu, iaitu;

i. Kata ganti nama diri pertama
ii. Kata ganti nama diri kedua
iii. Kata ganti nama diri ketiga

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, penyelidik mendapati bahawa kata ganti nama diri ini tidak memfokuskan atau merujuk kepada sesuatu gender. Kesemua kata ganti nama diri merujuk kepada gender neuter, tetapi dibezakan mengikut kategori masing-masing.

Kata Fokus 'Kata Nama'

Leksis yang berada dalam kategori ini merupakan leksis gender yang tidak tergolong dalam kategori yang lain seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Hasil penyelidikan mendapati bahawa leksis gender kata nama digunakan dalam novel A. Samad Said yang mendukung pemaknaan dan berfungsi dalam ayat. Sehubungan itu, kata nama ini mengandungi kepelbagaian kata kunci yang akan mengelilingi kata nama ini.

Kata Kunci yang Mengelilingi Setiap Kata Fokus

Kata kunci ialah sejumlah perkataan atau ungkapan yang terpenting dalam sesuatu perbendaharaan kata atau sesuatu bahasa atau dalam teks ataupun satu wacana yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat itu ataupun teks itu tentang realiti, iaitu tentang kewujudan alam, kehidupan dan nilai (Rozita Che Rodi, 2013). Dalam konteks kajian ini, kata kunci yang dikenal pasti adalah melalui novel terpilih A. Samad Said dan kata kunci yang menjadi fokus kajian ialah berkaitan leksis gender.

Kata kunci biasanya muncul lebih kerap berbanding perkataan lain. Dalam sesetengah keadaan, kata kunci yang mengelilingi satu kata fokus boleh hadir sebagai kata fokus pula dalam sesuatu medan semantik yang lain, jika kata kunci itu menjadi fokus penumpuan maknanya. Begitu juga halnya dengan kata kunci juga boleh menjadi kata kunci yang lain bagi kata fokus yang berbeza. Sebagai contoh, leksis gender 'abang' menjadi kata kunci bagi kata fokus kekeluargaan dan panggilan.

Kata Kunci 'Kekeluargaan'

Dalam menganalisis kata kunci bagi kata fokus kekeluargaan, pengkaji menyelidik dan memahami perkataan yang merujuk kepada kekeluargaan. Dalam konteks kajian ini, yang menjadi keutamaan hanyalah leksis gender yang merujuk kepada istilah kekeluargaan. Oleh yang demikian, perhatikan rajah 1 untuk memahami kata fokus dan kata kunci bagi kekeluargaan.



Rajah 1. Kata kunci yang terkandung dalam kata fokus kekeluargaan

Dalam kata fokus 'kekeluargaan', pengkaji telah mengenal pasti dua komponen yang penting dalam kekeluargaan, iaitu kekeluargaan asas dan kembangan. Seterusnya, melalui padanan kata fokus 'kekeluargaan' dengan dua komponen, iaitu kekeluargaan asas dan kembangan, pengkaji mengenal pasti kata kunci yang terkandung dalam elemen atau kata fokus 'kekeluargaan'. Berdasarkan kata fokus dan komponen yang dikenal pasti, pengkaji mendapati sebanyak 15 kata kunci yang terkandung dalam kata fokus. Kata kunci yang dikenal pasti ini merangkumi leksis gender lelaki, perempuan dan neuter. Kata kunci yang diperoleh ini adalah berdasarkan novel terpilih A. Samad Said yang dijadikan sebagai bahan kajian utama dalam penyelidikan ini.

Rasional pemilihannya adalah kerana kata kunci yang dikenal pasti berkait rapat dengan kata fokus kekeluargaan. Pemilihan kata kunci ini adalah berdasarkan penggunaan leksis gender yang terdapat dalam novel A. Samad Said. Kata kunci yang dinyatakan adalah kata kunci yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel terpilih. Jika dilihat kepada aspek kekeluargaan dalam masyarakat Melayu, pastinyanya kata kunci lebih meluas dan banyak. T. Izutsu (1964) mengatakan bahawa penentuan setiap kata kunci yang jelas dari segi keutamaan dan kepentinagannya dalam lingkungan konsepsi yang menerangkan kata fokus bagi leksis gender. Pemerhatian terhadap kata kunci bagi kekeluargaan adalah berdasarkan leksis gender lelaki, perempuan dan neuter. Bagi kata fokus kekeluargaan, kata kunci yang dikenal pasti hanyalah kata kunci yang merujuk kepada kekeluargaan dan menyentuh kepada leksis gender lelaki, perempuan dan neuter.

Kata Kunci 'Panggilan'

Dalam kata fokus 'panggilan', pengkaji telah mengenal pasti dua bentuk panggilan, iaitu bentuk panggilan formal dan tidak formal. Awang Sariyan (2007) mengatakan bentuk panggilan formal merujuk kepada situasi atau konteks sesuatu majlis atau urusan yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa dan institusi swasta dan pertubuhan. Bentuk panggilan tidak formal pula suasana dan urusan tidak rasmi berkaitan sesuatu yang bersifat persendirian. Berdasarkan pecahan ini, bentuk panggilan tersebut dibahagikan pula kepada gender. Melalui padanan kata fokus 'panggilan' dengan dua jenis bentuk panggilan, maka pengkaji telah mengenal pasti terdapat 11 kata kunci, iaitu tuan, cik, pak cik, abang, tuk, pak, kakak, mak, mak cik, mek dan wak. Penjelasan mengenai kata kunci bagi kata fokus 'panggilan' adalah seperti pada rajah 2.



Rajah 2. Kata kunci yang terkandung dalam kata fokus 'Panggilan'.

Seterusnya, pada rajah 2 ialah padanan kata fokus 'panggilan' dengan dua komponen penting, iaitu formal dan tidak formal. Daripada komponen ini dapat dikelaskan kepada gender, iaitu lelaki, perempuan dan neuter. Daripada gender inilah kata kunci bagi kata fokus 'panggilan' dapat dikenal pasti. Berdasarkan konteks kajian ini, kata kunci yang terkandung pada kata fokus adalah sebanyak 11 kata kunci yang merangkumi dua komponen dan leksis gender. Faktor komponen dan leksis gender inilah yang memainkan peranan penting dalam penentuan kata kunci. Hal ini demikian kerana kedua-dua elemen tersebut dijadikan asas untuk pemilihan kata kunci yang mengelilingi kata fokus.

Kewajaran pemilihan kesemua kata kunci tersebut sebagai yang utama bagi mendasari kata fokus 'panggilan' adalah kerana kesemua kata kunci tersebut merupakan bentuk panggilan masyarakat Melayu yang dipaparkan oleh A. Samad Said dalam novel terpilih. Bentuk panggilan yang dinyatakan ini merupakan bentuk panggilan yang digunakan dalam novel. Jika diperhatikan, bentuk panggilan ini juga ada kaitan dengan kata fokus 'kekeluargaan' seperti kata kunci abang, pak cik, kakak, mak, dan mak cik. Menurut Hashim Musa (2001) kata kunci yang mengelilingi satu-satu kata fokus tidak terhad penggunaannya. Boleh jadi kata kunci yang terkandung dalam satu kata fokus, terkandung juga pada kata fokus yang lain. Begitu juga halnya, satu-

satu kata kunci boleh menjadi kata fokus. Oleh yang demikian, kata kunci yang terkandung dalam kata fokus 'panggilan' ini diperoleh berdasarkan konteks ayat yang digunakan, begitu juga halnya dengan kata fokus 'kekeluargaan'. Jadinya, kata kunci bagi kata fokus 'panggilan' merupakan kata kunci yang bertindan dengan kata fokus 'kekeluargaan'. Kesemua kata kunci yang dipaparkan ini menunjukkan dan mencerminkan sifat kebudayaan masyarakat Melayu yang wujud dalam kepelbagaian bentuk panggilan. Hal ini kerana setiap satunya menjelaskan bahawa pembentukannya adalah berkaitan dengan nilai kesantunan yang tinggi semasa berkomunikasi dengan orang yang lebih tua dan menyapa seseorang dengan panggilan yang baik dan santun.

Melalui proses penyenaraian dan pengenalpastian pada rajah 2, dapatlah disimpulkan bahawa penentuan kata kunci tersebut dilakukan melalui proses menelusuri kesemua komponen dan leksis gender yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel terpilihnya. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengenal pasti 11 kata kunci yang telah dinyatakan pada rajah 2 sebagai asas atau dasar yang membentuk kata fokus leksis gender 'panggilan'. Kata kunci tersebut termasuklah kata kunci yang terdapat pada kata fokus 'kekeluargaan'.

Kata kunci 'Gelaran'

Daripada dapatan yang diperoleh, leksis gender gelaran terbahagi kepada dua, iaitu gelaran diwarisi dan gelaran pencapaian. Gelaran yang diwarisi terbahagi kepada tiga, iaitu gelaran keturunan pemerintah, keturunan orang besar dan keturunan Nabi Muhammad SAW, manakala gelaran berdasarkan pencapaian terbahagi kepada empat. Yang pertama ialah gelaran daripada kerajaan negeri atau persekutuan, pencapaian akademik, pertubuhan profesional dan keagamaan (Asmah Haji Omar, 2008).

Kebanyakan gelaran pemerintahan lebih bersifat neutral. Hanya gelaran 'Dayang' dan 'Puteri' yang khusus merujuk kepada gender perempuan. Namun, gender neuter akan berubah menjadi gender lelaki atau perempuan jika penambah jantina disertakan pada nama (S. Nathesan, 2008). Daripada penjelasan dan komponen yang dinyatakan, jelaslah diketahui bahawa kata fokus 'gelaran' ini mempunyai banyak pecahan dan mengandungi kata kunci yang lebih besar dan khusus. Gelaran yang digunakan oleh A. Samad Said menunjukkan bahawa dalam budaya Melayu memaparkan kepelbagaian lapisan masyarakat sama ada golongan bangsawan, cendekiawan, pemerintah atau golongan rakyat biasa. Dengan adanya gelaran ini, hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan keturunan. Perhatikan rajah 3 yang menunjukkan kata fokus, komponen, leksis gender dan kata kunci bagi kata fokus 'gelaran'.



Rajah 3. Kata kunci bagi kata fokus 'Gelaran'

Rajah 3 menunjukkan komponen yang terdapat pada kata fokus dan kata kunci yang terjelma melalui pengkategorian dan pengenalpastian daripada novel terpilih A. Samad Said. Pemilihan kata kunci bagi kata fokus 'gelaran' adalah berdasarkan leksis gender yang menjadi asas kepada pemilihan tersebut. Pengkaji

mengenal pasti komponen bagi kata fokus 'gelaran', iaitu gelaran yang diwarisi dan gelaran pencapaian. Kedua-dua komponen tersebut kemudiannya dibahagikan kepada tiga dan empat bahagian. Berdasarkan komponen inilah pengenalpastian kata kunci menjadi mudah. Hal ini demikian kerana pemilihan atau pengklasifikasian komponen akan membolehkan pengkaji memahami dan mengenal pasti kata kunci yang wujud pada kata fokus 'gelaran'.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, pengkaji mengenal pasti sebanyak 21 kata kunci yang terkandung dalam kata fokus 'gelaran'. Hal ini menunjukkan jumlah yang tinggi berbanding kata kunci yang terdapat dalam kata fokus 'kekeluargaan' dan 'panggilan'. Jika diamati, novel yang dihasilkan oleh A. Samad Said, novel tersebut berkisarkan peperangan, namun yang mengejutkan ialah kata kunci yang terdapat pada kata fokus 'gelaran' melebihi kata kunci yang terdapat dalam kata fokus 'kekeluargaan' dan 'panggilan'. Hal ini menunjukkan bahawa A. Samad Said memaparkan kepelbagaian keturunan yang terdapat dalam masyarakat Melayu (Norazit Selat, 2007).

Melalui padanan kata fokus 'gelaran' dengan dua komponen asas, pengkaji mengenal pasti 21 kata kunci seperti yang terdapat pada rajah 3. Pemilihan kesemua kata kunci adalah berdasarkan kewajaran bahawa melalui proses 'gelaran', maka akan wujudlah kesantunan dalam masyarakat yang dapat dipaparkan melalui penggilan hormat berdasarkan gelaran yang diperoleh. Dengan pemaparan kepelbagaian gelaran ini, secara tidak langsung akan mendidik masyarakat untuk bersantun dalam ujaran di samping dapat menyerlahkan keistimewaan budaya Melayu melalui gelaran.

Kata Fokus 'Jawatan/Pekerjaan'

Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa dalam penggunaan leksis gender terdapatnya leksis yang merujuk kepada jawatan/pekerjaan. Hasil penelitian, pengkaji mendapati kata kunci yang mengelilingi kata fokus 'jawatan/pekerjaan'. Setiap kata fokus dikelaskan mengikut komponennya tersendiri. Komponen yang dimaksudkan ialah jawatan/pekerjaan beruniform, profesional dan pekerjaan lain. Dalam kata fokus 'jawatan/pekerjaan', gender yang digunakan atau yang dirujuk hanyalah gender neuter. Hal ini berbeza dengan kata fokus yang lain yang melibatkan ketiga-tiga gender. Penggunaan gender yang hanya merujuk kepada gender neuter adalah disebabkan jawatan/pekerjaan yang dipaparkan tidak merujuk atau khusus pada satu gender sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa pekerjaan yang ada boleh diisi atau boleh dilakukan oleh gender lelaki dan perempuan. Perhatikan rajah 4 yang menjelaskan mengenai komponen dan kata kunci bagi kata fokus 'jawatan/pekerjaan'.



Rajah 4. Kata kunci yang terkandung dalam kata fokus 'jawatan/pekerjaan'

Dalam kata fokus 'jawatan/pekerjaan', pengkaji telah mengenal pasti tiga komponen penting dalam penentuan kata kunci. Melalui padanan kata fokus dengan komponen tersebut, pengkaji mengenal pasti gender yang digunakan bagi merujuk kepada komponen, kata fokus dan kata kunci. Berdasarkan pengenalpastian kata kunci, jelas menunjukkan bahawa A. Samad Said memaparkan kepelbagaian latar belakang masyarakat dalam

novelnya. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan kata kunci yang dikenal pasti bagi kata fokus 'jawatan/pekerjaan'.

Rasional pemilihan kata kunci ini adalah kerana kata kunci yang dikenal pasti berkait rapat dengan latar belakang masyarakat Melayu yang secara keseluruhannya diwarnai dengan pelbagai pekerjaan. Pengenalpastian kata kunci melalui padanan kata fokus 'pekerjaan/jawatan' dengan senarai tiga komponen telah diperturunkan pada rajah 4. Melalui rajah 4 tersebut, pengkaji telah mengenal pasti padanan kata fokus 'jawatan/pekerjaan' dengan tiga komponen penting, iaitu unit beruniform, profesional dan pekerjaan lain. Melalui padanan kata fokus 'jawatan/pekerjaan' dengan tiga komponen yang dikenal pasti, pengkaji akhirnya mengenal pasti 37 kata kunci berdasarkan gender neuter. Kata kunci yang terdapat pada kata fokus 'jawatan/pekerjaan' adalah seperti yang terdapat pada rajah 4. Pemilihan kata kunci tersebut adalah berdasarkan kewajaran bahawa jawatan/pekerjaan yang digunakan dalam novel, maka dengan ini akan menghasilkan kepelbagaian jawatan atau pekerjaan. Pemaparan kepelbagaian jawatan atau pekerjaan ini mengRajahkan bahawa A. Samad Said memaparkan realliti sebenar masyarakat pada zaman tersebut. Kewajaran realitisme A. Samad Said ini dapat menjelaskan kata fokus yang diketengahkan olehnya. T. Izutsu (1964) mengatakan bahawa kata fokus wujud apabila terdapatnya kumpulan atau lapangan leksikal yang saling berhubungan dan mempunyai pengertian yang sama berpusatkan kata fokus. Oleh itu, kata fokus dan kata kunci yang dinyatakan ini mempunyai hubungan yang saling berkait dan mempunyai pengertian yang sama dalam satu kata fokus.

Pembentukan kata kunci ini juga bertindan dengan kata kunci bagi 'panggilan'. Leksis seperti 'cikgu', 'kapten', 'jeneral', 'doktor', 'sarjan', 'mejar' bukan hanya berfungsi sebagai jawatan atau pekerjaan, namun leksis ini juga bertindak sebagai kata panggilan atau sapaan. Syed M. Naquib Al-Attas (1970) mengatakan bahawa kata kunci dalam satu-satu kata fokus tidak bersifat kekal. Adakalanya kata kunci bagi sesuatu leksikal berperanan sebagai kata fokus bagi kata kunci yang lain dan ada juga bertindak sebagai kata kunci bagi kata fokus yang lain. Kata kunci yang dimiliki oleh sesuatu leksikal kata fokus mempunyai peranan lain bagi kata fokus yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kata kunci akan berperanan yang berbeza terhadap kata fokus yang mempunyai perkaitan makna dengan kata kunci tersebut.

Kata Fokus 'Kata Ganti Nama Diri'

Terdapat tiga bentuk kata ganti nama diri (seterusnya KGND) dalam bahasa Melayu. KGND yang dikenal pasti ialah KGND pertama, kedua dan ketiga. Dalam aspek KGND ini, gender yang terlibat hanyalah gender neuter kerana KGND dalam bahasa Melayu tidak merujuk kepada gender lelaki mahupun perempuan secara khusus seperti bahasa Inggeris, iaitu *'she', 'he'*. Perhatikan rajah 5 yang menunjukkan KGND, komponen dan kata kunci yang diperoleh daripada bahan kajian.



Rajah 5. Kata Fokus 'KGND', Komponen dan Kata Kunci

Rajah 5 menunjukkan kata fokus, komponen dan kata kunci yang dikenal pasti dalam novel terpilih A. Samad Said. Padanan kata fokus dengan komponen memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti kata kunci yang terkandung dalam kata fokus. Senarai komponen tersebut ialah KGND pertama, kedua dan ketiga. Berdasarkan

padanan tersebut, kata kunci yang dikenal pasti adalah sebanyak 13 kata kunci seperti yang dipaparkan pada rajah 5.

Justifikasi pemilihan kata kunci adalah berdasarkan proses penggantian kata ganti nama bagi menggantikan nama seseorang. Dengan adanya penggunaan KGND ini, secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat yang santun semasa bertutur mahupun melalui penulisan. Keadaan ini akan membawa masyarakatnya dapat membezakan penggunaan KGND yang betul semasa berkomunikasi dengan seseorang sama ada yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi atau sebaliknya. Penggunaan KGND ini secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat yang santun dan dapat mencerminkan keperibadian seseorang. Kesemua ciri yang dinyatakan pada rajah 5 memperlihatkan bahawa penggunaan KGND yang terbentuk dalam masyarakat Melayu ialah hasil penerapan yang sempurna yang diterima oleh masyarakatnya (Rozita Che Rodi, 2013).

Kesemua kata kunci yang telah dihuraikan membuktikan bahawa sifat keperibadian masyarakat Melayu juga turut dikaitkan dengan pengisian ilmu dalam dirinya. Syed M. Naquib Al-Attas (1988) mengatakan bahawa penegasan, iaitu kefahaman tentang ilmu dan sumbernya yang pelbagai itu dijadikan sebahagian penting akidah bagi orang Islam. Dalam konteks kajian ini, ilmu yang dimaksudkan ialah sesuatu amalan yang berkaitan dengan pembentukan sifat peribadi melalui penggunaan kata yang santun terutamanya melalui KGND (Rozita Che Rodi, 2013). Penggunaan KGND yang betul dan tepat menurut situasi akan memudahkan dan mengharmonikan komunikasi. Pemahaman mengenai penggunaan KGND yang betul menurut situasi yang tepat juga menuntut penggunanya untuk berilmu. Sifat terpuji yang terpancar melalui ujaran bersantun mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu. Hashim Musa (2001) mengatakan bahawa keperibadian masyarakat Melayu ditandai oleh sesuatu proses menilai atau mengambil kira sesuatu standard atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan nilai *(worth)* sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkah laku, kejadian dan keadaan, sama ada baik, benar, patut dan indah. Oleh yang demikian, kesemua kata kunci yang dikenal pasti menunjukkan budaya dan keunikan masyarakat Melayu dalam mengekspresikan diri di samping memuliakan orang lain.

Kata Fokus 'Kata Sifat'

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa kata sifat atau adjektif banyak digunakan untuk menghuraikan perwatakan seseorang. Dalam konteks kajian ini, kata sifat yang dikenal pasti mewakili atau merujuk kepada gender lelaki, perempuan dan neuter, namun ada sedikit perbezaannya, iaitu leksis gender yang digunakan tidak hanya merujuk kepada gender, tetapi leksis yang digunakan juga merujuk kepada peringkat umur. Sebagai contoh, leksis 'cantik' digunakan bagi merujuk kepada perempuan dan wanita, tidak merujuk kepada bayi perempuan atau kanak-kanak. Leksis 'comel' merujuk kepada gender neuter, tetapi penggunaannya hanya merujuk kepada kanak-kanak atau budak. Leksis 'comel' tidak sesuai merujuk wanita dan perempuan remaja. Rajah 6 menunjukkan komponen dan kata kunci yang terdapat dalam kata fokus 'kata sifat'.



Rajah 6. Komponen, kata kunci dan gender yang terdapat dalam kata fokus 'kata sifat'

Berdasarkan rajah 6, dapat dijelaskan bahawa kata fokus dan komponen mempunyai padanan bagi memperoleh kata kunci. Padanan kata fokus dan dua komponen yang dikenal pasti, iaitu penampilan dan fizikal akan membantu pengkaji untuk menentukan kata kunci yang terdapat dalam leksis gender bagi kata fokus 'kata sifat'. Berdasarkan padanan tersebut, pengkaji memperoleh sebanyak 20 kata kunci bagi kata fokus 'kata sifat' seperti yang dijelaskan pada rajah 6.

Pemilihan 20 kata kunci tersebut adalah berdasarkan kata sifat yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel terpilihnya bagi mengRajahkan atau menghuraikan fizikal atau penampilan watak. Keadaan ini menjelaskan lagi penggunaan kata sifat yang merujuk kepada gender. Dengan adanya penggunaan kata sifat dalam menghuraikan fizikal atau penampilan watak, pembaca akan mudah dan terimaginasi oleh penggunaan kata sifat yang dinyatakan. Kesemua kata kunci yang dinyatakan membuktikan bahawa sifat keperibadian masyarakat Melayu turut dikaitkan dengan penampilan dan fizikal. Pembentukan sifat serta peranan anggota masyarakat melalui proses penyifatan tersebut, maka ini akan melahirkan pola pelakuan secara berterusan yang membuahkannya dalam bentuk 'adat' (Rozita Che Rodi, 2013). Peranan 'adat' dalam kehidupan masyarakat Melayu itu akhirnya dapat menjaga keharmonian dan 'kebajikan' dalam seluruh kehidupan individu dan bermasyarakat. Hal ini dapat dilihat bahawa peranan 'adat' yang ditonjolkan dalam kata kunci ini dapat mendidik masyarakat agar bersantun dalam komunikasi semasa menghuraikan atau penyifatkan penampilan atau fizikal seseorang. 'kebajikan' yang ditonjolkan dalam penghuraian kata sifat ini pula mencerminkan kesantunan dapat memberikan input dan emosi yang harmoni dalam mengungkapkan dan menghuraikan sifat seseorang.

KESIMPULAN

Dengan adanya kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, diharapkan bidang pengkajian makna, khususnya yang membicarakan tentang leksis gender dan komponen terasnya akan menjadi tumpuan pembaca dan perhatian penyelidik seterusnya. Berdasarkan penilaian hasil analisis, kajian yang diperoleh menolak andaian bahawa pendekatan bidang medan semantik, khususnya kepada konsep kata fokus dan kata kunci hanya dilihat semata-mata kajian berkaitan makna asasinya sahaja. Tumpuan analisisnya mencakupi penghuraian jalinan perkaitan makna setiap kata kunci dan kata fokus itu yang membawa kepada pembentukan lingkungan konsepsi dan sehingga kepada penubuhan medan semantik bagi sesuatu teks atau sesuatu wacana. Konsep kata kunci sebagai jumlah perkataan yang penting dalam sesuatu bahasa yang sangat kuat dalam menentukan pembentukan struktur pengkonsepian bagi sesebuah masyarakat tentang realitinya, iaitu tentang alam semestanya dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia termasuk juga hakikat wujud itu sendiri dan tentang nilai yang diketengahkan demi pemahaman yang mendalam tentang hakikat semantik perkataan dan ungkapan dalam sesuatu bahasa. Pembentukan konsep kata kunci dan medan semantik sesuatu masyarakat bahasa berkait rapat dengan pembentukan pandangan alam atau *'worldview'* masyarakat.

Penginterpretasian dan penjelasan berhubung makna setiap istilah atau disebut kata kunci yang menunjangi komponen itu, sedikit sebanyak membantu masyarakat mengetahui bahawa fungsi sesuatu istilah sebagai cerminan hati budi masyarakat Melayu mencakupi segala aspek terutamanya kesantunan berbahasa. Setiap kata kunci yang dikenal pasti mendasari leksis gender diinterpretasi dan dirungkai maknanya berdasarkan makna asasinya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti 117 kata kunci berdasarkan enam kata fokus yang telah dinyatakan. Jumlah tertinggi adalah pada kata fokus 'jawatan/pekerjaan' dan yang paling rendah adalah pada kata fokus 'panggilan'.

RUJUKAN

A.Samad Said. (2012). *Adik Datang*. PTS Pop Sdn. Bhd.

A.Samad Said. (2005). *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A.Samad Said. (2000). *Di Hadapan Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A.Samad Said. (1980). *Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aminnudin Saimon. (2015). *Leksis Gender dalam Novel Terpilih A. Samad Said*. Tesis Master. Serdang: UPM.

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu dan Pusat Dialog Peradaban.

Hashim Musa. (1995). Mencari Ilmu Yang Benar: Pendekatan Kajian Berdasarkan Kata-Kata Kunci Utama. *Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) – Kesturi*, Jilid 5 (2), Disember: 26-69.

Hatch, E. M. & Brown, C. (1995). *Vocabulary, Semantics and Language Education*. Cambridge University Press.

Indirawati Zahid. (2019). *Kata Kerja Dan Hubungan Leksikal Dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita*. Issues in Language Studies, 8 (1),

Indirawati Zahid & Jasminerah Abdul Jalil. (2019). *Kata Kerja, Hubungan Leksikal DanKomponen Makna Dalam Bahasa Iklan Kecantikan*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). Penerbit Universiti Malaysia Pahang. 9 (2), 27-42.

Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.

Izutsu, T. (1959). *The Structure of the Ethical Terms in the Koran: A Study in Semantics*. Tokyo: Keio Institute of Philological Studies, Keio University.

Jos Daniel Parera. (1995). *Leksikon Istilah Pembelajaran Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum

Lyons, J. (1968). *Introductions to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Lyons, J. (1981). *Language, Meaning and Context*. London: Fontana Paperback.

Mokhtar Haji Mohd. Tohar & Ahmad Fawzi M. Basri. (2003). *Protokol di Malaysia: Tradisi dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad et, al. (2017). Leksikal Sinonim dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi Dan Kesan Semantik. *Jurnal Linguistik*, 21(1), 36-054.

Nathesan, S. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (2012). Kesantunan Berbahasa dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti Nama. Dalam *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazit Selat. (2007). Masyarakat dalam Langit Petang. Dalam Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa Sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari Sudut Medan Semantik*. Tesis PhD. Serdang: UPM.

Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal, 3*(1), 45-63.

Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital & Nor Suhaila Che Pa. (2015). *Analisis Gender Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Leksikal Dan Makna*. Seminar Linguistik Kebangsaan 2014.

Syed M. Naquib Al-Attas. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syed M. Naquib Al-Attas. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syed M. Naquib Al-Attas. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Ullmann, S. (1963). The Principles of Semantics. Oxford: Blackwell Paperback.

A SATIRICAL READING OF SHIH-LI KOW'S *THE SUM OF OUR FOLLIES*

Awatif Abdul Rahman
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)
awatif@kpbkl.edu.my

Nur Izzati Mohd Sapperi
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)
nurizzati@kpbkl.edu.my

ABSTRACT

Satire has become a highly prominent creative device employed in literature for many decades. It has also been an exalted approach to expose and criticize the inanity and corruption of individuals and society. In Malaysian context, satire has been used on various topics such as politics, sexuality, and social misconduct. This paper examines the use of satire in Shih-Li Kow's *The Sum of Our Follies.* While it could be hurled as denunciation against adversaries or used ideally to make people laugh, Kow uses satire to mock Malaysian politicians, government inefficiencies, and other social delinquencies by the community in her novel. The use of humor, exaggeration, and sarcasm has contributed to the efficacy of the satirical reading of the text since they have vividly evoked issues and scandals in contemporary Malaysia and this has called for some thinking, self-reflection and reassessment to be done. The discussion concludes on the cerebration of the possibility of satire to reach all levels of society in order for it to be a constructive behavioral tool for every Malaysian.

Keywords: *Satire, Humor, Exaggeration, Sarcasm*

INTRODUCTION

In the literary realm, satirical writing has been an exalted approach to expose and criticize the foolishness and corruption of an individual and society. Applied widely to many forms of art, satire has the potential "to point out deficiencies in certain human behaviors and the social issues which result from them in such a way that they become absurd, even hilarious, which is therefore entertaining and reaches a wide audience" (LeBoeuf, 2007, p. 1). In the modern world today, satirical messages do not only appear in literary pieces but it has also emerged in other forms of arts such as in paintings, songs, comics, films, and animation movies. In the history of English literature, Jonathan Swift was known to be the 'Master of Satire and Irreverence' when he wrote and published the extensively known *Gulliver's Travel* in 1726. This essay argues that Shih-Li Kow uses satire to mock and criticize the follies of the politicians and political-related figures, the government inefficiencies in Malaysia as well as the community through her novel *The Sum of Our Follies*.

The novel was published in 2014 and the story takes place in a fictional town in Perak and it is told from the perspectives of Auyong, a lychee canning factory manager and Mary Ann, a young orphan who has survived under tragic circumstances. Written in an episodic narrative, the story explores the ups and downs of life in a small town as experienced by its eccentric, multiracial cast of characters. The novel has won a top French literary award in 2018, the "Prix du Premier Roman étranger" and it has currently been translated into French and Italian.

Satirical reading of the text

According to Condren (2012), satire has its origin in Greek, Latin (satura), and in English, it was first known

as *satira*. He further defined satire as a technique famously employed by many of the authors to expose and criticize foolishness and corruption of an individual or a society by using many devices which include humor, irony, exaggeration, ridicule, sarcasm, and many other forms. Various other scholars defined 'satire' differently. For M.D. Fletcher who authored several books on satire, satire refers to "verbal aggression in which some aspects of historical reality are exposed and ridiculed" but LeBoeuf view this definition as simplistic and unsophisticated because it involves name-calling (LeBoeuf, 2007). Described as being "laced with liberal doses of humor" and "repleted with local references and issues which most Malaysian readers will immediately identify", Carol Leon (2019) however in her brief review of the novel did not intend to explicate in depth on the satirical aspect. Hence, this paper will attempt to examine the issues and people intended to be criticized by the author in grasping the attention and understanding of the public about what is happening or progressing in our country.

The first criticism that Kow made apparent in her novel is the criticism towards the individuals who are associated with corruption and money laundering during one of the former Malaysian Prime Ministers' time. In this regard, it is quite obscene that Kow employs humor in criticizing the former First Lady of her notorious reputation in extravagantly spending government money for her personal beauty expenses and exorbitant accessories. While the previous government was famous with many scandalous cases related to a few government-linked corporate companies and the RM2.6 billion political donation scandal, the former First Lady was reported by several local independent media namely The Straits Times, MalaysiaKini, and DailyExpress to have spent a lot of money, specifically believed to be RM1200 for her hairdo per session. Although it has never been reported officially on any major news channel on television, many independent bloggers and critiques have written about this and the transgression has become pervasive on the net especially on social media. Kow's commentary on the said issue is observed in the excerpt below:

> Her hair is so big, I don't think I'd miss. That cracked us up and we muffled our laughter like schoolboys. YB Datuk Seri Minister's coiffed hair, which rose from her forehead like black candy floss, had been the subject of much parody. Slippers throwing at politicians and judges, by criminals and fanatics alike, as a sign of protest, was also something that regularly made our national news (Kow, 2014, p. 222-223).

The remarks on the hair were made a few times in the novel to emphasize on how it was widely-known among Malaysians. Kow describes the First Lady's infamous hair style as "bouffant hair and fleshy folds of YB Datuk Seri Minister" (Kow, 2014, p. 223). Besides the opprobrium on the extravagant expenditure, through the use of the title 'Datuk Seri Minister', Kow has sarcastically commented on the role of the former First Lady who was believed to be the mastermind of her husband's rule as the Prime Minister, hinting an abuse of power in a country's administration. Although there is no legit evidence on this matter, it was famously discussed and claimed to be true by certain parties. For these purposes, Kow uses 'humor', one of the important elements in satire. David Lubar explained humor as having such capacity to bring pleasure, eases the pain, and makes the world a better place (Singh, 2012).

What makes the humor perceived as effectual here is the fact that these ill-famed crimes are widely spread and known in Malaysia especially among the netizens. Such huge scandal has become the knowledge of many people and it echoes with what Singh propounded in his discussion of humor that satire reckons with maturity and the state of being knowledgeable for the message to get across to its audience. He divided it into three levels: a universal humor which can be understood by everybody; humor that acts as a relief from repression or inhibition such as the sexual and political humor; and humor which requires a high command of language and stylistic device like those performed by the stand-up comedians (Singh, 2012).

In addition, having been the most scandalous First Lady in Malaysia, the aforementioned was also linked with another impropriety where she is said to have bought a pink color diamond with exorbitant price using the fund from the one of the strategic development companies wholly owned by the Ministry of Finance

under the authority of the Prime Minister at that time. Kow also highlights this particular indiscretion in her novel by using humor as can be observed below:

> On the day of YB Datuk Seri Minister's visit, insects infested Lubok Sayong. A particular diamond-shaped green bug descended on the town and carpeted every flat surface, an inch thick (Kow, 2014, p.221).

When emphasizing on the diamond-shaped green bugs, Kow actually uses exaggeration to bring the case forward. Exaggeration as one of the aspects in satire means the action of enlarging, increasing, or representing something beyond normal bounds so that it becomes ridiculous that its fault can be seen. Similarly, Aristotle defined it as to make something more noticeable that it is better, larger or worse than it really is (Al-Tufaili & Al-Jobori, 2016). Through the excerpt above, Kow condemns the former First Lady's obsession with jewelry and other riches. This particular comment could entertain and be discerned by almost every audience in Malaysia who are well informed on such news. Widely debated and discussed by the netizens on the internet, the diamond scandal is as ill-famed as the expensive hair treatment and the luxury handbags controversies. Al-Tufaili and Al-Jobori also summarized there are several effective exaggeration devices in literature including hyperbole, irony, simile, metaphor and rhetorical questions. "The diamond-shaped bugs that covered the surface in an inch thick" is a form of bold exaggeration called hyperbole which is often used not only to praise but also to complain, attack, and criticize someone or something (Al-Tufaili & Al-Jobori, 2016). In the excerpt, Kow is seen using two layers of hyperbole; the diamond-shaped bug could be directly translated into the controversy surrounding the RM 24 million diamond ring purchased by the Former First Lady, while portrayal of the bugs covering every flat surface in an inch thick most probably refers to the magnitude of her other lavish spending. Through criticism toward the former First Lady, Kow's words also serve as a forewarning to other political-related figures and politicians who hold a very prominent position in the country or even to the other future leaders of Malaysia so they do not get involved in the manipulation of power and money. Unfortunately, these comments can only reach a certain group of readers since MLIE (Malaysian Literature in English) is not widely read by everyone in Malaysia.

In addition, the author also satirizes the incompetence and inefficiency of the government service as well as government servants in her book. In the chapter "Prodigal Daughters", the author has shared her concern over this matter by laying out the terrible and unprofessional treatment received by Dr. Natura while dealing with the government offices:

> Dr. Natura blamed the system. The state wildlife department sent the photographs to the state fisheries department who then sent them back to the national wildlife department who then sent them around the universities. By the time universities passed them on to their researches, the photographs had spent several years in the postal service, mailboxes, and in-trays (Kow, 2014, p. 225).

From the excerpt, government offices and officers are bashed for being incompetent when they are seen as always delaying and complicate requests and processes. This phenomenon is something that is relatable to almost every Malaysian and with the trend of changing of governments over the last four years, there is still hope that the rectification and reformation agenda will take place in every aspect of administration and ruling. Besides the government civil servants, Kow also reserves her comments to one of the uniformed local authorities in Malaysia. This force is somehow portrayed as often being dishonest and manipulative in carrying out their task:

> I said, "Beevi, do you know that you can never look at fish in both eyes?" She said, "So? Half of the Lubok Sayong's police force cannot look anyone straight in the eye, especially that good friend of yours. They are more crooked than any snake. Isn't that right, fish?" (Kow, 2014, p. 11).

Describing the force as being more crooked than the snake is another form of exaggeration employed to illustrate the unscrupulous conducts of the authorities. Being exaggerated in this manner, the readers would feel the sense of discomfiture as Malaysians for having authorities with diabolical reputation and hence, exaggeration could be appraised as an effective tool in this satirical text.

In addition, the novel is also dedicated for moral and social critiques for each Malaysian and the society as a group. The author discusses the LGBT issues which are being enthusiastically debated until today. On one hand, Kow uses sarcasm to address the anti-LGBT group in Malaysia by trying to emphasize that LGBT is a natural phenomenon where some people do have "souls of women imprisoned in the bodies of men" (Kow, 2014, p. 192). On the other hand, the readers can feel that Kow is purposely trying to tantalize or being derisive with those LGBT people who always try to justify their condition by claiming that it is a "physical illness" as being uttered by Miss Boon Sidek in the text. Both of these comments are visible in the excerpt below:

> We are not boys; we are sisters. We are women, we have the souls of women imprisoned in the bodies of men, and we can do something about that. It's a physical illness, not the mental one the way they tell you (Kow, 2014, p. 192).

Perceived as a more serious and unkind aspect of speech, Watson (2011) describes sarcasm as having intention to wound and to offer gratuitous insult although Pexman (2018) who studied the way children understand sarcasm views it as a tool which we often use to be funny while also criticizing. From her point of view, understanding sarcasm depends on advanced language skills and reasoning about other people's minds (Pexman, 2018, p. 1). In the case of Kow's *The Sum of Our Follies*, the use of sarcasm in the text shows both complexities of what Watson and Pexman explicate as it is funny and harsh simultaneously to educate the readers.

Moreover, the author also comments on the individual and society's integrity when she exerts another use of sarcasm to underscore the people's insincerity and irresponsible act of gossiping and spreading rumors which especially becomes rampant with the emergence of social media:

> Power came with knowledge or dishing out goss to people you labelled as friends. In Lubok Sayong, it was all about making sure everybody knew everything. It was great. It was like telling everyone your next five moves in chess and saying "How about that people". Popularity came with how good you were at spreading the word and not what secret you held (Kow, 2014, p. 75).

This excerpt not only questions every individual's integrity, but it also serves as a caution to everyone to be more careful and be modest in socializing, making friends in the virtual or real world. The message contains a kind of incongruity between what is said and the supposedly ideal situation in a society, which is one of the elements of sarcasm according to Skalicky and Crissley (2018).

CONCLUSION

In a nutshell, with the presence of several elements of satire in this novel, *The Sum of Our Follies* could be deemed as a satirical text in Malaysian context that urges people from all walk of life to perform moral check whether they are the politician, leaders with authority, the public and netizens. Hence, the heavy-weight social and moral critiques in the novel are also intended for every Malaysian regardless of races, religion, and social status. The presence of satirical aspects in the novel made it to be an even more attractive reading, a page-turning for the readers. The humor is laced with many moral lessons and guidance on how we should play a

good role to shape an excellent society.

However, as satirical reading highlights heavy underlying messages especially on politics, people sometime unable to comprehend and dissect the messages as not everyone has the mental capacity to digest a witty writing glazed with sarcasm. The laymen most probably will have better understanding when a satirical text is adapted into sketches that uses the layman's term. With all these attractive and amusing satirical writings available to be read, it would be such a huge loss if only a group of minorities could understand, appreciate, and thus extract out the knowledge from these pieces. Perhaps satire should be made lighter and more convenient in more approachable medium for certain group of people so that even the elderly and the children in rural areas could have access to it. An adequate example of this lighter version of satire is always shown in "Senyum Kambing" slot in Utusan Malaysia newspaper. After all, every social event, issues, muddle, and scandal emerge in our country are actually the result of our own doing and thinking – the sum of our follies. To build a strong and outstanding nation, it must start with everyone.

REFRENCES

Al-Tufaili, Q. A., & Al-Jobori, F. R. (2016). A Pragmatic Study of Exaggeration in British and American Novels . *Journal of Education and Practice*, 48-58.

Condren, C. (2012). Satire and Definition. *De Gruyter Mouton*, -. Retrieved March 12, 2021, from https://www.degruyter.com/document/doi/10.1515/humor-2012-0019/html

Kow, S.-L. (2014). *The Sum of Our Follies.* Kuala Lumpur: Silverfish Books.

Leon, C. (2014). The Sum of Our Follies. *Asiatic*, 226-228. Retrieved May 3, 2019, from https://journals.iium.edu.my/asiatic/index.php/ajell/article/view/513

Literary Devices; Sarcasm. (2019, May 15). Literary Devices. https://literarydevices.net/sarcasm/.

Pexman, P. M. (2018). How Do We Understand Sarcasm? . *Neuroscience* , 1-8.

Singh, Raj Kishor. (2012). Humour, Irony, and Satire in Literature. *International Journal of English and Literature*, 65-72

Skalicky, S., & Crossley, S. A. (2018). Linguistic Features of Sarcasm and Metaphor production Quality. *Workshop on the Figurative Language Proceedings* (pp. 7-16). New Orleans : Association for Computational Linguistics.

Tong, L. C. (2020). *The Great Reset: 100 Days of Malaysian Triple Crisis*. Refsa: Kuala Lumpur

Watson, C. (2011). Notes of the Variety and Uses of Satire, Sarcasm, and Irony in Social Research, with Some Observation on Vices and Follies in the Academy. *Power and Education*, 139-149.

CABARAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU DALAM HIKAYAT HANG TUAH:SATU SOROTAN

Ayu Nor Azilah Mohamad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
ayunorazilah@kuis.edu.my

Mohamed Ali Haniffa
Universiti Utara Malaysia (UUM)
m.ali@uu.edu.my

Wayu Nor Asikin Mohamad
Kolej Universiti Bestari, Setiu, Terengganu (UCB)
wayu@ucbestari.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang cabaran sosiobudaya masyarakat Melayu yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah, karya Kassim Ahmad. Pemilihan teks ini kerana Hikayat Hang Tuah mengRajahkan sistem sosiobudaya Melayu dalam zaman feudal iaitu kehidupan sebelum kedatangan peradaban moden. Akan tetapi dalam masa yang sama masyarakat Melayu menghadapi pergeseran dengan kehidupan baharu yang dibawa oleh peradaban Barat. Sosiobudaya merangkumi keseluruhan kehidupan manusia termasuk perilaku manusia. Di dalam karya ini terdapat watak Hang Tuah dan Hang Jebat memperlihatkan nilai-nilai kewiraan yang didukung oleh masyarakat ketika itu. Antaranya ialah prinsip ketaatan mutlak kepada raja dilihat bercanggah dengan cita-cita keadilan yang terpendam dalam jiwa manusia. Objektif kajian ialah untuk mengkaji pertembungan pegangan nilai-nilai tradisi ini menjadi cabaran dalam mempertahankan adat resam dan pengamalan kebiasaan sebelum ini. Ini turut disokong dengan beberapa peristiwa yang terdapat di dalam masyarakat Melayu. Persoalan timbul mengapa perkara ini terjadi dan apa yang menjadi cabarannya. Metodologi kajian kepustakaan bersandarkan kepada Hikayat Hang Tuah akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Perbezaan pandangan antara anggota masyarakat perlu penyelesaian agar bangsa Melayu terus utuh dan teguh apatah lagi Malaysia mempunyai masyarakat majmuk dengan budaya yang unik.

Kata kunci: Sosiobudaya, Hikayat Hang Tuah, masyarakat, Melayu.

PENGENALAN

Sosiobudaya bermaksud hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup adat istiadat dan sebagainya. Masyarakat pula ialah kumpulan manusia yang hidup bersama di suatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Manakala Melayu bererti nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Kemunculan etnik Melayu dari rumpun yang sama telah mempertautkan struktur sosial dan politik yang merupakan warisan dari kerajaan di Alam Melayu seperti Kesultanan Melayu-Srivijaya, Kesultanan Melayu-Majapahit dan Kesultanan Melayu-Islam Melaka. Struktur sosial Melayu terpecah kepada dua bahagian iaitu kelompok Melayu kelas atasan dan kelompok Melayu kelas bawahan yang terdiri daripada etnik Melayu tani pada peringkat desa. Pembentukan kelas ini ditentukan mengikut kelahiran. Perbezaan persekitaran, latar belakang sosial dan pendidikan telah mencetuskan bibit-bibit pertembungan nilai antara dua-dua kelas berkenaan. Sistem Beraja Melayu terbina hasil daripada pengaruh fahaman Hindu. Kelas atasan terdiri daripada keturunan Sultan ataupun Raja, kerabat Sultan (Wan Norhasniah Wan Husin, 2015:91).

SOROTAN HIKAYAT HANG TUAH

Perkataan hikayat berasal daripada perkataan *hikaya* dalam bahasa Arab. *Hikaya* pada asalnya bermaksud pelbagai sejarah tetapi makna ini telah mengalami perubahan. *Hikaya* membawa makna cerita, riwayat atau sejarah. Hikayat bermaksud cerita khasnya cerita-cerita lama dalam bentuk prosa. Ini sama ertinya dengan riwayat dan sejarah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Secara umumnya, hikayat dicipta tanpa diketahui nama pengarang dan tarikh penerbitannya. Dalam hikayat juga sering dimuatkan unsur pertandingan dan perlawanan untuk menguji kepahlawanan seseorang tokoh. Genre sastera hikayat mempunyai dua elemen utama yang mendasari sastera naratif iaitu sifat sastera dan sifat sejarah. Kedua-dua elemen ini begitu ketara ditonjolkan dalam Hikayat Hang Tuah. Malah kedua-dua unsur ini menjadi bahan utama dalam membina karya ini.

Walaupun karya ini menggunakan judul hikayat tetapi kebanyakan sarjana tidak mengkategorikan sebagai hasil sastera bercorak sejarah. Sungguhpun bahan sejarah ternyata wujud dalam karya ini, akan tetapi ciri-ciri sastera kelihatan lebih menonjol sehinggakan unsur sejarah seolah-olah wujud sebagai sesuatu yang direka-reka atau berbentuk khayalan hasil daripada imaginasi pengarang. Hikayat Hang Tuah lebih mendekati sebuah epik kepahlawanan kerana hampir keseluruhan isi kandungannya lebih banyak berkisar tentang keunggulan tokoh Hang Tuah yang mewakili bangsanya. Justeru itu, adalah lebih tepat jika dikatakan bahawa karya ini merupakan sebuah epik rakyat (Mohamad Badon, A. Samad Harun, 1993).

Hikayat Hang Tuah sebuah epik. Epik ialah prosa panjang yang disampaikan dalam bentuk naratif atau cerita yang mengisahkan keperwiraan seseorang pahlawan atau tokoh penting dalam sejarah. Pusat penceritaannya adalah mengenai wira dan keperwiraannya dalam satu siri pengembaraannya yang berjaya menempuh pelbagai halangan. Tokoh yang diceritakan seorang wira legenda yang penting dan benar-benar wujud dalam sejarah. Selain itu, tokoh yang diceritakan perlu memiliki sifat-sifat berani, taat setia, bijaksana dan gagah perkasa yang luar biasa berbanding dengan individu-individu lain dalam masyarakat. Hikayat Hang Tuah dipandang sebagai karya agung kesusasteraan Melayu lama. Karya ini menceritakan peristiwa abad ke-15 hingga ke-17. Hikayat Hang Tuah merupakan epik Melayu yang bukan sahaja terkenal dalam kalangan bangsa Melayu tetapi juga di seluruh rantau Nusantara. Hikayat ini mengRajahkan wira agung Melayu yang diperlihatkan mempunyai ciri-ciri hebat sebagai seorang wira pada zaman kesultanan Melayu.

Watak utamanya, Hang Tuah adalah simbol kesetiaan orang Melayu kepada rajanya. Hang Tuah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka menjadi pahlawan Melaka yang mempunyai sifat-sifat kepahlawanan yang luar biasa dan mengagumkan. Pahlawan Hang Tuah ini menjadi tokoh legenda yang amat disanjung oleh orang Melayu. Tidak ketinggalan Orientalis R.O. Winstedt menyelarikan Hikayat Hang Tuah dengan pengarangan karya-karya panji Jawa. Hal ini kerana naratif watak Hang Tuah di dalamnya dikatakan mirip wira Jawa dalam tradisi sastera Panji. Apabila imej Hang Tuah diangkat wataknya sebagai alegori sastera, maka perwatakannya terus dipolemikkan bukan lagi sebagai watak manusia sejarah semata-mata. Malah manusia yang diletakkan ke dalam pelbagai ruang imaginasi kreatif lalu diterjemahkan menjadi manusia epik, legenda, mitos, manusiawi yang serba lengkap dan serba-serbi boleh, perujuk sektor pengajaran dan didaktik, contoh dan pendidikan yang serba tuntas sehingga menjadi hiperbola sifatnya (Muhammad Yusoff Hashim, 2015).

Hikayat Hang Tuah ini mencatatkan keperwiraan Hang Tuah. Hang Tuah mewakili zaman dan bangsanya merupakan tokoh yang gemilang daripada segi perjalanan hidup dan pencapaiannya. Tidak menafikan bahawa Hang Tuah sangat dihormati dan sangat disanjung tinggi oleh masyarakat. Bahkan Hang Tuah sebagai seorang wira yang berwibawa dalam dunia Melayu sangat popular dan terkenal dalam kalangan masyarakat kini. Jadi, Hang Tuah seorang tokoh epik yang memiliki sifat-sifat luar biasa dan gagah berani. Buktinya, Hang Tuah sejak kecil telah memperlihatkan kebolehan yang istimewa daripada segi fizikal dan mental. Bakat luar biasa yang semula jadi itu diperkemas lagi dengan ikhtiar Hang Tuah sendiri. Hang Tuah mempelajari ilmu silat bagi mempertahankan diri dan ilmu batin untuk mengalahkan musuh-musuhnya. Penguasaan ilmu silat dan ilmu batin itu berjaya memperlengkapkan diri Hang Tuah menjadi seorang pahlawan yang gagah berani. Pendek kata, Hikayat Hang Tuah merupakan epik kebangsaan. Epik ini telah mengemukakan watak

Hang Tuah sebagai tokoh agung bagi bangsa Melayu dan sebagai lambang kemegahan serta kekuatan bangsa Melayu.

Tidak dinafikan, memang ada unsur dongeng dalam sesebuah cerita kerana hikayat bukanlah sejarah. Akan tetapi jika dinilai unsur sastera, nilai, gaya bahasa, soal politik, kepimpinan, kepahlawanan, patriotisme, jati diri dan kenegaraan memang terdapat dalam sesebuah hikayat. Fakta kewujudan Hang Tuah telah berjaya dibuktikan berdasarkan kepada dokumen primer iaitu apabila dapatan kajian (Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin, 2015) telah menemui 19 pucuk surat dari kerajaan Ryukyu Jepun kepada kerajaan Melaka. Terdapat juga 11 pucuk surat dari kerajaan Melaka kepada kerajaan Ryukyu Jepun. Malah terdapat dokumen dari kerajaan Melaka yang berkaitan dengan Laksamana Hang Tuah mencatatkan tarikh 1481 dan 1580. Secara jelas bahawa bukti tersedia ada ini telah mengangkat martabat kewujudan pahlawan Melayu seperti masyarakat percaya dengan lagenda dunia Alexander the Great, Julius Caesar dan Laksamana Zheng He (Cheng Ho). Bukti sebegini telah membuka mata masyarakat mengenai epik sastera yang wujud bukanlah suatu dongengan semata-mata (Mohd Rosli bin Saludin & Muhammad Sufi bin Ahmad Nazri, 2020).

CABARAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU DALAM HIKAYAT HANG TUAH

Hikayat Hang Tuah mengRajahkan sistem sosiobudaya Melayu dalam zaman feudal. Hang Tuah dan Hang Jebat sebagai wakil masyarakat memperlihatkan nilai-nilai kewiraan yang didukung oleh masyarakat itu. Inilah determinisme atau takdir sosial dan sejarah. Namun demikian, masyarakat sebagai suatu kumpulan individu yang memiliki impian universal kemanusiaan sentiasa berjuang untuk melampaui batasan sosial dan sejarah itu. Prinsip ketaatan mutlak kepada raja itu prinsip feudal walaupun bercanggah dengan cita-cita keadilan yang terpendam dalam jiwa manusia. Prinsip kedua inilah yang membuat Hang Jebat memberontak terhadap rajanya, sedangkan prinsip pertama membuat Hang Tuah menerima hukuman mati yang dijatuhkan oleh raja terhadapnya. Lantas menghalalkannya membunuh Hang Jebat sebagai penderhaka (Kassim Ahmad, 1993).

i) Kesetiaan

Aspek kesetiaan memang banyak dipaparkan dalam karya ini terutamanya melalui watak Hang Tuah. Hang Tuah sebagai hulubalang dan laksamana Melaka memang terkenal dengan kesetiaannya kepada raja. Hang Tuah begitu setia terutamanya kepada raja berketurunan dari keinderaan iaitu dari Bukit Siguntang Mahabiru. Terdapat satu peristiwa Hang Tuah diperintah supaya membunuh Sang Jaya Nantaka yang menjadi Raja Muda. Ini berpunca daripada angkara fitnah. Akan tetapi Hang Tuah memohon maaf;

> ‘Setelah Tun Tuah mendengar titah raja demikian itu maka Tun Tuah pun menghunus keris panjangnya dan penduanya lalu meniarap sujud bersembahkan, “Ya Tuanku Syah Alam, patik tuanku melalui titah tuanku yang maha mulia itu derhakalah. Patik mohonkan ampun dan kurnia di bawah Duli Yang Dipertuan; yang nama patik mendatangkan tangan patik ke atas anak cucu raja di Bukit Siguntang itu mohonlah patik.”
>
> (Hikayat Hang Tuah, 1993; 84-85)

Apabila jika diteliti keseluruhan cerita dalam hikayat ini, peristiwa di atas merupakan satu-satunya perintah atau kehendak raja Melaka yang tidak dapat ditunaikan oleh Hang Tuah. Akan tetapi dalam episod lain, Hang Tuah amat patuh dan mengambil berat terhadap perintah atau yang ada kepentingan dengan raja (Abdul Halim Bandan, 1994;92). Hang Tuah pernah berkata bahawa ‘raja itu tiada dapat ditahani; barang kehendaknya itu berlaku atas segala hambanya, kerana raja itu ganti Allah Taala di dalam dunia ini.’ (Hikayat Hang Tuah, 1993; 232). Oleh itu, Hang Tuah menghargai sesuatu pengetahuan itu hanya jika berkaitan rapat dengan tugasnya di istana. Apabila seorang pertapa berasa telah mengajar Hang Tuah segala pengetahuan yang perlu bagi seorang yang bercita-cita menjadi hulubalang. Seterusnya beliau bertanya kepada Hang Tuah sama ada mengingini pula pengetahuan-pengetahuan lain seperti ilmu tasawuf. Hang Tuah menolak sambil menjelaskan kepada pertapa itu, ‘hamba ini hendak menjadi hulubalang juga supaya masyhur nama hamba mu datang kepada akhir zaman.’ (Hikayat Hang Tuah, 1993; 142). Hang Tuah pernah mengaji Al-Quran tetapi beliau tidak memahami jurang antara kenyataan-kenyataan masyarakatnya dan anjuran Islam. Sepanjang hayatnya, Hang Tuah mentafsir Islam cuma mengikut aliran yang menyokong kepentingan golongan pemerintah feudal di bawah mana beliau berkhidmat (Shaharuddin Maaruf, 2014).

Konsep kesetiaan yang tidak terhingga daripada pihak rakyat kepada pemerintah merupakan nilai yang meresap dalam sistem politik Melayu pada zaman feudal. Boleh dikatakan raja Melaka melambangkan kemuncak sistem feudal Melayu yang padu (atau 'integrated'). Tidak dapat dinafikan bahawa apa yang dikatakan sistem feudal yang wujud di Melaka berlainan sifatnya daripada sistem feudal di Eropah, yang juga berbeza dengan sistem feudal Jepun (Syed Husin Ali, 2014).

Berdasarkan kepercayaan terhadap pemilikan kuasa mutlak dan keunggulan Sultan yang menguasai pemikiran etnik Melayu. Ini secara tidak langsung memberi kesan buruk kepada Sultan apabila sukar untuk mengawal diri sehingga menimbulkan kepercayaan iaitu kelas bawahan ataupun rakyat dikehendaki mentaati perintahnya tanpa sebarang soal. Kesannya, terdapat Sultan menggunakan kekuasaan yang dimiliki untuk mengikut kehendak nafsu walaupun bertembung dengan agama Islam dan naluri kemanusiaan. Contohnya, Sultan Mahmud gemar menjalinkan hubungan sulit dengan ramai wanita sehinggakan sanggup menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Bendahara Seri Maharaja kerana dianggap sengaja menyembunyikan anaknya, Tuan Fatimah untuk dikahwinkan dengan Tun Ali. Kemudiannya Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Bendahara dan menantunya, Tun Ali setelah tersebar fitnah kononnya Bendahara Seri Maharaja mengadakan rancangan untuk merampas takhta. Akhirnya Sultan Mahmud mengahwini Tun Fatimah (Hikayat Hang Tuah, 1993).

Situasi ini, konsep kesetiaan terhadap Sultan dan pemerintah disebut sebagai 'raja ali raja disembah, raja zalim raja disanggah.' Sekiranya Sultan bertindak zalim dan mengikut nafsu, Allah SWT akan menurunkan bencana serta menghancurkan pemerintahannya sebagaimana yang berlaku pada zaman silam. Dalam sistem politik feudal, tampuk pemerintahan terletak di bahu Sultan. Hal ini kerana Sultan mempunyai kuasa kedaulatan iaitu satu kepercayaan kuno dengan kesemua kekayaan yang terkandung di dalam negeri berada di tangan Sultan. Hubungan erat antara prinsip ini dengan kedaulatan Sultan menjadikan kaki Sultan sebagai 'simbol' kuasa. Contohnya semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, Maharaja China telah mengidap penyakit aneh dan baginda telah memberi air basuhan kakinya untuk diminum sebagai penawar. Selepas kedatangan Islam, nilai kedaulatan dan kekuasaan telah diislamkan dan Sultan bertanggungjawab melindungi hak kebajikan rakyat termasuk kesucian Islam. Manakala rakyat pula diseru untuk mentaati pemerintah selagi mereka mentaati hukum Allah SWT. Pemupukan sifat mengambil berat dan berbudi Sultan terhadap rakyat telah membenihkan rasa terhutang budi. Inilah yang dibalas dengan ketaatan rakyat terhadap pemerintah (Wan Norhasniah, 2015: 92).

Seterusnya ialah pengamatan terhadap falsafah hidup Hang Tuah. Hang Tuah berpegang teguh kepada taat setia kepada tuannya. Taat setia yang mengatasi pertimbangan etika dan akhlak. Walaupun Hang Tuah dijatuhkan hukuman bunuh tanpa usul periksa dengan ketidakadilan oleh raja. Dalam hikayat ini, hukuman itu terjadi dua kali. Peristiwa kali pertama difitnah dan dijatuhkan hukuman mati, tindak balas Hang Tuah ialah; 'Alhamdulillah! Si Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si Tuah tiada mahu derhaka kepada tuannya. Segeralah Datuk kerjakan titah yang maha mulia itu.' (Hikayat Hang Tuah, 1993;169). Pun begitu juga peristiwa fitnah kali kedua. Ini dikatakan Hang Tuah berlaku sumbang dengan gundik kesayangan raja. Sekali lagi tindak balas Hang Tuah bersifat menyerah dan menerima sahaja; 'Si Tuah tiada mahu menderhaka. Daulat tuanku, patik persembahkan nyawa patik, patik tiada bertuankan yang lain …Diperhamba cari pun dengan benarnya dengan diperhamba. Baik juga datuk kerjakan seperti titah yang maha mulia itu … kerana nyawa diperhamba ini persembahkan ke bawah duli sesuka hati diperhamba.' (Hikayat Hang Tuah, 1993; 289).

Mengikut pemikiran Hang Tuah, raja berhak bertindak sesuka hati kerana raja itu dianggap sebagai pengganti Allah di bumi. Malah taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja itu penting buat menjaga nama baik seseorang dan merupakan satu syarat untuk ke syurga (Hikayat Hang Tuah, 1993;232). Hang Tuah pernah berhujah kepada Hang Jebat; 'Adapun pekerjaan derhaka pada tuanmu itu berupa dosanya kepada Allah, tiada tertanggung olehmu di dalam akhirat jemah … akan kita diperhamba raja ini hendaklah pada barang sesuatu pekerjaan itu bicarakan sangat-sangat, seperti kata orang tua-tua: "Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat; supaya masuk syurga jemah." (Hikayat Hang Tuah, 1993;315). Pemahaman Hang Tuah dalam hal ini tidak benar. Hang Tuah menyeleweng dalam memahami tuntutan Islam.

Islam tidak mengajar umatnya untuk taat setia membuta tuli yang mengatasi pertimbangan etika. Allah SWT telah berfirman dalam surah An-Nisa, ayat 59 bermaksud:

> "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeda pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

Apabila dilihat kepada kegiatan Hang Tuah di istana. Hang Tuah dan rakan-rakan sering ditugaskan menyambut ketibaan pembesar-pembesar ke istana. Persembahan yang dibawa oleh seorang putera Jawa bagi raja Bentan mencerminkan dengan jelas suasana sosial di istana tempat Hang Tuah berkhidmat. Kegiatan utama di istana feudal ialah memburu, berperang dan pelbagai bentuk hiburan. Hang Tuah turut serta dalam temasya di balairung istana. Adalah penting bagi wira feudal pandai melayani kegemaran dan kehendak raja Melayu. Memburu ialah merupakan salah satu hiburan raja-raja Melayu zaman feudal. Hang Tuah juga melibatkan diri dalam pembinaan istana kerana membina istana salah satu kegemaran raja-raja Melayu pada zaman feudal. Sedangkan Hang Tuah dikatakan menuntut pelbagai bahasa tetapi tidak pernah menggunakan ilmu ini untuk usaha-usaha intelektual atau kesarjanaan (Shaharuddin Maaruf,2014).

ii) Hang Tuah dan Hang Jebat

Watak Hang Tuah dalam Hikayat Hang Tuah mestilah dikaji daripada sudut perlambangan. Hang Tuah bukanlah Hang Tuah biasa tetapi Hang Tuah yang melambangkan umat dan bangsa Melayu serta kesanggupan umat Melayu zamannya (Ayu Nor Azilah, et.al, 2017). Segala Rajahan kesetiaan, kegagahan,dan kemasyhuran umat Melayu adalah disenyawakan dalam watak dan manusia bernama Hang Tuah. Soal fantasi yang menyelimuti watak Hang Tuah dan sifatnya itu bukanlah soal yang luar biasa dalam sastera yang dituturkan dari mulut ke mulut. Dalam mengRajahkan kesanggupan bangsa Melayu dalam zaman cemerlangnya, perkara yang dilukiskan itu tentu tidak lagi menjadi satu persoalan. Soal khayal adalah soal biasa dalam sastera sezaman dengan Hikayat Hang Tuah. Malah terdapat dalam hikayat-hikayat lain. Soal realiti adalah soal sastera abad dua puluh ini. Nyata sekali bahawa dalam perkembangan semangat kebangsaan, setiap bangsa berkehendak satu rupa pembelaan semula semangat bangsanya. Hal ini kerana semangat itu telah dilumpuhkan oleh penjajah dan keadaan moral bangsanya telah merosot. Maka timbullah daya dan keadaan pemulihan kembali moral yang runtuh itu. Antaranya ialah dengan mengRajahkan kecemerlangan bangsanya pada sesuatu ketika dahulu (Annas Haji Ahmad, 2012).

Penelitian kepada cabaran sosiobudaya dalam karya ini boleh dilihat watak kedua iaitu Hang Jebat. Hang Jebat bukanlah seorang hero dalam masyarakat feudal tetapi tidak boleh juga dikatakan sebagai pengkhianat. Akan tetapi Hang Jebat memiliki kedua-dua sifat tersebut. Hakikatnya, Hang Jebat ialah seorang pemberontak dan seorang pembawa cita-cita yang tersangat radikal. Akan tetapi tidak boleh diterima oleh zamannya. Apabila dilihat dari satu sudut yang lain, Hang Jebat juga mendukung cita-cita dan mempunyai sifat yang dimiliki oleh Hang Tuah. Hang Jebat juga seorang yang gagah dan berani. Dalam pertarungan menyabung kekuatan, Hang Jebat tidak jauh ketinggalan daripada Hang Tuah. Patih Karma Wijaya pernah berkata;

> "… si-Jebat itu bukan barang-barang orang dan penjurit. Lagi pun barang yang tiada kepada Laksamana itu tiadalah pada si-Jebat itu."
>
> (Hikayat Hang Tuah,1993; 580)

Hang Jebat juga berpandukan kepada satu dasar perjuangan; 'supaya mashor-lah nama-mu disebut orang.' Hang Jebat juga setia kepada rajanya;

> "Hai orang Indrapura, ada pun akan Si-Jebat ini tiada bertuan dua tiga hanya duli Yang Dipertuan Melaka."
>
> (Hikayat Hang Tuah, 1993; 429).

Pengarang, Kassim Ahmad mengemukakan beberapa petikan perkataan Hang Jebat yang meyakinkan bahawa pemberontakan Hang Jebat disebabkan faktor 'sistem masyarakat yang tidak logik.' Hang Jebat

mempersoal logiknya sistem masyarakat yang sedia ada. Hang Jebat telah melafazkan kata-kata: "rosak bawang ditimpa jambak." Maksud 'bawang' ialah merujuk kepada dirinya sendiri dan 'jambak' pula kiasan kepada sistem masyarakat yang dianggap tidak logik dan penuh dengan kontradiksi. Situasi ini memancarkan rasa tidak puas hati. Akhirnya Hang Jebat terpaksa melanggar hukum kemasyarakatan yang dilihatnya tidak adil. Hang Jebat seorang yang demokratis. Kata Hang Jebat;

> "… kerana melihat engkau dibunuh oleh Bendahara tiada dengan dosanya dan beberapa Datok Bendahara berdatang sembah menahani nyawa orang kaya tiada juga didengar oleh baginda sebab itulah sakit hatiku kerana raja ini membunuh tiada dengan periksanya." (Hikayat Hang Tuah, 1993; 620).

Perasaan ketidakadilan ini merupakan satu perlompatan daripada fahaman mutlak (absolutis) kepada demokratis. Hang Jebat hendak menuntut bela dan kemarahannya ditunjukkan kepada segala pegawai yang dengki dan berbuat fitnah terhadap Laksamana, katanya;

"… mengapa maka Pateh Karma Wijaya dan segala pegawai yang dengki dan berbuat fitnah akan Laksamana itu tiada dititahkan oleh Raja Melaka suruh membunuh aku? Hai Temenggong, pergilah engkau kembali persembahkan duli Yang di-Pertuan suruh Pateh Karma Vijaya dan segala pegawai yang dengki akan Laksamana itu suruh membunuh akan daku ini supaya aku beri balas akan darah Laksamana itu oleh bekas tangan si Jebat ini." (Hikayat Hang Tuah, 1993; 586).

Pengarang telah membangkitkan persoalan; sejauh manakah penghukuman terhadap Hang Jebat itu mengRajahkan corak fikiran zaman itu? Ini boleh terjawab dengan melihat pandangan masyarakat terhadap Hang Tuah dan Hang Jebat. Dalam masa yang sama Bendahara dan Sultan termasuk dalam golongan utama sebagai pendukung sistem feudal. Rakyat biasa mengambil sikap 'tiada berpaut' kepada sesiapa malah terdapat kemungkinan juga sebahagian rakyat tidak mengerti sepenuhnya konsep kesetiaan melulu;

"Kata orang banyak itu; 'Marilah kita melihat temasha Laksamana bertikam dengan si-Jebat itu, sekali barulah si-Jebat beroleh lawan sama berani dan sama tahu, kerana Laksamana pun banyak tahu-nya.' Maka kata seorang pula, 'Si-Jebat pun banyak tahunya maka ia tiada dapat dilawan orang.' Maka kata seorang lagi; 'apalah guna-nya kita berbantah ini? Kita lihat-lah sekarang siapa mati siapa hidup pun bertentulah; kerana Laksamana hulubalang besar sudah ia berchakap ka-bawah-duli Yang di-Pertuan, masakan ia kembali saja."
(Hikayat Hang Tuah, 1993;608).

Perlawanan antara Hang Tuah dan Hang Jebat dapat mencerminkan satu pergelutan dalam masyarakat (*social conflict*). Dalam pergolakan sosial ini, Hang Tuah melambangkan fahaman mutlak yang tradisional manakala Hang Jebat membawa fahaman demokratis yang baru. Berlaku pertembungan dalam kedua-dua fahaman ini. Antaranya sifat kedengkian pegawai-pegawai istana terhadap Hang Tuah, tabiat Sultan menjatuhkan hukuman yang tidak adil dan tanpa usul periksa, yang berbangkit dari kedudukan kuasa mutlaknya dan kesetiaan Hang Jebat terhadap kawannya. Dalam situasi begini, adakah Hang Jebat seorang penjenayah? Sedangkan kenyataannya, ketika itu masyarakat feudal. Pendaulatan Hang Jebat dilihat sebagai pertentangan fahaman. Manakala Hang Tuah tertinggal jauh di belakang dan melambangkan corak pemikiran zamannya. Hang Tuah berhaluan kanan dan Hang Jebat pula berhaluan kiri serta yang mendekati kedudukan 'ideal center' ialah Bendahara Paduka Raja. Situasi masyarakat yang dianggap mengalami pertentangan 'ideal.'

Masyarakat Melayu sepanjang hidup Hang Tuah yang bermula dari Bentan sehinggakan ke zaman Melaka masih belum mengenali nilai-nilai demokrasi. Pertentangan mula timbul dalam kalangan masyarakat feudal apabila fahaman demokrasi mula menyinggung kesedaran mereka. Apabila fahaman demokrasi mulai meresap ke alam Melayu, maka barulah timbul ketegangan atau keretakan dalam masyarakat. Masyarakat zaman Hang Tuah adalah masyarakat feudal sejati. Untuk itu, Hang Tuah harus dipandang daripada segi 'lambang kebangsaan' dan Hang Jebat adalah sebagai manusia biasa. Dalam masyarakat yang berasaskan tuan dan hamba itu, perbuatan menuntut bela seorang sahabat itu dengan jalan penderhakaan menjadi perkara tidak masuk akal dan tidak boleh diterima dalam masyarakat. Rakyat harus tunduk kepada hukum masyarakat tanpa tawar menawar. Ini ditambah dengan sikap 'tidak berpaut' anggota masyarakat dalam pertikaian antara

Hang Tuah dengan Hang Jebat tidak berbangkit. Sudah pasti masyarakat pada zaman itu lebih mengerti dan bersimpati terhadap sikap Hang Tuah daripada perbuatan derhaka Hang Jebat (Ahmad Sarji, 2004).

Penderhaka adalah kesalahan yang amat besar kerana menentang undang-undang dan lambang undang-undang itu adalah raja itu sendiri. Jadi sebarang konflik dengan raja walaupun raja bersalah, pihak rakyat tidak boleh berbuat apa-apa selain menderita dan menyesali pertemuannya dengan raja. Menentang kedaulatan, titah perintah, larangan, kehendak, kesukaan bahkan kebencian raja dianggap derhaka. Derhaka kepada raja bermakna terus derhaka kepada negara dan hukumannya maut ataupun paling ringan dibuang negeri. Seseorang itu akan menerima balasan buruk apabila ingkar dan derhaka. Orang yang derhaka akan 'ditimpa daulat.' Dia ditimpa daulat kerana telah ketulahan iaitu menderita kerana melanggar larangan dan kedaulatan raja. Kutukan ini boleh berupa sumpahan, penyakit, keadaan papa kedana dan kematian. Kemudaratan akibat 'tulah raja' ini turut menyangkut kepada keluarga (Syed Zulflida S.M.Noor, 2006).

> "… maka bangkai Hang Jebat pun disuruh oleh laksamana tarik ke pintu gerbang pada tengah jalan raya besar, dipasarkan supaya dilihat orang banyak pergi datang. Setelah genap tujuh hari, maka bangkai Hang Jebat pun digantung orang pula di tengah jalan raya."
>
> (Hikayat Hang Tuah, 1993: 397)

> "… bermula akan tempat Si Jebat derhaka digantung itu sampai sekarang ini tiada tumbuh rumput, ada sebidang belulang luasnya."
>
> (Hikayat Hang Tuah, 1993: 399)

Biarpun ini kesudahan riwayat hidup Hang Jebat yang dipandang sebagai penderhaka, kesannya juga dirasai oleh pewaris Hang Jebat. Apabila Hang Nadim dilahirkan lalu dihantar kepada Bendahara di Pahang untuk dibesarkan oleh ayah Tun Teja supaya tiada di bumi Melaka. Pantun Melayu berbunyi;

Cahaya malam gilang-gemilang,
    Kerana disinar bulan purnama;
Gajah mati meninggalkan tulang,
    Manusia mati meninggalkan nama.

(Zainal Abidin Bakar, 1991)

KESIMPULAN

Konklusinya, ternyata perbezaan pandangan, pendapat dan prinsip hidup boleh membawa kepada perpecahan dalam masyarakat jika tidak ditangani dengan baik. Cabarannya ialah bagaimana anggota masyarakat termasuk golongan pemimpin iaitu raja menghadapi perbezaan ini. Sekiranya setiap individu bersikap 'bagaikan enau dalam belukar, hendak melepaskan pucuk masing-masing,' cabaran ini tidak akan dapat dihadapi dengan matang. Pertembungan nilai tradisi yang menjadi pengamalan kebiasaan bertemu dengan pemikiran demokrasi hari ini pasti berlaku apabila pengaruh globalisasi meresapi pemikiran dan pandangan masyarakat hari ini. Akan tetapi, sekiranya rakyat dan pemimpin sama-sama berganding bahu ibarat 'hati gajah sama dipalah, hati kuman sama dicecah,' sudah pasti cabaran pertembungan sosiobudaya boleh disepadukan dengan baik. Seorang raja haruslah memikul tanggungjawab dengan adil dan saksama. Setiap keputusan hendaklah diputuskan dengan bijaksana supaya tiada timbul hasad dengki dan iri hati dalam kalangan masyarakat. Persoalan kajian telah dirungkaikan dengan berpandukan kepada peristiwa dan huraian dalam Hikayat Hang Tuah karya Kassim Ahmad.

RUJUKAN

Al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani.

Abdul Halim Bandan. (1994). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur:Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

Ahmad Sarji. (2004). *Hang Tuah Tokoh Epik Nasional*. Pelanduk Publications.

Annas Haji Ahmad. (2012). *Hikayat Hang Tuah:Huraian dan Penilaian*. SANDIWARA.

Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, Wayu Nor Asikin Mohamad. (2017). Hang Tuah Lambang Peradaban Bangsa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue. 20-34.*

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim Ahmad. (1993). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Badon & A. Samad Harun. (1993). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mohd Rosli bin Saludin & Muhammad Sufi bin Ahmad Nazri. (2020). 'Adab Masyarakat Melayu Lama dalam Hikayat Hang Tuah' dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation, 8*(3), 23-31.

Muhammad Yusoff Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka* edisi kedua. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaharuddin Maaruf. (2014). *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*. Petaling Jaya:Strategic Information and Research Development Centre.

Syed Husin Ali. (2014). *Raja-Raja Melayu:Kemajuan atau Kemunduran?*. Petaling Jaya:Strategic Information and Research Development Centre.

Syed Zulflida S.M.Noor. (2006). *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka:Kemunculan dan Kegemilangan*. Kuala Lumpur:Arkib Negara Malaysia.

Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin. (2015). *Hang Tuah Catatan Okinawa*. Serdang:Universiti Putra Malaysia.

Wan Norhasniah Wan Husin. (2015). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia:Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Zainal Abidin Bakar. (1991). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

ANALISIS SEMIOTIK: IMEJ ANJING DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN SEPANYOL

Hairul Nisma Wahab
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
hairulnisma@upnm.edu.my

ABSTRAK

Kehidupan masyarakat tradisional yang akrab dengan unsur alam telah mengasosiasikan flora dan fauna serta alam sekeliling yang saling berhubungan bagi membentuk peribahasa yang bersifat pendidikan dan pengajaran dalam mendidik sesebuah masyarakat. Penggunaannya dalam komunikasi seharian mencerminkan amalan berperibahasa adalah medium yang dilihat sesuai dengan peranannya dalam menyampaikan mesej secara berkias terutamanya melibatkan penggunaan imej haiwan sebagai perlambangan. Imej haiwan terutamanya anjing seringkali ditemui dalam kebanyakan peribahasa di dunia sebagai padanan kepada tingkah laku manusia. Anjing diberi konotasi yang pelbagai berdasarkan budaya dan cara hidup masyarakat yang berbeza. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengupas makna konotasi peribahasa Melayu dan Sepanyol dan melihat hubungan antara imej anjing dengan pemikiran kedua-dua masyarakat berpandukan Teori semiotik oleh Peirce (1965). Sebanyak empat peribahasa iaitu dua peribahasa Melayu dan dua peribahasa Sepanyol telah dikaji dan didapati kecenderungan interpretasi kedua-dua masyarakat terhadap imej anjing lebih terarah kepada sifat-sifat negatif seperti panas baran, tidak sabar, mudah marah, hina dan bernasib malang. Walaupun mengandungi makna peribahasa dan lambang haiwan yang sama, pandangan dan pemerhatian masyarakat Sepanyol dan Melayu terhadap anjing yang pelbagai membuktikan refleksi pemikiran dan hubungan yang erat antara bahasa dan budaya kedua-dua masyarakat. Kupasan ini turut merungkai bagaimana pemikiran dan budaya masyarakat Melayu dan Sepanyol dipertalikan dan seterusnya menjawab persoalan tentang pemilihan anjing sebagai unsur alam yang mewakili perwatakan manusia.

Kata Kunci: Peribahasa Melayu, peribahasa Sepanyol, semiotik, anjing

PENGENALAN

Kajian semiotik dalam peribahasa telah menjadi tumpuan penting sejak sekian lama kerana aspek semiotik yang diketengahkan dapat merungkai makna lambang atau tanda. Semiotik adalah sains yang mengkaji tanda secara umum yang membentuk bahasa atau sistem bahasa (Beuchot, 2013). Ilmu tanda diperlukan untuk memahami komunikasi sama ada secara verbal atau non-verbal kerana kaitannya dengan konsep makna yang terdapat dalam tanda. Tanda atau "*Sameion*" dalam istilah Yunani merangkumi kata, gerak isyarat, benda atau objek. Tanda juga berbentuk fizikal yang mewakili sesuatu seperti pemikiran, pengalaman dan perasaan (Abdurrahman Sidik, 2018). Ringkasnya, kajian semiotik berkaitan dengan tanda manakala semantik berkaitan dengan makna kata terhadap lambang atau simbol (Dian Aprilia Diniarti, 2017). Oleh sebab itu, lambang atau simbol mempunyai makna tertentu bergantung kepada pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam kajian peribahasa kerana peribahasa berhubung kait dengan sumber alam untuk memberi makna yang terus dan nyata berdasarkan pengalaman dan pemerhatian yang tajam.

Umum mengetahui bahawa peribahasa merupakan salah satu cabang sastera yang perlu difahami bagi membolehkan kita memahami sosiobudaya sesuatu etnik (Muhammad Zaid Daud Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap dan Muhammad Nurikhwan Lokman, 2018). Ini kerana perkaitan peribahasa dengan makna dan lambang menuntut pemikiran aras tinggi supaya mudah difahami serta bersesuaian dengan konteks dan situasi. Jadi, perlunya ilmu "tanda" atau semiotik kerana ianya memikul peranan sesuatu lambang yang membentuk makna sama ada denotasi atau konotasi. Semiotik dilihat bukan sahaja digunakan dalam kajian peribahasa sahaja, malahan mencakupi pelbagai bidang seperti filem, lagu, produk, logo, puisi, iklan serta

media sosial yang dilihat semakin menarik minat para pengkaji dari pelbagai cabang ilmu bahasa.

Kepelbagaian penyelidikan dalam aspek semiotik walaupun dilihat semakin mendapat tempat dalam kebanyakan karya masa kini, tetapi penyelidikan berkaitan peribahasa dilihat telah menjadi topik yang semakin penting (Grzybek, 2015). Ini menunjukkan bahawa pengkajian aspek semiotik berupaya membongkar bukan sahaja makna tersirat sesuatu tanda atau simbol yang digunakan, tetapi juga mengupas cara fikir, gaya hidup, falsafah dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam unsur bahasa dan budaya sesuatu masyarakat. Melalui elemen dalam semiotik juga kita dapat melihat bagaimana simbol dihubungkan dengan tanda melalui perantara iaitu *interpretant* sehingga wujudnya makna konvensi yang disepakati oleh masyarakat tersebut.

Sama ada di dalam atau luar negara, kajian semiotik diaplikasi secara meluas di dalam pelbagai cabang ilmu. Contohnya kajian semiotik dalam puisi oleh Darmadi (2018) yang menggunakan pendekatan heuristik bagi mengkaji bait-bait puisi dalam Puisi Hujan Bulan Juni yang bertemakan penantian dalam suasana yang harmoni. Kajian semiotik juga digunakan untuk menganalisis produk dalam iklan. Sebagai contoh, kajian berkaitan shampoo Pantene oleh Abdurrahman Sidik (2018) yang menggunakan Teori Semioitik Peirce (1965) berjaya membuktikan bahawa komunikasi pengiklanan adalah penting dalam penawaran produk dengan sokongan penglibatan duta produk dan iklan yang lebih kreatif dan menarik. Selain itu, melalui iklan juga, pendekatan semiotik turut ditemui dalam kajian kempen politik seperti kajian oleh Rizki Briandana (2019). Didapati, dalam iklan menjelang pilihanraya Indonesia, pengaplikasian ikon, indeks dan simbol telah membuktikan bahawa, melalui pengiklanan, parti Perindo berusaha mengetengahkan ideologi parti terutama kepada golongan muda ke arah kehidupan yang lebih baik melalui kepercayaan dan ideologi Pancasila. Mesej bahawa Indonesia bukan hanya milik satu bangsa, kaum dan agama didapati berjaya disampaikan dengan baik. Terdapat banyak lagi kajian semiotik dalam pelbagai bidang lain seperti kajian dalam video klip oleh Rodríguez-López (2016), cerpen oleh Ani Diana (2016), cerita rakyat oleh Abet Sahputra Sinamo, Silviani Siregar dan Intan Halawa (2021), serta kajian semiotik dalam logo perpustakaan oleh Rully Khairul Anwar, Irene Alifa Hapsari dan Dian Sinaga (2018).

Oleh kerana kajian ini tertumpu kepada peribahasa, pengkaji turut menghuraikan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan semiotik dan imej haiwan dalam peribahasa. Sebagai contoh, kajian oleh Muhammad Zaid Daud et al. (2018) telah mengaplikasikan kerangka semiotik untuk mengupas simbol ular dalam masyarakat Banjar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol ular merujuk kepada aspek kelemahan dimana ular mewakili perwatakan manusia yang malas bekerja, hanya mengharapkan bantuan serta gagal mengakhiri sesuatu perkara yang dilakukan dengan baik. Jadi, melalui peribahasa ini, masyarakat Banjar dilihat cuba menegur masyarakatnya yang tidak mahu berusaha dan hanya bergantung kepada bantuan sahaja. Imran-Ho Abdullah (2011) pula telah mengkaji lambang anjing dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan kerangka Ibañez-Moreno. Hasil kajian mendapati bahawa anjing yang dipetakan sebagai haiwan yang lemah, jahat dan tidak berilmu dalam peribahasa Melayu, berbeza dengan anjing dalam masyarakat barat yang dianggap sebagai haiwan yang taat setia. Seterusnya kajian oleh Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020) berkaitan simbol gajah dalam peribahasa Tamil. Dengan berpandukan analisis semantik inkuisitif, didapati selain dari ciri-ciri fizikal haiwan ini iaitu besar dan kuat, faktor seperti geografi, agama dan kepercayaan serta asal usul orang India dari tanah besar India mempengaruhi pemilihan simbol gajah dalam peribahasa yang berkaitan dengan tanda-tanda atau amaran sebelum mengalami perkara buruk. Manakala kajian oleh Muthia Hanindar dan Rizki Andiri (2017) pula menyaksikan perbandingan makna peribahasa Jepun dan Indonesia yang menggunakan simbol anjing. Dapatan menunjukkan bahawa makna peribahasa merujuk kepada perkara yang sia-sia, penyesalan dan makna yang baik seperti gigih dan rela bekorban.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan haiwan dalam peribahasa ini, dapatlah disimpulkan bahawa pandangan dunia dan budaya rakyat terhadap haiwan yang berbeza adalah berdasarkan fenomena sebenar yang bermula dari pengalaman dan interpretasi masyarakat tersebut. Penggunaan simbol haiwan dalam kebanyakan peribahasa di dunia menunjukkan bahawa sifat haiwan didapati mirip dengan tingkah laku manusia yang membolehkan haiwan ini dijadikan cerminan kepada perwatakan manusia. Dengan fungsi asal untuk dibuat perbandingan, pemilihan simbol haiwan memperlihatkan kearifan masyarakat terdahulu mengekspresikan sesuatu yang benar melalui kiasan.

Oleh kerana masih kurang kajian peribahasa yang menggunakan kerangka semiotik Peirce untuk

menganalisis imej anjing dalam peribahasa Melayu dan Sepanyol, sebagai langkah awal, pengkaji telah memilih teori ini untuk mengkaji imej anjing dalam kedua-dua peribahasa ini. Walaupun anjing ditemui dalam kebanyakan peribahasa di dunia, apakah anjing diberi penilaian dan pandangan yang sama tentang sifat-sifatnya dalam kedua-dua masyarakat? Umum mengetahui bahawa dalam masyarakat Melayu anjing bukanlah haiwan kesayangan apatah lagi masyarakat Melayu yang amat sinonim dengan agama Islam. Larangan menyentuh anjing begitu jelas dalam Islam dan difahami oleh semua bangsa Melayu beragama Islam. Berbeza dengan masyarakat Sepanyol yang menjadikan anjing sebagai haiwan peliharaan. Hal ini bertepatan dengan penyataan Imran-Ho Abdullah (2011) bahawa masyarakat barat menjadikan anjing sebagai haiwan kesayangan dan memandang haiwan ini sebagai sahabat yang setia. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan bukan sahaja untuk menghuraikan makna konotasi peribahasa, malahan untuk mengupas dan meneliti bagaimana imej anjing dipilih sebagai simbol untuk mencerminkan sesuatu tingkah laku melalui pertalian antara simbol (*representament*), pemikiran (*interpretant*) dan objek (*object*) dalam kedua-dua masyarakat yang berlainan bahasa dan budaya.

Masyarakat Melayu dan Sepanyol tidak terkecuali daripada memiliki peribahasa tersendiri bagi mewakili bahasa dan budaya mereka seperti masyarakat lain juga. Bagi kedua-dua masyarakat ini, hubungan mesra dengan alam dalam aktiviti seharian seperti bertani, bercucuk tanam, berburu dan menternak binatang antara penyumbang kepada tercetusnya penciptaan peribahasa. Pemerhatian yang jitu disertai dengan pengalaman telah mengasimilasikan alam sekeliling dalam bentuk bahasa berkias yang merupakan Rajahan corak pemikiran dan kebudayaan. Jika dilihat dari sudut bahasa, bahasa Sepanyol bukan sahaja dituturkan di negara Sepanyol, bahkan melangkaui negara-negara Amerika Latin seperti Mexico, Colombia, Argentina, Peru, Bolivia dan Venezuela sehingga bahasa ini diiktiraf sebagai bahasa rasmi negara-negara ini. Maka, tidak hairanlah pengamalan peribahasa Sepanyol bukan sahaja dalam kehidupan harian di negara Sepanyol sahaja, tetapi digunakan secara meluas termasuk negara-negara yang berbahasa Sepanyol lain juga . Malahan, pengamalan peribahasa bukan sekadar dalam ungkapan harian, tetapi juga turut dibukukan, dimasukkan ke dalam sistem pendidikan dan diterapkan dalam karya kesusasteraan seperti puisi dan teater.

Bertepatan dengan penyataan dalam kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah (2013), kedudukan peribahasa yang begitu penting dalam masyarakat dilihat sebagai medium komunikasi terbaik untuk menyebarkan maklumat dan menyampaikan teguran dengan baik dalam kelompok masyarakatnya. Apatah lagi sekiranya peribahasa yang diungkapkan itu mengandungi simbol haiwan seperti anjing sebagai perbandingan terhadap sikap yang ditonjolkan. Anjing dilihat telah menjadi sebahagian daripada budaya manusia sejak berabad lamanya. Dalam apa jua bangsa dan bahasa, imej anjing seringkali ditemui sebagai perbandingan dengan tingkah laku manusia. Kepelbagaian konotasi terhadap haiwan ini menjadikannya begitu popular berbanding haiwan lain memandangkan ianya terlalu dekat dengan kehidupan masyarakat. Oleh sebab itu, pengkaji terpanggil bukan sahaja untuk mengupas makna peribahasa, bahkan memberi penekanan terhadap pemilihan anjing berdasarkan interpretasi oleh masyarakat Melayu dan Sepanyol sendiri.

Di Malaysia, pembelajaran bahasa asing telah menjadi satu keperluan terutama di Institusi Pengajian Tinggi. Pengetahuan tentang sesuatu bahasa dilihat penting bagi memahami dan mendalami budaya sesuatu bangsa. Salah satunya adalah melalui peribahasa. Peribahasa Sepanyol atau *refrán* amat penting kepada pengguna bahasa ini terutama pelajar yang ingin mempelajari dan menyelami bahasa dan budaya masyarakat Sepanyol. Para guru, pensyarah, penterjemah dan juga penggiat seni yang terlibat secara tidak langsung boleh menjadikan peribahasa Melayu dan Sepanyol sebagai rujukan dalam usaha mengenali dan memahami dengan lebih mendalam budaya dan corak pemikiran kedua-dua masyarakat. Hal ini membolehkan pengetahuan dan cantuman dua masyarakat yang berbeza bahasa dan budaya diketengahkan supaya dipelajari nilai budayanya. Nilai budaya yang bersifat abstrak berada dikedudukan paling tinggi dalam adat istiadat yang dianggap sangat bernilai kerana fungsinya sebagai pedoman dan panduan hidup kepada anggota masyarakatnya (Sriwahyu Istana Trahutami, 2015). Jadi, dengan pengetahuan yang diperolehi melalui perbandingan kedua-dua peribahasa ini, secara tidak langsung membolehkan nilai-nilai positif diambil sebagai pegangan melalui teguran dan nasihat daripada makna peribahasa.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif. Sebanyak empat peribahasa iaitu dua peribahasa Melayu dan dua peribahasa Sepanyol yang mempunyai imej anjing telah dipilih untuk dianalisis. Peribahasa Melayu telah dipilih daripada laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PPRM), manakala peribahasa Sepanyol pula dipilih daripada laman sesawang Cervantes.es iaitu https://cvc.cervantes.es/lengua/refranero/listado.aspx. Pengkaji telah memilih Teori Semiotik Peirce yang dipelopori oleh Charles Sanders Peirce (1965) sebagai landasan kajian. Setiap peribahasa akan dihuraikan makna terlebih dahulu, seterusnya pengkaji akan meneliti imej anjing dan kaitannya dengan simbol yang diwakilinya sebagaimana pandangan dalam tafsiran masyarakat Melayu dan Sepanyol.

TEORI SEMIOTIK PEIRCE (1965)

Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan Teori semiotik yang dipelopori oleh Charles Sander Pierce (1965). Peirce merupakan ahli filosofi Amerika yang terkenal dengan teori tandanya. Beliau telah mengetengahkan tiga kategori tanda iaitu *representamen*, *object* dan *interpretent* (seperti yang dipetik dalam Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali, 2007).



Rajah 1: Model Segi Tiga Semiotik
(Sumber: Pierce, dlm. Tengku Intan Marlina, 2007)

Berdasarkan ketiga-tiga kategori ini, secara ringkasnya Peirce telah mengemukakan tanda-tanda bagi setiap satu kategori. Dalam kategori *representamen*, terbahagi kepada tiga elemen iaitu *qualisign, sinsign dan legisign. Object* (objek) pula terdiri daripada ikon, indeks dan simbol. Manakala *interpretant* merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran. Justeru, konsep teori ini berfokuskan kepada fungsi tanda dan tafsiran imej anjing sebagai objek yang membawa simbol tertentu yang menghasilkan makna peribahasa dalam pemikiran masyarakat Melayu dan Sepanyol. Bagi mengkaji makna dan imej anjing dalam peribahasa ini, pengkaji hanya menumpukan kepada aspek simbol sahaja kerana didapati bersesuaian untuk merungkai keseluruhan struktur dalam peribahasa. Ini kerana simbol bersifat arbitrari dan tanda yang berhubung dengan objek adalah tidak alamiah yang bergantung kepada kesepakatan secara konvensi masyarakat. Ini bermakna, terdapat juga perbezaan pemahaman kebudayaan antara anggota masyarakat yang sama. Memandangkan peribahasa diungkap dalam pelbagai bentuk komunikasi, Peirce berpendapat manusia berfikir dalam tanda kerana tanda juga merupakan unsur dalam komunikasi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian terhadap imej anjing dalam keempat-emapat peribahasa, didapati terdapat perkaitan antara simbol dan makna peribahasa yang diterjemahkan berdasarkan tafsiran atau interpretasi terhadap imej anjing oleh masyarakat Melayu dan Sepanyol. Jadi, Teori Semiotik Peirce (1965) berhasil menjelaskan hubungan antara ketiga-tiga kategori tersebut seterusnya mewujudkan kepelbagaian makna peribahasa yang bersimbolkan haiwan yang sama.

Berikut merupakan jadual peribahasa Melayu dan Sepanyol yang mengandungi imej anjing dan makna bagi kedua-dua peribahasa.

Jadual 1. Imej anjing dalam peribahasa Melayu dan Sepanyol

No.	Peribahasa Melayu	Peribahasa Sepanyol	Makna
	Anjing terpanggang ekor	*A perro flaco, todo son pulgas* Anjing kurus semuanya berkutu	Bernasib malang / Ditimpa kesusahan
	Mengusik anjing tidur	*Al perro que duerme, no lo despiertes* Anjing yang sedang tidur, jangan dibangunkan	Sengaja mencari kesusahan/bahaya

Data yang pertama iaitu peribahasa Melayu "anjing terpanggang ekor" secara ringkasnya membawa maksud yang sama dengan peribahasa *a perro flaco, todo son pulgas* iaitu orang yang ditimpa kesusahan. Jika dilihat secara harfiah, seekor anjing yang ekornya terbakar terkena api sudah tentunya akan berasa sakit akibat kepanasan. Reaksinya yang kesakitan terlihat melalui perilakunya yang tidak tentu arah menahan panas terbakar. Jika dilihat takrifnya dalam PPRM, makna konotasi peribahasa ini adalah seseorang yang mendapat kesusahan besar sehingga tak tentu tingkah lakunya dan meminta pertolongan kesana ke mari. Dalam peribahasa ini, jelas imej anjing digunakan sebagai simbol kepada orang yang ditimpa kesusahan dan ekornya yang terbakar merupakan simbol kepada kesusahan melampau yang dialami. Jadi, dalam hal ini didapati pengalaman masyarakat Melayu zaman dahulu melihat anjing yang tidak keruan tingkah lakunya selepas terkena api adalah fenomena sebenar hasil daripada pengamatan terhadap haiwan ini. Tingkah laku anjing disamakan dengan sikap masyarakat yang berada dalam keadaan tidak tentu arah kerana mencari bantuan daripada orang sekeliling.

Selain itu, imej anjing dalam peribahasa ini ditonjolkan sebagai Rajahan kepada semangat juang yang tinggi sehingga boleh mengorbankan nyawa sendiri. Kajian oleh Lim Kim Hui (2010), menyimpulkan bahawa imej anjing dalam peribahasa "anjing terpanggang ekor" ini diberi Rajahan penyampaian emosi yang kuat dan keberanian dalam suatu jangka masa yang drastik. Hal ini dapat dilihat bagaimana penyebab kepada sesuatu kesusahan itu berlaku dilambangkan oleh kepanasan api yang membakar ekor anjing. Api merujuk kepada masalah besar yang boleh mengakibatkan nyawa seseorang terkorban dan bagi masyarakat Melayu, masalah atau kesusahan yang menimpa meliputi pelbagai perkara dalam kehidupan termasuklah masalah kekeluargaan, kewangan, bencana alam dan masalah dalam pelajaran yang boleh ditafsirkan melalui situasi anjing yang terbakar ekornya. Justeru, Kesemua masalah ini memerlukan keberanian dan pengorbanan dalam usaha mencari bantuan dan jalan penyelesaian. Melihat kepada situasi dan punca kepada masalah yang berlaku, ungkapan ini didapati bertepatan dengan simbol yang digunakan iaitu anjing yang terbakar ekornya dan bagaimana pemikiran masyarakat Melayu itu mentafsir maksud kejadian ini dan diterjemahkan melalui peribahasa.

Ungkapan peribahasa Sepanyol pula berbeza dalam susunan katanya. Peribahasa *a perro flaco, todo son pulgas* menunjukkan haiwan yang sama digunakan iaitu anjing atau *perro* yang diberikan Rajahan orang yang bernasib malang akibat kesusahan yang dialaminya. Bagi masyarakat Sepanyol, ungkapan ini kebiasaannya ditujukan terhadap orang miskin melalui karakter anjing yang kurus dan diandaikan tidak memperolehi makanan yang mencukupi atau makanan berkhasiat yang sesuai dengan keperluan nutrisi haiwan ini. Selain itu, penyebab anjing menjadi kurus juga adalah kerana penyakit seperti jangkitan kutu dan kulat yang boleh diketahui melalui bulu dan kulit. Kutu merupakan binatang halus yang menghisap darah yang terdapat pada rambut manusia dan juga bulu binatang seperti anjing dan kucing. Anjing yang dijangkiti kutu kebiasaanya akan kelihatan kurus, terbiar dan berpenyakit kerana kutu merupakan parasit yang memerlukan darah untuk hidup. Anjing akan mengalami penyakit anemia atau kekurangan darah (Sanusi, 2004).

Oleh sebab itu, bagi masyarakat Sepanyol, pemerhatian terhadap imej anjing yang kurus dan dijangkiti kutu membawa tafsiran orang yang malang kerana ditimpa musibah atau kesusahan seperti yang diRajahkan dalam peribahasa (Vyshnya & García, 2005). Kesusahan disini merujuk kepada kemiskinan dan dipandang hina sama seperti yang dikonotasi terhadap anjing iaitu haiwan yang jahat dan hina. Jika dilihat makna secara harfiah, keadaan anjing yang kurus dan ditambah pula dengan jangkitan kutu itu dapat diasosiasikan dengan

rujukan dan makna konotasi dari kejadian ini. Maka, bersesuaian dengan Teori Peirce (1965), imej anjing sebagai simbol merujuk kepada orang yang berada dalam kesusahan sama seperti dalam peribahasa Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua masyarakat mempunyai interpretasi atau tafsiran yang sama terhadap imej anjing walaupun berbeza bahasa dan budaya. Secara ringkasnya, hubungan antara anjing, simbol serta tafsiran makna dalam kedua-dua peribahasa Melayu dan Sepanyol ini boleh dilihat dalam rajah berikut:

Rajah 2. Anjing melambangkan kesusahan dan hina

Disamping membawa konotasi bernasib malang akibat musibah, anjing lebih dikenali sebagai haiwan pemburu yang garang, berani dan berbahaya. Setiap bangsa di dunia mempunyai pandangan dan penilaian yang berbeza terhadap haiwan ini (Imran Ho Abdullah, 2011). Berbeza dengan masyarakat Melayu, walaupun anjing adalah haiwan yang garang tetapi haiwan ini merupakan kegemaran bagi masyarakat barat dan dianggap sebagai haiwan yang boleh dipercayai, berdikari dan sebagai peneman yang setia (Moreno, 2005). Walaupun anjing diketahui membawa konotasi taat dan setia, tetapi haiwan ini turut dikonotasi dengan imej jahat, tidak tahu malu, hina dan pemalas (Sanchez Sanchez, 2018). Hakikat bahawa anjing sebagai haiwan yang garang, berani dan bahaya tidak boleh dipandang remeh kerana naluri semula jadi anjing yang keras, mengejar, menangkap dan membunuh mangsanya. Justeru, karakter anjing yang bahaya ini telah dirujuk oleh masyarakat Melayu dan Sepanyol kepada karakter orang yang panas baran, garang dan mudah marah apabila diganggu. Umpama anjing yang sifatnya garang dan bahaya apabila diganggu tidurnya, sudah tentu akan marah dan menyerang.

Perkaitan inilah yang dapat dilihat dalam data yang kedua iaitu "mengusik anjing tidur" dan *al perro que duerme, no lo despiertes* . Kedua-dua peribahasa ini jelas menonjolkan imej anjing sebagai simbol kepada keberanian, bahaya dan garang sesuai dengan makna peribahasa ini supaya tidak mencari masalah dengan orang yang lebih keberaniannya. Namun, jika merujuk kepada makna peribahasa, imej anjing ini dilihat lebih cenderung berkonotasi negatif kerana ianya merujuk kepada sikap panas baran, tidak sabar dan mudah marah apabila terganggu. Oleh sebab itulah, masyarakat Melayu dan Sepanyol mengamalkan peribahasa ini bertujuan untk memberi nasihat supaya lebih berhati-hati dalam berurusan kerana dikhuatiri akan mendatangkan masalah lain yang lebih besar. Contohnya, dalam hal yang berkaitan dengan membuat keputusan agar berfikiran jauh sebelum sesuatu yang sukar dan merumitkan bakal terjadi. Makanya, masyarakat zaman dahulu memandang situasi rumit atau kesulitan yang akan berlaku, berpunca daripada kesilapan yang sepatutnya boleh dielakkan lebih awal. Justeru, melalui kepakaran pengalaman, perkara buruk akan dapat dielakkan sekiranya sentiasa berhati-hati dengan keputusan atau langkah yang harus diambil dengan sewajarnya. Jadi, Anjing yang dijadikan simbol kepada masalah yang berlaku akibat diganggu tidurnya bertepatan dengan cara fikir masyarakat Melayu dan Sepanyol yang menghasilkan makna peribahasa yang sama. Ringkasnya, hubungan antara anjing dengan lambang yang diwakilinya dalam kedua-dua peribahasa ini adalah seperti dalam rajah berikut:

Rajah 3. Anjing melambangkan berani, garang dan pemarah

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan imej anjing sebagai simbol dalam peribahasa Melayu dan Sepanyol membuktikan bahawa kedua-dua masyarakat berjaya mengasosiasi cara hidup mereka dengan alam sekeliling. Hubungan yang akrab dengan haiwan terutamanya anjing telah mendorong mereka mengamati dan membuat penilaian terhadap sifat haiwan itu untuk dijadikan Rajahan kepada tingkah laku manusia. Peribahasa secara zahirnya dapat difahami makna secara harfiah sekiranya simbol yang digunakan diketahui dan dikenali sifatnya. Akan tetapi, makna tersirat yang terkandung disebalik ungkapan itu hanya boleh difahami oleh penutur dan pendengar berdasarkan situasi ketika diungkapkan. Jadi, disinilah keintelektualan masyarakat zaman dahulu dicerminkan melalui pemilihan simbol, susunan kata dan perkaitannya dengan makna dan fungsi asal peribahasa. Hasil kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa pemilihan anjing berkait rapat dengan sudut pandang masyarakat Sepanyol dan Melayu serta kearifan mereka dalam menaakul sumber alam sehingga tercapainya kesepakatan dalam memaknai peribahasa. Huraian makna, kupasan simbol serta tafsiran masyarakat terhadap imej anjing menunjukkan bahawa pemilihan Teori semiotik Peirce masih berwibawa untuk dijadikan panduan dalam kajian peribahasa. Pendekatan teori ini juga secara tidak langsung berhasil menemukan pertambahan kosa kata serta didapati bersesuaian untuk mengupas karya-karya dalam cabang ilmu lain juga seperti lagu, logo, novel, karikatur, media sosial, motif batik serta dalam Al-Quran bagi merungkai makna imej dengan lebih meluas.

RUJUKAN

Abdurrahman Sidik. (2018). Analisis iklan produk shampoo Pantene menggunakan teori Semiotika Pierce. *Technologia: Jurnal Ilmiah*, *9*(4), 201-208.

Abet Sahputra Sinamo, Silviani Siregar, Intan Halawa. (2021). Analisis Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Sampuren Sindates dengan analisis Semiotika. *Asas: Jurnal Sastra*, *10*(1).

Ani Diana. (2016). Kajian Semiotik Pada Kumpulan Cerpen Sekuntum Mawar Di Depan Pintu Karya M. Arman AZ. *Jurnal Pesona*, *2*(2).

Beuchot, M. (2013). *La semiótica: teorías del signo y el lenguaje en la historia*. Mexico: Fondo de Cultura Económica.

Cervantes.es. (n.d.). Retrieved from https://cvc.cervantes.es/lengua/refranero/listado.aspx

Darmadi, D. M. (2018). Semiotika Dalam Puisi Hujan Bulan Juni Karya Sapardi Djoko Damono. *Jurnal Membaca Bahasa dan Sastra Indonesia*, *3*(1), 1-8.

Dian Aprilia Dinarti. (2017). Kajian Semiotik Kultural Peribahasa (Sesenggaq) Sasak. *Lingua: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, *14*(1), 13-26.

Grzybek, P. (2015). 4 Semiotic and Semantic Aspects of the Proverb. In Gotthardt,H.H & Varga, M.A. (Eds.). *Introduction to Paremiology: A Comprehensive Guide to Proverb Studies.* (pp. 68-111). Sciendo Migration. Retreived Mac 10 2021, from http://peter-grzybek.eu/science/publications/2014/2014_grzybek_proverb-semiotic-semantic.pdf

Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, *11*(1).

Lim Kim Hui. (2010). How Malay proverbs encode and evaluate emotion? A paremiological analysis. *Sari-International Journal of the Malays World and Civilization*, *28*(1), 57-81.

Moreno, A. I. (2005). An analysis of the cognitive dimension of proverbs in English and Spanish: The conceptual power of language reflecting popular believes. *SKASE Journal of theoretical linguistics*, *2*(1), 42-54.

Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO),3*(2), 1-7.

Muthia Hanindar & Rizki Andiri. (2017). Analisis Makna Kotowaza yang Terbentuk dari Kata Anjing (犬) serta Padanannya dalam Peribahasa Bahasa Indonesia. *JAPANOLOGY*, *5*(2), 146 – 157.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d). retrieved from http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=anjing+terpanggang+ekor&d=11

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d.). Retrieved from http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=mengusik+anjing+tidur&d=11

Rizki Briandana. (2019). Representation of political ideology in advertising: semiotics analysis in Indonesia television. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, *4*(3), 764-775.

Rodríguez-López, J. (2016). Audiovisual y semiótica: el videoclip como texto. *Signa: Revista de la Asociación Española de Semiótica*, *25*, 943-958.

Rully Khairul Anwar, Irene Alifa Hapsari & Dian Sinaga. (2018). Analisis semiotik Charles Sanders Pierce mengenai logo baru Perpustakaan Nasional Republik Indonesia. *Jurnal Kajian Informasi & Perpustakaan*, *6*(2), 123-138.

Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, *13*(1), 83-98

Sánchez Sánchez, S. (2018). El empleo de los animales en los refranes y expresiones idiomáticas y su traducción del chino al español (dificultades de matices y símbolos culturales y sus equivalencias). *Trabajo de Fin de Grado*, Universidad de Alicante. Retreived February 15 2021, from https://rua.ua.es/dspace/bitstream/10045/76862/1/El_empleo_de_los_animales_en_los_refranes_y_expresiones_SANCHEZ_SANCHEZ_SARA.pdf

Sanusi, S. (2004). *Mengenal anjing*. Depok: Niaga Swadaya.

Sriwahyu Istana Trahutami. (2015). Nilai Sosial Budaya Jepang dalam Peribahasa Jepang yang Menggunakan Konsep Binatang. *Izumi*, *4*(1), 64-71.

Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (யானை) Dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (Apj)*, *3*(2), 134-146.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali. (2007). Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu, 18,* 157-171.

Vyshnya, N., & García Jove, M. (2005). Simbolismo de las paremias con el elemento animal en español y ucraniano. *Paremia*, *14*, 193-201.

ANALISIS PRAGMATIK MAKNA KONSEPTUAL DAN MAKNA PROSEDUR LEKSIKAL 'ATAU' DALAM UJARAN DAN KESANNYA TERHADAP PROSES PENGINTERPRETASIAN OLEH PEMBACA

Hasmidar bt Hassan
Universiti Sains Malaysia
hasmidar@usm.my

Radiah Yussoff
Universiti Sains Malaysia
radiah@usm.my

ABSTRAK

Kajian tentang makna leksikal dalam ujaran sering tertumpu pada leksikal yang mendukung makna konsep yang jelas, atau yang mempunyai makna rujukan yang berhubungan secara langsung dengan objek atau rujukan tertentu. Namun, tidak banyak kajian makna yang dibuat tentang leksikal yang hanya mendukung fungsi tertentu dalam ayat ataupun ujaran. Hal ini berlaku berkemungkinan kerana teori semantik yang sedia ada kebanyakannya memerihal atau menganalisis makna leksikal ini secara terpisah dan tidak melibatkan konteks ayat ataupun ujaran. Justeru, makna leksikal seperti 'atau' yang tidak mendukung makna konsep yang jelas dan dikatakan para penahu lalu sebagai hanya mendukung fungsi tertentu dalam ayat ataupun ujaran harus diteliti dan dianalisis berdasarkan pendekatan pragmatik. Dengan memanfaatkan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada, kajian yang menerapkan teori Relevans ini dijangka mampu memerihal makna yang dikonseptualisasikan leksikal 'atau' dan makna prosedurnya secara deskriptif serta menjelaskan kesan penggunaannya dalam konteks ayat ataupun ujaran terhadap proses penginterpretasian pembaca. Pendekatan pragmatik ini diyakini dapat menjadi satu kaedah alternatif yang berpada bagi memperkemas dan mengukuhkan lagi kajian makna leksikal yang sedia ada, khususnya leksikal yang tidak termasuk dalam golongan leksikal yang utama dalam bahasa Melayu, iaitu kata nama, kata kerja dan adjektif.

Kata kunci : makna konseptual, makna prosedur, leksikal, teori Relevans, pragmatik.

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang amat penting bagi manusia. Sebagai alat komunikasi, bahasa digunakan untuk menyampaikan mesej, maklumat, idea, pendapat, dan ilmu oleh sesuatu komuniti bahasa. Untuk memastikan matlamat komunikasi ini dapat dicapai dengan berkesan para pengguna bahasa haruslah memastikan bahasa yang digunakan dapat menyampaikan maksud yang dihajati. Dalam hal ini, pengguna bahasa harus memilih setiap komponen bahasa khususnya kosa kata yang bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan. Sekiranya seseorang pengguna bahasa tidak dapat memilih kosa kata dan membina ayat yang bersesuaian maka maklumat atau idea yang ingin disampaikan tidak akan berjaya. Pemilihan dan penggunaan leksikal atau kosa kata yang sesuai dalam menyampaikan maklumat amat penting kerana setiap kata yang digunakan dalam sesuatu ujaran itu mendukung makna konsep atau makna kognitif yang tertentu dan mempunyai fungsi dan tugas untuk memandu atau membimbing pendengar untuk memproses dan memahami makna ujaran yang disampaikan. Oleh sebab aspek kata yang membentuk sesuatu ujaran mendukung peranan yang penting bagi membolehkan makna sesuatu ujaran itu difahami, maka aspek kata ini sentiasa dikaji dan dianalisis dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teori. Antara golongan kata yang sering mendapat perhatian pengkaji ialah kata kerja, kata nama dan adjektif. Ketiga–tiga golongan kata ini banyak dikaji oleh pengkaji di Malaysia dengan menggunakan pendekatan struktural, fungsional, tatabahasa generatif dan linguistik kognitif yang mengkajinya dari sudut sintaksis, semantik dan pragmatik. Bagaimanapun, golongan kata tugas yang terkandung di dalamnya beberapa banyak sub kata tugas lain amat jarang dikaji. Kata hubung misalnya, kata yang berfungsi untuk menghubungkan frasa atau klausa dalam sesuatu ayat belum banyak dikaji dengan perinci sedangkan kata tugas jenis ini

juga mempunyai peranan dan fungsi yang penting dalam sesuatu ayat atau ujaran. Tanpa menggunakan kata hubung, makna sesuatu ayat atau ujaran mungkin tidak dapat disampaikan dengan jelas dan sempurna.

Kajian oleh Hasmidar Hassan (2006) tentang kata hubung 'dan' dan ' tetapi' misalnya telah membuka ruang untuk kajian tentang kata hubung terus diteliti berdasarkan data korpus yang berkonteks. Oleh itu, bagi meneruskan kajian seumpama itu, maka penulisan ini diketengahkan bagi meneliti fenomena penggunaan kata hubung 'atau' yang juga tergolong sebagai kata hubung gabungan menurut sarjana seperti Za'ba (2000), Nik Safiah Karim, et al. (2010) dan Asmah Hj Omar (2015), Abdullah Hassan (1993) dan beberapa penahu lain. Seperti kajian Hasmidar Hassan (2006), penulisan ini bukan sahaja meneliti kata hubung 'atau' dari segi strukturnya malahan turut meneliti fenomena dan ragam penggunaan kata hubung 'atau' serta makna yang diimplikasikan oleh kata hubung ini dalam konteks ayat ataupun ujarannya. Bagi meneliti fenomena dan ragam penggunaan kata hubung 'atau' dalam ujaran ataupun ayat yang berkonteks, maka kajian ini memanfaatkan pendekatan pragmatik khususnya teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995). Dengan memanfaatkan teori ini, dijangkakan makna yang diimplikasikan oleh kata hubung 'atau' ini dapat dirungkai berdasarkan penggunaannya dan kemungkinan kata hubung ini mengimplikasikan makna yang berbeza dan digunakan untuk tujuan yang melampaui peraturan dan tatabahasa bahasa Melayu seperti yang dihuraikan oleh penahu sebelum ini juga dijangkakan. Berdasarkan analisis teori Relevans juga, penggunaan kata hubung ini dijangkakan turut mempengaruhi proses penginterpretasian pendengar / pembaca bagi memahami ayat atau ujaran yang disampaikan.

JUSTIFIKASI PEMILIHAN KATA HUBUNG GABUNGAN 'atau ' SEBAGAI DATA KAJIAN

Justifikasi pemilihan kata hubung 'atau' sebagai data kajian bertitik tolak daripada kajian yang dijalankan Hasmidar Hassan (2006) sebelum ini tentang kata hubung 'dan' dan 'tetapi' bersumberkan data korpus. Ertinya, kajian tentang kata hubung tersebut tidak berasaskan beberapa ayat tunggal yang dibina berdasarkan intuisi penulis sendiri, sebaliknya berdasarkan data yang terhasil dalam satu persekitaran yang asli, dirakamkan dan kemudiannya dianalisis dengan mengambil kira konteks yang terlibat dalam penghasilan data tersebut. Kajian bahasa tersebut yang melampaui batas nahu dan melibatkan konteks penggunaan jelas mampu memberikan satu pemahaman baru pada data tersebut secara amnya dan pada BM khususnya. Selain kajian Hasmidar Hassan (2006), kajian yang dilakukan oleh pengkaji di barat, misalnya oleh Blakemore (1985, 1988, 1989, 2000, 2002, 2003, 2005), Blakemore dan Carston (1999,2004), Blass (1989a, 1990), Breul, C. (2007), Fretheim, T. and I. Vasko (2004) Carston (1992, 2002), Iten, C (1997, 1998, 2000, 2002, 2003) Kitis (1998), Gutt (1988, 1999), Al-Jarrah, R.S., A.M. Abu Dalu and M. Jarrah (2015) Alonso-Almeida, F. (2008), Andone, C. (2003), Bardzokas, V. (2009), Hayano, K. (2004) Higashimori, I. (1997), Hussein, M.M. (2009), Khir Eldeen, U. (2018), Lin, Z., H. Liu and Z. Lizhi (2008), Meyer, P.G. (2000), Olmos, S. (2010, 2012), Rouchota, V. (1990),Takeuchi, M. (1997, 2009), Vaskó, I. (2000),Verano, R. (2018), Zhou, Y. (2008), Zufferey, S. (2014) dan beberapa pengkaji lain lagi terhadap kata hubung, turut membuktikan bahawa penggunaan kata hubung dalam ujaran menimbulkan beberapa persoalan yang harus diperjelas dan ditafsir dengan perinci berdasarkan pendekatan pragmatik.

Melihat bilangan kajian tentang kata hubung yang banyak dikaji oleh pengkaji luar negara ini tentunya sudah cukup untuk membuktikan bahawa kata ini juga mendukung fungsi yang penting dalam ujaran atau ayat yang dibina. Justeru, bagi memberikan input dan maklumat baharu tentang fungsi dan makna yang diimplikasikan oleh kata hubung 'atau' dalam kosa ilmu bahasa Melayu, maka kajian ini memanfaatkan teori Relevans khususnya idea makna prosedur yang diperkenalkan oleh Blakemore dalam meneliti kata hubung 'atau'.

PEMERIAN KATA HUBUNG OLEH SARJANA TERDAHULU

Yang berikut merupakan huraian tentang kata hubung oleh sarjana lalu yang berasaskan beberapa pendekatan yang berbeza.

Huraian yang diberikan oleh Za'ba dapat dikatakan sebagai huraian berasaskan struktur kerana Za'ba mendefinisi kata hubung berdasarkan bentuknya sahaja, iaitu pemerian yang berdasarkan tugas atau fungsinya dalam struktur ayat. Hal ini selaras dengan ulasan yang diberikan oleh Asmah Haji Omar dalam pengenalan Pelita BM Penggal I–III edisi Baharu (2000, xxiii), iaitu:

> " Untuk perkataan sendi, kriteria yang digunakannya adalah kriteria fungsi, yakni perkataan sendi didefinisikan sebagai "perkataan yang menyambungkan antara perkataan dengan perkataan atau antara bahagian – bahagian cakap, seperti **dengan, oleh, akan, dan, atau**, **tetapi, jika** (PBM I, Bab VII, hlm. 81, Perenggan 118). Kriteria ini mungkin terpaksa digunakannya untuk perkataan–perkataan sendi **kerana kata–kata ini sukar diterangkan berdasarkan makna".**

Za'ba (2000, 183) menggolongkan kata hubung kepada sendi kata yang khas dipakai jadi penyambung menghubungkan di antara perkataan–perkataan yang sejenis, atau di antara bahagian–bahagian cakap, atau di antara ayat–ayat. Bagi maksud kata hubung gabungan, Za'ba menamainya sebagai sendi kata penambah, iaitu ialah yang menyambungkan perkataan–perkataan atau ayat–ayat tambahan sahaja kepada bahagian yang dahulunya dengan tidak menjadikan sambungan itu penolong atau penerang kepada bahagian yang disambung. Yang demikian masing–masing bahagian itu berdiri sendiri, sama taraf dan sama besar. Tiap–tiap dua bahagian yang disambungkan oleh salah satu sendi kata ini samalah sahaja besar pangkatnya, yakni masing–masing bahagian itu bersendiri tidak bergantung kerjanya kepada bahagian yang lainnya itu.

Selain Za'ba, huraian dan definisi yang diberikan oleh Tabahasa Dewan juga digolongkan sebagai analisis berasaskan struktur. Hal ini dapat dibutikan berdasarkan huraian Nik Safiah Karim et. al (2010, x1iii) seperti berikut :

> "... dapat dilihat bahawa buku ini mengekalkan beberapa banyak sifat huraian tatabahasa tradisi, di samping memperkenalkan pendekatan–pendekatan baharu di sana sini. Pada satu pihak, cara analisis tatabahasa dalam buku ini kelihatan tidak jauh berbeza daripada yang terdapat dalam karya–karya Za'ba; yang berlainan mungkin peristilahannya."

Bagaimanapun, Nik Safiah Karim, et. al (2010) tidak menghuraikan fungsi kata hubung *atau*, sebaliknya hanya memberikan huraian umum tentang kata hubung. Jelas beliau, kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua binaan ayat atau lebih yang sama tara sifatnya sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Ayat yang terbentuk yang menggunakan kata hubung gabungan ini disebut ayat majmuk gabungan.

Definisi dan huraian yang diberikan oleh Abdullah Hassan (1993) juga digolongkan sebagai analisis berasaskan struktur. Huraian beliau kelihatan menyamai huraian yang diberikan Tatabahasa Dewan iaitu kata hubung gabungan menghubungkan dua ayat atau lebih menjadi ayat majmuk.

PEMERIAN KATA HUBUNG OLEH ASMAH HJ OMAR

Pemerian kata hubung oleh Asmah Hj Omar kelihatan berbeza daripada pemerian sarjana di atas. Huraian dan definisi yang diberikan oleh Asmah lebih perinci dan dapat digolongkan sebagai analisis nahu sistem dan makna. Hal ini jelas apabila Asmah Hj Omar menegaskan bahawa pemaparan nahu dalam Nahu Melayu Mutakhir tidak terikat pada satu aliran tertentu dan asasnya, pemerian nahunya berdasarkan nahu sistem (*systemic grammar*), di samping mempertimbangkan juga pendekatan struktural, analisis unsur terdekat, analisis makna komponen dan analisis wacana (2015).

Asmah (2015) memberikan maksud kata hubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Bagi maksud kata hubung gabungan, Asmah menamainya sebagai kata penghubung setara, iaitu kata yang menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya. Bagi klausa, klausa yang dihubungkan

merupakan klausa utama . Menurut Asmah Hj Omar (2015), kata hubung 'atau' menyatakan pilihan antara dua proposisi, kalau bukan x maka y. Atau dapat menghubungkan dua subjek, predikat, objek atau adverba.

Pemerian kata hubung oleh para sarjana bahasa di atas membolehkan satu kesimpulan tentang kata hubung dibuat, iaitu kata hubung khususnya kata hubung gabungan ialah kata yang menghubungkan dua atau lebih frasa atau klausa yang setara sifatnya. Kesemua definisi atau pemerian yang diberikan oleh para sarjana bahasa di atas digolongkan sebagai definisi ataupun pemerian asal kata hubung gabungan.

Teori Relevans

Analisis kata hubung 'atau' dalam kertas kerja ini memanfaat pendekatan pragmatik khususnya teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada 1986 dan edisi kedua pada 1995. Teori ini merupakan pendekatan terhadap komunikasi dan pemahaman ujaran yang didasari oleh huraian asas bahawa komunikasi manusia terletak pada notasi relevans, notasi yang didasari oleh pandangan umum tentang kognisi manusia (Blakemore (1992). Bagi TR, dalam proses penginterpretasian ujaran atau pun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (S&W, 1995). Dalam usaha memproses ujaran, pendengar akan berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan. Jelas Sperber dan Wilson, relevans optimum dijangkakan dapat dicapai kerana *" To say that a proposition carries the presumption of relevance is to say that it yields the contextual effects which are necessary for the utterance which expresses it to achieve the level of optimal relevance "* (Blakemore dan Carston, 1999). Gagasan S&W ini turut disokong oleh Louis, yang menyatakan bahawa "*The ability to make relevant points is a fundamental competence that all normal human beings share. Individuals who systematically lack it are considered insane. We are endowed with a genuine pragmatic judgement "* (http://www.infres.enst.fr/~jld/papiers/pap.conv/chomsky.html)

Bagi mencapai relevans yang otimum, pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevans pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevans pada seseorang individu hanya apabila pemprosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif, S&W (2002).

Prinsip-prinsip TR

TR didasari oleh dua prinsip relevans, iaitu prinsip tentang peranan relevans dalam kognisi dan komunikasi manusia yang mengambil pandangan teori kognitif umum terhadap kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevans dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran.

i. Prinsip Relevans Kognitif :
   - Kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang maksimum.

Prinsip yang menjadi idea asas TR ini menjelaskan bahawa kecenderungan kognitif yang sejagat untuk memaksimumkan relevans menjadikan prinsip relevans ini berkemungkinan, dan sekurang–kurangnya untuk menjangkakan dan memanipulasi keadaan pemikiran '*mental states'* penutur. Menurut S&W (2002), oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevans dalam persekitarannya dan memproses input–input ini bagi mencapai relevans yang paling maksimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan. Penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevans yang optimum.

ii. Prinsip Relevans Komunikatif

- Setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan suatu andaian relevans yang optimum

S&W menjelaskan bahawa Prinsip Relevans Komunikatif dan Relevans Optimum merupakan kunci bagi teori Relevans kerana rangsangan ostensiflah yang mewujudkan andaian relevans yang optimum melalui usaha memproses dan kesan konteks. Justeru, S&W (1995) telah mengetengahkan formulasi baru dalam edisi keduanya, iaitu andaian bagi relevans yang optimum bergantung pada dua perkara yang berikut, iaitu (a). rangsangan ostensif cukup relevans bagi pendengar berusaha memprosesnya; dan (b). rangsangan ostensif adalah yang paling relevans dan bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur.

Klausa (a) menjelaskan bahawa relevans optimum dicirikan oleh rangsangan yang ostensif yang sekurang–kurangnya cukup relevans untuk diproses oleh pendengar dibandingkan dengan sebarang input alternatif yang lain pada masa itu. Manakala klausa (b) bermaksud bahawa relevans yang optimum dicirikan oleh rangsangan ostensif yang paling relevans yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Bagi membolehkan pendengar mencapai relevans yang optimum, penutur perlu menjadikan rangsangan ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan mencapai kesan kognitif yang dihajati. Oleh sebab penutur itu sendiri bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami maka, apabila penutur menghasilkan rangsangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (S&W, 1995).

Selain dua prinsip asas yang mendasari teori ini, konsep kesan kognitif, usaha memproses dan kos memproses, idea tentang konsep makna prosedur yang digagaskan oleh Blakemore dalam teori Relevans ini juga akan dimanfaatkan. Makna prosedur didefinisi sebagai elemen yang memandu proses penginterpretasi bagi memperoleh maklumat konseptual dan maklumat konseptual ini merangkumi maklumat tentang perwakilan entiti. Maklumat konseptual untuk kata hubung dijelaskan pada tahap entelmen, eksplikatur dan implikatur, termasuk kemungkinan atau fakta hubungan sebab akibat. Blakemore (1992) mencadangkan makna prosedur bagi kata hubung mengekod kesan kognitif yang dihajati. Dengan kata lain, kata hubung yang digunakan dalam ujaran bertujuan untuk mengekang proses penginterpretasian yang harus dilakukan oleh pendengar.

Analisis Pragmatik Makna Konseptual dan Makna Prosedur Leksikal 'atau' Dalam Ujaran Dan Kesannya Terhadap Proses Penginterpretasian oleh Pembaca

Bagi memperlihatkan kepelbagaian ragam penggunaan kata hubung *atau* dalam konteks sebenar, data bagi kata hubung ini diperoleh daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai kajian awal tentang kata hubung *atau*, data subkorpus yang dipilih hanyalah daripada akhbar, majalah dan buku. 100 data yang pertama dianalisis bagi memperlihatkan makna konseptual atau makna prosedur yang didukung oleh kata hubung *atau*. Namun, untuk tujuan penulisan kertas kerja ini, hanya tiga data yang akan dibincangkan bagi memperlihatkan makna yang didukung kata hubung atau ini dan kesannya terhadap proses penginterpretasian pendengar berdasarkan gagasan idea teori Relevans dan idea yang dicadangkan oleh Blakemore (1992) tentang makna prosedur.

Analisis kata hubung *atau*

Data 1

1. Konflik harga diri ini menyebabkan remaja menjadikan rakan sebaya sebagai `tempat mengadu. Malah, mereka juga akan melakukan sesuatu yang drastik bagi membuktikan mereka boleh berdikari **atau** mampu bertindak seperti orang dewasa.

(Roha Hassan. *Kesilapan ibu bapa didik anak remaja.* Agama, 2003)

Dari segi struktur, ternyata penggunaan kata hubung *atau* berfungsi untuk menggabungkan dua klausa yang setara. Bagi data 1, kata hubung atau didapati menggabungkan predikat dalam klausa yang menjadi objek ayat komplemen tersebut. Hal ini selaras dengan definisi bagi kata hubung yang diberikan kebanyakan sarjana bahasa sebelum ini. Contohnya :

i. Malah, mereka juga akan melakukan sesuatu yang drastik bagi membuktikan [bahawa] mereka boleh berdikari

ii. Malah, mereka juga akan melakukan sesuatu yang drastik bagi membuktikan [bahawa] mereka mampu bertindak seperti orang dewasa.

Namun, apabila ayat ini diinterpretasi dengan memanfaatkan setiap leksikal yang mendukung makna konsep yang tertentu yang dapat membantu kita sebagai pendengar/pembaca ujaran ini, maka kata hubung *atau* didapati bukan hanya mendukung fungsi sebagai penghubung frasa atau klausa malahan mengimplikasikan makna yang tertentu. Berdasarkan pandangan Blakemore (1992), kata hubung ini mendukung makna prosedur yang berfungsi untuk memandu proses pemahaman/inferens pembaca dengan mengekang pembinaan konteks dan/atau penghasilan kesan kognitif[1]. Jika ujaran ini diteliti, maksud yang ingin disampaikan bukanlah menyatakan pilihan antara dua proposisi seperti contoh yang diberikan oleh Asmah Hj Omar bagi penggandingan pada objek, iaitu :

iii. Kami akan mengundang dia ***atau*** wakilnya ke mesyuarat itu.

Namun, dalam konteks data 1, penggunaan kata hubung *atau* ternyata bertujuan menyampaikan maksud yang berbeza. Yang dimaksudkan oleh ayat ini bukan pilihan antara dua proposisi sebaliknya ayat ini bermaksud 'mereka juga akan melakukan sesuatu yang drastik bagi membuktikan mereka boleh berdikari **dan** mereka mampu bertindak seperti orang dewasa. Dengan kata lain, kata hubung *atau* dapat berganti dengan kata hubung *dan* yang mendukung maksud sebagai tambahan[2]. Dalam konteks ayat ini, maksud ujaran ini tidak bermaksud menyatakan pilihan kerana 'membuktikan [bahawa] mereka boleh berdikari' dan 'mereka juga harus mampu bertindak seperti orang dewasa' tidak setara dari segi tingkah lakunya, tidak seperti ayat iii). Yang menggandingkan 'dia' dengan 'wakilnya'. Berdasarkan syarat kebenaran, jika 'mereka' dapat berdikari, ertinya mereka juga harus bertindak seperti orang dewasa, melakukan semua pekerjaan sendiri, bekerja dan memperoleh pendapatan serta menguruskan setiap perbelanjaan sendiri. Berdasarkan syarat kebenaran juga, hanya orang yang mempunyai pekerjaan mampu berdikari kerana segala kos sara hidup dapat ditanggung dengan pendapatannya. Namun bagi seorang remaja yang masih di bawah tanggungan ibu bapanya, mungkin dapat berdikari dalam menguruskan akiviti hariannya tetapi tidak mungkin dapat bertindak seperti orang dewasa dalam menguruskan kos sara hidupnya jika tidak bekerja. Maka, bahagian objek klausa yang digabungkan ini bukanlah pilihan sebaliknya dua perkara drastic yang cuba dilakukan oleh remaja. Penggunaan kata hubung *atau* dalam konteks ayat ini ternyata digunakan dengan tujuan untuk memberikan maksud tambahan bukannya pilihan dan hal ini terbukti berdasarkan penggantian kata hubung *atau* dengan kata hubung *dan*.

Data 2

2. Selain itu, katanya, sistem pengurusan akademik elektronik **atau** eakademik turut dilaksanakan bagi memastikan pengurusan akademik yang lebih berkesan.

Khairina Yasin. *KUiTTHO laksana e-Senat.* Pendidikan, 2003

Data 2 memperlihatkan ragam penggunaan kata hubung *atau* yang juga menarik untuk dibincangkan. Pada peringkat struktur ayat, kata hubung *atau* ini jelas berfungsi sebagai penghubung yang menggabungkan dua frasa atau klausa yang setara. Berdasarkan ayat 2, frasa yang digabungkan ialah **sistem pengurusan akademik elektronik** dengan **eakademik**. Fungsi jelas bertepatan dengan pemerian yang diberikan oleh para sarjana sebelum ini yang memerikan kata hubung sebagai jenis kata yang menghubungkan dua binaan ayat atau lebih yang sama tara sifatnya sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk.

Namun, apabila konteks ayat ataupun ujaran ini diteliti secara keseluruhan, didapati penggunaan kata hubung *atau* bukan hanya mendukung fungsi sebagai kata yang menggabungkan frasa atau klausa, malahan

1 Untuk memahami dengan lebih lanjut teori ini, sila rujuk Wilson, Deirdre (2016).

2 Rujuk Hasmidar Hassan (2006) untuk maksud kata hubung dan.

turun memberikan kesan terhadap proses penginterpretasian ayat ataupun ujaran ini kepada pendengar/pembaca. Jika ayat 2 diteliti, frasa yang digabungkan ialah **sistem pengurusan akademik elektronik** dan **eakademik**. Bagaimanapun, **Eakademik** bukanlah maklumat baharu/ sistem baharu yang ingin disampaikan dalam ayat ini, selain **sistem pengurusan akademik elektronik** sebaliknya hanyalah nama lain bagi **sistem pengurusan akademik elektronik** yang tersebut. Maka, **sistem pengurusan akademik elektronik** dan **eakademik** bukanlah dua perkara yang berbeza, sebaliknya frasa nama yang berupa singkatan bagi merujuk sistem pengurusan akademik secara elektronik juga**.** Oleh itu, huraian yang diberikan oleh Asmah Hj Omar (2015) tentang kata hubung 'atau' sebagai menyatakan pilihan antara dua proposisi, kalau bukan x maka y tidak dapat diterima berdasarkan konteks ayat ini. Dalam hal ini, penggunaan kata hubung *atau* bermaksud untuk menyatakan nama lain bagi rujukan yang sama. Dengan kata lain, tujuan frasa yang digabungkan ini iaitu **eakademik** adalah untuk memberikan penekanan atau pengulangan dengan menggunakan nama lain bagi **sistem pengurusan akademik elektronik.** Penggunaan struktur ayat sebegini penting bagi memberikan maklumat kepada pembaca agar tidak terkeliru antara kedua-dua frasa nama tersebut yang merujuk sistem yang sama.

Hal yang sama berlaku pada ayat 3 yang berikut:

3. Pada masa sama, katanya, syarikat itu akan memperkenalkan konsep mengitar air basuhan **atau** *grey water* untuk diguna semula sebagai air minuman di rumah, sekolah dan hospital.
Kilang RM15 juta tingkat pengeluaran Waterco. Ekonomi, 2004

Penulis menggunakan kata hubung *atau* bagi menggabungkan FN air basuhan dengan *grey water* bagi memberikan penekanan pada air basuhan tersebut. Dalam konteks ayat ini, penulis menggunakan kosa kata bahasa Inggeris *grey water*, iaitu nama lain bagi merujuk referen yang sama iaitu air basuhan. *Grey water* atau *sullage* ditakrifkan sebagai air kumbahan yang dijana daripada basuh tangan basuh, pancuran mandian dan mandi, yang boleh dikitar semula di tempat untuk kegunaan seperti pembilasan WC, pengairan landskap dan tanah lembap yang dibina (https://educalingo.com/ms/dic-en/grey-water).

Dalam konteks ayat 1, 2 dan 3, penggunaan kata hubung *atau* jelas bukanlah leksikal yang mendukung makna konseptual dan hanya berfungsi dalam struktur ayat bagi menggabungkan frasa atau klausa yang setara. Namun, dari perspektif teori Relevans, khususnya idea yang digagaskan oleh Blakemore (1992), kata hubung *atau* ini mendukung makna prosedur yang mengekang dan membantu pembaca dalam proses penginterpretasian ayat dengan betul bagi mencapai maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Jelas Blakemore (2000), kata hubung ini ialah "*the means for increasing the salience of a particular kind of inferential computation*" (2000).

Walaupun kata hubung *atau* tidak mengekodkan sebarang konsep (*conceptual encoding*) yang boleh dikonsepsikan atau dirujuk pada rujukannya oleh akal manusia tetapi kata hubung *atau* dan mana-mana kata hubung lain mengekodkan prosedur (*procedural encoding*) atau satu tatacara yang dapat membantu pembaca atau pendengar memproses konsep–konsep yang dikodkan bagi mentafsir dan memahami sesuatu ayat dengan betul seperti yang dihajati oleh penulis atau penutur. Hal ini terbukti apabila kata hubung *atau* digugurkan dan hasilnya ayat tanpa kata hubung *atau* sukar ditafsir dan difahami bagi mencapai maksud sebenar seperti yang ingin disampaikan penulis.

KESIMPULAN

Huraian yang dibuat berdasarkan 3 ayat yang dipetik daripada pangkalan data korpus DBP di atas menunjukkan bahawa pendekatan pragmatik khususnya TR yang mengambil kira aspek–aspek konteks dapat menunjukkan bahawa penggunaan kata hubung *atau* bukan hanya berfungsi sebagai kata yang menghubungkan dua atau lebih frasa atau klausa malahan penggunaan kata hubung *atau* dalam ayat mengimplikasikan maksud tertentu yang tercetus hasil interaksi kata hubung ini dengan frasa atau klausa yang digabungkannya. Dengan mengambil maklumat linguistik sebagai input (bentuk logik dan makna semantik) yang diproses berdasarkan inferensi pragmatik (mengaitkan konteks dan penggunaan) maka makna proposisi yang diimplikasikan oleh

kata hubung ini seperti yang dihajati penutur dapat diperoleh.

Walaupun kata hubung *atau* tidak mengekodkan sebarang konsep (*conceptual encoding*) yang boleh dikonsepsikan atau dirujuk pada rujukannya oleh akal fikiran manusia tetapi kata hubung ini mengekodkan prosedur (*procedural encoding*) atau satu tatacara yang dapat membantu pembaca atau pendengar memproses konsep–konsep yang dikodkan bagi mentafsir dan memahami sesuatu ayat dengan betul seperti yang dihajati oleh penulis atau penutur. Peranan kata hubung *dan* sebagai petunjuk yang dapat memandu pembaca atau pendengar dalam proses penginterpretasian sesuatu ayat atau ujaran terjalin dengan baik berdasarkan pertimbangan TR dengan andaian asasnya, iaitu penutur sentiasa bermatlamat untuk memastikan ujaran yang disampaikannya dapat ditanggap semudah mungkin oleh pendengar.

Selain dapatan di atas, dipercayai juga bahawa lebih banyak maksud implisit lain lagi yang mungkin diimplikasikan oleh kata hubung *atau* ini jika analisis melibatkan data korpus yang lebih banyak dan meluas. Hai ini dikatakan demikian kerana maksud yang berbeza–beza yang diimplikasikan oleh kata hubung berkait rapat dengan konteks dan makna linguistik klausa–klausa yang digabungkannya, iaitu interaksi antara struktur dan maklumat linguistik dengan prinsip–prinsip pragmatik dan cara akal kita mengorganisasikan maklumat kepada senario yang berhubungan.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.

Asmah Hj. Omar. (2015a). *Nahu Melayu mutakhir*. Ed. baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Blakemore, D. (1992). *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell.

Blakemore, D. (1995). Relevance theory. Dlm. Verschueren, J.-O, Ostman & Blommaert, J. J (pnyt.) *Handbook of Pragmatics*, hlm. 443-452. Amsterdam: John Benjamins.

Blakemore, D. (2000). Indicators and procedures: *Nevertheless* and *but*. *Journal of Linguistics 36*(3): 463-486.

Blakemore, D. and R. Carston (1999). The pragmatics of *and*-conjunctions: The non-narrative cases. *UCL Working Papers in Linguistics* 11: 1-20.

Dessalles, J. Louis. 1998. On pragmatic competence. (atas talian) http://www.infres.enst.fr/~jld/papiers/pap.conv/chomsky.html (13 Mac 2021).

Definisi grey water dicapai daripada https://educalingo.com/ms/dic-en/grey-water pada 31 Mac 2021

Hasmidar Hassan. (2006). *Kata Hubung "Dan" dan "Tetapi" : Satu Analisis Perbandingan Nahu dan Pragmatik.* Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan.* Ed. Baharu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sperber & Wilson. (1995). *Relevance Communications & Cognition (Second Edition).* United Kingdon: Blackwell Publisher Ltd.

Zainal Abidin Ahmad. (Za'ba). 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Ed. baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

POLITENESS STRATEGIES IN BUY AND SELL TRANSACTIONS: A CRITICAL ANALYSIS OF IDEOLOGY AND SOCIOCULTURAL VALUES OF MINANGKABAU TRADERS.

Hetti Waluati Triana
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
hettitriana@uinib.ac.id

Eka Putra Wirman
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
ekaputrawirman@uinib.ac.id

Martin Kustati
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
martinkustati@uinib.ac.id

Nelmawarni
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
nelmawarni@uinib.ac.id

Warnis
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
warnis@uinib.ac.id

Reflinaldi
Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia
reflinaldi@uinib.ac.id

ABSTRACT

This study aims to critically elaborate representations of ideology and sociocultural values in politeness strategies among Minangkabau traders. The respondents of this research were traders of Pasar Raya, Padang. Data were collected using the technique of engaging listening and recording techniques. The data collected in the recorder is then transcribed into a transcript of the conversation and coded. Data analysis was carried out by referring to the qualitative analysis stages of Miles and Huberman consist of data reduction, data presentation, and conclusion drawing. The results showed that there were six positive politeness strategies used by Minangkabau traders: exaggerate (9,1%); intensify interest to hearer (15,5%); joke (6,5%); assert common ground (18,1%); offer and promise (30,3%); be optimistic (20,5%). This research shows that there is a typical utterance ideology among Minangkabau traders. Minangkabau traders have a strong sociocultural background in the trade sector. In this research, it is proved by their language ability in communicating with buyers.

Keywords: politeness strategies, ideology, sociocultural value, Minangkabau traders.

INTRODUCTION

Language politeness plays an important role in trade communication (Goudarzi et al., 2015; Hoseini et al., 2014; Revita et al., 2017). In selling a merchandise, the traders speak persuasive words to the buyer so that they are interested in buying the merchandise. In this context, language politeness will tend to be liked because it can provide communication convenience for buyers. This phenomenon makes language politeness a means of trade promotion for traders (Danilina et al., 2019; Fasasi et al., 2018 Khalik & Supatmiwati, 2015, 2019). Either directly or indirectly, traders try to build positive politeness strategies to attract buyers' attention (Iqbal et al., 2020; Issa, 2017; Putra & Thahira, 2021). They pay attention to

communication patterns so that utterances can have a practical pragmatic effect on the buyers.

This phenomenon occurs in almost all geographic and ethnic areas, including Minangkabau. As an ethnic group rich in customs, Minangkabau has been known for its long trading tradition (Nelmawarni & Husin, 2011; Sismudjito & Munaf, 2015). For the Minangkabau ethnicity, trading is not just an activity of making money, but more than that, it implements a life philosophy. Through trading, the Minangkabau people pass on their noble characters to the next generation (Hastuti et al., 2015). The Minangkabau ethnic group uses trading activities as a means of training and internalizing their cultural values. Therefore, it is no wonder that the study of (Maulana, 2017) and (Rahman et al., 2017) shows the thickness of ethical and sociocultural values in Minangkabau ethnic trade communication.

Relate to the linguistic reality as explained earlier, Minangkabau traders are famous for their positive politeness (Erlian et al., 2013; Fadhilah & Dewi, 2017). (Nasution et al., 2020) and (Revita et al., 2020) show that Minangkabau traders use various maxims to build language politeness with buyers. They apply positive politeness in all contexts and modes of utterance (Anugrah, et al., 2020). The extended trading experience among the Minangkabau ethnic groups has naturally sharpened their language politeness. If it is related to the findings of the study by (Fathira & Utami, 2019), the polite and indirect way of speaking of the Minangkabau people may also be caused by trading traditions in their life activities.

The language politeness of the Minangkabau people in trading activities cannot be seen as a single reality because the Minangkabau tradition always has a deep philosophical meaning (Nurmufida et al., 2017). This postulate is in accordance with the arguments of (Issa, 2017) and (Iqbal et al., 2020) that language politeness in trading activities is closely related to sociocultural values. Language users use lingual markers that reflect cultural and societal norms (Fairclough, 1989; 1995; Mooney & Evans, 2015). Thus, the Minangkabau traders' language politeness strategy is not sufficient only to be seen from the perspective of various maxims and forms of positive politeness strategies. This linguistic reality must also be linked to the ideology and sociocultural values (Van Dijk, 2009; Sawirman, 2016). From this perspective, the phenomenon of language politeness among Minangkabau traders will be seen as a whole.

METHOD

This research is a descriptive qualitative study using a critical approach. The writers observe the language politeness strategy of Minangkabau traders in depth and as it is (Moleong, 2005; Neuman, 2007). As a continuation of the strategy mapping, a critical approach is used to see the existence of ideology and sociocultural values in utterance (Fairclough, 1989; 1995; Van Dijk, 2009; Sawirman, 2016). Identification of the ideology and sociocultural values of Minangkabau traders behind their politeness strategies is novelty in this research. It means that the writer's critical approach becomes a distinguishing aspect from previous studies that only describe aspects of the form of language descriptively.

The research data is the utterances of Minangkabau traders in Pasar Raya, Padang. The data is taken from a group of traders who sell various merchandise in the market area. The data were collected using the observation method involving proficient recording techniques (Kesuma, 2007; Mahsun, 2005; Sudaryanto, 2005). Once stored in the recording device, the writers transcribe the data and classify them according to the data card. Data analysis was carried out using the matching method (Sudaryanto, 2015), where the writer relates the data to the context in the utterance event. In analyzing the data, the writers refer to the qualitative analysis stages proposed by (Miles & Huberman, 2009). At the first stage, the writers do data reduction, then the data were presented and analyzed in accordance with the research questions. In the final stage, the writers draw conclusions which are the answers to the research questions.

RESULT

This study aims to explain the representation of ideology and sociocultural values in language politeness strategies among Minangkabau traders. The results were divided into two to answer these research questions. The first is the kind of politeness strategies used by Minangkabau traders. The authors use Brown &

Levinson's (1987) theory which focuses on strategies to build positive politeness. The second is the ideology and sociocultural values in the utterances of Minangkabau traders. The authors use the theory of discourse practice and social practice proposed by Fairclough (2009). The culmination of the analysis in the discussion section is to clarify the point of contact on the answers to these two problems. The results of the study are explained as follows.

Politeness Strategies of Minangkabau Traders

Based on the research data consisting of 133 utterances, it was found 6 forms of politeness strategies used by traders: exaggerate; intensify interest to hearer; joke; assert common ground; offer and promise; be optimistic. The number and percentage of each form of politeness strategy can be seen in Table 1 below.

TABLE 1. Number and Percentage of Politeness Strategies of Minangkabau Traders

Politeness strategies	Number of Utterance	Percentage
Exaggerate	11	9,1 %
Intensify interest to hearer	19	15,5 %
Joke	8	6,5 %
Assert common ground	22	18,1 %
Offer and promise	37	30,3 %
Be optimistic	25	20,5 %
Total	**122**	**100%**

As a form of politeness, exaggerate shows the efforts of Minangkabau traders to sympathize to buyers. In an utterance event, this effort takes the form of sympathy markers such as "onde" and "nde" which mean to regret an event. The markers "onde" and "nde" in the Minangkabau language have various implications of meaning, including admiration and surprise. However, in an utterance event between a seller and a buyer, the marker implies sympathy. In concrete utterance events, this form of politeness appears when the traders do not have the merchandise the buyer wants and cannot agree to the price offered by the buyer. The exaggerate form can be seen in Table 2 below.

TABLE 2. Exaggerate in the Utterances of Minangkabau Traders

Data 1		
Pembeli Penjual	: :	Yang ko lai ado ukuran yang lainnyo, da? ***Ondeh,*** *kalau itu ciek ukuran se nan ado nyo, diak.*
Buyer Trader	: :	Is there any size for this, da? ***Ondeh,*** for this, we have one size only, diak.

Meanwhile, another form of politeness strategy used by traders is intensify interest to hearer. In this form, the trader shows that he has the same opinion as the buyer. Among the similarity markers used is the word "juo". In most of the variety of conversations in Minangkabau, the word "juo" implies the meaning of

equality or participation. By using this word, the trader reinforces the buyer's opinion who in some situations is in doubt about the merchandise he will choose. This form of politeness can increase the buyer's confidence to feel more comfortable in building communication. The form of intensify interest to hearer can be seen in Table 3 below.

TABLE 3. Intensify Interest to Hearer in the Utterance of Minangkabau Traders

Data 2		
Pembeli Penjual	: :	Ma lah yang cocok warnanyo yo, ni. Awak rasonyo labiah suko yang krem ko mah. *Dek uni yo rancak **juo** warna nan krem ko lai. Ndak terlalu cerah pasangnyo di badan adiak.*
Buyer Trader	: :	Which color is better? I think I prefer cream I think the cream is good too. not too bright and suits to your skin

To create a comfortable atmosphere for buyers when communicating, traders also joke. The traders adjust the context of the utterance to the knowledge and tendencies of the buyer and deliver the utterance in the form of a joke. A joke-shaped utterance appears when a trader offers his merchandise to a buyer. Among the forms of jokes are metaphors, analogies, and personifications that compare the buyer to another figure. Among the forms of jokes utter by traders can be seen in Table 4 below.

TABLE 4. Joke in the Utterance of Minangkabau Traders

Data 3		
Pembeli Penjual	: :	Awak caliak dulu yo, da. ***Caliaklah, diak. Baju nan ko ha, kok adiak pakai, samo gagah adiak jo artis mah.***
Buyer Trader	: :	I'll see first, da. Please just take a look, diak. This dress, if you wear it, it will be manly like an artist

In the context of utterances in the trading world, traders are required to have the capacity to understand the wishes of the buyers. This situation raises the politeness of the assert common ground language. The trader positions himself to have the same knowledge as the buyer (presuppose hearer's knowledge). Pragmatically, the utterance aims to attract buyers to view and select merchandise. The trader states that he is selling the merchandise the buyer wants, then invites the buyer to see and choose the merchandise he likes. From the aspect of politeness, this utterance keeps the buyer feeling because the trader fulfills the buyer's expectations. However, from the aspect of purpose, the utterance benefits traders who intend to sell merchandise. The form of politeness for assert common ground can be seen in Table 5 below.

TABLE 5. Assert Common Ground in the Utterance of Minangkabau Traders

Data 4		
Pembeli Penjual	: :	Awak cari yang warnanyo ndak terlalu cerah, ni. ***Ko lai banyak pilihan warnanyo, diak. Abu-abu, biru lauik. Adiak caliaklah ma nan katuju.***

Buyer Trader	: :	I am looking for (clothes) in not so bright colors, ni Here there are many color choices. gray, light blue. Please find the one you want.

To convince buyers, traders also make offers and promises. This situation raises a form of politeness offer and promise. The trader offers his merchandise and promises that the merchandise is of good quality. This utterance provides convenience to the buyer. Also, the buyers assured that they will not be disappointed in the future. Through the utterance, the trader keeps the buyer's feelings who previously had doubts about the quality of the merchandise he was going to buy. From the aspect of politeness, the utterance has a positive impact on buyers. Meanwhile, from the objective aspect, this utterance provides opportunities for traders to sell their merchandise. The form of offer and promise politeness can be seen in Table 6 below.

TABLE 6. Offer and Promise in the Utterance of Minangkabau Traders

Data 5		
Pembeli Penjual	: :	Lai ndak luntur bahannyo ko, da. ***Ndak do, diak. Ko bahan nan rancaknyo mah. Ndak ka luntur gai kalau dicuci dirandam.***
Buyer Trader	: :	Does the material (of the clothes) fade, da? No. The material is good. It will not fade if you wash it.

The last form of politeness strategy found in Minangkabau Traders' utterance is to be optimistic. Traders build buyer optimism by stating the accuracy of buyers in choosing their merchandise. In this context, traders usually praise the buyer or show amazement with the merchandise the buyer has chosen. The traders' utterance that builds optimism can create a sense of comfort for buyers. This situation shows that politeness has achieved its goal. Meanwhile, the context of buying and selling as an utterance event that brings together traders and buyers provides benefits for both. The form of the be optimistic utterance can be seen in Table 7 below.

TABLE 7. Be Optimistic in the Utterances of Minangkabau Traders

Data 6		
Pembeli Penjual	: :	Awak ambiak yang ko se ciek, da. ***Kalau nan ko, ndak ragu uda do, diak. Pas bana lakeknyo di badan adiak mah.***
Buyer Trader	: :	I choose this one, da. If your choice is this one, then I don't hesitate, diak. It is fit to your body.

From the aspect of utterance context, the forms of politeness strategies practiced by Minangkabau traders above cannot be separated from trade communication in the market. The form of offer and promise (37%) and be optimistic (25%) strategies are the most widely used strategies. It is inseparable from trade interactions that require traders to make offers and promises to buyers. Thus, the aims of a pragmatic phenomenon to sell these merchandises become prevalent if certain politeness strategies dominate it.

Ideology and Sociocultural Values in the Politeness Strategies of Minangkabau Traders

The politeness strategy practiced by Minangkabau traders is a visible and empirically observable performance. This phenomenon was born due to the existence of a social paradigm and mindset that had been formed for a long time. In communicating, the Minangkabau people recognize the *alua jo patuik* principle of "flow and

fairness" which guides them to speak correctly and sensibly. In addition, there is also the principle of raso jo pareso 'feeling and thoroughness' which guides them to sharpen their sense of humanity and conscience (Miswardi, Yefri Joni, Nasfi, 2021; Munir & Pandin, 2018). These principles shape the character of polite communication and protect the feelings of the other person. The expression of these principles can be clearly seen in the utterance as already explained. Minangkabau traders create an atmosphere as comfortable as possible in communicating with buyers.

These principles build the character and way of life of the Minangkabau ethnic group that is considerate and wise. From the aspect of practiced language politeness, this ideological element is firmly attached to the Minangkabau trader person as a part of society. Naturally, this ideology leads traders to be friendly and warm to buyers. This ideology also gave birth to the Minangkabau ethnicity characteristics such as living with intelligence, shame and polite, loyal, fair, careful, vigilant, courageous because it is true, wise, diligent, and humble (Amir, 2011). Minangkabau traders speak in ideological norms that have long been established in society. Minangkabau traders' utterances automatically become a marker of identity that always associates them with the values and social order of the Minangkabau.

This view of life was inherited from time to time so that it further confirmed the sociocultural values of the Minangkabau people. The Minangkabau people have become proficient in diplomacy and compromise (Arifin, 2007; Mahardi, 2019). The Minangkabau people speak of the values of kato nan ampek 'four words' which consist of kato manurun, kato mandata, kato malereng, kato mandaki. These values shape communication flexibility among the Minangkabau ethnicity. Minangkabau ethnic groups practice various utterances according to the social status of their interlocutors. It guides them to the principle of politeness in language, where the interlocutor becomes the focus of attention to utterance. All advantages in the utterance event are given as much as possible to the interlocutor.

In the language reality practiced by Minangkabau traders, these values make them as individuals who are also adept at diplomacy and compromise. Minangkabau traders are adept at offering their merchandise and influencing buyers to buy this merchandise. Minangkabau traders' utterances are very diplomatic. They establish a verbal dialectic with a variety of buyers but can still master events well. In the practice of price bargaining, Minangkabau traders compromise their ideas with the ideas offered by buyers. The politeness strategy in language becomes a diplomatic instrument used within the boundaries of the sociocultural values above. So that, the form of agreement that exists between traders and buyers is always based on the principle of consensuality.

DISCUSSION

Based on the quantity of data, the order of the number of politeness strategies used by Minangkabau traders is offer and promise (30.3%), be optimistic (20.5%), assert common ground (18.1%), intensify interest to hearer (15, 5%), exaggerate (9.1%), and joke (6.5%). Pragmatically, this portion of the data is due to the context of utterance intended by traders. In convincing buyers to buy goods, traders make promises and optimism. This finding strengthens the study of Fasasi et al. (2018) and Khalik & Supatmiwati (2015). Basically, in the context of merchandise marketing, language politeness strategies are used for the sake of persuasion so that the marketed commodity can be accepted by the buyer. In line with that, the level of politeness in the language used by traders also determines the amount of commodity acceptance among buyers (Iqbal et al., 2020; Issa, 2017). As a trading actor, Minangkabau traders with their uniqueness, cannot be separated from this concept.

Meanwhile, the ideology of tolerance to others reflected in Minangkabau traders' utterancees was born from a long-established life principle. According to the theory of Fairclough (1989; 1995), the existing social practices form an ideology that is reflected in the utterances. Therefore, the Minangkabau trader politeness strategy, which is basically diplomacy and a compromise between himself and the buyer, results from this long process of social practice (Issa, 2017: Iqbal et al., 2020). When viewed from the perspective of Chomsky (1965), the form of politeness strategy used is an aspect of performance, while the ideology that grows from sociocultural practice is an aspect of competence. With the existence of an ideology of tolerance and the

sociocultural value of diplomacy and compromise, the reality of the politeness strategy of Minangkabau traders' language can be accepted conceptually and theoretically.

In the aspect of linguistic description, the findings of this study reinforce the research results of (Anugrah et al., 2020; Nasution et al., 2020; Revita et al., 2020). Minangkabau traders practice various maxims of politeness in various contexts. The number of maxims practiced by these traders proves that Minangkabau traders have a flexible and dynamic character in communicating. The role of Minangkabau traders in utterance events is determined by the social status of the interlocutor. Minangkabau traders are able to adapt the topic of conversation to the situation of the interlocutor. Confirming the findings of (Erlian et al., 2013), (Fadhilah & Dewi, 2017), and (Danilina et al., 2019), politeness strategies practiced by Minangkabau traders are supported by their strong understanding of communication ethics. As a non-linguistic aspect, the Minangkabau ethnic view of ethics is also practiced by Minangkabau traders in their trading activities.

The ideological dimensions and sociocultural values found in the utterancees of Minangkabau traders are in line with the research findings of (Issa, 2017) and (Iqbal et al., 2020). The politeness strategy used by Minangkabau traders is a reflection of cultural norms as mentioned in the research findings. These norms are local and territorial, but in principle, traders can adapt them to communicate with heterogeneous buyers. In this aspect, it is necessary to reiterate that Minangkabau traders' capabilities in communication practice cannot be separated from the internalization of cultural values they live naturally (Triana & Idris, 2011). In other words, these cultural values in more general language practices are also applied by other Minangkabau ethnic groups (Nelmawarni et al., 2020; 2021). While specifically, the Minangkabau ethnic group adopts and adapts these values according to their field of work.

CONCLUSION

Based on the findings and discussion above, this research has contributed to novelty in the study of language politeness among Minangkabau traders. In principle, the variation of politeness strategies used by Minangkabau traders cannot be separated from the objectives of the utterance and the trading context they live in. Functionally, the politeness strategy is used to diplomacy and compromise with buyers so that traded commodities can be sold. Meanwhile, the ideology of tolerance is an aspect of competence that plays an important role in shaping the politeness of Minangkabau traders' language. Sociocultural values that are internalized and inherited well have significantly contributed to the politeness strategy of Minangkabau traders' language.

REFERENCES

Anugrah, M.S.; Revita, I. & Marnita, R. (2020). *Kesantunan Linguistik dalam Interaksi Jual Beli di Pasar Raya Solok*. *17*(2), 218–232. https://doi.org/10.30957/lingua.v17i2.664.penutur.

Amir, M.S. (2011). *Adat minangkabau: pola dan tujuan hidup orang minang.* Jakarta: Citra Harta Prima.

Arifin, Z. (2017). Kompromi dasar kehidupan orang minangkabau: sebuah pemikiran awal. Putra, Y.S. ed. *Minangkabau di Persimpangan Generasi.* Padang: Universitas Andalas.

Brown, P., Levinson, S.C. (1987). *Politeness: some universal in language usage.* New York: Cambridge University Press.

Chomsky, N. (1965). *Aspect of the theory of syntax.* Cambrige: MIT Press.

Danilina, E. A., Kizyan, E. E., & Maksimova, D. S. (2019). Euphemisms in advertising discourse: Putting on a positive face and maintaining speech etiquette. *Training Language and Culture*, *3*(1), 8–22. https://doi.org/10.29366/2019tlc.3.1.1

Erlian, W., Amir, A., & Noveria, E. (2013). Tindak Tutur Deklarasi Bahasa Minangkabau Pedagang Kakilima di Pasaraya Padang. *Pendidikan Bahasa Indonesia*, *1*(2), 127–138.

Fadhilah, S., & Dewi, E. A. S. (2017). Pola Komunikasi Tradisi Marosok Antara Sesama Penjual Dalam Budaya Dagang Minangkabau. *Jurnal Kajian Komunikasi*, *5*(2), 222. https://doi.org/10.24198/jkk.v5i2.10464

Fairclough, N. (1989). *Language and power.* London: Longman.

Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: the critical study of language.* London and New York: Longman.

Fasasi, K.A., Njoku, N.C., & Onuabuobi, O.S. (2018). (Im)politeness in advertising among herbal drug sellers in owerri metropolis. *Journal of Language and Linguistic,* 4. 1-16. http://www.jolledu.com.ng/index.php/joll/article/view/51.

Fathira, V., & Utami, S. (2019). Implementing Advertisement for Improving Students' Understanding of Politeness and Gender. *English Review: Journal of English Education*, *7*(2), 143. https://doi.org/10.25134/erjee.v7i2.1460

Goudarzi, E., Ghonsooly, B., & Taghipour, Z. (2015). Politeness Strategies in English Business Letters: A Comparative Study of Native and Non-Native Speakers of English. *Psychology of Language and Communication*, *19*(1), 44–57. https://doi.org/10.1515/plc-2015-0004

Hastuti, P. C., Thoyib, A., Troena, E. A., & Setiawan, M. (2015). The Minang Entrepreneur Characteristic. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *211*(September), 819–826. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.108

Hoseini, S. J., Fard, H. K., Fard, A. K., Fard, H. K., & Saleh, S. (2014). Politeness Strategies in Business Letters of Iranian Managers. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, *3*(1), 239–252. https://doi.org/10.5901/ajis.2014.v3n1p239

Iqbal, H. Asghar, Z. & Khan, N.W. (2020). Linguistic Politeness in the Marketing Discourse of Pushtoon Service Providers. *Sjesr*, *3*(3), 309–317. https://doi.org/10.36902/sjesr-vol3-iss3-2020(309-317)

Issa, S. (2017). A study into politeness strategies and politeness markers in Jordanian print advertisements as persuasive tools. *Journal of Politeness Research*, *13*(1), 61–87. https://doi.org/10.1515/pr-2015-0010

Kesuma, T. M. J. (2007). *Pengantar (metode) penelitian bahasa*. Caraswatibooks.

Khalik, L. A., & Supatmiwati, D. (2015). *Politeness strategies as persuasive tool in magazine advertisements circulated*. *IMCoSS*, 39–46.

Khalik, L. A., & Supatmiwati, D. (2019). Politeness strategies as persuasive tools used in lombok commercial magazines. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, *40*(3), 735–742. https://doi.org/10.34044/j.kjss.2019.40.3.09.

Mahardi, D. (2019). *Kembalikan marwah minangkabau.* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Mahsun. (2005). *Metode penelitian bahasa*. Rajagrafindo Persada.

Maulana, N. (2017). The influence of barosok trading system on ethical business behavior in the husbandry sector in West Sumatera. *Journal of Advanced Research in Social Sciences and Humanities*, *2*(2), 131–138. https://doi.org/10.26500/jarssh-02-2017-0208

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2009). *Analisis data kualitatif*. UI Press.

Miswardi, Y.J. & Nasfi, N. (2021). A Acculturation of Islamic Teachings and Traditional Minang Kabau Locality in Economic Practices. *International Journal Of Social, Policy And Law (IJOSPL)*, *2*(1), 27–36.

Moleong, L. J. (2005). *Metode penelitian kualitatif*. Remaja Rosdakarya.

Mooney, A. & Evans, B. (2015). *Laguage, society, and power: an introduction.* Fourth Edition. New York: Routledge.

Munir, M., & Pandin, M. G. R. (2018). *The Local Genius Values of Minangkabau Society*. *165*(Iccsr), 302–306. https://doi.org/10.2991/iccsr-18.2018.67

Nasution, E. H., Silalahi, R., & Deliana, . (2020). *Politeness Principles Expressed by Minangkabau Migrants in Traditional Market: A Cultural Pragmatic Study*. *19*, 1864–1870. https://doi.org/10.5220/0010104618641870.

Nelmawarni & Hossin, N. (2011). Merantau ke kuala lumpur: tradisi merantau dan berdagang masyarakat minang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space,* 7. 116-131. https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/19951.

Nelmawarni, Triana, H.T., Kustati, M. Rahman, F.A., Warnis, Syafrudin, & Reflinaldi. (2020). Minangkabau migration in Aceh during the collonial Era: the reconstruction of Aneuk Jamee's Identity. *International Journal of Innovation, Creativity and Change,* 14(3). https://www.ijicc.net/images/Vol_14/Iss_3/14366_Nelmawarni_2020_E_R.pdf.

Nelmawarni., Kustati. M., Perodin, D.D., Hanani, S., Warnis, & Triana, H.T. (2021). Protection of woman from cultural, physical, and sexual violence in West Sumatera, Indonesia. *The International Journal ofInterdisciplinary Social and Community Studies,* 16(1). 125-137. https://doi.org/10.18848/2324-7576/CGP/v16i01/125-137.

Neuman, W. L. (2007). Basics of social research: Qualitative and Quantitative Approaches 2ed; Pearson Education, Inc. In *Society*. Allyn and Bacon.

Nurmufida, M., Wangrimen, G. H., Reinalta, R., & Leonardi, K. (2017). Rendang: The treasure of Minangkabau. *Journal of Ethnic Foods*, *4*(4), 232–235. https://doi.org/10.1016/j.jef.2017.10.005

Putra, R. E., & Thahira, K. (2021). *Illocutionary Speech Acts in the Discourse of Advertisements in Sindo Newspaper*. (Icla 2020), 207–214.

Rahman, S., Sidharta, O. & Sastra, A.I. (2017). Sorak rang balai: dendang sebagai representasi dan identitas metode promosi dalam budaya dagang masyarakat minangkabau. *Bercadik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni, 4*(2). 206-217. https://journal.isi-padangpanjang.ac.id/index.php/Bercadik/article/view/573/338.

Revita, I., Marwati, S., Mardhiah, A., & Ayumi. (2020). Maxims of Politeness Performed by Female Sellers at Traditional Market in Sumatera Barat. *Arbitrer*, *7*(1), 8–15. http://arbitrer.fib.unand.ac.id/index.php/arbitrer/article/view/169/113

Revita, I., Trioclarise, R., & Anggreiny, N. (2017). Politeness Strategies of The Panders in Women Trafficking. *Buletin Al-Turas*, *23*(1), 191–210. https://doi.org/10.15408/bat.v23i1.4810.

Sawirman. (2016). *Filsafat wacana.* Bukittinggi: Penerbit Erka.

Sismudjito, S., & Munaf, D. A. A. (2015). The rise and tide of the minangkabau traditional trading in Kuala Lumpur: A preliminary research. *Indonesian Journal of Geography*, *47*(1), 69–76. https://doi.org/10.22146/ijg.6747.

Triana, H. W., & Aman, I. (2011). Lakuan tutur menolak generasi muda Minangkabau: Cermin budaya popular dalam interaksi sosial. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *11*(1), 17–34. https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/65.

Sudaryanto. (2005). *Metode dan aneka teknik analisis bahasa*. Sanata Dharma University Press.

Van Dijk, T.A. (2009). "Critical discourse studies: a sociocognitive approach". *Methods of critical discourse analysis*, *ed.* Ruth Wodak dan Michael Meyer. 62-86. London: Sage.

PERLAMBANGAN HAIWAN LIAR DALAM DUNIA MELAYU: ANALISIS BERASASKAN TEORI KOGNITIF INKUISITIF

Mahyani binti Hamid
Universiti Kuala Lumpur,
British Malaysian Institute
53100, Gombak, Selangor

ABSTRAK

Kajian perlambangan berkaitan penggunaan fauna sering kali dijalankan oleh pengkaji luar dan tempatan dalam pelbagai situasi berdasarkan kepakaran tersendiri. Pemerolehan dan pemerhatian unsur-unsur alam pada dasarnya berasaskan Teori Utama Rangkaian Jadian melalui fauna yang berada di sekeliling masyarakat Melayu. Data kajian pula menggunakan sumber-sumber kesusasteraan Melayu seperti Hikayat-hikayat Melayu, Cerita-Cerita Rakyat, Pantun, Gurindam, Pepatah, Bidalan serta peribahasa Melayu. Analisis turut mendapati, kajian-kajian yang telah dilakukan lebih tertumpu kepada haiwan-haiwan yang bersifat peliharaan dan dekat dengan budaya Melayu. Keadaan ini menimbulkan pelbagai kaedah perlambangan yang mewakili keadaan dan Rajahan perlakuan tertentu. Walaupun kajian-kajian tersebut merupakan kajian perlambangan makna pada peringkat permulaan, berdasarkan pemerhatian awal, kategori kajian ini boleh dianggap sebagai kajian rentas dan pembuka laluan kepada kajian-kajian berteori yang seterusnya. Justeru, bagi memberikan kelainan dalam kajian, makalah ini memfokuskan beberapa jenis haiwan-haiwan liar yang terpilih dalam alam budaya Melayu yang mempunyai perkaitan dan makna yang tersendiri, berdasarkan kaedah kualitatif, data diperolehi secara korpus berkomputer *Malay Concordance Project* (MCP), dan akan dianalisis berpandukan teori kognitif inkuisitif yang dipelopori oleh Noor Hashimah Jalaludin, 2014). Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan pencerahan berkaitan kaedah kajian secara saintifik seterusnya dapat mencungkil kearifan Melayu melalui teori, kognitif, falsafah dan akal budi Melayu

Kata kunci: perlambangan, haiwan liar, budaya Melayu, kognitif inkuisitif, Malay Concordance Project (MCP)

PENGENALAN

Bahasa merupakan anugerah unik yang terhasil daripada wahana pemikiran serta pemerhatian makhluk yang bergelar manusia. Pelbagai tafsiran dapat diungkapkan apabila deria utama berinteraksi pada bahagian kognitif serta bertindak membentuk sebutan dan melahirkan ungkapan-ungkapan komunikasi bermakna yang tertentu sama ada berbentuk literal mahupun harfiah. Corak dan bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam suasana mana bahasa itu digunakan. (Clore, Ortony, & Foss,1987; Davitz, 1969; Johnson-Laird & Oatley, 1989; Ortony, 1988, Ortony, Clore, & Collins, 1988; Fussell, 2002). Bahasa yang sempurna membentuk tingkahlaku dan mencerminkan ketinggian nilai serta budi pekerti seterusnya menjulang ketinggian dan keunggulan peradaban bagi sesuatu bangsa. (Nik Safiah, 1992). Hal ini selari dengan bangsa Melayu itu sendiri yang kaya dengan keindahan bahasa serta mempunyai falsafah dan akal budi yang tersendiri. Perbendaharaan ataupun kosa kata dalam prosa-prosa Melayu seperti pantun, gurindam, peribahasa, pepatah, bidalan, simpulan bahasa, cerita rakyat, kesusasteraan teks-teks tradisional Melayu adalah bukti kearifan pemikiran bangsa Melayu berinspirasikan unsur alam sekeliling diadaptasikan dan dipersembahkan dalam bentuk yang bernas, kemas dan teliti. Sumbangan unsur alam ini bukan sahaja mengandungi maksud yang mendalam, tetapi dikaitkan dengan dunia kehidupan masyarakat Melayu malah mendapat perhatian daripada pengkaji Barat dan pengkaji tempatan secara berterusan dalam pelbagai bidang dan kaedah sama ada dalam kajian bahasa, linguistik, semantik mahupun budaya.

Kaedah penggunaan metafora atau pun gaya bahasa yang melatari penggunaan ayat serta perkataan dalam prosa-prosa tersebut menggunakan perlakuan atau pun tabiat haiwan yang dikenali sebagai perlambagan

ataupun simbol bagi mewakili Rajahan kepada sifat-sifat manusia. (Zaid Daud, 2019). Hal ini bertepatan di dalam kisah-kisah daripada al Quran bahawa haiwan mampu membentuk cerminan akhlak dan budi perkerti Melayu itu sendiri seperti yang disaran oleh agama Islam. Nama-nama haiwan juga tersebut di dalam surah-surah yang terpilih daripada 114 surah dalam al-Quran.

KAJIAN LITERATUR

Penyampaian makna melalui perlambangan haiwan bukanlah sesuatu kajian yang baharu. Rata-rata pengkaji telah menggunakan elemen utama berfokus haiwan daripada sumber data dan kaedah kajian yang pelbagai. Antaranya kajian Ismet Fanany dan Rebecca Fanany (2003) dalam Ding Choo Ming (2009), mendapati kewujudan fauna di dalam peribahasa Minangkabau. Kajian Rahmawati Iskandar (2006) pula berkaitan unsur pembentuk peribahasa dalam peribahasa Indonesia dan peribahasa Jepun ialah unsur haiwan dan haiwan-haiwan yang menjadi unsur utama dalam pembentukan peribahasa Jepun ialah kera, lembu, kucing, ikan, burung, kuda, serangga dan lain-lain. Unsur haiwan digunakan sebagai pembentuk peribahasa kerana haiwan memiliki tingkah laku yang hampir mirip dengan manusia dan sering diibaratkan tingkah laku manusia kepada haiwan, salah satu contohnya 'kera'. Kajian ini juga mendapati bahawa daripada jumlah 16 peribahasa Jepun yang menggunakan kata 'kera' yang diteliti, 12 daripadanya mempunyai makna yang hampir sama dengan peribahasa Indonesia walaupun cara pengungkapannya berbeza.

Perbezaan ini disebabkan oleh berbezanya cara berfikir serta ciri-ciri lain pengguna kedua-dua bahasa tersebut. Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009) dalam kajian mereka terhadap unsur perlambangan dalam peribahasa Melayu mendapati bahawa terdapat dua jenis perlambangan, iaitu perlambangan yang berkonotasi positif dan perlambangan yang berkonotasi negatif yang dikategorikan kepada alatan, haiwan, tumbuhan dan orang atau gelaran. Bagi konteks haiwan sebagai lambang, peribahasa-peribahasa yang mereka kaji banyak menggunakan haiwan seperti kumbang, kucing, babi dan anjing sebagai lambang yang berkonotasi positif dan berkonotasi negatif terhadap kaum lelaki dan wanita. Dalam perlambangan imej lelaki dan wanita, anjing digunakan dalam kedua- dua peribahasa yang mengaitkan kedua-dua jantina ini. Anjing dalam konteks masyarakat Melayu mempunyai unsur yang negatif. Dalam hal ini, unsur seksisme tidak begitu ketara dan didapati agak seimbang dalam mengRajahkan imej lelaki dan wanita. Manakala Imran Ho-Abdullah (2011) memetik pandangan Krikman (2017) menyatakan bahawa tanpa mengira perbezaan kawasan geografi, haiwan dalam kumpulan yang paling kerap digunakan dalam peribahasa ialah anjing, kuda dan lembu. Ini diikuti oleh ayam, serigala, babi, kucing dan kambing biri-biri dan dikuti oleh ikan, kaldai, burung, kambing dan tikus. Tiga belas haiwan ini membentuk dua pertiga daripada keberlakuan haiwan dalam peribahasa.

Haiwan yang 'dekat' dengan manusia atau yang sering ditemui manusia serta mempunyai impak kepada manusia akan muncul dengan lebih kerap dalam peribahasa. Goh Sang Seong (2010, *Chen & Chen, 2011, Lio, Jiang & Wen 2014),* mendapati kedudukan geografi yang berhampiran telah menyebabkan kedua-dua pengguna bahasa Melayu dan bahasa Mandarin berhadapan dengan suasana persekitaran yang sememangnya banyak kesamaannya. Jenis haiwan liar dan binatang peliharaan yang menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka telah banyak digunakan dalam peribahasa bahasa Melayu dan bahasa Mandarin sebagai lambang yang diberikan pelbagai tafsiran. Kajian ini mendapati sebanyak 261 peribahasa bahasa Melayu dan bahasa Mandarin mempunyai lambang yang sama, antaranya penggunaan haiwan harimau, kera, anjing, ketam, gajah, kambing, serigala, tikus dan kucing. Harimau diRajahkan sebagai lambang bahaya dan tidak mengenang budi, kera dilambangkan sebagai kepandaian dan kemahiran, anjing dilambangkan sebagai orang tidak mengenang budi, ketam lambang kepada orang yang tidak menunjukkan teladan, gajah pula sebagai kuasa besar, kambing dilambangkan lemah-lembut dan jinak, serigala lambang ganas dan zalim. Selain itu, kucing dianggap sebagai ketua atau pihak yang lebih dominan manakala tikus dilambangkan sebagai orang bawahan atau pihak yang dikuasai. Kajian Rosdi dan Saidatul (2013), mendapati masyarakat kaum Semai menggunakan haiwan dalam aplikasi kehidupan mereka.

Pelbagai jenis haiwan telah dikumpulkan sebagai data kajian bersumberkan peribahasa kaum asli tersebut. Seterusnya, Kajian Dinie Asyraf Salleh, Omar Hassan, Zaitul Azma, (2018), persamaan dan perbezaan metafora bahasa Melayu dan bahasa Perancis, mendapati haiwan yang mkenjadi kesayangan

manusia seperti anjing dan kucing, mempunyai konotasi yang berbeza berdasarkan kaedah pemahaman dan penggunaan bahasa yang berbeza bagi dua buah negara termasuklah perlakuan budaya. Secara umumnya dapat dirumuskan kehadiran fauna yang dijadikan kajian data daripada pelbagai sumber termasuklah peribahasa mendukung kepada kepelbagaian makna yang mewakili pelbagai kategori termasuklah budaya, konteks penggunaan , pengalaman, persekitaran, emosi, pendidikan dan pandangan dunia. (Marry Fatimah Subet & Muhamad Daud, 2016, 2017, 2018). Sungguh pun kajian-kajian ini menggunakan data haiwan yang paling hampir dengan kehidupan manusia, namun tidak dinafikan kajian berunsurkan haiwan liar memainkan peranan dalam memberikan makna dan nilai dalam kehidupan budaya masyarakat Melayu. Terdapat segelitir pengkaji telah menggunakan data haiwan seperti ini, namun masih berfokuskan kepada haiwan-haiwan yang tertentu seperti kera, mawas, ular, harimau dan sebagainya. Dapatan kajian yang dihasilkan masih menjurus kepada makna yang mewakili perlakuan atau pun sifat secara tertentu sahaja tanpa menjurus dengan lebih mendalam berdasarkan falsafah dan akal budi Melayu.

TEORI RANGKAIAN UTAMA KEJADIAN (TEORI RUM)

Sejarah disiplin linguistik kognitif muncul ditengah-tengah kekalutan ahli-ahli bahasa mencari satu disiplin ilmu dalam bidang linguistik yang boleh dijadikan pegangan untuk meneliti bahasa dari skop yang lebih luas. Jika sebelum ini, pengkajian bahasa terhad kepada penelitian bentuk (form) semata-mata, kehadiran linguistik kognitif telah mengubah dimensi dan persepsi ahli-ahli bahasa untuk meneliti bahasa dari aspek penampilan berbahasa, (*language performance*) (Jyh Wee Sew,1997 & Hishamudin Isam 2012). Berbekalkan keperluan untuk meneliti aspek penampilan berbahasa, maka asas yang menunjangi prinsip dalam linguistik kognitif seharusnya menampilkan gabungan antara struktur linguistik dan kognisi manusia (Newman, 1996). Gabungan ini membolehkan sesuatu komuniti bahasa membentuk kategori berasakan realiti sebenar yang mungkin berbeza dengan bentuk kategori yang dibina oleh sesuatu komuniti bahasa yang lain. Linguistik kognitif pula melihat bidang pragmatik sebagai disiplin ilmu yang dapat membantu bidang semantik untuk memancu analisis pemaknaan menjadi lebih empirikal.

Hal ini adalah kerana, penelitian bidang pragmatik yang melihat bahasa dari sudut penggunaan (konteks) membolehkan makna dalam ujaran juga dinilai dari sudut yang sama. Pemahaman yang semakin kukuh berhubung kepentingan pragmatik dalam melengkapi bidang semantik untuk menganalisis makna telah membantu berkembangnya penerokaan kajian penginterprestasian makna oleh ramai pengkaji. Leech (1983), misalnya melihat kajian gabungan semantik dan pragmatik sebagai sebuah kajian berbentuk komplimentarisme iaitu kajian dua bidang yang saling melengkapi. Begitu juga kenyataan Levinson (1985), yang mengaitkan kerpentingan konteks dalam ilmu pragmatik dikatakan dapat membantu ilmu semantik untuk menyelesaikan masalah kekaburan dan ketaksaan makna. Teori ini serasi dalam penjelmaan makna berkaitan manusia dan haiwan. Antara kajian yang telah dijalankan berdasarkan teori ini seperti kajian Imran Ho (2011), Hishamudin dan Nor Diyana Saupi (2012), Dinie, Hassan, Muhammad Fadzlah,dan Rozaimah Rashidin (2015) serta Zaitul Azma, (2018), Kajian meraka ini membuktikan dan memberi kesedaran bahawa terdapat jalinan antara manusia serta unsur alam. Melalui aspek semantik, kajian terdahulu seperti Imran Ho Abudullah (2011), Hishamudin Isam dan Nor Diyana Saupi (2012) contohnya, menganalisis fauna dengan teori pegangan Metafora Rantaian Utama Makhluk dan metonimi spesifik melambangkan generik menerusi data peribahasa Melayu dan lagu dikir Barat. Kajian Muhammad Fadzlah (2015), membawa perubahan dengan penggunaan Teori Inkuisitif Semantik dengan menambahbaikan pandangan akal budi Melayu bertunjangkan teori pegangan Metafora RUM melalui data pantun. pengkaji ini memberikan interpretasi Metafora RUM berasasakan satu pandangan budaya rakyat (*folk culture*) tentang dunia hearaki makhluk dalam dunia hakiki.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Krikmann (2007), bahawa metafora RUM mengasaskan kepada fahaman bahawa segala objek dan entiti yang terkandung di dalam RUM membentuk satu rantaian mengikut sistem hierarki yang utuh. Dalam rantaian tersebut, Tuhan berada pada tahap yang paling tinggi, diikuti oleh malaikat, manusia, haiwan, tumbuhan, objek kompleks, objek alam fizikal dan seterusnya. Entiti yang berada pada kedudukan yang lebih tinggi dikatakan mempunyai sifat entiti yang berada pada kedudukan yang lebih rendah. Oleh itu semakin tinggi kedudukan sesuatu entiti, maka entiti tersebut memiliki sifat entiti yang berada di bawah kedudukkanya. Keadaan ini membolehkan penelitian terhadap sifat sesuatu entiti (manusia

misalnya) dikaji dari sudut yang berlainan (menerusi entiti yang berada di bawah manusia, seperti haiwan). Contohnya, menurut Lakoff dan Turner (1989), penelitian secara dua hala antara domain sumber dan domain sasaran (antara manusia dan haiwan, misalnya), berupaya menghasilkan pemahaman terhadap emosi, ciri-ciri psikologikal dan sosial serta perwatakan dan perlakuan kedua-dua entiti tersebut.

Metafora Rangkaian Utama Mahkluk yang terdapat dalam kajian-kajian pengkaji ini membuktikan hubungan tatatingkat berbeza peranan tetapi mempunyai kaitan dengan sifat manusia. Jadi, kajian seperti ini boleh dikatakan sebagai kajian semantik resonans (Nor Hashimah, 2014). Hal ini demikian kerana, kajian ini hanya menelusuri makna ke peringkat kognitif manusia dan pengkaji merasakan ianya tidak sepatutnya berhenti pada peringkat kognitif manusia sahaja. Berpandukan kajian-kajian yang terdahulu, melalui kertas kajian ini, pengkaji cuba memberikan pentafsiran melalui data yang diperolehi secara ringkas berpandukan teori RUM dan gabungan Teori Kognitif Semantik Inkuisitif . yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) sebagai pengukuhan pentafsiran perlambangan haiwan yang dipilih bersumberkan data Malay Concodance Projek (MCP). sehingga mencapai akal budi dan falsafah di sebalik karya-karya Melayu.

1.0 MALAY CONCORDANCE PROJECT

Sejarah kegemilangan bahasa Melayu yang menjadi lingua franca telah menarik minat mubaligh luar untuk mengkaji dan menilai budaya serta cara hidup bangsa Melayu itu sendiri. Justeru bagi tujuan pengumpulan dan penyelidikan Universiti Kebangsaan Australia (ANU) membangunkan portal di namakan Malay Concordance Project. Portal ini menghimpunkan khazanah kesusasteraan menjadi bukti sejarah keintelektualan dunia penulisan Melayu. MCP bukan sahaja membantu pengkaji mencari sumber kesusasteraan Melayu klasik, tetapi juga menyediakan subjek yang berkaitan dengan perkara budaya dan intelektual Melayu. MCP mempunyai korpus teks Melayu yang semakin berkembang, yang menurut anggaran terkini, terdiri daripada 165 teks, dan 5.8 juta perkataan, termasuk 140,000 ayat. Semua teks boleh ditelusuri secara dalam talian membawa kita kepada konteks di mana perkataan digunakan, di mana istilah atau nama tertentu berlaku dalam teks meliputi aspek morfologi dan sintaksis. Koleksi teks bermula dari tahun 1380 sehingga tahun 1870 terdiri daripada Melayu klasik, pra-moden serta teks akhbar vernakular.

Kebanyakan teks-teks terdahulu adalah dalam skrip Jawi. Tetapi pada abad ke-20, naskah bahasa Arab telah banyak dipindahkan oleh ejaan Romawi. Edisi moden teks-teks Melayu klasik kini diterbitkan dalam skrip Rom, sehingga menjadikannya mudah diakses oleh pembaca sekarang. Bagi membantu aktiviti penyelidikan teks tersebut disenaraikan mengikut abjad dan kronologi, sama ada teks individu, kategori teks atau keseluruhan koleksi bagi mendapatkan bentuk kata dan frasa.

SEMANTIK INKUISITIF

Ilmu semantik dari segi sejarahnya telah melalui beberapa tahap perkembangan, tahap permulaan semantik falsafah manakala tahap kedua ialah semantik linguistik. Manakala Nor Hashimah Jalaluddin (2014), dalam bukunya yang bertajuk Semantik dan Akal Budi Melayu (2014), telah memperkenalkan pendekatan yang baharu dalam bidang semantik iaitu semantik inkuisitif (SI) dalam meneroka makna dan falsafah. Inkuisitif bermaksud semangat ingin tahu dan serta dorongan untuk kita terus meneroka mencari jawapan kepada apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan itu supaya bertepatan dengan maksud yang sebenar yang hendak disampaikan. Pendekatan semantik diperingkat ini menggabungkan data, teori, kognitif dan akal budi atau intelektual Melayu. Kebanyakan kajian akan terhenti diperingkat resonans tetapi kali ini, Nor Hashimah cuba menyingkap makna tersirat yang hendak disampaikan dan akhirnya dikaitkan dengan falsafah yang ingin diungkapkan. Selain makna dikupas, Nor Hashimah turut menjawab kenapa objek itu dipilih. Jika dibandingkan dengan semantik skrip dengan semantik resonans, semantik inkuisitif merupakan yang terbaik dalam menilai makna yang sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Menurut Muhammad Zaid Daud, 2018 dalam kajiannya menegaskan bahawa semantik skrip ini hanya terhad kepada pengamatan dan andaian lalu dapat membentuk makna yang tersurat manakala, semantik resonans pula menambah baik dengan mengambil kira data, teori, dan kognitif secara tersirat. Oleh itu semantik inkuisitif telah memartabatkan satu tahap yang lebih tinggi dan mendalam lagi sehingga ke peringkat akal budi Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Kemunculan teori inkuisitif tahun 2014 ini, telah melahirkan sarjana-sarjana yang menggunakan teori melalui data yang pelbagai. Kajian unsur fauna berdasarkan kajian sarjana lepas bersumberkan Peribahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik Inkuisitif seperti kajian Julaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nor Asikin Wan Ismail (2016), namun fokus kajian sarjana tersebut mnenggunakan peribahasa Melayu bersumberkan ikan atau nama saintifiknya ialah *Pieses*. Selain itu, kajian Muhammad Zaid Daud (2018a), telah memfokuskan data peribahasa Melayu yang berunsurkan fauna iaitu *Aves* yang merupakan nama saintifik bagi unggas seperti ayam, burung, itik dan angsa, namun kajian tersebut hanya memfokuskan Peribahasa Melayu yang dikelaskan domain rezeki sahaja. Selanjutnya pengkaji Muhammad Zaid Daud (2018b) pula masih menggunakan unsur fauna iaitu ayam dan musang. Hasil kajian ini yang bersumberkan lima Peribahasa Melayu berasosiasi beberapa pecahan domain yang terdiri daripada domain keuntungan, khianat, berhati-hati/teliti dan sia-sia. Penyelidikan berkaitan fauna ini turut diperolehi melalui Peribahasa seperti kajian pengkaji-pengkaji yang telah diterangkan malahan melalui pantun juga unsur fauna dengan aplikasi teori inkuisitif dijalankan seperti kajian Asad Muhammad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Muhammad Fadzlah (2015).

Sungguhpun demikian kesusasteraan Melayu juga termasuk dalam kearifan dan ketinggian masyarakat Melayu dalam menghuraikan sesuatu makna melalui fauna. Walaupun kajian daripada Suriati Zakaria dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015, 2016) memfokuskan tentang cerita lipurlara Anggun Cik Tunggal namun kajian ini hanya tertumpu kepada konsep ruang sahaja. Melalui kelompongan-kelompongan daripada kajian terdahulu adalah tidak mustahil sekiranya diisi melalui pengamatan pengkaji supaya ada penambahbaikan dan menonjolkan satu ilmu dapatan baharu terutamanya dalam kajian makna berteraskan akal budi dan falsafah baharu. Masih terdapat ungkapan-ungkapan bermakna dalam perlambangan haiwan terutamanya haiwan liar yang dimuatkan dalam kesusasteraan Melayu. Justeru, satu kajian ringkas dan bersifat umum akan dimuatkan dalam kertas kajian ini.

KAEDAH ANALISIS DATA DAN HURAIAN

Pemerolehan data kajian ini diambil daripada pangkalan data Malay Concordance Projek (MPC). Perkataan kancil diletakkan pada carian dan paparan data yang berkaitan haiwan ini menujukkan jumlah yang ada dalam MCP



Sebanyak 7 dapatan carian berkaitan haiwan kancil daripada enam karya-karya yang ada seperti .Puisi-puisi Kebangsaan 2. Hikayat Abdullah bin ‘Abdul Kadir 1, Al-Imam 1 Majlis 1 Hikayat Maharaja Mahakarma 1 dan Hikayat Pahang 1.

malay concordance project

home about papers blogs *searching* *texts* *direct search*

Search results

~kancil~

kancil 7

7	PK Puisi-Puisi Kebangsaan	2	M Majlis	1
	Abd.H Hikayat Abdullah bin `Abdul Kadir	1	Mar Hikayat Maharaja Marakarma	1
	Imam Al-Imam	1	Pah Hikayat Pahang	1
0	*164 texts (listed below)*			

kancil 7

Mar 56a ..... dan lembu, dan banteng, dan kijang menjangan, dan **kancil**, dan beberapa puluh ayam, dan itik, dan angsa. Setelah sudah, ..
Abd.H 84:3 ... rusa, kijang, pelanduk dan napuh, bengkunang dan **kancil** dan sebagainya. Dan lagi, adalah ia menaruh sebuah kitab besar,
Imam 481:27 .. luka peluru meriam dua tiga liang. Apa kata pada **kancil** dengan garisnya juga boleh membawa mati. Maka setelah habis ....
M 24Nov32:8 ... mengikut kesan-kesan rusa, kijang, pelanduk dan **kancil**. Kerana penulis belum mahir dan tak tahu selok belok bukit .....
PK 203:4d . dagang besar dan kecil , datang hendak menjadi sang **kancil**. | Oh Malaya! Sedarlah kamu , janganlah asyik dagang diramu , ..
Pah 47:16 .... Maka zahirlah beraninya. Encik Dolah, anak Encik **Kancil** pun demikian juga. Tengku Jenal bernama Tengku Panglima, ...
PK 117:31b ..... luas bukannya kecil , hutannya ada rusa dan **kancil** , tetapi dagang datang memencil , anak negeri jauh terpencil. |

Fuller contexts

3.9 sec

Search results

~kancil~

kancil 7

7	PK Puisi-Puisi Kebangsaan	2	M Majlis	1
	Abd.H Hikayat Abdullah bin `Abdul Kadir	1	Mar Hikayat Maharaja Marakarma	1
	Imam Al-Imam	1	Pah Hikayat Pahang	1
0	*164 texts (listed below)*			

kancil 7

Mar 56a ... berhimpunlah. Maka keempat harinya itu perdana menteri menyuruh memotong segala binatang. Maka beberapa puluh kerbau dan sapi, dan lembu, dan banteng, dan kijang menjangan, dan **kancil**, dan beberapa puluh ayam, dan itik, dan angsa. Setelah sudah, maka perdana menteri masuk persembahkan kepada baginda keduanya. Setelah itu, maka seri baginda menitahkan .....

Abd.H 84:3 . sebuah bakul. Dan lagi ikan berjenis2. Dan lagi pula, seorang pergi mencari binatang2 liar, seperti burung2 dan ayam hutan dan rusa, kijang, pelanduk dan napuh, bengkunang dan **kancil** dan sebagainya. Dan lagi, adalah ia menaruh sebuah kitab besar, maka kertasnya tebal2, maka gunanya kitab itu dimasukkannya segala jenis daun2 dan bunga2 dan sebagainya. ....

Imam 481:27 . yang merosakkan dia. Port Arthur dan Mancuria umpamanya tetapi gajah binatang yang besar itu ku* ambil perasaan dapat menahan luka peluru meriam dua tiga liang. Apa kata pada **kancil** dengan garisnya juga boleh membawa mati. Maka setelah habis bancuhan itu melangkahlah al-marhum Yang Maha Mulia itu dengan tetap tapaknya tetapi masing-masing itu hatinya ...

M 24Nov32:8 . dan semak samun itu. Hati penulis memang belum bertetap dan berani hendak merempuh ke dalam hutan rimba yang sebesar-besar itu mengikut kesan-kesan rusa, kijang, pelanduk dan **kancil**. Kerana penulis belum mahir dan tak tahu selok belok bukit bukau, gunung ganang, di seluruh negeri ini. Takut kalau-kalau tersesat pula di dalam rimba raya dan benua itu. ...

PK 203:4d .. terkata , mengapa diberi dagang yang leta. | Oh Malaya! Semenanjung yang kecil , dirimu jauh di selatan terpencil , sukanya dagang besar dan kecil , datang hendak menjadi sang **kancil**. | Oh Malaya! Sedarlah kamu , janganlah asyik dagang diramu , anakmu nanti jadi tersemu , semuanya salah daripada kamu. | Oh Malaya! Belahan jiwa , hasrat hatiku tiadalah ...

Pah 47:16 . anak raja yang gagah perkasa lakunya, tiadalah sia-sia raja membela dari satu masa kepada satu masa, tiada kurang kepada orang. Maka zahirlah beraninya. Encik Dolah, anak Encik **Kancil** pun demikian juga. Tengku Jenal bernama Tengku Panglima, beraninya kebanyakan orang tetapi nafsunya besar. Sekalian pada perbuatan orang melainkan bersama-samalah. Tuan .....

PK 117:31b Semenanjung inilah negeri kami , tumpah darah inilah bumi , bukannya tempat Si Kupusami , bukan juga tongsan tiuniami. | Semenanjung luas

Jadual 1 Pecahan Jumlah dan Peratusan Data Haiwan Kancil

Haiwan Kancil		
Sumber	**Bilangan**	**Peratusan**
Puisi-puisi Kebangsaan	2	2.90
Hikayat Abdullah bin ‘Abdul Kadir	1	1.42
Al Imam	1	1.42
Majlis	1	1.42
Hikayat Maharaja Mahakarma	1	1.42
Hikayat Pahang	1	1.42
JUMLAH	**7**	**100%**

kancil 7

Mar 56a ... berhimpunlah. Maka keempat harinya itu perdana menteri menyuruh memotong segala binatang. Maka beberapa puluh kerbau dan sapi, dan lembu, dan banteng, dan kijang menjangan, dan **kancil**, dan beberapa puluh ayam, dan itik, dan angsa. Setelah sudah, maka perdana menteri masuk persembahkan kepada baginda keduanya. Setelah itu, maka seri baginda menitahkan .....

Abd H 84:3 . sebuah bakul. Dan lagi ikan berjenis2. Dan lagi pula, seorang pergi mencari binatang2 liar, seperti burung2 dan ayam hutan dan rusa, kijang, pelanduk dan napuh, bengkunang dan **kancil** dan sebagainya. Dan lagi, adalah ia menaruh sebuah kitab besar, maka kertasnya tebal2, maka gunanya kitab itu dimasukkannya segala jenis daun2 dan bunga2 dan sebagainya. ....

Imam 481:27 . yang merosakkan dia. Port Arthur dan Mancuria umpamanya tetapi gajah binatang yang besar itu ku* ambil perasaan dapat menahan luka peluru meriam dua tiga liang. Apa kata pada **kancil** dengan garisnya juga boleh membawa mati. Maka setelah habis bancuhan itu melangkahlah al-marhum Yang Maha Mulia itu dengan tetap tapaknya tetapi masing-masing itu hatinya ...

M 24Nov32:8 . dan semak samun itu. Hati penulis memang belum bertetap dan berani hendak merempuh ke dalam hutan rimba yang sebesar-besar itu mengikut kesan-kesan rusa, kijang, pelanduk dan **kancil**. Kerana penulis belum mahir dan tak tahu selok belok bukit bukau, gunung ganang, di seluruh negeri ini. Takut kalau-kalau tersesat pula di dalam rimba raya dan benua itu. ...

PK 203:4d .. terkata , mengapa diberi dagang yang leta. | Oh Malaya! Semenanjung yang kecil , dirimu jauh di selatan terpencil , sukanya dagang besar dan kecil , datang hendak menjadi sang **kancil**. | Oh Malaya! Sedarlah kamu , janganlah asyik dagang diramu , anakmu nanti jadi tersemu , semuanya salah daripada kamu. | Oh Malaya! Belahan jiwa , hasrat hatiku tiadalah ...

Pah 47:16 . anak raja yang gagah perkasa lakunya, tiadalah sia-sia raja membela dari satu masa kepada satu masa, tiada kurang kepada orang. Maka zahirlah beraninya. Encik Dolah, anak Encik **Kancil** pun demikian juga. Tengku Jenal bernama Tengku Panglima, beraninya kebanyakan orang tetapi nafsunya besar. Sekalian pada perbuatan orang melainkan bersama-samalah. Tuan .....

PK 117:31b Semenanjung inilah negeri kami , tumpah darah inilah bumi , bukannya tempat Si Kupusami , bukan juga tongsan tiuniami. | Semenanjung luas bukannya kecil , hutannya ada rusa dan **kancil** , tetapi dagang datang memencil , anak negeri jauh terpencil. | Semenanjung permai lagipun elok , laut dan pantai berteluk-teluk , si dagang gila mengisi tembolok , ...

K 203:4d .. terkata , mengapa diberi dagang yang leta. | Oh Malaya! Semenanjung yang kecil , dirimu jauh di selatan terpencil , sukanya dagang besar dan kecil , datang hendak menjadi sang **kancil**. | Oh Malaya! Sedarlah kamu , janganlah asyik dagang diramu , anakmu nanti jadi tersemu , semuanya salah daripada kamu. | Oh Malaya! Belahan jiwa , hasrat hatiku tiadalah ...

Pemilihan ayat yang berkaitan dengan perlambangan haiwan iaitu kancil;

PK Puisi-puisi Kebangsaan: …terkata, mengapa diberi dagang yang leta Oh Malaya! Semenanjung yang kecil, dirimu jauh di selatan terpencil, sukarnya dagang besar dan kecil, ***datang hendak menjadi sang kancil***. Oh Malaya! Sedarlah kamu, janganlah asyik dagang dirimu, anakmu nanti jadi tersemu, semuanya salah daripada kamu Oh Malaya! Belahan jiwa, Hasrat hatiku tiadalah….

Analisis Perlambangan Kancil

Data 1 Akal Kancil

terkata, mengapa diberi dagang yang leta Oh Malaya! Semenanjung yang kecil, dirimu jauh di selatan terpencil, sukarnya dagang besar dan kecil, ***datang hendak menjadi sang kancil***. Oh Malaya! Sedarlah kamu, janganlah asyik dagang dirimu, anakmu nanti jadi tersemu, semuanya salah daripada kamu Oh Malaya! Belahan jiwa, Hasrat hatiku tiadalah….

Domain Fikiran (projeksikan)	Sumber	Saranan
1. Pintar 2. berani 3. pandai menyelamatkan diri dengan tipu muslihat 4. cepat bertindak 5. fikiran cergas 6. tidak cepat mengalah 7. semangat kental	kancil	MANUSIA lelaki/perempuan

Pengaplikasian berasaskan teori kognitif Rantaian Utama berasaskan konsepsi generik RUM atau secara spesifik MANUSIA ITU HAIWAN.

Semenanjung yang kecil, dirimu jauh di selatan terpencil, sukarnya dagang besar dan kecil, ***datang hendak menjadi sang kancil***.

Perkataan yang berhuruf tebal memberikan tafsiran untuk individu yang memiliki akal secara tipu muslihat seperti kancil. Akal berkeupayaan untuk berfikir,memahami dan mengerti, dengan keupayaan akal ini manusia dapat membezakan perbuatan baik dan perbuatan yang buruk.Kancil atau nama saintifiknya Tragulus javanicus ialah sejenis mamalia menceruh yang kecil, tidak bertanduk yang terdapat di bahagian tropika Asia dan Afrika Barat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Terdapat empat spesis kancil atau juga dikenali sebagai *mouse deer* di Asia Tenggara iaitu African *mouse deer* (Hyemoschus aquaticus) Indian *mouse-deer* (Moschiola meminma) lesser *mouse-deer* (Tragalus javanicus), *and greater mouse deer* (Tragalus napu) Hisashi Matsubayashi, Edwin Basin dan Shiro Koshima 2003. Kancil ialah spesis unglat yang paling kecil dengan berat antara 1.6 – 2kilogram Srihadi Agung Priyono (1995). Panjang kepala dan badan secara puratanya antara 195 hingga 600 milimiter dan kancil jantan mempunyai gigi taring panjang di rahang atas dan menonjol keluar sedikit. Hisashi Matsubayashi, Edwin Basin dan Shiro Koshima (2006).

Masyarakat Melayu menggunakan lambang haiwan kancil untuk menunjukkan seseorang yang cerdik, pandai menipu dan pandai menyelamatkan diri dengan tipu muslihat. Seterusnya, penerapan data dalam pergerakan tahap semantik inkuisitif akan diterangkan seperti peringkat analisis berikut. Pada Tahap 1 iaitu makna harfiah 'akal kancil' dipetakan kepada makna orang cerdik dan pandai menipu dan pandai menyelamatkan diri dengan tipu muslihat. Manakala pada tahap kedua iaitu makna kognitif persoalan kenapa 'akal' dan kenapa 'kancil'? Hal ini kerana, akal ialah deria yang dikurniakan kepada manusia supaya boleh berfikir secara waras, mampu membuat keputusan dengan bijaksana dan mempertimbangkan anatara baik atau pun buruk. Pemerhatian kepada ciri-ciri fizikal kancil yang licah dan pantas dipadankan dengan akal yang mampu berfikir dan menganalisis, maka pemetaan makna bagi perlambangan kancil ini dipetakan kepada seorang yang cerdik, pandai menipu dan pandai menyelamatkan diri dengan tipu muslihat. Perwatakan atau pun sifat berdasarkan perlambangan ini, yang besar tidak semestinya bagus dan baik, yang kecil tidak semestinya tidak baik. Tahap ke tiga dan terakhir iaitu makna inkuisitif. Pada peringkat analisis ini dikaitkan dengan akal budi dan falsafah penuturnya dan tidak hanya terhenti pada peringkat kognitif sahaja. Pada peringkat ini segala persoalan akan terjawab. Kenapa 'akal' dan 'kancil' dipilih. Masyarakat Melayu sejak zaman dahulu , memang terkenal sebagai pemerhati yang tajam lebih-lebih lagi terhadap alam sekitarnya. Unsur fauna seperti kancil ialah haiwan yang bergerak liar di dalam hutan. Perkaitan haiwan dengan perlambangan dikaitakan akal budi Melayu dengan situasi masyarakat pada zaman dahulu. Perlambangan haiwan ini yang kecil dan tidak kuat menyerupai manusia iaitu golongan rakyat yang kecil pada pandangan pemimpin, tidak berkeupayaan dalam sebarang tindakan, hanya bernaung di bawah pemerintahan pemimpin. Catatan sejarah kesultanan Melayu juga membuktikan golongan bawahan sentiasa menjadi mangsa tindasan golongan atasan. Rajahan akal kancil ini memberikan Rajahan bagi kritikan sosial atau orang atasan pada zaman dahulu. . Kenapa masyarakat Melayu memilih perlambangan kancil bukannya 'akal pelanduk'? *(Greater mouse-deer*) walaupun pelanduk sangat mirip kepada kancil? Hal ini disebabkan oleh ciri-ciri fizikal menurut Srihadi Agungpriyono, (1995) kancil merupakan sepsis yang paling kecil di dunia. Spesisnya yang paling kecil tersebut berpadanan dengan lambang masyarakat zaman dahulu yang tidak mempunyai pengaruh dan kecil pada pandangan pemimpinnya. Selain itu, watak kancil berkaitan dengan sejarah pembukaan kota Melaka ciri-ciri nya yang kecil tetapi mampu menendang anjing sehingga jatuh ke dalam sungai. Kepintaran kancil menyelamatkan diri daripada

haiwan yang jauh lebih besar daripadanya menjadi buah mulut masyarakat sehingga sekarang (Syed Othman, 1984).

mengaitkan dengan akal budi masyarakat Melayu. Mengapa kancil dipilih sebagai simbol / lambang untuk mengRajahkan sesuatu yang positif atau pun sebaliknya. Seterusnya, huraian mengikut semantik inkuisitif (menggabungkan data, teori kognitif dan falsafah akal budi penuturnya).

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa, kajian ini bukan hanya menutupi kelompangan kajian lepas berkaitan perlambangan haiwan dan semantik inkuisitif sahaja, namun keintelektualan Melayu pada zaman dahulu diserlahkan dengan pemilihan perlambangan haiwan. Kaedah analisis dan penghuraian secara saintifik mampu difahami dan dihayati oleh masyarakat moden sekarang dengan lebih jelas kerana penghuraian kajian mempersoalkan pemilihan objek dan imej, melalui tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Hasil dapatan melalui perlambangan haiwan, menonjolkan sifat dan kelakuan sesuatu perkara berasosiasikan dalam keperibadian manusia sehingga mencungkil makna bedasarkan akal budi dan falsafah bangsa Melayu ini sendiri.

RUJUKAN

Abdullah, I. (2011). Analisis kognatif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan anjing (Canis Familliaris). *Online Journal Of Language Studies*, *11*(1), 125-141. doi: ISSN: 1675-8021

Abdullah., I. H. (n.d.). Analisis kognatif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan anjing (Canis Familliaris). *Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognatif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing Online Journal of Language Studies* , 125-141 .

Ahmad, H. (2014, Julai). Akal dan Budi*, Dewan Budaya*, 42-43

Ahmad, H. (2003). Metafora Melayu: bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya.. Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan.

Za'ba. (2002). Ilmu Mengarang Melayu.. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad., H. (2003). . *Metafora Melayu: bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya.* Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan.

Al-Karim, A. Q. (2014). *Al Quran Al-Karim.* Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

Zaitul Azma & Ahmad Fuad. (2011). . Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. GEMA Online Journal Of Language Studies, *11*(3).

Zaitul Azma & Ahmad Fuad. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Selangor. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

Black, C. (2000). Figuration, Lexis and Cultural Resonance: A Corpus Based Study of Malay. *Jurnal of Pragmatics*, 10:3, 281-300.

Black, C. (2003). Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology. In *Metaphor and Symbol* (pp. 18 (4), 289-310.). Department of Linguistik, Cultural & International Studies University of Surrey.

Daud, M. (2019). Gallus gallus domesticus dan paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa melayu: analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, *10*(2). Retrieved from http://www.mycite.my

Dellion, P. (2008.). A lexical; Odyssey from the Malay World. *Jurnal of Pidgin and Creole Languages*, 23:1-25.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur.

Ding Choo Ming. (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. International Jurnal Of The Malay World And Civilisation, 27(2), 3-26.

Flonta, T. (2001). A Dictionary of English and Portuguese equivalent proverbs.. Hobart: DeProverbio.

Goh, S. S. (2010.). Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Melayu Bahasa Mandrin. *Tesis Sarjana* , Goh, San Seong. 2010. Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Melayu Bahasa Mandrin.

Gulz, A. 1.-t. (1992). *Conception of anger and grief in the Japanese, Swedish and American Cultures- the role of metaphor in conceptual processes.* .

Abdullah Hussin. (1995). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Isam, H., & Saupi, N. (2011). Kekayaan Unsur Anthropomorphisme dalam Lagu Dikir: Analisis Berasaskan Linguistik Kognitif. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Iskandar, R. (2006). *Analisis Peribahasa Jepang dan Indonesia yang Menggunakan Kata "Kera" (Saru)*.. Tesis Sarjana .: Universiti Pendidikan Indonesia.

Ismail, A. (2002). *Ikan Air Tawar Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaludin, N. (2014). *Semantik dan Akal Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasdan, J. Nopiah, J. (2017.). Sirih sebagai unsur gastronomi dan refleksi akal budi Melayu: Kajian teks. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya (ASBAM)* (pp. 208-231.).

Junaidi Kasdan, & Juliana Nopiah. (2017). Sirih sebagai unsur gastronomi dan refleksi akal budi Melayu: Kajian tek.

Kasdan, J., Nopiah, J., & Jalaluddin, N. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: analisis semantik inkuisitif. *International Journal Of The Malay World And Civilisation (Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun*, *4*(1). Retrieved from http://www.mycite.my

Lapasau, M., & Othman, A. (2008). Metafora haiwan: Analisis semantik dan sosiolinguistik metafora haiwan bahasa Jerman dalam perbandingan dengan bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik Dan Pembudayaan Bahasa Melayu*, *4*, 253- 257.

Mohamad Zain, S. (2011). Haiwan-haiwan yang Tercetus daripada Peribahasa Melayu yang Belum Jelas Segi Sainsnya: Satu Cabaran Terhadap Ahli Biologi dan Ahli Leksikografi di alam Melayu. *Malaysian Journal Of Science And Technology Studies*, *3*, 106-135.

Nopiah, J., jalaluddin, N., & Kasdan, J. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *10*(1). Retrieved from http://www.mycite.my

Nopiah, J., Kasdan, J., & Jalaluddin, N. (2017). Refleksi Dualisme 'durian-timun' dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, *21*(2).

Nornis, S., & Rasdi, M. (2013). Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal Of Language Studies.*, *13*(1), 83-98.

Rashidin, R., & Daud, N. (2009). Unsur Perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara.*.

Razlan, A. (2013). . Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan dalam Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Cina dan Tamil. MA. Thesis. Universiti Putera Malaysia.Serdang: Malaysia.

Wan Mansur, N., & Jalaluddin, N. (2015). Deria Rasa dalam Kiasan Melayu; Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pertanika*, *2*(1). Retrieved from http://www.mycite.my

Wan Mansur, W. (2016). Makna Implisit Kiasan Bahasa Melayu:Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, *32*(1). Retrieved from http://www.mycite.my

Zakaria, S., & Jalaluddin, N. (2016). Konsep Ruang dalam Anggun Cik Tunggal:Analisis Semantik Inkuisitif. *Gema Online Jurnal Of Languages Studies*, *3*(16). Retrieved from http://www.mycite

INTERPRETASI PARTIKEL WACANA *LAH* DALAM WAWANCARA POLITIK

Mohd Sufian Bin Ismail
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
piye_cs@yahoo.com

Anida Binti Sarudin
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
anida@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penerokaan bagi mendapatkan interpretasi partikel wacana banyak dibincangkan dalam kalangan pengkaji bahasa. Interpretasi partikel wacana *lah* yang banyak dianalisis dalam bentuk percampuran kod kerap melaporkan kesan penggunaan bahasa Inggeris yang tidak gramatis. Perkembangan ini secara tidak langsung memberikan fungsi negatif pada penggunaannya. Sebaliknya, keunikan partikel wacana ini kurang diserlahkan. Kepelbagaian kaedah analisis telah menghasilkan beberapa interpretasi yang membantu penyelidik baharu meneroka partikel wacana *lah*. Usaha meneroka penggunaan partikel wacana *lah* dalam perbualan penutur asal dilihat mampu mendedahkan keunikan makna serta fungsinya dengan lebih jelas. Artikel ini bertujuan meneroka makna dan fungsi partikel wacana *lah* yang digunakan oleh golongan pemimpin muda dalam wawancara Sinar. Satu wawancara yang terdiri daripada empat panel termasuk moderator ditranskripsikan bagi proses analisis. Wawancara berdurasi sekitar dua jam satu minit. Kajian ini berdasarkan perspektif linguistik interaksional fungsioanal (Selting & Couper-Kuhlen, 2001) dengan menggunakan kaedah analisis perbualan (Heritage, 1984). Perspektif linguistik yang digunakan menggariskan analisis ini tidak bermula dengan teori, sebaliknya memulakan kajian dengan meneliti fungsi partikel wacana *lah* dalam konteks ayat. Kaedah analisis perbualan membolehkan interpretasi partikel wacana *lah* diperoleh berdasarkan turutan interaksi atau pergeseran bingkai dalam ujaran yang berlaku dalam wawancara. Hasil analisis dalam kajian ini menunjukkan bahawa partikel wacana *lah* mempunyai beberapa makna dan fungsi yang menepati ranah partikel wacana Maschler, (2009).

Kata kunci: partikel wacana, interpretasi, pragmatik, turutan interaksi.

PENGENALAN

Penyelidikan berkaitan partikel wacana berdasarkan kajian lepas menunjukkan penerokaannya melibatkan data daripada bahasa yang digunakan seharian atau bahasa basahan. Kenyataan ini dapat diperhatikan dalam Bartkova et al., (2016); Chan et al., (2016); Chor, (2018); Davis & Maclagan, (2020); German & Prévot, (2016); Ramón, (2015); Smakman & Wagenaar, (2013); Tay et al., (2016). Penggunaan bahasa basahan pastinya mempunyai keunikan tersendiri kerana terdapat unsur bahasa yang hanya mampu difahami oleh penutur asal bahasa berkenaan atau melalui nuansa. Perkembangan kajian bahasa pada masa ini cuba merungkai rahsia yang dimainkan partikel wacana dalam pertuturan. Dalam perkembangan ini, bahasa Melayu yang turut mempunyai partikel wacana dengan keunikan tertentu perlu diteroka agar seiring dengan perkembangan penelitian partikel wacana bahasa lain.

LATAR BELAKANG

Partikel wacana telah mendapat tempat dalam kajian bahasa kerana kepentingan unsur ini dalam komunikasi. Pelbagai istilah telah digunakan bagi mengRajahkan fungsinya dalam bahasa. Antaranya termasuklah penanda wacana (Andreas H. Jucker & Yael Ziv, 1998; Ariel, 2011; Banguis-Bantawig, 2019; Diez del Corral Areta, 2016; Farouq, 2019; Fuentes-Rodríguez et al., 2016; Haselow, 2019; Marmorstein, 2016; Maschler & Dori-Hacohen, 2012; Maschler & Schiffrin, 2015; Schiffrin, 1996; Spooren & Risselada, 1997; Verdonik et al.,

2007; Yael Maschler, 1998), penanda pragmatik (Andersen, 1998; Azi, 2018; L. J. Brinton, 2017; Crible & Blackwell, 2020; Davis & Maclagan, 2020; Martín-Laguna & Alcón-Soler, 2018), partikel wacana (Abraham, 1991; Aijmer, 2002; Alavi-Nia & Mozaffari, 2014; Ameka, 2015; Bartkova et al., 2016; Dohi, 2019; Dror, 2018; Hansen, 1998; Lam, 2009; Meng & Nakamoto, 2018; Smakman & Wagenaar, 2013), partikel pragmatik (Foolen, 1997; Gupta, 1992), penyataan pragmatik (Erman, 1992) dan penghubung pragmatik (Moeschler, 1989; Roulet, 1984; Van Dijk, 1979).

Namun demikian, dalam penyelidikan ini, istilah partikel wacana digunakan kerana penggunaannya dalam kajian lepas selari dengan unsur partikel wacana yang akan diterokai. Dalam kajian sebelum ini, istilah partikel wacana dilihat lebih cenderung kepada kajian berkaitan dengan bahasa Jerman seperti dalam Helmut et al (2018), Rüsenberg et al (2018), Pistor (2017), Döring (2016), Bross (2014) dan Fischer, (2007). Penggunaannya juga lebih dekat dengan satu lagi istilah iaitu partikel modal. Jika diperhatikan, sesetengah perkataan Jerman tidak dapat diterjemahkan dalam bahasa lain. Sebagai contohnya, kajian Marijana Kresic, MIA Batinic Angster dan Gabriele Diewald dalam Zhang & Redeker, (2018) berkaitan partikel modal *bloß* yang dianalisis dalam tiga bahasa iaitu Jerman, Croatia dan Inggeris menunjukkan perbezaan kedudukan unsur ini pada setiap bahasa, tetapi tidak diwakili oleh perkataan dalam bahasa Inggeris. Terdapat juga kajian yang menggunakan istilah partikel wacana selain daripada bahasa Jerman. Keseluruhan kajian yang diteliti menunjukkan item bahasa yang dipilih cenderung menggunakan unsur morfem. Sebagai contohnya, kajian partikel wacana Melayu yang terserap dalam bahasa Inggeris dan tertumpu pada analisis morfem tak bebas oleh Tay et al (2016), Yap et al (2016) dan Hei (2015). Dalam hal ini, penggunaan istilah partikel wacana lebih memberi keyakinan kepada usaha mengkaji partikel *lah* dalam bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana istilah ini dilihat lebih berfokus dan selari dengan istilah sedia ada dalam bahasa Melayu bagi merujuk unsur *lah*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian partikel wacana *lah* telah banyak dilakukan pengkaji terdahulu. Namun demikian, kajian tersebut tidak eksklusif pada partikel *lah* semata-mata, sebaliknya melibatkan beberapa partikel wacana lain yang dibincangkan bersama. Jika diperhatikan, partikel wacana *lah* membawa makna dan fungsi tertentu dalam perbualan. Antaranya termasuklah meningkatkan atau merapatkan jarak sosial dan menunjukkan keakraban yang berfungsi dalam dimensi interpersonal (Tay et al., 2016), sebagai kaedah meluahkan perasaan dan fikiran, identiti pelajar dan alat untuk mengeratkan hubungan (Lee & Ahn, 2020), sebagai tanda kurang cekap dalam berbahasa Inggeris (Goh, 2016; Lee & Ahn, 2020), menunjukkan pengaruh kemelayuan, Rajahan sikap penutur terhadap topik dan melengkapkan fungsi pragmatik (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2016), mengelakkan salah faham, makna kejengkelan, perasaan tidak puas hati, menunjukkan rasa kesal atau tidak bersetuju, sindiran, keramahan dan penegasan (Hoogervorst, 2018), mewujudkan persetujuan, penerimaan, sindiran, ketidaksetujuan, rasa kesal, cara untuk menyoal seseorang yang mempunyai darjat lebih rendah, perulangan, kebosanan, pujukan, ketidakpastian, marah, dan menghindari daripada berlakunya konflik (Hei, 2015), menjelaskan, menyatakan perselisihan, penolakan, percanggahan, kejengkelan, memujuk, mencadangkan dan menerima (Zaamah Mohd Nor et al., 2015), membawa makna "Saya rasa anda boleh tahu apa yang ingin saya katakan" (Besemeres & Wierzbicka, 2003), membawa makna emosi, kesantunan, kejengkelan, sindiran, menyampaikan maklumat, tafsiran awal dan jaminan (Goddard, 1994), dan akhir sekali menegaskan, menarik perhatian, mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dengan lawan bertutur (Gupta, 1992).

Keseluruhan dapatan menunjukkan partikel wacana *lah* menjana pelbagai tafsiran hasil daripada pendekatan dan metodologi yang berbeza. Dalam usaha menjelaskan makna dan fungsi partikel wacana *lah* yang digunakan dalam konteks bahasa basahan, kaedah analisis yang bersesuaian amat diperlukan. Berdasarkan kajian deSouza et al., (2021); Chen & Barnes, (2020); Davis & Maclagan, (2020); Inbar & Shor, (2019); Keevallik & Hakulinen, (2018); Wang, (2017); Hilmisdóttir, (2016); Baldauf-Quilliatre, (2016); Bolden, (2016); Wiklund, (2016); Llopis et al., (2016); Golato & Golato, (2015); Heritage, (2015); Andorno & Rosi, (2015); Kim & Sohn, (2015); Ramón, (2015); Fisher, (2006), kaedah analisis perbualan mampu merungkai persoalan berkaitan makna dan fungsi bagi entiti bahasa yang sebelum ini hanya dianggap tidak mempunyai makna iaitu partikel wacana.

Selain itu, kaedah interpretasi yang bergantung pada intuisi pastinya membawa persoalan pada kewibawaan seseorang penyelidik. Hal ini dikatakan demikian kerana interpretasi terhadap partikel wacana akan bergantung pada tahap ilmu serta pengalaman seseorang dalam bahasa yang ditumpukan. Bagi menyelesaikan masalah ini, penggunaan partikel wacana *lah* akan disusun mengikut dimensi atau ranah Maschler, (2009). Susunan partikel wacana berdasarkan dimensi atau ranah ini akan mengurangkan kecenderungan intuisi penyelidik dalam membina interpretasi terhadap partikel wacana *lah*. Selain itu, analisis terhadap makna dan fungsi partikel wacana *lah* juga mampu diproses dengan lebih sistematik. Namun demikian, dapatan daripada kajian lepas berkaitan makna dan fungsi partikel wacana *lah* turut diambil kira bagi mengukuhkan hasil kajian yang akan diperoleh.

Selain itu, penyelidikan terhadap penggunaan partikel wacana *lah* pula dilihat lebih cenderung kepada data bahasa yang menunjukkan pencampuran kod. Hal ini menjadikan partikel wacana *lah* secara tidak langsung sering menjadi punca kepada wujudnya masalah penggunaan bahasa Inggeris tidak gramatis. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kajian Febryanto et al., (2018); Goddard, (1994); Gourlay & Mushin, (2015); Gupta, (1992); Hei, (2015); Hoogervorst, (2018); Smakman & Wagenaar, (2013); Tay et al., (2016); Wong, (2004); Zaamah Mohd Nor et al., (2015).

Kepelbagaian kaum dalam masyarakat Malaysia juga mempengaruhi penggunaan partikel wacana dalam masyarakat. Namun demikian, seperti dalam Smakman & Wagenaar, (2013), agak sukar untuk mendengar masyarakat Melayu menggunakan partikel *loh, ler, lo, ma* dan sebagainya yang bukannya daripada bahasa asal Melayu. Hal ini menunjukkan wujudnya keistimewaan tertentu pada penggunaan partikel wacana yang menjadi pilihan masyarakat Melayu. Penerangan berkaitan penggunaan partikel wacana *lah* dalam bahasa basahan juga kurang diperincikan. Berdasarkan kenyataan Goddard, (1994), kebanyakan pelajar asing yang belajar bahasa Melayu sering melakukan kesalahan penggunaan partikel wacana bahasa Melayu kerana kurang maklumat berkaitan penggunaannya yang betul. Unsur ini termasuklah penggunaan partikel-partikel tertentu dalam bahasa Melayu basahan.

Dalam usaha meneroka makna dan fungsi yang terkandung dalam partikel wacana bahasa Melayu, data daripada wawancara telah digunakan. Walaupun bentuk wawancara adalah formal, namun perbualan yang berlaku adalah dalam bentuk spontan dan sering melibatkan penggunaan bahasa basahan. Dalam usaha ini, beberapa soalan kajian telah dibentuk iaitu apakah makna partikel wacana *lah* dalam wawancara pemimpin muda, bagaimanakah partikel wacana *lah* berfungsi dalam sesuatu ujaran dan apakah ranah partikel wacana *lah* dalam wawancara pemimpin muda.

METODOLOGI

Data yang digunakan adalah data pertuturan dalam format wawancara. Siti Hajar Abdul Aziz, (2010) dalam kajiannya telah menyenaraikan beberapa fungsi pragmatik yang menjadi ciri kepada teks wawancara (dalam kajiannya merujuk kepada temu bual). Data kajian ini, menggunakan wawancara Sinar Harian bertajuk Pelan Pemimpin Muda untuk Negara yang berdurasi 2 jam 1 minit. Rekod tontonan pula adalah sebanyak 66000. Transkripsi wawancara akan disusun mengikut giliran bercakap dan susunan ayat. Simbol prosodi yang digunakan pula adalah berdasarkan simbol yang digunakan dalam kajian Aijmer, (2002). Selain itu, simbol atau sistem transkripsi Zuraidah & Knowles (2006) yang mengkaji berkaitan sistem prosidi bahasa Melayu turut diambil kira. Daripada 15978 kata yang digunakan, terdapat 86 kejadian partikel wacana *lah* yang dikenal pasti.

Dalam usaha meneroka secara halus makna dan fungsi partikel wacana *lah* dalam data wawancara, analisis perbualan (Heritage, 1984) telah diaplikasikan dalam kajian ini. Penggunaan analisis perbualan membolehkan konteks penggunaan partikel wacana *lah* diperhatikan berdasarkan lingkungan turutan ujaran yang relevan dengan kehadiran unsur ini. Analisis perbualan adalah berdasarkan perspektif linguistik interaksional fungsioanal (Selting & Couper-Kuhlen, 2001), analisis ini tidak bermula dengan teori, sebaliknya kajian dimulakan dengan meneliti fungsi partikel wacana dalam konteks ayat (Maschler & Schiffrin, 2015:194).

Bagi memperoleh makna yang sistematik, analisis perbualan yang dilaksanakan akan diselaraskan dengan susunan ranah partikel wacana (Maschler, 2009; Maschler & Schiffrin, 2015), iaitu ranah interpersonal, rujukan, struktural dan kognitif. Ranah interpersonal berkaitan dengan fungsi interaksi sama ada mendekatkan atau menjarakkan hubungan antara penutur. Ranah rujukan pula berkaitan dengan hubungan antara tindakan perbualan dengan makna semantik dalam teks. Seterusnya ranah struktural berkaitan dengan tindakan perbualan dengan susunan ujaran. Akhir sekali ranah kognitif berkaitan proses kognitif yang berlaku semasa aktiviti perbualan (Maschler, 2009:22).

RANAH INTERPERSONAL

Dalam ranah interpersonal, penutur menggunakan partikel wacana *lah* bagi tujuan mendekatkan atau menjarakkan hubungan antara penutur (Maschler, 2009:22). Walaupun fungsi umumnya sama iaitu mendekatkan atau menjarakkan hubungan, namun makna yang dibawa oleh partikel wacana *lah* berbeza mengikut konteks ayat dalam sesuatu perbualan. Penelitian ini dapat diperhatikan berdasarkan analisis perbualan seperti berikut.

Sesuatu yang Rasional, Relevan atau Semula Jadi

91. AI:#Baik\.^sehubungan itu\.aa aa Yang.Yang berhormat pulak dah (-)En Shahir\(-)
92. SS: #/belum lagi\ (ketawa)
93. SSSAR: #\Insyaallah
94. AI: #Tak./kenapa /tak bertanding hari tu/
95. SS: #\Saudara \saudara
96. SSSAR: #\Insyaallah
97. AI: #tak./kenapa /tak bertanding/
98. SS: #\payah jawab tu\ (ketawa)
99. AI: (ketawa)
100. SSSAR: (Ketawa)
101. AI: #ok./soalan /saya
*102. SS: #\tak layak lagi **lah**\ (minit 14.01)*

Ujaran SS pada baris 102 "*#\tak layak lagi **lah***" berkait dengan ujaran AI pada baris 91 iaitu "*#Tak./kenapa /tak bertanding hari tu/"*. Hal ini jelas kerana ujaran ini berbentuk jawapan kepada persoalan dalam turutan beberapan ujaran sebelumnya. Walaupun SS pada awalnya menyatakan kesukaran untuk menjawab soalan tersebut pada baris 97, namun penutur menambah jawapannya dengan menyatakan bahawa beliau masih belum layak (baris 102). Partikel wacana *lah* dalam konteks ayat tersebut membawa makna *sesuatu yang rasional atau relevan.* Dalam hal ini, walaupun jawapan penutur "*#\tak layak lagi*" diujarkan tanpa partikel wacana *lah*, jawapan yang diberikan tetap mengRajahkan sifat rendah hati penutur. Oleh hal yang demikian, penggunaan partikel wacana *lah* dalam konteks ini jelas menunjukkan SS berusaha mewujudkan penerimaan yang relevan daripada pihak pendengar tentang dirinya yang tidak dicalonkan. Partikel wacana *lah* dalam konteks ujaran ini berfungsi dalam ranah Interpersonal kerana wujud usaha penutur untuk mendapatkan penerimaan daripada pendengar agar salah faham dapat dielakkan.

Sesuatu Perkara yang Sederhana

207. SS: #Kami =ini. =untuk =makluman. tiga orang =ni. =baju pu\tih-
208. #/Ti=ga o/rang /ni =law, =law, \law. =tiga o\rang.
209. #dan =kami =tiga =orang i/ni. \min\ta \maaf. \this \one \UK gra\duates. (tunjuk kepada Syahredzan Johan) speaking po/wer.
210. #Kami =tiga orang i=ni. (tunjuk kepada Amin Idris, Syed Saddiq dan diri sendiri) /graduan /UIA. =spea\king \pun \not \bad \Not =bad =ye.
211. AI: =Can =can \lah (minit 23.20).

Ujaran AI pada baris 211 "*=Can =can **lah** (minit 23.20)"* berkaitan dengan ujaran SS pada baris 210 iaitu "*#Kami =tiga orang i=ni. (tunjuk kepada Amin Idris, Syed Saddiq dan diri sendiri) /graduan /UIA. =spea\king \pun \not \bad \Not =bad =ye* ". Ujaran 211 jelas menunjukkan penerimaan penutur pada ujaran 210 sebelumnya. Partikel wacana *lah* yang digunakan bersama dengan perkataan Inggeris membawa makna *sesuatu yang sederhana*. Hal ini dikatakan demikian kerana kata "*can can*" dalam konteks ujaran ini digunakan dengan maksud terjemahan literal iaitu *boleh-boleh* atau maskud tersiratnya *sederhana*. Penggunaan partikel wacana *lah* juga membawa makna *sederhana*. Makna *sederhana* yang sengaja diujarkan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bertujuan bagi menimbulkan humor dalam kalangan mereka. Penggunaan partikel wacana ini berfungsi untuk mewujudkan konteks ayat humor serta merapatkan jarak sosial. Jelas dalam situasi ini, penanda wacana berada pada ranah interpersonal.

Sesuatu Keadaan yang Berlaku seperti Situasi Sekarang

345. AI: #aaa.^Sya/hir. /ada sa/tu la\gi yang jadi. /ber/main yang ja\di ber\main di\ fiki\ran kebanya\ kan o\rang ia\lah... /sam/pai /bi/la /PAS Kelantan nak berbangga dengan pencapaian pada zaman Allahyarham Tok Guru Nik A/ziz.

346. SS: #^Saya setuju. Saya setuju.

347. AI: #^Apa/kah?

*348. SS: #Saya setu\ju. /dan /perkara ini orang anak mu/da khusus\nya(-)macam(-)ki\ta anak Kelantan perantauan**lah (***minit 38.09***).***

349. #/Saudara Amin \pun. bunyi-bu\nyi macam ore Kelate ju/go ta/di (gelak). /aaa/Anak Kelan/tan peran/tauan tadi dia akan te\ngok.

Ujaran SS pada baris 348 "*#Saya setu\ju. /dan /perkara ini orang anak mu/da khusus\nya(-)macam(-) ki\ta anak Kelantan perantauan**lah (***minit 38.09***)***" berkaitan dengan ujaran AI pada baris 345 "*#aaa.^Sya/ hir. /ada sa/tu la\gi yang jadi. /ber/main yang ja\di ber\main di\ fiki\ran kebanya\kan o\rang ia\lah... /sam/ pai /bi/la /PAS Kelantan nak berbangga dengan pencapaian pada zaman Allahyarham Tok Guru Nik A/ziz*". Ujaran AI dalam 345 menyatakan bahawa rakyat Kelantan masih berbangga dengan pencapaian Allahyarham Tok Guru Nik Aziz walaupun masa telah berlalu. Ujaran dalam 346 pula menunjukkan SS mengakui dan menerima hakikat tersebut. SS seterusnya menyatakan penerimaan tersebut perlu difahami khususnya kepada anak muda Kelantan yang merantau ke negeri lain pada baris 348. Penggunaan partikel wacana *lah* membawa makna ***s****esuatu keadaan yang berlaku seperti situasi sekarang*. Hal ini dapat diperhatikan melalui ujaran SS yang pada awalnya mengkhususkan kepada anak muda, seterusnya menyamakan dengan kedudukan dirinya sendiri serta AI yang masing-masing merupakan anak muda dan berstatus perantau. Makna *sesuatu keadaan yang berlaku seperti situasi sekarang* adalah merujuk kepada status SS dan AI yang pada masa itu berstatus anak muda perantau. Penggunaan partikel wacana *lah* dalam konteks ini jelas menunjukkan berada pada ranah Interpersonal. Hal ini dikatakan demikian kerana SS meletakkan mereka bersama pada situasi tersebut dan menunjukkan penerimaan terhadap perkara yang diujarkan oleh AI.

Sesuatu yang Telah Wujud

332. AI: #Se\bab \apa\bila \Sya=hir se=but ten=tang aaa =menghapuskan =kronisme, /rasuah. / mem/bangun/kan /modal in/san. =membahagikan =kekayaan /nega/ra. dan juga-aaa a/pa menambah=kan =lagi =R&D =untuk =inovasi =dan sebagai/nya.

333. #aaa-/sejauh/mana a/kan =dilakukan /khu/susnya =untuk =negeri =Kelantan =dan =Terengga\ nu?

334. #Sya/hir, sila\kan.

.....

381. SS: #^dan /siapa – /siapa /mengka\ji. Perkemba/ngan. Indus/tri. =kewangan dan perbankan islam i/ni. =akan meng/ikhtiraf jasa be/sar kera/jaan ne/geri =Kelantan.

382. #/Political /will =yang di=ambil o=leh =kera\jaan nege\ri Kelan\tan keti\ka i\tu. bu/ka =akaun =dalam =Bank Is=lam. /Se/mua. Bu=ka da=lam =akaun =Bank Is=lam.

*383. #\dan \se\le\pas itu di\lihat perkem\bangan \indus\tri perban/kan =dan /seka/rang i/ni... **lihat\lah** (minit 41.10) di Kelan\tan. =balik Kelan=tan. =me\mang(-) aaa bank – bank itu sangat – sangat ba/nyak \dan =Bank Is=lam se=karang i/ni. =Malay=sia men=jadi /hub kepa\da Isla=mic ban\king =dan ju\ga Isla\mic fi/nance /du/nia.*

Ujaran SS pada baris 383 "*#\dan \se\le\pas itu di\lihat perkem\bangan \indus\tri perban/kan =dan / seka/rang i/ni... lihat**lah** (minit 41.10) di Kelan\tan. =balik Kelan=tan. =me\mang(-) aaa bank – bank itu sangat – sangat ba/nyak \dan =Bank Is=lam se=karang i/ni. =Malay=sia men=jadi /hub kepa\da Isla=mic ban\king =dan ju\ga Isla\mic fi/nance /du/nia.*" berkaitan juga dengan ujaran AI pada baris 333 iaitu "*#aaa-/ sejauh/mana a/kan =dilakukan /khu/susnya =untuk =negeri =Kelantan =dan =Terengga\nu?*". Ujaran 333 ditimbulkan oleh AI untuk mendapatkan jawapan berkaitan perkembangan segala perancangan yang dikatakan oleh SS telah dirancang oleh kerajaan Kelantan. Ujaran pada baris 383 oleh SS seterusnya berbentuk ayat perintah supaya pendengar melihat kesan daripada usaha kerajaan Kelantan membuka akaun di bank Islam. Penggunaan partikel wacana *lah* dalam konteks ini membawa makna *sesuatu yang telah wujud.* Perintah agar melihat *sesuatu yang telah wujud* dapat diperhatikan berdasarkan ujaran selepas penggunaan partikel *lah* yang menyatakan beberapa fakta berkaitan kewujudan bank yang dimaksudkan. Perintah melihat *sesuatu yang telah sedia wujud* semestinya berbentuk satu cabaran. Dalam hal ini, penutur sebenarnya mencabar pendengar untuk melihat sendiri kesan yang berlaku hasil daripada inisiatif yang dilakukan. Dalam masa yang sama, fakta yang dicabar itu sudah pun sedia wujud. Cabaran dalam bentuk ayat perintah yang diselitkan bersama partikel wacana *lah* mewujudkan bentuk cabaran yang tidak ketara. Hal ini selari dengan kenyataan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim haji Musa, (2015:449) bahawa fungsi partikel *lah* sebagai pelembut dalam ayat perintah.

Satu-Satunya atau Tiada yang Lain

814. AI:#Saya =mulakan =dulu =kepada =Tuan /Syah. =tentang. aaa /pernyata/an =mengatakan =kebebasan =bersua\ra. =kalau =hina \pun =boleh =kita /be/narkan =la/gi.

.....

818. SJ: #Ok aaa (ketawa) ^i\tu =tadi =kenyataan =saya =yang =me\mang aaa. =bola =tang\gung (ketawa).

819. AI:#^Tak! /Tapi /sebenar/nya.

/mem/ber =jam=pi /smashed (ketawa)

820. SJ: #^Sebenar/nya =sa/ya aaa =berpendiri\an =macam \ni.

821. #/Undang – /undang /ni =sebenar\nya. =tidak =boleh =menyelesai\kan =se\mua \masalah ki\ta.

822. #Kita =dah =terlalu =lama =memikirkan =baha/wa.

823. SS: \Ya

824. SJ: #kalau =ada =masa/lah,

825. SS: \Undang-\undang

826. SJ: #penyelesaiannya =perlu =menggunakan \undang – \undang.

827. #saya =dah =11 ta\hun. =mengamal =undang – un/dang.

*828. #dan saya =cakap. =kalau =nak =keadilan. \bukan**lah***(1.27.34) di mahka\mah.*

Ujaran SJ pada baris 828 "*#dan saya =cakap. =kalau =nak =keadilan. \bukan\lah (1.27.34) di mahka\ mah.*" berkaitan dengan ujaran AI pada baris 814 iaitu "*:#Saya =mulakan =dulu =kepada =Tuan /Syah. =tentang. aaa /pernyata/an =mengatakan =kebebasan =bersua\ra. =kalau =hina \pun =boleh =kita / be/narkan =la/gi.*". AI pada baris 814 meminta pencerahan daripada SJ berkaitan kebebasan bersuara. SJ dalam jawapannya pada baris 819 hingga 828 cuba membetulkan pemahaman pendengar tentang perkara yang telah dinyatakan. Seterusnya, ujaran SJ pada baris 828 menyatakan ketidakmampuan pihak mahkamah dalam menegakkan keadilan melalui undang-undang. Partikel wacana *lah* dalam konteks ayat ini membawa makna *satu-satunya atau tiada yang lain***.** Gabungan partikel wacana *lah* dengan perkataan *bukan* pula membawa makna *bukan satu-satunya dan masih ada yang lain***.** Penutur cuba menyatakan kepada pendengar bahawa keadilan bukan sepenuhnya dapat diperoleh melalui mahkamah. Penggunaan perkataan *bukan* tanpa melibatkan partikel wacana *lah* menjadikan penutur menolak sepenuhnya fungsi keadilan di mahkamah.

Sebagai contohnya "*=kalau =nak =keadilan. \bukan di mahka\mah*". Berbeza dengan ujaran yang mempunyai partikel wacana *lah* iaitu "*kalau nak keadilan…bukan**lah** di mahkamah"*. Penggunaan partikel wacana *lah* dalam konteks ujaran ini berperanan dalam membetulkan salah faham pendengar berkaitan kenyataan penutur pada sesi sebelumnya. Fungsi ini semestinya *merapatkan jurang perbezaan pendapat* dalam kalangan penutur dan pendengar. Jelas dalam konteks ujaran ini, partikel wacana *lah* berada pada ranah Interpersonal.

RANAH STRUKTURAL

Dalam Maschler, (2009:22)**,** ranah struktural merupakan tindakan pertuturan yang saling berkaitan antara satu sama lain dari segi susunan dan hierarki. Sebagai contohnya, menyusun pertuturan, memperkenalkan atau mengakhiri pertuturan, kembali ke topik utama, meringkaskan pertuturan, atau menutup penyimpangan. Berikut merupakan makna dan fungsi partikel wacana *lah* daripada analisis perbualan dalam ranah ini.

Satu- Satunya atau Tiada yang Lain

737. AI: #^Pas. =dah =mengemukakan /idea =mere\ka. =pakatan =harapan \pun =dah =menyatakan /panda/ngan \mereka =tentang. /apakah /pelan \untuk \Negara. {Sebagai penganalisa}- /sejauh / ma/na =realis/tik =pandangan =mereka?

……

737. SS: #^Dan. /kalau =kita /nak =pas/ti/kan =baha\wa =apa =yang =dijanjikan =oleh. aaa =ahli = ahli =politik =ini…

*738. #kita =nak =pastikan =bahawa =mereka =boleh =laksana/kan, **#/inilah**(1.20.28) =cara\nya. / de/ngan /pe/mer/ka\saan. =rakyat- =melalui =tiga =perkara =ini.*

Ujaran SJ pada baris 747 iaitu *"#/ini**lah** (1.20.28) =cara\nya. /de/ngan /pe/mer/ka\saan. =rakyat- =melalui =tiga =perkara =ini."* berkaitan dengan ujaran AI pada baris 655 iaitu *"#^Pas. =dah =mengemukakan /idea =mere\ka. =pakatan =harapan \pun =dah =menyatakan /panda/ngan \mereka =tentang. /apakah / pelan \untuk \Negara. {Sebagai penganalisa}- /sejauh /ma/na =realis/tik =pandangan =mereka?"*. AI dalam ujarannya pada baris 654 meminta SJ memberikan pandangannya berkaitan dengan politik negara. Jawapan SJ berdasarkan ujaran pada baris 745 hingga 746. Pada baris 746, perkataan *inilah* merujuk kepada idea berkaitan kebebasan bersuara rakyat yang dinyatakan dalam ujarannya. Dalam hal ini, penggunaan partikel wacana *lah* telah menunjukkan SJ memberikan *penekanan* terhadap perkataan *inilah* melalui strukturnya yang dibawa ke awal ujaran. Selain itu, partikel wacana *lah* juga menunjukkan SJ ingin menamatkan ujarannya. Dalam konteks ini, partikel wacana *lah* jelas berada pada ranah Struktural. Dalam konteks ujaran ini, partikel wacana *lah* membawa makna *satu-satunya atau tiada yang lain*. Makna partikel wacana *lah* ini menjadikan SJ bermaksud bahawa ideanya ini *merupakan satu-satunya cara atau tiada cara lain* untuk menjadikan rakyat diperkasakan.

Sesuatu Maklumat Telah Mencukupi

312. SJ: #aaa /itu. /itu kita kena\. \kita kena\. \kita kena reasonable lah

313. SJ: #\Kita kena munasabah- dalam kritikan kita\.

314. SS: #\Yaa

*315. SJ: #^Ja/di.buat masa ini\.itu saja\ yang saya nak aaa kongsi/kan **/la** (minit 32.48) \untuk....*

316. AI: #^Terima /kasih di atas /perkongsian/.

Ujaran SJ pada baris 315 "*#^Ja/di.buat masa ini\.itu saja\ yang saya nak aaa kongsi/kan **/la** (minit 32.48) \untuk...."* berkaitan dengan ujaran beliau sendiri pada baris 313 "*#\Kita kena munasabah- dalam kritikan kita\"*. Hal ini dikatakan demikian kerana ujaran penutur pada baris 313 telah merumuskan bahawa idea utama dalam ucapannyanya ialah *kritikan perlu dilakukan secara munasabah*. Ujaran 315 pula mengesahkan perkongsian idea utama pada ujaran 313 telah dilakukan. Partikel wacana *lah* dalam bentuk minimun *la* yang digunakan dalam ayat seterusnya membawa makna *sesuatu maklumat yang ingin disampaikan telah mencukupi* dan berfungsi bagi mengRajahkan *penutur ingin menamatkan giliran ujarannya*. Jelas dalam

hal ini bahawa penanda wacana *lah* berada dalam ranah Struktural**.** Selain berfungsi bagi mengRajahkan penutur ingin menamatkan ujarannya, partikel wacana *lah* yang membawa makna ini juga berfungsi bagi mengRajahkan peralihan topik perbicaraan. Berikut merupakan contoh partikel wacana *lah* dalam konteks fungsi tersebut.

747. #/inilah =cara\nya. /de/ngan /pe/mer/ka\saan. =rakyat- =melalui =tiga =perkara =ini.
*748. #Itu =sahaja**.** =Terima \kasih.*
*749. AI: #^Baik**.** /Kita =memperkasakan /sua/ra /rak=yat**.***
750. #=Terima =kasih =kepada =Tuan =Syah.
751. #^Baik**lah** (1.20.36) aaa =hadirin =hadirat /sekali=an**.** =kita =membu/ka /ruang =dan =peluang =kepada =hadirin =yang =da/tang**.** =untuk =bertanya =soalan**.

Ujaran AI pada baris 751 "*#^Baiklah (1.20.36) aaa =hadirin =hadirat /sekali=an. =kita =membu/ka / ruang =dan =peluang =kepada =hadirin =yang =da/tang. =untuk =bertanya =soalan.*" berkaitan dengan ujaran SJ pada baris 748 iaitu "*#Itu =sahaja**.** =Terima \kasih*". SJ pada baris 748 telah menutup ujarannya. Hal ini telah memberi laluan kepada AI dalam ujarannya untuk membuka sesi soal jawab kepada penaonton pada baris 751. Partikel wacana *lah* dalam konteks ayat tersebut membawa makna AI berpuas hati dengan maklumat yang disampaikan dan berfungsi bagi mengRajahkan AI ingin *mengalih topik perbicaraan***.** Jika diperhatikan, penggunaan *baik* tanpa partikel wacana *lah* pada baris 749 membawa makna *bersetuju* atau *berpuas hati* dengan kenyataan lawan tuturnya. Namun demikian, kehadiran partikel wacana *lah* bersama perkataan *baik* pada baris 751 jelas menunjukkan penutur berpuas hati dengan maklumat dan memberi isyarat kepada pendengar bahawa perbincangan akan berubah topik atau format. Fungsi ini jelas menunjukkan bahawa partikel wacana *lah* dalam konteks ujaran ini berada pada ranah Struktural**.**

RANAH KOGNITIF

Dalam ranah kognitif, wujud proses kognitif yang berlaku pada batas tindakan perbualan yang dihadiri partikel wacana. Sebagai contohnya untuk memproses maklumat, kesedaran penutur berkaitan maklumat baharu dan kesedaran penutur berkaitan keperluan untuk mengulang ucapan sebelumnya (Maschler, 2009:22). Berikut merupakan makna dan fungsi partikel wcana *lah* yang hadir pada ranah ini.

Sesuatu yang Relevan

*164. SS: #Ok- ^Saya =telefon =mak =saya =bagitahu =dengan =lawyer =lawyer /bela/ka /ni**.***
*165. #^Mak =saya =kata =aaa /bagus**/lah.** (minit 18.39)*
166. #/You /economist.
*167. #/Dua /ni**.** =undang =undang**.***
*168. #Jadi =you =bawa =perspektif /ekonomi**.** =dua =orang =lawyer =muda /ni =bawa =perspektif {undang – undang).*

Ujaran SS pada baris 165 iaitu "*#^Mak =saya =kata =aaa /bagus/lah. (minit 18.39)*" berkaitan dengan ujaran pada baris 164 iaitu "*#Ok- ^Saya =telefon =mak =saya =bagitahu =dengan =lawyer =lawyer /bela/ ka /ni***.**". Ujaran ini dalam bentuk penceritaan semula perkara yang diperbualkan bersama ibunya. Perkataan "*bagus"* dalam konteks ini membawa makna "*bersetuju*". Partikel wacana *lah* pula membawa maksud *sesuatu yang relevan***.** Hal ini dapat dilihat berdasarkan penerangan dalam ujaran seterusnya iaitu pada baris 166 hingga 168 yang menunjukkan keseimbangan dari segi panel. Partikel wacana *lah* berada dalam ranah kognitif kerana mengRajahkan penerimaan yang positif dan keperluan penutur untuk mengulangi maklumat dalam ujaran 164 iaitu '*=lawyer =lawyer /bela/ka /ni"* dalam 167 dan 168. Penggunaan partikel wacana ini juga wujud daripada hubungan istimewa antara penutur dengan pendengar.

KESIMPULAN

Interpretasi makna partikel wacana *lah* melalui analisis perbualan jelas membuka ruang kepada penyelidik untuk meneliti penggunaannya dalam konteks sebenar partikel wacana *lah* dalam perbualan. Kaedah memperoleh konteks relevan dengan menilai semula ujaran yang berlaku sebelum sesuatu ujaran diucapkan semestinya membolehkan interpretasi makna partikel wacana *lah* dinilai berdasarkan kedua-dua pihak yang berkomunikasi iaitu penutur dan pendengar. Makna partikel wacana *lah* yang diperoleh pula lebih tepat apabila mampu diselarikan dengan dimensi atau ranah partikel wacana sedia ada. Berdasarkan analisis yang dilakukan, jelas menunjukkan partikel wacana *lah* mempunyai pelbagai makna dan fungsi yang mampu disusun berdasarkan ranah tertentu. Dalam ranah interpersonal, makna partikel wacana *lah* mempunyai fungsi tertentu dalam ujaran. Sebagai contohnya, makna *sesuatu yang rasional, relevan atau semula jadi* berfungsi bagi mendapatkan penerimaan daripada pendengar agar salah faham dapat dielakkan dan berfungsi sebagi sindiran yang berbentuk humor. Makna *sesuatu perkara yang sederhana* juga berfungsi mewujudkan konteks ayat humor. Makna *sesuatu keadaan yang berlaku seperti situasi sekarang* berfungsi meletakkan penutur dan pendengar bersama pada sesuatu situasi. Makna sesuatu yang telah wujud berfungsi bagi mewujudkan cabaran yang tidak ketara. Makna *satu-satunya atau tiada yang lain* berfungsi merapatkan jurang perbezaan pendapat.

Dalam ranah struktural pula, makna *satu- satunya atau tiada yang lain* berfungsi mewujudkan penekanan dalam ujaran dan mengubah struktur perkataan dalam ujaran. Makna *sesuatu maklumat yang ingin disampaikan telah mencukupi* pula berfungsi bagi mengRajahkan penutur ingin menamatkan giliran ujaran dan peralihan topik perbicaraan. Dalam ranah kognitif, hanya satu makna diperoleh iaitu makna *sesuatu yang relevan* dan berfungsi menunjukkan penerimaan yang positif daripada pihak pendengar dan keperluan penutur untuk mengulangi maklumat. Fungsi penerimaan dalam ranah kognitif berbeza dengan penerimaan dalam ranah interpersonal kerana ranah interpersonal melibatkan penerimaan bagi pihak penutur.

Selain itu, analisis ini menemukan bahawa partikel wacana yang sama maknanya mampu dikategorikan dalam ranah yang berbeza-beza. Penelitian terhadap partikel wacana *lah* dalam bahasa basahan menunjukkan wujud pelbagai makna pragmatik dalam penggunaannya. Kesimpulannya, walaupun partikel wacana *lah* hadir dalam bentuk satu suku kata sahaja, namun penggunaannya dalam konteks ujaran tertentu berperanan besar bagi menyampaikan maksud penutur. Kajian berterusan berkaitan makna dan peranan setiap perkataan perlu diteruskan bagi membolehkan penggunaannya dapat digunakan bagi kebaikan bersama. Hal ini berkaitan dengan sepotong terjemahan hadis iaitu sesungguhnya daripada Abu Hurairah RA bahawasanya dia mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Sesungguhnya seorang hamba berbicara dengan suatu perkataan yang tidak dia fikir sehingga dengannya dia terjerumus ke dalam neraka yang jaraknya lebih jauh daripada timur dan barat” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

RUJUKAN

Abraham, W. (1991). *Discourse Particles*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Aijmer, K. (2002). *English Discourse Particles*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Alavi-Nia, M., & Mozaffari, M. (2014). Discourse Particles in EFL and PFL Course-books: Tracing Text Authenticity. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *98*, 161–170.

Ameka, F. K. (2015). How Discourse Particles Mean : The Gase of the Ewe ‘ Terminal ’ Particles. *Journal of African Languages and Linguistics 12:143–70.*

Andersen, G. (1998). The Pragmatic Marker like from a Relevance-theoretic Perspective. In Y. Z. Andreas H. Jucker (Ed.), *DISCOURSE MARKERS* (pp. 147–170). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Andorno, C., & Rosi, F. (2015). Short replies in Italian: Sì / no and other markers between polarity and agreement. *Journal of Pragmatics*, *87*, 105–126.

Andreas H. Jucker, & Yael Ziv. (1998). Discourse Markers. In A. H. Jucker & Y. Ziv (Eds.), *Discourse Markers Descriptions And Theory* (1-12). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Ariel, M. (2011). Metalanguage in Interaction: Hebrew Discourse Markers. Yael Maschler, John Benjamins, Amsterdam, 2009, 258 pages. *Journal of Pragmatics*, *43*(4), 1154–1156.

Azi, Y. (2018). Investigating Arabic Pragmatic Markers in Spoken Discourse: A Literature Review. *International Journal of Linguistics*, *10*(2), 48.

Baldauf-Quilliatre, H. (2016). "pf" indicating a change in orientation in French interactions. *Journal of Pragmatics*, *104*, 89–107.

Banguis-Bantawig, R. (2019). "The Role of Discourse Markers in the Speeches of Selected Asian Presidents." *Heliyon 5(3):e01298.*

Bartkova, K., Bastien, A., & Dargnat, M. (2016). How to be a discourse particle? *Proceedings of the International Conference on Speech Prosody*, *2016-Janua*(2), 859–863.

Besemeres, M., & Wierzbicka, A. (2003). The meaning of the particle lah in Singapore English. *Pragmatics & Cognition*, *11*(1), 3–38.

Bolden, G. B. (2016). A simple da?: Affirming responses to polar questions in Russian conversation. *Journal of Pragmatics*, *100*, 40–58.

Brinton, L. J. (2017). *The Evolution of Pragmatic Markers in English: Pathways of Change*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Bross, F. (2014). "Modal Particles and the Common Ground." *A Multidisciplinary Online Journal (2):182–209.*

Chen, J., & Barnes, S. (2020). Giving information in cosmetics sales interactions: Exploring some interactional functions of the Mandarin response token dui. *Journal of Pragmatics*, *159*, 12–46.

Chor, W. (2018). Sentence final particles as epistemic modulators in Cantonese conversations: A discourse-pragmatic perspective. *Journal of Pragmatics*, *129*, 34–47.

Crible, L., & Blackwell, S. E. (2020). Introduction: Discourse-pragmatic markers in speech and sign. *Journal of Pragmatics*, *156*(xxxx), 24–27.

Davis, B. H., & Maclagan, M. A. (2020). UH as a pragmatic marker in dementia discourse. *Journal of Pragmatics*, *156*(xxxx), 83–99.

DeSouza, D. K., Betz, E., Clinkenbeard, M., Morita, E., Shrikant, N., & Tuccio, W. A. (2021). Taking a detour before answering the question: Turn-initial okay in second position in English interaction. *Language and Communication*, *76*, 47–57.

Diez del Corral Areta, E. (2016). The Role of Discourse Markers in the Variational Axis 'Oral-Written Discourse' in 17th-Century Colonial Documents. *Neophilologus*, *100*(1), 43–61.

Dohi, A. (2019). "CP-Internal Discourse Particles and the Split ForceP Hypothesis." *Lingua* 233:102757.

Döring, S. (2016). "Modal Particles , Discourse Structure and Common Ground Management. Theoretical and Empirical Aspects." Ph.D Thesis, Faculty of Language and Literature, Humboldt-Universität zu Berlin.

Dörre, Laura, Anna Czypionka, Andreas Trotzke, and Josef Bayer. 2018. "The Processing of German Modal Particles and Their Counterparts." *Linguistische Berichte* (255):58–91.

Dror, Y. (2018). The discourse particle'ammā in the Qur'ān. In *Ancient Near Eastern Studies* (Vol. 55, pp. 51–75). Peeters Publishers.

Erman, B. (1992). Female and male usage of pragmatic expressions in same-sex and mixed-sex interaction. *Language Variation and Change*, *4*(2), 217–234.

Farouq, S. (2019). Investigating discourse markers in the annexes of the International Civil Aviation Organization. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, *37*(1), 77–90.

Febryanto, R., Suastra, I. M., & Tri Ediwan, I. N. (2018). The Use of Singlish Discourse Particle 'Lah' in Sgag's Videos. *Humanis*, *22*, 1104.

Fischer, K. (2007). Grounding and Common Ground: Modal Particles and their Translation equivalents. In Lexical Markers of Common Ground. *Lexical Markers of Common Grounds*, *September*, 47–66.

Foolen, A. (1997). *Pragmatic Particles*. Amsterdam: John Benjamins.

Fuentes-Rodríguez, C., Placencia, M. E., & Palma-Fahey, M. (2016). Regional pragmatic variation in the use of the discourse marker pues in informal talk among university students in Quito (Ecuador), Santiago (Chile) and Seville (Spain). *Journal of Pragmatics*, *97*, 74–92.

German, J. S., & Prévot, L. (2016). Sentence-final particles in Singapore English: Are they pragmatic or phonological? *Proceedings of the International Conference on Speech Prosody*, *2016-Janua*, 883–887.

Goddard, C. (1994). The Meaning of Lah : Understanding " Emphasis " in Malay (Bahasa Melayu). *Oceanic Linguistics*, *33*(1), 145–165.

Goh, R. B. H. (2016). The anatomy of Singlish: globalisation, multiculturalism and the construction of the 'local' in Singapore. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, *37*(8), 748–758.

Golato, A., & Golato, P. (2015). Reference repair in German and French. *Journal of Pragmatics*, *87*, 218–237.

Gourlay, C., & Mushin, I. (2015). ' Up dere la ': Final Particle la in a Queensland Aboriginal Vernacular. *Australian Journal of Linguistics, 35(1), 76-101*.

Gupta, A. F. (1992). The pragmatic particles of Singapore colloquial English. *Journal of Pragmatics*, *18*(1), 31–57.

Hansen, M. B. M. (1998). *The Function of Discourse Particles: A Study with Special Reference to Spoken Standard French*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Haselow, A. (2019). Discourse marker sequences: Insights into the serial order of communicative tasks in real-time turn production. *Journal of Pragmatics*, *146*, 1–18.

Hei, K. C. (2015). The Implications of lah, ah, and hah as Used by Some Speakers in Malaysia. *Journal of Modern Languages*, *Volume 14*(Issue 1), 133–151.

Heritage, J. (1984). A change-of-state token and aspect of its sequential placement. In M. Atkinson & J. Heritage (Eds.), *Structures of Sosial Action Studies in Conversation Analysis* (pp. 299–345). New York: Cambridge University Press.

Heritage, J. (2015). Well-prefaced turns in English conversation: A conversation analytic perspective. *Journal of Pragmatics*, *88*, 88–104.

Hilmisdóttir, H. (2016). Responding to informings in Icelandic talk-in-interaction: A comparison of nú and er það. *Journal of Pragmatics*, *104*, 133–147.

Hoogervorst, T. G. (2018). Utterance-final particles in Klang Valley Malay. In *Wacana* (Vol. 19, Issue 2, pp. 291–326). Brill Academic Publishers.

Inbar, A., & Shor, L. (2019). Covert negation in Israeli Hebrew: Evidence from co-speech gestures. *Journal of Pragmatics*, *143*, 85–95.

Keevallik, L., & Hakulinen, A. (2018). Epistemically reinforced kyl(lä)/küll-responses in Estonian and Finnish: Word order and social action. *Journal of Pragmatics*, *123*, 121–138.

Kim, S. H., & Sohn, S. O. (2015). Grammar as an emergent response to interactional needs: A study of final kuntey "but" in Korean conversation. *Journal of Pragmatics*, *83*, 73–90.

Lam, P. W. Y. (2009). The effect of text type on the use of so as a discourse particle. *Discourse Studies*, *11*(3), 353–372.

Lee, E. S. Y., & Ahn, H. (2020). Overseas Singaporean attitudes towards Singlish Overseas Singaporean attitudes towards Singlish. *Asian Englishes*, *00*(00), 1–16.

Llopis, A., Villarejo, B., Soler, M., & Alvarez, P. (2016). (Im)Politeness and interactions in Dialogic Literary Gatherings. *Journal of Pragmatics*, *94*, 1–11.

Marmorstein, M. (2016). Getting to the point: The discourse marker yaʕni (lit. "it means") in unplanned discourse in Cairene Arabic. *Journal of Pragmatics*, *96*, 60–79.

Martín-Laguna, S., & Alcón-Soler, E. (2018). Development of discourse-pragmatic markers in a multilingual classroom: A mixed method research approach. *System*, *75*, 68–80.

Maschler, Y. (2009). Metalanguage in Interaction. In *Pragmatics & Beyond New Series* (Vol. 181). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Maschler, Y., & Dori-Hacohen, G. (2012). From sequential to affective discourse marker: Hebrew nu on Israeli political phone-in radio programs. In *Discourse Studies* (Vol. 14, Issue 4).

Maschler, Y., & Schiffrin, D. (2015). Discourse Markers Language, Meaning, and Context. In *The Handbook of Discourse Analysis* (pp. 189–221). Malden, Mass: Blackwell Publishers.

Meng, H.-R., & Nakamoto, T. (2018). Discourse particles in Chinese–Japanese code switching: Constrained by the Matrix Language Frame? *International Journal of Bilingualism*, *22*(1), 100–122.

Moeschler, J. (1989). Pragmatic Connectives, Argumentative Coherence and Relevance. *Argumentation*, *3*(3), 321–339.

Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Simbol Peralihan Kod dalam Fiksyen: Kes Penanda Wacana Bahasa Melayu -lah, what dan ah. In Mohammad Fadzeli Jaafar & Intan Safinaz Zainudin (Eds.), *Linguistik Terapan dalam Penyelidikan Bahasa* (pp. 108–125). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim haji Musa, A. H. M. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pistor, T. (2017). Prosodic universals in discourse particles. *Zeitschrift Fur Dialektologie Und Linguistik*, *84*(1), 46–76. https://doi.org/10.21437/speechprosody.2016-178

Ramón, N. (2015). The English Discourse Particle 'oh' in Spanish Translations: Evidence from a Parallel Corpus. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *173*, 337–342.

Roulet, E. (1984). Speech acts, discourse structure, and pragmatic connectives. *Journal of Pragmatics*, *8*(1), 31–47.

Rüsenberg, F., Hampton, A. J., Shalin, V. L., & Feufel, M. A. (2018). Stop words are not "Nothing": German modal particles and public engagement in social media. *Lecture Notes in Computer Science (Including Subseries Lecture Notes in Artificial Intelligence and Lecture Notes in Bioinformatics)*, *10899 LNCS*, 89–96.

Schiffrin, D. (1996). *Discourse markers* (J. J. Gumperz (ed.)).New York: Cambridge University Press.

Selting, M., & Couper-Kuhlen, E. (2001). *Studies in Interactional Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Smakman, D., & Wagenaar, S. (2013). Discourse particles in colloquial Singapore english. *World Englishes*, *32*(3), 308–324.

Spooren, W., & Risselada, R. (1997). Preface to: Discourse markers. *Discourse Processes*, *24*(1), 1–2.

Tay, L. C., Chan, M. Y., Yap, N. T., & Wong, B. E. (2016). Discourse Particles in Malaysian English: What Do They Mean? *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, *172*(4), 479–509.

Van Dijk, T. A. (1979). Pragmatic connectives. *Journal of Pragmatics*, *3*(5), 447–456.

Verdonik, D., Rojc, M., & Stabej, M. (2007). Annotating discourse markers in spontaneous speech corpora on an example for the Slovenian language. *Language Resources and Evaluation*, *41*(2), 147–180.

Wang, W. (2017). From a conditional marker to a discourse marker: The uses of dehua 的话 in natural Mandarin conversation. *Journal of Pragmatics*, *117*, 119–138.

Wiklund, M. (2016). Interactional challenges in conversations with autistic preadolescents: The role of prosody and non-verbal communication in other-initiated repairs. *Journal of Pragmatics*, *94*, 76–97.

Wong, J. (2004). The particles of Singapore English: a semantic and cultural interpretation. *Journal of Pragmatics*, *36*(4), 739–793.

Yael Maschler. (1998). The Discourse Markers Segmenting Israeli Hebrew Talk-in-interaction. In Y. Z. Andreas H. Jucker (Ed.), *DISCOURSE MARKERS* (pp. 13–59). John Benjamins Publishing Company.

Yap, N. T., Chan, M. Y., Wong, B. E., Tay, L. C., Yap, N. T., Chan, M. Y., Wong, B. E., & Tay, L. C. (2016). Discourse Particles in Malaysian English. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, *172*(4), 479–509.

Zaamah Mohd Nor, Norazrin Zamri, & Su'ad Awab. (2015). Lexical Features of Malaysian English in a Local English-Language Movie, Ah Lok Café. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *208*(Icllic 2014), 282–299.

Zhang, G., & Redeker, G. (2018). Pragmatic markers, discourse markers and modal particles: New perspectives. *Journal of Pragmatics*, *136*, 1–4.

Zuraidah, M. D., & Knowles, G. (2006). Prosody and turn-taking in Malay broadcast interviews. *Journal of Pragmatics*, *38*(4), 490–512.

KESALAHAN STRUKTUR AYAT DALAM TERJEMAHAN NOVEL INGGERIS KE DALAM BAHASA MELAYU.

Murnirah Razali
Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia (UPM)
murnirahrazali06@gmail.com

Pof. Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam
Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia (UPM)
vletchumy@upm.edu.my

ABSTRAK

Kesalahan struktur ayat adalah antara perkara yang biasa didapati dalam teks terjemahan karya sastera dan kesalahan ayat ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan unsur. Penterjemahan pula merupakan suatu perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitkannya semula ke dalam bahasa yang lain. Kajian ini merupakan kajian yang berfokuskan kepada kesalahan struktur ayat gabungan dan ayat pancangan. Kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah terjemahan yang didapati berdasarkan teks terjemahan kesalahan struktur ayat tersebut. Kurangnya kefahaman pembaca terhadap teks terjemahan karya sastera dan kesalahfahaman yang berlaku dikalangan pembaca teks terjemahan karya sastera ini menjadikan ia sebagai permasalahan kajian ini. Kajian ini akan dilakukan dengan melihat dan mengkategorikan kesalahan struktur ayat dan kaedah terjemahan tersebut mengikut kategori yang pengkaji telah fokuskan. Seterusnya pengkaji akan menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan kesalahan struktur ayat dan kaedah terjemahan tersebut. Juga, kajian ini akan menghuraikan kaedah terjemahan yang digunakan meliputi masalah yang timbul seperti ketepatan penyampaian, senang difahami, persamaan dari segi gaya, penggunaan bahasa dan sebagainya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen kerana pengkaji hanya menggunakan buku Sherlock Holmes sebagai bahan kajian. Pengkaji juga menggunakan prinsip terjemahan Alexander Fraser Tytler (1790) untuk menghubungkaitkannya dengan kaedah terjemahan yang didapati tersebut. Hasil dapatan menjelaskan kesalahan struktur ayat gabungan dan pancangan banyak berlaku seperti kesalahan penggunaan kata hubung di, dari, daripada, ke, kepada, pada, untuk, bahawa dan sebagainya. Berdasarkan kaedah terjemahan pula menjelaskan penterjemah lebih gemar menggunakan teknik harfiah dan transposisi. Terdapat juga teknik-teknik lain yang digunakan namun lebih banyak yang dijumpai dengan menggunakan teknik harfiah dan transposisi.

Kata kunci: *Struktur ayat, Gabungan, Pancangan, terjemahan, Kaedah terjemahan*

PENGENALAN

Penterjemahan merupakan suatu perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitkannya semula ke dalam bahasa yang lain. Dalam erti kata yang lain, penterjemahan adalah suatu perbuatan yang memerlukan seseorang itu untuk menterjemahkan sesuatu teks atau ungkapan daripada bahasa asal ke dalam bahasa lain iaitu bahasa sasaran. Tujuan penterjemahan ini dilakukan adalah untuk menghasilkan suatu karya terjemahan yang membawa makna yang sama seperti karya asal. Selain itu, penterjemahan juga dilakukan untuk menyebarkan sesuatu maklumat itu dengan lebih meluas. Namun, dalam proses terjemahan ini pastinya terdapat kesalahan ayat dari segi tatabahasa yang berlaku. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua jenis kesalahan struktur ayat iaitu kesalahan struktur ayat gabungan dan kesalahan struktur ayat pancangan. Kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah terjemahan yang didapati berdasarkan teks terjemahan itu.

Pernyataan masalah

Kurangnya kefahaman pembaca terhadap novel tersebut menjadi permasalahan kepada kajian ini. Kebiasaannya penterjemahan akan dilakukan dengan cara merujuk kepada pertukaran perkataan daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran supaya makna perkataan itu mempunyai makna yang sama seperti makna dalam teks asal berkenaan. Namun, penterjemah seharusnya mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang konteks pemindahan makna daripada teks asal kepada teks sumber. Jika konteks ini tidak difahami oleh penterjemah maka terjemahan akan gagal menyampaikan hasrat penulis dan menyebabkan kesalahfahaman berlaku dalam pembacaan. Hal ini disokong oleh Goh Sang Seong dalam buku Isu-isu dalam terjemahan teks sastera terbitan Penerbit USM (2016) yang mengatakan "terjemahan karya sastera mengungkapkan kandungan teks sumber ke dalam teks sasaran. Terjemahan ini lebih mengutamakan kesampaian makna dan mesej daripada teks sumber kepada teks sasaran melalui pemindahan lambang bahasa dan budaya. Namun begitu unsur-unsur kesusasteraan seperti bentuk dan teknik penulisan serta gaya bahasa tidak berjaya dikekalkan. Justeru, terjemahan karya sastera hanya dibaca sebagai teks yang membekalkan maklumat. Pembaca juga disajikan dengan maklumat yang ingin disampaikan oleh pengarang teks sumber".

Kajian literatur

Kajian mengenai kesalahan tatabahasa dan kajian mengenai penterjemahan telah banyak dilakukan. Ada yang melakukan kajian mengenai tatabahasa, kata kerja dan sebagainya. Untuk penterjemahan pula ada yang membuat kajian yang menumpukan kepada sesuatu unsur itu seperti unsur budaya, politik dan sosial. Terdapat juga yang membuat kajian terjemahan teks al-Quran dan banyak kitab lain. Namun teks yang benar-benar memfokuskan kepada kesalahan struktur ayat gabungan dan struktur ayat pancangan kurang dilakukan. Begitu juga kajian mengenai kaedah terjemahan.

Maksud moden bagi perkataan "terjemah" boleh dilihat di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat yang telah mendefinisikan bahawa "terjemah" adalah "…pindahan (karangan dan lain-lain) daripada suatu bahasa ke suatu bahasa yang lain…". Secara literalnya, penterjemahan boleh dikatakan sebagai suatu teknik menggantikan perkataan-perkataan daripada satu bahasa ke dalam bahasa yang lain. Menurut Nida dan Taber (1982, 12) mentakrifkan penterjemahan adalah *"Translating consists in reproducing in the receptor language the closest natural equivalent of the source language message, first in term of meaning and secondly in term of style"*. Takrif ini menyarankan seseorang penterjemah itu untuk mencari padanan kata yang sepadan atau hampir dan sesuai dengan teks asal dari segi makna dan gaya bahasa yang digunakan. Nida juga memperkenalkan konsep dan teknik baharu dalam menterjemah dan menurut gaya baharu ini, seseorang penterjemah itu disarankan untuk memberi lebih tumpuan kepada tindak balas pembaca teks itu. Makna dan gaya bahasa dalam sesuatu teks terjemahan juga hendaklah tidak menyimpang daripada teks asal. Oleh itu, struktur ayat dalam sesuatu teks itu juga memainkan peranan yang penting dalam sesuatu teknik terjemahan itu.

Metodologi kajian

Kajian ini hanya menggunakan novel Sherlock Holmes versi Inggeris dan juga versi Bahasa Melayu sebagai bahan kajian. Oleh itu, kajian ini adalah kajian kualitatif iaitu analisis dokumen. Kajian ini menumpukan kepada kesalahan struktur ayat gabungan dan struktur ayat pancangan. Kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah terjemahan yang didapati berdasarkan analisis teks kesalahan ayat itu. Kajian ini mengaplikasikan prinsip penterjemahan Alexander Fraser Tytler (1790) dalam data yang diperoleh untuk kaedah terjemahan itu untuk melihat adakah teks-teks terjemahan tersebut selaras dengan prinsip tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Kategori kesalahan ayat dan kaedah terjemahan

Setelah teks terjemahan tersebut selesai dianalisis dan begitu juga dengan teks asal, terdapat banyak kesalahan struktur ayat gabungan dan pancangan yang terdapat daripada teks terjemahan novel itu.

Kesalahan struktur ayat tersebut dibahagikan mengikut kategori kesalahan ayat itu. Rajah berikut berdasarkan jumlah kesalahan ayat tersebut:



Rajah 1 Kesalahan struktur ayat

Berdasarkan rajah kesalahan struktur ayat berkenaan menjelaskan bahawa kesalahan ayat pancangan adalah lebih banyak berbanding kesalahan ayat gabungan manakala kesalahan bagi kedua-dua ayat gabungan dan pancangan yang terdapat dalam satu ayat adalah sebanyak 21 ayat. Kesalahan kata hubung gabungan banyak berlaku untuk kata hubung di, dari, daripada, ke dan beberapa lagi manakala kesalahan kata hubung pancangan berlaku untuk kata hubung untuk, bahawa, yang dan beberapa lagi.

Berikut pula adalah jumlah kaedah terjemahan yang didapati berdasarkan teks kesalahan struktur ayat tersebut:



Rajah 2 Kaedah terjemahan yang terdapat dalam novel terjemahan Sherlock Holmes.

Rajah 2 menjelaskan jenis-jenis kaedah terjemahan yang didapati berdasarkan kesalahan struktur ayat tersebut. Berdasarkan data ini, tidak kesemua kaedah terjemahan terdapat dalam terjemahan novel berkenaan. Bagi

kaedah terjemahan harfiah, sebanyak 54 ayat, kaedah transposisi pula adalah 53 ayat, kaedah penyesuaian adalah sebanyak 8 ayat, kaedah pengembangan pula sebanyak 12 ayat, kaedah generalisasi pula adalah sebanyak 9 ayat, kaedah modulasi sebanyak 13 ayat dan kaedah pengguguran pula adalah sebanyak 7 ayat.

Menjelaskan kesalahan struktur ayat dan kaedah terjemahan

Berikut merupakan beberapa contoh daripada kesalahan struktur ayat dan kaedah terjemahan yang dianalisis daripada novel berkenaan:

Ayat gabungan:

i.

SALAH	BETUL
Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan **dari** pelbagai lapisan masyarakat.	Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan **daripada** pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam terjemahan novel Sherlock Holmes Edisi Bahasa Melayu, dapat dilihat bahawa terdapat petikan yang telah diterjemahkan kepada *"Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan **dari** pelbagai lapisan masyarakat"*. Namun, penggunaan kata hubung ***'dari'*** sebagai kata hubung dalam ayat berkenaan adalah salah. Penggunaan kata hubung yang betul berdasarkan ayat itu sepatutnya adalah ***'daripada'*** dan menjadikan ayat itu sebagai *"Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan **daripada** pelbagai lapisan masyarakat"*. Kata hubung ***'dari'*** digunakan untuk merujuk kepada tempat, arah atau masa manakala penggunaan perkataan ***'daripada'*** pula digunakan untuk orang, untuk melihat perbandingan, asal kajian, dan pelbagai lagi. Berdasarkan ayat dalam petikan novel terjemahan tersebut, kita dapat melihat bahawa ayat tersebut merujuk kepada pelbagai lapisan masyarakat iaitu merujuk kepada sekumpulan manusia. Oleh itu, kata hubung yang sesuai digunakan adalah ***'daripada'***. Berikut pula adalah terjemahan ayat dari bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
Presently, however, I found that he had many acquaintance and those in the most different classes of society.	Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan dari pelbagai lapisan masyarakat.	Harfiah

Dalam terjemahan Novel Sherlock Holmes Edisi Bahasa Melayu, teks asal dalam petikan ini adalah *"Presently, however, I found that he had many acquaintance and those in the most different classes of society"*. Apabila sudah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, teks ini diterjemahkan menjadi *"Tidak lama kemudian barulah saya tahu rupa-rupanya dia mempunyai ramai kenalan dari pelbagai lapisan masyarakat"*. Berdasarkan terjemahan yang dilakukan ini, jelas dilihat bahawa ayat tersebut mengandungi kaedah harfiah. Hal ini demikian kerana penterjemah telah menterjemahkan setiap kata dalam bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan dalam Bahasa Melayu dan teks terjemahan tersebut adalah sama seperti teks asal novel berkenaan. Hal ini adalah selaras seperti prinsip terjemahan yang dikeluarkan oleh Alexander iaitu perlu mengekalkan maksud asal teks sumber.

ii.

SALAH	BETUL
Tugas berat kami pagi itu sungguh memenatkan.	Tugas berat kami **pada** pagi itu sungguh memenatkan.

Dalam novel terjemahan Sherlock Holmes Edisi Bahasa Melayu juga terdapat petikan *"Tugas berat kami pagi itu sungguh memenatkan"*. Namun, petikan tersebut tidak menggunakan kata hubung yang betul. Ayat yang sebetulnya adalah *"Tugas berat kami **pada** pagi itu sungguh memenatkan"*. Perkataan ***'pada'*** adalah merujuk kepada masa dan waktu. Perkataan *'pagi'* di dalam petikan itu adalah menunjukkan waktu. Oleh itu, kata hubung ***'pada'*** perlu ditambah sebelum kata *'pagi'* itu dan menjadikan ayat tersebut sebagai *'Tugas berat kami **pada** pagi itu sungguh memenatkan'*. Berikut pula adalah terjemahan ayat dari bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
Our morning's exertions had been too much for my weak health.	Tugas berat kami pagi itu sungguh memenatkan.	Transposisi

Dalam novel Sherlock Holmes Edisi Bahasa Inggeris, petikan tersebut adalah *"Our morning's exertions had been too much for my weak health"*. Namun, apabila telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu, petikan tersebut diterjemahkan menjadi *"Tugas berat kami pagi itu sungguh memenatkan"*. Jika diteliti terjemahan tersebut, penterjemah telah menggunakan kaedah terjemahan transposisi. Hal ini demikian kerana ayat terjemahan tersebut telah mengubah beberapa frasa apabila diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Namun, makna ayat tersebut tidaklah begitu jauh tersasar. Jika diteliti makna ayat dalam teks Bahasa Inggeris, makna ayat tersebut adalah *"tugas kami pada pagi itu adalah terlalu berat untuk kesihatan saya yang lemah"* tetapi ayat tersebut telah diterjemahkan menjadi *"Tugas berat kami pagi itu sungguh memenatkan"*. Ayat itu tidaklah jauh tersasar dengan makna asal. Hal ini demikian kerana kesihatan yang kurang sihat juga akan menyebabkan tugasan yang perlu dilakukan menjadi penat. Namun, lebih baik lagi jika penterjemah menterjemahkan petikan tersebut seperti teks asal selaras dengan prinsip terjemahan oleh tokoh-tokoh terdahulu.

Ayat pancangan:

i.

SALAH	BETUL
Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur.	Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan **bahawa** pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur.

Dalam terjemahan novel Sherlock Holmes Edisi Bahasa Melayu, terdapat juga kesalahan ayat pancangan. Petikan kesalahan ayat pancangan tersebut adalah *"Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur"*. Terdapat kesalahan kata hubung pancangan dalam petikan berkenaan. Ayat yang sebetulnya adalah *"Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan **bahawa** pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur"*. Kata hubung ***'bahawa'*** dalam kata hubung pancangan adalah dikategorikan dalam golongan kata hubung pancangan komplemen dan digunakan sebagai pelengkap kepada penerangan ayat tersebut. Jika diteliti ayat terjemahan dalam petikan berkenaan, ayat *"...pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur"* adalah ayat penerang kepada klausa utama. Oleh itu, kata hubung ***'bahawa'*** adalah perlu digunakan bagi memastikan struktur ayat berkenaan adalah betul. Berikut pula adalah terjemahan ayat dari bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
On landing at Bombay, I learned that my corps has advanced through the passes and was already deep in the enemy's country.	Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur.	Transposisi

Dalam novel Sherlock Holmes versi Inggeris, petikan tersebut adalah *"On landing at Bombay, I learned that my corps has advanced through the passes and was already deep in the enemy's country"*. Setelah diterjemahkan, ayat tersebut menjadi *"Sebaik sahaja mendarat di Bombay, saya dimaklumkan pasukan sudah pun memasuki wilayah musuh melalui Genting Khyber dan sedang bertempur"*. Setelah diteliti ayat terjemahan berkenaan, didapati penterjemah telah menggunakan kaedah terjemahan transposisi dalam menterjemahkan petikan tersebut. Hal ini demikian kerana penterjemah telah menukar kedudukan beberapa kedudukan klausa dan frasa dalam terjemahan tersebut namun tidaklah mengubah makna ayat yang terlalu bebeza. Namun begitu, teks terjemahan tersebut masih lagi terdapat makna yang sedikit berbeza daripada teks asal. Jika dilihat teks asal berkenaan, ayat tersebut membawa makna bahawa pasukan mereka sudah pun masuk jauh ke dalam negara musuh berkenaan namun teks asal tidak menyebut bahawa mereka sedang bertempur tetapi teks terjemahan berkenaan pula menyatakan bahawa mereka sedang bertempur. Hal ini menyebabkan makna ayat sedikit berbeza daripada teks asal walaupun tidak membawa makna yang terlalu berbeza namun lebih sesuai jika penterjemah menterjemahkan teks tersebut mengikut seperti apa yang Alexander katakan iaitu menterjemahkan teks tanpa mengubah makna teks asal.

ii.

SALAH	BETUL
Dia menyatakan dia tidak mempelajari ilmu tidak berguna dalam kerjanya.	Dia menyatakan **bahawa** dia tidak mempelajari ilmu **yang** tidak berguna dalam kerjanya.

Dalam novel terjemahan Sherlock Holmes, petikan lain yang mengandungi kesalahan struktur ayat adalah *"Dia menyatakan dia tidak mempelajari ilmu tidak berguna dalam kerjanya"*. Namun, ayat tersebut tidak mengandungi struktur ayat yang betul. Ayat yang sebetulnya adalah *"Dia menyatakan **bahawa** dia tidak mempelajari ilmu **yang** tidak berguna dalam kerjanya"*. Kata hubung ***'bahawa'*** adalah kata hubung pancangan komplemen iaitu kata hubung yang menghubungkan klausa komplemen sebagai pelengkap kepada klausa utama. Dalam ayat terjemahan itu, ayat *'...dia tidak mempelajari ilmu..."* adalah ayat penerang untuk ayat sebelumnya. Oleh itu, kata hubung ***'bahawa'*** adalah perlu untuk digunakan sebagai pelengkap kepada ayat penerang tersebut. Kata hubung ***'yang'*** adalah kata hubung pancangan relatif yang bertugas sebagai penghubung klausa utama dengan klausa kecil. Oleh itu, kata hubung ***'yang'*** dalam ayat tersebut adalah sebagai penghubung kepada klausa utama dan klausa yang kecil. Berikut pula adalah terjemahan ayat dari bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
It is of the highest important, therefore not to have useless facts elbowing out the usefull one.	Dia menyatakan dia tidak mempelajari ilmu tidak berguna dalam kerjanya.	Modulasi

Dalam novel Sherlock Holmes versi Bahasa Inggeris, petikan asal tersebut adalah *"It is of the highest important, therefore not to have useless facts elbowing out the usefull one"*. Setelah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, ayat tersebut diterjemahkan kepada *"Dia menyatakan dia tidak mempelajari ilmu tidak berguna dalam kerjanya"*. Kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan ini adalah kaedah modulasi. Hal ini demikian kerana penterjemah telah menukarkan padanan satu lawan satu perkataan dalam frasa atau

ayat kepada perkataan atau ayat yang lain. Namun, terjemahan yang dibuat adalah sedikit berbeza daripada makna asal. Hal ini demikian kerana, maksud asal dalam teks Inggeris adalah *"Adalah sangat penting, untuk tidak menyimpan pengetahuan-pengetahuan yang tidak penting sehingga tidak dapat mengeluarkan ilmu yang berguna"*. Namun, terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah adalah *"Dia menyatakan dia tidak mempelajari ilmu tidak berguna dalam kerjanya"*. Terjemahan tersebut terdapat sedikit perubahan makna walaupun tidak keterlaluan. Namun ianya masih dikira sebagai terjemahan yang dilakukan dengan mengubah makna ayat tersebut. Oleh itu, petikan teks tersebut tidak selaras seperti apa yang Alexander katakan iaitu untuk menterjemahkan tanpa mengubah makna ayat dan terjemahan hendaklah membawa reaksi dan emosi yang sama seperti teks asal.

Berdasarkan beberapa contoh yang diambil daripada analisa keseluruhan, dapat dilihat berkenaan kesalahan struktur ayat yang berlaku dan juga kaedah terjemahan yang didapati daripada teks tersebut.

Menghuraikan kaedah terjemahan yang digunakan meliputi masalah yang timbul.

Pada bahagian ini, berdasarkan analisis teks tersebut, pengkaji mengambil data mengenai kaedah terjemahan berdasarkan teks yang digunakan itu dan pengkaji menilai berdasarkan terjemahan itu, adakah kaedah terjemahan yang didapati itu meliputi masalah yang timbul seperti ketepatan penyampaian, senang difahami, persamaan dari segi gaya, penggunaan bahasa dan sebagainya.

Contoh 1:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
Well…he will probably be here in few minutes more.	Jadi kita berjumpa dengannya dalam masa satu jam lagi.	Modulasi

Jika dilihat petikan asal tersebut, petikannya adalah *"Well…he will probably be here in few minutes more"*. Setelah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, petikan tersebut diterjemahkan menjadi *"Jadi kita berjumpa dengannya dalam masa satu jam lagi"*. Jika diteliti ayat terjemahan tersebut, penterjemah telah menggunakan kaedah modulasi dimana penterjemah telah menukarkan perkataan *'few minutes'* menjadi *'satu jam'*. Ayat tersebut tidaklah menukar maknanya secara keseluruhan, namun ayat tersebut masih lagi membawa makna yang sedikit berbeza. Oleh itu, jika dilihat dari segi ketepatan penyampaian, ayat tersebut tidak diterjemahkan dengan tepat dan tidak membawa maksud yang tepat. Namun demikian, terjemahan ayat berkenaan masih mudah untuk difahami walaupun membawa makna yang sedikit berbeza daripada makna teks asal. Dari segi penggunaan bahasanya pula tidaklah terlalu sukar untuk difahami namun persamaan dari segi gaya bahasa yang digunakan tidaklah terlalu sama. Terdapat sedikit persamaan namun tidaklah begitu sama seperti gaya bahasa asal yang digunakan. Hal ini sedikit berbeza berbanding apa yang dijelaskan oleh Alexander di dalam prinsipnya. Menurut beliau, sesuatu terjemahan itu hendaklah mengekalkan maksud asal teks sumber. Gaya bahasa terjemahan juga hendaklah sama sifat dengan teks asal. Selain itu, kesan terjemahan pula hendaklah dirasai seolah-olah teks asal.

Contoh 2:

Versi Bahasa Inggeris	Versi Bahasa Melayu	Kaedah Terjemahan
The hunter's mind was hard, unyielding nature, and the predominant idea of revenge had taken such complete possession of it that there was no room for any other room.	Sudah tiada lagi ruang dalam hatinya melainkan hasrat menuntut bela di atas kematian dua orang yang disayanginya.	Generalisasi

Petikan asal berkenaan adalah *"The hunter's mind was hard, unyielding nature, and the predominant idea of revenge had taken such complete possession of it that there was no room for any other room"*. Setelah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, terjemahan tersebut menjadi *"Sudah tiada lagi ruang dalam hatinya melainkan hasrat menuntut bela di atas kematian dua orang yang disayanginya"*. Jika diteliti, penterjemah telah menggunakan kaedah terjemahan generalisasi dalam menterjemahkan petikan tersebut. Jika dilihat dari segi ketepatan penyampaian, petikan tersebut tidaklah diterjemahkan dengan tepat dan teliti seperti teks asal namun petikan terjemahan tersebut tidak mengubah maksud ayat secara keseluruhan. Terjemahan telah dilakukan dengan cara umum dan ringkas namun masih membawa makna yang sama seperti teks asal yang menyatakan mahu membalas dendam. Berbeza pula dengan teks asal yang diceritakan secara terperinci bagi menunjukkan sifat amarah dan dendam yang terlalu kuat dirasai oleh karakter berkenaan.

KESIMPULAN

Data kajian yang diperolehi ini secara tidak langsung akan dapat memberi impak kepada pembaca. Hal ini kerana melalui data kajian ini, pembaca akan dapat pencerahan berkenaan kesalahan-kesalahan ayat yang berlaku seperti kesalahan ayat gabungan (pada, kepada, di, dari, daripada dan sebagainya) dan juga kesalahan ayat pancangan (untuk, bahawa, yang dan sebagainya). Hal ini kerana kesalahan struktur ayat dalam terjemahan sering kali menjadi satu perkara yang tidak diambil berat namun sebenarnya struktur ayat juga adalah penting walaupun untuk terjemahan teks sastera. Begitu juga dengan teknik terjemahan. Hal ini kerana struktur ayat yang baik dan terjemahan yang baik akan menjadikan pembaca mudah memahami dan emosi penulisan asal akan dapat dirasai oleh pembaca. Hal ini disokong oleh Goh Sang Seong dalam buku Isu-isu dalam terjemahan teks sastera terbitan Penerbit USM (2016) yang mengatakan "terjemahan karya sastera mengungkapkan kandungan teks sumber ke dalam teks sasaran. Terjemahan ini lebih mengutamakan kesampaian makna dan mesej daripada teks sumber kepada teks sasaran melalui pemindahan lambang bahasa dan budaya. Namun begitu unsur-unsur kesusasteraan seperti bentuk dan teknik penulisan serta gaya bahasa tidak berjaya dikekalkan. Justeru, terjemahan karya sastera hanya dibaca sebagai teks yang membekalkan maklumat. Pembaca juga disajikan dengan maklumat yang ingin disampaikan oleh pengarang teks sumber".

RUJUKAN

Abdullah Hassan &Seri Lanang J.R. (2006). *Sintaksis.* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa Dinamika: Berdasarkan Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (2003). *Teori dan teknik terjemahan*. Bentong, Pahang: PTS Publications.

Abdullah Hassan. (2006). *Sintaksis bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Abdullah Hassan. (2011). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Pub.

Adams, G., & Schvaneveldt, J. (1986). *Understanding research methods*. New York: Longmans.

Bell, R. (1991). *Translation and translating*. London [etc.]: Longman.

Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. The Hague: Mouton.

Culicover, P. *Syntax*. New York: Academic Press.

Goh Sang Seong. (2016). *Isu-isu Dalam Terjemahan Karya Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit USM

House, J. (2015). *Translation*. Oxford: Oxford University Press.

Lefevere, A. (1992). *Translation, history, culture*. London: Routledge.

Malmkjær, K., & Windle, K. (2011). *The Oxford handbook of translation studies*. Oxford: Oxford University Press.

Munday, J. (2011). *Corpus-Based Translation Studies: Research and Applications*. London: Continuum.

Norizah Ardi. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. Puchong, Selangor: August Pub.

Parera, J. (1994). *Sintaksis*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Rosaline Barbour. (2014). *Introducing Qualitative Research: A Student's Guide*. Los Angeles: Sage Publications

Venuti, L. (2012). *The translation studies reader*. London: Routledge.

Walker, R. (1985). *Applied qualitative research*. Aldershot, Hants.: Gower.

Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman. (1994). *Pendekatan Penterjemahan / Peter Newmark*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERSPEKTIF MEDAN SEMANTIK MENERUSI UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL INDIE

Nor Aisyah Hafiza Tazudin
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
aisyahhafiza.tazudin@gmail.com

Rozita Che Rodi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
ita_cherodi@upm.edu.my

ABSTRAK

Aspek kebahasaan dalam penggunaan seharian masyarakat hari ini dilihat semakin rencam. Kewujudan media sosial serta kecanggihan teknologi menjadikan kerencaman ini semakin tersebar luas apabila penyalahgunaan bahasa diamalkan di platform-platform ini. Masyarakat menjadi bebas memilih ucapan serta perkataan yang ingin dilemparkan sehingga melampaui batas kesantunan dalam berkomunikasi. Hakikatnya, banyak pilihan perkataan yang lebih halus boleh digunakan bagi menggantikan perkataan-perkataan yang bersifat tabu atau tidak elok untuk diucapkan apatah lagi untuk didengar. Namun begitu, masyarakat kini semakin kurang didedahkan dengan pemilihan-pemilihan perkataan tersebut atau lebih dikenali sebagai unsur eufemisme. Oleh hal yang demikian, fokus kertas kerja ini adalah untuk memanifestasikan serta mengupas unsur eufemisme yang terdapat dalam novel indie pada hari ini. Pengkaji menjadikan novel berjudul *Mental* karya Shaz Johar sebagai bahan kajian. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji telah mengemukakan tiga objektif utama iaitu (i) mengenal pasti kata fokus unsur eufemisme dalam novel indie, (ii) menginterpretasikan kata kunci yang mengelilingi kata fokus bagi unsur eufemisme dalam novel indie dan (iii) membentuk medan semantik unsur eufemisme dalam dalam novel indie. Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif. Penganalisisan data akan dijalankan dengan mengaplikasikan Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis Syed M. Naquib al-Attas (2001). Dapatan kajian ini mendapati bahawa perkataan berunsur eufemisme dapat diinterpretasikan maknanya menerusi pengenalpastian kata fokus dan penginterpretasian kata kunci hasil daripada pengaplikasian Teori Medan Semantik.

Kata kunci: eufemisme, indie, *Mental*, kata fokus, kata kunci, Teori Medan Semantik.

PENGENALAN

Dalam sesebuah pengkajian bahasa, teori merupakan pegangan asas yang mendasari pembentukan dan pengembangan ilmu pengetahuan. Teori juga boleh mendasari penentuan tindakan atau keputusan yang bakal diambil dalam sesuatu isu yang ingin dikupas, selain turut berperanan dalam membentuk sebuah kerangka konseptual yang berupaya mengaitkan serta menyesuai padan komponen-komponen yang berbeza agar tidak bercanggah dan seiring. Di samping itu, teori juga memainkan peranan sebagai rujukan dalam memahami dan menganalisis sesuatu data yang diperoleh. Hal ini demikian kerana teori merupakan suatu rumusan pendapat atau pandangan yang mengandungi satu set konsep analisis yang dapat ditafsirkan dengan jelas tetang sesuatu fakta yang konkrit dan mempunyai hubungan secara logik (Radcliffe-Brown, 1965). Merujuk pandangan yang dinyatakan oleh Media Sandra Kasih (2000), teori juga dapat dijelaskan sebagai satu skema yang dapat digunakan dalam memahami sesuatu fenomena. Dalam erti kata lain, sesebuah teori itu dapat menjadi panduan serta rujukan kepada pengkaji dalam menentukan arah tuju penyelidikannya di samping membantu dalam menghuraikan sesuatu penyelidikan itu. Secara tidak langsung, pengaplikasian teori dalam sesebuah kajian dapat mencari jawapan serta menjadi jalan penyelesaian dalam sesebuah isu yang dikaji.

Secara ringkasnya, teori merupakan paksi utama yang mendasari sesebuah kajian. Tanpa teori, sesebuah kajian yang dijalankan itu tidak utuh tanpa pegangan. Kajian secara berteori berupaya membentuk satu pendeskripsian konsep peluasan makna kata yang berpolisemi menerusi kaedah baru dalam bahasa Melayu. Hal ini demikan kerana ia bersifat terperinci dari sudut teoritis, data dan huraiannya.

Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji akan memberi fokus terhadap pengaplikasian Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001). Menurut J.D. Parera (2004), setiap kata dapat dikelompokkan sesuai dengan medan semantiknya. Dalam medan semantik tersebut, setiap unsur yang berbeza akan diinterpretasikan dan diberi batasan yang jelas sehingga tidak berkeupayaan untuk berlaku pertindihan antara suatu makna dengan makna yang lain. Hakikatnya, medan semantik merupakan sebuah jaringan asosiasi yang rumit berdasarkan persamaan, kontak/ hubungan atau hubungan asosiasi.

Dalam pada itu, Teori Medan Semantik juga merupakan satu pendekatan kajian yang dilakukan untuk meneliti hubungan paradigmatik antara beberapa perkataan yang mempunyai pertalian antara satu sama lain. Ianya terdiri daripada sejumlah leksikal yang maknanya saling berkaitan antara satu sama lain disebabkan oleh kehadiran leksikal-leksikal tersebut dalam satu konteks yang sama. Bagi memudahkan pemahaman berkaitan medan semantik ini, pengkaji memberi contoh apabila menyebut perkataan ‘universiti’, apakah perkara atau imej yang akan dibayangkan? Maka perkataan yang akan dilihat berkaitan ialah pensyarah, profesor, tesis, mahasiswa, kuliah, desasiswa, naib canselor dan sebagainya. Leksikal-leksikal ini mempunyai perkaitan dan hubung kait dengan perkataan ‘universiti’ seperti yang telah dinyatakan dan telah membentuk medan semantik bagi perkataan ‘universiti’. Pendekatan ini juga telah digunakan oleh Abdullah Hassan (2007) bagi menerangkan pemaknaan kata bagi perkataan “universiti”. Penjelasan bagi penubuhan medan semantik perkataan ‘universiti’ adalah seperti yang berikut:



Rajah 1.0: Medan Semantik bagi Kata Fokus “Universiti” (Abdullah Hassan, 2007)

Seterusnya, pengkaji akan mengaplikasikan Teori Medan Semantik ini menerusi pemanifestasian unsur eufemisme yang terdapat dalam novel indie. Unsur eufemisme menurut Kamus Dewan Edisi Keempat secara literalnya dapat didefinisikan sebagai ungkapan yang lebih lembut, manis dan sopan yang digunakan untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar. Menurut pandangan Teo Kok Seong (1996), eufemisme merupakan perkataan atau frasa yang lebih halus sifatnya bagi menggantikan perkataan atau frasa yang bersifat kasar dan negatif untuk didengar. Teo Kok Seong (1996) turut menambah bahawa unsur eufemisme berupaya untuk menggantikan perkataan berunsur tabu menjadi lebih bermakna dan tidak memakan diri. Dalam pada itu, Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman (2010) turut mengemukakan perihal hal yang sama dengan menyatakan bahawa eufemisme digunakan atas tujuan mengelak daripada mengujarkan sesuatu perkara secara langsung. Lazimnya, perkara yang tidak dinyatakan secara langsung itu adalah perkara yang dianggap tidak elok untuk diperkatakan secara langsung dan tidak sedap untuk didengar. Sebagai contoh, perihal yang berkaitan dengan kesakitan, kematian, jenayah dan sebagainya. Secara tidak langsung, eufemisme merupakan asas kepada kesejahteraan dalam corak hidup bermasyarakat.

Seterusnya, pengkaji cuba untuk menghubungkaitkan unsur eufemusme ini dengan karya penulisan indie dalam usaha mengilmiahkan sesuatu bahan bacaan yang berkonsep santai. Dalam pada itu, genre ini juga menjadi antara genre piliha utama masyarakat Malaysia pada masa kini. Genre indie merupakan sebuah genre yang bertentangan dengan arus perdana atau dengan erti kata lain, genre ini merupakan genre alternatif kepada arus perdana. Berdasarkan pandangan yang telah dinyatakan oleh Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nurhidayah Kusnin (2016), secara umumnya genre indie dapat difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang menginginkan kebebasan daripada sebarang autoriti serta arus perdana. Dalam kajian ini, pengkaji memilih genre indie dengan menjadikan novel *Mental* karya Shaz Johar sebagai bahan kajian utama. Pengkaji akan mengenal pasti unsur eufemisme yang terdapat dalam novel ini. Lanjutan itu juga, unsur-unsur tersebut akan dianalisis dengan mengaplikasikan Teori Medan Semantik S. Ulmann (1963) menerusi pendekatan model analisis Syed M. Naquib al-Attas (2001).

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, unsur eufemisme dilihat sebagai suatu ungkapan yang sukar difahami oleh sebilangan masyarakat pada masa kini. Tidak mengejutkan juga jika boleh dikatakan kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak mengetahui perihal kewujudan terma eufemisme itu sendiri. Hal ini terjadi demikian kerana sesuatu bentuk penulisan atau lisan yang mengandungi unsur eufemisme ini dilihat sukar untuk diinterpretasikan disebabkan pemaknaan katanya perlu dikupas bukan sahaja secara tersurat, malah juga secara tersirat. Hal ini menjadikan sesuatu mesej yang cuba disampaikan oleh penulis atau penutur itu tidak sampai kepada golongan sasaran. Hal ini bertepatan dengan pandangan Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017) yang menyatakan bahawa pada masa kini unsur eufemisme masih belum menjadi suatu kebiasaan dalam kalangan masyarakat penutur. Hal ini menjadikan masyarakat pada hari ini kurang terdedah dan terbuka apatah lagi terbiasa dengan penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian disebabkan kesukaran dalam proses penginterpretasian pemaknaan kata itu. Kesukaran ini menyebabkan masyarakat pada era kini lebih memilih untuk menikmati sesuatu bahan bacaan atau konsep perbualan yang lebih santai dan bersifat telus. Telus di sini pengkaji ertikan sebagai suatu konsep yang tidak berselindung disebalik kata-kata dalam menyatakan sesuatu hal. Dalam erti kata lain, masyarakat kini lebih terdorong untuk memilih sesuatu perihal, perkataan atau isu yang tidak memerlukan keupayaan untuk mengupas daripada aspek tersurat mahupun tersirat. Tidak hairanlah jika masyarakat kini terutamanya golongan muda lebih cenderung memilih bahan bacaan bergenre indie kerana konsepnya yang lebih santai dan pemilihan kata yang lebih telus.

Berkesinambungan daripada hal itu, Rozita Che Rodi (2013) turut berpendapat bahawa sesuatu masalah yang melibatkan pemahaman sesuatu konsep itu berlaku disebabkan kesukaran dalam memahami maknanya secara menyeluruh. Hal ini mencakupi aspek definisi, makna asasi dan lapangan konteks. Hal ini demikian kerana proses penginterpretasian dan pemahaman sesuatu pemaknaan kata itu bukanlah suatu tugas yang mudah kerana melibatkan suatu proses penginterpretasian yang teliti sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Hal ini seiiring dengan pandangan J. Thomas (1995) seperti yang berikut:

...meaning is not something which is inherent in the words alone, nor is it produced by the speaker alone, or by the hearer alone. Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and meaning potential of an utterance.

Selain daripada itu, permasalahan berkaitan pemaknaan kata serta pemahaman terhadap sesuatu ungkapan ini turut disuarakan oleh Mustafa Atan (2010). Menurut Mustafa Atan (2010), sekiranya masyarakat tidak berkeupayaan untuk memahami serta mentakrifkan sesuatu maklumat selari dengan maksud yang cuba disampaikan oleh seseorang penulis, maka hal ini akan menyebabkan perkongsian ilmu atau mesej sebenar berkaitan sesuatu konsep tidak mencapai tahap yang optimum. Hal ini demikian kerana pemahaman pembaca dengan mesej sebenar yang cuba disampaikan oleh seseorang penulis atau penutur itu perlulah seiring demi mencapai tahap tersebut. Kepincangan dalam proses pemahaman sesuatu konsep itu akan menerencatkan perkongsian dan perkembangan sesuatu imu itu.

Di samping itu, permasalahan lain berkaitan pemahaman unsur eufemisme yang dapat dikenal pasti adalah apabila terdapat jurang yang agak luas wujud antara golongan tua, dewasa dan muda. Jurang ini turut melibatkan aspek pengetahuan dan kemahiran penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian. Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018) yang melibatkan kajian terhadap masyarakat Iban di Sarawak dari aspek penggunaan unsur eufemisme. Menurut Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018), unsur eufemisme ini masih releven dalam masyarakat Iban di Sarawak. Namun begitu, hasil daripada kajiannya menapati bahawa terdapat jurang yang sangat luas wujud antara tiga golongan utama seperti yang telah dinyatakan. Berdasarkan kajian tersebut, golongan muda dilihat kurang cakna dengan kewujudan serta penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu, dapat dilihat bahawa permasalahan utama berlaku daripada aspek pemahaman, penginterpretasian, kemahiran penggunaan unsur eufemism dan jurang yang luas antara golongan tua, dewasa dan muda terhadap aspek-aspek ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini bagi mengenal pasti unsur eufemisme yang masih wujud dalam penulisan bergenre indie, di samping memberi pendedahan kepada masyarakat pembaca tentang penginterpretasian unsur eufemisme yang hakikatnya masyarakat dapat belajar lebih daripada sekadar memahami makna ungkapan semata-mata. Novel bergenre indie dipilih memandangkan genre ini merupakan genre pilihan masyarakat hari ini terutamanya golongan muda. Dalam pada masa yang sama, kajian ini juga merupakan salah satu usaha pengkaji dalam memanifestasikan unsur eufemisme yang terdapat dalam penulisan genre alternatif ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Bertitik tolak daripada permasalah kajian yang telah dikenal pasti, bagi menjawab permasalahan tersebut pengkaji telah menetapkan tiga objektif utama seperti yang berikut:

i) mengenal pasti kata fokus bagi unsur eufemisme dalam novel indie.
ii) menginterprestasi kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti menerusi novel indie.
iii) membentuk medan semantik unsur eufemisme berdasarkan novel indie.

SOROTAN LITERATUR

Unsur eufemisme merupakan salah satu seni bahasa yang sangat menyantuni pendengarnya. Hal ini demikian kerana unsur eufemisme merupakan salah satu bentuk strategi kesantunan berbahasa yang berukeupayaan untuk menzahirkan nilai dan budaya masyarakat Melayu. Unsur ini mencerminkan sikap masyarakat Melayu terdahulu yang sangat tertib dalam setiap tutur kata dan penggunaan bahasa dalam sistem komunikasi harian mereka. Hal ini diperkatakan kerana banyak ungkapan yang dianggap tidak elok untuk dituturkan dan didengari digantikan dengan ungkapan-ungkapan yang lebih santun untuk dituturkan. Sebagai contoh, perkataan 'mengandung' digantikan dengan perkataan 'berbadan dua' manakala perkataan 'mati' digantikan dengan perkataan 'meninggal dunia' atau 'kembali ke rahmatullah'. Secara tidak langsung, hal ini jelas memamparkan

tahap ketertinggian nilai ketamadunan yang terdapat dalam diri mereka. Melihat kepada senario itu, hal ini sejajar dengan pandangan yang dinyatakan oleh Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman (2010) yang menyatakan bahawa unsur eufemisme digunakan bagi tujuan mengelak daripada menyatakan sesuatu secara langsung dan perkara yang dielakkan daripada dituturkan itu adalah perkata yang berbaur negatif.

Di Barat, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana terkemuka berkaitan unsur eufemisme ini. Antaranya ialah Rawson (1981) yang telah menyusun kamus *A Dictionary of Euphemisms and Other Double Talks.* Penulisan tersebut mencatatkan sejarah eufemisme dan menerangkan unsur ini ini secara lebih terperinci daripada segenap aspek. Selain itu, Neaman dan Silver (1983) pula telah menyusukn dan menerbitkan *Kind Words – A Thesaurus of Euphemisms* yang telah menjadi rujukan banyak sarjana terkemudian sehingga ke hari ini. Di samping itu, Enright D.J. (1985) juga telah menerbitkn *The Uses of Euphemisms* yang memberi fokus kepada skop yang berbeza seperti eufemisme dan media, eufemisme dan kanak-kanak serta seks dan eufemisme. Selain daripada itu, sarjana tersohor Allah dan Burridge (1991) telah mengalihkan pandangan pengkajian unsur eufemisme ini ke suatu sisi dan perspektif yang berbeza serta menarik untuk dibawakan daripada sudut psikologi manusia. Menerusi penulisan makahlahnya yang bertajuk *Euphemisms and Dysphemisms: Language Used as Shield and Weapon,* Allan dan Burridge (1991) cuba mengetengahkan fungsi eufemisme itu sendiri. Dalam pada masa yang sama, Allan dan Burridge (1991) juga telah membentuk satu pengkelasan unsur eufemisme yang terdiri daripada Sembilan aspek iaitu (1) anggota tubuh, (2) jantina, (3) seks, (4) kemarahan, (5) kebencian, (6) penyakit, (7) kematian, (8) ketakutan dan (9) merujuk kepada Tuhan. Pengkelasan sembilan aspek unsur eufemisme telah memberi banyak sumbangan dalam bidang pengkajian linguistik terutamanya bidang semantik.

Di samping itu, arena linguistik tempatan tidak kurang hebatnya. Pelbagai cabang bidang dan pengkajian berkaitan unsur eufemisme ini telah dijalankan menerusi penulisan makalah oleh sarjana-sarjana tempatan. Antaranya ialah pengkajian berkaitan unsur eufemisme menerusi makalah *Eufemisme dalam Kerangka Linguistik: Satu Tinjauan Awal* oleh A. Balakrishnan, Mashetoh Abd. Mutalib dan Melor Fauzita Md. Yusoff (2018). Selain itu, kajian unsur eufemisme keatas bahan novel juga telah dijalankan menerusi makalah bertajuk *Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said* oleh Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017). Hasil dapatan kajian ini mendapat terdapat 35 unsur eufemisme yang telah dikenal pasti terdapat dalam novel tersebut. Selain daripada Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017), Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) juga telah menjalankan kajian eufemisme dalam novel menerusi makalahnya yang bertajuk *Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani.* Dua sarjana ini telah membuat perbandingan terhadap kedua-dua novel tersebut dan mendapati terdapat 27 unsur eufemisme dan 11 daripada unsur tersebut menepati Maksim Kesantunan Leech (1993).

Di samping itu, pengkajian berkaitan unsur eufemisme ini bukan sahaja telah dijalankan dengan melihat kepada latar masyarakat Melayu sahaja, malah kajian ini turut dijalankan terhadap masyarakat bumiputera di Malaysia. Sarjana seperti Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018) telah mengambil inisiatif mengembangkan bidang pengkajian ini dengan meneliti unsur eufemisme ini dalam kalangan etnik Iban di Sarawak menerusi makalahnya yang berjudul *Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban.* Menerusi kajian ini, unsur eufemisme dilihat masih releven dalam kalangan masyarakat bumiputera itu. Namun begitu, terdapat jurang yang sangat luas antara tiga golongan utama iaitu golongan tua, dewasa dan muda. Jurang ini dilihat wujud dalam aspek pemahaman serta penggunaan unsur eufemisme ini dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian unsur eufemisme dalam kalangan masyarakat bumiputera juga telah dijalankan oleh sarjana lain seperti Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis dan Khazriyati Salehuddin (2016). Sarjana-sarjana ini telah memberi fokus terhadap aspek kematian dalam masyarakat Sarawak berdasarkan perspektif semantik kognitif. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa penutur menggunakan unsur eufemisme kematian bagi menggantikan istilah yang dianggap kasar atau tabu dalam masyarakat serta kurang sesuai digunakan dalam komunikasi secara langsung.

Meninjau ke negara seberang, kajian eufemisme ini juga banyak dijalankan oleh sarjana Indonesia. Antaranya ialah Lilimiwirda (2011) yang telah menjalankan kajian berkaitan unsur eufemisme menerusi penulisan makalahnya yang bertajuk *Eufemisme dalam Masyarakat Minangkabau di Kota Padang.* Dalam

kajian tersebut, Lilimiwirda (2011) telah mengkelaskan unsur eufemisme kepada beberapa kategori iaitu daripada aspek benda, binatang, bahagian tubuh, pekerjaan, penyakit, aktiviti, peristiwa, sifat atau keadaan, tempat, manusia, tumbuh-tumbuhan dan harga serta jumlah. Hasil daripada pengkelasan ini dapat dilihat bahawa unsur eufemisme ini mencakupi aspek yang sangat luas dan boleh diguna pakai dalam pelbagai aspek yang berbeza.

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu, kebanyakan sarjana menjalankan kajian secara kajian lapangan dan kajian novel arus perdana. Namun begitu, masih kurang kajian-kajian yang dijalankan keatas bahan-bahan penulisan beraliran alternatif atau indie ini. Dalam usaha mengilmiahkan bahan bacaan santai, pengkaji yakin bahawa unsur kebahasaan seperti unsur eufemisme ini masih diterapkan dalam novel bergenre indie hasil tulisan penulis muda masa kini. Dalam pada itu, pengkaji mengambil peluang untuk mengaplikasikan Teori Medan Semantik S. Ulmann (1963) menerusi pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001) ini keatas unsur-unsur eufemisme yang telah dikenal pasti dalam novel indie berjudul *Mental* karya Shaz Johar ini. Secara tidak langsung, kajian ini akan dapat mengisi kelompangan yang terdapat pada kajian-kajian lalu dan seterusnya memperkaya ilmu pengkajian semantik.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjawab segala permasalahan dan objektif kajian ini, pengkaji menjalankan kajian ini secara kualitatif. Dalam kajian ini, kaedah pelaksanaan kajian dilakukan menerusi kaedah pengumpulan data. Kaedah kepustakaan telah dilakukan bagi tujuan pengumpulan data atau maklumat yang berkaitan dengan kajian unsur eufemisme dan Teori Medan Semantik ini. Bahan-bahan bacaan seperti kertas kerja, buku dan jurnal yang berkaitan telah dirujuk bagi menghuraikan pengaplikasian teori serta kajian terdahulu untuk diadaptasi dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis data. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih teks novel indie berjudul *Mental* karya Shaz Johar untuk dianalisis.

Bagi mendapatkan data, pengkaji terlebih dahulu membuat pembacaan bagi keseluruhan teks di samping mengenal pasti unsur eufemisme yang terkandung dalam teks tersebut. Lanjutan itu, pengkaji membuat pendefinisian secara terperinci keatas setiap unsur eufemisme itu bagi mendapatkan makna asasinya. Selepas proses tersebut, pengkaji akan mengaplikasikan Teori Medan Semantik S. Ulmann (1963) menerusi pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001).

Langkah pertama dalam mengaplikasikan pendekatan model analisis ini adalah dengan mengenal pasti kata fokus yang wujud hasil daripada pengumpulan data unsur eufemisme. Kata fokus ialah perkataan yang akan menjadi paksi penumpuan makna dalam sesuatu medan semantik. Hasil daripada pengenalpastian kata fokus tersebut, pengkaji seterusnya akan mengenal pasti sejumlah kata kunci yang akan mengelilingi kata fokus yang telah dikenal pasti tadi dan ini adalah langkah yang kedua. Kata kunci merupakan sejumlah kata yang mengelilingi kata fokus yang menjadi paksi dalam sesuatu medan. Setiap kata kunci ini sebenarnya mempunyai perkaitan makna dengan kata fokus yang menjadi paksi penumpuan makna serta mempunyai hubung kait dengan kata kunci yang lain. Dalam pada itu, kata kunci juga boleh menjadi paksi penumpuan makna (kata fokus) dalam suatu medan semantik yang lain. Dalam langkah kedua ini, pengkaji akan menginterpretasikan pemaknaan kata bagi setiap kata kunci secara teliti, sehinggalah ke suatu tahap, satu konsep pemaknaan kata dapat dicapai atau dengan erti kata lain, sebuah lingkungan konsepsi akan terbentuk. Hasil daripada penginterpretasian ini, pengkaji akan beralih ke langkah yang ketiga (terakhir) iaitu pembentukan medan semantik bagi sesuatu kata fokus. Pembentukan medan semantik ini bukan sahaja dapat menginterpretasikan pemaknaan bagi kata fokus dan kata kunci semata-mata, malah turut berkeupayaan untuk menjelaskan secara terperinci konsep sebenar yang ingin disampaikan dalam sesebuah teks atau wacana.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pembacaan dan penelitian yang telah dibuat keatas teks novel indie *Mental* karya Shaz Johar ini, terdapat 96 unsur eufemisme yang telah dikenal pasti. Namun begitu, bagi tujuan penulisan kertas kerja ini, hanya 14 unsur sahaja yang dipaparkan kerana kesemua unsur yang disenaraikan ini merupakan antara unsur yang paling menonjol dan kerap digunakan dalam teks ini. Unsur eufemisme berserta makna asasi bagi setiap

perkataan adalah seperti yang tertera dalam jadual yang berikut:

Jadual 1 Eufemisme dan Makna Asasi dalam Teks Novel *Mental* Karya Shaz Johar

Bil.	Petikan Ayat daripada Teks	Perkataan Berunsur Eufemisme	Makna Asasi
1.	Waktu itu kedua-dua **orang tua**nya itu sedang menunggu kedatangan bidan sambil mendengar berita nasional di radio. (*Mental*: 13)	Orang tua	Ibu bapa
2.	Sangka ayah, **orang tua** mertuanya suka dengan kelahiranku tetapi dia silap. (*Mental*: 169)	Orang tua	Ibu bapa
3.	Jin dan Siera mempunyai sepasang **cahaya mata.** (*Mental*: 13)	Cahaya mata	Anak
4.	Sudah bertahun-tahun berkahwin, masih juga tidak dikurniakan dengan **cahaya mata**. (*Mental*: 169)	Cahaya mata	Anak
5.	Waktu itu mereka baru saja kehilangan **pembantu rumah** Indonesia yang ketiga. (*Mental*: 12)	Pembantu rumah	Orang gaji
6.	Menurut ceritanya, **pembantu rumah** yang pertama lari mengikut pekerja Bangladesh. (*Mental*: 12)	Pembantu rumah	Orang gaji
7.	Aku tidak mengejutkan **tuan rumah** dan isterinya di bilik utama sebaliknya terus menuju ke dapur untuk menyediakan sarapan pagi. (*Mental*: 12)	Tuan rumah	Pemilik rumah
8.	Mujurlah dia anak **tuan rumah** kerana jika dia anakku atau adikku sendiri, sudah lama aku benamkan kepalanya ke dalam lubang jamban. (*Mental*: 18)	Tuan rumah	Pemilik rumah
9.	Tiba-tiba terdengar suara **anak bujang** itu menjerit kuat dari dalam biliknya. (*Mental*: 18)	Anak bujang	Anak lelaki yang belum berkahwin
10.	"Belum tidur lagi Neng?" soal **anak bujang** itu. (*Mental*: 41)	Anak bujang	Anak lelaki yang belum berkahwin
11.	"Akak tolong kemas meja tu, Rania tolong basuh pinggan." kata **anak gadis** itu ketika membawa pinggan dan gelasnya ke dapur. (*Mental*: 30)	Anak gadis	Anak perempuan yang belum berkahwin

12.	Aku memujuk **anak gadis** yang masih kekal tersenyum di atas sofa itu. (*Mental*: 27)	Anak gadis	Anak perempuan yang belum berkahwin
13.	Dia merenung TV buruk yang sedang menayangkan himpunan **warga-warga emas** yang sibuk menyanyi itu. (*Mental*: 171)	Warga emas	Orang yang sudah tua/ berusia
14.	Seorang ibu **warga asing** bersama anak-anak kecil yang sedang meminta sedekah. (*Mental*: 175)	Warga asing	Orang yang berasal dari negara lain/bukan tempatan

Hasil daripada pengenalpastian unsur eufemisme seperti yang telah dinyatakan, seterusnya pengkaji akan mengenal pasti kata fokus bagi unsur eufemisme yang telah dikenal pasti. Dalam kajian ini, kata fokus merujuk kepada kata yang menjadi paksi utama dalam pembentukan sesebuah medan semantik yang dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang saling berhubungan dari segi maknanya. Sesuatu kata fokus itu akan dikenal pasti berdasarkan kehadirannya yang dominan dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat atau teks serta wacana.

Sehubungan dengan itu, penelitian akan ditumpukan kepada kata fokus yang menjadi inti kepada penggunaan unsur eufemisme dalam novel *Mental* karya Shaz Johar ini. Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap teks novel ini, tiga kata fokus berjaya dikenal pasti. Namun begitu, aspek keabritrarian atau kesewenangan dalam proses penentuan sesuatu kata fokus itu tidak dapat dielakkan oleh pengkaji. Hal ini seiring dengan pandangan yang telah dinyatakan oleh T. Izutsu (1964), iaitu:

"*Almost unavoidably a certain amount of arbitrariness comes into his (researcher's) choice of the key-terms...*"

Walaupun terdapat elemen kearbritrarian ini kerana bergantung kepada pendekatan dan pemerhatian pengkaji dalam proses pengenalpastian dan penentuan ketiga-tiga kata fokus tersebut, namun penentuan kata fokus yang telah ditentukan itu amat jelas penelitiannya dari aspek keutamaan dan kepentingan bagi sesuatu kata fokus yang dipilih. Hal ini disebabkan ketiga-tiga kata fokus yang telah dipilih mempunyai kekuatan yang dominan dalam menjelaskan konsep utama yang dibawakan oleh penulis novel ini kepada masyarakat. Berikutan itu, ketiga-tiga kata fokus yang telah ditentukan itu adalah seperti yang berikut:

(i) kata fokus "kekeluargaan"
(ii) kata fokus "gelaran"
(iii) kata fokus "peribahasa"

Namun begitu, dalam perbincangan ini, hanya satu kata fokus yang akan dianalisis bagi mewakili dua lagi kata fokus. Hal ini demikian kerana proses penganalisisan bagi setiap kata fokus adalah sama dan memadai hanya satu kata fokus yang dibincangkan dalam perbincangan ini.

Kata Fokus Kekeluargaan

Ironinya, istilah keluarga sering kali merujuk kepada suatu kelompok sosial atau sebuah institusi kecil yang turut berperanan dalam proses pengembangan masyarakat dan negara. Menurut Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain (2007), keluarga merupakan salah satu komponen penting dalam proses pembentukan sesebuah masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan serta pengembangan sesebuah negara.

Pentafsiran berkaitan konsep kekeluargaan ini turut diperjelaskan lagi menerusi pandangan yang dinyatakan oleh Nurdin (2019) yang menyatakan bahawa keluarga merupakan suatu unit terkecil dalam

masyarakat yang terdiri daripada ketua keluarga dan beberapa orang yang terkumpul dan tinggal dalam keadaan saling bergantungan. Dalam erti kata lain, konsep kekeluargaan ini merupakan suatu hubungan saling kebergantungan yang terjalin dalam kalangan ahli keluarga yang pada dasarnya mempunyai pertalian darah. Asas pembentukan sesebuah institusi kekeluargaan itu adalah berpunca daripada sebuah hubungan perkahwinan antara seorang suami dan isteri yang seterusnya berkembang menerusi kelahiran zuriat hasil daripada hubungan perkahwinan tersebut.

Dalam kajian ini, aspek "kekeluargaan" merupakan salah satu inti pati mesej yang ingin disampaikan oleh penulis dalam penulisannya. Aspek ini dilihat begitu dominan dalam penulisan ini sehingga menjadi tunjang utama dalam jalan ceritanya. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji telah memilih aspek kekeluargaan sebagai salah satu kata fokus dalam aspek pengkajian. Antara unsur eufemisme yang menyentuh aspek kata fokus kekeluargaan adalah seperti yang berikut:

Unsur 1: Orang tua
Maksud: Ibu bapa
Contoh ayat:

(i) Waktu itu kedua-dua **orang tua**nya itu sedang menunggu kedatangan bidan sambil mendengar berita nasional di radio.
(*Mental*: 13)

(ii) Sangka ayah, **orang tua** mertuanya suka dengan kelahiranku tetapi dia silap.
(*Mental*: 169)

Unsur 2: Cahaya mata
Maksud: Anak
Contoh ayat:

(i) Jin dan Siera mempunyai sepasang **cahaya mata**.
(*Mental*: 13)

(ii) Sudah bertahun-tahun berkahwin, masih juga tidak dikurniakan dengan **cahaya mata**.
(*Mental*: 169)

Penginterpretasian Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus Kekeluargaan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menginterpretasikan sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus. Kata kunci merupakan sejumlah perkataan yang terpenting dalam aspek sesuatu perbendaharaan kata bagi sesuatu teks atau wacana yang pada hakikatnya akan sangat mempengaruhi konsep pemikiran masyarakat terhadap sesuatu input yang diperoleh sama ada menerusi teks mahupun wacana. Antara sejumlah kata kunci yang telah dikenal pasti itu terdapat satu kata fokus yang akan menjadi paksi penumpuan makna. Kata fokus ini akan dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang mempunyai jalinan perkaitan makna sehingga membentuk sebuah medan semantik.



Rajah 1.1 Jalinan Perkaitan Makna antara Setiap Kata Kunci dan Lingkungan Konsepsi bagi Kata Fokus "Kekeluargaan"

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, perkataan "kekeluargaan" telah menjadi kata fokus yang berfungsi sebagai paksi penumpuan makna dan dalam pada masa yang sama terdapat sejumlah kata kunci yang saling berhubungan antara satu sama lain bagi merujuk kepada pemaknaan kata bagi kata fokus kekeluargaan tersebut. Sejumlah kata kunci ini mempunyai hubungan secara langsung dengan kata fokus dan juga dengan sejumlah kata kunci yang lain. "Keluarga" merupakan sebuah unit sosial terkecil dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus kekeluargaan adalah sejumlah perkataan yang mempunyai kaitan dengan "keluarga", seperti "suami", "isteri", "anak", "ibu", "ayah", "adik beradik" dan sebagainya. Hubungan perkaitan bagi setiap perkaitan ini dapat dilihat secara langsung dan diketahui umum. Apabila seseorang memerihalkan perihal "keluarga", maka perkataan-perkataan inilah yang akan diRajahkan oleh pendengar atau orang yang diajak berbicara.

Jika dilihat kepada contoh yang terdapat dalam novel *Mental* karya Shaz Johar ini, banyak unsur eufemisme yang digunakan menjerumus kepada aspek kekeluargaan. Sebagai contoh, penggunaan unsur eufemisme "orang tua" yang merujuk kepada "ibu bapa", merupakan tunjang utama dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Contoh lain yang dapat dilihat ialah unsur eufemisme "cahaya mata" yang merujuk kepada "anak". "Anak" merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai buat pasangan suami isteri yang telah berkahwin.

Dalam pada itu, dapat juga dilihat perkaitan tidak langsung yang menghubungkan antara kata fokus "kekeluargaan" dengan sejumlah kata kunci seperti hubungannya dengan perkataan "darah" dan juga "kaum". Kata kunci "darah" dilihat mempunyai perkaitan dengan kata fokus "kekeluargaan" kerana pertalian darah merupakan suatu perihal utama dalam mengklasifikasikan atau mendefinisikan perihal "keluarga". Hal ini demikian kerana, seseorang yang mempunyai pertalian darah akan dianggap sebagai keluarga. Sebagai contoh, pertalian keluarga antara ibu bapa dengan anak, adik dengan abang, adik beradik dengan saudara dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada hasil penginterpretasian sejumlah lata kunci yang mengelilingi kata fokus kekeluargaan tersebut, maka terbentuknya sebuah jalinan perkaitan makna. Setiap kata kunci yang mengelilingi kata fokus keluarga itu bukan sahaja mempunyai jalinan perkaitan makna dengan kata fokus kekeluargaan semata-mata, malah turut mempunyai jalinan perkaitan makna dengan sejumlah kata kunci lain yang semedan dengannya. Dalam pada itu, hubungan jalinan perkaitan makna ini juga akan membentuk sebuah lingkungan konsepsi yang akhirnya akan membentuk sebuah medan semantik bagi kata fokus kekeluargaan. Bertitik tolak

daripada pembentukan lingkungan konsepsi ini, perihal pemaknaan kata bagi kata fokus kekeluargaan dapat diperjelas secara lebih terperinci dan berkesan sehingga mampu untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat penutur mahupun pembaca.

Medan Semantik Kata Fokus "Kekeluargaan"

Berdasarkan penjelasan berkaitan penginterpretasian pemaknaan kata bagi sejumlah kata kunci yang saling berhubung kait antara satu sama lain sehingga membentuk jalinan perkaitan makna yang akhirnya mewujudkan sebuah lingkungan konsepsi bagi kata fokus kekeluargaan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, maka rajah bagi medan semantik kata fokus kekeluargaan adalah seperti yang berikut:



Rajah 1.2 Medan Semantik bagi Kata Fokus "Kekeluargaan"

Berdasarkan Rajah 1.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa perkataan "kekeluargaan" menjadi kata fokus yang berfungsi sebagai paksi penumpuan makna dalam medan tersebut. Kata fokus kekeluargaan ini terdiri daripada 11 kata kunci yang mengelilinginya. Kesemua kata kunci tersebut mempunyai hubungan perkaitan makna dengan kata fokus sehingga membentuk sebuah konsep "kekeluargaan" yang mampu untuk menjelaskan secara keseluruhan bagi medan semantik kata fokus ini.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, menerusi penginterpretasian yang telah dilakukan oleh pengkaji, dapat dikenal pasti bahawa setiap kata kunci adalah saling berjalinan pemaknaan katanya antara satu sama lain. Bertitik tolak daripada jalinan perkaitan makna ini jugalah, wujudnya sebuah lingkungan konsepsi yang akhirnya membentuk sebuah medan semantik bagi sesebuah kata fokus. Medan semantik ini mampu untuk menjelaskan secara keseluruhan konsep unsur eufemisme yang dilihat begitu dominan dalam novel *Mental* karya Shaz Johar ini. Secara tidak langsung, medan ini mampu untuk menghuraikan serta menyampaikan mesej yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca secara lebih terperinci menerusi pengkajian secara terperinci dalam aspek linguistik khususnya aspek semantik. Dalam pada itu, ternyata genre indie masih menerapkan unsur-unsur eufemisme dalam hasil penulisan mereka.

RUJUKAN

Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. (2010). *Fail Sosiolinguistik*. Selangor: Nusabuku Enterprise.

Al-Attas, S. M. Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Allan, K., & Burridge, K. (1991). *Euphemisme and Dyphemisme Language Used as Shield and Weapon*. New York: Oxford University Press.

Balakrishnan, A., Mashetoh Abd Mutalib & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2018). Eufemisme dalam Kerangka Linguistik: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counceling*. *3*(16): 50–58.

Brown, A. R. Radcliffe. (1965). *The Structure of Modern English: A Linguistic Introduction.* Amsterdem: John Benjamins Publishing Company.

Enright, D. J. (1985). *Fair of Speech: The Use of Euphemism.* Oxford: Oxford University Press.

Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif. *Journal of Language Studies*, *16*(2), 53–71.

Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung.* Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistics Studies, Keio University.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lilimiwirdi. (2011). *Eufemisme dalam Masyarakat Minangkabau di Kota Padang*. Tesis Master, Universitas Andalas, Padang, Indonesia.

Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan Dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia.*

Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). 08*(1): 27-40.

Neaman, J. S. & Silver, C. G. (1983). *Kind Words: A Thesaurus of Euphemism*. New York: Facts on File Publications.

Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa & Azfa Hanani. dlm. *Jurnal Bahasa. 11*(1), 83-108.

Parera, J. D. (2004). *Teori Semantik Edisi Kedua.* Jakarta: Airlangga.

Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan.* Bil.9.

Rawson, H. (1981). *A Dictionary of Euphemisms and Other Double-Talk*. New York: Crown Publishers.

Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari Sudut Medan Semantik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Shaz Johar. (2011). *Mental*. Petaling Jaya: Buku Fixi.

Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development.* 5(1): 88-101.

Teo Kok Seong. (1996). Tabu Bahasa: Kedudukannya dalam Masyarakat. *Pelita Bahasa*. 40(3): 42-44.

Thomas, J. (1995). *Meaning in Interactio: An Introduction to Pragmatics.* Kuala Lumpur: Longman.

Ullmann, S. (1963). *The Principle of Semantics.* Oxford: Blackwell Paperback.

PEDALAMAN HULU PERAK: SOROTAN SISTEM VOKAL DIALEK HULU PERAK UTARA

Nur Habibah C.R.
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
ibahcherosdi@gmail.com

Rahim Aman
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
tuntas@ukm.edu.my

Shahidi A.H
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
zedic@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perincian sistem vokal dialek Hulu Perak Utara (DHPU) merentasi peredaran masa. Kurangnya kajian di Hulu Perak, maka kajian ini dilakukan untuk menghurai sistem vokal DHPU dan seterusnya mengenal pasti evolusi yang berlaku melalui perbandingan dengan Melayik Purba (MP). Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis perbandingan kualitatif yang dilakukan secara sinkronik dan diakronik. Matlamat sinkronik ini dipenuhi melalui pendeskripsian sistem vokal DHPU. Manakala matlamat diakronik dilakukan dalam meneliti perkembangan sistem vokal DHPU berdasarkan inovasi dan retensi yang dibandingkan dengan sistem vokal MP. Data yang digunakan dalam makalah ini pula diperoleh secara temubual dan rakaman di lapangan, yang melibatkan sembilan buah kampung di Gerik dan Pengkalan Hulu, Perak iaitu mewakili sembilan varian HPU. Data yang dimaksudkan adalah berupa daftar kata swadesh yang telah diubah suai, kepada 250 kata. Daftar kata ini terdiri daripada lapan bidang semantik, iaitu waktu, bilangan, anggota tubuh badan, alat kelengkapan rumah, binatang, kekeluargaan/kekerabatan, kata ganti nama dan alam persekitaran.Terdapat dua dapatan utama hasil daripada kajian yang dilakukan. Pertama, DHPU tergolong dalam dialek yang memiliki 'sistem enam-vokal'. Kedua, evolusi sistem vokal DHPU mengalami 4 jenis retensi dan 2 jenis inovasi melalui perbandingannya dengan MP. Implikasi daripada kajian ini diharapkan ia boleh menjadi penyumbang awal kepada usaha seterusnya, iaitu seperti melakukan rekonstruksi dalaman DHPU, mahupun pengelompokan semula dialek Melayu yang lebih peka terhadap penyebaran dialek berdasarkan sistem topologi.

Kata kunci: vokal, dialek Hulu Perak Utara, perbandingan kualitatif, Melayik Purba

PENGENALAN

Negeri Perak adalah negeri yang keempat terbesar di Malaysia, selepas Negeri Sarawak, Sabah dan Pahang. Negeri Perak dikenali sebagai *Perak Darul Ridzuan* yang diketuai oleh seorang Sultan sebagai pemerintah utama. Negeri Perak terletak dalam Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 8, 110 batu persegi dan panjangnya pula dari utara ke Selatan ialah 155.5 batu persegi dan lebarnya pula dari timur ke Barat kira-kira 96 batu (A. Halim Nasir, 1977:3). Kedudukan ini menjadikan negeri Perak antara yang paling banyak bersempadan dengan negeri-negeri lain.

Bahagian utara negeri Perak bersempadan dengan dua buah negeri, iaitu Kedah dan Pulau Pinang (Seberang Perai), manakala di sebelah timur Perak, bersebelahan dengan negeri Kelantan yang dipisahkan dengan Banjaran Gunung Titiwangsa. Perak juga bersempadan dengan Selatan Thailand. Di sinilah kawasan kajian yang akan dilakukan, Hulu Perak Utara. Daerah Hulu Perak yang terletak di Utara Perak merupakan

daerah paling besar dalam negeri Perak. Terdiri daripada tiga daerah kecil, iaitu Lenggong, Grik dan Pengkalan Hulu yang berkeluasan 6563.6 km persegi. Kajian yang dilakukan ini hanya akan menumpukan dialek Melayu Patani di Hulu Perak Utara (HPU) yang melibatkan daerah Grik dan Pengkalan Hulu

Majoriti masyarakat yang bermaustatin dalam daerah ini adalah terdiri daripada orang Melayu Patani. Sejarah mencatatkan orang-orang Melayu Patani adalah mereka yang terawal membuka hutan dan membuat penempatan di Hulu Sungai Perak. Umum mengetahui dialek harian yang dituturkan masyarakat di sini ialah dialek Melayu Patani. Ringkasnya, dialek Melayu Patani dituturkan secara meluas di Selatan Thai iaitu di wilayah Narathiwat, Yala dan sebahagian wilayah Songkla. (Ruslan Uthai 2011:19). Manakala di semenanjung Malaysia, dialek Melayu Patani dituturkan di Terengganu, Kelantan, sebahagian kawasan Kedah iaitu daerah Sik, Mahang, Kupang dan Baling serta di Perak meliputi kawasan Hulu Perak, dan Larut Matang Selama (Tajul Arippin, 2014).

Kini, dialek Melayu Patani di Perak Utara mula diberikan tumpuan dan giat dijalankan oleh para sarjana bermula pada awal abad ke 20-an. Hal ini kerana kesedaran tentang unik dan eksotiknya dialek HPU. Uniknya dialek HPU kerana ia memiliki begitu banyak varian yang wujud dalam satu kawasan. Buktinya kajian-kajian yang dilakukan oleh Tajul Arippin (2014), Norhashimah (2015), Siti Noraini et.al (2014) dan Sakinah & Fazal (2016) membincangkan penemuaan varian-varian di HPU berlandaskan tujuan dan matlamat masing-masing. Misalnya, dapatan kajian Tajul Arippin (2014) menemukan daerah Hulu Perak mempunyai lebih daripada lima subdialek Melayu Pattani berdasarkan perbandingan yang dilakukan terhadap proses-proses fonologi dalam dialek di daerah tersebut. Begitu juga dengan kajian Norhashimah (2015), Siti Noraini et.al (2014), mereka melakukan kajian berteraskan geolinguistik dengan membuat perbandingan terhadap beberapa leksikal untuk melihat keberadaan varian-varian di Hulu Perak. Sakinah & Fazal (2016) pula melihat kepelbagai varain Hulu Perak dari aspek sintaksis, iaitu meneliti bentuk dan kedudukan kata tanya di Perak Utara.

Ekoran daripada ini, satu kajian pendeskripsian sistem fonologi dialek HPU harus dilakukan supaya keberadaan sistem dialek HPU mendapat penjelasan sewajarnya seperti sistem fonologi dialek asas Perak yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini hanya difokuskan kepada sistem vokal dialek HPU dan evolusinya sahaja. dengan harapan ia akan menjadi asas kepada usaha yang lebih besar seperti rekonstruksi dialek HPU dan memberi inventori dalam rujukan lingusitk sejarawi.

OBJEKTIF KAJIAN

Menyoroti sistem vokal dialek Hulu Perak Utara (HPU) dan meneliti perkembangannya daripada vokal Melayik Purba (MP).

SOROTAN KAJIAN

Kajian dialek Perak telah banyak dilakukan oleh para sarjana terdahulu. Jika ditelusuri dari selatan sehingga ke utara Perak, pelbagai kajian telah pun dihasilkan. Namun, hasil tinjauan yang dilakukan terhadap kajian-kajian tersebut, pengkaji dapati masih ada kekosongan perlu diterokai di kawasan Hulu Perak Utara (HPU). Hal ini dibuktikan dengan kajian-kajian lepas banyak menumpukan kajian dialek asli dialek Perak iaitu bahagian Perak Tengah yang menganjur ke Selatan. Sebagai contoh, kajian Raja mukhtaruddin (1986), Abu Bakar Hamid (1962), dan Zaharani Ahmad (1991)

Kajian Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1983) dan Asmah Haji Omar (1985) membincangkan dialek Melayu di Malaysia dalam konteks yang umum dan menyeluruh. Semua perihal dialek Melayu seperti dialek Perak, dialek Kedah, dialek Kelantan, dialek Pahang, dialek Terengganu dan lain-lain dibincangkan dari beberapa aspek bahasa seperti fonologi, morfologi dan lain-lain. Contohnya dalam ketiga-tiga kajian ini, ada membincangkan pengelompokan setiap dialek Melayu di Malaysia. Namun, masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza dalam pengelompokan yang dilakukan. Jika difokuskan terhadap dialek Perak dalam kajain mereka, Ismail (1973) telah mengelompokkan dialek Perak terdiri daripada lima kumpulan iaitu: (1)

Utara Perak – didiami imigran Patani tuturkan dialek Patani (banyak persamaan fonologinya dengan dialek Terengganu); (2) Pantai Barat Laut menuju ke selatan Dinding – dialek Kedah; (3) dialek Sungai Perak – Kampung-kampung sepanjang sungai Perak, selatan kampung Gajah sehingga Parit; (4) Pulau Sayong – *small pocket* di Sungai Perak menghala Kuala Kangsar; (5) dialek kosmopolitan – Perak Tengah bermula Kuala Kangsar sehingga Selatan menuju bandar-bandar besar Perak.

Harun (1983) dalam kajiannya mengelompokkan dialek perak kepada enam bahagian iaitu; (1) dialek Kedah dan Pulau Pinang (dialek Utara) – daerah Kerian yang termasuk Parit Buntar dan Bagan Serai ke Taiping; (2) dialek Kuala Kangsar – Kuala Kangsar, Padang Rengas, Sayong, sehingga Lenggong; (3) dialek Parit/dialek Sungai Perak – daerah Bota iaitu Parit, Bota dan Kampung Gajah; (4) dialek Patani – daerah Hulu Perak terdiri daripada Gerik dan Klian Intan; (5) bahasa standard – Ipoh, Batang Padang sehingga Tanjung Malim; (6) dialek Pendatang – dialek Rawa, Batak, Mendaling misalnya di Bangan Datoh, Teluk Intan dan Sabak Bernam. Berbeza Asmah (1985) mengelompokkan dialek Perak kepada lima bahagian iaitu; (1) Hulu Perak dan Larut Matang – dialek Patani; (2) Taiping ke utara - dialek Kedah; (3) Parit dan Kuala Kangsar – dialek Perak; (4) Ipoh ke Selatan – jenis Selangor; dan (5) Gopeng dan Selama – dialek Rawa.

Seterusnya, berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian dialek asli Perak iaitu di bahagian selatan Perak telah banyak dilakukan oleh para sarjana sejak abad ke-18 lagi. Kajian tersebut termasuklah yang dilakukan oleh para mubaligh ketika itu. Kini, kajian-kajian dialek Perak yang dilaksanakan oleh para pengkaji telah menyentuh semua aspek bahasa seperti aspek fonologi, morfologi, sintaksis, sosiolinguistik, perkamusan dan sebagainya. Kajian sosiolinguistik oleh Nor Hisyam Osman (1994) yang dilakukan di Ulu Dedap, Perak membahaskan pemilihan bahasa yang dilakukan oleh penduduk kawasan kampung tersebut. Manakala kajian perkamusan oleh Norliza Jamaluddin (2002) yang bertajuk 'Pentakrifan dialek Perak dalam Kamus' dilakukan adalah untuk menghuraikan aspek takrifan yang terdapat dalam kamus Ekabahasa Bahasa Melayu, Kamus Dewan Edisi ke-3.

Kajian Zaharani Ahmad (1991), Rohani (2003) dan Tajul Arippin (2002; 2014) lebih terfokus pada daerah atau kawasan tertentu. Contohnya kajian Zaharani Ahmad (1991) yang meneliti aspek fonologi dan morfologi dalam dialek Perak di Bota. Menurut Zaharani (1991) kajian yang dilakukan ini penting, kerana beliau ingin mengangkat Bota sebagai kawasan yang menuturkan dialek asli Perak. Oleh itu, pendekatan teori fonologi generatif digunakan oleh Zaharani (1991) untuk mendeskripsikan fonologi dialek di Bota. Begitu juga Tajul Arippin (2014), beliau menggunakan pendekatan yang sama iaitu teori fonologi generatif dalam menganalisis fonologi dialek Melayu Pattani di Gerik, Lenggong dan Batu Kurau Perak. Tajul (2014) menfokuskan persamaan dan perbezaan proses-proses fonologi yang timbul antara ketiga-tiga daerah tersebut. Seterusnya Rohani (2003) mengkaji dialek geografi di daerah Kuala Kangsar. Dapatan kajian yang dilakukan terhadap varian di Kuala Kangsar menjadikan kawasan tersebut sebagai zon transisi dialek, namun masih mengekalkan dialek asli Perak.

Menjelang abad ke 21, barulah timbulnya kajian dialek di HPU. Hampir tiga abad lamanya dialek HPU ini tidak difokuskan dalam kajian dialek Melayu di Malaysia. Keadaan ini tidak menghairankan kerana status kawasan daerah HPU pada ketika itu, adalah 'kawasan hitam' kekejaman komunis pada era 1940-1980an. Namun zaman berubah. Kini, dengan perkembangan teknologi yang canggih, ia telah membawa dimensi baharu dalam kajian dialek. Siti Noraini et al. (2014) dan Norhashimah (2015) antara pengkaji pemula yang menggunakan Sistem Maklumat Geografi atau GIS dalam kajian dialek mereka. Kedua-dua kajian ini menfokuskan kajian dialek Melayu Patani di Perak Utara. Usaha ini sangat baik kerana pemetaan peta yang dibuat di HPU memaparkan dengan lebih jelas perilaku yang berlaku dalam dialek HPU.

Namun begitu, setelah diamati amat kurang kajian yang memberi tumpuan kepada keberadaan dialek di Hulu Perak Utara secara tuntas dalam sistem fonologi dialeknya. Tidak dapat diakui bahawa ada kajian yang memperlihatkan ciri fonologi dialek HPU secara tidak langsung, misalnya dalam kajian Tajul Arippin Khasin (2001; 2014), Norhashimah (2015), dan Siti Noraini et. al (2014) yang disebutkan. Tetapi, ia tidak memperincikan sistem fonologi dialek HPU dengan jelas, iaitu bilangan sebenar fonem vokal dan konsonan dalam dialek HPU. Keadaan ini amat perlu dan penting kerana ia adalah perkara paling asas memahami

dengan lebih jelas sesuatu dialek. Jadi untuk kajian ini, disoroti keberadaaan vokal dialek HPU secara tuntas dan seterusnya meneliti perkembangan vokal tersebut daripada Melayik Purba (MP).

METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui pengumpulan data kepustakaan dan lapangan. Pengumpulan data di lapangan menggunakan metode cakap yang disusuli dengan teknik temubual semuka secara langsung dan tidak langsung, teknik daftar kata, teknik pengajuan Rajah, teknik ikut serta, teknik rakaman, dan teknik catat. Kawasan kajian yang terlibat meliputi Gerik dan Pengkalan Hulu, Perak. 9 kampung dipilih mewakili 9 varian HPU, yakni varian Perah (PRH), varian Kerunai (KRN), varian Selarong (SLRG), varian Air Panas (APNS), varian Kuak Hulu (KHLU), varian Padang Kunyit (PDG KNYT), varian Bongor, (BNGR), varian Bersia Lama (BSLM), dan varian Simpang Pulai (SPG PLAI). Pemililihan informan berdasarkan akronim NORF yang diutarakan oleh Ajid Che Kob (2006), bersesuaian kajian yang dilakukan di Malaysia mahupun Asia. Pengkaji melakukan pemilihan informan adalah melalui risikan ketua-ketua kampung yang menetap di Pengkalan Hulu dan Gerik. Pengkaji akan menerangkan kriteria-kriteria yang harus ketua kampung penuhi untuk mencari informan yang sesuai dan menepati kehendak pengkaji. Seperti ada ciri NORF, tidak berpendidikan tinggi, dan mempunyai alat pertuturan yang sempurna. Walau bagaimanapun, untuk jantina informan, pengkaji fleksibel jika ketua kampung memberikan cadangan informan tersebut adalah lelaki (yang lebih arif berkaitan dialek kampungnya). Jadi keseluruhan informan yang dipilih adalah sembilan orang, iaitu seorang informan mewakili satu kampung.

Seterusnya kaedah pemaparan dan analisis data dilakukan berlandaskan objektif yang digariskan dengan menggunakan pendekatan kualitatif perbandingan bahasa. Penganalisan data berpandukan kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi, Rahim Aman dan Shahidi A.H (2012). Data yang terkumpul dianalisis segmen bunyinya bagi mengesan ciri inovasi dan retensi. Seterusnya menentukan segmen bunyi tersebut mengalami inovasi atau retensi. Kaedah yang dilakukan adalah dengan melakukan perbandingan dengan Melayik Purba (MP) yang direkonstruksi oleh Adeelar (1992),

DAPATAN KAJIAN

Sistem Vokal Dialek Hulu Perak Utara

Pengamatan sistem vokal di Hulu Perak Utara (HPU) memperlihatkan kewujudannya menempatkan 2 vokal depan, 2 vokal tengah dan 2 vokal belakang. Dengan itu, di HPU memiliki enam vokal, iaitu /i/, /e/, /ə/, /a/, /u/ dan /o/. Keberadaan vokal-vokal tersebut dapat diinventorikan seperti dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Sistem vokal dialek Hulu Perak Utara (HPU)

Kedudukan lidah	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh tinggi	e		o
Separuh rendah			
Madya		ə	
Rendah	a		

a) Vokal Depan

Dialek HPU memiliki tiga buah vokal hadapan iaitu vokal depan tinggi /i/ dan vokal depan separuh tinggi /e/ Status vokal /i/ dan /a/ sebagai fonem yang utuh adalah sangat jelas dengan melihat penyebarannya. Vokal /i/ dan /a/ hadir pada semua posisi kata, iaitu posisi praakhir terbuka tertutup dan suku akhir terbuka dan tertutup. Manakala vokal /e/ penyebarannya hanya wujud pada posisi suku akhir kata sahaja.

Penyebaran Vokal Depan Separuh Tinggi /e/

Berdasarkan pada penyebaran vokal /e/ yang sangat terhad iaitu pada suku akhir sahaja dan dilihat sering berkontras dengan vokal /i/ dan /a/ pada suku kata akhir, sukar untuk menyatakan ia sebagai fonem. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih terdorong untuk menetapkan /e/ adalah fonem kerana telah diuji melalui kaedah pasangan minimal dibawah.

1. [neʔ] "naik" ~ [naʔ] "mahu"

Bukti kedua yang menyatakan /e/ adalah sebagai fonem adalah berdasarkan contoh data, /e/ mempunyai alofon /e/ dan /ɛ/. Rujuk Jadual 2.

JADUAL 2.Alofon /e/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /e/
enam	[ne]	PRH, SLRG, APNS, KHLU dan BNGR	[e]
	[nɛ]	KRN, SPG PLAI, PDG KYT, dan BSLM	[ɛ]
ke hilir	[kile]	PRH, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, SPG PLAI	[e]
	[kilɛ]	KRN, PDG KYT, dan BSLM	[ɛ]

Penyebaran Vokal Depan Tinggi /i/ dan Vokal Depan Rendah /a/

Secara fonemiknya, vokal tinggi /i/ boleh menempati posisi awal kata, suku kata praakhir terbuka dan pada suku kata akhir, boleh menempati pada keadaan terbuka dan tertutup. Berdasarkan data yang diperolehi pada posisi awal kata /i/ tetap muncul sebagai [i] dalam semua varian HPU. Pada suku kata praakhir, /i/ direalisasikan dalam tiga alofon, iaitu [i], [e], dan [ɛ]. Kemunculan alofon ini dilihat tidak begitu stabil dan tidak tetap. Ini bermakna terdapat juga perkataan yang tetap mengambil /i/ sebagai [i] sebagai realisasinya dalam kesemua varian. Contohnya Jadual 3 di bawah:

JADUAL 3 /i/ dalam suku kata praakhir terbuka

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /i/
licin	[litʃiŋ]	BNGR, KRN, dan PDG KNYT	[i]
	[letʃiŋ]	SLRG, KHLU dan BSLM	[e]
lima	[lɛtʃiŋ] [limo]	PRH, APNS dan SPG PLAI PRH, KRN, SLRG, dan BSLM	[ɛ] [i]
	[lima] [lɛma]	KHLU, PDG KNYT, dan BNGR APNS dan SPG PLAI	[i] [ɛ]

Vokal /i/ pada suku kata akhir direalisasikan kepada empat alofon, iaitu [i], [i^y], [e] dan [ɛ]. Alofon ini muncul dalam varian yang berbeza selain turut dipengaruhi oleh lingkungan tertentu. Dalam suku kata akhir terbuka, /i/ direalisasikan sebagai [i^y], iaitu dianggap sebagai pendiftongan vokal tinggi oleh Collins (1983) sebagai contoh dalam data ini, [$babi^y$], [$daki^y$] dan [$mati^y$].

Seterusnya berkaitan vokal tengah rendah /a/. Penyebaran vokal /a/ boleh dilihat hadir pada posisi suku kata praakhir dan suku kata akhir. Dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup, /a/ direalisasikan sebagai [a] juga. Keadaan ini berlaku dalam semua varian HPU yang dikaji. Contohnya data dalam suku kata praakhir

terbuka [anɔʔ] “anak”, [aka:] “akal” dan [apiʸ] “api”. Contoh bagi suku kata praakhir tertutup pula, [takoʷʔ] “takut”, [baka] “bakar” dan [mata] “mata”. Berbeza dengan suku kata akhir, penyebaran kesejajarannya menunjukkan vokal /a/ lebih rencam, apabila kehadiran /a/ bersama lingkungan fonetik yang berlainan, seperti [-aŋ], [-am], [-an]. [-ah], [-ak], [-ap], [-as], dan [-at] menghasilkan kesejajaran dengan beberapa alofon yang bersilih ganti mengikut varian.

b) Vokal Tengah /ə/

Dalam dialek HPU, terdapat satu vokal tengah iaitu vokal tengah madya /ə/. Status vokal /ə/ ini adalah sebagai fonem yang autonom walaupun vokal /ə/ hadir pada suku kata awal. Hal ini kerana, vokal /ə/ dapat diuji dengan melakukan kaedah pasangan minimal, iaitu [kəbah] “ kaki kebas” dengan [kibah] “mengibas”. Selain itu, vokal tengah madya /ə/ hadir secara geluncuran pada suku kata awal, yakni berlaku pelemahan sebutan misalnya dalam rangkap konsonan dalam varian tertentu. Berikut adalah contohnya dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Penyebaran /ə/ dalam suku kata awal

Makna	Data HPU	Varian
Dekat	[dəkaʔ]	Semua varian
Timbul	[mᵊlapoŋ]	PRH,
	[məlapoŋ]	KRN, BSLM
	[tələkʰoŋ]	KHLU
	[timbɔ]	SLRG, APNS, PDG KNYT, BNGR, dan SPG PLAI

c) Vokal Belakang

Terdapat dua vokal belakang dalam dialek HPU, iaitu vokal belakang tinggi /u/, dan vokal belakang separuh tinggi /o/. Vokal /u/ telah dianggap sebagai vokal yang autonom. Manakala vokal /o/, situasinya hampir sama dengan penentuan vokal /e/. Yang mana, vokal /o/ ini sering berkontras dengan vokal /a/. Adakah statusnya hanya alofon /a/. Namun, vokal /o/ dalam HPU ini juga dianggap sebagai fonem yang utuh.

Penyebaran vokal belakang tinggi /u/

Penyebaran vokal /u/ boleh berada pada suku kata praakhir terbuka dan tertutup. Begitu juga dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup. Pada suku kata praakhir, /u/ kekal sebagai [u]. Contohnya dalam data Perah, [uda] “udang”, [ula] “ular” dan [guɣoh] “guruh”. Vokal /u/ dalam suku kata akhir terbuka direalisasikan kepada dua alofon, iatu [u] dan [uʷ]. Contoh kata ialah [maluʷ] “malu”, [kuluʷ] “di hulu”, [batuʷ] “batu”, dan [gutuʷ] “kutu”. Dalam suku kata akhir tertutup pula, /u/ direalisasikan sebagai [u], [ɔʷ] atau [o]. Keadaan ini dapat dilihat dalam Jadual 5 di bawah.

JADUAL 5. Alofon suku kata akhir tertutup /u/

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /u/
jarum	[dʒaruŋ]	KRN dan PDG KNYT	[uŋ]
	[dʒaɣoŋ]	KHLU, BSLM dan SPG PLAI	[oŋ]
	[dʒaɣɔʷŋ]	PRH, SLRG, APNS dan BNGR	[ɔʷŋ]
takut	[takɔʷʔ]	PRH, APNS dan BNGR	[ɔʷʔ]
	[takoʔ]	KRN, SLRG, KHLU,PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI	[oʔ]

Penyebaran vokal belakang separuh tinggi /o/

Terdapat dua bukti yang menyatakan vokal /o/ adalah fonem. Yang pertama, berdasarkan penyebaran yang dominan, iaitu boleh hadir dalam suku praakhir dan suku akhir. Di samping itu, vokal ini juga mengalami perendahan kepada [ɔ] dalam lingkungan kata tertentu mengikut varian. Sebagai contoh, [gosoʔ] dituturkan hanya dalam varian PRH dan BSLM, selebihnya, [gosɔʔ]. Keadaan ini tidak membezakan makna, menjadikan [ɔ] adalah alofon kepada [o]. Kesimpulannya [ɔ] dalam varian KRN, SLRNG, APNS, KHLU, BSLM dan PDG KYT merupakan alofon kepada /o/. Contoh penyebaran dapat dilihat dalam Jadual 6 di bawah. Selain itu, untuk memperkukuhkan keutuhan /o/, kaedah pasangan minima dilakukan. Contoh kewujudannya dalam kata ini:

1. [kaso] "kasau" iaitu bahagian rumah dengan [kasa:] "kasar"
2. [s:akoʔ] "tersangkut" dengan [sakeʔ] "sakit"

JADUAL 6. Penyebaran Alofon /o/

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /o/
gosok	[gosɔʔ] [gosoʔ]	PRH dan BSLM KRN, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI, BNGR, dan PDG KNYT	[o] [ɔ]

Perkembangan Sistem Vokal Dialek Hulu Perak Utara (HPU)

Setelah meneliti dan membuktikan kewujudan enam vokal di HPU, bahagian ini akan menyoroti perkembangan vokal yang telah dibincangkan. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti inovasi dan retensi dalam sistem vokal tersebut melalui perbandingannya dengan Melayik Purba (MP). MP buat pertama kalinya direkonstruksi oleh Adeelar (1992). Pada tahap MP, sebanyak 4 vokal direkonstruksikan oleh beliau, iaitu dalam Jadual 7 di bawah:

JADUAL 7 Vokal MP

Kedudukan lidah	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Madya		ə	
Rendah	a		

Berdasarkan inventori vokal MP yang dipaparkan ini, dan dibandingkan dengan inventori vokal dalam dialek HPU, wujud pertambahan vokal /e/ dan /o/. Kedua vokal ini adalah inovasi daripada MP, manakala empat vokal lagi iaitu /i, ə, a, u/ adalah retensi langsung daripada MP. Perbincangan di bawah ini mengemukakan data-data yang membuktikan berlakunya retensi vokal MP dalam dialek HPU.

a) Retensi vokal MP*i terjadi pada suku kata praakhir dan suku kata akhir seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8 di bawah:

JADUAL 8. Retensi vokal MP *i

Data	MP	Varian HPU
kiri	*kA-iri	PRH, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI [kʰiɣiʸ] ; BNGR, dan BSLM [kiɣiʸ]; PDG KNYT dan KRN [kiriʸ]

beli	*bəli	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI [bəli^{y}]

b) Dialek HPU retensi MP*ə hanya terhad pada posisi suku kata praakhir sahaja seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9 di bawah:

JADUAL 9. Retensi vokal MP *ə

Data	MP	Varian HPU
dekat	*dəkat	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI [dəkaʔ]
bengkak	*bəŋkak	PRH, KRN, SLRG, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI [bəkɔʔ]; APNS, KHLU, dan PDG KNYT [bəkaʔ]

c) MP*a diretensikan dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir

JADUAL 10. Retensi vokal MP *a

Data	MP	Varian HPU
malas	*malas	PRH, KRN, dan PDG KNYT [malah]; SLRG, APNS dan BNGR [malaç]; KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI [maleh]; BSLM [malɛh]
anak	*anak	PRH, KRN, dan BSLM [anɔʔ]; SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR [anaʔ]; SPG PLAI [aneʔ].
tangan	*taŋan	PRH, BSLM dan SPG PLAI [taŋɛ]; APNS, BGR dan KRN [taŋɛn]; SLRG [taŋeŋ]; KHLU dan PDG KNYT [taŋaŋ]

d) MP*u terjadi dalam suku praakhir dan suku kata akhir.

Data	MP	Varian HPU
ular	*uləɣ	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI ula: ; BNGR dan BSLM ulɔ.
jarum	*jarum	PRH, SLRG, APNS, dan BNGR dʒaɣɔ^{w}ŋ; KRN dan PDG KNYT dʒaruŋ; KHLU, BSLM dan SPG PLAI dʒaɣoŋ.
malu	*malu	PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI malu^{w} .

Selanjutnya, perbincangan data yang membuktikan berlaku inovasi vokal MP dalam dialek HPU. Contohnya:

a) MP *i mengalami inovasi kepada [e] dan [ɛ] pada posisi suku kata praakhir. Namun adakalanya mengekalkan [i]. Manakala MP *u mengalami inovasi pada posisi suku kata awal kepada [o] dan [ɔ] Contohnya:

Data	MP	Varian HPU
merah	*miɣah	PRH, SLRG, BNGR, BSLM dan SPG PLAI [mɛɣɔh]; KRN dan PDG KNYT [mɛrah]; APNS dan KHLU [mɛɣah]
nipis	*nipis	PRH [nipɛh]; KRN, KHLU dan BSLM [nipeh]; SLRG, APNS dan BNGR [nipiç]; PDG KYT [nipih]; SPG PLAI [tipuh]
licin	*licin	PRH dan APNS [lɛtʃiŋ]; KRN, PDG KNYT, dan BNGR [litʃiŋ]; SLRG, KHLU, BSLM dan SPG PLAI [letʃiŋ].
putih	*putih	PRH, SLRG, KHLU,PDG KNYT, BNGR, SPG PLAI [puteh]; KRN, APNS, BSLM [putɛh]
ekor	*ikuɣ	KHLU, SPG PLAI [iko]; PRH, BSLM [ekɔ]; KRN,SLRG, APNS, BNGR, PDG KNYT [ɛkɔ]
esok	*isuk	KHLU, SPG PLAI [isɔʔ]; PRH, BSLM [esɔʔ]; KRN,SLRG, APNS, BNGR, PDG KNYT [ɛsɔʔ]
orang	*uɣaŋ	KHLU, SPG PLAI [uɣaŋ]; PRH, BSLM [oɣɛ]; KRN, BNGR [ɔɣa] SLRG, APNS [ɔɣeŋ]; dan PDG KNYT [ɔɣaŋ]
otak	*u(n)təʔ	KHLU, SPG PLAI [utaʔ]; PRH, BSLM [otoʔ]; KRN, BNGR [ɔtoʔ]; SLRG, APNS, PDG KNYT [ɔtaʔ]

Walau bagaimanapun, keadaan menjadi rumit pula apabila melihat paparan dalam jadual di atas bagi kata ‘ekor’, ‘esok’, ‘orang’ dan ‘otak’ menunjukkan MP *i > KHLU dan SPG PLAI [i] dan vokal *u > KHLU dan SPG PLAI [u]. Gejala ini memperlihatan retensi dari MP. Keadaan ini telah memisahkan dua varian tersebut daripada varian lain di HPU. Varian lain menunjukkan inovasi pada posisi suku kata awal ini iaitu : MP *i > [e] dan [ɛ]; MP*u > [u] dan [o] tertakluk pada varian yang dipapar dalam jadual.

Perbincangan Perkembangan Vokal MP *i dan MP *u

Hasil daripada pemaparan data dan perbincangan yang dilakukan pada dua bahagian di atas, telah dibuktikan bahawa dialek HPU memiliki enam sistem vokal iaitu /i, e, a, ə, u, o/. Daripada enam vokal ini, terdapat dua vokal merupakan inovasi daripada MP, iaitu /e/ dan /o/. Setelah membuktikan adanya inovasi dan retensi sekaligus menentukan jalur perkembangan itu, yang akan menjadi fokus di sini ialah vokal /i/ dan /u/ pada posisi awal kata dan suku praakhir.

Menurut Asmah (2008), sistem enam vokal bahasa Melayu "...adalah perkembangan dari sistem empat-vokal bahasa Melayu Purba", iaitu *i, *ə, *a, dan *u. Telah dibuktikan salah satu ciri bahasa Melayu Induk adalah vokal /i/ dan /u/ memperlihatkan pemecahan fonemik dari BAP, iaitu *i menjadi /i/ dan /e/ dan *u menjadi /u/ dan /o/. Gejala ini turut memperlihatkan berlakunya dalam dialek HPU, kerana masih memperlihatan pemecahan yang sama, cuma ada varian melanjutkan lagi pemecahan tersebut walaupun tidak fonemis. Pemecahan ini difokuskan pada posisi suku kata awal. Pemecahan *i > [e] dan *u > [o] dapat dilihat dalam varian PRH dan BSLM, manakala *i > [ɛ] dan *u > [ɔ] dalam varian KRN, SLRG, APNS, PDG KNYT dan BNGR. Namun, berbeza gejalanya pada varian KHLU dan SPG PLAI kerana dilihat berlaku pengekalan vokal MP *i dan *u membolehkan dua varian ini dikategorikan sebagai dialek konservatif. Perkembangan ini dapat diringkaskan dalam Rajah 1 di bawah.

RAJAH 1. Perkembangan vokal *i dan *u



KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah membincangkan dua aspek penting dalam menyoroti sistem vokal dialek HPU. Pertamanya adalah, sistem dialek HPU tergolong dalam kelompok dialek yang memiliki sistem enam vokal, manakala perkara yang kedua membincangkan tentang perkembangan sistem vokal itu melalui perbandingan dengan MP. Dapatan daripada kajian ini memperlihatkan sebanyak empat vokal diretensikan daripada vokal MP dan dua vokal merupakan inovasi daripada MP, iaitu terhasil daripada pemecahan fonemik vokal MP*i > /i/ dan /e/ ,dan MP*u > /u/ dan /o/. Namun varian KHLU dan SPG PLAI memperlihatkan ciri retensi pantulan linear vokal tinggi MP *i dan *u pada posisi awal kata. tuntasnya fenomena perkembangan vokal di HPU memperlihatkan proses sebegini : vokal MP *i > [i] > [e] > [ɛ] dan vokal MP *u > [u] > [o] > [ɔ].

RUJUKAN

Abu Bakar Hamid. (1962). Sedikit Mengenai Fonologi Dialek Perak. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa* . Jil (5), 263-257.

Abdul Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak: siri pertama*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.

Adeelar, K.A. (1992). Proto-Malayic: The Reconstructions og Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical. *Pacific Linguistic* C-119. Canbera: The Australia National University.

Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ajid Che Kob. (2006). Linguistik Melayu. Dlm Zulkifley Hamid., Ramli M.S., & Rahim Aman. (Ed.), *Dialektologi*, 127-141.

Chambers, J.K & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi.* Terj. Annuar Ayob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J.T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit UKM.

Harun Mat Piah. (1983). Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak 20-23 Oct: Ipoh.

Ismail Hussein. (1973). *Malay Dialects in Peninsular*. Nusantara. Bil 3, 63-79.

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2012). Menelusuri Alur lembangan Hulu Pahang: Menjejaki Sistem Vokal Dialek Hulu Pahang. Dlm Rahim Aman (Eds). *Bahasa Melayu Bahasa Universal,* hlm. 79-96. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2013). Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies, 13(3), 211-222.*

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2014). *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Habibah C.H & Rahim Aman. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu 19(2), 216-243.*

Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(2), 310-330.

Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad, & Harishon Mohd. Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek Persisiran Sungai Perak: Analisis *Geographical Information System (GIS). GEMA Online Journal of Language studies,* 16*(1), 109-123.*

Nor Hisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norliza Jamalauddin. (2002). Pentakrifan Dialek Perak dalam Kamus. *Jurnal Bahasa,* 2(3), 490-501.

Raja Mukhtaruddin. (1986). *Dialek Perak*. Ipoh : Yayasan Perak.

Rohani Mohd Yusof. (2003). Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa, 3*(12), 588-606.

Sakinah & Fazal Mohamed. (2016). Bentuk dan Kedudukan Kata Tanya Dialek Perak Utara: Satu Huraian Deskriptif. *Jurnal Bahasa*, 6(2), 53-274.

Siti Noraini Hamzah., Nor Hashimah J., & Zaharani Ahmad. (2014). Variasi dialek Melayu Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik,* 18(2), 30-46.

Tajul Arippin Khasin. 2002. Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Patani Gerik: Satu Huraian Perbandingan. *Jurnal Bahasa,* 2(3), 374-395.

Tajul Arippin Khasin & Tarmiji Misron (2014). Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm Noriah Mohamed (Ed.), *Pendekatan Konstrasif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*, 37-58, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

PEMANTAPAN GEOLINGUISTIK MENERUSI PENELITIAN VARIASI LEKSIKAL KATA KERJA DI PERSISIRAN PANTAI BARAT JOHOR

Nur Syahmina Supian
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
syahmina.ina97@gmail.com

Harishon Radzi
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
naslin@ukm.edu.my

Noor Hashimah Jalaluddin
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
junaini@ukm.edu.my

Fazal Mohamed Mohamed Sultan
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
fazal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dialek Johor merupakan dialek yang tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan bahasa Melayu standard seperti mana dengan dialek-dialek negeri yang lain. Hal ini demikian kerana terdapat tanggapan umum yang mengatakan dialek Johor merupakan asas kepada bahasa standard di mana bahasa tersebut telah melalui proses pemantapan bahasa. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan yang menunjukkan keunikan dialek Johor ini terutamanya di kawasan sempadan negeri tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan meneliti pemantapan dialek Johor melalui fenomena pengekalan dan peralihan dialek di daerah persisiran pantai barat Johor yang melibatkan daerah Muar, Batu Pahat, Ledang dan Pontian. Penelitian dilakukan berdasarkan varian leksikal kata kerja /cubit/. Kajian lapangan di empat daerah persisiran pantai barat Johor dilakukan bagi memperoleh data kajian menerusi teknik soal selidik, temu bual dan rakaman suara. Jumlah informan yang terlibat adalah seramai 198 orang. Penganalisisan varian leksikal /cubit/ yang mengalami proses pengekalan dan peralihan akan dikenal pasti dan seterusnya pembinaan peta isoglos serta koroplet leksikal /cubit/ menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kertas kerja ini juga turut menganalisis perbandingan varian leksikal /cubit/ yang mengalami proses pengekalan dan peralihan di kawasan kajian. Pengaplikasian perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dimanfaatkan dalam kajian ini bagi tujuan menjana peta dialek dan memperlihatkan fenomena bahasa yang berlaku dengan lebih jelas dan tepat mengikut perkembangan bahasa terkini. Kajian ini diyakini dapat menunjukkan berlakunya fenomena bahasa yang melibatkan generasi muda dan generasi tua malah menjadi pemangkin kepada pemantapan dialek Johor dan seterusnya pemantapan bidang geolinguistik.

Kata kunci: pemantapan, pengekalan, peralihan, dialek Johor, Sistem Maklumat Geografi

PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu komuniti bahasa. Satu komuniti bahasa merujuk kepada sekumpulan manusia yang menuturkan satu bahasa yang sama. Menurut Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), dialek merupakan kelainan bahasa yang secara lazim digunakan, yang ditentukan oleh kawasan geografi atau keadaan sosial dan dialek merupakan yang paling dekat dengan individu. Jadi, dialek merujuk kepada kelainan-kelainan bahasa dan merupakan bahasa substandard. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang menjadi asbab kepada berlakunya perbezaan dialek yang digunakan oleh kelompok penutur mahupun wilayah yang berbeza. Perbezaan dan kepelbagaian dialek ini terjadi disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya ialah faktor sempadan, bentuk muka bumi, ruang (*spatial*), sejarah, ekonomi dan migrasi (Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin 2018).

Fokus penelitian kertas kerja ini adalah leksikal kata kerja. Kata kerja merupakan salah satu konstituen penting pembinaan sesuatu ayat percakapan. Umumnya, kata kerja merupakan kata yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perbuatan dan berfungsi sebagai predikat. Menurut Nathesan. S (1995), kata kerja merupakan golongan kata yang amat penting dalam binaan frasa kerja dalam sesuatu ayat yang mana kata kerja akan menjadi salah satu unsur dalam konstituen predikat. Perkara ini selaras dengan definisi yang telah dikemukakan oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2010) di mana kata kerja berfungsi pada predikat ayat. Menurut Fazal Mohamed dan Faiz Alimi (2014) pula, kata kerja juga mempunyai pasangan yang dominan iaitu boleh memilih objeknya dan juga mengandungi ciri-ciri tertentu yang dapat memberikan tafsiran semantik dalam binaan sintaksis yang berkenaan. Namun begitu, terdapat banyak pembahagian jenis kata kerja ini menurut perspektif pakar-pakar bahasa, tetapi dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada leksikal kata / cubit/ bagi melihat sejauh mana dialek Melayu Johor mengalami pengekalan dan peralihan dialek tersebut.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat penggunaan leksikal kata kerja sesuatu dialek yang dapat dijelaskan dari sudut fonologi mahupun morfologi sekali gus memperlihatkan proses pemantapan geolinguistik yang berlaku. Hal ini demikian kerana sesuatu bahasa atau dialek yang digunakankan boleh dikembangkan dan boleh menjadi lemah kerana berlakunya pengekalan dan peralihan dalam konteks tertentu. Malah, sesuatu variasi bahasa itu boleh berlaku kerana dipengaruhi oleh faktor-foktor yang telah dinyatakan dan menjadi indikator kepada pengkaji untuk melihat sejauh mana pemantapan dialek Johor melalui fenomena pengekalan dan peralihan varian leksikal kata kerja /cubit/ dalam kelompok masyarakat di daerah persisiran pantai barat Johor berlaku.

SOROTON KAJIAN LEPAS

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang diperolehi pengkaji, terdapat beberapa pengkaji terdahulu yang membincangkan aspek pengekalan dan peralihan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Marlyna Maros (2010), membincangkan mengenai keadaan penggunaan dan pengekalan dialek Melayu Pekan di negeri Pahang dewasa ini. Kajian ini dilakukan bertolak daripada pemerhatian dan anggapan pengkaji bahawa dialek Melayu Pahang tidak menyerlah penggunaannya walaupun dalam kalangan penutur asli. Penggunaan yang tidak menyerlah ini ada kaitan dengan nilai dialek itu yang tergugat kerana pengaruh jaringan sosial penuturnya yang merentas negeri dan keperluan hidup. Hasil dapatan kajian dibincangkan oleh pengkaji dengan memanfaatkan konsep multipleksiti dan kepadatan dalam kerangka jaringan sosial yang dikemukakan oleh Milroy (1980). Di akhir kajian ini, pengkaji telah menunjukkan penggunaan dialek Melayu Pekan terhad kepada jaringan sosial yang padat oleh kumpulan penutur yang berusia dan yang tidak multipleks dari segi variasi penggunaan harian.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Sa'adiah Ma'alip (2014), yang membincangkan aspek pemilihan bahasa masyarakat Che Wong dalam melihat proses peralihan bahasa. Kajian ini tertumpu kepada masyarakat di perkampungan Orang Asli Che Wong, Kuala Gandah, Pahang. Kajian ini juga dilakukan bagi membuktikan bahasa yang menjadi pilihan masyarakat Orang Asli Che Wong dalam komunikasi seharian dalam domain-domain sosial mereka. Berdasarkan data yang telah diperoleh, ternyata masyarakat bahasa Che Wong masih cenderung memilih bahasa mereka dalam berinteraksi walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar

antara mereka dengan masyarakat setempat. Proses pemilihan bahasa yang berlaku ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi bahasa Che Wong digunakan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, pemilihan bahasa yang dipilih oleh masyarakat Che Wong apabila berinteraksi dengan masyarakat luar ialah bahasa Melayu kerana masyarakat luar yang dimaksudkan adalam bukan daripada suku kaum mereka. Fenomena ini merupakan suatu yang positif kerana sesuatu bahasa terutamanya bahasa masyarakat minoriti dapat dikekalkan.

Berbeza pula dengan kajian fenomena peralihan bahasa yang dilakukan oleh Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi (2019), yang membincangkan mengenai penggunaan bahasa Cham berdasarkan analisis domain dan teori mobiliti sosial. Penggunaan bahasa Cham dikaji dalam tiga domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiranan dan pekerjaan. Kawasan kajian adalah di persempadanan Perak-Pulau Pinang-Kedah yang merupakan kawasan pertumbuhan sosioekonomi utara. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan skor penggunaan bahasa antara generasi dalam ketiga-tiga domain adalah signifikan secara statistik. Kajian ini merumuskan bahawa penggunaan bahasa Cham semakin merosot terutamanya oleh generasi kedua yang memperlihatkan peralihan bahasa sedang berlaku. Terdapat beberapa faktor mobiliti sosial yang mempengaruhi berlakunya proses peralihan bahasa Cham iaitu aspek keetnikan yang dikongsi bersama, perubahan etnik, nasionalisme etnik, dan nasionalisme wilayah. Secara keseluruhannya analisis domain menunjukkan tanda berlakunya peralihan bahasa Cham kepada bahasa Melayu apabila penggunaan bahasa Cham didapati telah merosot dalam kalangan masyarakat Cham mengikut generasi.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis dan Hayati Lateh (2015), membincangkan secara khusus mengenai penggunaan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand, yang akan dihubungkan dengan konsep peralihan bahasa dan pengekalan bahasa. Hasil kajian menunjukkan dialek Kelantan adalah yang paling dominan digunakan di kawasan kajian walaupun terdapat banyak bahasa lain yang digunakan. Hal ini menunjukkan wujudnya pengekalan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand, khususnya di Golok, apabila majoriti responden memilih dialek Melayu Patani berbanding bahasa Thai. Perbincangan situasi pengekalan dan peralihan bahasa dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu faktor sosial, politik, bahasa dan budaya dan agama. Kajian ini juga telah memperlihatkan situasi pengekalan bahasa lebih ketara berlaku di sempadan Thailand. Perkara ini dibuktikan oleh hasil analisis soal selidik yang memperlihatkan dominannya dialek Melayu Patani berbanding bahasa Thai.

Selaras dengan kemajuan teknologi semasa, kajian mengenai dialek dan teknologi merupakan satu kajian interdisiplin yang menggabungkan disiplin bahasa dan geografi melalui pengaplikasian perisian Sistem Makluma Geografi (GIS). Dalam konteks kajian dialek dan teknologi, terdapat beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai dialek dengan memanfaatkan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2014) yang membincangkan pola variasi dialek bagi leksikal [air] dan [menyusu] dengan membandingkan di antara generasi tua dan generasi muda di Perak Utara dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Pengumpulan data dilakukan menerusi kajian lapangan di 38 buah kampung di kawasan Perak Utara. Hasil kajian ini mendapati bahawa negeri Perak yang bersempadan dengan Kedah di sebelah barat laut, Selatan Thailand di sebelah utara dan Kelantan di timur laut telah menghasilkan campuran dialek-dialek Melayu, terutamanya di bahagian utara Perak.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi dan Junaini Kasdan (2017) yang membincangkan pola taburan varian leksikal [daun kari] dan [daun kesum] dalam dialek Melayu Kedah di Pulau Langkawi. Hasil dapatan kajian ini telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti penggunaan varian bagi kedua-dua leksikal yang dikaji di mana kedua-dua leksikal tersebut merupakan bahan yang kerap digunakan dalam masakan. Selain itu, perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal tersebut telah berjaya dipetakan dengan bantuan teknik koroplet dan melalui pengaplikasian perisian GIS mereka telah berjaya menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebaran varian leksikal di Langkawi.

Selanjutnya, kajian mengenai geolinguistik yang mengaplikasikan perisian GIS dapat dilihat melalui kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2018), yang membincangkan pengaplikasian perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam melakarkan taburan dialek dan isoglos dengan tepat dan sistematik dengan memanfaatkan sumber data daripada kajian yang terdahulu. Hasil kajian ini telah memaparkan pola penyebaran dialek Melayu di Perak berdasarkan beberapa topik perbincangan yang berkaitan seperti kedudukan dan penipisan penggunaan dialek Melayu daripada generasi tua dan muda. Pengkaji turut menjelaskan faktor yang menyebabkan Perak menerima dialek luar ke negerinya tetapi tidak pula menyebarkan dialek Perak ke kawasan bersempadanan. Hal ini demikian kerana negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai banyak sempadan dengan negeri-negeri lain.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Junaidi Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2019), membincangkan perihal leksikal yang melibatkan emosi, iaitu varian leksikal [suka] dan [nangis] dalam dialek Melayu Pulau Pinang yang mana kedua-dua leksikal tersebut mempunyai tujuh varian. Data kajian diperoleh melalui wawancara berstruktur terhadap responden yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Kajian ini juga adalah berasaskan analisis geolinguistik, elemen linguistik digabungkan bersama dengan faktor bukan linguistik, seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal tersebut telah berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebarannya di Pulau Pinang, sekali gus membuktikan bahawa kesemua varian yang digunakan sangat berkaitan dengan geografi setempat Justeru itu, kajian-kajian sedemikian telah memberi Rajahan dan peluang kepada pengkaji untuk meluaskan lagi ilmu bahasa yang memfokuskan kepada dialek Johor dan teknologi melalui fenomena bahasa iaitu pengekalan dan peralihan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakah salah satu emelen penting yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan sesuatu kajian supaya kajian yang dijalankan mempunyai kaedah serta pendekatan yang efektif dalam memenuhi objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian berdasarkan pendekatan deskriptif geolinguistik. Pendekatan ini memfokuskan data dialek di kawasan pantai barat Johor yang dianalisis menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan seterusnya dibincangkan dengan lebih jelas dan terperinci. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2018), kajian dialek pada hari ini adalah sangat mencabar tetapi dengan adanya bantuan teknologi seperti GIS menuntut titik kampung data yang tepat bagi membolehkan peta isoglos yang sahih dihasilkan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan deskriptif dengan dibantu oleh perisian GIS ini. Perisian ini digunakan bertujuan bagi menghasilkan peta sempadanan dalam linguistik yang memfokuskan kepada pengekalan dan peralihan varian leksikal /cubit/ dialek di kawasan persisiran pantai barat Johor. Secara umumnya, Sistem Maklumat Geografi (GIS) boleh ditakrifkan sebagai satu sistem untuk menangkap, menyimpan, memeriksa, mengintegrasikan, memanipulasi, menganalisis dan memaparkan data yang berkaitan dengan reruang yang berpandukan kepada bumi (Ang Kean Hua 2015). Menurut Rosmadi Fauzi (2015), penggunaan GIS semakin inklusif dan tidak lagi eksklusif kepada ahli geografi atau kartografi bahkan teknologi ini telah merebak kepada pelbagai aspek dalam dunia moden dan serba canggih. Justeru itu, berdasarkan keupayaan dan fungsi GIS yang meluas dalam pelbagai bidang, pengaplikasian perisian ini dalam kajian pengkaji adalah sangat sesuai dan sistematik. Tambahan pula, melalui kajian inovasi yang digunakan ini juga menggabungkan kajian mengenai kata kerja dengan maklumat bukan linguistik seperti bentuk muka bumi, sejarah dan migrasi dan seumpamanya.

Selain itu, kajian ini merupakan sebuah kajian yang bersifat deskriptif dengan melibatkan kajian lapangan sepenuhnya. Menurut Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis (2016), kaedah kajian yang biasa digunakan dalam dialek geografi adalah kajian lapangan. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian lapangan bagi kajian ini menggabungkan dua bentuk kajian lapangan iaitu kajian lapangan bersifat kuantitatif dan kajian lapangan bersifat kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah yang paling utama dalam mengenal pasti proses penukaran kod dalam kalangan responden iaitu kaedah kajian lapangan yang menggunakan kaedah rakaman

perbualan tidak formal dalam domain kekeluargaan dan domain persahabatan. Tambahan pula, kaedah kajian kepustakaan turut digunakan bagi memastikan data yang telah dikumpul adalah signifikan dengan kajian yang dilakukan. Justeru itu, kesemua kaedah ini saling menyokong antara satu sama lain bagi melakukan penganalisisan data.

HASIL KAJIAN

Dialek sebagai satu sub-bahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah Haji Omar 1993) dalam Nor Hashimah Jalaluddin (2018). Berdasarkan takrifan dialek tersebut, boleh dikatakan bahawa varian yang terdapat di persisiran pantai barat Johor melibatkan penggunaan pelbagai leksikal yang digunakan oleh penutur di sesebuah kawasan. Namun begitu, setiap varian leksikal mempunyai makna yang berbeza antara satu sama lain walaupun sifatnya menunjukkan persamaan.

Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat kepelbagaian varian yang wujud bagi leksikal /cubit/ di daerah persisiran pantai barat Johor. Perhubungan secara bersemuka antara masyarakat penutur telah menyebabkan wujudnya kepelbagaian leksikal kerana tidak terlihat sebarang peraturan yang menetapkan sesebuah masyarakat bahasa harus menuturkan bentuk bahasa yang sama. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak sembilan varian bagi leksikal /cubit/ bagi keempat-empat daerah di persisiran pantai barat Johor iaitu [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil], [kutil], [ʧubit], [pijɑt], [gətu] dan [pijɑl]. Kewujudan semua varian ini boleh dipengaruhi oleh faktor geografi, migrasi atau faktor muka bumi yang membantu penyebaran sesuatu varian ke sempadan mahupun daerah yang berdekatan.

Di daerah Muar yang melibatkan sebelas buah kampung, varian yang telah dikenal pasti ialah [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil], [kutil], [pijɑt], [gətu] dan [pijɑl]. Seterusnya, bagi daerah Batu Pahat pula yang melibatkan tujuh buah kampung pula, penutur di daerah tersebut didapati menggunakan lima varian yang berbeza iaitu [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil] dan [gətu]. Penutur di daerah Ledang yang melibatkan enam buah kampung telah menggunakan lapan varian /kupas/ yang berbeza, iaitu [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil], [kutil], [ʧubit], [gətu] dan [pijɑl]. Manakala bagi daerah Pontian yang melibatkan enam buah kampung, pengkaji mendapati bahawa hanya tiga varian sahaja yang digunakan, iaitu [ʧubet], [kətel] dan [pijɑt].

Fenomena Pengekalan dan Peralihan Dialek

Berdasarkan paparan Jadual 1, pengkaji mendapati sebanyak lima varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi muda manakala sebanyak enam varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi tua. Perbezaan penggunaan bahasa terutamanya penggunaan varian bagi leksikal /cubit/ antara generasi muda dan generasi tua didapati wujud di daerah Muar. Walaupun perbezaannya adalah dari segi bilangan varian yang digunakan, tetapi fenomena pengekalan dan peralihan antara kedua-dua generasi ini dapat dilihat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pengekalan dialek Johor iaitu varian [ʧubet] dan [kətel] yang masih dituturkan oleh kedua-dua generasi dalam kehidupan seharian mereka. Fenomena peralihan bahasa juga turut dikenal pasti melalui peratusan sebanyak 24% generasi tua beralih menuturkan varian [ʤiwet] yang mempunyai pengaruh bahasa Jawa manakala sebanyak 4% generasi tua beralih menggunakan varian [gətu] yang mempunyai pengaruh dialek Pulau Pinang. Generasi muda dilihat beralih menggunakan BMS varian [kətil] dan [pijɑt] yang memiliki peratusan sebanyak 8% bagi kedua-dua varian tersebut. Bagi varian [kutil] pula dilihat sebanyak 4% generasi tua beralih menggunakan BMS varian tersebut dan varian [pijɑl] yang merupakan varian bebas turut digunakan oleh kedua-dua generasi iaitu sebanyak 4% bagi kedua-duanya.

JADUAL 1. Peratusan penggunaan varian /cubit/ di daerah Muar

Bil.	Varian Leksikal /cubit/	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	[ʧubet]	72	52
2.	[kətel]	8	12
3.	[ʤiwet]	0	24

4.	[kətil]	8	0
5.	[kutil]	0	4
6.	[pijɑt]	8	0
7.	[gətu]	0	4
8.	[pijɑl]	4	4
Jumlah		**100**	**100**

Berdasarkan paparan Jadual 2 pula, pengkaji mendapati hanya satu varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi muda manakala sebanyak lima varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi tua. Perbezaan penggunaan bahasa terutamanya penggunaan varian bagi leksikal /cubit/ antara generasi muda dan generasi tua didapati wujud di daerah Batu Pahat. Walaupun perbezaannya adalah dari segi bilangan varian yang digunakan, tetapi fenomena pengekalan dan peralihan antara kedua-dua generasi ini dapat dilihat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pengekalan dialek Johor iaitu varian [ʧubet] yang masih dituturkan oleh kedua-dua generasi dan peratusan sebanyak 100% generasi muda menggunakan varian ini. Manakala varian [kətel] hanya dituturkan oleh generasi tua iaitu sebanyak 69.23% yang juga merupakan penggunaan dialek Johor yang dikekalkan. Fenomena peralihan bahasa juga turut dikenal pasti melalui peratusan sebanyak 7.69% generasi tua beralih menuturkan varian [ʤiwet] yang mempunyai pengaruh bahasa Jawa manakala sebanyak 7.69% generasi tua beralih menggunakan varian [gətu] yang mempunyai pengaruh dialek Pulau Pinang. Generasi tua di daerah Batu Pahat, turut dilihat beralih menggunakan BMS varian [kətil] yang memiliki peratusan sebanyak 11.54% bagi varian tersebut.

JADUAL 2. Peratusan penggunaan varian /cubit/ di daerah Batu Pahat

Bil.	Varian Leksikal /cubit/	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	[ʧubet]	100	69.23
2.	[kətel]	0	3.85
3.	[ʤiwet]	0	7.69
4.	[kətil]	0	11.54
5.	[gətu]	0	7.69
Jumlah		**100**	**100**

Berdasarkan paparan Jadual 3, pengkaji mendapati sebanyak lima varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi muda manakala sebanyak lapan varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi tua. Perbezaan penggunaan bahasa terutamanya penggunaan varian bagi leksikal /cubit/ antara generasi muda dan generasi tua didapati wujud di daerah Ledang. Walaupun perbezaannya adalah dari segi bilangan varian yang digunakan, tetapi fenomena pengekalan dan peralihan antara kedua-dua generasi ini dapat dilihat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pengekalan dialek Johor iaitu varian [ʧubet] dan [kətel] yang masih dituturkan oleh kedua-dua generasi dalam kehidupan seharian mereka. Fenomena peralihan bahasa juga turut dikenal pasti melalui peratusan sebanyak 4% generasi tua beralih menuturkan varian [ʤiwet] yang mempunyai pengaruh bahasa Jawa manakala sebanyak 15.4% generasi muda dan 15% generasi tua beralih menggunakan varian [gətu] yang mempunyai pengaruh dialek Pulau Pinang. Peralihan menggunakan BMS varian [ʧubit] dan [kutil] turut dituturkan oleh kedua-dua generasi tetapi pengkaji mendapati hanya BMS varian [kətil] sahaja yang dituturkan oleh generasi tua iaitu sebanyak 8%. Tambahan lagi varian [pijɑl] yang merupakan varian bebas turut dituturkan oleh generasi tua iaitu sebanyak 4%.

JADUAL 3. Peratusan penggunaan varian /cubit/ di daerah Ledang

Bil.	Varian Leksikal /cubit/	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	[ʧubet]	61.5	23
2.	[kətel]	7.7	15
3.	[ʤiwet]	0	4
4.	[kətil]	0	8
5.	[kutil]	7.7	8
6.	[gətu]	15.4	15
7.	[pijɑl]	0	4
8.	[ʧubit]	7.7	23
Jumlah		**100**	**100**

Berdasarkan paparan Jadual 4.16 pula, pengkaji mendapati sebanyak tiga varian /cubit/ yang digunakan oleh kedua-dua generasi. Perbezaan penggunaan bahasa terutamanya penggunaan varian bagi leksikal /cubit/ antara generasi muda dan generasi tua didapati wujud di daerah Pontian. Walaupun perbezaannya adalah dari segi bilangan varian yang digunakan, tetapi fenomena pengekalan dan peralihan antara kedua-dua generasi ini dapat dilihat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pengekalan dialek Johor iaitu varian [ʧubet] dan [kətel] yang masih dituturkan oleh kedua-dua generasi dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat sebanyak 84.6% generasi muda dan 77% generasi tua menggunakan varian [ʧubet] manakala sebanyak 7.7% generasi muda dan 18% generasi tua menggunakan varian [kətel]. Fenomena peralihan bahasa juga turut dikenal pasti melalui peralihan menggunakan BMS varian [pijɑt] dituturkan oleh kedua-dua generasi iaitu sebanyak 7.7% generasi muda dan 5% generasi tua yang memilih untuk menggunakan varian tersebut.

JADUAL 4. Peratusan penggunaan varian /cubit/ di daerah Pontian

Bil.	Varian Leksikal /cubit/	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	[ʧubet]	84.6	77
2.	[kətel]	7.7	18
3.	[pijɑt]	7.7	5
Jumlah		**100**	**100**

Perbandingan Generasi Tua dan Generasi Muda

Hasil analisis data yang telah diperoleh, pengkaji mendapati terdapat tujuh varian /cubit/ yang digunakan oleh generasi muda, iaitu [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil], [kutil], [ʧubit], [pijɑt], [gətu] dan [pijɑl]. Manakala varian yang digunakan oleh generasi tua pula, menunjukkan kerencaman penggunaan varian iaitu sebanyak sembilan varian yang ditemukan, iaitu varian [ʧubet], [kətel], [ʤiwet], [kətil], [kutil], [ʧubit], [pijɑt], [gətu] dan [pijɑl]. Varian [ʧubet] dilihat telah mendominasi sebutan leksikal /cubit/ bagi kedua-dua generasi yang menempati hampir seluruh daerah di persisiran pantai barat Johor.

Bagi penggunaan varian [kətel] pula, varian ini menunjukkan penggunaan kedua tertinggi oleh kedua-dua generasi yang meliputi daerah Muar, Batu Pahat, Ledang dan Pontian. Varian [kətil] dan [kutil] dilihat turut digunakan oleh generasi muda dan generasi tua. Bagi varian [kətil], penyebaran varian hanya di daerah Muar, Batu Pahat dan Ledang sahaja, manakala varian [kutil] penyebarannya hanya meliputi daerah Muar dan Ledang sahaja.

Seterusnya, /cubit/ yang wujud di persisiran pantai barat Johor dilihat mempunyai pengaruh dialek atau bahasa luar dan penggunaan varian tersebut turut melibatkan generasi muda dan generasi tua. Varian-varian yang mempunyai pengaruh dialek atau bahasa luar ialah varian [gətu] dan [ʤiwet]. Varian [gətu] merupakan varian yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Utara yang wujud disebabkan faktor penghijrahan penduduk Utara ke negeri Johor. Varian ini digunakan oleh kedua-dua generasi dan menunjukkan penggunaan yang dominan oleh generasi tua. Penyebaran varian ini hanya tersebar di daerah Muar, Batu Pahat dan Ledang sahaja. Begitu juga halnya dengan varian [ʤiwet] yang mempunyai pengaruh bahasa Jawa dan hanya digunakan oleh generasi tua sahaja.

Selain itu, varian [ʧubit], [pijɑt], dan [pijɑl] merupakan varian yang dituturkan oleh generasi muda dan generasi tua tetapi dalam jumlah yang tidak dominan. Ketiga-tiga varian ini ditemukan tersebar hanya di daerah Muar dan Ledang sahaja. Namun begitu, varian [pijɑt] dan [pijɑl] lebih dominan digunakan oleh generasi muda manakala varian [ʧubit] pula adalah dominan penggunaannya dalam generasi tua. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini jelas menunjukkan fenomena pengekalan dan peralihan dialek yang berlaku antara generasi muda dan generasi tua di daerah persisiran pantai barat Johor adalah dipengaruhi oleh faktor linguistik dan faktor bukan linguistik.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dialek Johor tidak begitu ketara perbezaannya dengan bahasa Melayu standard sebagaimana dialek-dialek di negeri lain. Malah, penggunaan dialek Johor turut memperlihatkan ciri-ciri tersendiri apabila dituturkan oleh masyarakat tempatan di negeri Johor khususnya di persisiran pantai barat Johor. Penumpuan terhadap kata kerja dalam dialek Melayu Johor khususnya di daerah persisiran pantai barat Johor ini dilakukan adalah kerana terdapat kerencaman varian seperti yang ditunjukkan dalam data kajian dan dilihat kewujudan varian leksikal /cubit/ telah dipengaruhi oleh faktor linguistik dan faktor bukan linguistik seperti faktor geografi. Analisis data mendapati setiap leksikal pilihan pengkaji mempunyai varian yang dikekalkan penggunaannya dan varian yang telah beralih disebabkan terdapatnya penggunaan pengaruh dialek sempadan dan faktor lain seperti migrasi.

Seterusnya, penghasilan peta isoglos dan koroplet leksikal /cubit/ berdasarkan pengekalan dan peralihan dialek menggunakan pendekatan Sistem Maklumat Geografi (GIS) turut menjadi fokus dalam kajian ini. Pemetaan yang dilakukan ini memainkan peranan yang penting untuk memberi Rajahan yang jelas tentang fenomena pengekalan dan peralihan yang berlaku dalam dialek Johor di persisiran pantai barat Johor. Penyebaran dan taburan varian leksikal kata kerja di persisiran pantai barat Johor dapat dilihat melalui paparan peta-peta yang dijana dan secara tidak langsung pengkaji telah berjaya mencapai matlamat objektif yang ditetapkan.

Selain itu, fenomena pengekalan dan peralihan yang berlaku melibatkan kedua-dua generasi iaitu generasi muda dan generasi tua turut dapat dibuktikan melalui perbezaan peratusan bagi setiap varian leksikal /cubit/. Dari segi perbezaan antara kedua-dua generasi ini, pengkaji mendapati bahawa generasi muda dilihat lebih rencam beralih menggunakan bahasa standard berbanding generasi tua yang masih mengekalkan penggunaan dialek Johor di persisiran pantai barat Johor. Jadi, kajian ini dilihat telah tercapai kerana pengkaji berjaya mengemukakan bukti perbezaan fenomena pengekalan dan peralihan bahasa yang berlaku di persisiran pantai barat Johor yang melibatkan dua generasi yang berbeza.

Akhir sekali, pengkaji dapat merumuskan bahawa sememangnya fenomena pengekalan dan peralihan dialek itu berlaku di persisiran pantai barat Johor dengan melibatkan generasi muda dan generasi tua. Sebahagian generasi tua dilihat masih mengekalkan penggunaan dialek Melayu Johor. Perkara ini dapat dibuktikan melalui Jadual 5 yang memaparkan penggunaan dialek generasi muda dan generasi tua di persisiran pantai barat Johor yang dirumuskan dalam bentuk peratusan dan paparan berjadual.

JADUAL 5. Peratusan penggunaan varian leksikal /cubit/ di persisiran pantai barat Johor

Bil.	Varian Leksikal /cubit/	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	[ʧubet]	68.9	55
2.	[kətel]	5.4	12
3.	[ʤiwet]	0	9
4.	[kətil]	2.7	5
5.	[kutil]	1.4	3
6.	[pijɑt]	12.1	1
7.	[gətu]	2.7	7
8.	[pijɑl]	5.4	2
9.	[ʧubit]	1.4	6
Jumlah		**100**	**100**

Secara keseluruhannya, kajian ini didapati telah menyumbang kepada perkembangan ilmu bahasa yang melibatkan dialek Melayu khususnya di persisiran pantai barat Johor. Di samping itu, pembaharuan isoglos dialek di persisiran pantai barat Johor juga merupakan salah satu sumbangan yang mengambil kira aspek pengaplikasian teknologi seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam kajian bahasa. Kajian ini turut memberi manfaat kepada masyarakat khususnya masyarakat di persisiran pantai barat Johor untuk sentiasa peka dengan fenomena bahasa yang berlaku dalam dialek mereka. Tambahan pula, kajian ini merupakan kajian ilmiah yang berupaya untuk menjadi rujukan dan panduan buat pengkaji-pengkaji bahasa yang lain dalam usaha memperluaskan dan mengembangkan lagi kajian dalam bidang linguistik khususnya yang menekankan aspek multidisiplin seperti geolinguistik. Oleh itu, kajian yang memberi fokus kepada fenomena bahasa seperti fenomena pengekalan dan peralihan dialek ini menjadi indikator pemantapan geolinguistik sekali gus membuktikan pengaplikasian GIS mampu memberi pembaharuan dalam perkembangan bidang bahasa.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat memperlihatkan kewujudan pengekalan dan peralihan dialek di Johor khususnya di kawasan persisiran pantai barat Johor, berdasarkan leksikal kata kerja yang telah dipilih iaitu leksikal /cubit/. Hasil kajian mendapati hampir kesemua daerah di persisiran pantai barat Johor iaitu Muar, Batu Pahat, Ledang dan Pontian mengalami peralihan dialek dalam generasi muda dan pengekalan dialek dalam generasi tua. Kesemua peta telah dijana bagi memberi Rajahan yang jelas mengenai kawasan-kawasan pengekalan dan peralihan dialek yang berkait rapat dengan faktor geografi. Pendek kata, penggunaan perisian GIS ini sebenarnya mampu memberikan maklumat geografi yang tepat kepada pengkaji terutamanya dalam kajian yang dilakukan ini. Malah, kajian ini dilakukan adalah relevan selaras dengan peredaran zaman yang semakin maju dan memanfaatkan kecanggihan teknologi yang ada bagi menambahkan input yang baru sekaligus memperbanyakan lagi kajian yang melibatkan dialek khususnya dialek negeri Johor. Maka, kajian ini bukan sahaja dapat mengembangkan lagi pengetahuan bidang bahasa tetapi juga mampu memberi impak terhadap pemantapan dalam bidang geolinguistik.

PENGHARGAAN

Sumber penajaan untuk penghasilan kertas kerja adalah menerusi Geran Universiti Penyelidikan (GUP) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia berkod GUP-2017-113.

RUJUKAN

Ang Kean Hua. (2015). Sistem Informasi Geografi (GIS): Pengenalan kepada Perspektif Komputer. *Malaysian Journal of Society and Space*. 11(1), 24-31.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis Deskriptif Terhadap Struktur Frasa Kerja Bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa. 14*(2), 169-191.

Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis. 2016. *Varian Bahasa*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Junaini Kasdan, Syarif Abas, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2019). 'Suka' dan 'Nangis' di Pulau Pinang: Analisis Geolinguistik. Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara, 1-2 Ogos, E-ISBN: 978-967-0922-79-9 (2019).

Marlyna Maros. (2010). Dialek Melayu Pekan: Penggunaan dan Pengekalan. *Jurnal Bahasa. 10*(1), 74-97.

Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis & Hayati Lateh. (2015). Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan vs Peralihan Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. *5*(1), 1-9.

Nathesan, S. (1995). *Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. (2019). Peralihan Bahasa Cham dalam Masyarakat Cham di Malaysia: Analisis Sosiolinguistik. *Journal of Language Studies, 19*(2), 52-69.

Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran Dialek Melayu di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *Journal of Language Studies, 17*(4), 159-178.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 6*(2), 69-82.

Raja Masittah Raja Ariffin. (2010). Analisis Kata Kerja dan Frasa Kerja Bahasa Melayu Kokos di Pulau Home, Australia. *Jurnal Bahasa*, *10*(2), 298-321.

Rosmadi Fauzi. 2015. Isu, Cabaran dan Prospek Aplikasi dan Perlaksanaan Sistem Maklumat Geografi di Malaysia: Satu Pengamatan. *Malaysian Journal of Society and Space*. *11*(2), 118-127.

Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu.* 12(1), 32-43.

Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, *18*(2), 20-46.

Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika, 88*(1), 137-152.

ANALISIS LAKUAN BAHASA KONSTATIF DALAM KOMUNIKASI KUMPULAN KECIL

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
afifahadila1991@gmail.com

Maslida Yusof
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Maslida@ukm.edu.my

ABSTRAK

Lakuan bahasa berfungsi ketika berkomunikasi untuk pelbagai tujuan seperti mengesahkan, meminta, menerangkan, memuji, menegaskan dan sebagainya. Setiap perlakuan pasti mempunyai matlamat dan niat kerana lakuan bahasa bukan sekadar penyampaian ayat-ayat biasa dalam ujaran seseorang tetapi dapat memberikan maksud bergantung kepada konteks ujaran. Komunikasi dalam sebuah perbincangan kumpulan kecil menggunakan pelbagai jenis lakuan bahasa seperti konstatif, direktif, komisif dan pengakuan. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada jenis lakuan bahasa konstatif kerana data kajian menunjukkan bahawa jenis lakuan bahasa ini paling banyak ditemui dalam sebuah perbincangan kumpulan kecil yang berjaya. Sebuah perbincangan kumpulan kecil akan dianggap berjaya apabila mampu mencapai matlamat yang digariskan dan mematuhi masa perbincangan yang ditetapkan. Responden kajian ini ialah 20 orang pelajar dari UiTM yang mewakili empat buah kumpulan kecil. Setiap kumpulan diperuntukkan masa selama 10 minit untuk berbincang dan menyelesaikan tugasan yang diberikan. Rakaman audio perbincangan empat buah kumpulan ini ditranskripsikan untuk melihat kekerapan dan bentuk lakuan bahasa konstatif berdasarkan teori lakuan bahasa oleh Bach & Harnish (1979). Sebanyak 149 ujaran lakuan bahasa konstatif dijumpai sama ada yang diujarkan secara eksplisit dan implisit. Hasil kajian menunjukkan bahawa subkategori lakuan bahasa konstatif iaitu assertif, deskriptif, informatif dan cadangan paling kerap digunakan dan berfungsi dalam membantu komunikasi kumpulan kecil berjalan dengan lancar. Kajian ini berjaya memperlihatkan kekerapan dan bentuk lakuan bahasa konstatif dalam komunikasi kumpulan kecil yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada sesiapa yang mengambil bahagian dalam perbincangan berkumpulan pada masa akan datang.

Kata kunci: Lakuan bahasa, konstatif, komunikasi, kumpulan kecil, perbincangan

PENGENALAN

Lakuan bahasa menurut Austin (1962) ialah melakukan perbuatan yang dimaksudkan dengan sesuatu ujaran. Apabila seseorang menyatakan sesuatu, bererti dia melakukan sesuatu perbuatan dengan ucapan yang dilafazkannya. Teori lakuan bahasa ini memperlihatkan bahawa bahasa yang dituturkan mempunyai lakuan bahasanya yang tersendiri. Oleh itu, definisi asas dalam teori ini tertumpu pada cara menghubungkan makna dan lakuan dengan bahasa. Definisi ini bertepatan dengan Searle (1969) yang menyatakan bahawa "bercakap dengan sesuatu bahasa bererti menceburkan diri ke dalam satu bentuk perlakuan yang terikat dengan peraturan". Dalam menentukan apakah yang seseorang maksudkan dengan lokusinya, ujaran yang disampaikan perlu mengambil kira makna yang disampaikan, rujukan, sifat dan hubungan serta masa yang ditentukan. Lakuan bahasa merupakan lakuan berdasarkan niat pengucapan iaitu tindak ilokusi yang dirujuk kepada skema lakuan bahasa (speech acts schema). Lakuan bahasa yang juga dikenali sebagai lakuan tutur merupakan sebuah teori bahasa yang dipelopori oleh sarjana bernama Austin. Ilmu lakuan bahasa yang ditinggalkan oleh Austin telah diperhalusi dan dibukukan melalui sebuah buku yang berjudul *'How to do things with words"* oleh anak muridnya Searle. Oleh kerana sifat ilmu ini boleh dikembangkan, muncul lagi dua orang sarjana iaitu Bach dan Harnish yang memperkemaskan teori tersebut dengan membuat pengkategorian yang lebih terperinci melalui buku "*Linguistic Communication and Speech Acts*". Melalui teori Bach dan Harnish (1979), lakuan bahasa dibahagikan kepada empat jenis iaitu konstatif, direktif, komisif dan pengakuan.

Lakuan bahasa konstatif ialah kepercayaan penutur bahawa ungkapannya boleh membantu untuk melakukan sesuatu kemungkinan dengan syarat-syarat yang tertentu (Bach & Harnish, 1979). Konstatif juga merupakan tingkah laku ekspresi kepercayaan bahawa maksud ujaran dapat membentuk kepercayaan pendengar tentang sesuatu perkara seperti meramalkan, melaporkan, mengizinkan, menerima, mencadangkan dan pelbagai lagi. Menurut Marion E. Haynes (1988) sebuah kumpulan kecil yang berjaya ialah yang dapat menghabiskan perbincangan mengikut ketetapan masa dan mencapai objektif perbincangan yang ditetapkan. Berdasarkan pemerhatian, sebuah perbincangan kumpulan kecil yang berjaya dilihat kerap mengujarkan lakuan bahasa konstatif sama ada di awal, pertengahan atau akhir perbincangan. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan untuk melihat bentuk ujaran lakuan bahasa konstatif dan kekerapannya dalam perbincangan kumpulan kecil.

Perbincangan kumpulan kecil merujuk kepada sekelompok individu yang berinteraksi dalam satu tempoh masa untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan. Menurut Hargie (2012) jumlah yang ideal bagi sebuah kumpulan kecil ialah lima hingga tujuh orang ahli. Pembelajaran kurikulum atau aktiviti kokurikulum di peringkat pengajian tinggi menunjukkan pelajar sering terlibat dengan perbincangan secara berkumpulan. Oleh itu, pelajar semestinya perlu cekap berkomunikasi dan berbahasa agar perbincangan yang diadakan berjalan dengan lancar, berjaya mencapai matlamat perbincangan dan mematuhi masa yang diperuntukkan. Perbincangan berkumpulan juga melibatkan penggunaan bahasa yang dipilih sendiri oleh orang yang sedang bertutur. Oleh itu, strategi komunikasi ditentukan oleh penutur, kemudian apa yang disampaikan akan diterima dan difahami oleh pendengar. Penggunaan bahasa yang berkesan adalah bahasa yang dapat menyampaikan maksud dengan jelas dan dapat menimbulkan tindak balas atau pemikiran bagi pihak orang yang mendengar atau membaca (Asmah Haji Omar 2007). Oleh itu, penggunaan bahasa perlu diberikan perhatian dalam komunikasi kumpulan kecil untuk melihat bentuk bahasa yang digunakan serta kesannya terhadap kejayaan sebuah perbincangan kumpulan kecil.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian terhadap lakuan bahasa dilihat terus berkembang dalam dunia akademik melalui pelbagai penerbitan seperti buku, artikel, penulisan tesis, pembentangan kertas kerja dan prosiding seminar. Kajian-kajian lakuan bahasa yang telah dijalankan oleh pengkaji dari dalam mahu pun luar negara dilihat memfokuskan kepada pelbagai bahan kajian sama ada bahan berbentuk lisan atau penulisan. Antara kajian-kajian lepas yang mengkaji lakuan bahasa terhadap bahan berbentuk ucapan lisan ialah Simon, S. dan Cartis, D. D. (2015) yang mengkaji lakuan bahasa dalam iklan bertulis, Nura Siti Mufiah dan Muhammad Yazid Nur Rahman (2018) yang mengkaji lakuan bahasa dalam ucapan Donald Trump, Van Peursem et al. (2001) yang menjalankan kajian lakuan bahasa terhadap aktiviti pengauditan professional di New Zealand, Hassal (2003) yang menjalankan kajian lakuan bahasa terhadap perbualan pelajar Australia dan Indonesia, Nihat Bayat (2010) yang mengkaji kajian terhadap murid-murid pra sekolah di Turki, Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) yang mengkaji lakuan bahasa dalam mesyuarat, Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) yang mengkaji lakuan bahasa dalam ceramah agama, Mohd Zuhair Zainal (2017) yang mengkaji lakuan bahasa terhadap pengajaran guru di dalam kelas dan pelbagai lagi. Berdasarkan kesemua kajian-kajian lepas yang dijumpai ini, tiada satu pun kajian lakuan bahasa yang memfokuskan terhadap perbincangan kumpulan kecil secara khusus. Oleh itu, kajian ini ingin mengisi kelompangan dan kekosongan tersebut dengan memilih data komunikasi kumpulan kecil sebagai bahan kajian untuk melihat bentuk lakuan bahasa yang digunakan.

Selain itu, berdasarkan sorotan terhadap kajian-kajian lakuan bahasa yang lepas, tidak ramai pengkaji yang memfokuskan kepada jenis lakuan bahasa konstatif sahaja dalam kajian mereka. Antara kajian lepas yang hanya memilih lakuan bahasa konstatif sebagai fokus kajian ialah kajian yang dilaksanakan oleh Mutia Hafifah (2020) yang mengkaji lakuan bahasa konstatif dalam ucapan presiden Jokowi dan Mamedli Aysel Ali (2017) yang mengkaji ujaran lakuan bahasa konstatif dalam bahasa Perancis. Hal ini menunjukkan bahawa tidak ramai pengkaji lepas yang memfokuskan analisis lakuan bahasa konstatif dalam kajian mereka. Namun sebaliknya, kajian-kajian lepas dilihat banyak memfokuskan hanya kepada jenis lakuan bahasa direktif. Sebagai contoh, kajian oleh Fara Della dan Barbanas Sembiling (2018) yang mengkaji lakuan bahasa direktif dalam skrip drama *"sleeping beauty",* Zanariah Ibrahim et al. (2017) yang mengkaji lakuan bahasa direktif

guru pelatih di Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Syofia Ulfah et al. (2012) juga menjalankan kajian berkenaan komunikasi interpersonal direktif guru bahasa Indonesia, Yuniarti (2010) yang mengkaji lakuan bahasa direktif murid pra sekolah, Fina Felisa Lavalle Alcudia (2009) yang menjalankan kajian lakuan bahasa dalam ucapan guru di dalam kelas, Febrika Riska Putri et al. (2015) telah mengkaji lakuan bahasa direktif guru dalam pembelajaran bahasa Indonesia di SMA Negeri 15 Padang dan pelbagai lagi. Hal ini menunjukkan bahawa belum banyak kajian yang memfokuskan kepada jenis lakuan bahasa konstatif dalam data komunikasi lisan sedangkan lakuan bahasa konstatif yang mempunyai banyak subkategori ini dapat membantu melancarkan sesuatu komunikasi. Oleh itu, kajian ini akan memilih lakuan bahasa konstatif sebagai fokus kajian untuk melihat bentuk lakuan bahasa konstatif dalam komunikasi kumpulan kecil.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ujaran lakuan bahasa konstatif dalam komunikasi kumpulan kecil berdasarkan teori Bach & Harnish (1979).

METODOLOGI

Kajian ini memilih 20 orang pelajar tahun pertama dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam sebagai responden kajian untuk melihat lakuan bahasa konstatif dalam perbincangan kumpulan kecil. Kesemua pelajar dibahagikan kepada empat buah kumpulan kecil dan perlu menyelesaikan tugasan iaitu mencadangkan sebuah tajuk kajian yang akan dilaksanakan pada akhir semester. Masa yang diperuntukkan ialah selama 10 minit. Bagi memperoleh data, kajian ini menggunakan kaedah rakaman audio semasa perbincangan berlangsung, kemudian rakaman tersebut ditranskripsikan untuk memudahkan proses menganalisis. Berdasarkan data yang diperoleh, ujaran lakuan bahasa konstatif dapat dikenal pasti. Kajian ini memilih teori lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979) yang hanya memfokuskan kepada jenis lakuan bahasa konstatif. Lakuan bahasa konstatif mempunyai 15 subkategori iaitu assertif, prediktif, retroduktif, deskriptif, penyebab , informatif, pengesahan, pengakuan, pembetulan, penerimaan, bantahan, pertikaian, responsif, cadangan dan andaian. Bagi memperincikan setiap subkategori, Bach dan Harnish (1979) telah menetapkan indikator yang dapat mengenal pasti jenis subkategori lakuan bahasa konstatif dan formula huraian yang akan membantu melaksanakan pengelasan tersebut. Keempat-empat kumpulan kecil yang terlibat dalam kajian ini merupakan kumpulan kecil yang berjaya kerana mampu menghabiskan perbincangan mengikut masa yang ditetapkan dan mencapai objektif perbincangan. Dua ciri kumpulan kecil yang berjaya ini adalah mengikut pendapat oleh Marion E. Haynes (1988).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pelbagai jenis subkategori lakuan bahasa konstatif diujarkan dalam perbincangan kumpulan-kumpulan kecil yang berjaya. Jumlah lakuan bahasa konstatif yang diujarkan oleh kesemua kumpulan kecil yang berjaya ialah 149 ujaran. Sebanyak 11 daripada 15 subkategori lakuan bahasa konstatif dijumpai dalam data komunikasi kumpulan-kumpulan kecil yang berjaya iaitu assertif, prediktif, deskriptif, informatif, pengesahan, pengakuan, penerimaan, bantahan, responsif, andaian dan cadangan. Manakala empat lagi subkategori iaitu retroduktif, penyebab, pembetulan dan pertikaian tidak digunakan oleh kesemua kumpulan kecil yang berjaya. Di bawah ialah perincian jumlah ujaran lakuan bahasa mengikut subkategori lakuan bahasa konstatif.

Jadual 1: Keputusan kekerapan subkategori lakuan bahasa konstatif

Subkategori lakuan bahasa konstatif	Kumpulan pertama	Kumpulan kedua	Kumpulan ketiga	Kumpulan keempat	Jumlah
Assertif	8	11	9	8	36
Prediktif	3	-	-	-	3
Deskriptif	4	3	2	2	11
Informatif	9	7	8	8	32

Pengesahan	2	1	2	1	6
Pengakuan	-	-	2	1	3
Penerimaan	3	2	2	1	8
Bantahan	1	-	2	-	3
Responsif	-	2	1	1	4
Cadangan	8	12	8	13	41
Andaian	-	1	1	-	2
Jumlah	38	39	37	35	149

Berdasarkan jadual 1 di atas, subkategori lakuan bahasa cadangan yang paling tinggi digunakan oleh kumpulan-kumpulan kecil yang berjaya iaitu sebanyak 41 kekerapan. Kemudian diikuti lakuan bahasa assertif sebagai kedua tertinggi iaitu sebanyak 36 kekerapan dan lakuan bahasa ketiga tertinggi digunakan oleh kumpulan-kumpulan kecil yang berjaya ini ialah informatif iaitu sebanyak 32 kekerapan. Oleh itu, analisis lakuan bahasa konstatif dalam kajian ini akan melihat contoh-contoh ujaran bagi subkategori lakuan bahasa assertif, informatif dan cadangan sahaja memandangkan ketiga-tiga jenis ini yang paling kerap digunakan. Di bawah ialah analisis ujaran lakuan bahasa konstatif yang terpilih berdasarkan teori Bach dan Harnish (1979).

Assertif

Bach dan Harnish (1979) melalui teori lakuan bahasanya menggariskan indikator yang dapat mengenal pasti sesuatu ujaran sebagai lakuan bahasa assertif ialah mengesahkan, mendakwa, menegaskan, mengakui, menyatakan, mengumumkan, menafikan, menunjukkan, mengekalkan, mengatakan dan menetapkan. Kesemua indikator yang dinyatakan ini dapat menunjukkan niat perlakuan assertif dalam ujaran konstatif. Oleh itu, ujaran yang mengandungi indikator assertif seperti yang dinyatakan akan mudah dikesan melalui penanda ilokusi tersebut. Selain itu, Bach & Harnish (1979) juga mengetengahkan formula yang dapat mengesan niat perlakuan assertif iaitu penutur menegaskan sesuatu pernyataan yang dipercayai dengan niat pendengar akan mempercayainya juga.

1. *okay saya nak <u>tegaskan</u> yang hari ini kita nak bincang dan kita nak cari satu tajuk yang bersesuaian dengan linguistik*

Contoh (1) memperlihatkan penutur menegaskan kepada rakan-rakannya bahawa mereka akan membincangkan dan mencari sebuah tajuk dalam bidang linguistik yang bersesuaian untuk dijadikan kajian akhir bagi kumpulan mereka. Ujaran ini ditandai dengan indikator "tegaskan" yang menjadikannya sebagai lakuan bahasa konstatif. Bach dan Harnish (1979) melalui teori lakuan bahasanya menetapkan kata kerja *"assert"* bermaksud "menegaskan" merupakan lakuan bahasa assertif. Oleh itu, contoh (1) ini mengandungi kata kerja performatif eksplisit "tegaskan" yang jelas meunjukkan niat perlakuan assertif. Ujaran ini diujarkan pada awal perbincangan bermula sebagai mukadimah atau pendahuluan perbincangan sebelum mereka mengemukakan idea masing-masing. Berdasarkan contoh (1), lakuan bahasa assertif dilihat amat sesuai diujarkan di awal perbincangan kerana penutur dapat mengingatkan ahli kumpulannya tentang matlamat perbincangan. Dalam sebuah perbincangan berkumpulan, seorang ahli boleh memperingati ahli yang lain dengan mengujarkan lakuan bahasa assertif iaitu menegaskan perkara yang dapat membantu mencapai matlamat perbincangan dan mematuhi masa yang diberikan.

2. *aku nak <u>menyatakan</u> yang Sarawak memang banyak, kaya dengan kepelbagaian*

Contoh (2) di atas memperlihatkan ujaran assertif tentang negeri Sarawak yang kaya dengan adat dan budaya. Hal ini jelas dilihat pada ayat "aku nak menyatakan yang Sarawak memang banyak, kaya dengan kepelbagaian". Ujaran yang disampaikan ini sebenarnya ingin menyatakan bahawa negeri Sawarak memang banyak perkara yang boleh dikaji kerana kaya dengan kepelbagaian adat dan budaya. Ujaran (2) ini dikategorikan sebagai lakuan bahasa assertif kerana mengandungi perkataan "menyatakan" dalam ayat

tersebut. Bach dan Harnish (1979) menggariskan bahawa perkataan *"state"* iaitu "menyatakan" merupakan kata kerja performatif eksplisit yang menunjukkan lakuan bahasa assertif. Oleh itu, jelas sekali menunjukkan penutur mempunyai niat perlakuan menyatakan kepada rakan-rakannya tentang negeri Sarawak yang kaya dengan kepelbagaian adat dan budaya. Ayat ini diujarkan di awal perbincangan ketika mereka mula mencadangkan beberapa tempat untuk dijadikan lokasi kajian.

Informatif

Lakuan bahasa informatif bersifat pemberitahuan terhadap sesuatu perkara atau hal (Bach & Harnish 1979). Indikator yang dapat mengenal pasti ujaran lakuan bahasa informatif ialah menasihati, mengumumkan, memberitahu, mendedahkan, memaklumkan, menegaskan, menunjukkan, melaporkan dan memberi keterangan. Kesemua indikator yang dinyatakan ini dapat menunjukkan niat perlakuan informatif dalam ujaran konstatif. Selain itu, melalui formula huraian Bach & Harnish (1979), lakuan bahasa informatif ialah penutur memaklumkan sesuatu kepada pendengar dengan niat pendengar akan mempercayai perkara tersebut.

3. *aku <u>nasihatkan</u> sebelumnya kita kena buat perancangan sebelum kita ambik data, kita kena mintak izin dengan mereka*

Contoh (3) di atas menunjukkan bahawa penutur menasihati ahli kumpulannya bahawa sebelum mereka ingin mengambil data, mereka perlu meminta izin daripada sumber tersebut. Ujaran ini tercetus kerana mereka sedang membincangkan tentang cadangan data kajian iaitu status yang dimuatnaik oleh individu di laman sosial twittter. Ujaran (3) ini ditandai dengan perkataan "nasihatkan" yang menunjukkan lakuan bahasa informatif. Seperti yang dinyatakan Bach dan Harnish (1979), perkataan "advise" iaitu "menasihati" merupakan kata kerja performatif eksplisit yang menunjukkan niat lakuan bahasa informatif. Oleh itu, ujaran (3) jelas menunjukkan penutur mempunyai niat perlakuan informatif iaitu menasihati ahli kumpulannya tentang keizinan yang perlu dilakukan sebelum melaksanakan kajian tersebut. Nasihat sebegini dilihat amat berguna dan berfaedah diujarkan agar dapat memperingati antara satu sama lain dalam komunikasi berkumpulan.

4. *aku nak <u>beritahu</u> yang banyak bahasa rojak dalam twitter*

Bagi contoh (4) pula, penutur memaklumkan bahawa mereka boleh mengambil data daripada individu di media sosial twitter kerana ramai yang menggunakan bahasa rojak ketika berkomunikasi. Ujaran ini ingin memaklumkan apa yang diketahui oleh penutur berdasarkan pengetahuannnya dan dikongsikan kepada rakan sekumpulan. Ujaran (4) ini ditandai dengan kata kerja performatif eksplisit "beritahu" yang menunjukkan perlakuan makluman. Bach dan Harnish (1979) dalam teorinya menyatakan bahawa perkataan "tell" yang bermaksud "beritahu" menunjukkan perlakuan makluman iaitu lakuan bahasa informatif yang dinyatakan oleh seseorang untuk memaklumkan sesuatu. Oleh itu, penutur membuat perlakuan makluman untuk memberitahu sesuatu berdasarkan pengetahuannya tentang bahasa rojak yang banyak digunakan oleh pengguna twitter. Ujaran (4) dilihat jelas mempunyai niat perlakuan informatif yang ingin disampaikan penutur kepada ahli kumpulannya. Lakuan bahasa makluman dilihat berfungsi dalam perbincangan kumpulan kecil kerana ahli kumpulan boleh berkongsi pelbagai makluman yang sangat berguna dan berfaedah dalam menyumbangkan kepada pencapaian matlamat perbincangan. Hal ini disokong oleh Marion E. Haynes (1988) iaitu perbincangan berkumpulan menggalakkan ahli kumpulan berkongsi idea dan menyampaikan pelbagai makluman untuk menjayakan matlamat kumpulan tersebut.

Cadangan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) maksud cadangan ialah sesuatu atau apa-apa yang dicadangkan atau diusulkan. Dalam sesebuah perbincangan kumpulan kecil, pasti banyak ujaran berbentuk cadangan yang diujarkan oleh penutur untuk mencadangkan sesuatu bagi mencapai matlamat perbincangan. Bach dan Harnish (1979) telah menetapkan indikator yang dapat mengenal pasti ujaran lakuan bahasa cadangan ialah tekaan, meneka, membuat hipotesis, membuat spekulasi dan mencadangkan. Kesemua indikator yang dinyatakan ini dapat menunjukkan niat perlakuan cadangan dalam ujaran konstatif. Selain itu, melalui formula huraian Bach

& Harnish (1979), lakuan bahasa cadangan ialah apabila penutur mencadangkan sesuatu yang dipercayai dengan alasan dan niat bahawa pendengar akan turut mempercayainya.

5. *kita buat punca boleh? Punca berlaku percampuran kod dalam bahasa Melayu*

Seterusnya contoh (5) pula terdapat sedikit kelainan pada ujaran lakuan cadangannya. Penutur dilihat bertanyakan soalan pada awal ujaran iaitu "kita buat punca boleh?", kemudian diikuti cadangannya iaitu "punca berlaku percampuran kod dalam bahasa Melayu". Berdasarkan ujaran (5) ini, penutur ingin mencadangkan agar kumpulannya menjalankan kajian berkenaan punca berlaku percampuran kod dalam bahasa Melayu. Walaupun ayat pertama dalam bentuk pertanyaan, tetapi dapat dilihat bahawa penutur meneruskan ujaran dengan menyatakan cadangannya. Walaupun ujaran ini tidak ditandai dengan kata kerja performatif lakuan bahasa cadangan yang ditetapkan oleh Bach dan Harnish (1979), namun ujaran ini boleh ditafsir secara implisit bahawa penutur memberikan cadangan kepada ahli kumpulannya. Penutur mencadangkan perkara tersebut kerana dia yakin bahawa tajuk tersebut boleh dikaji dengan baik.

6. *kalau macam tu aku cadangkan cerita yang dialek-dialek la*

Contoh (6) pula menunjukkan cadangan yang dikemukakan oleh penutur iaitu "kalau macam tu aku cadangkan cerita yang dialek-dialek la". Penutur mencadangkan agar cerita drama atau filem yang menggunakan dialek tempatan dijadikan bahan kajian kumpulan mereka. Pada ketika ini, ahli kumpulan mereka sedang sibuk membincangkan tentang data kajian kumpulan mereka. Oleh itu, penutur mencadangkan bahan kajian yang terdiri daripada dialek-dialek tempatan seperti dialek Kelantan, Kedah, Perak atau negeri lain. Ujaran (6) ini ditandai dengan indikator "cadangkan" yang merupakan kata kerja performatif eksplisit lakuan bahasa cadangan. Bach dan Harnish (1979) menegaskan bahawa perkatan *"suggest"* yang bermaksud "cadangkan" jelas sekali menunjukkan perlakuan cadangan seperti yang diujarkan oleh penutur. Dalam sebuah kumpulan kecil, pelbagai cadangan akan diutarakan oleh ahli kumpulan lebih-lebih lagi tujuan perbincangan kumpulan kecil tersebut diadakan adalah untuk mencadangkan sesuatu. Oleh itu, lakuan bahasa cadangan pasti akan digunakan dalam komunikasi kumpulan kecil.

7. *kita pilih bahasa Slanga okay jugak kan*

Contoh (7) pula ialah "kita pilih bahasa Slanga okay jugak kan" yang jelas menunjukkan lakuan bahasa cadangan. Penutur mencadangkan agar kumpulannya memilih bahasa slanga sebagai fokus kajian untuk dikaji. Ujaran "kita pilih" merujuk kepada satu bentuk cadangan yang dikemukakan dengan jelas. Cadangan yang diutarakan ini disambut baik oleh rakan sekumpulannya dengan membincangkan lagi secara terperinci berkenaan bahasa slanga. Ujaran (7) ini tidak mengandungi kata kerja performatif eksplisit sebagai lakuan bahasa cadangan. Namun, niat perlakuan cadangan jelas sekali dapat dilihat berdasarkan ujaran tersebut. Berdasarkan kesemua contoh yang diberikan di atas, lakuan bahasa cadangan dilihat sangat berfungsi dan dapat membantu menyumbang ke arah pencapaian matlamat perbincangan. Semua kumpulan kecil dalam kajian ini tidak terkecuali menggunakan lakuan bahasa cadangan.

LAKUAN BAHASA KONSTATIF DALAM KOMUNIKASI KUMPULAN KECIL

Berdasarkan data komunikasi keempat-empat buah kumpulan kecil, didapati penutur mengujarkan lakuan bahasa konstatif secara eksplisit dan implisit. Kedua-dua jenis ujaran ini amat berfungsi dan berperanan bagi menjayakan sebuah perbincangan kumpulan kecil. Lakuan bahasa konstatif yang mempunyai banyak subkategori dilihat dapat menyumbang kepada kelancaran sebuah perbincangan kumpulan kecil. Subkategori lakuan bahasa seperti assertif, cadangan, informatif yang dilihat lebih dominan berbanding yang lain diujarkan dengan berkesan oleh ahli-ahli kumpulan kecil. Hal ini mampu menyumbang kepada kejayaan sebuah komunikasi kumpulan kecil. Ujaran yang diujarkan secara eksplisit lebih mudah difahami dan dikesan oleh pendengar, manakala ujaran secara implisit pula memerlukan daya untuk ditafsir oleh pendengar. Penggunaan lakuan bahasa konstatif yang berkesan dan mudah difahami oleh ahli kumpulan akan menyumbang kepada kelancaran perbincangan sebuah kumpulan. Oleh itu, ahli kumpulan perlu memahami fungsi lakuan bahasa dan bentuk penggunaannya sebelum melibatkan diri dalam perbincangan.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya memperlihatkan bentuk lakuan bahasa konstatif dalam perbincangan kumpulan kecil. Subkategori lakuan bahasa konstatif yang paling kerap digunakan ialah assertif, informatif dan cadangan. Lakuan bahasa konstatif dilihat berfungsi dalam membantu perbincangan kumpulan kecil berjalan dengan lancar. Oleh itu, kajian berkenaan lakuan bahasa terhadap perbincangan kumpulan kecil perlu diperluas dan difokuskan oleh pengkaji akan datang. Keempat-empat kumpulan kecil dalam kajian ini dilihat berjaya mengujarkan lakuan bahasa dengan jelas sama ada secara eksplisit atau implisit. Ujaran lakuan bahasa konstatif oleh ahli-ahli kumpulan kecil yang berjaya ini berkesan dalam menyampaikan ujaran lakuan bahasa yang dipilih. Oleh itu, dapat dilihat bagaimana fungsi lakuan bahasa dalam perbincangan kumpulan kecil yang akhirnya mampu menjayakan perbincangan tersebut. Kajian ini amat bermanfaat kepada para pelajar univesiti, pensyarah atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam perbincangan berkumpulan.

RUJUKAN

Ali, M. A. (2017). Some Facts about Constative and Performative Sentences, and their Experimental Phonetic Analysis. *Advances in Social Sciences Research Journal.* 4(11), 23-30.

Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia.* 19(1), 48-57.

Asmah Hj Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Austin, J. L. (1962). *How to do Things with Words.* Oxford: Clavendon Press.

Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts.* London: The MIT Press.

Della, F. & Sembiring, B. (2018). An Analysis of Directive Speech Acts by Searle Theory in "Sleeping Beauty" Movie Script. *Journal of English Education and Teaching (JEET).* 2(1), 22-28.

Ezhar Tamam. (1999). *Menjayakan Komunikasi Kumpulan Kecil*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Febrika Riska Putri, Ngusman Abdul Manaf & Abdurrahman. (2015). Kesantunan Berbahasa dalam Tindak Tutur Direktif Guru pada Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA Negeri 15 Padang. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajaran.* 2(1), 87-98.

Hafifah, M. (2020). Constative and Performative Utterances in Jokowi's Speeches. *Wahana Inovasi.* 9(1), 85-91.

Hargie. (2012). *Skilled Interpersonal Interaction: Research, Theory and Practice*. London: Routledge.

Hassal, T. (2003). Request by Australian Learners of Indonesia. *Pragmatics*. 35, 1903-1928.

Hassal, T. (2003). Request by Australian Learners of Indonesia. *Journal of Pragmatics.* 35, 1903-1928.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marion E. Haynes. (1988). *Effective Meeting Skills: A Practical Guide for More Productive Meetings.* United States of America: Crisp Publications.

Mohd Zuhair Zainal. (2017). Lakuan Ilokusi Guru dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Gema Online.* 17(4), 191-208.

Nihat Bayat. (2013). A Study on the Use of Speech Acts. *Procedia-Sosial and Behavioral Sciences.* 70, 213-221.

Nura Siti Mufiah & Muhammad Yazid Nur Rahman. (2018). Speech Acts Analysis of Donald Trump's Speech. *Journal Project.* 1(2), 125-132.

Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama. *Jurnal Akademika* 89 (isu khas), 41-53.

Searle, J. L. (1962). *Meaning and Speech Acts*. London: Duke University Press.

Searle, J. L. (1969). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language.* London: Cambridge University Press.

Simona, S. & Cartisa, D. D. (2015). Speech Acts in Written Advertisements: Identification, Classification and Analysis. *Social and Behavioral Sciences.* 192, 234-239.

Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Hamidah Yamat. (2012). Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia ketika Memulakan Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.* 2(2), 71-83.

Van Peursem, K. A., Locke, J. L. & Harnish, N. P. (2001). Audit Standard Analysis: An Illocutionary Perspective on The New Zealand going Concern Standard. Kerja kerja dibentangkan di *Asia Pacific Interdisciplinary Research in Accounting Conference*, Adelaide.

Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah. *Jurnal Melayu.* 16(2), 163-178.

PENGETAHUAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS DALAM PEMBINAAN PENGHURAI BERKOMPUTER

Radiah Yusoff
Universiti Sains Malaysia (USM)
radiah@usm.my & odyusoff.2020a@gmail.com

Hasmidar bt Hassan
Universiti Sains Malaysia (USM)
hasmidar@usm.my

ABSTRAK

Perkataan 'selak' boleh menghasilkan struktur taksa bagi 'Saya selak pintu itu', menurut Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018). Namun begitu, apabila melihat kepada nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan*, ayat ini telah mengalami trasformasi daripada 'Pintu itu, saya selak' yang merupakan ayat pasif kata ganti diri pertama (KGND1) susunan biasa (Nik Safiah Karim et al., 2015: 492) dengan 'selak' dikelaskan sebagai kata kerja kerana ia merupakan inti kepada frasa kerja pastif 'selak pintu itu'. Dalam persekitaran sintaksis sebegini, 'selak' tidak boleh dikelaskan sebagai kata nama sepertimana yang dilakukan oleh Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018). Begitu juga dengan struktur 'Saya bukan Kevin' yang telah dirajahpohonkan agar 'saya'dan 'bukan' berada di bawah satu frasa nama dan 'Kevin' di bawah satu frasa nama lain oleh Yusnita Muhamad Noor dan Zulikha Jamaludin (2014: 442); seharusnya kata nafi 'bukan' berada bersama 'Kevin'. Maka, satu persoalan timbul. Adakah Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018) dan Yusnita Muhamad Noor dan Zulikha Jamaludin (2014) telah mengambil kira aspek morfologi dan sintaksis preskriptif dan deskriptif sebelum meletakkan maklumat yang relevan seperti imbuhan, kata kata akar, kata dasar, struktur asas ayat pasif KGND1, struktur transformasi ayat pasif, struktur frasa nama tanpa kata nafi, dan struktur frasa nama dengan kata nafi kepada penghurai berkomputer (<> *computational parser*) mereka? Dari sini, kelihatan bahawa satu rentasan bidang dan ilmu, iaitu linguistik dan sains komputer, perlu diketengahkan bagi memastikan kesilapan tafsiran morfologi dan sintaksis untuk pemprosesan bahasa nurani boleh dikurangkan, atau mungkin juga boleh ditiadakan.

Kata kunci: linguistik, penghurai berkomputer, nahu preskriptif, nahu deskriptif

PENGENALAN

Pengetahuan dalam morfologi dan sintaksis preskriptif dan deskriptif diperlukan bagi menghasilkan program atau peralatan seperti penghurai berkomputer (<> *computational parser*) untuk memproses dan/atau menganalisis data bahasa Melayu sebagai bahasa nurani. Pengetahuan ini diperlukan agar kesilapan, kesalahan atau kekeliruan tafsiran morfologi dan sintaksis preskriptif dan deskriptif untuk pemprosesan bahasa ini boleh dikurangkan, atau mungkin juga boleh ditiadakan.

BEBERAPA CONTOH

Jika pengetahuan dalam morfologi dan sintaksis preskriptif dan deskriptif kurang mendalam atau kurang digunakan, maka keadaan seperti yang berlaku dalam ayat 'Saya selak pintu itu' dalam Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018) dan 'Saya bukan Kevin' dalam Yusnita Muhamad Noor dan Zulikha Jamaludin (2014: 442). Contoh-contoh ini diambil kerana mereka menyatakan bahawa mereka menggunakan nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 492) sebagai rujukan untuk nahu bebas konteks (<> context free Grammar):

a. "The CFG produced as in Karim, Onn, Musa and Mahmood [16] is used as a reference" (Yusnita Muhamad Noor & Zulikha Jamaludin (2014: 441).

b. "The grammar patterns and their rules are constructed based on Nik Safiah et al. (2008) and Nik Safiah Karim (1975)" (Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al., 2018: 127).

Walaupun tahun terbitan buku yang dirujuk berbeza, rumus, huraian dan rajah pohonnya sama untuk skop yang diteliti, iaitu ayat pasif sonsang, ayat aktif transitif, dan ayat berpola FN + FN.

Contoh Pertama

Contoh pertama melibatkan penggunaan perkataan 'selak'. Menurut Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018), perkataan 'selak' boleh menghasilkan struktur yang taksa bagi 'Saya selak pintu itu' kerana 'selak' boleh merujuk kepada unsur yang boleh digolongkan kepada kata nama dan kata kerja. Ini kerana 'selak' merupakan satu homograf; ia memiliki sebutan dan makna yang berbeza, menurut carian 'selak' dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017):

a. /səlak/ untuk "= penyelak sj kayu palang (utk mengunci pintu)" dan
b. /selak/ untuk "menyelak 1. menyingkap (tudung, selubung, dll), membuka, menyingsingkan: kain yg menutupi betisnya diselak hingga ke paras lutut; Tun Tuah pun segera ~ pen-duanya; 2. menyebak (buku dll), membuka: buku itu diselaknya lepas semuka ke semuka; menyelak-nyelak menyelak (buku, majalah, dll) dgn cepat tanpa membaca atau melihatnya dgn teliti: dia masih asyik ~ majalah, mem-baca tajuk, dan melihat Rajah; menyelakkan menyelak utk; terselak tersingkap (kain, selubung, tudung, dll), terbuka, tersebak".

Lihat Rajah 1 yang diambil daripada Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018: 129).



Rajah 1: Golongan kata untuk 'selak' – kata kerja dan kata nama

Namun begitu, dalam persekitaran sintaksis preskriptif yang diusulkan oleh *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 492), 'selak' tidak boleh dikelaskan sebagai kata nama sepertimana yang dilakukan oleh Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018). Ini kerana ayat 'Saya selak pintu itu' ialah "bentuk pasif songsang" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 492) bagi ayat pasif susunan biasa yang mengandungi kata ganti diri pertama (KGND1), iaitu 'Pintu itu saya selak'. Ayat 'Saya selak pintu itu' telah mengalami "penyusunan semula" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 562) melalui "proses pendepanan atau penjudulan" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 478) unsur KGND1 'saya' tanpa "membawa perubahan makna ayat" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 562).

Malahan, *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 492) menambah bahawa "bentuk pasif songsang" seperti 'Saya selak pintu itu' yang digunakan oleh Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018) boleh mengelirukan "penutur bahasa Melayu", dan mungkin juga segelintir pengkaji bahasa Melayu seperti salah seorang penulis artikel ini:

> Kadangkala pentur bahasa Melayu terkeliru dengan menganggap ayat *Saya tendang bola itu* sebagai ayat aktif, iaitu sama seperti ayat *Saya menendang bola itu*.

Selain itu, berdasarkan nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015), ayat 'saya selak pintu itu' telah melalui proses transformasi pasif dengan "penyususan semula daripada ragam ayat aktif kepada ayat pasif" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 563) dan kemudiannya mengalami "proses penyongsangan" (Nik Safiah Karim et al., 2015: 565).

Ayat aktif yang mendasari ayat pasif 'Saya selak pintu itu' ialah 'Saya menyelak pintu itu'. Selepas melalui proses transformasi pasif, ayat yang terhasil ialah 'Pintu itu saya selak'. Kemudian, selepas melalui proses pendepanan atau penjudulan yang memindahkan frasa kerja yang membentuk predikat ayat pasif ke bahagian hadapan ayat, ayat yang terhasil ialah 'Saya selak pintu itu'. Lihat Rajah 2.

Rajah pohon bagi Rajah 2 dihasilkan menggunakan platform oleh IronCreek Software (2003-2016), dan rajah pohon ini adalah berdasarkan notasi kurungan berlabel dalam (1) hingga (3).

1. [A [S [FN [N saya]]] [P [FK [KK [menyelak]] [FN [N pintu] [Pent itu]]]]]
2. [A [S [FN [N pintu][Pent itu]]] [P[FK [FN[KN saya]][KK selak]]]]
3. [A [P [FK [FN [KN saya]]][KK [selak]]][S [FN [N pintu][Pent itu]]]]

Selain itu, maklumat daripada nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015) digunakan untuk melakar rajah pohon, khususnya yang melibatkan:

a. kehadiran inti bagi rajah pohon untuk frasa nama, iaitu 'saya' dan 'pintu', dan frasa kerja, iaitu 'menyelak' dan 'selak', berlandaskan maklumat daripada halaman 361, 379, 385, 390, 536, 539, dan 559,
b. kewujudan frasa nama 'pintu itu' yang berfungsi sebagai objek kepada kata kerja transitif 'menyelak' berdasarkan maklumat daripada rajah pohon dalam halaman 554 dan rumus (5) dalam halaman 536,
c. pelabelan nodus 'Pent' untuk 'itu' berdasarkan jadual dalam halaman 384 dan rumus (1) dalam halaman 536, dan
d. pengejaan 'menyelak' berdasarkan maklumat daripada halaman 537, 554, 555, 556, 559, 560, 560, 576, 577, dan 578.

Di samping itu, didapati bahawa untuk penghasilan ayat pasif daripada ayat aktif, nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 563) telah memisahkan imbuhan dengan kata akar untuk kata kerja bagi ayat 'Ali menendang bola itu' dan 'Bola itu ditendang oleh Ali'. Berdasarkan maklumat ini, rajah pohon dalam Rajah 3 terhasil. Rajah pohon bagi Rajah 3 dihasilkan menggunakan platform oleh IronCreek Software (2003-2016), dan rajah pohon ini adalah berdasarkan notasi kurungan berlabel dalam (4) hingga (6).

4. [A [S [FN [N saya]]] [P [FK [KK [menyelak]] [FN [N pintu] [Pent itu]]]]]
5. [A [S [FN [N pintu][Pent itu]]] [P[FK [FN[KN saya]][KK selak]]]]
6. [A [P [FK [FN [KN saya]]][KK [selak]]][S [FN [N pintu][Pent itu]]]]

Maklumat daripada nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 151, 562-563m 566) menunjukkan bahawa:

a. kata kerja aktif 'menyelak' terbentuk melalui penggabungan imbuhan awalan meN- dan kata dasar 'selak',
b. ayat aktif "mengandungi kata kerja yang wajib mengambil imbuhan meN-", iaitu 'menyelak', dan
c. kata kerja ayat pasif "tidak mengambil imbuhan meN-", iaitu 'selak', sehingga penulis menganggap bahawa kata kerja 'selak' dalam ayat pasif KGND1 ini memiliki imbuhan yang boleh dilambangi dengan angka sifar '0'.



Rajah 2: Penerbitan 'Saya selak pintu itu'



Rajah 3: Pemisahan imbuhan meN- dan 0 dan kata dasar

Jika Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018) benar-benar menggunakan nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015) sebagai rujukan, maka mereka seharusnya menempel (<> *tag)* perkataan 'selak' tanpa sebarang morfem dengan dengan penempel yang lebih terperinci seperti:

a. 'selak' = kata nama, jamak, mufrad

b. 'selak' = kata kerja, pasif, GND1, GND2, jamak, mufrad

Untuk 'menyelak', hanya penempel kata kerja, aktif, dan transitif boleh diberikan bagi binaan 'X menyelak Y' kerana 'selak' dalam binaan 'X selak Y' ialah binaan ayat pasif songsang.

Jika 'selak' dianggap kata kerja transitif dalam 'Saya selak pintu itu', maka binaan ini merupakan binaan bahasa Melayu pasar yang tidak mematuhi rumus nahu preskriptif bahasa Melayu yang diusulkan oleh *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015).

Asmah Haji Omar (2018: 234, 235) turut menyatakan bahawa binaan yang "mendahulukan objek" dan yang memiliki "Perbuatan [kata kerja]" yang tidak ada imbuhan awalan digolongkan sebagai ayat pasif semua. Dalam hal 'Saya selak pintu itu', "objek" ialah 'pintu itu' dan "perbuatan" ialah 'selak' dengan mengambil kira bentuk sebelum proses pendepanan diterapkan, iaitu 'pintu itu, saya selak'.

Walaupun begitu, Eileen Sim Siew Wah mendapati bahawa Za'ba (2000: 146 dalam Eileen Sim Siew Wah, 2020: 34) berpandangan yang "ayat bangun kena buat tidak lazim digunakan sekiranya pembuat perbuatan tersebut merupakan diri pertama atau diri kedua", iaitu ayat pasif untuk KGND1dan KGND2 tidak digunakan dan tidak ada bagi kedua-dua pelaku ini.

Malahan kajian oleh Md. Isa Hassan (1993 dalam Eileen Sim Siew Wah, 2020: 33) mendapati bahawa pelajar yang bahasa ibundanya ialah bahasa Melayu "mempunyai masalah untuk menganggap ayat Ø-KK [kata kerja tanpa awalan seperti 'Saya baca buku itu'] sebagai ayat pasif walaupun telah mempelajari bentuk

ayat pasif secara formal di sekolah". Maka tidak menghairankan jika Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh et al. (2018) terkeliru dengan golongan kata 'selak' dalam 'Saya selak pintu itu' sehingga mereka menempelnya sebagai kata kerja transitif, sedangkan 'selak' ini ialah kata kerja pasif. Di samping itu, binaan ini tidak mungkin membenarkan 'selak' ditempel dengan penempel 'kata nama'.

Contoh Kedua

Contoh kedua melibatkan konstituen untuk frasa nama yang mengandungi kata nafi 'bukan'. Menurut Yusnita Muhamad Noor dan Zulikha Jamaludin (2014: 442), 'saya'dan 'bukan' dalam 'Saya bukan Kevin' merupakan unsur dalam satu frasa nama yang sama. Lihat Rajah 4 yang diambil daripada Yusnita Muhamad Noor dan Zulikha Jamaludin (2014: 442).



Rajah 4: Perkataan 'saya' dan 'bukan' dalam frasa nama yang sama

Seharusnya kata nafi 'bukan' berada bersama 'Kevin'. Ini kerana, dalam persekitaran sintaksis preskriptif yang diusulkan oleh *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 262-263):

> Kata nafi, yang hanya hadir sebelum frasa, ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

Berdasarkan nahu preskriptif *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015: 262-263, 552), rajah pohon yang lebih relevan adalah seperti yang tertera dalam Rajah 3:

a. dengan kata nafi 'bukan' hadir sebelum frasa nama 'Kevin' yang membentuk sebahagian predikat ayat dan
b. dengan nodus 'saya' dilabel KN, bukan KGN untuk kata ganti diri, sebagaimana dengan 'dia' dalam rajah pohon (b) dalam halaman 552.

Kekeliruan mungkin timbul ekoran *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim et al., 2015) tidak menghuraikan pembentukan ayat yang mengandungi kata nafi secara terperinci seperti ayat terbitan tunggal lain sehingga sukar untuk menentukan kedudukan kata nafi itu dalam rumus struktur frasa yang terdapat dalam halaman 535 hingga 536 dan melalui rajah pohon yang terdapat dalam bab 18. Timbul persoalan, iaitu:

a. Adakah kata nafi ini sebahagian daripada frasa nama yang membentuk predikat seperti dalam konstituen terdekat [P [FN [KNAFI bukan] [KN Kevin]]] dan dalam rumus struktur frasa (i) P à FN dan (ii) FN à (KNAFI) KN sehingga boleh diwakili oleh rajah pohon dalam Rajah 5?
   ATAU
b. Adakah kata nafi ini ialah sebahagian predikat, tetapi terasing daripada frasa nama, seperti dalam konstituen terdekat [P[KNAFI bukan][FN [KN Kevin]]] dan dalam rumus struktur frasa (i) P à (KNAFI) FN dan (ii) FN à KN sehingga boleh diwakili oleh rajah pohon dalam Rajah 6?

Yang pasti ialah kata nafi 'bukan' tidak mungkin berada dalam frasa nama subjek, iaitu 'saya', sepertimana yang dipaparkan dalam Rajah 4.

Rajah pohon bagi Rajah 5 dan 6 dihasilkan menggunakan platform oleh IronCreek Software (2003-2016), dan rajah pohon ini adalah berdasarkan notasi kurungan berlabel dalam (7) untuk Rajah 5 dan (8) untuk Rajah 6.

7. [A [S [FN [KN saya]]] [P [FN [KNAFI bukan] [KN Kevin]]]]
8. [A [S [FN [KN saya]]] [P[KNAFI bukan] [FN [KN Kevin]]]]



Rajah 5: Kata nafi 'bukan' sebahagian frasa nama



Rajah 6: Kata nafi 'bukan' terasing daripada kata nama

KESIMPULAN

Dari perbincangan dan contoh tentang binaan 'saya selak pintu' dan ' saya bukan Kevin', kelihatan bahawa satu rentasan bidang dan ilmu, iaitu linguistik dan sains komputer (atau yang relevan dengannya), perlu diketengahkan bagi memastikan kesilapan, kesalahan, dan keliruan tafsiran morfologi dan sintaksis untuk pemprosesan bahasa nurani dikurangkan atau ditiadakan melalui perkongsian ilmu oleh mereka yang berada dalam dua bidang ini atau melalui pemahaman yang lebih mendalam dan kritis dalam aspek morfologi dan sintaksis preskriptif dan deskriptif bahasa Melayu oleh mereka yang berada dalam bidang sains komputer (atau yang relevan dengannya).

Ahli linguistik dapat membantu mereka yang berada di luar bidang linguistik dengan memberikan maklumat yang bersesuaian bagi mengelak berlakunya kesalahfahaman tentang konsep dan fenomena bahasa, khususnya morfologi dan sintaksis berbentuk deskriptif dan preskriptif.

Selain itu, dengan adanya teknologi terkini dalam sistem font agar tidak mengelirukan pengguna bahasa Melayu, mungkin perlu dikembalikan penggunaan 'ĕ' bagi membezakan perkataan yang pada masa kini merupakan satu homograf seperti (a) 'sĕlak' dan 'selak', (b) 'rĕndang' dan 'rendang', dan (c) 'pĕrak' dan 'perak'.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (2018). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Selak. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=selak.

Eileen Sim Siew Wah. (2020). *Analisis Voice dalam Sintaksis Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Program Minimalis*. Tesis PhD Yang

IronCreek Software. (2003-2016). phpSyntaxTree - drawing syntax trees made easy. http://ironcreek.net/phpsyntaxtree.legacy/.

Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh, Mohd Juzaiddin Ab Aziz, & Lailatul Qadri Zakaria. (2018). The Effectiveness of Bottom Up Technique with Probabilistic Approach for A Malay Parse. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*, Jilid 18(2), Mei 2018, 124-133. https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/25512.

Nik Safiah Karim, M. Onn, Hashim Haji Musa, &Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusnita binti Muhamad Noor & Zulikha binti Jamaludin. (2012). Comparison of Syntax Tree Visualization: Toward Malay Language (BM) Syntax Tree. 2012 International Conference on Information and Knowledge Management (ICIKM 2012), IPCSIT Jilid 45 (2012). Singapore: IACSIT Press,

Yusnita binti Muhamad Noor & Zulikha binti Jamaludin. (2014). BMTutor Research Design: Malay Sentence Parse Tree Visualization. 2014 IEEE International Conference on Control System, Computing and Engineering (ICCSCE 2014), Penang, Malaysia, 2014, 438-443. doi: 10.1109/ICCSCE.2014.7072759.

HATI BUDI MELAYU SEBAGAI SIMBOL PERADABAN MASYARAKAT: ANALISIS KATA FOKUS "ILMU" BERDASARKAN TEORI MEDAN MAKNA

Rozita Che Rodi[3]
Universiti Putra Malaysia (UPM)
ita_cherodi@upm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan menghuraikan secara jelas pemaknaan akal budi dan hati budi sebagai simbol budaya dan peradaban masyarakat, dan definisi kedua-duanya. Akan diberikan juga definisi orang Melayu, falsafah pembangunan orang Melayu, dan pandangan alam sarwa jagat atau *worldview* orang Melayu sebagai latar tentang masyarakat Melayu. Juga akan dibincangkan komponen hati budi Melayu sebagai sifat teras keperibadian sosial Melayu secara arus perdana, dan kata fokus dan kata kunci yang menjadi tunjang hati budi Melayu, dengan tumpuan kepada kata fokus "ilmu" sebagai contoh. Akhir sekali akan dihuraikan secara ringkas kesimpulan hati budi Melayu dengan kepentingannya dalam penerokaan ilmu berdasarkan bidang Pengajian Melayu. Kaedah kajian berdasarkan kajian teks terhadap pepatah, peribahasa dan ungkapan Melayu terutamanya Tenas Effendy (2004) *Ethos Kerja*, (2006) *Tunjuk Ajar Melayu,* Abbas Mohd Shariff (2004) *Adab Orang Melayu,* Ismail Hamid (1991) *Masyarakat dan Budaya Melayu,* dan Za'ba (1982) *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri,* untuk menelusuri kata fokus dan kata kunci tentang hati budi Melayu. Teori keperibadian sosial *(social character)* oleh Erich Fromm (1942) digunakan untuk menganalisis sifat keperibadian Melayu, dan teori medan makna *(semantic field)* oleh T. Izutsu (1964) *God and Man in the Koran,* dan S. M. Naquib al-Attas (1970) *The Mysticism of Hamzah Fansuri,* digunakan untuk membentuk medan makna bagi hati budi Melayu. Teras hati budi Melayu ini merupakan pemusatan utama struktur keperibadian sosial kebanyakan orang Melayu secara arus perdana. Ianya terbentuk akibat daripada pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama dan menjadi simbol budaya dan pemikiran dalam peradaban masyarakat secara umum dan orang Melayu secara khususnya.

Kata kunci: akal budi, hati budi, pandangan sarwa jagat, medan makna, kata fokus, kata kunci.

PENGENALAN

Hati budi iaitu sebagai suatu istilah yang merujuk hakikat keperibadian sosial orang Melayu yang hakikinya, iaitu sifat akal pemikirannya dan juga sifat hati dalam kalbunya, manakala "akal budi" merujuk akal pemikiran yang terletak di dalam akal atau budinya sahaja tanpa mengambil kira hati kalbunya. Oleh itu istilah "hati budi" adalah lebih mendalam dan lebih sesuai daripada "akal budi". Ini diperkukuh oleh pantun Melayu yang menegaskan keperibadian orang Melayu itu dilambang oleh "hati budinya":

Limau manis dimakan manis,
Manis sekali rasa isinya;
Dilihat manis dipandang manis,
Manis sekali hati budinya.

Namun, permasalahan yang sering dialami oleh pengkaji tentang sifat dan keperibadian orang Melayu ialah kesalahan tafsiran dan pemahaman tentang dua konsep yang amat berbeza ini, iaitu "akal budi" dan "hati budi".

Berdasarkan permasalahan itu, maka artikel ini secara umum bertujuan untuk menjelaskan tentang "akal budi" dan "hati budi" serta kepentingannya dalam Pengajian Melayu. Objektif khususnya adalah untuk

3 ROZITA CHE RODI (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Semantik Konseptual, Medan Semantik, Falsafah, Nilai dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktoral di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap "Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh" dari tahun 2015-2017.

menghuraikan secara jelas perbezaan antara akal budi dan hati budi Melayu, pentakrifan orang Melayu, falsafah pembangunan orang Melayu, pandangan alam sarwa jagat atau *worldview* orang Melayu, komponen hati budi Melayu (HBM) sebagai sifat teras keperibadian sosial Melayu secara arus perdana, dan kata fokus dan kata kunci yang menjadi tunjang HBM.

DEFINISI AKAL BUDI DAN HATI BUDI

Istilah "akal" dan "budi" kedua-duanya daripada satu segi merujuk makna yang hampir sama, iaitu "akal" daripada bahasa Arab dan "budi" daripada bahasa Sanskrit, kedua-dua mendukung makna pemikiran, pemahaman, pengertian, iaitu dalam bahasa Inggeris merujuk istilah *"mind"* dan *"intellect"*. "Budi" juga mendukung makna sumbang bakti, tindakan, percakapan dan buah fikiran, tetapi semuanya pada peringkat luaran.

Namun, satu komponen lagi yang mesti juga diberi tumpuan terhadap orang Melayu dalam bidang Pengajian Melayu ialah hati atau kalbunya, kerana hati atau kalbu mempunyai makna yang lebih mendalam daripada istilah akal budi, seperti yang akan diterangkan nanti. Oleh itu, apabila mengkaji orang Melayu dalam bidang Pengajian Melayu, maka mesti juga mengkaji "hati budinya" bukan setakat "akal budinya", iaitu "hati budi" mencakupi sifat luaran dan dalamannya secara keseluruhan, seperti yang terkandung dalam istilah *psyche*.

Manakala, "hati budi" boleh disamakan dengan konsep *"psyche"* dalam kajian psikologi Gestalt[4], iaitu melihat hakikat sesuatu perkara secara keseluruhan yang berpadu. Hati budi mencakupi tiga perkara yang utama, iaitu yang pertama "hati" atau kalbu atau *"the heart"* yang bermaksud tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan *(drive)*, juga tempat penerima hidayat Ilahi, iaitu 'hati nurani'. Keduanya "budi", iaitu akal yang meliputi daya fikir untuk memahami sesuatu perkara, kebolehan untuk berdalil, bertaakul dan menyimpul secara rasional. Budi juga merupakan kebajikan, kebaktian dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang berbudi atau "budiman". Akhir sekali, "hati" dan "budi", iaitu yang bertindak secara berintegrasi dalam diri sebagai satu kesatuan sehingga terjelma dalam tindak tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, kepercayaan, pemikiran dan ilmunya.

Oleh itu, apabila kita mengkaji keperibadian orang Melayu dalam bidang pengajian Melayu, kita seharusnya tidak mengabaikan hatinya; iaitu mengkaji keseluruhan HBM, yang merupakan hakikat diri orang Melayu secara keseluruhannya. Sebelum diteliti HBM, harus diteliti dahulu pengertian siapa itu orang Melayu.

PENTAKRIFAN ORANG MELAYU

Secara umumnya ada tiga definisi atau pentakrifan orang Melayu yang sebelum ini sering dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Definisi atau pentakrifan yang pertama ialah Melayu-Polinesia, iaitu keluarga bahasa yang terbesar di dunia yang tersebar dari Pulau Malagasy di Barat hingga ke Pulau Easter Laut Pasifik di Timur dan ke Pulau Taiwan di Utara. Orang Maori di New Zealand mempunyai kira-kira 50 perkataan masih berkognat (berhubungan) dengan bahasa Melayu. Kedua, Melayu sebagai rumpun Melayu yang mendiami wilayah alam Melayu yang rata-rata boleh berbahasa Melayu, iaitu dari Aceh sebelah Barat hingga ke Pulau Meluku dan Timor sebelah timur. Contohnya, di Meluku, senarai kata Melayu-Itali Pigafetta 1521 menyenaraikan 426 perkataan bahasa Melayu di Meluku, iaitu kamus tertua bahasa Melayu-Eropah. Sementara itu, di Ternate, surat Sultan Abu Hayat Ternate di Kepulauan Meluku kepada Raja Portugal pada tahun 1521 dan 1522 ialah dokumen tertua yang tercatat dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Manakala, di Terengganu, Batu Bersurat Terengganu 1303 merupakan inskripsi prasasti pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Di Aceh, terjemahan Aqaid Al-Nasafi anggaran pada tahun 1590 kitab pertama tertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Akhir sekali, di Aceh, surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Kapten Harry Middleton pada tahun 1601 merupakan dokumen kebenaran berniaga pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Dengan demikian istilah Melayu mencakupi Melayu Meluku, Melayu Bugis,

4 Gestalt psychology is a type of psychology based on the study of a subject's responses to integrated wholes, rather than to separate experiences. Gestalt (a German word meaning "form") also refers to any structure or pattern in which the whole has properties different from those of its parts; for example, the beauty of a musical melody does not depend on individual notes as such, but rather on the whole continuous tune. (http://dictionary.reference.com/browse/gestalt+psychology?s=t) (dicapai pada 19 Februari, 2021)

Melayu Banjar, Melayu Betawi, Melayu Aceh, Melayu Minang, Melayu Mendaling, Melayu Brunei, Melayu Sarawak, Melayu Mindanao, Melayu Patani, Melayu Campa, Melayu Melanau, Melayu Riau, Melayu Johor, Melayu Kedah, Melayu Kelantan, dan berbagai-bagai Melayu lagi. Definisi atau pentakrifan yang terakhir ialah Melayu sebagai entiti budaya *(cultural entity)*, iaitu kelompok manusia yang mempunyai tiga ciri budaya: berbahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Maka, muncullah Melayu India, Melayu Arab, Melayu Cina, Melayu Siam, Melayu Eropah. Sekarang bermula pula Melayu Afrika, Melayu Rohingya, Melayu Bangla, yang semuanya dicirikan oleh agama Islam, bahasa Melayu dan budaya Melayu.

Oleh itu, istilah Melayu sebagai entiti budaya ialah suatu istilah yang bersifat inklusif; boleh menyerap sesiapa sahaja sama ada berkulit coklat, putih, kuning, atau hitam asalkan mempunyai tiga ciri budaya, iaitu boleh berbahasa Melayu, beragama Islam dan berbudaya Melayu dan menganggap dirinya Melayu. Dengan demikian muncullah istilah "masuk Melayu".

FALSAFAH PEMBANGUNAN ORANG MELAYU

Dalam madah pujangga Melayu ada tersebut pembangunan dan pertumbuhan Melayu, iaitu:

Tumbuh ke punca,
Punca penuh rahsia,
Tumbuh tidak memijak kawan,
Tumbuh tidak memaut lawan,
Tumbuh melingkar penuh mesra.

Falsafah pertumbuhan dan pembangunan orang Melayu ialah ke arah puncanya bukan ke puncak. Puncanya ialah hakikat diri kejadian manusia itu, iaitu manusia ialah ciptaan Allah SWT dalam sebaik-baik bentuk dan yang termulia di kalangan makhluk, seperti yang termaktub dalam al-Qur'an:

"*khalaqal insānafī ahsanitaqwīm* (Diciptakan Allah manusia itu sebaik-baik bentuk)" (Surah Attin: ayat 4).

"Walaqad karramnā banī ādam (Dan sesungguhnya kami telah memuliakan bani Adam)" (Surah al-Isra': ayat 70).

Justeru, untuk tumbuh dan membangun tidak perlu memijak kawan, bahkan kita bekerja bersama-sama bantu-membantu dan membangun dan berjaya bersama-sama. Bukan juga mencari musuh dan seteru, dengan menikam dan menjatuhkan orang lain supaya mereka gagal dan kecewa. Seribu kawan masih sedikit, namun seorang musuh sudah terlalu banyak. Oleh itu, seorang Melayu itu akan tumbuh dan membangun dengan penuh mesra dalam persekitarannya dengan membantu dan memanfaatkan semua orang.

PANDANGAN ALAM SARWA JAGAT ATAU *WORLDVIEW* ORANG MELAYU

Pandangan alam sarwa jagat atau *worldview* sesuatu masyarakat boleh disimpulkan sebagai mengandungi sekurang-kurangnya empat unsur yang asasi, iaitu pertama bagaimana masyarakat itu melihat dan menghuraikan kejadian alam jagat raya ini, sama ada terjadi sendiri atau ada Pencipta yang menguruskannya?, kedua di manakah letak dan apakah fungsi manusia itu dalam alam jagat raya ini?, ketiga apakah destini dan matlamat terakhir manusia itu dalam penghidupan di alam jagat raya ini?, dan yang keempat bagaimana cara mendapatkan kejayaan yang hakiki dalam kelangsungan hidup?

Berdasarkan empat unsur pandangan alam itu, maka pandangan alam sarwa jagat orang Melayu boleh ditubuhkan dalam beberapa konsep atau pengertian. Pertama, alam ini dilihat sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah SWT; alam ini mencakupi alam arwah/primordial, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan natijah mu`tamad daripada kehidupan di alam dunia. Kedua, pencapaian kejayaan hakiki di dunia dan juga destini terakhir di akhirat bergantung kepada kepatuhannya kepada agama Islam, iaitu peraturan dari Allah SWT sebagai Tuhan Penciptanya yang mengatur segala aktiviti kehidupan di dunia untuk

individu dan juga masyarakat. Oleh itu, peraturan ini wajib dipelajari dan dilaksanakan oleh semua manusia demi kejayaan hakiki mereka. Ketiga, Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta semesta alam mesti diyakini sepenuhnya; kepercayaan kepada pembalasan-Nya yang baik bagi amalan yang baik dan percaya kepada pembalasan yang buruk bagi amalan yang jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; balasan baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam mentaati Allah SWT; balasan baik di akhirat kemasukan ke dalam syurga; kesusahan di dunia bagi orang Islam berlaku sama ada sebagai kifarah dosanya ataupun untuk meningkatkan darjatnya. Keempat, nilai tertinggi ialah segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia, iaitu orang yang paling banyak memanfaatkan dirinya dan manusia yang lain. Maruah sesama insan dihormati kerana setiap mereka berpotensi untuk memperoleh kesempurnaan demikian; sikap ini akan mengelak kezaliman dan diskriminasi berdasarkan warna kulit, keturunan, bangsa dan seumpamanya. Kelima dan juga yang terakhir ialah kehidupan dunia yang pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani.

KOMPONEN HATI BUDI MELAYU SEBAGAI SIFAT TERAS KEPERIBADIAN SOSIAL MELAYU SECARA ARUS PERDANA

Istilah hati budi mencantumkan kedua-dua elemen itu, iaitu "akal budi" dan "hati kalbu" yang akan bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sehingga terjelmalah ke dalam tingkah lakunya, budi bahasanya, nilai dan normanya, pemikiran dan pengetahuannya, kepercayaan dan amalannya, yang dengan demikian akan melahirkan sifat dan keperibadiannya secara individu ataupun masyarakatnya secara kolektif. Erich Fromm (1942: Appendix, 1-2), mentakrifkan keperibadian sosial atau *social character* seperti berikut:

> *"The social character comprises only a selection of traits, the essential nucleus of the character structure of most members of a group which has developed as the result of the basic experiences and mode of life common to that group... Character in the dynamic sense of analytic psychology is the specific form in which human energy is shaped by the dynamic adaptation of human needs to the particular mode of existence of a given society. Character in its turn determines the thinking, feeling, and acting of individuals."*

Berdasarkan analisis ke atas teks yang mengandungi pepatah, simpulan bahasa dan pantun Melayu dan juga beberapa hasil tulisan tentang adab, tunjuk ajar, akhlak dan budaya Melayu, terutamanya oleh Tenas Effendy (2004, *Ethos Kerja* dan 2006, *Tunjuk Ajar Melayu*), dan juga Abbas Mohd Shariff (2004, *Adab Orang Melayu),* Ismail Hamid (1991, *Masyarakat dan Budaya Melayu*), Syed Hussein al-Attas (1977, *The Myth of the Lazy Native*), Za`ba (1982, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*) dan lain-lain, maka Hashim Hj. Musa (2008:7) telah menubuhkan beberapa keperibadian teras milik sepunya orang Melayu secara arus perdana, iaitu sebanyak 26 komponen yang membentuk hati budinya, setiap satunya didukung oleh kata kunci atau ungkapan kunci tertentu seperti berikut:

JADUAL 1. Padanan 26 Komponen Hati Budi Melayu dengan Kata Kunci atau Ungkapan Kunci yang Mendukungnya

Komponen Hati Budi Melayu	Kata Kunci atau Ungkapan Kunci
Komponen 1: Hidup berteraskan agama Islam	Berteraskan Islam
Komponen 2: Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal	Pendidikan dalam masyarakat Melayu
Komponen 3: Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu	Nilai kerja
Komponen 4: Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka	Taat kepada ibu bapa

Komponen 5: Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar	Setia kepada ketua
Komponen 6: Halus budi bahasa dan budi pekerti	Halus budi bahasa dan pekerti
Komponen 7: Sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat	Muafakat dalam masyarakat
Komponen 8: Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu	Hormat tetamu dan pergaulan
Komponen 9: Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas	Sederhana dan tidak ekstrem
Komponen 10: Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah 'menjaga air muka' dan 'rasa malu yang mendalam'	Menjaga maruah diri
Komponen 11: Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya	Penyesuaian diri dalam pergaulan
Komponen 12 : Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan	Membela kebenaran dan keadilan
Komponen 13: Menanam budi dan membalas budi	Menanam dan membalas budi
Komponen 14: Sifat pemaaf dan pemurah	Pemaaf dan pemurah
Komponen 15: Sifat kasih sayang	Pengasih dan penyayang
Komponen 16: Hidup sederhana	Kehidupan sederhana
Komponen 17: Ikhlas dan rela berkorban	Ikhlas dan pengorbanan
Komponen 18: Sikap berdikari	Berdikari
Komponen 19: Menghormati hak dan milik	Hormat hak dan milik
Komponen 20: Kejujuran dan keikhlasan	Kejujuran peribadi
Komponen 21: Berbaik sangka terhadap sesama makhluk	Berbaik sangka
Komponen 22: Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang	Keterbukaan pemikiran
Komponen 23: Sifat amanah	Amanah
Komponen 24: Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa	Memanfaatkan waktu
Komponen 25: Memandang masa depan	Berpandangan jauh
Komponen 26: Mensyukuri nikmat Allah	Mensyukuri nikmat

Komponen hati budi ini berserta dengan kata kunci atau ungkapan kunci yang mendukungnya boleh diRajahkan dalam bentuk medan makna, iaitu merupakan satu lingkungan yang di dalamnya mengandungi sejumlah kata kunci yang mengelilingi satu kata fokus sebagai paksi penumpuan maknanya. Berikut diperturunkan rajah medan makna bagi 26 komponen hati budi Melayu:



Rajah 1. Medan Makna Hati Budi Melayu dengan 26 Komponen

KOTA FOKUS DAN KATA KUNCI YANG MENJADI TUNJANG HATI BUDI MELAYU

Kesemua 26 komponen hati budi itu boleh dikelompokkan ke dalam empat kata fokus utamanya, iaitu "agama", "didikan", "ilmu" dan "nilai". Kata fokus merujuk kata yang menjadi inti utama dalam pembentukan satu medan makna yang dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang berhubungan dari segi maknanya. Pengenalpastian satu kata fokus itu ditentukan berdasarkan kehadirannya yang paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi sebuah teks atau wacana, tentang realiti, iaitu tentang alam semestanya (konsep kosmologi) dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia, termasuk juga hakikat wujud itu sendiri (konsep ontologi), dan tentang nilai (konsep aksiologi) (Hashim Hj Musa, 1995, 27-28).

Dengan kata lain, kata fokus ialah satu pusat penumpuan makna yang mampu menjelaskan konsep yang paling kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat ataupun teks atau wacana itu, tentang realiti, iaitu kewujudan alam, kehidupan, dan tentang nilai. Oleh demikian, kata fokus merujuk sesuatu konsep yang menjadi paksi penumpuan makna bagi keseluruhan 26 komponen HBM, setiap satunya mempunyai kata kunci atau ungkapan kuncinya yang tersendiri.

Oleh itu, kata fokus "agama" akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan agama, kata fokus "didikan" akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan didikan, kata fokus "ilmu" akan dikeliling oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan ilmu, manakala kata fokus "nilai" akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan nilai. Empat kata fokus yang dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci itu akan membentuk empat medan makna bagi HBM.

Berdasarkan pernyataan tersebut bolehlah dibuat kesimpulan secara komprehensif padanan empat kata fokus dengan kata kunci atau ungkapan kunci bagi 26 komponen HBM, iaitu kata fokus "agama" merangkumi dua ungkapan kuncinya, iaitu hidup berteraskan agama Islam (K1) dan mensyukuri nikmat Allah (K26).

Seterusnya bagi kata fokus "didikan" merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal (K2), taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka (K4), setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar (K5), halus budi bahasa dan budi pekerti (K6), dan hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu (K8).

Manakala bagi kata fokus "ilmu" pula merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya (K11), membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan (K12), sikap berdikari (K18), memanfaaatkan waktu, tidak membuang masa (K24), dan memandang masa depan (K25).

Akhir sekali, kata fokus "nilai" merangkumi 14 ungkapan kuncinya, iaitu nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu (K3), sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat (K7), sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas (K9), sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah 'menjaga air muka' dan 'rasa malu yang mendalam' (K10), menanam budi dan membalas budi (K13), sifat pemaaf dan pemurah (K14), sifat kasih sayang (K15), hidup sederhana (K16), ikhlas dan rela berkorban (K17), menghormati hak dan milik (K19), kejujuran dan keikhlasan (K20), berbaik sangka terhadap sesama makhluk (K21), sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang (K22), dan sifat amanah (K23).

Empat medan makna berdasarkan empat kata fokus dengan dikelilingi kata kunci diperturunkan seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 2. Medan Makna bagi Kata Fokus "Agama"

Rajah 2 di atas merupakan medan makna bagi paksi penumpuan makna "agama" yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Kesemua kata kunci itu merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus "agama" dalam pembentukan 26 komponen HBM.

Seterusnya, Rajah 3 di bawah ini merupakan medan makna bagi kata fokus "didikan". Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang hadir dan mengelilingi kata fokus "didikan" berdasarkan 26 komponen HBM. Penubuhannya menjelaskan penumpuan makna berkaitan dengan soal "didikan" yang diperoleh dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu:



Rajah 3. Medan Makna bagi Kata Fokus "Didikan"

Rajah 4 merupakan medan makna bagi kata fokus "ilmu" yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Semuanya merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus "ilmu" dalam pembentukan 26 komponen HBM. Seterusnya, diperturunkan rajah medan makna bagi kata fokus "ilmu":



Rajah 4. Medan Makna bagi Kata Fokus "Ilmu"

Rajah 5 di bawah ini merupakan medan makna bagi kata fokus "nilai". Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang dikenal pasti mengelilingi kata fokus "nilai" berdasarkan 26 komponen HBM. Kesemua kata kunci yang mengelilingi kata fokus "nilai" itu merupakan kata kunci yang dikenal pasti menjelaskan taraf atau keadaan budi bicara, budi pekerti dan akal budi daripada segi kebenaran, kebaikan, kepatutan, dan keindahan dalam kehidupan masyarakat Melayu.



Rajah 5. Medan Makna bagi Kata Fokus "Nilai"

Untuk menghuraikan kaedah penubuhan medan makna berdasarkan empat kata fokus dan kata kunci atau ungkapan kunci yang mengelilinginya, maka medan makna bagi kata fokus "ilmu" dipilih sebagai contoh dalam penghuraian makalah ini. Setiap kata kunci yang diinterpretasi dan dijelaskan pemaknaannya akan dikaitkan dalam pembentukan 26 komponen HBM. Hal ini bertujuan merincikan kehadiran setiap kata kunci itu sebagai istilah yang dapat menerangkan kata fokus "ilmu" sebagai paksi penumpuan maknanya.

Sementara itu, 5 kata kunci yang mengelilingi kata fokus "ilmu" ialah "maruah", "benar", "kemampuan diri", "memanfaatkan waktu", dan "memandang jauh" yang dikenal pasti dalam K11, K12, K18, K24, dan K25. Namun begitu, berdasarkan teori medan makna, kata kunci yang mengelilingi kata fokus "ilmu" atau paksi penumpuan maknanya, tidak hanya terhad kepada 5 kata kunci itu sahaja, sebaliknya kata kunci yang mengelilingi kata fokus yang lain boleh juga menjadi kata kunci bagi kata fokus "ilmu". Hal ini kerana setiap kata kunci yang dinyatakan itu menunjukkan wujudnya jalinan perkaitan makna yang dapat menjelaskan konsep "ilmu" sebagai pengenalan tentang hakikat sesuatu perkara dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, terdapat 11 kata kunci yang yang dikenal pasti turut mengelilingi kata fokus "ilmu", iaitu "tekun", "sabar", "taat", "malu", "adat", "akhlak", "tulus ikhlas", "berani", "jujur", "amanah", dan "nilai".

Justifikasi pemilihan kata kunci itu adalah berdasarkan proses pencernaan "ilmu" yang diterima oleh masyarakat Melayu, maka akan melahirkan masyarakat yang tahu menjaga nilai "maruah" diri. Keadaan itu akan membawa masyarakatnya dapat membezakan sesuatu perkara yang "benar" atau sebaliknya. Selain itu, "kemampuan diri" dapat diserlahkan apabila sebuah masyarakat itu berupaya memastikan sesuatu ilmu yang diterima adalah daripada sumber ilmu yang "benar". Seterusnya, tahu "memanfaatkan waktu" dan sentiasa "memandang jauh" dalam pembentukan masa depan yang lebih gemilang. Kesemua ciri yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa segala ilmu yang terbentuk dalam masyarakat Melayu ialah hasil penerapan yang sempurna yang diterima oleh masyarakatnya.

Untuk mewakili perbincangan bagi keseluruhan kata kunci di bawah kata fokus "ilmu", maka kata kunci "maruah", "benar" dan "memandang jauh" dipilih. Penghuraian kata-kata kunci yang lain adalah sama dari segi prinsip dan kaedahnya.

Kata Kunci "Maruah"

Apabila disebut sebagai individu yang berilmu, maka dapat dikaitkan dengan masyarakatnya yang tahu menjaga "maruah" diri. Dalam pepatah yang digunakan untuk menunjangi K11 teras HBM menjelaskan ciri yang ada pada seseorang individu atau masyarakat yang berilmu ialah mereka yang tahu menjaga "maruah" diri, iaitu tahu memelihara hak dan kepunyaan diri sendiri. Di samping itu, pepatah yang menunjangi K11 itu juga mencerminkan perkataan "maruah" sebagai mengetahui perihal sesuatu peraturan yang melibatkan adat dan memelihara harta pusaka. Pepatah itu diperturunkan seperti di bawah:

> Apa tanda orang bermaruah:
> Tahu letak dengan susunnya,
> Tahu duduk dengan tegaknya,
> Tahu susur dengan galurnya,
> Tahu menjaga adat lembaga,
> Tahu memelihara harta pusaka.
>
> (Hashim Hj Musa, 2008a: 9)

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 1000) pula menjelaskan perkataan "maruah" ialah kehormatan diri atau harga diri seseorang. Dalam erti kata lain, seseorang yang "bermaruah" dikaitkan juga sebagai seseorang yang tahu kedudukannya dalam masyarakat dan tahu menjaga harga diri supaya tidak dihina. Namun, bagi individu yang tidak berilmu, maka sebaliknya akan berlaku.

Kata Kunci "Benar"

Pengertian "benar" dalam pepatah yang digunakan untuk menunjangi K12 teras HBM yang diperturunkan di bawah ialah sesuatu yang merujuk kedudukannya yang adil dan saksama, iaitu merujuk sifatnya yang seadanya. Contohnya, "kebenaran" yang tidak boleh dinafikan.

Apa tanda Melayu jati,
Membela keadilan berani mati,
Berani kerana benar,
Berani pada yang hak,
Berani menegakkan keadilan,
Berani menghapus arang di kening,
Berani mati memegang amanah,
Berani mati membela maruah,
Berani mati di jalan Allah.

(Hashim Hj Musa, 2008a: 10)

Manakala, istilah "benar" menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 159) ialah keadaan atau sesuatu yang tidak salah. Bagi masyarakat Melayu, bersikap mempertahankan sesuatu yang "benar" merupakan kunci utama untuk mengangkat taraf dan martabat serta kewibawaan seseorang. Dalam kajian ini, mempertahankan sesuatu yang "benar" merujuk kepada membela sesuatu perkara demi mendapatkan hak yang sewajarnya. Imam Al-Ghazali dalam tulisannya, iaitu *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin* (terjemahan Panel Penterjemah Illusion Network, 2011: 1202), turut menyentuh tentang kedudukan atau darjat bagi insan yang mempertahankan "kebenaran" demi sesuatu amalan atau keadaan dalam kehidupannya melalui contoh petikan di bawah:

> .... seseorang yang pada waktu solat berdiri dengan keadaan yang khusyuk, tetapi jikalau dilakukannya semata-mata untuk menunjuk-nunjuk (riak), tambahan pula batinnya tidak mengadap benar-benar kepada Allah, umpamanya hatinya tertuju dalam memikirkan pasar dan mengenangkan sesuatu yang diingini oleh syahwat dan hawa nafsu, maka dalam beramal seperti itu, jelaslah bahawa dia berdusta dan tidak bersikap benar dalam kelakuannya.

Petikan ayat di atas menjelaskan bahawa setiap perkara yang dilakukan, tidak boleh dipisahkan dengan soal "kebenaran" dalam memenuhi tuntutannya. Hal ini kerana jika keadaan "benar" dalam segala perkara sebagaimana yang disebutkan dalam petikan di atas, maka individu itu dianggap bersungguh-sungguh memegang paksi "kebenaran" dalam segala keadaan.

Kata Kunci "Memandang Jauh"

Ungkapan "memandang jauh" boleh didefinisikan sebagai keadaan pemikiran atau pemerhatian seseorang individu dalam menentukan hala tuju kehidupannya. Hal ini kerana menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 1127), istilah "memandang" ialah menggunakan mata untuk mengetahui, melihat, memerhati dan mengamati. Sementara itu, istilah "jauh" pula bermaksud jarak yang besar atau yang tidak dekat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 614).

Dalam pepatah yang digunakan untuk menunjangi K25 teras HBM, ia menjelaskan ciri yang ada pada seseorang individu atau masyarakat yang berilmu yang sentiasa "memandang jauh" apabila menentukan soal masa depannya:

Kalau memandang jauh ke depan,
Banyaklah bekal perlu disiapkan,
Siapa memandang jauh ke muka,
Hilanglah sifat loba serakah,
Siapa tak mahu memandang ke muka,
Hidupnya sesat anak cucu celaka.

(Hashim Hj Musa, 2008a: 12)

Berdasarkan pepatah di atas, ia bertepatan dengan mengaitkan masyarakatnya yang berilmu. Hal ini kerana dalam pepatah itu juga ada menyebut "siapa memandang jauh ke muka, hilanglah sifat loba serakah". Bait pepatah itu menjelaskan bahawa sesuatu sifat buruk seperti tamak dan haloba dapat dielakkan apabila seseorang itu "memandang jauh" dengan memikirkan soal kehidupan anak cucunya di masa depan.

KESIMPULAN

Pada hakikatnya, pelbagai cara telah digunakan oleh masyarakat Melayu dalam melestarikan hati budi yang menjadi asas ketamadunan bangsa Melayu. Dalam hal ini, komponen HBM dilihat sebagai satu elemen yang dapat mengekalkan citra dan identiti kemelayuan dalam memajukan kehidupan yang lebih terarah, terutamanya dalam ilmu Pengajian Melayu. Malah, berdasarkan hati budi yang sudah tertanam dalam diri masyarakat Melayu dapat dilihat pembentukan pemikiran dan emosi yang mantap dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain membentuk pandangan hidup dan mencipta nilainya, hati budi dapat membezakan ciri-ciri tamadun Melayu dengan tamadun bangsa lain di dunia.

Teras hati budi itu dimiliki bersama oleh majoriti orang Melayu yang dengan itu manusia akan kenal kelompok Melayu itu ditandai oleh sifat-sifat itu secara umum. Contohnya Melayu itu lemah lembut dalam budi bahasa dan dan budi pekerti, sangat menghormati tetamu, berkhidmat kepada ibu bapa, suka bertindak secara bersama melalui rundingan dan persetujuan bersama, merendah diri dan tidak suka menonjolkan diri, dan tentu sekali beragama Islam dan berbahasa Melayu.

Hasil daripada didikan dan tunjuk ajar, mereka yang memiliki 26 komponen keperibadian arus perdana ini dianggap sebagai peribadi yang "cukup ajar", iaitu telah melalui proses sosialisasi dan pembudayaan yang sempurna yang layak dinamakan sebagai seorang 'budiman'; iaitu peribadi contoh dan idaman. Manakala mereka yang bertindak bertentangan dengan keperibadian yang teras dan arus perdana itu dianggap sebagai mereka yang 'kurang ajar' atau 'kurang adab' dan yang terburuk sekali ialah yang 'biadab, bacul dan khianat'.

RUJUKAN

Abbas Mohd Shariff. (2004). *Adab Orang Melayu*. Singapura: Alfa Media.

Al-Attas, S. Hussein. (1977). *The Myth of Lazy Native*. London: Frank Cass.

Al-Attas, S. M. Naquib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Albert Schweitzer. (1993/1955). *Civilization and Ethics.* London: Adam & Charles Black.

Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2006). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Fromm, Erich. (1942). *Character and the Social Process*. London: Routledge.

Gould, J. A. (1992). *Classic Philosophical Questions*. New York: MacMillan.

Hanapi Dollah. (2007). Nada Islam dalam Masyarakat Melayu Berdasarkan Karya Sastera Abad Ke-19. Dlm. Farid Mat Zain (ed.). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Haron Din. (2007). *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Hashim Hj Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Hashim Hj Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21.* Serdang: Penerbit UPM.

Hassan Ahmad. (2006). *Ke Arah Kelahiran Melayu Glokal*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.

Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maccoby, Michael. (2002). "Toward a Science of Social Character". *International Forum of Psychoanalysis 11*: (33-44), 2002.

Mead, Margaret. (1953). "National Character", dalam A. L. Kroeber (ed.) 1953. *Anthropology Today,* Chicago: University of Chicago Press, (642).

Mohd Nasir Omar. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Muhyidin. (2008). *Berani Hidup Siap Mati: Prinsip Menjalani dan Menikmati Hidup Sehari-hari dengan Spirit Ilahi*. Bandung: PT Mizan Pustaka.

Osman Bakar. (1992). *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophy.* Kuala Lumpur: Institute Policy Research.

Rozita Che Rodi. (2013). Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari sudut Medan Semantik. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Tenas Effendy. (2004). *Ethos Kerja.* Pekanbaru: Unri Press.

Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Jogjakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita.

Za`ba. (1982). *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

http://www.merriam-webster.com/dictionary/psyche) (dicapai pada 19 Februari, 2021).

http://dictionary.reference.com/browse/gestalt+psychology?s=t) (dicapai pada 19 Februari, 2021).

ANALISIS KONTRASTIF KATA PREPOSISI BAHASA PERANCIS DAN BAHASA MELAYU

Shobehah binti Abdul Karim
Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI)
shobehah@unikl.edu.my

Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Universiti Putra Malaysia (UPM)
letchumy1617@gmail.com

Hazlina binti Abdul Halim, PhD
Universiti Putra Malaysia (UPM)
hazlina_ah@upm.edu.my

Zuraini binti Jusoh, PhD
Universiti Putra Malaysia (UPM)
zurainijusoh@upm.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Perancis (BP) sebagai bahasa asing (BA) menuntut pelajar menguasai kemahiran penulisan dan pertuturan dengan baik. Penguasaan tata bahasa asas BP banyak membantu dalam kemahiran tersebut. Kajian ini terbatas kepada perbandingan kata preposisi (KP) kata depan tempat "di" BP dengan bahasa Melayu (BM) dalam penulisan ayat mudah BP. Metodologi kajian adalah kajian analisis dokumen. Responden kajian terdiri daripada 50 orang pelajar BP 1 (WFD10101) Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI). Lokasi kajian adalah UniKL MFI. Hasil dapatan kajian dianalisis secara deskriptif. Pengkaji menggunakan teori Analisis Kontrastif, Lado (1957) untuk melihat persamaan dan perbezaan antara KP kata depan tempat "di" BP dan BM. Instrumen kajian adalah karangan Ujian akhir BP 1 dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan tentang persamaan dan perbezaan BP dan BM ini dapat membantu responden dalam kemahiran penulisan ayat mudah BP. Persamaan membantu reponden dalam membina ayat, manakala perbezaan pula mengelirukan responden dalam pemilihan KP yang betul. Perbezaan KP "di" BP adalah pelbagai, jika tempat yang dinyatakan itu adalah sebuah negara. Terdapat tiga KP bagi negara dalam BP iaitu **"en"**, **"au"** atau **"aux"** ianya dibezakan oleh faktor gender sama ada negara itu feminin, maskulin atau negara dalam bentuk jamak. Manakala persamaan KP "di" BP pula adalah KP **"à"**. KP ini ditulis sebelum kata nama khas bagi tempat seperti nama bandar, kampung dan pulau. Responden melakukan kesilapan pemilihan KP kerana kepelbagaian KP BP ini. Kesimpulannya, kajian perbandingan yang dijalankan ini, diharap dapat memberi manfaat kepada tenaga pengajar dan juga pelajar BP sebagai BA di Malaysia.

Kata kunci: bahasa Perancis, bahasa Melayu, kata preposisi, penulisan, perbandingan

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Perancis (BP) sebagai bahasa asing kini berkembang pesat di Malaysia dan kini diajar di sekolah berasrama penuh, sekolah harian terpilih dan juga di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Jarak negara asal bahasa sasaran (BS) iaitu Perancis yang jauh dari Malaysia mewujudkan limitasi kemahiran berkomunikasi. Kini, kesukaran mendapatkan bahan rujukan dapat diatasi dengan carian di jalur lebar atau nota tambahan yang telah dimuat turunkan dalam portal pembelajaran secara atas talian. Perkembangan teknologi menyebabkan masalah persekitaran bukan lagi satu alasan untuk responden tidak menguasai kemahiran penulisan asas BP. Pada peringkat awal pembelajaran BP sebagai BA, reponden terlebih

dahulu diajar membina ayat mudah BP dengan menggunakan struktur ayat dan tata bahasa BP yang betul seperti penggunaan kata preposisi (KP), kata depan tempat "di" BP. Walau pun tunjuk ajar, latihan di dalam kelas dan di rumah telah diberikan, namun responden masih lagi melakukan kesalahan KP BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** dan **"à"** atau KP kata depan tempat "di" BM. Sesungguhnya kesalahan KP kata depan tempat BP dalam kalangan responden ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan turut menjejaskan markah ujian penulisan mereka. Maka dengan sebab itu, kesalahan KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** dan **"à"** ini memberi lompang kepada pengkaji untuk menjalankan satu kajian perbandingan KP BP-BM, terutamanya mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP kata depan tempat BP **"en"**, **"au"**, **"aux"**, **"à"** dengan KP "di" BM agar dapat membantu pelajar BP sebagai BA faham akan perbezaan penggunaan setiap KP BP mengikut gender kata nama negara, nama bandar atau tempat dan seterusnya membantu pelajar memilih KP betul dalam penulisan BP.

SOROTAN KAJIAN

Perkembangan pembelajaran BA telah mendorong pengkaji seperti Norizan Che Su (2017) Mohammad Baihaqi Hasni & Farah Hanan Aminallah (2017), Tajudin Nur (2016), Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015) dan Omrah Hassan @ Hussin dan Ab Halim Mohamad (2014) menjalankan kajian Analisis Kontrastif (AK) pembelajaran BM dan BA. Norizan Che Su (2017) telah menjalankan kajian AK bahasa Thai, Mohammad Baihaqi Hasni & Farah Hanan Aminallah (2017) dan Tajudin Nur (2016) kajian AK bahasa Arab, Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015) bahasa Sepanyol dan Omrah Hassan @ Hussin dan Ab Halim Mohamad (2014) pula menjalankan kajian AK bahasa Perancis. Manakala Mohammad Hamad Al-khresheh (2016) dan Mayada Zaki (2015) pula, tumpuan kajian mereka adalah lebih kepada Teori AK dan implikasi teori AK dalam pembelajaran BA. Sorotan kajian Mohammad Hamad Al-khresheh (2016) menyokong pemilihanan teori kajian pengkaji kerana dapatan kajian beliau mengenai Teori AK adalah masih signifikan dan masih relevan sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan sorotan kajian Mayada Zaki (2015), iaitu menjelaskan tentang kelebihan AK dalam perbandingan B1 dan B2. Selain itu, sorotan kajian ini turut memberikan Rajahan kepada pengkaji tentang cara menjalankan kajian perbandingan BA dengan BM melalui AK. Menurut Mohammad Hamad Al-khresheh (2016) dalam kajian beliau walau pun banyak isu hangat dibincangkan tentang AK, namun kini, AK ini seolah-olah diberikan nafas baru oleh pengkaji bahasa. Para penyelidik juga telah bersetuju bahawa bidang AK ini masih luas untuk dipelopori dan dikaji. Selaras dengan itu, sorotan kajian ini turut memberikan impak kepada pengkaji menjalankan kajian AK berlandaskan teori analisis kontrastif Lado (1957). Teori ini turut menjadi pilihan kajian lepas oleh Norizan Che Su (2017), Tajudin Nur (2016), dan Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015). Sorotan kajian Mayada Zaki (2015) turut menyatakan sumbangan AK dalam P&P adalah keupayaan untuk meramalkan dan mendiagnosis kesilapan B2 pelajar serta reka bentuk ujian sebagai panduan kepada pelajar B1. Oleh yang demikian, sorotan kajian ini turut memberikan idea kepada pengkaji untuk memilih Teori Analisis Kontrastif Lado (1957) dalam menjalankan kajian perbandingan penulisan karangan BP - BM.

Secara keseluruhannya, kajian di atas lebih tertumpu kepada AK bahasa Arab, bahasa Thai, bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris sebagai BA kecuali Omrah Hassan @ Hussin dan Ab Halim Mohamad (2014). Mereka telah menjalankan kajian AK BP-BM. Omrah Hassan @ Hussin dan Ab Halim Mohamad (2014) telah membandingkan penggunaan kata kerja sokong dalam BM seperti yang telah ditemui dalam penggunaan "verbe support" BP. Kajian mereka berdasarkan kepada teori Leksikon-Tatabahasa (Lexique-Grammaire) yang berasaskan prinsip Harris (1964), kemudian dikembangkan oleh Gross (1975; 1981). Maka kajian ini telah memberikan idea kepada pengkaji untuk menjalankan satu kajian AK BP-BM dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** , **"à"** berpadanan dengan kata kerja (KK) **"HABITER"** bermaksud "tinggal" dengan KP kata depan tempat "di" BM. Sementara itu, Mayada Zaki (2015) dalam kajian beliau menyatakan AK dan analisis kesilapan kedua-duanya turut memainkan peranan dalam analisis kesilapan pelajar. Kajian analisis kontrastif dan analisis kesilapan ini adalah saling melengkapi. James (1980) mendakwa bahawa AK membantu pelajar jika terdapat kesalahan dalam pembelajaran bahasa dan juga jika kesilapan yang diperhatikan disebabkan oleh pemindahan B1 atau pengaruh bahasa lain. Beliau juga menyokong bahawa dalam proses pembelajaran bahasa apabila terdapat masalah gangguan seperti "interlanguage", maka perkara yang mudah boleh menjadi susah dan masalah ini dapat diatasi dengan pendekatan AK. Bertitik tolak dari sorotan kajian inilah, pengkaji mendapat idea untuk menjalankan kajian AK ini dan seterusnya memilih

pendekatan Mayada Zaki (2015) dalam menjalankan kajian perbandingan KP kata depan tempat BP-BM. Dapatan dari kajian Analisis Kesilapan digunakan untuk melihat kesalahan pemilihan KP dan seterusnya data tersebut digunakan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat pada KP kata depan tempat "di" BP-BM.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada penulisan BP iaitu pembinaan ayat mudah BP dalam ujian akhir bahasa Perancis I (WFD10101) sebagai BA. Secara khususnya, kajian perbandingan BP- BM ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata preposisi kata depan tempat "di" bahasa Perancis dengan bahasa Melayu dalam penulisan ayat mudah BP.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah sangat penting dalam menjalankan satu kajian. Hazlina (2011) menyatakan aspek penting yang perlu diberikan penekanan dalam satu kajian adalah metodologi terutamanya dalam mencari penyelesaian masalah dalam persoalan kajian bagi tujuan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bersesuaian dengan tajuk kajian ini, iaitu analisis kontrastif kata preposisi bahasa Perancis dan bahasa Melayu, satu kajian analisis dokumen dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** , **"à"** dengan KP kata depan tempat "di" BM dengan padanan KK **"HABITER"** yang bermaksud "tinggal" dalam ayat mudah BP. Kajian ini dijalankan berpandukan teori Analisis Kontrastif, Lado (1957). Manakala instrumen kajian ini ialah dokumen bertulis iaitu skrip jawapan soalan 11, bahagian A, ujian akhir BP 1 (WFD10101). Sampel kajian adalah pelajar UniKL MFI. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian.

SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini terdiri daripada 50 pelajar teknikal UniKL MFI dari pelbagai pengajian seperti Otomotif, Elektrikal, Kimpalan dan Robotik. Pelajar UniKL MFI dikehendaki mempelajari BP sebagai BA bersesuaian dengan status BP sebagai mata pelajaran wajib universiti dan salah satu syarat untuk bergraduat adalah mesti lulus BP. Lingkungan umur mereka tidak terbatas. Sampel kajian merupakan pelajar Malaysia dan Bahasa Melayu (BM) adalah bahasa ibunda atau B2 pelajar. Penguasaan BM responden adalah baik. Responden telah telah mengikuti kelas BP 1 WFD10101 selama 17 minggu (34 jam), sebelum menduduki Ujian akhir BP Semester 1. Pembelajaran BP dijalankan di dalam kelas yang dilengkapi alat pendingin hawa, "smart board" dan keperluan asas lain, Buku teks dan buku latihan "Le Nouveau Taxi 1" karya Guy Capelle, Robert Menand, (2014). Paris: Hachette berserta dengan CD Audio dan CD-Rom digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BP I dan BP II di UniKL MFI. Selain itu, pengajar turut menyediakan nota tambahan dan juga "power point" yang telah dimuat turun di portal pembelajaran atas talian UniKL iaitu "VLE UniKL".

LOKASI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute yang terletak di Seksyen 14, Jalan Teras Jernang, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. UniKL MFI ditubuhkan sekitar tahun 1980-an hasil kerjasama UniKL MFI dan kerajaan Perancis dengan matlamat untuk menjanakan golongan dalam bidang teknologi yang juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam BP.

INSTRUMEN KAJIAN

Analisis dokumen

Kajian AK ini mengkaji penggunaan elemen KP kata depan tempat "di" iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dalam ayat mudah BP pada ujian akhir BP. Kertas ujian akhir BP 1 (WFD10101) Semester Januari 2019

pelajar UniKL MFI telah dipilih sebagai dokumen kajian, setelah mengikuti P&P BP secara bersemuka selama 17 minggu (34jam). Kajian dijalankan pada soalan 11, bahagian A skrip jawapan ujian akhir semester, iaitu menulis satu karangan deskriptif pendek **"Presenter quelqu'un"** atau memperkenalkan seseorang. Responden dikehendaki menulis satu essei pendek 50 patah perkataan berdasarkan Biodata rakan perempuan iaitu nama, nama keluarga, umur, warga negara, pekerjaan, alamat, pekerjaan bapa, warga negara bapa, pekerjaan ibu dan warga negara ibu. Tumpuan kajian adalah bahagian "alamat" kerana berkaitan dengan tajuk kajian iaitu AK KP BP-BM. Pada bahagian ini, pelajar akan membina ayat menggunakan KK **"HABITER"** bersama padanan KP kata nama tempat **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** untuk menerangkan tentang tempat tinggal seseorang. Soalan 11 dipilih untuk mengesan kesalahan pemilihan KP kata depan tempat BP. Maka dengan sebab itu, kajian analisis dokumen ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dengan KP kata depan tempat "di" BM. Data kajian diperoleh melalui penyemakan kertas ujian penulisan secara manual. Manakala data mentah kesilapan dikumpulkan daripada ujian ini, diklasifikasikan mengikut jenis kesalahan pemilihan KP BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dalam membina ayat selepas KK **"HABITER"** dan seterusnya data kesalahan tersebut direkodkan dalam Microsoft Excel. Dapatan analisis kesalahan pemilihan ini seterusnya digunakan untuk melihat kekerapan kesalahan pemilihan KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** selepas KK **"HABITER"** dalam kalangan responden. Bertitik tolak dari data yang dikumpul ini, satu analisis perbandingan KP BP dan BM dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP BM. Pendekatan ini menyokong kenyataan Mayada Zaki (2015) iaitu kajian analisis kesilapan dan AK adalah saling melengkapi. Selain itu, kajian ini turut menggunakan borang soal selidik dan kaedah pemerhatian di dalam kelas.

Soal selidik

Kaedah soal selidik digunakan untuk meneliti tentang kefahaman tata bahasa BP dan latar belakang responden. Selama 30 minit diberikan kepada responden untuk menjawab soalan soal selidik. Kajian soal selidik ini dijalankan di dalam kelas BP I di UniKL Mfi. Soal selidik berskala Likert iaitu skala 1 hingga 5 merupakan anatara sumber untuk mendapat data dalam penyelidikan ini.

Pemerhatian

Pengkaji juga meneliti gelagat responden semasa sessi P&P. Maklumat tambahan melalui kaedah pemerhatian dicatat. Kaedah pemerhatian adalah sumber tambahan yang akan membantu pengkaji mengukuhkan penghuraian dapatan kajian ini.

ANALISIS DATA

Setelah mengikuti kelas BP selama tujuh belas minggu, pelajar UniKL MFI. Pelajar WFD10101 menduduki ujian penulisan. Berdasarkan borang soal selidik dan ujian penulisan yang diedarkan, data yang dikumpul dianalisis untuk menepati objektif kajian. Penyemakan kertas ujian penulisan secara manual telah dilakukan. Hasil pemeriksaan penulisan responden secara manual menunjukkan responden kerap melakukan kesalahan KP BP, terutamanya pemilihan KP kata depan tempat **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** yang betul. Data kesalahan pemilihan KP kata depan tempat disusun mengikut kekerapan iaitu paling tinggi dilakukan hingga paling rendah. Seterusnya, lanjutan dari itu, perbandingan KP kata nama tempat BP dan BM dijalankan mengikut susunan tersebut, kemudiannya dihuraikan secara kualitatif bagi mencapai objektif utama iaitu mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara KP kata depan tempat BP iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dengan KP kata depan tempat "di" BM selepas KK "HABITER" iaitu "tinggal" dalam BM dalam penulisan ayat mudah BP. Perisian Microsoft Excel digunakan untuk mencatat dan memproses data bagi tujuan pengiraan jumlah kekerapan dan peratusan kesalahan pemilihan KP kata depan tempat BP iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"**. Pada keseluruhannya penganalisisan data dalam kajian ini dibuat melalui pendekatan kualitatif.

Teori

Teori analisis kontrastif Robert Lado (1957) telah dipilih untuk kajian ini. Linguistik kontrastif ini bermula dari tahun 1945. Kepentingan linguistik kontrastif atau lebih dikenali dengan nama AK dalam pengajaran bahasa

asing adalah lahir dari cetusan pendapat Charles C. Fries (1945). Seterusnya, konsep Fries yang menyatakan bahawa betapa pentingnya linguistik terapan ini telah mendorong Robert Lado (1957) untuk mengembangkan AK dalam pengajaran bahasa. Beliau juga telah menulis tentang AK ini dalam bukunya bertajuk "Linguistics A Cross Cultures; Applied Linguistics for Language Teachers" (1957). Lanjutan daripada itu, tiga tahun selepas bukunya diterbitkan perbincangan meja bulat telah diadakan berkaitan dengan AK. Pada tahun 1960 dan 1971 telah diadakan perbincangan meja bulat telah diadakan di Washington dan di Hawaii untuk membincangkan implikasi linguistik kontrastif dalam pengajaran bahasa asing. Hasil dari perbincangan tersebut, akhirnya linguistik kontrastif telah diterima sebagai linguistik terapan yang mempunyai teorinya yang tersendiri dan penting dalam pengajaran bahasa. Kini, kepentingan AK dalam pembelajaran BA di Malaysia perlu diberi perhatian, terutamanya membandingkan BM-BP. Kajian AK ini melihat ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat antara BM dan BP. Menurut Lado (1957) terdapat persamaan dan perbezaan antara B1 dengan B2, dan tahap kesulitan pembelajaran bahasa sasaran (BS) pula terbahagi kepada dua iaitu: sukar atau mudah. Carl James mendefinisikan AK dengan menyatakan pendapat Stockwell dkk (1965) iaitu terdapat dua jenis kesukaran yang dialami pelajar dalam pembelajaran bahasa iaitu kesukaran dalam pembinaan struktur ayat dan juga kesukaran dalam fonologi. Tahap kesukaran ini dibahagikan kepada 3, iaitu hubungan antara B1 dengan B2 , pertama B1 mempunyai kaedah dan B2 mempunyai persamaan, kedua B1 mempunyai kaedah tetapi B2 tidak mempunyai persamaan dan ketiga pula B2 mempunyai kaedah dan tidak ada persamaan dalam B1

Sinopsis

AK penting dalam kajian yang berkaitan dengan pembelajaran BA. Perbandingan BP-BM mempunyai kelebihan yang tersendiri, jika dijalankan secara sistematik, ianya dapat memberi banyak manfaat kepada pelajar dan pengajar BP sebagai BA di Malaysia. Sikap pelajar UniKL MFI yang positif, boleh menerima teguran atas kesalahan dalam penulisan, kefahaman atau sebutan semasa P&P BP berlaku membantu pelajar WFD10101 menguasai BS dengan baik. Akan tetapi, jika sikap pelajar adalah sebaliknya, maka sukar untuk pengajar membetulkan kesalahan. Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015) menyatakan perbezaan antara kedua bahasa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran BA di mana kesilapan dan kesalahan adalah unsur negatif dan mengganggu pelajar. Oleh yang demikian, perbezaan BP-BM pula menuntut pelajar mempunyai strategi pembelajaran yang baik agar tidak melakukan kesalahan dalam penulisan. Manakala persamaan BP-BM pula adalah unsur positif yang membantu pelajar mengingati tata bahasa dengan baik. Bentuk KP kata depan tempat BP yang pelbagai ini menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian AK BP-BM ini dalam kalangan pelajar UniKL MFI

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Objektif : perbandingan kata preposisi (KP) kata depan tempat "di" BP dengan bahasa Melayu dalam penulisan ayat mudah BP

Kajian ini memfokuskan kepada perbandingan KP BP-BM dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP kata depan tempat BP dan BM dalam penulisan ayat mudah pelajar BP I (WFD10101) selama 17 minggu (34 jam pengajaran). Justeru, kajian perbandingan KP kata depan tempat BP iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** ini dikaji berdasarkan data dapatan kajian analisis kesilapan yang telah dijalankan sebelum ini. Manakala dokumen utama kajian adalah skrip jawapan ujian akhir semester BP 1, fokus pada Bahagian A soalan nombor 11, iaitu menulis satu karangan deskriptif pendek **"Presenter quelqu'un"** atau memperkenalkan seseorang dalam BP. Responden dikehendaki menulis satu essei pendek 50 patah perkataan berdasarkan maklumat peribadi rakan perempuan iaitu nama, nama keluarga, umur, warga negara, pekerjaan, alamat, pekerjaan bapa, warga negara bapa, pekerjaan ibu dan warga negara ibu. Lantaran itu, tumpuan diberikan pada bahagian membina ayat menerangkan tempat tinggal berdasarkan alamat yang telah diberikan. Pemilihan "alamat" ini bersesuaian dengan tajuk kajian ini, iaitu perbandingan kata preposisi BP dan BM. Sementara itu, dapatan kajian analisis kesilapan, hasil daripada penyemakan kertas ujian penulisan secara manual oleh pengkaji menunjukkan terdapat 111 kesalahan tata bahasa BP dalam penulisan 50 karangan deskriptif responden. Kesalahan tersebut adalah kesalahan kata nama (19%), kata adjektif (3%), kata kerja (28%) dan kata preposisi (50%). Keputusan kajian ini menunjukkan peratusan kesalahan KP adalah yang tertinggi iaitu 50%, iaitu sebanyak 55 kesalahan pemilihan KP dilakukan responden dalam penulisan BP dan dikelaskan seperti berikut:

i. Kesalahan kesalahan pemilihan KP kata depan tempat bagi sebuah negara dalam BP

(1) Il habite **au** Italie
(2) Elle habite **en** Canada
(3) Il habite **à** Italie.
(4) Elle habite **à** Canada

Terdapat kesalahan pemilihan KP menunjukkan tempat bagi sebuah negara pada ayat (1) , (2) , (3) dan (4) iaitu KP iaitu **"au"**, **"en"** dan **"à"**. Dalam BP, terdapat 3 jenis KP kata depan sebuah negara. KP ini ditentukan oleh gender negara tersebut dan ditulis sebelum nama negara yang membawa maksud "di" dalam BM. KP bagi negara feminin adalah **"en",** manakala bagi negara maskulin adalah **"au"** dan negara maskulin jamak pula adalah **"aux"**. Kesalahan ayat (1) adalah kesalahan pemilihan KP **"au"** pada negara feminin seperti Italie. Jawapan yang betul adalah "Il habite **en** Italie". Manakala ayat (2) pula, responden salah memilih KP **"en"** sebelum negara maskulin iaitu Canada. Responden sepatutnya meletakkan KP kata depan **"au"** untuk negara Canada, iaitu "Elle habite **au** Canada". Selain itu, terdapat kesalahan ketiga pada pemilihan KP ayat (3) dan (4) iaitu kesalahan memilih KP **"à"** untuk sebuah negara. Jawapan yang betul bagi ayat (3) adalah, "**Il habite en Italie**" dan "**Elle habite au Canada**" bagi ayat (4).

ii. Kesalahan pemilihan KP kata depan tempat bagi sebuah bandar

(5) Il habite **en** Naples
(6) Il vit **dans** Naples

Responden telah salah memilih KP pada ayat (5) dan (6), Naples adalah sebuah bandar, bukanlah sebuah negara. Maka KP kata depan tempat yang tepat bagi sebuah bandar dalam BP adalah "**à**" bukanlah seperti ayat (5) dan (6) kerana kesalahan meletakkan KP "en" dan KP "dans" sebelum sebuah bandar. Struktur ayat dengan KP yang betul bagi menerangkan tentang tempat iaitu "di" sebuah bandar dalam BP adalah seperti berikut, "**Il habite à Naples**"

iii. Kesalahan pengurangan iaitu tidak meletakkan KP kata depan tempat bagi sebuah negara dan juga bandar

(7) Elle habite ___ Toronto
(8) Il habite ___ Naples
(9) Il habite ___ Italie *(f)*
(10) Elle habite ___ Canada *(m)*

Kesalahan bagi ayat (7), (8). (9) dan (10) adalah tidak meletakkan KP tempat (negara) "**en**" bagi negara feminin, "**au**" bagi negara maskulin dan "**à**" sebelum nama bandar. KP bagi ayat (7) adalah "Elle habite **à** Toronto" dan ayat (8) "Il habite **à** Naples". Manakala bagi ayat (9) "Il habite **en** Italie" kerana Italie adalah sebuah negara feminin dan ayat (10) pula adalah "Elle habite **au** Canada", KP **"au"** dipilih kerana Canada adalah sebuah negara maskulin.

iv. Kesalahan tidak meletakkan tanda (accent aigu) pada KP **"à"** sebelum nama bandar

(11) Elle habite **a** Toronto au Canada
(12) Il habite **a** Naples en Italie

Kebanyakkan responden mengambil mudah bila menulis KP **"à"** sebelum tempat seperti bandar, kampung dan juga pulau. Dalam BP penanda di atas "a" iaitu "accent aigu" memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan perbezaan antara KP dan KK. Dalam hal ini, **"à"** yang bertanda di atas ini membawa maksud "di" dalam BM dan berfungsi sebagai KP kata depan tempat BP untuk bandar, kampung dan pulau. Manakala "a" ditulis tanpa "accent aigu" atau penanda di atasnya, maksud "a" ini akan berubah. Perubahannya membawa kepada perubahan makna ayat yang agak besar kerana "a" tanpa "accent aigu" membawa maksud yang berbeza iaitu terbit dari KK "AVOIR" yang telah dikonjugasikan mengikut KGN tunggal orang ketiga iaitu "Il a ..." atau "Elle a ... " yang membawa maksud "Dia ada ...". Maka dengan sebab itu, jelaslah kepentingan meletakkan penanda di atas **"à"** atau "accent aigu" ini kerana maksudnya akan berubah dan fungsinya juga berbeza iaitu KP "di" bukannya KK "AVOIR". Ayat (11) dan (12) yang betul adalah, "**Elle habite à Toronto au Canada**" dan "**Il habite à Naples en Italie**"

v, Kesalahan Penambahan

(13) Il est de **en** Naples, Italie

(14) Il habite **en ville** Naples **en pays** Italie

Respondan melakukan kesalahan penambahan pada ayat (13), iaitu menambahkan satu lagi KP iaitu **"en"** selepas KP "de" yang membawa maksud "dari" dalam BM. Struktur Ayat (13) adalah betul jika KP kedua iaitu **"en"** digugurkan. Ayat yang betul adalah seperti berikut, iaitu "Il est **de** Naples, Italie". Manakala ayat (14) pula, kesalahan pertama adalah pemilihan KP **"en"** sebelum KN sebuah bandar, diikuti oleh kesalahan kedua iaitu penambahan KN "ville" (bandar) dan kesalahan ketiga penambahan KN "pays" sebelum negara "Italie". Tanpa penambahan KN "ville" dan "pays", struktur ayat yang betul adalah seperti berikut setelah KP **"en"** sebelum bandar Naples digugurkan dan digantikan dengan KP "**à**", "**Il habite à Naples en Italie**".

Perbezaan antara kedua bahasa adalah salah satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran BP sebagai BA. Sepanjang proses pembelajaran, pelajar sering melakukan kesilapan dan kesalahan terutama dalam pembentukan KP kata depan tempat BP iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** kerana KP BP ini berkaitan dengan aspek genus dan bilangan dalam menghasilkan ayat yang betul. Kesalahan pemilihan akan mengganggu pelajar dalam pembelajaran BP dan ianya perlu dielakkan. Lantas bentuk KP yang pelbagai ini menyebabkan pengkaji berminat untuk menjalankan kajian berkaitan dengan analisis kontrastif antara BP dan BM. Maka dengan sebab itulah, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan KP kata depan tempat "di" BP dengan bahasa Melayu (BM) dalam penulisan ayat mudah BP dan seterusnya mengenal pasti persamaan dan perbezaan pembentukan KP kedua-dua bahasa.

Pemilihan KP kata depan tempat BP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** adalah berdasarkan genus dan bilangan kata nama tempat yang dipilih untuk menghasilkan ayat yang betul. Berbeza dengan KP kata depan tempat "di" dalam BM yang tidak memerlukan aspek genus dan bilangan, Hanya KP "di" yang digunakan untuk menyatakan, "Saya tinggal di ..." kerana kata nama tempat dan juga negara tidak mempunyai genus dalam BM. Manakala dalam BP, terdapat 4 pilihan KP iaitu **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dan semuanya membawa maksud yang sama iaitu "di" walau pun berbeza ejaan. Terdapat beberapa kriteria yang perlu diambil kira dalam membuat pilihan KP kata depan tempat ini. Walau pun pemilihan KP ini berdasarkan genus dan bilangan kata nama tempat yang dipilih, namun terdapat satu pengecualian iaitu bagi KP **"à"**. KP **"à"** mempunyai persamaan dengan KP "di" BM yang membawa maksud "di" bila ditulis sebelum nama tempat seperti nama khas bandar, kampung, dan juga pulau kerana penggunaan KP **"à"** tidak berdasarkan genus dan bilangan, Contoh "J'habite à Putrajaya.", "Il habite à Serdang" dan "Elle habite à Langkawi".

Sementara KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** pula berbeza penggunaannya jika kata nama tempat itu adalah sebuah negara dan juga benua. Responden perlu peka dengan faktor genus dan bilangan bagi sebuah negara dalam BP iaitu negara di dunia ini mempunyai gender sama ada maskulin, feminin atau jamak. Dalam hal yang demikian, KP **"en"** ditulis sebelum negara feminin contohnya "Malaisie"dan "France", KP **"au"** pula sebelum negara maskulin seperti "Portugal" dan "Japon", manakala KP **"aux"** pula diletakkan sebelum negara jamak seperti "Etats-Unis" dan "Philippines". Selain dari faktor genus ini, terdapat pula perbezaan tambahan dalam penggunaan KP **"en"** atau **"au"** dalam BP. Perbezaan pertama adalah pemilihan KP **"en"** di mana kriterianya tidak perlu mengikut genus dan bilangan tetapi mengikut ejaan awal nama negara tersebut. Jika sekiranya ejaan negara tersebut bermula dengan vokal "a", "e", "i", "o", "u" dan juga "h" yang tidak berbunyi, maka KP **"en"** adalah padanan KP yang tepat untuk negara tersebut, contohnya "en Angleterre", "en Italie" dan "en Espagne". Perbezaan kedua pula adalah penggunaan KP sebelum kata nama benua. KP bagi setiap benua di dunia dalam BP adalah **"en"**, contohnya "en Asie", "en Afrique" dan "en Europe". Manakala perbezaan ketiga pula terdapat pengecualian penggunaan KP **"au"** sebelum negara seperti "Mexique", "Cambodge" dan "Mozambique". Penjelasan perlu diberikan kepada responden semasa pengajaran bahawa terdapat pengecualian ejaan bagi beberapa negara yang ejaannya berakhir dengan **"e"**. Kebanyakkan responden membuat generalisasi bahawa kata nama feminin ejaannya berakhir dengan **"e"**, contohnya "Belgique" , "Suisse" dan "Indonésie". Namun begitu, terdapat pengecualian beberapa negara yang ejaan terakhirnya adalah **"e"** dan negara tersebut gendernya adalah maskulim walau ejaan terakhir adalah **"e"** contohnya "Mexique", "Cambodge" dan "Mozambique" kriteria ini selalu mengelirukan responden. Maka dengan sebab itu, KP **"au"** perlu diletakkan sebelum negara tersebut contohnya "au Mexique", "au Cambodge" dan "au Mozambique". Persamaan KP kata depan tempat membantu pelajar membina ayat dengan betul, manakala

perbezaan pula mengelirukan responden dalam membuat pilihan KP yang betul terutamanya bila responden tidak faham akan konsep genus dan bilangan dalam BP. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu guru dan tenaga pengajar BP memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang proses pembelajaran BP dan pemilihan KP kata depan tempat dalam penulisan seperti dinyatakan oleh Mayada Zaki (2015) AK membantu pengajar mengenal pasti punca kesalahan dan mencari pendekatan untuk membetulkan kesilapan B2 pelajar. Kajian AK yang dijalankan ini juga penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing serta memudahkan proses penterjemahan dan kefahaman dalam kalangan pelajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, bentuk KP kata depan tempat "di" BP yang pelbagai seperti **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** adalah sebab utama reponden melakukan kesalahan pemilihan KP BP. Dapatan kajian AK ini menunjukkan responden perlu faham tentang konsep genus dan bilangan dalam BP, jika ingin menguasai BP dengan baik.. Ciri-ciri persamaan KP BP-BM membantu reponden dalam membina ayat, manakala perbezaan pula mengelirukan responden dalam pemilihan KP yang betul seperti dinyatakan oleh Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015) dalam kajian beliau. Perbezaan KP "di" BP adalah pelbagai, jika tempat yang dinyatakan itu adalah sebuah negara. Terdapat tiga KP kata depan tempat bagi negara dalam BP iaitu **"en"**, **"au"** atau **"aux"**. KP ini dibezakan oleh genus dan bilangan, sama ada negara itu feminin, maskulin atau jamak. Sementara itu, terdapat satu persamaan KP kata depan tempat BP daibandingkan dengan BP iaitu KP **"à"** dan KP "di". KP ini tidak ditentukan oleh faktor genus atau bilangan. KP ini ditulis depan tempat seperti nama bandar, nama kampung dan pulau. Walau pun terdapat elemen persamaan ini, masih ada responden yang melakukan kesalahan pemilihan KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** ini dengan tepat. Responden mengambil mudah tentang KP ini, hakikatnya responden perlu menguasai gender negara di dunia kerana KP BP ini ditulis mengikut gender negara. Selain itu bagi bandar, kampung atau pulau penggunaan KP adalah tidak sama dengan negara. Perkara ni yang banyak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar BP sebagai BA dalam memilih KP yang betul. Justeru, jelaslah kepelbagaian KP kata depan tempat BP ini mengelirukan responden. Selain itu, masalah gangguan B1 dan B2 turut mempengaruhi dalam kesalahan pemilihan KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dalam penulisan BP, seperti dinyatakan oleh James (1980) masalah gangguan bahasa boleh menyebabkan perkara yang mudah menjadi susah dan masalah ini dapat diatasi dengan pendekatan AK.

Kesimpulannya, kajian perbandingan KP kata depan tempat BP-BM yang dijalankan ini, diharap dapat memberi manfaat kepada pelajar BP sebagai BA dan membantu pelajar memahami konsep kepelbagaian KP kata depan tempat yang dipengaruhi oleh aspek genus dan bilangan sama ada tunggal atau jamak, Seterusnya melalui AK ini juga, diharap pelajar dapat memilih KP **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** dengan tepat bila dipadankan dengan kata kerja **"HABITER"** dan kata nama tempat, negara atau pulau yang membawa maksud "tinggal" dan diikuti oleh KP "di" bagi kata depan tempat dalam BM. Penulisan yang baik adalah bergantung kepada penguasaan tatabahasa BP, memahami konsep genus dan kosa kata BP. Masalah kesalahan dalam pembelajaran BA adalah satu lumrah dan merupakan satu elemen penting bagi mengukur tahap kefahaman dalam pemerolehan bahasa sasaran. Selain itu, dapatan analisis perbandingan KP kata depan tempat **"en"**, **"au"**, **"aux"** atau **"à"** BP dan KP "di" BM dapat memberi manfaat kepada tenaga pengajar dan juga pelajar BP sebagai BA di Malaysia. Pengajar boleh merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, agar dapat membantu pelajar BP menangani masalah kekeliruan pemilihan KP kata depan tempat BP ini dan seterusnya dapat menulis dan menguasai BP dengan baik.

RUJUKAN

Norizan Che Su. (2017). Ayat Tanya dalam Bahasa Thai dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan. *Jurnal Linguistik jilid 13*

Mariyati Haji Mohd Nor, Zaitul Azma Zainon Hamzah , Salina Husain , Norizan Che Su. (2015). Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol Contrastive Analysis of Adjectives EDUCATUM - *Journal of Social Science* ISSN 2289-9391 / Vol 1 / 2015 /, 1–13

Omrah Hassan@Hussin, Ab Halim Mohamad. (2014) Perbandingan Kata Kerja Sokong dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis (Comparison of Support Verbs in Malay and French). *KEMANUSIAAN Vol. 21, No. 1*, (2014), 21–40

Tajudin Nur. (2016). Analisis Kontrastif Dalam Studi Bahasa. Arabi : *Journal of Arabic Studies*. 1. 64. 10.24865/ajas.v1i2.

Mohammad Baihaqi, Hasni and Farah Hanan (2017) Analisis kontrastif dalam penggunaan gender antara Bahasa Arab dan Melayu dalam kalangan pelajar kejuruteraan di Universiti Malaysia Pahang. *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE), 1 (1)* ISSN 2462-1714, 100-109

Mohammad Hamad Al-khresheh (2016) A review study of contrastive analysis theory. *Journal of advances in humanities and social sciences 2 (6)*, 330-338

Mayada Zaki. (2015). Contrastive linguistics: Approaches and methods. 10.13140/RG.2.1.3087.3448.

James, C. (1998). *Errors in Language & Use*. Harlow : Longman.

Lado, Robert. (1957). *Linguistic Across Cultures*. Ann Arbor: University of Michigan Pres.

Hazlina Abdul Halim. (2011). Pengaruh Bahasa Melayu Dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis. Unpublished Ph.D. thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Mariyati Haji Mohd Nor (2015). Perbandingan Bentuk Kata Adjektif Bahasa Sepanyol Dengan Bahasa Melayu Dalam Penulisan Pelajar IPTA. Unpublished Ph.D. thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

TERAPI BERKUDA DALAM MENINGKATKAN ASPEK PERTUTURAN KANAK-KANAK DISLEKSIA

Vijayaletchumy Subramaniam (PhD)[1]
Kavenia Kunasegran[2]
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan pengaplikasian aktiviti terapi berkuda dan keberkesanan intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian gabungan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan pendekatan terapi berkuda yang diterapkan oleh *American Hippotherapy Association* dalam kajian ini. Pengkaji memilih Pusat Disleksia Malaysia dan Pusat Ekuin, Universiti Putra Malaysia sebagai tempat kajian. Kajian ini melibatkan seramai 64 orang kanak-kanak disleksia sebagai subjek kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan kaji selidik. Pengkaji menggunakan Inventori *The Social Skills Rating Form* daripada *Triad Social Skills Assessment* (TSSA, 2010) untuk mengkaji keberkesanan sebelum dan selepas intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia. Dapatan kajian memberikan alternatif terapi moden kepada kanak-kanak disleksia sebagai intervensi awal supaya mereka tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Tambahan pula, hasil kajian ini dapat membantu kanak-kanak disleksia dalam aspek pertuturan dan komunikasi sosial.

Kata Kunci: disleksia, masalah pembelajaran, terapi berkuda, pertuturan, intervensi moden

PENGENALAN

Perkataan disleksia berasal daripada gabungan perkataan Greek 'dys' yang bermaksud "kesukaran" dan 'lexis' yang bermaksud 'bahasa'. Secara literalnya, disleksia bermaksud "kesukaran dalam berbahasa" (Ott, 1997). Gangguan dalam proses pembelajaran melibatkan kesukaran mengenali huruf, membaca, menulis, bertutur, mengira, membezakan koordinasi, dan lain-lain lagi. Dari segi aspek pertuturan, golongan disleksik, terutamanya kanak-kanak disleksia mempunyai masalah dalam sebutan dan komunikasi. Kebanyakan mereka juga mempunyai keyakinan diri yang rendah. Hal ini kerana, tahap kebolehan berbahasa mereka sama ada aspek lisan mahupun tulisan tidak sejajar dengan tahap kebolehan berbahasa murid-murid normal. Aspek pertuturan melibatkan kebolehan psikomotor, kognitif, emosi dan keyakinan diri.

Istilah '*hippotherapy*' terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu '*hippo*' yang bermaksud kuda dan perkataan '*therapy*' yang bermaksud rawatan. Secara umumnya, '*hippotherapy*' melibatkan penggunaan kuda atau haiwan sebagai bantuan dalam proses rawatan dan pemulihan, 'animal-assisted therapy'. Istilah '*hippotherapy*' julung kali diperkenalkan oleh Hippocrates pada tahun 1960-an. Menurut definisi Professional Association of Therapeutic Horsemanship International, PATH (2016), terapi berkuda merupakan aktiviti yang dibantu oleh kuda (equine-assisted) dengan tujuan memberi impak yang positif terhadap kemampuan kognitif, fizikal, emosi dan kesejahteraan individu dengan keperluan khusus. (Ward et.al, 2013). Kajian-kajian lepas yang dijalankan di negara Barat membuktikan bahawa terapi berkuda mampu meningkatkan kemampuan fizikal, sosial, kognitif, psikologikal, pembelajaran dan tingkah laku. Golongan disleksik mempunyai masalah dari segi sensori, kognitif, lisan dan tingkah laku. Terapi berkuda yang memberi impak kepada pemulihan sensori motor 'gross motor systems' secara langsung akan mempengaruhi motor artikulasi dan pertuturan seseorang (Kuruvilla, Murdoch & Goozee, 2007).

Konsep terapi berkuda memfokuskan output atau impak terapi berkuda terhadap seseorang yang menerima rawatan (Heine & Benjamin, 2000). Penyelidik menjelaskan bahawa terapi berkuda berlaku apabila pakar psikologis menggunakan pergerakan haiwan, terutamanya kuda, dalam usaha untuk memperbaiki fungsi

seseorang berdasarkan penilaian pakar psikatri dan matlamat yang hendak dicapai. Menurut Kim & Lee (2014), konsep 'dynamic systems' menjadi penyebab kuda bersesuaian dengan pencapaian matlamat terapi moden ini. Hal ini kerana, wujud persamaan antara manusia dengan kuda dari segi cara berjalan 'manner of walking'. Golongan disleksik mempunyai masalah dari segi sensori, kognitif, lisan dan tingkah laku. Terapi berkuda yang memberi impak kepada pemulihan sensori motor 'gross motor systems' secara langsung akan mempengaruhi motor artikulasi dan pertuturan seseorang (Kuruvilla, Murdoch & Goozee, 2007).

Di Malaysia, terapi berkuda atau lebih dikenali sebagai hippotherapy belum luas diguna pakai dalam kalangan kanak-kanak disleksia. Hippotherapy meliputi rawatan pemulihan untuk kanak-kanak berkeperluan khas dengan menggunakan haiwan sebagai medium untuk memulih dan merangsang perasaan atau emosi mereka melalui interaksi bersama haiwan. Kebanyakan pusat diagnostik atau sekolah pemulihan lebih mengutamakan terapi tradisional, iaitu intervensi dalam bilik darjah berbanding terapi moden. Walau bagaimanapun, terapi berkuda ini diiktiraf ramai dan berleluasa di negara-negara Barat, terutamanya di Amerika Syarikat. Penyelidik dan pakar disleksia di Amerika Syarikat telah membuktikan bahawa terapi berkuda ini mampu membantu masalah pembelajaran disleksia dari segi pertuturan, psikomotor dan skil sosial. Kajian yang dijalankan oleh Sulkowski, J.S., Tuba Tulay & Hilmi Atasevan (2015) membuktikan kelebihan terapi berkuda kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah dari segi fizikal, psikologikal, sosial dan sebagainya. Tambahan pula, hasil kajian ini sejajar dengan kajian yang telah dijalankan oleh Anderson & Meints (2016), Ghorban, Sedigheh & Marzieh (2013) dan Moser & Thrall (2015). Kajian ini memfokuskan pengaplikasian aktiviti terapi berkuda dan keberkesanan intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia. Terdapat satu persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan iaitu, keberkesanan intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia.

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang bertajuk "Effectiveness of Therapeutic Horseback Riding on Social Skills of Children in Iran" oleh Ghorban, Sedigheh & Marzieh (2013) bertujuan untuk melihat kesan terapi berkuda terhadap kemahiran sosial kanak-kanak berkeperluan khas. Sampel kajian melibatkan seramai 6 orang kanak-kanak daripada pusat pendidikan khas di Shiraz, Iran. Hipotesis kajian ini ialah kanak-kanak berkeperluan khas akan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran sosial berikutan intervensi terapi berkuda selama 4 minggu. Penyelidik menggunakan "*Stone's Social Skills Scale"* untuk menilai kemahiran sosial kanak-kanak berkeperluan khas. Sampel kajian kemudian menyertai aktiviti terapi berkuda selama 4 minggu yang terdiri daripada dua sesi menunggang kuda selama 45 minit seminggu. Keputusan menunjukkan bahawa terapi berkuda meningkatkan pemahaman, perspektif dan interaksi. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga menunjukkan terapi berkuda meningkatkan hubungan mata, bahasa lisan, nilai kerjasama dan memperbaiki tingkah laku sosial. Jelasnya bahawa terapi berkuda mempunyai kesan positif terhadap peningkatan kemahiran sosial kanak-kanak berkeperluan khas. Dapatan ini juga sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Macauley, B. L., & Gutierrez, K. M. (2004) yang mengkaji kebaikan terapi berkuda untuk kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai masalah dalam penguasaan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Moser dan Thrall pada tahun 2015 yang bertajuk Impak Terapi Berkuda terhadap Koordinasi Pertuturan dilaksanakan untuk menguji keberkesanan terapi berkuda terhadap pemprosesan fonetik dan fonologi huruf dan bunyi. Seorang wanita dewasa yang berumur 24 tahun dirawat dengan menggunakan terapi berkuda oleh seorang pakar psikologis. Huruf dan bunyi yang diuji dalam rawatan ini ialah bunyi /pa/, /ta/, /ka/, dan /pataka/. Dapatan pra dan pasca-ujian dicatatkan dan pakar psikologis membuat bandingan dapatan dengan menggunakan '*Pearson Correlation Cooefficients'* untuk menganalisis data yang dikumpul. Dapatan menunjukkan masa yang diambil untuk membunyikan huruf yang duji selepas rawatan terapi berkuda menjadi lebih singkat berbanding sebelum rawatan. Keadaan ini memaparkan keberkesanan terapi berkuda terhadap koordinasi motor atau sensori motor. Penyelidik mendapati sensori motor yang dirawati mempunyai hubungan dengan fungsi neurologi, iaitu asas kepada pertuturan 'foundation of speech' (Shurtleff, 2009).

Kajian yang dijalankan oleh Tuba Tulay & Hilmi Atasevan pada tahun 2015 yang bertajuk 'Petunjuk dan Kebaikan Terapi Berkuda' memberi fokus terhadap fungsi terapi berkuda sebagai suatu rawatan pemulihan

yang efektif kepada kanak-kanak yang mempunyai pelbagai jenis kecelaruan. Kebaikan terapi moden ini dibuktikan secara saintifik dengan mengkaji kebaikannya dari tiga aspek, iaitu psikologikal, fizikal dan sosial. Kajian ini dilaksanakan selama tiga bulan dan melibatkan dua kumpulan sebagai sampel kajian. Dua kumpulan tersebut terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai kecelaruan yang berbeza, iaitu austisme dan cerebral palsy. Bagi kumpulan austisme, terapi berkuda dijalankan terhadap 6 orang kanak-kanak austime yang berumur 5 hingga 12 tahun. Vineland Adaptive Behaviour Scale digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengukur pasca-rawatan yang telah dijalankan oleh pakar psikatri. Dapatan menunjukkan kanak-kanak autism menunjukkan penambahbaikan dari segi tingkah laku, komunikasi dan bahasa. Ibu bapa mereka mendapati terapi berkuda mampu meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak ini dalam usaha berkomunikasi. Bagi kumpulan cerebral palsy pula, terapi berkuda dijalankan terhadap 44 orang kanak-kanak CP yang berumur 3 hingga 12 tahun. Terapi dijalankan dengan mengutamakan aktiviti fizikal untuk membaik pulih sensori motor dan keseimbangan fizikal kanak-kanak. Dalam menganalisis rawatan, instrumen Pediatric Functional Skill Scale dan Gross Motor Function Classification System digunakan. Dapatan membuktikan terapi berkuda meningkatkan keupayaan kawalan fizikal. Penyelidik kajian merumuskan bahawa terapi berkuda mempunyai kebaikan secara keseluruhan dan memberi impak terhadap pembangunan kanak-kanak yang bermasalah ini. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak memberi tumpuan terhadap aspek bahasa yang boleh meningkatkan keupayaan membaca dan bertutur. Hal ini memberi lompang kepada pengkaji untuk lebih mendalami kajian terapi berkuda.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 64 orang murid disleksia yang telah disahkan mempunyai disleksia setelah menjalani ujian diagnostik oleh pakar dari Pusat Disleksia Malaysia. Sampel kajian ini telah mengikuti aktiviti terapi berkuda selama 4 bulan dan dibahagikan kepada dua sesi sebulan. Setiap sesi yang dijalankan melibatkan seramai 17 orang kanak-kanak disleksia. Setiap sesi mengambil masa selama 75 minit. Aktiviti terapi berkuda ini dijalankan di Pusat Ekuin, Universiti Putra Malaysia. Pusat Ekuin ini dipilih kerana lokasi ini adalah terdekat dengan Pusat Disleksia Bangi. Kajian ini bertunjangkan terapi berkuda dalam penguasaan bahasa kanak-kanak disleksia. Seperti yang dijelaskan dalam bab metodologi, pengkaji menerapkan pendekatan Equine-Assisted Learning", American Hippotherapy Association (AHA) dalam kajian ini. Aktiviti terapi berkuda yang dijalankan bersama kanak-kanak disleksia akan memfokuskan empat aspek yang terkandung dalam pendekatan tersebut, iaitu psikomotor, tingkah laku, pertuturan dan neurologikal. Sebelum menjalankan aktiviti terapi berkuda untuk kanak-kanak disleksia, pengkaji telah berbincang dengan pakar disleksia, pakar terapi dan guru-guru disleksia untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada mereka. Perbincangan ini dijalankan untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sesuai untuk kanak-kanak disleksia. Bukan itu sahaja, aktiviti-aktiviti terapi berkuda dijalankan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Selain mendapatkan maklum balas daripada pakar disleksia, pakar terapi dan guru-guru disleksia, pengkaji turut mendapatkan pandangan daripada seorang equine therapist dari Healing Horses Singapore. Beliau telah menyemak dan menilai aktiviti-aktiviti tersebut.

Perbincangan

Bahagian ini menghuraikan hasil analisis dapatan kajian yang memfokuskan pengaplikasian aktiviti terapi berkuda dan keberkesanan intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia. Berikut adalah dapatan yang telah diperoleh berdasarkan kajian yang telah dijalankan dalam kalangan 64 orang murid-murid disleksia daripada Pusat Disleksia Malaysia.

Aktiviti 1: Berkenalan dengan kuda

Aktiviti ini bertujuan memberikan pendedahan kuda kepada subjek kajian dan bertunjangkan domain psikomotor dalam pendekatan *Equine-Assisted Learning, American Hippotherapy Association, AHA.* Subjek dibahagikan kepada tiga kumpulan dan setiap kumpulan akan diketuai oleh seorang penjaga kuda. Penjaga kuda akan membawa subjek kajian ke stable kuda untuk aktiviti berkenalan. Dengan izinan guru-guru disleksia, subjek kajian akan menyentuh kuda tersebut. Aktiviti sensori yang melibatkan mereka bersentuhan

dengan kuda dapat membina hubungan yang positif dengan kuda. Aktiviti sensori akan mengembangkan keyakinan mereka dalam mencuba sesuatu yang baharu dalam persekitaran yang baharu. (Aydin, S., 2008 dan Nagahashi, 2007). Murid akan lebih selesa dengan kuda dan dapat meluahkan perasaan mereka secara lebih ekspresif. Kanak-kanak disleksia akan lebih selesa dengan kuda dalam persekitaran yang baharu. Bukan itu sahaja, aktiviti ini menyokong pembangunan domain psikomotor mereka. Mereka menggunakan motor kasar dan motor halus dalam aktiviti ini seperti memegang, menyentuh dan sebagainya. Aktiviti sensori mampu meningkatkan kebolehan memori mereka kerana kanak-kanak disleksia lebih senang belajar sesuatu yang baharu dengan pengalaman dan bukan secara konvensional. Kemenjadian aktiviti terapi berkuda ini sejajar dengan dapatan kajian Kuruvilla, Murdoch & Goozee (2007) yang membuktikan terapi berkuda memberi impak kepada pemulihan sensori motor 'gross motor systems' secara langsung. Berdasarkan kajian tersebut, kedua-dua domain motor artikulasi dan pertuturan saling berkaitan. Menurut Path International (2016), terapi berkuda membolehkan kanak-kanak disleksia meningkatkan perkembangan fungsi kognitif, emosi, sosial dan psikomotor.

Aktiviti 2: Aspek pemahaman auditori

Aktiviti ini bertujuan mendengar dan mengulang balik cerita yang disampaikan serta menjawab soalan tentang cerita tersebut. Aktiviti ini bertunjangkan domain pertuturan dalam pendekatan *Equine-Assisted Learning, American Hippotherapy Association, AHA*. Sambil menunggang kuda, subjek akan mendengar sebuah cerita yang disampaikan oleh pakar terapi. Selepas mendengar cerita tersebut, subjek akan mengulang balik cerita tersebut kepada pakar terapi. Kon stable akan disediakan dalam kawasan sand paddock sebelum aktiviti bermula. Apabila subjek sedang menunggang kuda sambil berlalu kon stable tersebut, subjek akan menyambung cerita tersebut berdasarkan kreativiti atau fikirannya sendiri. Seterusnya, pakar terapi akan bertanya soalan yang berkaitan tentang cerita yang disampaikan oleh subjek tadi. Mereka akan menunggang kuda dan melakukan aktiviti ini selama 15 minit. Kanak-kanak disleksia akan memantapkan pengenalpastian bunyi apabila mendengar cerita. Hal ini akan membantu murid dalam pemahaman auditori. Tambahan pula, aktiviti ini juga menguji kebolehan tahap artikulasi pertuturan kanak-kanak disleksia. Artikulasi pertuturan yang jelas penting dalam kebolehan bertutur atau berkomunikasi antara satu sama lain (Mahzan, 2012). Aktiviti ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah murid-murid disleksia dapat mengingati perkara yang dikongsi semasa aktiviti ini berlangsung. Disebabkan gangguan pembelajaran mereka, kanak-kanak disleksia kadang-kadang lupa dan tidak mempunyai daya ingatan yang kuat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Shurtleff (2009), kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran menghadapi cabaran dalam aspek sensori motor yang mempunyai hubungan dengan fungsi neurologi, iaitu asas kepada pertuturan '*foundation of speech'*. Kanak-kanak disleksia yang selalunya pendiam dan sukar untuk berkomunikasi dengan orang berjaya menjalankan aktiviti terapi berkuda ini. Semasa menunggang kuda, mereka tertarik dengan cerita yang disampaikan dan daya fokus mereka baik. Kebanyakan daripada mereka dapat mengulang cerita tersebut. Apabila disuruh menyambung cerita tersebut, mereka kelihatan yakin dan gembira semasa bercerita atas kuda. Semasa ditanya soalan berkaitan dengan cerita tersebut, mereka kelihatan tidak takut atau gelisah untuk bersuara. Tumpuan terhadap persekitarannya juga tinggi disebabkan sikap ingin tahu dan pemikiran di luar kotak. Hasil kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Limond et al. (1997) yang subjek kajiannya lebih responsif terhadap orang dan persekitarannya selepas menjalani terapi berkuda salaam 4 minggu. Bukan itu sahaja, pengkaji mendapati kelebihan dan impak terapi berkuda terhadap kanak-kanak disleksia lebih kurang sama untuk kanak-kanak yang mempunyai kecelaruan seperti autisme dan ADHD dalam bidang pertuturan.

Aktiviti 3: Aspek kesedaran fonologikal

Aktiviti ini memfokuskan pengenalpastian bunyi pertama, tengah dan akhir perkataan dan bertunjangkan domain neurologikal dalam pendekatan *Equine-Assisted Learning, American Hippotherapy Association, AHA*. Subjek akan menunggang kuda selama 15 minit dalam trek. Sambil menunggang kuda, subjek akan mendengar 10 perkataan yang dituturkan oleh pakar terapi. Sebelum perkataan diberikan kepada subjek, pakar terapi akan menyatakan "bunyi pertama, tengah dan akhir". Selepas mendengar perkataan yang disampaikan oleh pakar terapi, subjek akan menulis huruf yang memberikan bunyi kepada perkataan tersebut dalam

papan putih di atas riba subjek tersebut. Aktiviti fizikal ini juga memainkan peranan dalam membaiki fungsi neurologikal kanak-kanak. Kanak-kanak disleksia akan memantapkan pemahaman kedua-dua aspek visual dan auditori. Pengenalpastian bunyi (aspek auditori) perlu ditentukan oleh kanak-kanak disleksia semasa pakar terapi memberikan perkataan tertentu. Apabila mereka mengenal pasti bunyi secara auditori, mereka akan menulis bunyi kepada perkataan tersebut dalam papan putih (aspek visual). Kemahiran literasi awal dalam proses pembelajaran mempunyai komponen tertentu seperti dalam kemahiran komunikasi. Kemahiran komunkasi melibatkan aspek mendengar, bertutur, membaca, dan menulis secara umumnya (Beaty, 2013). Namun, komponen dalam kemahiran literasi awal menggunakan istilah yang lebih spesifik, iaitu bahasa dan komunikasi. Oleh itu, bunyi memainkan fungsi yang tinggi dalam domain bahasa. Aktiviti ini mampu membantu kanak-kanak disleksia untuk mengeja, membaca dan bertulis dengan lebih baik. Selain itu, aktiviti terapi berkuda ini merangsang kesedaran fonologikal secara visual dan auditori. Struktur bahasa meliputi beberapa peringkat dan antaranya ialah pengenalpastian bunyi suku kata (Siti Az Zaharah Ismail, 2017). Dalam mengenal pasti bunyi suku kata pertama, tengah atau akhir perkataan yang diberikan, aktiviti ini dapat meningkatkan kebolehan literasi awal ini dalam proses pembelajaran. Terapi berkuda melatih kanak-kanak disleksia dari aspek psikologi, pertuturan dan bahasa mereka (Tuba Tulay & Hilmi Atasevan, 2015). Kemenjadian aktiviti terapi berkuda ini selari dengan dapatan kajian daripada penyelidik Tuba Tulay & Hilmi Atasevan (2015) yang mengkaji kebaikan terapi berkuda dari aspek sosial. Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak menunjukkan penambahbaikan dari aspek tingkah laku, komunikasi dan bahasa.

Aktiviti 4: Aspek penguasaan ayat

Aktiviti ini bertujuan membentuk ayat dengan tiga perkataan yang diberikan Aktiviti ini bertunjangkan domain pertuturan dalam pendekatan *Equine-Assisted Learning, American Hippotherapy Association, AHA*. Sambil menunggang kuda, subjek akan mendengar tiga perkataan yang disampaikan oleh pakar terapi. Selepas mendengar cerita tersebut, subjek akan membentuk dan menulis sebuah ayat dengan menggunakan tiga perkataan yang diberikan di atas sebuah papan putih kecil di atas riba subjek. Seterusnya, subjek akan membacakan ayat tersebut kepada pakar terapi. Subjek akan menunggang kuda dan melakukan aktiviti ini selama 15 minit. Dalam proses membina ayat, kanak-kanak disleksia akan mendengar, memahami dan menyebut bunyi bahasa, iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul. Mereka juga akan menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan dan penulisan. Kedua-dua aspek ini penting dalam proses pembelajaran. Dari segi penulisan, kanak-kanak disleksia lemah dalam pembinaan ayat. Mereka menghasilkan ayat-ayat yang terlalu mudah dan menggunakan gaya yang sama. Tambahan pula, mereka juga mempunyai kosa kata yang agak terhad. Hal ini menyebabkan proses penulisan mereka tidak berkualiti tinggi dan kurang menarik (Knowles, 1975). Melalui aktiviti terapi berkuda ini, kanak-kanak disleksia dapat membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul. Tambahan pula, terdapat juga segolongan kanak-kanak disleksia yang dapat membina dan menulis ayat secara kreatif dengan betul. Melalui pendedahan kepada aktiviti dan persekitaran yang baharu, mereka lebih kreatif dalam penulisan. Mereka menggunakan perkataan-perkataan yang baharu dipelajari semasa membina ayat. Menurut Davis (1992), kanak-kanak disleksia mempunyai memori jangka panjang yang sangat baik dalam konteks pengalaman, lokasi, dan mengingati muka orang. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai memori jangka masa pendek dalam mengingati urutan, fakta dan maklumat baru. Tambahan pula, mereka lebih cenderung untuk berfikir dengan menggunakan imej dan perasaan, bukan dengan suara atau kata-kata. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan yang signifikan dalam kalangan kanak-kanak disleksia selepas menjalani terapi berkuda. Disebabkan mereka didedahkan dengan suasana pembelajaran di luar bilik darjah, mereka mengingati perkataan-perkataan yang baharu didengar dan menggunakannya semasa berkomunikasi. Kemenjadiannya jelas diperhatikan oleh pengkaji apabila mereka berinteraksi dengan orang sekelilingnya.

Aktiviti 5: Aspek kebolehan mengeja

Aktiviti ini bertujuan Mengeja perkataan mengikut arahan spesifik yang ditentukan.Aktiviti ini bertunjangkan domain pertuturan dalam pendekatan Equine-Assisted Learning, American Hippotherapy Association, AHA. Subjek akan mengeja perkataan yang diberikan oleh pakar terapi sambil menunggang kuda dalam trek. Tiang atas tanah akan disediakan dalam trek sebelum aktiviti terapi berkuda bermula. Subjek akan memberikan huruf apabila melangkah satu demi satu tiang yang disediakan. Sekiranya subjek memberikan jawapan yang

salah, kuda akan berhenti dan tidak akan melangkah ke hadapan dengan kawalan penjaga kuda. Kanak-kanak disleksia sukar untuk membunyikan suku kata yang dieja (Vijayaletchumy, Kavenia, 2019). Kadang-kadang, mereka akan membunyikan perkataan secara fonetik dan hal ini menghalang proses bacaan dalam pembelajaran mereka. Menurut Wan Muna Ruzanna (2013), penguasaan ejaan amat penting dalam proses pembelajaran kanak-kanak disleksia. Kajiannya menunjukkan bentuk-bentuk kecelaruan huruf yang dibuat oleh kanak-kanak disleksia seperti kekeliruan dengan huruf yang hampir sama. Melalui aktiviti ini, kanak-kanak disleksia akan memberikan huruf kepada bunyi tersebut apabila melangkah satu demi satu tiang yang disediakan. Hal ini akan membantu kanak-kanak disleksia dalam segmentasi bunyi kerana mereka mempunyai cabaran dalam 'sound blending' (Sariah Amirin, 2019). Menurut Braun (1997), kanak-kanak disleksia mempunyai masalah mengingati dan mendapatkan kombinasi bunyi yang betul untuk perkataan yang panjang. Kata-kata yang mungkin hendak dituturkan itu berada di hujung lidahnya, tetapi mereka tidak dapat menyesuaikan gabungan bunyi yang tepat untuk menghasilkan perkataan itu. Kanak-kanak disleksia menunjukkan sikap yang positif dan terbuka apabila mengikuti aktiviti terapi berkuda. Berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa aktiviti berlangsung, mereka berasa teruja dan gembira apabila menjawab dengan betul. Mereka seronok belajar mengeja perkataan apabila berada atas kuda dalam aktiviti ini.

Keberkesanan intervensi terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia

Bahagian ini menghuraikan hasil analisis keberkesanan terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia. Dalam tempoh kajian lapangan tersebut, pengkaji juga menjalankan pemerhatian semasa aktiviti terapi berkuda menganalisis keberkesanan terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia.

Kaji selidik dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak disleksia

Jadual 1: Hasil Maklum Balas Ibu Bapa terhadap Terapi Berkuda

Bil:	Penyataan:	Purata:
1.	Terdapat perubahan yang signifikan dalam kebolehan berkomunikasi pada anak saya.	4.73
2.	Anak saya bermotivasi untuk mengikuti aktiviti terapi berkuda.	4.85
3.	Kemampuan berkomunikasi anak saya semakin baik dengan orang lain.	4.82
4.	Arahan dan prosedur aktiviti yang diberikan kepada anak saya jelas difahami.	4.76
5.	Aktiviti terapi berkuda yang dijalankan dikaitkan dengan keperluan anak saya.	4.76
6.	Aktiviti yang dilaksanakan adalah sesuai dan bermanfaat kepada anak saya.	4.88
7.	Anak saya suka berkongsi pengalaman terapi berkuda dengan keluarga dan rakan-rakannya.	4.85
8.	Terapi berkuda telah meningkatkan keyakinan diri anak saya.	4.58
9.	Terapi berkuda menawarkan bantuan psikologikal kepada anak saya.	4.70
10.	Saya berpendapat bahawa aktiviti terapi berkuda perlu diteruskan lagi.	4.88
Purata Keseluruhan		**4.78**

Jadual 1 jelas menunjukkan ibu bapa kanak-kanak disleksia mendapati terapi berkuda memberikan kebaikan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa mendapati peningkatan dan penambahbaikan dari aspek komunikasi,

pertuturan, keyakinan diri, emosi, psikologikal, pemahaman dan sebagainya. Hasil kajian memaparkan purata keseluruhan maklum balas ibu bapa sebanyak 4.78 daripada 5.00. Dapatan ini membuktikan aktiviti terapi berkuda yang dijalankan selama 5 bulan telah membantu anak-anak mereka dalam menangani masalah komunikasi, pertuturan, keyakinan diri, emosi, psikologikal, pemahaman dan sebagainya. Pengkaji juga telah menjalankan temu bual terbuka dengan ibu bapa kanak-kanak disleksia selepas aktiviti terapi berkuda. Temu bual ini dijalankan di Pusat Ekuin UPM semasa sesi terapi berkuda sedang berlangsung. Berikut merupakan hasil dapatan temu bual yang dijalankan:

Jadual 2: Hasil Temu Bual Ibu Bapa terhadap Terapi Berkuda

Aspek:	Maklum balas:
Keyakinan	"Pada mulanya, anak saya sangat ragu-ragu dan takut untuk mendekati kuda dan mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Ketika sesi berlangsung, dia menunjukkan lebih yakin untuk mencuba sesuatu yang baru - malah menyentuh kuda itu sekali-sekala. Saya rasa dia sangat selesa dan kelihatan gembira ketika menunggang kuda. (R1) "Terdapat banyak perubahan dari segi tingkah laku anak saya selepas terapi berkuda kerana dia lebih yakin pada dirinya sendiri dan bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Dia juga selalu menantikan sesi yang seterusnya dan ini memberi kesan yang sangat positif kepadanya. (R2)
Sikap positif	"Dia lebih positif terhadap persekitaran baru, orang, perubahan dan sebagainya. Dia menunjukkan keyakinan bahawa dia sedia menerima atau mencuba sesuatu yang baru. (R3)
Self esteem	"Dia berasa sangat bangga ketika berada di atas kuda dan itu sesuatu yang istimewa baginya. Saya telah memerhatikan bagaimana *mood* dan sikapnya berubah ketika dia menunggu gilirannya dengan kuda. (R4) Aktiviti terapi berkuda memberi mereka keyakinan dan kebanggaan bahawa mereka dapat mengawal binatang yang besar ketika duduk di atas kuda. Membantu anak saya merasa lebih baik tentang dirinya dan menangani perasaannya dengan berkesan. (R5) Sebelum terapi kuda, anak saya hampir tidak pernah bercakap dan sering berdiam diri. Tetapi baru-baru ini, dia suka berkongsi pengalamannya mengenai kuda selepas sesi. (R6)
Motivasi	Selepas setiap sesi, anak saya bertanya bila sesi seterusnya. Ini memberi motivasi kepada anak saya setiap hari kerana memberikan sesuatu yang istimewa baginya untuk dinantikan. (R7)
Keresahan	Semasa menaiki dan menunggang kuda, dia tidak kelihatan gentar atau takut. Sebelum diberikan pendedahan kepada kuda, penglihatan binatang biasa pun memberikannya kegelisahan dan dia akan diri sejauh mungkin daripada haiwan tersebut. Sesi terapi berkuda ini juga telah mengubah tingkah laku sosialnya. (R8) Dia tidak takut menyentuh kepala kuda semasa sesi berlangsung. Saya terkejut melihat ini kerana dia selalu mengalami masalah sensori dan kami tidak tahu pendekatan terbaik untuk membantunya. (R9)

Jadual 3: Hasil Maklum Balas Guru terhadap Terapi Berkuda

Bil:	Penyataan:	Purata:
1.	Terdapat perubahan yang signifikan dalam kebolehan berkomunikasi pada murid.	4.80
2.	Murid bermotivasi untuk mengikuti aktiviti terapi berkuda.	4.60
3.	Kemampuan berkomunikasi murid semakin baik dengan orang lain.	5.00
4.	Arahan dan prosedur aktiviti yang diberikan kepada murid jelas difahami.	4.80
5.	Aktiviti terapi berkuda yang dijalankan dikaitkan dengan keperluan murid.	5.00
6.	Aktiviti yang dilaksanakan adalah sesuai dan bermanfaat kepada murid.	4.60
7.	Murid suka berkongsi pengalaman terapi berkuda dengan keluarga dan rakan-rakannya.	4.80
8.	Terapi berkuda telah meningkatkan keyakinan diri murid.	5.00
9.	Terapi berkuda menawarkan bantuan psikologikal kepada murid.	5.00
10.	Saya berpendapat bahawa aktiviti terapi berkuda perlu diteruskan lagi.	5.00
Purata Keseluruhan		**4.86**

Jadual 16 membuktikan guru-guru disleksia mendapati terapi berkuda memberi impak positif yang signikan terhadap kanak-kanak disleksia. Hasil kajian memaparkan purata keseluruhan maklum balas guru disleksia sebanyak 4.86 daripada 5.00. Dapatan ini membuktikan aktiviti terapi berkuda yang dijalankan selama 5 bulan telah membantu kanak-kanak disleksia dalam menangani cabaran dan masalah yang menjejaskan kemampuan berkomunikasi mereka.

Jadual 4: Hasil Temu Bual Guru terhadap Terapi Berkuda

Responden:	Maklum balas:
R1	"semakin berani dalam kelas, lebih yakin apabila suruh bercerita tetapi tulisan masih belum kemas"
R2	"kosa kata Bahasa Melayu semakin bertambah hasil daripada aktiviti terapi berkuda"
R3	"pertuturan lebih jelas dan terang"
R4	"yakin apabila menjawab soalan dalam kelas"
R5	"banyak bercakap dan artikulasinya lebih cepat berbanding sebelum terapi berkuda"

Laporan Guru Selepas Terapi Berkuda

Selepas menjalankan terapi berkuda, pengkaji mengedarkan borang Laporan Guru untuk diisi oleh guru-guru disleksia. Beberapa orang guru juga telah menjalankan pelbagai aktiviti yang kreatif dalam kelas untuk

menilai kebolehan bertutur, menulis, mengeja dan sebagainya. Secara keseluruhannya, hasil pemerhatian guru mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam keyakinan dan pertuturan kanak-kanak disleksia dan ini jelas dilihat semasa aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Dari segi personaliti dan tingkah laku pula, kanak-kanak disleksia melaporkan bahawa kanak-kanak disleksia lebih fokus, yakin dan selesa dengan orang lain selepas aktiviti terapi berkuda.

Secara amya, guru A telah melaporkan bahawa kanak-kanak disleksia takut dan teragak-agak sebelum aktiviti terapi berkuda bermula. Setelah menghadiri beberapa sesi terapi berkuda, mereke lebih selesa dan tidak cemas apabila menunggang kuda. Walau bagaimanapun, terdapat juga kanak-kanak yang lebih rigid dan masih tidak selesa dengan aktiviti dan persekitan yang baharu ini. Bukan itu sahaja, guru juga mendapati bahawa kanak-kanak disleksia dapat menyesuaikan diri dengan orang yang belum dikenali di Pusat Ekuin UPM. Semasa menunggang kuda, kanak-kanak disleksia juga kelihatan selesa dan posisi mereka baik dari segi postur serta tubuh badan. Hal ini menunjukkan mereka lebih yakin setelah diberikan arahan dan peraturan yang jelas daripada penjaga kuda. Selain itu, kanak-kanak disleksia teruja dan gembira untuk bercerita dan berkongsi pengalaman mereka dengan orang lain selepas menghadiri aktiviti terapi berkuda. Terdapat juga kesan sampingan yang positif semasa proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas selepas kanak-kanak disleksia menghadiri 5 sesi terapi berkuda. Guru B telah melaporkan bahawa kelima-lima kanak-kanak disleksia yang diajar telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam proses pertuturan. Melalui aktiviti yang dijalankan dalam kelas, guru mendapati kanak-kanak disleksia dapat menyampaikan fikiran dengan lebih tepat. Bukan itu sahaja, terdapat penambahbaikan dari aspek pembacaan bahasa Melayu yang sangat membanggakan. Guru telah menulis sebuah cerita tentang aktiviti berkuda untuk dibacakan oleh kanak-kanak disleksia. Terapi berkuda telah meningkatkan kelancaran artikulasi pertuturan dan keyakinan kanak-kanak disleksia untuk membaca teks yang diberikan.Pandangan guru C tentang keberkesanan terapi berkuda untuk kanak-kanak disleksia seiringan dengan pemerhatian guru A. Guru C juga mendapati kanak-kanak disleksia gelisah dan takut pada mulanya, tetapi lebih yakin selepas mengikuti beberapa sesi terapi berkuda. Guru C juga menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik di sekolah seperti bercerita, melukis, bersukan dan sebagainya. Terapi berkuda telah memantapkan pemahaman kanak-kanak disleksia dalam aspek '*visual cues'*. Mereka dapat memahami dengan lebih tepat apabila ditunjukkan sesuatu perkataan, Rajah atau tempat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian jelas membuktikan bahawa terapi berkuda dapat menjadi suatu alternatif pemulihan dalam menguasai bahasa. Keberkesanan terapi berkuda dilihat secara jelas dari aspek kemahiran sosial dan penguasaan bahasa kanak-kanak disleksia. Pengkaji telah mengananalisis keberkesanan terapi berkuda dalam aspek pertuturan kanak-kanak disleksia dengan menjalankan kaji selidik, temu bual dan pemerhatian. Analisis kaji selidik membolehkan pengkaji merumuskan bahawa ibu bapa dan para guru kepada kanak-kanak disleksia mendapati bahawa terapi berkuda berkesan secara holistik. Responden ibu bapa kanak-kanak disleksia mendapati memberikan penambahbaikan yang ketara dari aspek kemahiran sosial, pertuturan, keyakinan diri, mental dan emosi, psikologikal, pemahaman visual dan auditori dan sebagainya. Hal ini juga disokong dengan purata keseluruhan maklum balas ibu bapa sebanyak 4.78 daripada 5.00. Dapatan ini membuktikan aktiviti terapi berkuda yang dijalankan selama 5 bulan telah membantu anak-anak mereka dalam membaik pulih tahap kemahiran mereka secara holistik. Pengkaji juga telah mendalami persoalan berkaitan keberkesanan terapi berkuda bersama guru-guru disleksia. Secara kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa majoriti peserta temu bual melaporkan kebaikan dan kelebihan terapi berkuda berganda. Hasil kajian memaparkan purata keseluruhan maklum balas guru disleksia sebanyak 4.86 daripada 5.00. Guru-guru disleksia juga telah melaporkan bahawa mereka telah melihat banyak perubahan yang baik dalam aspek penguasaan bahasa serta tingkah laku mereka. Mereka mengakui terapi berkuda ini dapat mengurangkan keresahan yang dialami dalam proses pembelajaran dan memberikan lebih keyakinan kepada mereka. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Duvernay (2009) dan Brown (2007) yang mencadangkan bahawa proses pembelajaran secara simulasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih seronok untuk kanak-kanak. Situasi sedemikian akan mengurangkan tekanan dan kegelisahan mereka dalam proses berkomunikasi dan pembelajaran. Daripada pemerhatian pengkaji pula, kelima-lima aktiviti terapi berkuda yang dijalankan, iaitu berkenalan dengan kuda, pemahaman auditori, kesedaran fonologikal, penguasaan ayat, dan kebolehan mengeja telah mencapai objektifnya. Kemenjadian aktiviti-aktiviti tersebut memang terserlah selepas terapi berkuda kerana terdapat perubahan yang positif pada kanak-kanak disleksia apabila pengkaji menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kelas dengan mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, lima aktiviti intervensi terapi berkuda telah dirancang dan dijalankan bersama ibu bapa, guru-guru dan kanak-kanak disleksia. Aktiviti terapi berkuda yang dijalankan adalah berkenalan dengan kuda, pemahaman auditori, kesedaran fonologikal, penguasaan ayat, dan kebolehan mengeja. Intervensi ini dijalankan untuk menyelesaikan masalah sosial dan pertuturan yang dihadapi oleh subjek kajian. Setiap aktiviti tersebut mempunyai objektif dan hasil untuk menilai kemenjadian aktiviti tersebut. Pengkaji dapat merumuskan bahawa terapi berkuda sangat berkesan dalam meningkatkan kebolehan komunikasi dan pertuturan dalam kalangan kanak-kanak disleksia. Keberkesanan terapi berkuda dilihat apabila pengkaji mendapatkan maklum balas daripada guru-guru dan ibu bapa kanak-kanak disleksia melalui kaji selidik dan temu bual.). Kemenjadian aktiviti terapi berkuda ini selari dengan dapatan kajian daripada penyelidik Tuba Tulay & Hilmi Atasevan (2015) yang mengkaji kebaikan terapi berkuda dari aspek sosial. Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak menunjukkan penambahbaikan dari aspek tingkah laku, komunikasi dan bahasa.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Psat Komuniti Transformasi Universiti (UCTC UPM) atas pemberian geran untuk menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan juga, Pusat Disleksia Malaysia, Presiden Puan Sariah Amirin dan guru-guru disleksia atas kesudian dalam meluangkan masa serta memberikan pandangan yang bernas untuk menyempurnakan kajian ini.

RUJUKAN

Anderson, S., Meints, K. (2016). *The Effects of Equine-Assisted Activities on the Social Functioning in Children and Adolescents with Disorders. Journal of Autism Disorder*, 46: 3344-3352.

Aydin, S. (2008). An investigation on the language anxiety and fear of negative evaluation among EFL learners. *Asian EFL Journal*, *8*(4), 421-444.

Beaty, J. J. (2013). 50 early chilhood literacy strategies (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

Braun, .L. (1997). Children's Reading Problems. Oxford: Blackwell.

Brown, H.D. (2007). Principles of Language Learning and Teaching (5th ed.). Englewood Cliffs, New Jersey.: Prentice Hall.

Davis, R.D. (1994). The Gift of Dyslexia. London: Souvenir Press.

Duvernay. N. (2008). Motivation and Anxiety in the Classroom. KLing, 3, 1-20.

Ghorban, H., Sedigheh, R., & Marzieh, G. (2013). Effectiveness of Therapeutic Horseback Riding on Social Skills of Children with Autism Spectrum Disorder in Shiraz, Iran. *Journal of Education and Learning*, 2(3).

Heine, B. & Benjamin, J. (2000) Therapy on horseback. Advance for SpeechLanguage Pathologists and Audiologists, June 26, p. 2021.

Kuruvilla, M., Murdoch, B., & Goozee, J. (2007). Electromagnetic articulography assessment of articulatory function in adults with dysarthria following a traumatic brain injury. Brain Injury, *21*(6), 601613.

Limond, J., Bradshaw, J., & Cormack, K. F. (1997). *Behavior of children with learning disabilities interacting with a therapy dog*. Anthrozoos, *10*(2/3), 84–89.

Macauley, B. L., & Gutierrez, K. M. (2004). The effectiveness of hippotherapy for children with language-learning disabilities. *Communication Disorders Quarterly*, 25(4), 205- 217. doi: 10.1177/15257401040250040501.

Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ott, P. (1997). *How to Detect and Manage Dyslexia*. Oxford: Heinemann.

Shurtleff, T., Standeven, J., & Engsberg, J. (2009). Changes in Dynamic Trunk/Head Stability and Functional Reach After Hippotherapy. *Physical Medicine and Rehabilitation, 90*(7), 1185–1195-1185–1195.

Tuba Tulay Koca & Hilmi Ataseven (2015). *What is hippotherapy? The indications and effectiveness of hippotherapy*. North Clin Istanb, *2*(3): 247–252.

Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegran. *Panduan Asas Disleksia dan Intervensi Simptom*. (2019). Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Wan Muna Ruzanna Bt Wan Mohamad. (2013). Pemerkasaan Bahasa Dalam Kalangan Kanak-Kanak Disleksia.

Ward, S. C., Whalon, K., Rusnak, K., Wendell, K., & Paschall, N. (2013). The association between therapeutic horseback riding and the social communication and sensory reactions of children with autism. *Journal of Austism and Developmental Disorders*, 43, 2190–2198. doi:10.1007/s10803-013-1773-3.

KECEKAPAN MINDA MELAYU PATANI DALAM LIRIK LAGU: SUATU ANALISIS MAKNA

Waemasna Waeyusoh[1]
Universiti Prince of Songkla, Kampus Pattani, Thailand (PSU Pattani)
waemasna.w@psu.ac.th

Yusniza Binti Yaakub[2]
Pusat Pengajian Bahasa, tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia (UUM)
yusniza@uum.edu.my

ABSTRAK

Kecekapan minda Melayu dapat dilihat dalam pelbagai khazanah dalam bahasa Melayu antaranya penulisan karya-karya sastera seperti pantun, sajak, cerpen, novel dan termasuk juga penciptaan lirik lagu. Makna yang terdapat dalam lirik lagu pula merupakan pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, tetapi juga mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dihasilkan untuk menganalisis makna yang terkandung dalam lirik lagu Melayu Pattani bagi mengenal pasti bentuk pemikiran yang terdapat di dalam lirik lagu 'Sebalik Kegelapan', serta menganalisis jenis-jenis makna perkataan dan gaya berfikir yang terdapat dalam lirik lagu tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan konsep tujuh jenis makna yang diperkenalkan oleh Geoffery Leech (1974). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat jenis penggunaan makna, iaitu makna konotatif, stilistik, afektif dan reflektif. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa keempat-empat skema gaya berfikir tersebut terserlah melalui bait-bait lagu yang diaplikasikan melalui penggunaan jenis-jenis skema berfikir tersebut. Dapatan turut menunjukkan bahawa kata-kata dalam lagu bukanlah hanya untuk menghibur, tetapi turut bertujuan untuk mewujudkan suasana aman dan tenteram juga memberi semangat kepada penduduk setempat yang sedang melalui kehidupan yang cukup mencabar, di samping mendidik para pendengar dengan pelbagai nilai murni.

Kata Kunci: konsep tujuh jenis makna, pemikiran, kecekapan minda, lirik lagu Melayu Patani.

PENGENALAN

Pemikiran, makna dan hasrat yang disampaikan oleh penutur adalah melewati sebuah bahasa. Bahasa umpama alat atau medan pencetusan minda juga saluran penyerlahan erti kata. Kehidupan seharian tidak dapat dipisahkan dengan bahasa kerana ia merupakan pengucapan yang digunakan untuk membawa suatu makna dan tujuan penyampainya. Setiap insan boleh menyampaikan pendapat, idea, keinginan dan tingkah laku melalui bahasa yang diujarkan. Dalam perhubungan antara manusia dan masyarakat pula, dikatakan bahasa tidak dapat diasingkan sama sekali. Menurut Junaini dan Nor Hashimah (2010) bahasa adalah medium untuk menyampaikan makna. Bahasa atau kata-kata yang terdapat dalam lagu atau kandungannya amat berfaedah juga untuk menyerlahkan makna kepada pendengar. Manakala Nik Safiah Karim (1994), mengatakan bahawa perkataan-perkataan yang disusun rapi dalam lirik lagu menimbulkan keindahan dan irama yang menarik perhatian pendengar. Dapat dikatakan bahawa makna dalam lirik lagu mempunyai kaitan yang amat rapat bersama reka bentuk idea pengarang walaupun ia juga adalah kefahaman yang bukan sahaja keluar daripada bahasa yang terkandung dalam lirik dengan tersusun rapi dan digunakannya.

Menurut Suwardi (1991), minda fikiran dapat ditimbulkan dan diserlahkan melalui pemerhatian kepada fenomena. Hal ini, boleh disimpulkan bahawa semua pemikiran tidak boleh disampaikan dengan baik jika tiada penggunaan bahasa. Hawa dan Zulkifley (2015) menjelaskan bahawa kejadian yang terjadi di alam semula jadi ini selalu dikategorikan sebagai ukuran dalam sesuatu perbuatan. Melalui perkara inilah mereka menghasilkan dan mencipta beberapa bentuk himpunan bahasa yang amat indah seperti lagu, pantun, kata-

kata hikmah dan seumpamanya. Himpunan bahasa yang bernilai ini dapat diteliti dan diRajahkan melalui konsep kajian yang tertentu.

Selain itu, kata-kata atau bahasa juga mempamerkan keperibadian yang jelas dan mempunyai kepakaran tersendiri. Menurut Asmah Haji Omar (2005), dalam memperolehkan bahasa dan makna kata dapat diperhatikan kepada pemikirannya, iaitu bagaimana manusia menyampaikan sesuatu makna dalam suatu bahasa.

Bahasa juga merupakan alat perhubungan yang paling penting dalam kehidupan seharian manusia. Bahasa sebagai medan percakapan yang lahir seiring dengan kewujudan manusia itu sendiri. Manusia dapat mengeluarkan idea, perasaan dan berhubung di antara sesama mereka melalui bahasa. Bahasa dipelajari secara rasmi atau tidak rasmi atau dikuasai secara semula jadi. Kebolehan berbahasa dengan baik dan tepat memperolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan lebih berhasil lagi. Bahasa juga berperanan sebagai alat pewarisan kebudayaan, lambang dan identiti masyarakat. Kajian ini menjelaskan tentang penganalisian makna dalam lirik lagu yang terpilih, iaitu lagu 'Sebalik Kegelapan' yang diciptakan liriknya oleh saudara Abdullah Wan Ahmad dan dinyanyikan oleh saudara Zulkifli atau dikenali sebagai 'Budu Little'. Lagu ini merupakan salah satu lagu yang terkenal di wilayah sempadan Selatan Thailand atau Patani kerana kemodenan dan bahasa yang mudah didengar dan difahami.

PENYATAAN MASALAH

Kajian yang berkaitan dengan lirik lagu Melayu Patani di Selatan Thailand yang bertemakan jati diri Melayu masih kurang dijalankan secara sistematik dan menyeluruh bila dibandingkan dengan kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia dan di Indonesia. sedangkan ia sangat memberi manfaat yang amat berkesan kepada kehidupan masyarakat di sana kerana kebanyakan penduduk di Thailand khususnya yang tinggal di kawasan Sempadan Selatan Thailand, seperti di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, sebahagian daerah di wilayah Songkhla dan Satun menggunakan bahasa Melayu dalam percakapan seharian mereka. Maka bila adanya pertuturan dalam Bahasa Melayu akan adanya juga budaya dan kehidupan yang menlambangkan identiti Melayu seperti budaya berpakaian, budaya makanan mahupun budaya berbahasa dan sumber dapatan bahasa tersebut juga penting bagi mereka mengikuti untuk berbahasa seperti mendengar radio bahasa Melayu atau lagu bahasa Melayu.

Namun begitu, hal tersebut semakin pudar mengikut era perubahan zaman, kebanyakannya orang yang berbangsa Melayu di Thailand sering mendengar lagu dalam bahasa Thai kerana kebanyakan sumber hiburan seperti lagu dan lain-lain diedarkan dalam bahasa Thai. Hal ini menyebabkan pemahaman dan pemerhatian tentang bahasa Melayu terhadap pendudukan di Patani, Thailand sangat kurang, ini juga menyebabkan bahasa Melayu di kawasan tersebut kurang berkembang. Malah amalan pendengaran lagu bahasa Thai mengakibatkan pendekatan jati diri Melayu makin jauh difahami dan dirasai oleh masyarakat Patani.

Walaupun ada segelintir pengkaji yang mengkaji mengenai komuniti Melayu Patani di Selatan Thailand seperti berkenaan jati diri Melayu Patani, tahap ekonomi dan kedudukan orang Melayu dan konflik di Selatan Thailand. Kebanyakan penelitian dijalankan terlalu memfokuskan keganasan dan ekonomi setempat. Seperti kajian yang dijalankan oleh Abdul Razak Panaemalae. (2015) dengan tajuk kajiannya 'Perwatakan "Abdul Kadir" Dalam Dua Cerpen Thai: Suatu Perbandingan' di mana kajian ini menganalisis tentang perbandingan penceritaan daripada dua cerpen, iaitu Kanokpong Songsompant dengan Narongrit Sagdaronnarong. Kedua-dua penulis itu mengRajahkan watak seorang pemimpin di Patani "Abdulkadir" sangat berbeza, yang satu mengRajahkan watak utama dalam cerpennya sangat ganas dan penulis megRajahkan watak utama yakni "Abdulkadir seorang yang disayangi oleh penduduk di sekitar itu. Hal demikian kerana pandangan dan latar belakang kedua-dua penulis itu sangat berbeza. Satu kajian lagi yang dijalankan oleh Saravanan P. Veeramuthu, (2017) tajuk kajiannya ialah Identiti Melayu Pattani dalam Pantai Ini Lautnya Dalam. Kajian ini fokus kepada penganalisian sepuluh buah cerpen nukilan Abdul Razak Panaemalae dalam Pantai Ini Lautnya Dalam. Aspek dalam kajian ini bertumpu kepada identiti Melayu Pattani yang diRajahkan melalui watak-watak yang menggerakkan cerita dalam rangkaian cerpen tersebut. Penelitian ini disandarkan kepada teori kajian identiti

yang disarankan dalam model identiti Phinney (1989). Perbincangan dibahagikan kepada beberapa dimensi identiti iaitu agama, bahasa, budaya, ekonomi dan politik. Tuntasnya, nukilan Abdul Razak memperlihatkan identiti masyarakat Melayu Pattani dari sudut 'world view' generasi muda yang kini berada dalam lingkungan budaya Thai yang dominan. Analisis cerpen-cerpen ini menunjukkan bahawa identiti Melayu masih jelas. Selain itu, dua petanda budaya *(cultural marker)* dikesan iaitu identiti bahasa dan identiti agama. Hal ini membuktikan bahawa penulis berpegang kepada "*gentem lingua facit*", istilah Latin yang bermaksud "bahasa menunjukkan bangsa."

Satu lagi kajian dari Thailand yang dijalankan oleh Islahuddin Islahuddin, Ku-Ares Tawandorloh dan Adareena Chema (2020) dalam tajuk kajiannya 'Konflik Sosial Dalam Hikayat Patani: Kajian Sosiologi Sastra'. Kajian ini dijalankan untuk mendeskripsikan teks-teks yang membicarakan tentang konflik sosial dalam Hikayat Patani dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Dalam kajian ini terdapat bahawa konflik sosial yang terdapat dalam Hikayat Patani terbagi menjadi dua, iaitu konflik internal ialah konflik yang terjadi di dalam istana kerajaan Patani dan konflik luaran, iaitu konflik yang terjadi antara kerajaan Patani dengan kerajaan di luar kerajaan Patani.

Sehubungan dengan itu, penelitian berkenaan dengan masalah penduduk dan masyarakat Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand yang berkaitan aliran sastera juga merupakan salah satu untuk mengRajahkan jati diri bagi masyarakat Melayu dan mendampakkan pemikiran pengarang dan penulis di kawasan tersebut. Penyelesaian melalui kaedah ini sekurang-kurangnya boleh menyumbangkan faedah kepada komuniti masyarakat di kawasan tersebut.

Berpandukan kepada beberapa kajian yang disebutkan tadi, dapat dilihat bahawa kajian berkaitan dengan lirik lagu Melayu Patani yang diteliti dan dianalisiskan secara saintifik tidak dijumpai atau dijalankan lagi, sedangkan ia merupakan salah satu kaedah yang memberi kesan yang rapat dalam penyerlahan sesebuah identiti dan makna yang terserlah dalam bait-bait lagu yang terdapat dalam sesebuah penulisan lagu itu. Dengan menggunakan kaedah tujuh jenis makna ia akan padat memberi penjelasan yang lebih terperinci kerana selain lihat aspek identiti dalam lirik lagu, dapat juga menganalisis makna yang terdapat dalam lirik tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

(i) Mengenal pasti ciri-ciri yang mengandungi identiti Melayu dalam lirik lagu "Sebalik Kegelapan".
(ii) Menghuraikan makna kumpulan kata daripada pemikiran yang terserlah melalui lirik lagu 'Sebalik Kegelapan'.
(iii) Menganalisis golongan makna kata dan pemikiran yang terkandung dalam isi lagu 'Sebalik Kegelapan'.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan makna, hakikat persefahaman yang sebenar dalam lirik lagu 'Sebalik Kegelapan'. Data kajian ialah lirik lagu yang beridentitikan Melayu di Patani, Thailand dengan memilihkan kata-kata yang amat memberi makna yang mendalam lagi memberi faedah yang cukup lengkap oleh pangkaji. Dalam penelitian ini juga terdapat 2 ciri jati diri Melayu yang terserlah dalam lagu ini, iaitu penuturan dalam bahasa yang sama dan pengamalan budaya yang sama demi menerusi lirik lagu 'Sebalik Kegelapan'.

Kajian ini menggunakan pendekatan tujuh konsep makna yang diperoleh daripada Leech (1974), iaitu makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif, tematik dan konseptual. Penjelasan kepada tujuh makna tersebut seperti berikut;

1. Konotatif memberi makna asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan mempunyai pendekatan makna dengan konotasi.
2. Stilistik maknanya ialah cara menggunakan sikap bahasa denagn cara yang berhasil dalam penulisan dan ia berhubungan dengan gaya, terutamanya keanggunan dalam bahasa penulisan.

3. Afektif maknanya ialah berkaitan dengan perasaan dan emosi.
4. Reflektif atau istilah Melayu dipanggil intensif memberi makna keperluan tenaga kerja yang besar bagi meningkat pengeluaran, produktiviti atau pendapatan yang lebih.
5. Kolokatif ialah melakukan sesuatu perkara sebagai berkumpulan atau bersama-sama atau beramai-ramai.
6. Tematik ialah bentuk sesebuah karya sastera yang dilahirkan daripada bahan tematik dan gagasan pengarang. Perkembangan sesebuah karya disamakan dengan pertumbuhan organisma yang hidup. Socrates pernah mengemukakan analogi antara perkembangan ujaran dengan pertumbuhan makhluk. Seterusnya, tokoh romantis dari Jerman dan Inggeris memperdalam analogi ini. Mereka berpendapat bahawa sesebuah karya berkembang seperti organisma hidup, daripada suatu konsep pokok. Bentuk yang berlawanan dengan bentuk organik ialah bentuk mekanikal. Pendekatan bentuk mekanikal mengemukakan dan peraturan yang dikenakan kepada pengarang dalam pengolahan bahan tematik.
7. Konseptual ialah berkaitan dengan konsep, berasaskan konsep.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini meninjau kajian lalu yang berkaitan topik pemikiran dan makna dalam lirik lagu. Terdapat beberapa kajian yang telah menbincangkan aspek ini, antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir (2015), Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh (2014), Eddy Wiranata (2015), I Made Putra Adnyana (2014) dan Masitah, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria, (2017).

Kajian berkaitan dengan Patani tentang lirik lagu telah dijalankan oleh Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir (2015) dalam tajuk 'Lirik Lagu Perjuangan Melayu-Islam Patani Dalam Media Baharu: Suatu Analisis'. Kajian ini membincangkan fungsi lirik lagu perjuangan dalam masyarakat Melayu-Islam Patani. Dalam kajian ini lirik lagu perjuangan yang disebarkan menerusi internet diteliti. Teori yang digunakan ialah Max Weber tentang autoriti atau kuasa, yang mencakupi aspek kewenangan, kekerasan seperti penggunaan senjata, dan juga karisma digunakan dalam penelitian lirik lagu tersebut. Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa lirik lagu perjuangan berfungsi menyatukan masyarakat Melayu-Islam Patani untuk terus berjuang membebaskan tanah.

Manakala kajian tentang lirik lagu di Malaysia aada beberapa kajian yang telah di jalankan seperti kajian daripada oleh Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh (2014). Kajian ini memfokuskan kepada aspek makna dalam tajuk kajiannya 'Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P.Ramlee'. Kajian ini menghuraikan makna lagu yang memberi kesan nikmat yang mampu mengusik jiwa pendengar dan melambang kebijaksaan P.Ramlee dalam mengungkapkan kata.

Sehubungan dengan itu, didapati juga penelitian yang menumpukan konsep kategori-kategori makna sahaja seperti penelitian yang diadakan oleh Eddy Wiranata (2015) dan I Made Putra Adnyana (2014). Kajian kedua-duanya mengandungi objektif yang serupa, iaitu menelitikan kepada kategori-kategori ikatan bahasa dan erti perkataan yang terhasilnya. Kategori-kategori kumpulan bahasa yang digunakan seiring dengan kaedah Palmer (1976) dan diteliti dengan menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Leech (1974). Makna dalam kumpulan bahasa berhubung kait dengan erti dalam lagu tersebut (Eddy Wiranata, 2015). I Made Putra Adnyana (2014), juga mengatakan demikian bahawa konsep erti perkataan yang terkandung dalam ungkapan bahasa merupakan perkataan yang tidak mudah difahami oleh makna perkataan yang membentuknya. Namun begitu, kedua-kedua kajian ini mempunyai kelompongan kerana hanya mengkategorikan penjelasan ungkapan bahasa dan golongan ertiya sahaja tiada menganalisi lebih teliti terhadap makna demikian.

Selanjutnya, penelitian dijalankan oleh Masitah, *et al.,* (2017) yang memfokuskan kepada aspek penghuraian makna dalam lirik lagu Melayu supaya memberi kefahaman tentang idea dan penyerlahan pengarang Melayu. Kajian tersebut mempunyai objektif menganalisis jenis-jenis makna perkataan dan kategori gaya berfikir yang terdapat dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza. Kajian ini

juga turut menghuraikan perkaitan antara jenis-jenis makna perkataan yang digunakan dengan pemikiran yang terserlah melalui lirik lagu-lagu tersebut.

Kesemua penelitian tersebut dapat dirumuskan bahawa pengkaji kurang membicarakan konsep erti perkataan dan idea yang terkandung dalam sesebuah maklumat dengan teliti. Penelitian yang lalu cuma menumpukan penjelasan sahaja. Golongan idea perlu dilihatkan juga daripada konsep sikap pemilik idea dalam menciptakan sebuah rancangan berbentuk maklumat. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menggabungkan kaedah pendekatan maknadalam lirik lagu supaya dapat menyerlahkan erti yang berada dalam sesebuah perkataan dalam isi lagu tersebut dengan jelas dan mendalam.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang isi lagu Melayu Patani di Thailand yang bertemakan jati diri Melayu masih kurang dikajikan secara sistematik dan menyeluruh, sedangkan ia sangat memberi faedah yang amat berkesan kepada masyarakat. Selain itu, perbincangan lagu 'Sebalik Kegelapan' dengan menggunakan pendekatan kajian tujuh jenis makna yang diperkenalkan oleh Leech (1974), belum dibincangkan secara mendalam oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, seharusnya pengkajian terhadap lirik lagu 'Sebalik Kegelapan' perlu dijalankan secara teliti dan mendalam.

Penduduk dan komuniti Melayu di Selatan Thailand adalah kelompok minoriti dan seringkali merasai diri mereka seperti sindrom *inferiority complex*, rasa dipinggirkan, dilalaikan, dan rasa tidak diberi keadilan daripada kerajaan. Keperihatian para karyawan seni Melayu Patani kepada krisis yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ini, meskipun gagal mengubah kehidupan mereka sepenuhnya, tetapi dapat juga memberi hasil yang baik yang mana berjaya mengubah pemerintahan kerajaan untuk berwaspada dalam pelaksaan pentadbiran.

Peranan karya seni yang beridentiti Melayu dan intelektual tidak dapat diketepikan oleh kerana ia mengRajahkan keadaan sosial sesuatu bangsa. Penelitian ini juga dapat dianggap seperti pencetus minda peneliti dan pengarang karya supaya dapat meluaskan penulisan sastera Melayu di Patani Thailand (Aminoh Chewae, 2017).

Masyarakat sentiasa memperhatikan tentang masalah komuniti Melayu di Selatan Thailand demi menerokai cara penyelesaian di wilayah ini. Masyarakat juga ikut mendapat hasil daripada kajian ini yang penting sekali golongan cendekiawan selalu mencari penyelesaian demi menciptakan kesejahteraan dan keteguhan di kalangan penduduk di kawasan tersebut. Penelitian juga boleh menyediakan bantuan kepada organisasi atau badan pengajian tinggi demi merupakan petunjuk dalam pengurusan pembelajaran hingga keadaan di wilayah tersebut, kembali aman sama dengan wilayah-wilayah yang lain di negara Thailand.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penelitian ini penggunakan persoalan kajian kepada pengarang dan penulis kreatif di sempadan Selatan Thailand secara rawak dalam menganalisis maklumat kajian. Selain itu, instrumen yang digunakan dalam penelitian ini adalah pendekatan erti perkataan dalam lirik lagu yang beridentitikan Melayu di Patani, Thailand dengan memilihkan kata-kata yang amat memberi makna yang mendalam lagi memberi faedah yang cukup lengkap oleh pangkaji. Dalam penelitian ini juga terdapat 2 ciri jati diri Melayu yang terserlah dalam lagu ini, iaitu penuturan dalam bahasa yang sama dan pengamalan budaya yang sama.

1. Menuturkan Bahasa yang Sama

Berdasarkan lirik lagu 'Sebalik Kegelapan' hasil kajian mengRajahkan tugasan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan oleh masyarakat di kawasan wilayah sempadan Selatan Thailand. Menurut Paitoon (2005: 53), masyarakat Melayu Patani merupakan orang Melayu dari segi kebudayaan, adat istiadat, rupa paras dan bahasa pertuturannya juga bahasa Melayu. Majoriti mereka ini mendiami wilayah-wilayah sempadan Malaysia. Keseluruhan lirik lagu 'Sebalik Kegelapan' mengandungi bahasa Melayu yang indah dan mudah difahami bagi memberi dampakan kepada penggemar bahawa bahasa Melayu ini dapat diakui di setiap kalangan masyarakat.

2. Mengamalkan Kebudayaan yang Sama

Bangsa akan wujud apabila sesebuah masyarakat mengguna dan mengamalkan budaya yang serupa. Menurut Rajahan bangsa Melayu, sebuah bangsa itu menggunakan bahasa Melayu dalam penuturannya, menggunakan bangsa Melayu sebagai pengamalan sehariannya dan menganut agama Islam. Juga boleh disebutkan bahawa warga Melayu adalah bangsa yang mengamalkan budaya Islam (Abdullah Hassan, 2009). Sebagai inti pati kehidupan seharian masyarakat warga Melayu akan dikekalkan bahasa, istiadat dan agama Islam. Sesuatu budaya itu merupakan warisan yang disampaikan dan ditinggalkan oleh generasi terdahulu hingga ke generasi sekarang yang masih mengamalkan dan mengekalkannya dengan baik. Bangsa Melayu juga sangat termasyhur dengan keperibadiannya yang lemah lembut dan sopan santun. Keadaan sesuatu bangsa amat berpengaruh dengan suasana masyarakatnya.

Melihat kepada lirik lagu dalam kajian ini pula kelihatan ayat yang disampaikan oleh pengarang amat memberi kesan yang baik untuk pendengar tentang sopan santun isi yang disampaikannya ini menyerlahkan kebudayan yang mempamerkan kemelayuannya.

DAPATAN KAJIAN

Setelah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa petunjuk tentang gaya bahasa orang Melayu Patani supaya diakui oleh penduduk Melayu Patani Thailand dan dapat menghiburkan pendengar, selain daripada menghilangkan kegelisahan dan ketakutan dalam situasi yang dihadapi oleh mereka dengan menggunakan bahasa kiasan yang indah dan makna yang menyerlah. Hal ini mengRajahkan sebuah identiti Melayu Patani melalui kata-kata yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

Berikut ialah contoh lirik lagu yang mempunyai makna yang mengandungi jati diri seorang Melayu Patani.

Jadual 1 Penggunaan rangkap yang menyerlahkan identiti Melayu Patani

Contoh 1
Hari ini adalah nyata *Kelmarin hari takkan dilupa* *Terus menjulang sepenuh jiwa* Besok hari adalah milik kita

Berdasarkan jadual di atas terdapat penggunaan rangkap yang mengRajahkan identiti Melayu Patani seperti rangkap 'Kelmarin hari takkan dilupa' dan 'Terus menjulang sepenuh jiwa'. Rangkap pertama menjelaskan tentang sejarah masa dulu yang masa orang Melayu Patani di Thailand dianiaya dan diperhambakan dengan begitu pedih. Penulis menerangkan bahawa sejarah dahulu yang menimpa kepada nenek moyang tidak dapat dilupakan oleh anak cucu hari ini. Hingga kini orang Patani berasa mereka masih merupakan rakyat tanah jajahan dalam dunia moden abad ke-21. Lantas sehingga kini, pertumpahan darah masih terus berlaku akibat pertembungan pendapat tentang kuasa antara tentera Siam yang mewakili kuasa pusat dengan tentera pemisah Melayu Patani yang berada di pinggir. Orang Melayu sedaya-upaya mahu membebaskan Patani daripada kekuasaan Siam dan dapat tegak kembali menjadi negara ketuanan Melayu-Islam yang merdeka dan berdaulat (Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir, 2015). Rangkap kedua pula penulis memberi semangat kepada generasi baru bahawa teruskan berkembang dan menjulang keberanian untuk menegak keadilan dan hak asasi manusia dengan sepenuh jiwa supaya kejayaan akan dikecapi nanti.

Selain itu, dapatan objektif kedua pula, menunjukkan gaya bahasa orang Melayu Patani yang mengarang lagu supaya dapat memberi semangat dan menghiburkan pendengar seperti mengguna bahasa kias yang indah dan mempunyai makna yang menyerlah. Seterusnya adalah model rangkap yang terdapat dalam penelitian ini mempunyai pendekatan jenis makna stilistik yang merupakan elemen pertama daripada empat golongan

yang telah dikemukan oleh Leech (1974), iaitu makna dalam kategori konotatif, stilistik, afektif dan refleksi.

Jadual 2 Makna dalam kategori stilistik

Contoh 2
Biar hujan takkan kering *Biar mentari belum menjelang* Tak harus lagi kita merusing Ingatlah kita kepada tuhan

Berdasarkan jadual di atas, terdapat penggunaan makna stilistik. Rangkap dalam lirik berikut seperti 'Biar hujan takkan kering' dan ayat 'Biar mentari belum menjelang' merupakan isyarat penggunaan erti demikian. Oleh kerana kedua-dua rangkap sedemikian ada bahasa kias merupakan sebuah pembayang bagi pantun. Rangkap 'Biar hujan takkan kering' membawa maksud izinkan air hujan turun tidak berhenti-henti walaupun tidak menghajat sedemikian. Manakala rangkap 'Biar mentari belum menjelang' pula membawa maksud izinkan atau redho dengan kedaan yang mana matahari terbenam dan belum lagi bersinar atau makna sebenarnya gelap gelita. Rangkap ini memberi Rajahan bahawa betapa indahnya Bahasa bila menggunakan serangkap pantun dalam lirik lagu dan dapat membayangkan sebuah penyampaian berbentuk ayat seperti 'Tak harus lagi kita merusing, Ingatlah kita kepada tuhan' yang mana pengarang ingin menyampaikan isi yang sebenar dalam lagu ini. Makna dalam dua rangkap seterusnya dalam lirik tersebut menghuraikan tentang jangan lagi kita runsing dalam keadaan yang kelam kabut cukup sahaja kita mengingati tuhan yakni Allah. Ayat tersebut memberikan tamparan yang hebat terhadap seseorang dan memberi semangat yang cukup hebat. Namun begitu, penulis lirik meletakkan ayat pantun adanya pembanyang dan ayat keterangan dalam lirik lagu tersebut supaya dapat menimbulkan kesan yang lebih mendalam dan menambahkan keindahan dalam bahasa terhadap rangkap tersebut. Oleh kerana itu, boleh ditelitikan makna dalam kategori stilistik dalam lirik lagu tersebut bagi mempamerkan kedudukannya yang dihuraikan. Selain itu, kaedah jenis erti kategori konotatif dalam lirik lagu tersebut ada beberapa perkataan. Berikutnya adalah contoh perkataan yang merujuk makna konotatif.

Jadual 3 Penggunaan makna kategori konotatif

Contoh 3
Di dalam *kegelapan* Terletaknya sebuah *harapan*

Berdasarkan contoh ke-3 dalam rangkap lagu tersebut, terdapat penggunaan makna kategori konotatif iaitu perkataan kegelapan dan harapan di mana kedua-dua perkataan ini mempunyai makna yang berbeza atau disebutkan kata antonim. Perkataan kegelapan daripada kata dasarnya ialah gelap merupakan keterangan bagi penggunaan erti tersebut yang memberi makna tidak terdapat cahaya, kelam. Walau bagaimanapun, istilah gelap memberi tanda tambahan yang membolehkan istilah tersebut dibahagikan dalam jenis erti konotatif. Penulis lirik bertindak untuk memilih perkataan yang berbeza dan masing-masing memberi nilai makna yang tersendiri. Perkataan tersebut memperlihatkan sebuah harapan yang amat mendalam, walaupun dilanda dengan kegelapan atau kegelisan, ketidakadilan terhadap penduduk di situ, tetapi dengan penuh keyakinan dan harapan yang tinggi mereka itu sangkup menderita terlebih dahulu demi mengecapi kesejahteraan yang akan datang dan akan dirasai tidak lama lagi. Namun begitu, penulis lirik meletakkan perkataan kegelapan dan dibanding dengan harapan untuk memberi dampakan yang lebih teliti terhadap ayat tersebut.

Jadual 4 Kaitan kategori makna dan sikap pemikiran

Bil.	GOLONGAN MAKNA	PERKATAAN DALAM LIRIK LAGU
1.	Makna Konotatif	Kegelapan, Harapan
2.	Makna Stilistik	Biar hujan tak kan kering, Biar mentari belum menjulang
3.	Makna Afektif	Selesai sudah sengsara Gembira kan milik kita
4.	Makna Refleksi	Kelmarin hari takkan dilupa Terus menjulang sepenuh jiwa

Berdasarkan Label di atas dapat dirumuskan bahawa keempat-empat kategori makna yang terdapat dalam lirik lagu 'Sebalik Kegelapan' amat memberi kesan kepada pendengar supaya lebih menelitikan lagi dalam setiap ayat yang cuba disimpaikan oleh pengarang. Dalam hal ini mengandungi perasaan yang sedih malah diberi semangat dengan petatah selanjutnya, memperindahkan kata-kata dengan memasuki rangkap pantun yang berirama dan sepadan dengan isi yang hendak disampaikan itu. Manakala dapat dirasai juga tentang ayat yang memberi semangat kepada pendengar supaya terus menegak kebenaran walaupun hari ini masih sedih dan lagu ini juga mengingati pendengar agar bertambahlah kesabaran kerana esok hari mungkin lebih cerah daripada hari ini dan semalam yang disirami oleh titisan hujan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa konsep makna dalam lirik lagu Melayu dari Patani Thailand, 'Sebalik Kegelapan' yang dikarang oleh Abdullah Wan Ahmad merupakan satu bait yang ingin menyampaikan dan menyeru kepada orang Melayu di Patani yang kian lama menderita kerana hal tanah air dan pergolakan yang sentiasa berlaku, agar terus bersemangat walaupun jalan mungkin lagi tidak berapa terang, namun semangat keislaman dalam menegakkan keadilan masih kuat. Bahkan, dapat disimpulkan bahawa aspek makna dalam lirik lagu tersebut menunjukkan kekuatan lirik dan menarik perhatian pendengar terutama dalam kalangan remaja. Bahasa tidak terhad hanya untuk menyampaikan idea malah ia menyampaikan fikiran mengikuti isi lagu yang disusuni dengan makna tertentu dengan baik dan berkualiti. Biasanya, isi kandungan lagu mempamerkan sokongan dan semangat yang memberi kepada pendengar khususnya penduduk Patani Thailand, namun begitu perasaan cinta akan tanah air sangat penting bagi penduduk di sina bukan sahaja terbatas kepada golongan tua malah penting bagi golongan muda juga. Lagu ini memberi semangat kepada pendengar bahawa setiap kesulitan akan adanya kemudahan jika tidak lupa untuk meminta pertolongan kepada Tuhan. Kecekapan minda orang Melayu Patani tentang cintakan tanah air dan semangat dalam menghadapi hidup boleh mengRajahkan dengan jelas pada lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Zufkifli atau Budu Little. Lagu yang berirama pop serta dibawakan dengan lunak ia akan mempengaruhi pemikiran orang Melayu tentang kecintaan tanah air, dan bahasanya lebih menambah jiwa rasa semangat dalam menghadapi hidup dengan aman dan sejahtera.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am: Siri pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Akademia.

Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuhan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, *16*(1), 59-81.

Abdul Razak Panaemalae. (2015). Perwatakan "Abdulkadir" Dalam Dua Cerpen Thai: Suatu Perbandingan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *8*(2), 245-256.

Adnyana, I Made Putra. (2014). Types and Meanings of Idiom In The Song Albums Of Oasis And Guns N'roses. *HUMANIS*, 6(3), 1-9.

Aminoh Chewae. (2017). *Krisis Masyarakat Melayu di Selatan Thailand Dalam Cereka Terpilih: Satu Pendekatan Kajian Budaya*. Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Asmah Haji Omar. (2005). Words of the World. The Global Language System. *Jurnal Lingua, 115*(9), 1325-1328.

Chaiwat Satha-anan, 2008. *Kwam Rungreang Kab Kan Jadkarn Kwamjing: Patani Nai Rob Keng Satawad (Keganasan dan pengurusan Kebenaran: Patani dalam Setengah Abad*). Bangkok: Universiti Thammasat.

Che Mohd Aziz Yaacob. (2012). Asimilasi bangsa melayu di patani: keberkesanan Dasar dan survival budaya minoriti. *e-BANGI: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 39* (1), 97-123.

Dorstren, L.E., Lawrence, H. (2005). *Research Method and Society*. New Jersey: t.tp.

Greetham, Bryan. (2001). *How to Write Better Essays*. New York: PALGRAVE.

Hawa Mahfuzah & Zulkifley Hamid. (2015). *Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. Jurnal Melayu, 14* (2), 260-273.

Islahuddin Islahuddin, Ku-Ares Tawandorloh & Adareena Chema. (2020). Konflik Sosial Dalam H i k a y a t Patani: Kajian Sosiologi Sastra. *Stilistika: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra.13*(2), 198-215.

Leech, G. (1974). *Semantics*. England: Penguin Books Ltd.

Lirik Lagu. *Sebalik Kegelapan*. Budu Little Ft.Chanittaya Jina - Sebalik Kegelapan "Petrichor" (Official Audio) - YouTube [14 April 2021].

Lyons, J. (1994). *Bahasa dan Linguistik: Suatu Pengenalan*. Terj. Ramli Salleh & Toh Kim Hoi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Perenggu Minda Melayu Dalam Lirik Lagu: Satu Analisis Makna. *Journal of Social Sciences and Humanities, 12*(3), 1-12.

Nik Safiah Karim. (1994, April). Bahasa Dalam Lagu. *Pelita Bahasa*, 28-29.

Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik. 10, 158-172.*

Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *2*(1), 103-111.

Paitoon Che Hae. (1979). Nayobai Chatniyom Khong Prated Thai (Dasar Nasionalisme di Thailand). Thesis *Sarjana Sastera*. Bangkok: Universiti Srinakharintrawirot Prasanmitra.

Pantip Kanjanajitra Saisunthorn, (2001). Sathanapab Prachachon Tang Kodmai Thai Nai Klum Chatiphan: Kwamhen lae Kodmai Tuapai (Status Rakyat Mengikut Undang-undang Thai Bagi Kelompok Minoriti: Pandangan dan Undang-undang Umum). Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Cara Memanggi Rakyat yang Tinggal di Kawasan Bukit dan Kelompok Minoriti* di Hotel Chiangmai Poodam pada 7 Mac 2001.

Rahimah A. Hamid, Md. Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2015). Lirik Lagu Perjuangan Melayu-Islam Patani Dalam Media Baharu: Suatu Analisis. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *8*(2), 288-309.

S. M. Zakir. (2014). Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridwan. *Jurnal Melayu*, 12, 70-81.

Suwardi, MS. (1991). *Budaya Melayu Dalam Perjalanannya Menuju Masa Depan.* Pekan Baru: Yayasan Penerbit MSI.

Terre Blanche, M., & Durrheim, K. (1999). Histories of the present: Social science *research in context. Research in practice - Applied methods for the social sciences*, 2, 1-17.

Wiranata, Eddy. (2015). Types and Meanings of Idiomatic Expressions In Forever The Sickest Kids' album "Underdog Alma Mater". *HUMANIS*, *11*(1), 1-8.

Zuliskandar Ramli. (2011). Rumpun Melayu di Madagascar. Dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. Al. (Peny.) *Alam Melayu: Suatu Pengenalan*. Bangi: ATMA.

Zulkifley Hamid dan Mohd Asyraf. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Holistik Dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono.*e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, *9*(2), 001-013.

TEMA:

PEMARTABATAN DAN PENGANTARABANGSAAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (SASTERA)

REVOLUSIONER MELAYU PATANI: SATU KAJIAN PUISI-PUISI PERJUANGAN DALAM INTERNET

Almahera Abu Hassan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia (USM)
almaheraabuhassan@gmail.com

Syahidatul Munirah Badrul Munir
Pusat Pengajian Seni,
Universiti Sains Malaysia (USM)
syahidatul.nilakandi@gmail.com

Mohamed Nazreen Shahul Hamid
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP),
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nazreen@uum.edu.my

ABSTRAK

Patani ataupun kini dikenali dunia sebagai wilayah Selatan Thailand, secara asalnya adalah milik bangsa Melayu. Ia merupakan sebuah negeri berdaulat dan memiliki sejarah yang panjang, iaitu melebihi penubuhan negara Thailand itu sendiri. Namun, setelah berada di bawah penjajahan dan cengkaman Thai, negeri Patani telah runtuh, hilang dari peta dunia. Penjajahan ini membuatkan Melayu Patani semakin hari semakin hilang rupa bangsa dan juga jati diri serta ditindas daripada pelbagai aspek. Oleh sebab tidak rela untuk terus berada di bawah penjajahan Thai, rakyat Patani sentiasa bangkit berjuang hingga ke hari ini dengan pelbagai cara. Salah satunya adalah dengan memuat naik pelbagai puisi perjuangan dalam internet dengan tujuan menyemarakkan semangat nasionalisme demi untuk mengekalkan identiti nasional Melayu Patani dalam kalangan warganya agar mereka tidak pernah berputus asa bagi mencapai kemerdekaan. Puisi-puisi ini ditulis dalam bahasa Melayu dan disebar luaskan melalui laman blog, Facebook dan lain-lain lagi. Bertindak daripada itu, kajian ini mengkaji puisi-puisi perjuangan tersebut sebagai usaha untuk mengangkat kedaulatan bangsa Melayu Patani dengan lebih lanjut. Kajian ini akan dilakukan dengan kaedah analisis tekstual terhadap puisi-puisi yang ditemui dalam internet. Seterusnya, teori nasionalisme yang terkait dengan aksi dan agenda revolusioner juga akan digunakan bagi memastikan analisis tekstual yang dilakukan lebih bersifat objektif. Kaedah kepustakaan turutlah diaplikasikan dalam kajian ini bagi mendapatkan data-data berkaitan konflik yang berlaku di Patani. Kajian ini adalah dirujuk penting bagi memahami situasi sebenar yang berlaku di Patani dan juga memperlihatkan puisi dalam internet sebagai ejen penyebaran semangat nasionalisme bagi rakyat Patani, juga nyala usaha mereka yang tidaklah pernah padam hingga merentas pelbagai capaian terutamanya yang dimuat naik dalam internet.

Kata kunci: Revolusioner, Patani, puisi, perjuangan, internet

PENGENALAN

Kegemilangan Kerajaan Melayu Patani

Kerajaan Melayu Patani merupakan salah satu kerajaan Melayu tertua di Tanah Melayu, yakni sebelum dipisahkan oleh penjajah Inggeris dan dijadikan sebahagian daripada Thailand atau kini dikenali dunia sebagai Selatan Thai. Kerajaan Melayu tertua ini diasaskan pada abad ke-16 di Kota Mahligai. Pada hari ini Negeri Patani telah dipecahkan kepada tiga wilayah, iaitu Yala yang bersempadan dengan Perak dan Kedah, Narathiwat yang bersempadan dengan Kelantan dan juga Pattani (kini cuma sebuah wilayah kecil

kurang 25 kilometer panjang) di utara pantai Timur, Teluk Siam. Mengikut *Hikayat Patani* (1970), zaman kegemilangan kerajaan Patani ialah dari tahun 1584 hingga 1649, iaitu semasa diperintah raja perempuan yang dikenali sebagai Raja-Raja Pelangi. Raja-raja perempuan itu ialah, Raja Hijau (1584-1616), Raja Biru (1616-1624), Raja Ungu (1624-1635) dan Raja Kuning (1635-1649).

Kejatuhan Kerajaan Melayu Patani

Setelah Patani di bawah pimpinan Raja-Raja Pelangi dan beberapa raja kemudiannya, pada tahun 1785, Negeri Patani ditewaskan oleh pemerintah Siam di Bangkok. Tragedi ini dilihat oleh orang Melayu Patani sebagai satu penjajahan dalaman oleh kerajaan Siam ke atas kerajaan Melayu Patani. Oleh sebab ia sebagai satu penjajahan, maka berlaku beberapa siri penentangan terhadap kerajaan Siam ini. Patani cuba keluar daripada cengkaman Siam ini dengan memohon Inggeris untuk menerimanya menjadi sebahagian daripada negeri di Utara Semenanjung Tanah Melayu tetapi gagal. Pada tahun 1909, melalui Perjanjian Bangkok atau *Anglo-Siamese Treaty*, kerajaan Siam berjaya mengabsahkan kedudukannya di Patani (Nik Anuar Nik Mahmud, 2009, p29). Hal ini dapat dilakukan oleh kerajaan Siam kerana mereka terlebih dahulu menguatkan kedudukan mereka di Patani dengan menghapuskan langsung institusi raja-raja Melayu dan terus menggantikannya dengan pemerintah dari Siam (Ahmad Fathy al-Fatani, 1994, p71-72, 74). Malah, dengan perjanjian itu Patani menjadi sebahagian daripada negara Siam tanpa kerelaan tetapi atas kehendak kerajaan penjajah British dan Siam. Semenjak itu, kerajaan Siam dianggap sebagai kerajaan kolonial yang datang menjajah Negeri Patani dan Melayu Patani.

Perjuangan bangsa Melayu Patani

Kemudiannya, Siam yang bertukar nama kepada Thailand terus bertindak menghakiskan identiti orang Melayu Patani dengan pelbagai dasar yang diperkenalkan. Misalnya, pada tahun 1938 kerajaan Thailand yang diketuai oleh Phibun Songgram telah menggubal Undang-Undang Kebudayaan Thai atau Thai Rathaniyam (Chaloemtiarana, 1979, p248-317.) Objektif utama undang-undang ini, ialah menghidupkan kebudayaan Thai, di samping menyemai budaya Barat untuk semua warganegara Thai termasuk Melayu Patani. Pendidikan Thai juga telah dipaksa ke atas orang Melayu Patani. Dasar-dasar kerajaan Thai ini yang teguh dengan nasionalisme Thai dengan konsep "bangsa, agama (Buddha Tharaveda) dan raja" telah menguatkan lagi cengkaman kerajaan Thailand ke atas agama Islam dan budaya Melayu Patani. Tegasnya, kerajaan Thailand yang berpusat di Bangkok berusaha untuk "menSiamkan" ("Siamization") orang Melayu Islam Patani. Reaksi kepada penekanan yang berterusan dan kuat ini ialah penentangan terhadap pihak kerajaan Thai yang berpanjangan dengan pelbagai kejadian yang mengorbankan nyawa terjadi. Orang Melayu tidak mempunyai pilihan lain kecuali bangkit berjuang menentang gerakan licik "Siamisasi" ini.

Terdapat beberapa gerakan penentangan yang cuba menentang dasar "Siamisasi" kerajaan Thailand ini pada masa sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Namun, gerakan penentangan pertama dan utama ialah yang diketuai oleh Haji Sulong pada tahun 1940-an dan 1950-an. Haji Sulung merupakan tokoh agama Islam Patani yang membangunkan satu konsep sekolah agama yang moden, iaitu dikenali sebagai Madrasah al-Maarif al-Wataniah di bandar Patani. Sekolah agama moden ini yang dijalankan dengan sistem kelas dan memiliki sukatan pelajaran serta latihan berkawat bagi pelajar-pelajarnya, mendatangkan rasa curiga pihak Thai. Lantaran itu, kerajaan Thailand telah mengarah supaya sekolah tersebut ditutup walaupun baharu beroperasi beberapa tahun sahaja. Haji Sulong kemudiannya telah menubuhkan al-Hai`an al-Taniziah li al-Akhkam al-Shar`yyah atau Lembaga Pelaksana Hukum Shaar`ah yang bertujuan mengembelengkan tenaga pemimpin-pemimpin agama di Patani untuk menyekat ancaman kerajaan Thailand "menSiamkan" orang Melayu Patani (Mohd. Zamberi Abd. Malek, 2004, p23). Haji Sulong tidak boleh sama sekali tidak boleh menerima campur tangan orang Siam-Thai sebagai pentadbir ke atas hal-ehwal agama Islam. Maka, Haji Sulong bersama-sama rakan seperjuangan telah bertindak menghasilkan satu memorandum 7 perkara kepada kerajaan Thailand yang antara lain menyarankan autonomi budaya orang Melayu Patani bagi mempertahankan identiti dan sifat-sifatnya (Ahmad Fathy, 1994, Nik Anuar Nik Mahmud, p 2006). Namun, pihak kerajaan Thailand menolak memorandum Haji Sulong dan beliau ditangkap, kemudian dibunuh oleh pihak keselamatan. Ekoran daripada tragedi tersebut, beberapa siri penentangan yang ganas berlaku terhadap kerajaan Thailand pada 1960-an dan 1970-an.

Pertengahan tahun 1970-an ketegangan memuncak dengan kemunculan gerakan ataupun kumpulan pemisah yang menentang kerajaan Thailand seperti mana yang dilakukan oleh Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan Patani United Liberation Organization (PULO). Namun, kerajaan Thailand dapat menumpaskan gerakan bersenjata ini dan pada 1980-an berlaku masa yang agak tenang di wilayah Selatan Thai kerana wujud kesefahaman antara pihak Thai dan juga pemimpin Melayu Patani. Walau bagaimanapun, bilamana terjadinya tragedi pembunuhan di Tak Bai pada tahun 2004, kumpulan pemisah kembali bertindak agresif dalam terus berjuang menentang pihak kerajaan Thailand. Kini, perjuangan masih lagi diteruskan dan tidak hanya terhad secara fizikal tetapi juga melibatkan laman-laman internet. Misalnya, rakyat Patani sentiasa memuat naik puisi-puisi perjuangan ke dalam laman blog, Facebook dan sebagainya. Hal ini dilakukan mereka dalam usaha menyemarakkan semangat perjuangan Melayu Patani bagi menentang kerajaan Thailand. Puisi menjadi pilihan kerana sifatnya ringkas dan padat serta mudah untuk dimuat naik ke laman-laman internet tertentu, berbanding genre lain seperti novel dan cerpen yang terlalu panjang.

Dengan latar maklumat seperti di atas, kajian ini memberikan tumpuan pada puisi-puisi perjuangan Melayu Patani yang dimuat naik dalam pelbagai laman internet untuk dianalisis secara tekstual sebagai usaha mengangkat kedaulatan bangsa Melayu Patani lebih lanjut. Analisis tekstual ini dilakukan berpandukan teori nasionalisme yang terkait dengan aksi dan agenda revolusioner agar dapat menonjolkan persoalan identiti bangsa Melayu Patani yang terancam dalam fasa sejarah peradabannya. Kajian ini adalah penting bagi memberikan kefahaman terhadap situasi kompleks yang berlaku di Patani dan mengangkat peranan puisi yang disebar luaskan dalam internet sebagai alat revolusioner rakyat Patani agar semangat kemerdekaan tidak pernah terhapus.

TEORI NASIONALISME: JATI DIRI DAN KESEDARAN BANGSA

Bahagian ini akan membincangkan teori nasionalisme yang diperkenalkan oleh Anthony D. Smith, 2010). Teori ini amat penting untuk menonjolkan laungan nasionalis dan agenda revolusioner bangsa Melayu Patani. Pada dasarnya, istilah nasionalisme telah digunapakai pada akhir abad ke-18 khususnya dalam bidang sosial dan politik. Ia mula diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah Jerman, iaitu Johann Gottfried Herder dan seorang tokoh revolusioner Perancis yang dikenali sebagai Abbe Augustin de Barruel. Padahal, penggunaan istilah nasionalisme ini kurang dititikberatkan pada awal abad ke-19. Biarpun begitu, penggunaan istilah tersebut kemudiannya turut berkembang dalam bahasa Inggeris pada tahun 1836, yakni merujuk kepada pemaknaan yang bersifat teologi. Lantas, istilah nasionalisme bangkit untuk mendukung doktrin berasaskan kepada bangsa tertentu yang dipilih oleh Tuhan. Dalam erti kata lain, istilah nasionalisme itu dikatakan seerti dengan *'national egoism'* sehingga mencetuskan sikap sombong dan pemujaan terhadap bangsa tertentu. Namun tidak semua nasionalisme akan mewujudkan '*national egoism'*. Malah, penggunaan istilah nasionalisme lebih memfokuskan aspek kewarganegaraan serta identiti kebangsaan yang mencakupi istilah *'nationality'* dan *'nationalness'* (Smith, 2010, p 13). Oleh yang demikian, penggunaan istilah nasionalisme ini mewujudkan reaksi dan memenuhi konsep yang terbuka tanpa mengendahkan persoalan hak identiti sesebuah bangsa.

Dengan cara itu, batasan teori nasionalisme menampilkan suatu dimensi baru kerana melaluinya ideologi bukan sekadar mempamerkan pemikiran dan nilai. Akan tetapi, korpus nasionalisme ini mengusulkan kesetiaan dan pembentukan komuniti bangsa yang dimobiliti untuk menuntut kemerdekaan, yakni bersifat kemandirian serta bebas daripada sebarang kebudayaan yang dominan. Perkara ini menyamai dengan pandangan Cottam (1984, p 29) yang menegaskan seperti berikut:

> *I define nationalism, like ideology, in terms of perception and of value. Nationalism occurs when a large number of people perceive they belong to community that is entitled to and capable of maintaining independent statehood and who grant that community a primary and the primary terminal loyalty. The phrase 'the primary terminal loyalty' is meant to convey the meaning that a nationalist as defined can hold a primary attachment to only one community for which he desires independent statehood.*

Sesungguhnya, pandangan di atas telah memperkukuhkan lagi kerangka teori yang dicadangkan oleh Anthony D. Smith sebagai kaedah untuk meneliti puisi-puisi perjuangan bangsa Melayu Patani dalam internet. Dalam hal ini, Smith (2010, p 13) telah mengemukakan lima ciri utama bagi menjelaskan pemaknaan istilah nasionalisme dengan lebih rinci, iaitu:

(1) Proses pembentukan atau pertumbuhan identiti bangsa *(a process of formation, or growth, of nation)*. Umumnya, ciri ini merangkumi penggunaan istilah nasionalisme yang sempit. Namun, Smith menjelaskan ciri ini sebagai, *"it is therefore best left for later consideration when we look at the term 'nation'"*.
(2) Sentimen atau kesedaran kepunyaan bangsa *(a sentiment or consciousness of belonging to the nation)*. Misalnya di sini, seseorang boleh memiliki kesedaran bangsa yang besar tanpa adanya simbolisme, gerakan atau ideologi yang berasaskan identity bangsa. Namun begitu, ada pula suatu golongan yang berupaya menunjukkan kesedaran bangsa dengan kecenderungan ideologi atau simbol bangsa walaupun bukan secara terang-terangan. Tentang ciri ini, Smith menyatakan bahawa, "*is sufficiently clear to allow us to treat the concept of national consciousness or sentiment separately from that of nationalism, even if in practice there is often some degree of overlap between them"*.
(3) Bahasa dan simbolisme sesebuah bangsa *(a language and symbolism of the nation)*. Sesungguhnya, peranan bahasa dan simbol sesebuah bangsa amat penting. Ia bertujuan untuk membangkitkan jati diri bangsa dan membentuk dialog antara nasionalis. Smith menyatakan, "*if not the designated population at large, needs to be borne in mind; for it serves to connect the more active and organized sectors to the usually much larger, more passive and fragmented segments of the population"*.
(4) Gerakan sosial dan politik yang mewakili sesebuah bangsa *(a social and political movement on behalf of the nation)*. Melalui ciri ini, gerakan nasionalisme lebih menekan aspek kebudayaan dan perwakilan bangsa. Kemunculan sastera dan budaya rakyat mencakupi pelbagai disiplin ilmu seperti filologi, drama dan puisi, seni kraf, seni muzik serta seni tarian. Smith menghuraikannya dengan lebih lanjut, *"a nationalist movement will commence not with a protest rally, declaration or armed resistance, but with the appearance of literary societies, historical research, music festivals and cultural journals"*.
(5) Doktrin dan/atau ideologi bangsa secara umum atau khusus *(a doctrine and/or ideology of the nation; both general and particular)*. Ciri ini berhubungan dengan ciri yang keempat, yakni sesebuah gerakan nasionalis berupaya mengekalkan dan menampilkan matlamat serta cita-cita bangsa. Ciri ini dijelaskan Smith iaitu, *"the goals of the sociopolitical movement are defined not by the activities or the personnel of the movement, but by the basic ideals and tenets of the ideology"*.

Hasilnya, perbincangan kelima-lima ciri di atas telah memunculkan perbincangan yang lebih mendalam mengenai korpus istilah nasionalisme. Malah, suatu perkara yang diberi perhatian lagi ialah persoalan ideologi nasionalisme. Walau bagaimanapun, wacana mengenai ideologi nasionalisme masih banyak kelompongan dan bersifat sangat kompleks. Persoalan ideologi sering dilihat begitu mengelirukan dan boleh mewujudkan suatu pertikaian yang rumit. Dalam jurus pandang lain, nasionalisme digunakan untuk merujuk kepada suatu ideologi yang mengkonstruksikan tema terhadap kesedaran dan kesejahteraan sesebuah bangsa (Smith, 2010, p 15). Justeru, ideologi nasionalisme wajar disorot berdasarkan kepada kesinambungan identiti bangsa yang selaras dengan pandangan dunia semasa. Pendapat yang sama turut diperlihatkan oleh Harrison dan Boyd (2003, p 155) menjelaskan seperti berikut:

> *As an ideology, nationalism involves creating a 'world view' – a Weltanschauung – a set of coherent ideas and values that gives meaning to the past for a social group, explains the present, and offers a programme for possible future action. Nationalism is the least intellectual of the major ideologies while being the most irrational and emotional, tapping into deep passions*

Menurut mereka, nasionalisme sebagai ideologi utama, iaitu jelas menonjolkan akal fikiran dan daya intelektual yang tinggi. Dalam masa yang sama, pandangan dunia mendasari kepelbagaian asal usul budaya yang berkemampuan untuk memenuhi keharmonian dan kesatuan masyarakat global. Manifestasi daripada pandangan dunia ini, turut terangkum di dalamnya beberapa peringkat ideologi nasionalisme. Untuk itu, terdapat tiga peringkat yang meletakkan nasionalisme sebagai ideologi yang praktis. Maka, peringkat tersebut dapat diklasifikasikan kepada tiga tahap yang saling bersangkutan antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan oleh Smith (2013, p 16), "*These generic goals are three: national autonomy, national unity and national identity, and, for nationalists, a nation cannot survive without a sufficient degree of all three.* Ketiga-tiga peringkat atau tahap tersebut dapat dikenalpasti sebagai autonomi bangsa, kesatuan bangsa dan identiti bangsa. Pada hakikatnya, sesebuah gerakan nasionalis itu juga tidak akan berupaya bertahan sekiranya ketiga-tiga tahap ini tidak dimanfaatkan bersama. Kemudian, apabila diteliti tentang takrifan istilah nasionalisme yang lebih luas, gerakan ideologi dapat difahami sebagai suatu pencapaian bagi sesebuah bangsa. Dalam erti kata lain, gerakan ideologi mendukung kuat akan pemeliharaan autonomi, perpaduan dan identiti bangsa yang melingkungi

populasi anggota penduduk, iaitu berpotensi besar mengekalkan kenasionalannya (Smith, 2000, p 13). Malah, perspektif ini juga membuka peluang kepada sesebuah bangsa untuk menyebarluaskan ideologi nasionalisme demi memenuhi objektif perjuangan bangsa. Sesungguhnya, hala tuju sesebuah gerakan nasionalisme berbeza dengan gerakan-gerakan sosio-politik yang lain. Dalam pada itu, gerakan nasionalisme penting dalam sejarah peradaban manusia kerana ia berupaya meneguhkan kedudukan manusia secara menyeluruh, sekali gus menentukan nasib dan hak bangsa ke atas tanah air sendiri.

Bersabit dengan perkara di atas, pemahaman terhadap ideologi dan gerakan tidak hanya dibataskan kepada konsep nasionalisme yang ditandai oleh perjuangan menuntut kemerdekaan sahaja. Dalam perkembangan ideologi nasionalisme, ia juga bertolak daripada perkataan *"in maintaining"* atau untuk mempertahankan identiti bangsa. Perkembangan ini menjadi landasan kepada mereka untuk merealisasikan hasrat dan kelangsungan ideologi nasionalisme yang sudah lama teguh menaungi sesebuah negara (Smith, 2010, p 16). Malah, nasionalisme turut lahir dengan cakupan yang lebih luas kerana merangkumi kelompok minoriti atau lebih tepat merujuk bangsa yang tidak mempunyai negara. Keadaan yang seumpama inilah yang membuktikan bahawa budaya dan kedaulatan bangsa tidak boleh dinafikan haknya. Sedangkan, kelompok minoriti tersebut turut mengusahakan sebuah negara bangsa, yakni menginginkan suatu pengiktirafan di seluruh persada dunia. Hal ini selari dengan pandangan Fanon (1963) dalam bukunya *The Wretched of the Earth,* memberi perhatian yang sama terhadap kebebasan bangsa yang terpinggir seperti berikut:

> *A national culture is the whole body of efforts made by a people in the sphere of thought to describe, justify, and praise the action through which that people has created itself and keep itself in existence. A national culture is underdeveloped countries should therefore take its place at the very heart of the struggle for freedom which these countries are carrying on.* (p 233)

Sebagai akibatnya, keeksklusifan bangsa dilihat menyebabkan perpisahan sejarah manusia. Dalam konteks ini, penolakan budaya dan jati diri bangsa lain telah mewujudkan batas-batas perbezaan dan jurang yang ketara di antara kelompok dominan dengan kelompok minoriti. Justeru, dalam usaha mereka mengembalikan jati diri, timbul kesedaran yang berganda sehingga mencetuskan suatu revolusi bangsa. Sementara itu, pandangan Fanon tersebut turut disokong oleh seorang ahli Sejarawan, iaitu Wang Gungwu. Beliau menyarankan agar tidak berlaku pengabaian hak terhadap kelompok minoriti termasuklah bangsa Melayu di Selatan Thai. Tentang hal ini, Gungwu (1973, p 85-86) menghuraikan seperti berikut:

> *....one cannot ignore the by-product nationalism of minority groups in the new nations, notably in the larger polities, of the Mongols and the Tibetans in China and of the Muslims in India who broke away to form Pakistan, and also of those who remained in India; and, in smaller nations, of the Karens in Burma, the Malays in Thailand, the Tamils in Ceylon and the Muslims in the Philippines, and, rather as a special problem by itself, of the Chinese minorities all over South-East Asia.*

Seperti yang dijelaskan, perbincangan ini tidak didasari oleh pemaknaan ideologi nasionalisme yang sempit. Sehubungan itu, perbincangan lebih lanjut adalah untuk menerapkan teori nasionalisme ini terhadap puisi-puisi perjuangan dalam internet. Lantas, puisi-puisi tersebut bukan sekadar melengkapkan asas ideologi nasionalisme, tetapi turut mengilhamkan aksi dan agenda revolusioner.

PERANAN PUISI DALAM INTERNET SEBAGAI ALAT REVOLUSIONER

Dalam dekad serba canggih sekarang, internet merupakan suatu peranti mudah alih *(compatible mobile devices)* yang capaiannya bukan sahaja tidak terhad, bahkan boleh dikongsi merentas pelbagai aplikasi lain. Sebagai contoh, sekiranya sesuatu perkara dimuat naik di Facebook, ia turut boleh dikongsi di Instagram, Twitter, WhatsApp dan pelbagai lagi, atau lebih mudah, taip sahaja di Google, pasti terpapar pelbagai capaian laman web berkenaan perkara yang dicari. Menurut Eddy Suprihadi (2020, p 113), "Pertumbuhan eksplosif internet adalah fenomena revolusioner komputasi dan telekomunikasi. Internet telah menjadi jaringan informasi terbesar global."

Hasil daripada revolusi komputasi ini, kata Suyatno Ladiqi (2018, p 228),"Kemampuan Internet untuk menggalang massa berkat arus komunikasi yang diwadahinya, berhasil menggerakkan ratusan ribu demonstran...". Hal ini bermaksud, revolusi komputasi bukan sahaja melibatkan kecanggihan peranti, tetapi kemudiannya menjadi landasan kepada revolusi kemanusiaan, yang sebelum ini sekadar mampu berjuang

mempertahankan hak secara fizikal dalam kawasan tertutup (negara) yang dikuasai autonomi pemerintahan, sehinggakan perjuangan itu sekadar diketahui dalam ruang lingkup kawasan tersebut sahaja. Lebih malang, seperti yang berlaku di selatan Thailand, bangsa Melayu-Islam dikatakan pemberontak atau pengganas. Demikianlah yang selama ini diuar-uarkan di media konvensional. Disebabkan itulah, seperti kata Gun Gun Heryanto (2018, p 33) "...internet disebut revolusioner karena sedikitnya kontrol informasi atau *gatekeeping...*" berbanding media konvensional yang dikawal sepenuhnya oleh pemegang kuasa, bukan pemegang taruh (masyarakat). Menurut *Journalism and Truth in age of Social Media* (2019, p 173), *"... journalistic bias was already present and strong way before the Internet age. So, we must be concerned with whether algorithmic or search engine research is more or less balanced than that of human selection"*. Berdasarkan penyataan ini, bias kewartawanan sangat kuat pada zaman sebelum meluasnya penggunaan internet. Sesuatu perkara itu diceritakan secara selektif mengikut minat pelapor. Oleh hal yang demikian, keberadaan internet ini perlu dinilai sebagai penyebar maklumat terkini yang lebih seimbang dan saksama, kerana informasinya meliputi segenap kelompok masyarakat.

Bangsa Melayu Patani turut tidak terkecuali daripada memanfaatkan revolusi internet. Meskipun ditindas secara fizikal, barangkali dilapah hak ketuanan bangsa, tetapi pihak pemerintah tidak mungkin dapat mematahkan nyala juang mereka. Biarpun sistem pendidikan konvensional membuang terus sejarah keterbilangan Patani Darussalam, walaupun ramai umat Islam di Patani tidak mendapat hak pendidikan seadilnya, mereka tidak menjadi manusia kolot dan terkebelakang. Buktinya, pada tahun 2007, ketika ramai manusia belum pun celik teknologi, www.*patanikini.wordpress.com* telah muncul di laman internet dengan slogan "Mempertahankan Hak Melayu dan Ketuanan Islam". Laman ini sentiasa berkisah tentang polemik rakyat-pemerintah yang dihadapi oleh bangsa Melayu-Islam di selatan Thailand. Kehadiran laman web ini kemudiannya mencambahkan banyak laman web lain yang berkongsi kisah serta sajak-sajak perjuangan Melayu Patani seperti www.duwenk.blogspot.com, www.amanpattani.blogspot.com, www.patanibook.blogspot.com, www.ambranews.com, www.misijelajahpatani.blogspot.com, www.nikrakib.blogspot.com dan pelbagai lagi. Apabila Facebook mula diperkenalkan, hadir pula beberapa laman seperti *Derita Rakyat Patani*, *Patani Darussalam News*, *Berita Patani*, *Bicara Patani*, *Jalan Ku Patani Merdeka*, *Pertemuan Penyair Nusantara Patani* dan banyak lagi.

Hasilnya, derita rakyat Patani yang selama ini cuma digalang sesama mereka sahaja, kini telah diketahui secara jelas oleh bangsa serumpun negara tetangga. Malahan, cakupan ini bukan sahaja mendapat perhatian masyarakat kebanyakan negara tetangga, tetapi juga dipandang serius oleh golongan akademia, lalu dilanjutkan dalam kajian-kajian ilmiah. Pelbagai tulisan berautoriti tentang Patani diterbitkan oleh Jurnal antarabangsa serta tempatan, antaranya *"The Role Of Haji Sulong In Fighting Special Autonomy For Patani Southern Thailand (1947-1954)"* yang diterbitkan oleh *Jurnal Historica* dan "Lirik Lagu Perjuangan Melayu-Islam Patani dalam Media Baharu: Suatu Analisis" yang turut dibentangkan di *International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea,* yang berlangsung pada14-16 Mei 2014. Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia menerusi Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu turut tidak melepaskan peluang melaksanakan solidariti akademik terhadap Patani apabila menerbitkan Jurnal khas yang keseluruhannya memuatkan kajian tentang bangsa Melayu Patani. Dalam hal ini, masyarakat Melayu Patani terlihat bijak memanfaatkan teknologi ataupun revolusi komputasi juga komunikasi. Inilah yang dikatakan gerakan nasionalisme. Berpantang ajal sebelum maut, mereka merangkul segenap peluang merentas zaman dengan pelbagai cara terkini, demi mengembalikan hak ketuanan bangsa.

Usaha memanfaatkan revolusi komputasi ini akhirnya berjaya pula mengetengahkan penulis-penulis puisi revolusioner Patani seperti Abdul Razak Panaemalae, Baba Ding, Phaosan Jahwae, Nik Rakib, Mahroso Doloh dan ramai lagi. Mereka menulis kisah penderitaan masyarakat Melayu Patani secara lebih kreatif menerusi puisi-puisi perjuangan. Menurut Eka Maharani Putri (2019, 19), "Puisi adalah ekspresi yang konkrit dan bersifat artistik dari pemikiran manusia dalam bentuk emosional dan berirama". Hakikatnya, kata-kata adalah senjata paling tajam dan puisi pula berupaya mencitrakan sesuatu peristiwa dengan tuntas, berbaur bahasa emotif yang mengesankan juga unsur imageri yang mencengkam perasaan. Melihat kepada puisi-puisi perjuangan Patani, dapat dirangkumkan bahawa puisi-puisi ini terbahagi kepada dua fasa; puisi berperanan sebagai alat revolusioner dan puisi turut berperanan sebagai sebuah dokumentari-puisi.

Menyentuh kembali ciri-ciri revolusioner juga nasionalisme ketiga yang dikemukakan oleh Smith (2010, p 13), bahasa dan simbol membangkitkan jati diri bangsa dan membentuk dialog antara nasionalis. Daripada bahasa pula, ia menjurus kepada ciri keempat yang memperlihatkan betapa gerakan revolusioner ini

menggunakan wadah kebudayaan sebagai perwakilan bangsa (dalam konteks ini puisi dilihat sebagai wadah utama), yang akhirnya mencapai pula ciri kelima, yakni menampilkan matlamat dan cita-cita bangsa, iaitu penulis yang mewakili komuniti untuk menyampaikan isyarat perjuangan.

Salah satu sifat puisi adalah merakam situasi penting yang berlaku. Di beberapa negara bergolak, suatu terma yang dikenali sebagai dokumentari puisi (doku-puisi) sudah popular. Terdapat beberapa pemahaman tentang doku-puisi, antaranya daripada Caren Irr (1998, p 217), *"A dialectic between facts and feelings…"* iaitu puisi bertindak sebagai sebuah penyataan antara fakta (objektif) dan perasaan (subjektif). Kata Pauline Butling, (2005, p 148) *"Documentary poems were beginning to be written based on ethnicity"*. Doku-puisi bermula dengan perihal berkenaan sesebuah etnik, berikutan sekelompok etnik itu diancam oleh pihak yang lebih dominan. Hal ini bermaksud, bertepatan dengan konsep puisi sebagai alat revolusioner, puisi dilihat sebagai suatu dokumentari kerana ia merakam peristiwa-peristiwa penting yang membangkitkan semangat. Penulisnya pula semestinya merupakan seorang wakil yang berani dan kreatif menukangi puisi serta lahir daripada kelompok masyarakat yang berjuang mempertahankan kedaulatan bangsanya.

Menurut Bernadette Cronin (2020, p 127), *"These braidings in both identity and poetry, which often give way to poetic license in terms of 'facts' in order to critique and recontextualize status quos*". Penyatuan antara identiti (fakta) dan puisi akhirnya mencambahkan cabang baharu kepada lesen puitika, iaitu puisi bertindak sebagai menyatakan fakta untuk mengkritik serta menggambarkan kepincangan pemerintahan. Dalam hal ini, kebebasan penyair bukan lagi terhadap kebebasan gaya kepengarangannya menyimpang tatabahasa, tetapi kebebasan penyair menukangi puisi untuk mengkritik kepincangan sosialisasi dan pemerintahan. Tambah Bernadette Cronin (2020, p 128), *"They merge both factual/objective and imaginative/subjective approaches. The encyclopaedic definition draws attention to the participatory aspect of docupoetry among political and ethical discourses"*. Penulis-penulis revolusioner ini menggabungkan sesuatu yang objektif (fakta kezaliman) dengan pendekatan imaginatif. Hasilnya, teknik ini menjadi suatu 'ensiklopedik' atau rakaman aktual, sehinggakanelemen persajakan ini mampu memupuk semangat revolusi untuk menentang ketidakadilan pemerintahan.

Perubahan fungsi lesen puitika ini turut disokong dalam*Poetic License: Reaching Out for the Courage to Speak My Truth* (Max Roytenberg, 2012, p 143)*,"This collection presents both cries of protest and remedies, along with consultations and exhortations. Poetic license is not an offer of comfort, but rather an appeal to our courage*". Berdasarkan petikan ini, lesen puitika bukan lagi tentang penggubahan bahasa yang mendamaikan, tetapi bagaimana lesen itu mengizinkan penulis bertindak lebih berani menulis puisi-puisi bersifat revolusi, protes, atau kritikan.

ANALISIS PUISI-PUISI PERJUANGAN PATANI

Pada asasnya, nasionalisme ialah satu perasaan, semangat atau aspirasi setia juga bangga kepada negara. Sifat ini dimiliki oleh sekelompok besar manusia yang mempunyai unsur penyatuan yang sama seperti budaya, sejarah, bahasa dan sebagainya. Mereka yang dikuasai nasionalisme ini akan sentiasa berjuang dalam pelbagai cara untuk mempertahankan negaranya daripada terus dinodai kuasa-kuasa asing. Kata Hans Kon (spt. yg dipetik dlm. Suntharalingam, 1985, p2-3), nasionalisme ialah:

> …satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara-negara sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu pada bangsanya, kerana kehidupannya sendiri ialah dipercayai berdasarkan kepada dan mungkin oleh kebajikan bangsanya.

Pengertian nasionalisme tersebut sebati dengan perwatakan bangsa Melayu Patani. Mereka punya perasaan, semangat atau aspirasi setia dan bangga dengan Patani sebagai sebuah negeri yang pernah wujud, malah terbilang dalam sejarah dunia. Melayu Patani berjuang untuk mempertahankan negeri Patani yang dinodai oleh penjajahan Thai. Perjuangan mereka ini berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya perjuangan bersenjata dan secara perundingan. Perjuangan ini tidak pernah berakhir dan kini ruang internet yang terdiri daripada laman web juga media sosial menjadi alat untuk mencapai hasrat yang mereka perjuangkan. Puisi-puisi perjuangan telah dimuat naik dalam laman-laman web dan media sosial bagi membakar dan memperluaskan lagi perjuangan mereka.

Dalam puisi yang bertajuk "Bicara Damai, Kalian Harus Akur", penyair menggambarkan betapa semangat nasionalisme Melayu Patani yang berjuang menentang penjajah tidak pernah luntur. Penyair dengan beraninya mengingatkan penjajah supaya segera meninggalkan tanah airnya yang digelar "Tanah Taning Ku" atau difahami sebagai tanah kaumku (sebutan dialek taning - tani yang merupakan kaum muasal Patani). Berdasarkan petikan puisi di bawah, penyair dilihat mengusir Siam yang kini memerintah, yang disebutnya sebagai penjajah.

biarkan kami menjalankan kekuasaan kami
dengarlah hai penjajah Siam
tempatmu di sana
disini
adalah tempat kami
kalian harus akur
disini adalah 'Tanah Taning Ku'

Merujuk kepada "Tanah Taning Ku", penyair tetap menganggap bahawa mereka hidup sebagai satu negara bangsa Patani dan tidak pernah menerima kekuasaan asing sebagai pemerintah. Secara terang-terangan, penyair menulis 'dengarlah hai penjajah Siam' lalu dimuat naik ke dalam laman sesawang. Sudah tentu sifat nasionalisme dan revolusioner mengekangnya daripada sekelumitpun perasaan takut kepada pemerintah. Sedangkan, pasti tulisannya ini boleh dibaca secara meluas sehingga boleh mengancam nyawanya sendiri. Hakikatnya, puisi ini telah mencerminkan suatu gerakan revolusi untuk menentang 'penjajah' dan mati bukanlah suatu ketakutan pada para pejuang, seperti kata Anthony D. Smith (2010: p 7) *"...the concept of nationalism only to movements seeking independence"*. Nyatanya, matlamat mereka hanya satu, iaitu kemerdekaan. Aspirasi untuk merdeka daripada penjajah Thai merupakan satu aspirasi nasionalisme Melayu Patani.

Seterusnya perjuangan menentang penjajah boleh dikaji daripada puisi yang bertajuk "Malam Berdarah, Tiga Luka Satu Bangkai". Dalam puisi ini, penyair memperlihatkan bagaimana pihak tentera Thai (aparat) telah bertindak kejam ke atas masyarakat Melayu Patani, khususnya kanak-kanak yang tidak berdosa:

tiga warga desa di tembak aparat tentera
satu kanak menjadi bangkai tidak berdosa
korban kekerasan

Pembunuhan ke atas manusia yang tidak berdosa oleh pihak tentera di Selatan Thai sudah menjadi perkara biasa kepada Melayu Patani. Mereka sentiasa terdedah kepada pembunuhan kejam daripada pihak tentera Thai. Sungguhpun demikian, sejauh mana keadaan ini diketahui masyarakat luar? Bagaimana kaedahnya agar suara mereka didengari ramai? Maka seperti yang dicatat Philip Metres (2007: p 115) *"Docupoetry, a poetry that documents events..."* Sajak "Malam Berdarah, Tiga Luka Satu Bangkai" ini menepati catatan Philip Metres, iaitu sebuah sajak yang mendokumentasikan kejadian. Puisi-puisi seperti ini penting kerana inilah yang dikatakan puisi sebagai alat revolusioner, iaitu ia berupaya mencerap lalu merakam secara 'visual' dalam bentuk kata-kata (teknik imageri), sehimgga berupaya membangkitkan rasa perjuangan, serta menjadi wadah memaklumkan keperitan mereka kepada masyarakat luar.

Jiwa nasionalisme serta puisi revolusioner bangsa (Melayu Patani) dan juga Negara bangsa (Patani) begitu jelas menerusi puisi:

walau senjata ditodongkankepadamu
walau sepatu di atas kepalamu
di atas kepalaku
di atas kepala kita
ceritankanlah ini kepada siapa pun
sebab cerita ini belum tamat!!

Baris "ceritakanlah ini kepada siapa pun" memaksudkan betapa mereka tidak akan menyerah, manakala penggunaan tanda baca '!' menunjukkan kesungguhan dan amarah mereka dalam menentang pihak berkuasa. Bersangkut dengan lesen puitika menerusi puisi ini, lesen puitika (gaya penyair, penyimpangan bahasa atau penggunaan tanda baca) bukan lagi tentang penggubahan bahasa, tetapi bagaimana lesen itu mengizinkan penulis bertindak lebih berani memperlihatkan betapa puisi perjuangan harus bersifat revolusioner, protes, atau segala-galanya tentang keberanian, seperti yang dikatakan Max Roytenberg juga Bernadette Cronin da-

lam bahasan di atas. Hasilnya, menurut Catherine Gander (2013: p 211), *"by receiving the poem, the reader is called upon to look at his/her personal, social and cultural identity from a new perspective"*. Usai membaca puisi sebegini, pembaca akan cenderung untuk melihat kembali keadaan persekitarannya juga identiti budayanya daripada perspektif baharu, lantas bersekali merasai semangat juang dalam kalangan masyarakat.

Terdapat persamaan nada dalam puisi berjudul "Satu Dekad, Tragedi Tak Bai Berdarah!!" dan "Setahun Genap, Forum BICARA PATANI". Kedua-dua puisi ini seolah-olah menghantar semboyan perjuangan dan isyarat bahawa bangsa Melayu Patani akan bangkit melawan kerana penindasan ke atas mereka tidak pernah berhenti. Tegas penyair menerusi "Satu Dekad, Tragedi Tak Bai Berdarah!!":

Kau lempar aku dalam gelap
hingga hidupku menjadi gelap
kau seksa aku sangat keras
hingga aku makin mengeras
kau paksa aku terus menunduk
tapi keputusan tambah tegak
darah sudah kau teteskan
dari bibirku
luka sudah kau bilurkan
ke sekujur tubuhku
cahaya sudah kau rampas
dari biji mataku
derita sudah naik seleher
kau
menindas
sampai
di luar batas

Pada baris 'kau' 'menindas' 'sampai' 'di luar batas', teknik penyair menukil satu perkataan pada setiap satu baris tanpa merangkumkannya menjadi satu penyataan dalam baris yang sama memperlihatkan suatu isyarat penegasan, seolah-olah sedang bercakap satu demi satu perkataan dengan jelas kerana memaknakan bahawa mereka telah bersedia menghapus kezaliman. Keseluruhan puisi pula menyatakan bahawa jika manusia diperlakukan di luar batasan kemanusiaan, maka manusia itu akan bangkit menentang. Nada serta seruan tersebut dapat dilihat secara jelas juga dalam puisi "Setahun Genap, Forum BICARA PATANI". Daripada tajuk lagi, apabila "BICARA PATANI" ditulis dalam huruf besar manakala tiga perkataan lain hanyalah berhuruf kecil, ia menandakan satu penegasan serta simbol betapa 'BICARA PATANI' (suara perjuangan Melayu Patani) tidak pernah surut semangatnya. Sajak ini juga kelihatan sungguh berterus-terang untuk melawan kebejatan pemerintahan:

sesungguhnya suara itu tak bisa diredam
mulut bisa dibungkam
namun siapa mampu menghenti nyanyian kebebasan
dan pertanyaan-pertanyaan dari lidah bangsa itu
suara-suara itu tidak bisa dipenjara
di sana bersemayam kebebasan
apabila engkau memaksa diam
aku siapkan untuk mu: pemberontakan!!

Pada baris kelima iaitu "suara-suara itu tidak bisa dipenjara", penyair menghantar isyarat bahawa meskipun mereka dizalimi, ditindas malah dibunuh, suara mereka untuk bangkit mempertahankan kebenaran bahawa Patani adalah bumi milik mereka tidak akan berjaya didiamkan pihak pemerintah. Penyair malah memberi amaran pada baris terakhir dengan kata "Pemberontakan!", iaitu menunjukkan mereka pasti bangkit melawan. Semangat jitu ini hadir menurut Igor Cherstich (2020, p 139), "*The conception of revolution as a sudden cut with the past, a rupture with the bonds, and the inheritance of the old society",* iaitu revolusi berlaku akibat terlerainya suatu kisah (sejarah) masa lalu, terpecahnya ikatan masyarakat (kedaulatan Patani), lalu mereka selaku bangsa asalnya bangkit membela. Dalam hal ini, jelas bahawa puisi bukan sahaja bertindak sebagai suatu wadah untuk melepaskan perasaan, tetapi selaku alat revolusioner untuk menyatakan perjuan-

gan serta membangkitkan semangat juang dalam khalayak mereka.

Perkembangan komputasi revolusi 4.0 memperlihatkan kemajuan juga keterbukaan masyarakat dunia yang kian efektif menyampaikan maklumat. Membanggakan, bangsa Melayu Patani yang ditindas itu bukan sahaja tidak terkecuali, bahkan mereka pula mendepani masyarakat lain, menggunakan medium puisi dan internet sebagai alat menyebarluas keadaan di bumi Patani. Di You Tube, nama-nama pemilik akaun Patani Record, JoPati Official, Puisi PATANI, Kotak Imajinasi, Rakyat PATANI, PENA PATANI dan lain-lain lagi, serta kandungan video yang dimuat naik semakin mendapat perhatian. Antaranya, puisi "Sejak Pecah" (Patani) nukilan dan deklamasi Ibnu Zulkifli atau nama penanya Buya Patriot, 12 Disember 2019 yang dijadikan video seperti dalam gambar di bawah:

2004 M.
Sudahlah!
Saat tuk bangkit
Mencari arah
Berghairah
Hingga Patani betah!

(Sumber: You Tube Puisi PATANI, Terbitan Waubulan Patani)

Rakaman puisi ini dimulakan dengan takbir, suara-suara jeritan juga bunyi tembakan. Selanjutnya, sepanjang video dan deklamasi berlangsung, dimasukkan kesan bunyi pada perkataan 'darah', 'gagah' dan beberapa perkataan berbaur penegasan yang lain. Nada deklamasi yang keras dengan iringan muzik latar bersesuaian menjadikan video ini sangat menarik. Inilah yang dikatakan puisi sebagai alat revolusioner. Sebelumnya, ia ditulis lalu dimuat naik dalam laman web untuk dibaca. Kini, puisi telah diberi unsur revolusi dengan menggunakan kepelbagaian elemen bagi menimbulkan kesan emosi, malah lebih menakjubkan, rakaman puisi ini menggunakan warna-warna perlambangan untuk menggambarkan kematian, kesengsaraan, kesedihan dan pelbagai lagi. Dalam konteks ini, teknik puisi ini sendiri telah melalui proses revolusi iaitu daripada sekadar dibaca, namun kini dapat membangkitkan kebersamaan emosi usai ditonton dan didengar deklamasinya, lantas lebih menyemarakkan rasa mahu berjuang, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat mereka, bahkan sesiapa jua yang menontonnya.

(Sumber: You Tube Puisi PATANI, Terbitan Waubulan Patani)

Demikian juga dengan puisi "Entah Kemana Kedamaian" yang dideklamasikan oleh nama pena, Rumpun Bersaudara, terbitan Wau bulan Patani. Selain daripada unsur visual yang pernuh simbolik, mereka secara terang-terangan mengajak masyarakat Melayu Patani untuk bangkit melawan. Antara yang termuat dalam puisi ini ialah:

Hidup di bumi sendiri namun tak kunjung ku dapati
kedamaian yang tak pernah kurasai
bunga-bunga jiwa tak pernah disirami
mengganti air mata berdarah menyirami bumi
diinjak ditindas tanpa henti
duhai engkau yang cinta damai
bangkitlah kawan tuk melawan penindasan
gandingkan tangan merebut keadilan

Puisi-puisi perjuangan Patani bukanlah puisi yang kaya dengan metafora atau stilistik bahasa yang boleh menyelindungkan makna disebalik kata-kata puitis. Puisi mereka bersifat langsung, tetapi inilah suatu bentuk dokumentari puisi, iaitu merakamkan perkara aktual, bertepatan pula dengan fungsi penulis, iaitu merakam zaman. Dalam hal ini, mereka merakam keadaan dan menggambarkan perasaan yang mereka rasai. Pun begitu, dengan menerbitkan puisi-puisi begini, sudah tentu nyawa mereka bagai di hujung tanduk, sedangkan sebelum media digunakan lagi mereka sudah diperlakukan dengan kejam, inikan pula apabila mereka menggunakan medium yang capaiannya begitu besar. Merujuk kepada gambar puisi "Entah Kemana Kedamaian" ini, visual memaparkan makna simbolik yang begitu mendalam. Penyair menulis "Oh.. kedamaian!!!" dengan perasaan rencam, iaitu menyeru kedamaian dengan tiga tanda seru (memekik), kemudian latar visualnya pula memaparkan angin kencang dan bumi berwarna hitam. Simbolik mendalam ini menunjukkan kedamaian itu amat sukar dinikmati, sebaliknya kedamaian ialah pada kekencangan angin (kekacauan pemerintah) dan gelapnya bumi (gelapnya kehidupan bangsa Patani). Peralihan puisi kepada bentuk visual ini dilihat lebih tuntas dan merangkul erat makna puisi sebagai suatu alat revolusi. Seperti kata Philip Metres (2007, p 115) *"... then docupoetry functioned as a producer of meaning, an 'alternative media'"*. Doku-puisi berfungsi sebagai penterjemah sesebuah makna juga alternatif media tentang sesuatu perkara yang berlaku. Bertepatan dengan itu, puisi-puisi revolusioner ini berjaya menterjemah maksud lalu dimasukkan ke dalam You Tube sebagai media alternatif yang jitu, kerana kita dapat membaca sajaknya, mendengar nada deklamasi penulis asalnya juga dapat melihat terjemahan visualnya. Demikianlah, marcapada kini, puisi mampu bertindak sebagai medium perjuangan yang begitu mengesankan.

KESIMPULAN

Intihanya, puisi-puisi yang dianalisis secara tekstual memperlihatkan nasionalisme Melayu Patani menjadi tema yang amat dominan. Tidak ditemui akan puisi-puisi yang membicarakan atau memperkatakan agama Islam dan budaya mereka. Hal ini menunjukkan bahawa aspirasi masyarakat Melayu Patani ialah untuk merdeka dan memiliki satu negara bangsa yang bermaruah. Sejarah Melayu Patani dengan kerajaannya yang berwibawa menjadi tenaga untuk memastikan obor perjuangan politik terus menyala. Segala bentuk penindasan dan kecekalan yang menimpa mereka tidak memadamkan semangat perjuangan mereka, sebaliknya menjadi pemangkin kepada perjuangan untuk sebuah negara bangsa yang menyatukan bangsa. Dengan kemerdekaan sahaja, perkara-perkara lain akan dicapai seperti memartabatkan bahasa Melayu.

Puisi-puisi perjuangan Patani ini membuka tiga cabang revolusi, iaitu revolusi komputasi yang memperlihatkan kecanggihan masyarakat mendepani zaman untuk berjuang, revolusi teknik mencitrakan puisi supaya mesej mereka sampai serta revolusi kendiri yang tetap berjuang mempertahankan tanah tumpah darah mereka. Meskipun puisi-puisi yang didokumentarikan dalam bentuk visual terlihat amat membahayakan nyawa mereka, namun itulah perjuangan juga revolusiyang boleh memaparkan ilustrasi pemandangan demi membangkitkan nyala perjuangan bangsa . Sifat mereka bertepatan dengan Amanat Proklamasi Soekarno (1966, p 72), "Sekali kita berani bertindak revolusioner, tetap kita harus bertindak revolusioner dalam menampung segala akibat-akibatnja". Selamanya, bangsa Melayu Patani akan dikenali sebagai wira yang setia kepada bumi tercintanya.

RUJUKAN

Pauline, B & Susan, R. (2005). *Poets talk: Conversations with Robert Kroetsch, Daphne Marlatt, Erin Moure, Dionne Brand, Marie Annharte Baker, Jeff Derksen, and Fred Wah*. Edmonton: University of Alberta.

Cherstich Igor, C, Martin, H & Nico, T. (2020). *Anthropologies of revolution: Forging time, people, and words*. California: University of California Press.

Cottam Richard, C. (1984). Nationalism in the Middle East: A Behavioural approach. In Said Amir Arjoumend (Eds.). *From Nationalism to Revolutionary Islam* (pp. 28-52). Albany: State University of New York Press.

Bernadette, C, Rachel, M.S & Nikolai, P. (2020). *Adaptation considered as a collaborative art: Process and practice.* Cham: Springer Nature.

Eddy Suprihadi. (2020). *Sistem informasi bisnis dunia versi 4.0*. Yogyakarta: Penerbit ANDI.

Eka Maharani Putri. (2019). *Puisi akrostik: Cara mudah membuat puisi.* Kuningan: Penerbit Goresan Pena.

Frantz, F. (1963). *The Wretched of the earth.* New York: Groves Press.

Catherine, G. (2013). *Muriel Rukeyser and documentary: The poetics of connection.*Edinburgh: Edinburgh University Press.

Gun Gun Heryanto. (2018). *Media komunikasi politik.* Yogyakarta: IRCiSoD.

Gungwu Wang. (1973). Nationalism in Asia. In Kamenka Eugene (Eds.). *Nationalism: The nature and evolution of an idea* (pp. 82-99). Canberra: Autralian National University Press.

Kevin, H & Tony, B. (2003). *Understanding political ideas and movements*. Manchester: Manchester University Press.

Ibnu Zulkifli, Puisi PATANI (14 Disember 2019). *Sejak Pecah*. https://www.youtube.com/watch?v=g0-1wi5xfU0.

Caren, I. (1998). *The Suburb of dissent: Cultural politicsin the United States and Canada during the1930s.* Michigan: Duke University Press.

Katz, J.E & Mays, K.K. (2019). *Journalism and Truth in an Age of Social Media*. Oxford: Oxford University Press.

Metres Philip, M. (2007). *Behind the lines: War resistance poetry on the american home front since 1941*. Iowa: University of Iowa Press.

Max, R. (2012). *Poetic Lisence: Reaching out for the courage to speak my truth.* Bloomington: Universe, Inc.

Rumpun Nusantara, Puisi PATANI (16 Oktober 2020). *Entah Ke mana Kedamaian*. https://www.youtube.com/watch?v=o7lCtFawwQ4.

Anthony, S.D. (2000). *The Nation in history, historiographical debates about ethnicity and nationalism.* Cambrige: University Press of New England.

Anthony, S.D. (2010). *Nationalism: theory, ideology, history* (2nd ed.).Cambrige: Polity Press.

Soekarno. (2007). *Amanat Proklamasi*. Michigan: University of Michigan.

Suyatno Ladiqi & Ismail Suardi Wekke (2018). *Demokrasi di Era Digital: Pertautan antara Internet dengan Politik*. Yogyakarta: Diandra Kreatif.

Bicara damai kalian harus akui. Muat turun, 23 August, 2014 daripada http://www.sourcewatch.org/index.php?title=Arab_Spring,

Malam berdarah, tiga luka satu bangkai. Muat turun 2 April 2015 daripada https://www.facebook.com/patani.faktadanopini/posts/785205361558906.

Patani darah juang. Muat turun 2 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/10/tentera-lepas-tembakan-tiga-luka-satu.html.

Gelombang Obor Revolusi Rakyat Patani. Muat turun 2 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2012/01/patani-darah-juang_19.html..

Tujuan kita satu ibu. Muat turun 2 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2013/01/gelombang-obor-revolusi-rakyatpatani.html.

Apa penguasa kira. Muat turun 3 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/08/tujuan-kita-satu-ibu.html.

Menentu jalan kemerdekaan. Muat turun 3 April 2015.http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/06/apa-penguasa-kira.html.

Kamu pahlawan. Muat turun 3 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/08/menentu-jalan-kemerdekaan.html.

Patani bangsa yang hilang. Muat turun 4 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/08/kamu-pahlawan.html.

Setahun genap forum bicara patani. Muat turun 4 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/08/patani-bangsa-yang-hilang-akhir-periode.html.

http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/10/setahun-genap-forum-bicara-patani.html. Muat turun 4 April 2015.

Bongkar penggelapan sejarah. Muat turun 4 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/10/bongkar-penggelapan-sejarah.html.

Oktober satu dekade tragedi Tak Bai. Muat turun 4 April 2015 daripada http://dangerofpatani.blogspot.com/2014/10/25-oktober-satu-dekade-tragedi-tak bai_16.html.

PENTERJEMAHAN SASTERA KANAK-KANAK DARI BAHASA THAI KE DALAM BAHASA MELAYU DI SELATAN THAILAND

Aminoh Jehwae
Malay Section,
Prince of Songkla University,
Pattani, THAILAND.
ayasalae@hotmail.com

ABSTRAK

Sastera memainkan peranan penting sebagai instrumen pendidikan dan juga hiburan untuk kanak-kanak. Melalui pendedahan kepada sastera, kanak-kanak mempelajari kata dan idea baru yang bukan sahaja penting untuk tujuan pendidikan, tetapi juga penting untuk memupuk keyakinan dalam diri. Walau bagaimanapun, penulisan secara khusus untuk kanak-kanak boleh dikatakan agak baru di banyak negara di seluruh dunia. Oleh yang demikian, terjemahan merupakan salah satu langkah yang dapat memberi pendedahan ilmu yang dianggap baru kepada kanak-kanak terutama menterjemah karya sastera hasil pengarang yang hebat. Selain memenuhi lompang dalam keperluan bahan bacaan untuk kanak-kanak dalam Bahasa Melayu. Justeru itu, kertas kerja ini akan mengemukakan perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak dari Bahasa Thai ke dalam Bahasa Melayu di Selatan Thailand. Seterusnya akan mengenalpasti kriteria pemilihan buku yang akan diterjemah. Selanjutnya akan turut mengkaji apakah teknik penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dan bagaimanakah cara mengatasinya sekiranya menghadapi kesulitan semasa menterjemah. Kajian ini menumpukan perbincangan terhadap hasil terjemahan Waemaji Paramal yang telah banyak menterjemahkan sastera kanak-kanak dari Bahasa Thai ke dalam Bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif di mana pemerolehan data adalah melalui sumber kepustakaan serta temu bual dengan penterjemah. Hasil kajian mendapati bahawa penterjemahan buku sastera kanak-kanak dari Bahasa Thai ke dalam Bahasa Melayu baru saja wujud di Selatan Thailand. Malah jumlah buku juga amatlah sedikit berbanding dengan buku-buku dewasa. Sementara kriteria pemilihan buku untuk diterjemah bergantung pada penerbit yang secara keseluruhannya memberi kepentingan terhadap perkembangan kanak-kanak yang meliputi perkembangan dari segi mental, fizikal dan emosi. Walau bagaimanapun, pengarang yang hebat telah menjadi kriteria yang paling penting kerana mereka dapat menghasilkan buku yang dapat memahami psikologi kanak-kanak. Seterusnya teknik yang diguna oleh penterjemah amatlah memuaskan kerana penterjemah amatlah menitikberat soal penterjemahan yang bukan hanya mementingkan perkataan tetapi turut diberi keutamaan dari segi bentuk.

Kata Kunci: penterjemahan, sastera kanak-kanak, Selatan Thailand

PENGENALAN

Kepentingan sastera atau peranan sastera terhadap perkembangan kanak-kanak sering diungkapkan oleh beberapa pengkaji. Antaranya MacIntyre (1981. hlm. 216) yang menegaskan bahawa, "Deprive children of stories and you leave them unscripted, anxious stutterers in their actions as in their words." Ungkapan tersebut menunjukkan tentang pendedahan sastera kepada kanak-kanak yang dapat memberi sumbangan besar kepada kanak-kanak. Mereka dapat mempelajari kata dan idea baru yang bukan sahaja penting untuk tujuan pendidikan, tetapi juga penting untuk memupuk keyakinan dalam diri. Begitu juga dengan Rosen (2009) turut mengemukakan pendapat yang sama tentang kepentingan sastera kanak- kanak. Menurut beliau, *"Children who come from homes where books are being read get access to the kinds of abstract and complex ideas that you can only get hold of easily through exposure to extended prose. The rest are being fed worksheets*." Hal ini demikian kerana asas bahasa dan pemahaman konsep yang kukuh adalah penting untuk menyokong kemahiran berfikir kanak-kanak dan seterusnya membolehkan mereka bersifat lebih yakin dalam

apa-apa sahaja yang mereka lakukan. Sastera kanak-kanak ternyata memainkan peranan utama untuk memastikan kanak-kanak membesar secara holistik.

Kepentingan sastera untuk pembesaran kanak-kanak sememangnya diperakui. Walau bagaimanapun, penulisan secara khusus untuk kanak-kanak boleh dikatakan agak baru di banyak negara di seluruh dunia terutama di negara Thai yang mengutamakan bahasa Thai. Oleh sebab itu, terjemahan membentuk sebahagian besar sastera kanak-kanak di seluruh dunia (Čermáková, 2018, hlm. 118). Di Thailand, sebahagian besar buku kanak-kanak ditulis dalam bahasa Thai kerana ia adalah bahasa rasmi. Namun begitu di Selatan Thailand penduduk majoriti terdiri daripada orang Melayu yang dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh itu, terdapat beberapa projek yang telah dilakukan bagi memenuhi kehendak penduduk tempatan yang masih berkurangan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Sehingga pada akhirnya wujudlah bahan bacaan kanak-kanak yang berbentuk dwibahasa, iaitu bahasa Thai dan Melayu. Bagi memenuhi lompang dalam keperluan bahan bacaan untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu, penterjemahan sastera kanak-kanak telah dimulakan sejak abad ke-20. Akan tetapi penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu masih sedikit jumlahnya sekiranya berbanding dengan bahasa yang lain mungkin disebabkan oleh pertambahan penulisan bahan bacaan untuk kanak-kanak dalam bahasa Thai yang mudah didapati dan difahami oleh generasi baru. Walau bagaimanapun, pemerhatian yang dijalankan ke atas judul buku kanak-kanak yang diterbitkan di dalam bahasa Melayu dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu antara tahun 2007 sehingga tahun 2020 menunjukkan terdapat sekitar 14 judul buku kanak-kanak yang merupakan terjemahan. Jumlah ini dianggap masih rendah namun, didapati jumlahnya semakin meningkat terutama pada tahun 2017 ke atas. Peningkatan ini menunjukkan trend yang seiring dengan peningkatan penerbitan buku kanak-kanak di Thailand, dan pada masa yang sama membuktikan bahawa penterjemahan masih memainkan peranan utama yang menyumbang kepada sumber bacaan kanak-kanak dalam bahasa Melayu.

Permasalahan Kajian

Penterjemahan buku sastera untuk kanak-kanak di Thailand dalam bahasa Melayu amatlah sedikit. Sedangkan ramai kanak-kanak Melayu yang memerlukan bahan bacaan yang berbentuk sebegini. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengenal pasti jumlah judul baku yang ada di sini dengan meneliti perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak dari Bahasa Thai ke dalam Bahasa Melayu. Pengkaji mendapati bahawa kajian tentang penterjemahan sastera kanak-kanak masih tidak dilakukan. Yang ada hanyalah penterjemahan dari bahasa-bahasa lain. Maka ia amatlah memerlukan supaya dapat memperlihatkan hala tuju perkembangan kanak-kanak yang berkait rapat dengan buku atau bahan bacaan tambahan supaya kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran membaca dan berfikir dalam bahasa yang mereka lebih selesa.

Objektif kajian

a) Mengkaji perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu di Selatan Thailand.
b) Mengenalpasti kriteria pemilihan buku yang akan diterjemah.
c) Menganalisis apakah teknik penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dan bagaimanakah cara mengatasinya sekiranya menghadapi kesulitan semasa menterjemah.

BAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan karya sastera berbentuk cerita kanak-kanak yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Waemaji Paramal sebanyak 9 buah dari tahun 2017-2020.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan teks asal dalam bahasa Thai dan teks terjemahan dalam bahasa Melayu. Data yang diperoleh daripada terjemahan merupakan teks terjemahan sastera Melayu oleh penterjemah dari Thailand dari tahun 2017-2020. Kajian ini tergolong dalam bidang penterjemahan teks kreatif. Kajian ini juga menggunakan pendekatan penterjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988).

SOROTAN KAJIAN

Walaupun penterjemahan memainkan peranan penting dalam industri buku kanak-kanak, penyelidikan yang menumpukan kepada terjemahan sastera kanak-kanak dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu di Thailand masih tidak ditemui. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti dan mengkaji penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Thailand antara tahun 2007 hingga 2020.

DEFINISI DAN PENGKELASAN SASTERA KANAK-KANAK

Untuk memberikan definisi sastera kanak-kanak matlah sukar kerana terdapat beberapa aspek yang perlu diperlihatkan, iaitu definisi 'sastera' dan 'kanak-kanak'. Menurut Molina (1984, hlm. 2-3) sastera kanak-kanak lebih menumpukan kepada buku kanak-kanak yang dibaca pada waktu lapang dan untuk tujuan keseronokan. Ia merangkumi semua jenis penulisan berbentuk kreatif dan imaginatif yang dikhususkan untuk bacaan, hiburan dan penilaian oleh kanak-kanak. Takrifan yang diberikan oleh Lynch-Brown & Tomlimson (2008, hlm. 4) juga hampir sama, tetapi lebih terperinci iaitu 'buku dagangan bermutu tinggi untuk kanak-kanak sejak dari lahir sehingga usia remaja, dan merangkumi tajuk yang sesuai dan menarik untuk kanak-kanak dan terdiri daripada prosa dan puisi, fiksyen dan bukan fiksyen'. Penggunaan istilah 'remaja' dalam definisi sastera untuk kanak-kanak didapati bersifat agak subjektif. Sebagai contoh, takrifan sastera kanak-kanak yang digunakan dalam kajian Hadijah (2006, hlm. xv) ialah sastera yang ditujukan kepada pembaca yang berada dalam lingkungan usia 16 tahun dan ke bawah, khususnya kanak-kanak dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Knuth (2012) pula menyifatkan karya sastera kanak-kanak sebagai buku atau karya sastera yang ditulis untuk kanak-kanak sehingga umur 18 tahun. Definisi Knuth sesuai dengan takrifan kanak-kanak menurut Tabung Kanak-Kanak Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF), iaitu golongan yang berumur di bawah 18 tahun. Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang istilah remaja dan peringkat umur, satu kesimpulan yang dapat dibuat ialah kebanyakan takrifan untuk sastera kanak-kanak yang telah dibincangkan dalam bahagian ini turut merangkumi sastera untuk golongan remaja (literature for young adults).

Takrifan yang melibatkan sastera untuk golongan remaja ini dilihat lebih bersifat adil kerana turut mengambil kira faktor bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang membaca pada tahap yang lebih tinggi berbanding biasa. Walaupun secara amnya kanak-kanak boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat umur dan tahap membaca yang khusus, beberapa sarjana seperti Nodelman dan Reime (2003, 87-88) dan Resch (1993) menekankan kepentingan untuk mengambil kira keupayaan kognitif yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak dengan kemahiran dan minat membaca yang tinggi, bahan bacaan untuk peringkat rendah sudah tidak bersesuaian dengan kemahiran dan minat mereka, dan mereka lebih cenderung membaca karya yang ditujukan untuk peringkat umur yang lebih tinggi seperti novel remaja. Sama seperti sastera untuk orang dewasa, sastera kanak-kanak juga boleh dibahagikan kepada beberapa genre. Pengkelasan genre yang dikemukakan oleh Freeman dan Lehman (2001) terdiri daripada buku bergambar, fiksyen, buku maklumat, biografi, puisi dan cerita rakyat. Senarai genre oleh Lynch-Brown dan Tomlimson (2008) serta Hillman 1999) juga hampir sama, tetapi mereka telah membahagikan fiksyen kepada tiga kategori iaitu fantasi moden, fiksyen realistik dan fiksyen sejarah. Russell (2005) juga menyenaraikan buku cerita bergambar, cerita rakyat, puisi, fantasi, fiksyen realistik (termasuklah fiksyen sejarah) dan biografi serta buku maklumat. Walau bagaimanapun, terdapat satu genre berbeza yang disenaraikan oleh Russell iaitu buku awal untuk kanak-kanak (books of early childhood). Antara jenis buku dalam genre ini ialah buku bergambar tanpa perkataan, buku permainan, buku abjad dan buku mengira. Goforth (1998) pula mengkelaskan genre sastera kanak-kanak kepada tiga kumpulan utama, iaitu fiksyen, bukan fiksyen, dan lain-lain. Di bawah kategori fiksyen yang dikemukakan oleh Goforth ialah cerita rakyat, fantasi dan fiksyen realistik manakala biografi dan buku maklumat terletak di bawah kategori bukan fiksyen. Puisi dan buku bergambar pula terletak di bawah kategori lain-lain

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, populasi sastera kanak-kanak dalam bahasa Thai dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu akan dipilih berdasarkan definisi sastera kanak-kanak oleh Lynch-Brown dan Tomlimson (2008, hlm. 4) iaitu 'buku dagangan bermutu tinggi untuk kanak-kanak sejak dari lahir sehingga usia remaja, dan merangkumi tajuk yang sesuai dan menarik untuk kanak-kanak dan terdiri daripada prosa dan puisi, fiksyen dan bukan fiksyen'. Pengkaji telah menyenaraikan semua teks terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu yang dihasilkan dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 2007 sehingga tahun 2020. Pengkaji mengguna teknik temu bual dengan penterjemah dan penelitian dari google. Untuk mencari data melalui katalog OPAC dari perpustakaan tidak dapat memenuhi keperluan pengkaji kerana buku sastera kanak-kanak dalam bentuk dwibahasa (Thai-Melayu) masih tidak mendapat tempat. *Google* sebagai sumber paling lengkap bagi mendapatkan maklumat tentang judul-judul terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu.

Paparan maklumat dalam *google* dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti dan menyenaraikan terjemahan. Walau bagaimanapun, paparan maklumat dalam katalog ini tidaklah sempurna dan penyelidik perlu berhati-hati dan meneliti judul-judul yang mungkin merupakan terjemahan walaupun tidak dinyatakan sebagai terjemahan dalam katalog. Judul-judul terjemahan sastera kanak-kanak yang dikenal pasti melalui katalog ini kemudiannya dikelaskan berdasarkan pengkelasan genre sastera kanak-kanak yang dikemukakan oleh Goforth (1998) iaitu fiksyen, bukan fiksyen, dan lain-lain. Mengikut pengkelasan Goforth, kategori fiksyen terdiri daripada cerita rakyat, fantasi dan fiksyen realistik. Genre dalam kategori bukan fiksyen pula ialah biografi dan buku maklumat, manakala dalam kategori lain-lain ialah genre puisi dan buku bergambar. Walau bagaimanapun, terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu di Thailand hanya terdapat dalam bentuk fiksyen. Selain google, pengkaji turut menemubual beberapa orang yang telribat dalam penterjemahan, iaitu Wamaji Paramal sebagai penterjemah dan Majdan Maso sebagai penyelaras projek penterjemahan sastera kanak-kanak. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang kriteria pemilihan karya sastera kanak-kanak dan teknik penterjemahan.

Pendekatan Kajian

Pengkaji menggunakan teori yang dikemukakan oleh sarjana, iaitu Etienne Dolet (1509-1546 dalam Ainon Ahmad, 1987, hlm. 8) untuk dijadikan panduan bagi para penterjemah. Beliau telah menerbitkan prinsip-prinsipnya pada tahun 1540. Prinsip-prinsip itu adalah seperti berikut:

1. Penterjemah hendaklah benar-benar memahami isi dan hasrat penulis teks sumber

2. Penterjemah mestilah menguasai dengan baik bahasa sumber dan bahasa penerima terjemahan itu.

3. Penterjemah tidak boleh menterjemah perkataan demi perkataan oleh kerana perbuatan itu akan merosakkan makna asal dan membinasakan keindahan teks sumber.

4. Penterjemah hendaklah menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang biasa digunakan dalam bahasa penerima

5. Penterjemah mestilah mencipta semula kesan keseluruhan teks sumber yang betul melalui pemilihan dan susunan perkataan yang dibuatnya.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan prosedur yang sangat menarik dalam menganalisis teknik penterjemahan dalam karya sastera. Prossedur ini telah dibina oleh Cho Minsung (2016) dalam mengnalisis unsur budaya dalam antologi cerpen dari bahasa Korea ke dalam bahasa Melayu. Sebenarnya prosedur ini diubahsuai berdasarkan pendekatan Newmark (1988) dan Aixelá (1996). Ia dapat dilihat melalui rajah seperti berikut

Rajah 1 : Taksonomi Prosedur Penterjemahan oleh Cho Minsung



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

a. **Perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu di Selatan Thailand.**

Kertas kerja ini turut membincangkan sejarah perkembangan penterjemahan karya sastera kanak-kanak dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu di Thailand. Sejarah penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Thailand bermula pada pada abad 20. Ia merupakaan langkah permulaan bagi dunia penterjemahan sastera kanak-kanak. Walaupun masih sedikit jumlahnya, tetapi ia dapat menunjukkan perubahan ke arah yang baik di mana bahasa Melayu mula diterima oleh masyarakat terutama kerajaan Thai. Hal ini kerana kanak-kanak Melayu dihidangi oleh bahan-bahan bacaan dalam bahasa Thai sejak dari kecil hinggalah dewasa. Mereka tidak berpeluang untuk mendekati bahasa Melayu kecuali di sekolah TADIKA. Malah untuk mendapatkan bahan bacaan hasil tulisan penulis hebat amatlah susah. Malah karya-karya agung dari luar negara sama ada dari Asia atau Barat amatlah sukar untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Mereka terpaksa membaca terjemahan dalam Bahasa Thai. Hal ini disebabkan khalayak pembaca dalam bahasa Melayu amatlah terhad. Secara umumnya mereka lebih selesa dan senang dalam bahasa Thai. Di samping itu, trend menghasilkan bahan bacaan dalam bentuk dwibahasa amatlah baru. Walaupun ada, ia hanyalah dalam bahasa Inggeris –Thai.

Jadual 1 Senarai Buku kanak-kanak yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu pada Era 20

No.	Judul asal	Judul yang diterjemah	Penulis	Penterjemah	Bahasa Sumber	Tahun yang diterjemah	Genre
1.	เปาะแซเดาะกับซามะ	Pak Sedak dengan Sama	Noppadol Thaswa dan Boonsong Loisuwan	Abdul Roshid Cikloh dan Mustoya Domi	Thai	2007	fiksyen
	ไก่โกงมูสัง	Ayam Menipu Musang	Noppadol Thaswa dan Samran Pedchai	Abdul Roshid Cikloh dan Mustoya Domi	Thai	2007	fiksyen
	ปิดไฟหน่อยน่ะ	Tutup lampu dulu, ya	Mohd. Haris Kayem	Waemaji Paramal	Thai	2013	Fiksyen
	จะไปไหนจ๊ะ	*Ke manakah Hendak Pergi?*	Suroiyya Sathitanon	Abdonlah Khreeda-oh	Thai	2016	Fiksyen
	ฉึกฉัก ฉึกฉัก	*Cuk Cak Cuk Cak*	Tuppong	Waemaji Paramal	Thai	2016	
	จะเอ๋	*Cakba*	Supriya Thongthanakul	Waemaji Paramal	Thai	2017	
	พ่อนก กกไข่	*Bapa Puyuh*	Cendikiawan Kampung Srisakorn	Waemaji Paramal	Thai	2018	Fiksyen
	แม่มีไข้	*Mamam Demam*	Kumpulan Akademik Penghasilan Buku	Waemaji Paramal	Thai	2019	Fiksyen
	หนังสืออยากมีเพื่อน	*Buku ingin ada Kawan*	Watnawadi Pumchai	Waemaji Paramal	Thai	2020	Fiksyen
	มังกรภูเขา	*Naga Bukit*	Asammasri Toknakaya	Waemaji Paramal	Thai	2020	Fiksyen
	แตงโมโตโต	*Tembikai Besar-besar*	Kaewta Saengsuk dan Rapiphan Pathawed	Waemaji Paramal	Thai	2020	Fiksyen
	อานีสกับกอล์ฟสู้โควิด-19	*Anis dan Kof Melawan Kovid-19*	Rapiphan Pathawed	Waemaji Paramal	Thai	2020	Fiksyen
	อานีสเป็นหัด	*Anis Menghidapi Campak*	Thedpong dan rakan-rakan	Waemaji Paramal	Thai	2020	Fiksyen
	Little Prince	*Putera Kecil*	Antoine De Saint Exupéry	Waemaji Paramal	Inggeris	2020	Fiksyen

Sejarah perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu di Thailand telah berada dalam tahap yang tidak memuaskan kerana jumlah buku terjemahan masih sedikit sekiranya berbanding dengan tempoh yang agak panjang. Malah masih terdapat jarak yang begitu panjang. Sedangkan pada tempoh tersebut wujud karya sastera yang hebat dari negara luar dan juga Thailand. Masalah ini berlaku disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah bahasa sama ada bahasa Thai atau bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Arab. Manakala bahasa Thai merupakan bahasa rasmi di Thailand. Karya sastera di Thailand telah dituliskan ke dalam bahasa Thai. Untuk menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, ia memerlukan penterjemah yang pakar dalam pelbagai bahasa sama ada Thai, Melayu dan Inggeris. Selain ilmu bahasa, pemahaman tentang budaya juga perlu dititikberatkan oleh penterjemah dengan cara mempelajari atau merujuk terus kepada penutur jati. Malah sejak kebelakangan ini kerjaan Thai tidak memberi sokongan sepenuhnya terhadap bahasa Melayu. Bahasa Thai dianggap bahasa yang perlu diutamakan sehingga ia terkubur begitu sahaja. Walau bagaimanapun, pada era ini terdapat perubahan yang sangat memuaskan apabila terdapat beberapa projek yang berjaya dilaksanakan untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak di Selatan Thailand dari segi kemahiran membaca dan berfikir. Antara projek yang telah dijalankan ialah Projek Pelan Pemben-

tukan Budaya Membaca yang dibawah Yayasan Pembentukan Budaya Membaca kerjasama dengan Save the Children. Projek ini mendapat sokongan dari Jabatan Dana Sokongan Pembentukan Kesihatan (Sor.Sor.Sor.) yang berperanan dalam menyelaras mekanisme, dasar dan faktor untuk mengembangkan hasil dari sektor kerajaan, masyarakat dan swasta. Jabatan ini turut menyumbang kepada pergerakan dalam membentuk sikap dan budaya membaca kepada kanak-kanak dan dewasa termasuk keluarga terutama golongan yang tidak ada peluang untuk mendapatkan buku.

Bahasa Sumber

Berdasarkan jadual 1 didapati bahasa Thai sebagai bahasa sumber utama sastera kanak-kanak yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Selain bahasa Thai, turut diterjemahkan ialah beberapa karya daripada bahasa Perancis dan Inggeris, tapi hanya jumlah yang sangat terhad. Kajian terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu antara tahun 2007 hingga tahun 2020 ini menunjukkan bahasa Thai masih membentuk peratus utama bagi teks sumber sastera kanak-kanak yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, senarai ini tidaklah menunjukkan bahawa jumlah buku kanak-kanak di Thailand juga berkurangan. Terdapat banyak buku dari bahasa Arab terutama yang berkaitan dengan agama Islam tetapi bahasa sumber adalah dari bahasa Arab dan Inggeris. Ramai penterjemah yang pakar dalam bahasa Arab dan Inggeris telah menterjemahkan sastera kanak-kanak ke dalam Bahasa Thai sama ada yang berbentuk fiksyen atau bukan fiksyen.

Penerbit

Penerbit terjemahan sastera kanak-kanak di Thailand hanya terdiri dari penerbit bebas. Penerbit yang berperanan besar dalam mencetak dan mengembangkan buku kanak-kanak ialah Save the Children. Penerbit ini merupakan penyumbang terbesar terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu dan kebanyakan terjemahan sastera kanak-kanak yang diterbitkan oleh syarikat ini berbentuk fiksyen. Malah banyak juga buku kanak-kanak yang lain turut diterbitkan di sini. Ia merupakan penerbit yang pertama menjalankan projek terjemahan sastera kanak-kanak. Secara keseluruhannya hampir kesemua buku terjemahan telah diterbitkan di sini.

Jadual 2 Penerbit utama terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu

Kategori Genre	Jumlah
Plan for Kid	2
Save the Children	9
Saudara Press	1
Pelan Pembentukan Budaya Membaca	1
Siam Colourprint	1

b. **Kriteria pemilihan buku yang diterjemah**

Berdasarkan temu bual[1] yang dijalankan antara pengkaji dengan Majdan Maso didapati buku yang dipilih untuk diterjemah ke dalam bahasa Melayu mempunyai keistimewaan dari segi tema, penggunaan bahasa dan nilai yang terkandung dalam buku tersebut. Sebanyak 9 buah buku yang berjaya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu yang merupakan hasil terjemahan Waemaji Paramal, iaitu *Tutup lampu dulu, ya, Cuk Cak Cuk Cak, Cakba, Bapa Puyuh, Mamam Demam, Buku ingin ada Kawan, Naga Bukit, Tembikai Besar-besar, Anis dan Kof Melawan Kovid19 dan Anis Menghidapi Campak*. Kesembilan buah buku tersebut mempunyai keunikan dan keistemewaan sendiri. Oleh kerana buku dianggap sebagai medium dalam menjalinkan hubungan baik antara ibu bapa dengan anak-anak. Maka buku selain sebagai alat untuk memupuk minat membaca kepada kanak-kanak. Ia juga sebagai medium dalam menyampaikan kasih sayang di dalam keluarga. Bukan sahaja ibu yang menjadi orang yang mendekati anak-anak, tetapi buku yang dipilih untuk

1 Temu bual antara pengkaji dengan Majdan Maso pada 5 April 2021 jam 2 petang melalui talian.

diterjemah turut memberi peranan terhadap kaum bapa seperti buku *Bapa Puyuh*. Buku ini menunjukkan kasih sayang seorang ayah terhadap anak mereka. Apabila buku ini dibaca oleh ayah kepada anak, maka akan mengeratkan lagi hubungan di dalam keluarga. Malah buku ini mengandungi beberapa jenis suara burung yang sangat memberangsang minda anak-anak bila mendengarnya. Oleh itu, bapa perlu mencari peluang untuk mendekati anak-anak melalui pembacaan. Selain hubungan ayah dan anak, Majdan Maso turut memberi maklumat tambahan bahawa buku *Cakba* adalah sebuah buku kanak-kanak yang sangat memberi kesan mendalam terhadap perkembangan kanak-kanak. Hal ini kerana isi yang disampaikan di dalam buku ini telah melatih anak untuk berfikir. Ia dapat menjadi contoh bagi ibu bapa untuk membuat aktiviti di dalam keluarga. Selain tema yang menarik, buku yang dipilih mempunyai keseronokkan seperti gambar yang jelas, perkataan yang tidak terlampau banyak, mengandungi suara-suara binatang atau benda-benda dan sebagainya. Walau bagaimanapun, projek ini turut mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan. Apabila munculnya wabak Kovid-19, maka 2 buah buku dipilih untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, iaitu *Anis dan Kof Melawan Kovid19* dan *Anis Menghidapi Campak.* Buku ini merupakan buku yang menarik untuk disampaikan kepada kanak-kanak dalam mengenali wabak penyakit yang merbahaya ini. Ia disampaikan dalam bahasa yang mudah difahami. Watak terdiri daripada binatang yang sangat menarik minat kanak-kanak untuk membaca.

Sebenarnya projek penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu mempunyai sebanyak tiga projek, iaitu Arn Im Rak (Main Kenyang Sayang Baca), Ban Raek Arn (Mula Baca) dan Arn Arn Arn (Bersedia untuk Membaca). Projek ini dijalankan oleh Save the Children kerjasama dengan Yayasan Pembentukan Budaya Membaca.

c. **Teknik Penterjemahan**

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dengan penterjemah secara langsung dengan Waemaji Paramal yang merupakan pakar penterjemahan di Selatan Thailand. Kepakaran beliau bukan hanya menterjemah buku sastera tetapi turut menterjemah buku akademik. Disebabkan beliau merupakan pensyarah yang mempunyai pengalaman dalam bidang penterjamahan, maka hasil terjemahan amatlah sempurna dan lengkap. Penterjemah telah menggunakan beberapa teknik penterjemahan, iaitu sinonim, pengguguran (*Deletion*), pencairan (*Attenuatio*n) dan naturalisasi (*Naturalization*).

Untuk teknik sinonim boleh dilihat dalam beberapa buah buku seperti *Buku Ingin Ada Kawan, Anis Menghidapi Campak dan Mama Demam*. Sinonim di sini bukan hanya dari segi perkatan yang sama dengan bahasa sumber, tetapi penterjemah telah berjaya mengekalkan bentuk bahasa yang disampaikan dalam bahasa sumber. Oleh kerana buku tersebut dihasilkan dalam bentuk puisi yang mempunyi persamaan bunyi pada rima akhir, maka penterjemah telah cuba menterjemahkan dalam bahasa puisi juga. Lihatlah petikan berikut*:*

Ayat dalam bahasa Sumber	**Ayat dalam bahasa Sasaran**
แม่มีไข้ (Mae mi khai)	Mama demam
ย่ามาหา (Ya ma ha)	Nenek datang ziarah mama
ย่ามียา (Ya mi ya)	Nenek ada ubat berguna
อามาหา (Ar ma ha)	Pakcik datang ziarah mama
อามีผ้า (Ar mi pha)	Pakcik ada kain tuala
ราชามาหา (Racha ma ha)	Raja datang ziarah mama
ราชามีคาถา (Racha mi khatha)	Raja ada jampi mantera
แม่หายไข้ (Mae hai khai)	Mama sembuh serta merta

Berdasarkan hasil terjemahan di atas, penterjemah sangat teliti dalam memilih perkataan supaya hasil terjemahan mengandungi nilai keindahan. Penterjemah mengguna perkataan *Mama* bagi perkataan (แม่= Mae) kerana ingin menghasilkan bunyi yang sama pada rima akhir seperti mana dalam bahasa sumber. Jadi rima

akhir untuk ayat dalam buku ini adalah bunyi a, a, a, a, a, a, a, a. Manakala teknik pengguguran (*Deletion*) pula wujud dalam buku Anis Menghidapi Campak. Teknik ini muncul dalam ayat pertama, *Chan cher Anis, Ni ker Pak Mak Kab Nongnin*. Hasil terjemahan bagi ayat ini ialah Nama saya Anis, Ini Papa, Mama dan Adik saya. Penterjemah menggugurkan perkataan Nongnin dengan menggantikan perkataan baharu, iaitu *adik saya* supaya mewujudkan rima yang sama. Seterusnya ialah teknik pencairan (*Attenuatio*n) yang muncul dalam buku *Anis Menghidapi Campak.* Teknik ini boleh dilihat melalui petikan ini*, Pawi ja ork pai nai, Pawi thammai mai yu naiban.* Penterjemah menterjemah menjadi *Makcik nak ke mana, kenapa tak tinggal di rumah?*. Teknik ini digunakan untuk mengurangkan kekuatan sesuatu perkataan, penyataan atau pun sesuatu idea untuk mudah difahami oleh pembaca teks sasaran. Akhir sekali ialah teknik naturalisasi (*Naturalization*) yang membawa unsur budaya ke dalam korpus intertekstualiti yang dirasakan spesifik oleh budaya bahasa sasaran. Ia boleh dilihat melalui buku *Chuk Chak Chuk Chak*. Buku ini lebih kepada buku yang mementingkan suara-suara binatang seperti kucing, anjing, gajah, harimau, katak, anak ayam dan burung. Namun suara binatang yang wujud dalam bahasa sumber tidaklah sama dengan suara dalam bahasa sasaran. Lihatlah jadual di bawah ini:

Bunyi dalam bahasa Sumber	**Bunyi dalam bahasa Sasaran**
anjing: bok bok	Hong hong
Gajah: praen praen	Ork ork
Harimau: hok hok	Om om
Anak ayam: kuk kuk kak kak	Ciak ciak

Hasil temu bual dengan penterjemah dapat dirumuskan bahawa penterjemahan buku kanak-kanak memerlukan teknik yang berbeza dengan buku yang lain. Hal ini kerana buku kanak-kanak mementingkan cara penyampaian yang indah yang mudah difahami. Pemilihan kata untuk bahasa sasaran memerlukan penelitian yang mendalam dengan mengkaji tahap penguasaan bahasa mereka. Perkara yang amat penting sekali sekiranya buku dalam bahasa sumber berbentuk puisi, maka penterjemah perlulah mengekalkan bentuk yang hampir sama supaya bahasa yang disampaikan dalam kedua-dua bahasa berada dalam tahap yang sama. Malah dengan menjadikan bentuk puisi pasti dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Secara umumnya kanak-kanak lebih senang dengan bahasa yang berirama[2].

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, terjemahan ialah satu proses pemindahan isi kandungan sesebuah teks dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain dengan setepat mungkin. Tidak dinafikan bahawa menterjemah karya kesusasteraan merupakan satu cabaran kerana proses penterjemahannya tidak seperti genre yang lain. Penterjemah bukan sahaja harus memelihara mesej teks sumber, malahan lebih penting daripada itu penterjemah itu sendiri juga seorang artis yang menghasilkan nilai tambah dalam hasil seni. Kertas kerja ini menganalisis penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu dari hasil terjemahan Waemaji Paramal. Menerusi kajian ini, didapati pentermahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu masih lagi baru kerana ia muncul pada abad 20. Sedangkan di negara lain penterjemahan sastera kanak-kanak sudah lama muncul dan jumlahnya juga amatlah tinggi. Namun begitu, ada beberapa badan atau organisasi yang menganggap bahawa bahan bacaan dalam dwi-bahasa amatlah dikehendaki bagi perkembangan kanak-kanak di Selatan Thailand. Selain bahasa yang mereka dapat, hubungan antara keluarga bermula dari budaya membaca di rumah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kriteria pemilihan buku untuk diterjemah terdiri daripada tema, penggunaan bahasa dan nilai yang terkandung dalam buku tersebut. Walau bagaimanapun, secara umumnya buku yang diterjemah telah menjadi medium dalam menyampaikan kasih sayang di dalam keluarga. Akhir sekali ialah teknik penterjemahan yang dianggap sebagai perkara penting dalam menghasilkan buku yang berkualiti dan dapat menjadi tumpuan oleh pembaca. Maka penterjemah telah berusaha menterjemah dengan setepat mungkin dengan menggunakan bahasa yang sesuai, mudah difahami dan dapat mengekalkan nilai keindahan yang terkandung di dalamnya.

2 Temu bual antara pengkaji dengan Waemaji Paramal pada 4 April 2020 di cawangan bahasa Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Univesiti Prince of Songkla, Kampus Pattani.

RUJUKAN

Ainon Muhammad. (1987). *Panduan menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asammasri Toknakaya. (2020). *Naga bukit*. Bangkok: Save The Chlidren.

Benjamins. Olohan, M. (2004). *Introducing corpora in translation studies*. New York:

Cendikiawan Kampung Srisakon. (2018). *Bapa puyuh*. Bangkok: Save The Chlidren.

Cho Minsung. (2016). *Penterjemahan unsur budaya dalam antologi cerpen Bahasa Korea-Bahasa Melayu perjalanan ke Samp'o*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Freeman, E. & Lehman, B. (2001). *Global perspectives in children's literature*. Needham Heighs, MA: Allyn & Bacon.

Goforth, F.S. (1998). *Literature and the learner*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.

Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassett, D. (2009). Children's literature and early literacy success: Using the charlotte zolotow award collection in early childhood teacher education. *Journal of Early Childhood Teacher Education, 30* (4), 363-384.

Hillman, J. (1999). *Discovering children's literature* (Edisi ke-2). New Jersey: Prentice-Hall.

Kumpulan Akademik Penghasilan Buku. (2019). *Mama demam.* Bangkok: Save The Chlidren.

Lynch-Brown, C. & Tomlimson, C.M. (2008). *Essentials of children's literature* (Edisi ke-6). Boston: Pearson.

Mohd. Haris Kayem. (2013). *Tutup lampu dulu*, *ya*. Bangkok: Save The Chlidren.

Molina S. Nijhar. (1984). *Apakah sastera kanak-kanak khasnya buku bergambar*. Dlm. Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja,1-14.

Munat, J. (2017). Lexical creativity as a marker of style in science fiction and children's literature. Dlm. *Lexical creativity, texts and contexts*, (163-185). Amsterdam: John.

Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. London: Prentice Hall

Rapiphan Pathawed. (2020). *Anis dan Kof melawan kovid*. Bangkok: Save The Chlidren.

Supriya Thongthanakul. (2017). *Cakba*. Bangkok: Save The Chlidren.

Thedpong dan rakan-rakan. (2020). *Anis menghidapi campak*. Bangkok: Save The Chlidren

Tuppong. (2016). *Cuk Cak Cuk Cak*. Bangkok: Save The Chlidren

Watnawadi Pumchai. (2020). *Buku ingin ada kawan*. Bangkok: Save The Chlidren

Z. & Arbuthnot, M.H. (1977*). Children and books* (Edisi ke-5). Illinois: Scott, Foresman.

27 Jun 2019. http://www.la.ubu.ac.th/news/2014/research_19112014_

Temu bual antara pengkaji dengan Majdan Maso pada 5 April 2021 jam 2 petang melalui telefon.

Temu bual antara pengkaji dengan Waemaji Paramal pada 4 Aprii 2020 di cawangan bahasa Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Univesiti Prince of Songkla, Kampus Pattani.

ANALISIS SOSIOSEMIOTIK DALAM PANTUN MELAYU

Khairulanwar Abdul Ghani
Universiti Utara Malaysia (UUM)
ujanasastera.ka3@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini meneliti konsep lambang flora yang terdapat dalam pantun berlandaskan kepada bidang semiotik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dengan makna dalam pantun. Data yang berupa lambang-lambang flora diambil daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) dalam buku Kurik Kundi Merah Saga. Sebanyak 266 rangkap pantun nasihat dan 219 rangkap pantun budi digunakan sebagai data bagi (i) menganalisis konsep lambang flora dalam pantun nasihat, (ii) menganalisis konsep lambang flora dalam pantun budi dan (iii) membandingkan konsep dalam pantun nasihat dengan konsep dalam pantun budi berdasarkan jenis lambang flora dan makna. Kajian ini menggunakan himpunan beberapa teori, kaedah dan pendekatan secara eklektik bagi menjawab semua persoalan kajian. Kerangka semiotik Michael Riffaterre (1978) dimanfaatkan bagi melihat unsur flora yang berfungsi sebagai lambang yang ditandai dalam bahagian pembayang pantun. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kerangka Leech (1974) yang berdasarkan kepada penelitiannya yang dijalankan secara sintagmatik, iaitu melihat fungsi dan sistem secara kontekstual. Kiasan yang diteliti dalam kajian ini adalah berdasarkan pengertian Za'ba, iaitu daripada jenis kiasan berpindah, iaitu melibatkan butir leksikal tanpa mengambil kira kata bandingan, umpama, ibarat, laksana, seperti, dan sebagainya sepertimana pembahagian oleh Za'ba (1973). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lambang flora padi mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi berbanding dengan jenis lambang flora yang lain, iaitu sebanyak 52 entri atau bersamaan dengan 17.10% secara keseluruhan. Dapatan kedua pula menunjukkan makna konotatif mencatatkan jumlah kekerapan yang tertinggi berbanding dengan jenis makna yang yang lain, iaitu sebanyak 272 entri atau bersamaan dengan 40.71% secara keseluruhan.

Kata kunci: semiotik, lambang, flora, pantun Melayu, kiasan

PENGENALAN

Semiotik merupakan salah satu cabang disiplin ilmu linguistik yang menumpukan pengkajian terhadap tanda dan lambang yang bersifat saintifik, dikenali dengan istilah '*science of sign*'. Tanda dan lambang di sini mewakili sesuatu yang lain yang berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Oleh itu, tanda bukan bersifat bahasa semata-mata, bahkan merangkumi pelbagai hal yang meliputi kehidupan. Konsep tanda dan lambang ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui gagasan yang dibawa oleh tiga tokoh yang mempunyai latar belakang pemikiran yang berbeza, iaitu Ferdinand de Saussure (1959), Charles Sanders Peirce (1965) dan Michael Riffaterre (1978).

Menurut de Saussure (1959, hlm. 67) tanda mempunyai dua unsur yang tidak terpisah, iaitu antara konsep '*signifier*' dan '*signified*' atau dikenali juga dengan penggunaan istilah 'penanda' dan 'petanda'. Peirce (1965, p 5) pula menyatakan bahawa kewujudan tanda bukan hanya tertumpu kepada lambang-lambang linguistik sahaja, bahkan melibatkan tanda-tanda lain seperti gambar dan angka.

Seterusnya, kajian tentang konsep tanda dan lambang ini, kemudiannya ditumpukan terhadap karya sastera. Riffaterre (1978, hlm. 2) menyatakan bahawa kajian semiotik bersesuaian untuk sebarang kajian bahasa, khususnya sastera. Tegasnya, kajian bahasa dari sudut semiotik amat luas dan menyentuh semua persoalan hidup kerana di dalamnya begitu kaya dengan lambang-lambang yang perlu ditafsir maknanya. Oleh itu, Riffaterre melalui bukunya '*Semiotic of Poetry*'(1978) dan '*Text Production*' (1983) telah mengemukakan satu pendekatan disiplin semiotik dan stilistik yang dapat membantu pembaca merungkaikan masalah berhubung dengan makna sesebuah karya puisi tradisional.

Oleh hal yang demikian, kesesuaian dalam menggunakan perlambangan yang tepat dalam puisi khususnya pantun amat penting bagi menghasilkan sebuah karya yang mampu memberi kesan terhadap emosi pembaca. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji lambang flora yang terdapat dalam pantun yang bertemakan nasihat dan budi yang dipetik dari *buku Kurik Kundi Merah Saga* (seterusnya KKMS).

PERNYATAAN MASALAH

Sikap masyarakat di Malaysia yang kurang memberi sambutan terhadap pantun Melayu, terutamanya dari golongan remaja kini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian tentang pantun. Hal ini dapat dilihat di dada-dada akhbar yang banyak memaparkan keadaan atau senario semasa tentang puisi-puisi Melayu yang semakin dilupakan. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian (2016, hlm. 23), memuatkan sebuah artikel yang berjudul "Pantun Semakin Dilupakan".

Di samping itu, kehebatan dan kehalusan bahasa pantun yang puitis menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai sistem kognitif yang hebat dan kreatif. Sebagai contoh, pantun tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu kaya dengan jalinan kata-kata yang penuh hikmah.

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Sungguh jauh di negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.

(KKMS, 524: 3)

Pantun tersebut menunjukkan kehebatan orang Melayu yang suka berfalsafah dan peka terhadap alam dan persekitarannya. Pantun menzahirkan kekreatifan dan akal budi orang Melayu dahulu yang amat bijak menyusun kata yang berupa nasihat dan teguran (Khairulanwar, 2020, hlm., 3). Unsur alam dijadikan bahan untuk pemikiran dan renungan ke dalam diri. Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai sistem lambang yang dilihat sebagai medium untuk menyampaikan teguran dan fikiran dengan cara yang lembut dan halus. Mereka menggunakan unsur alam yang dekat dengan kehidupan mereka, seperti unsur flora dan fauna. Tempat kediaman dan alat kelengkapan bersumberkan flora. Sumber makanan utama juga bergantung kepada flora dan fauna. Hal ini, menyebabkan pemikiran orang Melayu mempunyai hubungan yang cukup erat dengan alam.

Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti kehadiran lambang flora dalam pantun Melayu dengan berlandaskan kepada bidang semiotik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dengan makna dalam pantun. Kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat menambah bilangan kajian dan membantu khalayak pembaca memahami makna sesebuah karya pantun dengan lebih jelas dan tepat. Hal ini demikian kerana lambang-lambang yang digunakan dalam pantun-pantun lama dapat difahami dengan mudah apabila makna simbolik di sebalik lambang yang digunakan oleh penulis berkenaan dapat difahami oleh pembaca.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan melalui pengumpulan dan pemprosesan data yang berupa teks. Teks ialah sejumlah ayat yang secara kesatuan menyampaikan informasi mengenai sesuatu judul yang boleh terdiri daripada satu perenggan, satu halaman, bahkan satu buku (Asmah Haji Omar, 2009, hlm. 113). Data kajian dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015 (cetakan kedua) dalam buku Kurik Kundi Merah Saga (seterusnya KKMS). Edisi pertama (1995) membahagikan kategori pantun mengikut negeri pantun diperoleh. Edisi kedua (2005) pula telah dikategorikan mengikut fungsi pantun. Bagi kajian ini, KKMS Edisi kedua (2015) digunakan sebagai data kajian. Ini disebabkan terbitan tersebut lebih sistematik dan lebih bersesuaian dengan objektif kajian untuk meneliti lambang berdasarkan konteks situasi.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan pendekatan yang bersifat deskriptif untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Teori '*Semiotics of Poetry*' (1978) dan '*Text Production*' (1983) yang dikemukakan oleh Michael Riffaterre telah digunakan untuk meneliti unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam pantun-pantun yang dipilih. Bagi melihat korelasi hubungan antara simbol dan makna dalam pantun, pendekatan Makna yang diperkenalkan oleh Leech (1974) turut diaplikasikan dalam kajian.

ANALISIS KAJIAN

Hati-hati menjemur padi, Jangan dimakan burung belatuk; Hati-hati mencari ganti, Biar hati lebih elok. (PNP1, 466: 1)

Ketidaklangsungan Ekspresi

Dalam masyarakat Melayu moden hari ini, padi dianggap sebagai sesuatu yang hanya menghasilkan beras sebagai makanan ruji masyarakat tanpa melihat peranan dan fungsinya yang lebih besar. Padi sering digunakan sebagai tanda untuk membina akhlak, sebagai tanda kekeluargaan dan juga sebagai tanda sumber rezeki. Falsafah dalam proses penghasilan padi, beras dan sehingga menjadi nasi tidak dihayati oleh masyarakat. Berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi yang menganggap bahawa padi sebagai sesuatu yang sangat bermakna dalam masyarakat. Oleh itu, simbol yang ditandai dalam pantun tesebut ialah unsur flora, iaitu padi. Simbol padi ini memperlihatkan wujudnya penyimpangan erti, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Simbol padi bukan sahaja mempunyai makna literal semata-mata, sebaliknya turut mendukung makna simbolik tertentu dalam masyarakat Melayu tradisi. Simbol ini perlu diperincikan sebaik mungkin agar makna simbolik yang didukung oleh simbol tersebut dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat.

Berdasarkan pantun tersebut, bahagian pada kuplet pertama telah membayangkan maksud yang hendak disampaikan pada bahagian makna pada kuplet kedua. Sebagai contoh, sifat-sifat tumbuhan padi itu sendiri seperti merunduk apabila buahnya sudah masak, antah yang kualitinya tidak bagus dalam beras, dan perbandingan pokok padi dengan lalang atau jagung, dan peralatan yang selalu dikaitkan dengan penanaman padi. Semua ini menjadi bahan pemikiran orang Melayu dan dikaitkan dengan kehidupan mereka. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika masyarakat Melayu dahulu banyak menggunakan unsur padi sebagai perlambangan dalam memaknai pantun yang dihasilkan.

Heuristik

Secara literal, pantun tersebut mengisahkan padi yang dijemur bagi tujuan pengeringan. Namun begitu, pesawah perlu mengawasi padi yang dijemur itu supaya tidak dimakan oleh burung belatuk yang sedang menunggu peluang untuk memakan padi yang dijemur tersebut. Dalam masyarakat Melayu tradisi yang hidup berasaskan pertanian sara diri, iaitu penanam padi, mereka telah terbiasa dengan keadaan padi yang dijemur untuk tujuan pengeringan dimakan burung belatuk. Berdasarkan pemerhatian dan pengamatan inilah orang Melayu menterjemahkan pengalaman mereka ini ke dalam sebuah rangkapan pantun yang mempunyai cerita dan nasihat yang tersendiri.

Horizontal	Vertikal
Hati-hati menjemur padi	Hati-hati dengan hati-hati?
Jangan dimakan burung belatuk	Menjemur padi dengan mencari ganti?
Hati-hati mencari ganti	Jangan dimakan dengan biar hati?
Biar hati lebih elok	Burung belatuk dengan lebih elok?

Matriks (MAT), Model (MOD) dan Varian (VAR)

Pantun lazimnya berkembang daripada matriks (MAT) menjadi model (MOD) dan ditransformasikan menjadi varian (VAR). Untuk menganalisis pantun, MAT diabstrakkan berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat atau kalimat sederhana. MAT, MOD dan teks yang merupakan VAR daripada struktur yang sama dikenali pada pembacaan tahap kedua. MAT dalam rangkap pantun tersebut boleh dizahirkan melalui baris maksud mencari ganti dan biar hati lebih elok. MAT berfungsi sebagai kata kunci yang mengarah kepada tema atau

makna keseluruhan pantun.

Jika MAT berperanan sebagai kata kunci, MOD pula ialah kiasan dalam pantun yang berperanan sebagai kata kunci untuk memperoleh makna MAT. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam pantun yang dianalisis, iaitu perkataan padi dan burung belatuk.

VAR dalam pantun ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada perkataan padi pada baris pembayang yang pertama dan perkataan burung belatuk pada baris pembayang yang kedua. Daripada MAT, MOD dan VAR barulah tema pantun ini dapat diabstrakkan, iaitu sentiasa bersikap hati-hati ketika membuat sebarang pilihan dalam hidup.

Hermeneutik: Hipogram I

Hipogram I berupa separa-andaian. Pada tahap ini terjadinya proses interpretasi yang bersungguh-sungguh. Pembaca berusaha melihat kembali dan melakukan perbandingan dengan pantun yang dibaca dalam proses pembacaan tahap pertama. Dalam proses pembacaan tahap pertama pembaca hanya mampu memahami makna pantun secara literal tanpa mampu melakukan penyahkodan (*decoding*) secara penuh atau sempurna.

Secara horizontal, padi mempunyai makna denotatif apabila merujuknya secara literal. Leksikal padi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p 371) bermaksud sejenis tumbuhan yang buahnya dijadikan beras. Padi boleh dikonsepsikan sebagai sejenis tumbuhan; rumput yang buahnya dijadikan beras (Hembing, 2000, p 125). Padi merupakan makanan asas bagi ramai penduduk dunia, terutamanya di Asia. Selain makna denotatif, padi juga mendukung makna konotatif, iaitu merujuk hati yang baik dan tulus ikhlas. Selain itu, makna kolokatif 'jemur padi' menimbulkan makna konotatif yang merujuk perbuatan mencari ganti kepada sesuatu yang lebih baik. Frasa 'jangan dimakan burung belatuk' juga mendukung makna konotatif yang berupa amaran kepada seseorang agar jangan salah membuat pilihan dalam hidup seperti yang berlaku dahulu. Jika diteliti berdasarkan makna kolokatif, hati-hati tanpa pengetahuan makna konteks, kelihatan seperti kata ganda yang menunjukkan jamak, iaitu jumlah hati yang banyak. Namun dari sudut konteks makna sebenar, ini jelas menunjukkan bahawa hati-hati tidak dapat dilihat secara fizikal yang membawa makna konotatif. Maksud sebenar hati-hati dalam konteks pantun ini ialah nasihat terhadap seseorang supaya mengambil sikap berwaspada di dalam tindakannya.



Rajah 1.4 Proses Pengumpulan Makna Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Padi

Rajah tersebut memperlihatkan perkongsian makna antara dua leksikal yang merupakan kata kunci dalam pantun ini, iaitu perbuatan menjemur padi dan mencari ganti. Melalui butir-butir leksikal ini, seterusnya proses penyahkodan dapat diteruskan pada tahap hipogram.

Hipogram II

Hipogram II ialah proses pembongkaran kod kata bagi mencari signifikan makna teks dengan lebih jelas dan tepat. Kod 'menjemur padi' dan 'mencari ganti' adalah bersejajaran antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kedua-dua kod tersebut membawa mesej atau nasihat yang sama, iaitu berhati-hati. Kod 'menjemur padi' adalah merujuk perbuatan mengeringkan padi setelah proses penuaian, manakala kod 'mencari ganti' pula merujuk tindakan seseorang yang mencari ganti pasangan hidup yang baharu. Padi dan burung belatuk amat sinonim dalam masyarakat Melayu yang hidup sebagai petani. Hal ini demikian kerana padi yang dijemur sering dimakan burung belatuk, maka para petani perlu mengambil sikap berjaga-jaga supaya padi yang dijemur tersebut selamat. Peristiwa dan pengalaman ini diterjemahkan sebagai pembayang dalam penciptaan pantun yang kemudiaanya disuaikan dengan bahagian maksud pantun agar mesej yang ingin disampaikan jelas (Khairulanwar, 2020, hlm. 102). Bahagian pembayang dan bahagian maksud pantun membawa mesej yang sama, iaitu menasihati masyarakat agar bersikap hati-hati, baik ketika menjemur padi (literal) mahupun mencari ganti pasangan hidup yang baharu.

Pokok padi yang ada dalam pantun sebagai tanda untuk mengajak manusia ke arah kebaikan. Unsur kebaikan yang dilihat ialah mengajak ke arah hubungan kekeluargaan dan persaudaraan yang harmoni dan menggalakkan masyarakat untuk membina akhlak yang baik (Tengku Intan Marlina, 2016, hlm. 37). Padi sebagai sumber tanaman makanan utama masyarakat Melayu menjadi sesuatu yang mengikat hubungan sesama ahli keluarga dan juga sesama anggota masyarakat.

Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa dalam membina sebuah hubungan kekeluargaan, masyarakat Melayu dinasihatkan supaya berhati-hati dalam membuat pilihan, terutamanya dalam memilih pasangan hidup. Apabila membuat pilihan dalam memilih pasangan hidup, perkara yang perlu dilihat ialah akhlak dan peribadinya. Oleh itu, tidak hairanlah jika wujudnya peribahasa 'ikut resmi padi semakin berisi semakin merunduk, usah ikut resmi jagung semakin berisi semakin mendongak'. Unsur padi ditandakan sebagai sifat rendah hati, iaitu satu sikap yang sangat mulia dalam kalangan masyarakat Melayu.

Begitu juga bagi kod 'jangan dimakan' dan 'biar hati' yang saling bersejajaran maknanya antara satu sama lain. Kedua-dua kod ini memberi amaran atau peringatan supaya berhati-hati. Kod 'jangan dimakan' merujuk peringatan agar petani berhati-hati ketika menjemur padi supaya tidak dimakan burung belatuk, manakala kod 'biar hati' pula merupakan suatu peringatan kepada masyarakat agar berhati-hati apabila memilih pasangan hidup yang baharu, iaitu biar hatinya lebih baik. Pengalaman hidup masyarakat Melayu dahulu sebagai petani telah memberikan idea untuk mengambil realiti alam tumbuhan pertanian dalam menghasilkan pantun. Melalui kreativiti masyarakat Melayu citra, alam tumbuhan pertanian telah digarap dalam pantun yang mewakili realiti alam, pemikiran dan pengalaman masyarakat sendiri.

Leksikal hati dalam masyarakat Melayu mendukung makna yang signifikan, iaitu sebagai wahana untuk menyampaikan perasaan yang terbuku di hati. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Asmah Hj. Omar (1996, hlm. 7) yang menyatakan bahawa hati mempunyai kedudukan yang penting dalam *world-view* orang Melayu yang menjadi "*seats of emotion*" orang Melayu terletak pada hati jika dibandingkan dengan masyarakat Inggeris, Arab dan lain-lain yang letaknya pada jantung (rujuk Asmah Haji Omar, 1996).

Seterusnya ialah kod 'burung belatuk' dan 'lebih elok'. Kedua-dua kod ini adalah saling bersejajaran. Kedua-dua kod ini dikatakan bersejajaran kerana frasa 'jangan dimakan burung belatuk' dan frasa 'biar hati lebih elok' menggambarkan sebuah peringatan atau nasihat agar manusia berhati-hati. Kod 'burung belatuk' merujuk kepada spesis burung yang sering merosakkan padi, manakala kod 'lebih elok' pula merujuk kepada sifat yang ada pada manusia, iaitu hati yang baik dan tulus. Burung belatuk diibaratkan sebagai manusia yang kurang budi pekerti dan mempunyai hati yang kotor. Hal ini demikian kerana sifat yang ada pada burung belatuk, iaitu sering memusnahkan tanaman padi dikaitkan dengan kehidupan manusia secara realiti. Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga. Semua perkara yang terjadi kepada alam tumbuhan akan dibaca sebagai pengajaran yang kemudiaannya dipindahkan maknanya kepada dunia dan nasib manusia. Hal ini amat bertepatan dengan kajian (rujuk sorotan literatur) yang dijalankan oleh Eizah Hussain (2016) yang menyatakan bahawa 'manusia ialah alam' yang memberi gambaran tentang keakraban antara manusia dan alam tumbuhan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Setiap simbol tumbuhan yang diungkapkan dalam pantun mempunyai pengertian, lambang, takrif dan tamsil yang tersendiri berdasarkan pemahaman dan pengertian pemantun. Hal ini dapat dilihat melalui perbandingan

antara lambang flora yang terdapat dalam pantun nasihat dengan pantun budi. Jumlah dan peratusan berdasarkan jenis lambang flora dalam pantun nasihat dan pantun budi dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1.0 Kuantifikasi Jumlah dan Peratusan Jenis Lambang Flora dalam PN dan PB

Unsur Flora	Pantun Budi	Pantun Nasihat	Jumlah 1	Jumlah 2 (Peratusan %)
Delima	10	-	10	3.30
Kacang	-	6	6	1.90
Cengal	3	-	3	0.90
Buah Berangan	4	-	4	1.50
Bunga Melur	**17**	**20**	37	12.30
Padi	**21**	**31**	52	17.10
Bunga Lalang	-	10	10	3.30
Bunga Raya	7	-	7	2.30
Pucuk Kaduk	-	9	9	2.90
Pisang	5	12	17	5.50
Pinang	-	18	18	5.90
Buah Pedada	16	-	16	5.20
Jati	7	7	14	4.50
Kelapa	5	7	12	3.90
Buah Kecapi	-	**2**	2	0.60
Buah Kedondong	11	-	11	3.60
Limau	**1**	-	1	0.40
Tebu	3	-	3	0.90
Buah Kelubi	15	-	15	4.90
Ubi	**19**	-	19	6.30
Buah Rambai	10	-	10	3.30
Bunga Melati	-	**24**	24	7.90
Buah Betik	5	-	5	1.60
Jumlah	**155**	**150**	**305**	**100**

Jumlah tertinggi dan terendah PB Jumlah tertinggi dan terendah PN

Berdasarkan jadual 1.0 tersebut, penelitian secara perbandingan keseluruhan menunjukkan bahawa lambang flora padi mencatatkan jumlah frekuensi yang tertinggi, iaitu sebanyak 52 entri atau bersamaan dengan 17.10% secara keseluruhan. Pantun nasihat menyumbang sebanyak 21 entri bagi lambang flora padi, manakala pantun budi pula mencatatkan jumlah sebanyak 31 entri. Hal ini bermakna pantun budi mencatatkan jumlah tertinggi bagi entri lambang flora padi berbanding pantun nasihat. Lambang flora padi mencatatkan jumlah entri tertinggi berbanding jenis lambang flora yang lain dalam PN dan PB. Unsur padi dianggap sebagai sesuatu yang sangat bermakna dalam masyarakat Melayu tradisi, maka tidak hairanlah jika orang Melayu dahulu cenderung menggunakan lambang padi sebagai simbol kiasan dalam binaan pantun.

Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa masyarakat Melayu itu melihat alam sebagai sebahagian dari kehidupan yang harus dikenali dan difahami. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mereka hidup di tepi sungai, di tepi laut, paya hutan atau bukit. Sungai, laut, paya, hutan dan bukit ini menjadi ruang hidup yang sebenar dan konkrit. Mereka harus belajar bagaimana musim beralih, bagaimana rentak pasang dan surut mempengaruhi kehidupan. Tabiat binatang, unggas dan ikan terjalin ke dalam kewujudannya. Alam diciptakan untuk menjadi teladan kepada manusia. Manusia belajar dari air, rumput dan haiwan, dari ikan belanak, belut dan buntal (Khairulanwar dan Noriah, 2019, hlm. 27).

Di samping itu, penelitian terhadap pantun budi dan pantun nasihat juga mendapati bahawa simbol tumbuhan yang diungkapkan dalam pantun merupakan alam yang dikutip dan hampir dengan kehidupan masyarakat. Alam tumbuhan ini diambil hasil pengalaman, pemerhatian, kepekaan dan pengetahuan tentang alam ini yang diperoleh masyarakat Melayu dari aktiviti-aktiviti pertanian, perhutanan, nelayan dan lain-lain yang

menjadi rutin kehidupan masyarakat. Tidak ketinggalan juga dengan alam yang berada di persekitaran rumah dan pinggir-pinggir kampung yang menjadi pilihan diungkapkan dalam pantun. Oleh itu, ditemui penggunaan simbol tumbuhan dalam pantun menggambarkan latar budaya masyarakat yang menciptanya yang diteliti melalui penggunaan latar alam yang digambarkan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa simbol dan jenis-jenis makna amat penting dalam pemaknaan. Aspek konteks menjadi satu perkara penting kerana makna hanya akan hadir dan tepat berdasarkan konteks. Oleh itu, pada bahagian berikutnya rumusan mengenai jenis-jenis makna yang terdapat dalam PB dan PN akan dibincangkan secara ringkas dan tuntas.

Unsur perlambangan dalam pantun tidak menggambarkan makna secara harfiah tetapi dikiaskan dengan benda atau pengertian yang lain. Misalnya bunga melur, memberi makna literal apabila dikaitkan dengan tumbuhan yang mengeluarkan bunga, tetapi memberi makna konotatif apabila merujuk kepada manusia, iaitu hati yang bersih dan baik hati. Oleh sebab itu, unsur perlambangan yang terdiri daripada alam flora perlu diteliti dengan baik. Simbol-simbol ini perlu diteliti berdasarkan konteks dan situasi bagi memastikan ketepatan makna. Jadual dan graf berikut memaparkan peratusan berdasarkan jenis-jenis makna dalam PB dan PN.

Jadual 1.1 Kuantifikasi Jumlah dan Peratusan Berdasarkan Jenis-jenis Makna dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi

Kategori Pantun	Makna Kolokatif	Makna Denotatif	Makna Konotatif	Makna Afektif	Makna Reflektif	Makna Stilistik
Pantun Nasihat	89 (54%)	52 (51%)	152 (56%)	37 (73%)	32 (59%)	10 (40%)
Pantun Budi	76 (46%)	49 (49%)	120 (44%)	14 (27%)	22 (41%)	15 (60%)
Jumlah 1	**165 (100.00)**	**101 (100.00)**	**272 (100.00)**	**51 (100.00)**	**54 (100.00)**	**25 (100.00)**
Peratusan keseluruhan (%)	**24.71%**	**15.12%**	**40.71%**	**7.63%**	**8.09%**	**3.74%**

Berdasarkan jadual dan graf tersebut, secara perbandingan keseluruhan, makna konotatif mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 272 entri atau bersamaan dengan 40.71% secara keseluruhan. Bagi makna konotatif, pantun nasihat menyumbang entri tertinggi berbanding pantun budi, iaitu sebanyak 152 entri, sementara pantun budi pula mencatatkan 120 entri. Makna konotatif merujuk makna yang terselindung di sebalik sesuatu ungkapan. Setiap simbol tumbuhan yang berfungsi sebagai pembayang dalam binaan pantun mempunyai makna kiasan tertentu. Oleh itu, wujudlah pelbagai unsur alam yang menjadi sumber medan makna metafora seperti flora dan fauna, alam cakerawala dan kosmologi.

Di samping itu, makna yang diperoleh biasanya berfungsi menerangkan lambang atau tanda yang digunakan. Sebagai contoh, hitam manis pada kuplet kedua merujuk lambang flora buah kelubi. Unsur perlambangan yang berasosiasikan deria rasa manis lazimnya membawa konotasi yang bersifat positif. Hal ini berbeza pula dengan deria rasa pahit, masam dan masin yang biasanya membawa konotasi negatif.

Pantun Melayu yang berunsurkan asosiasi deria rasa masam, masin, manis dan pahit dapat dirasakan apabila falsafah, makna dan sebab yang terkandung di dalamnya dapat dicerna dan difahami secara mendalam (Khairulanwar & Noriah, 2019, hlm. 22). Masyarakat dahulu bukan hanya memandang objek mambu, garam, tebu, madu, gula dan buah kepayang sebagai makanan atau penambah rasa tetapi berdasarkan pengamatan dan pengalaman yang mereka lalui telah mencipta ungkapan kiasan tersebut.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa penentuan jenis makna adalah berdasarkan konteks. Ini bermakna konteks sangat penting dalam menentukan makna kata. Hal ini dapat diperkukuhkan melalui kenyataan Malinowski (1923, hlm. 307) iaitu:

> *Exactly, as in the reality of spoken or written languages, a word without linguistic context is a mere figment and stands for nothing by itself, so in the reality of a spoken living tongue, the utterance has no meaning except in the context of situation.*

Kepentingan makna konteks dihuraikan pada bahagian analisis. Pantun yang dicipta secara kreatif dapat memperjelaskan makna yang disampaikan secara tersurat mahupun tersirat.

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan dapatan yang diperoleh ialah orang Melayu lebih gemar berkias berbanding mengamalkan sikap berterus terang ketika berkomunikasi. Menurut Asmah Haji Omar (1988, hlm. 21), dalam budaya Melayu suatu pujian biasanya ditolak untuk mengelakkan sifat riak dan takbur. Oleh itu, ungkapan yang bersifat metafora atau kiasan ini, agak banyak terdapat dalam perbualan dan sastera Melayu, misalnya dalam peribahasa dan pantun. Hal ini demikian kerana orang Melayu dianggap kurang ajar jika berbahasa secara berterus terang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pantun mencerminkan kehalusan dan ketajaman pemikiran penciptanya, malahan dapat kita kesan nilai estetikanya. Dalam hal ini tidak hairanlah jika orang Melayu dahulu gemar menggunakan metafora, imej, lambang dan perumpamaan bagi menentukan keberkesanan penyampaian pantun. Kesopanan yang terbit daripada rasa malu dan segan dalam kalangan masyarakat Melayu telah menimbulkan satu cara hidup yang tidak suka berterus terang. Selalu ada pengertian-pengertian yang lain di sebalik rangkai kata yang dituturkan. Dalam membuat teguran ini maka lahirlah pelbagai bentuk bahasa kiasan bagi menggambarkan sikap rendah diri dan sifat kesopanan. Sindir menyindir juga memainkan peranan ketika menyampaikan sesuatu fikiran agar mesej yang cuba disampaikan itu berkesan dan indah.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1996). *Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief. Jurnal Persatuan Bahasa Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Bahasa Moden Malaysia.

Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan wacana akademik teori dan penerapan***.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anim Hosnan. (2011). *Masam buah kelubi sebagai ubat mujarab*. Capaian daripada http://animhosnan.blogspot.com/kelubi

Eizah Hussain. (2016). *Simbol dan makna dalam pantun melayu bingkisan permata.* Disertasi Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hembing. (2000). *Encyclopedia of medicinal plants of Indonesia.* PT Toko Gunung Agung. Jakarta.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohammed. (2019). Analisis sosiosemiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun nasihat. *Journal of Advanced Research Design, 57*(1), 1-20.

Khairulanwar Abdul Ghani. (2020). *Analisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Melayu*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.

Kurik kundi merah saga: Kumpulan pantun lisan Melayu (edisi kedua). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leech G. (1974). *Semantics*. England: Penguin Books Limited.

Malinowski B. (1923). *The Problem of Meaning in Primitive Languages*. London: K.Paul, Trench, Trubner.

Peirce, C. S. (1965). *Collected papers of charles sanders peirce*. In C. Hartshorne, P. Weiss, & A. Burks, (Eds.), *8*. London: Belknap Press of Harvard University Press.

Riffaterre, Michael. (1978). *Semiotics of poetry*. London: Indiana of University Press.

Riffaterre, M. (1983). *Text production*, New York: Columbia University Press.

Ferdinand D.S. (1959). *Course in general linguistics*. London: Peter Owen Limited.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2016). *Padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PEMBANGUNAN PROSES KREATIF KARTUN DAN PUISI PADA KARTUN 'PUISI SARIP' DALAM MAJALAH TUNAS CIPTA, DBP

Marzuki bin Abdullah
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
marzuki@aswara.edu.my

Ahmad Azaini bin Abdul Manaf
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
amaazaini@unimas.my

Fariz Azmir Mohd Ghazali
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
fariz@aswara.edu.my

ABSTRAK

Kartun 'Puisi Sarip' merupakan sebuah kartun bersiri yang diterbitkan dalam majalah bulanan Tunas Cipta terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Majalah Tunas Cipta secara keseluruhannya memaparkan karya-karya seperti Cerpen, Rencana, Puisi Moden dan Puisi Tradisional. Kartun 'Puisi Sarip' ini merupakan satu-satunya karya berbentuk kartun yang disiarkan di dalam majalah tersebut. Kartun yang diterbitkan dalam bentuk berwarna ini memaparkan gelagat seorang Penyair yang sentiasa berusaha mendeklamasikan sebuah sajak pada setiap siri keluarannya. Suntikan elemen kelucuan sentiasa diselitkan sesuai dengan bentuk persembahannya iaitu karya kartun berbentuk lerang. Di sebalik, kelucuan yang dicipta, pereka kartun ini menyelitkan mesej dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan kepada pembaca. Kertas Kerja ini bertujuan untuk menunjukkan proses kreatif yang digunakan terhadap pembangunan kartun 'Puisi Sarip' ini. Kajian ini menggunakan Teori Formalis dan Teori Estetika untuk melihat bagaimana Puisi dan Kartun bergerak seiring dalam satu persembahannya. Pereka kartun ini sentiasa mengimbangi di antara kelucuan dan keseriusan dalam penyampaian baris-baris puisi. Pengkaji meneliti kesan penyatuan dua seni ini iaitu, Seni Kartun dan Seni Puisi yang bergabung di dalam sebuah persembahan berbentuk visual. Kertas Kerja ini dihasilkan bertujuan untuk melihat sejauh mana Watak Kartun membantu dalam penyampaian kandungan sesebuah puisi.

Kata kunci: Kartun, Puisi Sarip, Puisi Kartun

PENGENALAN

Kartun merupakan seni yang tidak asing lagi di Malaysia. Ianya telah wujud dan menjadi bukti bercetak seawal tahun 1930-an menerusi kartun-kartun editorial dalam akhbar-akhbar Melayu seperti Warta Jenaka, Utusan Zaman dan Majlis. Kartun terawal yang dikesan banyak menyuuntik kesedaran untuk mendapatkan kemerdekaan dari Penjajah. Kartun merupakan seni lukis yang dikategorikan dalam kumpulan Seni Halus. Dalam dunia Melayu tradisi, Wayang Kulit boleh disifatkan sebagai bentuk kartun awal berdasarkan rupa watak-wataknya yang digayakan dan diubahsuaikan (Muliyadi Mahamood, 2010, hlm. 3).

Masyarakat secara umumnya melihat kartun sebagai sejenis perlambangan yang membuat pernyataan bersifat lucu, tajam dan menyindir. Menurut Muliyadi (2010), secara umumnya, terdapat tiga jenis kartun yang utama di dalam media cetak dan elektronik sezaman. Tiga jenis tersebut adalah Kartun Editorial, Kartun Lerang dan Kartun Animasi. Kartun Editorial berbentuk satu bingkai dan ianya mempunyai penyampaian yang menyentuh isu-isu politik dan isu sosial semasa. Kartun Lerang pula merupakan kartun yang dipaparkan dalam bentuk beberapa bingkai dan menyampaikan sesuatu penceritaan. Kartun animasi pula merujuk pada kartun yang dihasilkan membentuk pergerakan. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai seni ilusi pergerakan yang berlaku dalam tatacara tertentu. Menurut Muliyadi Mahamood (1993), asas pengertian kartun merupakan seni

lukis yang mempunyai ciri-ciri pengurangan, perlebihan dan perubahan rupa pada sesuatu subjek untuk tujuan satira, hiburan dan propaganda (Puteri Roselina, 2003, hlm. 1).

Kartun Puisi Sarip merupakan Kartun Lerang yang diterbitkan dalam Majalah Tunas Cipta terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kartun Puisi Sarip berkisar pada kisah Penyajak bernama Sarip yang akan menyampaikan sebuah sajak di dalam setiap keluaran di majalah tersebut. Oleh kerana ianya berbentuk kartun, situasi deklamasi sajak oleh Sarip sering diselangi dengan elemen lucu. Walaupun, ianya disampaikan dalam keadaan lucu namun begitu, ruangan kartun satu mukasurat ini mempunyai mesej baik yang sentiasa diselitkan pada setiap isu keluaran.

Proses Kreatif Puisi Sarip

Kartun Puisi Sarip bermula dengan penciptaan bait-bait puisi terlebih dahulu. Puisi ini perlu dicipta oleh penulis dan kartunis itu sendiri. Dari situ, kartunis akan memindahkannya menjadi sebuah rakaman visual pegun yang memberi makna kepada baris-baris Sajak. Unsur lucu akan diselitkan pada banyak keadaan contohnya, pentafsiran makna yang berbeza di antara watak Sarip dan penonton, aksi slapstik watak utama atau watak sampingan, respon watak yang disindir dalam sajak dan pelbagai lagi cara unsur lucu yang disuntik dalam setiap paparan kartun ini.

Contoh 1: Puisi Sarip Keluaran Bulan Ogos 2019

Sajak yang bacakan berbunyi:

Teman/Aku di hutan/Tidak seorang/Kau Teman..../
Kau tinggal dunia jingga/Bunyi kota, Kotak kaca/Ke hutan ini meneman aku/
Aman dirindu, Ilham diburu.
Rimba penuh roba ini/Semeriah unggas/Ilham sembunyi/Rahsia alam di situ sini.
Terima kasih teman/Kerana meneman aku/ Ku bawa pulang bekal sajak/
Agak banyak/Agak riak.

Sajak tersebut menceritakan tentang Sarip yang masuk ke hutan untuk mencari ilham menghasilkan Sajak. Sarip mengajak seorang rakan untuk menemaninya masuk ke hutan. Kartun ini menyediakan lima kotak panel untuk memvisualkan situasi tersebut. Pada panel pertama, kartunis membuat *establishing shot* sebagai pengenalan kepada latar tempat dan watak. Pada panel pertama ini digambarkan watak Sarip sedang duduk di atas sebatang kayu yang melintangi sungai. Kedamaian alam, hutan dan sungai digambarkan dengan begitu estetik. Adunan warna biru dan hijau diperbanyakkan pada panel ini untuk memberi kesan tenang pada mata pembaca. Sebatang kayu yang menjadi tempat Sarip duduk digambarkan dengan corak kayu yang kelihatan realistik dengan dibantu oleh tona gelap dan cerah, menjadikan paparan panel pertama kartun ini menarik rasa ingin tahu pembaca untuk meneruskan bacaan bagi mengetahui pengkisahan seterusnya. Pada panel pertama ini juga dilengkapkan dengan gambaran sungai yang melengkapkan gambaran pengenalan kepada pembaca supaya mempercayai bahawa situasi ini berlaku di sebuah hutan yang mempunyai sungai. Pada panel ini, Sarip mula mendeklamasikan sebuah sajak dengan nada tenang. Sesuai dengan postur badannya yang sedang duduk. Sarip melontarkan rangkap sajak berbunyi,

Teman/Aku di hutan/Tidak seorang/Kau Teman..../

Rajah 1.0 : Panel 1

Panel ini memperlihatkan Sarip sangat berterima kasih kepada rakannya kerana sudi menemaninya di dalam hutan. Bait itu juga memberi gambaran bahawa, seringkali, Sarip masuk ke hutan berseorangan, tetapi tidak untuk kali ini. Kali ini, seorang sahabatnya sudi menjadi teman.

Pada panel kedua, kartunis menggambarkan Sarip sudah mula bangun dari duduk pada kayu dan bergerak untuk menuju kepada rakannya. Rakannya digambarkan sedang duduk menghadap air yang sedang dimasak. Visual begini merupakan visual popular jika menggambarkan seseorang yang sedang berkelah di hutan. Memasak air untuk menghidangkan kopi merupakan satu kemestian dalam acara perkhemahan di hutan. Sarip membaca bait kedua pada panel ini yang berbunyi,

Kau tinggal dunia jingga/Bunyi kota, Kotak kaca/Ke hutan ini meneman aku/
Aman dirindu, Ilham diburu.

Rajah 2.0 : Panel 2

Bait ini menjelaskan bahawa Sarip menghargai niat baik rakannya yang sanggup meninggalkan bandar yang penuh dengan kebahagiaan. Warna jingga memaknakan kebahagiaan. Ini kerana warna jingga merupakan warna terang yang mewakili keriangan dan kegembiraan. Sarip juga berkata lagi bahawa, rakannya sanggup meninggalkan bunyi kota dan kotak kaca. Bunyi kota merupakan metafora kepada kebisingan bunyi kenderaan, bunyi industri dan bunyi kehidupan yang sibuk. Kotak Kaca menggambarkan tidak bebas atau seseorang itu terkurung di dalam sesuatu keadaan. Sarip menerusi bait 'Ke hutan ini meneman aku' memperlihatkan keseronokan Sarip di atas kesanggupan rakannya itu meninggalkan keselesaan hidup di bandar untuk menghadapi hidup serba kekurangan di dalam hutan. Sarip juga menekankan bahawa, pilihan untuk masuk ke hutan ini merupakan tindakan yang wajar dan kedua-dua mereka pasti mendapat kebahagiaan di sebalik kesukaran hidup di hutan. Kesukaran hidup di hutan digambarkan dengan paparan menjerang air menggunakan kayu api. Bait 'ilham diburu' menggambarkan bahawa tujuan utama Sarip masuk ke hutan adalah untuk mencari ilham. Ia juga memperlihatkan kebuntuan Sarip untuk berkarya sewaktu berada di bandar.

Pada panel ketiga, kartunis menggambarkan Sarip sedang dalam posisi gembira dan membacakan Sajaknya dalam nada kuat. Visual ini memberi gambaran bahawa Sarip terlalu seronok dan sedang mengalami situasi bahagia. Pada panel ketiga ini juga, Sarip melontarkan bait sajaknya yang berbunyi,

Rimba penuh roba ini/Semeriah unggas/Ilham sembunyi/Rahsia alam di situ sini.

Rajah 3.0 : Panel 3

Bait ini menceritakan tentang pesanan Sarip kepada rakannya bahawa hutan ini banyak dugaan dan cabaran. Hutan ini dipenuhi dengan pelbagai unggas dan mergastua. Sarip memberitahu bahawa dalam suasana nyaman di hutan ini, ia merupakan suasana yang sesuai untuk mencari ilham. Di hutan juga, menurut Sarip merupakan tempat tersembunyinya rahsia alam. Hutan bagi Sarip adalah tempat yang masih menyembunyikan bermacam-macam perkara seperti hasil bumi dan hasil galian. Pada panel ketiga ini juga digambarkan rakannya sedang menjinjing cerek air untuk dia menyediakan makanan dan minuman.

Pada panel keempat, Sarip melontarkan bait sajak yang berbunyi,

Terima kasih teman/Kerana meneman aku/ Ku bawa pulang bekal sajak/
Agak banyak/Agak riak.

Rajah 4.0 : Panel 4

Maksud bait ini adalah pengucapan penghargaan Sarip kepada rakannya yang sudi menjadi temannya di dalam hutan. Sarip membongkarkan bahawa dengan hanya beberapa ketika berada di situ, beliau telah mendapat mendapat banyak ilham untuk menulis sajak. Perkataan 'riak' telah Sarip sebut untuk menggambarkan bahawa sememangnya beliau telah memperolehi idea sajak yang terlampau banyak. Gambaran visual pada panel keempat ini menggambarkan Sarip sedang memegang sejumlah besar helaian kertas yang tercatat idea sajak. Kedudukan rakannya pula adalah dalam keadaan sebaliknya iaitu, tidak menunjukkan kekaguman dan hanya berekspresi biasa dalam keadaan sedang menikmati kopi panas yang baru selesai dibancuh. Keadaan ini seperti memperlihatkan bahawa rakan Sarip tidak begitu selesa dengan sikap riak Sarip yang telah memperolehi begitu banyak idea untuk menulis sajak. Rakan Sarip kelihatan menjeling dan tidak menolehkan kepala, menggambarkan bahawa dia tidak suka dengan sikap riak yang digambarkan oleh Sarip.

Panel terakhir dalam kartun ini memaparkan visual kedua-dua mereka telah keluar dari hutan dan berada di dalam bilik rakannya. Malang bagi rakan Sarip yang telah dijangkiti Demam Denggi kerana terkena gigitan nyamuk Aedis sewaktu berada di dalam hutan. Visual akhir tersebut menggambarkan rakan Sarip sedang berselimut dan menggigil kesejukan. Rakannya itu berdialog dengan penuh rasa kesal kerana menemani Sarip untuk berada di hutan. Elemen lucu telah disuntik oleh kartunis ini, di mana gambaran terhadap gelagat rakan Sarip yang telah digambarkan dalam keadaan rela mememani Sarip masuk ke hutan tetapi akhirnya, beliau telah ditimpa musibah dengan dijangkiti penyakit.



Rajah 5.0 : Panel 5

TEORI HERMENUETIK

Teori Hermenuetik merupakan teori berkenaan mentafsir Teks. Kaedah ini banyak digunakan oleh kartunis dalam penghasilan Puisi Sarip di mana kartunis mentafsir dan memindahkan teks sajak kepada makna visual. Dengan memberi gambaran tersebut, kartunis telah membantu pembaca untuk memahami dengan lebih jelas akan makna sesebuah teks. Hermenuetik berasal dari perkataan Greek yang bermaksud "interpretation". Kaedah ini merupakan keadah kajian kualitatif yang menekankan pengaruh sosiobudaya dan sejarah dalam mencungkil atau mendedahkan makna yang tersirat daripada teks atau karya (Suppiah, 2017, hlm.1). Kartunis membuat interpretasi dari sajak yang dicipta lalu menterjemahkannya kepada visual dan membentuk sebuah penceritaan. Lingkaran Hermeneutik yang diperkenalkan oleh Heidegger memperkatakan bahawa setiap makna dalam subteks perlu ditafsir berdasarkan kepada teks keseluruhan atau sebaliknya. Teks terbahagi kepada dua bahagian iaitu teks lisan dan teks bukan lisan. Teks lisan adalah seperti transkripsi interaksi dalam sebuah mahkamah, proses soal siasat polis, proses pengajaran dan pembelajaran, proses kaunseling dan sebagainya. Manakala, teks bukan lisan adalah seperti karangan pelajar, peraturan bertulis di pasar, temubual yang ditranskrip,skrip drama, skrip lakonan dan sebagainya (Suppiah, 2017, hlm. 26).

TEORI FORMALISTIK

Kartun Puisi Sarip merupakan sebuah persembahan visual. Dengan ini, ianya tidak lari dari berkait dengan teori Formalistik. Menurut Muliyadi (2010), kartun perlu dihayati dengan mengambil kira tiga aspek besar iaitu bentuk, isi dan konteksnya. Persoalan bentuk atau sering juga disebut aspek-aspek formalistik merangkumi ciri-ciri visual, warna, perspektif dan tona. Pengolahan ciri-ciri visual inilah yang mewujudkan kesan-kesan ekspresi dan emosi watak yang sesuai dengan mesej serta penceritaan (Muliyadi, 2010, hlm. p4).

Dalam ilmu sastera, formalistik adalah teori yang digunakan untuk menganalisa karya sastera yang meliputi teknik ucapan, meliputi ritma, rima, aquistik/bunyi, aliterasi, asonansi dan sebagainya.

Watak penyajak dalam Puisi Sarip menerapkan visual tentang persekitaran seorang Penyajak. Watak ini digambarkan dengan kostum yang mirip dan menjadi identiti kepada seorang penyajak. Bermula dengan Topi *Beret* bercorak bulat. Topi ini kekal coraknya dengan bentuk bulat tetapi akan bertukar warna pada setiap keluaran. Watak ini memakai baju seakan rekaan Kurta dan dipadankan dengan seluar *jeans* berpotongan *bell bottom.*

TEORI ESTETIKA

Teori Estetika merupakan teori berkenaan dengan keindahan. Dalam naskhah Sejarah Melayu ada mencatatkan beberapa objek ciptaan manusia yang menunjukkan masyarakat Melayu terdahulu amat tertarik dengan keindahan. Contoh-contoh objek tersebut adalah seperti alat muzik, batu nesan, perkakas rumah, kapal dan bangunan. Beberapa tokoh seni tempatan antaranya Syed Ahmad Jamal (1992), Ku Zam Zam (1984) dan Zakaria Ali (1989) telah membincangkan tentang konsep keindahan dalam konteks masyarakat Melayu.

Persembahan visual kartun Sarip mengangkat keindahan visual sebuah lukisan kartun. Seni kartun tidak dapat dipisahkan daripada unsur-unsur keindahan ataupun estetika kerana seni disifatkan sebagai penjelmaan rasa estetika ataupun keindahan (Muliyadi, 2010, hlm. 146). Ia menjadi lebih indah apabila diseiringkan dengan baik-bait sajak. Tambah pula, karya ini dihasilkan dalam bentuk warna yang mana ianya menyerlahkan lagi nilai estetika dalam banyak perkara seperti, estetika warna alam, estetika warna watak pada kostum dan estetika bait-bait sajak yang disertakan bersama pada kartun ini juga memberi impak positif terhadap karya tersebut.

PROSES KREATIF PEMBINAAN KARTUN PUISI SARIP

Rajah 6.0: Proses Kerja Puisi Sarip

LAKARAN KASAR KARYA

Penghasilan Karya Kreatif Puisi Sarip yang berbentuk Kartun Lerang ini bermula dengan penciptaan rangkap Sajak terlebih dahulu. Sajak dirangka dengan berpandukan pada Tajuk atau Isu yang ingin disampaikan. Bait-bait sajak dibina dengan mengambil kira kedudukannya sewaktu diletakkan di dalam panel lukisan kartun. Penggunaan bait sajak adalah sesuai kerana ianya tidak terlalu panjang. Jika teks terlalu panjang, ia akan menimbulkan masalah pada lukisan kerana teks akan menutup sebahagian lukisan. Ini bermakna, penggunaan sajak merupakan langkah terbaik sebagai medium berbentuk teks yang menyampaikan maklumat penceritaan.

Kemudian, kartunis akan membuat proses menginterpretasikan teks kepada bentuk visual. Kaedah ini menggunakan Teori Hermeneutik di mana teks sajak akan dianalisa dan dibuat ketetapan visual apa yang sesuai sebagai ganti kepada Teks tersebut. Untuk kartun Puisi Sarip ini, ianya dihasilkan menggunakan teknik digital sepenuhnya. Bermula dari lakaran kasar sehingga proses memasukkan warna, ianya dilaksanakan secara digital.

Visual perlu berfungsi sebagai memberi pemahaman pembaca terhadap teks sajak yang disertakan. Syot setiap panel perlu dilakar secara kasar terlebih dahulu bagi melihat kesesuaian kedudukannya di dalam

panel secara keseluruhan. Menjadi kebiasaan, kartunis akan menggunakan 5 panel untuk mengisi penceritaan bagi kartun satu muka surat. Untuk panel akhir pula, seringkali ruang lukisan yang agak besar digunakan untuk menggambarkan situasi sebagai syot penamat. Ruang yang lebih luas memberikan peluang kepada kartunis untuk mengisi lukisan latarbelakang yang akan memperkuatkan gambaran situasi tersebut.

Proses selepas lakaran kasar dibuat, dengan menggunakan perisian Suntingan Grafik, kartunis akan melukis garisan luar watak dengan menggunakan berus dan warna hitam. *Outline* ini dilukis dengan teliti mengikut lakaran kasar yang dilukis menggunakan warna biru. Selesai kesemua *outline* dilukis, proses memasukkan warna pula dijalankan.

PROSES WARNA

Proses memasukkan warna bermula dengan menetapkan Lapisan atau *Layer* sesuatu lukisan. Mengorganisasikan lapisan lukisan akan menjadikan kerja mewarna lebih mudah dan teratur. Sebaiknya, setiap satu panel diletakkan pada satu lapisan yang tersendiri. Ini bermakna untuk lima panel, anda memerlukan lima lapis susunan lukisan. Proses mewarna akan menumpukan pada satu panel kepada satu panel. Bermula dengan panel satu, panel ini perlu dibuat pendua. Ini bermakna, akan ada dua lapisan untuk lukisan *outline* panel satu tersebut. Perlunya dibuat pendua adalah kerana lapisan atas merupakan lapisan yang perlu dikekalkan sebagai lapisan outline dan lapisan kedua adalah merupakan lapisan untuk memasukkan warna. Lapisan Outline bertujuan untuk mengekalkan *stroke* garis *outline.* Manakala di lapisan warna, penggunaan beberapa teknik untuk memasukkan warna boleh dibuat seperti mewarna dengan cara curahan warna atau *fill.* Satu lagi kaedah adalah dengan mewarna menggunakan kaedah sapuan berus.Teknik sapuan berus ini memberikan hasil yang lebih menarik kerana *stroke* berus yang terbentuk menjadikan hasil kerja menjadi agak realistik.

Proses sama dijalankan untuk mewarna panel-panel seterusnya. Setelah warna asas dibuat, pelukis akan menambah warna tona. Penambahan tona gelap-cerah ini menjadikan objek yang diwarnakan menjadi lebih menonjol kerana wujud ketebalan pada visual. Ketebalan ini menumbulkan *depth* dalam pandangan tiga dimensi. Ini kerana tona terang-gelap pada warna yang dibuat menjadikan sesuatu objek atau watak itu menjadi lebih realistik.

PENYEDIAAN DIALOG

Kartunis akan memberi tumpuan sekali lagi pada panel demi panel bagi tujuan untuk meletakkan dialog. Sajak yang telah ditetapkan untuk setiap panel akan ditaip dan kartunis akan membuat ketetapan untuk meletakkan dialog tersebut pada ruang yang betul. Dialog perlu diletakkan pada tempat yang sesuai untuk mengelakkannya dari menutup ruang penting seperti bertindih pada watak. Dialog tidak boleh diletakkan dengan menindih watak. Kotak dialog dibina bersesuaian dengan dialog yang ada pada sesuatu panel. Bentuk belon (kotak dialog) juga memberi pandua kepada penbaca berkaitan keadaan dialog tersebut dilontarkan. Contohnya, watak sedang berdialog secara normal, maka kotak dialog perlu mempunyai bucu tajam yang akan mengarah kepada watak mana yang sedang bercakap. Jika watak sedang bercakap di dalam hati, maka bentuk bulatan-bulatan akan dilukiskan dan mengarah kepada siapa yang sedang bercakap di dalam hati tersebut.

Kedudukan kotak dialog dalam sesebuah panel juga perlu diberi perhatian. Jika dua watak sedang bercakap, dialog pertama perlu berada pada sebelah kiri pandangan pembaca dan dialog watak kedua yang bercakap, dialognya perlu berada lebih rendah dari dialog watak pertama tadi.

Kesilapan menyusun perkara ini akan mencacatkan pemahaman jalan cerita keran pembaca akan keliru dan menjadikan pemahaman yang sampai kepada pembaca adalah berlainan dari apa yang hendak disampaikan oleh kartunis.

PENYEDIAAN FORMAT UNTUK PENGHANTARAN

Setelah kartun diwarnakan dan diletakkan dialog, ianya telah menjadi sebuah hasil kerja yang lengkap. Proses

seterusnya adalah untuk mengeksport fail kerja menjadi fail berformat mampat seperti JPEG atau PNG. Ini bertujuan untuk memudahkan proses penghantaran hasil kerja melalui emel.

Penyatuan keadaan Serius dan Kelucuan.

Kartun Puisi Sarip ini merupakan sebuah karya yang agak sukar untuk dihasilkan. Ini kerana persembahannya menggabungkan sajak dan kartun. Sajak merupakan sebuah karya yang berat. Berat yang dimaksudkan adalah ianya merujuk kepada satu seni yang bergitu serius. Ketinggian bahasa dalam sajak menjadikan ianya bukan sesuatu penulisan yang boleh dipandang remeh dari segi penghasilannya. Penulis perlu mencari kata yang seringkas mungkin bagi menyampaikan sesuatu perkara. Karya sajak yang kelihatan berat ini memberi ilham kepada kartunis ini untuk menyeimbangkan kembali dan menjadikan ianya sesuatu yang harmoni. Dengan itu, unsur-unsur kelucuan disuntik dalam penyampaian perkara ini dan kartun dipilih untuk menjadi medium perantara dalam penyampaian sajak ini.

Kartun Puisi Sarip ini memperlihatkan usaha untuk mengimbangi pemberatan dalam kandungan sajak dengan menyelitkan unsur-unsur lucu dalam setiap penceritaannya. Sewaktu pembaca manikmati jalan cerita kartun ini, secara tidak langsung, mereka telah terdedah kepada seni Puisi. Secara di luar sedar, proses apresiasi terhadap seni sajak dan puisi akan sampai kepada setiap pembaca. Puisi Sarip juga sebenarnya mempunyai peminatnya yang tersendiri yang setia menanti setiap kemunculan watak Sarip di setiap keluaran majalah Tunas Cipta. Kombinasi di antara kartun dan sajak menjadikan kartun dalam bentuk begini menjadi lebih seimbang dari segi pemberatan pembaca untuk menerima penceritaannya.

KESIMPULAN

Kesenian Sajak dan Seni Kartun pada awalnya dilihat sesuatu yang sangat bertentangan. Sajak seperti yang diketahui merupakan sebuah karya untuk menyampaikan maklumat serius dalam bentuk Teks. Penggunaan kata-kata yang ringkas dan padat adalah menjadi syarat utama dalam penciptaan Sajak. Manakala kartun pula adalah sebuah karya yang berbentuk visual dan ia sering dilukis dengan ringkas. Watak kartun adalah dimaafkan jika tidak mengikut proposi ukuran lukisan watak yang betul. Ia dibolehkan untuk pelukis mengolah watak dengan sebebasnya dari segi rupa, ekspresi wajah, bentuk tubuh dan gaya perwatakan. Rupa watak dibolehkan untuk dilukis dengan bentuk kepala yang lebih besar dari badan. Perkara ini dibolehkan dan diterima sebagai apresiasi terhadap seni tersebut. Puisi Sarip ini membuktikan bahawa dua seni ini boleh digabungkan menjadi satu hasil karya yang bermutu dari segi visual dan penyampaian makna. Penggabungan ini menjadikan karya Puisi Sarip ini yang menjadi medium menyampaikan maklumat dan pengajaran dengan lebih berkesan. Karya begini dilihat boleh diterima oleh pelbagai peringkat umur pembaca.

RUJUKAN

Rose, G. (2016). *Visual methodologies: An introduction to researching with visual materials. California: SAGE Publication.*

Marzuki Abdullah (2019, Ogos). *Tunas Cipta.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muliyadi. (2010). *dunia kartun: Menyingkap pelbagai aspek seni kartun dunia dan tempatan. Kuala Lumpur.*

Puteri Roselina Abdul Wahid P. (2003). *Pendekatan sosiokognitif dalam seni kartun: Kajian kes Kartun Lat. 1,* 443-456.

Slamet Supriyadi (2011). *Wacana karikatur Indonesia perspektif kajian pragmatik.* Surakarta: UNS Press.

Zoest, Aart Van (1930). *Semiotika: Tantang tanda,cara kerjanya dan apa yang kita lakukan dengannya. Terjemahan Ani Soekawati.* Jakarta: Yayasan Sumber Agung.

C ANTAGONIS PUISI-PUISI KESAN PANDEMIK: PERSPEKTIF SOSIOLOGI SASTERA

Mohd Haidi bin Mohd Kasran, Ph.D
Rozeha binti Harun
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
haidi@ipgkbm.edu.my

ABSTRAK

Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik terbitan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merupakan perkongsian karya puisi daripada penyair-penyair ASEAN iaitu dari Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand yang menghidangkan bait-bait indah dan penuh erti dalam melihat dan menghayati pandemik Covid-19 yang telah mengubah rutin dan gaya hidup manusia seluruh dunia. Pandemik yang mengakibatkan kehidupan manusia goyah dalam ruang lingkup geobudaya dan pelbagai sektor yang lebih luas. Kajian ini bertujuan untuk meneliti antologi ini dari segi impak dalam kehidupan manusia dengan mendasari teori sosiologi. Dilihat melalui kajian ini, didapati bahawa para penyair berjaya berkongsi idea dan rasa melalui bait-bait puisi yang penuh estetik tentang kesan pandemik ini terhadap diri, keluarga, masyarakat serta keseluruhan kehidupan manusia sejagat.

Kata kunci: Puisi, Kesan Pandemik, Sosiologi Sastera, Masyarakat

PENGENALAN

Puisi Melayu moden atau sajak yang dihubungkan dengan persoalan kemasyarakatan timbul daripada kesedaran serta keyakinan penyair bahawa hubungan diantara sastera dan masyarakat begitu erat. Oleh itu, penyair akan berusaha menyampaikan apa yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui sajak ciptaan mereka. Sosiologi juga menyentuh soal-soal yang berhubungan dengan perubahan masyarakat, baik secara beransur-ansur atau mengejut seperti revolusi, dan suatu jenis masyarakat kepada jenis yang lain, misalnya dari feudalisme kepada kapitalisme, juga tentang kesan-kesan daripada perubahan ini. Di samping itu sosiologi juga melihat persoalan-persoalan tentang perubahan dalaman yang kecil seperti konflik antara kelas, kumpulan, individu dan sebagainya. Seperti halnya dengan sosiologi, sastera juga mempersoalkan manusia dalam masyarakat usaha manusia untuk menyesuaikan diri dan usahanya untuk mengubah masyarakat itu. Dalam hal ini, sesungguhnya sosiologi dan sastera berbahagi masalah yang sama. Dalam hal ini puisi juga memainkan peranan penting berurusan dengan susunan sosial, ekonomi, politik yang dirangkum menjadi urusan sosiologi (Ani, 2015).

Mana Sikana (1998) menyatakan bahawa pengaruh masyarakat terhadap sesebuah karya sastera itu amat kuat. Masyarakat merupakan kuasa penentu terhadap penciptaan dan nilai sastera. Menurut Mana Sikana lagi, secara tidak langsung penulis akan menulis sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat kerana apa yang mereka tulis adalah gambaran kenyataan dan ekspresi masyarakat. Apa yang berlaku di sekelilingnya akan menjadi bahan yang menarik untuk digenrekan sama ada berbentuk novel atau puisi, di dalamnya secara langsung atau tidak akan terungkap persoalan kemasyarakatan.

Karya penulis adalah pencerminan masyarakat pada zamannya; satu kaelahiran masalah-masalah manusia, penderitaan, persoalan-persoalan peribadi yang rumit, harapan dan cita-cita. Sungguhpun begitu, oleh kerana karya sastera dilahirkan dari kenyataan dan bertindak pada kenyataan zaman itu pula, nyata sekali akan timbul atau sudahpun timbul kumpulan-kumpulan masyarakat yang mempengaruhi atau membentuk isi, cita-cita, aliran dan lain dalam sastera itu, dan seterusnya pandangan dan anggapan mereka terhadap karya itu akan menjadi satu tanda ukur terhadap berjaya atau tidaknya sesebuah karya tersebut (Abdul Rahman, 1967).

Sama seperti sosiologi, sastera juga mempersoalkan tentang manusia dalam masyarakat, usaha manusia untuk menyesuaikan diri dan usahanya untuk mengubah masyarakat itu. Dalam hal ini, sesungguhnya sosiologi dan sastera berbahagi masalah yang sama. Dalam hal ini puisi juga memainkan peranan penting

berurusan dengan susunan sosial, ekonomi, politik yang dirangkum menjadi urusan sosiologi. Puisi Melayu Moden atau sajak dihubungkan dengan persoalan kemasyarakatan timbul daripada kesedaran serta keyakinan penyair bahawa hubungan di antara sastera dengan masyarakat begitu erat. Oleh itu penyair akan berusaha menyampaikan apa yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui puisi atau sajak mereka. Justeru, setiap hasil sastera tidak terlaksana dalam keadaan kosong dan ia bukannya hasil usaha seseorang individu tetapi merupakan hasil hubungan pengarang dengan masa, ruang dan masyarakat sebagai wadah menyuarakannya (Mohamad Mokhtar, 1995). Ini dapat dilihat juga konteks sosiologi sastera oleh Ian Watt melalui tiga cara (Atma Sri Wahyuni S, Anshari, Mahmudah 2020):

- Konteks pengarang yang berkaitan dengan posisi pengarang dalam masyarakat dan kaitannya dengan masyarakat pembaca.
- Sastera sebagai cermin masyarakat yang melihat kemampuan karya sastera mencerminkan keadaan masyarakat.
- Fungsi sosial sastera iaitu melihat hubung kait nilai sastera dengan nilai pendidikan.

ANTOLOGI C ANTAGONIS PUISI-PUISI KESAN PANDEMIK

Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik merupakan terbitan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) pada tahun 2020 yang diselenggara oleh Mohd Ridzuan Harun dan Sasterawan Negara; Anwar Ridhwan. Pemilihan karya-karya sajak ini dilihat sangat bermakna dan mempunyai estetika dan nilai tersendiri yang berupaya menjadi bukan sahaja sebagai bahan bacaan, malahan menjadi suatu bahan motivasi dan kenangan kepada khalayak. Kemunculan antologi ini merupakan suatu usaha yang penting kerana para penyair bukan sahaja melihat Covid-19 sebagai suatu terminologi perubatan semata-mata, malahan menelusuri kesannya terhadap pelbagai bidang kehidupan manusia dan masyarakat. Melalui antologi ini juga, penghasilan sajak melibatkan penyair-penyair ASEAN dari lima negara iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand. Isu-isu pandemik ini telah dicitrakan dalam bentuk puisi moden atau sajak dengan penuh penghayatan dalam ruang lingkup geobudaya yang lebih luas iaitu perkongsian rasa dari aspek pergaulan, pendidikan, ekonomi dan perjalanan hidup dalam norma baharu dan di luar kebiasaan hidup biasa yang melanda seluruh dunia. Jelasnya, antologi ini merupakan penerbitan bertaraf antarabangsa.

PERIHAL COVID-19

Sejak mula dilaporkan pada Disember 2019, perkataan Coronavirus dan COVID-19 kini menjadi perhatian dan bualan dalam segenap lapisan masyarakat baik yang tua mahupun yang muda. COVID-19 tidak lagi asing bagi masyarakat Malaysia bahkan di seluruh dunia. Sehingga 6 Oktober 2020, sebanyak 36 juta kes melibatkan lebih 1,054,604 kematian telah dilaporkan di seluruh dunia. Pernah viral di media sosial bahawa SARS-CoV merupakan virus hasil ciptaan biokejuruteraan di makmal namun semuanya berita palsu semata-mata. Tiada bukti kukuh yang boleh menunjukkan SARS-CoV dicipta oleh manusia di dalam makmal melalui teknik biokejuruteraan. Malah, nama virus ini sendiri iaitu SARS-CoV yang berkait rapat dengan virus yang menyebabkan penyakit SARS, menunjukkan bahawa virus SARS-CoV ini wujud secara semula jadi. Beberapa orang saintis dari China telah berjaya membuktikan bahawa virus SARS-CoV ini mempunyai ciri persamaan sebanyak 91.02% apabila dibandingkan dengan virus Pangolin-CoV (Coronavirus dalam tenggiling) dan 90.55% dengan BatCoV (Coronavirus dalam kelawar - RaTG13) di peringkat genom. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika virus ini berasal daripada haiwan mamalia yang kemudiannya menjangkiti manusia.

Seperti yang diketahui, penyebaran Covid-19 adalah melalui titisan daripada saluran pernafasan (batuk dan bersin) pada jarak satu meter dan juga kontak secara dekat. Oleh yang demikian, langkah pencegahan adalah amat penting untuk mengekang virus daripada terus tersebar. Satu kajian secara '*systematic review* dan *meta-analysis*' telah dilakukan untuk mengkaji jarak optimum untuk mengelakkan daripada jangkitan dan melihat keberkesanan penggunaan penutup muka dan pelindung mata. Hasil daripada kajian tersebut mendapati jarak fizikal satu meter dan lebih adalah lebih selamat dan mengurangkan kadar penyebaran virus. Selain itu, penggunaan penutup muka berjaya mengurangkan kadar penyebaran dengan penggunaan penutup muka N95 adalah yang terbaik berbanding penutup muka yang lain. Akhir sekali, pelindung mata juga dapat

mengurangkan kadar infeksi. Oleh itu, masyarakat perlulah mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan penutup muka dan pelindung mata ketika berada di luar untuk memutuskan rantaian jangkitan virus ini (Muhammad Nur Akmal & Intan Juliana, 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneliti hubungan sajak dengan peristiwa dalam masyarakat.
2. Melihat hubung kait nilai sastera dengan nilai pendidikan dalam sajak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis dokumen atau teks. Kajian kualitatif menurut Bryman (2008) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Analisis kandungan dokumen adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kajian ini menggunakan Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik (CAPKP). Kajian ini berlandaskan kepada berpegang kepada beberapa prinsip pendekatan sosiologi sastera; iaitu melihat secara terperinci sosiologi penyair yang menghasilkan sesebuah karya dan melihat hubungan sajak dengan peristiwa dalam masyarakat yang berkaitan dengan situasi pandemik Covid-19.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hubungan Sajak dengan Peristiwa dalam Masyarakat

Melalui Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik ini, kajian akan dilihat berdasarkan sajak-sajak yang terkandung dalam antologi ini. Karya-karya sajak pilihan ini dibaca kesemuanya dengan Teknik Bacaan Rapi (*Close Reading Technique*). Setiap karya yang dibaca akan dianalisis isi kandungannya (*Content Analysis*) dengan berlandaskan pendekatan sosiologi sastera Ian Watt. Semua karya yang dikaji dapat dihuraikan seperti berikut:

Aziz Deraman dari Malaysia dalam sajaknya; Covid-19, mencari punca kepada kehadiran pandemik di bumi ini. Semua manusia menjadi ketakutan dan resah dengan kehadiran virus yang sangat merbahaya hingga berupaya menyebabkan kematian kepada manusia. Masyarakat seluruh dunia berasa bingung dengan malapetaka yang diturunkan Tuhan. Adakah manusia lalai dengan Maha Pencipta? Sehinggakan manusia ditimpa dengan bencana ini. Ketakutan dan kebingungan manusia dapat dilihat secara sejagat dalam rangkap sajak bertajuk Covid-19 seperti kata penyair:

Covid-19 - itu ujian
fitnah tiba atas kealpaan
bukti pada siapa? - kekuasaan
di langit bumi mentari bulan
di timur barat utara selatan
benua-benua bungkam
manusia kebingungan

(A. Aziz Deraman, *Covid-19*, CAPKP, hlm. 1)

Persoalan tentang keresahan dan kebingungan masyarakat dunia berkaitan dengan pandemik Covid-19 amat dirasai oleh penyair Baharuddin Sairi yang secara terang-terangan menukilkan sajak "Di Seberang Musim Covid-19" bertepatan situasi pandemik yang melanda seluruh dunia. Walaupun pandemik ini menyukarkan kehidupan masyarakat, namun penyair mengaitkan pandemik ini sebagai takdir Tuhan sebagai ingatan terhadap hamba-Nya di dunia. Hal ini dapat dilihat dalam bait:

Menyeberang musim Covid-19
kita adalah perenang di sungai takdir
yang menghirup air masin
pengalaman paling mahal.

(Baharuddin Sairi, *Di Seberang Musim Covid-19*, CAPKP, hlm. 27)

Bandang Galayan dalam sajak "Di Sebalik Apa Yang Kita Tidak Nampak" mengungkapkan peristiwa pandemik dengan bait-bait 'bukan sahaja bencana malah mungkin ini penebus dosa/agar kita tidak terlalu alpa-leka meniti paksi dunia/di sebalik apa yang kita tidak nampak/. Selain itu, Fadhilah Ahmad juga berasa resah dengan masalah pandemik yang melanda dunia dalam sajak "Menangkis Tanpa Senjata" dengan bingkisannya 'C.O.V.I.D.1.9/abjadmu rancak ditari/meletus ke pelusuk ceruk bumi/seluruh benua kau tawan terhukum mandatori'. 'Musibah Covid-19/tiada lagi kasihan belas/ tidak memilih siapa antara kita/', merupakan luahan Farha Alya Mohd Fitri dalam sajak "Muhasabah Musibah". Rayako Dekar King juga membicarakan tempat asalnya yang dijangkiti wabak dalam sajak "Kotaku Terjangkit Virus". Antaranya bait yang dapat dilihat; 'Kota adalah tempat kita berasal/tempat saudara/tetapi diserang satu virus/virus Corona yang menjangkiti dunia/menghancurkan/memecah belah/hingga orang-orang menderita/'. Berdasarkan pemilihan kata dan diksi melalui karya para penyair ini, jelas menggambarkan bahawa masalah pandemik yang melanda diri, masyarakat dan dunia telah memberi kesan mendalam dalam kehidupan para penyair dan masyarkat persekitarannya diluahkan dalam penulisan kreatif seperti sajak.

Seterusnya, Fatin Elysha juga telah merungkai masalah pandemik ini dalam sajak yang bertajuk "Covid-19". Dalam pemilihan kata-katanya, 'Covid-19/hadirmu umpama peluru/di atas kepala/tatkala semua belum bersedia/, /aku, dia, kita/semuanya amat tersiksa/akan kedatanganmu/. kata 'semua' dan 'kita' dapat diteliti bahawa pandemik ini bukan sahaja menjadi beban kepada diri penyair malahan digambarkan kepada orang lain seperti masyarakat malahan penduduk seluruh dunia. Pernyataan ini juga dapat dilihat melalui sajak "Covid-19 Mengajar Kita" karya Haji Mohd Sabari Ma Hasan. Penyair meluahkan dalam ungkapan "pandemik Covid-19 semakin menggila/habis rakyat menanggung derita/seluruh dunia wabak melanda/Corona Virus tak mengenal mangsa/. M Haidi M Kasran juga membangkitkan pandemik sebagai masalah dunia dalam sajaknya "Ingin Terbang Bersama Burung". Antaranya ungkapannya; 'Cerita silam tentang keindahan hidup/telah tamat tempoh selama ini/yang amat dibanggakan di pelosok benua/kami telah hilang mimpi indah itu dan masa kini/muncul sebuah mimpi ngeri yang hidup berdamping/'. Jelas juga diamati melalui tiga sajak ini, persoalan pandemik menjadi masalah sejagat yang sedang membelenggu kehidupan manusia.

Muhammad Khairul Marwiah juga mempunyai perasaan yang sama dengan para penyair lain apabila melihat pandemik ini sebagai masalah dunia, Hal ini diteliti melalui sajaknya "Bersih". Ungkapan 'Bumi sedang keuzuran/dihenyak dikikis digali diperlaku semahunya/kepanasan/'. Seterusnya, 'hadir si kecil covid 19/tidak terlihat di mata/bermahrajalela/menguasai dunia/'. Kata 'bermahrajalela' dan 'menguasai dunia' jelas menunjukkan bahawa Covid-19 benar-benar menyerang masyarakat dunia tanpa mengira latar belakang manusia yang berada di dunia ini. Pemilihan kata 'bermaharajalela' juga digunakan oleh Nordin Hashim dalam sajaknya "Ketika Bumi Menjadi Pendiam" dalam merujuk kepada penularan Covid-19 merebak di seluruh dunia. Mustiar One Meulaboh juga menjelaskan pandemik Covid-19 juga menjadi 'duri dalam daging' dalam kehidupan masyarakat yang dilihat dalam diksi 'nasib jelata'. kesusahan dan kebimbangan masyarakat dapat dilihat dalam sajaknya yang bertajuk "Dia Meraup Laba Di Musim Pandemi". Hal ini dapat diungkap dalam rangkap berikut:

Dia menimba air di telaga kering. Di negeri nyiur
melambai. Dan
menyematkan nasib jelata

(Mustiar One Meulaboh, *Dia Meraup Laba Di Musim Pandemi*, CAPKP, hlm. 85)

Nurin Amani dan Nordin Hashim menggunakan pilihan kata 'bumi' yang mengambarkan bahawa peristiwa pandemik ini berlaku dalam konteks dunia. Nurin Amani dengan tajuk sajaknya "Sebelum Hujung Waktu" dan Nordin Hashim; "Ketika Bumi Menjadi Pendiam" seperti pada rangkap 'Pelosok bumi semuanya

senyap' dan 'Tiba-tiba bumi ini menjadi pemalu'. kedua-dua ungkapan ini merujuk kepada bumi ini sedang mengalami duka kerana angkara pandemik ini. Secara tidak langsung, penduduk dunia ini juga dalam keadaan murung menghadapi masalah ini.

Nilai Sastera dengan Nilai Pendidikan dalam Sajak

Jenika Wdiya yang merupakan penyair dari Jawa Barat turut membicarakan soal pandemik melalui sajak "Virus Corona Asal China". Masalah yang menimpa seluruh dunia dinukil dalam kata-kata;'Visi warga dunia kini terbebas dari virus/ikhtiar terus dikencangkan bagi tiap-tiap lapisan masyarakat/'. Pandemik yang melanda kepada penduduk dunia ini seharusnya diperangi oleh semua lapisan masyarakat dunia bagi menghindari dari terus merantai manusia kerana penawar bagi virus ini masih belum ditemui. Kesan ini juga dilihat dalam ungkapan oleh Lusia Yasinta Meme dalam sajak "Corona Cukuplah Sampai Di Sini". Antaranya; 'Corona/ dengarlah tangisan negeri kami/para medis yang rela mati/demi nyawa insani/Rupiah pun terkuras habis demi mereka yang sakit/'.

Isu ini juga menjadi inspirasi dalam karya Mohd Adid Ab, Rahman dalam sajaknya "Sebaik Saja Kau Datang", antara bait-baitnya yang berbunyi 'Sebaik saja kau datang/menjadikan para ilmuan sibuk berfikir, mengkaji dan mencari/penawar dan vaksin yang bisa mengalahkanmu, Corona/'. Ungkapan 'wahai Covid-19!/ besar mana pun dugaan ditempuh/jiwa warga terus utuh/beserta kerjasama yang semakin ampuh/pemimpin dan rakyat/bersatu teguh/'. Rissa Churria juga mendedikasikan para petugas perubatan sebagai wira barisan hadapan yang bersungguh-sunguh untuk membasmi rantaian penularan wabak. Penyair meluahkan:

di tugu ini
berdiri tenaga medis
garda terdepan memeluk renik
di dahi dan jubahnya bergambar batu nisan
menjadi prajurit melaman wabah yang menggila

(Rissa Churria, *Tugu Penantian*, CAPKP, hlm. 109)

Semua kata-kata daripada para penyair di atas, merupakan suatu perkara kronik yang perlu dibanteras oleh semua masyarakat dunia secara bersama-sama terutama yang mahir dalam bidang perubatan demi membasmi pandemik ini dan mengembalikan kehidupan manusia seperti biasa. Dalam menjalani kehidupan bersama, seharusnya masyarakat dapat bergandingan bagi menghadapi liku dan cabaran yang mendatang. Nilai sosial positif yang dapat dijelmakan oleh setiap individu dalam masyarakat seperti semangat kekitaan, perasaan saling hormat-menghormati dan mengamalkan sikap toleransi dapat memastikan perpaduan dan kejelelekitan dalam kelompok komuniti. Identiti sesuatu bangsa itu dapat dilihat melalui persamaan budaya sesebuah masyarakat besar. Semangat kekitaan ini haruslah dipupuk ke dalam jiwa generasi masyarakat agar mereka sedar akan kepentingan hidup bersama (Mohd Haidi, 2020).

Dalam sajak "Terima Kasih" karya Norafifah Fatema Khairulsani, unsur pendidikan kepada masyarakat dapat dilihat dalam karyanya rentetan daripada pandemik yang melanda dunia. Di sebalik pandemik ini, penyair telah mengajak khalayak untuk mengetahui dan memahami hikmah daripada pandemik ini iaitu dengan menyelamat dan 'merehatkan' alam kejadian Tuhan untuk kemaslahatan manusia. Hal ini dapat dilihat seperti ungkapan berikut:

Dunia ini berehat,
Terima kasih pada manusia,
Virus yang datang menghancurkan kita,
Tetapi menyelamatkan alam.

(Norafifah Fatema Khairulsani, *Terima Kasih*, CAPKP, hlm. 92)

Selain Norafifah Fatema Khairulsani, Nurril Anwar dalam sajak "Pembersihan", sajak ini mengajar

manusia untuk menjadi lebih baik dalam kehidupan mereka. Wabak Covid-19 ini telah memberi hikmah yang tersirat yang perlu manusia hayati. Sisi ini telah diterjemah oleh penyair dalam bait-bait berikut:

Taufan wabak bergelumang
Menyerang

Aku melihat
Sungai jadi bersih
Udara jadi bersih

Begitu juga
Harta orang kaya
Elok bersukat
Dan rezeki orang miskin
Bertambah berkat

(Nurril Anwar, *Pembersihan*, CAPKP hlm., 96)

Ramlee Wahab juga mengangkat sajak "Hikmahnya Corona" dengan pemugaran sistem alam yang selama ini terdedah dengan pelbagai isu kerosakan dan kemusnahan flora dan fauna yang disebabkan oleh kerakusan manusia. Hadirnya wabak telah menjadikan alam bernafas semula kerana aktiviti manusia terhenti seketika seperti biasa. Pernyataan ini dapat dilihat melalui ungkapan penyair:

Sejak kehadiran wabak
warna hidup berubah
alam kembali indah.

taman botani pulih segar
burung girang bersarang

sungai-sungai pulih jernih
ikan riang berenang

hutan-rimba pulih menghijau
haiwan galak membiak

pantai landai pulih permai
pasir bersih memutih

kota metropolitan pulih aman
udara bersih nyaman

(Ramlee Wahab, *Hikmahnya Corona*, CAPKP, hlm., 101)

Kesan pandemik juga telah menjadikan diri penyair untuk bermunasabah dalam diri. Mesej yang sama juga ingin disampaikan oleh penyair kepada khalayak pembaca dan masyarakat. Karya-karya sajak mereka merujuk kepada kekuasaan Tuhan yang menghadirkan wabak untuk memberi ingatan kepada semua hamba-Nya yang sering alpa dan jauh mengingati-Nya. Nurul Ainina Amir Ezam dalam sajaknya "Ingin Terbang Tanpa Batas" telah menukil rangkap 'rayuan dalam doa/minta didengari/kembalikan diri/ke era lama/'. Doa merupakan permintaan tulus suci kepada Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang serta Maha Mengetahui hikmah disebalik penularan pandemik ini. Sharil Kasak juga dalam sajak "Kembali ke Fitrah' dalam akhir rangkap sajaknya mengajak khalayak untuk kembali ke 'fitrah' asalnya. Ini dapat dilihat dalam ungkapan 'Covid-19/saling bersama ingat Tuhan/tempat pengadu maha terbaik/dan menjaga kebersihan diri dalam hidup./'. Ungkapan oleh Siti Hasmah Mohd Nawi melalui sajak "Hikmah Covid-19"; 'Ya Rahman… Ya Rahim…/ampuni dosa kami/lindungi kami dari virus ini/berilah senyuman seindah sinar mentari/. Kesemua sajak yang dinukil oleh penyair-penyair pilihan ini, secara dasarnya membawa khalayak masyarakat untuk

kembali kepada Tuhan yang dianggap sebagai doa untuk memohon perlindungan dan keselamatan kehidupan manusia di dunia kerana Tuhanlah yang Maha Mengetahui segala apa yang telah direncana kepada setiap hamba-Nya.

Doa merupakan salah satu sarana untuk berkomunikasi antara hamba dengan Allah SWT dalam keadaan tertentu. Di samping itu, doa sebagai roh ibadah atau sari ibadah sebagaimana yang pernah disarankan oleh Rasulullah SAW. Oleh itu, doa bukan hanya semata-mata untuk memohon pertolongan Allah dalam memecahkan problem manusia yang dihadapinya, namun dalam konteks secara luas sebagai suatu keperluan dalam rangkaian ibadah. Dengan demikian, manusia sebagai makhluk yang memiliki kelemahan dan kekurangan, tidak dapat menyelesaikan semua persoalan tanpa bantuan yang lain. Sebagai makhluk yang memiliki keyakinan bahawa ada yang lebih ampuh untuk dapat memberikan bantuan, itulah Tuhan, tentunya Tuhan sentiasa membuka jalan untuk berkomunikasi yang intim dan intensif dengan Maha Pencipta dalam bentuk permohonan iaitu doa, sekalipun hal itu tidak segera tercapai, tetapi komunikasi dengan doa ini tetap memberikan nuansa yang optimis daripada seorang hamba kepada Pencipta-Nya (Mursalim, 2011). Pernyataan ini betepatan dengan nukilan Umi Maisarah dalam sajak "Rahsia Covid-19" yang berbunyi:

Sedetik leka sezaman tersisip duka lara
Menjemput gundah gulana seanteronya
Halaman kemanusiaan pelbagai warna
Hanya pada-Nya kupanjatkan doa

(Umi Maisarah, *Rahsia Covid-19*, CAPKP, hlm., 124)

Manusia adalah makhluk yang memiliki emosi dan naluri seperti gembira dan sedih, senang dan susah, takut, cemas, dan mengharap, sehingga ia memerlukan sandaran dan pegangan dalam hidupnya. Kenyataan membuktikan bahawa bersandar kepada sesama makhluk seringkali tidak membuahkan hasil kerana itu mereka mengharapkan sandaran yang Maha Berkuasa yang dapat memberikan bantuan dan panduan serta mampu menghilangkan rasa cemas, sehingga dapat memenuhi harapannya dalam kehidupan semua masyarakat manusia di dunia ini. Tidak ada yang mampu melakukan hal tersebut kecuali Allah SWT. Karya Zefri Ariff, penyair dari Singapura dengan sajaknya "Saf", Zurhan Bakar dengan nukilan "Ramadan dan Syawal 1441" dan Zawawi dalam "Ujian" juga mengadu kepada Tuhan berkaitan ujian dahsyat yang diturunkan kepada manusia sejagat. Zainularifin mengungkapkan seperti berikut:

mengadu kita memohon taubat
mengadu kita lakukan amalan
pengalaman ujian mematangkan insan-insan yang kerdil
untuk terus bertakwa
sedarlah
dunia hanyalah sementara
akhirat adalah kekal selamanya

(Zainularifin Zawawi, *Ujian*, CAPKP, hlm., 127)

PENUTUP

Kesusasteraan mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat kerana karya sastera itu merupakan cerminan dalam kehidupan masyarakat. Terbitnya Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik terbitan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merupakan perkongsian karya puisi daripada penyair-penyair ASEAN iaitu dari Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand yang sama-sama meluahkan pelbagai rasa emosi dalam menghadapi pandemik Covid-19 ini. Jelasnya, setiap bait dalam sajak daripada semua penyair memperlihat tentang peristiwa-peristiwa penularan wabak yang berlaku di seluruh dunia telah memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan masyarakat. Kehidupan dalam norma baharu perlu dihadapi oleh penduduk dunia. Selain melihat hubungan sajak dengan peristiwa dalam masyarakat, dalam kajian ini, penelitian terhadap nilai sastera dengan nilai pendidikan dalam sajak juga terpancar apabila para penyair menukil dalam ungkapan-ungkapan yang menjurus kepada nilai pendidikan yang

dikongsi kepada khalayak dan masyarakat pembaca. Pembacaan yang mendalam antologi ini, khalayak akan memperoleh bukan sahaja berkaitan peristiwa pandemik yang berlaku, malahan penyair juga mengajak khalayak untuk kembali kepada fitrah manusia yang asal, iaitu kembali kepada Pencipta kerana semua perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia semua datangnya dari Allah SWT demi kemaslahatan hamban-Nya.

RUJUKAN

Abdul Rahman Embong. (1967, April). Hubungan Gejala-gejala Masyarakat dengan Ciptaan dan Perkembangan Sastera. *Dewan Sastera*,

Ani binti Haji Omar. (2015). Kajian sosiologi bahasa dalam puisi-puisi Dharmawijaya. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 16-24.

Atma Sri Wahyuni S, Anshari, Mahmudah. (2020). Gambaran kemiskinan dalam Novel Yorick Karya Kirana Kejora (Pendekatan Sosiologi Sastra Ian Watt). *NEOLOGIA: Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*, http://ojs.unm.ac.id/neologia.

Bryman, A. (2008). *Social Research methods* (3rd ed.). Oxford: Oxford University Press.

Mana Sikana. (1998). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sejarah kritikan puisi Melayu moden (1949-1979).* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Haidi Mohd Kasran. (2020). *Citra puisi merentas nilai universal*. Selangor: MKE Sdn. Bhd.

Mohd Ridzuan Harun dan Anwar Ridhwan (Peny.). (2020). *Antologi C Antagonis: Puisi-Puisi Kesan Pandemik*. Kuala Lumpur: ASWARA.

Muhammad Nur Akmal Azizuddin dan Intan Juliana Abd Hamid. (2020). *9 Fakta Mengenai COVID-19.* Kumpulan Imunodefisensi Primer, Kluster Perubatan Regeneratif, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia.

Mursalim. (2011, Jun). Doa dalam Perspektif Al-Quran. *Jurnal Al- Ulum, 11*(1), 63-78.

EKSPRESI EMOSI SEBAGAI WAHANA KOMUNIKASI WATAK DALAM *HIKAYAT NAKHODA MUDA* DAN *HIKAYAT PARANG PUTING*

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nadiatul@uum.edu.my

ABSTRAK

Hasil sastera yang dihasilkan bertujuan untuk dikongsikan bersama khalayak pembaca. Penghasilan karya sastera bertunjangkan kepada idea, pemikiran, gagasan dan perasaan pengarang yang diadun menggunakan medium bahasa sebagai saluran penyampaian. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan ilmu, idea, pendapat, buah fikiran, melahirkan emosi dan perasaan melalui pengucapan, gerak-geri atau bahasa badan, tulisan, lukisan dan isyarat. Sehubungan itu, emosi merupakan salah satu unsur yang mendasari sesebuah karya sastera. Hal ini kerana unsur emosi di dalam karya sastera bukan sahaja berperanan sebagai saluran komunikasi tetapi, turut mewarnai dan mencorakkan penceritaan di dalam karya tersebut. Lantaran itu, menerusi kertas kerja ini akan membincangkan ekspresi emosi watak sebagai wahana komunikasi watak utama dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* yang digunakan sebagai data kajian kertas kerja ini. Kertas kerja ini akan menggunakan kaedah menganalisis data kajian. Justeru, penelitian terhadap ekspresi emosi akan ditelusuri menerusi ekspresi wajah, suara, tingkah laku dan sentuhan dalam berkomunikasi.

Kata kunci: Bahasa, emosi, komunikasi, pertuturan, tingkah laku

PENGENALAN

Karya sastera merupakan penghubung komunikasi manusia antara pengarang dan khalayak pembaca. Komunikasi yang wujud itu diperlihatkan pemaparan watak-watak yang dilukiskan oleh pengarang untuk dikongsikan bersama khalayak pembaca. Hal ini kerana penghasilan sesebuah karya sastera itu mengandungi pemikiran, gagasan, idea dan emosi yang ditampilkan menerusi penggunaan bahasa sebagai medium penyampaian. Bahasa adalah satu sistem lambang bunyi yang merupakan alat perhubungan antara manusia. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan ilmu, idea, pendapat, buah fikiran, melahirkan emosi dan perasaan melalui pengucapan, gerak-geri (bahasa badan), tulisan, lukisan, isyarat dan sebagainya. Bahasa juga merupakan satu sistem komunikasi yang menggunakan bunyi-bunyi ujaran yang bersifat arbitrari dan akan menghasilkan makna-makna tertentu. Menurut Asmah Omar (1990, hlm. 1), bahasa adalah alat komunikasi terpenting manusia atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak agar pengguna bahasa dapat memahami sesuatu perkara yang dibincangkan.

Sehubungan itu, jelaslah dapat difahami bahawa manusia akan berkomunikasi menggunakan bahasa terutamanya dalam melahirkan dan mengungkapkan emosi dan perasaanya. Hal ini kerana elemen emosi merupakan bahan dasar dan menjadi salah satu unsur terpenting dalam menghasilkan sesebuah karya sastera (Sohaimi Abdul Aziz, 2012, hlm. 175). Malah, emosi juga merupakan anugerah Allah kepada manusia yang membezakan manusia dengan makhluk ciptaan-Nya yang lain. Manusia akan bertindak balas, mempamerkan ekspresi dan tingkah laku yang pelbagai dalam mengungkapkan emosi yang dialami. Menurut Azlena Zainal (2007, hlm. 25), emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia kerana emosi mempengaruhi sebahagian besar kehidupan, bermula dari saat seseorang dilahirkan sehinggalah ke akhir hayatnya. Tiada satu pun manusia yang lahir tanpa emosi dan sering kali emosinya terserlah sebelum kebolehan seseorang berfikir dapat dipamerkan.

Pemaparan elemen emosi dalam karya sastera juga bertujuan untuk mendidik dan memimpin emosi

manusia ke arah emosi yang lebih stabil. Oleh kerana itulah, elemen emosi dalam karya sastera berperanan sebagai saluran komunikasi antara watak-watak dengan khalayak yang membaca karya tersebut. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005, hlm. 134-135) seperti berikut:

> Unsur emosi dan kesusasteraan pernah dihubungkaitkan oleh Aristotle dengan fungsi *catharsis* iaitu untuk mendidik dan memandu emosi manusia bagi menjadikannya lebih stabil apabila berdepan dengan sesuatu tragedi, tekanan emosi dan kemelut hidup. Kesusasteraan Melayu mempunyai sumber yang kaya dengan nilai dan emosi. Malah, kesusasteraan Melayu perlu dimanfaatkan untuk membentuk keperibadian generasi muda. Karya-karya sastera Melayu yang bermutu tinggi waima yang berupa novel, cerpen, drama, sajak, puisi dan prosa tradisional bukan sahaja berperanan sebagai wahana tetapi mampu menggilap potensi diri khalayak. Khalayak yang menghayati watak dan perwatakan dalam sesebuah karya yang dibacanya dapat memperkembang emosinya sendiri. Misalnya, watak dalam karya yang memperlihatkan emosi seperti simpati, sedih, kecewa dan pasrah. Dengan itu, khalayak yang menjiwainya akan turut beremosi dan bersimpati terhadap watak-watak yang terdapat dalam karya sastera tersebut.

Berdasarkan pandangan tersebut, dapat membuktikan bahawa karya sastera merupakan sebuah penulisan yang kaya dengan nilai dan emosi serta berupaya dalam membentuk peribadi manusia. Penghayatan khalayak terhadap emosi watak dalam karya sastera juga dapat membantu dalam memperkembangkan emosi dan mendidik manusia menjadi individu yang lebih peka, berempati dan sensitif. Oleh kerana itulah, pengarang akan berusaha sedaya upaya bermain emosi khalayak melalui watak-watak ciptaannya dalam karya sastera yang dihasilkan.

Lantaran itu, pemaparan emosi dalam karya sastera yang diperlihatkan melalui watak-watak ini juga telah membuktikan bahawa wujudnya komunikasi antara watak-watak tersebut. Hal ini dapat ditelusuri melalui ekspresi emosi yang dipamerkan melalui tingkah laku dan pertuturan watak dalam melahirkan emosinya. Justeru, kertas kerja ini akan memfokuskan kepada ekspresi emosi sebagai wahana komunikasi watak dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* sebagai data kajian ini.

BENTUK-BENTUK KOMUNIKASI DALAM MEMERIHALKAN EMOSI

Bagi memastikan komunikasi berjalan dengan baik dan lancar, terdapat beberapa elemen penting yang perlu diambil kira. Proses komunikasi biasanya berlangsung apabila adanya elemen-elemen seperti sumber atau penghantar maklumat, mesej, saluran dan penerima maklumat. Menurut Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 33-34), komunikasi merupakan proses yang melibatkan beberapa elemen penting dalam penghantaran mesej daripada seseorang individu kepada individu atau kelompok lain. Komunikasi yang berkesan bergantung kepada penggembelengan unsur-unsur komuniaksi yang terlibat bagi memastikan proses komunikasi berterusan. Proses komunikasi melibatkan enam unsur utama iaitu sumber, mesej, saluran, penerima, maklum balas dan gangguan. Komunikais yang berkesan berlaku sekiranya sumber dan penerima mempunyai kefahaman terhadap mesej yang diterima dalam menyalurkan mesej tanpa mengambil kira media yang digunakan.

Komunikasi boleh berlaku sama ada secara bentuk lisan atau bukan lisan. Namun, dalam kehidupan seharian manusia akan saling berkomunikasi secara lisan ketika bertutur, berucap atau dalam bentuk bertulis. Namun, begitu dalam memerihalkan emosi, adakalanya agar sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk lisan kerana tidak semua emosi itu dipaparkan secara lahiriah. Hal ini kerana kebanyakanya akan berkomunikasi menggunakan anggota badan dalam mengekspresikan emosi mereka. Dalam hal ini, Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 49-50) menjelaskan bahawa medium lisan seperti pertuturan dan penulisan lazim digunaakan untuk berkomunikasi dan maklumat yang disampaikan oleh pengirim juga mudah difahami oleh penerima. Namun, adakalanya dalam berkomunikasi, individu tidak dapat mengelak daripada menggunaka anggota nadan semasa berinteraksi. Walaupun, pergerakan anggota badan dalam memerihalkan tingkah laku seseorang bukan satu kaedah menyampaikan maklumat, tetapi tingkah laku yang dipaparkan itu merupakan aspek penting dalam komunikasi. Perkara penting dalam proses komunikasi bukanlah bentuk yang digunakan dalam menyampaikan mesej secara lisan atau bukan lisan tetapi, proses interaksi dan pertukaran maklumat antara sumber dan khalayak. Ini amat bersesuai dengan konsep komunikasi sebagai kaedah

dalam menyebarkan maklumat, pemikiran, sikap atau emosi dari seseorang individu kepada individu atau kelompok lain dengan menggunakan simbol-simbol yang mudah difahami oleh khalayak.

Penelitian terhadap beberapa pandangan sarjana mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk komunikasi dalam memerihalkan mesej terutamanya yang melibatkan emosi. Hal ini kerana tidak semua emosi itu dapat difahami secara langsung tetapi, kadang kala perlu difahami juga melalui penggunaan anggota badan. Gerakan anggota badan misalnya mampu mengungkap dan merungkai mesej emosi yang ingin disampaikan oleh pengirim kepada penerimanya. Proses komunikasi itu akan berlaku dengan mudah dan dapat difahami.

Dalam memerihalkan emosi, lazimnya banyak dibantu dengan gerakan anggota badan yang mempamerkan pelbagai bentuk tingkah laku. Keadaan ini disebut sebagai komunikasi bukan lisan. Komunikasi bukan lisan meruapakn komunikasi tanpa perkataan. Komunikasi bukan lisan merupakan satu bentuk mesej komunikasi yang penting. Komunikasi bukan lisan mampu untuk menafsir emosi, personaliti, tujuan dan status sosial seseorang. Komunikasi bukan lisan juga dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dan berfungsi sebagai pelengkap kepada komunikasi lisan (Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad, 2015, hlm. 58-59).

Menurut Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 64), terdapat lima bentuk komunikasi bukan lisan iaitu proksemik, kinesik, paralinguistik, kronemik dan artifaktual. Berikut merupakan rajah 1 mengenai kategori bentuk komunikasi bukan lisan:



Rajah 1. Bentuk Komunikasi Bukan Lisan
(Menurut Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad, 2015:64)

Dalam membicarakan mengenai komunikasi bukan lisan yang melibatkan emosi, lazimnya banyak menggunakan bentuk kinesik. Menurut Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad, 2015, hlm. 66), kinesik merujuk kepada gerakan anggota badan manusia semasa berkomunikasi. Kinesik amat penting dalam menggambarkan emosi, kemesraan, tingkah laku dan hubungan antara individu. Kinesik terbahagi kepada beberapa bentuk iaitu isyarat mata, mimik muka, sentuhan serta gerakan badan dan tangan.

Selain itu, M. Darwis Hude (2002:, hlm. 46) turut memberikan pandangannya mengenai ekspresi emosi yang dapat diperlihatkan menerusi ekspresi wajah, ekspresi suara, ekspresi sikap dan tingkah laku serta ekspresi lain-lain seperti yang digambarkan dalam rajah 2 berikut:



Rajah 2. Bentuk Ekspresi Emosi
(M. Darwis Hude, 2002, hlm. 46)

Justeru, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa bentuk komunikasi bukan lisan dalam berhubung dan berinteraksi sesama manusia. Namun, dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap bentuk komunikasi emosi akan ditelusuri menerusi bentuk kinesik dan ekspresi emosi dalam berkomunikasi seperti yang dijelaskan oleh Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015) dan M. Darwis Hude (2002). Oleh itu, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada beberapa bentuk kinesik dan ekspresi emosi seperti yang digambarkan dalam kedua-dua teks yang dikaji bagi membuktikan wujudnya ekspresi emosi sebagai wahana komunikasi watak.

EKSPRESI EMOSI SEBAGAI WAHANA KOMUNIKASI WATAK DALAM *HIKAYAT NAKHODA MUDA* DAN *HIKAYAT PARANG PUTING*

Individu akan berinteraksi sesama individu atau kelompok lain terutamanya dalam komunikasi emosi dapat diperlihatkan dengan jelas melalui ekspresi yang ditunjukkan bagi mewakili emosi yang dialaminya ketika itu. Hal ini kerana apabila berlakunya proses komunikasi tidak dapat menzahirkan emosinya secara lisan tetapi, dapat ditonjolkan melalui ekspresi dan gerakan anggota tubuh badan.

Ekspresi Wajah

Emosi manusia sangat jelas dapat diperlihatkan melalui ekspresi wajah. Hal ini kerana ketika manusia berhadapan dengan sesuatu peristiwa yang menyentuh emosinya secara tidak langsung dapat diperlihatkan melalui perubahan wajahnya. Kadang-kala emosi yang dialami itu tidak mampu untuk digambarkan melalui kata-kata tetapi, dapat dizahirkan melalui ekspresi wajahnya ketika berinteraksi.

Menurut M. Darwis Hude (2000, hlm. 7), ekspresi wajah merupakan ekspresi paling umum terjadi ketika seseorang mengalami peristiwa emosi. Beberapa bentuk wajah seperi pucat, mengerut, murung dan muram merupakan bentuk yang lazim dialami manusia. Selain itu, Jalaludin seperti yang dipetik oleh Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 67) menjelaskan bahawa mimik muka seseorang dapat memberikan sekurang-kurangnya sepuluh kelompok makna iaitu kebahagiaan, terkejut, ketakutan, ketakjuban, kesedihan, kemuakan, mengecam, kemarahan, minat dan tekad. Raut wajah sukar untuk ditutupi dan dikawal kerana perubahannya terjadi daripada hasil rangsangan dalam diri manusia terhadap peristiwa

emosi yang dialaminya (Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad (2015hlm. 68). Berdasarkan pengamatan terhadap teks yang dikaji mendapati bahawa sememangnya watak-watak berkomunikasi antara sama lain melalui ekspresi wajah. Perhatikan contoh petikan teks seperti yang berikut:

> Sambil disapunya dengan air mawar muka anakanda baginda itu. Setelah itu maka Raja Bikrama Indera itu pun nyedarlah daripada pengsannya lalu baginda duduk dengan letih rasa tubuh baginda. Maka **mukanya pun pucat-pucat manis**. Maka terlalu amat belas hati bondanya melihat rupa anakanda baginda yang demikian seraya kata baginda, "Oh anakku tuan, biar bonda meminangkan Tuan puteri yang lain yang terlebih elok majlis rupanya daripada tuan Puteri Rakna Kemala!"
>
> (*Hikayat Nakhoda Muda,* 2004 hlm. 66)

Penelitian terhadap petikan teks ini, jelas menunjukkan wujudnya interaksi emosi watak Raja Bikrama Indera dengan permaisuri melalui ekspresi wajah iaitu mukanya pun pucat-pucat manis. Setelah Raja Bikrama Indera mengetahui identiti sebenar nakhoda iaitu Tuan Puteri Ratna Kemala, telah menimbulkan rasa terkejut dan menyesal kerana telah berbuat tidak baik terhadap tuan puteri dan kakandanya iaitu Maharaja Johan Syah yang dijadikan sebagai pengembala kuda raja. Keadaan tersebut telah menyebabkan emosi Raja Bikrama Indera tidak stabil dan akhirnya mendorong kepada perilaku luar kawalan iaitu pengsan dan tidak sedarkan diri. Emosi terkejut itu amat jelas diperlihatkan menerusi ekspresi wajah yang turut meruntun emosi dan jiwa permaisuri kerana bersimpati dengan kejadian yang menimpa anaknya itu. Malah, permaisuri juga turut memujuk Raja Bikrama Indera untuk meminang Tuan Puteri Ratna Kemala. Menurut M. Darwis Hude (2002, hlm.48), secara umumnya ekspresi wajah paling mudah untuk dikenali kerana banyak organ yang berubah seperti alis mata, dahi, kelopak mata, hidung, pipi, mulut dan bibir. Dalam petikan tersebut amat ketara dilihat melalui perubahan muka watak yang pucat kerana terkejut setelah mengetahui perkara yang sebenar. Perhatikan pula contoh yang kedua:

> Maka Mambang Rakna Dewa pun mengambil pakaian itu lalu dibawanya kepada bondanya itu, disuruh taruh. Maka bondanya pun menangis seraya katanya, "Jika ia hendak berjumpa dengan aku tiada aku mahu, malu aku kerana sudah menurut rupa orang dunia ini, maka itulah malu aku hendak bertemu dengan dia." Maka kata anaknya, "Diamlah bonda janganlah sangat menangis, sudah kehendak Dewata di atas bondaku." Maka kata Raja Helang, "Apa mulanya maka **muka tuanku masam** ini?" Maka kata Mambang Dewa Keinderaan, "Hai saudaraku, sebagaimana **muka hamba tiada masam** kerana hamba melihat bonda hamba itu sangat bercinta kerana tiada lagi lepas malapestakanya itu tatkala akan disumpah oleh ayahandanya itu."
>
> (*Hikayat Parang Puting,* 1980, hlm. 120)

Pengamatan terhadap petikan teks amat jelas sekali menunjukkan wujudnya komunikasi emosi melalui ekspresi wajah. Hal ini dapat dilihat menerusi gambaran pengarang terhadap perubahan wajah watak iaitu muka yang masam yang membawa maksud watak Mambang Dewa Keinderaan amat berdukacita melihat bondanya yang menangis. Keadaan tersebut telah menyebabkan Mambang Dewa Keinderaan amat berdukacita dan bersimpati dengan keadaan bondanya. Oleh kerana itulah, baginda mengekspresikan emosinya melalui wajahnya yang masam sehingga menerima teguran dari Raja Helang yang hairan melihat ekspresi wajah baginda. Keadaan ini amat jelas membuktikan wujudnya interaksi emosi antara Mambang Dewa Keinderaan dengan Raja Helang melalui ekspresi wajah. Menurut Jalaludin dalam Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 67), salah satu kelompok makna mimik muka ialah kesedihan seperti yang dialami oelh Mambang Dewa Keinderaan.

Ekspresi Suara

Dalam menzahirkan emosi juga dapat diperlihatkan melalui lontaran suara atau nada seseorang. Hal ini kerana apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu peristiwa emosi secara tidak langsung turut mengekspresikannya melalui perubahan suara dan nada. Menurut M. Darwis Hude (2002, hlm. 51), ketika beremosi ekspresi suara dapat dikenali melalui pergaulan sehari-hari seperti gelak tawa, teriak, makian dan bersenandung. Komunikasi dalam bentuk ekspresi suara lebih mudah untuk difahami dan lebih berpengaruh jika dibandingkan

dengan komunikasi berbentuk tulisan. Pengaksenan dalam pertuturan sangat membantu dalam memahami makna yang disampaikan oleh penutur.

Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 71-72) menyatakan bahawa isyarat suara dikenali sebagai paralinguistik iaitu elemen lisan yang keluar dari mulut tetapi tidak dalam bentuk perkataan. Paralinguistik penting kerana makna daripada mesej lisan selalunya bergantung pada tanda paralinguistik. Selain itu, paralinguistik berfungsi dalam menyatakan perasaan, mengawal, mengarah, menekan sesuatu maksud dan meningkatkan kadar pembujukan. Lazimnya, penggunaan nada suara tinggi dan rendah secara bersilih ganti juga dapat menekankan sesuatu maksud yang ingin disampaikan.

Jika diperhatikan dalam teks nakshah mendapati bahawa berlakunya proses komunikasi watak melalui ekspresi suara. Hal ini seperti yang digambarkan dalam petikan teks yang berikut:

> Sebermula maka segala raja-raja dan menteri hulubalang rakyat sekalian itu pun sangatlah hairan tiada berkata-kata lagi kerana baginda itu telah alah taruhan. Maka baginda pun databglah mendapatkan anakanda baginda Nakhoda Muda seraya bertitah, "Anakanda! Marilah tuan. Ayahanda serahkan negeri ini kerana negeri Berantah Indera ini tuanlah empunya. Sekarang pun mana perintah tuanlah, tiaada ayahanda lalui lagi." Syahadan maka terlalulah belas kasihan rasa hati nakhoda itu kerana mendengar baginda berkata-kata itu, **putus-putus suaranya sebab baginda menahani air mata baginda**. Maka sembah nakhoda itu, "Ya Tuanku Syah Alam, telah terjunjunglah atas batu kepala patik. Jikalau ada derma kurnia duli tuanku akan patik yang hina papa ini dan mohonlah patik menjadi raja tuanku. Hanya yang patik pohonkan jikalau ada kasih tuanku bahtera yang tergalang itu juga dengan orang yang yang mengembala kuda tuanku itulah yang patik minta ke bawah Duli Syah Alam." Setelah baginda mendengar sembah nakhoda itu demikian, "Baiklah tuan, jangankan sekian itu, walaupun sepulau kain sekalipun tiadalah ayahanda lalui."
>
> (*Hikayat Nakhoda Muda,* 2004, hlm. 22)

Berdasarkan petikan teks menunjukkan ekspresi suara Duli Syah Alam yang menahan rasa sedih kerana kalah dalam pertaruhan. Kekalahan tersebut telah menyebabkan baginda kehilangan dan terpaksa menyerahkan negeri Berantah Indera yang diperintahnya. Kesedihan baginda itu jelas diekspresikan melalui suara baginda yang putus-putus kerana menahan air mata. Situasi ini amat jelas menunjukkan bahawa baginda bukan sahaja bersedih tetapi, dalam masa yang sama menahan diri daripada menangis. Ekspresi suara tuanku itu juga telah menimbulkan rasa simpati dalam diri Nakhoda Muda. Proses komunikasi yang wujud antara kedua-dua watak ini jelas membuktikan bahawa seseorang individu akan menzahirkan emosinya dengan individu lain melalui ekspresi emosi suara. Dalam hal ini, Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015:72) menjelaskan bahawa nada suara akan mempengaruhi perhatian dan tumpuan khalayak terhadap kata-katanya. Perhatikan pula petikan teks yang berikut:

> Maka baginda pun terlalulah marah akan tuan puteri itu, katanya, "**Anak celaka ini, tiadalah baik ditaruh di kayangan, adapun orang kayangan tiada pernah ia membuat pekerjaan yang jahat, baharu kepada anak celaka inilah diperbuatnya, memberi malu akan kita**." Maka tuan puteri pun tunduk diam sehingga air matanya juga berhamburan seperti mutiara jatuh daripada karangnya.
>
> (*Hikayat Parang Puting,* 1980, hlm. 38-39)

Penelitian terhadap petikan teks ini telah membuktikan bahawa ekspresi suara dapat mencerminkan emosi yang dialami oleh seseorang individu. Berdasarkan pertuturan Dewa Laksana Dewa itu telah menunjukkan wujudnya emosi marah dalam dirinya akibat perbuatan tidak bermoral Tuan Puteri Langgam Cahaya yang hamil tanpa ikatan perkahwinan. Keadaan tersebut telah menimbulkan kemarahan dan ketegangan antara kedua-dua watak. Berdasarkan kata-kata yang dituturkan oleh baginda juga amat jelas menekankan mesej dengan menggunakan nada yang keras. Ekspresi suara baginda itu telah menyebabkan tuan puteri berasa sedih sehingga mengalirkan air mata kerana dimarahi ayahandanya. Proses komunikasi antara kedua-dua watak membuktikan bahawa wujudnya ekspresi emosi melalui suara dengan memberikan penekanan kena nada pengucapannya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 67) bahawa penggunaan nada suara yang tinggi dapat menekankan sesuatu maksud yang ingin

disampaikan seperti yang dipertuturkan oleh watak Dewa Laksana Dewa.

Ekspresi tingkah laku

Apabila manusia berinteraksi ketika berhadapan dengan pengalaman dan peristiwa emosi amat ketara diperlihatkan menerusi tingkah laku. Tingkah laku manusia akan bertindak balas terhadap emosi yang dialami ketika berhadapan dengan sesuatu peristiwa. Menurut Hashim dalam Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 69), komunikasi melalui gerakan anggota tubuh seperti badan dan tangan dikenali juga sebagai gestural. Gerakan badan, gerak tangan, cara berdiri, dan cara duduk merupakan beberapa contoh dalam memberikan gambaran tingkah laku seseorang seperti mendorong-menghalang, bertindak balas pasif, perasaan positif atau negatif.

Ekspresi emosi dalam bentuk tingkah laku terbahagi kepada dua iaitu tingkah laku penglibatan diri dan pelepasan diri. Tingkah laku penglibatan diri bermaksud mempertahankan dan akan menyelesaikan masalah yang menganggu kestabilan emosinya. Manakala, tingkah laku pelepasan diri bermaksud melarikan, melepaskan dan menghindar dari perkara yang akan menimbulkan emosinya (M. Darwis Hude, 2002, hlm. 52). Pemerhatian terhadap naskhah mendapati bahawa wujudnya komunikasi watak melalui ekspresi tingkah laku seperti yang digambarkan dalam contoh berikut:

> Sebermula maka kata tuan puteri, "Hai mamanda, betapalah gerangan halnya kakanda itu maka belum juga baginda datang kerana janjinya tiadakan lama. Baiklah mamanda menyuruh orang perbaiki sebuah bahtera kerana beta hendak pergi mencari kakanda itu, apa gerangan sebabnya maka baginda belum juga kembali dan bertapakah halnya di dalam negeri orang sekarang. Maka khabarnya pun tiada. Entah mati gerangan baginda atau karamkah di dalam laut gerangan siapa tahu akan hal yang demikian itu, maka tiadalah baginda kembali-kembali lagi." Syahadan maka sahut Perdana Menteri, "Jangan tuanku pergi sendiri mencari paduka kakanda itu. Biarlah mamanda suruhkan orang lain kerana bukannya patut tuanku anak perempuan pergi berlayar itu, menjadi aiblah nama ayahanda tuan disebut-sebut orang. Lupakah tuanku akan pesan paduka kanda itu." Setelah didengar oleh tuan puteri kata Perdana Menteri itu maka tuan puteri pun menangis, **menghempaskan dirinya** lalu ia **mengambil gunting pada pemidangnya, hendak menikam dirinya** seraya kata baginda, "Biarlah aku mati sekali daripada hidup menaruh percintaan yang tiada berkesudahan ini."Setelah dilihat oleh Perdana Menteri dan segala inang pengasuhnya sekalian itu pun menangislah seraya katanya, "Sudahlah tuanku, jangan menangis. Biarlah mamanda suruh berlengkap orang akan mengerjakan bahtera itu. Manakala tuanku akan berangkat."
>
> (*Hikayat Nakhoda Muda,* 2004, hlm. 11)

Ekspresi tingkah laku merupakan ekspresi emosi yang mudah untuk dikenal pasti dalam menggambarkan emosi yang dialami ketika berhadapan dengan peristiwa tertentu. Hal ini dapat ditelusuri melalui ekspresi tingkah laku watak Tuan Puteri Ratna Kemala seperti menghempaskan diri dan mengambil gunting untuk menikam diri. Tingkah laku tersebut membuktikan bahawa tuan puteri mengalami emosi sedih akibat dihalang oleh mamanda Perdana Menteri untuk keluar belayar. Halangan tersebut telah menyebabkan emosi tuan puteri tidak stabil sehingga menyebabkan berlakunya tingkah laku luar kawalan seperti cubaan membunuh diri. Ekspresi tingkah laku tersebut adalah refleksi kerana perasaan sedih dan marah yang dialami tuan puteri. Ekspresi tingkah laku tersebut juga bertujuan untuk menarik perhatian orang-orang disekelilingnya. Oleh kerana itulah, berlakunya proses interaksi antara watak Tuan Puteri Ratna Kemala dengan mamanda Perdana Menteri. Setelah berlakunya perilaku yang boleh membahayakan nyawa tuan puteri, maka mamanda Perdana Menteri memberikan keizinan kepada tuan puteri untuk belayar mencari kakandanya, Maharaja Johan Syah. menurut Muhammad Syukron Maksum (2009, hlm. 49-51), ketika perasaan emosi wanita sedang memuncak dan tiada ditemukan tempat untuk mencurahkan isi hatinya, biasanya akan mencari jalan penyelesaian dalam melepaskan rasa sesak pada perasaannya itu. Malah, perilaku yang ditonjolkan itu juga adalah untuk mendapatkan sokongan dari orang sekitar. Perhatikan pula contoh petikan teks yang berikut:

> Adapun Mambang Segara Indera berkata-kata itu serta dengan marahnya seraya katanya, "Jikalau tuan tiada suka pun tiada apalah tetapi hendaklah tuan ingat-ingat kalau-kalau menjadi sesal dan beroleh dukacita yang amat besar kepada dirinya tuan." Setelah didengar oleh

> tuan puteri akan kata Mambang Segara Indera itu, maka disahut oleh tuan puteri, "Sudah berbuat jahat peragai banyak pulak tutur katanya kepada kita," seraya tuan puteri **menepiskan tangan** Mambang Segara Indera itu lalu ia turun berjalan mendapatkan mak inangnya, "Kakak sekalian marilah kita pulang kerana hari pun hampirlah akan petang."
>
> (*Hikayat Parang Puting,* 1980, hlm. 31)

Berdasarkan paparan petikan teks ini menunjukkan wujudnya interaksi emosi watak melalui ekspresi tingkah laku seperti menepis tangan. Perilaku tersebut merupakan tindak balas spontan watak Tuan Puteri Langgam Cahaya yang marah akan kata-kata yang dituturkan oleh Mambang Segara Indera. Kemarahan tuan puteri itu disebabkan kelancangan tutur kata Mambang Segara Indera yang telah mengugut tuan puteri kerana menolak cintanya. Oleh kerana itulah, tuan puteri bertindak menepis tangan Mambang Segara Indera sebagai tanda marah akan perbuatan dan pertuturan Mambang Segara Indera. Menurut Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 70), salah satu kategori gestural ialah pengawalan iaitu mesej gestural dalam mengawal situasi komunikasi dan menonjolkan sifat seseorang seperti yang diperlihatkan melalui tingkah laku tuan puteri yang menepis tangan.

Ekspresi sentuhan

Lazimnya, manusia memerlukan sentuhan untuk emmenuhi kehendak psikologi. Sentuhan anggota badan khususnya tangan dapat menggambarkan hubungan antara individu seperti berjabat tangan, berpimpin tangan atau menepuk bahu merupakan antara contoh sentuhan yang mempunyai mesej tertentu. Sentuhan juga dapat menafsir emosi seseorang dan menggambarkan kemesraan, kasih sayang dan pengharapan (Mohd Baharudin Othman &Mohd Khairie Ahmad, 2015:68). Keadaan ini dapat diperlihatkan menerusi contoh petikan berikut:

> …maka Maharaja Johan Syah itu pun Segaralah datang mendapatkan adinda tuan puteri seraya katanya, "Sudahlah adinda, jangan menagis juga. Diamlah tuan nyawa kakanda. Apa boleh buat, telah diuntukkan Allah pada kita kedua bersaudara. Sudahlah ayahanda meninggalkan kakanda ini." Maka baginda berkata-kata itu sambil menyapu air mata baginda maka lalu baginda sapu pula muka saudara baginda tuan puteri dengan air mawar. Maka tuan puteri itu pun ingatlah daripada pengsan itu lalu menangis pula terlalu sangat. Maka Maharaja Johan Syah pun sangatlah masyghul dalam hatinya melihatkan hal laku adinda baginda itu demikian. Maka lalu **dipeluknya** kaki bondanya seraya kata baginda, "Lihatlah bonda kelakuan anakanda kedua ini seperti ayam kematian ibunya, sampailah hati bonda meninggalkan anakanda kedua selaku ini." Maka gemuruhlah bunyi tangis orang dalam istana itu seperti batu roboh bunyinya.
>
> (*Hikayat Nakhoda Muda,* 2004, hlm. 3)

> Maka Mambang Segara Indera pun naiklah ke atas Balai Gading itu. Setelah Mambang Segara Indera terpandang muka tuan puteri itu maka hatinya pun tiadalah dapat ditahannya lagi, lalu dipegangnya tangan tuan puteri serta **dipeluk dan diciumnya** seraya berkata, "Aduhai adikku tuan, seri mahkota tajuk gemala penglipur hati kekanda dan cahaya gemala seri kayangan, tuan kasihani apalah akan kekanda ini." Serta dipeluk dan diciumnya akan tuan puteri itu.
>
> (*Hikayat Parang Puting,* 1980, hlm. 30)

Pemerhatian terhadap kedua-dua contoh petikan teks ini, jelaslah bahawa berlakunya interaksi emosi melalui ekspresi sentuhan seperti peluk dan cium. Sentuhan pelukan dan ciuman itu merupakan sentuhan yang menggambarkan emosi kasih sayang. Misalnya, watak Tuan Puteri Ratna Kemala yang sedih kehilangan bondanya dan tuan puteri memeluk kaki jasad bondanya yang kaku itu sebagai tanda kasih sayang tuan puteri kepada bondanya. Begitu juga dengan watak Mambang Segara Indera yang menzahirkan rasa sayang terhadap Tuan Puteri Langgam Cahaya melalui sentuhan pelukan dan ciuman. Dalam hal ini, Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015, hlm. 68) yang memetik Adler dan Rodman dengan menyatakan bahawa sentuhan sayang merujuk kepada kemesraan dan hubungan yang berdasarkan cinta dan kasih sayang.

KESIMPULAN

Dalam membicarakan mengenai unsur emosi sebagai komunikasi bukan lisan dapat dibuktikan menerusi kedua-dua teks naskhah iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting.* Komunikasi emosi melalui ekspresi wajah, suara, tingkah laku dan sentuhan menepati ciri-ciri yang dinyatakan oleh Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad serta M. Darwis Hude. Lantaran itu, jelaslah bahawa ekspresi emosi berfungsi sebagai wahana komunikasi watak-watak dalam nakshah Melayu. Komunikasi yang diperihalkan melalui ekspresi dan gerakan anggota tubuh badan dapat menafsir emosi yang dialami watak terhadap peristiwa dan pengalaman emosi. Justeru, adalah wajar mengetengahkan mengenai kajian emosi yang menjadi medium perantaraan komunikasi manusia kerana manusia saban hari akan saling berhubung antara satu sama lain. Malah, manusia juga tidak akan lari daripada mengekspresikan emosinya terhadap peristiwa atau situasi yang dialami. Oleh kerana itulah, manusia juga akan saling bertukar dan berkongsi emosi dalam berkomunikasi. Selain itu, diharapkan agar kajian mengenai komunikasi emosi dapat diperluaskan kajian terutamanya dalam naskhah-naskhah yang lain.

RUJUKAN

Asmah Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir.* (Edisi ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azlena Zainal. (2007). Berfikir dan Emosi. Dlm. Azlena Zainal dan Munir Shuib (Eds), *Meningkatkan potensi minda,* 25-42. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Jamilah Haji Ahmad (Ed.). (1980). *Hikayat Parang Puting.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Darwis Hude. (2006). *Emosi: Penjelajahan religio-psikologis tentang emosi manusia di dalam Al-Quran.* Jakarta: Penerbit Erlangga.

Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad. (2015). *Pengantar komunikasi.* Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). *Citra komsas.* Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

Sohaimi Abdul Aziz. (2012). Duka sebagai satu ekspresi sastera: Estetika Syair-syair terpilih. Dlm. Muhammad Haji Salleh (Ed.), *Pandangan Dunia Melayu Pancaran Sastera* (pp. 138-175). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahyunah Abd. Gani (Ed.). (2004). *Hikayat nakhoda muda.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PSIKOLOGI KEHIBAAN DALAM NOVEL KANAK-KANAK PILIHAN

Profesor Madya Dr Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor
nrafidah@upm.edu.my

Profesor Madya Dr Awang Azman Awang Pawi
Jabatan Sosiobudaya dan Keseniaan
Akademi Pengajian Melayu, Lembah Pantai,50603 Kuala Lumpur
awangazman@um.edu.my

Liliy Salwani Binti Razali
Pusat Kajian Bahasa,
Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,43600 Bangi, Selangor.
Liliysrazali@yahoo.com

Rosnani Md Zain
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor
nanieyzain@gmail.com

ABSTRAK

Sastera kanak-kanak merupakan bidang yang sangat menarik bertujuan untuk memberi kegembiraan dan pengajaran kepada kanak-kanak. Karya sastera kanak-kanak memaparkan kisah yang berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dunia persekitaran kanak-kanak. Namun, dalam kegembiraan melewati usia kanak-kanak ada kalanya mereka diselubungi oleh perasaan hiba. Hiba membawa maksud sayu, pilu, sedih dan sebagainya. Perasaan ini merupakan fenomena yang biasa berlaku dalam kehidupan manusia termasuk kanak-kanak. Mereka mengalami perasaan hiba disebabkan oleh pelbagai keadaan. Sehubungan dengan itu Ponnusamy Subramaniam (2010:20) mengatakan psikologi kehibaan bermaksud pengaplikasian pengetahuan atau ilmu-ilmu psikologi dalam usaha untuk memahami, menilai serta mengurus segala bentuk reaksi tingkah laku dan proses-proses mental manusia akibat kehilangan yang signifikan. Justeru, kajian ini untuk mengenalpasti dan menganalisis psikologi kehibaan yang dialami oleh kanak-kanak. Dua buah novel kanak-kanak iaitu *Ini Kisah Adham, Saya & Awan Shiro* karya Mazny M.R. dan *Carbonara Untuk Opah* karya Aidil Fadzil akan digunakan dalam kajian ini. Kajian menunjukkan kanak-kanak juga diselubungi oleh perasaan hiba disebabkan oleh beberapa faktor, namun terdapat penyelesaiannya kepada persoalan tersebut.

Kata kunci: Sastera Kanak-kanak, psikologi kehibaan,novel

PENGENALAN

Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2010), perkataan psikologi (*Psychology*) berasal daripada gabungan dua perkataan Greek iaitu *Psyche* (Psiko) yang membawa maksud jiwa, rohani atau mental dan –logos (-logi) yang bermakna kajian. Sebagai satu perkataan, ia membawa maksud kajian jiwa, mental atau rohani manusia. Psikologi menurut Abdul Halim Othman (1993) mentakrifkan psikologi sebagai sains tingkah laku dan pengalaman. Hal ini juga dinyatakan oleh Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2008), secara umum psikologi sebenarnya mengandungi tiga konsep iaitu sains, tingkah laku dan proses mental. Psikologi dianggap sebagai satu sains kerana ilmu psikologi cuba memahami manusia dengan meng-

kaji manusia melalui pemerhatian. Tingkah laku adalah merujuk kepada semua tindakan manusia (tingkah laku) yang ketara (dapat dilihat oleh mata kasar, atau overt action) seperti menangis, berjalan, makan, menulis atau apa sahaja tingkah laku yang dapat dilihat. Proses mental pula merupakan aktiviti-aktiviti yang berlaku di dalam pemikiran manusia seperti pemikiran, emosi, perasaan dan motif. Manakala, menurut Rene dan Austrin Warren (1998) definisi psikologi dari perspektif sastera merujuk kepada pengajian psikologi terhadap pengarang sebagai seorang individu atau pengajian tentang proses penciptaan, jenis dan hukum psikologi yang terdapat dalam karya sastera atau kesan kesusasteraan terhadap pembacanya. Pendapat tersebut, selaras dengan Terry Eagleton (1988) yang mengatakan secara kasar kritikan psikonalisis sastera dapat dibahagikan kepada empat jenis, bergantung kepada hal yang dikajinya. Kritikan tersebut mengkaji antaranya pengarang, isi karya, pembinaan bentuk atau pembaca.

Sehubungan itu, istilah grieving atau kehibaan merupakan istilah yang sangat luas maksudnya dan merupakan konsep yang memfokuskan kepada sesuatu perkara yang lebih daripada negatif. Pelbagai konsep kehibaan yang diutarakan dan salah satunya ialah daripada Amir dan Hapsah (2006) yang mendefinisikan sebagai yang berlaku terhadap seseorang individu sama ada perubahan, kehilangan, kematian dan kesedihan dalam kehidupan. Kesemua ini mempengaruhi seseorang individu untuk merasai kepedihan dan kesedihan yang amat sangat. Semuanya akan mendatangkan perasaan kehilangan (loss), dukacita (bereavement) dan berkabung (mourning).

Namun, bergantung kepada kekuatan dan kelemahan dalaman seseorang sama ada bersedia menghadapi keadaan tersebut dan cuba menyelesaikannya dengan cara terbaik. Selain itu, Ponnusamy dan Shazli (2010) menjelaskan bahawa kehibaan diklasifikasikan sebagai kehilangan yang signifikan dengan seseorang individu seperti harta benda, anggota badan dan perkara-perkara yang sangat bermakna dalam hidup. Perkara-perkara yang bermakna itu merujuk kepada aspek perceraian, kematian, perpisahan, bencana, kesakitan dan pelbagai lagi sehingga mendatangkan kesan kehibaan terhadap individu dan keluarga. Namun, semua ini bergantung kepada sejauh mana individu dapat mengharungi semua keadaan tersebut berdasarkan elemen pertautan dengan perkara yang mendatangkan kehibaan. Justeru, kekuatan dalaman dan luaran seseorang individu mempengaruhi tahap kehibaan yang bakal dilalui untuk lebih cepat pulih.

Begitu juga dengan gesaan daripada World Health Organisation (WHO, 2011) yang merumuskan bahawa kehibaan ini merupakan suatu perasaan kehilangan, ketakutan atau tidak selamat apabila seseorang atau sesuatu yang disayangi sudah tiada lagi dalam hidup. Antara perasaan yang timbul setelah merasai kehibaan ini ialah kaku, tidak mempercayai, kesedihan, marah, tidak ada penerimaan dan kerinduan yang melampau sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang. Semua ini mempengaruhi dari segi aspek perasaan (sedih, marah, kaku, takut, bimbang, rasa bersalah), pemikiran dan kognitif (tidak rasional, hilang fokus, kurang berfikir, cetusan idea yang pelik, berfikiran untuk membunuh diri), persepsi (imbas kembali, halusinasi), tingkah laku (tidak dapat menerima hakikat, agresif, mengundur diri) dan biologi (insomnia, mimpi ngeri serta hilang selera makan). Hakikatnya, kehibaan ini mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seseorang setelah merasai sesuatu yang tidak diinginkan selama ini berlaku dalam hidup.

Weiss dalam Amir dan Hapsah (2006) yang menyatakan bahawa kehibaan dapat dikaitkan dengan kehilangan berasaskan tiga aspek utama iaitu kehilangan yang membawa kepada kesedihan, kehilangan yang merosakkan penghargaan kendiri dan kehilangan menyebabkan individu menjadi mangsa. Aspek pertama lebih menjurus kepada kehilangan perhubungan kritikal seperti pasangan atau anak, manakala aspek kedua melihat kepada kehilangan elemen penghargaan kendiri dalam kedudukan sosial sesuatu masyarakat. Aspek terakhir ialah apabila kehilangan yang melibatkan mangsa jenayah seperti kehilangan wang ringgit dan kehormatan diri. Kesemua ini mempengaruhi aspek kehibaan seseorang, sekaligus mengundang pelbagai perlakuan negatif sekiranya tidak diatasi dengan cara yang baik.

Dalam kajian ini psikologi kehibaan merujuk kepada suatu cetusan perasaan yang didorong oleh akal ketika seseorang merasakan sedih, kehilangan dan sebagainya. Kehibaan dalam konteks emosi dan minda seseorang melibatkan beberapa buah pembahagian. Antaranya adalah kehibaan yang dipamerkan menerusi perasaan. Kehibaan dalam aspek peraaan dalam konteks kajian novel kanak-kanak ini melibatkan perasaan kehilangan, ketakutan dan juga rasa tidak selamat, perasaan sedih dan juga perasaan amarah. Kehilangan,

ketakutan dan rasa tidak selamat, kesedihan dan perasaan marah adalah suatu sifat yang sering membelenggu diri seseorang manusia terhadap sesuatu peristiwa atau perkara yang pernah terjadi dalam sejarah hidup mereka. Begitu halnya dengan perasaan kehibaan yang dibawakan oleh watak-watak dalam novel kanak-kanak. Watak-watak yang telah digembleng dengan penuh dengan lantunan perasaan yang menyuntik rasa kehibaan dan emosi yang semacam sehingga berupaya meletuskan perasaannya itu pada hati, jiwa dan naluri pembaca.

ANALISIS KAJIAN

Analisis

Dalam kajian ini, dua buah novel akan digunakan untuk dianalisis daripada aspek psikologi kehibaan iaitu *Carbonara Untuk Opah* (2017) karya Aidil Fadzil dan *Ini Kisah Adham, Saya dan Awan Shiro* (2019) karya Mazni M.R. Psikologi kehibaan dalam kajian ini akan diteliti daripada tiga aspek seperti aspek perasaan, pemikiran dan kognitif, dan tingkah laku.

Rajah 1: Psikologi Kehibaan

Perasaan

Perasaan adalah suatu sifat semulajadi manusia. Manusia normal akan selalunya menghadapi beberapa lantunan perasaan dalam minda dan jiwa seseorang. Sedih, marah, takut antara cetusan perasaan yang sering dialami oleh seseorang manusia termasuklah seorang kanak-kanka mahupun remaja. Perasaan ini hadir dalam jiwa dan akal seseorang manusia tanpa mengira umur. Namun, cara mengendalikannya adalah berbeza. Kanak-kanak mungkin lebih mudah menonjolkan perasaan mereka dengan cara tindakan. Manakala, remaja pula mungkin lebih menonjolkan perasaan mereka berdasarkan tingkah laku serta perkataan. Namun, orang dewasa pula kebanyakkan lebih bijak dalam mengawal perasaan mereka. Akan tetapi, perasaan ini adalah sesuatu yang sukar untuk dikawal dan disembunyikan. Oleh yang demikian, sering terlihat dalam situasi sekarang seseorang dengan mudah meluahkan perasaan marah, sedih mereka tanpa mengira lokasi, manusia sering meluahkan perasaan mereka dengan cara melakukan tindakan yang diluar kewajaran seorang manusia normal. Perasaan marah dan sedih merupakan suatu cetusan emosi manusia. Emosi dan perasaan manusia pada amnya mempunyai unsur-unsur yang positif dan negative. Kegembiraan, keriangan dan kesukaan adalah bentuk-bentuk emosi yang positif. Manakala, kemarahan, kesedihan dan kemurungan melambangkan emosi yang negatif (Mahmood Nazar Mohamed 2010, hlm. 315). Akan tetapi, perasaan akan berupaya diatasi seandainya seseorang bijak untuk menimbangkan baik buruk sebelum melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyusahkan dirinya sendiri dan menyusahkan orang lain. berdaarkan konteks kajian, perasaan yang banyak ditonjolkan adalah perasaan emosi kehibaan, sedih, kehilangan, ketakutan dan perasaan marah yang tercetus dari emosi negatif sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.



Rajah 2: Aspek Perasaan

Berhubung aspek perasaan dalam novel kanak-kanak yang telah menjadi teras kajian, perasaan ini adalah sesuatu ekspresi yang ditonjolkan oleh seorang kanak-kanak yang berhati suci secara terus. Kehilangan adalah salah satu aspek perasaan yang menjadi tulang belakang dalam kedua-dua buah novel kajian. Kehilangan orang yang disayangi, menjadi satu tamparan yang hebat buat kedua-dua watak utama dalam novel tersebut. novel *Ini Kisah Adham, Saya dan Awan Shiro* (IKAS & AS) dan juga novel *Carbonara Untuk Opah* (CUO). Kehilangan ibu bapa yang di alami oleh watak Hiro, Adham dan watak Hanis dalam kedua-dua buah novel kajian mencetuskan psikologi kehibaan pada setiap wataknya. Hiro dalam IKAS&AS telah kehilangan kedua ibu dan bapanya dalam nahas kapal terbang, yang berkemungkinan terhempas di tengah lautan. Manakala, watak Hanis Alia pula kehilangan ibu dan bapanya dalam usia yang masih muda. Manakala, aspek perasaan kehilangan ini juga turut terpamer akan watak Adham yang telah kehilangan ibu bapanya namun dalam situasi yang berbeza. Ibu bapa Adham telah bercerai ketika dia amat memerlukan belaian ibu dan bapanya, dan diserahkan kepada jagaan ayah saudaranya.

Perasaan kehilangan ini dirasai oleh Hiro apabila ibu dan bapanya terlibat dalam nahas kapal terbang dan dikhuatiri hilang di lautan. Amirul Akhiro Satoh (Hiro) telah kehilangan ibu dan bapanya dalam nahas kapal terbang. Kehilangan ini menjadikan Hiro lebih menghargai hidup dan menghargai orang yang berada disekelilingnya terutamanya datuk, nenek dan ibu saudaranya. Kehilangan ini juga menjadikan Hiro seorang yang cekal dan tabah menghadapi kehidupan dan keadaan itulah yang ingin diterapkan dan dikongsikan bersama sahabatnya, Adham agar Adham tidak terlalu mengikut perasaan amarahnya ekoran penceraian yang berlaku pada kedua ibu bapanya.

> "Mereka terkorban dalam nahas kapal terbang. Mungkin hilang di tengah lautan," saya menjawab perlahan.
>
> (IKAS&AS 2019, hlm. 6)

Dialog yang terpamer dalam contoh di atas adalah situasi di mana Hiro menceritakan bagaimana dia telah kehilangan ibu dan bapanya. Hiro menjelaskan kepada Adham bagaimana ibu dan bapanya tiada dan ekoran dari kejadian tersebut juga, menyebabkan Hiro berpindah dari Jepun dan tinggal bersama-sama datuk nenek dan ibu saudanya di Malaysia. Kerana kecelakaan itulah Hiro bertemu dengan Adham yang pada mulanya bersifat agresif dan akhirnya berubah menjadi sabahat baiknya. Kehilangan adalah sesuatu yang sukar untuk dimengertikan oleh seseorang tambahan lagi bagi kanak-kanak seusia dengannya. Namun, berkat layanan dari orang sekeliling Hiro tidak merasakan kesunyian itu walaupun kadang-kadang kesungyian itu menerjah benaknya. Datuk, nenek dan ibu saudaranya yang digelar Mak Su tidak pernah menyisihkannya. Malah mereka senantiasa mengambil berat dan menjaga segala kebajikan dirinya. Kata-kata azimat yang sering dipahatkan oleh seorang nenek, "Seperti sebatang pokok, akarnya dapat mesti rajin menjalar mencari air supaya batangnya dapat teguh berdiri". Pesanan nenek menjadi satu semangat baginya untuk terus berbuat baik dalam kehidupannya.

Bahkan, kehilangan ini juga turut dirasai oleh Adham. Adham juga turut merasai kehilangan sebagaimana watak Hiro. Namun, kehilangan yang di lalui oleh Adham tidak sama dengan kehilangan yang dihadapi oleh Hiro. Walau Adham hilang ayah dan ibunya, namun dia masih boleh menemui ayah dan ibunya kerana kedua ibu bapanya hanyalah terputus hubungan kerana penceraian.

> "Adham, awak beruntung kerana masih ada mak dan ayah. Walaupun mereka sudah berpisah, awak masih dapat jumpa mereka," kata saya sambil menatap wajah Adham.
>
> (IKAS&AS 2019, hlm. 7)

Demi untuk mengurangkan rasa kehilangan ibu bapa Adham, Hiro turut menasihati Adham bahawa ibu bapanya masih hidup, dan boleh berjumpanya bila-bila masa sahaja. ibu bapa Adham hanya berpisah melalui hubungan di atas dunia sahaja, bukan berpisah dalam hayat. Namun, perpisahan itu juga membuatkan Adham berasa kehilangan kekuatan hidupnya apabila dia diletakkan di bawah tanggungannya bapa saudaranya. Perasaan kehilangan ini turut dirasai oleh watak Hanis Alia dalam novel *CUO*. Hanis telah diceritakan telah kehilangan kedua ibu bapanya dan membuatkannya berpindah dan juga tinggal bersama Opah dan Atuk Bahnya. Kehilangan Hanis ini dirasi apabila dia bermonolog dalam dirinya tentang kerinduannya kepada kedua ibu bapanya.

> "Ya, beginilah putaran alam. tidak ada satu pun yang kekal di dunia ini. Semuanya menuju ke satu arah. Dunia abadi… Sebuah kematian dan kematian itu tidak mengenal sama ada muda atau sebaliknya," bisiknya
>
> (*CUO*, 2017, hlm. 5).

Monolog Hanis yang telah kehilangan ibu bapanya, sejak sebulan yang lalu, membuatkannya menitiskan air mata. Kehilangan ini juga telah membuatkan menjadi sorang anak yang lebih tabah. Namun, ketabahan seorang anak kecil mana mungkin akan sama dengan seorang dewasa. Kehilangan ini mnejadikan air matanya terus-menerus menitis apabila memikirkan akan kedua ibu bapanya. Namun, Hanis bersyukur Atuk Bah dan Opahnya menjaga dan mengasuhnya dengan baik.

Aspek perasaan dalam konteks psikologi kehibaan turut sama dirasai melalui rasa ketakutan dan rasa tidak selamat watak. Dalam menterjemahkan perasaan ini, watak-watak dalam cerita diberikan pancaran inspirasi yang cukup indah dan mudah untuk ditafsirkan akan perasaan ini. Ketakutan dan rasa tidak selamat adalah tindakan yang dirasi oleh seseorang termasuklah juga kanak-kanak apabila orang-orang di sekeliling mereka berubah arah dan menimbulkan kegusaran dalam jiwa. Rasa tidak selamat dan ketakutan ini dirasai oleh Adham dalam novel IKAS&AS. Adham rasa tidak selamat dan senantiasa berasa takut untuk terus tinggal di rumah bapa saudaranya, Pak Cik Ismail kerana sering dibuli oleh abang sepupunya, Faizal.

> "Adham tak suka tinggal di rumah Pak Longkah? Bukankah Abang Faizal ada," sampuk Encik Ismail.
> "Tak suka! Abang Faizal selalu marah-marah. Nak belajar pun susah kerana asyik dibuli. Setaip hari mesti buat apa yang disuruhnya! Basuh baju, pikul beg sekolahnya, basuh pinggangnta, gosok bajunya! Saya benci tinggal di rumah Pak Long! Pekik Adham.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm.105)

Ketakutan dan rasa tidak selamat Adham itu juga turut dirasi oleh Hiro, apabila melihatkan Abang Faizal sepupunya menyuru Adham membawakan beg sekolahnya ketika pulang dari sekolah. Justeru, atas keselamatan dan ketakutan Hiro akan nasib Adham Hiro meminta datuknya menumpangkan Adham untuk balik bersama-samanya dan secara tidak langsung dapat mengelak Adham dari terus menjadi hamba kepada sepupunya itu. sikap yang terpuji Hiro dalam melihat ketakutan yang terpancar pada wajah Adham digambarkan dengan cukup berkesan dalam intonasi dan gambaran wajah Adham dalam penceritaan tersebut.

Rasa takut dan tidak selamat ini juga terpamer dalam hubungan antara manusia dan haiwan. Adham dan Hiro merasakan keselamatan kucing kesayangan mereka Jalur dan Awan Shiro terancam apabila secara terus diletakkan di bawah tanggungan Pak Daud. Mereka khuatir seandainya Wira kucing Pak Daud akan menyusahkan Tompok dan anak-anaknya sepanjang dibawah jagaannya.

> Kita berikan kepada Pak Daud. Sangkar itu untuk melindungi Tompok dan anak-anaknya. Aku takut mereka dikerjakan Wira yang garang! Kata-kata Adham memang ada kebenarannya.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 96)

Adham dan Hiro risaukan kucing mereka di bawah jagaan Pak Daud. Mereka berusaha mencari sangkar yang telah dibuang dan dicuci bersih agar dapat melatakkan kucing-kucing kesayangan mereka. Sifat perikemanusiaan antara manusia dan haiwan menimbulkan perasaan takut dan rasa tidak selamat untuk membiarkan kucing kesayangan mereka dengan begitu sahaja. Didorong oleh perasaan ini, Adham dan Hiro berusaha untuk mencari ikhtiar yang terbaik bagi melindungi haiwan kesayangan mereka.

Ketakutan dan rasa tidak selamat ini turut dihadapi dalam novel *Carbonara Untuk Opah* (CUO). Ketakutan dan rasa tidak selamat pada watak Miasarah. Miasarah takut akan kehilangan kawan-kawannya kerana seorang pelajar baharu yang bernama Hanis. (68) Shafira dahulunya seorang akan karib Miasarah, namun kerana kebaikkan Hanis yang membantunya membayar semangkuk mihun sup membuatnya berasa bahawa Hanis adalah seorang yang baik. Justeru, atas tindakan itu, Miasarah merasakah dia bakal kehilangan sahabat baikknya kerana kebaikkan yang ditonjolkan oleh Hanis adalah ikhlas.

> Apa salahnya? Asalkan dia ikhlas. Jawab Shafira dengan suara yang bergetar. Shafira mampu berubah sekelip mata kerana semata-mata semangkuk sup.
>
> (CUO, 2017, hlm. 68)
>
> "Aku stress sebab semua orang dah benci aku, semua orang dah tak mahu kawan dengan aku' luah Miasarah dengan penuh rasa amarah.
>
> (CUO, 2017, hlm. 71)

Hanis telah menolong Safira yang sanggup memberikannya makanan ketika lapar. Sikap Miasarah yang menolak untuk menolongnya ketika Safira kekurangan duit untuk membayar makanan di kantin telah membuatkannya menyedari akan kebaikkan dan keprihatinan yang ada pada Hanis. Bahkan, Hanis juga telah memberinya tunjuk ajar padanya sehingga dia terpilih sebagai peserta dalam Kumpulan Bicara Berirama. Ekoran dari situlah membuatkan Miasarah merasakan dia bakal kehilangan Safira.

Rasa kehibaan ini juga terserlah dalam perasaan kesedihan. Kesedihan adalah sifat semulajadi seseorang manusia. Mereka berasa sedih, kecewa dan hiba atas sebab-sebab yang tertentu. Dalam novel IKAS & AS (2019) perasaan kesedihan ini seringkali dilalui oleh watak-wataknya. Sedih ketika kehilangan ibu bapa, sedih dalam jalinan persabahatan. Sedih dalam jalinan persabahatan ini ditojolkan antara watak Hiro dan juga Adham. Kesedihan yang dirasai oleh Hiro, apabila dia tidak dapat memahami apa masalah sebenar yang berlaku pada Adham. Kesedihan Hiro ini dinukilan sebagaimana dalam petikan di bawah.

> Ah, saya berasa sangat sedih. Bukanlah saya suka menjaga tepi kain orang tetapi beginikah cara mereka berkawan? IKAS & AS, 2019, hlm. (3)

Hiro meluahkan perasaan sedihnya apabila Adham sudah tidak lagi tidak hadir ke sekolah. Sedangkan sebelum ini, Adham adalah seorang pelajar yang pintar dan tidak pernah ponteng sekolah. Justeru, Hiro merasakan dirinya patut mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh Adham yang membuatkanya seringkali bersifat agresif dan ponteng sekolah. Dalam novel ini juga, kesedihan terpamer dalam diri Hiro apabila melihat Adham dibuli oleh abang sepupunya. Hiro sedih apabila merasakan nasib Adham yang terpaksa tinggal dengan bapa saudaranya dan dibuli oleh Abang Faizal, untuk membawa beg sekolah dan beg sekolah rakannya. Kesedihan Hiro membuatkannya memujuk datuknya untuk menumpangkan Adham dan sama sekali dapat menyelamatkan Adham pada ketika itu. Hiro amat mengerti akan kesusahan Adham yan terpaksa tinggal dengan Pak Longnya.

Kerinduan pada orang yang telah tiada juga menimbulkan kesedihan pada jiwa seseorang. Dalam novel CUO, Hanis yang telah kehilangan ibu dan ayahnya menghadai situasi kesedihan tersebut apabila di digambarkan mengesat air mata yang terbit dari alur matanya. Kesedihan tersebut juga terpamer apabila Hanis menyuarakan kesedihannya itu pada Opah. Hanis yang merindui ibu dan ayahnya sehingga terbit air mata

tanpa disedarinya lalu diungkapkannya pada Opah.

> Tiba-tiba air matanya menitis. Walaupun telah disapu, namun air matanya masih menitis lagi. Di terkenangkan arwah papa dan mamanya.
>
> (*CUO*, 2017, hlm. 6)
>
> "Ya, Opah. Tapi Hanis rindu papa dan mama…" balas Hanis sambil menahan sebak. Opah memeluk erat Hanis. Ada air mata yang mengalir di pipi Opah. Namun Opah cepat-cepat menyapunya. Ketika ini Hanis perlukan sokongan yang kuat daripadanya.
>
> (*CUO*, 2017, hlm. 16)

Kesedihan yang dibawakan dalam cerita tersebut bukan sahaja dialami oleh watak Hanis sahaja. malahan, melalui watak Opahnya, yang dilihat sebak dan cuba menahan air mata kerana mengenangkan nasib yang dilalui oleh cucunya. Namun, Opah harus kuat dan tabah untuk terus memberikan cucunya Hanis sokongan dalam meneruskan hidupnya sebagai anak yatim piatu.

Psikologi kehibaan dari aspek perasaan juga melibatkan emosi marah. Marah adalah cetusan emosi yang terpamer atas tindakan yang tidak dipersetujui. Perasaan marah ini ada pada setiap manusia. Malah, dalam novel IKAS&AS ini perasaan marah lebih banyak dicetuskan oleh watak Adham. Adham meluahkan rasa amarahnya apabila Hiro sentiasa mengekorinya dan Adham juga mempamerkan perasaan marahnya apabila ibunya meninggalkannya di rumah Pak Long. Perasaan amarah Adham juga ternyata lebih meletus apabila dirinya tertangkap kerana menculik kucing di rumah Pak Daud. Dia melepaskan amarahnya kepada ayahnya yang telah meninggalkan dirinya serta melepaskan amarahnya kepada ibunya kerana tidak membawakan untuk tinggal bersama-sama dengannya.

> "Mengapa kau asyik mengekori aku? Kau dah taka da kerja nak buat? Mak kau tak beri cukup makan? Ayah kau tak beri cukup duit? Kau nak minta duit dengan aku? Bukankah kau anak orang kaya? Pergilah balik ke Jepun. Jangan menyemak lagi di sini! Adham meninggikan suara.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 4)

> Tetapi kenapa dia tinggalkan Adham di rumah Pak Long pula? Adham rindu nak duduk dengan mak!" bentak Adham.
>
> "Adham tak suka tinggal di rumah Pak Longkah? Bukankah Abang Faizal ada," sampuk Encik Ismail.
>
> "Tak suka! Abang Faizal selalu marah-marah. Nak belajar pun susah kerana asyik dibuli. Setaip hari mesti buat apa yang disuruhnya! Basuh baju, pikul beg sekolahnya, basuh pinggangnta, gosok bajunya! Saya benci tinggal di rumah Pak Long! Pekik Adham.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 105)

Perasaan marah Adham lebih membuak apabila dia tertangkap kerana menculik Jalur dan Awan Shiro di rumah Pak Daud. Tatkala itu, seluruh ahli keluarga dapat merasai punca amarah Adham yang sebenarnya. Sebenarnya jiwa Adham memberontak kerana ditinggalkan oleh ibu dan ayahnya dan membuatkan dirinya menjadi mangsa abang sepupunya dan hidup Adham juga jauh berbeza dari kehidupannya yang sebelum ini.

Manakala, dalam cerita *CUO* pula, Miasarah menampakkan perasaan amarahnya apabila kawannya Shafira mula berbuat baik dengan Hanis, dan menjelmakan amarahnya itu dengan cara melencong ke tempat lain selepas tamat persekolahan. Miasarah tidak terus pulang ke rumah. Sengaja dia melencong ke kawasan lombong tinggal. Dia mahu melepaskan geram dan sakit hatinya.

> Hari ini Miasarah tidak terus pulang ke rumah. Sengaja dia melencong ke kawasan lombong tinggal berhampiran sekolahnya itu. Dia mahu melepaskan perasaan geram dan sakit hatinya.
>
> (CUO, 2017, hlm. 69)

Rasa marah Miasarah terhadap kawannya, Shafira apabila Shafira mula rapat dengan Hanis dan Athirah. Miasarah melepaskan perasaan marahnya dengan menjerit dengan sekuat hati di lombong.

Pemikiran dan kognitif

Pemikiran melambangkan kebijaksanaan seseorang dalam menghadapi sebarang situasi. Gagasan yang minda yang berlangsung dalam kotak minda seseorang manusia akan menentukan baik buruk tindakan atau sesuatu tafsiran. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan cara memahami situasi, membentuk keputusan dan mempamerkan tindak balas melalui pancaindera. Mata, telinga, mulut merupakan pancaindera yang menjelmakan pemikiran. Rangsangan yang diterima dari organ deria, ditafsirkan dalam proses kognitif. Maklumat yang berada dalam proses kognisi ini ditukar bentuk, dan disimpan dan digunakan secara aktif dalam proses kognisi (Mahmood Nazar Mohamaed, 2010: 172). Pemikiran atau kognisi ini mempunyai fungsi yang spesifik. Setiap satu proses mempunyai tujuannya yang tertentu. Proses berfikir menentukan sesuatu untuk difahami dengan lebih lanjut dan langkah seterusnya adalah dengan menyampaikan pemikiran itu melalui tindakan mengikut keadaan yang tertentu. Proses pemikiran dan kognitif inilah yang membelenggu watak-watak dalam novel kajian, yang mana menitik beratkan tindakan, kerlevanan yang diambil dari proses ini. Pemikiran dan kognitif yang didapati dalam dua buah novel terpilih ini adalah pemikiran yang tidak rasional, hilang fokus sehingga mencetuskan idea yang pelik.



Rajah 3 Psikologi kehibaan dari sudut pemikiran dan kognitif

Psikologi kehibaan memberi kesan kepada akal. Akal yang berperanan sebagai penilai baik buruk sesuatu tindakan turut terkesan dalam psikologi kehibaan. Perasaan hiba menjadikan seseorang gagal atau kecundang dalam berfikir yang baik. Tidak rasional adalah antara tindakan yang sering di lakukan oleh seseorang yang mengalami kegagalan berfikir dengan baik. Sikap tidak rasional dalam novel kajian melibatkan tindakan Adham dalam SKAS & AS melakukan tangkah laku yang tidak sepatutnya. Ketidak rasional Adhham terpamer apabila dia menujuk Hiro untuk mengambil kucing atau menculiknya dari rumah Pak Daud dan membelanya sendiri di belakang masjid.

> "Ini rumah baharu anak kucing kita!" kata Adham berpuas hati dengan apa yang baharu kami lakukan. "Nanti aku bawa kain buruk untuk alas tempat mereka tidur. Kau bawa bekas makanan. Malam nanti, kita ke rumah Pak Daud kita culik Jalur dan Awan!" terbeliak mata saya mendengarkann rancangan Adham. "Apa? Awak dah gilakah?" Awak tak takut ditangkap dan dimarahi mereka?"
>
> (SKAS & AS 2019, hlm. 98)

Tindakan tidak rasional Adham untuk membawa lari kucing kesayangan mereka dari rumah Pak Daud menampakkan sikap tidak rasional yang didorong oleh pemikiran. Sikap ini menampakkan tahap pemikiran kanak-kanak yang membuat sesuatu keputusan tanpa memikirkan baik buruk keputusan yang telah diambil. Mereka hanya tahu meraka mendapatkan apa yang diingini sahaja.

Sikap tidak rasional ini juga dipamerkan pada watak Miasarah. Miasarah yang telah kehilangan sahabatnya Shafira dan mula berkawan dengan orang yang tidak disukainya, Hanis. Ekoran dari situasi ini, Miasarah telah merancang untuk melakukan sesuatu untuk membalas dendam pada Hanis. Tindakan yang diambil olehnya menunjukkan satu pemikiran yang tidak rasional, yang telah didorong oleh perasaan amarah seseorang.

> Aku perlu lakukan sesuatu!" Miasarah ligat memikirkannya. Perasaan sakit hatinya tidak dapat dibendung lagi.
>
> (CUO, 2017, hlm. 69)

Tindakan yang didorong oleh pemikiran yang tidak rasional tidak akan berbuah hasil. Namun akan mendatangkan kemudaratan dan kesusashan pada diri sendiri. Ketidakpuasan hati seseorang terhadap orang lain menjadikannya ia bertindak untuk berfiir secara tidak rasional. Tindakan yang diambil ini adalah merupakan satu dorongan dari psikologi kehibaan sehingga mengagalkan kognitif yang baik. Miasarah mahu Hanis didenda. Dia mahu mejatuhkan maruah Hanis.

Pemikiran dan kognitif ini juga melibatkan seseorang hilang fokus. Dalam pelajaran, seseorang peajar hilang fokus adalah disebabkan kegagalan pemikiran dan kognitif mereka untuk memahami sesuatu yang telah diajarkan. Dalam novel IKASA&AS, Adham hilang fokus apabila dirinya sering dibuli oleh abang sepupunya sehingga merosakkan tumpuan dalam pelajarannya. Adham terjejas dari segi pemikiran dan kognitifnya ekoran terpaksa berdepan dengan situasi hidup yang baharu.

> "Bukan begitu Hiro, dahulu, Adham tak begini. Pelajarannya sangat cemerlang dan dia juga pernah menjadi juara dalam pertandingan bercerita. Entah kenapa sejak akhir-akhir ini, pelajarannya makin merosot. Sudah berapa kali dia dikenakan tindakan disiplin," suara cikgu Salwani kedengarannya agak kesal.
>
> (IKAS & AS 2019, hlm. 4)

Kehilangan fokus dalam pelajaran ekoran sering diganggu dan tertekan dengan kehidupan yang perlu di lalui menjadikan Adham hilang minat dalam belajar. Tekanan yang dirasakan dalam jiwa Adham membuatkannya memberontak. Kegagalan kawalan perasaan, ketiadaan seseorang untuk berbeicara menjadikan pelajaran Adham merosot dan dia tidak dalam fokus dalam pelajaran. Walhal, bagi seseorang kanak-kanak seusia Adham, seharusnya sokongan dan dorongan dari orang sekeliling dapat menjadikannya seorang insan yang berhati waja dan dapat menerima hakikat keadaan diri sendiri dengan lebih baik.

Psikologi kehibaan dari aspek pemikiran dan kognitif ini juga melibatkan tindakan kurang berfikir dengan baik dan akhirnya mencetuskan idea yang pelik. Idea yang tidak logik dek akal terbentuk apabila seseorang didorong oleh kurang berfikir. Dalam konteks ini, umur tidak membataskan seseorang untuk berfikir dengan baik. Walau bagaimanapun, umur juga membataskan tahap tindakan yang diambil oleh seseorang ekoran dari gagasan pemikiran yang terbentuk darinya. Dalam hubungan ini, ekoran kurang berfikir dengan baik, Adham yang didorong oleh keinginannya untuk mendapatkan kucing peliharaannya, mencetuskan idea yang pelik, idea yang kurang baik dipamerkan olehnya.

> "Apa? Awak dah gilakah? Awak tak takut ditangkap dan dimarahi mereka?" saya menentang.
> Adham menjegilkan matanya memandang saya. "Kau ni memang lembik! Kita bukan buat salah pun. Jalur dana wan itu kucing kita!" dia memarahi saya.
>
> (IKASA & AS, 2019, hlm. 98)

Tindakan Adham yang kurang berfikir, dan menggunakan kognitifnya dengan baik mencetuskan idea yang pelik, idea yang tidak mendatangkan kebaikkan. Idea untuk mencuri kucing yang telah diletakkan bawah jagaan Pak Daud mendorong Adham melakukan sesuatu yang menyalahi tatatertib dan adab seorang manusia. Bahkan, tindakan menculik itu sebenarnya adalah suatu kesalahan, walau yang diculiknya itu haiwan. Namun, sikap ini tidak seharusnya ada dalam diri seorang kanak-kanak. Malah, mereka harus diberi ikhtibar dan didikan agar tidak melakukan perbuatan tersebut. Hiro yang menyedari tindakan Adham adalah tindakan yang tidak elok, cuba untuk membetulkan keadaan, namun niat baiknya itu ditentang oleh Adham. Hiro cuba memberikannya nasihat, namun semuanya tidak diendahkan oleh Adham. Namun, Hiro tidak berdaya menyekat tindakan Adham.

Akal yang tidak dipacukan dengan baik akan mendatangkan tindakan yang tidak elok, mencetuskan idea yang pelik. Ekoran perasaan yang maarah terhadap Hanis, menjadikan Miasarah seorang pendendam. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan Miasarah ligat dalam memikirkan idea untuk mengenakan

Hanis. Didorong oleh perasaan sakit hati, cemburu Miasarah bertindak kurang wajar apabila dia mencuri duit tabung yang disimpan oleh Hanis. Suatu kebetulan alam hidup Miasarah, apabila ia berjumpa dengan Zamarul. Zamarul adalah rakan sekolahnya dan Miasarah pernah menolong Zamarul dan kawan-kawannya daripada dimarahi oleh Cikgu Irfan.

> Kini, Miasarah berasakan dia telah pun mendapatkan pertologan daripada Zamarul, Hisyam dan Aswad. Merelah yang dapay menolongnya kini, inilah kesematan yang perlu diambil. Cuma dia perlu mengorak strategi untuk memenuhi impiannya. Dia tidak perlu kalah dengan sesiapa pun. Itu tekadnya.
>
> (CUO, 2017, hlm. 73)

Miasarah telah bersepakat dengan kawan-kawan lelakinya untuk mencuri duit tabung surau yang diamanatkan kepada Hanis. Beg sandang Hanis, yang mempunyai kutipan tabung surau berjumlah RM615 telah dicuri. Akibat dari kurang berfikir dan secara tidak langsung mencetuskan idea yang pelik, idea yang tidak baik seperti mencuri dalam diri Miasarah adalah suatu kesalahan yang sepatutnya dijauhi oleh seorang insan. Kegagalan berfikir dengan melakukan timbal balik baik buruk sesuatu keputan secara tidak langusng menjejaskan perhubungan dengan orang sekeliling. Begitu halnya dengan tindakan Miasarah yang mencetuskan idea yang pelik, seperti mencuri duit tabung dari Hanis adalah tindakan yang tidak wajar diikuti oleh kanak-kanak.

Psikologi Kehibaan dari Aspek Tingkah Laku.

Tingkah laku dicetuskan oleh akal. Pemikiran yang baik mencetuskan tindakan yang baik, dan pemikiran yang tidak baik akan mendorong seseorang melakukan tindakan yang kurang bijak dan tidak baik. Peribahasa Melayu adalah mengatakan "sebab budi boleh kedapatan" iaitu membawa erti tingkah laku juga boleh menyebabkan seseorang itu binasa. Tingkah laku boleh menjadikan seseorang itu susah, dipandang buruk dan diabaikan dalam masyarakat. Tindakan manusia yang boleh diperhatikan, diukur dan dinilai adalah satu bentuk tingkah laku. Lewis M. Beaker (2001) turut menyatakan bahawa sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara ters atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Carl Roger (1999) pula menekankan bahawa seseorang individi bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan. Dalam hubungan ini, tingkah laku secara umumnya dapatkan difikirkan apabila sesuatu perasaan, pemikiran tanpa sedar, pemikiran tanpa rasional akan mencetuskan tingkah laku. Sama ada tingkah laku yang baik atau tidak itu bergantung kepada tahap pemikiran seseorang yang sedang menghadapi sesuatu situasi. Tingkah laku dan segala tindakan tidak hanya dicetuskan oleh orang dewasa. Malahan, kanak-kanak juga tidak terkecuali. Dalam dua buah novel kajian ini, tingkah laku yang dicetuskan oleh watak merangkumi tingkah laku yang agresif dan juga suatu tindakan yang tercetus apabila tidak dapat menerikan hakikat sesuatu keadaan. Berikut merupakan beberapa huraian tngkah laku yang dipamerkan oleh watak kanak-kanak dalam novel kajian.



Rajah 3 Psikologi kehibaan berhubung tingkah laku

Tingkah laku yang agresif melambangkan seseorang yang mempunyai jiwa kacau. Yang tidak dapat berfikir dan bertindak mengikut aturannya dengan baik. Kecenderungan bertindak menyerang, bermusuhan terhadap pihak ketiga menunjukkan tingkah laku yang agresif. Dalam novel IKAS & AS, tingkah laku yang

agresif dipamerkan pada watak Adham. Adham dilihat bertindak di luar batasan seorang sahabat apabila bertindak menghalau Hiro ketika Hiro cuba untuk merapatinya.

> "Pergi! Jangan kacau aku! Pergi balik dekat mak ayan kau!" Adham mengherdik tanpa menoleh kebelakang.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 2)

Tindakan agresif Adham dilihat apabila meghalau Hiro yang cuba untuk merapatinya. Hiro cuba untuk mengenali Adham dan menolong Adham kerana baginya Adham adalah seorang rakan yang baik. Adham jugalah yang telah banyak membantunya ketika dia pertama kali menjejakkan kakinya ke sekolah tersebut.

Tindakan agresif dalam tingkah laku ini juga ditonjolkan melalui watak Miasarah. Miasarah telah melakukan tindakan agresif ekoran rasa cemburunya yang membuak-buak terhadap Hanis. Walhal, Hanis tidak pernah menimbulkan masalah dengannya. Atas sifat cemburu dan merasakan dirinya tersisih, Miasarah telah melakukan tindakan agresif terhadap Hanis bagi memalukannya dan secara tidak langsung mencalar maruah Hanis. Miasarah telah mencuri duit tabung surau yang di amanahkan kepada Hanis. Menyebabkan Hanis dalam kesusashan dan mula memikirkan untuk membayar balik duit tabung tersebut.

> Dia teringat bagaimana dia memerhati Hnia masuk ke dalam dewan dan melekatkkan beg sandangnya di atas kerusi. Keadaan dewan yang mula dipenuhi murid-murid itu menjadi peluang yang cerah kepada dirinya. Dia terus mengambil beg sandang tersebut dan menghulurkannya melalui tingkap kepada Zamarul yang sudah pun menunggu di luar dewan. Hisyam dan Aswad pula bertindak sebagai pengawal agar tiada seorang pun yang Nampak perbuatan itu.
>
> (CUO, 2017, hlm. 110)

> "Hurm.. Zamarul yang ceritakan pada ibu. Sara dan Zamarul berpakat mencuri wang kutipan tabung suau sekolah dan pda hari kejadian Sara mahu membelanjakan wang tersebut. Betul?" tambah Puan Saudah lagi.
>
> (CUO, 2017, hlm. 113)

Tindakan yang diambil oleh Miasarah semata-mata untuk melunaskan perasaan sakit hatinya pada Hanis akhirnya membawa kecelakaan pada dirinya. Miasarah telah disamun oleh penyamun bermotor ketika sedang menunggu Zamarul untuk membahagikan duit yang dicurinya daripada Hanis. Miasarah akhirnya mengakui tindakanny agresifnya untuk membalas sakit hati dan perasaan bencinya pada Hanis kepada ibunya ketika di hospital. Miasarah akhirnya menyesali akan tindakannya dan ingin memohon maaf pada Hanis dan kwasan-kawannya yang lain.

Berhubung aspek tingkah laku ini juga, menunjukkan Miasarah menjadi seorang yang tidak dapat menerima hakikat kehadiran seorang anak Mat Saleh dalam sekolahnya. Miasarah merasakan kedudukannya terancam dengan kehadiran Hanis. Miasarah mendendami Hanis, walhal Hanis tidak melakukan apa-apa pun yang menyusahkannya. Namun, Miasarah tidak dapat menerima hakikat ini. Sesalan terhadap penerimaan hakikat kehadiran seorang anak Mat Saleh ke sekolahnya disuarakan oleh Miasarah sebagaimana dalam petikan di bawah.

> Miasarah teringatkan Hanis yang didendaminya. Dia mahu menjatuhkan maruah Hanis. Dia mahu Hanis dituduh sebagai pecah amanah. Dia mahu Hanis dibuang sekolah. Baginya Hanis merupakan musuh utama yang seringkali menjadi penghalang buatnya.
>
> (CUO, 2017, hlm. 113)

Sikap mendendami seseorang menjadikan Miasarah betindak di luar kawalan. Dia tidak dapat menerima hakikat kehadikan Hanis. Dia mendendami Hanis. Namun, akhirnya Miasarah menyesali tindakannya itu dan mula meminta maaf pada Hanis. Setelah Miasarah mengetahui latar belakang Hanis, Hanis seorang anak yatim piatu, menambahkan lagi rasa bersalahnya pada Hanis. Dia merasakan dia tidak sepatutnya bertindak begitu jauh untuk mengenakan Hanis, sehinggakan sanggup mencuri duit tabung dengan niat untuk mema-

lukannya dan dengan harapan Hanis akan dibuang sekolah. Sangkaanya meleset apabila Miasarah ditimpa musibah di atas tindakannya yang buruk itu. Hanis, akhirnya memaafkan Miasarah dan tidak sekulumitpun menyimpan perasaan dendam dan marah pada Miasarah. Miasarah sangat terharu.

Aspek tingkah laku tidak dapat menerima hakikat ini juga dipancarkan melalui watak Adham. Adham tidak dapat menerima hakikat dirinya ditinggalkan oleh ibu bapanya. Malah dirinya diletakkan di bawah jagaan bapa saudaranya. Bagi Adham keadaan tersebut menjadikan dia seorang yang pemarah, bengis pendendam. Dia mendendami ayahnya yang meninggalkannya pada ibunya. Malahan, ibunya pula menitipkannya pada bapa saudaranya. Dia merasakan dirinya sudah tidak penting. Dibuang oleh ibu bapa sendiri. Keadaan Adham yang tidak dapat menerima hakikat hidupnya boleh dilihat dalam petikan di bawah.

> "Kalau Adham anak yang baik, kenapa ayah tinggalkan Adham?" bentak Adham. Saya lihat dia sedang menahan diri dari menangis. Encik Ismail dan Doktor Sulaiman saling berpandangan.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 104)

> "Ayah tak sayangkan Adham! Mak pun tak sayangkan Adham. Semua orang nak tinggalkan Adham! Sebab tu Adham nak lari dengan Jalur. Jalur pun dibuli oleh Wira!" kata Adham lagi.
>
> (IKAS & AS, 2019, hlm. 105)

Adham melepaskan perasaannya kerana rasa tidak puas hati dengan hidupnya. Dia ditinggalkan oleh ayahnya, ibunya kerana penceraian yang berlaku antara keduanya. Emoasi seorang anak yang kehilangan ibu ayah akibat dari penceraian adalah berbeza dengan emosi anak yang telah kehilangan ibu bapanya buat selama-lamanya. Emosi yang dialami Adham adalah emosi yang kesal, dan tidak dapat menerima hakikat sesuatu kenyataan. Dia tidak dapat memahami mengapa dirinya diabaikan kedua ibu bapanya. Memenuhi tuntutan definisi emosa pada tanggapan Chaplin (1985) yang membezakan emosi dan perasaan. Baginya emosi adalah satu keadaan bangkitan (arousal) yang dialami oleh organismea yang melibatkan perubahan pada visceral, kesedaran dan tingkah lakunya. Dalam hubungan ini, perubahan tingkah laku yang dipamerkan pada watak Adham adalah kerana emosinya yang terganggu. Adham mempamerkan emosinya melalui tingkah laku, pemarah dan menjermuskannya dengan tindakannya menculik Jalur dan Awan di rumah Pak Daud.

KESIMPULAN

Kedua-dua buah novel kajian memaparkan psikologi kehibaan yang dapat dilihat melalui watak kanak-kanak. Psikologi kehibaan berkait dengan aspek perasaan watak seperti kehilangan, ketakutan, rasa tidak selamat, kesedihan dan marah. Hal ini memberi kesan kepada pemikiran dan kognitif seseorang seperti tidak rasional, hilang fokus dan cetusan idea yang pelik. Ekoran itu, akan memberi kesan agresif dan perasaan yang tidak dapat menerima hakikat hidup. Namun, dalam kedua-dua buah novel ini pengarang memberi penyelesaian kepada permasalahan watak kanak-kanak.

RUJUKAN

Amran, H., Fatimah, Y. & Khadijah, A. (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5): 51-63.

Abdul Halim Ali.(1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aidil Fadzil. (2017). *Carbonara untuk opah. Kuala Lumpur:* Ana Muslim Sdn.Bhd.

Amir, A. & Hapsah, M. Y. (2006). Peranan guru dan kaunselor dalam membantu pelajar mengalami kesedihan (Grief). *Jurnal PERKAMA*. 12, hlm. 85-98.

Chaplin, J. D. (1985). *Dictionary of psychology*. New York: Dell Publishing Company.

Eagleton, Terry. (1977). *Marxism and literacy critism*. London: Methuen & Co Ltd.

Ma'rof, R & Haslinda, A. (2008). *Psikologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mahmood Nazar, M. 2010. *Pengantar psikologi satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mazny M.R. (2019). *Ini Kisah, Adham, Saya dan Awan Shiro.*Kuala Lumpur:The News Straits Times Press (M) Berhad.

Ponnusamy, S. & Shazli, E. G. (2010). *Psikologi Kehibaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wellek,R & Warren,A. (1988). *Teori Kesusasteraan*. Terj. Wong Seng Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

WHO (World Health Organisation). (2012). Measurement of and target setting for well-being: an initiative by the WHO Regional Office for Europe. Second meeting of the expert group Paris, France, 25th–26th June 2012.Dicapai daripada (http://www.euro.who.int/__data/assets/pdf_file/0009/181449/e96732.pdf pada 30 Jan 2013.

MANIFESTASI KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU DALAM NOVEL FIKSYEN SAINS PILIHAN

Rosnani Md Zain
Universiti Putra Malaysia (UPM)
nanieyzain @gmail.com

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi
Universiti Putra Malaysia
nrafidah@upm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam novel fiksyen sains dan teknologi pilihan. Sebagai alat dokumentasi sosial, novel fiksyen sains dan teknologi juga tidak terkecuali merakamkan kehidupan masyarakat Melayu dari pelbagai dimensi terutamanya dalam aspek sains dan teknologi. Bertitik tolak daripada pandangan Mohamed Hashim dalam *Utusan Malaysia* (2012) yang menyatakan bahawa novel fiksyen sains dan teknologi bukanlah sekadar piring terbang, pengembaraan angkasa lepas, makhluk asing, robot semata-mata, ia sebenarnya lebih kepada gabungan penerokaan alam fiksyen misteri, aksi, fantasi, detektif dan teknologi di dalam satu rencah penulisan yang didalamnya memaparkan gambaran kehidupan masyarakat Melayu dalam pelbagai dimensi. Justeru, pemasalahan tersebut perlu dirungkaikan bagi melihat sejauh mana novel fiksyen sains dan teknologi merakamkan kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini akan memfokuskan kepada dua objektif kajian iaitu mengklasifikasi dan menganalisis manifestasi kehidupan masyarakat Melayu yang terdapat dalam novel kajian. Kaedah kajian kualitatif iaitu analisis teks dan penerapan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Mohd Yusof Hasan digunakan sebagai landasan teori dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa gambaran mengenai kehidupan masyarakat Melayu merangkumi aspek agama, sosial dan politik. Kajian merumuskan bahawa novel fiksyen sains dan teknologi banyak memaparkan kehidupan masyarakat Melayu dari pelbagai dimensi.

Kata kunci: masyarakat Melayu, fiksyen sains, agama, sosial, politik.

PENGENALAN

Sastera dan masyarakat mempunyai perkaitan yang amat akrab. Hal ini kerana sastera merupakan cerita tentang masyarakat yang terhasil daripada manifestasi kehidupan masyarakat dalam dunia realiti. Oleh kerana kesusasteraan lahir bersama-sama masyarakat, maka ianya berkembang mengikut peredaran zaman. Hal ini jelas dinayatakan oleh Shahnon Ahmad (1987) bahawa, "dipandang dari sudut kemanfaatan inilah kaitannya dengan masyarakat amat erat. Sebuah novel adalah satu dokumentasi sosial. Isinya juga adalah isi masyarakatnya. Pengarang yang hidup ditengah-tengah nilai masyarakatnya. Dia menggambarkan perjuangan dalam kehidupan, pertentangan antara keadilan dan ketidakadilan, menggauli fikiran dan perasaan masyarakatnya, bercampur-baur dengan imaginasinya yang juga secara tidak langsung imaginasi masyarakat". Selain itu, Wellek dan Warren (1988) turut mengatakan bahawa, 'Sastera merupakan dokumentasi sosial bagi sesebuah masyarakat dan dijadikan oleh ahli sejarah sebagai bahan untuk mengenali sesebuah masyarakat.' Sehubungan dengan itu, sebagai alat dokumentasi sosial, genre fiksyen sains dan teknologi juga turut tidak terkecuali memaparkan kehidupan masyarakat Melayu. Menurut Mohamed Hashim (2012), novel fiksyen sains dan teknologi bukanlah sekadar piring terbang, pengembaraan angkasa lepas, makhluk asing, robot semata-mata, ia sebenarnya lebih kepada gabungan penerokaan alam fiksyen misteri, aksi, fantasi, detektif dan teknologi di dalam satu rencah penulisan yang didalamnya memaparkan gambaran kehidupan masyarakat Melayu dalam pelbagai dimensi. Berdasarkan penyataan inilah, kajian rintis perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dipaparkan dalam novel fiksyen sains. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan novel *Klon* (2015) karya Idris Boi sebagai bahan kajian. *Klon* merupakan se-

buah novel fiksyen sains dan teknologi yang dihasilkan oleh Idris Boi dan merupakan novel terbitan Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd pada tahun 2015. Novel ini telah memenangi tempat ke tiga dalam Sayembara Penulisan Novel Fiksyen Sains dan Teknologi yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kumpulan Utusan. Novel ini mengisahkan perjuangan rakyat Malaysia menentang aktiviti pengklonan manusia. Menerusi watak Dr. Fakiruddin iaitu saintis Melayu-Islam yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam bangkit menentang kekufuran dan tidak tunduk kepada ancaman Amerika Syarikat yang ingin membunuhnya kerana dia menyimpan dokumen sulit mengenai kegiatan pengklonan manusia yang dijalankan secara haram di syarikat dia bekerja. Dalam masa yang sama juga, Dr. Fakiruddin tidak mahu bersekongkol dengan Amerika Syarikat untuk menjalankan misi mereka menghasilkan manusia klon untuk menakluk dunia di bawah agenda New World Order dan Freemeson. Novel ini juga memaparkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu yang bekerja di Amerika Syarikat dalam masa yang sama masih mengekalkan jati diri orang Melayu.

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang berhubung dengan gambaran kehidupan masyarakat Melayu dan novel fiksyen sains ada dikaji oleh pengkaji lepas. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Shahizah Ismail @ Hamdan (2012) dalam kajian yang berjudul "Imej Wanita dalam Fiksyen Sains Melayu Kontemporari". Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel fiksyen sains yang ditulis oleh penulis wanita tempatan masih terpengaruh dengan sistem patriaki berbanding dengan penulis wanita Barat yang meletakkan watak wanita setanding dengan watak-watak lelaki dalam novel fiksyen sains yang dihasilkan. Antaranya, penulis wanita tempatan menggambarkan watak wanita dalam novel fiksyen sains berimej tradisional walaupun dunia telah berada dalam perkembangan sains dan teknologi namun imej wanita masih tidak berubah.

Kajian seterusnya oleh Noor Munirah dan Muhammad Fakhruddin (2018) dalam kajian berjudul "Ethical Concerns About Human Genetic Enhancement in the Malay Science Fiction Novels". Dapatan kajian mendapati manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam novel fiksyen sains dapat dilihat dari sudut etika iaitu kebimbangan masyarakat terhadap isu kejuruteraan genetik mendatangkan kesan negatif jika tidak dikawal seperti kebimbangan terhadap akidah umat Islam, kebimbangan mengenai status manusia yang di lahirkan secara genetik, kebimbangan terhadap saintis 'gila' (pencipta manusia genetik) dan keprihatinan terhadap keselamatan dan penswastaan penyelidikan yang menjadikan penghasilan manusia transgenetik sebagai produk komersial.

Kajian berhubung dengan gambaran masyarakat Melayu juga ada dikaji oleh Che Abdullah Che Ya (2018) berjudul "Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu". Dapatan kajian menunjukkan novel ini banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi. Kajian ini turut mengesahkan bahawa teori Pengkaedahan Melayu dapat dijadikan sandaran untuk membuktikan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera.

Di samping itu, Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019) menjalankan kajian mengenai novel fiksyen sains dengan judul artikel "Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih". Dapatan kajian menunjukkan bahawa dua buah novel fiksyen sains remaja memaparkan keseimbangan antara unsur sains dan unsur sastera yang merangkumi unsur sains iaitu sains gunaan dan sains zoologi manakala unsur sastera seperti nilai-nilai murni, pemikiran, emosi dan gaya bahasa. Seterusnya, mereka juga menjalankan kajian mengenai novel fiksyen sains dalam artikel yang berjudul "Unsur Estetika Bahasa dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2012 sehingga 2017". Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel fiksyen sains dan teknologi mengandungi aspek estetika bahasa yang dapat dilihat melalui penggunaan gaya bahasa perbandingan seperti peribahasa, metafora, personifikasi dan simile, manakala gaya bahasa pengulangan ialah anafora dan asonansi. Kajian juga mendapati bahawa penggunaan gaya bahasa kiasan lebih dominan berbanding dengan gaya bahasa pengulangan. Kesimpulannya, novel

merupakan salah satu karya yang memaparkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, dalam kertas kerja ini pengkaji akan memberi tumpuan kepada gambaran kehidupan masyarakat Melayu menjalani kehidupan dalam dunia sains dan teknologi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian analisis teks. Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dijana oleh Mohd Yusof Hasan. Empat prinsip asas dalam teori tersebut ialah Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan. Pemikiran Kerohanian menumpukan terhadap aspek hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Pemikiran Kebitaraan memperlihatkan kemampuan manusia menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan melalui ilmu yang dipelajari. Pemikiran ini akan melahirkan masyarakat Melayu yang cemerlang, gemilang, bijaksana dan hebat. Pemikiran Kesaintifikan mementingkan aspek pembuktian, kebenaran dan kepastian. Pemikiran Kekreatifan memperlihatkan unsur keindahan, kesenian dan kecantikan sebagai salah satu elemen yang penting diterapkan dalam karya sastera. Pemikiran kekreatifan juga bermanfaat untuk memperkembangkan potensi manusia menggunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, teori ini relevan digunakan untuk memperlihatkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dari perspektif teori tempatan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji memfokuskan kepada tiga aspek yang memperlihatkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu yang dipaparkan dalam novel *Klon* iaitu keagamaan, sosial dan politik.

Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dari Aspek Keagamaan

Secara etimologi, istilah keagamaan berasal dari kata “Agama” yang mendapat awalan”ke” dan akhiran “an” sehingga menjadi keagamaan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010). Kaitannya dengan hal ini, Poerwadarminta (1986) memberikan erti keagamaan ialah sifat-sifat yang terdapat dalam agama atau segala sesuatu mengenai agama, misalnya perasaan keagamaan, atau soal-soal keagamaan. Selain itu, Muller (1873) berpendapat bahawa kata akar agama dalam bahasa Inggeris iaitu “religion” yang daam bahasa Latin religio, awalnya digunakan untuk yang bererti “hanya takut akan Tuhan atau dewa-dewa, merenungkan hati-hati tentang hal-hal Ilahi, kebolehan” (kemudian selanjutnya menjadi bererti “ketekunan”). Dalam konteks kajian ini, manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dari aspek keagamaan dapat dilihat menerusi dua aspek yang utama iaitu hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia.

Hubungan manusia dengan Allah

Menurut Farra Humairah (2018), hubungan manusia dengan Allah ini melibatkan tanggungjawab kepercayaan dan kepatuhan manusia kepada Allah. Kata tanggungjawab didefinisikan sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan oleh semua orang tidak kira lelaki mahupun perempuan mengikut fungsi kejadiannya. Maksudnya, manusia haruslah menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi ialah sebagai hamba Allah dan khalifah kepada alam. Oleh itu, kewajipan manusia terhadap Allah adalah dengan memberi seluruh perhatian, perasaan, pertimbangan dan tindakan kepada segala amalan yang baik.Berdasarkan novel *Klon* karya Idris Boi, hubungan manusia dengan Allah ini dapat dilihat menerusi gambaran watak Dr. Fakiruddin yang mempunyai sifat keberanian menentang kegiatan pengklonan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat iaitu tempat dia bekerja. Keperibadian Dr. Fakiruddin sebagai seorang saintis Melayu-Islam yang bukan sahaja dilihat bijak tetapi berpegang teguh kepada agama Islam sehingga sanggup mengorbankan nyawa demi menegakkan syiar Islam. Selain itu, pengarang menggambarkan keperibadian Dr. Fakiruddin semakin terserlah apabila dia menjawab setiap persoalan Dr. Susan Lancaster mengenai pengharaman pengklonan manusia dalam Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut:

> "Barulah saya faham. Selama ini saya selalu di sadurkan imej negatif tentang Islam", akui Dr. Susan Lancaster. Datuk Nazri Muhammad tersenyum.
>
> (*Klon*, 2015, hlm.331)

Hubungan manusia sesama manusia

Definisi Melayu menurut Perlembagaan Malaysia Perkara 160 (2) adalah seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu (Suhaimi Haji Said, 1984). Oleh itu, agama Islam menjadi teras kepada kehidupan masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Bahkan, setiap tingkah laku mereka banyak dipengaruhi oleh agama Islam. Perkaitan yang rapat antara agama Islam dengan masyarakat Melayu pula sering dihubungkan dengan definisi seseorang Melayu itu boleh dipanggil Melayu jika mereka beragama Islam (Siti Sarah et al, 2010). Oleh itu, hubungan sesama manusia ini dapat dilihat melalui tingkah laku manusia sama ada melalui perbuatan atau percakapan yang juga berteraskan kepada ajaran agama Islam. Dalam novel *Klon* karya Idris Boi, pengarang banyak memaparkan hubungan manusia sesama manusia dari pelbagai sudut.
Antaranya hubungan anak dengan ibu bapa, hubungan majikan dengan pekerja dan hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam. Dalam novel tersebut, hubungan sesama manusia ini dapat dilihat melalui gambaran watak utama iaitu Dr. Fakiruddin merupakan anak yang taat kepada ibu bapa. Walaupun bekerja jauh dari keluarga, tetapi dia sentiasa menjaga hubungan baik dengan ibu bapa dan sentiasa bertanya khabar. Sebagai majikan pula, Dr. Fakuriddin merupakan seorang ketua yang baik, tidak memandang rendah kepada pekerjanya yang berlainan agama serta sentiasa meraikan perbezaan pendapat. Beliau turut menjaga hubungan dengan orang bukan Islam iaitu menghormati mereka walaupun berbeza pegangan agama. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah:

> Walaupun Dr. Fakiruddin seorang ketua, namun dia tidak pernah menganggap dirinya lebih besar dan penting daripada yang lain. Sebaliknya, Dr. Fakiruddin menganggap semuanya sama. Dia tidak pernah membeza-bezakan dari segi memberi layanan. Sama ada mereka itu berpangkat rendah mahupun tinggi, semuanya sama. Lantaran itu Dr. Fakiruddin sangat disukai dan dihormati oleh kakitangannya di jabatan itu.
>
> (*Klon*, 2015, hlm. 80-81)

Berdasarkan kedua-dua contoh petikan yang memaparkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dari aspek keagamaan yang melibatkan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesame manusia ini dapat dijelaskan bahawa Dr. Fakiruddin memiliki keperibadian yang berteraskan kepada pegangan agama Islam. Dr. Fakiruddin merupakan watak positif yang boleh dijadikan contoh kepada pembaca dengan memelihara kedua-dua bentuk hubungan tersebut. Hal ini selari dengan kenyataan Mohd Yusof Hasan (2004) yang menyatakan bahawa Pemikiran Kerohanian ialah satu bentuk pemikiran keagamaan yang berkaitan dengan keluhuran dan keimanan terhadap kekuasaan Tuhan sebagai Khaliq. Manusia sebagai makhluk-Nya wajib mempercayai dan beriman kepada keesaan Tuhan. Oleh itu, dengan kekuatan pemikiran ketuhanan, masyarakat Melayu mampu menjadi manusia yang baik, mengamalkan amal ma'ruf dan membanteras nahi mungkar. Hasil pemupukan pemikiran ini akan melahirkan masyarakat Melayu atau lebih tepat dalam konteks kajian ini ialah saintis Melayu-Islam yang beriman kepada agama seperti yang digambarkan melalui watak Dr. Fakiruddin. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa pemikiran kerohanian akan membawa kepada ketauhidan ummah.

Manifetasi Kehidupan Masyarakat Melayu dari Aspek Sosial

Terdapat dua aspek yang dibincangkan dalam aspek ini iaitu pendidikan dan pembangunan sains dan teknologi.

Pendidikan

Masyarakat Melayu juga sangat mementingkan pendidikan kepada anak-anak. Menurut John Dewey (1916), pendidikan merupakan suatu proses pengalaman. Hal ini kerana kehidupan merupakan proses pertumbuhan, maka pendidikan bererti membantu pertumbuhan manusia tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan ialah proses penyesuaian pada setiap fasa dan menambah kecekapan dalam perkembangan seseorang melalui pendidikan. Seterusnya, pendidikan merupakan keupayaan dalam membimbing manusia yang belum dewasa ke arah kedewasaan. Pendidikan juga diertikan juga sebagai usaha untuk mencapai penentuan diri dan tanggungjawab (Mochtar Buchori, 1994). Bagi Kneller (1964) pula pendidikan sebagai suatu proses perkembangan kecekapan seseorang dalam bentuk sikap dan perilaku yang berlaku dalam masyarakat. Proses ialah waktu seseorang dipengaruhi oleh lingkungan yang terpimpin khususnya di dalam lingkungan sekolah sehingga dapat mencapai kecekapan sosial dan dapat mengembangkan keperibadiannya.

Manakala kepentingan dan peranan pendidikan dalam masyarakat Melayu pula dapat dilihat melalui pendapat Mohd Yusof Hasan (2007) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu mengamalkan budaya pendidikan yang bermula dari alam rahim sehingga anak-anak mendapat pendidikan formal di sekolah. Hal ini ditandakan dengan pelbagai adat dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu seperti anak tidak boleh dibedung, tetapi diberikan kebebasan. Seelok-eloknya, anak hendaklah ditiarap, bukan diberikan tidur telentang. Semasa dilahirkan juga masyarakat Melayu menggalakkan ibu-ibu untuk menyusukan bayi mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu percaya bahawa susu yang paling baik ialah susu ibu, bukan susu lembu. Daripada adat dan pantang larang yang diwarisi sejak turun-temurun inilah telah melahirkan masyarakat Melayu yang amat mementingkan aspek pendidikan kepada anak-anak.

Berdasarkan novel *Klon* (2015) karya Idris Boi dapat dilihat peranan Haji Sulaiman sebagai pemimpin keluarga yang bertanggungjawab memberikan pendidikan akhlak dan juga pendidikan duniawi kepada anaknya, Dr. Fakiruddin. Kesannya, keseimbangan antara pendidikan dunia dan akhirat yang diterapkan oleh Haji Sulaiman berjaya membentuk Dr. Fakiruddin menjadi seorang saintis yang mempunyai nilai-nilai keislaman dalam dirinya. Ini dapat dibuktikan melalui tindakan Dr. Fakiruddin yang menentang kegiatan pengklonan manusia yang dilakukan oleh agensi tempat dia bekerja di Amerika Syarikat. Manakala sebagai seorang anak pula, Dr. Fakiruddin digambarkan sebagai seorang anak yang begitu taat dan menghormati kedua orang tuanya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa walaupun Dr. Fakiruddin mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi sebagai keperluan kehidupan pada masa kini, tetapi beliau berada dalam lingkungan didikan agama Islam yang sempurna. Jelaslah bahawa keseimbangan antara didikan agama dan akademik dapat membentuk anak-anak menjadi generasi yang berakhlak mulia. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

> Kasih sayang terhadap ayah dan ibunya tidak pernah padam. Baginya mereka adalah segala-galanya.Tanpa mereka, dia tidak akan berada di tempat yang baik sekarang. Ayah dan ibu telah banyak berkorban untuknya. Jasa mereka begitu besar sekali tidak dapat dibalas olehnya sekalipun dengan harta yang bertimbun.
>
> (*Klon*, 2015, hlm 337)

Justeru, pendidikan jiwa inilah yang akan membentuk akhlak terpuji anak-anak dan kehidupan harmoni dalam keluarga. Islam sebagai pegangan hidup masyarakat Melayu yang lengkap dan sempurna telah mengingatkan umat manusia supaya sentiasa mengimbangi keperluan di antara rohani dengan jasmani (Ratna Roslida dan Nik Haslinda, 2007). Watak Dr. Fakiruddin seperti yang dinyatakan dalam petikan di atas bertepatan dengan ciri-ciri pemikiran kebitaraan iaitu watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat (Mohd Yusof Hasan, 2007).

Pembangunan Bidang Sains dan Teknologi

Pembangunan bidang sains dan teknologi juga turut menjadi agenda negara dalam memantapkan bidang tersebut. Mardzelah Makhsin (2007) mencatat pendapat Mahathir Mohamad mengatakan bahawa kemajuan sains dan teknologi adalah keperluan penting dan negara perlu mempunyai sumber tenaga mahir bagi memas-

tikan mereka dapat bersaing di persada antarabangsa. Oleh, IPT merupakan institusi penting dalam melahirkan tenaga mahir seterusnya menyumbang kepada pembangunan bidang sains dan teknologi. Berdasarkan novel *Klon* (2015) karya Idris Boi pembangunan bidang sains dan teknologi di Malaysia dapat dilihat melalui gambaran watak Dr. Fakiruddin berkelulusan ijazah Ph.D dalam bidang biokimia, bioteknologi dan genetik telah menyumbang khidmatnya untuk membangunkan sektor pertanian negara sekembalinya dari luar negara. Selain itu, dia juga menggunakan pengalaman dan kepakaran yang pernah bekerja di Amerika Syarikat untuk mengembangkan program penyelidikan dan pembangunan di tanah air. Situasi tersebut dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

> "Kepakaran yang ada boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti produk dalam negara khususnya sektor pertanian selain mengembangkan program R&D negara".
>
> (*Klon*, 2015, hlm. 35-36)

Berdasarkan contoh petikan di atas, pengarang secara tidak langsung menggambarkan kepentingan melahirkan modal insan yang pakar dalam bidang sains dan teknologi untuk membangunkan bidang tersebut di Malaysia. Pembangunan modal insan sebagai teras peradaban bangsa dan negara seperti yang dinyatakan mantan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi amat diperlukan bagi melahirkan dan membentuk golongan saintis atau tenaga kerja mahir yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan (Mazura, Fairus dan Syed Yusainee, 2006). Hal ini juga jelas membuktikan bahawa Dr. Fakiruddin memiliki pemikiran kesaintifikan iaitu pemikiran yang menjurus kepada bidang sains dan teknologi berteraskan kepada pembuktian, kebenaran dan kepastian (Mohd Yusof Hasan, 2002).

Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dari Aspek Politik

Sastera dan politik merupakan dua bidang yang saling berkait rapat bagi menterjemahkan isu politik dalam sesebuah karya sastera. Karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, pendidikan dan kritikan sosial semata-mata, sebaliknya karya-karya sastera juga mengandungi sensitiviti, emosi, wawasan, ideologi dan harapan seseorang pengarang (Zainal Kling, 1989). Menurut Farra Humairah (2018) melalui karya sastera, seseorang pengarang turut melahirkan pandangan, pemikiran, misi dan visi mereka tentang sesuatu isu yang dibangkitkan mengikut arus peredaran zaman dan salah satunya adalah yang berkaitan dengan isu politik. Hal ini menjadikan karya sastera menjadi lebih menarik dan fleksibel untuk dibaca oleh khalayak pembaca. Hakikat ini menjelaskan bahawa genre sastera merupakan salah satu wadah bagi pengarang untuk mengungkapkan pemikiran politik sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam karya-karya tersebut. Kesimpulannya, dalam konteks kajian fiksyen sains, pemikiran politik merujuk kepada pemikiran yang berhubung dengan peristiwa-peristiwa serta watak dan perwatakan yang berlatar belakangkan unsur-unsur dalaman karya. Antara unsur dalaman karya yang boleh dikaitkan dengan aspek politik ialah semangat patriotisme dan unsur kebijaksanaan.

Semangat Patriotisme

Konsep patriotisme sering dikaitkan dengan semangat cinta akan tanah air. Sejajar dengan itu, Ku Hasnita (2007) mengatakan bahawa patriotisme sebagai satu tindakan yang bersumberkan emosional, iaitu cinta dan setia kepada negara sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi negara. Malah kecintaan kepada negara bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata atau hanya bersifat simbolik seperti menghormati simbol-simbol negara seperti pemimpin, lagu dan bendera sahaja. Kecintaaan kepada negara boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara. Dalam hal ini, Muhamad Ali Embi (2009) berpandangan bahawa apa-apa sahaja tindakan atau perilaku masyarakat untuk mempertahankan tanah air boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme.

Berdasarkan novel *Klon* (2015) karya Idris Boi manisfestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam aspek politik dapat dikaitkan dengan semangat patriotisme iaitu kepentingan semangat patriotisme sebagai jati diri orang Melayu. Apabila semangat patriotisme meresap ke dalam jiwa merdeka, mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mempertahankan tanah air tercinta. Situasi itu dapat dilihat melalui sikap sabar yang ditonjolkan oleh Dr. Fakiruddin yang tidak melawan walaupun di soal siasat seperti penjenayah oleh pihak

FBI. Malah, Dr. Fakiruddin masih lagi boleh tersenyum dan melayan mereka dengan baik.

> "Jemput duduk", pelawa Dr. Fakiruddin cuba bersopan. Itulah teras ketamadunan sesebuah bangsa. Dia orang Melayu yang memang kaya dengan budi bahasa.Walaupun bekerja di bumi asing, namun adat budaya dan sopan santun tetap dipelihara. Di mana jua berada di situ langit dijunjung.
>
> (*Klon*, 2015, hlm. 71)

Melalui contoh petikan, pengarang secara tidak langsung telah berjaya mengetengahkan semangat patriotik yang tertanam dalam diri rakyat Malaysia. Pernyataan patriotik terhadap negara dicirikan melalui tindakan sopan Dr. Fakiruddin yang tidak membalas tindakan kasar dan kurang ajar anggota FBI yang menyoal siasat dirinya seperti penjenayah. Dia sentiasa ingat untuk menjaga nama negara yang sememangnya terkenal dengan keluhuran budi bahasa rakyatnya. Kesopanan adalah amalan tingkah laku yang mematuhi peraturan sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Seseorang yang tidak mematuhi peraturan sosial ini dianggap tidak sopan. Dalam masyarakat Melayu, anggota masyarakatnya sejak kecil lagi telah didedahkan dengan adat dan kesopanan. Adat dan kesopanan bukan sahaja dilihat daripada aspek perbuatan tetapi yang penting ialah aspek pertuturan atau bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin, 2005). Justeru, semangat patriotik yang dimiliki oleh Dr. Fakiruddin dengan menjaga tutur kata dan tatasusila di negara orang bertepatan dengan ciri-ciri Pemikiran Kerohanian yang dinyatakan oleh Mohd Yusof Hasan (2004) iaitu seseorang rakyat Malaysia yang menganuti agama Islam perlu mempunyai pemikiran kerohanian tentang tiga prinsip utama dalam agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, melalui ketiga-tiga aspek tersebut, Dr. Fakiruddin menjaga tingkah laku terutamanya dari aspek tutur kata sebagai hamba yang berhubung dengan Allah dan sebagai khalifah yang berhubung dengan makhluk yang lain.

Kebijaksanaan

Selain itu, manisfestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam aspek politik juga mempunyai hubung kait dengan persoalan kebijaksanaan. Secara umumnya, kebijaksanaan merujuk kepada kemampuan penggunaan akal manusia untuk berfikir. Menurut Khairul Azmi Mohamad dan Nooraini Othman (2009) kebijaksanaan ialah keupayaan pemikiran tinggi dan penuh kreatif dalam menentukan formula baharu bagi barangan ataupun bagi menyelesaikan isu yang berkaitan. Manakala menurut Bob Sabran (2006) kebijaksanaan merujuk kepada kemampuan untuk membuat keputusan sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Kebijaksanaan juga merangkumi nilai, kata-kata dan tingkah laku yang menunjukkan kebenaran dan kebaikan yang tinggi dalam pemikiran, pegangan, sikap, renungan dan perbuatan dalam kalangan insan. Dalam konteks kajian pula, kebijaksaan merujuk kepada kepandaian watak-watak menyelesaikan konflik atau masalah yang dihadapi.

Berdasarkan novel *Klon* (2015) karya Idris Boi, unsur kebijaksanaan ini dapat dilihat melalui pemaparan watak Dr. Fakiruddin yang bijak mengatur strategi untuk melepaskan diri daripada dibunuh olef FBI. Dr. Fakiruddin mengadakan upacara kematiannya di Kedutaan Besar Malaysia di Washington untuk mengaburi mata pihak FBI dan CIA Amerika Syarikat dari terus memburunya. Kebijaksanaan Dr. Fakiruddin semakin terserlah apabila dia sekali lagi merancang dengan menukar identiti supaya dapat melepasi penerbangan pulang ke Malaysia. Peristiwa tersebut menyerlahkan ketokohan Dr. Fakiruddin sebagai bangsa Melayu yang bijak merancang dan mengatur strategi bagi menjamin keselamatan dirinya dan Dr. Susan Lancaster untuk kembali ke Malaysia dengan selamat. Sehubungan dengan itu, Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) menegaskan bahawa tradisi masyarakat Melayu selalu memposisikan sifat bijak sebagai salah satu sifat utama yang harus dimiliki oleh bangsa Melayu terutamanya golongan raja atau pemimpin. Perancangan sangat erat kaitannya dengan ketepatan dalam mengambil keputusan. Dengan demikian, akhirnya perancangan tersebut akan menyebelahi kepada kebaikan atau sebaliknya. Hal ini berkait rapat dengan corak keputusan yang diambil oleh seseorang dalam setiap tindakannya. Sehubungan dengan itu, Dr. Fakiruddin digambarkan memiliki pemikiran kekreatifan iaitu seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan menggunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan (Mohd Yusof Hasan, 2007).

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam novel *Klon* karya Idris Boi dapat dikesan dalam tiga aspek yang utama. Aspek pertama ialah dari segi keagamaan. Dalam novel ini aspek keagamaan melibatkan dua bentuk hubungan iaitu hubungan manusia dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Kedua dari aspek sosial iaitu kepentingan pendidikan dan juga pembangunan bidang sains dan teknologi kepada masyarakat Melayu. Seterusnya, manifestasi dalam aspek politik pula memperlihatkan semangat patriotisme dan nilai kebijaksanaan yang dipaparkan melalui petikan dialog dan peristiwa yang dinyatakan dalam novel. Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga merumuskan bahawa teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) amat relevan dalam memgungkap manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera terutamanya novel fiksyen sains.

RUJUKAN

Bob Sabran. (2006). *Sukses manajemen penjualan:cara membuat tim penjualan anda menjadi yang terbaik*. Jakarta: Erlangga.

Che Abdullah Che Ya (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17, 328-342.

Dewey, J. (1916). *Democracy and Education*. New York: Macmillan Co.

Farra Humairah Mohd. (2018). *Pemikiran dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Unpublished P.h.D thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Idris Boi. (2015). *Klon*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairul Azmi Mohamad & Nooraini Othman. (2009). *Nilai yang mendasari integriti dan amalan masyarakat hadhari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kneller. G.F. (1964). *An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: John Wiley & Sons.

Ku Hasnita Ku Samsu. (2007). Pemupukan semangat patriotisme melalui proses sosialisasi politik. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*. 12, 131 -145.

Mardzelah Makhsin. (2007). *Sains dan Etika*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publications.

Mazura Anuar, Fairus Muhamad Darus & Syed Yusainee Syed Yahya. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA,ShahAlam.http://eprints.utm.my/id/eprint/495/1/MazuraAnuar2006_Memperkasakanmodalinsanperanandan.pdf.

Mohd.RosdanAhmad.(2012,Dis).PemikiranSainsdalamSastera.http://ww1.utusan.com.my/utusan/Di akses pada 20 Januari 2018.

Mohd Yusof Hasan. (2004). *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd.Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Penerbit Tanjong Malim Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Dimensi Perancangan dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27, 25-44.

Muhamad Ali Embi Syamsir. (2009). *Patriotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.

Muller, M. (1873). *Introduction to the science of religion*. Green: Longman.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2005). *Sistem panggilan dalam keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Munirah Isa dan Muhammad Fakhruddin Safian Shuri. (2018). Ethical concerns about human genetic enhancement in the Malay science fiction novels. *Science and Engineering Ethics*, 24, 109-127.

Poerdawinta W.J.S. (1986). *Kamus besar umum Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain. (2007). Peranan institusi keluarga alam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusian*, 9, 73-82.

Rene Wellek & Austin Warren. (1988). *Teori kesusasteraan*. Terj. Wong Seng Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019). Unsur sains dan sastera dalam novel remaja terpilih. *PENDETA*: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 166-182.

Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019). unsur estetika bahasa dalam novel-novel pemenang sayembara fiksyen sains dan teknologi dari tahun 2012 sehingga 2017. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa* (PPIB), 30, 189 - 212.

Shahizah Ismail @ Hamdan. (2013). Imej wanita dalam fiksyen sains Melayu. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (ed), *Gender dalam Sastera Melayu* (pp.64-78). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Sarah Ab Karim, Normahdiah Sheik Said, Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2010). *Hati budi Melayu penting untuk kesinambungan bangsa dan budaya. Manifestasi bahasa dalam budaya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Suhaimi Haji Said (1984). *Orang Melayu di sisi perlembagaan*. Temerloh Penerbitan Ujud.

Zainal Kling. (1989). *Pemikiran sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KONFLIK AKAL DALAM NOVEL KARYA HASANUDDIN MD ISA MENURUT KERANGKA JIWA AL-GHAZALI

Siti Dahlia binti Abdullah
IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.
sitidahlia@iptho.edu.my

Mawar binti Safei, Ph.D
Pusat Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
mawar.safei@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis konflik akal dalam novel karya Hasanuddin Md Isa. Dua buah novel dipilih iaitu novel *Al-Abrar* (1995) dan *Sarjana Bangsa* (2015) dikaji menggunakan kerangka Al-Ghazali. Hasanuddin Md Isa merupakan pengarang yang dilihat sering membawa perhatian khalayak pembaca kepada dunia pendidikan dan mentarbiah khalayak pembaca menerusi penulisannya. Kerangka Al-Ghazali digunakan dalam analisis bagi menganalisis konflik jiwa manusia melalui empat aspek iaitu *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (nafsu) dan *al 'aql* (akal) melalui kitabnya *Ihya'Ulumiddin*, dan dalam konteks kajian ini, tumpuan dibuat terhadap konflik akal (*al'aql*) sahaja. Sehubungan itu, kajian ini ingin melihat sejauhmanakah Hasanuddin Md Isa menampilkan konflik akal dalam penulisan berunsur Islam yang menjadi idiosinkrasi dalam kepengarangan beliau. Kecenderungannya memetik pandangan Al-Ghazali dalam kebanyakan novel dijadikan asas untuk menganalisis sejauh manakah Hasanuddin Md Isa sebenar-benarnya mengadun kerangka jiwa Al-Ghazali dalam pembentukan diri watak melalui konflik khususnya yang melibatkan akal di dalam novel. Hasil kajian ini mendapati bahawa selari dengan judul kedua-dua novel yang dianalisis, terbukti bahawa Hasanuddin Md Isa berjaya mengungkapkan konflik akal melalui kerangka yang diimplementasikan. Hal ini membuktikan bahawa melalui kedua-dua karya ini, pengarang membawakan suatu pemikiran yang sarat untuk diterjemahkan oleh khalayak pembaca di samping membawa unsur dakwah sebagai mesej utamanya.

Kata kunci: konflik akal, kerangka jiwa Al-Ghazali, novel Hasanuddin Md Isa.

PENGENALAN

Konflik merupakan satu persoalan yang sering dikemukakan oleh pengarang sebagai satu isu yang menarik dalam sesebuah novel. Melalui kreativiti pengarang, isu yang dikembangkan dalam jalan cerita ini dijadikan landasan yang sesuai untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat. Konflik merupakan sesuatu yang berlegar dalam kehidupan seharian manusia, namun konflik itu tidak semestinya membawa kesan negatif semata-mata. Apabila berlaku pertembungan antara kehendak diri yang berbeza, maka berlakulah pertentangan yang menyebabkan konflik pada diri seseorang. Menurut Amran Hassan (2011), seseorang itu tidak boleh lari daripada mendepani konflik namun mereka perlu bijak mengendalikan dan menguruskannya agar membawa kesan yang baik kepada diri sendiri. Dalam sesebuah novel, konflik merupakan suatu bahagian penting yang menguatkan jalan cerita dan kupasannya menjadikan novel lebih dekat dengan khalayak pembaca kerana konflik adalah sebahagian daripada percaturan hidup manusia. Persoalan konflik diri dalam novel banyak dibawakan oleh pengarang di Malaysia termasuk Hasanuddin Md Isa. Bermula daripada karyanya berjudul *Mereka yang Tertewas* yang memenangi Hadiah Sastera Berunsur Islam pada tahun 1988, Hasanuddin Md Isa terus menghasilkan karya melalui novel berunsur Islam. Pemilihan novel *Mereka Yang Tertewas* yang diterbitkan pada tahun 1988 sebagai penerima Hadiah Sastera Berunsur Islam menyuntik semangat Hasanuddin Md Isa untuk terus berkarya dalam genre yang sama. Novel ini juga dijadikan sebagai buku teks Kesusasteraan Melayu pada tahun 1991 hingga tahun 2001. Untuk konteks kajian ini, konflik yang difokuskan ialah konflik akal. Menurut al-Ghazali (1980d) komponen diri manusia terdiri

daripada elemen rohani dan jasmani. Akal merupakan satu daripada unsur dalam rohani yang terdiri daripada *al-aql'*, *al-nafs'*, *al-ruh* dan *al-qalb*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini memusatkan perhatian terhadap pertelingkahan atau konflik akal manusia yang diangkat oleh Hasanuddin Md lsa menerusi dua buah novelnya dengan menggunakan kerangka jiwa Al-Ghazali dalam *Ihya'Ulumiddin*. Dua buah novel tersebut ialah *Sarjana Bangsa* dan *Al-Abrar*. Terdapat beberapa kajian terdahulu yang memfokuskan martabat nafsu atau konflik nafsu dalam mengguna pakai kerangka al-Ghazali dalam kajian novel. Maka kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti aspek jiwa khususnya akal yang menjadi konflik dalam novel. Sebagaimana yang dinyatakan, al-Ghazali menjelaskan bahawa manusia terdiri daripada dua elemen iaitu jasmani dan ruhani. Untuk menyelesaikan konflik adalah lebih baik kembali dalam mencari hakikat diri melalui pendekatan agama kerana perlakuan jasmani dan ruhani ibarat cermin yang mereflek antara satu sama lain. Al-Ghazali menumpukan kepada aspek dalaman atau ruhani manusia yang terdiri daripada roh, nafsu, hati dan akal. Bagi memperjelas kesignifikanan novel Hasanuddin Md Isa sebagai genre sastera berunsur Islam maka analisis terhadap karya dilihat dari perseptif Islam. Menurut Shahnon Ahmad (1981) dalam proses mengarang dan berkarya, penghasilan karya yang baik yang benar-benar berjiwa Islam dapat dibezakan dengan karya yang sebaliknya kerana melalui karya itulah dapat dikenali pengarangnya. Pandangan yang sama turut dijelaskan oleh Adli Yaacob (2017) yang menyatakan bahawa sastera Islam ialah suara hati sasterawan yang bukan sahaja beriman tetapi komited dalam keimanannya, bersih jiwa dan hatinya bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah. Untuk tujuan tersebut, kerangka jiwa Al-Ghazali diguna pakai dalam kajian ini untuk melihat sejauhmanakah kepengarangan Hasanuddin Md Isa dalam novel ini dapat diadun melalui kerangka ini. Memandangkan kurangnya kajian novel yang membincangkan konflik akal, maka kajian ini menumpukan aspek tersebut dengan menganalisis dua buah novel karya Hasanuddin Md Isa menguna pakai kerangka al-Ghazali tentang hakikat akal manusia.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif yang difokuskan dalam kajian ini iaitu:

i. Menganalisis konflik akal dalam dua novel yang dikaji menggunakan kerangka al-Ghazali;
ii. Mengenal pasti unsur Islam yang dibawa oleh pengarang melalui konflik akal dalam novel yang dikaji.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian novel yang menggunakan kerangka al-Ghazali. Antaranya ialah kajian oleh Robiah (2015) berjudul "Model Insan Melayu dalam Novel-novel S.Othman Kelantan". Kajian ini menggunakan konsep nafsu al-Ghazali untuk melihat tabii keinginan dalam diri setiap insan melalui beberapa tingkatan nafsu (*ammarah, lawwammah* dan *mutmainnah*) yang dijadikan landasan pembentukan Model Insan Melayu dalam menganalisis watak dan perwatakan dalam novel S.Othman Kelantan. Seterusnya yang menjurus pada konflik ialah kajian oleh Nor Hasimah (2014) yang bertajuk "Konflik Jiwa Watak Wanita Dalam Novel Pilihan Fatimah Busu". Kajian yang mengguna pakai kerangka al-Ghazali ini melibatkan konflik watak wanita dalam lima buah novel karya Fatimah Busu. Dapatan oleh Norhashima mendapati bahawa konflik hati dikenal pasti sebagai permasalahan yang paling banyak dipaparkan dalam novel Fatimah Busu. Kajian ini mendapati bahawa novel karya Fatimah Busu ini sememangnya sesuai untuk dianalisis menggunakan kerangka Psikologi Islam Al-Ghazali memandangkan kandungan novel yang sarat dengan konflik berterusan yang dialami oleh watak-watak wanitanya. Kajian lain tentang konflik yang ditemukan dalam artikel jurnal yang dibuat oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian mereka berdasarkan teori Humanistik Abraham Maslow digunakan untuk mengkaji Unsur Konflik Dalam Novel Remaja Terpilih mendapati bahawa konflik dalam kalangan remaja dikaitkan dengan keadaan diri remaja yang mudah dikuasai emosi. Kajian oleh Ros Zakaria (2002) mengemukakan tajuk kajian *Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnon Ahmad.* Kajian ini mengenal pasti watak-watak dan perwatakan yang kemudiannya dipadankan dengan tingkatan nafsu mengikut kerangka jiwa Al-Ghazali dengan tumpuan kepada empat tahap iaitu nafsu

ammarah, *lawwamah, mulhamah* dan *mutma'innah*. Hasil kajian ini mendapati bahawa nafsu ammarah merupakan tingkatan nafsu yang lebih mendominasi keseluruhan karya Shahnon Ahmad yang dianalisis. Meskipun demikian, kajian-kajian ini lebih momfokuskan permasalahan yang melibatkan martabat nafsu atau jiwa mengikut kerangka Al-Ghazali dan tidak melihat konflik yang melibatkan hati dan akal dalam novel tersebut.

SINOPSIS DUA NOVEL *AL-ABRAR* DAN *SARJANA BANGSA*

Dua buah novel yang dianalisis dalam kajian ini ialah *Al-Abrar* dan *Sarjana Bangsa* karya Hasanuddin Md Isa. Novel *Al-Abrar* diterbitkan pada tahun 1995 manakala *Sarjana Bangsa* pula diterbitkan pada tahun 2015. Novel *Al-Abrar* mengisahkan Hamidi, watak utama seorang pensyarah universiti yang bimbang melihat kepincangan hidup generasi muda Melayu Islam. Golongan ini dianggap lebih menjurus kepada kepuasan nafsu semata-mata. Maka dia merasakan bahawa perlu ada seseorang yang memulakan langkah dalam perjuangan membina bangsa Melayu Islam yang dibina mengikut acuan baru berteraskan pengajaran Islam. Usaha Hamidi menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakan-rakan pensyarahnya yang taksub dengan aliran pemikiran mereka sehingga timbul konflik dan perbalahan. Hamidi merasakan lorong perjuangan reformasi ilmu yang diredahnya terlalu berliku-liku dan dia sendiri tidak pasti mengapa dia menjerumuskan dirinya ke kancah pertentangan ini. Hasrat dan perjuangan Hamidi tidaklah semudah ucapan sahaja. Meskipun sedar bahawa dia merasakan begitu kerdil dalam perjuangannya ini namun Hamidi tidak mengundur diri. Dia memohon kekuatan dan bantuan daripada Allah swt supaya menerangi jalan perjuangan yang telah dipilihnya. Dia perlu menyiapkan dirinya masuk ke gelanggang berdepan dengan para ilmuwan yang pelbagai aliran di universiti bagi menyampaikan buah fikirannya mengenai Pemikiran Melayu Baru yang diperjuangkannya. Di pundak Hamidi, diberi suatu tugasan yang berat oleh Menteri Pendidikan untuk merangka satu program untuk pembinaan bangsa Melayu Islam yang baru.

Novel *Sarjana Bangsa* pula mengungkapkan persoalan golongan cendekiawan yang berperanan dalam membentuk masyarakat ke arah kemajuan fikiran dan menunjangi pembinaan tamadun bangsa. Muhamad Isyraf Eilmy seorang pembantu pensyarah di Alam dan Tamadun Melayu, UKM berada dalam medan perjuangan keadilan, kesaksamaan dan kebebasan generasi muda dalam membangunkan peradaban bangsa. Dalam mendapatkan maklumat tentang kertas kerja Kongres Melayu Antarabangsa yang sedang diusahakannya, Isyraf Eilmy banyak membuat penyelidikan, pembacaan dan perbincangan termasuk dengan ahli akademik lain dan ahli keluarganya yang mempunyai latar belakang dalam bidang penulisan dan politik. Meskipun tidak sentiasa sealiran dalam pendapat, tetapi Isyraf menganggap setiap perbincangan merupakan muzakarah yang mematangkan penulisan beliau. Persiapan rapi yang dilakukan oleh Isyraf Eilmy sebagai persediaan pembentangan dalam kongres akhirnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Keteguhan bangsa atas kekuatan ilmu merupakan asas yang ditekankan dalam perbincangan lantaran bangsa yang berilmu mempunyai kekuatan dan potensi dalam membina bangsa yang kuat dan kukuh. Soalan dan perbincangan dapat dihuraikan dengan jelas yang lengkap oleh Isyraf Eilmy yang telah menerima ijazah kedoktorannya tidak lama sebelum berlangsungnya kongres tersebut. Kesungguhan dan pendirian Isyraf Eilmy yang teguh dalam mengutarakan pandangan bahawa setiap individu dalam masyarakat perlu memiliki kecintaan mendalam terhadap ilmu di samping yang lebih utama menghayati ajaran agama Islam dilihat sebagai visi Islam yang cuba diketengahkan oleh pengarang Hasanuddin Md Isa sebagai satu usaha dakwah beliau membawa khalayak menyedari peranan mereka.

KONFLIK AKAL DALAM NOVEL *AL-ABRAR* DAN *SARJANA BANGSA*

Allah mengurniakan akal sebagai suatu anugerah yang berharga kepada manusia. Sebagaimana firman Allah dalam surah At-Tin (95:4) yang bermaksud, "*Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya.* Manusia dijadikan Allah sebagai satu makhluk yang sempurna dengan adanya akal fikiran. Lengkapnya kejadian akal manusia diperkukuh pula oleh lima pancaindera yang membolehkan mereka membuat pilihan dan pertimbangan yang wajar. Menurut al-Ghazali (1980a) akal merupakan sumber ilmu dan tempat lahirnya ilmu pengetahuan. Dengan adanya akal, manusia dilantik menjadi khalifah mengatasi makhluk lain ciptaan-Nya di bumi ini. Melalui akal, manusia dapat menyampaikan kebenaran di samping membuat pertimbangan baik buruknya sesuatu tindakan dan perlakuan itu. Dalam surah Al-Baqarah (3:269) yang bermaksud, "*Dia memberi hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa diberi hikmah,*

sesungguhnya dia diberi kebaikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran kecuali orang-orang yang mempunyai akal sihat." Hamka dalam Tafsir Al-Azhar Juzu' 1-3 (1981) menerangkan bahawa Allah mengurniakan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya iaitu suatu alat yang dinamakan akal. Hikmah bukan sekadar mempunyai ilmu semata-mata, malah bagaimana ilmu itu dipraktik dan dimanfaatkan oleh akal, barulah seseorang itu dianggap bijaksana atau *al-hakim* iaitu satu daripada *Asmaul Husna*. Kebijaksanaan akal membolehkan manusia mengenal pasti dan membuat pertimbangan antara keraguan dan kesimpulan yang benar.

Hakikat akal dihuraikan oleh Al-Ghazali (1980) dalam *Ihya'Ulumiddin* melalui empat bahagian iaitu akal sebagai suatu sifat yang membezakan manusia dengan haiwan, akal sebagai ilmu pengetahuan yang dapat membezakan sesuatu perkara, akal sebagai pengetahuan yang diperoleh melalui pengalaman dan akal sebagai pengawal yang mampu menilai akibat sesuatu tindakan. Kedua-dua novel ini dianalisis mengikut hakikat akal mengikut pembahagian yang dibuat oleh al-Ghazali.

Dalam novel *Al-Abrar*, pengarang memulakan penceritaan dengan mencetuskan konflik dalam diri watak utama novel iaitu Hamidi, seorang pensyarah muda di sebuah universiti. Dia merasakan bahawa dia bertanggungjawab membawa kesedaran kepada bangsanya sendiri iaitu bangsa Melayu Islam yang kian tersasar dan dilupakan dalam sejarah peradaban manusia. Sebagai penyampai ilmu, Hamidi tidak mahu bangsanya terus hanyut dalam keghairahan budaya-budaya asing yang merosakkan nilai dan ketamadunan Melayu. Pengarang membawakan wacana ilmu ini sebagai suatu konflik untuk dibincangkan meskipun novel ini diterbitkan pada tahun 1995. Perkara ini jelas melalui catatan berikut;

> Hamidi menutup kelopak matanya. Alangkah sulitnya mencari suatu jawapan daripada suatu bangsa yang tidur tetapi menafikan mereka tidur. Alangkah malunya menghadapi maruah bangsa yang sudah terkoyak dan diconteng seribu cercaan atas hamparan sejarahnya. Hamidi cuba mencari kesimpulan lalu, cuba mengingati kronologi sejarah bangsa Melayu Islam ini.
>
> (*Al-Abrar*, 1995, hlm 3)

Jika diteliti melalui hakikat akal oleh Al-Ghazali, seharusnya bangsa Melayu Islam dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menentukan manakah elemen budaya yang sesuai untuk diterima dan manakah pula elemen budaya yang perlu ditinggalkan. Golongan intelektual seharusnya menjadi pelopor kerana mereka terlebih dahulu mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran tentang perkara tersebut. Pemikiran ini yang dibawa oleh Hasanuddin Md Isa ke dalam ruang fikir watak utamanya Hamidi sebagai suatu amanah yang perlu digalas. Tugas utama Hamidi adalah sebagai penyampai ilmu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu Islam agar tidak terus lalai dan leka dalam budaya keseronokan bawaan Barat yang menguasai kehidupan mereka pada hari ini. Halangan yang dihadapi oleh Hamidi dalam merealisasikan usahanya adalah untuk memberi kefahaman kepada golongan intelektual lain untuk sama-sama memainkan peranan mereka. Menurut Kasmuri Selamat dan Ihsan Sanusi (2012) setiap manusia mempunyai kayu ukur yang berbeza dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara kerana nilai subjektif menjadikan sesuatu itu sukar diuji kebenarannya. Hanya pertimbangan akal yang rasional dapat menentukan perbezaannya dan sering kali perbezaan itu menimbulkan perselisihan, pertentangan atau permusuhan yang disebut sebagai konflik.

Dalam novel yang sama, pengarang memperlihatkan realiti konflik yang membelenggu golongan intelektual yang taksub berpegang pada aliran yang menjadi anutan sehingga tidak mahu menerima sebarang perubahan meskipun dikemukakan bersama-sama bukti berpaksikan kebenaran. Konflik ini antara yang menghambat Hamidi kerana berdebat dengan seseorang yang sememangnya tidak mahu berganjak daripada pendirian adalah sesuatu yang bukan mudah. Al-Ghazali (1980) menjelaskan bahawa Allah mencela sikap mereka yang suka berdebat untuk memperlihatkan kehebatan ilmu pengetahuan, mengagungkan kelebihan dan kemuliaan diri sendiri. Sikap ini membawa kepada sifat-sifat keji yang amat disukai oleh iblis seperti takabbur, ujub, sombong, dengki dan merendah-rendahkan orang lain. Daripada Abi Umamah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya, *"Tidaklah suatu kaum itu tersesat setelah mereka berada di atas hidayah melainkan orang yang suka berdebat"*.

Pengarang juga dilihat membawa khalayak pembaca bersama-sama menyelami perbincangan isu kerana tidak mahu mereka menjadi sekadar pembaca tanpa menghayati hakikat sebenar yang ingin disampaikan

dalam karya tersebut. Khalayak pembaca diberi ruang fikir untuk sama-sama menyedari bahawa persoalan bangsa dan agama bukan soal remeh yang boleh dikesampingkan. Sebagai satu daripada hala tuju dalam misi dakwahnya, Hasanuddin Md Isa mendahului zaman dalam membincangkan isu kebejatan sosial pada tahun 1995 meskipun pada ketika itu, masalah tersebut belum seruncing seperti masa kini.

> "Memang benar bangsa kita telah mampu berdiri bersama-sama dengan bangsa lain dalam menghadapi arus pembangunan, tapi mereka berdiri dengan kaki yang tempang, fikiran yang bercelaru, keinginan yang bercabang dan matlamat kehidupannya tak lain untuk memuaskan naluri nafsu yang tak berkesudahan."
>
> (***Al-Abrar***, 1995, hlm. 5)

Al-Ghazali (1980a) memetik kata Al-Hasan RA bahawa "*Siksaan bagi orang berilmu ialah mereka yang mati hatinya yang berilmu tetapi mencari dunia melalui amal perbuatan akhirat.*" Dalam novel yang sama, pengarang membawakan beberapa watak sampingan yang memperlihatkan sikap orang yang berilmu tetapi tidak dihiasi dengan akhlak terpuji. Orang yang berilmu dan memanfaatkan ilmunya wajar dicemburui kerana kelebihannya. Sebagaimana Abdullah bin Mas'ud RA menjelaskan bahawa Nabi SAW bersabda, "*Jangan merasa iri hati, kecuali kepada dua orang: 1. Orang yang diberi Allah harta, kemudian dipergunakannya untuk yang hak, dan 2. Orang yang diberi Allah hikmah (ilmu yang hak), kemudian dipergunakannya (untuk yang hak) serta diajarkannya.*

Konflik akal yang sering melanda orang berilmu menurut pengarang ialah sifat sombong yang terbit apabila mereka menganggap diri mereka mempunyai kelebihan berbanding orang lain. Pada saat terbit sifat sombong dalam diri mereka, maka hancurlah ketinggian ilmu yang dimilikinya kerana Islam meletakkan akhlak sebagai kayu ukurnya. Dalam novel Al-Abrar, watak Rahman, seorang pensyarah senior menggambarkan sikap sedemikian. Menurut al-Ghazali, akal sewajarnya dapat menjadi pengawal yang memandu manusia memilih jalan yang benar melalui ilmu yang dimiliki. Seandainya ilmu itu ibarat cahaya, maka akhlaklah yang meneranginya.

Selain menampilkan watak utama sebagai seorang ilmuan di pusat pengajian tinggi, pengarang turut membawakan watak Pak Ngah Smail, bapa saudara Hamidi seorang mualim yang sentiasa mencurahkan bakti mendidik anak bangsa melalui pembukaan Madrasah Ad-Dinniah. Semangat beragama dalam diri Hamidi sendiri merupakan hasil didikan Pak Ngah Smail. Perbincangan ilmiah antara Hamidi dengan Pak Ngah Smail menjadi serius apabila Pak Ngah Smail berasa kesal dengan pendirian yang ditunjukkan oleh Hamidi dalam perjuangan mengembalikan tradisi bangsa Melayu Islam. Sebagai seorang ilmuan di pusat pengajian tinggi, Pak Ngah Smail berpandangan bahawa sewajarnyalah generasi muda sepertinya memainkan peranan penting. Bagi Pak Ngah Smail, sebagai khalifah Allah, keadilan dan kebenaran perlu diperjuangkan tanpa sedikit pun rasa takut mahupun gentar. Al-Ghazali mengemukakan firman Allah dalam surah Al-Ankabut (ayat (29:69) yang bermaksud, *"Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya, Allah berserta orang-orang yang berbuat baik."* Hasanuddin Md Isa turut menghuraikan maksud ayat tersebut melalui ungkapan dialog,

> "…Yakinlah kepada janji-janji Allah. Jika apa yang ingin kamu usahakan itu suatu kebenaran, Allah akan membantu kamu dan Allah akan menyediakan pembantu untuk kamu sebagaimana Allah memberikan kepada Isa Al-Maseh para Hawariyyun bersamanya dan sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. dimuliakan di tengah-tengah para sahabatnya." Pak Ngah Smail mengambil nafas. Dilihatnya Hamidi seimbas lalu.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1995)

Meskipun hanya berkelulusan sekolah pondok, tidak berpangkat mahupun bersijil, namun Pak Ngah Smail mempunyai pandangan yang jauh yang perlu disebarluaskan bagi melahirkan gagasan baru membina bangsa Melayu Islam dan Hamidilah menjadi harapannya. Pengarang turut memaparkan konflik kematangan dalam berfikir melalui perbezaan pengalaman diri dan usia dalam diri seseorang secara perbandingan antara watak Hamidi dan Pak Ngah Smail. Sesuai dengan usia dan kematangannya, watak Pak Ngah Smail dilihat lebih tenang dan bijak dalam memberikan pandangan berbanding Hamidi yang sedikit goyah dengan perjuangannya kerana memikirkan kedudukannya yang masih baru dalam kalangan ahli akademik di universiti.

Dalam novel *Sarjana Bangsa*, watak utamanya Isyraf Eilmy juga seorang seorang pensyarah universi-

ti, mempamerkan kesungguhan dalam perjuangan untuk membangunkan bangsa Melayu. Menurut A. Halim Ali (2017) penggunaan perkataan "sarjana" sebagai judul buku memberi bayangan bahawa kekuatan novel berpaut pada paksi keilmuan yang kukuh. Sebagai watak utama, Isyraf Eilmy diberi peranan mendukung usaha mengangkat ilmu agama sebagai teras kesarjanaan dalam segenap aspek kehidupan. Novel ini juga menampilkan beberapa siri perdebatan yang memfokuskan persoalan ilmu dan keilmuan yang menjadikan hampir keseluruhan novel ini berkisar tentang dunia ilmu pengetahuan. Apabila memperkatakan tentang ilmu maka akallah yang memainkan peranannya sebagai alat berfikir. Pengarang menampilkan perdebatan Isyraf Eilmy dengan abangnya Sa'id Badi'urzaman, Isyraf Eilmy dengan Thomas Jenn, Isyraf Eilmy dengan Dr Sofea, Isyraf Eilmy dengan peserta konvensyen dan Isyraf Eilmy dengan kedua-dua ibu bapanya. Pengarang menjadikan ruang perdebatan sebagai medan menegakkan kebenaran, misalnya dalam perdebatan Isyraf Eilmy dengan Thomas Jenn tentang kecelaruan beberapa konsep dalam Kristian dan perbezaannya dengan Islam.

Perdebatan Isyraf Eilmy dengan abangnya Sa'id Badi'urzaman berkisar tentang perjuangan membina bangsa melalui landasan yang berbeza. Isyraf Eilmy melihat daripada sudut sumbangan kelimuan Islam, sebaliknya Sa'id abangnya yang terlibat dalam bidang politik lebih cenderung menekankan peranan semangat nasionalisme yang telah dianggap berjaya dalam perjuangan membina negara bangsa sejak merdeka. Bagi Isyraf Eilmy, nasionalisme ialah acuan Barat untuk memerangkap umat Islam yang luarannya nampak sempurna tetapi hakikatnya masyarakat yang terbentuk oleh acuan nasionalisme itu amat goyah, rapuh dan saling mencurigai antara satu sama lain. Al-Ghazali mengibaratkan orang yang berilmu lalu menyampaikan ilmu itu sehingga memberi manfaat kepada orang lain sebagai matahari yang memancarkan sinar menerangi kehidupan orang lain namun turut sama mendapat manfaat daripada sinar cahaya itu (Abdul Salam Yussof, 2003). Sebagai menguatkan watak Isyraf Eilmy, pengarang menggambarkan golongan cerdik pandai dengan kata-kata bahawa,

> "Pada fikiran saya, cendekiawan itu bagaikan percikan api yang meloncat dari batu yang bertabrakan. Mereka membangkitkan fikiran yang tidur, melahirkan semangat kebangkitan dan gerakan suatu zaman yang mati. Mereka mempercepat aliran kehidupan dan darah dalam urat nadi rakyat yang lembam, dalam fikiran, dalam agama, dan berbagai-bagai upacara. Mereka hadir untuk mengubah jalan sejarah dan mengarahkannya ke tujuan yang berbeda. Mereka menjadi penguasa, pencipta, dan pembangun masyarakat yang jauh lebih baik daripada sebelumnya."
>
> (Hasanuddin Md Isa, 2015 hlm. 287)

DAPATAN

Melalui kedua-dua novel ini, pengarang dilihat menggunakan penulisan sebagai medan dakwah Islamiah. Unsur Islam yang digarap oleh pengarang terserlah melalui usaha dakwah yang ditampilkan melalui beberapa watak dalam novel. Pengarang mempamerkan hakikat akal menurut al-Ghazali dalam mengungkapkan kebijaksanaan cara mereka berdakwah kepada golongan sasaran. Watak-watak ini menggunakan pengalaman dalam hidup mereka untuk menyampaikan ilmu sama ada secara langsung mahupun tidak. Hamidi, Pak Ngah Smail dan Isyraf Eilmy merupakan watak yang berperanan sebagai penyampai atau pendakwah daripada golongan orang berilmu. Bagi memperjelas persoalan ilmu berteraskan agama, Hasanuddin Md Isa memasukkan beberapa ayat al-Quran yang bersesuaian sebagai landasan ilmu Islam dalam novel (A. Halim Ali, 2017). Dengan berlatarbelakangkan dunia pendidikan, pengarang membawakan pengalamannya sendiri membawa khalayak ke dunia ilmu pengetahuan dengan menghalakan fokus kepada konflik dalam kalangan golongan berpendidikan dalam novel *Al-Abrar* dan *Sarjana Bangsa*.

Pengarah juga dilihat berusaha melakukan penyampaian buah fikir tentang dunia ilmu dan pemikiran dalam bentuk konflik akal secara mendalam. Usaha ini pasti sukar jika pengarang sendiri tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan terperinci tentang konflik yang dijadikan mauduk perbincangan watak-watak. Jelas di sini bahawa Hasanuddin Md Isa menjadikan kedua-dua novel ini sebagai landasan dan wahana menyalurkan ilmu. Perbincangan yang berkaitan wacana ilmu agama antara watak juga ditampilkan oleh pengarang dalam beberapa situasi dalam jalan cerita kedua-dua novel.

KESIMPULAN

Pengarang banyak membawakan perbincangan konflik akal dalam novel kedua-dua novel beliau. *Al-Abrar* dan *Sarjana Bangsa* membawakan mesej ilmu yang jelas yang memerlukan perbincangan khalayak pembaca kerana mencabar pemikiran mereka. Di samping itu, konflik dalam dakwah dibawakan oleh pengarang bagi menjelaskan pendirian bahawa bidang penulisan merupakan medannya untuk berdakwah kepada khalayak. Pengarang menjelaskan bahawa usaha dakwah tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru malah perlu disokong dengan perancangan rapi bagi memastikan kejayaan usaha tersebut. Melalui mesej dakwahnya, Hasanuddin Md Isa memperjelas sisi Islam yang dibawakannya melalui persoalan konflik akal dalam kedua-dua karyanya. Perwatakan pendakwah digambarkan oleh pengarang terbentuk berdasarkan ciri-ciri luaran dan dalaman seseorang seperti berakhlak mulia, tinggi ilmu pengetahuan, bijaksana dan mempunyai kesabaran yang tinggi sebelum mereka mampu melakukan mengubah nilai negatif dalam masyarakat sesuai dengan matlamat dakwah Islamiah.

RUJUKAN

Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan Al-Ghazali & konfusius*. Bangi: Penerbit UKM.

A.Halim Ali. (2017). Sarjana bangsa dari perspektif teori persuratan Baru. *Dewan Sastera*, (12), 22-26.

Adli Yaacob. (2017). Konsep sastera Islam mengikut Uthman El-Muhammady. *Journal of Global Busiess and Social Entrepreneurship (GBSE)*, *1*(4): 1-16.

Al- Quran Al-Karim. (2019). Kajang: Penerbit Karya Bestari.

Al-Ghazali. (1980). *Bimbingan Mu'minin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Al-Ghazali. (1980). *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 1*. Indonesia: Perc.Menara Kudus.

Amran Hassan. (2011). *Konflik*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Fariza Md. Sham, Salasiah Hanim Hamjah & Mohd. Juraini Sharifudin. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali.* Bangi: Penerbit UKM.

Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6* (1): 52-63.

Hamka. (1981). *Tafsir Al-Azhar Juzu'1-2-3*. Indonesia: Yayasan NurulIslam.

Hamka. (2007). *Peribadi*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Hasanuddin Md Isa. (1995). *Al-Abrar*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.

Hasanuddin Md Isa. (2015). *Sarjana bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Kasmuri Selamat & Ihsan Sanusi. (2011). *Akhlak Tasawuf*. Jakarta: Kalam Mulia.

Malike Brahim. (2008). *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn.Bhd.

Muhammad Nashiruddin Al-Albani. (2007). *Shahih Sunan At-Tirmidzi* [3]. Jakarta: Pustaka Azam.

Nor Hasimah Ismail. (2014). Konflik jiwa watak-watak wanita dalam novel pilihan Fatimah Busu. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Nursuhada Md Arifin & Kamariah Kamarudin. (2017). Personaliti Islam menurut perspektif Al-Ghazali dalam novel Tuhan lebih saintifik karya Farhan Hadi. *Manu*. 25, 1-21.

Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Yatimah Sarmani & Tajudin Ninggal. (2008). *Teori kaunseling Al-Ghazali.* Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Robiah Muhammad. (2015). Model insan Melayu dalam novel-novel S. Othman Kelantan. Tesis Dr.Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Malaysia.

Ros Zakaria. (2002). Martabat nafsu dalam novel-novel Shahnon Ahmad. Tesis Dr.Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

NILAI PENDIDIKAN DALAM PUISI KOMSAS MEMBANTU BENTUK DIRI REMAJA

Siti Nurkhalida Binti Md Ariff
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Zaman remaja merupakan satu peringkat usia yang mencabar dalam kehidupan seseorang. Pelbagai perkara yang berlaku Ketika remaja memerlukan seseorang individu itu berubah mengikut keadaan semasa, dan tidak dinafikan dalam fasa ini berlaku penentangan dalam diri remaja terhadap hal-hal tertentu. Oleh itu, perkara ini secara tidak langsung mendedahkan kehidupan remaja dengan pelbagai permasalahan sosial yang menyebabkan keruntuhan akhlak dalam diri mereka. Dalam usaha membendung perkara ini, semua pihak kelihatan bekerjasama menyalurkan idea, saranan dan usaha yang berterusan. Hasilnya, sukatan pendidikan yang bersesuaian dengan soal pemupukan nilai, seperti KOMSAS telah diwajibkan kepada semua pelajar agar mereka dapat menilai pelbagai permasalahan kehidupan secara keseluruhan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai pendidikan daripada puisi-puisi dalam beberapa teks KOMSAS yang dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Puisi-puisi kajian akan dengan menggunakan kerangka daripada Teori Sosial Kognitif. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam puisi-puisi KOMSAS boleh dijadikan model tingkah laku bagi menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi oleh remaja masa kini.

Kata kunci: Nilai pendidikan, puisi, KOMSAS, remaja

PENGENALAN

Kesusasteraan itu sangat kaya dengan nilai. Umumnya, kesusasteraan bukan hanya sekadar sebuah penulisan yang sengaja direka mahupun sekadar cakap kosong. Terdapat pelbagai nilai yang terkandung dalam sastera sama ada nilai pendidikan, pengajaran, nasihat dan sebagainya lagi. Selain itu, setiap nilai yang terkandung dalam sastera dapat memberikan panduan dan juga mendidik pembacanya sama ada secara tersurat mahupun tersirat (Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2011). Setiap nilai ini dapat membantu mendidik pembacanya ke arah berpewatakan dan berperilaku yang lebih baik. Dalam sesebuah bahan kesusasteraan tidak kira sama ada prosa atau puisi, elemen masyarakat dan kemasyarakatan akan banyak diungkapkan dalam penulisan tersebut. Kesusasteraan juga dapat dikatakan sebagai hasil seni bahasa yang telah menggabungkan aspek pemikiran dan juga kemasyarakatan. Selain itu, pelbagai fenomena lain dalam kehidupan juga turut digabungkan bergantung kepada tahap sensitiviti dan kreativiti penulis. Tidak dapat dinafikan lagi, pelbagai bentuk pemikiran ingin diketengahkan dalam setiap karya kesusasteraan. Setiap pemikiran tersebut dapat menjadi nilai pendidikan, amanat, mesej, tauladan dan sebagainya. (Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2011).

Menurut Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011) penglibatan remaja dengan masalah sosial yang semakin serius ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah persekitaran, diri sendiri, keluarga, rakan sebaya dan juga persekitaran sekolah. Melalui kegiatan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, kesalahan juvana, penagihan dadah dan sebagainya yang semakin meningkat menunjukkan hakikat sebenar keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat khususnya remaja. Namun begitu, pendidikan KOMSAS dilihat sebagai satu landasan yang dapat membimbing remaja masa kini dalam menghadapi masalah yang dihadapi mereka. KOMSAS telah diperkenal dalam pengajaran Bahasa Melayu semenjak dari tahun 2000 secara berperingkat. KOMSAS meliputi lima genre sastera iaitu novel, puisi, cerpen, prosa tradisional dan drama. Melalui pembelajaran sastera dalam kurikulum Bahasa Melayu, pelajar diharapkan dapat memberikan lebih tumpuan dan meningkatkan minat membaca dari pelbagai genre sastera sama ada novel, puisi tradisional, puisi moden, cerpen, drama dan juga prosa tradisional (Chew Fong Peng, 2009). Malah, pelajar juga dapat mengamalkan nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam teks-teks KOMSAS sebagai iktibar dan panduan dalam kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai pendidikan dalam puisi-puisi KOMSAS terpilih. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengkaji puisi-puisi dalam teks KOMSAS yang dipilih. Kaedah analisis kandungan merupakan salah satu bentuk kajian kualitatif. Dalam kajian ini, analisis kandungan penting bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan fakta berkaitan dengan nilai pendidikan yang terkandung dalam puisi-puisi KOMSAS yang terpilih justeru analisis kandungan dapat membantu meningkatkan ketepatan dan memberikan analisis yang menepati ciri-ciri yang diingini dalam kajian ini.

Puisi-puisi moden KOMSAS yang digunakan di semua sekolah Menengah di Malaysia telah dipilih sebagai data dalam kajian ini. Sebanyak 5 buah buku teks KOMSAS Sekolah Menengah yang telah dipilih iaitu Kuingin berterima kasih, Baik budi,indah bahasa, Bintang hati, Harga remaja dan Sejadah rindu. Di dalam 5 buah buku teks ini terkandung sebanyak beberapa buah puisi-puisi moden yang berkisarkan tentang kisah dan kehidupan remaja. Antaranya ialah Pesan lelaki kecil kepada gadis kampus, Pada sekuntum mawar, Kita umpama sehelai daun, Kuingin berterima kasih, Aku, Pesan ibu beribu-ribu, Kijang yang lelah, Harga remaja, Mengintai ruang insaf, Adat sezaman, dan Sejadah rindu. Pemilihan bahan kajian dilakukan dengan melihat kepada kemungkinan untuk para remaja membaca sesuatu teks tersebut ialah melalui teks-teks yang terkandung dalam buku teks sekolah. Teks-teks puisi yang dipilih merupakan bahan bacaan wajib yang perlu dibaca oleh semua pelajar di sekolah menengah**.**

Selanjutnya ialah teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Sosial Kognitif. Pengkaji memilih teori ini kerana ia selaras dengan data kajian iaitu penerapan nilai pendidikan dalam penulisan yang kemudiannya memberikan pengajaran kepada pembaca. Bandura (1986) telah menjelaskan bahawa teori ini memberikan penekanan kepada isyarat yang dilakukan oleh pelaku, hal ini juga termasuk pemikiran seseorang. Teori Sosial Kognitif terbahagi kepada empat iaitu perhatian, mengingati, reproduksi dan juga motivasi. Aspek perhatian melibatkan perihal yang menarik perhatian penonton dan pendengar. Aspek mengingati pula merupakan proses mengulang semula perkara yang telah diberikan perhatian. Kemudian, aspek reproduksi pula ialah proses meniru semula tingkah laku yang telah didengar atau dilihat. Akhir sekali, dari aspek motivasi pula model tingkahlaku dapat dibina dengan menyelitkan elemen motivasi. Pendengar akan dapat bertindak dengan lebih positif dan releven apabila dirangsang oleh elemen motivasi tersebut (Norfarhana Shahira Rosly & Prof. Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop, 2018).

NILAI PENDIDIKAN DALAM PUISI DAN KOMPONEN SASTERA

Berdasarkan kajian-kajian lalu, penerapan nilai pendidikan melalui puisi secara umumnya dianggap bersesuaian jika mengambil kira sumbangan puisi sebagai medium pendidikan dan pengajaran. Masyarakat Melayu, khasnya menganggap puisi sarat dengan nilai, teladan, hiburan, kritikan, tunjuk ajar sebagainya. Menurut Rosliah Kiting, Jemir Kinsom dan Ewon Benedick (2020) puisi taalala yang dikaji mengandungi nilai-nilai pendidikan. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat nilai pendidikan seperti dorongan untuk berkelakuan baik, kerajinan, hormat-menghormati dan juga memupuk kesedaran bahawa pentingnya untuk mempunyai ilmu demi kelangsungan hidup yang diterapkan secara tersirat justeru menunjukkan kesantunan berbahasa etnik kadazan dusun. Kajian Nurfitriana Maulidiah, Herman J. Waluyo dan Slamet Subiyantoro (2020) juga menyentuh nilai pendidikan yang utama dalam kehidupan sebagaimana yang terkandung dalam Syair Tundang Mayang. Antara nilai pendidikan yang terdapat dalam syair Tundang Mayang ialah nilai pendidikan agama, nilai pendidikan moral, nilai pendidikan sosial dan nilai pendidikan budaya. Nilai pendidikan keagamaan dapat dilihat dari segi nasihat-nasihat. Dari segi nilai pendidikan moral pula, Tundang Mayang juga menyindir sikap masyarakat masa kini. Dari segi pendidikan sosial pula, Kepelbagaian tersebut bukanlah halangan dalam kehidupan sosial. Dari segi nilai pendidikan budaya pula, nilai-nilai budaya yang ditonjolkan melalui simbol, kepercayaan dan sikap dalam bergaul.

Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) merupakan medium yang dapat menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar terutamanya remaja masa kini. Ini kerana, KOMSAS merupakan salah satu cabang yang menerapkan nilai-nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menurut Nurul Raihana Abdullah & Norlila Md Salleh (2016) mata pelajaran kesusasteraan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahas Melayu merupakan salah satu cara menyampaikan domain efektif kepada pelajar. Karya sastera mengetengahkan mesej yang tertentu dan menonjolkan kehidupan manusia yang mencerminkan pandangan hidup yang tertentu. Kajian ini mendapati terdapat 16 nilai murni yang ditonjolkan oleh watak utama dalam novel KOMSAS Songket Bebenang Emas.

Selain itu, Maharam Mamat, Maisarah Yaakob & Norasiah Abdullah (2012) pula telah menjalankan kajian untuk menganalisis nilai tarbiah yang terkandung dalam novel KOMSAS Papa. Pengkaji berpendapat bahawa proses tarbiah yang berkesan dapat menjadikan seseorang murid itu sebagai seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan berbahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan juga menghargai kehidupan dan kemanusiaan. Penggunaan teks KOMSAS tersebut sangat bersesuaian dan menepati nilai keinsanan yang ingin diaplikasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, menurut Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Haji Wahid (2018) teks KOMSAS mampu memperkukuhkan pembinaan karakter perlajar. Kajian ini membuktikan bahawa tanggapan pelajar terhadap pembacaan teks KOMSAS mempengaruhi pembinaan karakter terutamanya dari aspek sopan santun dan beretika. Pembacaan teks KOMSAS dilihat mampu mempengaruhi pembentukan karakter pelajar yang baik terutamanya dari aspek bersopan santun dan beretika.

PUISI MENDIDIK DAN MEMBENTUK DIRI REMAJA

Apabila menyebut tentang nilai pendidikan, secara amnya kita akan membayangkan tentang pengajaran yang terdapat dalam sesuatu perkara itu. Menurut Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010) negara kita menumpukan dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaaan. Elemen yang berkaitan dengan akhlak, moral dan nilai-nilai murni menjadi elemen penting yang ditekankan bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kupasan data dilakukan dengan memfokuskan kepada nilai pendidikan yang diterapkan melalui puisi-puisi KOMSAS yang dipilih dari aspek diri remaja itu sendiri. Antara nilai pendidikan yang telah diperoleh pengkaji ialah menghormati ibu bapa dan guru, berfikiran positif, meningkatkan keimanan dalam diri, bertanggungjawab menjaga maruah diri. Empat aspek dalam Teori Sosial Kognitif diaplikasikan dalam kajian ini iaitu, aspek perhatian, mengingati, reproduksi dan motivasi.

Menghormati ibu bapa dan guru

Pandai-pandailah kau terbang,
Menongkah awan mulus dan kabus dingin,
Jangan kau pulang,
Dengan percikan duka dan balutan luka disayapmu yang patah

(Pesan lelaki kecil kepada gadis kampus, Sejadah rindu, 16)

Aku tidak jemu,
Ini janjiku kerana aku tahu,
Sempurna seorang ibu
Dengan pesanan beribu-ribu

(Pesan ibu beribu-ribu, Bintang hati, 11)

Berdasarkan puisi-puisi tersebut aspek perhatian ditumpukan kepada nasihat yang terkandung dalam puisi-puisi tersebut sebagai contohnya, ‘pandai-pandailah kau terbang, menongkah awan mulus dan kabus dingin’. Nasihat yang terkandung dalam contoh tersebut ialah mendengar nasihat untuk menjaga diri sendiri dalam menghadapi dunia yang penuh dengan ujian. Selain itu, puisi seterusnya iaitu ‘ini janjiku kerana aku tahu, sempurna seorang ibu’. Nasihat yang terkandung dalam puisi ini mengajak seseorang untuk meyakini pesan daripada seorang ibu, kerana ibu sentiasa tahu perkara yang terbaik untuk anaknya. Aspek mengingati pula akan berlaku melalui pemerhatian remaja terhadap nasihat yang terkandung dalam puisi tersebut iaitu sebagai seorang anak, mendengar pesan ibu bapa merupakan perkara yang sepatutnya dilakukan. Sebagai contohnya, ‘sempurna seorang ibu, dengan pesan beribu-ribu’. Dalam petikan ini, dapat dikatakan bahawa ibu merupakan individu yang tidak pernah lekang dengan nasihat terhadap anak-anaknya.

Secara tidak langsung aspek reproduksi berlaku apabila remaja mengambil iktibar daripada nasihat yang terkandung dalam puisi ini dengan mendengar nasihat ibu bapa supaya tidak salah membuat pilihan dalam kehidupan mereka. Sebagai contohnya, petikan ‘jangan kau pulang, dengan percikan duka dan balutan luka disayapmu yang patah’ menunjukkan bahawa remaja perlu sentiasa menjaga diri mereka supaya tidak

berlaku perkara yang merosakkan mereka. Dari aspek motivasi pula akan terhasil model tingkahlaku yang boleh dijadikan sebagai panduan remaja iaitu mendengar pesan atau nasihat daripada ibu dan bapa dengan menjadikan perkara tersebut sebagai pegangan dalam kehidupan mereka terutamanya agar tidak terlibat dengan masalah sosial. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk karakter serta keperibadian anak terutamanya semasa fasa awal kehidupan mereka. Menurut Mardhiyyah Zamani & Nurazan Mohmad Rouyan (2016) ibu bapa merupakan individu terawal yang akan disalahkan sekiranya terdapat masalah atau keruntuhan akhlak dalam diri anak khususnya dalam kalangan remaja. Ibu bapa merupakan individu yang paling dekat dan rapat dengan remaja. Oleh itu, mereka memainkan peranan yang penting dalam mendidik remaja.

Berfikiran positif

Jadilah sehelai daun,
Hijau menunas menyegar mata,
Kering gugur menjadi baja.

(Kita umpama sehelai daun, Kuingin berterima kasih, 11)

Bimbang tersadung akar dan jerat,
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam peribadi yang keruh,
Diredah belantara yang mula teduh

(Kijang yang lelah, Bintang hati, 9)

Berdasarkan puisi-puisi tersebut seseorang perlu sentiasa berfikiran positif walaupun terdapat pelbagai ujian dan dugaan yang dihadapinya. Sebagai contohnya, 'hijau menunas menyegar mata, kering gugur menjadi baja'. Dalam puisi tersebut, terdapat nasihat yang ditekankan iaitu seseorang perlulah sentiasa mempunyai pemikiran yang positif dan menjadi seseorang yang bermanfaat kepada orang lain. Selain itu, puisi berikutnya pula menekankan supaya sentiasa berfikiran positif walaupun ketika diri dilanda konflik sebagai contohnya, 'Meski dalam peribadi yang keruh, Diredah belantara yang mula teduh'. Melalui pengamatan remaja terhadap nasihat yang ditekankan dalam puisi tersebut, aspek perhatian berlaku apabila remaja dapat mengaitkan diri mereka dengan kisah-kisah tersebut yang digambarkan secara simbolik daripada sehelai daun dan seekor kijang tua. Aspek mengingati berlaku apabila remaja mengambil pengajaran untuk melihat sesuatu perkara itu dari sudut yang positif daripada kisah tersebut seperti menjadi seorang yang bermanfaat kepada orang lain sebagaimana sehelai daun yang menjadi baja walaupun sudah gugur.

Seterusnya, dari aspek reproduksi pula remaja akan mengaplikasikan pengajaran dalam puisi ini seperti tidak berputus asa dan sentiasa melihat kebaikan dalam setiap perkara untuk menempuh kehidupan mereka. Sebagai contohnya, kijang tua yang lelah tetap meneruskan hidupnya dan tidak berputus asa walaupun menghadapi kesukaran untuk berjalan. Begitu juga dengan kehidupan ini, walaupun dilanda pelbagai masalah, seseorang perlulah sentiasa melihat kebaikan di sebalik kesusahan yang dihadapi mereka. Dari aspek motivasi pula, model tingkahlaku yang dihasilkan ialah remaja perlu sentiasa berusaha mencari jalan penyelesaian yang sebaiknya dalam kehidupan mereka. Menurut Hasbullah Mat daud, Ahmad Yusuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2020) pengaruh persekitaran juga turut mempengaruhi pembentukan keperibadian dan personaliti seseorang. Seseorang itu bertindak mengikut persekitarannya. Sekiranya seseorang itu berada dalam persekitaran yang baik maka dirinya juga mempunyai kecenderungan untuk berakhlak baik begitu juga dengan sebaliknya. Dalam hal ini kita dapat melihat bahawa persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk keperibadian remaja masa kini. Oleh itu, melalui pembacaan yang positif akan dapat membantu remaja berfikiran positif.

Meningkatkan keimanan dalam diri

Rabb,
Moga pintu taubat-Mu terbuka
Sebelum api bara itu menyala.

(Mengintai ruang insaf, Harga remaja, 20)

Ungkapan doa pada Yang Esa,
Izinkan aku menjadi manusia,
Yang taat sentiasa

(Sejadah rindu, Sejarah rindu, 14)

Berdasarkan puisi tersebut terdapat nilai yang menunjukkan bahawa seseorang perlu sentiasa meningkatkan keimanan dalam diri dengan mengingati Allah SWT. Sebagai contohnya, 'Moga pintu taubat-Mu terbuka, sebelum api bara itu menyala'. Selain itu, pembaca akan dapat merasakan ketenteraman dan ketenangan dengan menjadi manusia yang taat kepada perintah Allah SWT. Sebagai contohnya, 'izinkan aku menjadi manusia, yang taat sentiasa'. Aspek perhatian dapat dilihat pada pengunaan kata 'Ya Rabb' dan 'Yang Esa' untuk menarik perhatian pembaca. Kata-kata yang menarik dapat memikat hati pembaca untuk menumpukan perhatian justeru membawa kepada aspek yang kedua iaitu mengingati. Remaja dapat mengambil pengajaran untuk sentiasa menjaga akhlak mereka dengan mengingati Allah walau di mana sahaja mereka berada sebagai contohnya petikan 'Moga pintu taubat-Mu terbuka' menunjukkan bahawa seseorang perlu sentiasa mencari peluang untuk bertaubat sebelum terlambat.

Dari segi aspek reproduksi pula pembaca akan mempunyai kesedaran untuk menjaga akhlak serta mengelakkan diri daripada terlibat dengan masalah sosial. Sebagai contohnya, dalam petikan 'izinkan aku menjadi manusia, yang taat sentiasa' menanamkan pemikiran supaya seseorang menjadi hamba Allah SWT yang taat kepada perintah Allah SWT dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Aspek motivasi akan menghasilkan model tingkahlaku iaitu remaja perlu mempunyai kesedaran untuk meningkatkan keimanan dalam diri serta sentiasa menjaga akhlak mereka. Akhlak merupakan salah satu elemen yang penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Menurut Mazlina Ismail (2018) akhlak mempunyai pengaruh yang luas dalam pembentukan masyarakat jika ditinjau dari sudut Islam. Ini kerana, hubungan di antara manusia dan penciptanya bukan sekadar ibadat dan akidah tetapi turut juga merangkumi akhlak. Seseorang itu mempunyai kesedaran dalam dirinya mengenai pengawasan Allah SWT dalam setiap tingkah lakunya. Akhlak yang terpuji akan menghasilkan suasana yang aman dan menambah produktiviti. Keruntuhan akhlak daripada remaja hingga dewasa seringkali dilaporkan dalam media. Ini bertitik tolak daripada adab kesopanan dan tatasusila yang semakin meluntur dalam diri seseorang. Seseorang yang mempunyai ilmu akan sentiasa mencari reda Allah dan berwaspada dengan azab dan hukuman terhadap perbuatan buruk yang dikerjakan.

Bertanggungjawab menjaga maruah diri

Si tua berduka lara,
Memandang teruna dara,
Berganding tanpa silu

(Adat sezaman, Harga remaja, 23)

Sekuntum mawar
Bukan melontar harum indahmu
Di hujung lembah
Tapi mengangkat seri mahkotamu
Ke puncak iman

(Pada sekuntum mawar, Baik budi, Indah bahasa, 30)

Dalam puisi-puisi ini, nilai pendidikan menjaga maruah diri yang diterapkan kepada pembaca terutamanya remaja. Terdapat nilai pendidikan seperti menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Sebagai contohnya, 'memandang teruna dara, berganding tanpa silu'. Puisi ini menunjukkan bahawa pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sudah tidak asing lagi bagi remaja masa kini. Oleh itu, remaja perlulah menjaga batas pergaulan mereka bagi mengelakkan berlakunya masalah sosial lain seperti seks bebas, kehamilan luar nikah dan sebagainya lagi. Selain itu, terdapat juga puisi yang menekankan supaya remaja terutamanya anak gadis untuk menjaga kehormatan diri mereka. Sebagai contohnya, 'Sekuntum mawar, bukan melontar harum indahmu, dihujung lembah'. Berdasarkan puisi-puisi tersebut, aspek perhatian ditumpukan

kepada nasihat yang disampaikan secara tersirat kepada pembaca. Sebagai contohnya, 'bunga mawar' digambarkan sebagai anak gadis. Aspek mengingati berlaku apabila remaja mengingati pesan yang disampaikan dalam puisi tersebut untuk sentiasa menjaga maruah diri dan juga menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Aspek reproduksi terjadi apabila remaja mengambil tindakan dengan menjaga tingkah laku mereka dan tidak terlibat dengan pergaulan bebas serta mengamalkan gaya hidup yang bersopan santun dan penuh tatasusila. Aspek motivasi menghasilkan model tingkahlaku seperti remaja bertanggungjawab untuk menjaga maruah diri mereka. Menurut Kalsom Rahmathulah (2016) Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah menitahkan supaya pelajar menjadi lebih peka dalam menjaga maruah diri bagi memastikan mereka menjadi masyarakat yang bertanggungjawab. Menjaga maruah diri dapat mencegah perilaku mencemarkan nama baik dan kehormatan diri serta keluarga. Maruah yang dimaksudkan ialah menunjukkan budi pekerti yang mulia dan berperilaku mengikut prinsip agama. Masyarakat yang mempunyai jati diri dan berpegang teguh dengan ajaran agama serta tidak terpengaruh dengan unsur asing yang merosakkan diri merupakan masyarakat yang bermaruah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, puisi-puisi dalam KOMSAS mengandungi pelbagai nilai pendidikan yang boleh dijadikan sebagai panduan bagi golongan remaja khususnya dalam mendepani cabaran yang dihadapi dalam kehidupan mereka. Selain itu, nilai-nilai pendidikan seperti menghormati ibu bapa, berfikiran positif, meningkatkan keimanan dalam diri dan bertanggungjawab menjaga maruah diri dapat membantu remaja untuk menjadi seseorang yang bertanggungjawab serta berketrampilan dalam membangunkan negara pada masa hadapan. Remaja merupakan harta negara yang sangat bernilai. Masa hadapan negara bergantung kepada kepimpinan remaja masa kini. Oleh itu, pembentukan akhlak yang baik perlu bermula dari zaman remaja supaya pemimpin yang berwibawa akan memimpin negara pada masa akan datang. Nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam puisi-puisi KOMSAS terpilih dapat dijadikan model tingkahlaku bagi menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi oleh remaja masa kini.

RUJUKAN

Arba'ie Sujud, Lily Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad. (2011). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-kanak. *Jurnal Pendeta. 2,*188-151.

Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *34*(2),15-31.

Nurul Raihana Abdullah & Norila Md Salleh. (2016). Peranan watak utama menerusi penonjolan nilai-nilai murni KBSM dalam teks KOMSAS novel Songket Bebenang Emas. *Jurnal Peradaban Melayu, 11*, 33-44.

Maharam Mamat, Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. (2012). Tarbiah dalam novel Papa…(akhirnya kau tewas jua!) *MALIM-SEA Journal of General Studies*, *13*, 125-138

Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Haji Wahid. (2019). Pendidikan Sastera Melayu memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu, 13*, 1-14.

Rosliah Kiting, Jemir Kinsom & Ewon Benedick. (2020). Nilai pendidikan dalam talaala dusun. *Gendang Alam, 10*(2), 123-135.

Nurfitriana Maulidiah, Herman J. Waluyo & Slamet Subiyantoro. (2020). Nilai pendidikan dalam syair kesenian tundang mayang karya Eddy Ibrahim. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, *5*(2), 107-111.

Nurfarhana Shahira Rosly & Prof Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop. (2018). Pengaruh Islam menerusi manuskrip Syair Madhi: Analisis Teori Sosial Kognitif. *Journal of Management & Muamalah, 8*(1), 87-108.

Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: satu sorotan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 11*, 118-130

Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2020) pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembentukan sosial menurut perspektif Islam. J*ournal of Social Science and Humanities. 17*(9), 75-89.

Mazlina Ismail. (2018). *Akhlak asas bentuk jati diri masyarakat*. Capaian pada 20 April 2021 daripada https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/416117/akhlak-asas-bentuk-jati-diri-masyarakat

Kalsom Rahmatullah. (2016). *Pelajar perlu pelihara maruah diri*. Capaian pada 20 April 2021 daripada https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2643/2016/08/182126/pelajar-perlu-pelihara-maruah-diri

Mardhiyyah Zamani & Nurazan Mohmad Rouyan. (2016). Pengaruh serta peranan ibu bapa dalam pembentukan personaliti dan keperibadian Syed Qutb: Analisis autobiografi 'Kisah seorang anak kampung'. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), 1*(2), 106-115.

SIGNIFIKAN PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DALAM MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN, 1957-1966

Dr. Sharifah Darmia Binti Sharif Adam
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
shdarmia@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang signifikan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memartabatkan bahasa kebangsaan selepas Persekutuan Tanah Melayu (PTM) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 hingga tahun 1966. Tempoh masa sepuluh tahun ini merupakan suatu tempoh yang menarik untuk dibincangkan kerana Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957 telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan. Tetapi dalam perlembagaan itu juga telah disebut bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bersama-sama boleh digunakan dalam tempoh sepuluh tahun. Ini bermakna, bahasa kebangsaan bukan sahaja akan disaingi hebat oleh bahasa Inggeris tetapi juga usaha untuk memastikan supaya bahasa kebangsaan terus berkembang maju perlu digiatkan. Oleh itu, fokus perbincangan adalah untuk meninjau peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi yang signifikan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di PTM. Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha mengukuhkan lagi kedudukan dan meningkatkan martabat bahasa kebangsaan di negara ini.

Kata Kunci: Bahasa Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENGENALAN

Sebelum mencapai kemerdekaan, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu dipelopori oleh golongan pemimpin, pentadbir, guru-guru, wartawan, budayawan dan sasterawan. Golongan inilah yang telah memberikan sumbangan dan jasa yang besar terhadap pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pada hari ini. Perjuangan mereka telah menjadi inspirasi dan memberi kesedaran kepada seluruh rakyat untuk bangun memperjuangkan bahasa Melayu. Semangat perjuangan golongan ini tidak pernah luntur walaupun berhadapan dengan pelbagai reaksi dan cabaran termasuklah kekurangan saluran dan prasarana. Malah kelantangan suara mereka menuntut pendaulatan bahasa Melayu ketika itu telah membolehkan bahasa Melayu mendapat kedudukan sebagai bahasa kebangsaan pada hari ini. Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan namun dalam tempoh masa sepuluh tahun iaitu sehingga tahun 1966, Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957 telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan Tetapi dalam disebut juga dalam perlembagaan itu bahasa Inggeris bersama-sama boleh digunakan. Ini bermakna, bahasa kebangsaan bukan sahaja akan disaingi hebat oleh bahasa Inggeris tetapi juga usaha untuk memastikan supaya bahasa kebangsaan terus berkembang maju perlu digiatkan. Oleh itu, fokus perbincangan adalah untuk meninjau peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi yang signifikan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di PTM. Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha mengukuhkan lagi kedudukan dan meningkatkan martabat bahasa kebangsaan di negara ini.

LATAR BELAKANG BAHASA MELAYU

Bahasa kebangsaan merupakan salah satu aspek penting yang sering mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh itu, bagi memahami kerelevanan pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini perlu untuk melihat semula dari aspek sejarah latar belakang bahasa tersebut sebelum merdeka. Hal ini penting bagi memahami sebab dan mengapa bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Berdasarkan kajian, ahli penyelidik bahasa menggolongkan bahasa Melayu ke dalam keluarga bahasa Melayu *Polynesia* atau *Oceanic* atau *Austronesia*. Bahasa Melayu juga didapati telah digunakan secara meluas merangkumi Pulau Farmosa hingga ke New Zealand dan dari Madagascar hingga ke Pulau Easter. Selain itu, penyelidik bahasa juga menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai pertalian dengan bahasa-bahasa *Austro-asia* yang meliputi bahasa Munda di India Tengah, bahasa khassi di Assam, bahasa Mon atau Talaig dan Khemer atau Kemboja di Indochina. Menurut Ismail Hussien pula, bahasa Melayu adalah salah satu daripada 200 bahasa dalam rumpun bahasa kepulauan Melayu yang kemudiannya berkembang menjadi bahasa yang penting.

Pada peringkat awal, perkembangan bahasa Melayu dapat dilihat melalui penemuan beberapa buah batu bersurat (prasasti) seperti berikut:

i. Batu Bersurat Kedukan Bukit (Palembang) bertarikh 683 M dan tulisannya menggunakan tulisan huruf Palava.
ii. Batu Bersurat Talang Tuwo (Palembang) bertarikh 684 M.
iii. Batu Bersurat Kota Kapur (Bangka) bertarikh 686 M.
iv. Batu Bersurat Karang Brahi (Jambi) bertarikh 692 M.

Berdasarkan batu-batu bersurat tersebut terbuktilah bahawa kerajaan M E L A Y U telah wujud kira-kira kurun ke-7 Masihi. Bahasa yang ditulis pada batu-batu bersurat itu dikenali sebagai bahasa Melayu kuno yang bercampur dengan perkataan Sanskrit. Walau bagaimanapun, sebelum ditemui bukti sejarah berupa tulisan pada batu bersurat tersebut dipercayai bahasa Melayu sebenarnya telah digunakan lebih awal kerana bahasa yang ditulis atas batu bersurat itu didapati tersusun pembinaan kata dan pembinaan ayatnya. Namun, berdasarkan penemuan batu bersurat tersebut bahasa Melayu dapat dikatakan berasal daripada Sumatera Selatan di sekitar Jambi dan Palembang. Kemudian, bahasa Melayu turut digunakan sebagai bahasa kerajaan Sriwijaya. Pada penghujung kurun ke-8 dan awal kurun ke-9, pengunaan bahasa Melayu telah berkembang luas hingga ke Jawa Tengah.

Perpindahan kerajaan Melayu ke Melaka dalam kurun ke-15 Masihi dianggap sebagai masa peralihan bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu pertengahan. Ketika itu pengunaan bahasa Melayu semakin meluas bukan sahaja di sekitar Selat Melaka tetapi dari hujung utara Sumatera hingga ke selatan, menyeberang ke Pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi sehingga ke Pulau Maluku. Dalam tempoh itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan, bahasa penghubung antara raja-raja, bahasa perdagangan dan bahasa ilmu. Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* di Semenanjung Tanah Melayu dan juga di sepanjang persisiran timur pulau Sumatera. Antara sebab bahasa Melayu dapat menjadi *lingua franca* di Alam Melayu adalah seperti berikut:

a. Penduduk yang tinggal di kedua-dua belah Selat Melaka bertutur dalam bahasa Melayu oleh yang demikian Selat Melaka yang merupakan pintu masuk ke kepulauan nusantara telah menyebabkan bahasa Melayu dengan sendirinya dapat disebarkan.
b. Dalam kalangan penduduk-penduduk Alam Melayu, penduduk yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan didapati lebih cerdas dalam pelayaran. Oleh itu, mereka dapat menyebarkan bahasa Melayu apabila belayar ke merata kepulauan Melayu.
c. Jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di kepulauan Melayu, didapati bahasa Melayu lebih senang dan 'lembut' digunakan.

Berdasarkan sorotan terhadap latar belakang bahasa Melayu pada peringkat awal didapati bahasa tersebut berkembang dengan pesat sehingga menjadi *lingua franca* di seluruh kepulauan Melayu berikutan peranannya sebagai bahasa perantaraan dalam perdagangan, pemerintahan dan perhubungan diplomatik. Namun, kehadiran pihak kolonial khususnya pihak British dan tentera Jepun telah memberi kesan terhadap peranan

bahasa Melayu di Tanah Melayu. Rentetan itu, lahirlah para pejuang bahasa Melayu yang mempelopori gerakan-gerakan untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Terdapat beberapa detik bersejarah seperti tentangan hebat orang Melayu terhadap Malayan Union pada tahun 1946 telah memberikan kesedaran kepada pejuang bahasa untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Seterusnya, pengisytiharan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menggantikan Malayan Union turut menjadikan isu bahasa Melayu sebagai salah satu agenda penting perjuangan orang Melayu ekoran kedudukan bahasa tersebut yang dilihat semakin terpinggir. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara ini dapat dilihat melalui pendapat Za'ba dalam tulisannya bertajuk "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka". Dalam tulisan tersebut, Za'ba telah memberikan enam sebab mengapa bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka seperti berikut:

1. Tanah Melayu ialah negeri orang Melayu.
2. Bahasa Melayu ialah bahasa tulen negeri ini.
3. Bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri ini.
4. Bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman.
5. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa republik Indonesia
6. Bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah.

Setelah menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran akhirnya bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Negara 1957. Walau bagaimanapun, ia bukanlah penanda kepada tamatnya perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Tetapi pelbagai isu, reaksi dan cabaran terhadap pelaksanaan bahasa kebangsaan kemudiannya akan lebih mencabar keteguhan semangat juang para pejuang bahasa Melayu.

SIGNIFIKAN PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah meluluskan Perkara 152 (1) menjadi undang-undang untuk menguatkuasakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Persekutuan. Dalam Perkara 152 (1) disebut dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu, seperti yang diperuntukkan oleh parlimen dengan peruntukan bahawa:

(a) tidak akan ada seorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi) atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan

(b) tidak ada sebarang peruntukan dalam perkara ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan Negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain.

Penggubalan Perkara 152 (1) ini sebenarnya telah merealisasikan impian dan tuntutan para pejuang bahasa Melayu yang sekian lama mengimpikan kejayaan pendaulatan bahasa Melayu. Oleh itu, pemberian taraf kebangsaan telah meletakkan bahasa Melayu secara automatis menjadi bahasa perantaraan untuk digunakan dalam semua maksud rasmi. Namun begitu, semua bahasa lain walaupun boleh diajar dan dipelajari tetapi hanya boleh digunakan untuk tujuan "selain daripada maksud rasmi". Ertinya, walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, perlembagaan tidak melarang sesiapa pun mengajar dan mempelajari bahasa-bahasa lain. Perlembagaan juga tidak melarang bahasa-bahasa lain digunakan untuk maksud-maksud yang bukan rasmi. Ini sekaligus turut menjelaskan bahawa bahasa-bahasa selain daripada bahasa kebangsaan tidak boleh digunakan dalam hal-hal yang rasmi. Di samping itu, perlembagaan juga tidak menyentuh apa-apa hak yang dipunyai oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mengekalkan dan mengamalkan penggunaan dan pembelajaran bahasa-bahasa kaum lain dalam persekutuan ini. Justeru, jelaslah bahawa pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini tidak mendiskriminasi jauh sekali menghapuskan bahasa-bahasa kaum lain. Malahan hak setiap bahasa asing itu tetap terpelihara dalam perlembagaan Malaysia.

Hipotesis atau rasional utama di sebalik keputusan meluluskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan bagi menyatupadukan pelbagai kaum

ke arah menjadi sebuah negara yang bersatu melalui bahasa yang sama. Selain itu, ia juga bagi membolehkan penduduk bumiputera menjalankan pentadbiran di negara mereka sendiri memandangkan menurut anggaran hanya terdapat lebih kurang 10 peratus penduduk di Tanah Melayu yang mampu bertutur dalam bahasa Inggeris sedangkan bahasa tersebut digunakan secara meluas dalam pentadbiran. Hal ini akan menyebabkan kaum bumiputera tidak dapat menyertai perbincangan dalam dewan-dewan perundangan di negara ini seterusnya menjadikan keperluan bahasa kebangsaan begitu mendesak. Di samping itu, sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Tanah Melayu sememangnya amat memerlukan identiti sendiri yang hanya dapat dilambangkan melalui bahasa yang dituturkan oleh rakyatnya.

Terdapat satu lagi perkara penting dalam penggubalan Perkara 152 (1) iaitu perlembagaan telah membuat peruntukan dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka, bahasa Inggeris adalah terjamin dan boleh digunakan. Ini bermakna, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, bukan sahaja menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara ini tetapi dalam masa yang sama bahasa Inggeris juga boleh digunakan dalam urusan rasmi dalam masa sepuluh tahun. Peruntukan ini dibuat kerana memandangkan kesusahan yang akan berlaku jika bahasa Inggeris dihentikan terus penggunaannya pada tahun itu. Tindakan ini dibuat memandangkan ketika itu Persekutuan Tanah Melayu baru mendapat kemerdekaan dan bahasa Inggeris digunakan secara rasmi dalam semua lapangan. Justeru itu, tentulah sukar untuk menukar bahasa Inggeris dengan bahasa kebangsaan serta-merta. Disebabkan itulah menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, peruntukan tersebut akan berkuatkuasa sehingga parlimen bersidang untuk menentukan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal menggantikan bahasa Inggeris selepas sepuluh tahun negara mencapai kemerdekaan. Namun demikian, peruntukan sedemikian sudah pasti akan menjejaskan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Oleh itu, sebagai usaha untuk memastikan kemajuan bahasa kebangsaan, kerajaan telah bertindak menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai salah satu usaha awal untuk mengembangkan bahasa kebangsaan selepas merdeka.

DBP merupakan agensi yang berperanan penting dalam melaksanakan hasrat untuk memajukan dan mengembangkan bahasa kebangsaan di negara ini. DBP pada awalnya dikenali sebagai Balai Pustaka yang ditubuhkan pada tahun 1956 kemudian ditukar namanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berfungsi menerbitkan buku-buku bahasa Melayu dan menjalankan penyelidikan dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan. Pertukaran nama daripada Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka telah diumumkan oleh Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pelajaran ketika itu di hadapan wakil-wakil 51 buah pertubuhan yang menghadiri Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang diadakan di Singapura dan Johor Bharu pada 16-21 September 1956. Pengumuman ini dibuat di Istana Besar Johor Bharu. DBP diamanahkan untuk melakukan tugas membina dan mengembangkan bahasa Kebangsaan. Aspek-aspek bahasa yang tercakup dalam tugas DBP sebagai agensi pembinaan dan pengembangan bahasa ialah ejaan rumi, peristilahan, perkamusan, penyelidikan, dan pelaksanaan bahasa.

Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 merupakan satu pencapaian penting kerana sejak penubuhannya, DBP telah memikul tanggungjawab untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara ini. Ia selaras dengan objektif penubuhan DBP iaitu memajukan dan memperkaya bahasa kebangsaan, menerbitkan buku, majalah, risalah, atau hasil kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan, menstandardkan ejaan dan tatabahasa serta menerbitkan kamus bahasa Melayu. Selain itu, DBP juga bertanggungjawab memperluaskan skop-skop penggunaan bahasa Melayu, mengembangkan perbendaharaan kata, memperbaiki sistem ejaan, membentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa yang sesuai, membina sikap manusia yang positif terhadap bahasa dan mengembangkan persuratan iaitu bahan bertulis serta bahan bacaan dalam bahasa itu.

Usaha kerajaan melalui DBP dalam menggalakkan perkembangan bahasa kebangsaan juga turut dapat dilihat dengan jelas berdasarkan pelaksanaan Kempen Bahasa Kebangsaan yang bermula pada tahun 1960 sehingga 1967. Peringkat pertama kempen ini diadakan pada 28 Januari 1960 dan peringkat kedua pada 22 Julai 1961. Ia merupakan satu kempen untuk membentuk penerimaan konsep bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Apa yang menariknya, kempen-kempen bahasa yang dijalankan oleh DBP ini melibatkan penyertaan rakyat dari semua kaum yang ada di Persekutuan Tanah Melayu. Hasilnya, kempen ini telah mendedahkan masyarakat tentang fungsi dan kepentingan bahasa kebangsaan. Di samping itu, DBP turut mengadakan Acara Minggu Bahasa Kebangsaan pada 30 Januari hingga 6 Februari 1960. Acara yang diadakan buat julung kali tersebut telah menarik perhatian seluruh penduduk Semenanjung Tanah Melayu kepada masalah bahasa

kebangsaan. Malahan Minggu Bahasa Kebangsaan ini juga dilihat merupakan satu langkah penting yang dilancarkan oleh kerajaan untuk mempercepatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di semua peringkat dan lapisan masyarakat. Antara aktiviti yang diadakan ialah pertandingan mengarang dan bersajak dalam bahasa kebangsaan.

Di samping itu, majalah *Dewan Bahasa* menyatakan bahawa Minggu Bahasa Kebangsaan merupakan titik tolak secara tegas dan konkrit terhadap pemakaian serta penggunaan bahasa Melayu. Kerajaan juga turut mengadakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang bermula pada 28 Januari sehingga 10 Februari 1961. Peringkat kedua pula diadakan pada 22 Julai sehingga 4 Ogos 1961. Jelaslah bahawa DBP berpengaruh besar dalam melaksanakan usaha-usaha kerajaan untuk memperluaskan penggunaan bahasa kebangsaan dalam semua bidang dan lapisan masyarakat negara ini.

Selain itu, penubuhan DBP juga dapat dilihat sebagai langkah kerajaan dalam penyediaan prasarana untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Ini disebabkan DBP telah menubuhkan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang dibahagikan kepada tiga cawangan iaitu:

1. Peristilahan
Cawangan peristilahan ini telah bermula sejak tahun 1957 lagi dengan penubuhan dua jawatankuasa istilah sains dan teknik. Ini disebabkan pada waktu itu bahasa Melayu tidak kaya dengan istilah-istilah sains ataupun istilah-istilah khusus dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan tinggi. Oleh itu, DBP berusaha membentuk istilah-istilah baru untuk menghadapi cabaran masa depan. Pengembangan istilah khususnya pengistilahan dalam bidang ilmu pengetahuan begitu giat dilakukan. Ini terbukti dengan kewujudan pelbagai istilah yang telah memperkayakan lagi bahasa Melayu.

2. Penyelidikan
Cawangan penyelidikan bertanggungjawab menjalankan penyelidikan asas atau penyelidikan yang praktis untuk membantu usaha-usaha memperkayakan bahasa kebangsaan di samping usaha untuk memperluas bidang pengetahuan masyarakat terhadap penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu. Di samping itu, ia juga bertanggungjawab menerbitkan buku-buku dan lain-lain penerbitan yang berkaitan dengan kajian dan pembinaan bahasa Melayu. Cawangan ini bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas seperti penyelidikan asas, penyusunan tatabahasa, penerbitan bahasa, jurnal DBP dan Dewan Bahasa di radio.

3. Perkamusan
Cawangan ini berfungsi iaitu menyusun kamus-kamus am dan kamus-kamus istilah dalam berbagai bidang ilmu. Ia juga bertanggungjawab menyusun berbagai jenis kamus sebagai satu usaha jangka panjang untuk membina dan mengembangkan bahasa. Cawangan ini juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap kamus yang diterbitkan mencapai mutu yang tinggi menurut ukuran ilmiah, prinsip-prinsip kebahasaan, teknik penyusunan dan sebagainya supaya kamus tersebut dapat dijadikan bahan rujukan.

Sebenarnya matlamat penubuhan DBP dalam jangka masa panjang ialah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai alat komunikasi yang digunakan dalam semua bidang seperti bidang pentadbiran, pengajian negara, pengajian tinggi, ekonomi, kebudayaan dan perdagangan. Oleh yang demikian, nyatalah bahawa tanggungjawab DBP bukan sahaja terbatas kepada hal-hal yang telah dibincangkan sebelum ini. Tetapi DBP juga turut berperanan meyakinkan orang ramai terhadap kemampuan bahasa Melayu kerana inilah faktor yang menyebabkan matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negara ini berjaya dicapai.

Usaha yang dijalankan oleh DBP untuk memaju dan mengembangkan bahasa kebangsaan mencapai kejayaan yang besar dalam lapangan penerbitan buku-buku teks dan buku-buku bacaan umum dalam bahasa kebangsaan. Ini terbukti apabila pada tahun 1966 sebanyak 4,580,000 naskah diterbitkan. Sementara itu, DBP juga telah berjaya mencipta sebanyak 9,000 istilah baru yang meliputi pelbagai lapangan ilmu pengetahuan. Sehingga akhir tahun 1966, lebih kurang 68,000 istilah telah dapat dikumpulkan dan kebanyakannya telahpun mula digunakan. Di samping itu, DBP juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam usaha memperhebatkan lagi pengajaran bahasa kebangsaan untuk kakitangan kerajaaan. Pada tahun 1966, seramai

7,697 orang kakitangan kerajaan termasuk 820 orang dari Sarawak telah mengikuti kursus bahasa kebangsaan anjuran DBP. Keadaan ini jelas menunjukkan keseriusan kerajaan dalam memajukan bahasa kebangsaan dalam tempoh antara tahun 1957 hingga 1966.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatlah disimpulkan bahawa DBP mempunyai pengaruh yang sangat signifikan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam tempoh 10 tahun selepas merdeka yang sangat mencabar. Antara cabaran terbesar yang dihadapi pada ketika itu adalah apabila terdapat golongan yang tidak yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal di negara ini. Golongan ini berpendapat bahawa bahasa Melayu tidak lengkap khususnya dari segi istilah dan perkataan yang selama ini menggunakan bahasa Inggeris untuk dijadikan sebagai bahasa rasmi dalam bidang pentadbiran dan pendidikan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan sumbangan DBP dalam tempoh 10 tahun selepas merdeka apabila ia menjadi agensi yang bertanggungjawab mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dengan bertindak menjalankan kempen, penyelidikan untuk memperkayakan peristilahan dalam bahasa Melayu, perkamusan dan penerbitan yang berkaitan dengan pembinaan bahasa Melayu. Hasilnya, pada tahun 1967, kerajaan melalui DBP telah mengadakan kajian soal selidik yang mendapati bahawa peratusan penggunaan sebagai bahasa rasmi telah meningkat melebihi 50 peratus dalam bidang pentadbiran.

Nota hujung

ii Noriah Mohammed.1999. Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malay sia, hlm. 41.

ii Awang Sariyan. 1995. Ceritera Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3-4.

iii Darwis Harahap 1992. Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hlm. 9.

iv Ghaazli Yunus. 2007. `Kertas Kerja Mengenai Bahasa Melayu dan Perkembangannya' dalam Abdullah Hassan (peny usun), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, hlm. 362.

v Ibid.

vi Ibid, hlm. 363.

vii Mohd Taib Osman. 1981.`Sejarah Sepintas Lalu Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia,' dalam Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 101.

viii Ibid, hlm. 101-102

ix Pendeta Za'ba atau nama sebenarnya Zainal Abidin Bin Ahmad dilahirkan di Kampung Jempol dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang pejuang dan ahli bahasa Melayu yang memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan bahasa Melayu di negara ini. Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Adnan Hj. Nawang. 2003. Memoir Za'ba, Ipoh: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

x Za'ba, "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka," April 1956, (SP 18/2C/8), Arkib Negara Malaysia.

xi Tun Mohamed Suffian bin Hashim. 1987. Mengenal Perlembagaan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 441.

xii Malaysia. 1972. Perlembagaan Persekutuan (Terjemahan), Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kera jaan, hlm. 171-172.

xiii Tun Mohd. Salleh Abas. 2006. Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 51.

xiv Ibid, hlm. 310.

xv Abdullah Hassan. 1989. Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 4.

xvi Tun Mohd. Salleh Abas. 2006. Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia, hlm. 310-311. Dalam tempoh masa sepuluh tahun tersebut bahasa Inggeris boleh digunakan:
(a) Boleh digunakan dalam kedua-dua Majlis Parlimen, dan Dewan Negeri dan juga dalam hal-hal rasmi yang lain.
(b) Boleh digunakan sebagai naskhah yang sah bagi rang undang-undang dan pindaannya yang akan dikemukakan ke Parlimen dan juga bagi semua undang-undang yang dibuat oleh Parlimen dan undang-undang kecil yang dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan.
(c) Boleh digunakan dalam perbicaraan di Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Tetapi dengan persetujuan mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak, keterangan yang dituturkan oleh saksi dalam bahasa Melayu bolehlah dirakamkan dalam bahasa itu dan tidak perlu diterjemahkan dan dirakamkan dalam bahasa Inggeris.
(d) Boleh digunakan dalam semua perbicaraan di Mahkamah Rendah, selain merakamkan keterangan sahaja.

xvii Milton J. Esman. 1972. Administration and Development in Malaysia: Institution Building and Reform in a Plural Soci ety, Ithaca and London: Cornell University Press, hlm. 32; Asmah Haji Omar. 2004. Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/ MABBIM Sebagai Pembina Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 28.

xviii Sebelum penubuhan DBP, telah terdapat dua institusi yang berperanan sebagai agen pengukuhan bahasa Melayu iaitu Balai Pustaka dan Maktab Perguruan Bahasa. Institusi ini ditubuhkan bertujuan untuk memperkayakan bahasa Melayu. Antara tokoh yang terlibat dalam penubuhan institusi ini ialah Tun Abdul Razak, Abdul Rahman Talib, Tun Syed Nasir Ismail, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Aminuddin Baki, Ungku Omar, Dr. Burhanuddin, Zulkifli Muhammad dan pendeta Za'ba. Dengan tertubuhnya institusi ini membayangkan masa depan yang lebih cerah kepada bahasa Melayu. Sila rujuk Raja Mukhtarud din bin Raja Mohd. Dain. 1982. Bahasa Melayu, Dalam Cita-cita dan Perjuangan, Petaling Jaya: Dewan Bahasa dan Pus taka, hlm. 2.

xix Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn dan Firdaus Abdullah. 2007. "Penyatuan Bahasa Melayu Se-nusantara", dalam Abdullah Hassan (penyusun), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, hlm. 594.

xx Tan Sri Sheikh Ahmad bin Muhammad Hashim Al-Haj. 1967. Dewan Bahasa dan Pustaka Sepuluh Tahun 1967, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 17-18.

xxi Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn dan Firdaus Abdullah. 2007.'Penyatuan Bahasa Melayu Se-nusantara,' dalam Abdullah Hassan (penyusun), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002), hlm. 594.

xxii Pada awalnya, DBP hanyalah sebuah jabatan kecil yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran yang berpejabat di bangunan Pejabat Kerajaan Johor Bharu. Pengarah DBP yang pertama dilantik ialah Ungku Abdul Aziz bin Abdul Hamid yang merupakan seorang pensyarah Ekonomi di Universiti Malaya Singapura. Sila Rujuk Dewan Bahasa dan Pustaka in Ten Years: A General Outline of Its First Ten-Years Progress and Achievement. 1967. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 18.

xxiii Sabariah bte Osman, 'Dewan Bahasa dan Pustaka: Pembinaan dan Pengembangan Bahasa', Latihan Ilmiah, Jabatan Seja rah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1983/84, hlm. 1.

xxiv J.E. Jayasuria. 1983. Dynamics of Nation-Building in Malaysia, Sri Lanka: Associated Educational Publishers, hlm. 100.

xxv Datuk Haji Hassan Ahmad. 'Dewan Bahasa dan Pustaka Sebagai Agensi Pembinaan dan Pengembangan Bahasa,' dalam Dewan Bahasa, Jilid 25, Bilangan 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jun 1981, hlm. 20.

xxvi Ahmat Adam. 1994. Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 83.

xxvii Awang Sariyan. 1996. 'Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya,' dalam As raf, Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, hlm. 3.

xxviii Ahmat Adam. 1994. Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa, hlm. 83.

xxix Norizan binti Awang, 'Sejarah Perkembangan Majalah-majalah Dalam Sepuluh Buah Majalah Pilihan' Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Sesi 1993/1994, hlm. 60.

xxxi Ahmat Adam. 1994. Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa, hlm. 83.

xx Abdul Rahim bin Abu Bakar. 2005. 'Bahasa Jiwa Bangsa: Perspektif Politik dan Perjuangan Bahasa,' dalam Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan, Suara Pejuang Bahasa, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, hlm. 18.

xxxii Dewan Bahasa dan Pustaka: Badan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Sastera Kebangsaan Malaysia. 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9.

xxxiii Abdul Rahim bin Abu Bakar. 2005. 'Bahasa Jiwa Bangsa: Perspektif Politik dan Perjuangan Bahasa,' dalam Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan, Suara Pejuang Bahasa, hlm. 32.

xxxiv Ibid, hlm. 26.

xxxv Sabariah bte Osman, 'Dewan Bahasa dan Pustaka: Pembinaan dan Pengembangan Bahasa', hlm. 17.

xxxvi Parliamentary Debates, Dewan Ra'ayat, Official Report, Third Session of the Second Parliament of Malaysia, Volume III, No. 29, 4 Feb 1967, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan , 1968, hlm. 4257.

xxxvii Ibid.

xxxviii Ibid, hlm. 4258.

RUJUKAN

Abdul Rahim bin Abu Bakar. (2005). Bahasa Jiwa Bangsa: Perspektif politik dan perjuangan bahasa. Dlm. Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan (Eds.), Suara Pejuang Bahasa. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Abdullah Hassan. (1989). Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adnan Hj. Nawang. (2003). Memoir Za'ba, Ipoh: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Asmah Haji Omar. (2004). Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai pembina bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn & Firdaus Abdullah. (2007). Penyatuan Bahasa Melayu Senusantara. Dlm. Abdullah Hassan (penyusun), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Awang Sariyan. (1995). Ceritera bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (1996). Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya. Dlm. Asraf (Ed.), Manifesto budaya, pupus bahasa pupuslah bangsa, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Darwis Harahap. (1992). Sejarah pertumbuhan Bahasa Melayu, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Hassan Ahmad. (1981, Jun). Dewan Bahasa dan Pustaka Sebagai Agensi Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Dewan Bahasa, 25 (6).

Mohd Taib Osman. (1981). Sejarah Sepintas Lalu Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia,' dalam Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Milton J. Esman. (1972). Administration and development in Malaysia: Institution building and reform in a plural society. Ithaca and London: Cornell University Press.

Noriah Mohammed. (1999). Sejarah sosiolinguistik Bahasa Melayu lama, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain. (1982). Bahasa Melayu, Dalam Cita-cita dan Perjuangan, Petaling Jaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sheikh Ahmad bin Muhammad Hashim Al-Haj. (1967) . Dewan Bahasa dan Pustaka Sepuluh Tahun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Suffian bin Hashim. (1987). Mengenal perlembagaan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Salleh Abas. (2006). Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za'ba. (1956, April). Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

TEMA:

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA
DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
DAN MEDIA
(BAHASA)

KATA, FRASA DAN KLAUSA DALAM HANTARAN DI MEDIA SOSIAL DARIPADA PERSPEKTIF PERUNDANGAN

Any Rozita Abdul Mutalib
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
anyrozita@rtm.gov.my

Hishamudin Isam, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
din@uum.edu.my

ABSTRAK

Kemunculan media sosial pada masa kini menjadi revolusi kepada sistem penyampaian yang pantas dan telah mengambil alih peranan pelbagai media konvesional yang dilihat mengalami penurunan dalam pilihan medium komunikasi termasuk komunikasi dua hala. Hal ini ditambah dengan perkembangan teknologi mobil yang dapat memudahkan urusan komunikasi dua hala dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan. Namun, dalam merentasi gelombang teknologi pantas pada hari ini, tidak dapat dinafikan komunikasi dalam talian memberikan keburukan khususnya dalam pentafsiran makna ujaran yang bersifat ambiguiti iaitu taksa atau mempunyai makna yang berlapis sehingga menimbulkan salah faham dan membawa kepada tindakan undang-undang. Kertas kerja ini bertujuan menunjukkan pembuktian penggunaan kata, frasa dan klausa dalam hantaran di media sosial yang bersifat ambiguiti sehingga memberikan impak kecaman dan membawa kepada tindakan undang-undang. Data yang digunakan merupakan data sekunder yang diperolehi dari Jabatan Kehakiman Negara iaitu alasan penghakiman dalam prosiding mahkamah. Data adalah berbentuk teks yang merangkumi maklumat latar belakang kes sehingga kepada keputusan kes. Penelitian kes melibatkan hantaran menerusi media sosial dengan penekanan kepada kata, frasa dan klausa sebagai merujuk kepada fitnah. Secara kesimpulannya, kertas kerja ini membantu pengguna untuk lebih berhati-hati dalam pemilihan kata, frasa atau klausa dalam hantaran di media sosial bagi mengelakkan kesan seperti tindakan undang-undang diambil.

Kata kunci: kata, frasa, klausa, hantaran media sosial, ambiguiti

PENGENALAN

Selain penggunaan bahasa yang memberikan ragam yang pelbagai menerusi hantaran di media sosial, aspek makna juga sering menimbulkan kekeliruan yang akhirnya memberikan impak kepada penghantar termasuk berdepan dengan tindakan undang-undang. Hantaran yang tidak jelas mahupun ambiguiti berupaya memberikan tafsiran yang langsung atau tidak langsung dan sudah pasti jika hantaran ini bersifat negatif, mampu memberikan impak dalam hubungan sosial secara dalam talian sama ada kepada mereka yang dituju atau mereka yang membaca secara langsung atau melalui perkongsian. Perkembangan ini turut membawa kepada satu tindakan yang melibatkan aspek perundangan yang dilihat sebagai fenomena baharu yang melibatkan pelbagai peringkat masyarakat khususnya dalam kalangan mereka yang ternama atau popular dalam pelbagai bidang.

Kertas kerja ini dijalankan bertujuan untuk memberikan pembuktian mengenai hantaran di media sosial yang melibatkan aspek linguistik iaitu kata, frasa dan klausa yang memberikan maksud yang jelas membawa makna ambiguiti dengan pemahaman yang boleh diambil tindakan dengan sabitan di bawah peruntukan undang-undang melalui akta-akta tertentu selain tuntutan sivil dan peruntukan di bawah seksyen Kanun Keseksaan.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Media sosial telah menjadi medium komunikasi yang popular dan menjadi keutamaan bagi rangkaian komunikasi masa kini. Faradillah Iqmar Omar, Nor Azilili Hassan, Iza Sharina Sallehudin dan Nor Hafizah Abdullah (2016) dalam kajian mereka mendapati media sosial dimiliki oleh kebanyakan golongan muda. Kajian

yang dibuat ke atas pelajar asasi menunjukkan bahawa Facebook adalah media sosial paling popular diguna pakai oleh responden bersesuaian dengan media sosial sebagai alat teknologi yang telah merevolusikan cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi dalam kehidupan harian mereka.

Tidak dinafikan media sosial juga memberi impak yang positif dalam aspek sosial. Faradillah Iqmar Omar dan Iza Sharina Sallehudin (2011) dalam kajian sebelumnya juga menjelaskan bahawa penggunaan media baharu dalam kalangan mahasiswa signifikan dengan kepuasan yang diperoleh seperti kepuasan untuk mengelakkan kesunyian, mencari hiburan dan maklumat, mengeratkan hubungan dan permainan dalam talian. Dapatan tersebut telah diperkukuhkan dengan kajian yang dijalankan Siti Ezaleila Mustafa (2016) yang menyatakan bahawa kegiatan utama penggunaan laman sosial ialah untuk pembentukan persahabatan melalui profil sama ada melalui Facebook, status terkini daripada Twitter, dan sebagainya. Che Su Mustaffa dan Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014) dalam kajian mereka turut menyenaraikan beberapa kegunaan lain Facebook sebagai medium mengimbas kembali kenangan atau peristiwa lalu, enggan ketinggalan dalam teknologi, merapatkan silaturrahim, tujuan pendidikan, mengurangkan tekanan seharian di samping dijadikan sumber memperoleh maklumat serta sebagai bahan hiburan. Luqman Hakeem Frank Wilkins (2019) menyenaraikan penggunaan media sosial pada masa kini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, menambah pendapatan dalam kehidupan seharian, sebagai medium penyampaian ilmu, sumber rujukan dan pengetahuan, kesedaran tentang sekeliling dan pemotivasi dan sebagai media untuk hiburan.

Media sosial juga turut memberi kesan dalam aspek keagamaan. Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, NurZakira Afnee Zakaria dan Nuraina Nabila Dundai Abdullah (2015) turut melihat media sosial sebagai medium yang dapat mempengaruhi tahap penerimaan mesej dakwah berasaskan ciri-ciri interaktif media tersebut. Berdasarkan perihal tersebut, impak media baharu secara tidak langsung mempromosi pemahaman antara agama secara tuntas. Azarudin Awang (2015) menjelaskan bahawa media baharu selain itu turut berperanan dalam meningkatkan bilangan konversi saudara baharu di Terengganu.

Lenhart, Purcell, Smith dan Zickuhr (2010) mendapati bahawa belia merupakan pengguna media rangkaian sosial yang prolifik dan mereka meluangkan masa yang lama untuk berinteraksi melalui media baharu. Survei Pengguna Internet 2018 oleh SKMM menunjukkan 26.1 % pengguna internet untuk tujuan pendidikan adalah mahasiswa (SKMM, 2018).

Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Mohd Yusof Abdullah (2018) turut melihat penggunaan media sosial dalam mendapatkan sokongan politik di Malaysia. Dalam kajian tersebut, dapatan menunjukkan bahawa media sosial telah menjadi ejen demokrasi maklumat. Masyarakat kini lebih selesa mengakses ke media sosial untuk mendapatkan sebarang maklumat politik terkini dan prihatin tentang apa yang dipaparkan di media sosial khususnya melibatkan politik semasa. Selain itu, kajian tersebut turut menunjukkan bahawa media sosial telah menaikkan imej calon dan parti politik secara tidak langsung. Kajian tersebut turut mencadangkan tentang pemantauan terhadap perkongsian maklumat politik untuk mengelakkan unsur hasutan yang membawa kepada perpecahan perpaduan.

Secara kritisnya, dapat disimpulkan bahawa media sosial telah menjadi sebahagian dari kehidupan masyarakat dan pemantauan terhadap penggunaannya juga perlu dibuat bagi membendung beberapa aspek yang boleh menimbulkan kesan negatif. Hal ini kerana, media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium untuk berkongsi maklumat tetapi juga boleh dimanipulasi sebagai medium yang boleh menjejaskan pandangan umum terhadap hantaran atau perkongsian yang dibuat. Hal ini memberikan kesan yang negatif jika disalahgunakan melalui perkongsian maklumat yang tidak tepat atau berunsur fitnah atau medium untuk menjatuhkan individu melalui perkataan-perkataan yang digunakan dalam hantaran yang dibuat.

Secara kesimpulannya berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, penggunaan dan kepentingan media sosial dilihat memberikan pengaruh kepada masyarakat pada masa kini. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan media sosial kini telah mencapai tahap kemestian dan memberikan impak kepada masyarakat secara keseluruhan. Sehubungan itu, dapat dikaitkan bahawa masyarakat kini lebih banyak memperuntukkan masa mereka dengan media sosial dan hal ini telah membuka ruang kepada mereka untuk melontarkan apa sahaja yang difikirkan, yang ingin dibualkan, yang ingin membalas hantaran melalui interaksi sesama mereka, melontarkan pandangan dan idea mahupun berkongsi apa sahaja maklumat. Ruang tersebut juga mendedahkan mereka kepada penggunaan kata, frasa atau klausa yang mampu memberikan kesan kepada penerima ujaran melalui hantaran sehingga membawa kepada tindakan undang-undang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen (Cresswell, 2014). Analisis dimulakan dengan mengenal pasti dan menyenaraikan contoh kata, frasa dan klausa yang mempunyai penekanan terhadap unsur fitnah yang diperoleh daripada dua dokumen iaitu Alasan Penghakiman (No sivil BA-A52NCVC-580-10/2018) dan (No sivil JA-22NCVC-162-08/2018). Hanya senarai kata, frasa dan klausa yang digunakan dalam hantaran di media sosial akan dikeluarkan dari dokumen tersebut iaitu alasan penghakiman sebagai pembuktian bahawa unsur-unsur linguistik tersebut boleh disabitkan dengan tindakan undang-undang jika disalah guna atau disalahertikan. Pendekatan kualitatif digunakan memandangkan pendekatan tersebut merupakan prosedur penyelidikan yang meletakkan penyelidik sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data yang berbentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif dan memberi fokus kepada makna yang dibuat dan boleh dikembangkan melibatkan pelbagai kaedah dan didasari andaian falsafah bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang sesuatu fenomena atau masalah yang dikaji (Othman Lebar, 2015).

Dalam proses pengumpulan data, data dikenal pasti melalui bentuk teks iaitu alasan penghakiman yang telah melalui prosiding mahkamah bagi kes yang melibatkan media sosial. Pemerhatian dibuat ke atas data berdasarkan fakta kes dan ulasan kehakiman terhadap kes tersebut. Berdasarkan proses tersebut, pembuktian penggunaan kata, frasa dan klausa yang ambiguiti atau kabur maknanya dapat dirujuk sebagai jenis penggunaan yang boleh membawa kepada tafsiran yang mengandungi unsur fitnah. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, makna sesuatu fenomena dan pengalaman dititikberatkan pembuktian terhadap penekanan unsur linguistik yang terdapat dalam data. Hal ini termasuk penekanan ke atas pemahaman alam sosial yang menghasilkan suatu jenis pengetahuan yang berhujah berdasarkan sifat dasar setiap paradigma.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam sistem perundangan, penggunaan unsur linguistik dalam hantaran di media sosial yang melibatkan pertuduhan boleh dibuktikan dan diperincikan dengan melihat kepada penekanan aspek kata, frasa dan klausa dalam sesuatu hantaran yang dibuat selain melihat keseluruhan teks secara holistik. Hal ini diperincikan dalam fakta kes yang menerangkan tentang perjalanan keseluruhan sesuatu kes. Dalam kes yang melibatkan media sosial, tuntutan dibuat oleh defendan adalah sebagai ganti rugi kepada kesan yang dialami akibat hantaran yang dibuat menerusi media sosial sama ada hantaran yang bersifat jelas maksudnya sehingga memberikan kesan secara peribadi iaitu pandangan serong dan kebencian awam kepada plaintif atau kesan yang ambiguiti yang memberikan persepsi yang pelbagai dalam kalangan pembaca. Melalui saman dan pernyataan tuntutan, plaintif sama ada menuntut ganti rugi am dan atau ganti rugi khas dan atau ganti rugi teladan terhadap defendan akibat kehilangan reputasi yang berpunca daripada kenyataan defendan yang didakwa mengandungi unsur-unsur fitnah.

Berdasarkan fakta kes, defendan yang membuat hantaran menerusi laman Facebook sama ada sebagai pihak pertama atau pihak ketiga, boleh membawa kepada kesimpulan bahawa penggunaan unsur linguistik tersebut juga boleh disabitkan tindakan undang-undang jika disalah ertikan maknanya atau jelas makna yang ingin disampaikan jika dibuktikan dapat menjatuhkan seseorang individu. Kertas kerja ini memaparkan tiga (3) pembuktian yang melibatkan penggunaan kata, frasa dan klausa setiap satunya, dalam hantaran di media sosial yang bersifat ambiguiti sehingga memberikan impak kecaman dan membawa kepada tindakan undang-undang.

Kata

Untuk contoh kata, dipilih kata *murderers* yang digunakan dalam hantaran di Facebook yang telah menjadi tuduhan utama dalam fakta kes sehingga membawa kepada pertuduhan di Mahkamah.

JADUAL 1. Ambiguiti dalam penggunaan kata

Contoh Kata	Kesan/Pertuduhan	Keputusan Mahkamah/Fakta Kesan
Murderers (Pembunuh-pembunuh)	Saman dan pernyataan tuntutan iaitu tuntutan ganti rugi am, ganti rugi khas dan ganti rugi teladan bagi penggunaan perkataan atau penekanan perkataan/frasa/klausa/ayat yang membawa kepada pertuduhan yang memberikan kesan iaitu kehilangan reputasi akibat kenyataan yang didakwa mengandungi fitnah melalui laman sosial Facebook.	Mahkamah mendapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, kes plaintif terhadap defendan. Mahkamah dengan itu memutuskan bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan dibenarkan.

Kes ini dibenarkan pertuduhan oleh Mahkamah setelah mengambil kira beberapa asas iaitu pernyataan bertulis yang dihantar melalui Facebook telah menjurus kepada satu kenyataan fitnah yang telah secara peribadinya memberikan kesan kepada plaintif iaitu melibatkan pandangan serong atau negatif masyarakat selain menimbulkan kebencian awam kepada plaintif. Plaintif juga mendakwa bahawa akibat dari kenyataan tersebut, beliau telah terdedah kepada cacian dan cemuhan serta membuka ruang kepada orang awam untuk menyebabkan fitnah berlanjutan. Mahkamah melihat bahawa pernyataan tersebut dengan jelas merujuk kepada plaintif dan diterbitkan kepada pihak ketiga. Namun, mahkamah perlu memutuskan bahawa kenyataan defendan terrsebut yang dipertikaikan membawa kepada imputasi fitnah. Berdasarkan situasi berkenaan, peranan linguistik dalam pembuktian tersebut amat penting agar kes dapat dilihat secara menyeluruh.

Dalam fakta kes tersebut dinyatakan bahawa penggunaan kata *murderers* iaitu dalam bahasa Melayunya ialah 'pembunuh-pembunuh' dihujah sebagai tidak membawa maksud lazimnya tetapi sebaliknya merujuk kepada penggunaan dalam konteks perubatan. Kesan daripada hantaran tersebut, satu tindakan untuk memfailkan tuntutan ganti rugi telah dibuat. Hal ini telah membawa kepada reputasi yang buruk kepada plaintif sehingga menimbulkan impak kecaman dalam kalangan mereka yang membaca hantaran balas tersebut. Berdasarkan hantaran balas tersebut, penggunaan kata *murderers* dalam ayat '*Murderers… Smiling at the death of mothers and babies. A failure of our healthcare system*' (Pembunuh-pembunuh ... Tersenyum melihat kematian ibu dan bayi. Kegagalan sistem penjagaan kesihatan kita') boleh menimbulkan impak yang membawa kepada tuduhan plaintif sebagai pembunuh. Penekanan terhadap perkataan *murderers* dilihat juga sebagai penggunaan kata yang boleh dijelaskan maknanya sebagai pembunuh. Namun, perkataan tersebut juga dilihat mempunyai unsur fitnah apabila plaintif dibuktikan bahawa bukan sebagai punca kepada kematian bayi yang dilahirkan tersebut.

Berdasarkan ayat tersebut, perkataan yang menjadi penekanan bagi pembuktian fitnah adalah perkataan *murderers* (pembunuh-pembunuh). Hantaran tersebut dibuat di laman pihak ketiga berserta gambar dengan seorang lagi individu yang lain. Hantaran tersebut telah merujuk kepada kedua-dua individu dalam gambar berkenaan dengan merujuk kepada perkataan *murderers*. Defendan menerangkan bahawa perkataan tersebut yang pada maksud lazim dan semulajadinya membawa maksud "pembunuh-pembunuh" dan bersetuju dengan cadangan peguamcara plaintif bahawa perkataan *murderer* itu sendiri adalah satu perkataan yang berat untuk digunakan.

Walau bagaimanapun, defendan menyatakan bahawa perkataan *murderers* yang digunakan bukan membawa maksud pembunuh dari segi maksud biasa tetapi dalam konteks dunia perubatan. Dalam fakta kes, diterangkan bahawa defendan berhujah dengan pengertian perkataan "pembunuh" itu perlu dilihat daripada keseluruhan fakta dan tidak harus dilihat dari pengertian literal semata-mata. Defendan turut membandingkan pengertian "pembunuh" dalam konteks tindakan demikian dengan maksud pembunuh sebagai pengedar dadah. Defendan berhujah maksud pembunuh dalam konteks tersebut akan difahami oleh pembaca bukan sebagai jenayah bunuh biasa. Defendan selanjutnya berhujah bahawa niat defendan memanggil plaintif "pembunuh" adalah di dalam konteks medik dan perubatan semata-mata dan bukan secara literal.

Namun begitu, defendan tidak mengemukakan sebarang keterangan dokumen untuk menyokong pendapat bahawa pengertian atau maksud pembunuh yang diniatkan oleh defendan adalah di dalam konteks medik dan perubatan. Hal ini menjelaskan situasi bahawa perkataan *murderer* tersebut bermaksud pembunuh dari segi maksud biasa atau *murderer* dari konteks dunia perubatan memerlukan pembuktian dari mahkamah. Mahkamah pada asasnya berpendapat bahawa makna perkataan tersebut perlu ditentukan secara maksud lazim

dan semulajadi perkataan. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Lewis lawan Daily Telegraph* [1964] AC 234 (HL) mahkamah menyatakan seperti berikut:

> *"There is no doubt that in actions for libel the question is what the words would convey to the ordinary man: it is not one of construction in the legal sense. The ordinary man does not live in an ivory tower and he is not inhibited by a knowledge of the rules of construction. So he can and does read between the lines in the light of his general knowledge and experience of world affairs".*

Dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa defendan telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian melalui keterangan semasa perbicaraan untuk membuktikan bahawa perkataan "pembunuh" yang telah diterbitkan oleh defendan adalah secara lazim dan semulajadinya membawa erti pembunuh dalam konteks medik dan perubatan.

Secara kesimpulannya, pembuktian bagi sesuatu kata amat jelas penting bagi penekanan maksud yang terkandung melalui penggunaan kata tersebut. Namun begitu, mahkamah melihat sesuatu kata yang jelas mempunyai maksud semualajadi yang difahami dengan jelas oleh umum dapat digunakan bagi mengaitkan orang awam dengan pertuduhan iaitu dalam konteks ini adalah berhubung perihal fitnah yang menjatuhkan seseorang individu secara awam dan mendorong kepada fitnah berlanjutan oleh orang awam yang membacanya di media sosial. Justeru itu, penggunaan kata sama ada ambiguiti atau memberikan makna secara langsung boleh disabitkan dengan pertuduhan atau tindakan undang-undang selagi mana maknanya boleh dihujah dalam pelbagai konteks.

Frasa

Untuk contoh frasa yang dipilih, frasa yang mempunyai penekanan dalam unsur fitnah iaitu frasa 'memang sah' digunakan dalam hantaran yang dilihat boleh menjejaskan reputasi plaintif. Hantaran tersebut mempunyai asas penilaian terhadap tindakan undang-undang yang diambil terhadap defendan dalam ayat:

Doula yang dikaitkan dalam memberi ajaran "memang sah" Doula Masyitah. Ini memang kawasan operasi dia.

JADUAL 2. Ambiguiti dalam penggunaan frasa

Contoh Frasa	Kesan/Pertuduhan	Keputusan Mahkamah/Fakta Kes
memang sah …	Tuntutan ganti rugi teladan kerana hantaran yang dibuat berunsur fitnah dan menggugat reputasi plaintif sepenuhnya.	Mahkamah berpendapat kenyataan yang dibuat oleh defendan telah memulakan penerbitan terhadap tanggapan awam oleh hantarannya dan menyediakan platform bagi tujuan tersebut. Mahkamah memutuskan untuk pembayaran RM100, 000 sebagai ganti rugi am dan teladan selain mengemukakan permohonan maaf dalam tenpoh tujuh hari dari keputusan mahkamah dibuat.

Berdasarkan contoh frasa 'memang sah', hal ini demikian menunjukkan bahawa terdapat kekaburan dalam pentafsiran makna berdasarkan fakta. Frasa tersebut boleh membawa makna terhadap kesahihan tentang sesuatu perkara atau yang telah jelas kebenaran sesuatu fakta. Dalam kes ini, kesahihan itu menunjukkan bahawa terdapat unsur tuduhan tentang kebenaran sesuatu fakta yang mungkin tidak wujud dan boleh diragukan. Sehubungan itu, penggunaan frasa 'memang sah' yang digunakan dalam hantaran tersebut boleh dijadikan sebagai fakta kes untuk disabitkan pertuduhan kerana terdapat unsur-unsur fitnah yang ditimbulkan dalam ayat tersebut. Berdasarkan ayat "Doula yang dikaitkan dalam memberi ajaran "memang sah" Doula Masyitah. Ini memang kawasan operasi dia" penekanan terhadap frasa 'memang sah' dan diikuti dengan nama plaintif jelas memberikan tuduhan yang boleh menimbulkan kepercayaan awam terhadap fakta tersebut dan seterusnya

mengundang reaksi serong yang boleh menjatuhkan reputasi dan nama individu berkenaan.

Dalam penentuan tindakan berunsur fitnah, mahkamah perlu menentukan bahawa elemen linguistik tersebut perlu benar-benar membawa maksud fitnah. Mahkamah juga perlu memastikan bahawa elemen linguistik yang diadukan tersebut sebenarnya adalah fitnah dengan memastikan melalui ujian terhadap pernyataan yang membebankan plaintif yang mengandungi pendapat negatif, walau pun pada dasarnya pernyataan tersebut tiada sesiapa mempercayainya dan mempunyai serangan terhadap moral plaintif. Ujian makna yang digunakan dalam penilaian maksud kata tersebut ialah dengan bergantung kepada persoalan sama ada kata tersebut diterbitkan dengan memberi makna semula jadi atau makna biasa yang membawa kepada tergugatnya sebarang tingkah laku atau motif atau tidak menghormati atau boleh diragukan intergritinya. Proses seterusnya ialah dengan mengenal pasti sudut pandang terhadap kenyataan yang boleh disalah ertikan atau penilaian.

Berdasarkan penilaian yang diberikan oleh House of Lords di dalam *Lewis lawan Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234 yang menyatakan bahawa tidak ada keraguan dalam tindakan untuk memfitnah jika kata-kata itu disampaikan kepada orang biasa dan dibaca atau ditafsir berdasarkan pengetahuan dan pengalaman umum mereka. Kenyataan tersebut memberikan gambaran bahawa jika kata-kata itu disampaikan walaupun tanpa sebarang pengetahuan khusus terhadap penafsirannya secara semula jadi tetapi mempunyai perujukan asas terhadap perkara yang menggugat plaintif, maka kata-kata itu boleh ditafsirkan sebagai tuduhan dengan tafsiran asas.

Dalam kes *Jones lawan Skelton* [1963] 3 All ER 952, dinyatakan bahawa makna biasa dan makna semula jadi perkataan mungkin boleh berupa makna harfiah atau makna tersirat atau makna yang disimpulkan atau makna tidak langsung iaitu mana-mana yang bermaksud tidak memerlukan sokongan fakta khusus di luar pengetahuan umum. Sebaliknya, memadai jika perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna yang mampu memberi kesan dalam bahasa yang digunakan.

Klausa

Untuk contoh klausa, klausa "…entah-entah solat maghrib pun tak sempat…" dipilih kerana mempunyai unsur ambiguiti yang boleh ditafsirkan sebagai fitnah. Klausa ini merupakan sebahagian dari teks yang dijadikan sebagai fakta kes dalam pertuduhan yang sama seperti contoh frasa.

JADUAL 3. Ambiguiti dalam penggunaan klausa

Contoh Klausa	Kesan/Pertuduhan	Ulasan Penghakiman
…entah-entah solat maghrib pun tak sempat…	Tuntutan ganti rugi teladan kerana hantaran yang dibuat berunsur fitnah dan menggugat reputasi plaintif sepenuhnya.	Mahkamah berpendapat kenyataan yang dibuat oleh defendan telah memulakan penerbitan terhadap tanggapan awam oleh hantarannya dan menyediakan platform bagi tujuan tersebut. Mahkamah memutuskan untuk pembayaran RM100, 000 sebagai ganti rugi am dan teladan selain mengemukakan permohonan maaf dalam tenpoh tujuh hari dari keputusan mahkamah dibuat.

Untuk contoh klausa tersebut, tuntutan mahkamah dibenarkan ke atasnya berdasarkan kes-kes lepas seperti kes *Ayob Saud lawan TS Sambanthamurthi* [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 MLJ 315, dengan pembuktian elemen kes fitnah iaitu plaintif perlu menunjukkan kenyataan tersebut berunsur fitnah dan pernyataan tersebut merujuk atau memberi kesan kepada pihak plaintif dan kenyataan tersebut perlu diterbitkan kepada pihak ketiga oleh defendan. Rujukan turut dibuat berdasarkan kes Mahkamah Rayuan *Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian lawan The China Press Berhad* [1999] 1 MLJ 371; [1999] 1 AMR 753, dengan rujukan kepada kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub lawan Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393 dan *JBJeyayaratnam lawan Goh Chok Tong* [1985] 3 MLJ 334 yang turut dinyatakan oleh Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu).

Berdasarkan penelitian terhadap kes-kes lepas, dapat dijelaskan bahawa makna biasa atau makna semula jadi mungkin merangkumi implikasi atau kesimpulan yang mempunyai unsur munasabah dengan penge-

tahuan umum tanpa terikat dengan peraturan undang-undang melalui pembinaan kata atau dari kata-kata itu sendiri untuk digunakan sebagai fakta kes terhadap pertuduhan. Justeru itu, apa-apa perkataan yang boleh dikaitkan dengan pengetahuan umum tentang makna asasnya dan difahami dengan kefahaman umum yang boleh dikaitkan dengan fitnah maka boleh disabitkan pertuduhan ke atasnya.

Contoh klausa tersebut mempunyai penekanan tertentu bagi mengukuhkan tuduhan berunsur fitnah iaitu penggunaan '…entah-entah solat maghrib pun tak sempat…' yang diterbitkan tanpa bukti asas kepada pernyataan tersebut. Berdasarkan ulasan penghakiman, hantaran tersebut yang mengandungi klausa berkenaan bukan sahaja meremehkan plaintif tetapi juga menuduh dengan jelas. Plaintif juga berpendapat bahawa hantaran tersebut apabila dibaca secara keseluruhan dengan pemilihan kata-kata berdasarkan konteks telah membawa kepada fitnah terhadap plaintif. Mahkamah juga menimbangkan pertuduhan tersebut dengan melihat secara keseluruhan teks bagi memahami makna yang munasabah bagi pemahaman umum.

Walau bagaimanapun, dalam perspektif undang-undang defendan juga wajar diberikan pembelaan dengan pembuktian kepada asas objektif atau motif hantaran dibuat selain melihat kepada persoalan dengan niat jahat sama ada berjaya ditimbulkan atau tidak. Defendan juga mempunyai hak dan kebenaran untuk mempertahankan kebenaran dengan memperlihatkan pernyataan material dalam kata-kata yang dilontarkan menerusi hantaran yang dibuat. Hal ini termasuk membuktikan bahawa pernyataan menerusi hantaran tersebut merupakan sangkaan atau kesimpulan yang betul dengan mengambil fakta yang boleh dibuktikan. Perkara tersebut dinyatakan dalam Seksyen 103 Akta Keterangan 1950 (Akta Keterangan). Defendan juga perlu membuktikan perkara bahawa hantaran tersebut adalah komen dan bukan pernyataan fakta. Defendan juga perlu membuktikan bahawa komen tersebut dibuat demi kepentingan awam dan fakta yang diandalkan untuk menyokong komen tersebut adalah relevan dan benar. Hal ini berkaitan dengan pertahanan 'komen yang adil' seperti yang dijelaskan dalam *Dato Seri Mohammad Nizar Bin Jamaluddin lawan Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Anor*; [2014] 4 MLJ 242 yang memaklumkan bahawa komen yang dikeluarkan perlu berdasarkan fakta sebenar yang terkandung dalam penerbitan atau disebut dengan secukupnya dan didasari dengan fakta yang benar. Sekiranya gagal dibuktikan maka pertahanan akan gagal.

Secara kesimpulan, berdasarkan keterangan yang dinyatakan dalam ulasan penghakiman tersebut, peruntukan dalam tindakan untuk memfitnah boleh dibuat jika perkataan yang dilontarkan iaitu melalui hantaran di media sosial dapat dibuktikan makna secara umum fahamannya. Makna bagi perkataan tersebut juga boleh menimbulkan pandangan negatif umum dan menimbulkan sangkaan yang membawa kepada tuduhan atau fitnah secara jelas sehingga merosakkan reputasi pihak yang diperkatakan. Perkataan yang dilontarkan menerusi hantaran tersebut juga membuka ruang kepada umum untuk menambah hantaran balasan atau komen yang tiada asas kepada kebenaran atau fakta sebenar situasi. Perkara tersebut boleh mendedahkan orang awam kepada sabitan dalam pertuduhan melalui penggunaan unsur linguistik yang ambiguiti berdasarkan pengetahuan asas umum tentang maknanya dalam penggunaan sesuatu bahasa.

Kesan Penggunaan Kata, Frasa dan Klausa bersifat Ambiguiti

Berdasarkan pembuktian yang dinyatakan dalam data yang diambil dari dokumen iaitu Alasan Penghakiman tersebut, ternyata plaintif berjaya membuktikan bahawa penggunaan kata, frasa dan klausa yang digunakan dalam hantaran dalam media sosial tersebut telah memberikan kesan secara negatif kepada plaintif khususnya melibatkan reputasi dan pandangan awam terhadap diri plaintif. Pandangan awam tersebut termasuk mendedahkan plaintif kepada serangan yang berlanjutan melalui hantaran balas sehingga timbulnya fitnah secara berlanjutan ke atas diri plaintif. Maka dengan itu, mahkamah telah meluluskan untuk kes diteruskan dengan tuntutan dan berakhir dengan defendan terpaksa membayar ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi teladan dan permohonan maaf dibuat kepada plaintif dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh keputusan kes dikeluarkan.

KESIMPULAN

Fenomena saman-menyaman berikutan hantaran di media sosial telah menjadi perkara yang biasa berikutan rasa tidak puas hati terhadap kata-kata yang dilontarkan secara terbuka di laman maya yang boleh dibaca atau ditonton oleh segenap masyarakat tanpa batasan. Peranan yang dimainkan dalam bidang linguistik khususnya semantik dalam mengenal pasti makna ujaran membantu proses undang-undang dijalankan sama ada untuk

ganti rugi teladan, kerugian, tuntutan maaf dan pelbagai lagi. Bidang undang-undang turut memperuntukkan akta-akta yang boleh digunakan bagi melindungi masyarakat dalam pelbagai aspek termasuk buli secara siber, fitnah, menjejaskan reputasi dan memalukan, saman balas dan lain-lain lagi yang difikirkan sesuai.

Dalam aspek linguistik, ujaran yang dilontarkan boleh dilihat sama ada secara semantik dengan melihat kepada denotatif atau konotatif yang boleh digunakan sebagai fakta kes. Makna denotatif dapat dilihat melalui penggunaan kata, frasa atau klausa yang memberikan makna terus terhadap ujaran yang ingin disampaikan. Hal ini membolehkan makna yang ingin disampaikan dapat difahami secara jelas tanpa mempunyai maksud yang tersirat. Namun, berdasarkan undang-undang, setiap perbuatan yang dilakukan mempunyai hak penafian yang disertakan dengan hujah-hujah yang difikirkan relevan dengan tindakan yang dibuat. Berdasarkan hal ini, setiap fakta kes perlu untuk dibuktikan berdasarkan imbangan kebarangkalian selain melihat kesan yang dialami oleh pihak plaintif. Dakwaan yang dibuat juga perlu dinilai niat jahat yang mendedahkan plaintif kepada ruang yang memberikan impak kecaman, cemuhan, cacian dan fitnah secara berlanjutan. Berdasarkan pembuktian yang disenaraikan dalam kes ini, mahkamah telah membuat penilaian dan memutuskan bahawa terdapat imputasi fitnah melalui kata, frasa dan klausa yang digunakan. Mahkamah juga berpendapat bahawa perkataan-perkataan tersebut perlu ditentukan secara maksud lazim atau maksud yang jelas dalam pemahaman umum yang membawa kepada makna secara semulajadi dalam komuniti sesuatu bahasa. Sehubungan itu, pemilihan kata yang sesuai tanpa menimbulkan keraguan terhadap makna, objektif dan motif perlu diberi perhatian bagi mengelakkan orang awam terdedah kepada tindakan undang-undang.

Secara kesimpulannya, kertas kerja ini telah memberikan pembuktian bahawa pemilihan kata dalam penggunaan media sosial amat penting demi mengelakkan implikasi terhadap tindakan undang-undang dan merugikan. Kertas kerja ini juga membuktikan bahawa elemen linguistik dalam bidang undang-undang turut memberi kesan dan kepentingannya dalam membantu dalam prosiding mahkamah khususnya dalam kes yang melibatkan penggunaan kata, frasa dan klausa mahupun ayat yang dilontarkan bukan sahaja dalam media sosial tetapi juga dalam medium lain yang boleh diterbitkan kepada pihak ketiga sehingga memberikan impak kepada persepsi awam khususnya melibatkan persepsi negatif.

RUJUKAN

Ali Salman, Mohamad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Mohd Yusof Abdullah (2018). Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik Di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, *3*(1), 51-63.

Azarudin Awang. (2015) *Kajian pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim Terengganu sebelum dan selepas konversi.* PhD thesis, Universiti Malaya. Dipetik dari http://studentsrepo.um.edu.my/5990/.

Che Su Mustaffa, & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi*, *30*, 43-74.

Cresswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Thousand Oaks*, California: SAGE Publications.

Faradillah Iqmar Omar, & Iza Sharina Sallehudin. (2011). Media sosial: Kajian tentang penglibatan dan kepuasan dalam kalangan mahasiswa. *Proceeding of the International Conference on Media And Communication,* 1-13.

Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, NurZakira Afnee Zakaria, & Nuraina Nabila Dundai Abdullah. (2015). Hubungan penggunaan media sosial dan penerimaan mesej dakwah. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah,* 181-191.

Faradillah Iqmar Omar, Nor Azlili Hassan, Iza Sharina Sallehudin, & Nor Hafizah Abdullah. (2016). Gen Y: Kajian penggunaan media sosial dan hasil. *Journal of Management & Muamalah, 6*(1)*,* 53-64.

Komunikasi dan Multimedia. (2018). *Buku maklumat statistik*. Dipetik dari https://www.mcmc.gov.my/skm-mgovmy/media/General/pdf/Pocket-Book-Of-Statistics-2018.pdf.

Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., Zickuhr & K. (2010). Social Media and Young Adults. *Pew Internet & American Life Research Center.*

Luqman Hakeem Frank Wilkins, Pragathesh Batumalai, & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). "Media sosial dan dampak positif menurut Islam". *Prosiding Seminar Abstract References Sains Teknologi dan Manusia 2019*, 17-32.

Masyitah Binti Md Hassan dan Sakinah Sulong (2018). No Sivil JA-22NCVC-162-08/2018 (Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru, Johor, Guaman Sivil.

Masyitah Binti Md Hassan dan Abdul Latiff Bin Mohamed (2018). No Sivil BA-A52NCVC-580-10/2018 (Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam, Selangor, Guaman Sivil.

Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif*. Tanjung Malim: UPSI.

Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubunganpersahabatan da lam talian. *Jurnal Komunikasi*, *32*(2), 65-81.

PEMILIHAN KATA DALAM KOMUNIKASI BERTULIS DI MEDIA SOSIAL

Fatimah Ibrahim, PhD
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGK Ipoh)
fatimah@ipgmipoh.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi komunikasi telah banyak mempengaruhi cara individu berkomunikasi. Kemunculan media sosial pada masa kini telah mempengaruhi pemilihan kata dalam komunikasi bertulis. Kajian secara kualitatif ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji pemilihan kata dalam komunikasi bertulis dalam kalangan pelajar melalui media sosial. Data kajian dikumpul dengan menggunakan teks data bertulis 22 orang peserta kajian dalam satu kumpulan WhatsApp. Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif mengikut bentuk penukaran kod bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan kata yang rancu paling banyak digunakan oleh peserta kajian sewaktu komunikasi bertulis dalam WhatsApp. Kebanyakan peserta kajian yang ditemu bual berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang rancu dalam komunikasi bertulis di media sosial seperti WhatsApp lebih mudah difahami dalam kalangan rakan sebaya serta menunjukkan kekreatifan mereka sewaktu berbahasa. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan kata yang rancu dalam media sosial memberi impak kepada penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan santun dalam media pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Sekiranya pemilihan kata yang rancu ini tidak dibendung, berkemungkinan hal ini akan menjadi kelaziman dalam kalangan pelajar dan seterusnya akan terhasillah struktur bahasa yang menyimpang dari hukum tatabahasa sebenar dalam komunikasi bertulis.

Kata kunci: pemilihan kata, bahasa Melayu, rancu, komunikasi bertulis, media sosial

PENGENALAN

Perkembangan teknologi komunikasi telah banyak mempengaruhi cara individu berkomunikasi. Kemunculan media sosial pada masa kini telah mempengaruhi pemilihan kata dalam komunikasi bertulis. Dengan kemudahan yang ada dalam sistem komunikasi telah menyebabkan masyarakat mula beralih menggunakan teknologi internet sebagai alat komunikasi. Oleh yang demikian, perkembangan bahasa seharusnya bergerak seiring dengan perkembangan teknologi masa kini dengan tidak mengetepikan peraturan berbahasa. Bahasa berupaya mengangkat martabat sesuatu bangsa di mata dunia, selain daripada menggambarkan sahsiah seseorang individu. Hal ini disebabkan bahasa yang santun dan beradab akan mencerminkan budi pekerti masyarakat yang mulia, peramah, bersopan santun dan berbudi bahasa.

Di Malaysia, bahasa Melayu menjadi alat untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Dalam hal ini, kewujudan teknologi maklumat sebagai alat rangkaian sosial telah menyebabkan berlakunya komunikasi dua hala di alam maya dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. Justeru aspek kesantunan berbahasa dalam komunikasi di alam maya ini perlu diberi tumpuan. Hal ini berlaku selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global yang telah membentuk masyarakat dalam cara baru untuk berkomunikasi dan menerima proses komunikasi yang berbeza (Fatimah Akmal & Ali Salman, 2015).

Dalam hal ini, media sosial dilihat sebagai revolusi terkini yang dapat menghubungkan seseorang dengan sekelip mata walau berada di merata dunia. Hal ini bertepatan dengan dapatan Himelboim et al. (2012) yang menunjukkan bahawa internet sebagai medium yang dapat menyelaraskan pergerakan informasi dengan pelbagai arah dan membolehkan pengguna untuk berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih mudah secara dalam talian. Laporan Digital 2021 yang dikeluarkan oleh *Hootsuit* dan *We Are Social* menunjukkan bahawa terdapat 27.43 juta pengguna, yang mewakili 84.2 peratus penduduk Malaysia pada Januari 2021 yang menggunakan internet secara aktif (Simon, K.,2021) Daripada jumlah berkenaan, 75 peratus menggunakan perkhidmatan media sosial dan memperuntukkan purata tiga jam sehari di laman media sosial. Pengguna media sosial secara mudah alih juga meningkat 14 peratus dengan 93 peratus mengakses media sosial melalui

telefon pintar. Tuntasnya, ledakan ICT, internet dan media sosial telah menyebabkan komunikasi berlaku dengan pantas sama ada secara lisan atau bertulis.

PERNYATAAN MASALAH

Teknologi pada masa kini telah berkembang dengan pesatnya bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Media dan komunikasi menjadi dua perkara yang berhubung kait antara satu sama lain dalam konteks penyebaran dan penyaluran maklumat. Penggunaan media sosial seperti Blog, Twitter, WhatsApp, Facebook dan Instagram membawa kepada penglibatan pengguna untuk berkomunikasi dengan lebih pantas sama ada secara lisan atau bertulis. Komunikasi yang berlaku ini ada kaitannya dengan aspek santun berbahasa yang dapat menyerlahkan keterampilan seseorang sewaktu berkomunikasi.

Namun kini isu kerancuan bahasa dalam komunikasi bertulis sering kali diperkatakan oleh pencinta bahasa Melayu. Kerancuan bahasa atau percampuran bahasa merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan perbuatan pengguna bahasa yang mencampuradukkan lebih daripada satu bahasa. Dalam hal ini, kesantunan bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai wahana komunikasi, malah turut mencerminkan pengetahuan seseorang terhadap peradaban dan etika ketika berkomunikasi. Kesantunan penulisan merujuk kepada kehalusan ketika menggunakan bahasa yang melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa, ayat dan ungkapan dalam penulisan. Aspek yang perlu diberi perhatian dalam kesantunan penulisan ialah penggunaan kata panggilan yang betul, pengaplikasian kata sapaan yang betul, gaya bahasa yang indah serta pemilihan kata dan ayat yang sesuai dengan konteks (Sara Beden, 2019). Sementara topik dan isinya pula tidak menyentuh isu sensitif. Kesantunan dalam penulisan diberi penegasan oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014) dengan menyatakan bahawa aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan agar menjadi wadah yang berkesan untuk mendidik generasi muda.

Dalam hal ini, pemilihan kata oleh para pengguna internet semasa melakukan komunikasi bertulis dalam talian adalah satu persoalan yang menarik untuk dibicarakan. Hal ini disebabkan interaksi sosial yang bersifat global ini sudah tentu mewujudkan kepelbagaian pola pemilihan kata, terutama bagi golongan pelajar yang merupakan generasi Z. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang kebanyakannya menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa atau lebih, mereka cenderung untuk mencampurkan kod atau merancukan bahasa semasa berkomunikasi. Zubaidah Ibrahim (2017) pula berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda semakin lesu dan celaru. Mereka bergelut dengan penggunaan bahasa rojak yang semakin popular serta digunakan secara meluas dalam komunikasi harian. Golongan profesional pula dilihat lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam kebanyakan urusan.

ManakalaTeo Kok Seong (2009) pula mendapati bahawa pemilihan kata yang rancu ini tidak hanya berlaku pada tahap individu lagi, bahkan sudah menular hingga pada tahap masyarakat. Justeru, beliau berpendapat bahawa kerancuan bahasa ini sebagai satu kehilangan bahasa. Hal ini demikian kerana purata masyarakat Malaysia tidak lagi fasih menggunakan bahasa ibunda baik secara lisan mahupun tulisan. Tegasnya, gejala kerancuan bahasa atau bahasa rojak dalam kalangan masyarakat merupakan satu kes kehilangan bahasa.

Situasi pandemik COVID-19 kini memperlihatkan keperluan untuk pelajar berkomunikasi secara dalam talian. Sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara dalam talian secara segerak (sycronous) dan tidak segerak (insyncronous). Justeru, penggunaan WhatsApp sebagai medium komunikasi bertulis secara dalam talian telah digunakan secara meluas dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, pengkaji berasakan bahawa kajian yang berkaitan dengan pemilihan kata dalam komunikasi bertulis di media sosial wajar dilakukan bagi meneliti sama ada wujudnya gejala kerancuan bahasa ini dalam kumpulan W*hatsApp* yang dibentuk berasaskan kursus atau subjek tertentu bagi tujuan pembelajaran secara dalam talian. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pemilihan kata dalam komunikasi bertulis di media sosial khususnya bagi menampung kelompangan kajian dalam komunikasi bertulis yang sedia ada.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemilihan kata dalam komunikasi bertulis di media sosial melalui aplikasi *WhatsApp* serta hubung kaitnya dengan isu kerancuan bahasa.

KONSEP MEDIA SOSIAL

Media sosial adalah alat komunikasi berasaskan web yang membolehkan orang berinteraksi antara satu sama lain dengan berkongsi dan menyampaikan maklumat. Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2007) media bermaksud alat atau pengantara dalam komunikasi ataupun perhubungan. Manakala sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Oleh itu media sosial secara mudahnya membawa erti instrumen sosial dalam komunikasi. Andreas dan Haenlein (2010) mendefinisikan media sosial sebagai sebuah kelompok platform atau aplikasi berasaskan internet yang membangun di atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0 yang memungkinkan penciptaan dan pertukaran maklumat. Dengan adanya media sosial, para pengguna dengan mudah dapat menyatakan pendapat masing-masing dan dapat berkomunikasi ke seluruh dunia tanpa halangan.

Media sosial adalah sejenis media yang digunakan terus secara dalam talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi kandungan tersendiri yang datang dalam pelbagai format termasuk blog, rangkaian sosial, wiki, forum dan dunia maya yang membolehkan muat naik perkongsian karangan, gambar, video, audio dan grafik sesama rakan sepenggunaan yang boleh memberi maklum balas secara terbuka dalam masa yang lebih cepat dan tidak terhad ruang medianya berbanding media tradisional. Penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan ekoran pandemik COVID-19. Penggunaan media teknologi maklumat yang menggabungkan teknik suara, bunyi, gambar, video serta teks telah mewujudkan suasana PdP yang menyeronokan dan kondusif serta boleh dipelbagaikan melalui beberapa medium elektronik teknologi terkini seperti berbantukan komputer dan perisian, platform e-pembelajaran antaranya termasuklah Google Classroom, Schoology dan sebagainya.

PENGGUNAAN BAHASA

Secara umumnya, kesantunan bahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam penggunaan bahasa sesuatu masyarakat (Awang Sariyan, 2007). Sebahagian peraturan itu bersifat sejagat seperti penggunaan panggilan hormat, pemilihan kata sapaan kekeluargaan dan ungkapan bertatasusila. Penggunaan kata sapaan bergantung kepada jenis dan kumpulan individu sama ada dari segi kedudukan dalam hierarki masyarakat, keturunan, jawatan atau bidang profesion (Ahmad Afindiy & Zaitul Azma, 2019). Terdapat juga peraturan yang bersifat khusus bagi sesuatu masyarakat atau bangsa. Asmah Hj Omar (2002) telah merumuskan bahawa ada tiga jenis peraturan penggunaan bahasa yang melibatkan peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik dan peraturan pragmatik. Penggunaan bahasa yang mematuhi kepada ketiga-tiga peraturan itu secara bersepadu merupakan asas kesantunan bahasa.

Justeru, penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa lain sama ada pada peringkat perkataan, frasa, ayat, atau wacana merupakan gejala linguistik bahasa Melayu yang rancu (Teo Kok Seong, 2006) dan tidak mematuhi asas kesantunan berbahasa. Menurut beliau lagi, gejala kerancuan bahasa atau campur aduk ini wujud dalam sekurang-kurangnya empat bentuk. Bentuk pertama ialah "penukaran kod tempelan", iaitu campur aduk bahasa Melayu-Inggeris walaupun hanya melibatkan penggunaan sepatah perkataan bahasa Inggeris dalam ungkapan yang hampir keseluruhannya diucapkan dalam bahasa Melayu. Beliau menegaskan bahawa walaupun hanya sepatah perkataan bahasa Inggeris yang diselitkan dalam ayat bahasa Melayu, maka ayat tersebut telah menggunakan dua bahasa. Contohnya dalam ayat "*So*, acara diteruskan lagi dengan cabutan bertuah".

Bentuk kedua dikenali sebagai "penukaran kod dalam ayat". Bentuk ini berlaku apabila adanya penggiliran bahasa daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain dalam satu ayat. Contohnya dalam ayat, "Tolong *switch off* kipas itu". Berdasarkan contoh yang diberi, frasa sebelum *switch off* merupakan bahasa Melayu standard, manakala kata yang mengikuti s*witch off* juga terdiri daripada kata nama yang dieja dalam bahasa Melayu. Ayat tersebut memperlihatkan penggiliran dua bahasa, iaitu "tolong" (kata perintah dalam bahasa Melayu); *switch off* (bahasa Inggeris); dan kipas itu(frasa nama bahasa Melayu). Oleh yang demikian, ayat tersebut memperlihatkan ciri penukaran kod. Bentuk ketiga pula dikenali sebagai "penukaran kod di antara ayat", iaitu penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain di antara ayat. Bentuk yang terakhir ialah "penukaran kod dalam perkataan". Bentuk ini menunjukkan penggunaan bahasa lain dalam sesuatu bahasa.

Contohnya, penggunaan bahasa Inggeris dalam pembentukan perkataan bahasa Melayu seperti"*forward*kan". Orang Melayu merupakan penutur natif bahasa Melayu, namun pengaruh bahasa lain, khususnya bahasa Inggeris sering mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi sama ada secara lisan atau bertulis. Sebagai perbandingannya, komunikasi yang dizahirkan dalam bentuk tulisan memerlukan penelitian yang lebih serius kerana perkataan dalam tulisan boleh dilihat, diteliti dan dinilai bentuk dan kandungannya. Oleh yang demikian, bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari menggambarkan hakikat sebenar penggunaan bahasa penutur bahasa Melayu.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan komunikasi sama ada secara lisan atau bertulis di media sosial. Kajian oleh Normaliza Abd Rahim, et.al (2017) menunjukkan bahawa penggunaan *Instagram* dapat dilihat sebagai salah satu media sosial yang berjaya dalam menyebarkan bahan berbentuk cerita. Hal ini disebabkan maklumat dalam Instagram dapat dibaca dan dirujuk oleh pengguna setiap masa dan mudah untuk difahami memandangkan kapsyen yang ditulis tidak panjang. Dapatan kajian ini hampir sama dengan kajian Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2017) yang mendapati bahawa media sosial merupakan salah satu cara dalam menyebarkan bahan kepada pengguna. Pengguna media sosial tertarik dengan bahan yang boleh dibaca serta memberi faedah kepada mereka. Hasil kajian berkenaan selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Siti Ezaleila Mustafa (2015) yang menyatakan bahawa rangkaian sosial boleh menghubungkan seseorang dari perspektif yang positif mahupun negatif. Sikap seseorang dapat digambarkan melalui penulisan di dalam laman sosial. Hasil kajian turut mendapati sebanyak lapan jenis aplikasi media sosial yang popular dalam kalangan remaja, iaitu Facebook, Youtube, Twitter, Blog, WhatsApp, Telegram dan Instagram. Jelaslah bahawa tahap kebergantungan remaja terhadap media sosial dan teknologi adalah tinggi dan mereka bergantung kepada internet melebihi enam jam sehari (Normah et.al, 2013). Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang berkaitan dengan fenomena kerancuan berbahasa di media sosial. Antaranya termasuklah kajian berkenaan aliran pertuturan bahasa rojak dalam laman sosial Facebook. Dapatan kajian mendapati kesemua 25 informan berkenaan memilih untuk penggunaan kata yang rancu, iaitu bahasa Melayu-Inggeris (Mohd Syuhaidi & Aliffluqman, 2017).

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif deskriptif berdasarkan korpus teks data bertulis WhatsApp yang dikumpul daripada sekumpulan pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Kontekstual di salah sebuah Institut Pendidikan Guru. Sebanyak 200 teks data WhatsApp dikumpul dan dijadikan korpus kajian dalam tempoh masa dua minggu. Pemilihan 22 orang peserta kajian dibuat berdasarkan pensampelan bertujuan. Selain daripada analisis kandungan teks WhatsApp, pengkaji juga melakukan pemerhatian dokumen bertulis dalam talian yang melibatkan peserta kajian serta temu bual dengan beberapa orang peserta kajian. Data teks WhatsApp yang diperoleh telah dianalisis berdasarkan bentuk penukaran kod bahasa (Teo Kok Seong, 2006).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dianalisis dan dirumus berdasarkan tujuan kajian dan bentuk penukaran kod bahasa. Rajah 1 menunjukkan pemilihan kata yang rancu berdasarkan bentuk penukaran kod dalam komunikasi bertulis seperti yang terdapat dalam teks WhatsApp.



RAJAH 1. Kerancuan pemilihan kata berdasarkan bentuk penukaran kod

Berdasarkan analisis teks data bertulis yang terdapat dalam WhatsApp kumpulan peserta kajian, dapat dikenal pasti kerancuan pemilihan kata. Terdapat 65 contoh kerancuan pemilihan kata dalam bentuk penukaran kod tempelan , 45 pemilihan kata yang rancu dari segi penukaran kod dalam ayat, 18 pemilihan kata yang rancu dari segi penukaran kod antara ayat dan 35 contoh penukaran kod dalam perkataan. Kerancuan bahasa yang berlaku dalam komunikasi bertulis itu menunjukkan pengulangan penukaran kod yang sama, namun dilakukan oleh peserta kajian yang berbeza. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa peserta kajian tidak dapat mematuhi peraturan penggunaan bahasa yang santun sepenuhnya.

Berdasarkan bentuk pertama penukaran kod tempelan, kerancuan bahasa yang ketara yang terdapat dalam teks WhatsApp ialah percampuran pemilihan kata bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Percampuran pemilihan kata ini berlaku disebabkan peserta kajian tidak dapat mencari perkataan yang sesuai. Jadual 1 menunjukkan contoh percampuran kod, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dikenal pasti.

Jadual 1. Bentuk penukaran kod tempelan dalam pemilihan kata

Bil	Contoh Ayat Asal	Pembetulan
1.	Awak dah siap ke *speech* tu.	Awak dah siap ke ucapan itu?
2.	Bila eh tarikh *submit assignment*	Bilakah tarikh hantar tugasan 2?
3.	*Date line* esok hantar tugasan.	Esok tarikh akhir hantar tugasan
4.	*Okay, I* dh siap *print.*	Okey, saya dah siap cetak.
5.	*Page number I lupa buat*	Saya terlupa buat nombor muka surat.
6.	*So* kena letak artikel kat lampiran	Jadi saya kena letak artikel di bahagian lampiran?
7.	Boleh *extend* tarikh 1 hari lagi tak.	Boleh lanjutkan tarikh sehari lagi tak?
8.	yang penting *I* dah *submit*	Yang penting saya sudah hantar.
9.	Beri aku contact number.	Berikan saya nombor yang boleh dihubungi.

Hasil maklum balas peserta kajian terhadap amalan percampuran bahasa menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil daripada peserta kajian yang tidak mencampurkan bahasa dalam WhatsApp. Sebilangan besar daripada peserta kajian mencampuradukkan bahasa bergantung pada keadaan dan situasi semasa. Bentuk penukaran kod tempelan paling banyak digunakan dalam konteks pemilihan kata secara bertulis. Hakikat ini membuktikan bahawa percampuran antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bukanlah perkara yang janggal dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

Analisis pemilihan kata dalam teks WhatsApp peserta kajian juga menunjukkan wujudnya gejala linguistik, iaitu bentuk penukaran kod dalam ayat seperti yang tertera dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Bentuk penukaran kod dalam ayat

Bil.	Ayat Asal	Pembetulan
1.	Anyone.. dh upload dalam GC?	Adakah sesiapa yang telah muat naik bahan dalam GC?
2.	B4 upload .. u edit dulu.	Sebelum dimuat naik, awak suntinglah dahulu.
3.	Apa lg talking point speech ni.	Apakah lagi isi-isi penting ucapan ini?
4.	Woi… I stress..lupa save..	Oh, saya rasa tertekan hingga terlupa tekan butang simpan.
5.	Lega rasanya.. at the end, I berjaya submit tugasan.	Lega rasanya. Akhirnya saya berjaya hantar tugasan.
6.	Laju gile line hari ni, kjap jer download bahan.	Laju betul talian hari ini, sekejap sahaja dah boleh muat turun.
7.	Aku htr, ASAP	Aku hantar secepat mungkin.
8.	Y'all nk pi tak?	Anda semua nak pergi tak?

Berdasarkan jadual 2, didapati bahawa peserta kajian tidak kekok untuk memilih kata-kata yang rancu di media sosial. Peserta kajian yang ditemu bual mengakui bahawa mereka berasa selesa untuk menulis ayat yang bercampur aduk dalam kalangan rakan sebaya. Ada dalam kalangan mereka yang berpendapat bahawa pemilihan kata di media sosial seperti WhatsApp perlulah lebih santai dan menunjukkan 'unsur kemesraan' dalam perbualan. Oleh itu penggunaan kata ganti nama juga bersifat rancu. Misalnya, kata ganti nama diri orang pertama dan kedua, "*I, you , you all*" digunakan dalam bentuk penulisan teks WhatsApp. Penulisan yang santai dan kata ganti nama yang bercampur aduk ini menggambarkan keadaan atau situasi sebenar mereka sewaktu berkomunikasi secara lisan. Peserta kajian juga berpendapat mereka boleh digelar sebagai 'nerd' ataupun dianggap 'skema' jika penulisan dalam teks WhatsApp ditulis mengikut hukum atau peraturan penggunaan bahasa Melayu yang sebenar.

Selain itu, terdapat penggunaan kata singkatan secara berleluasa berbanding dengan penggunaan kata berdasarkan ejaan bahasa Melayu yang sebenar. Penggunaan kata singkatan seperti "dh, jap, lg, pi, ni" dianggap memudahkan mereka berkomunikasi dengan pantas berbanding dengan penulisan perkataan dalam bentuk yang sebenar. Hal ini disebabkan trend dalam kalangan remaja serta menunjukkan kekreatifan dari segi pemilihan kata yang dianggap lebih selari dengan aliran kini, seperti pemilihan kata, 'B4, Otw, Btw, ASAP" kerap digunakan dalam teks WhatsApp. Peserta kajian mengakui bahawa kebanyakan remaja kurang berminat untuk berkomunikasi dalam media sosial dengan menggunakan bahasa Melayu yang memiliki tata-bahasa dan frasa lebih tersusun.

Berdasarkan analisis teks WhatsApp peserta kajian, bentuk penukaran kod di antara ayat juga berlaku. Namun gejala linguistik ini paling sedikit berbanding dengan bentuk penukaran kod yang lain. Jadual 3 memaparkan bentuk penukaran kod di antara ayat yang digunakan dalam grup WhatsApp peserta kajian.

Jadual 3. Bentuk penukaran kod di antara ayat

Bil.	Contoh Ayat
1.	Soalan kena hantar sekalikan. So you just copy paste the questions.
2.	Adoii…printer dah habis ink. Anyone can help me, please. Tolonglah saya.
3.	Please, give me the answer. I dh blackout kjap.
4.	Join now. Webinar dah mula. Jom geng.
5.	Don't forget to upload u'r written speech. Jangan kata I tak payung ye.

Contohnya, "Soalan kena hantar sekalikan. *So you copy paste the questions.*" Berdasarkan contoh tersebut, ayat bahasa Melayu terdiri daripada "Soalan kena hantar sekalikan" telah diikuti oleh ayat bahasa Inggeris"*So you just copy paste the questions*". Oleh yang demikian, bentuk penukaran bahasa dalam ayat tersebut juga dianggap mengalami penukaran kod. Peserta kajian lebih banyak merancukan pemilihan kata dalam bentuk penukaran kod tempelan dan kod dalam ayat. Dalam hal ini, peserta kajian sedar tentang kelaziman mereka untuk menggunakan kata-kata yang bercampur aduk dalam satu ayat yang ditulis berbanding dengan penggunaan satu ayat lengkap yang mengandungi subjek dan predikat. Terdapat dalam kalangan peserta kajian

yang berpendapat bahawa penulisan sedemikian menunjukkan gaya ataupun '*style*'. Antara gejala linguistik lain yang dapat dikesan dari segi pemilihan kata ialah wujudnya bahasa slanga, seperti, "payung, *blackout, try*, emo" dan sebagainya yang saling difahami oleh peserta kajian dalam grup WhatsApp berkenaan.

Analisis teks data WhatsApp juga mendapati bahawa pemilihan kata yang melibatkan bentuk penukaran kod dalam perkataan turut digunakan oleh peserta kajian.

JADUAL 4. Bentuk penukaran kod dalam perkataan

Bil.	Contoh Perkataan	Pembetulan
1.	Terdelete	Terpadam
2.	Undolah semula	Bukalah semula
3.	disconnectlah pulak	Terputuslah pula
4.	Replykan	Balaskan
5.	Submitlah	Hantarlah
6.	Forwardkan	Bawa ke hadapan
7.	Trylah	Cubalah

Berdasarkan Jadual 4, terdapat beberapa penukaran kod dalam perkataan yang kerap digunakan oleh peserta kajian. Antaranya termasuklah, 'ter*delete*, *try*lah, *forward*kan, *submit*lah' yang digunakan oleh kebanyakan pesserta kajian. Dalam contoh tersebut, walaupun perkataan "kan, lah ", merupakan partikel bahasa Melayu, namun perkataan tersebut tetap mengandungi ciri morfologi bahasa Melayu yang jelas sekali menyalahi hukum bahasa jika pembentukan katanya dicampuradukkan dengan morfologi bahasa lain. Pengasimilasian antara dua struktur bahasa sebegini sering berlaku dalam konteks penggunaan bahasa Melayu.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap teks bertulis dalam platform digital yang lain, seperti Google Classroom didapati bahawa peserta kajian memilih perkataan yang sesuai serta memenuhi peraturan penggunaan berbahasa yang santun. Kerancuan bahasa kurang berlaku dalam kalangan peserta kajian yang berbilang kaum. Hal ini yang demikian kerana peserta kajian berkenaan sedar bahawa apa-apa komen atau pendapat yang diluahkan dalam GC perlu bersifat formal dari segi peraturan berbahasa. Perkara ini dimaklumkan oleh peserta kajian semasa temu bual. Hal ini berbeza dengan komunikasi bertulis menerusi kumpulan WhatsApp pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti peserta kajian yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India memilih perkataan yang tepat dan sesuai dalam komunikasi bertulis melalui Google Classroom bagi media pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu Kontekstual yang diikuti secara dalam talian. Namun pemilihan kata yang rancu paling banyak digunakan oleh peserta kajian sewaktu komunikasi bertulis dalam WhatsApp. Kebanyakan peserta kajian yang ditemu bual berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang rancu dalam komunikasi bertulis di media sosial lebih mudah difahami dalam kalangan rakan sebaya serta menunjukkan kekreatifan mereka sewaktu berbahasa. Hasil kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian pengkaji sebelum ini yang menunjukkan penggunaan bahasa yang rancu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu melalui Facebook, Blogspot dan Twitter (Noor Husna, 2019; Siti Rahimah, et.al, 2014). Dalam hal ini, Siti Rahimah, et. al (2014) berpendapat bahawa penukaran kod yang lahir daripada etnik Melayu merupakan perbuatan yang tidak wajar sama sekali kerana penggunaan bahasa Inggeris yang berlebih-lebihan dan diselitkan secara sengaja dalam komunikasi harian adalah perkara yang tidak relevan khususnya dalam konteks orang Melayu sendiri.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan kata yang rancu dalam media sosial memberi impak kepada penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan santun dalam media pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Sekiranya pemilihan kata yang rancu ini tidak dibendung, berkemungkinan hal ini akan menjadi kelaziman dalam kalangan pelajar dan seterusnya akan terhasillah struktur bahasa yang menyimpang dari hukum tatabahasa sebenar dalam komunikasi bertulis. Hal ini selari dengan pandangan Hashim Ahmad (2016) dalam makalah yang bertajuk "Bahasa Menggambarkan Peribadi" yang menegaskan bahawa bahasa

yang diucapkan oleh seseorang itu menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa merupakan warisan bangsa. Pandangan ini merupakan suatu representasi bahawa sebelum mengujar atau menyatakan sesuatu, unsur-unsur bahasa sewajarnya dipilih agar tepat, sesuai dan betul penggunaannya mengikut konteks supaya tidak mencalar dan menggores perasaan pihak lain.

RUJUKAN

Ahmad Aindiy Zaini & Zaitul Azma . (2019). Strategi Kesantunan Bertutur Remaja Program Dwisijil di Maktab Rendah Sains Mara. *Jurnal Bahasa,* 19(1), 117-138.

Andreas Kaplan & Michael Haenlein. (2010). User of the World, Unite! The Challenges and Opportunities of Social Media. Business Horizons.

Asmah Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim:Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara 'online' melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication.* 31(1) 2015: 81-100

Hashim Ahmad (2016). Bahasa Menggambarkan Peribadi. *Dewan Bahasa*, Julai, 10- 14.

Himelboim, I., Lariscy, R. W., Tinkham, S. F., & Sweetser, K. D. (2012). Social Media and Online Political Communication: The Role of Interpersonal Information Trust and Openness. *Journal of Broadcasting & Electronic Medi*a 56(1): 92-115.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd.Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan. (2018). Aliran Pertuturan Bahasa Rojak dalam Kalangan Pengguna Facebook di Malaysia. *Academia Journal*, 7(1):62-71.

Noor Husna Abd.Razak. (2019). Pembentukan Kata Slanga dalam Korpus Media Sosial. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2017). Written Discourse in Digital Audio Folklore. *Man in India*. 97(2): 491-499.

Normah Mustaffa, Maizatul Haizan Mahbob, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan Internet dan Aktiviti Online Remaja di Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication,* 29(1), 199-212.

Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Dissemination of Values and Culture Through The e-Folklore. *The Turkish Online Journal of Educational Technology. 16*(1): 32-36

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur dalam Peristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JATI*, *19*, 151-168

Sara Beden.(2019). Prinsip dan Strategi Kesantunan Penulisan dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Issues in Language Studies*, Vol.8 No.1, 104- 129.

Simon, K. (2021, Februari 11). Digital 2021: Malaysia. https://datareportal.com/reports/digital-2020-malaysia

Siti Ezaleila Mustafa. (2015). *Friend and unfriend": Persahabatan di laman sosial. Prosiding 2nd International Conference on Media and Society.* Kota Samarahan: UNIMAS

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk. *Jurnal Bahasa, 14*(1) : 134-158

Teo Kok Seong. (2006) .Kerancuan dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa, 6*(4) : 697-712

Teo Kok Seong.(2009). Penukaran Kod dan Bahasa: Satu Fenomena Kedwibahasaan. *Pelita Bahasa*, 8:5, hlm. 41-43.

Zubaidah Ibrahim (2017). Bahasa Mudah, Cepat, Santai Pilihan Generasi Y. http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=1031&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm.

PENGESANAN PENGGUNAAN PERIBAHASA DALAM LAMAN FACEBOOK MENERUSI APLIKASI PENGESANAN AUTOMATIK PERIBAHASA PLATFORM MUDAH ALIH

Hishamudin Isam
Universiti Utara Malaysia (UUM)
din@uum.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini memaparkan dapatan hasil analisis pengesanan penggunaan peribahasa yang diterapkan oleh pengguna Facebook dalam status dan komen/komen balas. Dengan menggunakan Aplikasi Pengesanan Automatik Peribahasa Platform Mudah Alih, tumpuan pengesanan dibuat melalui pemilihan peribahasa dengan entri jenis kata (*type*) yang menggambarkan sifat perumpamaan iaitu *macam, seperti*, *bak, bagai, laksana* dan *umpama*. Sebanyak 50 akaun Facebook peribadi pengguna telah diteliti untuk menjawab persoalan mengenai keupayaan dan keberadaan peribahasa sebagai khazanah Melayu lama serta memperhalusi perilaku penggunaan dan penerapan peribahasa yang digunakan dalam kalangan pengguna. Dapatan menunjukkan, peribahasa dengan kata perumpamaan *macam, seperti*, dan *bak* adalah contoh peribahasa yang popular dan masih digunakan hingga ke hari ini oleh pengguna Facebook. Dari aspek perilaku penggunaan dan penerapan pula, didapati lebih banyak peribahasa telah mengalami perubahan dan pengubahsuaian. Keadaan ini memperlihatkan kekreatifan pengguna memanipulasi penggunaan kata sehingga pemilihan kata atau frasa yang dibuat untuk menggunakan peribahasa dipengaruhi oleh bahasa basahan dan dialek. Kajian-kajian seperti ini wajar digiatkan untuk memastikan kluster bidang kemanusiaan, khususnya bidang bahasa dan linguistik selari dengan matlamat Revolusi Industri 4.0 yang berhasrat untuk menaik taraf semua bidang penyelidikan.

Kata kunci: kluster kemanusian digital, pengesanan mata, peribahasa, data raya, Facebook

PENGENALAN

Kluster kemanusiaan digital yang sedang hangat diperkatakan sekarang adalah suatu platform menterjemahkan sasaran Revolusi Industri 4.0 untuk menaik taraf semua bidang yang terkandung dalam kluster kemanusiaan, termasuklah bidang bahasa dan linguistik. Menerusi kluster ini, penyelidikan bidang bahasa dan linguistik yang dijalankan dengan melibatkan penggunaan, pengunjuran dan penerokaan aplikasi teknologi baharu wajar digiatkan, bertujuan mendefinisikan semula pengertian kemanusiaan dan bagaimana disiplin ini boleh berkembang melalui penglibatan peranti, media dan pengkomputeran (Liu 2013; Burke 2016; Cosgrave 2019).

Pengaplikasian teknologi yang dimaksudkan tidak hanya melibatkan aspek metodologi kajian semata-mata, sebaliknya bermula daripada isu penyelidikan yang dibincangkan (misalnya isu bahasa dalam dunia teknologi maklumat), pemerolehan dan penganalisisan data (misalnya memanfaatkan kaedah pengiklanan siber), serta signifikan kajian (yang menjurus kepada keperluan teknologi maklumat dalam dunia bahasa dan linguistik) (Schreibman, Siemens & Unsworth 2008; Svensson 2012; Risam 2017; Mahony 2018; & Lam & Wong 2020). Antara cadangan fokus penyelidikan yang boleh diteliti dan diluaskan ialah aplikasi linguistik dalam pembangunan korpus digital khusus untuk analisis dan interpretasi data bahasa, penggunaan perisian pengesanan mata (*eye tracking*), penerapan teknologi inovatif berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa, serta reka cipta dan pembangunan model persekitaran PdP bahasa yang menggunakan perisian realiti.

DATA RAYA FACEBOOK DAN PENGGUNAAN PERIBAHASA

Pemangkin kepada penyelidikan berteraskan kluster kemanusiaan digital ialah penggunaan data raya iaitu data yang boleh diproses (dengan cara menganalisis dan mengekstrak maklumat) secara sistematik. Data ini merupakan set data yang terlalu besar atau kompleks untuk ditangani oleh perisian aplikasi pemprosesan data secara tradisional (Strawn 2012; Gobble 2013; Waller & Fawcett 2013; Azlinah Mohamed, Maryam Khanian Najafabadi, Yap Bee Wah, Ezzatul Akmal Kamaru Zaman & Ruhaila Maskat, 2019; & Tingyu Lu 2020).

Menurut Ghavami (2020), kelebihan data raya sebagai data terkumpul yang sarat dengan pelbagai maklumat seharusnya dimanfaatkan oleh penyelidik bahasa dalam penelitian yang dijalankan, bertepatan dengan suasana sekarang yang membataskan pergerakan penyelidik untuk memperoleh data.

Facebook ialah contoh lubok untuk mendapatkan data raya bagi kajian bahasa dan linguistik. Hal ini demikian kerana Facebook berupaya membekalkan data sahih dan bukan data yang direka-reka untuk memenuhi keperluan kajian (Vlist, 2016). Keadaan tersebut bermaksud data bahasa menerusi Facebook memaparkan data bahasa tabii (*natural language*) berteraskan konteks penggunaan bagi seseorang pengguna bahasa. Agrawal, Paprzycki, dan Gupta (2020) mengatakan, sesuatu kajian bahasa yang menggunakan data sebenar dianggap menggunakan data yang lebih adil dan tidak bias mengikut acuan objektif yang diharapkan. Hal ini demikian kerana, data sebenar penting sejajar dengan kepentingan data yang empiris. Ia membolehkan seseorang pengkaji bahasa membuat kenyataan yang objektif atau berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa dengan dibuktikan oleh data yang empirikal (Leech 2016). Dalam membincangkan hal ini, McEnery dan Hardie (2011) mengatakan, penjelasan berdasarkan persepsi kognitif melalui data korpus dapat dimanfaatkan dalam menyelesaikan permasalahan linguistik seperti semantik, pragmatik dan sintaksis.

Justeru, berteraskan prinsip memakmurkan penyelidikan kluster kemanusiaan digital dengan menerapkan penggunaan data raya Facebook sebagai data kajian, maka kajian ini cuba untuk menggunakan perisian pengesanan mata (*eye tracking*) dengan hasrat mengesan penggunaan peribahasa yang diterapkan oleh pengguna Facebook dalam status dan komen/komen balas. Kajian ini boleh dijadikan sandaran untuk meneliti keupayaan dan keberadaan peribahasa sebagai khazanah Melayu lama yang sangat berharga, sama ada masih digunakan lagi dalam berbahasa atau tidak. Selain itu, menerusi kajian ini, boleh juga ditinjau bagaimana penggunaan peribahasa yang diterapkan dalam penggunaan sehari-hari oleh pengguna Facebook.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan Aplikasi Pengesanan Automatik Peribahasa Platform Mudah Alih (Mohd Azrul Sulaiman, Khirulnizam Abd Rahman, & Shahrul Ridzuan Arshad, 2014). Aplikasi yang dibangunkan dengan mengambil kira keperluan mengimplementasikan kombinasi pendekatan melihat-hadapan (*look-ahead*) dan pendekatan padanan rentetan menggunakan *regular expression* ini digunakan untuk mengenal pasti input teks Melayu (peribahasa) yang dipisahkan kepada token perkataan (kata khas yang dipilih) dan kemudiannya dibandingkan dengan pangkalan data peribahasa. Terdapat tiga (3) fungsi utama aplikasi pengesanan tersebut yang memudahkan kerja-kerja penyelidikan peribahasa dijalankan iaitu:

a. Carian peribahasa – melibatkan fungsi kamus peribahasa, input adalah peribahasa yang ingin diketahui maknanya
b. Pengesanan peribahasa – mengenal pasti peribahasa yang terdapat dalam ayat, input adalah ayat / perenggan yang mengandungi peribahasa
c. Cadangan peribahasa - mencadangkan peribahasa yang sesuai berdasarkan kata kunci.

Menerusi fungsi pengesanan, aplikasi diperlukan untuk mengenal pasti penggunaan peribahasa yang terdapat dalam ruangan status atau komen/komen balas milik 50 orang pengguna Facebook yang telah memberi persetujuan kepada penyelidik bagi menggunakan laman Facebook milik mereka untuk dijadikan sumber data kajian. Pengguna Facebook yang juga dianggap sebagai pemilik akaun Facebook tersebut adalah daripada pelbagai latar belakang sosio ekonomi (umur, jantina, lokaliti, dan tahap ekonomi) dan persetujuan serta pengesahan pemilik akaun dibuat melalui sembang secara peribadi di ruangan *Messenger*. Tempoh masa pengesanan penggunaan peribahasa tersebut ialah selama setahun iaitu semua status dan komen/komen balas yang ditulis dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.

Pengesanan dibuat dengan menggunakan entri jenis kata (*type*) terpilih yang menggambarkan peribahasa bersifat perumpamaan iaitu *seperti*, *macam, bak, bagai, laksana* dan *umpama*. Hasil pengesanan tersebut kemudiannya dirujuk silang dengan entri peribahasa yang terdapat dalam pangkalan data peribahasa Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu di alamat laman web https://malaycivilization.com.my/peribahasa-melayu (Ding Choo Ming, 2004). Berbanding carian dan pengesanan peribahasa secara manual yang memakan masa, tenaga dan belanja, kaedah pengesanan secara automatik ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa, tenaga dan belanja, malah dapat menjadikan penyelidikan mengenai bahasa dan budaya Melayu lebih

menarik dan bersifat kontemporari seiring dengan perkembangan sains dan teknologi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis telah menemukan kepelbagaian penggunaan peribahasa oleh pengguna Facebook dengan entri jenis kata (*type*) terpilih yang menggambarkan peribahasa bersifat perumpamaan iaitu *macam, seperti*, *bak, bagai, laksana* dan *umpama*. Daripada enam (6) jenis kata tersebut, tiga (3) kata mencatat jumlah kekerapan paling tinggi digunakan iaitu kata perumpamaan *seperti*, *macam,* dan *bak.* Perincian jumlah kekerapan adalah seperti berikut:

JADUAL 1. Pengunaan peribahasa dalam laman Facebook pengguna

Jenis kata	Jumlah	Menyamai Peribahasa Asal	Berlaku Perubahan
macam	72	14	58
seperti	59	27	32
bak	45	19	26
bagai	29	8	21
laksana	16	1	15
umpama	9	2	7

Berdasarkan Jadual 1 yang dipaparkan di atas, dapat dilihat penggunaan peribahasa dalam kalangan pengguna Facebook, dengan peribahasa yang menggunakan kata *macam* paling kerap digunakan, diikuti oleh kata *seperti* dan *bak*. Walaupun dari segi jumlah, bilangannya adalah terhad, namun keadaan ini sudah dapat menggambarkan bahawa penggunaan peribahasa masih mendapat tempat di hati pengguna semasa menulis status atau membuat komen balas di Facebook masing-masing. Berdasarkan rujuk silang yang dilakukan ke atas setiap peribahasa yang dijumpai dengan peribahasa yang terdapat di pangkalan data peribahasa Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu pula menunjukkan, kebanyakan pengguna telah melakukan pengubahsuaian terhadap peribahasa yang digunakan.

Untuk meninjau perilaku penggunaan peribahasa di Facebook, berikut disertakan contoh penggunaan peribahasa dari tiga (3) kata yang mencatat jumlah kekerapan paling tinggi iaitu kata perumpamaan *macam, seperti*, dan *bak.*

Peribahasa dengan Kata *macam*

Macam ialah kata kunci perumpamaan bagi peribahasa yang paling tinggi kekerapan penggunaannya oleh 50 orang pemilik akaun Facebook, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 72 buah peribahasa. Berikut disertakan contoh penggunaan peribahasa tersebut dalam ayat seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Penggunaan peribahasa dengan kata *macam*

Bil	Contoh Ayat	Peribahasa Asal	Makna Peribahasa
1	Hat ni tak jadi, hat tu tak siap, yang siap kerja tak sempurna. Halai balai suma. Sungguh sungguh la **macam* anak dara tunang tak mai* orang orang dulu cakap. Come on guys, wake-sup [12/l/b/t]	Macam anak dara tak datang tunangnya	Orang yang buat kerja tidak pernah siap
2	Korang tengok la sapa pegang sapa. Kita set set timun ni kena atur la oleh mereka mereka yang **macam* pegang tali layang layang*. Bukan setakat ikut angin alam ok, ikut juga angin pemegang tu nak bawak kita kemana. [23/l/lb/r]	Macam memegang tali layang layang	Orang yang berkuasa dalam kehidupan orang lain
3	Penuh poket penuhla tembolok, **macam* ulaq kekenyangan* la jadiknya. Apa nak lagi kalau semua ada dihujung jari. Masa ni ana punya kuasa, ikut suka hati ana la nak buat apa betoi ka salah. Dunia ini ana yang punya [8/p/lb/h]	Macam ular kekenyangan	Orang yang buncit perutnya sehingga berjalanpun sudah tidak betul lagi

4	**Macam* timun dengan durian, menggelek luka, kena gelek pun luka*. Kita takada daya nak lawan. Kau mampu? [39/l/b/k]	Macam timun dengan durian, menggelek luka, kena gelek pun luka	Orang kecil yang sentiasa tidak berdaya melawan orang besar
5	Jangan jadi **macam* betung bang, seruas seruas*. Tak ke mana kita [6/l/b/m]	Macam betung seruas	Orang yang terlalu jujur

Dalam contoh peribahasa yang digunakan dalam Jadual 2, kata *macam* mudah digunakan oleh pengguna Facebook kerana penggunaannya hampir dengan interaksi bahasa lisan. Perubahan yang berlaku kebanyakannya hanya melibatkan perubahan pemilihan kata yang lebih dekat dengan bahasa lisan seperti penggunaan bahasa basahan dan dialek.

Peribahasa dengan Kata *seperti*

Selain *macam*, kata *seperti* juga sering digunakan dalam bahasa lisan. Oleh itu tidak mustahil peribahasa yang dimulakan dengan kata seperti mudah dijumpai dalam status dan komen/komen balas pengguna Facebook. Seperti kata *macam*, peribahasa dengan kata *seperti* juga banyak yang dijumpai telah mengalami sedikit pengubahsuaian. Berikut disertakan Jadual 3 yang dapat memaparkan penggunaan peribahasa dengan kata *seperti*.

JADUAL 3. Penggunaan peribahasa dengan kata *seperti*

Bil	Contoh Ayat	Peribahasa Asal	Makna Peribahasa
6	Dalam waktu waktu macam ni korang boleh buat lagu ni. Masyaallah hina sungguh la. Orang tua tua kata **seperti* cacing dok kat pelimbah* nu [15/p/lb/x]	Seperti cacing di pelimbahan	Amat hina dan keji
7	Sungguh macam orang orang tua kata, **seperti* batu kat pulau*. Punya banyak makanan, sampai rasa membazir pulak. Dapat dari sana sini [19/p/lb/c]	Seperti batu di pulau	Amat banyak
8	Yang tak sedap tengok tu kelaku sesetengah yang datang tu **seperti* cicak makan katu*. Tu orang tua tua kata la. Apa salah kalau ikut SOP, jaga jarak [33/p/b/b]	Seperti cicak makan kaper (kelkatu)	Amat rakus
9	Makngah tengok depan mata makngah lepa dah macam orang dulu dulu kata **seperti* bulan hari kesiangan*, lesu lunyai. Jadi wei kobid ni jangan buat main la. Hampa tak caya ikut suka hampa, makngah pecaya [8/p/lb/e]	Seperti bulan kesiangan hari	Amat pucat
10	**seperti* dah biasa, takkan nak hilang kesat* bahasanya. Bukan aku cakap, tapi orang lama lama cakap ye. Jenis mulut macam ni, jenis hangsuang diva aa kata hahahahah [47/p/b/h]	Seperti biasa, masakan hilang kesatnya	Amat biadap

Impak interaksi lisan begitu kuat dalam paparan contoh penggunaan peribahasa seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 di atas. Pengguna seolah-olah berinteraksi sesama mereka di alam nyata dan penerapan peribahasa mengukuhkan lagi idea utama yang ingin disampaikan dengan penekanan kepada frasa *orang tua tua kata, orang dulu dulu,* dan *orang lama lama*.

Peribahasa dengan Kata *bak*

Walaupun penggunaan kata *bak* tidaklah sering digunakan dalam bahasa lisan, namun hasil penelitian menunjukkan, peribahasa berunsur perumpamaan dengan kata *bak* masih mendapat perhatian pengguna Facebook. Keadaan ini boleh dijadikan sandaran bahawa peribahasa masih digunakan dalam masyarakat ketika berinteraksi, terutamanya interaksi dalam penulisan, khususnya bagi mereka yang terdedah kepada penggunaan peribahasa kerana mempelajarinya secara formal seperti golongan pelajar (dibuktikan melalui tag u (pelajar universiti) dan m (pelajar menengah) dalam data yang diperoleh). Berikut dipaparkan Jadual 4 yang memperlihatkan penggunaan peribahasa dengan kata *bak*.

JADUAL 4. Penggunaan peribahasa dengan kata *bak*

Bil	Contoh Ayat	Peribahasa Asal	Makna Peribahasa
11	Aku tatau la betul ka dak, tapi orang kata kalau jadi lagu ni **bak* membelah kpayang muda la cheq oiii.. nak di makan mabuk nak dicampak taukbuang sayang*. Hang pikiaq kediri la hang nak pilih hat mana [7/p/lb/u]	Bak membelah kepayang muda, dimakan mabuk dicampak sayang	Dalam keadaan serba salah
12	Takde bantuan, takde sokongan, takde sesape, korang ingat mampu hidup. Kalau hidup pun **bak* serasa di liang lahad*. Sempit [15/l/b/u]	Bak rasa di liang lahad	Dalam keadaan kesempitan
13	Kita yang hadap, kita yang tempoh, **bak* pinang diadoh, kalau putus tali terpaksa berdiri*. eehhhh dah macam pantun pulak aku nyebutnya. Tapi ni dulu dulu la aruah ayah aku pernah cakap kalau kita terpaksa harong sensorang [22/l/b/m]	Bak pinang dianduh, putus tali berdiri dia	Dalam keadaan terpaksa
14	Dia yang hantar aruah mak dia p spital, dia yang tinggalkan di situ sensorang lepas dr kata tak boleh sesapa jaga. Kendian dapat call kata mak dia dah takada. Dia yang angkat call tu. Then masa mak dia kebumi, tak boleh tengok pulak tu. Macma kata pepatah lama **bak* manek putus tali* doh. Kau tengok manek waktu putus tali. Macam tu la keadaan dia. Aku rasa dah 2,3 hari tak berenti dia nangis. [39/p/b/m]	Bak manik putus tali	Dalam keadaan sedih yang amat sangat hingga air mata berguguran
15	Lepas dapat call, terus dia maklum kat jemaad masjid. Dia call pak imam sanip dulu aku rasa. Pastu berita masuk banyak group wasap. Tu yang aji dolah guna peribahasa **bak* cetus api* tu. Kalau kita baik dengan orang, Allah tolong kita [40/l/b/m]	Bak cetus api	Dalam keadaan yang amat pantas

Kelima-lima contoh yang dipaparkan dalam Jadual 4 memperlihatkan contoh penggunaan peribahasa dengan kata *bak* yang digunakan oleh pelajar universiti (tag bertanda u) dan pelajar sekolah menengah (tag bertanda m). Walaupun disesuaikan penggunaannya dengan interaksi lisan, namun penerapan peribahasa yang dibuat amat bersesuaian yang memperlihatkan mereka (pelajar univesiti dan pelajar menengah) mempelajarinya secara formal mengenai cara cara menggunakan peribahasa tersebut.

RUMUSAN

Setelah meneliti kesemua contoh bilangan dan penggunaan peribahasa yang dipaparkan dalam Jadual 1, 2, 3 dan 4 di atas, dapatlah dirumuskan bahawa, dari segi jumlah, bilangan penggunaan peribahasa dalam laman Facebook bagi 50 orang pemilik akaun adalah kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan jumlah penggunaan kata. Namun begitu, dari satu sisi yang lain, keadaan ini boleh dianggap membanggakan kerana peribahasa masih praktikal digunakan oleh kebanyakan pengguna laman Facebook yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosio ekonomi (umur, jantina, lokaliti, dan tahap ekonomi).

Dari aspek penggunaan pula, peribahasa yang diterapkan dalam penggunaan sehari-hari oleh pengguna Facebook banyak yang telah melalui proses perubahan dan pengubahsuaian. Walau bagaimanapun, perubahan dan pengubahsuaian yang dilakukan tidaklah sampai mempengaruhi atau mengubah maknanya kerana makna asal peribahasa tersebut masih boleh difahami berdasarkan konteks ayat. Kebanyakan perubahan dan pengubahsuaian yang dibuat melibatkan kekreatifan pengguna memanipulasi penggunaan kata sehingga pemilihan kata atau frasa yang dibuat memperlihatkan pengaruh bahasa basahan dan dialek. Keadaan ini sedemikian rupa boleh dikaitkan dengan prinsip laman sembang itu sendiri yang bersifat interaksi peribadi dan mesra. Oleh hal yang tersebut maka, perubahan dan pengubahsuaian dilakukan kerana hendak disesuaikan dengan faktor komunikasi lisan semasa berinteraksi sesama pengguna rakan Facebook yang lain.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian pengesanan penggunaan peribahasa yang diterapkan oleh pengguna Facebook dengan menggunakan Aplikasi Pengesanan Automatik Peribahasa Platform Mudah Alih telah memperlihatkan keupayaan dan keberadaan peribahasa sebagai khazanah Melayu lama yang sangat berharga, yang masih digunakan sehingga kini. Kaedah pengesanan mata (*eye tracking*) yang menjadi salah satu trend dalam penyelidikan kluster kemanusiaan digital dengan menerapkan penggunaan data raya untuk meneliti peribahasa yang dijalankan dalam kajian ini bukan sahaja dapat memperlihatkan keupayaan dan keberadaan peribahasa, malah dapat juga meneliti perilaku penggunaan dan penerapan peribahasa yang digunakan dalam kalangan pengguna. Kajian-kajian seperti ini masih perlu dijalankan untuk memastikan kluster bidang kemanusiaan, termasuklah bidang bahasa dan linguistik selari dengan saranan Revolusi Industri 4.0 yang berhasrat untuk menaik taraf semua bidang penyelidikan.

.

RUJUKAN

Agrawal, R., Paprzycki, M., & Gupta, N. (2020). *Big data, IoT, and machine learning: Tools and applications.* Oxfordshire: Taylor & Francis Group

Azlinah Mohamed, Maryam Khanian Najafabadi, Yap Bee Wah, Ezzatul Akmal Kamaru Zaman & Ruhaila Maskat . (2019). The state of the art and taxonomy of big data analytics: View from the new big data framework. *Artificial Intelligence Review*, *53*, 989-1037.

Ding Choo Ming. (2004). Indexing databases on Malay world studies: The critical role of knowledge workers. *Sari*, *22*, 63-76.

Burke, T (2016). The human digital. In M. K. Gold, & L. F. Klein (Eds.), *Debates in the digital humanities*, pp. 211-220. New York: Routledge.

Cosgrave, M. (2019). Digital humanities methods as a gateway to inter and transdisciplinarity. *Global Intellectual History*, *6*(1), 1-10.

Ghavami, P. (2020). *Big data analytics methods: Analytics techniques in data mining, deep learning and natural language processing* (2nd ed.). Boston: Walter de Gruyter.

Gobble, M. M. (2013). Big data: The next big thing in innovation. *Research Technology Management, 56*(1), 64-66.

Lam, C, & Wong, C. (2020). Accent in digital humanities and language studies: The case in Hong Kong. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies, 26*(1), 32-43.

Leech, G. (2016). Introducing corpus annotation. Dlm. R. Garside, G. Leech & T. McEnery (Eds.), *Corpus annotation: linguistics information from computer text corpora,* hlm. 1 – 18. London: Longman.

Liu, A. (2013). The meaning of the digital humanities. *Publications of the Modern Language Association of America (PMLA), 128*(2), 409-423.

Mahony, S. (2018). Cultural diversity and the digital humanities. *Fudan Journal of Humanities and Social Sciences, 11*(3), 371–388.

McEnery, T. & Hardie, A. 2011. *Corpus linguistics: Method, theory and practice.* Cambridge: Cambridge University Press.

Mohd Azrul Sulaiman, Khirulnizam Abd Rahman, & Shahrul Ridzuan Arshad. (2014). Aplikasi pengesanan automatik peribahasa melayu: Penterjemah peribahasa mobile. Proceeding of the Global Summit on Education GSE 2014, 4-5 Mac 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Risam, R. (2017). Other worlds, other DHs: Notes towards a DH accent. *Digital Scholarship in the Humanities, 32*(2), 377-384.

Schreibman, S., Siemens, R., & Unsworth, J. (Eds.). (2008). *A companion to digital humanities*. John Wiley & Sons.

Strawn, G. O. (2012). Scientific research: How many paradigms? *Educause Review, 47*(3), 26-34.

Svensson, P. (2012). The digital humanities as a humanities project. *Arts and Humanities in Higher Education, 11*(1-2), 42-60.

Tingyu Lu. (2020). Analysis on linguistics research directions in the age of big data. *Journal of Physics: Conference Series*, 1606, from https://iopscience.iop.org/article/10.1088

Vlist, F. N. (2016). Accounting for the social: Investigating commensuration and big data practices at facebook. *Big Data & Society* (January-June), 1-16.

Waller, M. A., & Fawcett, S. E. (2013). Data science, predictive analytics, and big data: A revolution that will transform supply chain design and management. *Journal of Business Logistics, 34*(2), 77-84.

DOMINASI SINDIRAN BERJENAKA DALAM MEME: GAYA BAHARU KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL

Nurul Julia Alani Henry
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
nurjulia@dbp.gov.my

Siti Noorisa Abdul Khlil
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
sitinoorisa@dbp.gov.my

ABSTRAK

Penggunaan meme sebagai gaya baharu komunikasi dalam media sosial didominasi oleh sindiran dalam bentuk jenaka. Kenapa sindiran berjenaka? Hal inilah yang akan dikaji berdasarkan 14 meme yang diambil daripada laman sosial. Meme yang dikaji hanya berkaitan gambar, peristiwa dan isu yang berlaku di Malaysia dan disampaikan menggunakan bahasa Melayu. Fokus penelitian ini mengungkapkan bagaimana sindiran berjenaka diwacanakan melalui meme dalam media sosial. Penelitian ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam bagaimana wacana meme yang berupa sindiran berjenaka tertuang dalam teks bergambar, yang dipaparkan dalam media sosial. Penelitian ini menjadi menarik kerana sindiran berjenaka yang ditunjukkan dalam meme lazimnya sebagai respons terhadap hal atau isu politik, ekonomi, pendidikan, budaya, dan lain-lain. Penelitian ini menggunakan analisis wacana kritis Norman Fairclough yang memiliki identifikasi bahawa wacana dapat berupa rangkaian ujaran secara lisan dan tulisan, termasuklah wacana teks bergambar. Melalui analisis ini ditemukan bahawa sindiran berjenaka dalam meme dalam media sosial digunakan sebagai sindiran dan kritikan terhadap hal-hal yang tular dalam bentuk jenaka. Melalui kajian ini juga, meme dilihat bukan sebagai teks yang diam, pasif, dan selesai atau terhenti begitu sahaja selepas dihasilkan dan dihantar dalam media sosial. Sebaliknya, meme ialah suatu komunikasi gaya baharu yang dinamik, menarik dan popular, dan dalam aspek kajian ini menunjukkan sindiran secara berjenaka mendominasi wacana meme dalam media sosial.

Kata kunci: meme, sindiran, wacana, media sosial

PENGENALAN

Bahasa memiliki kekuatan yang diibaratkan sama seperti kelebihan yang ada pada duit syiling, yang memiliki dua sisi yang berbeza. Di satu sisi, bahasa dapat menjadi daya tarikan untuk memikat seseorang atau sesuatu pihak. Di sisi lain, bahasa dapat menjadi senjata bagi pemakainya. Bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi. Penting untuk memahami pemakaian bahasa yang ditunjangi oleh bahasa bukan lisan agar komunikasi dapat berjalan dengan efektif dan terarah. Dalam hal menyampaikan sindiran pun, bahasa memegang peranan penting. Sindiran atau kritikan tidak semestinya disampaikan dengan bahasa yang kasar. Sindiran akan lebih efektif jika disampaikan lewat bahasa yang santai dan mudah difahami, tetapi tetap mengena sebagai satu sindiran kepada pihak tertentu. Banyak alternatif penggunaan bahasa yang santun dalam melemparkan sindiran. Satu daripadanya adalah dengan memanfaatkan bahasa sindiran sebagai gaya dalam memberikan respons atau tindak balas terhadap sesuatu isu semasa atau peristiwa yang tular dan sohor kini.

Tulisan dengan nada menyindir dapat disampaikan, baik dalam bentuk kata-kata atau ungkapan pendek mahupun panjang dalam media digital, media sosial, atau jejaring yang lain, yang dirasakan efektif dan bermanfaat. Media komunikasi terbaharu yang digunakan sebagai penyampaian sindiran atau persemaian idea lainnya yang sedang hangat digeluti dalam era digital ini ialah lontaran sindiran menggunakan gaya meme, atau meme Internet.

Penelitian dalam kertas kerja ini memfokuskan wacana dalam bentuk meme yang bernada sindiran dan disertakan kata-kata lucu atau secara berjenaka. Analisis dilakukan menggunakan meme dalam media

sosial sebagai sumber data. Justifikasi menggunakan meme sebagai data analisis kerana meme dianggap efektif sebagai media komunikasi yang berisikan jenaka dan sarat dengan sindiran yang kreatif. Dalam hal ini, wacana yang diteliti ialah wacana meme yang terdapat dalam media sosial.

KONSEP MEME

Istilah "meme" dicipta oleh seorang ahli biologi evolusioner, Richard Dawkins, yang menuangkan pemikirannya dalam buku berjudul *The Selfish Gene* pada tahun 1976. Kata "meme" berasal daripada bahasa Yunani, "mimema" atau dalam bahasa Inggeris, "to imitate" (meniru). Meme diibaratkan seperti gen namun dalam konteks budaya. Meme ialah satu unit yang menunjukkan budaya, simbol atau amalan yang boleh ditafsirkan kepada orang lain melalui gambar, simbol, penulisan, isyarat dan lain-lain yang tersebar dalam Internet dan akhirnya menjadi fenomena pada masa ini (https://www.solopos.com).

Bagaimanakah menyebut perkataan meme? Sebutannya ialah "meem", atau bahasa Melayu, "mim". Lazimnya, meme memparodikan orang atau peristiwa dengan mengubah makna daripada citra yang telah ada sebelumnya. Pada mulanya, meme disebarkan melalui e-mel, tetapi dengan kepesatan Internet dan kemunculan aplikasi seperti Twitter, Facebook dan Instagram, meme menjadi sangat terkenal pada masa sekarang. Rumusannya, meme ialah:

1. Gambar yang disertai tulisan sebagai bentuk ekspresi untuk tujuan berjenaka atau melawak.
2. Gabungan gambar dan teks humor atau sindiran.
3. Visual teks dan gambar yang tular.

(https://kreativv.com/genk-life/apa-itu-meme/)

Meme dalam media sosial menampilkan kombinasi antara gambar foto, gabungan gambar dengan teks, kartun dengan teks, atau jenis lainnya yang kebiasaannya sebagai menyindir sesuatu yang sedang menjadi perbincangan hangat di dunia maya, atau sebagai respons terhadap sesuatu isu yang menjadi sohor kini (Shifman, 2012:4). Meme juga merupakan respons kreatif yang diciptakan oleh individu atau pihak tertentu yang merasakan dia perlu mencurahkan kreativiti yang ada dalam fikirannya dalam bentuk parodi atau komedi tertentu untuk menanggapi isu hangat yang sedang berlegar dalam negara. Meme yang beredar dalam media sosial memang melucukan dan layak untuk dikaji sebagai sebuah media penyampaian sindiran yang sangat efektif, lebih-lebih lagi dengan dukungan dunia digital yang serba pantas dan menular.

Bahasa sindiran kini banyak ditemukan, khususnya dalam media sosial sebagai alat komunikasi yang dianggap ampuh untuk menyampaikan sindiran. Hal ini menjadi menarik kerana penggunaan bahasa sindiran ini melahirkan diksi atau pilihan kata, ungkapan dan gambar yang tular dan menjadi suatu fenomena dalam kalangan masyarakat. Sememangnya fenomena ini menarik untuk diteliti kerana meme dalam media sosial lazimnya memaparkan sindiran yang disampaikan secara berjenaka.

KAJIAN TERDAHULU

Kajian terdahulu yang menggunakan meme sebagai analisis data kebanyakannya berkisar pada meme yang mengetengahkan isu politik. Hal ini tergambar dalam kajian Ni Nyoman Ayu Suciartini (2020) yang bertajuk "Bahasa Satire dalam Meme Media Sosial". Begitu juga dengan kajian oleh Anastasia Yuni Wiydaningrum dan Theresia Intan Putri Hartiana (2017) yang bertajuk "Wacana Politisi Perempuan dalam Meme". Kedua-dua kajian tersebut menganalisis meme dan Internet yang memberikan ruang baharu bagi khalayak untuk menyampaikan kritikan dan saranan dalam kegiatan politik.

Kajian meme juga banyak berkaitan dengan Internet yang menjadi wahana penyebaran meme. Hal ini terbukti dalam kajian bertajuk "Kaum Muda, Meme dan Demokrasi Digital di Indonesia" oleh Sandy Allifiansyah (2016). Kajian bertajuk "Meme di Era Digital dan Budaya Siber" oleh Fitri Murfianti (2018) juga mengemukakan analisis berkaitan dengan penyebaran meme dalam dunia digital.

Kajian terdahulu yang menumpu pada meme sebagai seloka turut mendapat perhatian pengkaji. Satu daripada tajuk analisisnya ialah "Meme sebagai Seloka Persendaan dan Parodi: Impak Dimensi Sosiobudaya" oleh Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad, Sabariah Mohamed Salleh dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2016). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti impak penghasilan meme terhadap sosiobudaya dan politik di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa selain menerapkan unsur seloka, meme juga dilihat sebagai suatu

medium yang berkesan untuk menyampaikan rasa ketidakpuasan hati seseorang terhadap sesuatu isu ataupun perkara.

Di Malaysia, kajian terhadap meme Internet masih agak kurang dilakukan oleh para pengkaji, sama ada analisis dari aspek budaya, bahasa dan visual. Bagi mengisi kelompangan tersebut, maka kertas kerja ini akan menganalisis meme Internet untuk melihat bahasa sindiran secara berjenaka yang mendominasi kandungan meme.

ANALISIS WACANA KRITIS NORMAN FAIRCLOUGH

Penelitian ini menggunakan kaedah penelitian kualitatif dengan analisis wacana kritis Norman Fairclough. Pandangan Fairclough mengenai analisis wacana kritis ialah bagaimana bahasa menyebabkan kelompok sosial yang ada bertarung dan mengajukan ideologinya masing-masing. Pandangan Fairclough terbahagi kepada tiga tradisi, iaitu dimensi tekstual (mikrostruktural), dimensi kewacanaan (mesostruktural), dan dimensi praktis sosial budaya (makrostruktural) (Fairclough, 1995). Penelitian ini akan mengeksplorasi wacana mengenai isu yang ditunjukkan melalui meme dalam media sosial. Dalam analisis wacana kritis Norman Fairclough, analisisnya akan menyelongkar makna yang terdapat dalam meme melalui dimensi tekstual. Analisis tingkat makro dibuat berdasarkan pendapat bahawa konteks sosial yang ada di luar media sosial yang mempengaruhi bagaimana wacana yang ada dalam media tersebut.

Sebagai kajian yang bersifat deskriptif-kualitatif, penelitian ini tidak menggunakan hipotesis sebagai jawapan alternatif terhadap permasalahan yang diajukan sebagaimana yang lazim dilakukan dalam penelitian kuantitatif. Namun demikian, hipotesis itu hidup dalam fikiran pengkaji yang digunakan sebagai panduan dalam melakukan penelitian ini. Landasan teoretis dalam kajian pustaka tidak dimaksudkan sebagai dasar yang mengikat gerak kerja pengkaji, juga tidak bermuara pada hipotesis alternatif tertentu yang perlu diverifikasi dengan data empiris. Teori yang disajikan lebih berfungsi sebagai dasar untuk berpijak dan sebagai bekal wawasan yang memandu pengkaji dalam menganalisis objek penelitiannya.

Berdasarkan rancangan penelitian yang dirangka oleh pengkaji, ada lima mauduk yang dilakukan, iaitu:

1. Merumuskan masalah.
2. Menentukan jenis data yang diperlukan.
3. Menentukan prosedur pengumpulan data.
4. Menentukan prosedur pengolahan data.
5. Membuat kesimpulan.

Sesuai dengan rancangan penelitian kualitatif, maka subjek dalam penelitian ini ialah meme dalam media sosial, manakala objek penelitiannya ialah bahasa sindiran secara berjenaka yang digunakan dalam meme. Analisis terhadap meme itu akan merangkumi penggunaan kata (diksi) ataupun ungkapan dan gambar foto yang mengiringi kata atau ungkapan itu.

Dalam penelitian ini digunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi merupakan salah satu metode pengumpulan data kualitatif dengan melihat atau menganalisis dokumen yang dibuat oleh subjek sendiri atau oleh orang lain. Dokumentasi merupakan salah satu cara yang dilakukan oleh pengkaji melalui kaedah kualitatif untuk mendapatkan gambaran dari sudut pandang subjek melalui suatu media tertulis dan dokumen lainnya yang ditulis atau dibuat langsung oleh subjek yang bersangkutan berupa ungkapan sindiran secara berjenaka. Dalam hal ini, pengkaji mencatat dengan teliti kata-kata dan ungkapan sindiran yang terdapat dalam meme yang beredar dalam media sosial. Kemudian, kerja analisis akan dibantu oleh kajian pragmatik sebagai alat analisis. Jenis data yang dikumpulkan melalui teknik pengumpulan data ialah kata-kata atau ungkapan yang berbaur atau bernada bahasa sindiran, khususnya kata-kata atau ungkapan yang merepresentasikan gaya bahasa sindiran yang disampaikan melalui meme dalam media sosial, seperti Instagram, Facebook dan Twitter.

Teknik pengumpulan data ini memberikan arahan kepada pengkaji dalam memperoleh data yang kemudian disusul dengan cara menyusun alat bantunya, iaitu instrumen penelitian (Emzir, 2010). Data yang diperlukan untuk menjawab permasalahan yang dirungkaikan ialah kata, ungkapan, gaya bahasa dan gambar foto yang merepresentasikan gaya bahasa sindiran. Instrumen penelitian juga digunakan untuk mendukung teknik pengumpulan data dalam penelitian ini. Pemilihan instrumen ditujukan untuk menunjangi penggunaan

metode dalam pengumpulan data. Instrumen penelitian ialah alat yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpulkan data agar kegiatan penelitian berjalan lancar dan sistematik (Arikunto, 2006:160). Alat ini penting bagi kegiatan penelitian kerana akan mempermudah kerja analisis, yang bermaksud pengkaji lebih cermat, lengkap, sistematik, dan menghasilkan penemuan yang terbaik.

Analisis data dalam penelitian ini menggunakan prosedur analisis data kualitatif. Secara umumnya, analisis data mencakup tiga tahap, iaitu (1) pemprosesan data, (2) penyajian data, dan (3) verifikasi atau penarikan simpulan. Ketiga-tiga tahap tersebut saling berinteraksi, bermula daripada pengumpulan data dan berakhir dengan penulisan penemuan analisis kajian.

Hasil Analisis dan Pembahasan

Meme merupakan fenomena baharu dalam dunia komunikasi, khususnya ketika dunia digital dan media sosial mendominasi apa-apa bentuk komunikasi, terutama penyampaian mesej dan maklumat dengan serba pantas. Meme sangat diminati dan dinikmati oleh pengguna media sosial dan pelayar dunia digital kerana bentuknya yang santai, bahasanya mudah dan terselit unsur jenaka dalamnya. Dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020), entri meme yang dirangkaikan dengan Internet ("meme Internet" berlabel TMK) ditakrifkan sebagai bahan berkaitan budaya dalam bentuk imej, video, teks dan sebagainya yang disebarkan melaui Internet yang bertujuan untuk mengajuk atau meniru secara berjenaka. Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* Edisi Kelima (2019) pula, meme diertikan sebagai idea, perilaku, atau gaya yang menyebar daripada satu orang kepada orang lain dalam sebuah budaya. Atau, cuplikan gambar daripada acara televisyen, filem dan sebagainya, atau gambar yang dibuat sendiri yang dimodifikasi dengan menambahkan kata-kata atau tulisan dengan untuk tujuan untuk melucu dan menghiburkan hati.

Meme sebenarnya telah ada sejak ribuan tahun yang lalu. Namun begitu, belum banyak yang mengetahui maksud atau makna sebenarnya yang terdapat dalam meme sehingga dapat menunjang kita dalam berkomunikasi. Penelitian ini akan memaparkan empat data yang menganalisis 12 meme (empat meme dalam satu data). Data tersebut diberikan tajuk berdasarkan isu atau peristiwa yang berlaku dalam negara. Tujuannya untuk memudahkan penganalisisan teks dan visual foto dalam setiap meme.

(a)

(b)

(c)

(d)

DATA 1. Harga Kangkung

Data 1	Teks	Visual Foto
(a)	Bersyukurlah harga kangkung murah.	Seorang wanita menangis sambil menadah tangan sebagai tanda bersyukur
(b)	Kita patut bersyukur kepada Allah kerana harga kangkung turun.	Seorang pemimpin sedang berucap dengan muka yang serius dengan gaya tangan seperti menjelaskan sesuatu.
(c)	Ko tak de keje ke? Nak jual kangkung?	Seorang lelaki dengan mimik muka selamba sambil menghisap rokok.
(d)	Kangkung ini bukti saya faham kesusahan rakyat!	Seorang pemimpin sedang berucap sambil mengangkat segenggam kangkung.

Meme Data 1 muncul sebagai respons terhadap pengumuman Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu berhubung penurunan harga kangkung. Kesannya, berita itu tersebar meluas dan menjadi bahan sindiran dan gelak ketawa di Internet. Selain komen dalam laman sosial, terdapat pengguna Internet yang secara nakal menujukan lagu rakyat "Lenggang Kangkung" nyanyian penyanyi terkenal Saloma kepada Perdana Menteri. Malah, terdapat juga pengguna yang membariskan beberapa gambar yang disunting dengan memasukkan dialog menyindir Perdana Menteri sebagai pemimpin yang memahami kesusahan rakyat ekoran kenaikan kos sara hidup. Kenyataan beliau itu menjadi bahan sindiran di Internet. Sensasinya ucapan perdana menteri berhubung penurunan harga kangkung kemudiannya menarik perhatian media antarabangsa apabila agensi berita BBC melalui segmen berita sohor kini, melaporkan bagaimana pemimpin Malaysia dikritik kerana mengeluarkan kenyataan "harga kangkung murah".

Dengan melihat meme Data 1, diksi dan ungkapan yang bernada sindiran terlihat pada meme Data 1 (a), (b) dan (d), iaitu "Bersyukurlah harga kangkung murah", "Kita patut bersyukur kepada Allah kerana harga kangkung turun", dan "Kangkung ini bukti saya faham kesusahan rakyat!" Ungkapan itu dilabelkan sebagai sindiran kerana rakyat sebenarnya mengetahui harga kangkung memang sedia murah. Tambahan pula, kangkung mudah diperoleh dan didapati dengan percuma, terutama oleh orang kampung yang boleh memetik kangkung yang tumbuh di melata tepi parit. Maka oleh sebab itulah, ditulis perkataan "bersyukur" yang sebenarnya satu sindiran dalam berjenaka terhadap kenyataan pemimpin negara yang mengatakan harga kangkung murah, padahal harga kangkung memang murah.

Selain itu, meme Data 1 juga menggambarkan rakyat berasa marah dengan gesaan pemimpin negara yang menyuruh mereka makan kangkung sehingga melemparkan sindiran dengan berkata "Makan kangkung? Kita manusia bukan itik" (Selangorkini.my, 2 Mei 2018). Sindiran oleh rakyat juga dikesan dalam kenyataan balas mereka dengan bertanya, "Harga kangkung RM7/kg murah ke?" (milosuam.net, 6 Februari 2014). Analisis foto meme Data 1 (d) juga jelas menunjukkan adanya sindiran apabila gambar foto pemimpin negara diubah suai menggengam kangkung dengan ungkapan "Kangkung ini bukti saya faham kesusahan rakyat". Foto itu disifatkan menyindir kerana rakyat mengetahui bahawa kangkung ialah sayur yang sangat mudah diperoleh. Melalui foto itu, pencipta meme menyindir, adakah dengan menurunkan harga kangkung pemimpin itu dianggap memahami kesusahan rakyat? Sepatutnya pemimpin itu memberikan bantuan lain yang lebih "bernilai" dan "tinggi statusnya" daripada kangkung. Begitu juga dengan foto meme Data 1 (c) yang jelas memaparkan sindiran tetapi terselit jenaka apabila dipaparkan gambar pemimpin negara yang bermimik muka selamba sambil menghisap rokok dengan ungkapan "Ko tak de keje ke? Nak jual kangkung?". Teks dalam meme Data 1 (c) bermaksud menyindir orang yang tidak ada pekerjaan bolehlah menjual kangkung kerana rakyat pasti akan membeli kangkung disebabkan harganya yang dikatakan murah.

(a)

(b)

(c)

(d)

DATA 2. Malaysia Boleh

Data 2	Teks	Visual Foto
(a)	Kan tadi kata Malaysia boleh?	Seorang lelaki bercakap dengan gaya tangan seperti mempersoalkan sesuatu kepada seseorang.
(b)	Malaysia boleh? Tak la	Seorang lelaki dengan keadaan mata yang juling.
(c)	Apa pun tak boleh...!!	Seorang pemimpin sedang berucap dengan gaya yang tegas sambil mengangkat tangan.
(d)	Tak nak boleh ke?	Seorang pemimpin sedang berucap dengan mimik muka tidak bersemangat.

"Malaysia Boleh" ialah slogan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pada asalnya sinonim dengan sukan. Sejak itu, ungkapan tersebut terus digunakan untuk membangkitkan semangat rakyat Malaysia untuk mencapai kejayaan dalam bidang lain seperti pendidikan, ekonomi mahupun pencapaian individu rakyat Malaysia. Ungkapan "Malaysia Boleh" sudah menjadi sebutan harian rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama, sama ada mereka daripada kaum Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban. Malah, kanak-kanak juga sudah tahu menyebut "Malaysia Boleh". Semua rakyat Malaysia juga mengakui "Malaysia Boleh' ialah ungkapan keramat, umpama ada nyawa yang memberikan semangat yang luar biasa ketika slogan itu dilaungkan. Slogan ini bukan sahaja membawa mentaliti rakyat Malaysia keluar dari kepompong ketakutan malah membawa mereka mencapai sesuatu yang luar biasa. Persoalannya, adakah Malaysia benar-benar boleh? Adakah ungkapan itu satu kenyataan ataupun hanya satu mimpi? Maka itu, muncullah meme sebagai respons terhadap persoalan tersebut. Jadi, timbullah ungkapan sindiran seperti dalam meme Data 2 (a) dan (b), iaitu "Kan tadi kata Malaysia Boleh?" dan "Malaysia Boleh? Tak la". Ungkapan dalam meme Data 2 (a) disertakan dengan visual foto yang lucu, iaitu modifikasi foto pelakon dalam filem Star Wars yang bercakap dengan gaya tangan yang mempersoalkan "Kan tadi kata Malaysia Boleh?" kepada seseorang. Foto meme Data 2 (b) juga dimodifikasi, iaitu foto pemimpin negara dengan mata yang dijulingkan bagi menyerasikannya dengan ungkapan "Malaysia Boleh? Tak la". Orang yang melihat dan membaca meme Data 2 (a) dan (b) pasti tersenyum dengan sindiran berjenaka dalam meme tersebut.

Sindiran juga jelas dilihat melalui perkataan “boleh” yang dipermain-mainkan oleh pencipta meme sebagai tindak balas terhadap beberapa isu dalam negara yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan. Hal ini tergambar dalam meme Data 2 (c) apabila foto pemimpin negara yang sedang berucap tetapi dipaparkan menuturkan kalimat “Apa pun tak boleh...!”. Begitu juga dengan meme Data 2 (d) yang memaparkan foto pemimpin negara, tetapi maksud meme itu dikontrakan dengan ungkapan sebenar “Malaysia Boleh”, dengan nada kalimat yang berbeza, iaitu “Tak nak boleh ke?”.

Meme Data 2 (c) dan (d) sebenarnya berkaitan dengan slogan “Malaysia Boleh” tetapi perkataan “boleh” telah dimanipulasikan menjadi alat sindiran terhadap pemimpin negara kerana “tidak berbuat apa-apa untuk menyelesaikan masalah negara” dan “tidak mahu menyelesaikan masalah negara”. Bentuk manipulasi perkataan “boleh” dalam meme Data 2 (c) dan (d) jelas suatu sindiran berjenaka tetapi sinis ekoran rasa tiak puas hati rakyat terhadap pemimpin dan kerajaan yang memerintah negara.

(a)

(b)

(c)

(d)

DATA 3. Perintah Kawalan Pergerakan

Data 3	Teks	Visual Foto
(a)	Lama sangat duduk rumah. “Wahh burung!”	Lakaran lelaki sedang melihat rama-rama.
(b)	Duduk di rumah atau saya umumkan raya cancel tahun ini.	Penyimpan mohor besar raja-raja duduk di kerusi untuk membuat pengumuman tarikh hari raya.
(c)	Tips elak penat duduk di rumah. Boleh cuba berdiri.	Papa Zola (watak dalam cerita Boboiboy) bercekak pinggang.
(d)	Rentas negeri – tak boleh. Rampas negeri – boleh.	Pemimpin negara sedang berucap, satu dengan muka yang tegas dan satu lagi dengan muka senyum sambil memberikan isyarat tangan “bagus”.

Umum mengetahui Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara. Lanjutan daripada pengisytiharan tersebut, langkah-langkah susulan telah diambil oleh pihak yang berkenaan bagi menyelaraskan dan memperincikan pelaksanaan PKP. Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa mulai pukul 12.00 tengah malam, 18 Mac 2020. Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk mematuhi semua peraturan yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa. Pengumuman oleh pemimpin negara berhubung dengan PKP ini juga mendapat respons daripada rakyat yang kreatif dalam memodifikasi ucapan pemimpin negara itu. Antara ucapan yang paling tular sehingga terhasilnya meme bernada sindiran tetapi lucu ialah "duduk di rumah" dan "ke sana ke sini". Meme yang memaparkan ungkapan tersebut tercipta ekoran segelintir rakyat Malaysia yang "degil" kerana tidak mematuhi arahan PKP dengan duduk sahaja di rumah dan tidak pergi ke mana-mana. Gesaan supaya rakyat duduk di rumah dan tidak ke sana dan ke sini bertujuan untuk mengekang penularan COVID-19 yang merebak melalui sentuhan.

Ada pelbagai meme berkaitan PKP, tetapi untuk penelitian ini, pengkaji memilih meme berkaitan "duduk di rumah" dan "tidak ke sana ke sini". Justifikasinya kerana apabila dua ungkapan tersebut dijadikan meme, paparannya jelas menyindir rakyat Malaysia yang dalam keterpaksaan menghadapi PKP. Namun begitu, sindiran itu disampaikan secara berjenaka. Hal ini jelas dalam meme Data 3. Meme Data 3 (a) berbaur lucu kerana mengatakan ada orang yang akibat terlalu lama "duduk di rumah" sehingga menjadikannya tidak kenal sesuatu benda atau objek. Foto meme Data 3 (a) menunjukkan pemuda sedang melihat rama-rama tetapi menyebutnya "burung". Meme ini sebagai respons akibat terlalu lama duduk di rumah disebabkan PKP yang berlanjutan selama berbulan-bulan. Melalui meme Data 3 (b), pencipta meme menyindir rakyat yang tidak mahu duduk di rumah dan memberikan "ancaman" tidak ada sambutan hari raya disebabkan rakyat yang melanggar arahan "duduk di rumah". Yang menimbulkan kelucuan kerana meme itu memaparkan foto Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang pada setiap tahun akan mengumumkan tarikh hari raya. Rakyat berbangsa Melayu beragama Islam juga pasti ternanti-nanti kemunculan tokoh itu di kaca televisyen, tetapi meme tersebut memaparkan tokoh itu akan mengumumkan "raya cancel tahun ini". Ungkapan "raya cancel tahun ini" sebagai sindiran berjenaka kepada rakyat kerana tidak mematuhi arahan PKP.

Terdengar juga rungutan rakyat yang berasa bosan apabila terlalu lama duduk di rumah. Maka meme Data 3 (c) muncul dengan nada berjenaka sebagai "meredakan" rasa kebosanan akibat terlalu duduk di rumah, dengan ungkapan "Tips elak penat duduk di rumah. Boleh cuba berdiri." Perkataan "tips" (ejaan dalam bahasa Melayu ialah tip) itu bukannya memberikan penyelesaian kepada masalah "bosan" atau "penat" kerana duduk terlalu lama di rumah, tetapi suatu jenaka dengan melawankan perkataan "duduk" dengan perkataan "berdiri". Ungkapan itu dipaparkan dengan foto Papa Zola (watak dalam cerita Boboiboy) sedang bercekak pinggang yang menandakan dia serius apabila memberikan tip itu. Hal ini disebabkan Papa Zola memang terkenal dengan gaya adiwira yang bersifat "kebapaan" dan berperanan "menegakkan kebenaran". Oleh sebab itulah, meme Data 3 (c) menggunakan foto Papa Zola yang memang "serius" memberikan apa-apa tip, tetapi dalam meme itu, dia memberikan tip yang "tidak logik" kerana tujuan meme itu sekadar untuk menyampaikan jenaka kepada rakyat Malaysia yang bosan dan penat duduk di rumah.

Walaupun dalam tempok PKP, hal berpolitik tetap hangat dalam kalangan ahli dan parti politik. Buktinya, timbul beberapa isu politik, terutama yang berkaitan dengan kedudukan perdana menteri, ahli politik yang lompat parti dan pilihanraya yang berlangsung semasa negara masih bergelut dengan pandemik COVID-19. Melihat "kegilaan" ahli politik terhadap kuasa untuk menjadi pemimpin dan wakil rakyat dalam tempoh PKP, maka muncul meme Data 3 (d) yang menyindir kelompok tersebut dengan ungkapan "Rentas negeri – tak boleh. Rampas negeri – boleh." Sindiran dalam meme Data 3 (d) begitu sinis kerana disertakan dengan dua foto pemimpin negara sedang berucap, iaitu foto pertama dengan muka yang tegas disertakan ungkapan "Rentas negeri – tak boleh.", dan foto kedua dengan muka senyum sambil memberikan isyarat tangan "bagus", yang disertakan dengan ungkapan "Rampas negeri – boleh." Ungkapan dan foto dalam meme itu jelas menyindir pemimpin negara yang membolak-balikkan larangan semasa dalam tempoh PKP, iaitu larangan "merentas negeri" tetapi boleh "merampas negeri".

(a)

(b)

(c)

(d)

DATA 4. Diet dan Mahu Kurus

Data 4	Teks	Visual Foto
(a)	Yang cakap nak kurus. Yang betul2 start diet.	Keadaan jalan raya yang sesak dengan kereta dan keadaan jalan raya yang lengang kerana kurang kereta (sebuah kereta sahaja)
(b)	Aku nak kurus. Pasti kurus. Akan kurus. Esokla aku kurus.	Lakaran seorang wanita sedang bersenam, yang mula-mula bersemangat tetapi beransur-ansur tidak bersemangat untuk bersenam.
(c)	Esoklah diet... (Tiba hari esok). Esoklah diet... Ulang ayat tersebut sampai jannah.	Lakaran seorang wanita sedang memakan makanan, dan akhirnya tubuhnya menjadi gemuk/berisi ber-banding dengan tubuhnya
(d)	Dietnya itu umpama sebuah pelayaran selalu-nya ke laut.	Gambar sebuah kapal belayar di lautan.

Perkataan "diet" dan ungkapan "nak kurus" biasanya diucapkan oleh golongan wanita, terutama yang badannya berisi atau gemuk. Apabila menyebut "diet" pula, perkataan itu akan dikaitkan dengan tidak makan, mengehadkan apa-apa yang dimakan dan bersenam. Dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (https://prpm.dbp.gov.my), diet yang dimaksudkan dalam penelitian kertas kerja ini ialah "jenis dan banyaknya makanan yang ditetapkan untuk seseorang untuk tujuan tertentu, seperti mengawal berat badan dan lain-lain."

Hal berkaitan diet mendapat perhatian pencipta meme kerana banyak orang yang "gagal" melaksanakan misi itu walaupun ramai yang berkata "nak kurus" atau "mahu kurus dengan berdiet". Meme Data 4 (a) membuktikan hal tersebut apabila dipaparkan kapsyen "Yang cakap nak kurus.", dan disimbolikkan dengan gambar keadaan jalan raya yang sesak dengan kereta. Dalam meme yang sama dipaparkan gambar keadaan jalan raya yang lengang kerana kurang kereta (sebuah kereta sahaja) dengan kapsyen "Yang betul2 start diet." Yang tersirat di sebalik gambar dan kapsyen meme Data 4 (a) ialah sindiran secara berjenaka ter-

hadap kelompok "Yang cakap nak kurus.", tetapi hanya seorang daripada kelompok tadi yang "Yang betul2 start diet." Kelompok "Yang cakap nak kurus." pasti "terasa" apabila melihat meme tersebut kerana "terasa" dengan sindiran tersebut. Sindiran dalam meme Data 4 (b) dan (c) agak serupa kerana memaparkan niat dan hasrat orang yang mahu diet tetapi masih bertangguh untuk berdiet sehingga akhirnya dia gagal bersenam (foto meme Data 4 (b)) dan tubuhnya menjadi gemuk (foto meme Data 4 (c)). Sindiran terhadap orang yang menangguhkan dietnya jelas dilihat melalui pengulangan ungkapan "esoklah diet" dan diakhiri dengan kapsyen "Ulang ayat tersebut sampai jannah." Oleh sebab banyak yang gagal dalam melaksanakan misi diet dan hanyut dengan godaan nafsu untuk makan, maka terciptalah ungkapan "Dietnya itu umpama sebuah pelayaran selalunya ke laut." Ungkapan itu pula disertakan dengan gambar sebuah kapal besar yang menjadi simbolik kepada orang yang bertubuh besar. Dinyakini bahawa sesiapa sahaja yang pernah merancang untuk diet dan membaca ungkapan tersebut pasti akan tergelak ketawa kerana mengakui realiti yang berlaku terhadap misi diet mereka yang memang "hanyut ke laut" tanpa mengetahui bila akan terlaksananya misi diet itu. Apa yang jelas, kesemua meme Data 4 memaparkan sindiran secara berjenaka.

(a)	(b)

DATA 5. Vaksin COVID-19

Data 5	Teks	Visual Foto
(a)	Sebelum vaksin	Gambar wajah seorang lelaki yang sudah berusia dan berpengaruh. Beliau merupakan mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.
(b)	Selepas vaksin	Gambar seorang lelaki (artis) dalam lingkungan 20-an dengan penampilan kemas dan bergaya.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia disahkan menular di Malaysia pada Januari 2020. Kronologi kes COVID-19 di Malaysia mula direkodkan selepas terdapat pelancong dari China yang tiba di Johor melalui Singapura dikesan positif virus berkenaan. Pada awalnya, kes COVID-19 di Malaysia dilaporkan masih rendah sehinggalah kelompok tempatan yang terbesar muncul pada Mac 2020, yang melibatkan perhimpunan agama jemaah tabligh yang diadakan di Sri Petaling, Kuala Lumpur. Gelombang COVID-19 terus mencatat angka yang tinggi sehingga menyebabkan kebimbangan dalam kalangan rakyat, terutama selepas berlakunya Pilihan Raya Negeri Sabah pada Disember 2020. Keadaan ini menyebabkan kerajaan mengumumkan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan jangkitan virus tersebut.

Oleh sebab kebimbangan terhadap keadaan pandemik yang semakin parah di dalam negara, dan juga sistem kesihatan negara yang semakin tenat, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Malaysia telah

bermula pada 24 Februari 2021 setelah kerajaan berjaya mengakses bekalan vaksin COVID-19 daripada beberapa buah syarikat farmaseutikal. Program ini telah bermula pada Februari 2021 secara berfasa bagi mencapai keimunan kelompok dalam kalangan rakyat supaya dapat menangani penularan COVID-19 (https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia).

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2002), pentakrifan vaksin ialah sediaan bakteria, virus dan lain-lain yang sudah mati atau dilemahkan untuk disuntik atau ditanam ke dalam badan supaya menghasilkan daya tahan terhadap penyakit tertentu. Kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa penggunaan vaksin COVID-19 bagi golongan seperti barisan petugas hadapan dan golongan emas adalah wajib. Walau bagaimanapun, isu halal haram penggunaan vaksin diperkatakan dalam kalangan masyarakat sehingga wujudnya kumpulan antivaksin. Terdapat beberapa pandangan golongan antivaksin yang menyatakan, vaksin akan mendedahkan manusia kepada mudarat lebih besar. Hal ini disebabkan oleh kumpulan antivaksin terpengaruh dengan sumbang saran yang berpunca daripada maklumat tidak tepat sehingga berlakunya ketidakpatuhan kepada vaksinasi. Memetik kata-kata Mufti Wilayah, Datuk Dr. Luqman Abdullah dalam *BH Online* pada 14 Februari 2021 melalui artikel yang berjudul "Hukum Vaksin COVID-19 Harus - Mufti Wilayah", "pihaknya mengambil inisiatif membincangkan pelbagai kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung pengambilan vaksin COVID-19 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-2/2021 pada 11 Februari 20211. Selaras dengan dasar kerajaan dalam memerangi wabak COVID-19, pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dengan ini menzahirkan sokongan yang tidak berbelah bahagi serta mendukung sepenuhnya pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Melalui komunikasi media sosial yang begitu berleluasa pada masa ini, pelbagai tohmahan dan pandangan berkaitan vaksin mulai tersebar sama ada mesej yang disampaikan itu berbentuk positif atau sebaliknya. Meme Data 5 jelas memaparkan sindiran secara berjenaka berkaitan isu vaksin COVID-19, namun secara tersiratnya terdapat mesej yang mahu disampaikan kepada masyarakat. Gambar dalam meme Data 5 (a) memaparkan fizikal seorang lelaki yang sudah berusia berserta kapsyen "sebelum vaksin". Gambar dalam meme Data 5 (b) pula memaparkan wajah seorang lelaki yang masih muda dan elok dari segi rupa parasnya, dengan kapsyen "selepas vaksin". Walaupun kapsyennya hanya menggunakan dua perkataan, namun meme tersebut jelas menunjukkan secara tersiratnya bahawa mesej yang mahu disampaikan adalah sesuatu yang positif dan harus difahami oleh rakyat Malaysia. Hal ini bermaksud, sekiranya seseorang itu mendapatkan vaksin untuk membendung penularan COVID-19, maka akan berlaku satu perubahan yang besar dalam situasi pandemik COVID-19 di Malaysia. Jadi, meme Data 5 menyindir rakyat Malaysia agar mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas berkaitan program vaksin COVID-19 agar usaha kerajaan dalam membendung situasi ini mencapai kejayaan. Meme Data 5 juga tercipta ekoran sindiran secara berjenaka terhadap isu vaksin COVID-19 dan masyarakat yang tertanya-tanya apa akan berlaku pada seseorang setelah menerima vaksin tersebut. Yang pastinya, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia memerlukan sokongan daripada seluruh rakyat Malaysia dalam hal yang melibatkan pandemik COVID-19 yang menular di Malaysia khususnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan pembahasan yang dikemukakan dalam kertas kerja ini, dapat disimpulkan bahawa meme dalam media sosial yang tersebar meluas itu mengandungi gaya bahasa sindiran yang berfungsi untuk menyindir dan mengkritik dengan humor atau secara berjenaka. Penggunaan bahasa atau perkataan dan ungkapan yang dipilih serta gambar foto yang digunakan kelihatan sesuai dengan karakteristik meme yang dipilih untuk kajian kertas kerja ini. Dengan adanya alat komunikasi meme dalam dunia digital seperti penciptaan meme dalam kertas kerja ini, wadah kreativiti untuk mengkritik lebih terbuka dan lebih bervariasi. Meme dapat menjadi humor atau jenaka dan juga bahan perenungan terhadap isu atau peristiwa yang terjadi dalam negara, khususnya yang tular dan sohor kini. Oleh sebab itu, meme menjadi gaya komunikasi baharu yang mewarnai dunia digital dan respons pantas, khususnya terhadap isu semasa. Meme juga membuka peluang dan memberikan ruang kepada sesiapa sahaja untuk melampiaskan sikap mengkritik dan menyindir, tetapi mencetuskan sindiran dan kritikan secara berjenaka.

RUJUKAN

"Apa Itu Meme? Budaya Komunikasi Kekinian Anak Mileniel" dlm. https://kreativv.com/genk-life/apa-itu-meme/ (Diakses pada 12 Mac 2021).

"Tahukah Anda?: Inilah Pengertian dan Sejarah Singkat Istilah "Meme" dlm. https://www.solopos.com/tahukah-anda-inilah-pengertian-dan-sejarah-singkat-stilah-meme-698815 (Diakses pada 16 Disember 2020).

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. "Hubungan antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar" dlm. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, hlm. 199-212, 2009.

Anastasia Yuni Wiydaningrum dan Theresia Intan Putri Hartiana. "Wacana Politisi Perempuan dalam Meme" dlm. *Jurnal Komunikatif* Vol. 6, No. 2, hlm. 132-148, Disember 2017

Arikunto, Suharsimi. 2006. *Prosedur Penelitian: Suatu Pendekatan Praktik*. Edisi Revisi VI. Jakarta: PT Rineka Cipta.

Dawkins, Richard, 2006. *The Selfish Gene.* New York: Oxford University Press.

Emzir, 2010. *Metodologi Penelitian Pendidikan: Kuantitatif dan Kualitatif*. Jakarta: Rajawali Press.

Eriyanto, 2001. *Analisis Wacana.* Yogyakarta: Lkis.

Fairclough, Norman, 1989. *Language and Power*. London: Longman.

Fairclough, Norman, 1995. *Media Discourse*. London: Longman.

Fairclough, Norman. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Harlow: Pearson.

Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad, Sabariah Mohamed Salleh dan Badrul Redzuan Abu Hassan. "Memahami Meme sebagai Seloka Harian: Impak Dimensi Sosiobudaya dan Politik". Kertas kerja Conference Proceeding: 2nd International Conference on Creative Media, Design and Technology, 2016.

Fitri Murfianti, 2018. *Meme di Era Digital dan Budaya Siber*. Surakarta: Institut Seni Indonesia.

http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/feb/majlis-pelancaran-program-imunisasi-covid19-kebangsaan

https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia

Kamus Besar Bahasa Indonesia. Edisi Kelima, 2019. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Kamus Dewan Perdana, 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmod, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd. Helmi Abd. Rahim. "Kebergantungan Internet dan Aktiviti Online Remaja di Lembah Klang" dlm. *Jurnal Komunikasi* Jilid 29 (1), hlm. 199.212, 2013.

Nyoman Ayu Suciartini. "Bahasa Satire dalam Meme Media Sosial" dlm. *Pustaka*, Vol. XX, No. 1, hlm. 1-9, 2020.

Sandy Allifiansyah. "Kaum Muda, Meme dan Demokrasi Digital di Indonesia" dlm. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, Vol. 3, No. 2, hlm. 151-164, Disember 2016.

Shifman, Limor, 2012. *Memes in Digital Culture*. America Syarikat: The Mitt Press.

Shifman, Limor. "Memes in a Digital World: Reconciling with a Conceptual Troublemaker" dlm. *Journal of Computer-Mediated Communication*, hlm. 362-377, 2013.

www.prpm.dbp.gov.my

PELUASAN MAKNA BAHASA MEDIA DALAM TALIAN: SUMBANGAN TERHADAP PERKAMUSAN MELAYU DI MALAYSIA

Wan Robiah Hj. Meor Osman, PhD[1]
Universiti Malaysia Sarawak
mowrobiah@unimas.my

Wan Sofiah Hj. Meor Osman, PhD[2]
Universiti Malaysia Sarawak
mowsofiah@unimas.my

ABSTRAK

Media dalam talian dilihat menjadi semakin penting sebagai salah satu alternatif komunikasi. Dengan kemajuan teknologi maklumat yang berteraskan rangkaian jalur lebar antarabangsa telah mewujudkan pelbagai media komunikasi dalam talian seperti *Instagram, Twitter*, *Facebook, WeChat* dan sebagainya. Kewujudan media dalam talian ini telah menghasilkan komuniti maya yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari segi kaum, usia, gender, pendidikan, status sosial dan pekerjaan. Komuniti maya ini dilihat menggunakan bahasa dan menukar makna sesuatu kata tanpa batasan. Sesuatu kata boleh menjadi popular dan tular secara tiba-tiba dan digunakan secara meluas. Oleh hal yang demikian, makalah ini menganalisis kata popular *kayangan* di media dalam talian khususnya di *Facebook* dan portal berita dengan memanfaatkan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994). Kajian ini juga menggunakan tiga buah kamus terpilih iaitu Kamus Melayu-Inggeris R.J. Wilkinson (1901), Kamus Bahasa Melayu R. O Windstedt (1960) dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) dalam memperlihatkan kepelbagaian makna menerusi masa dan enjin carian *Google Trend* untuk melihat trend carian popular masyarakat siber. Hasil kajian menunjukkan bahawa kata *kayangan* yang tular di media dalam talian berubah makna daripada maksud asal di dalam kamus. Kata ini berubah makna secara menyeluruh hasil daripada mesej sindiran oleh netizen berkaitan isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Justeru, melalui kajian ini memberikan gambaran bahawa interpretasi makna oleh masyarakat siber telah secara tidak langsung menghasilkan peluasan makna dan menyumbang kepada pemerian makna baharu di dalam kamus. Peluasan makna ini dapat memberikan impak kepada penambahan khazanah makna dalam kosa kata masyarakat di Malaysia. Penambahan makna ini seharusnya direkodkan dan didokumentasikan untuk kelestarian dan kerelevanan bahasa dalam arus globalisasi ini.

Kata kunci: Peluasan makna, media dalam talian, perkamusan Melayu

PENGENALAN

Kemodenan bersumberkan teknologi maklumat dalam masyarakat telah memberikan kesan terhadap gaya, bahasa dan budaya kehidupan. Bentuk komunikasi manusia misalnya sentiasa melalui perubahan hasil perkembangan teknologi atau revolusi komunikasi (Van Djik, 2006 dalam Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah, 2011).

Perkembangan teknologi maklumat dengan jumlah pengguna internet di dunia sebanyak 2, 095 juta telah menjadikan ruang siber sebagai tempat menyatukan orang ramai yang saling berhubung dan membentuk kumpulan berdasarkan kepentingan dan minat masing-masing sehingga terbentuknya komuniti dalam talian. Komuniti ini memasuki ruang siber dengan pelbagai tujuan seperti mencari kawan, pendidikan, meluaskan jaringan perhubungan, mendapat sokongan dan sebagainya (Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah, 2011 dalam Wan Robiah Meor Osman dan Chong Shin, 2019). Komuniti ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia, gender, pendidikan, status dan pekerjaan. Kumpulan ini dilihat menggunakan bahasa dan menukar makna sesuatu kata dengan sewenang-wenangnya berdasarkan konteks situasi semasa yang memberi impak kepada pola komunikasi dalam komuniti.

Bahasa media dalam talian bersifat dinamik kerana mengalami perubahan makna yang jauh menyimpang daripada makna asalnya di dalam kamus. Perubahan makna ini ketara digunakan dalam kalangan pengguna di media sosial seperti *Facebook, Twitter*, *Instagram* dan portal-portal berita. Kajian Wan Robiah Meor

Osman dan Chong Shin (2019, 2019, 2020), Wan Norasikin Wan Ismail dan Nurul Najihah Jamal (2019), Alias Ismail (2013, 2018), Nor Fazilah Noor Din (2016), Hishamudin Isam et al. (2018) antaranya meneliti perubahan makna yang berlaku bagi kata-kata popular yang menjadi tular di media sosial kesan daripada perkembangan teknologi dan revolusi komunikasi. Oleh hal yang demikian, kajian ini memanfaatkan media sosial dan portal berita dalam memperlihatkan perubahan makna bagi kata *kayangan* dengan menggunakan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bersifat pensampelan bertujuan yang memanfaatkan laman *Facebook* dan Portal Berita dalam talian sebagai sumber data utama. Kata *kayangan* dipilih kerana kata ini merupakan kata yang secara mendadak menjadi tular dan popular digunakan oleh warga siber dan penulis portal berita dalam talian. Populariti kata ini dilihat berdasarkan enjin carian *Google Trends,* iaitu satu enjin carian kata yang dibangunkan oleh syarikat *Google* bagi membolehkan pengguna dalam talian mencari kata menerusi kata kunci.

Perbandingan makna antara tiga buah kamus terpilih juga dilakukan terhadap ketiga-tiga kata ini. Kamus yang dipilih ialah Kamus Melayu-Inggeris R.J. Wilkinson (KMIW) (1901), Kamus Bahasa Melayu R. O Windstedt (KBMW) (1960) dan Kamus Dewan Edisi Keempat (KDEK) (2007). Ketiga-tiga kamus ini dipilih kerana ketiga-tiganya mempunyai tempoh terbitan antara 47 tahun hingga 59 tahun. Tempoh terbitan yang melebihi 40 tahun ini digunakan dalam memperlihatkan kepelbagaian makna dari segi perubahan sama ada dari segi peluasan, pengecilan atau penggantian.

Kesemua data kata ini memanfaatkan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994) dalam memberikan gambaran tentang fenomena perubahan bahasa masyarakat dari segi keadaan ekologikal (ecological conditions), maksim tindakan (intentional actions), proses tangan ghaib (invisible hand process) dan pangkal penjelasan (explanandum). Keempat-empat aspek ini merupakan elemen utama yang digambarkan berdasarkan kerangka skema yang digunakan oleh Keller (1994) dalam menghuraikan atau memperjelaskan fenomena berbahasa dalam masyarakat. Skema ini adalah seperti berikut:

RAJAH 1. Skema Teori Tangan Ghaib Keller (1994)

Keadaan Ekologikal (*Ecological Conditions*)

Keadaan ekologikal ialah suatu fenomena berbahasa pada peringkat mikro yang melibatkan individu sebagai pelaku kepada perubahan bahasa. Pada peringkat ini penutur sebagai pengguna bahasa yang mempunyai latar belakang sosial yang rencam menggunakan sesuatu kata itu mengikut keperluan komunikasi semasa serta mempunyai niat terhadap sesuatu kata yang diujarkan.

(a) Maksim Tindakan (*Intentional Actions*)

Maksim Tindakan merupakan suatu kecenderungan untuk bertindak mengikut cara tertentu atau sesuatu strategi perlakuan sama ada sedar atau tidak dalam fenomena perubahan bahasa. Maksim tindakan ini berfungsi sebagai pilihan terhadap sesuatu tindakan.

(b) Proses Tangan Ghaib (*Invisible Hand Process*)

Proses tangan ghaib ialah suatu proses luar kawalan manusia yang menerangkan proses perubahan makna dalam sesuatu kata. Proses perubahan makna dalam sesuatu kata itu berlaku secara tanpa sedar menerusi masa.

(c) Pangkal Penjelasan (*Explanandum*)

Pangkal penjelasan ialah suatu penyataan tentang kesan akibat sesuatu kata itu berubah makna (contohnya kehilangan sesuatu kata, peluasan dan perubahan makna dan sebagainya). Pada peringkat ini, hasil yang wujud (kehilangan kata, peluasan dan perubahan makna) adalah daripada pelbagai tindakan oleh individu.

Data daripada pensampelan bertujuan yang diperoleh akan dianalisis menggunakan skema dalam Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994) untuk memaparkan gambaran fenomena perubahan bahasa dalam masyarakat. Semua kaedah kutipan data dan analisis data dalam kajian ini dilihat berpada dalam usaha memperlihatkan fenomena berbahasa dalam kalangan masyarakat.

KAYANGAN

Istilah *kayangan* yang digabungkan bersama-sama kata kluster ini sangat menarik untuk diteliti kerana ia merupakan istilah baharu yang wujud dalam masyarakat disebabkan oleh situasi semasa akibat pandemik koronavirus (COVID-19). Penelitian makna bagi ketiga-tiga kamus menunjukkan istilah ini merupakan istilah yang tidak begitu produktif contohnya dalam KMIW (1901) mempunyai tiga makna, iaitu berkaitan ketuhanan, ekspresi merasakan sesuatu yang menarik serta luar biasa yang bersifat positif dan gelaran yang digunakan terhadap perempuan daripada keluarga atau golongan terhormat. Sementara itu, dalam KBMW (1960) pula mempunyai dua makna, iaitu tempat dewa dan syurga. Manakala, KDEK (2007) pula mempunyai satu makna iaitu negeri atau tempat dewa-dewa. Walaupun, terbitan Kamus Dewan sejak edisi yang pertamanya pada tahun 1970 telah memanfaatkan KBMW (1960) sebagai sumber bagi mendapatkan kata-kata Melayu moden, namun dari segi makna KDEK (2007) telah menyempitkan makna *kayangan* kepada tempat dewa-dewa sahaja, makna syurga telah digugurkan. Perbandingan makna dalam ketiga-tiga kamus ini menunjukkan KMIW (1901) mempunyai makna yang agak berbeza jika dibandingkan dengan dua buah kamus yang dikaji, iaitu KBMW (1960) dan KDEK (2007). Perbandingan dari segi masa pula menunjukkan kata *kayangan* tidak mempunyai perubahan makna yang ketara walaupun tempoh ketiga-tiga kamus ini diterbitkan melebihi 40 hingga 50 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa kata kayangan ini tidak produktif digunakan oleh masyarakat kerana tidak wujud makna baharu dalam entri kamus yang dikaji.

JADUAL 1. Perbandingan Makna *Kayangan* dalam Kamus

KMIW (1901:552/697)	KBMW (1960:158)	KDEK (2007:693)
keyangan. See yang (divinity) yang I. Divinity: Godhead. Sembah-yang: to pray to God; to pray; v. sembahyang. II. An expression having the force of a relative, bringing the word or clause following it into relation with that which precedes; e.g., masa yang baik: a fortune time, a lucky moment. III. a title used in addressing ladies of respectable family: an abbreviation of dayang, q.v.	**keyangan** tempat Yang, shurga (sa-belum orang berugama Hindu)	**kayangan** negeri yang-yang, tempat dewa-dewa; → yang II. **yang II** = yang-yang dewa; beryang-yang membaca mantera memanggil dewa-dewa, memuja dewa-dewa: maka tuan puteri pun mengambil gaharu cendana.

Penggunaan Kata *Kayangan* dan *Kluster Kayangan* di *Google Trends*

Penelitian menerusi *google trends* menunjukkan dalam rajah 2 kata *kayangan* digunakan secara konsisten turun dan naik tidak melebihi 50% sejak tahun 2016. Kata ini hanya melonjak dengan ketara pada April 2020 semasa negara khususnya dan dunia amnya sedang menghadapi lonjakan jumlah yang dijangkiti koronavirus (COVID-19). Penelitian enjin carian ini menunjukkan penggunaan yang ketara kata ini oleh masyarakat umum khususnya di Malaysia.



RAJAH 2. Penggunaan Kata *Kayangan* di *Google Trends*

Manakala dalam rajah 3 pula, pengkaji cuba meneliti carian google trends bagi *kluster kayangan* pula menunjukkan bahawa kata ini tidak digunakan sejak 2016 dengan mencatat 0% penggunaan. Frasa ini hanya ketara digunakan pada April 2020 dan kemudian mengalami turun naik dalam kadar kurang 25%. Hal ini menunjukkan pengguna dalam talian telah menggunakan kata ini dengan drastik pada April 2020 akibat situasi pandemik koronavirus yang berlaku di seluruh dunia. Istilah ini secara mendadak menjadi popular dan digunakan oleh masyarakat umum dan penulis akhbar dalam talian.



RAJAH 3. Penggunaan Kata *Kluster Kayangan* di *Google Trends*

Penggunaan Kata *Kayangan* di Media Dalam Talian

Penggunaan media dalam talian memberikan kesan yang ketara dalam komunikasi alaf baharu. Hampir keseluruhan masyarakat dunia terkesan dengan gaya komunikasi terkini berlandaskan teknologi pengkomputeran antarabangsa. Impak yang ketara boleh dilihat dari segi bahasa warga siber tanpa mengira usia, pendidikan, profesion dan status ekonomi menggunakan media dalam talian dengan sewenang-wenangnya disebabkan semuanya berada di hujung jari. Tidak seperti kamus bercetak penerbitan sesuatu kamus memakan masa adakalanya hampir puluhan tahun sebelum sampai ke tangan pengguna. Dengan teknologi terkini, semua

perkara tidak mustahil dilakukan dengan wujudnya kamus-kamus dalam talian seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kesan globalisasi berteraskan teknologi maklumat ini telah mewujudkan fenomena berbahasa yang drastik. Sesuatu kata sekelip mata sahaja boleh menjadi tular dan digunakan oleh pengguna bahasa dari seluruh pelosok negara, malah dunia. Hal ini sangat menarik untuk diteliti dan dikaji kerana masyarakat kini sedang mengalami revolusi teknologi yang menyebabkan bahasa juga berevolusi.

Situasi semasa dunia yang sedang menghadapi pandemik Koronavirus (COVID-19), iaitu sejenis virus yang telah menjangkiti manusia telah mewujudkan istilah baharu dalam perbualan masyarakat. Istilah *kluster kayangan* dilihat mulai digunakan oleh masyarakat secara drastik sejak April 2020 disebabkan berlakunya situasi, iaitu rakyat Malaysia yang kebanyakannya berkhidmat di luar negara telah kembali ke Malaysia dan menjalani kuarantin selama 14 hari. Golongan ini telah digelar oleh masyarakat umum sebagai kluster atau kelompok *kayangan* disebabkan oleh tuntutan layanan kelas pertama yang diminta daripada pihak hospital dan pihak yang menyediakan kemudahan penginapan mereka serta pelbagai kerenah yang wujud daripada golongan ini. Antara contoh penggunaan kata *kayangan* di media dalam talian adalah seperti berikut:

DATA 1. Penggunaan Kata *Kayangan* di Media Dalam Talian

Kata	Makna	Contoh Ayat
Kayangan II	berharta/ kaya/ter-nama/ terhormat	(1) 'Kelab **kayangan**' langgar PKPP (sumber:https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/ 715251)
		(2) Tindakan tegas 'kelab **kayangan**' degil, beroperasi ketika PKPP (sumber:https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/ 715964/)
		(3) COVID-19 tidak peduli jika anda kluster **kayangan**, sila patuh PKP - Ismail Sabri (sumber: http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19)
		(4) Diminta beri jawapan jujur hal VIP beraya langgar SOP, Ismail serah polis siasat - "Kluster **kayangan** atau bumi sama sahaja" (sumber: https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/05/27/)
		(5) Jika kerajaan terus bertegas mengarahkan **kluster kayangan** ini menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin sejak mula lagi, pasti kita masih kekal dengan 1 angka kes atau sifar kes pada hari ini.. (sumber: https://www.facebook.com/TENTERAKITA)
		(6) Pelajar rosak jika amal sikap **kluster kayangan** (sumber: https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/09/731433)
		(7) Lagu untuk **kluster kayangan** (sumber: https://www.hmetro.com.my/rap/2020/04/567482)
		(8) Golongan **kayangan** enggan bekerjasama dengan KKM: Tindakan tegas menanti mereka (sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia)
		(9) **Kluster kayangan** terbiasa layanan VVIP, sampai sanggup ugut doktor – "suruh jaga jarak, dia siap ajak member lain vaping lagi" (sumber: https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2020/04/13)
		(10) Covid tidak kenal dari '**kayangan**' atau bumi, bidas menteri (sumber: https://www.sinarharian.com.my/article/78287/KHAS)

Menerusi dapatan data 1 di atas, dapat dilihat contoh-contoh penggunaan kata *kayangan* digunakan secara meluas dalam kalangan penulis portal berita dan pengguna siber. Dalam makalah ini hanya diperturunkan beberapa contoh sahaja. Daripada data ini didapati, bukan sahaja kluster *kayangan* kerap digunakan tetapi kata *kayangan* ini digandingkan dengan kata-kata lain seperti golongan atau kelab. Kesan daripada penggunaan kata ini dalam talian menunjukkan perubahan makna daripada maksud asal dalam kamus menjadi makna baharu, iaitu ditujukan khusus untuk kelompok atasan yang mempunyai kedudukan dari segi harta, pangkat

dan status. Oleh sebab itu, masyarakat menggelarkan golongan ini sebagai kelompok atau kluster *kayangan*.

Perubahan Makna dalam Skema Teori Tangan Ghaib

Pada tahap keadaan ekologikal dalam Skema Teori Tangan Ghaib Keller (1994) menunjukkan kata *kayangan* yang asalnya bermaksud tempat dewa-dewa, syurga, berkaitan hal ketuhanan, ekspresi kata positif dan kata panggilan kepada perempuan daripada keluarga ternama telah berubah makna menerusi maksim tindakan (menyindir), iaitu tanpa sedar penulis portal atau pengguna siber telah mengubah makna dan kelas kata Kata Nama (KN) menjadi Kata Adjektif (KA) yang membawa maksud kaya, berharta, ternama, terhormat. Proses perubahan ini dapat diteliti dalam sepuluh contoh yang diperturunkan. Menariknya, kata *kayangan* itu sendiri yang menunjukkan tempat yang istimewa yang mempunyai kedudukan yang teratas dijadikan kiasan oleh pengguna dalam talian terhadap golongan yang mempunyai harta, pangkat dan status. Kreativiti pengguna dalam talian dalam mengaitkan sesuatu kata itu menunjukkan cerminan pemikiran yang kreatif dan tinggi.



RAJAH 4. Skema Teori Tangan Ghaib Kata *Kayangan*

Justeru, menerusi analisis ini dapat dilihat perubahan makna dalam pertuturan pengguna siber berlaku secara drastik. Pada peringkat awalnya pengguna bahasa yang mempunyai latar belakang yang rencam dari segi usia, gender, pendidikan, status dan pekerjaan telah menggunakan sesuatu kata dengan niat tertentu. Menerusi niat ini mewujudkan maksim tindakan seperti sindiran, cacian, ejekan dan sebagainya yang menjadi sebab musabab sesuatu tindakan berlaku dalam mengubah sesuatu makna kata. Daripada situasi ini, telah mewujudkan proses tangan ghaib, iaitu suatu proses di luar kawalan manusia yang tanpa sedar telah mengubah makna atau kelas kata yang akhirnya menimbulkan kesan akibat sesuatu kata itu berubah makna contohnya dalam konteks kata *kayangan* peluasan makna telah berlaku. Oleh hal yang demikian, perubahan makna dalam komunikasi pengguna di media sosial merupakan suatu proses tanpa kawalan dan tanpa sedar ia berlaku secara tiba-tiba dan bersifat drastik. Sesuatu kata boleh secara tiba-tiba menjadi viral dan popular digunakan dan menerusi masa kata ini secara perlahan-lahan hilang daripada perbualan pengguna siber. Hal ini juga dipersetujui oleh Wan Robiah Meor Osman dan Chong Sin (2019) yang mengatakan perubahan sesuatu kata boleh berlaku secara evolusi (perlahan-lahan dan mengambil masa yang lama) atau revolusi (perubahan secara mendadak dan tiba-tiba) untuk menjadi popular dalam kalangan masyarakat.

KESIMPULAN

Berdasarkan kata *kayangan* yang dikaji didapati bahawa wujud perubahan makna yang drastik penggunaannya di media dalam talian. Perubahan makna ini melangkaui makna asal yang terkandung di dalam ketiga-tiga kamus yang telah diteliti. Justeru, dapat dirumuskan bahawa perubahan bahasa masyarakat moden khususnya dalam talian sedang mengalami perubahan makna yang drastik. Perubahan makna ini memberikan kesan besar kepada perkamusan Melayu. Kedinamikan bahasa dalam talian ini merupakan suatu perkembangan yang positif dalam bidang leksikografi. Seharusnya pihak yang berkaitan leksikografi perlu memastikan semua

makna yang berubah ini direkodkan dan dimasukkan ke dalam kamus. Hal ini penting bagi memastikan perkamusan Melayu khususnya kekal relevan kepada masyarakat pengguna. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka khasnya perlu merangka dan mencadangkan satu alternatif yang bersifat mudah, pantas dan terkini seperti e-kamus bagi merekodkan semua makna kata-kata yang telah berubah ini. Alternatif ini penting dalam memastikan bahasa Melayu khususnya boleh terus berkembang pesat dan kekal relevan dalam era globalisasi berteraskan teknologi maklumat.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan hasil daripada Geran MyRA *F09/SpMYRA/1664/2018*. Penghargaan ditujukan khas kepada pihak UNIMAS atas pembiayaan Geran MyRA ini. Penghargaan juga kepada Prof. Madya Dr. Chong Shin (UKM) kerana perkongsian maklumat berkaitan teori dan leksikografi dalam makalah ini.

RUJUKAN

Alias Ismail. (2018). Peluasan Makna Kata Dedak: Satu Analisis Semantik Kognitif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 28-39.

Bungin, Burhan. (2009). *Sosiologi Komunikasi: Teori, paradigma, dan diskursi teknologi komunikasi di masyarakat*. Jakarta: Kencana.

Djamarah, Bahri Syaiful. (2004). *Pola Komunikasi Orang Tua & Anak Dalam keluarga.* Jakarta: PT. Reneka Cipta

Hishamudin Isam, Nor Fazilah Noor Din, Mashetoh Abd Mutalib & Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2018). Kekwat: Di Mana Bahasa dan Akal Budi Bangsa Kita? *Jurnal Linguistik* 22(1), 001-017.

Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Kedua. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keller, R. (1994). *The Invisible Hand in Language*. London and New York: Routledge.

Nazilah Mohamad, Karim Harun & Nor Hasimah Ismail. (2017). Perubahan Makna dan Sosial Budaya dalam Masa 200 Tahun: Penelitian terhadap Perkamusan Melayu. *Pertanika Journal*, Mahawangsa 4(1), 49-62.

Nor Fazilah Noor Din. (2016). Peluasan Makna Payung dalam Kalangan Pengguna Bahasa Melayu Berdasarkan Analisis Semantik Kognitif. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research (ICECRS)*, 779-810.

Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia.* 13(2), 93–110.

Wan Norasikin Wan Ismail & Nurul Najihah Jamal. (2019, Disember 16). Bawang dan Membawang. http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=14325

Wan Robiah Meor Osman & Chong Shin. (2019). Revolusi Bahasa dalam Media Sosial Penyumbang Perkamusan Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua (SAPBaSBUM)*, 25-26 Mac, Frankfurt, Jerman, ISBN 978-967-960-445-0 (2019).

Wan Robiah Meor Osman & Chong Shin. (2019). Fenomena Evolusi dan Revolusi Makna Perkataan Melayu: Tinjauan Awal. Asian Journal of Environment, History and Heritage. 3(2), 195-210.

Wan Robiah Hj. Meor Osman & Chong Shin. (2020). Perubahan Makna Leksikal 'Dedak' di Media Dalam Talian: Sumbangan Kepada Perkamusan Melayu. International Journal of the Malay World and Civilisation. 8(1), 37-46.

Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English Dictionary*. Singapore: Kelly & Walsh, Limited.

Windstedt, R. O. (1960). *Kamus Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur & Singapore: Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Berhad.

KESANTUNAN BERBAHASA DALAM KALANGAN GURU MALAYSIA MELALUI FACEBOOK SAHABAT GURU MALAYSIA

Zakiah Mohd Hussain
Universiti Utara Malaysia (UUM)
zmhjaaz@gmail.com

ABSTRAK

Bahasa merupakan medium komunikasi baik secara lisan ataupun tulisan. Penggunaan bahasa semasa komunikasi berlangsung boleh memberi gambaran tentang perwatakan penutur, emosi dan perasaan penutur malah hubungan penutur dan lawan tutur itu juga boleh dikenal pasti. Bagi mewujudkan keberkesanan komunikasi kesantunan merupakan elemen penting dan tidak boleh diabaikan. Sejajar dengan perkembangan pesat teknologi hari ini pelbagai platform komunikasi dan ruang sembang maya yang menjadi pilihan ramai. Facebook merupakan satu ruang sembang yang menjadi pilihan untuk berkomunikasi tanpa mengira lapisan masyarakat, status sosio ekonomi, perbezaan budaya dan bahasa seluruh dunia tanpa sempadan. Melalui facebook para penutur yang dikenali sebagai netizen bebas berkomunikasi berkisar kepada aspek yang dipersetujui melalui akaun perseorangan ataupun kumpulan-kumpulan yang ditubuhkan. Melalui beberapa kajian terdahulu didapati unsur kesantunan berbahasa kurang dititik beratkan semasa komunikasi maya ini berlangsung malah terdapat penggunaan makian tertentu yang yang digunakan semasa bersembang. Sehubungan itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kata dan ujaran santun yang diamalkan oleh netizen dalam sebuah komuniti sembang yang dianggotai oleh pelbagai lapisan warga pendidik seluruh negara yang dinamakan Sahabat Guru Malaysia. Ujaran santun yang dikenal pasti akan dianalisis berdasarkan teori Kesantunan Leech (1983). Kajian berbentuk kualitatif digunakan dalam membincangkan dapatan kajian berfokus kepada muat naik status dan komen balas terhadap status berkenaan. Dapatan kajian mendapati sebilangan besar guru mematuhi prinsip kesantunan dalam mengekalkan hubungan harmoni semasa berkomunikasi.

Kata Kunci: Kesantunan berbahasa, Komunikasi, Hubungan harmoni, Facebook, Sahabat Guru Malaysia.

PENDAHULUAN

Bahasa jiwa bangsa. Ungkapan ini amat sinonim dengan masyarakat Melayu beragama Islam yang sentiasa menyarankan umatnya supaya menjalinkan silaturrahim antara satu sama lain dan sentiasa bersopan santun dalam berkomunikasi. Hadirnya Al Quran Karim sebagai contoh dan panduan kepada umatNya dengan bahasa yang lemah lembut dan indah. Komunikasi harmoni dan berkesan akan terbentuk dengan penggunaan bahasa yang sopan. Dewasa ini perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang pesat menjadikan perhubungan manusia itu menjadi semakin mudah. Pertemuan bersemuka bukan lagi satu keperluan utama untuk berhubung dan berkomunikasi kerana adanya media sosial sebagai pengantara untuk menjalinkan hubungan. Masyarakat bebas untuk memilih pelantar media yang digemari untuk berkomunikasi sesama mereka. Antara pelantar media yang popular ialah Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram, Tik Tok dan lain-lain lagi. Perkembangan ini banyak merubah gaya komunikasi manusia. Hal ini diakui oleh Tuan Nurizan Raja Yunus (2006) dalam kajiannya mendapati perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin canggih menyebabkan berlakunya perubahan cara manusia berkomunikasi iaitu daripada komunikasi bersemuka kepada secara maya.

PERNYATAAN MASALAH

Abad ke-21 yang menyaksikan perkembangan teknologi yang pesat banyak merubah gaya hidup dan cara komunikasi guru. Sebagai agen perubahan dan kemodenan guru memang terlibat secara langsung dengan hubungan dan komunikasi media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram dan Tik Tok yang sedang berkembang pesat. Hal ini banyak merubah gaya komunikasi guru dengan pengaruh bahasa media sosial yang menggugat kesantunan dalam berbahasa. Kepatuhan guru kepada etika perguruan yang menjunjung prinsip rukun negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan merupakan tonggak kepada peradaban

guru. Etika ini disokong oleh Baharin dan Suzana (2010) yang berpandangan bahawa guru haruslah memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan akhlak mulia supaya kelak segala amal kebaikan yang diajar akan dicontohi seterusnya memastikan kelangsungan dalam proses menyampaikan ilmu pengetahuan. Radiah Yusoff (2012) mendapati bahawa pengguna komunikasi maya mempunyai gaya bahasa makian tersendiri semasa berkomunikasi dalam Facebook. Dapatan ini memberi gambaran bahawa komunikasi maya ini membawa satu perubahan yang kurang baik kepada masyarakat. Situasi ini dibimbangi akan menjadi barah dalam komunikasi masyarakat yang seterusnya menghancurkan perpaduan. Kajian yang dijalankan oleh Ainal Akmar, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor (2016) pula mendapati bahawa pengguna laman sosial kurang menekankan aspek kesantunan ketika berbual secara maya. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan Bahasa yang kasar seperti ko, pencacai, anai-anai, dedak kepala daging babi dan macam-macam istilah gelaran yang diberikan kepada orang lain yang tidak sewajarnya digunakan. Penggunaan bahasa ini akan menjejaskan kesantunan berbahasa dan meniupkan api sengketa dan hubungan. Komunikasi yang tidak santun dan harmoni akan mewujudkan perbalahan dan ketegangan dalam masyarakat yang akan membawa masalah yang lebih besar kepada perpaduan negara khususnya Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang kaum dan agama.

Sehubungan itu kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti amalan kesantunan dalam kalangan guru semasa bersembang di *facebook.* Seterusnya amalan ini akan dianalisis dengan berpandukan Prinsip Kesopanan Leech (1983)

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti aspek kesantunan berbahasa guru semasa berkomunikasi dalam Facebook.
2. Menganalisis aspek kesantunan berbahasa yang digunakan oleh guru semasa berkomunikasi bersandarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif dengan meneliti aspek-aspek yang digunakan semasa membuat komentar oleh sebilangan guru terhadap status yang dimuat naik oleh oleh rakan guru semasa berbual secara maya dalam *facebook.* Pengkaji menganalisis komentar balas guru terhadap topik perbualan yang dikemukakan oleh guru yang menjadi ahli ruang sembang tertutup dalam kumpulan sembang Sahabat Guru Malaysia (SGM). Kumpulan sembang ini disertai oleh 45k ahli yang terdiri daripada guru pelbagai bidang di Malaysia. Kajian ini akan tertumpu kepada aspek santun yang digunakan semasa perbualan berlangsung. Setelah aspek dikenal pasti pengkaji akan menganalisis dan menghuraikan ungkapan tersebut bersandarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Pengkaji meneliti komen balas netizen melalui 10 status yang dimuat naik secara rawak dengan mengambil kira komentar balas ahli. Komen balas yang dipilih ialah komen balas yang berlaku sebagai respon kepada status yang dimuat naik antara tempoh Oktober 2020 hingga April 2021 untuk dianalisis.

Prinsip Kesopanan Leech (1983) dipilih untuk menganalisis komen balas yang berlaku dalam perbualan kumpulan ini kerana kerana teori ini mengemukakan maksim santun yang hampir dengan kehidupan dengan keperluan peribadi pada seorang pendidik. Prinsip kesopanan yang dikemukakan oleh Leech (1983) lebih menekankan faktor budaya masyarakat, psikologi penutur-pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Perinsip Kesopanan Leech (1983) juga mementingkan tingkah laku dan persoalan beradab semasa komunikasi berlangsung antara penutur dan pendengar. Menurut Leech (1983) pengguna seharusnya menggunakan bahasa yang sopan, bersikap lemah lembut dan berbudi pekerti semasa berbual bagi mengelakkan persengketaan. Sehubungan itu Leech telah mengemukakan Prinsip Kesopanan Leech (1983) dengan memberi penekanan kepada 6 maksim sopan iaitu:

1. Maksim santun, iaitu pengurangan kos dan penambahan faedah kepada orang lain.
2. Maksim budiman, iaitu pengurangan faedah dan penambahan kos atas diri sendiri.
3. Maksim sokongan, iaitu pengurangan cacian dan penambahan pujian kepada orang lain.
4. Maksim kerendahan hati, iaitu pengurangan pujian dan penambahan kurang memuji (cacian) atas diri sendiri.

5. Maksim persetujuan, iaitu pengurangan perselisihan faham dan penambahan persepakatan antara diri dan orang lain.
6. Maksim simpati, iaitu pengurangan antipati dan penambahan simpati kepada orang lain.

DAPATAN KAJIAN

Data yang dianalisis meliputi maksim yang dikemukakan dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang terdapat dalam komen balas ahli sembang dalam Group SGM. Pengkaji akan memilih komen balas yang memenuhi syarat maksim yang dikemukakan seterusnya membuat huraian terhadap aspek yang dipilih. Hasil kajian yang dijalankan terhadap10 muat naik status didapati 35 ungkapan komen balas daripada ahli sembang memenuhi syarat Prinsip Kesopanan Leech (1983).

1) Maksim santun.

Maksim santun merupakan maksim yang meminimumkan kos bagi diri sendiri dan memaksimunkan manfaat kepada orang lain. Melalui kajian keatas 10 muat naik status yang dipilih ditemui 2 ungkapan yang memenuhi maksim santun. Ungkapan pertama yang ditemui dan memenuhi maksim ini ialah melalui status yang dimuat naik oleh seorang ahli sembang yang bernama Sharif Sabar yang memaparkan video sedang memasak soto makasar dengan kapsyen riang " **sila-sila, mari minum petang sama-sama**.

Ungkapan menyapa rakan sembang yang lain dalam perbualan ini menjadikan status ini mendapat komen balas yang hangat daripada rakan sembang. Pelawaan minum petang secara maya ini telah memenuhi maksim santun yang dikemukakan dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983). Penggunaan ungkapan **sila-sila** memberi kesan santun untuk mengajak ahli sembang lain. Hal ini menimbulkan rasa mesra dikalangan ahli sembang yang lain. Hasilnya pelbagai komen balas dilakukan oleh ahli sembang lain untuk membalas pelawaan itu.

Aspek kedua yang memenuhi maksim santun ditemui dalam muat naik status yang ketiga yang berkaitan dengan tajuk cari jodoh dengan kapsyen

" Post cari jodoh…

Status diatas telah di komen balas oleh seorang ahli kumpulan sembang menunjukkan pendirian beliau untuk tidak mencampuri perbincangan kerana dibimbangi melukakan hati orang lain.

i) Amieyrayyu AqidAqilatif

Pernyataan maaf ini menunjukkan ahli yang memberi komen balas ini menyatakan pendiriannya untuk tidak melibatkan diri dalam perbualan. Ungkapan maaf ini memenuhi maksim santun yang dikemukakan leech (1983).

Maksim santun juga di temui dalam Muat naik status yang ke empat yang berkisar tentang PPSMI.

Seorang ahli telah memberikan pendapat yang bernas dan hal itu menarik hati seorang ahli lalu melakukan komen balas ini.

i) Asghar Binti Yusoff



Ungkapan **terima kasih** ini di tulis oleh cikgu Asghar sebagai komen balas terhadap MK Anuar sebagai menghargai pendapat beliau yang bernas. Ungkapan ini memenuhi maksim santun yang dikemukakan oleh Leech (1983) yang mana maksim santun juga digunakan untuk menghargai orang lain.

2) Maksim Sokongan

Maksim sokongan pula ialah maksim yang mengurangkan cacian dan meningkatkan pujian terhadap orang lain. Biasanya maksim ini digunakan untuk memuji dan menyokong perbuatan individu lain supaya lebih bersemangat serta mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik.

Melalui status muat naik 1 yang memaparkan video ahli SGM Sharif Sabar sedang memasak dengan kapsyen ceria mengajak ahli lain minum petang bersama-sama didapati 6 daripada komen balas daripada ahli lain memenuhi maksim sokongan yang dikemukakan oleh leech (1983). Berikut merupakan komen balas yang memenuhi maksim sokongan ini.

- Cheymoon Lim



ii) Zatulhidayu Zulkifli

iii) Mohd Ashari Sulaiman

iv) Beeha Guriz

v) Dome TRW

iv) Rosmawati Malek

Komen balas ini penuh dengan pujian daripada ahli sembang lain. Komen balas ini didapati memenuhi maksim santun yang mampu mendorong ahli yang memuat naik status lebih bersemangat untuk memasak.

Muat naik status lain pula memaparkan luahan rasa seorang guru mengenai pemilihan penerima anugerah cemerlang. Status ini dikomen balas oleh ahli SGM dengan pelbagai reaksi. Pengkaji menemui 2 komen balas yang memenuhi maksim santun. Komen balas ini boleh dirujuk sebagaimana yang dipaparkan.

- Harliza Yahaya

- Rizuan Sabar

Dua komen balas ini memenuhi maksim sokongan yang mana kedua-duanya mengucapkan tahniah yang tentunya mengembirakan ahli yang memuat naik status seterusnya mendorong beliau untuk melakukan tugasan dengan lebih baik dan cemerlang.

Maksim sokongan ini juga ditemui dalam status yang ketiga dimuat naik oleh Sharif Sabar yang mengiklankan post cari jodoh. Kapsyen yang menceritakan kawannya meminta tolong untuk menghebahkan iklan mencari jodoh dengan memaparkan ciri-ciri yang dikehendaki. Status ini banyak mengandungi unsur gurauan dan mendapat komen balas daripada ahli lain yang turut membuat gurauan. Didapati satu komen balas yang memenuhi maksim sokongan yang dikemukakan oleh leech(1983) iaitu;

Perkataan **Good luck** dan doa **smoga mendapat jodoh mcm Sharif Sabar** merupakan jenaka yang secara tidak langsung memuji kebaikan dan kehebatan rakan yang memuat naik status. Beliau dikenali dalam kalangan rakan sebagai seorang yang mesra dan suka bergurau disamping sentiasa sentiasa berusaha untuk sentiasa berbuat baik. Komen balas yang dilakukan ini memenuhi maksim sokongan yang mampu mendorong Sharif sabar mengekalkan sikap yang di senangi ramai tersebut.

Dalam muat naik status keempat yang ditulis oleh Al Faizal Faiz membicarakan tentang topik masalah PPSMI kepada guru yang mendapat pelbagai reaksi daripada ahli lain. Pengkaji menemui 3 komen balas yang memenuhi maksim sokongan dalam perbualan ini. Diantara ungkapan maksim sokongan itu ialah;

i)Asghar binti Yusoff & Seniorita AprilliaProsefina



iii) Charles Judah



Ungkapan saya **suka baca pendapat cikgu**, **Terbaikkk** dan **powernya ayat cikgu** merupakan pujian secara tidak langsung terhadap pandangan yang ditulis oleh rakan sembang. Ungkapan ini memenuhi maksim sokongan yang mana pujian ini akan mendorong rakan sembang menulis pandangan yang bermanfaat dimasa akan datang.

Status yang kelima yang dikaji telah dimuat naik oleh guru yang bernama Ahmed yang bercerita keindahan kelabu.

Guru ini menulis dengan memuat naik gambarnya Bersama Menteri dan membuat perbandingan antaranya dengan Menteri. Sembangnya penuh santai dan jenaka. Beliau telah menyebut keistimewaan uban dan peranan uban. Sembangnya berkaitan uban secara kiasannya mengatakan kerja buat orang lama itu sangat tinggi kualitinya. Melalui muat naik status ini pengkaji mendapati terdapat 8 komen balas ahli SGM yang menggunakan maksim sokongan. Sebagaimana saranan Leech (1983) maksim sokongan ini sangat membantu seseorang untuk meningkatkan motivasi untuk berterusan kearah lebih baik. Diantara komen balas itu ialah:

i) Liza Razak

Pada ungkapan ini liza secara tidak langsung memuji status yang dimuat naik oleh cikgu Ahmed dengan mengatakan status itu menceriakan dirinya. Hal ini memenuhi maksim sokongan dimana pujian itu akan menjadikan cikgu Ahmad lebih bersemangat untuk memuat naik status yang menghiburkan serta memberi manfaat kepada ahli *group* yang lain.

ii) Normi Azura

Komen balas yang dibuat oleh Normi menyokong pendapat Ahmed yang menyatakan bahawa silver (merujuk kepada uban di kepala) menjadikan rupa seseorang menjadi semakin tampan. Ungkapan ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan diri seseorang yang beruban dan membentuk komunikasi yang ceria dikalangan rakan sembang.

iii) Azlina Omar



iv) Rohayati Mindy



v) Norini Yahya

vi) Nur Syazwani Azmi

vii) Nazri Mebius

Pengkaji mendapati ungkapan yang digunakan oleh ahli kumpulan sembang SGM yang dipetik diatas memenuhi syarat maksim sokongan dalam teori kasantunan leech (1983). Kata-kata yang mengandungi unsur pujian, penghargaan dan serta semangat walaupun diungkapkan dengan santai dengan jenaka memberi kesan gembira kepada ahli yang memuat naik status dan rakan sembang yang lain. Situasi ini boleh dibuktikan dengan komen balas yang dilakukan dengan ceria oleh rakan lain. Hal ini menjadikan komunikasi dikalangan rakan sembang menjadi harmoni dan gembira sekaligus menambahkan motivasi positif kepada rakan lain untuk memuat naik status yang bermanfaat dengan ceria.

Maksin sokongan ini juga ditemui dalam muat naik status yang dihantar oleh Jamnul Azazi Mulkan pada November 2020 yang menulis tentang system eRPH yang digunakan oleh guru-guru negeri Perak dengan kapsyen " memang tak sangka rupa-rupanya ramai juga sahabat guru yang baru denga perkataan CIDS…. apapun terima kasih atas komen dan pandangan…"

Melalui muatnaik diatas pengkaji mendapati 2 daripada komen balas yang dilakukan oleh ahli sembang memenuhi maksim sokongan. Diantaranya ialah:

i) Teens Ryana

ii) Nor Haizat Hj.Osman



Kedua-dua ungkapan ini menyokong pandangan yang di muat naik oleh rakan sembang dengan menyatakan sistem CIDS yang disarankan itu mudah dan bagus. Situasi ini menjadikan ahli yang memuat naik status berasa bangga kerana ada dikalangan rakan sembang yang tahu tentang perkara yang dibualkan serta memberi tindak balas yang positif. Komen balas yang dilakukan diatas memenuhi maksim sokongan sebagaimana saranan leech 1983.

Pengkaji mendapati maksim sokongan ini tidak ditemui di dalam muat naik status yang ketujuh, lapan,sembilan serta sepuluh yang dipilih sebagai data kajian.

3) Maksim Persetujuan

Maksim persetujuan ialah maksim yang digunakan untuk meminimunkan perbalahan dan memaksimunkan

persetujuan antara penutur dan pendengar bagi melahirkan persepakatan ketika perbualan berlangsung. Perbualan juga boleh mengelakkan berlakunya konflik dan perbalahan dalam kalangan ahli yang bersembang. Melalui muat naik status yang dilakukan oleh ahli SGM yang dipilih pengkaji mendapati beberapa komen balas yang memenuhi maksim persetujuan ini. Melalui muat naik status pertama pengkaji menemui lima ungkapan yang memenuhi maksim persetujuan ini. Ini dibuktikan melalui komen balas yang dilakukan seperti dibawah.

) Abu Muhaimin Assarinji

ii) Iza Mohd Sabri & Siti kalsum Hj.Misri

iii) Zakiah Mohd Hussain



v) Kavitha Sri Ram

Melalui komen balas yang dilakukan oleh ahli sembang SGM ini rata-rata menyatakan persetujuan dengan sikap ahli muat naik status yang meluahkan rasa kecewa kerana gagal mendapat tajaan belajar walaupun memperolehi markah prestasi yang cemarlang namun beliau mengambil keputusan untuk redha tanpa menyalahkan orang lain. Coretan rasa ini mendapat komen balas yang pelbagai reaksi positif dan negatif daripada ahli sembang yang lain. Namun 5 komen balas yang dimuatnaik diatas memenuhi maksim persetujuan yang mana ungkapan-ungkapan yang digunakan bebas konflik dengan menggunakan unsur pernyataan. Unsur pernyatan ini dapat meningkatkan kerjasama apabila menutur memberi respon serta meredakan pergeseran pendapat diantara ahli sembang. Ungkapan persetujuan yang digunakan juga mampu meredakan rasa kecewa dikalangan ahli yang mengalami masalah yang sama. Persetujuan ini menunjukkan kesepakatan dikalangan ahli sembang dalam memberi reaksi terhadap pertanyaan atau pandangan yang dikehendaki. Situasi ini mendorong kelancaran komunikasi serta dapat mengelakkan konflik dalam perbualan (Sara & Indirawati, 2015). Perbualan yang berlaku ini memenuhi maksim persetujuan yang dikemukakan oleh Leech (1983) kerana ahli

sembang memberi persetujuan terhadap pendapat yang dimuat naik. Menurut leech juga semakin jelas persetujuan semakin tinggi tahap kesantunannya.

Pengkaji juga mendapati terdapatnya penggunaan maksim persetujuan ini dalam komen balas yang dilakukan oleh ahli kumpulan sembang SGM melalui muat naik status yang menceritakan tentang CIDS. Maksim persetujuan ini digunakan bagi menyatakan bahawa CIDS yang disarankan adalah sistem yang memudahkan pembinaan RPH dan menafikan tanggapan negatif ahli sembang yang lain. Maksim persetujuan yang diungkapkan ini mempu meredakan kebimbangan orang lain.

i) Irsyad Idris



Seterusnya ungkapan yang memenuhi syarat maksim persetujuan ini juga ditemui dalam muat naik status yang kelapan yang menegur ahli kumpulan sembang yang suka membawa topik perbualan yang dibincangkan kepada umum.

Perbuatan ini akan menyebabkan Kumpulan SGM ini menjadi bahan bualan dalam masyarakat yang boleh memberi kesan buruk kepada guru. Melalui muat naik status ini didapati 2 daripada komen balas yang dibuat oleh ahli kumpulan sembang memenuhi maksim persetujuan ini.

i)Cheymon Lin



ii) Mona Ibrahim

Ungkapan ini digunakan untuk mengurangkan pergeseran yang berlaku dikalangan ahli kumpulan sembang. Dua pernyataan ini menyatakan persetujuan diatas pandangan ahli lain supaya tidak membawa topik yang di bincangkan keluar ke group lain. Persetujuan ini di lakukan dengan bahasa yang santai yang mampu meredakan perselisihan pendapat dan pandangan orang lain.

4) Maksim simpati.

Maksim simpati ini merupakan maksim yang meningkatkan simpati dan mengurangkan antipati kepada diri sendiri. Dalam hal ini penutur cuba membuang perasaan negatif terhadap orang lain serta bersimpati dan kasihan terhadap individu tersebut. Melalui komen balas yang dibuat oleh ahli kumpulan sembang yang terhadap muat naik status kesembilan yang membincangkan tentang kesukaran guru menulis nama anak-anak yang panjang didalam rekod sekolah.

Banyak komen balas yang menyokong pandangan ini serta ada ahli yang menyatakan bahawa masalah itu boleh diatasi dengan penggunaan sistem yang ada dan diperkenalkan oleh KPM. Seorang daripada

ahli kumpulan sembang telah membuat komen balas dengan melahirkan rasa simpati terhadap bebanan kerja guru-guru pra sekolah yang masih menulis tangan nama-nama tersebut.

i) Alawiah Ismail

Guru ini melahirkan rasa kasihan pada semua guru pra yang menanggung beban kerja. Beliau menyatakan walaupun ada sistem yang disediakan tetapi pengurusan pra sekolah masih mengekalkan cara lama. Walaupun beliau juga turut terkesan dengan hal ini..tetapi beliau menyatakan simpatinya terhadap orang lain. Penggunaan ungkapan kesian ini memenuhi maksim simpati sebagaimana yang dikemukan dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983).

5) Maksim kerendahan hati

Maksim kerendahan hati merupakan maksim yang mengurangkan pujian dan meningkatkan cacian terhadap diri sendiri. Dalam hal ini penutur kelihatan sangat merendah diri seolah-olah penutur mencaci dirinya sendiri. Maksim ini memperlihatkan tutur kata yang merendah diri disamping menyampaikan penghargaan terhadap orang lain bagi meningkatkan motivasi pendengar untuk mencapai hasrat atau cita-citanya. Pengkaji menemukan satu komen balas yang dilakukan oleh ahli sembang yang memenuhi maksim kerendahan diri dalam status yang dimuat naik dengan kapsyen.



Kapsyen ini dimuat naik dengan merujuk kepada isu kutukan dan cemuhan yang di lemparkan oleh masyarakat luar terhadap guru. Hasil daripada muat naik ini satu komen balas didapati memenuhi syarat kerendahan hati sebagaimana saranan Leech (1983).

i) Rajaratnadevi Nadarajah



Ungkapan **Biarlah dia caci dan hina warga pendidik. Jangan kita balas balik.** Menunjukkan penutur merendahkan dirinya dengan membiarkan orang lain berasa senang hati dengan pernyataannya. Ahli sembang ini

merendahkan dirinya supaya orang lain turut berasa perkara yang sama dan ini akan mendorong sifat terpuji dalam diri mereka agar tidak membalas kutukan orang lain yang menyebabkan persengketaan. Maksim ini memberi tumpuan kepada ujaran diri sendiri bagi melahirkan ujaran yang bersopan ketika berinteraksi.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa maksim sokongan paling banyak ditemui penggunaannya iaitu sebanyak 21 daripada 34 komen balas yang dikaji. Manakala maksim persetujuan pula sebanyak 8 komen balas dikuti dengan 2 komen balas yang memenuhi syarat maksim santun. Maksim simpati dan kerendahan hati pula masing-masing ditemui 1 komen balas manakala maksim budiman pula tidak ditemui penggunaanya.

Hasil daripada kajian ini pengkaji merumuskan bahawa komuniti group sembang KGM masih meletakkan kesantunan dan kesopanan sebagai perkara utama dalam komunikasi mereka. Penggunaan ungkapan yang sopan semasa bersembang menjadikan group sembang ini sentiasa meriah malah silaturrahim yang dijalinkan dimedia sosial dibawa keluar ke realiti dengan susunan program perjumpaan yang berterusan.

Penggunaan maksim sokongan dan persetujuan yang maksimum dalam group sembang ini mengurangkan pergeseran pendapat serta menjadi pemangkin yang mewujudkan hubungan harmonis dikalangan ahli kumpulan. Selain itu maklumat juga lebih senang disampaikan serta meningkatkan motivasi ahli untuk terus berkomunikasi dengan sopan.

Melalui kajian ini juga didapati bahawa tidak ditemui penggunaan bahasa makian yang tidak sopan walaupun ada komen balas yang berbaur kemarahan dan geram dikalangan ahli. Hal ini sekaligus mempamerkan sikap dan sahsiah mulia guru masih dikekalkan walaupun mengalami pelbagai era perubahan.

RUJUKAN

Abu, Baharin and Mamat @ Muhammad, Suzana. (2010). *Pengetahuan Etika Profesion Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM. Pengetahuan Etika Profesion Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM*. . pp. 1-6. (Unpublished)

Ainal Akmar and Yahya, Maizatul Azura and Hashim, Nasihah and Mahmor, Noor Aida (2016). *Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial.* In: International Conference on Government & Public Affairs 2016.

Ahmad Fuad Mat Hassan. (2014). Ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan remaja. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia

Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics.* London: Longman.

Radiah Yusoff (2012). *Pergi mampos la bodoh: Satu tinjauan ungkapan makian dan ke(tidak)santunan dalam interaksi intenet.* Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Eds), Kesantunan Berbahasa, 220-249, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sara Beden & Indirawati Zahid.(2015a). Paparan Kesopanan Berbahasa dalam Novel melunas rindu: Aplikasi model Leech (1983) dan Grice (1975) dan kaitannya dengan sosiobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa, 15*(1): 143-172.

Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media Baharu yang baharu: trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal pengajian Media Malaysia, 13*(2): 93-110.

TEMA:

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI DAN MEDIA (SASTERA)

BUKU CERITA KANAK-KANAK: SATU BENTUK KOMUNIKASI & PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA KANAK-KANAK

Ainal AkmarAhmad
Universiti Utara Malaysia (UUM)
ainal@uum.edu.my

Maizatul Azura Yahya, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
maizatul@uum.edu.my

Nasihah Hashim, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
h.nasihah@uum.edu.my

Mohd Kasri Saidon, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
kasri@uum.edu.my

ABSTRAK

Komunikasi memainkan peranan penting bagi tujuan perhubungan dan penyampaian maklumat. Walaupun dunia penerbitan telah diperkaya dengan pelbagai kemajuan teknologi namun ia belum dapat menggugat kedudukan buku sebagai bahan bacaan, baik dari sudut ruang dan waktu mahupun dari sifat kelangsungannya. Sebuah cerita dalam buku dapat bertahan lama kerana ia dapat dibaca berulang-ulang dan mudah dibawa ke mana-mana. Ini menunjukkan buku bercetak masih diperlukan lagi walaupun kini terdapat pelbagai bahan yang diterbitkans secara *online*. Justeru, penulis buku cerita kanak-kanak perlu peka dengan kehendak kanak-kanak supaya komunikasi yang disampaikan melalui medium buku cerita mampu memberi maklumat kepada kanak-kanak di samping meningkatkan pengetahuan sedia ada mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, penulis buku cerita kanak-kanak perlu meneliti aspek penulisannya supaya dapat memenuhi kehendak khalayak pembaca sasaran. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengkaji beberapa buku cerita kanak-kanak bagi mengenal pasti peranan buku cerita kanak-kanak sebagai medium komunikasi di antara penulis kepada pembaca. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti bagaimana kanak-kanak mendapat maklumat daripada buku cerita kanak-kanak dan kesan daripada proses komunikasi yang berlaku di antara penulis dan pembaca terhadap perkembangan diri kanak-kanak dengan menggunakan Model Komunikasi Lasswell (1948).

Kata kunci : Komunikasi, buku cerita kanak-kanak, penyampaian maklumat, perkembangan diri

PENGENALAN

Manusia akan sentiasa berkomunikasi bagi tujuan berhubung dan menyampaikan maklumat di antara satu sama lain. Selagi bernyawa manusia akan berkomunikasi tidak kira di mana sahaja kerana manusia tidak boleh hidup sendirian walaupun dilengkapi dengan teknologi dan gajet-gajet terkini. Walaupun kadang kala manusia tidak berhubungan secara lahiriah tetapi komunikasi tetap akan berlaku apabila manusia mengikuti perkembangan dunia atau masyarakatnya melalui alat komunikasi seperti radio, televisyen, telefon, e-mel dan sebagainya (Tuan Nurizan Raja Yunus, 2006).

Dengan berkomunikasi, manusia dapat menyampaikan maklumat, meluahkan perasaan, mengungkapkan idea-idea serta menghilangkan rasa kebosanan. Proses komunikasi ini bukan sahaja melibatkan penggunaan bahasa lisan dan tulisan, tetapi ia turut melibatkan penggunaan bahasa badan, gaya dan tingkah laku yang dapat memberikan makna dalam proses penyampaian mesej (Hybels & Weavers, 1948). Dalam konteks ini, manusia berkomunikasi melalui perantaraan buku cerita kanak-kanak dalam proses mendidik kanak-kanak tersebut.

Semasa berkomunikasi, manusia ingin mewujudkan kesamaan bagi menghasilkan keserasian. Sekiranya wujud kesamaan dan keserasian maka komunikasi akan berlanjutan atau kekal lebih lama. Kesamaan ini dibentuk dengan cara bertukar dan berkongsi maklumat sama ada secara lisan atau tulisan. Menurut Cragan & Shields (1998) komunikasi adalah satu hubungan antara konsep teorikal yang memberi penerangan, penilaian ataupun ramalan, tindakan manusia berdasarkan komunikator (orang) berkomunikasi.

Proses komunikasi ini melibatkan perbuatan menghantar maklumat dan proses untuk bertukar-tukar maksud. Proses ini bertujuan bagi menghasilkan pemahaman diantara komunikator dan penerima mesej. Oleh itu, komunikasi boleh ditakrifkan sebagai satu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain. Komunikasi juga boleh difahami sebagai satu perhubungan yang berlaku di antara dua pihak iaitu penghantar mesej (sender) dan penerima mesej (receiver) melalui kod-kod bahasa tertentu yang seterusnya berlaku pertukaran dan pemahaman maklumat antara pihak yang terlibat. Proses komunikasi ini dianggap berjaya atau berkesan apabila penerima memahami mesej yang disampaikan kepada penerima.

Secara umumnya terdapat dua jenis komunikasi yang selalu disebut dan digunakan iaitu komunikasi lisan (*verbal*) dan komunikasi tulisan *(non verbal)*. Komunikasi lisan merupakan proses komunikasi yang menggunakan percakapan untuk menyampaikan mesej kepada penerima. Melalui komunikasi lisan maklumat dapat disampaikan terus dan cepat kepada khalayak. Komunikasi ini amat baik sekiranya penyampai merupakan seorang yang **mahir berbahasa** iaitu menggunakan bahasa yang baik, lancar dan mudah difahami. **Komunikasi** lisan ini **dapat** mempengaruhi audiens melalui kata-kata yang disampaikan. Antara contoh komunikasi lisan ialah ucapan, ceramah, pidato, perbincangan, mesyuarat dan lain-lain.

Sementara komunikasi tulisan pula ialah komunikasi yang disampaikan secara bertulis melalui medium seperti buku, majalah, surat khabar dan lain-lain. Tulisan-tulisan yang dihasilkan ini juga dapat menjadi nilai sejarah dan panduan pada masa akan datang kerana ia dalam bentuk rekod tetap dan boleh disimpan lama. Disamping itu, kelebihan lain yang ada pada komunikasi jenis tulisan ini ialah mesej boleh disesuaikan dengan bakal penerima. Sekiranya komunikasi tersebut ditujukan kepada orang dewasa bentuk penulisannnya berbeza dengan penyampaian yang ditujukan kepada kanak-kanak supaya penerima memahami maklumat yang ingin disampaikan. Justeru, komunikasi penulisan perlu dihasilkan sebaik mungkin bagi mencapai objektif yang disasarkan.

Disebabkan komunikasi penulisan merupakan salah satu bentuk penyampaian mesej maka artikel ini akan membincangkan bagaimana komunikasi secara tulisan digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada pihak sasaran dengan menggunakan model Komunikasi Laswel (1948). Selain itu, artikel ini turut membincangkan peranan komunikasi penulisan dalam menyampaikan maklumat dan mendidik kepada kanak-kanak.

PROSES KOMUNIKASI

Proses komunikasi terjadi apabila penyampaian maklumat dari satu pihak ke pihak yang lain melibatkan seorang atau beberapa orang, kelompok, organisasi dan masyarakat bagi menyampaikan dan menggunakan maklumat tersebut. Dalam proses komunikasi terdapat beberapa elemen-elemen yang saling bergantungan bagi melancarkan proses komunikasi iaitu sumber, mesej, saluran dan penerima. Sumber merupakan pemula sesuatu komunikasi, mesej ialah maklumat yang ingin disampaikan, saluran pula ialah cara atau medium yang digunakan dalam penyampaian mesej dan penerima ialah oarang atau organisasi yang mendapat mesej tersebut. Model Komunikasi Lasswell (1948) dijadikan sebagai rangka kajian dalam menganalisis komunikasi dan peranan buku cerita kanak-kanak untuk menyampaikan maklumat kepada kanak-kanak.



Model Komunikasi Laswell (1948)

Berdasarkan model komunikasi Laswell (1948) tersebut dapat menggambarkan bagaimana proses komunikasi melalui tulisan berlaku. Penulis (who) yang akan menulis untuk bacaan kanak- kanak akan menulis cerita-cerita untuk bacaan kanak-kanak (says what) dalam bentuk buku bercetak (in which channel) kepada kanak-kanak (to whom) serta meninggalkan kesan kepada kanak-kanak (with what effect) untuk diambil dan disimpan di dalam kotak fikiran kanak-kanak sebagai panduan kehidupan mereka. Saluran ini digunakan sebagai medium komunikasi yang boleh berbentuk persembahan teater, pemaparan mesej dalam buku cerita, novel dan sebagainya. Kesan pula bermaksud kesan yang dirasai oleh audiens sesudah mereka membaca hasil penulisan tersebut.

Maklumat yang dihantar oleh penulis akan direalisasikan melalui penulisan cerita dalam buku cerita yang dijadikan medium pengantara di antara penulis kepada pembaca kanak-kanak dan hasil daripada pembacaan buku cerita tersebut kanak-kanak dapat memproses maklumat yang disampaikan dan di simpan di dalam ingatan mereka sebagai unsur pendidikan yang akan dijadikan panduan dalam kehidupan mereka.

KEBAIKAN KOMUNIKASI BERTULIS MELALUI BUKU CERITA

Walaupun dunia semakin berkembang maju dan urusan penyampaian dan perpindahan maklumat menjadi lebih mudah namun penyampaian maklumat dalam bentuk cetakan tetap diperlukan dan mempunyai beberapa kebaikan. Antara kebaikan yang diperoleh melalui komunikasi ini ialah buku dapat bertahan lama dan boleh dibaca berulang-ulang kali serta mudah dibawa ke mana-mana sahaja. Selain itu buku cerita juga boleh dibaca lebih daripada seorang dengan cara bergantian atau diperbanyakkan cetakannya.

Disebabkan kesibukan ibu bapa yang bekerja maka buku dapat dijadikan sebagai peneman kepada kanak-kanak bagi mengisi masa lapangnya. Melalui pembacaan buku-buku cerita kanak-kanak memperoleh pengalaman baru disamping menambahkan lagi pengalaman sedia ada mereka. Penceritaan yang digarap dalam cerita mampu memberikan maklumat disamping dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Ini dapat dilihat apabila seseorang kanak-kanak membaca cerita berkaitan motivasi, secara tidak langsung mereka cenderung untuk memotivasikan diri dalam setiap tingkah laku hasil daripada pembacaan tersebut (Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid, 2012).

Buku cerita sebagai medium pendidikan

Buku cerita merupakan satu bahan yang penting dalam proses penyampaian mesej, idea dan maklumat. Melalui komunikasi bertulis maklumat dapat disampaikan kepada pembaca melalui idea yang digarapkan dalam bentuk tulisan serta disertai ilustrasi bagi menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Dalam hal ini penulis menggunakan medium buku cerita kanak-kanak sebagai perantara dalam menyampaikan maklumat tersebut. Melalui buku cerita, terjadilah proses komunikasi antara penulis dan pembaca yang disampaikan dalam bentuk tulisan melalui buku cerita kanak-kanak.

Buku cerita yang dihasilkan perlu mengikut keperluan dan cita rasa kanak-kanak. Ini kerana membaca buku cerita dianggap sebagai suatu pilihan dan keperluan yang baik bagi mengisi masa lapang kanak-kanak. Oleh itu buku cerita yang dibekalkan untuk anak-anak perlulah mempunyai nilai-nilai teladan yang dapat dicontohi dan dijadikan panduan oleh kanak-kanak. Melalui pembacaan buku cerita, ia dapat mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap proses pembentukan pemikiran, emosi, imaginasi dan keperibadian kanak-kanak. Ini kerana pada peringkat usia muda ini kanak-kanak amat mudah dilentur dan dicorakwarnakan (Atan Long, 1984). Kesan pembentukan diri kanak-kanak pada peringkat awal ini biasanya mendalam dan berkekalan serta dapat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak pada tahap-tahap selanjutnya.

Kenyataan ini turut disokong oleh Hadijah Rahmat (2006) yang menyatakan sastera kanak-kanak berperanan dalam menyalurkan nilai-nilai pembangunan, pencapaian serta pembinaan konsep wira dan kecemerlangan dalam diri kanak-kanak. Misran Rokimin (2006) juga turut menyatakan terdapat tiga aspek iaitu emosi, pemikiran atau kebahasaan akan semakin berkembang apabila semakin banyak buku-buku cerita yang dibaca oleh kanak- kanak. Begitu juga dari segi pengetahuan akan semakin tinggi pengetahuan mereka apabila mereka semakin banyak membaca. Justeru, buku cerita kanak-kanak merupakan medium yang sesuai untuk kanak-kanak mendapat pendidikan melalui komunikasi yang dibuat oleh penulis kepada pembaca.

Kini, corak kehidupan masyarakat telah berubah, yang mana kebanyakan ibu bapa bekerja bagi memenuhi tuntutan hidup yang semakin mencabar. Oleh itu, ibu bapa mencari altenatif bagi mengisi kekosongan masa tersebut dengan cara membelikan buku cerita kepada anak-anak bertujuan untuk mengisi masa lapang mereka disamping mendapat pendidikan melalui bacaan tersebut. Ini kerana, melalui buku cerita ia dapat memberikan kanak-kanak peluang untuk mengenali erti kehidupan, sama ada realiti atau fantasi, membawa mereka mengerti bahawa permukaan bercetak mempunyai makna serta kreativiti yang melibatkan buku amat penting dalam kehidupan manusia yang bertamadun (Mahzan Arshad, 2006). Diharap juga melalui pembacaan buku cerita pemikiran kanak-kanak semakin berkembang.

Disebabkan kesibukan ibu bapa pada masa kini dan buku telah dijadikan sebagai bahan untuk bacaan kanak-kanak di masa lapang maka penulisannya perlulah dibuat sebaik mungkin. Dalam hal ini penulisan iaitu bahasa yang dijadikan sebagai medium atau alat komunikasi perlulah ditulis dengan nilai-nilai didaktik bagi memberi pendidikan berguna kepada kanak-kanak. Penulisan buku cerita kanak-kanak ini perlulah dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca dengan mengambil kira minat mereka dan apa yang mereka mahukan daripada pembacaan tersebut. Menurut Hassan Ahmad (1988):

> Kita menulis buku untuk kanak-kanak yang masih rendah umurnya bukan untuk memaksa atau menyeksa mereka, dan bukan untuk mengajarkan perkara-perkara yang tidak rela dengan hidup mereka hari-hari, tetapi adalah untuk mengadakan suatu hubungan yang realistik dengan dunia kanak-kanak bukan hubungan yang dipaksa-paksakan atau dibuat-buat oleh penulis (hlmn. 327).

Justeru, seorang penulis yang menulis untuk kanak-kanak perlulah membina suatu perhubungan yang personal dengan kanak-kanak sehingga dapat menimbulkan minat mereka untuk membaca sehingga ke akhir cerita. Apabila kanak-kanak berminat untuk membaca maka kesan atau nilai didaktik yang terdapat dalam buku tersebut dapat diserap oleh kanak- kanak bagi dijadikan panduan dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini amat penting supaya buku kanak-kanak mempunyai sifat mendidik, mengarah, mempengaruhi dan lebih kelihatan sebagai petunjuk atau panduan kepada kanak-kanak. Seorang penulis buku kanak-kanak juga bertanggungjawab untuk memindahkan nilai-nilai murni dan budaya, bukan hanya sekadar sebuah kisah sahaja (Md Sidin Ahmad Ishak, 2005).

Oleh kerana kanak-kanak merupakan bakal pemimpin masa depan negara maka buku yang dihasilkan perlulah mempunyai ciri-ciri positif. Dalam membentuk keperibadian kanak-kanak yang mulia dan bermoral,

sastera kanak-kanak yang dihasilkan perlulah mengambil kira aspek kualiti dan bukannya kuantiti semata-mata. Penulisan buku cerita kanak-kanak perlulah dihasilkan dengan kreatif dan imaginatif agar dapat terns menarik perhatian mereka. Ini kerana bahan bacaan seperti buku cerita kanak- kanak adalah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting khususnya kepada kanak- kanak (Chew Fong Peng et all, 2008). Justeru, jangan sesekali penulis mengabaikan keperluan, cita rasa, aspirasi dan sikap ingin tahu mereka. Bagi mengisi keperluan-keperluan tersebut, penerbitan buku kanak-kanak mesti mempunyai kualiti yang tinggi sesuai dengan kehendak kanak-kanak pada masa kini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

CERITA 1 – KELDAI DENGAN SERIGALA

Keldai dengan serigala mengisahkan bagaimana keldai berfikir untuk menyelamatkan diri daripada dimakan oleh serigala. Cerita bermula apabila keldai yang sedang meragut rumpu di padang terlihat serigala berjalan ke arahnya. Ketika itu, keldai tidak sempat lagi untuk melarikan diri, justeru keldai mencari akal bagaimana untuk menyelamatkan diri. Keldai telah berpura-pura sakit kaki dan pergi ke arah serigala. Serigala kehairanan mengapa keldai begitu berani datang ke arahnya. Keldai memberitahu serigala yang kakinya sakit terkena duri dan dia meminta serigala untuk membuang duri itu supaya serigala mudah memakannya Ketika mencari duri itu, keldai bertindak menendang muka serigala dengan sekuat hati dan melarikan diri. Serigala yang kesakitan tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Kebijaksanaan keldai berfikir walaupun dalam kesusahan telah berjaya menyelamatkan dirinya.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca:
Apabila menghadapi sesuatu bahaya, jangan bertindak terburu-buru sebaliknya hendaklah menggunakan akal fikiran dan bertindaklah dengan tenang. Apabila kita boleh menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya maka banyak perkara dapat diselesaikan.

Perbendaharaan kata

Meragut	Memakan
Berpura-pura	Berbuat seakan-akan
Tertusuk	Tercucuk
Cabut	Tarik
Mengaduh	Mengerang
Mendidik	Mengajar
Penyembelih	Orang yang memotong haiwan ternakan

CERITA 2 – LEBAH DENGAN MERPATI

Lebah dengan Merpati mengisahkan bagaimana perbuatan baik akan di balas baik. Cerita berkisar kepada lebah dan burung merpati yang tinggal di dalam hutan yang sama. Pada suatu hari ketika lebah sedang mencari nektar untuk dijadikan madu, lebah telah terjatuh ke dalam sungai. Merpati yang ketika itu berada di atas pokok mendengar jeritan lebah dan menjatuhkan daun supaya lebah dapat menyelamatkan diri dengan duduk di atas daun itu. Lebah beijaya naik ke atas daun dan berjaya menyelamatkan diri. Lebah mengucapkan terima kasih kepada merpati. Tidak lama selepas kejadian itu, seorang pemburu ingin menembak merpati yang ketika itu tidak menyedari kehadiran pemburu. Lebah ternampak kejadian tersebut dan lebah terus menyengat pipi pemburu. Akibat kesakitan terkena gigitan lebah, senapang pemburu teijatuh dan merpati beijaya menyelamatkan diri.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca:
Setiap perbuatan baik akan dibalas baik. Oleh itu kita hendaklah sentiasa melakukan perbuatan baik tidak kira di mana sahaja kerana kebiasaannya perbuatan baik akan dibalas juga suatu hari nanti.

Perbendaharaan kata
Nektar Manisan pada bunga
Menyisir Menyikat
Pelik Aneh
Kepak Sayap
Membidik Menghala kepada sasaran

CERITA 3 – BELALANG DENGAN SEMUT

Belalang dengan Semut mengisahkan bagaimana semut yang rajin bekerja telah bekerja keras untuk mengumpul makanan ketika musim panas untuk bekalan ketika musim sejuk. Sementara belalang pula leka menyanyi sahaja ketika musim panas. Semut bekeija dari pagi sampai ke petang. Semut telah menasihatkan belalang supaya bekerja mencari makanan dan menyimpan makanan tersebut untuk musim sejuk nanti namun belalang tetap berdegil. Apabila tiba musim sejuk, belalang yang tiada bekalan makanan mengalami kelaparan dan belalang pergi ke rumah semut untuk meminta makanan. Ketika itu semut memerli belalang dan menasihatkan belalang supaya hendaklah rajin berusaha supaya senang di kemudian hari.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca:
Kita hendaklah rajin berusaha supaya sertang di kemudian hari seperti kata pepatah "Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian". Kesenangan tidak akan datang dengan sendirinya tetapi hendaklah diusahakan. Oleh itu, kita hendaklah rajin berusaha untuk mencapai apa yang dicitakan.

Perbendaharaan kata

Keras	Kuat
Tekun	Rajin
Bekalan	Simpanan
Meredah	Mengharung

CERITA 4 - ANAK CICAK YANG PUTUS EKORNYA

Cerita Anak Cicak yang Putus Ekornya mengisahkan bagaimana anak cicak yang telah kehilangan ekornya akibat dipijak oleh kucing ingin mencari ekor baharu bagi menggantikan ekornya yang telah hilang. Anak cicak pergi ke merata tempat untuk meminta ekor baharunya. Anak cicak telah meminta ekor baharu kepada burung layang-layang, lembu, ikan dan kanggaru. Namun hampa kerana setiap haiwan tersebut enggan memberikan ekor mereka kerana ekor masing-masing mempunyai fungsinya yang tersendiri. Selepas kecewa kerana tidak mendapat ekor baharunya itu anak cicak pulang ke rumah bertemu ibunya bagi menberitahu kejadian yang berlaku. Ibu cicak tersenyum sambil meminta anak cicak berpaling ke belakang dan alangkah terkejutnya anak cicak kerana dia telah memdapat ekor baharu.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca:
Setiap ekor haiwan mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Ekor burung digunakan untuk mengimbangkan badan, ekor ikan digunakan untuk mendayung ketika berenang, ekor lembu digunakan untuk mengibas dan ekor kanggaru digunakan untuk mengimbangi badannya ketika melompat dan menyokongnya ketika berdiri atau beijalan. Sementara ekor cicak digunakan untuk melarikan diri kerana ekor cicak akan terputus apabila dipijak dan akan tumbuh semula tidak berapa lama selepas itu. Oleh itu cicak akan memutuskan ekornya bagi tujuan menyelamatkan diri.

Perbendaharaan kata

Menerkam	Melompat untuk menangkap
Cucuran atap	Hujung atap tempat air hujan mengalir ke bawah
Mengemudi	Menentu haluan
Mengibas-ngibas	Bergerak-gerak ke atas dan ke bawah atau ke kiri dan ke kanan

CERITA 5 – TIKUS YANG MAHUKAN KAYU KERAS

Cerita Tikus yang Mahu Kayu Keras mengisahkan bagaimam anak tikus ingin membantu ibunya yang tergelincir jatuh ke dalam tong sampah. Anak tikus ingin membantu ibunya keluar daripada tong sampah itu. Anak tikus telah memberikan makanan kepada ibunya dengan menjatuhkan makanan ke dalam tong sampah tetapi ibunya tidak mahukan makanan itu sebaliknya meminta anak tikus mencari kayu keras kepadanya. Anak tikus kehairanan dan dia berfikir ibunya hendakkan makanan yang lebih besar lain dia mengambil kek yang besar tetapi ibunya tetap inginkan kayu keras. Setelah menjumpai kayu keras, anak tikus pergi semula kepada ibunya tetapi anak tikus mendapati yang ibunya telah meninggal dunia. Apabila bapanya pulang dia memaklumkan perkara itu kepada bapanya. Bapanya sangat sedih dan memberitahu anak tikus yang ibunya memerlukan kayu keras kerana ibunya ingin membuang giginya yang panjang. Gigi tikus sangat cepat panjang, disebabkan itulah ibunya memerlukan kayu keras untuk menghakis gigi tersebut. Apabila gigi tikus terlalu panjang mulutnya tidak dapat ditutup dan ia akan mati kelaparan kerana tidak boleh mengnyah makanan.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca: Apabila membaca buku ini, kanak-kanak akan memperoleh ilmu mengenai haiwan dari kumpulan rodent seperti tikus yang mempunyai empat batang gigi yang sentiasa tumbuh. Oleh itu, untuk mengelakkan gigi ini terlalu panjang dan membahayakan, tikus mesti mengunyah benda-benda seperti kayu atau besi bagi menghakis gigi tersebut. Jika tikus berterusan makan makanan yang lembut tanpa mengunyah benda-benda keras, gigi pada kedua-dua rahangnya akan terus memanjang sehingga mulutnya tidak dapat ditutup dan ia akan mati kelaparan.

Perbendaharaan kata

Terperangkap	Tertangkap
Buah fikiran	Pendapat
Menyusup	Masuk secara bersembunyi
Ternganga	Terbuka luas

CERITA 6 – SARANG BAHARU LABAH-LABAH

Sarang Baharu Labah-Labah mengisahkan bagaimana cara labah-labah mencari makanan dan mengapa labah-labah perlu membuat sarangnya setiap hari. Cerita dimulakan dengan pepatung yang melihat bagaimana lebah terlekat di sarang labah-labah dan dijadikan makanannya. Pepatung merasakan labah-labah seorang yang pemalas dengan hanya menunggu makanannya terperangkap tanpa perlu bekerja keras untuk mendapatkan makanan. Labah-labah meminta pepatung melihatnya bekerja membuat sarang sebelum mengatakannya seorang yang pemalas. Selepas itu pepatung pun melihat cara labah-labah bekeija membuat sarangnya. Setelah melihat cara labah-labah membuat sarangnya sepanjang malam persepsi pepatung berubah terhadap labah-labah. Selepas itu, pepatung menjadi lebih rajin lagi setelah mendapat pengajaran daripada pemerhatiannya terhadap labah-labah dan ia juga akan berusaha dengan lebih tekun lagi untuk mendapatkan makanan.

Nilai pendidikan yang diperolehi melalui komunikasi bertulis penulis kepada pembaca:
Kita perlu berusaha dengan gigih untuk mendapat sesuatu kerana kesenangan tidak datang secara bergolek tetapi perlu diusahakan. Melalui pembacaan cerita ini, kanak-kanak dapat mengetahui bagaimana cara labah-labah membuat sarangnya. Disamping itu, kanak-kanak juga dapat mengetahui yang benang sutera la-

bah-labah lebih halus daripada rambut manusia tetapi cukup kuat untuk menampung 4000 kali berat labah-labah itu sendiri. Labah-labah biasanya memintal sarang pada waktu malam dan bergantung sepenuhnya kepada deria sentuhan. Labah-labah juga tidak terperangkap di sarangnya sendiri kerana labah-labah berlari pada bebenang sutera yang kering di sarangnya. Ia mengelak daripada menyentuh bebenang yang melekat supaya ia tidak teijatuh. Kaki labah-labah yang berminyak juga membolehkannya mengelak daripada melekat.

Perbendaharaan kata

Terperangkap	Tertangkap
Cemburu	Tidak senang hati kelebihan orang lain, iri hati
Merayap-rayap	Bergerak dengan perlahan
Hinggap	Berhenti, singgah

KESIMPULAN

Hasil penelitian yang dibuat melalui enam buah buku cerita kanak-kanak (Keldai Dengan Serigala, Lebah Dengan Merpati, Belalang Dengan Semut, Anak Cicak Yang Putus Ekornya, Tikus Yang Mahukan Kayu Keras dan Sarang Baharu Labah-Labah) didapati buku-buku tersebut sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak kerana ia sarat mengandungi unsur pendidikan kepada kanak-kanak. Selain mendapat pengajaran dari segi moral, aspek kebahasaan dalam bahasa Melayu kanak-kanak juga dapat ditingkatkan apabila penulis memasukkan perbendaharaan kata di akhir muka surat cerita tersebut. Cara begini memudahkan kanak-kanak mengetahui maksud perkataan yang sukar di samping menambahkan lagi perbendaharaan kata sedia ada mereka. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Fatimah binti Mamat, Roslina Binti Abu Bakar dan Arbai'e bin Sujud (2019) yang turut mendapati kebanyakan cerita berunsurkan haiwan yang diketengahkan memberi banyak pengajaran dalam membentuk insan yang beradab, disamping menimbulkan kelucuan dan kejenakaan kepada kanak-kanak. Faktor ini mendorong kanak-kanak akan merasa terhibur ketika membaca buku-buku cerita tersebut.

Kanak-kanak juga mendapat pendidikan dan teladan berguna melalui buku cerita Keldai dengan Serigala yang mana pengajaran penting yang diperoleh melalui buku tersebut ialah kepentingan menggunakan akal fikiran walaupun ketika berada dalam keadaan kecemasan. Kita perlu menggunakan akal untuk berfikir secara rasional supaya masalah yang besar dapat diatasi. Apabila membaca buku cerita Lebah Dengan Merpati pula, nilai didaktik yang dapat diperoleh ialah kanak-kanak perlu berkelakuan baik atau melakukan perkara- perkara yang baik kerana setiap perbuatan baik akan mendapat balasan yang baik seperti yang dilakukan oleh burung merpati terhadap lebah. Sementara nilai pendidikan mengenai kepentingan berusaha pula boleh didapati melalui buku cerita Belalang Dengan Semut. Apabila membaca buku ini kanak-kanak dapat mengetahui bahawa kejayaan tidak akan datang dengan mudah tetapi perlulah diusahakan seperti yang dilakukan oleh semut. Walaupun semut haiwan yang kecil namun ia berusaha keras dan beijaya mengumpul makanan untuk digunakan ketika musim sejuk.

Melalui pembacaan buku-buku cerita Anak Cicak Yang Putus Ekornya, Tikus Yang Mahukan Kayu Keras dan Sarang Labah- Labah Baharu, kanak-kanak akan mendapat ilmu baharu iaitu dapat mengetahui bagaimana ekor cicak yang akan tumbuh semula apabila terputus dan mengapa ekor itu terputus apabila membaca buku cerita Anak Cicak Yang Putus Ekornya. Begitu juga dengan buku Tikus Yang Mahukan Kayu Keras yang mana kanak-kanak dapat mengetahui kegunaan kayu keras kepada tikus dan kanak-kanak juga dapat mengetahui bagaimana cara labah-labah membuat sarangnya melalui pembacaan buku Sarang Labah- Labah Baharu. Ditambah pula cara penulisan penulis yang mudah dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak terhadap bahan bacaan tersebut. Ilmu-ilmu baharu ini sangat penting di dalam menambah pengetahuan sedia ada mereka.

Daripada penulisan buku-buku cerita ini menunjukkan komunikasi bertulis diantara penulis dan kanak-kanak melalui medium buku cerita kanak-kanak merupakan satu bentuk komunikasi yang sesuai untuk mendidik kanak-kanak pada masa kini. Walaupun teknologi komunikasi semakin berkembang, namun bahan bercetak seperti buku cerita kanak-kanak ini merupakan bahan yang penting kerana ia mudah dibawa ke mana-mana sahaja untuk dibaca oleh kanak-kanak.

Dapat dikatakan daripada kajian yang dilakukan buku cerita kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk minat dan kesedaran kanak-kanak terhadap bahan bacaan. Justeru, penulisan buku cerita kanak-kanak perlulah dilakukan sebaik mungkin. Buku kanak-kanak yang bermutu hendaklah ditulis dengan menggunakan persembahan yang menarik, fakta yang tepat dan sesuai serta penggunaan bahasa yang mudah untuk difahami oleh kanak-kanak dalam lingkungan umur yang ditujukan. Seperti kata Md Sidin Ahmad Ishak (2005):

> Kanak-kanak perlu diberi perhatian dari segi keperluan, cita rasa,aspirasi kerenah dan sikap ingin tahu mereka. Ini bermakna buku kanak-kanak mesti mempunyai kualiti yang tinggi untuk mengisi keperluan tersebut. Ini bermakna penulis, penyunting, ilustrator dan penerbit buku kanak-kanak menghadapi cabaran yang besar dalam pengkaryaan mereka.

Jelas di sini menunjukkan penulisan buku kanak-kanak perlulah dilakukan dengan teliti bukan se-wenang-wenangnya walaupun pembacanya hanyalah golongan kanak-kanak. Oleh itu aspek perkembangan jalan ceritanya mesti boleh diterima akal dan gaya penulisannya perlulah mudah supaya kanak-kanak dapat memahami dan mendapat pendidikan serta pengajaran daripada apa yang dibacanya. Oleh itu, penulis ber-tanggungjawab menulis buku-buku cerita yang mempunyai nilai moral yang baik untuk pembacaan kanak-kanak. Sekiranya semua perkara ini dititik beratkan maka komunikasi bertulis yang dilakukan oleh penulis kepada pembaca kanak-kanak ini akan memberikan faedah yang berguna kepada kanak-kanak khasnya dan juga kepada ibu bapa, guru secara umumnya. Nilai pendidikan dan pengajaran yang diperoleh daripada bacaan tersebut diharap dapat mendidik kanak-kanak menjadi insan berguna bagi kehidupan mereka pada masa akan datang.

RUJUKAN

Atan Long. (1984). Pembentukan pemikiran kanak-kanak melalui pembacaan. Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad (Ed.). *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong & Teh Ying Wah. (2008). Pendidikan awal kanak-kanak: Isu dan masalah. *Masalah Pendidikan, 31* (1), 77-89.

Cragan, J. F., & Shields, D. C. (1998). *Understanding communication theory: The communicative forces for human action*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak.* Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Ahmad. (1988). *Bahasa Sastera Buku Cetusan Fikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hybels, S & Weavers, R. C. (1989). Communicating Effectively (2nd ed). New York: Random House.

Laswell, H. (1948). The structure and function of communication in society. In L. Bryson (Ed). *The Commu nication of Ideas*. New York: Harper.

Mahzan Arshad. (2006). Kajian Tentang Bahan Sastera kanak-Kanak di Malaysia. Kertas kerja yang dibentang di *Seminar Sastera Kanak-Kanak* pada 28 November 2006 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid. (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari, 4* (1), 77-102.

Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu mencari nafas baru*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Tuan Nurizan Raja Yunus. (2006). Komunikasi dan sastera. *Jurnal Pengajian Media Malaysia, 5* (1), 109-124.

Siti Fatimah binti Mamat, Roslina Binti Abu Bakar & Arbai'e bin Sujud. (2019). Kisah sang kancil dan memerang sebagai penerapan adab kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak. J*urnal Kesidang, 4*, 77-89.

Sulaiman Zakaria (Ed) . (T.T). *Belalang dengan Semut*. Kuala Lumpur: Koala Books And Distributors.

Sulaiman Zakaria (Ed) . (T.T). *Lebah dengan Merpati*. Kuala Lumpur: Koala Books And Distributors.

Sulaiman Zakaria (Ed) . (T.T). *Keldai dengan Serigala*. Kuala Lumpur: Koala Books And Distributors.

Sulaiman Zakaria (Ed). (T.T). *Anak Cicak yang Putus Ekornya*. Kuala Lumpur: A to Z Book Distributors.

Sulaiman Zakaria (ed). (T.T). *Sarang Baharu Labah-Labah*. Kuala Lumpur. A to Z Book Distributors.

Sulaiman Zakaria (ed). (T.T). *Tikus yang Mahu Kayu Keras*. Kuala Lumpur. A to Z Book Distributions.

EJEN PERSURATAN: PERANAN DAN CABARAN DI DALAM MENGANTARABANGSAKAN SASTERA KONTEMPORARI MELAYU

Faraha Binti Hamidi [1]
Johann Wolfgang Goethe University of Frankfurt, Germany
faramidi@gmail.com

Mohd Azree Bin Mohd Ariffin[2]
Rimau Rights Literary Agency, Malaysia
azreeariffin@gmail.com

PENGENALAN

Seringkali apabila kita berbicara tentang sastera, kita sering membayangkan sumbangan utama penulis dan penerbit sahaja dalam mencorakkan budaya dan industri sastera itu. Bagaimana jika di dalam makalah ini, kami ingin mengajak pembaca mengenali suatu sosok dalam industri ini yang kurang diberi perhatian tetapi ternyata amat penting? Kertas ini mencadangkan pembaca untuk mengalihkan lampu sorot daripada penulis dan penerbit kepada ejen persuratan sebagai figura penting dalam memajukan industri sastera kontemporari Melayu khususnya, dan sastera Malaysia secara amnya.

Literary agent atau ejen persuratan adalah orang tengah yang berperanan penting dalam memasarkan karya kesusasteraan dan mewakili kepentingan harta intelek seorang penulis. Di dalam Bahasa Inggeris, terma *literary agent* (ejen persuratan) seringkali digunakan secara bertukar ganti dengan terma *rights agent* (ejen hak cipta). Alif Basri (2018) di dalam rencana beliau di dalam Dewan Sastera pernah menulis bahawa terdapat perbezaan kecil antara kedua-dua istilah ini. Menurut beliau, ejen persuratan "mewakili para penulis bagi sesebuah karya yang belum diterbitkan" manakala ejen hak cipta "berperanan mewakili atau membeli sesebuah karya yang sudah diterbitkan dari dalam dan luar negara untuk diperkenalkan kepada para penerbit" (p. 15).

Makalah ini cenderung untuk menggunakan terma "ejen persuratan" yang lebih menyeluruh dan sesuai dengan kebiasaan amalan dunia penerbitan antarabangsa. Di dalam konteks ini, kami berpendapat bahawa *rights agent* tidak begitu sesuai diterjemahkan kepada ejen hak cipta kerana *rights* turut boleh merangkumi hak harta intelek lain seperti *related rights* dan cap dagangan (*trademark*). Malah, istilah *rights* di dalam industri penerbitan selalunya merujuk kepada pegawai dalaman sesebuah syarikat seperti *rights executive* atau *rights manager* yang bertindak menguruskan aset harta intelek setiap penerbitan. Oleh itu, penggunaan istilah 'ejen persuratan' adalah lebih sesuai kerana dapat membezakan hak karya sastera, dengan jenis karya lain yang turut dilindungi Akta Hak Cipta 1987 seperti karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.

STRUKTUR MAKALAH

Makalah ini adalah kajian antara-disiplin yang menilai wacana-wacana lepas berbentuk kesusasteraan, perniagaan dan perundangan untuk mengenalpasti peranan ejen persuratan dalam industri buku Malaysia. Seterusnya kajian ini cuba mengesan cabaran-cabaran di peringkat domestik dalam mengunjurkan potensi penuh ejen persuratan sebagai salah satu entiti utama dalam bidang kesusasteraan selain entiti penulis dan penerbit. Kelainan yang dibawa makalah ini adalah penelitiannya terhadap kelebihan dan kekurangan model perniagaan yang digunakan oleh pihak ejen persuratan sedia ada yang ada di Malaysia yang belum diberi perhatian dalam mana-mana penulisan berkaitan ejen persuratan sebelum ini. Hal ini adalah kerana, kajian kami ingin mencadangkan bagaimana seorang ejen persuratan pada abad ke-21 ini adalah begitu penting dalam menentukan corak dan suasana sesebuah industri buku, satu tugas yang sebelum ini sering diletakkan di bahu penulis dan penerbit sahaja.

Terdapat tiga objektif utama makalah ini iaitu pertama sekali adalah untuk membincangkan bagaimana fungsi dan peranan seseorang ejen persuratan di Malaysia boleh diperluaskan lagi supaya tugasnya untuk mengetengahkan sastera kontemporari Malaysia ke peringkat antarabangsa dapat direalisasikan. Seringkali

1 BA (UIAM), MA (Lancaster University, UK).
2 LLB. (UIAM), MBA (Birmingham City University, UK).

kita mengharapkan permintaan daripada pasaran secara organik, tetapi kadang-kadang permintaan itu seharusnya dicipta secara strategik terlebih dahulu. Inilah salah satu tugas seorang ejen persuratan yang tidak diperhatikan oleh penulis dan penerbit buku Malaysia. Yang kedua, kertas ini ingin menjelaskan bagaimana dengan menggunakan model perniagaan yang lebih sesuai dengan pasaran buku Malaysia, penulis dan penerbit di Malaysia boleh mendapat khidmat atau bekerjasama dengan ejen persuratan untuk mencari peluang baharu bagi mencipta permintaan bacaan dalam pasaran buku di Malaysia dan seterusnya di luar negara. Yang ketiga, kertas ini ingin cuba meluaskan wacana tentang ejen persuratan dan mengisi ruang perbincangan berkaitannya supaya para pengkaji sastera, ekonomi, ahli akademik, pengamal industri dan orang awam yang berminat dengan topik ini dapat memanfaatkan wacana ini dan membantu mengubah persepsi tentang ejen persuratan, menaikkan kepentingannya dan dengan berbuat demikian, secara tak langsung menjadikan Sastera Malaysia lebih berdaya saing. Untuk itu, kajian ini berusaha untuk menjawab tiga persoalan utama berkaitan ejen persuratan di Malaysia. Persoalan pertama, apakah faktor-faktor yang menyebabkan penulis dan penerbit teragak-agak untuk menjadikan ejen persuratan sebagai wakil mereka? Yang kedua, apakah kesan pemikiran ini terhadap sastera kontemporari Melayu khususnya, dan sastera Malaysia am nya? Yang ketiga, bagaimanakah cara untuk meluaskan lagi fungsi seorang ejen persuratan?

Lanjut lagi, makalah ini juga menghujahkan tiga cabaran utama ejen persuratan di Malaysia yang menyebabkan peranannya tidak meluas. Faktor pertama, pengetahuan yang terbatas, faktor kedua, demografik dan pasaran yang kecil, faktor ketiga, model perniagaan semasa yang kurang sesuai. Model perniagaan semasa yang diamalkan hari ini adalah lebih bersifat *agency-based* yang mana ejen persuratan hanya mendapat dan mencadangkan model perniagaan yang lebih bersifat *service-based* yang akan dibincangkan dengan lebih jelas di bawah ini.

Di akhir kertas kerja ini, penulis menganjurkan beberapa cadangan untuk memaksimumkan potensi seorang ejen persuratan dalam tugasnya memartabatkan dan mengantarabangsakan karya sastera dari Malaysia dengan harapan, kewujudan ejen persuratan dalam industri sastera akan menjadi tulang belakang dan pemangkin kepada penulis-penulis baru dari Malaysia untuk terus berkarya tentang Malaysia.

SEJARAH

Kerjaya sebagai seorang ejen persuratan ini telah mula muncul di London, United Kingdom pada penghujung abad ke-19 selari dengan perkembangan teknologi percetakan dan penghasilan kertas ketika itu yang membolehkan buku dicetak dalam jumlah yang amat besar[3]. Pemantapan undang-undang hak cipta yang telah mula wujud pada ketika itu juga telah mengiktiraf karya kesusasteraan sebagai suatu aset harta intelek yang boleh diperdagangkan. Secara mendadak, pemain industri buku zaman itu menyedari potensi industri tersebut untuk dikomersialkan bagi menjana untung secara besar-besaran. Proses pengedaran dan pemasaran ini telah menimbulkan beberapa persoalan berkaitan hasil kutipan jualan serta hak penulis dan penerbit sehingga mereka memerlukan seseorang yang cekap dan arif untuk mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Pada awalnya, kerjaya ejen persuratan ini dipelopori oleh mereka yang berada di dalam industri buku itu sendiri terutamanya para editor kanan. Tak lama kemudian, pemain industri mula menyedari potensi hak cipta buku untuk diperdagangkan secara meluas maka selang beberapa tahun kemudian, muncullah sebuah generasi baharu ejen persuratan yang berasal daripada luar dunia penerbitan buku yang membawa perspektif baharu di dalam struktur model perniagaannya. Hal ini termasuklah kemunculan golongan daripada bidang guaman yang telah mengubah struktur kontrak penerbitan buku supaya tidak terlalu condong kepada kepentingan penerbit dan turut mengambil kira kepentingan penulis.

Menurut McGrath (2021), tahun 1960an menyaksikan kemunculan ejen persuratan sebagai fungsi penting dalam merancakkan penerbitan buku apabila berlakunya "*conglomeration*" dalam industri penerbitan. Iaitu, syarikat media yang besar mula membeli syarikat penerbitan mandiri atau kecil-kecilan dan mengumpulkan kesemuanya di bawah satu konglomerasi. Ini telah merubah lanskap industri penerbitan dimana "pili-

3 Ejen persuratan pertama yang sering disebut adalah A. P. Watt, seorang penjual buku yang berasal dari Glasgow. Pada awal kerjayanya, beliau bekerja sebagai seorang pembaca manuskrip dan pengurus pengiklanan di syarikat penerbitan abang iparnya, Alexander Strahan. Apabila syarikat penerbitan Strahan mengalami masalah, Watt mengambil tanggungjawab penuh sebagai pengurus pengiklanan, satu tugasan yang akhirnya berubah menjadi ejen persuratan. Lihat dalam Thompson, B. J. (2012). *Merchants of culture: The publishing business in the twenty-first century*. Cambridge: Polity.

han subsidiari bertambah, undang-undang hak cipta semakin rumit, risiko penjualan sesebuah buku meningkat dan kontrak (penulis-penerbit) bermasalah" (McGrath, 2021, p.1). Sekiranya sebelum ini ejen persuratan hanya bekerja untuk pihak penerbitan, selepas konglomerasi ini, ejen persuratan juga bekerja bagi pihak penerbitan seperti merekrut penulis baru (*talent scouting*) dan seterusnya menggilap bakat penulis tersebut untuk diketengahkan kepada penerbit (McGrath, 2021). Berbanding di dalam proses penerbitan konvesional yang mana secara umumnya editor perolehan di rumah penerbitan mengambil sikap menunggu manuskrip untuk diterbitkan, ejen persuratan dilihat sebagai lebih berinisiatif, inovatif dan agresif untuk 'memburu' karya-karya baharu yang lebih segar.

SKOP TUGAS EJEN PERSURATAN

Skop tugasan ejen persuratan ini diambil dari kaedah yang biasa diamalkan diperingkat antarabangsa. Memetik kata Nisah Haron (2018) di dalam majalah *Dewan Sastera* (September 2018), terdapat tiga fungsi utama seorang ejen persuratan iaitu sebagai pengurus, pemadan dan penjaga hak cipta untuk urusan terjemahan atau pengantarabangsaan karya penulis (p. 9). Sebagai seorang pengurus, "ejen persuratan ialah pengurus professional pengarang yang dibayar supaya pengarang dapat menumpukan perhatian hanya kepada kerja-kerja menulis dan muncul di khalayak mengikut jadual tertentu. Tugas ejen ini, khususnya sebagai wakil pengarang menguruskan buku yang diterbitkan secara komersial" (Nisah, 2018, p. 9). Sebagai seorang pemadan, ejen "Ejen juga mencari padanan setara karya dengan penerbit yang sesuai, serta mencari potensi untuk karya itu diadaptasi [dalam hal karya kreatif, seperti novel dan cerpen]" (Nisah, 2018, p. 9). Sebagai seorang penjaga hak cipta pula, "Sekiranya diberikan hak untuk mengurus hak cipta terjemahan, ejen persuratan juga akan memasarkan karya ini di pesta buku antarabangsa dunia atau mencari penerbit yang berminat untuk menerbitkan edisi terjemahannya di negara lain" (Nisah, 2018, p. 9).

Kini, seorang ejen persuratan merangkul lebih banyak tugasan dan tanggungjawab dalam mencorakkan pasaran buku hinggakan McGrath (2021) berpendapat bahawa "ejen adalah figura utama dalam bidang kesusasteraan" (2021, p. 1). Laura B. McGrath (2021) di dalam artikelnya pula menambah dua lagi fungsi tambahan ejen persuratan iaitu sebagai pencari/pencungkil bakat (talent scout) dan penyunting. Sebagai pencari/pencungkil bakat, ejen "mencari penulis baru, memperkenalkan mereka dalam lingkungan bidang (industri), [dan] memasarkan penulis dan karyanya dengan bersesuaian" (pp. 17-18). Ejen persuratan boleh diibaratkan sebagai barisan hadapan atau pun pembuka pintu pagar kepada seseorang calon penulis untuk membolehkan karya mereka diterbitkan.

Selain itu, calon penulis juga boleh berhubung terus dengan ejen persuratan dengan menghantar contoh penulisan disertakan dengan *Query Letter* (surat pertanyaan) yang menyatakan dengan ringkas mengapa mereka perlu diwakili oleh ejen tersebut. Ini adalah proses saringan pertama dalam penerbitan kerana mereka menjadi perunding awal kepada penghasilan sesebuah manuskrip bagi memastikan ia benar-benar sudah 'matang' dan sesuai untuk diterbitkan.

Ejen persuratan akan membantu penulis untuk mengenalpasti penerbit yang bersesuian dengan manuskrip yang dihasilkan berdasarkan kepada jaringan luas dan hubungan baik mereka di dalam industri buku. Thomson (2012) mengandaikan mereka seperti "orang tengah (*middleman),* seorang broker dalam pasaran kesusasteraan, yang mengaturkan perjanjian diantara pembeli dan penjual hak milik kesusasteraan tanpa mengambil kira siapa pun mereka" (p. 59).

Sebagai penyunting pula, ejen bertindak sebagai *gatekeeper* yang memurnikan dan mencantikkan karya sebelum diserahkan kepada editor di syarikat penerbitan. Kata McGrath (2021), "lebih mudah untuk mencipta keterujaan dan pertandingan terhadap sebuah karya yang hampir sempurna daripada sebuah karya yang mentah walaupun ianya berpotensi besar" (p. 9). Lebih dari kerja-kerja editor bersifat "suntingan kopi" (ejaan dan tatabahasa), ejen persuratan menyikapi editor yang melakukan suntingan bersifat substantif (perkembangan watak atau jalan cerita). Nisah (2018) menyebutnya sebagai "editor perolehan"[4] (p. 12).

Disini kita dapat lihat yang peranan mereka sangat penting dalam menjambatani objektif kedua-dua penulis dan penerbit yang sememangnya berbeza. Terutamanya bagi penulis baharu, mereka perlu dibimbing

4 Sasterawan Negara Datuk Dr. Anwar Ridhwan yang mengusulkan terma ini. Ia diangkat dari pengalamannya mewujudkan syarikat Arsalia Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menjalankan kerja-kerja perolehan manuskrip sastera untuk DBP. Lihat dalam Nisah Haji Haron, *Ejen Persuratan Sastera Melayu: Mencari Acuan Sendiri* (Dewan Sastera September 2018).

bagi memahami proses penerbitan buku yang turut melibatkan aspek perundingan kontrak penerbitan dan pengurusan hak cipta yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang lebih teknikal. Dengan intervensi awal ini, risiko pertikaian yang lebih besar di antara kedua-dua pihak dapat diminimumkan. Kepentingan penulis sudah tentunya lebih terjaga kerana ejen persuratan bertindak sebagai *advocate* yang akan mempertahankan hak penulis yang mereka wakil dan mengelak daripada menandatangani kontrak penerbitan yang berat sebelah.

Seusai buku diterbitkan, tugas ejen persuratan masih berterusan kerana mereka inilah yang akan memantau pembayaran royalti kepada penulis serta memastikan semua terma kontrak telah dilunaskan oleh sang penerbit. Ada beberapa elemen *hybrid* kerjaya ejen pemasaran ataupun *publicists dan talent manager* yang menjadi aspek pekerjaan ejen persuratan kerana mereka juga boleh berperanan untuk mempakejkan penampilan seseorang penulis bagaikan seorang selebriti dengan menyediakan pelan pemasaran bagi mempromosikan bukan sahaja karya tetapi sosok penulis itu sendiri. Hal ini yang disebutkan oleh Thomson (2012) sebagai menguruskan kerjaya jangka panjang klien mereka iaitu sang penulis.

Salah satu wahana pemasaran yang sangat penting bagi seseorang ejen persuratan adalah penyertaan di dalam Pameran Buku Antarabangsa. Di sinilah mereka akan bertemu dengan orang-orang penting di dalam industri perbukuan dunia seperti penerbit, editor dan pengurus hak cipta bagi sesi *networking* dan padanan perniagaan (*business matching*) untuk mempengaruhi mereka membeli lesen penerbitan karya di dalam senarai mereka. Antara acara penting perbukuan dunia yang menjadi pentas wajib adalah Pesta Buku Frankfurt, Pesta Buku London, Bologna International Children's Book Fair, America Book Expo dan sebagainya.

KAJIAN LEPAS

Melalui hasil pemerhatian kami, banyak kajian lepas samada akademik atau umum yang berkaitan ejen persuratan dalam negara menjelaskan bahawa, kecaknaan penulis dan penerbit terhadap peranan dan potensi seorang ejen persuratan di negara ini masih lagi di tahap yang rendah. Antaranya, beberapa ahli sastera negara juga turut membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi ejen persuratan untuk kekal relevan dalam pasaran sastera negara. Di satu sudut, mereka menerangkan peranan penting ejen persuratan dalam menaiktarafkan sastera budaya lain di peringkat antarabangsa, namun di sudut yang lain, belum ada yang serius membincangkan tentang potensi besar lain seorang ejen persuratan sebagai *the dice roller* dalam industri, iaitu kuasanya dalam menentukan citarasa pasaran buku dan minat pembaca (*corporate taste*).

Jika dibandingkan dengan sastera Barat, potensi ejen persuratan di Malaysia tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana faktor kewangan yang tidak memungkinkan. Di dalam artikel Nisah (2018), Nisah menjelaskan melalui pengalaman penulis sastera kontemporari, Hanna Alkaf, bagaimana di Amerika Syarikat (A.S.) ejen persuratan dibayar melalui royalti (biasanya 15%) yang diterima penulis[5]. Tambahan pula di A.S., pasaran dalam negaranya sahaja sudah memungkinkan "cetakan pertama melebihi suatu jumlah yang munasabah dan royalti dibuat secara pukal" (Nisah, 2018, p. 11). Namun di Malaysia, kebiasaannya adalah, penulis terus berhubung dengan penerbit kerana "jumlah kewangan yang terlibat kecil" (Nisah, 2018, p. 9). Mengupah ejen persuratan hanya akan mengurangkan lagi pulangan kepada penulis dan penerbit.

Di sini kita dapat mengesan masalah yang tak kurang membingungkan kepada industri sastera kita iaitu penerbitan buku yang tidak prolifik dan konsisten. Memang benar pasaran negara kita sangat kecil berbanding negara seperti Amerika Syarikat, malah tak perlu dibandingkan jauh-jauh, lihat saja pasaran negara jiran, Indonesia, yang lapan kali ganda lebih besar. Industri sastera kita memang tidak bernasib baik dari segi kuantiti dan keluasan pasaran. Tetapi ini tidak bermakna ejen persuratan tidak boleh dimanfaatkan di Malaysia.

Oleh kerana itu, kita perlu memberi perhatian kepada apa yang disebut McGrath (2021) dalam artikelnya baru-baru ini sebagai "fungsi baharu ejen" yang lebih besar daripada skop teknikal yang telah disebut di awal makalah tadi, iaitu fungsinya sebagai Pemaju Selera Korporat ("*developing a corporate taste"*) (Hane and Zats, 2021). "Korporat" di sini diertikan sebagai permintaan pasaran. Menyambung McGrath, Hane and Zats (2021) menjelaskan "Pemaju Selera Korporat" dalam rancangan audio siar (*Print Run Podcast*) mereka sebagai ejen persuratan sama-sama mengambil bahagian dalam menentukan selera sastera masyarakat. Ini dilakukan ejen dengan cara membangunkan atau mengembangkan selera sastera itu melalui hasil pemerhatian dan kajian mereka terhadap *trend* semasa, dalam erti kata lain, seseorang ejen dilatih untuk mempunyai mata dan akal yang tajam untuk menjawab persoalan, "apa yang penerbit dan pembaca mahu?".

5 Lihat dalam Nisah Haji Haron, *Ejen Persuratan Sastera Melayu: Mencari Acuan Sendiri* (Dewan Sastera September 2018).

Kata Hane dan Zats (2021) ini dicapai dengan cara, "membentuk selera korporat yang bukan sahaja [bersifat] peribadi dan meyakinkan, malah secara langsung subjektif dan strategik. Ejen menimbangtara penilaian estetika mereka untuk menjangka dan bertindak terhadap permintaan penerbit dan pasaran, [dan] menjadi penyelia kepada logik korporat, seterusnya membentuk format dan kandungan fiksyen kontemporari". Oleh itu, seorang ejen persuratan haruslah memiliki latar belakang yang kukuh dalam dua bidang utama, sastera dan korporat. Selain daripada latar belakang dalam bidang-bidang tersebut, mereka juga perlu mempunyai minat dan cinta yang amat mendalam kepada sastera supaya pendapat dan hujahan mereka objektif dan relevan serta boleh diperdagangkan hasil daripada kajian yang terperinci terhadap industri dan pasaran, cuba menjual selera ini kepada syarikat-syarikat penerbitan yang besar dengan *corporate taste*, dan yakinkan syarikat penerbitan untuk menjual buku-buku penulis mereka.

Ejen yang cekap seperti ini boleh dibentuk sekiranya industri sastera kita serius dalam mengangkat peranan dan jawatan mereka. Bagi membahas hal ini dengan lebih lanjut, makalah ini akan mengupas kaedah yang boleh dipinjam dari model perniagaan ejen persuratan yang diamalkan di peringkat antarabangsa untuk diadaptasikan di peringkat negara dalam seksyen Model Perniagaan Ejen Persuratan di bawah nanti.

Walaupun Hane dan Zats (2021) tidak menyangkal bahawa cara ini (pembentukan selera korporat/memenuhi permintaan pasaran) adalah sebahagian dari budaya kapitalisma, tetapi mereka juga tidak menolak kemampuan cara ini untuk menyelesaikan masalah penerbitan sastera kontemporari tempatan yang tidak prolifik. Dalam erti kata lain, peranan ejen sastera bukan sahaja semata-mata mengurus hak penulis dan penerbit, lebih besar lagi adalah mewujudkan citarasa sastera (ibarat menu) yang lebih komersial dan refleksif terhadap persekitaran sosial saat karya ditebitkan.

KEPENTINGAN EJEN PERSURATAN KEPADA SASTERA KONTEMPORARI

Zaman kini menyaksikan betapa rancaknya proses perpindahan karya penulisan ke wahana lain. Globalisasi dan revolusi teknologi telah memunculkan pelbagai media baharu seperti televisyen, filem, radio dan internet yang cenderung untuk mengadaptasi karya kesusasteraan (hikayat, novel, cerpen, mahupun puisi) kepada wahana lain yang beragam bentuk (visual dan suara) bagi memenuhi selera audiens yang pelbagai. Bentuk pengubahan ini terkadang tidak bersifat sehala malah boleh berpindah dari satu wahana ke wahana lain.

Sebagai contoh novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1968) karya Shahnon Ahmad yang diadaptasi ke layar emas pada kali pertama tahun 1983 dengan tajuk sama (arahan Allahyarham Datuk Jamil Sulong), kemudian filem ini menjadi inspirasi buat karyawan perfileman Kemboja untuk menghasilkan filem Rice People atau *Neak Srey* (arahan Rithy Panh) pada tahun 1994 (Hani, 2018). Sebagai contoh lain, teater Puteri Gunung Ledang The Musical (2006, 2009) arahan Zahim Albakri dan Adlin Aman Ramlie yang diadaptasi dari filem Puteri Gunung Ledang (2004) arahan Saw Teong Hin, kedua-dua versi adalah berdasarkan cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam karya Sejarah Melayu (*The Malay Annals*) tentang seorang puteri jelitawan yang dikatakan berasal dari Gunung Ledang.

Media baharu membolehkan audiens dari pelbagai wahana menikmati karya sastera mengikut selera media mereka. Selera media yang pelbagai ini tidak dapat disekat-sekat dek kerana adanya pilihan dan juga kuasa pembelian untuk mendapatkannya (*affordable*). Boleh jadi ini berbentuk visual mahupun bunyi dan suara. Oleh itu, pengkarya yang *adaptable* faham bahawa kandungan karyanya dapat dihebahkan kepada khalayak yang berbeza bagi memungkinkan karya tersebut menjadi wadah perbincangan dan buah fikiran masyarakat. Tentulah disini ada perdebatan antara "Seni untuk Seni" dan "Seni untuk Masyarakat". Sekiranya pengkarya memahami "Seni untuk Seni", maka dia tidak bingung jika karyanya kekal dalam dunia tulisan demi mempertahankan nilai aestetik karyanya, tetapi sekiranya pengkarya memahami praktikaliti "Seni untuk Masyarakat", ceritanya harus dikongsi dengan meluas. Tanpa memberatkan perdebatan falsafah, makalah ini hanya sekadar mengajak pembaca untuk memperhatikan kelebihan pindah wahana yang boleh diuruskan oleh seorang ejen persuratan yang cekap. Pada masa kini, mungkin ada banyak karya sastera kontemporari yang sangat menarik dan berpotensi besar untuk diketengahkan tetapi sayangnya karya-karya tersebut mungkin terbatas sekadar di lembaran kertas kerana penulis kurang arif tentang potensi alih wahana ini, maka diskusi sebegini tidak dapat berlangsung.

Tanpa bimbingan dari ejen persuratan yang berpengetahuan antara-bidang, (sastera, undang-undang dan korporat), perpindahan karya kepada wahana berbeza, potensi sesebuah karya sastera baru dan segar yang mencerminkan pemerhatian dan persekitaran sosial yang kontemporari tidak dapat dimajukan ke masyarakat

dan terbiar sepi. Hari ini, terdapat banyak karya sastera kontemporari seperti ini yang masih menunggu peluang dan ruang untuk bertemu dengan pembaca yang akan menghargainya, namun tanpa kerjasama yang baik dengan ejen persuratan yang dapat membantunya mencapai potensi yang maksimum, karya sebegini kekal terpinggir. Lalu terpaksalah pemasar buku Malaysia mengitar semula karya-karya lama yang sudah kurang relevan dalam mencerminkan situasi masyarakat Melayu dan Malaysia pada hari ini.

MODEL PERNIAGAAN EJEN PERSURATAN

Pada awalnya, model perniagaan ejen persuratan 'meminjam' atau mengambil inspirasi daripada struktur model perniagaan bidang pengiklanan yang mana aliran pendapatannya berasal daripada komisen jualan. Ruangan ini ingin mengkaji lebih jauh lagi tentang aliran pendapatan (*renevue stream*) yang memungkinkan ia dijadikan sebagai kerjaya yang mampan untuk menjamin kesejahteraan dan menyara kehidupan. Untuk gambaran yang lebih jelas, makalah ini menyediakan rajah Kanvas Model Perniagaan bagi sesebuah Agensi Persuratan tipikal yang biasa diamalkan di peringkat antarabangsa seperti pada rajah 1 di bawah:

RAJAH 1. Kanvas Model Perniagaan Agensi Persuratan

<table>
<tr>
<td rowspan="2"><u>Rakan Kongsi Utama (Key Partners)</u>

Penterjemah
Pameran Buku Antarabangsa
Media Massa
Pejabat Harta Intelek (IP Office)
Persatuan Penerbit Tempatan
International Publishers Association.
Kerajaan</td>
<td><u>Aktiviti Utama (Key Activities)</u>

Pembinaan judul karya di dalam katalog.
Promosi Karya
Pengurusan Hak Cipta
Perunding Pemasaran Antarabangsa
Pengurusan Bakat</td>
<td rowspan="2"><u>Tawaran Nilai (Value Proposition)</u>

Akses kepada pasaran antarabangsa.
Kepercayaan dan hubungan baik dengan pemegang taruh di dalam industri.
Katalog Karya Kesusasteraan yang dipilih khas.
Khidmat nasihat tentang pengurusan karya kesusasteraan.</td>
<td><u>Hubungan Pelanggan (Customer Relationships)</u>

Hubungan Profesional Yang Akrab
Saling mempercayai.</td>
<td rowspan="2"><u>Segmen Pelanggan (Customer Segment)</u>

Penulis dan Penerbit Tempatan yang berhasrat untuk mengeksport karya ke luar Malaysia.
Penulis dan Penerbit Asing yang berhasrat untuk mengimport karya ke dalam Malaysia.
Ejen Persuratan dari pasaran lain.
Pemunya Harta Intelek</td>
</tr>
<tr>
<td><u>Sumber Utama (Key Resources)</u>

Perunding yang berpengalaman dan pakar dalam bidang penerbitan.
Jaringan Professional dari seluruh dunia.
Ejen sah mewakili karya-karya kesusasteraan
Ejen Persuratan lain.</td>
<td><u>Saluran (Channels)</u>

Pameran Buku Antarabangsa
Pertemuan Bersemuka
Media Sosial
Laman Sesawang Rasmi
E-mail
Instant Messaging</td>
</tr>
<tr>
<td colspan="3"><u>Struktur Kos (Cost Structure)</u>

Penerbitan Katalog.
Penyertaan Pameran Buku
Pembangunan Lawan Web
Penterjemahan.
Penyelidikan dan Pembangunan.
Pentadbiran, Pemfailan dan Pencetakan.
Yuran Guaman & Penyediaan Kontrak.</td>
<td colspan="2"><u>Aliran Pendapatan (Revenue Streams)</u>

Komisen Jualan
Fi Khidmat Nasihat</td>
</tr>
</table>

Dari rajah ini, kita dapat membanding-bezakan peranan ejen persuratan di luar negara dengan dalam negara. Antara persamaan yang sebanding terdapat dalam "Aktiviti Utama", "Tawaran Nilai", "Sumber Utama", "Segmen Pelanggan" dan "Aliran Pendapatan". Perbezaan yang ada adalah kaedah kunci yang boleh pasaran buku di Malaysia ambil dan amalkan. Sebagai contoh, pembinaan hubungan profesional bersifat akrab, berjangka panjang dan saling mempercayai.

Pelanggan utama untuk seseorang ejen persuratan adalah sang penulis atau rumah penerbitan yang mahu memasarkan karya ke pasaran yang baharu, samada mengeksport ke dalam Malaysia atau ke luar Malaysia. Dalam hal ini, pelanggan yang berpotensi boleh sahaja terdiri daripada orang tempatan mahu pun warga asing. Malah, ejen persuratan juga boleh mewakili agensi persuratan luar negara yang lain sebagai seorang *sub-ejen*. Hubungan yang akrab dan saling mempercayai merupakan kunci utama kepada hubungan ejen dengan pelanggan. Dalam banyak keadaan – perlu ada suatu keserasian yang utuh antara semua pihak bagi memudahkan komunikasi dan memadankan keperluan dan kehendak masing-masing. Ejen persuratan sudah tentunya memberikan suatu nilai tambah kepada para pelanggan mereka, kerana mereka menyediakan akses kepada pasaran antarabangsa dan memadankan pelanggan dengan pihak yang bersesuaian atas prinsip asas ekonomi iaitu *supply meets demand*. Padanan ini boleh berlaku sama ada secara bersemuka di pameran buku antarabangsa atau juga boleh secara dalam talian.

Ejen persuratan memikul tugas dan tanggungjawab yang agak besar kerana mereka harus membina sebuah senarai atau katalog karya-karya yang mereka wakili dan seterusnya mempromosikannya serta menjual lesen-lesen berkaitan hak cipta karya yang mereka wakili antaranya adalah hak terjemahan, hak penerbitan elektronik, hak dramatik (TV & Filem), hak buku audio, hak kulit lembut/keras, dan pelbagai lagi. Dalam melakukan hal ini, ejen persuratan harus mempunyai rakan kongsi yang ramai sebagai penyokong kepada perkhidmatan-perkhidmatan perdagangan hak cipta persuratan seperti penterjemah, pengamal media, pegawai kerajaan dan sebagainya.

Seperti yang dapat kita bayangkan, ejen persuratan menanggung kos yang besar dalam proses untuk memulakan tugasnya. Untuk mencari senarai karya yang sesuai untuk diwakili, mereka harus melaburkan masa dan tenaga yang bukan sedikit. Setelah itu, kos juga diperlukan untuk membina bahan-bahan edaran untuk tujuan promosi seperti katalog dan juga laman web rasmi bagi membina kredibiliti dan kebolehpercayaan kepada pihak lain. Ini ditambah lagi dengan kos yang berkait dengan pertemuan bersemuka bagi aktiviti pemasaran seperti kos pengangkutan, kos penginapan serta yuran penyertaan bagi acara-acara pameran perdagangan antarabangsa.

Mengambil kira kesemua beban tugas dan kos yang disebutkan di atas, apakah ini semua berbaloi dengan pulangan kewangan yang akan diterima? Bagaimanakah ejen persuratan mendapat wang sebagai sumber pendapatan mereka? Seperti yang dijelaskan di dalam Rajah 1.0, amalan ejen persuratan antarabangsa adalah dengan mengenakan peratusan komisen terhadap jumlah penuh bayaran royalti sesebuah karya yang mereka wakili iaitu sekitar 10%-30%. Di dalam pasaran buku antarabangsa, ini merupakan sebuah jumlah komisen yang berpatutan setelah mengambil kira jumlah cetakan yang amat besar.

Hal ini ditambah pula dengan kuantiti karya yang diwakili yang pelbagai, menyebabkan jumlah kumulatif komisen yang diterima oleh ejen persuratan antarabangsa cukup untuk menampung kos mereka, bahkan boleh menjana keuntungan. Model aliran pendapatan ini bersifat sebegini kerana ia berlandaskan kepada model kontrak agensi (*agency contract*) berbanding kontrak perkhidmatan (*service contract*). Di dalam sesebuah kontrak agensi, bayaran kepada ejen adalah hanya berdasarkan komisen peratusan daripada bayaran prinsipal iaitu di dalam konteks sekarang – wang royalti pendahuluan kepada seseorang penulis. Manakala di dalam sesebuah struktur kontrak perkhidmatan, bayaran kepada ejen persuratan tidak tertakluk atau disandarkan kepada peratusan royalti penulis, malah boleh melangkaui jumlah royalti sendiri.

Di dalam dunia penerbitan sastera di barat, amalan untuk mengenakan bayaran perkhidmatan pendahuluan bagi kerja-kerja mewakili sesebuah karya adalah sesuatu yang janggal, malah dipandang serong kerana dianggap sebagai tidak berkredibiliti. Selalunya penulis akan dinasihati untuk menjauhi ejen-ejen sebegini atas dasar bayaran kepada ejen sepatutnya berlandaskan kepada komisen peratusan royalti. Hal ini menjadi suatu cabaran besar untuk dicontohi di Malaysia memandangkan jumlah cetakan yang sedikit menjadikan model aliran pendapatan ini tidak sesuai dan bukanlah model perniagaan yang mampan (*sustainable*).

CABARAN PENGANTARABANGSAAN

Hasil penelitian terhadap rajah di atas, kami berpendapat bahawa cabaran paling utama untuk mendorong ejen persuratan untuk diwujudkan secara meluas di Malaysia adalah faktor aliran pendapatan yang tidak terjamin. Modal pelaburan awal yang mahal menjadikan risiko kerugian yang ditanggung oleh ejen persuratan juga adalah tinggi, memandangkan ia disandarkan kepada sekadar 'potensi' atau 'kemungkinan' penjualan sahaja.

Malah, sekiranya ada buku yang berjaya dipasarkan, jumlah komisen yang diterima adalah sedikit dan tidak setara dengan jumlah modal awal yang dilaburkan. Dalam konteks sastera kontemporari Melayu, terdapat juga tambahan kos terjemahan karya ke Bahasa Inggeris yang perlu ditanggung, bagi membolehkan karya tersebut dipromosikan kepada pihak asing. Seseorang ejen persuratan mungkin perlu menunggu tempoh masa yang lama dengan penuh kesabaran daripada waktu mula menabur benih mewakili karya sehinggalah menuai hasil pertama komisen agensi. Hanya minat yang mendalam sahaja yang membolehkan seseorang ejen persuratan bertahan dalam jangka masa panjang.

Oleh kerana ejen persuratan bukanlah sebahagian daripada sistem rantaian bekalan perbukuan, maka peranannya acapkali dikesampingkan kerana industri buku lebih menumpukan kepada penjualan karya dalam bentuk buku fizikal berbanding memperdagangkan harta intelek karya tersebut. Isu kekurangan dana, geran atau bantuan terjemahan daripada pihak kerajaan Malaysia juga turut menyumbang kepada kurangnya minat bagi menubuhkan sebuah Agensi Persuratan di Malaysia.

Di Malaysia, terdapat beberapa agensi persuratan yang pernah cuba untuk bertapak. Antaranya adalah Rimau Rights Literary Agency, Bookonomics Asia, Yusof Gajah Lingard (YGL Management Sdn Bhd), Integra Creative Media (Oyez!), Jonathan Ng Publishers Agency, Editions Jentayu, Kota Buku Literary Agency dan Vanda Literary Agency. Namun, kewujudan ejen-ejen persuratan ini dilihat masih lagi bukan secara sepenuh masa dan selalunya diwujudkan bagi menyokong kegiatan penerbitan atau perniagaan lain yang berkaitan. Sebuah kajian lanjut terperinci tentang agensi-agensi ini adalah dicadangkan bagi melihat secara mikro isu dan cabaran yang dihadapi.

Syarikat-syarikat penerbitan buku di Malaysia turut lebih cenderung untuk memasarkan buku sendiri di peringkat antarabangsa berbanding untuk memasarkannya secara kolektif melalui ejen persuratan yang boleh melakukan aktiviti pemasaran sepanjang tahun. Ini menyebabkan kos pemasaran bertambah tinggi dan lebih bersifat pendedahan pasaran dan aktiviti penjenamaan di peringkat antarabangsa berbanding benar-benar untuk perdagangan harta intelek.

CADANGAN

Setelah meneliti semua hujah di atas, makalah ini ingin mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi memanfaatkan kehadiran ejen persuratan dalam industri penerbitan buku bagi memastikan tradisi sastera kontemporari Melayu khususnya, dan sastera Malaysia keseluruhannya dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Yang pertama, dicadangkan supaya pihak industri seperti Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) untuk sama mengumpulkan sumber yang ada untuk mendanai sebuah Agensi Persuratan bersama. Hal ini mencontohi keadaan di Indonesia yang mana Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI) menjadi penaung kepada ejen persuratan - Borobudur Agency.

Yang kedua, pihak kerajaan seharusnya memperuntukkan dana atau geran yang lebih konsisten dan terancang untuk kerja-kerja penterjemahan buku dari bahasa Melayu (dan bahasa vernakular lain) ke bahasa Inggeris (dan bahasa dunia lain) bagi membantu menampung kos awal untuk memasarkan karya sastera kerana kita sedia maklum bahawa proses menterjemahkan karya adalah tinggi. Ini dapat mengurangkan bebas kos penulis dan ejen persuratan, dengan harapan, fungsi lain ejen seperti editorial substantif, hal undang-undang, pemasaran dan sebagainya dapat dilakukan dengan lebih lancar tanpa bebanan kos.

Yang ketiga, memperbanyakkan lagi kaji selidik tentang pandangan penerbit dan penulis tentang pengalaman dan peranan ejen persuratan tempatan pada masa kini supaya industri dapat memanfaatkan maklumat dari kajian tersebut buat penambahbaikan hubungan *end-to-end* (penulis-karya-ejen-penerbit-pasaran-pembaca).

Yang keempat, mendedahkan pelajar aliran kesusasteraan di Institut Pengajian Tinggi serta yang berkaitannya dengan kemahiran ejen persuratan dan bagaimana mereka dapat turut berperanan sebagai 'pemasar' sastera Malaysia ke mata dunia.

Yang kelima, mencari model perniagaan yang sesuai mengikut acuan Malaysia, iaitu *service based* dan bukan *agency based*. Model komisen yang digunapakai sekarang mungkin tidak sesuai dan mampan, maka sebuah inovasi model perniagaan perlu dilakukan agar potensi dan manfaat ejen persuratan dapat dimaksimumkan.

Yang keenam, sebagai alternatif, penerbit Malaysia boleh berhubung dengan ejen persuratan antarabangsa seperti *Association of Author Representative* untuk meminta mereka mewakili karya-karya Malaysia untuk dipasarkan di peringkat antarabangsa.

KESIMPULAN

Wacana tentang ejen persuratan ini sebetulnya membuka persoalan yang lebih besar tentang wujudnya sebuah lompong dalam usaha mengantarabangsakan sastera kontemporari Melayu. Jawapan kepada keperluan seseorang ejen persuratan di Malaysia bukanlah isu yang utama, tetapi yang lebih penting adalah untuk mewujudkan kesedaran bahawa perlunya ada pihak yang melakukan kerja-kerja perantaraan, pemasaran, dan pemadanan yang aktif, agresif dan melakukannya sepenuh masa serta sepanjang tahun. Sastera kita tidak dapat dieksport secara organik tanpa sebuah strategi yang tersusun. Tanpa sosok individu ini yang menjadi *lobbyist* atau *publicist* buat mewakili sastera kita, maka kita akan sentiasa mengulang-ulang rintihan yang sama dan usaha yang bertindan oleh pelbagai pihak yang tidak bersepadu akan merugikan sumber tenaga serta hasil yang tidak optimum.

RUJUKAN

Admin. (2020, May 30). How do I get published in Malaysia? Retrieved November 28, 2020, from https://teaspoonpublishing.com.my/2020/05/08/how-to-get-published-in-malaysia/

Aliff Basri. (2018, September). Ejen Hak Cipta: Memperdagangkan Sastera. Dewan Sastera, Bil 9 2018, 14-18.

Devina Heriyanto. (2019, March 25). *Where are the literary agents? Missing link in Indonesian publishing industry*. TheJakartaPost. https://www.thejakartapost.com/life/2019/03/25/literary-agents-indonesia-publishing-london-book-fair

Hane, Z., Zats, L., (Presenters). (2021, March 15). Taste and agency [Audio podcast]. In L. Zats, Z. Hane (Creators and Hosts), *Print Run Podcast*. Retrieved from https://tinyurl.com/taste-agency

Hani Salwah Yaakup. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*, *34*(2), 323–337. https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/26166

McGrath, L. B. (2021). Literary Agency. *American Literary History*, *ajab005*, 1–21. https://doi.org/10.1093/alh/ajab005

Nisah Haron. (2018, September). Ejen Persuratan Sastera Melayu: Mencari Acuan Sendiri. Dewan Sastera, Bil 9 2018, 14-18.

Thompson, B. J. (2012). *Merchants of culture: The publishing business in the twenty-first century*. Cambridge: Polity.

TEMA:

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI DAN MEDIA

(BUDAYA)

JALINAN BUDAYA MALAYSIA-JEPUN MELALUI KOMIK *BUDAK KAMPUNG:* SATU PENELITIAN BAHASA DAN NILAI BUDAYA

Norzaliza Haji Ghazali
Universiti Utara Malaysia
zaliza@uum.edu.my

Zeety Kartini Abdul Hamid
Universiti Utara Malaysia
zeetykartini@gmail.com

ABSTRAK

Budak Kampung (1979) membentuk satu jalinan cerita melalui gabungan elemen latar, watak, plot dan peristiwa yang dapat menggambarkan nilai budaya masyarakat di Malaysia. Justeru, apabila komik ini diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun, secara tidak langsung mampu mempromosikan budaya Malaysia di mata dunia. Kartun dan komik di Jepun telah menjadi satu saluran yang amat berpengaruh untuk hiburan rakyat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan menyebarkan nilai-nilai hidup. Di Jepun, pelukis-pelukis kartun dan komik sangat dihormati dan menerima penghargaan negara. Karya kartun dan komik dianggap sebagai satu bentuk sastera dan seni yang layak menerima penilaian dan kritikan umum secara serius. Sehubungan itu, kajian ini akan melihat sejauh mana penggunaan bahasa Jepun yang digunakan dalam komik Lat mampu untuk menjelaskan penyampaian gambar dan teks sehingga membentuk satu kesatuan cerita mengenai nilai budaya dan masyarakat di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kaedah yang digunakan ialah kaedah analisis terhadap korpus terpilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa komik *Budak Kampung* yang diterjemahkan ke bahasa Jepun masih lagi mengekalkan cerita asal sebuah Kampung Malaysia yang mempunyai elemen-elemen kebudayaan tradisi dan kehidupan di alam Melayu meskipun terdapat sedikit perubahan. Lakaran kartun Lat juga memberikan kesan yang baik dalam mengukuhkan jalinan budaya antara dua negara, Malaysia – Jepun.

Kata kunci: *Budak Kampung* (1979), budaya, komik, kartun

PENGENALAN

Seni lukis kartun merupakan salah satu bidang kesenian yang penting. Peranannya bukan sahaja sebagai cerminan masyarakat dan kebudayaan, malahan sebagai agen perubahan sesuatu budaya. Seni lukis kartun mempunyai sejarah yang panjang. Bermula dari lukisan gua, wayang kulit dan media cetak hinggalah kepada media digital, kartun telah mewarnai kehidupan manusia dengan pelbagai tema, gaya dan tujuan. (Muliyadi Mahamood, 2010).

Perkembangan kartun di Jepun, menurut A. Samad Ismail (1992, hlm. 120-121), kartun dan komik di Jepun telah menjadi satu saluran yang amat berpengaruh untuk hiburan rakyat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan menyebarkan nilai-nilai hidup. Malahan pelukis-pelukis kartun dan komik di Jepun turut menerima penghargaan negara. Karya kartun dan komik dianggap sebagai satu bentuk sastera dan seni yang layak menerima penilaian dan kritikan umum secara serius.

Di Jepun dan Korea Selatan, hampir semua bentuk penerbitan buku dalam pelbagai perkara telah dihadirkan dalam bentuk komik. Jepun dan Korea Selatan memang diakui antara negara yang rakyatnya mempunyai minat membaca tinggi dan telah menyaksikan lebih 50 peratus rakyatnya membaca komik (Shaharom TM Sulaiman, 2012). Komik *Doraemon* yang melakarkan sosio-budaya masyarakat Jepun, menjadi komik terlaris di Malaysia. Di Eropah dan Amerika Syarikat, kejayaan karya klasik *The Adventures of Rin Tin Tin* menjadi fenomena buku komik yang luar biasa. Manakala dalam konteks Malaysia, buku komik yang dihasilkan oleh Datuk Lat seperti *Kampung Boy* menjadi buku terlaris dan sehingga kini masih mendapat sambutan bahkan telah diterjemahkan ke dalam 13 bahasa termasuk Bahasa Jepun, Arab dan Jerman.

Will Eisner mendefinisikan komik adalah suatu bentuk seni bersekuen atau *sequential art* (seni yang berurutan). McCloud (1993) memperluaskan komik sebagai berikut, "komik adalah gambar-gambar dan lambang-lambang lain yang saling berdampingan dalam urutan tertentu, bertujuan untuk memberikan informasi

atau mencapai tanggapan estetik dari pembaca". Ia merangkumi persoalan-persoalan imejan, stail, kualiti dan subjek. Pengolahan semua aspek ini dalam urutan bersekuen itu membentuk apa yang disebut seni komik.

Manakala, Mohd. Noor Khalid (1990) merumuskan bahawa kartun atau komik adalah satu lukisan yang lucu, bertenaga dan berkebolehan mengajak pembaca berfikir dan peka terhadap perkembangan semasa. Sesebuah kartun yang baik bukan terletak pada kecantikan lukisannya semata-mata tetapi juga pada maksud yang tersirat atau mesej yang ingin disampaikan. Mesej bukan sekadar untuk hiburan, tetapi turut mengajak pembaca berfikir. Manakala kartunis pula sebagai perakam tingkah laku masyarakat, bukan sekadar memiliki kepandaian melukis tetapi juga harus peka terhadap peristiwa yang berlaku di sekeliling untuk dijadikan idea berkarya. Keindahan dalam seni lukis kartun Melayu boleh dihayati menerusi imejan dan makna.

Penerbitan sesuatu bahan bacaan seperti komik kartun Lat juga perlu mengambil kira aspek pembangunan modal insan masyarakat. Penyajian segala bentuk bahan penulisan sama ada berita, rencana kemanusiaan, hiburan atau apa-apa sahaja bahan penerbitan perlu membuat pertimbangan dari aspek kualiti cerita, pengaruh cerita kepada masyarakat dan baik buruk penghasilan sesebuah cerita dalam mempengaruhi minda pembaca. Karya seperti kartun-kartun lakaran Lat banyak memberi nilai positif dalam pembentukan minda masyarakat dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Ini kerana setiap hasil penulisan yang diterbitkan kepada khalayak umum mampu membuatkan pembaca memikirkan dari pelbagai aspek sama ada positif dan juga negatif berkaitan sesuatu cerita yang disampaikan (Redza Piyadasa, 1982, hlm.9).

Antara kelebihan komik ialah mempermudahkan bahan bacaan yang bersifat serius. Bahan bacaan yang berat menjadi ringan dan mudah difahami oleh semua peringkat pembaca. Penerbit Icon Books di England yang terkenal dengan siri buku komik *Series for Beginners* telah mengalami kejayaan yang luar biasa apabila menerbitkan buku bersifat wacana tinggi yang dipermudahkan dalam bentuk komik seperti *Cyberspace for Beginners*, *Einstein for Beginners*, *Postmodern for Beginners*. Bukunya bukan sahaja dapat dibaca oleh pembaca umum, tetapi juga pembaca professional bahkan professor dan pensyarah. Dengan perkataan lain, bahan bacaan yang bersifat serius, bersifat fakta dan sarat dengan maklumat, dapat dipersembahkan dalam bentuk yang ringan, popular dan mudah difahami.

Kartun dapat dikategorikan kepada beberapa jenis, misalnya kartun editorial (kartun yang membicarakan isu semasa seringkali bersifat politik), kartun gag (kartun satu panel yang mempunyai kapsyen), kartun ilustratif (untuk iklan dan pengajaran), komik (jujukan kartun yang mempunyai cerita), dan kartun animasi (kartun melalui proses animasi). Sebaliknya, karya kartun memainkan peranan penting dalam menyalurkan unsur-unsur pengetahuan, pendidikan, dan kebudayaan kepada masyarakat. Dalam komik pula terdapat unsur-unsur atau elemen yang-elemen yang membentuk komik, antaranya adalah seperti berikut:

1. Panel

Panel merupakan bidang membatasi bahagian-bahagian pada komik. Terdapat dua panel iaitu panel tertutup dan panel terbuka. Panel tertutup adalah panel yang dibatasi dengan garis-garis batas. Garis-garis ini disebut *frame*. Komik Eropah banyak menggunakan panel ini. Manakala panel terbuka adalah panel tanpa garis batas yang mengelilinginya. Panel terbuka banyak digunakan pada masa kini terutamanya komik Amerika dan komik Jepun.

2. *Closure* (peralihan panel ke panel) dalam komik terbahagi kepada waktu ke waktu, aksi-ke aksi, subjek ke subjek, adegan ke adegan, aspek ke aspek, *non-sequitur, gutter*, balon kata, narasi, efek, tokoh dan latar belakang (tema cerita).

Seterusnya, jenis-jenis komik ialah seperti berikut:

1. Komik strip, komik pendek yang terdiri dari beberapa panel dan biasanya muncul di suratkhabar. Komik strip biasanya bertema humor dan bergaya atau kartun karikatur.

2. Buku komik adalah kumpulan halaman komik yang dijilid rapi dan diterbitkan secara berkala. Di Jepun, komik jenis ini terdapat dalam format satu buku yang terdiri dari beberapa judul komik. Komik jenis ini juga dikenal dengan sebutan *comic magazine*.

3. *Graphic* Novel atau novel grafis adalah komik yang memiliki gaya cerita yang naratif. Cerita pada novel grafis biasanya lebih kompleks dan cenderung ditujukan untuk pembaca dewasa.

4. *Webcomic* adalah komik yang diterbitkan melalui media internet.

5. Komik instruksional adalah komik strip yang dirancang untuk tujuan pendidikan atau memberi maklumat.

Sehubungan itu, komik yang dicipta oleh kartunis perlu diangkat, kerana komik-komik ini memberi makna kepada masyarakat dan sejarah negara ini. Hasil komik dapat memberi pengetahuan, nilai dan pengajaran jika dihayati dengan baik oleh masyarakat. Komik juga adalah hasil seni. Karya seni mempunyai nilai sumbangan yang penting, ini sama dengan sumbangan seorang saintis kerana sains dan seni dapat melahirkan pelbagai pendapat, informasi dan pengetahuan baru. Tanpa diberi interpretasi, maklumat yang ingin dan hendak disampaikan tidak akan diperolehi" (Barret, 2003).

Lat atau nama sebenarnya Mohd Nor Khalid dilahirkan pada 5 Mac 1951 di Kota Bharu berdekatan Gopeng, Perak. Lat mendapat nama berikutan bentuk mukanya yang bulat. Lat telah mula melukis sebelum beliau memasuki alam persekolahan lagi dan galakan untuk melukis tersebut datangnya daripada guru dan juga ibunya. Penglibatan Lat dalam dunia kartun bermula sejak zaman kanak-kanaknya. Ketika berusia lapan tahun, dia sudah mula menghayati dan menyalin karya-karya kartun lereng dan komik Raja Hamzah yang disiarkan Utusan Melayu dan Utusan Zaman ketika itu. Lat menyifatkan Raja Hamzah, kartunis penting dekad 1950-an itu sebagai wiranya. Komik pertama Lat yang berjudul *Tiga Sekawan Menangkap Penchuri* diterbitkan oleh Sinaran Brothers pada tahun 1964 ketika berusia 13 tahun. Lat bukan sahaja menjelajah seluruh negara untuk mendapatkan pengalaman bagi menghasilkan karyanya tetapi juga menjelajah hampir ke seluruh pelusuk dunia seperti ke Jepun, Amerika Syarikat, Jerman Barat, New Zealand, England, Australia, Mesir, Thailand dan beberapa negara lagi di Eropah.

Dalam karyanya yang terkenal, *Budak Kampung* (1979) Lat, menjelmakan identiti kemelayuan dan corak hidup tradisional masyarakat di Malaysia. Suasana kampung digambarkan dengan begitu halus lagi terperinci menerusi imejan-imejan rumah dan alam flora yang dilukis rapi. (Redza Piyadasa & Muliyadi, 2003). Suasana pemandangan kampung dihidupkan menerusi lakaran kegiatan seharian penduduk yang bekerja di ladang getah, melombong bijih, membersihkan kebun, menjemur kain basuhan, berbasikal, berbelanja dan bersembang di kedai kopi. Lakaran gelagat kanak-kanak yang penuh keceriaan menghidupkan suasana. Lat merakamkan kesemuanya itu dengan teliti dan terperinci daripada pelbagai sudut gambaran yang kreatif bagaikan sebuah filem. Hal ini disokong oleh pengolahan figura yang kaya dengan ekspresi dan emosi sesuai dengan watak dan persekitaran mereka.

Selain meningkatkan mutu seni kartun tanah air, beliau juga telah berjaya memperkenalkan Malaysia di mata dunia dan meningkatkan industri pelancongan negara. *Kampung Boy* edisi bahasa Jepun, yang dilancarkan pada Pesta Buku Antarabangsa Tokyo (TIBF) 2014, dijadikan bahan pengajaran di *Tokyo University of Foreign Studies* (TUFS). Novel grafik yang diterbitkan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dengan kerjasama TUFS Press Tokyo itu digunakan oleh pelajar bidang Pengajian Asia Tenggara di universiti tertua Jepun itu. Komik ini adalah hasil terjemahan semula pensyarah bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia, Hieda Natsue dan kemudian disunting pensyarah TUFS, Prof Madya Soda Naoki.

Menurut Lat, cerita yang dilakarkan melalui karya *Kampung Boy adalah cerita sebenar.* Komik ini berdasarkan cerita dan pengalamannya selama berada di kampung. Hasil karyanya juga telah menyuntik semangat perpaduan kaum, memupuk rasa harmoni dan persefahaman sosial serta perbezaan kedua-dua persekitaran kehidupan bandar dan luar bandar. Kebudayaan dan kemasyarakatan menjadi sumber paling berharga dalam membekalkan bahan cerita serta menjadi pengukur kepada pembentukan sesuatu watak. Justeru, proses penghayatan sesebuah karya kartun perlu mengambil kira faktor-faktor persekitaran karya seperti jenisnya, stail, pengkarya dan media yang menerbitkannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap komik *Kampung Boy* (edisi Jepun) yang diterbitkan pada 2014. Karya Lat ini dipilih kerana masih mengekalkan watak dan nilai budaya masyarakat di Malaysia walaupun menggunakan bahasa Jepun. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti komik *Kampung Boy* (edisi Jepun). Data-data telah dianalisis secara analisis kandungan bertema (Howitt & Cramer, 2008, 10). Kajian ini memfokuskan perbandingan antara dua komik dengan hanya melihat elemen bahasa dan nilai budaya tradisi sahaja.

OBJEKIF KAJIAN

1. Melihat perbandingan bahasa dalam karya Lat *Budak Kampung (*edisi Bahasa Melayu*)* dan *Kampung Boy* (edisi Bahasa Jepun).
2. Mengenal pasti elemen budaya tradisi yang terdapat dalam karya *Lat* kepada masyarakat kini.

KAJIAN LITERATUR

Kajian oleh Abdul Murad bin Abd Hamid (2013) merupakan kajian pembangunan Komik Penceritaan Grafik Digital bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Pendidikan Khas. Pembangunan komik penceritaan grafik digital ini berdasarkan reka bantuk ADDIE dengan dokongan Teori Konstruktivisme dengan menggunakan Strategi Pembelajaran Masteri dan Pendekatan Tematik. Komik ini dibangunkan menggunakan program atas talian Pixton.com, perisian Adobe Photoshop dan Microsoft Publisher dan dipersembahkan untuk pengajaran menggunakan perisian Microsoft Power Point. Komik penceritaan digital ini meliputi tiga tajuk tatabahasa Bahasa Melayu. Penilaian dilakukan dalam aspek pencapaian 10 orang pelajar, berkaitan tahap komunikasi lisan dan juga tahap keterlibatan pelajar dalam kumpulan. Hasil kajian mendapati komik penceritaan digital ini mampu meningkatkan tahap komunikasi dan hubungan dalam kumpulan sesama pelajar.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Razid Bin Abdul Karim (2010) berkaitan komik Halim Teh bermula dari tahun 1950-an hingga tahun 1980-an. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan kepada 4 era iaitu tahun 1950-an, era tahun 1960-an, era tahun 1970-an, dan era tahun 1980-an. Kaedah ini dapat melihat perbezaan era antara tema, bentuk dan gaya yang dipilih. Pemilihan tema ini juga ada kesamaan dengan pelukis komik lain yang bergiat sezaman dengannya. Hasil kajian mendapati kebanyakkan tema yang digunakan oleh Halim Teh adalah tema sejarah yang pastinya banyak mendokumentasikan sejarah yang berlaku sepanjang perjalanan seni beliau. Pendokumentasian secara visual ini mampu menjadi khazanah yang bernilai untuk tatapan generasi muda.

Muliyadi Mahamood (2007), menyatakan bahawa krisis identiti komik dan kartun yang dipengaruhi gaya japonism, semakin berleluasa. Namun, Lat terus bertahan kerana telah menemui rupa bentuk dan identiti Malaysia sejak awal penglibatannya. Penceritaan beliau melalui karyanya secara bersahaja dan mudah difahami oleh setiap lapisan masyarakat membuatkan karyanya sering dinanti-nantikan. Ini bertepatan dengan pandangan Reza Piyadasa (1982), beliau melihat Lat sebagai seorang pemuda Melayu yang memahami dimensi di mana beliau bergerak. Beliau dengan mudahnya dapat menyelam millieu budaya kita yang bersifat berbilang kaum. Selain itu, kekuatan Lat terletak pada kebolehannya menggabungkan dirinya dengan alam sekitarnya. Justeru, peranan seorang kartunis adalah penting dalam membantu memberi gambaran tentang masyarakat di Malaysia dan ruang lingkup persekitarannya.

Kajian yang dijalankan oleh Muliyadi Mahamood (2007) mendapati Lat merupakan seorang karyawan yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan semasa, nilai-nilai jati diri bangsanya, kepelbagaian adat, budaya dan tradisi masyarakat majmuk Malaysia. Menurut beliau lagi, Lat mempersembahkan isu-isu antarabangsa dalam konteks Malaysia, namun yang paling penting ialah dalam jenaka kartunnya itu, beliau mampu menyindir dan mengkritik secara halus akan kepincangan-kepincangan yang wujud dalam masyarakat.

Adyzam Abdul Manap (2000) mengkaji keberkesanan penggunaan kartun Lat dalam mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Kartun merupakan satu hiburan yang diminati oleh semua lapisan usia masyarakat, terutama kanak-kanak. Kajian juga dijalankan untuk melihat sejauh mana kartun dapat menarik minat dan memberi satu semangat baru dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Seramai 60 orang pelajar tingkatan dua dari Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam Johor telah dipilih sebagai subjek dalam kajian. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar dalam kumpulan kajian memberikan respon positif berbanding kumpulan kawalan. Kumpulan kajian lebih aktif, kreatif, bermotivasi dan dapat mengeluarkan perbendaharaan kata dengan banyak. Ini membuktikan kartun dan komik memainkan peranan dalam meningkatkan mutu pembelajaran dan penyertaan pelajar di dalam kelas.

PERBINCANGAN

Kajian ini hanya memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa dan nilai budaya tradisi yang terdapat dalam komik *Kampung Boy* (edisi Jepun)(2014). Penilaian terhadap komik mendapati tidak terdapat perubahan yang ketara dalam penggunaan bahasa dan nilai budaya tradisi yang telah diterjemahkan. Watak yang dipaparkan dalam komik juga masih menggunakan watak budak lelaki Melayu yang menjalani suasana kehidupan di kampung. Nilai budaya yang dipaparkan dalam *Kampung Boy* (edisi Jepun) (2014) juga merupakan kehidupan yang sangat dekat dengan alam semula jadi yang serupa seperti kebanyakan masyarakat di dunia seperti keluarga, sahabat-handai dan masyarakat kampung.

Bahasa dalam Komik *Kampung Boy* (Edisi Jepun)(2014)

Secara umumnya, wacana lisan dalam bahasa Jepun amat kurang menggunakan kata ganti nama kerana subjek pertuturan telah dikenalpasti pada petuturan yang sebelumnya, dan secara automatiknya kata ganti nama ditinggalkan. Hal ini berlainan dengan struktur bahasa Melayu yang masih mengekalkan kata ganti nama diri sebagai subjek dalam perbualan lisan dan penulisan. Kata ganti nama berfungsi sebagai sapaan untuk menghormati orang yang lebih berusia. Dalam masyarakat Melayu, jika memanggil nama seseorang yang berusia akan dianggap tidak beradab sopan.

Dalam bahasa Jepun, terdapat pengguguran kata ganti nama diri seperti awak, saya, aku dan dia. Ini adalah kerana, strategi berbahasa dalam masyarakat Jepun yang tidak memerlukan penggunaan kata ganti diri. Ini dapat dilihat dalam komik *Kampung Boy* (edisi Jepun) (2014) di bawah:

RAJAH 1. Pengguguran kata nama hang dan aku



下	に	おり	たら	ひっぱく	よ
Shita	ni	ori	tara	hippaku	yo
Bawah	ke	turun	kalau	pukul	tanda penekanan

[Kalau (kau) turun ke bawah, (aku) pukul]

(*Kampung Boy* (edisi Jepun), 2014)

RAJAH 2. Pengguguran kata nama dia dan saya

先生、 この　子　を　おまかせします
Sensei　kono　ko　wo　omakaseshimasu
Tuan　ini　budak　partikel　saya menyerahkan kepada anda
[Tuan, sekarang (saya) serahkan anak (saya) ini kepada (tuan)]

(Kampung Boy (edisi Jepun), 2014)

Selain itu, terdapatnya pengekalan istilah-istilah yang merujuk kepada budaya seperti kampung, akad nikah, azan, bersanding, kenduri, dan baju Melayu. Dalam bahasa Jepun, istilah Melayu yang dikekalkan penggunaannya ditulis menggunakan tulisan *katakana*. *Katakana* ialah salah satu tulisan Jepun yang salah satu fungsinya digunakan untuk mengeja perkataan asing. Contohnya seperti dalam lakaran kartun dibawah:

RAJAH 3. Pengekalan perkataan kampung, azan dan bersanding



Dalam hal ini, Awang Sariyan (2007) menyatakan penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Oleh itu kesantunan berbahasa adalah salah satu ciri penting bagi melahirkan bangsa yang bertamadun. Penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kemarahan, kegusaran atau rasa kecil hati pihak lain adalah perlu bagi tujuan menghormatinya, di samping memperlihatkan kehemahan pada orang yang bercakap agar dia dianggap berbudi bahasa.

Strategi berbahasa bukan sahaja perlu ketika berhubungan secara bertulis, tetapi lebih penting lagi perlu dipraktikkan ketika berkomunikasi secara lisan. Ini kerana fungsi bahasa itu sendiri yang melambangkan identiti pengguna, perlu diberi pertimbangan serius. Bahasa menjadi cerminan peribadi penuturnya. Kemuliaan seseorang itu, dinilai berdasarkan ungkapan bahasa yang digunakan dan dipancarkan selari dengan tingkah laku terpuji. Ini jelas menunjukkan kepada dunia bahawa masyarakat Malaysia berbudi bahasa.

Nilai budaya tradisi Komik *Budak Kampung* (Edisi Jepun)(2014)

Nilai budaya tradisi masyarakat Melayu yang dipaparkan oleh Lat dalam komiknya bermula dari ketika anak dilahirkan yang disambut oleh bidan dan diserahkan kepada si bapa untuk diazankan. Selain itu, adat bercukur kepala, marhaban, bersunat, mengaji Quran dan perkahwinan merupakan sebahagian detik-detik kehidupan yang dilalui oleh anak Melayu yang tinggal di kampung. Suasana majlis berkhatan pula dilakarkan bermula dengan majlis kenduri yang dibantu dengan sanak saudara, dan masyarakat kampung dengan penuh semangat kejiranan. Kenduri merupakan simbol perpaduan untuk mengeratkan lagi ukhuwah dan persaudaraan.

Selain ini, lakaran kanak-kanak yang dikhatankan beramai-ramai dengan memakai baju Melayu yang baharu dilukis dengan penuh teliti. Mereka diberi makan sirih pinang dan diarak beramai-ramai ke sungai untuk berendam dengan iringan rebana kampung. Ini untuk memudahkan proses berkhatan. Kemudian, kanak-kanak tersebut akan dipanggil seorang demi seorang untuk dikhatankan di atas batang pisang oleh tok mudim. Kanak-kanak yang telah dikhatankan, dijaga rapi oleh keluarga masing-masing terutama dari aspek makanan. Semua aspek nilai budaya tradisi digabungjalin dan diadun dengan menarik yang menjadi inspirasi dan keunikan karya-karya kartunnya. Ini menunjukkan persepsi Lat yang tajam dan sensitif dalam merakamkan sifat-sifat sosial dan peribadi watak yang dilukisnya. Justeru itu, ia memudahkan pembaca di Jepun memahami adat istiadat budaya tradisi yang penuh dengan keunikan dan keasliannya.

RAJAH 4. Peristiwa Berkhatan (Bersunat)

KESIMPULAN

Karya-karya Lat menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang karyawan yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan semasa, identiti bangsanya, kepelbagaian adat budaya dan tradisi masyarakat majmuk Malaysia. Menerusi pelbagai genre kartun, Lat menunjukkan sifat-sifat atau ciri-ciri unik dan istimewa yang menjadi teras dan lambang keperibadian masyarakat Malaysia. Beliau juga berperanan dalam membantu memberi gambaran tentang masyarakat di Malaysia. Kesedaran terhadap nilai dan kelestarian budaya tradisi dalam kartun adalah penting sebagai satu warisan yang mesti dikekalkan. Nilai budaya di dalam kartun perlu agar masyarakat dunia dapat memahami bahasa, adat dan gaya hidup yang menjadi kebanggaan masyarakat yang berbudaya di Malaysia. Kecenderungan Lat melukiskan nilai budaya secara dominan dalam komik ini adalah sejajar dengan kehidupan peribadi Lat kerana budaya yang digambarkan adalah budaya yang hampir dengan kehidupannya sendiri sebagai orang Melayu. Hal ini, telah mempengaruhi karya Lat kerana beliau dapat mengadaptasikan pengalaman hidupnya dalam komik tersebut sedangkan budaya kaum lain diperoleh dengan sebaik mungkin melalui interaksi, pergaulan, pergaulan, pemerhatian, pengamatan dan bacaannya. Secara tidak langsung, hal tersebut membolehkan Lat menghasilkan karya yang lebih realistik dan berkesan kepada pembaca. Oleh yang demikian, *Kampung Boy* (edisi Jepun) ini menjadi satu wadah yang amat tepat dalam memastikan ia menjadi jambatan dalam mengeratkan hubungan Jepun – Malaysia.

RUJUKAN

Aziz Deraman. (1995). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuddin Ismail. 1997. Komik Malaysia satu kajian terhadap perkembangan mengikut zaman. Latihan ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media. Universiti Malaya.

Low, D. (1976). *Cartoon*. Encyclopedia Americana. New York: Americana Corporation, Jilid 5.

Lat. (1994). *Lat: 30 Years later*. Petaling Jaya: Kampung Boy Sdn. Bhd.

Lat. (1979). *Budak Kampung*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

McCloud, Scott. (1993). *Understanding comics*. Northampton: Kitchen Sink Press Inc.

Mohd. Rozlan Mohamed Noor. 2000. Kajian kartun di dalam akhbar: Keberkesanannya sebagai satu bentuk komunikasi luahan pendapat. Latihan Ilmiah, Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya.

Muliyadi Mahamood. (2010). *Dunia kartun menyingkap pelbagai aspek seni kartun dunia dan tempatan*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.

Muliyadi Mahamood. (2010). *Kartun Editorial Melayu Sejak 1990*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Muliyadi Mahamood. (1990). *A brief history of Malaysian cartoons*. Kuala Lumpur: Kampung Boy Sdn Bhd.

Muliyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muliyadi Mahamood. (2004). *The history of Malay editorial cartoons (1930s-1990*). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muliyadi Mahamood. (April 2003). Tema kemelayuan dalam kartun Lat. *Dewan Budaya*, hlm. 40-42.

Muliyadi Mahamood. (Oktober-Disember, 2007). Identiti dan jati diri rakyat Malaysia dalam kartun Lat. *Pemikir*.

Muliyadi Mahamood. (1999). *Kartun dan kartunis.* Selangor: Stilglow Sdn. Bhd.

Puteri Roslina Abdul Wahid. (September, 2003). Analisis sosio-kognitif dalam kartun Lat: Unsur pemikiran dan pemahaman silang budaya. *Jurnal Bahasa, 3*(3), hlm. 433-456.

Roosfa Hashim. (2004). Bentuk-bentuk budaya asing dalam majalah dan komik remaja di pasaran tempatan. Kertas kerja di Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme, 4-6 September 2004.

Zainurul Aniza Abd Rahman dan Nasya Bahfen. (2014). Imagining *Kampung*: The Rural and Urban Icons of Malaysia in The Cartoons of Lat. *Jurnal Media*, *16*(1), 63–74.

UPIN & IPIN KERIS SIAMANG TUNGGAL: AGEN DIDAKTIK PADA LAYAR BUDAYA

Mohd Hanafi Bin Jumrah
Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang
hanafijumrah@yahoo.com

Zulfazlan Bin Jumrah
Kolej Tunku Kurshiah
zulfazlan@tkc.edu.my

ABSTRAK

Filem bukan sahaja sekadar hiburan tetapi filem juga sebagai agen didaktik kepada masyarakat. Selain itu, filem juga berperanan menjadi alat dalam menyampaikan informasi, merangsang pembelajaran sebagai media pendidikan, menjadi alat mempengaruhi atau boleh sahaja menjadi satu medium pencetusan propaganda. Kajian ini akan mengkaji filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal (2019) dan melihat sejauh manakah fungsi filem animasi ini mampu menggalas peranan sebagai ejen penyebaran nilai didaktik dalam kerangka budaya dalam masyarakat. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat faktor-faktor lain yang mungkin menjadi penyumbang kepada kekayaan nilai dan teladan di dalam filem ini seperti lakon layar dan pengarahan, jenama (branding), kesan khas; Computer-generated Imagery (CGI), kemandirian filem ini sebagai sebuah tontonan metafiksyen dan tidak lupa juga persepsi serta jangkauan sedia ada penonton terhadap karektor Upin dan Ipin itu sendiri. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan analisis tekstual dalam mengkaji beberapa bingkai dalam filem ini. Pengkaji akan memfokuskan kepada peranan filem ini yang dilihat bukan sekadar sebagai entiti yang telah mencatat kutipan pecah panggung, tetapi turut melihat bagaimanakah filem ini telah bertindak sebagai agen penyatuan masyarakat melalui penerapan nilai-nilai didaktik yang dipaparkan pada layar penceritaannya. Mengguna pakai pendekatan Studi Budaya dalam kajian ini, pengkaji berharap dapat berkongsi hasil dapatan ini sebagai satu dorongan untuk pembikin filem tempatan lebih bersemangat menghasilkan dan mengetengahkan karya yang sarat nilai didaktik dan perca-perca kebudayaan buat tontonan masyarakat.

Kata kunci: Studi Budaya, Didaktik, Nilai, Upin & Ipin

PENGENALAN

Era digital dan pengkomputeran masa kini telah membuka satu utopia yang memperlihatkan betapa ramai individu yang kian hanyut dengan kerencaman nilai dan budaya. Memaknai hal ini, kerencaman ini ternyata seakan-akan meninggalkan satu lohong dan jurang besar dalam paradoks budaya antara nilai kebudayaan tradisi dan nilai budaya moden.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), budaya didefinisikan sebagai tamadun dan peradaban, kemajuan fikiran, akal budi. Selo Soemardjan dan Soelaiman Soemardi pula berpendapat, budaya bermaksud hasil karya, ciptaan dan rasa sesebuah masyarakat. Hasil karya dan rasa meliputi jiwa manusia yang selaras dengan nilai sosial. Mendalami makna definisi-definisi ini, dapatlah kita rumuskan bahawa budaya ialah perihal nilai kemasyarakatan yang diterapkan dalam sesuatu peradaban.

Pemartabatan budaya yang telah diturunkan secara turun temurun kepada masyarakat di Malaysia seperti budaya pemakaian busana, petua, adat resam, pantang larang, malah mencakupi perihal yang lebih serius seperti nasihat dan pedoman ternyata membawa impak yang cukup besar kepada cara hidup berbudaya masyarakat kita. Pedoman, nasihat dan nilai yang telah diturunkan oleh masyarakat zaman dahulu tidak harus dilupakan, malah tidak patut sesekali pun disia-siakan. Penelitian terhadap nilai-nilai didaktik ini telah secara langsung membolehkan kita mengkaji sejauh manakah pertautan antara nilai dan budaya ini saling berkaitan lalu mempengaruhi kosmologi hidup sesebuah masyarakat itu. Menariknya, kajian pada kali ini akan melihat semua dari satu skop yang lebih kecil iaitu dalam sebuah filem animasi yang cukup popular dan berpengaruh iaitu filem *Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal* (UDIKST).

Menurut Nur' Azizah dan Siti Rugayah (2014), filem animasi merupakan antara media hiburan untuk anak-anak dan banyak kajian yang menunjukkan animasi amat membantu dalam pendidikan anak-anak secara tidak langsung. Nor Raudah *et. al* (2019) juga melihat filem animasi sebagai media yang bertujuan untuk membimbing kanak-kanak memahami nilai budaya tempatan.

Sinopsis Filem UDIKST

Filem pengembaraan UDIKST ini mengisahkan kembar comel Upin dan Ipin bersama-sama rakan-rakan mereka Ehsan, Fizi, Mail, Jarjit, Mei Mei, dan Susanti dalam usaha mereka menyelamatkan kerajaan fantasi Inderaloka dari kekejaman Raja Bersiong. Dengan bantuan Mat Jenin, Belalang dan Nakhoda Ragam, Upin, Ipin, dan rakan-rakan perlu melalui pelbagai dugaan dan cabaran dalam filem pengembaraan aksi penuh magis dan lucu yang dihasilkan oleh Les' Copaque Production Sdn. Bhd (Lescopaque.com, 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah (i) mengenal pasti beberapa nilai didaktik yang boleh dijadikan pengajaran yang terdapat di dalam filem UDIKST, (ii) membincangkan perkaitan nilai didaktik itu dengan elemen kebudayaan masyarakat Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang ingin dikemukakan adalah seperti berikut: i) Apakah nilai didaktik yang boleh dijadikan pengajaran yang terdapat di dalam filem UDIKST? dan ii) Apakah perkaitan nilai didaktik dengan elemen kebudayaan masyarakat Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu?

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian yang dilakukan ke atas filem animasi sama ada tempatan atau antarabangsa terhadap nilai dan budaya seperti kajian yang dilakukan oleh Nur 'Azizah M. Najib, (2012) dalam kajiannya menunjukkan bahawa filem animasi Aladdin nilai dan budaya negatif lebih banyak berbanding nilai dan budaya positif. Kajian ini juga mendapati pertembungan dua budaya yang amat berbeza banyak berlaku dan dikhuatiri mampu mengelirukan pegangan hidup dan jati diri anak-anak Muslim. Ini berbeza dengan kajian yang dilalukan oleh Nor Raudah Siren, Munirah Ab Razak, Aisyah Yap, & Ummu Hani Abu Hassan, (2019) melalui Filem Animasi Upin dan Ipin mendapati bahawa filem Upin dan Ipin mengangkat aspek nilai utama iaitu nilai budi bahasa dan nilai murni masyarakat Melayu-Islam. Ini memperlihatkan Upin dan Ipin kaya dengan nilai budaya Melayu yang selaras dengan syariah Islam, yang mana ianya ditonjolkan memperlihatkan sikap masyarakat yang saling hormat-menghormati, sayang menyayang, bantu-membantu dan menjaga perasaan orang lain. Hal ini turut dipersetujui kajian yang dilakukan oleh Mazarul Hasan et al. (2019) dalam menilai murid sekolah rendah melalui filem Upin dan Ipin dengan memfokuskan nilai pendidikan iaitu nilai murni dan perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan. Ini menunjukkan bahawa naskhah filem animasi tempatan lebih bermutu dan memaparkan nila-nilai dan budaya yang positif berbanding dengan filem animasi antarabangsa.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Gede Pasek dan Ngurah Adhi (2018) memfokuskan filem budaya dan peluang perniagaan terhadap beberapa buath filem animasi. Filem animasi seperti film animasi Mulan tentang legenda masyarakat Tionghoa, Kungfu Panda tentang budaya kungfu, Upin Ipin tentang budaya Malaysia, Adit dan Sopo Jarwo serta Knight Kriss tentang budaya Indonesia, dan Si Uma tentang budaya Bali yang cukup diminati penonton hinggakan menarik minat produser untuk membuat filem animasi sebagai peluang kepada perniagaan.

Studi Budaya dalam UDIKST: Satu Perspektif Umum

Mana Sikana (2007) menyatakan bahawa studi budaya atau *cultural studies* adalah kajian atau penelitian terhadap aspek-aspek budaya dalam teks-teks sastera. Kajian budaya mempunyai sejarah yang panjang, dan telah pun dibicarakan di dalam beberapa teori sastera moden sebelumnya seperti pendekatan historikal, sosiologi, moral dan sebagainya.

Di Barat, sekitar tahun 1990-an teori ini menjadi semakin popular setelah terlalu banyak teks sastera yang telah mengangkat persoalan budaya, adat istiadat, ritualisme, dongeng, fantasi dan pelbagai persoalan lain yang sangat akrab dengan cara hidup masyarakat. Edward B. Taylor (2016) dalam bukunya *Primative Culture* misalnya, melihat, budaya sebagai medium etnografi yang luas, kompleks, mencakupi segenap tata hidup yang berpaksikan pengetahuan, kepercayaan, moral seni, undang-undang, adat istiadat, dan apa sahaja keupayaan dan tabiat lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Edward juga melihat budaya sebagai kajian tentang pemikiran manusia yang beasaskan tindakan.

Meneliti perkembangan teori ini dalam konteks kajian terhadap nilai budaya naskhah animasi Melayu seperti UDIKST, kita dapati bahawa sebagai karya seni yang mentransformasikan pelbagai gejala kehidupan tradisi mahu pun sastera moden, medan wilayahnya berkait erat dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang di dalamnya terkandung beberapa elemen seperti bahasa, kepimpinan, agama atau kepercayaan, pengembaraan atau *diaspora*, emosi, etnik, gender, kesejagatan, kewarganegaraan, intelektualiti, masyarakat sivil atau alam, politik, ideologi dan sebagainya. Perkara yang sama juga menjadi fokus kajian para sarjana studi budaya sebagai kajian pelbagai disiplin (*interdisipliner*).

Daripada kajian studi budaya tentang kewujudan karya sastera, ternyata unsur emosi dan intelektual bergerak di atas landasan vertikal dan horizontal pengarang yang menghasilkan karya sastera tersebut. Maksudnya, karya tersebut wujud dalam situasi yang spontan mengenai wilayah serta hakikat kehidupan dan alam. (Mohd Daud Mohamad, 2008)

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji akan menonton memahami kandungan dengan terperinci filem UDIKST. Selain itu, pengkaji juga akan mengenal pasti skop yang perlu difokuskan iaitu beberapa nilai didaktik yang telah terdapat di dalam filem UDIKST. Pengkaji akan menganalisis perkaitan nilai didaktik itu dengan elemen kebudayaan yang terdapat di dalam kosmologi hidup masyarakat Melayu melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan analisis tekstual oleh Mckee (2003) dalam mengkaji beberapa bingkai dalam filem ini dengan menggunakan konsep budaya oleh Edward B. Tylor (2016). Menurut Edward B. Tylor (2016), kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks mengandungi ilmu, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Oleh itu, kajian ini memfokuskan ke atas kepercayaan, kesenian kesusilaan dan adat resam.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis enam bingkai yang memfokuskan kepada konsep budaya oleh Edward B. Tylor (2016), daripada enam ini dua bingkai masing-masing di bawah tema: i) Renda Persahabatan Merentasi Sempadan Perkauman, ii) Apresiasi Kepada Khazanah Warisan Bangsa dan iii) Kemurnian Nilai Diri Insani.

Renda Persahabatan Merentasi Sempadan Perkauman

Bingkai 1 menunjukkan bahawa renda persahabatan antara Upin dan Ipin bersama-sama rakan-rakan mereka Ehsan, Fizi, Mail, Jarjit, Mei Mei, dan Susanti bersahabat tidak mengira bangsa dan warna kulit. Ini kerana menjadi budaya dalam masyarakat kita untuk tetap menjaga nilai persahabatan kerana sifat kita sebagai orang timur yang sentiasa menghormati hubungan sesama insan. Pemaparan bingkai 1 memperlihatkan keharmonian dan perpaduan antara kaum boleh terbina sejak kecil lagi. Jika dilihat mereka mempunyai sifat saling mempercayai antara satu sama lain dan boleh bersahabat walaupun berbeza kaum tanpa sebarang prejudis terhadap perbezaan warna kulit dan mereka juga membuang jauh sifat prasangka buruk.

BINGKAI 1. Persahabatan merentasi sempadan perkauman

Pepatah Melayu juga ada mengatakan bahawa *berkawan biarlah seribu berkasih biarlah satu* yang membawa maksud kita digalakkan berkawan dengan seberapa ramai yang mungkin. Pepatah Melayu ini bertepatan dengan bingkai yang dipaparkan dalam Bingkai 1. Selain itu, dalam filem ini memaparkan keutuhan persahabatan mereka ini jelas dipaparkan apabila mereka terpisah di dalam dua kumpulan dan akhirnya bertemu semula dan membantu antara satu sama lain. Filem ini secara tulusnya memaparkan persahabatan antara watak utama dengan watak-watak yang lain, hal ini dapat memberi satu didaktik yang positif kepada masyarakat terutama kanak-kanak. Disebabkan utuhnya nilai persahabatan antara mereka, mereka bersatu mempertahankan simbol budaya dalam filem ini iaitu keris agar tidak jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab sepertt raja bersiong.

Bingkai 2 memperlihatkan didaktik budaya sambatan antara Upin dan Ipin bersama rakan-rakan (pada minit kelapan) di stor rumah Tok Dalang. Sambatan bermaksud pertolongan (untuk mengerjakan sessuatu), bantuan dan tolong-menolong (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Budaya sambatan merupakan tindakan yang mulia dan harus ada dalam diri setiap insan. Budaya sambatan ini lazimnya sangat akrab dengan kehidupan kita dan sudah muncul dari masyarakat tradisional lagi. Budaya sambatan juga memberi manfaat bukan sahaja untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni malah saling lengkap-melengkapi dan ianya telah diaplikasikan sejak zaman nenek moyang lagi.

BINGKAI 2. Budaya sambatan

Jika dilihat budaya sambatan merupakan budaya yang amat diperlukan dalam kehidupan kita. Upin, Ipin dan rakan-rakan merupakan watak yang saling bergantungan antara satu sama lain dalam filem ini. Permulaan bingkai ini adalah rakan-rakan Upin dan Ipin bertandang ke rumah Tok Dalang dengan hasrat membawa Upin dan Ipin bermain, namun begitu apabila melihat Upin & Ipin yang masih belum menyempurnakan tugas-tugas penyusunan barang menjadikan mereka secara sukarela membantu bagi meringinkan beban Upin dan Ipin. Sudah menjadi budaya orang Melayu dalam persahabatan yang mana sama sekali tidak akan meninggalkan sahabat di waktu senang mahupun susah. Bingkai ini juga bertepatan dengan pepatah Melayu yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing yang membawa maksud bermuafakat dalam melakukan sesuatu kerja, sama ada kerja itu susah ataupun mudah. Selain itu, bingkai ini juga memaparkan budaya sambatan menjadi amalan sepanjang filem ini yang mana watak lain seperti Belalang, Mat Jenin dan Nakhoda Ragam membantu Upin, Ipin dan rakan-rakannya dari diserang oleh reriang walaupun mereka baru pertama

kali bersua (minit ke-48). Ini jelas menunjukan bahawa filem ini memaparkan didaktik yang sesuai untuk di tonton oleh kanak-kanak kerana ianya membawa mesej yang baik dan menggalakan kanak-kanak agar menerapkan budaya sambatan dalam kehidupan seharian tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Apresiasi Kepada Khazanah Warisan Bangsa

BINGKAI 3. Kesenian wayang kulit

Khazanah boleh ditakrifkan sebagai barang-barang kepunyaan, harta benda, kumpulan (himpunan) sesuatu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Memaknai definisi ini, dapatlah kita simpulkan bahawa khazanah boleh ditakrifkan sebagai satu himpunan peninggalan yang berharga terutamanya bagi sesetengah pihak. Menyoroti konteks ini dalam filem UDIKST, pengarah filem ini berjaya menzahirkan beberapa entiti khazanah warisan bangsa sebagai satu sisipan yang penting dalam beberapa bingkai filem ini. Entiti ini tidak sekadar berfungsi sebagai pelengkap jalan cerita semata-mata, tetapi turut menjadi satu platform bagi menzahirkan apresiasi kepada khazanah warisan bangsa.

Salah satu bentuk apresiasi tersebut ialah melalui penonjolan khazanah kesenian wayang kulit, (minit ke-42). Umum mengetahui, kesenian wayang kulit merupakan satu cabang budaya Melayu yang kian jarang dipertontonkan kepada umum (jika ada pun ia sangat bersifat eksotik dan tertumpu peranannya sebagai pelaris eko-pelancongan berasaskan kebudayaan). Apabila pengarah UDIKST membawa elemen ini dalam filem tersebut, maka secara langsung hal ini membawa kepada satu kepercayaan bahawa khazanah berharga ini masih boleh mendapat tempat di hati masyarakat. Lebih bermakna, kelompok audiens yang disasarkan oleh pengarah filem UDIKST ini mencakupi segenap lapisan umur, bermula kanak-kanak hinggalah kelompok dewasa.

Barangkali atas faktor umur, kita boleh menyimpulkan bahawa di dalam fikiran kanak-kanak kecil yang menonton filem ini, pemahaman mereka terhadap semiotik budaya yang terkandung di dalam tayangan wayang kulit tersebut masih kurang, namun setidak-tidaknya dalam pengalaman tontonan itu mereka mendapat satu pendedahan yang berharga apabila mereka masih boleh mendapat pelbagai pengajaran berguna daripada kisah wayang kulit tersebut, apatah lagi persembahan berbentuk *shadow puppet play* sememangnya sangat mudah untuk menarik minat golongan kanak-kanak yang masih kecil.

Apresiasi pengarah terhadap elemen kesenian yang tinggi melalui wayang kulit pada Bingkai 3 ini secara langsung akan berjaya meresapkan kesedaran yang tinggi kepada penonton tentang betapa pentingnya untuk kita memelihara dan meletakkan sanjungan yang tinggi kepada entiti kebudayaan seperti wayang kulit.

BINGKAI 4. Senjata keris

Berdasarkan Bingkai 4, simbol keris dipilih oleh pengarah sebagai subjek utama filem ini. Bermula pada plot pengenalan, perkembangan, konflik, klimaks dan peleraian, simbol keris Siamang Tunggal sentiasa dimainkan dalam pengembaraan Upin, Ipin dan rakan-rakannya. Malah konflik yang tercetus di dalam filem ini juga berputar sekitar perihal sebilah keris yang menjadi rebutan sama ada bagi tujuan yang baik atau sebaliknya. Sebagai sebuah senjata tradisional, keris sentiasa menjadi perlambangan kepada entiti orang Melayu itu sendiri. Keris mewakili kekuasaan, kekuatan, maruah dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa keris mewakili kosmologi budaya orang Melayu yang kompleks. Keris juga dipercayai menyimpan seribu satu rahsia sehinggakan hal ini kadangkala boleh menimbulkan rasa gerun kepada pencintanya. Hal ini dapat dibuktikan melalui baris-baris puisi yang diuntai pada babak pembukaan filem ini:

7 petala langit menyeru namanya,7 petala bumi gerun akannya
keris sakti merungkai rahsia ,hilang di dunia tiada jejaknya.
Kurun demi kurun silih berganti,sehingga ia ditemui kini.
(*UDIKST*, 2019: minit 2)

Kepelbagaian konflik yang tercipta berpunca daripada khazanah warisan bangsa yang satu ini telah membawa penonton ke dalam satu dimensi budaya masyarakat Melayu. Sememangnya menjadi adat bagi orang Melayu menjadikan keris sebagai simbol bagi kekuasaan seorang raja dan kebesaran sesebuah negara. Sebagai sebuah entiti yang membawa perlambangan yang cukup besar, 'pengembaraan' keris ini juga dilihat penuh pancaroba serba dan berliku, namun sentiasa menjanjikan pengakhiran yang adil setelah liku-liku tersebut dihadapi satu persatu.

Dua sinar sebagai petanda,
hilang gelap datang cahaya
(*UDIKST*, 2019: minit 11)

Pada dua baris dialog ini, pengarah sengaja memberikan gambaran awal tentang bagaimana seharusnya konflik yang bermula daripada subjek utama filem ini iaitu keris perlu ditamatkan. frasa 'hilang gelap datang cahaya' memberikan gambaran awal bahawa kunci kepada penyelesaian segala permasalahan ini adalah 'dua sinar' yang menjadi dukungan penyelesaian segala permasalahan ini yang merujuk kepada peleraian permasalahan antara dua pihak yang berbeza. Dalam hal ini, beberapa kisah 'perdamaian'yang kita boleh lihat antaranya adalah kisah Mak Deruma yang akhirnya sudi memaafkan anaknya Si Tanggang, Bawang Merah yang sudi mrmaafkan Bawang Putih yang difitnahnya, serta Mat Jenin yang sudah menerima hakikat perbuatan Nakhoda Ragam yang membawa dirinya lari kerana mahu menyelamatkan Mat Jenin daripada serangan Raja Bersiong.

Apresiasi terhadap keris yang merupakan senjata legenda orang Melayu ini ternyata cukup responsif apabila banyak pengajaran yang berguna yang dapat penonton hadam apabila mentafsirkan sedalam-dalamnya peranan keris sebagai penggabung jalinan seluruh konflik dan peleraiannya seputar filem ini.

Kemurnian Nilai Diri Insani

BINGKAI 5. Maaf sebagai simbolik kepada nilai kerendahan hati

Bingkai 5 memaparkan maaf sebagai satu simbolik kepada nilai kerendahan hati yang dimiliki oleh orang Melayu. Sikap pemaaf membawa gambaran 'perdamaian' antara dua pihak yang mengalami konflik. Perkara ini dapat dilihat dalam UDIKST yang mana memaparkan sikap rendah hati Mak Deruma memaafkan anaknya tanggang yang telah disumpah menjadi batu (minit ke-35). Memaafkan boleh didefinasikan sebagai mengampunkan kesalahan (kesilapan) dan tidak menganggap salah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Sebagai seorang ibu Mak Deruma menyumpah anaknya menjadi batu akibat menguris hatinya. Bingkai ini juga memperlihatkan Mak Deruma mengaku melakukan tindakan terburu-buru dengan menyumpah anaknya menjadi batu dan menyesalinya. Mak Deruma kelihatan melatangkan suaranya bahawa dia (sebagai seorang ibu) telah lama memaafkan anaknya dengan sekihlas hati. Sudah menjadi kelaziman sifat seorang ibu yang akan memaafkan segala kesalahan anaknya.

Selain itu, budaya memaafkan juga dapat dilihat melalui bingkai lain iaitu watak Bawang Merah telah memaafkan kesalahan adiknya Bawang Putih (minit ke-66) di atas semua kesalahan adiknya. Hal ini kerana adik beradik sentiasa bersama dan mestilah saling memaafkan. Bak kata pepatah air dicincang tidak akan putus yang membawa maksud perselisihan antara adik-beradik tidak akan kekal lama dan akhirnya akan berbaik semula. Budaya memaafkan begini haruslah dikekalkan yang mana amalan saling memaafi merupakan satu amalan yang baik dalam kehidupan dan perlu di amalkan sebagai satu budaya. Inilah sifat yang dapat menghindarkan diri dari sifat yang tidak baik dan kita perlu mengamalkan budaya ini dalam kehidupan. Ini jelas memperlihatkan didaktik yang baik seperti sebagai seorang anak perlu menghindari sikap melukai orang tua terutama ibu kerana syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu. Selain itu didaktik memaafkan kesalahan orang lain dalam kehidupan agar hidup menjadi tenang dan harmoni.

BINGKAI 6: Keutuhan semangat perjuangan dan nasionalisme

Bingkai 6 memperlihatkan budaya nasionalisme yang mendalam dalam diri Mat Jenin selaku pewaris takhta kerajaan Inderaloka. Nasionalisme adalah perasaan cintakan bangsa yang mendalam, perasaan mencintai negara dan bangsa sendiri, semangat kebangsaan, pergerakan membebaskan ekonomi negeri dari kuasa asing (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Jika dilihat dalam bingkai ini Mat Jenin sedang berjuang menentang Raja Bersiong yang mana Mat Jenin ingin membalas segala kejahatan yang dilakukan oleh Raja Bersiong iaitu membunuh Raja Ideraloka (minit ke-89). Pemaparan budaya nasionalisme dalam diri Mat Jenin menunjukkan bahawa Mat Jenin sanggup berjuang bermati-matian dan mengorbankan jiwa raganya untuk membebaskan kerajaan Inderaloka dari cengkaman Raja Bersiong. Sudah menjadi kelaziman selaku seorang raja (Mat Jenin) untuk mempertahankan negaranya daripada cengkaman raja kuku besi seperti Raja Bersiong. Bingkai ini jelas menunjukkan jati diri yang ada dalam diri Mat Jenin dalam memperjuangkan budaya nasionalisme demi kepentingan rakyatnya.

PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan enam bingkai didaktik pada layar budaya yang teridiri daripada tiga tema iaitu i) Renda Persahabatan Merentasi Sempadan Perkauman, ii) Apresiasi Kepada Khazanah Warisan Bangsa dan iii) Kemurnian Nilai Diri Insani. Melihat kepada tema yang pertama persahabatan semestinya sudah menjadi salah satu sistem dalam kehidupan manusia yang mana persahabatan yang baik tanpa mengira batas kaum, agama dan bangsa akan membuahkan hasil keharmonian dalam entiti masyarakat. Perbuatan sambatan yang dipaparkan merupakan satu amalan ayang melazimi nilai persaudaraan yang harus dicontohi dan dijadikan

amalan serta budaya dalam kehidupan. Bagi tema kedua yang sarat dengan khazanah warisan bangsa pula memaparkan wayang kulit dan keris merupakan khazanah yang perlu dipelihara dan pemaparannya juga menjadi satu aras tanda bagi memperkenalkan kepada generasi muda (Gen X,Y,Z dan *Millennia*) warisan budaya Melayu. Warisan Melayu ini perlu dipelihara agar ianya *tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas* yang mana generasi akan datang mengetahui asal usul mereka. Selain itu, bagi tema ketiga pula memperlihatkan kemurnian nilai dalam diri melalui budaya memaafkan dan keutuhan semangat nasionalisme. Perbuataan memaafkan adalah satu sifat yang sukar dalam kehidupan, namun untuk mengecapi ketenangan dan keharmonian lontaran ungkapan 'maaf' dan 'memaafkan' perlu disuarakan. Budaya nasionalisme perlu ada dan dijadikan sebagai jati diri dalam kehidupan dengan sepenuh hati. Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa filem UDIKST ini membawa mesej, nilai murni yang positif dan didaktik kepada penonton terutamanya kanak-kanak kerana ada pepatah mengatakan *melentur buluh biarlah dari rebungnya*, hal ini demikian kerana generasi mudalah yang akan meneraju pembangunan dan warisan budaya akan datang.

Multi-kebudayaan yang dipaparkan dalam filem ini menyentuh aspek kebudayaan masyarakat Melayu dengan memfokuskan kebudayaan yang hampir hilang seperti wanag kulit dan keris. Kebudayaan ini memaparkan kesenian budaya masyakat Melayu yang popular pada suatu masa dahulu dan diperkenalkan semula kepada generasi muda melalui filem UDIKST. Selain itu kebudayaan nasionalisme dalam filem ini memfokuskan keutuhan semangat perjuangan dan nasionalisme bagi mendidik penonton agar menerapkan kebudayaan ini dalam kehidupan. Bagi kebudayaan yang membawa simbolik kepada kesusilaan seperti budaya sambatan, kemaafan dan persahabatan sebagai didaktik yang halus dan telus sehingga ianya boleh dijadikan contoh dan boleh diterapkan dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai murni ini menjadi satu titik tolak dalam kebudayaan kerana nilai-nilai inilah yang akan membentuk sebuah masyarakat yang sentiasa berpegang teguh pada kebudayaan.

KESIMPULAN

Menanggapi filem UDIKST melalui pengamatan nilai didaktik dalam kerangka budaya telah menemukan kita kepada satu intrinsik alami yang nyata. Watak-watak di dalam filem ini dicitrakan sebagai individu atau kelompok yang membawa bersama nilai-nilai murni yang bersifat didaktik untuk tontonan khalayak. Lebih bermakna, nilai-nilai ini dipamerkan secara bersahaja melalui perwatakan watak-watak di dalam filem ini lalu membentuk kesatuan budaya yang utuh dalam pelbagai perlambangan hidup berbudaya masyarakat kita.

Disiplin studi budaya mempunyai tautan erat dengan nilai dan hal ini bermula sejak nilai menjadi suatu produk budaya, dikaitkan dengan suatu disiplin ilmu dan seterusnya melihat fungsi nilai itu dalam memberi impak kepada budaya dalam masyarakat. Melalui nilai, manusia seterusnya mampu berkomunikasi dan berinteraksi terhadap budaya masyarakatnya. Orang-orang Melayu, secara historikalnya telah mula mengamalkan nilai didaktik ini dalam ruang lingkup kehidupan mereka, dan secara tuntasnya nilai-nilai ini perlahan-lahan membentuk kosmologi budaya mereka berabad-abad lamanya.

Barisan pengarah UDIKST telah berjaya mengetengahkan nilai didaktik di dalam filem ini sebagai salah satu entiti yang menyerlahkan kualiti orang Melayu, dan kerana kualiti itu jugalah bangsa kita dikenali dan dihormati di seantero dunia. Penemuan unsur ini berpaksikan kepada beberapa bingkai sebagai bukti-bukti yang bersifat visual, dan secara tidak langsung telah membuktikan bahawa filem ini merupakan naskhah yang sarat dengan nilai budaya yang mewakili kelompok masyarakat tersebut. *Sense of value* yang dipamerkan oleh watak-watak dalam filem ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu mampu menjadi suri teladan yang unggul kerana memiliki pakej lengkap seorang manusia kamil berjiwa insani.

Dengan demikian, dapatlah dikatakan bahawa sejak dahulu lagi, budaya hidup masyarakat Melayu kita ini sarat dengan pameran nilai teladan yang wajar dicontohi dan pada hari ini, nilai sebegini masih perlu dipertahankan untuk mendepani cabaran global. Kualiti inilah yang menjadi identiti bangsa kita sejak berabad dahulu dan kita sewajarnya bersyukur kerana demi menyematkan nilai unggul ini, ada pihak yang meruntun rasa percaya, ada saku yang mahu mengeluarkan biaya, ada fikiran yang mengilhamkan cerita, ada audiens yang menonton di pawagam desa dan kota dan lebih dari itu, ada sekumpulan anak muda yang kaya dengan cita-cita menyudahkan filem animasi seperti ini dengan seluruh rasa cinta.

RUJUKAN

Agger, B. (2014). *Cultural studies as critical theory*. Spon Press.

Arbak Othman, 2008. *Interpretasi Budaya dalam Puisi Siti Zaleha M. Hashim dalam Antologi Kristal di Laut Bulan: Satu Kecenderungan Teori Bacaan*. Bicara Karya Sastera, 26 Mac 2008, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barker, C. (2003). *Cultural studies: Theory and practice*. Sage.

Cavagnoli, F. (2014). *Translation and Creation in a Postcolonial Context. In S. Bertacco (Ed.). Language and Translation in Postcolonial Literatures:* Multilingual Contexts, Translational Texts (pp. 165-179). London: Routledge.

Crane, D. (2012). *Fashion and its social agendas: Class, gender, and identity in clothing*.Chicago: University of Chicago Press.

Davis, F. (1994). *Fashion, culture, and identity*. Chicago: University of Chicago Press.

Edward B. Tylor. (2016). *Primitive Culture: Researches Into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art, and Custom, Volume 2*. New York: Dover Publications.

Gede Pasek Putra Adnyana Yasa & Ngurah Adhi Santosa. (2018). Filem Animasi Berbasis Budaya Sebuah Peluang Bisnis Berkelanjutan. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, *1*(2), 225-239.

Hajijah Jais, Muhammad Ikhram Fadhly Hussin (peny), 2005. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

House, J. (2011). *Global and Intercultural Communication*. In G. Andersen & K. Aijmer (Eds.). Pragmatics of Society (pp. 607-626). Berlin: de Gruyter Mouton.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lescopaque. 2020. Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal di Astro First bermula 3 Dis ini. Retrieved from https://lescopaque.com/v11/uikst-astrofirst-3-dis/.

Mana Sikana, 2007. *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bangi: Penerbit Karya.

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria & Norazilawati Abdullah. (2019). Nilai Pendidikan dalam Bahan Pengajaran Multimedia Kartun Animasi Upin dan Ipin untuk Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia, 2*(4), 12-23.

Mohd Amir Mat Omar. (2005). *Anime dan Nilai Masyarakat Jepun: Satu Kajian Analisis Nilai Berdasarkan Naruto dan Dragonball GT*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Penang. Malaysia.

Mohd Daud Mohamad, 2008. *Hujan Pagi Samad Said dari Perspektif Studi Budaya*. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara A.Samad Said, 13-15 Mei 2008*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain & Ahmad Ramizu Abdullah. (2019). Kesopanan dalam Komunikasi Menerusi Filem Animasi Kanak-kanak Tempatan. *Jurnal Komunikasi, 35*(4), 368-385.

Nor Raudah Siren, Munirah Ab Razak, Aisyah Yap, & Ummu Hani Abu Hassan. (2019). *Nilai dalam Budaya Melayu-Islam melalui Filem Animasi Upin dan Ipin*. Conference Proceeding in International Conference on Islam in Malay World IX. 90-106.

Nur 'Azizah M. Najib. (2012). *Nilai dan Budaya dalam Filem Animasi Disney.* Tesis. Universiti Sains Malaysia, Penang. Malaysia.

Nur Hidayu Jaafar. (2015). *Refleksi Animasi Upin dan Ipin dalam Ujaran Kanak-Kanak*. Tesis Ijazah SArjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Nur' Azizah M. Najib & Siti Rugayah Tibek. (2014). Nilai dan Budaya dalam Filem Animasi Aladin. *International Journal of West Asian Studies, 6*(1), 63-76.

Soemardjan, Selo dan Soemardi, Soeleman, *Setangkai Bunga Sosiologi*, Jakarta: Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.

Sohaimi Abdul Aziz, 2001. *Kesusasteraan Bandingan, Perkembangan, Pendekatan, Praktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Sohaimi Abdul Aziz. 2003. *Teori & Kritikan Sastera Modenisme, Pascamodenisme, Pasca kolonialisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suwardi Endraswara. (2006). *Metode, Teori, Teknik Penelitian Kebudayaan*. Tangerang: Pustaka Widyatama.

Yaacob Harun (editor), 2001. *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

SUARA PINGGIRAN DALAM FILEM ANIMASI "EJEN ALI THE MOVIE": SATU KAJIAN ANALISIS TEKSTUAL

Mohd Haniff Mohammad Yusoff
Universiti Utara Malaysia (UUM)
mohdhaniff@uum.edu.my

Mohamed Nazreen Shahul Hamid
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nazreen@uum.edu.my

ABSTRAK

Industri animasi di Malaysia terus mengorak langkah dengan percambahan syarikat penerbitan serta penghasilan produk animasi tempatan yang berkualiti tinggi lagi berdaya saing. Tahun 2019 memperlihatkan kegemilangan industri animasi Malaysia dalam sejarah penerbitan negara apabila tiga buah filem animasi berjaya ditayangkan pada tahun berkenaan. Ketiga-tiga buah filem animasi tersebut ialah "Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal" (2019), "BoBoiboy The Movie 2" (2019) dan "Ejen Ali: The Movie" (2019). Ketiga-tiga filem animasi ini berjaya meraih keuntungan puluhan jutaan ringgit, serta memperoleh pelbagai anugerah sama ada di peringkat tempatan dan juga di luar negara. Walau bagaimanapun, melalui penelitian yang dijalankan, didapati bahawa filem animasi "Ejen Ali: The Movie" ternyata lebih menonjol dengan persembahan kandungan penceritaan yang lebih menarik. Hal ini demikian, filem animasi ini tidak menyasarkan golongan kanak-kanak sahaja sebagai penonton tetapi sesuai juga untuk ditonton oleh golongan dewasa dengan pembawaan isu-isu berkaitan masyarakat terpinggir atau "marginalized" dalam sebuah negara. Oleh itu, makalah ini bertindak dalam menyorot isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat terpinggir seperti mana yang ditonjolkan dalam filem animasi "Ejen Ali: The Movie". Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tekstual bagi memperlihatkan isu-isu tersebut yang teradun dalam filem animasi ini. Konsep subaltern yang membincangkan masyarakat terpinggir dijadikan landasan bagi memastikan dapatan kajian bersifat objektif. Penghasilan kajian ini adalah penting bagi membuktikan bahawa filem animasi di Malaysia bukan sekadar mengetengahkan hiburan semata-semata tetapi mampu mengangkat isu-isu yang mungkin tidak pernah diberikan perhatian oleh masyarakat atau pihak berkuasa. Malah, kajian ini juga penting bagi mengangkat suara masyarakat pinggiran dalam memahami isu-isu yang dihadapi oleh mereka.

Kata kunci: "Ejen Ali: The Movie", filem, masyarakat, pinggiran, subaltern, analisis tekstual

PENGENALAN

Industri animasi di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang begitu memberangsangkan dengan kelahiran produk-produk animasi tempatan yang mampu menyaingi produk-produk animasi yang diterbitkan syarikat terkemuka di peringkat antarabangsa. Menjungkir kembali perkembangan animasi di Malaysia, Filem Negara Malaysia pernah menyiarkan animasi Hikayat Sang Kacil di kaca televisyen sekitar tahun 1983 yang diterajui Hassan Mutalib (*Harian Metro*, 16 Ogos 2017). Perkembangan animasi di Malaysia seterusnya memperlihatkan kesungguhan para pelopor dalam industri animasi tempatan apabila menghasilkan beberapa lagi animasi yang begitu mendapat sambutan dalam kalangan penikmat animasi dan masyarakat tempatan seperti "Usop Sontorian" pada tahun 1995 dan "Silat Lagenda" pada tahun 1998 (Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim, 2015). Pada abad ke-21 pula kita dapat melihat persaingan sihat antara produk-produk animasi tempatan seperti "Upin dan Ipin", "Ejen Ali", dan "Boboiboy". Evolusi yang berterusan dalam penjanaan teknologi maklumat turut menjadi pemangkin kepada perkembangan industri animasi tempatan. Unsur multimedia yang semakin canggih memperlihatkan produk animasi turut digabungjalinkan dengan unsur multimedia yang menggugah. Hal ini diperakukan Nor Raudah Siren, Munirah Ab Razak, Aisyah Yap dan Ummu Hani Abu Hassan (2019) yang menyatakan perkembangan teknologi turut memberi impak terhadap industri animasi terutama dari segi penyampaian cerita yang lebih berkesan.

Animasi merupakan wadah penyampaian hiburan yang begitu sinonim dalam kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, Mustafa Turkmen (2016) mengungkapkan kebimbangan dalam kenyataannya seperti berikut, "*Cartoons and animated films occupy a significant proportion of a child's viewing time, but may be considered questionable in terms of their content*." Animasi dilihat sebagai sebuah medium hiburan untuk golongan kanak-kanak, namun kita sewajarnya lebih peka dan sensitif terhadap nilai kandungan yang dipertontonkan. Pendekatan bahasa yang mudah serta kepelbagaian aksi yang ditonjolkan dalam animasi begitu mengujakan golongan kanak-kanak, lantas menjadikan animasi sebagai pilihan golongan ini untuk menikmati hiburan. Hal ini senada dengan Siti Sarah Nadiah Aziz (2015) yang menyifatkan kanak-kanak menonton animasi sebagai wadah hiburan tetapi dalam masa yang sama golongan ini menekuni konsep nilai kecintaan kepada Tuhan, rakan-rakan dan keluarga mereka. Jelasnya, animasi tidak didasari unsur hiburan semata-mata tetapi nilai pengajaran yang disisipkan dalam setiap siaran turut diutamakan. Jelasnya, sebagai sebuah medium hiburan, animasi juga berperanan sebagai saluran dalam menyampaikan mesej bernilai kepada masyarakat.

Filem animasi "Ejen Ali The Movie" dilihat begitu menonjol berbanding filem animasi tempatan yang lain yang memaparkan perihal kemasyarakatan iaitu golongan *subaltern* atau masyarakat terpinggir. Filem animasi "Ejen Ali The Movie" membuktikan bahawa filem animasi juga dapat menyaingi filem-filem tempatan yang bergenre lain apabila disenaraikan antara tiga filem yang mencatat pungutan terbanyak sepanjang zaman iaitu kira-kira RM 30 juta dalam tempoh enam minggu ditayangkan di pawagam (*Berita Harian*, 10 Januari 2020). Filem animasi "Ejen Ali The Movie" yang pernah memenangi kategori Filem Meletop di Anugerah Meletop Era sebenarnya pernah diberikan penghormatan apabila dipilih mewakili Malaysia dalam Anugerah *Cartoons on the Bay 2020* dan *ASEAN Film Week 2020* di Vietnam (*Berita Harian*, 18 Julai 2020). Selain itu, filem animasi "Ejen Ali The Movie" sudah menembusi pasaran Singapura, Brunei dan Indonesia. Terbaharu, filem animasi ini berjaya menembusi pasaran di Amerika Latin (*Berita Harian*, 23 April 2021).

Makalah ini secara tuntasnya membicarakan filem animasi "Ejen Ali The Movie" dari sudut golongan *subaltern.* Istilah *subaltern* hadir dari teori pascakolonial yang cuba mengetengahkan suara-suara golongan yang terpinggir dan tertindas. Selanjutnya, istilah ini telah dipopularkan oleh Antonio Gramsci, iaitu seorang pemikir Marxis dari Itali (Rosma Derak, 2014). Menerusi filem animasi "Ejen Ali The Movie", golongan *subaltern* ditampilkan menerusi masyarakat atau penduduk di sebuah penempatan yang digelar Pinggiran.

KONSEP *SUBALTERN*

Menyorot konsep subaltern yang diperkenalkan, Rahimah A. Hamid (2010) menjelaskan konsep *subaltern* ini ditemukan dalam perbincangan perkembangan teori Pascakolonial yang diperkatakan oleh E.P. Thompson, Antonio Gramsci (1971), Ranajit Guha (1982), Spivak (1985) dan Chatterjee (1993). Seterusnya, Nyoman Kutha Ratna (2008) mendefinisikan *subaltern* sebagai kosep yang menyentuh tentang orang-orang yang tertindas. Hashim Ismail (2018) pula merumuskan pertembungan antara hegemoni dengan kuasa yang lebih dominan akan menghalang suara masyarakat terpinggir yang tidak mempunyai ruang untuk menyatakan keberadaan mereka. Setelah sekian lama mengharungi zaman penjajahan, pada zaman pascakolonial, golongan *subaltern* mempunyai peluang untuk bersuara. Secara jelasnya subaltern merujuk kepada golongang yang tidak terbela nasibnya oleh pihak yang lebih berkuasa.

ANALISIS TEKSTUAL

Pembangunan Infrastruktur yang Tidak Seimbang

Menerusi animasi "Ejen Ali The Movie", pembikin animasi ini membawa penonton meneroka ke sebuah bandar yang begitu pesat membangun dengan segala kecanggihan prasarana yang digelar Cyberaya. Cyberaya digambarkan dengan sistem pengangkutan yang bersistematik, tiada pencemaran bunyi serta tiada pencemaran udara yang membelenggu kepesatan pembangunan di bandar Cyberaya. Kelestarian bandar Cyberaya menjadi ukuran ketamadunan bangsa dan masyarakatnya. Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus dan Abdul Hadi Harman Shah (2004) memperjelas konsep sesebuah bandar lestari meliputi proses pembinaan sesebuah bandar yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, politik dan persekitaran masyarakat yang mendiami berada dalam kesejahteraan. Berikut merupakan gambaran tentang pembangunan di Cyberaya;

ILUSTRASI 1. Pembangunan di bandar Cyberaya

Berdasarkan tangkap layar di atas, Cyberaya merupakan sebuah bandar yang pesat membangun. Bangunan-bangunan tinggi yang memenuhi Cyberaya memberi pentafsiran akan kestabilan penduduk-penduduk di Cyberaya dari segi ekonomi, malah penaiktarafan infrastruktur di Cyberaya masih giat dilakukann. Walau bagaimanapun, menerusi animasi "Ejen Ali The Movie" ini, sebuah lagi penempatan turut didedahkan, namun latar tempat yang ditonjolkan ini ternyata bernuansa daripada Cyberaya.

Penempatan tersebut dinamakan sebagai Pinggiran. Kepesatan pembangunan yang dinikmati penduduk Cyberaya ternyata tidak dinikmati penduduk di Pinggiran. Pinggiran digambarkan sebagai sebuah kawasan terpencil yang tidak disuntik dengan unsur-unsur pembangunan material seperti yang mampu dimegahkan bandar Cyberaya. Menyorot istilah 'pinggiran' itu sendiri, makna yang diberikan ialah tidak penting atau tidak berpengaruh (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Berkut merupakan tangkap layar keadaan di Pinggiran, sebuah lagi latar tempat yang mendukung penceritaan filem animasi "Ejen Ali The Movie";

ILUSTRASI 2: Keadaan di Pinggiran

Berdasarkan tangkap layar di atas, dapat diperlihatkan kehidupan penduduknya yang serba daif, malah tiada kemudahan infrastruktur seperti bangunan pencakar langit, kemudahan pengangkutan dan perhubungan dibangunkan di Pinggiran. Secara jelasnya, terdapat perbezaan yang tidak seimbang dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang tidak dapat dinikmati penduduk Pinggiran berbanding yang menikmati kehidupan di Cyberaya.

Perbezaan Kelas Sosial

Dalam membicarakan perihal subaltern, perihal berkenaan kelas sosial masyarakat yang terlibat perlu diberikan perhatian. Ajid Che Kob (1993) mentakrifkan kelas sosial sebagai kedudukan hierarki atau boleh juga disabitkan sebagai pengelasan manusia berasakan faktor seperti pendidikan, kumpulan etnik dan sebagainya. Menerusi filem animasi "Ejen Ali The Movie", terdapat perbezaan yang ketara dari segi kelas sosial yang ditonjolkan yang mewakili penduduk Cyberaya dan Pinggiran. Penduduk Cyberaya diwakili Dato' Othman (pengasas bandar Cyberaya) serta Dr. Ghazali (ayah kepada Ali dan juga antara peneraju utama bandar Cyberaya). Pinggiran pula diwakili oleh watak-watak seperti Nikki dan Mak Yah.

Watak Dato' Othman misalnya merupakan pengasas Cyberaya yang secara tidak langsung mewakili golongan elit dalam kelas sosial yang tinggi dalam sesuatu hierarki. Berbekalkan kedudukan yang dimiliki, Dato' Othman menikmati kemewahan serta sentiasa diberikan pelindungan dari aspek keselamatan apabila diserang sekelompak kelas sosial yang tidak menyenanginya. Hal ini dapat diperjelaskan melalui peristiwa kapal terbang yang dinaiki Dato' Othman diambil alih oleh pihak yang tidak senada dengannya pada minit ke 6:24 sehingga minit ke 11:00. Dalam peristiwa tersebut, Dato' Othman dikawal rapi oleh pengawal peribadinya dan sehingga suatu masa, Dato' Othman diselamatkan oleh Ali dan ejen-ejen yang lain. Ternyatanya, golongan elit diberikan pengawasan dan perlindungan yang semaksimanya.

ILUSTRASI 3: Dato Othman sebagai pengasas Cyberaya, dikawal rapi ketika kapal terbang yang dnaiki diserang

Walau bagaimanapun, situasi yang dialami oleh Dato' Othman berbeza dengan yang dilalui oleh Niki dan Mak Yah yang merupakan watak yang mewakili Pinggiran. Mereka tidak menerima perlindungan yang sewajarnya, malah perlu berdikari sendiri tanpa memperoleh bantuan daripada sesiapa atau mana-mana pihak. Hal ini dapat diperjelaskan melalui watak Niki yang tempang dan ditemukan Aliya di Cyberaya, lalu Aliya dibawa ke penempatan Niki. Aliya terkejut dengan keadaan tempat tinggal Niki yang serba kekurangan. Aliya yang tempang sebenarnya mempunyai cita-cita untuk memiliki kaki palsu yang bertenologi agar dapat berjalan seperti sediakala. Aliya yang begitu terkesan dengan kehidupan Niki telah berusaha mencipta kaki palsu untuk digunakan oleh Niki agar tidak bergantung pada tongkat lagi. Malah, Aliya juga cuba utuk memperbaiki keadaan di Pinggiran dengan menghalang sesiapa yang cuba menceroboh Pinggiran. Perihal ini dapat diperhatikan pada babak jungkir balik saat perkenalan Niki dengan Aliya pada minit 31: 41 sehingga ke minit 33: 39.

ILUSTRASI 4. Keadaan di Pinggiran yang tiada perlindungan

Pencabulan Hak Milik Warga Tempatan

Menerusi filem animasi "Ejen Ali The Movie" ini juga dapat diperlihatkan akan penindasan terhadap hak penempatan warga Pinggiran. Pihak yang terlibat telah mengambil kesempatan terhadap penduduk Pinggiran dengan mengeksploitasi penempatan mereka dengan tujuan pembangunan. Biarpun dengan alasan pembangunan, warga Pinggiran tidak merelakan tanah serta kawasan penempatan mereka dirampas. Babak yang ditampilkan juga jelas memperlihatkan warga Pinggiran ditindas apabila pihak yang terlibat menggunakan kekerasan untuk membangunkan penempatan mereka. Pada minit 32: 14 jelas memperlihatkan robot pihak berkenaan menghalang Mak Yah daripada mengganggu kerja-kerja perlaknaan mereka yang merobohkan rumah Mak Yah. Pada minit 33: 23 pula diperlihatkan akan jentolak yang sedang mengekploitasi kawasan penempatan di Pinggiran. Secara nyatanya, penduduk di Pinggiran ditindas tanpa belas kasihan, rumah serta tanah milik mereka dirampas sewenag-wenangnya atas dasar sebuah pembangunan.

ILUSTRASI 5. Rumah Mak Yah dirobohkan

Tiada Kemudahan Kesihatan

Penduduk Pinggiran yang hidup serba kekurangan juga tidak menerima kemudahan kesihatan. Tiada bantuan yang disampaikan atau disalurkan kepada penduduk di Pinggiran. Bersandarkan kehidupan yang serba daif, adalah mustahil untuk warga Pinggiran mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang pastinya memerlukan sumber kewangan yang tinggi. Perihal ini diwakili Mak Yah yang mempunyai masalah jantung. Aliya yang telah menghantar Niki pulang ke Pinggiran telah membawa kepada perkenalannya dengan Mak Yah. Aliya dan Niki telah bernekad untuk mendapatkan jantung sintatik yang disimpan di pelabuhan bagi menyelamatkan nyawa Mak Yah yang hanya mempunyai tiga hari sahaja lagi untuk terus hidup. Biarpun mempunyai pelbagai rintangan, Aliya dan Nikki telah berjaya mendapatkan jantung sintatik tersebut yang telah menyelamatkan nyawa Mak Yah. Hal ini dapat dilihat pada minit ke 48: 12 ketika Mak Yah bertemu Ali dan Mak Yah ternyata terhutang budi pada Aliya, emak kepada Ali yang telah memungkinkan hayatnya masih ada.

ILUSTRASI 6. Aliya dan Niki menceroboh pusat penyimpanan ciptaan canggih Cyberaya untuk mendapatkan jantung sintatik

KESIMPULAN

Filem animasi "Ejen Ali The Movie" merupakan sebuah filem animasi yang tidak sekadar menyajikan aksi dan hiburan semata-mata tetapi dilengkapi dengan mesej yang cuba disampaikan kepada khalayak penonton tanpa mengira peringkat usia. Filem animasi "Ejen Ali The Movie" secara tidak langsung memaparkan kisah golongan subaltern yang terpinggir dari segala kemajuan yang diusahakan oleh pemerintah dan golongan elit. Golongan *subaltern* dalam filem animasi ini diwakili masyarakat yang tinggal di sebuah penempatan yang digelar Pinggiran. Akibat daripada ketidaksetaraan layanan yang diberikan oleh pemerintah, watak Niki yang juga penduduk di Pinggiran telah menyimpan dendam kepada watak Dato' Othman, malah berusaha sedaya upaya untuk menentang dan menghapuskan Dato' Othman.

Menerusi filem animasi "Ejen Ali The Movie", masyarakat di penempatan yang diberi nama Pinggiran merupakan golongan subaltern yang disisihkan dari segala kemudahan dan kemajuan yang selayaknya turut dinikmati seperti yang diperoleh oleh masyarakat di Cyberaya. Hal ini dapat diperinci kepada beberapa perkara seperti pembangunan infrastruktur yang tidak seimbang, perbezaan kelas sosial yang ketara, pencabulan hak milik warga Pinggiran dan tiada kemudahan kesihatan yang boleh dinikmati oleh masyarakat di Pinggiran. Walaupun naratif ini sekadar sebuah filem animasi, namun menjadi cerminan kepada kehidupan atau realiti sebenar masyarakat kita pada hari ini. Tuntasnya, pengusaha filem animasi sewajarnya memberikan perhatian terhadap kandungan filem animasi yang turut menyentuh tentang perihal kemasyarakatan. Talib Samat (2002) menegaskan, pengeluar filem sewajarnya menimbang kepentingan-kepentingan terhadap penonton dan tidak memikirkan keuntungan semata-mata.

RUJUKAN

Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah. (2004). Persekitaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management, 5*, 3-29.

Afiq Hanif. (2017, 16 Ogos). Pak Hassan bapa animasi Malaysia. *Harian Metro*. Diperoleh daripada https://www.hmetro.com.my/itmetro/2017/08/254070/pak-hassan-bapa-animasi-malaysia

Ajid Che Kob. (1993). *Siri monograf bahasa Melayu: Penyelidikan dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Ismail. (2018). Infitar: Dialektik terhadap kolonialisme. Dalam *Dekonstruksi identiti dalam teks Melayu* (ms.123-135). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Hanisah Selamat. (2020, 10 Januari). Ejen Ali pungut RM 30 juta. *Berita Harian*. Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/hiburan/wayang/2020/01/645711/ejen-ali-pungut-rm30-juta.

Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa Turkmen. (2016). Violence in Animated Feature Films: Implications for Children. *Educational Process International Journal, 5*(1), 22-37.

Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. Dalam prosiding *Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences* 1 (KLiCELS 2), hlm. 124-140. Kuala Lumpur: Hotel Putra.

Nor Raudah Siren, Munirah Ab Razak, Aisyah Yap & Ummu Hani Abu Hassan. (2019). Nilai budaya Melayu-Islam melalui filem animasi Upin dan Ipin. Dalam prosiding International Conference on Islam in Malay World IX, hlm. 90-106. Krabi, Thailand.

Nyoman Kutha Ratna. (2008). *Postkolonialisme Indonesia: Relevansi sastra.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Rahimah A. Hamid. (2010). *Fiksyen pascakolonial: Yang menjajah dan dijajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosma Derak. (2014). Mendekonstuksi sejarah dalam novel 1515: Satu penulisan semula daripada perspektif golongan subaltern. *MANU, 21*, 125-147.

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, 23 April). Tembus Amerika Latin. *Berita Harian*. Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/04/809725/tembus-amerika-latin

Siti Sarah Nadiah Aziz. (2015). Siri animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. Dalam *Penerokaan teknologi melalui seni dan warisan dalam kearifan tempatan.* Pulau Pinang: Penerbit USM.

Usamah Zaid Yasin. (Penerbit). (2019). *Ejen Ali the movie*. [Filem]. Kuala Lumpur: WAU Animation.

Zaidi Mohamad. (2020, 18 Julai). Ejen Ali dapat pengiktirafan festival antarabangsa. *Berita Harian*. Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/07/712046/ejen-ali-dapat-pengiktirafan-festival-antarabangsa.

TEMA:

PENGURUSAN DAN PEMASARAN PRODUK BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

TERBIT SENDIRI *VS* TERBIT KONVENSIONAL BUKU: ANTARA CABARAN, PERBANDINGAN DAN STRATEGI PEMASARAN

Nik Mohd Iznan Tuan Yaakub
Politeknik Ungku Omar (PUO)
Nikmohdiznan@puo.edu.my

Hazwani Ubaidillah
Politeknik Ungku Omar (PUO)
Hazwani@puo.edu.my

ABSTRAK

Sejarah penerbitan buku dunia mula berkembang pesat selepas era Gutternburg. Lebih awal sebelum, sejarah penerbitan bermula ketika era tamadun Mesir, Mesopotamia dan China. Selepas itu, industri penerbitan buku semakin meluas ke seluruh dunia termasuklah Tanah Melayu. Penerbitan buku di Malaysia penting untuk membina tamadun bangsa, menyemai nilai positif masyarakat, meningkatkan daya fikir pembaca dan banyak lagi. Pada peringkat awal, penerbitan buku didominasi oleh penerbit swasta, penerbit milik kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Penerbit Universiti, Intistut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan lain-lain. Belakangan ini, tidak banyak penerbit yang menerima manuskrip buku sastera terutama kumpulan puisi. Antara faktor utama ialah buku genre ini sukar dijual kepada khalayak pembaca. Justeru, ramai penulis memilih menerbitkan sendiri buku kerana bebas menentukan konsep termasuklah aspek kulit dan isi. Malah, ramai novelis memilih menerbitkan sendiri novel kerana lebih menguntungkan dari aspek material. Selain itu, proses penerbitan sendiri adalah lebih cepat tanpa perlu terikat dengan proses-proses biasa terutama penilaian dan giliran penerbitan. Terdapat banyak cabaran dalam aspek penerbitan termasuklah suntingan, susun atur, reka letak, kos percetakan, promosi serta pengedaran. Namun, hal ini lebih mudah dengan adanya Facebook, Instagram, Twitter dan Shopee sebagai saluran pemasaran. Kertas kerja ini penting untuk membuka jalan lebar akan peluang-peluang yang lebih luas terbit buku sendiri seterusnya memperkasa penulisan dan penerbitan bahasa Melayu di Malaysia.

Kata kunci: terbit sendiri buku, cetak berdasarkan permintaan, percetakan digital.

PENGENALAN

Buku merupakan medium penyampaian ilmu yang sentiasa menjadi buruan ramai. Dengan buku, warisan ilmu dapat dikembangkan dari zaman ke zaman. Menurut Hamedi Mohd. Adnan (2007), Unesco telah menetapkan sebuah buku terdiri daripada lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabung menjadi bentuk jilid, berkulit lebih tebal dan teks yang berbeza, lebih daripada 49 halaman, diterbit bukan dalam masa yang ditentukan, mengandungi 50 naskhah yang sama dan terbuka untuk dijual dalam pasaran.

Banyak faktor yang meyebabkan seseorang itu memilih untuk menerbitkan buku secara swaterbit. Antaranya ialah proses terbit buku secara konvensional memakan masa yang terlalu lama. Faktor utama proses yang lama ini adalah disebabkan kerana banyak pihak yang terlibat dari proses penilaian manuskrip, penyuntingan, pembacaan pruf, rekabentuk kulit, membuat susun atur, ilustrasi, permohonan ISBN dan PDP, mencari pencetak yang sesuai, promosi buku serta jualan dan edaran.

Suatu ketika dahulu, penulis sastera berlumba-lumba menghantar manuskrip buku kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITBM). Namun sekarang, ITBM kembali kepada fungsi asal iaitu lebih kepada kegiatan terjemahan. Proses penerbitan buku dengan DBP, Penerbit Universiti juga memakan masa yang lama. Selain itu, tidak banyak penerbit swasta yang bersedia menerbitkan buku sastera. Justeru, antara jalan pintas untuk memastikan buku segera beredar ke pasaran ialah dengan cara menerbitkan sendiri buku secara konsep swaterbit.

SWATERBIT: MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DENGAN TERBIT SENDIRI

Usaha meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara mempunyai kewajarannya selaras dengan kedudukan dan mandatnya seperti yang termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2015). Bahasa Melayu juga merupakan *lingua franca* yang menjadi simbol ketamadunan dunia Melayu. Justeru, usaha memperbanyak penerbitan buku dalam bahasa Melayu menjadi tanggungjawab semua ke arah memperkasakan bahasa dan persuratan Melayu ke aras yang lebih tinggi.

Tugas menerbitkan buku dalan bahasa Melayu tidak seharusnya diletakkan di bahu DBP, ITBM, Penerbit Universiti atau penerbit swasta sahaja. Bahasa Melayu juga tidak asing lagi dalam konteks perkembangan teknologi. Dengan terbitnya buku-buku berkaitan sains, matematik dan teknologi dalam bahasa Melayu, usaha memperkasakan minda masyarakat ke arah kelas dunia akan semakin mudah.

HALANGAN DAN CABARAN TERBIT SENDIRI BUKU BERBANDING TERBIT SECARA KONVENSIONAL

Tidak dinafikan, terbit buku secara profesional adalah lebih mudah berbanding dengan terbit sendiri. Penulis hanya perlu menghantar manuskrip kepada penerbit yang berpotensi melalui emel sahaja. Kemudian, tunggu sama ada lulus atau tidak. Semua aspek pracetak dan pascacetak diuruskan oleh penerbit. Penulis hanya membantu penerbit dari aspek promosi sahaja. Akhirnya sekali, penulis hanya tunggu bayaran royalti sahaja sambil menulis buku lain pula.

Antara cabaran utama terbit buku sendiri ialah ramai penulis tidak mengetahui asas-asas penerbitan buku. Namun, hal ini boleh sahaja ditangani sekiranya penulis sanggup bvelajar selok-belok dunia penerbitan. Di luar sana, terdapat banyak agensi dan syarikat yang menganjurkan bengkel penerbitan dengan yuran yang berpatutan. Antara perkara asas yang perlu difahami oleh penulis yang bercadang untuk menerbitkan buku secara swaterbit ialah memahami spesifikasi buku. Antaranya ialah pemilihan jenis cetakan sama ada secara offset atau digital. Secara lazimnya, sekiranya penulis untuk menerbitkan 500, 1000, 2000, 3000 atau 5000 bolehlah memilihkan percetakan secara offset. Sekiranya mahu menerbitkan 4 buah, 10, 50, 100 atau 200 buah sahaja, penulis bolehkah memilih percetakan secara digital. Pada masa sekarang, terdapat banyak kilang cetak yang menerima cetakan buku dengan jumlah yang sedikit. Antara yang popular di kalangan penulis swaterbit ialah Gogoprint, Book-Printing, Imagemagic, Si Tukang Cetak, Iman Genius, Tukang Buku, Book Garden Printing, Tukang Cetak Buku dan Zine dan banyak lagi.

Suatu ketika dahulu, perisian untuk merekabentuk kulit buku dan membuat susun atur buku memang terlalu asing bagi semua penulis. Hanya mereka yang profesional sahaja tahu hal-hal berkaitan dengan aspek rekabentuk. Tambahan, kos untuk mempelajari sesebuah perisian penerbitan memerlukan yuran yang mahal. Harga perisian juga relatifnya tinggi dan tidak mampu untuk dibeli oleh orang biasa. Namun kini, terdapat banyak perisian mesra pengguna untuk merekabentuk sesebuah buku. Antara perisian profesional ialah Adobe Photoshop, Adobe Ilustrator, dan Adobe Indesign. Namun kini, sudah ramai penulis hanya menggunakan Microsft Publisher, Microsoft Word atau Microsoft Word untuk merekabentuk sesebuah buku. Banyak orang berkongsi langkah demi langkah untuk merekabentuk buku di laman Youtube. Antara perisian lain yang boleh digunakan ialah Affinity Publisher, Booksmart, Bookletcreator, Pdf Booklet, Canva dan banyak lagi. Hasilya juga memuaskan dan setara dengan perisian profesional yang lain.

KOS TERBIT SENDIRI BUKU

Tidak dinafikan, antara kekangan utama terbit sendiri buku secara swaterbit ialah faktor kewangan. Kos ini melibatkan aspek percetakan yang mengambil kira spesifikasi buku. Antara aspek-aspek utama yang mempengaruhi kos penerbitan buku ialah saiz, jenis kertas, warna cetakan sama ada hitam putih atau warna penuh, kemasan akhir, jumlah halaman, jenis kertas serta kaedah menjilid.

Jadual 1 di bawah merupakan anggaran kasar kos yang untuk menerbitkan 500 buah buku dengan ketebalan 200 muka surat yang diberi oleh sebuah syarikat perunding penerbitan.

Bil.	Perkara	Harga	JUMLAH
1.	Upah Editor	RM1,000.00 (*Lump Sum*)	RM1000.00
2.	Rekabentuk Kulit	RM500.00 (*Lump Sum*)	RM500.00
3.	Susun Atur	RM4.00 x 200 muka	RM800.00
3.	Kos Cetak	RM8.00 sebuah x 500 buah	RM4,000.00
		JUMLAH BESAR	RM6,300.00

Sudah pasti, angka melebihi RM6,000.00 sangat besar bagi seorang penulis biasa. Katakanlah harga jualan buku tadi ialah RM25.00 sebuah. Sekiranya kesemua 500 buah buku terjual, penulis akan berpotensi mendapat RM12,500.00. Selepas ditolak modal, penulis akan mendapat untung RM6,200.00. Namun, sudah pasti menjual 500 naskhah ini mengambil masa yang lama dengan cabaran yang tersendiri.

Antara jalan terbaik ialah terbit sendiri secara *print on demand* berdasarkan kuantiti tertentu. Sekiranya penulis itu mempunyai kemampuan merekabentuk dan membuat susun atur sendiri, kos ini sudah tentu dapat dikurangkan. Kos suntingan juga dapat dijimatkan sekiranya penulis memahami aspek-aspek editorial. Namun, hal ini bukanlah bermaksud menidakkan peranan editor dan perekabentuk profesional. Sekurang-kurangnya, penulis hanya menampung upah bacaan pruf sahaja yang lebih murah berbanding mengupah editor yang membuat suntingan besar. Antara yang boleh dibuat oleh penulis ialah mencetak mungkin sekitar 50 atau 100 buah untuk cetakan pertama. Seterusnya 100 buah untuk cetakan kedua dan seterusnya berdasarkan permintaan. Kos cetak buku ini juga masih murah di bawah RM10.00 sebuah. Sekiranya ingin mencetak 50 buah, penulis hanya perlu mengeluarkan modal sekitar RM500.00 sahaja. Hasil jualan ini seterusnya dapat dibuat modal pusingan untuk cetakan yang seterusnya.

MEMASARKAN SENDIRI BUKU

Penulis yang berhasrat menerbitkan buku seharusnya tahu apakah kriteria utama yang menjadi tarikan utama pembeli. Antaranya ialah kulit buku yang memikat, tajuk yang menyegat, susun atur yang cantik, harga yang berpatutan dan lain-lain lagi.

Selain itu, penulis perlu memahami aspek-aspek penting dalam strategi perletakan harga. Penulis perlu tahu kos sesebuah buku supaya tidak hanya sekadar mendapat pulangan modal sahaja. Dewasa ini terdapat banyak laman web e-commerce yang bersedia menerima buku untuk jualan. Dalam konteks semasa, ramai penulis menjual sendiri buku melalui platfrom media sosial seperti Facebook dan Instagram. Selain itu, semakin ramai penulis beralih kepada medium shopee untuk menjual sendiri buku. Impaknya, hasil jualan adalah lebih memberangsangkan.

PENUTUP

Di Malaysia, terdapat ratusan penerbit yang banyak menerbitkan buku dalam pelbagai bidang merangkumi karya am, falsafah, agama, sains kemasyarakatan, bahasa, sains tulen, teknologi, kesenian, kesusasteraan, geografi dan sejarah serta banyak lagi. Namun begitu, tidak semua penerbit mampu menampung semua bidang. Tambahan, kebanyakan penerbit berorinetasikan keuntungan akan memilih bidang yang mampu membawa pulangan wang ke akaun syarikat. Untuk itu, terdapat ramai penulis memilih menerbitkan sendiri buku selain memasarkan buku di media sosial. Tidak dinafikan, dunia penerbitan buku semakin suram di Malaysia. Namun, ini bukanlah bererti penulis perlu mengalah dengan perkembangan ini. Sepatutnya, kesuraman industri ini dirancakkan semula dengan menerbitkan sendiri buku. Adalah diharapkan, konsep swaterbit ini semakin meluas di kalangan penulis. Sudah pasti, dunia penerbitan buku dalam bahasa Melayu akan semakin rancak.

RUJUKAN

Hamedi Mohd. Adnan. 2007. *Memahami penerbitan buku*. Bangi: Medium Publications.

Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. 2015. Penerbit Ilmiah bahasa Melayu Dalam Kalangan Ilmuwan Negara. *Journal of Business and Sosial Development*. 25-32.

TEMA:

AGAMA, FALSAFAH &
KETAMADUNAN DALAM BAHASA,
SASTERA DAN
BUDAYA

ASPIRASI MASYARAKAT DALAM LIRIK-LIRIK LAGU SUDIRMAN HAJI ARSHAD

Halis Azhan bin Mohd. Hanafiah, Phd
Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
halis_azhan@upm.edu.my

Hadzeri bin Julai
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
jerinsyless@gmail.com

ABSTRAK

Masyarakat secara umumnya mengenali Sudirman Haji Arshad sebagai seorang penghibur tanahair yang kerap mengutarakan pemasalahan rakyat dalam lagu-lagu nyanyiannya. Pemasalahan-pemasalahan yang dibangkitkan ini rata-ratanya berkait rapat dengan soal sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya dan sebagainya, yang lazimnya melibatkan segenap lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan membincangkan aspirasi masyarakat yang ditemukan dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Kajian ini menggariskan tiga objektif. Pertama, mengklasifikasikan aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Kedua, menganalisis aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Dan ketiga, merumuskan hubungan antara aspirasi masyarakat dengan dinamika kehidupan masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Bagi mencapai objektif-objektif ini, kajian ini memanfaatkan kerangka sosiologi sastera yang digagaskan oleh Lucien Goldmann. Kerangka ini menjelaskan bahawa perkara-perkara yang berlaku dalam kehidupan sesebuah masyarakat berkait rapat dengan gagasan sesebuah bangsa dan negara. Lima buah lirik lagu yang menjadi bahan kajian ialah *Hidup di Kota, Aku Penganggur, Pulang Dari Kilang*, *Kau Akan Kembali* dan *Apa Khabar Orang Kampung*. Hasil kajian mendapati bahawa lirik-lirik lagu yang dikaji membangkitkan aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan, aspirasi membantu keluarga, dan aspirasi mengekalkan diri. Aspirasi masyarakat yang hadir dalam lirik-lirik lagu ini adalah seiring dengan kecenderungan kerajaan untuk meningkatkan pembangunan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat Malaysia seluruhnya.

Kata kunci: Lirik lagu, Sudirman Haji Arshad, aspirasi, masyarakat

PENGENALAN

Secara umumnya, lagu sangat akrab dengan kehidupan manusia. Lagu lazimnya dinyanyikan dengan lirik-lirik yang bersesuaian untuk menyampaikan makna. Dalam hal ini, Griffe (2001) menjelaskan bahawa lirik lagu dapat berfungsi sebagai sebuah teks sastera kerana ditulis untuk menzahirkan idea, perasaan dan emosi. Dengan kata lain, lirik lagu mengemukakan maklumat-maklumat yang berlaku di persekitaran penulis. Ini sekali gus bermakna, lirik lagu berupaya membangkitkan pemasalahan masyarakat yang dianggotai oleh penulis. Selain itu, lirik lagu dapat menyampaikan makna dengan berkesan apabila ditulis dengan bahasa yang halus dan indah (Nik Safiah Karim, 1994). Dalam hal ini, pemilihan perkataan dan susunan ayat mencerminkan ketelitian penulis untuk menghadirkan makna yang dapat dihadam dan dihayati oleh pendengar.

Pengamatan awal mendapati bahawa penelitian terhadap aspek lirik lagu Melayu, sama ada moden atau tradisional, telah kerap dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Ini antaranya, melibatkan kajian pada peringkat sarjana oleh Arba'ie Sujud (1999) yang meneliti aspek estetika dalam lirik-lirik lagu

nyanyian P. Ramlee. Kajian ini mendapati bahawa lirik-lirik lagu berkenaan mempunyai keutuhan dan kesempurnaan bentuk dan bahasa, di samping memperagakan keselarasan, keseimbangan dan kejelasan makna secara tersurat dan tersirat. Kajian oleh Gunawan Wiradharma dan Nur Indah Yusari (2017) yang meneliti aspek kearifan budaya Melayu dalam lagu *Laksamana Raja di Laut* nyanyian Iyeth Bustami dan *Cindai* nyanyian Siti Nurhaliza menunjukkan bahawa lirik-lirik yang dikaji menyerlahkan empat nilai yang dapat diteladani oleh khalayak pendengar. Empat nilai tersebut ialah (1) sikap pantang menyerah dalam menginginkan sesuatu (2) sikap berdiplomasi apabila bertemu dengan seseorang yang baru dikenali (3) sikap melestarikan budaya hidup yang baik dan (4) sikap mengambil teladan daripada hal masa lalu untuk menghadapi masa depan yang lebih baik. Selain itu, kajian terhadap lirik lagu moden dijalankan oleh Mohd. Azam Sulong (2013) yang membincangkan melodi dan lirik lagu dalam beberapa lagu terbaik dari Malaysia, Indonesia dan Singapura yang dihasilkan tahun 2013. Hasil kajian ini mendapati bahawa lirik-lirik lagu yang dikaji cenderung menerapkan pelbagai gaya bahasa puisi, seperti anafora, asonansi, aliterasi, gaya anadiplosis, eroteis, parallelisme, sinisme, sarkasme, antithesis dan paradoks bertujuan menarik minat pendengar. Unsur-unsur gaya bahasa ini dikatakan membangkitkan keindahan dan meningkatkan nilai estetika dalam lirik-lirik lagu yang dikaji. Kajian tentang lirik lagu dikir barat, iaitu suatu genre tradisional yang terus bertahan dalam konteks kehidupan moden, didapati turut dilakukan oleh Mohd. Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd. Firdaus Che Yaacob (2016). Kajian terhadap lirik dikir barat yang didendangkan oleh Halim Yazid ini mendapati bahawa baris-baris ayat yang mengandungi amanat dan nasihat dikemukakan kepada khalayak untuk membentuk tingkah laku dan moral yang positif dalam masyarakat. Seterusnya, kajian oleh Abdul Basit Samat, Abdul Rahman Hamzah, Siti Rugayah Tibek dan Razaleigh Muhamat (2014) menunjukkan bahawa lirik-lirik keagamaan dialunkan dalam upacara-upacara tradisi masyarakat Melayu, seperti menyambut kelahiran bayi, cukur jambul, berkhatan, perkahwinan dan sambutan Maulidur Rasul. Lirik-lirik ini dikatakan mendorong khalayak untuk akur akan kebesaran Allah, dan mengukuhkan ketaatan dan kefahaman mereka tentang tujuan kewujudan manusia di muka sebagai hamba dan khalifah Allah. Kajian-kajian terdahulu ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa aspek gubahan lirik sangat ditekankan oleh karyawan-karyawan moden dan tradisional bagi mendekatkan "makna" yang ingin disampaikan dengan khalayak sasarannya. Pada masa yang sama, "makna" yang dihasratkan itu berada dalam lingkungan pengetahuan khalayak kerana berkisar tentang pemasalahan-pemasalahan yang berlaku di sekitar mereka.

Dengan mempertimbangkan dapatan pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap kepentingan lirik lagu dalam genre moden dan tradisional, dan pada masa yang sama menyedari akan ketokohan Sudirman Haji Arshad (selepas ini Sudirman) sebagai ikon hiburan masyarakat Malaysia, kajian ini dilakukan bertujuan membincangkan aspirasi masyarakat dalam lagu-lagu nyanyiannya. Secara umumnya, masyarakat Malaysia mula mengenali Sudirman sebagai seorang penghibur (penyanyi) sejurus kejayaannya muncul sebagai juara Bintang RTM (iaitu suatu pertandingan untuk mencungkil bakat baharu dalam bidang nyanyian yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia) pada 11 Ogos 1976. Sejak itu, selain merakamkan lagu-lagu Melayu dan Inggeris dalam beberapa buah album, keterlibatan Sudirman sebagai penghibur tanah air terserlah apabila merangkul beberapa kejayaan dalam dan luar negara (Nor Lelinza Abd. Rasid, 2006). Pada peringkat tempatan, Sudirman pernah memenangi anugerah penghibur terbaik Malam Seri Angkasa pada tahun 1985 dan penghibur terbaik Anugerah Juara Lagu 1987, manakala di peringkat antarabangsa, Sudirman dianugerahi gelaran "Penghibur Nombor Satu Asia" setelah memenangi *Music Award Festival* yang diadakan di Royal Albert Hall London pada 19 Mac 1989. Ketrampilan Sudirman sebagai penghibur yang akrab dengan masyarakat terserlah dengan jelas apabila beliau berupaya menarik 100,000 orang penonton mengikuti konsert terbuka di Jalan Chow Kit pada tahun 1985. Selain itu, Sudirman turut memeriahkan acara penutup Sukan SEA Kuala Lumpur pada tahun 1989. Dalam kalangan peminat seni tempatan, Sudirman diberikan gelaran "Penghibur Milik Masyarakat", "Seniman Rakyat" dan "Elvis Malaysia". Sudirman dikatakan meraih gelaran-gelaran ini kerana kerap mendendangkan lagu-lagu yang berkait rapat dengan pemasalahan-pemasalahan masyarakat tempatan. Antara lagu berkenaan, dan dipilih untuk dibincangkan dalam kajian ini ialah *Hidup di Kota, Aku Penganggur, Pulang Dari Kilang, Kau Akan Kembali* dan *Apa Khabar Orang Kampung*. Lirik-lirik lagu ini dipilih kerana dianggap mengengahkan aspirasi masyarakat yang bergelut dengan konflik-konflik kehidupan ketika membina kehidupan yang lebih baik.

SKOP PERBINCANGAN

Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, kajian ini bertujuan untuk membincangkan aspirasi masyarakat

dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Dalam konteks keperluan kajian ini, *Kamus Dewan* (2017) mentakrifkan "aspirasi" sebagai suatu sikap atau keinginan yang kuat untuk mencapai atau mempunyai suatu bentuk cita-cita dalam diri seseorang manusia. *The Oxford Dictionary of Current English* (1993) mentakrifkan "aspirasi" sebagai matlamat atau cita-cita yang ingin dicapai oleh seseorang. Slameto (2003) pula mentakrifkan "aspirasi" sebagai suatu desakan yang berpaksikan harapan atau keinginan seseorang untuk mencapai suatu hasil atau prestasi tertentu. Haller (1968) seterusnya menjelaskan bahawa terdapat dua jenis "aspirasi" yang mendorong manusia mencapai matlamatnya, iaitu "aspirasi realistik" dan "aspirasi idealistik". "Aspirasi realistik" merujuk usaha dan tindakan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat yang berada dalam capaiannya, manakala "aspirasi idealistik" pula merujuk kepada usaha dan tindakan seseorang terhadap sesuatu matlamat yang mungkin dapat dicapainya.

Dalam konteks keperluan kajian ini, "masyarakat" ditakrifkan sebagai suatu kumpulan manusia yang mempunyai persamaan dalam beberapa perkara (Rohana Yusof, 1996). Kajian kemasyarakatan pula mencakupi aspek sosial, eokonomi dan politik, yang lazimnya mengenengahkan kecenderungan masyarakat menyantuni perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Dalam hal ini, Auguste Comte (iaitu perintis dan tokoh penting dalam bidang kajian kemasyarakatan) membahagikan kajian kemasyarakatan kepada *social statics* dan *social dynamics* (dikutip dalam Hughes & Kroehler, 2009). *Social statics* merujuk penelitian terhadap organisasi, sistem, struktur dan sebagainya yang membantu masyarakat membentuk kehidupan yang stabil dan rukun. *Social dynamics* sebaliknya merujuk kepada kajian tentang organisasi, sistem, struktur dan sebagainya, yang memerlukan perubahan berikutan pengaruh-pengaruh yang melingkari kehidupan manusia. Dengan kata lain, aspirasi masyarakat didorong oleh perubahan-perubahan melibatkan pengaruh sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya, dan sebagainya yang memungkinkan wujudnya matlamat atau hala tuju baharu. Mitchel (1970) menjelaskan bahawa pengaruh-pengaruh ini menjadi suatu subsistem yang diterima oleh ahli-ahli masyarakat dan menjadi suatu "sistem sosial" bagi masyarakat berkenaan. Tegasnya, sesuatu kajian kemasyarakatan berpotensi menjelaskan aspirasi individu dengan bersandarkan pengetahuan dan pemahaman tentang norma-norma yang diterima masyarakat.

Seterusnya, Helshin (1993) menganggap bahawa sesuatu kajian kemasyarakatan berupaya mengaitkan beberapa maklumat daripada cabang-cabang sains sosial yang berbeza untuk memerihalkan perubahan-perubahan dalam masyarakat. Ini antaranya, melibatkan cabang sejarah, sains politik, ekonomi. antropologi, psikologi dan sebagainya. Menurutnya lagi, kajian kemasyarakatan seperti ini mempertimbangkan penelitian terhadap perkara-perkara semasa, mengutamakan masyarakat umum berbanding institusi-institusi sosial yang khusus, cenderung mendekati masyarakat industri dan meneliti faktor-faktor luar yang mengubah tingkah laku sosial. Fletcher (1981) pula menegaskan bahawa kajian kemasyarakatan berkait rapat dengan penerimaan umum masyarakat terhadap perkara-perkara yang dikongsi sesama ahli masyarakat. Fletcher merujuk hal ini sebagai *collective conditions* yang menjadi asas pembentukan sistem sosial sesebuah masyarakat. Menurutnya lagi, sesuatu sistem sosial yang stabil hanya dapat diwujudkan apabila sebahagian besar ahli masyarakat berpuas hati dan bersedia berkongsi dan bertolak ansur dengan perbezaan adat resam, budaya, cara hidup, peraturan, undang-undang dan sebagainya, yang berlegar dalam suatu lingkungan pengaruh. Pada masa yang sama, ahli-ahli masyarakat juga bersedia untuk berkongsi identiti, bangga akan identiti ini dan meraih faedah daripada perkongsian itu. Sistem sosial ini juga memenuhi tuntutan kumpulan-kumpulan masyarakat yang besar dan dominan berbanding kumpulan-kumpulan masyarakat yang kecil dan tidak popular. Dengan ini, sesuatu kajian kemasyarakatan menjadi suatu bidang yang melibatkan populasi, kumpulan domestik, sistem kekeluargaan, sistem ekonomi, bentuk kawalan sosial, hubungan diplomatik, sistem ketenteraan, kelas sosial, kesusasteraan, kesenian, kebudayaan dan lain-lain lagi.

Dengan berasaskan skop perbincangan ini, maka kajian terhadap aspirasi masyarakat dilakukan terhadap lirik-lirik lagu nyanyian Sudirman Haji Arshad. Pengamatan awal mendapati bahawa kesemua lima lirik lagu yang dikaji menampilkan aspirasi masyarakat yang menjalani kehidupan di kota. Pada masa yang sama, persona-persona yang dihadirkan dalam lagu juga rata-ratanya diceritanya berasal dari desa dan merantau dengan keinginan untuk meneroka kehidupan yang lebih baik di kota. Lirik lagu *Hidup di Kota* (1981) tulisan Sudirman mengangkat kisah kekesalan persona apabila menyedari bahawa kehidupan di kota yang pernah difikirkannya sarat dengan kemewahan dan keselesaan rupa-rupanya tidak menjanjikan apa-apa yang indah kepadanya. Persona dalam lagu ini mendapati bahawa dia bertungkus-lumus untuk menyara kehidupannya dan baru menyedari bahawa meskipun kehidupan di desa banyak kekurangannya, namun dia tidak perlu bekerja kuat setiap hari demi kelangsungan hidupnya. Lirik lagu *Pulang dari Kilang* (1981)

tulisan Sudirman menghadirkan cerita tentang keinginan persona untuk mendekati dan mengenali dengan lebih dekat seorang gadis yang bekerja di sebuah kilang. Persona dalam lagu ini kemudian menzahirkan perasaan terharunya apabila mendapati bahawa gadis itu berhijrah ke kota dengan tujuan mencari pendapatan yang lebih lumayan demi menyara kehidupan ibu bapa dan menanggung persekolahan adiknya di desa. Lirik lagu seterusnya, iaitu *Aku Penganggur* (1980), juga tulisan Sudirman menceritakan keluh resah persona yang masih menganggur dan belum mempunyai pekerjaan untuk mencorakkan kehidupannya. Syed Haron pula menulis lirik lagu *Kau Akan Kembali* yang mengisahkan kegirangan persona menyambut seorang kawan yang pulang dari kota. Kawan baik persona dalam lirik lagu ini hadir sebagai seseorang yang berhijrah kerana ingin menikmati kehidupan baharu di kota. Akhir sekali, Syed Haron juga menulis lirik lagu *Apa Khabar Orang Kampung* (1986). Lirik lagu ini menghadirkan kisah tentang kerinduan persona terhadap masyarakat desa yang ditinggalkannya selama berkelana di kota dan dia begitu ingin mendengar khabar berita mereka. Pengamatan awal mendapati bahawa lirik-lirik lagu ini menghadirkan pemasalahan-pemasalahan masyarakat yang rata-rata berlaku pada tahun-tahun 1980-an. Dengan meneliti pengaruh-pengaruh luaran pada masa itu, kajian dapat membincangkan aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu yang dipilih.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan tiga objektif yang ingin dicapai seperti yang berikut:

(i) mengenal pasti aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad
(ii) menganalisis aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad
(iii) merumuskan hubungan antara aspirasi masyarakat dengan dinamika kehidupan masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad. Dengan maklumat-maklumat yang diperolehi nanti, kajian akan merumuskan hubungan antara aspirasi masyarakat dengan dinamika kehidupan masyarakat dalam lirik-lirik lagu berkenaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggemblengkan teori Sosiologi Sastera yang digagaskan oleh Lucien Goldmann.

Teori sosiologi sastera Lucien Goldmann

Gagasan sosiologi sastera yang dicetuskan oleh Goldmann ini dikenali juga sebagai teori strukturalisme genetik (*structuralism genetics*). Teori ini dibangunkan melalui premis Goldmann (1973) yang menegaskan bahawa sesebuah karya sastera (termasuk lirik lagu) ditangani tanpa mengenepikan pengaruh sosiologi dan sejarah yang melingkarinya. Goldmann menganggap bahawa terdapat hubungan yang saling melengkapi antara kedua-dua pengaruh ini. Menurutnya, bidang sosiologi hanya dilihat tepat apabila dikaitkan dengan maklumat-maklumat sejarah yang relevan dengan penukilan sesebuah karya sastera. Demikian juga dengan bidang sejarah, yang perlu mempertimbangkan maklumat-maklumat sosiologi pada sesuatu masa. Melalui premis ini, Goldmann (1973) berpendapat bahawa sesuatu kajian tentang masyarakat memerlukan kaedah yang menggemblengkan kedua-dua bidang ini secara bersama. Menurutnya lagi, pengaruh-pengaruh yang sama mewajarkan bentuk-bentuk transformasi pada sesuatu masa dan zaman. Dalam hal ini, pemahaman terhadap pelbagai transformasi seperti yang diterakan dalam karya sastera mampu membentuk pemahaman terhadap sikap dan kecenderungan (serta aspirasi) masyarakat pada sesuatu masa dan zaman. Dalam hal ini, Goldmann menekankan bahawa Sosiologi Sastera bersifat holistik. Dengan kata lain, sesuatu perkara dalam karya sastera tidak timbul dengan sendirinya, melainkan terdapat perkaitan dengan perkara-perkara lain yang relevan dengan kehidupan masyarakat.

Berhubung dengan nama Strukturalisme Genetik yang digunakannya, Goldmann (1973) menjelaskan bahawa sesuatu perkara dalam karya sastera perlu diselidiki secara "genetik" (asal-usul). Dengan itu, penelitian terhadap karya sastera dianggap berupaya menghadirkan kecenderungan untuk mengamati faktor-faktor yang mendorong penciptaannya. Dalam hal ini, sesuatu perkara yang menunjangi karya sastera antaranya diamati dengan mempertimbangkan emosi, intuisi, persepsi dan refleksi penulis yang menganggotai sesebuah masyarakat. Melalui karya sasteranya, penulis (termasuk penulis lirik lagu) dianggap mengungkapkan sikap

dan kecenderungan masyarakat masyarakat terhadap perkara-perkara yang berlaku di persekitaran, seperti penerimaan terhadap adab, budaya, adat resam, kepercayaan, gaya hidup, wawasan dan sebagainya, untuk dititipkan dalam karya sasteranya berdasarkan pengetahuan, pengalaman, perasaan dan penilaian penulis. Dengan kata lain, keterikatan dengan persekitaran mencambah kreativiti, imaginasi, intelektualiti, integriti dan dinamika penulis ketika menggambarkan kehidupan masyarakat dalam karya sasteranya. Pada masa yang sama, Goldmann menyifatkan karya sastera sebagai struktur yang dibina daripada perkara-perkara yang melingkari dan mempengaruhi masyarakat pada sesuatu zaman dan masa, seperti pengaruh-pengaruh sosial, ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya. Pengaruh-pengaruh ini berlaku serentak dan timbal balik, sekali gus membentuk acuan gagasan dan pandangan alam (*world vision*) bagi seluruh masyarakat.

Goldmann (1973) seterusnya menekankan bahawa sikap dan kecenderungan individu dan masyarakat untuk terlibat dalam perubahan ini timbul berasaskan tiga dorongan. Pertama, dorongan untuk mencapai perkara-perkara yang signifikan dan rasional dengan kehidupan masing-masing. Kedua, dorongan untuk memenuhi aspirasi masyarakat. Dan ketiga, dorongan untuk mencapai keunggulan. Dorongan-dorongan ini secara kolektif menjadi aspirasi kepada individu dan masyarakat untuk mencapai gagasan dan pandangan alam yang dihasratkan. Sehubungan dengan itu, sikap dan kecenderungan yang sama dianggap relevan apabila diadunkan secara kreatif dan kritis dan karya sastera untuk menggambarkan hala tuju individu dan masyarakat pada sesuatu zaman.

Dengan bersandarkan teori sosiologi sastera yang digagaskan oleh Goldmann, kajian ini berpendapat bahawa prinsip penting yang dapat diguna pakai dalam menganalisis lirik-lirik lagu Sudirman Haji Arshad ialah sesebuah karya sastera dinukilkan bertujuan menjelaskan gagasan dan pandangan alam sesebuah masyarakat. Ini relevan apabila penulis menjadi sumber yang berautoritatif untuk menjelaskan sikap dan kecenderungan masyarakat sesuatu masa dan zaman. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggariskan tiga prinsip yang dianggap penting untuk menjelaskan aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu yang dikaji. Pertama, lirik lagu sebagai sebuah karya sastera dapat menzahirkan aspirasi sesebuah masyarakat berdasarkan perubahan-perubahan yang berlaku pada masa dan zaman berkenaan. Kedua, perubahan itu memperlihatkan daya usaha daripada individu-individu yang dihadirkan dalam lirik lagu. Dan ketiga, tindakan individu-individu menjelaskan "aspirasi realistik" atau "aspirasi idealistik" terhadap matlamat yang disasarkan. Ketiga-tiga prinsip ini akan dimanfaatkan secara bersama dalam membincangkan aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu yang dipilih.

PERBINCANGAN

Berdasarkan skop kajian dan metodologi yang diperincikan di atas, kajian seterusnya akan membincangkan jenis-jenis aspirasi masyarakat dalam lirik-lirik lagu nyanyian Sudirman Haji Arshad dalam beberapa subjudul. Jenis-jenis aspirasi yang akan diteliti mencakupi aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan, aspirasi membantu keluarga dan aspirasi mengekalkan jati diri. Untuk mengejapkan lagi perbincangan, kajian juga akan mengguna pakai baris-baris ayat yang terpilih dalam lirik-lirik lagu berkenaan dan menghuraikannya dalam konteks yang relevan dan signifikan dengan kehidupan masyarakat pada masa itu.

Aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan

Perbincangan tentang aspirasi meningkatkan kehidupan dimulakan dengan membincangkan lirik lagu *Hidup di Kota* (1981) tulisan Sudirman. Seperti yang dijelaskan lebih awal, lirik lagu ini mengemukakan kekesalan persona atas kegagalannya meneroka kehidupan baharu yang dicita-citakannya di kota. Pada tanggapan persona, kehidupan di kota seperti yang selalu didengarkannya menjanjikan pelbagai kemewahan dan keselesaan yang tidak pernah dikecapi di desa. Dalam hal ini, persona menggambarkan kota sebagai sebuah "taman permainan" (iaitu suatu tempat yang lazimnya lengkap dengan aneka alat hiburan dan menjanjikan keseronokan). Dia memilih untuk berhijrah dan pada masa yang sama, berharap kehidupan di kota dapat membuka ruang kepadanya untuk memperbaiki taraf kehidupan. Aspirasi persona untuk meningkatkan kualiti kehidupannya dalam lirik lagu ini dapat dilihat dalam baris-baris lirik yang berikut:

Sewaktu kecilku kuimpikan
untuk ke kota yang berkerlipan
kutinggalkan rakan dan keluarga

kuingin mencari hidupku sendiri
dulu aku sangkakan kota
satu taman permainan

(Sudirman Haji Arshad, 1981)

Walau bagaimanapun, setelah berada di kota, barulah persona menyedari bahawa ada banyak kesukaran yang perlu diatasinya terlebih dahulu sebelum impiannya itu menjadi kenyataan. Persona menjelaskan bahawa kehidupan di kota sangat asing baginya. Persona diceritakan sedar, bahawa masyarakat kota adalah berbeza daripada masyarakat desa. Ketika berada di desa, persona teringat bahawa dia mengenali ahli-ahli masyarakat di sekitarnya, dan mereka dapat berinteraksi dengan lebih kerap dalam suasana yang lebih harmoni. Keadaan sebaliknya didapati berbeza di kota, apabila persona menggambarkan bahawa dengan pengetahuan yang cetek tentang corak kehidupan di kota dan cabaran-cabaran baharu yang tidak difahaminya, keberadaannya tidak dipedulikan. Bagi persona, kekurangan-kekurangan itu menjadikan dia dilihat seperti "tunggul di desa", iaitu suatu imejan yang menunjukkan taraf hidupnya yang rendah dan tidak banyak berbeza seperti ketika berada di desa. Suatu situasi yang jelas ialah persona bergelut untuk meneruskan kelangsungannya hidupnya di kota, yang digambarkan dengan kekerapannya mengidap selesema akibat debu dan asap kenderaan. Meskipun persona menghadapi kesukaran ini secara berterusan, sehingga kadangkala timbul keinginannya untuk pulang semula ke desa, namun dia bertekad untuk bertahan dengan pilihannya (iaitu aspirasinya untuk meningkatkan kualiti kehidupannya di kota).

Aspirasi yang sama kemudian didapati turut digarap dalam lirik lagu *Kau Akan Kembali* (1980) tulisan Syed Haron. Seperti dalam lirik lagu yang terdahulu, lirik lagu ini juga mengangkat kisah seorang anak desa yang membuat keputusan untuk mencuba nasibnya ke kota. Dalam hal ini, persona dalam lirik lagu ini hadir sebagai kawan baik anak desa berkenaan yang terus kekal tinggal di desa, meskipun memahami tujuan anak desa berhijrah ke kota. Menurut persona, kawan baiknya itu (anak desa) mengambil keputusan yang sedemikian kerana dia telah jemu melalui kehidupan yang sederhana di desa dan menganggap tinggal dan bekerja di kota boleh merealisasikan impiannya untuk menikmati kehidupan yang mewah dan selesa. Aspirasi anak desa untuk meningkatkan kualiti kehidupannya dalam lirik lagu ini dapat dilihat dalam baris-baris lirik yang berikut:

Kaupergi dahulu kerana dah jemu
kau telah impikan satu hidup baru
pahit-manis seorang kembara
segalanya telah kaurasa

(Syed Haron, 1980)

Meskipun merestui keputusan kawan baiknya, persona percaya bahawa impian kawan baiknya itu belum tentu menjadi kenyataan dan apabila sampai masanya, akan pulang semula ke desa setelah meraih pengalaman yang berharga. Persona diceritakan sedar bahawa di sebalik aspirasi besar yang ingin dipenuhi oleh kawan baiknya, dia (anak desa) menempuh banyak kesukaran. Dalam hal ini, persona mengejapkan keyakinannya dengan menimbulkan imejan "debuan kota" sebagai kesukaran-kesukaran yang silih berganti yang dihadapi oleh kawan baiknya di kota. Bagi persona, setelah berada di kota, kawan baiknya seharusnya sedar bahawa semangat yang meluap-luap sahaja tidak memadai untuk mencapai aspirasi yang sedemikian. Meskipun desa kerap ditanggapi menyediakan prasarana yang sangat sederhana, namun persona percaya bahawa persekitaran yang damai, yang ditonjolkan melalui gambaran padi yang menguning di sawah, daun nyiur yang melambai dan riak air di kali (sungai) menawarkan kehidupan yang tenang dan damai. Bagi persona, aspirasi kehidupan yang berkualiti yang ingin dikecapinya sebaliknya hadir dalam bentuk kehidupan spiritual yang membahagiakannya. Sebaliknya, kawan baik persona menganggap bahawa aspirasi yang sama lebih mudah dicapai dalam bentuk material, seperti aneka prasarana di kota yang tidak ditawarkan di desa.

Aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan seterusnya didapati hadir dalam lirik lagu *Apa Khabar Orang Kampung* (1986) tulisan Syed Haron. Seperti dua lirik lagu terdahulu, lirik lagu ini juga menghadirkan kisah tentang persona, iaitu seorang anak desa, yang merantau ke kota untuk mencari rezeki dan menambahkan ilmu pengetahuan. Bagi persona, kehadirannya di kota dengan dua matlamat yang jelas, iaitu untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan usaha ini disandarkan dengan tahap pendidikan yang lebih baik. Bagi persona juga, kualiti kehidupan yang diimpikannya itu seharusnya menjadi sasaran yang realistik. Persona diceritakan akur

bahawa dia berasal dari desa dan serba ketinggalan, dan dalam usahanya mencapai aspirasi yang sedemikian, dia memerlukan restu daripada seluruh keluarganya. Dalam konteks kajian ini, istilah "orang kampung" yang terdapat dapat lirik lagu ini bukan sahaja merujuk kepada kaum keluarga dan sahabat handai persona di kampung, malah melibatkan dirinya sendiri (persona), yang merantau ke kota kerana di kotalah dia berpotensi meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan sosio-pendidikannya, seperti yang dapat dilihat dalam baris-baris lirik yang berikut:

Orang kampung merantau jauh
mencari ilmu di kota
orang kampung merantau jauh
mencari rezki di kota

Asal ada kemahuan
semua jadi kenyataan

(Syed Haron, 1986)

Dalam konteks kajian ini, dapat juga dikatakan bahawa persona mempunyai tanggapan yang setara tentang kualiti kehidupan di desa dan di kota. Lirik lagu ini menjelaskan bahawa kehidupan di desa, iaitu tempat asal persona, menawarkan kualiti kehidupan yang baik kerana hubungan yang akrab antara persona dengan masyarakat di sekelilingnya. Bagi persona, dia juga menyenangi kehidupan yang membahagiakan di desa. Akan tetapi, persona tetap akur bahawa prasarana di kota adalah lebih baik daripada di desa. Dengan itu, keputusan untuk berhijrah itu dilakukan atas tuntutan semasa semata-mata, iaitu bersaing dengan sekalian rakyat Malaysia yang lain untuk merebut peluang-peluang kemajuan sosial dan ekonomi yang sering ditawarkan oleh kerajaan. Keputusan persona ini juga sekali gus mengejapkan aspirasi pertama yang dibangkitkan dalam kajian ini, iaitu aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan.

Aspirasi membantu keluarga

Perbincangan seterusnya beralih kepada aspirasi yang kedua, iaitu aspirasi membantu keluarga. Pengamatan awal mendapati bahawa lirik-lirik lagu nyanyian Sudirman Haji Arshad cenderung untuk membangkitkan persoalan kekeluargaan. Aspirasi membantu keluarga ini terserlah dengan jelas, antaranya dalam lirik lagu *Aku Penganggur* (1980) tulisan Sudirman. Lirik lagu ini mengisahkan tentang kebimbangan persona, iaitu seorang penganggur, yang masih belum menerima apa-apa tawaran pekerjaan meskipun sudah tamat belajar. Tanpa apa-apa pekerjaan, persona tidak mempunyai apa-apa pendapatan, yang memungkinkan dia dapat membantu orang tuanya dari segi kewangan. Situasi ini menimbulkan keresahan kepada persona kerana sebagai anak yang telah dewasa, dia memerlukan sumber kewangan untuk membantu orang tuanya yang semakin berusia. Apatah lagi, dengan usia yang sedemikian, persona mempunyai tanggapan bahawa masyarakat di sekitarnya memandang rendah (hina) akan dirinya, yang seharusnya boleh menyara dirinya sendiri dan tidak lagi bergantung kepada orang tuanya untuk menanggung kehidupannya. Perasaan resah persona dapat dilihat seperti dalam baris-baris lirik seperti yang berikut:

Puas sudah mencari kerja
memang nasib aku penganggur
masih belum diterima
memang nasib aku penganggur
hasrat hati ingin membantu
menjaga orang tuaku

(Sudirman Haji Arshad, 1980)

Sikap bertanggungjawab untuk menjaga orang tuanya ini seterusnya dapat dilihat melalui sikap gigih persona yang terus berusaha mencari pekerjaan. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa persona bersikap realistik dalam memenuhi aspirasinya ini. Di sebalik masalah pengangguran yang mula leluasa pada masa

itu, persona diceritakan tidak pernah berputus asa untuk mencari pekerjaan, dan sentiasa berharap pada "esok atau lusa" (iaitu pada hari-hari akan datang) dia akan mendapat apa-apa pekerjaan yang mampu menampung sumber kewangannya. Dalam hal ini, keutamaan persona adalah jelas, dan disuarakannya dengan hati yang ikhlas, iaitu dia ingin menggunakan pendapatannya untuk membantu keluarganya.

Aspirasi yang sama didapati turut dikemukakan dalam lirik lagu seterusnya, iaitu *Pulang dari Kilang* (1981) tulisan Sudirman. Lirik lagu ini mengisahkan impian persona untuk mendekati dan mengenali seorang gadis operator pengeluaran (pekerja kilang) yang memikat hatinya. Persona kemudian mendapati bahawa dia bukan sahaja terpikat dengan rupa paras dan sikap sederhana gadis itu, malah kagum akan kesediaannya berhijrah ke kota dan bekerja di kilang demi membantu orang tua dan adiknya di desa. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa persona kagum akan keikhlasan gadis yang diminatinya itu. Dalam konteks kehidupan masyarakat semasa, pekerjaan sebagai seorang operator pengeluaran lazimnya tidak menawarkan sejumlah pendapatan yang lumayan. Apatah lagi, pekerjaan sedemikian pada masa itu juga disasarkan kepada golongan muda berkelulusan sekolah menengah. Perasan kagum persona ini dapat dilihat seperti dalam baris-baris lirik seperti yang berikut:

Kudapat tahu akan kisahnya
datang dari desa
kerja membantu ibu dan ayah
menyara adik ke sekolah aw aw
Ingin aku dekat kepadanya aw aw
tapi malu jua aw aw
sudikah dia menerimaku
sebagai kawannya

Dalam konteks perbincangan ini, adalah jelas gadis operator pengeluaran itu bersikap realistik dalam merealisasikan aspirasinya, iaitu membantu keluarganya di desa. Tanpa kelulusan yang tinggi, dia diceritakan bersedia mengerah keringat bekerja di kilang dengan pendapatan yang rendah, dan dengan pendapatan yang sedemikian itulah berusaha menanggung kehidupan orang tuanya dan menyara adiknya yang masih bersekolah. Lirik lagu ini menegaskan bahawa persona juga sedar bahawa gadis itu tidak terpesona dengan kehidupan kota yang sarat dengan kemewahan dan keselesaan. Sebaliknya, gadis itu masih mengekalkan sikapnya yang berbudi pekerti dan bersopan santun, dan bekerja sehari-hari bagi memenuhi aspirasinya itu, iaitu membantu keluarganya melalui pekerjaan yang dapat dilakukannya itu.

Aspirasi mengekalkan jati diri

Aspirasi terakhir yang dibincangkan dalam kajian ini ialah aspirasi mengekalkan jati diri. Aspirasi ini antaranya hadir dalam lirik lagu *Apa Khabar Orang Kampung* (1986) tulisan Syed Haron. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, lirik lagu ini mengisahkan tentang kesediaan persona berhijrah ke kota demi memenuhi matlamatnya untuk mencari pekerjaan yang baik dan meningkatkan tahap pendidikan. Walau bagaimanapun, dalam lirik lagu yang sama, adalah jelas persona diperagakan sebagai seorang anak desa yang tidak pernah lupa akan asal usulnya. Bagi persona, meskipun bersikap realistik dalam mencapai setiap matlamat yang disasarkan itu, namun dia tetap bangga akan asal-usulnya yang membesar dengan didikan adat resam dan budaya Melayu. Persona diceritakan teruja untuk mendengar khabar berita ahli-ahli masyarakat dari tempat asalnya, yang selalu disantuninya, dan dengan itu mendoakan keberkatan daripada hubungan baik mereka, seperti yang dapat dilihat dalam baris-baris lirik yang berikut:

Apa khabar orang kampung
lama sudah tak berjumpa
minta-minta semuanya
di dalam sihat sejahtera
Apa khabar orang kampung
bilakah dapat berjumpa
kirim-kirimlah berita
janganlah senyap sahaja

(Syed Haron, 1986)

Dengan keinginannya untuk saling bertanya khabar dengan ahli-ahli masyarakat dari tempat asalnya, adalah jelas persona berusaha memastikan bahawa dia dapat mengekalkan jati dirinya sebagai orang Melayu yang terdidik dengan adat resam dan budaya bangsanya. Dengan kerap bertanya khabar dan mendoakan kesejahteraan mereka, persona juga diceritakan percaya dia dapat mengeratkan hubungan silaturahim, terutamanya dengan kaum keluarga dan sahabat handainya. Dalam konteks kajian ini, lirik lagu ini turut menggambarkan bahawa penghijrahan persona ke kota boleh menjejaskan hubungan mereka disebabkan kekangan geografi dan kekurangan alat komunikasi yang berkesan (iaitu ketika lirik lagu ini dituliskan).

Perbincangan tentang aspirasi mengekalkan jati diri diteruskan lagi dengan meneliti lirik lagu *Pulang dari Kilang* (1981) oleh Sudirman. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal juga, lirik lagu ini membangkitkan cerita tentang kehadiran seorang gadis dari desa yang diminati oleh persona. Dalam usahanya untuk mendekati dan mengenali gadis itu, persona kemudian tahu bahawa gadis itu berasal dari desa. Selain raut wajah yang ayu dan tutur kata yang lembut, persona turut menggambarkan bahawa gadis itu memperagakan tingkah laku yang sopan dan mempesonakan. Bagi persona, tingkah laku gadis itulah yang mencetuskan keterujaannya untuk mendekatinya seperti yang dapat dilihat dalam baris-baris lirik yang berikut:

Lihat dia pulang dari kerja aw aw
bersama rakannya aw aw
sungguh ayu dan pemalu
serba sederhana

Lihat itu teratur langkahnya aw aw
lembutnya bicara aw aw
ingin rasanya di hatiku
berkawan dengannya

Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan yang terdahulu juga, gadis operator pengeluaran itu bekerja di kilang kerana menyedari tanggungjawabnya yang besar terhadap keluarganya. Dengan itu, dia diceritakan lebih cenderung dengan tugas-tugas sehariannya, selain terus mengekalkan sikap dan perwatakan yang dizahirkannya sejak berada di desa lagi. Dengan kata lain, gadis itu bersikap realistik dalam memenuhi aspirasi mengekalkan jati dirinya. Sebagai seorang gadis desa yang terdidik dan membesar dengan adat resam dan budaya Melayu, dia diceritakan sedar akan cabaran-cabaran yang lebih besar dalam persekitaran kota yang lebih rencam.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, adalah jelas lirik-lirik lagu nyanyian Sudirman Haji Arshad rata-ratanya menzahirkan aspirasi masyarakat (pada masa lagu-lagu itu diciptakan). Tiga jenis aspirasi masyarakat yang ditemukan dalam lirik-lirik lagu yang dikaji ialah aspirasi meningkatkan kualiti kehidupan, aspirasi membantu keluarga dan aspirasi mengekalkan jati diri. Aspirasi-aspirasi ini rata-ratanya dibangkitkan berdasarkan lirik-lirik lagu yang mengangkat kecenderungan ahli-ahli masyarakat tertentu yang berusaha mencapai matlamat hidup sesuai dengan perubahan-perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku pada masa itu. Perbincangan mendapati bahawa lirik lagu *Hidup di Kota* dan *Kau Akan Kembali* menghadirkan individu-individu yang mempunyai "aspirasi idealistik", iaitu mengusahakan tindakan untuk mencapai matlamat yang difikirkan berada dalam capaian. Manakala, tiga lirik lagu lain iaitu *Apa Khabar Orang Kampung, Aku Penganggur* dan *Pulang dari Kilang* menghadirkan individu-individu yang mempunyai "aspirasi realistik", iaitu mengusahakan tindakan bagi mencapai matlamat yang diyakini dapat dicapai. Selain itu, perbincangan juga dapat merumuskan bahawa lirik-lirik lagu nyanyian Sudirman Haji Arshad bukan diciptakan bagi tujuan hiburan semata-mata. Sebaliknya, lagu-lagu ini mengandungi amanat-amanat penting yang dapat diteladani oleh khalayak pendengar.

RUJUKAN

Abdul Basit Samat, Abdul Rahman Hamzah, Siti Rugayah Tibek & Razaleigh Muhamat. (2014). Seni berzanji dan marhaban: Sejarah dan amalannya dalam masyarakat Melayu. *Ulum Islamiyyah Journal*, *14*, 43 – 45.

Arba'ie Sujud (1999). *Estetika dalam lirik lagu-lagu nyanyian P. Ramlee*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Fletcher, Ronald (1981). *Sociology: The study of social systems*. New York: Charlers Scribner's Sons.

Griffee, Dale T. (2001). *Songs in action*. Hertfordshire: Prentice Hall International.

Goldmann, L. (1973). Genetic structuralism in the sociology of literature. In E. Burns & T. Burns (EdsP\.), *Sociology of literature and drama*. Victoria: Penguins Education.

Gunawan Wiradharma & Nur Indah Yusari. (2017). Kearifan budaya dalam lirik lagu Melayu. *Arkhais, 8(1),* 1 – 11.

Haller, A. O. (1968). On the concept of aspiration. *Rural Sociology, 33(4),* 484 – 487.

Hughes, M., & Kroehler, C. J. (2009). *Sociology: The core*. New York: The McGraw-Hill Company.

Helshin, J. M. (1993). *Down to earth sociology*. New York: The Free Press.

Kamus Dewan. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mitchell, D. G. (1970). *Sociology: The study of social systems*. London: University Tutorial Press Ltd.

Mohd. Azam Sulong (2013). Analisis melodi dan seni kata lagu terbaik industri muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura pada tahun 2013. *Malaysian Music Journal, 4*(2), 91 – 116.

Mohd. Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd. Firdaus Che Yaacob (2016). Unsur amanat dan impak lirik dikir barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Apllied Linguistic (IJLEAL), 4*(4)*,* 67 – 80.

Nik Safiah Karim. (1994). Bahasa dalam lagu. *Pelita Bahasa,* April, 28 – 29.

Nor Lelinza Abd. Rasid. (2006). Sejarah hidup Sudirman. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Rohana Yusof. (1996). *Asas sains sosial daripada perspektif sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Slameto (2003). *Belajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya*. Jakarta: Rineka Cipta.

The Oxford dictionary of current English (1993). New York: Oxford University Press.

HIDUP DI KOTA

Sewaktu kecilku kuimpikan
untuk ke kota yang berkerlipan
kutinggalkan rakan dan keluarga
kuingin mencari hidupku sendiri
dulu aku sangkakan kota
satu taman permainan
tapi kini aku mengerti
itu hanya khayalan

Tiada yang mengenal aku
bagai tunggul di desa
tapi kuingin mencari
hidupku sendiri
kini kubayangkan kota itu desa
penghuninya jiranku
alangkah bahagianya

Kata orang hidup di kota
ramai teman jelita
yang kudapat hanya selsema
debu asap kereta
suatu hari kuingin pulang
ke desa dan rakan
tinggalkan lampu di kota
yang tiada perasaan

Kadangkala aku membenci
cara hidup begini
tapi ini cara hidupku
pilihanku sendiri
pilihanku sendiri

(Sudirman Haji Arshad: *Hidup di Kota*, 1981)

Pulang dari Kilang

Aw aw huuuu...
aw aw huuuu...

Lihat dia pulang dari kerja aw aw
bersama rakannya aw aw
sungguh ayu dan pemalu
serba sederhana

Lihat itu teratur langkahnya aw aw
lembutnya bicara aw aw
ingin rasanya di hatiku
berkawan dengannya

Kudapat tahu akan kisahnya
datang dari desa
kerja membantu ibu dan ayah

menyara adik ke sekolah aw aw
Ingin aku dekat kepadanya aw aw
tapi malu jua aw aw
sudikah dia menerimaku
sebagai kawannya

Kudapat tahu akan kisahnya
datang dari desa
kerja membantu ibu dan ayah
menyara adik ke sekolah aw aw

Aw aw huuuu...
aw aw huuuu...

Ingin aku dekat kepadanya aw aw
tapi malu jua aw aw
sudikah dia menerimaku
sebagai kawannya

Aw aw huuuu...
aw aw huuuu...
aw aw huuuu...
aw aw huuuu...
aw aw huuuu...
aw aw huuuu...

(Sudirman Haji Arshad: *Pulang dari Kilang*, 1981)

Aku Penganggur

Jangan kupandang hina
hanya kerna aku penganggur
jangan pula ku dilupa
hanya kerna aku penganggur
aku hanya insan biasa
ingin juga hidup bahagia

Ohoo... nasibku
aku penganggur

Ohoo... nasibku
aku penganggur

Puas sudah mencari kerja
memang nasib aku penganggur
masih belum diterima
memang nasib aku penganggur
hasrat hati ingin membantu
menjaga orang tuaku

Ohoo... nasibku
aku penganggur

Aku anak berbudi bahasa
walaupun aku penganggur
hormat kepada orang tua
walaupun aku penganggur
mungkin esok ataupun lusa
aku akan mendapat kerja

Ohoo... nasibku
aku penganggur

Ohoo... nasibku
aku penganggur

(Sudirman Haji Arshad: *Aku Penganggur*, 1980)

Kau Akan Kembali

Aku terima berita darimu
kau akan kembali seperti yang diduga
bertahun berlalu kau berada di rantau
kau akan kembali ke pangkuan ibunda.

Sawah terbentang dan padi menguning
daun nyiur melambai angin timur membelai
riak air di kali bagaikan bersedia
membasuhi tubuhmu dari debuan kota.

Sayup-sayup terdengar
merdu suara seruling
mendendangkan lagu anak desa.

Kaupergi dahulu kerana dah jemu
kau telah impikan satu hidup baru
pahit-manis seorang kembara
segalanya telah kaurasa

Desa nan permai setia menunggu
tiada bezanya seperti masa dulu
namun kami semua tiada pernah jemu
segalanya indah selalu

Sayup-sayup terdengar
merdu suara seruling
mendendangkan lagu anak desa

(Syed Haron: *Kau Akan Kembali*, 1980)

Apa Khabar Orang Kampung

Apa khabar orang kampung
lama sudah tak berjumpa
minta-minta semuanya
di dalam sihat sejahtera

Apa khabar orang kampung
bilakah dapat berjumpa
kirim-kirimlah berita
janganlah senyap sahaja

Orang kampung merantau jauh
mencari ilmu di kota
orang kampung merantau jauh
mencari rezki di kota

Asal ada kemahuan
Semua jadi kenyataan

Cukuplah sampai di sini
lain kali cerita lagi
doa restu untuk kita
panjang umur kita berjumpa

(Syed Harun: *Apa Khabar Orang Kampung*, 1986)

ELEMEN KEKITAAN ETNIK SIAM DI SIK: PEMBINAAN KERANGKA ESPRIT DE CORPS MINORITI DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA

Haslinda Hasan, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
haslynda@uum.edu.my

Sharifah Ismail, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Rohani Hj. Ab Ghani, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Salmah Omar, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Zulhilmi Paidi, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)

ABSTRAK

Bangsa Melaysia merupakan "bangsa idaman" atau "nation of intent" yang cuba dibentuk sejak sekian lama oleh pemimpin kita. Pelbagai dasar nasional telah dilaksanakan khusus untuk membentuk semangat kekitaan atau *esprit de corp* bagi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan etnik, agama dan budaya demi membentuk rakyat satu bangsa satu negara ataupun bangsa Malaysia. Selain itu patriotisme juga boleh dilahirkan melalui sejarah negara. Apabila rakyat sesebuah negara mengetahui dan memahami sejarah negara, rakyat tersebut akan lebih menyintai negaranya. Akhir sekali, patriotisme mampu digerakkan oleh tokoh agung negara, negarawan, pemimpin, pahlawan, penyair, ahli falsafah dan rakyat. Mereka akan merasakan diri mereka mempunyai ikatan yang kuat dengan negara dan masyarakat. Kedudukan kampung etnik Siam selalunya berkelompok dengan dikelilingi oleh kampung orang Melayu. Hal ini menyebabkan mereka terlibat dalam proses asimilasi budaya dan bahasa. Oleh itu, rata-rata masyarakat Siam boleh bertutur bahasa Melayu dengan fasih terutama dialek daerah. Identiti mereka juga sering dikaitkan dengan orang Melayu jika tidak melihat nama dan kepercayaan yang dianuti. Sungguhpun begitu, dari segi keagamaan, mereka masih meneruskan agama yang dianuti sejak dahulu, iaitu Buddha dan masih meneruskan tradisi perayaan yang diwarisi dari negara asal, iaitu Thailand. Kajian ini bertujuan meninjau elemen *esprit de corps* dalam kalangan komuniti Siam di daerah Sik, Kedah. Kajian yang berbentuk penerokaan ini dijangka dapat menghasilkan indeks minoriti bangsa Malaysia. Rasa kekitaan merupakan asas yang paling penting ke arah mewujudkan semangat patriotism dan nasionalisme Malaysia. Sejarah membuktikan bahawa walaupun orang Siam telah berhijrah ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu, namun kasih sayang dan perhatian mereka masih tertumpu ke atas negara asal. (Font 12)

Kata kunci: : *esprit de corp*, etnik, Siam, Sik, patriotism

PENGENALAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan lapangan berbentuk kualitatif untuk meneliti elemen dan nilai semangat *esprit de corps* dalam kalangan etnik Siam di daerah Sik, Kedah. Hampir 95% daripada mereka menetap di empat buah negeri di Utara Semananjung Malaysia (Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu). Manakala sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Kajian menunjukkan di keempat-empat buah negeri di utara, masyarakat siam lebih ramai terdapat di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan Thailand. Penempatan mereka di Kedah adalah di sepanjang

sempadan Kedah dan Thailand iaitu seperti di daerah-daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Baling dan Sik serta di daerah Kota Star (http://www.memorikedah.com/page_pengenalan.php?pageNum_Recordset1=0&totalRows_Recordset1=1&p=2&idstopic=33&idskandungan=141&mtopic=4, akses 12 April 2021). Orang yang berketurunan Siam terdapat di daerah Sik Kedah dan kebanyakan daripada mereka bergiat dalam kegiatan pertanian. Mereka memiliki tanah-tanah dan hidup bersama dengan orang Melayu, Cina dan India.

Apakah yang dimaksudkan dengan "bangsa Malaysia"? Bangsa Malaysia adalah satu bangsa yang bakal dibentuk melalui transformasi pemikiran, budaya dan pandangan dunia mengenai satu bangsa satu negara bagi semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum kini dan di masa yang akan datang. Bangsa Malaysia hanya akan berjaya diwujudkan apabila semua rakyat bersedia menerima hanya satu nilai kebangsaan. Nilai kebangsaan ini akan menjadi satu identiti bersama dan tidak mengutamakan nilai-nilai etnik masing-masing. Ia juga dipengaruhi oleh nilai bersama dan *esprit de corp* yang wujud dalam kalangan rakyat di negara kita. Perkara ini yang cuba diteliti dalam kalangan masyarakat sub etnik iaitu masyakat Siam di daerah Sik, Kedah.

DAERAH SIK

Keluasan sik adalah 163,456 hektar atau 1,634.6km persegi atau 17.35% dari keluasan keseluruhan negeri Kedah. Sik bersempadan dengan negara Thailand, Daerah Padang Terap, Baling, Kuala Muda dan Pendang. Sik terbahagi kepada empat mukim iaitu Mukim Sik, Sok, Teloi dan Jeneri. Penduduk Sik adalah seramai 76,300 orang termasuklah orang Siam. Asal- usul nama Sik adalah daripada perkataan Arab iaitu "Syed" atau "Sheikh" dan jika disebut dalam loghat pattani (selatan Thai), ia berbunyi "Sik". Masyarakat kebiasaannya menyebut sebutan di antara bunyi Sik dan Saik. Penempatan di sini suatu masa lalu dibuka oleh para mubaligh Arab. Mereka berhenti dan singgah dengan perahu di Lubuk Tok Keramat, Sg Chepir, berhampiran pekan Sik sekarang. Kebanyakan mereka telah mendirikan perkhemahan di sebuah padang yang dikenali sebagai Padang Tok Sheikh. Tapak ini kemudiannya berkembang menjadi sebuah penempatan dan pondok yang pertama di daerah Sik. Padang Tok Sheikh sekarang ini terletak berhampiran dengan Masjid Pekan Sik dan telah dibangunkan sebagai Kompleks Pejabat Agama Daerah Sik.

Apabila mengkaji tentang daerah Sik di Kedah yang didiami oleh orang berketurunan Siam maka boleh dirujuk peta di sebelah



http://apps.kedah.gov.my:8979/data/embed?id=GQgsC92p5hM=&type=zByNQuF9FYw=&title=hcQMDAvtksoaAhTgNz+N47TvpD/

qf/Pk7LFyv+W2SXttX5ZD/0t8q4yAb0okGeAh,akses pada 10 MEI 2021

Peta di atas menunjukkan Sik merupakan daerah yang terbesar di negeri Kedah. Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (PPIB) di bawah Dasar Pertanian Negara (DPN3) adalah satu daripada aspek yang diberi penekanan untuk meningkatkan ekonomi negara. Tumpuan utama adalah untuk memastikan bekalan buah-buahan yang dikeluarkan adalah bermutu tinggi, mencukupi dan dapat memenuhi permintaan buah-buahan segar dalam negara dan juga untuk industri pemprosesan. Bagi Pembangunan Dusun Komersil dan Pemulihan Dusun, pemilihan kawasan bagi projek ini adalah bergantung kepada kesesuaian topografi, jenis tanah dan kluster tanaman tersebut. Bagi kawasan baru, lokasi tersebut akan dikenalpasti dan ditanam dengan buah-buahan terpilih mengikut zon dan kluster kawasan yang telah dikenalpasti. Buah-buahan yang dipilih adalah dari jenis yang tidak bermusim (Betik, Nanas, Pisang, Jambu batu dan lain-lain) dan bermusim (Mangga, Durian, Manggis dan lain-lain). Pewujudan projek ini juga dapat mempastikan petani-petani yang mempunyai saiz tanah yang kecil dapat mengusahakan tanah-tanah mereka dengan lebih produktif dan memperolehi pendapatan berterusan sepanjang tahun. Keluasan minima untuk pembangunan dusun komersil adalah 2 hektar untuk sesuatu tanaman. Kaum Melayu dan Siam terlibat dalam penanaman ini. Malah aktiviti pelancongan juga memainkan peranan penting di Sik. (http://www.doa.gov.my/index/resources/info_doa/pembangunan_industri_buah.pdf, akses pada 10 Mei 2021 dan https://pertanian.kedah.gov.my/projek-pembangunan-pertanian/ akses pada 10 Mei 2021

ELEMEN KEKITAAN ETNIK SIAM DI SIK

Setelah 64 tahun merdeka, persoalan utama bagi negara kita ialah perpaduan nasional yang menjadi kunci utama dalam usaha pembentukan negara-bangsa Malaysia, namun soal perpaduan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Pelbagai dasar negara telah diperkenalkan termasuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan juga memperkenalkan falsafah negara iaitu Rukun Negara. Kesemua perkara tersebut bertujuan untuk membina jati diri penduduk di negara ini sebagai rakyat Malaysia dan membina perpaduan nasional.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang bersifat homogeneous, cabaran kita adalah lebih besar berbanding dengan negara-negara yang mempunyai penduduk yang bersifat heterogeneous. Cabaran ini juga menjadi bertambah kompleks dari masa ke semasa. Sehubungan dengan keperluan ke arah pembinaan negara-bangsa Malaysia, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat perpaduan kebangsaan. Antaranya pengenalan falsafah nasional iaitu Rukun Negara, Wawasan 2020 dan konsep 1 Malaysia telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke 6, Datuk Seri Mohamad Najib Tun Abdul Razak. Usaha-usaha tersebut dilihat sebagai beberapa pendekatan ke arah pembinaan bangsa Malaysia. Ia juga merupakan salah satu usaha untuk memupuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) atau *esprit de corps* bagi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan etnik, agama dan budaya . Falsafah satu bangsa satu negara cuba dijadikan sebagai satu pengisian dalam perasaan nasionalisme dan patriotisme di kalangan seluruh rakyat di negara ini dalam usaha untuk membentuk bangsa Malaysia. Persoalannya, semakin banyak konsep yang diperkenalkan, semakin kerap isu-isu perpaduan yang timbul dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Kajian ini akan cuba meneliti elemen kekitaan yang wujud dalam kalangan etnik Siam di daerah Sik, Kedah. Komuniti Siam Sik akan dijadikan sampel awal bagi kajian-kajian lanjutan untuk menghasilkan kerangka *esprit de corps* minoriti masyarakat Malaysia bagi membina bangsa Malaysia.

Terbukti bahawa etnik Siam mempunyai semangat kekitaan yang tinggi dan jalinan persaudaraan lebih jelas.

KAJIAN SEMANGAT KEKITAAN (*ESPRIT DE CORPS*)

Pelbagai kajian berkenaan masyarakat berketurunan Siam di negeri Kedah telah dilaksanakan. Namun untuk menjelaskan lebih lanjut semangat kekitaan ini pelbagai aspek disiplin ilmu boleh dilihat. Misalnya dalam disiplin sosiologi dan antropologi kajian masyarakat Siam melibatkan aspek budaya dan sosial. Mohd Shabari Haji Ghazali (1979) menyatakan kewujudan masyarakat Siam di Kedah adalah lanjutan daripada fenomena suku awal abad ke 19. Beliau berpendapat bahawa sebahagian besar kampung-kampung Siam diasaskan oleh bekas askar Siam yang tercicir semasa zaman perang dahulu. Beliau membuat kajian secara umum mengenai sejarah kedatangan orang Siam ke Baling, peranan mereka dalam penubuhan kampung Simpang Empat,

kegiatan sosial dan hubungan mereka dengan masyarakat tempatan, kegiatan keagamaan dan juga pelajaran masyarakat Siam di Baling pada tahun 70 an. Seterusnya kajian membuktikan juga pegangan agama dan solidarity kekitaan masyarakat berkenaan adalah kuat.

Winzeler (1974) dan Chariya (1986) mengatakan bahawa kebanyakan masyarakat Siam di negara ini tinggal di kampung tradisi yang tidak mempunyai kemudahan asas yang lengkap. Kedudukan kampung-kampung ini selalunya berkelompok dengan dikelilingi oleh kampung orang Melayu. Hal demikian ini menyebabkan mereka terlibat dalam proses asimilasi budaya dan bahasa. Oleh itu, rata-rata masyarakat Siam boleh bertutur bahasa Melayu dengan fasih terutama dialek daerah. Identiti mereka juga sering dikaitkan dengan orang Melayu jika tidak melihat nama dan kepercayaan yang dianuti. Dari aspek hubungan sosial, orang Siam berhubungan dengan orang Melayu dan Cina. Dalam perkahwinan misalnya, lelaki Cina berkahwin dengan perempuan Siam. Begitu juga halnya dalam hubungan dengan orang Melayu, setiap perkahwinan dengan orang Melayu menyebabkan mereka kehilangan identiti dan agama. Sementara dalam hubungan harian pula, orang Siam akan menikmati segala hidangan atau makanan yang disajikan oleh orang Melayu tetapi tidak pula sebaliknya (Ong Chiang, 1987). Kini hubungan Melayu Siam semakin rapat dan berasimilasi bersama. Namun orang Siam masuh utuh dan tetap mengekalkan hubungan kekeluargaan dan persadaraan sesama mereka terutama melibatkan daerah Sik.

Oleh kerana tumpuan kajian adalah di daerah Sik maka terdapat masyarakat Siam di di Kampung Begia. Skop kajian adalah mengenai asal-usul kampung Begia dan perkembangan masyarakat Siam pada masa tersebut oleh Abu Hassan Dahaman (1976). Sejak dahulu hingga kini masyarakat Siam mempunyai hubungan rapat antara komuniti di kampung-kampung yang terdapat di sekitar Sik. Misalnya susunan masyarakat, sosio-ekonomi, agama Buddha, pelajaran dan politik. Setiap satu aspek ini mempunyai kekuatan yang boleh menyatupadukan sesama mereka. Ia terutamanya apabila mereka mementingkan perkahwinan dan hubungan sesama etnik. Jika hubungan ini kuat sudah pastilah masyarakatnya juga rapat. Hubungan bersifat kekitaan apabila mereka atau golongan orang tua yang masih menghuni sesuatu kawasan yang menjalankan aktiviti ekonomi bersama seperti pertanian. Agama Buddha yang dianuti adalah faktor utama mengikat komuniti mereka dengan lebih teguh. Persatuan-persatuan yang ditubuhkan dan komuniti kampung yang menjalankan aktiviti sosial menggalakkan lagi semangat *esprit de corps*.

Walaupun suatu masa dahulu masyarakat Siam di kampung Begia pernah dikatakan masyarakat yang tertutup kerana terpencil dan kurang bergaul dengan masyarakat sekeliling terutamanya orang Melayu. Namun selepas merdeka sikap memencilkan diri ini telah berkurangan apabila mereka menghantar anak-anak ke sekolah kerajaan dan bergaul mesra dengan orang Melayu. Justeru, corak masyarakat yang terpisah oleh politik dan penempatan tidak lagi wujud. Mereka bersama-sama menikmati segala kemudahan dan keistimewaan yang sama dengan orang Melayu. Secara keseluruhan, bolehlah dikatakan masyarakat Siam telah diserap dalam kebudayaan Melayu sedikit sebanyak. Keadaan ini tidak mustahil kerana orang Melayu merupakan penduduk majoriti di daerah ini. Sungguhpun begitu, daripada segi keagamaan mereka masih meneruskan agama yang dianuti sejak dahulu iaitu agama Buddha dan masih meneruskan tradisi perayaan yang diwarisi dari negara asal iaitu Thailand. Semangat kekitaan ini juga boleh dilihat dalam Persatuan Masyarakat Siam Sik (PMSS). Persatuan ini beralamat di Kampung Begia dan selalu mengadakan mesyuarat untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan mereka bagi merialisasikan pelbagai perancangan yang akan dilaksanakan. Semangat kekitaan teserlah apabila segala kebajikan ahli persatuan dijaga dan bantuan berupa barangan dan nasihat telah diberikan. Ziarah juga dilakukan untuk mengenalpasti permasalahan dalam komuniti. Program seminar dan kebudayaan pernah dianjurkan oleh PMSS yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di daerah Sik. Misalnya PMSS, Persatuan Pengurusan Wat Thaichareon (PPWTC) dan Jawatankuasa Sekolah Bahasa Thai Wat Thaichareon telah menganjurkan Seminar Kebudayaan dan Adat Resam Masyarakat Siam di Kampung Begia (facebook PMSS). Kesimpulannya sehingga kini masyarakat Siam antara komuniti yang utuh dalam usaha mengekalkan semangat kekitaan dalam kalangan komuniti. *Esprit de' corp* atau rasa kekitaan ini merupakan asas yang paling penting ke arah mewujudkan semangat patriotism dan nasionalisme di Malaysia.

Secara keseluruhannya untuk mempercepatkan pembinaan negara bangsa kita hendaklah menanamkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Salah satu peranan asas pendidikan universiti ialah menanamkan kesedaran tentang hubungan etnik kearah mewujudkan perpaduan, mengelakkan prasangka, tidak bertolak ansur dan sebagainya (Sharom Ahmat, 1980). Seterusnya secara tidak langsung akan mewujudkan kesamaan ekonomi dan sosial, integrasi sosial dan menggalakkan partisipasi semua kaum dalam kehidupan nasional.

KESIMPULAN

Pengkajian mengenai etnik Siam di Sik adalah penting untuk melihat dan memahami sejarah dan elemen kekitaan dalam kalangan mereka terhadap masyarakat dan negara. Sumbangan dan perasaan kekitaan serta sayang akan negara dijelmakan menerusi pelbagai bentuk dalam kehidupan mereka. Seterusnya menerusi elemen kekitaan etnik Siam maka terhasillah pembinaan kerangka *Esprit de Corps* minoriti dalam pembinaan negara bangsa Malaysia. Ia boleh dijadikan kerangka asas dan panduan untuk melihat *esprit de corps* dalam kumpulan minoriti atau sub etnik yang lain.

RUJUKAN

Abu Hassan bin Dahaman. (1976). *Petempatan orang-orang Siam di Kampung Begia, Kedah: Satu tinjauan.* (Latihan Ilmiah). Universiti Malaya.

Arun Boontiang. (1990). *Kesedaran dan tindakan politik di kalangan masyarakat Siam: Satu kajian kes di Daerah Pendang.* (Latihan Ilmiah). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chariya., (1986, Mei). Pembangunan: Masyarakat Thai terbiar, *Dewan Masyarakat*, 42-44

Hankins, Frank,H. (1922). Patriotism and peace. *The Journal of International Relations*, *12*(4), 505 523.

Kassim Ahmad. (1986). Masalah perpaduan bangsa dan rakyat di Malaysia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, *14*, 111-130.

Nor Aishah Harun. (1990). Etnografi masyarakat Siam di Kampung Giam, daerah Kubang Pasu Jitra Kedah. Kajian mengenai sejarah kedatangan dan corak kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan politik. (Kertas Projek). Universiti Malaya.

Ong Chiang A/L Ong Boon Yieu. (1986/87). *Kajian mutu kehidupan di kalangan masyarakat minoriti Siam di Padang Pusing, Pendang Kedah.* (Latihan Ilmiah). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rossita Baharom. (1989/90). *Etnik minoriti Siam di Kampung Sungai Baru, Daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah. Satu kajian kes mengenai ekonomi, integrasi dan asimilasi.* (Kertas projek). Universiti Malaya.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2011). *Budaya ilmu dan gagasan 1Malaysia: Membina negara maju dan bahagia*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan Biro Tata Negara.

Wang Gungwu. (1970). Politics in Malaya. *The China Quarterly*, *43*, 1-30.

Winzeler, R. L. (1974). Ethnic complexity and ethnic relations in a East-Coast Malay town. *Southeast Asian Journal of Social Science, 2*(1-2), 45-52.

http://apps.kedah.gov.my:8979/data/embed?id=GQgsC92p5hM=&type=zByNQuF9FYw=&title=hcQMDAvtksoaAhTgNz+N47TvpD/qf/Pk7LFyv+W2SXttX5ZD/0t8q4yAb0okGeAh

https://pertanian.kedah.gov.my/projek-pembangunan-pertanian/

http://www.doa.gov.my/index/resources/info_doa/pembangunan_industri_buah.pdf

EKSPRESI MUZIK DANGDUT DI MALAYSIA DAN INDONESIA: ANALISIS ASPEK MUZIKAL

Mohammad Haris Bin Abd Azis
Universiti Utara Malaysia (UUM)
mharis@uum.edu.my

ABSTRAK

Seni muzik merupakan budaya yang dicipta oleh manusia. Seni budaya muzik dangdut merupakan satu bentuk irama yang diminati dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan artis serta pendengar dalam dunia hiburan di Malaysia dan di Indonesia. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah tontonan lagu dangdut melalui pautan YouTube dan sambutan terhadap penghasilan lagu irama dangdut di pelbagai saluran muzik digital seperti *Joox, Spootify, Tik Tok* dan sebagainya. Namun begitu, wujud persepsi dan persoalan masyarakat seperti 'mengapa lirik lagu dangdut walaupun mengungkapkan tentang peristiwa kesedihan mahupun masalah sosial tetap mendorong penikmatnya untuk berjoget dan bergoyang?'. Tidak kurang juga kekeliruan dalam kalangan masyarakat seperti kenyataan *'Saya tak faham kenapa mempromosi budaya gelek dan dangdut kepada kanak-kanak'*. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif untuk meneliti lagu-lagu dangdut yang terdapat di Malaysia dan di Indonesia bermula dari era 60-an (Indonesia), 70-an (Malaysia) dan seterusnya era terkini 2000-an. Analisis difokuskan terhadap kandungan aspek muzikal berdasarkan lagu-lagu dangdut *hits* (popular) sepanjang zaman, iaitu dengan mengambil beberapa sampel lagu mewakili setiap penyanyi pada setiap era bagi mendapatkan data sebenar kekerapan aspek muzikal (instrumen dan tekstur) yang digarapkan dalam penciptaan sesebuah lagu dangdut. Melalui dapatan ini, kajian dapat menjelaskan ekspresi muzik dangdut yang dihasilkan melalui aplikasi instrumen dan tekstur (kunci nada) sehingga genre ini mudah diterima dan menarik perhatian pendengar dari pelbagai golongan masyarakat.

Kata kunci: ekspresi, budaya, aspek muzikal, dangdut

PENGENALAN

Seni muzik merupakan satu budaya yang dicipta oleh manusia (Abdullah Yusof & Awerman Bidin, 2008). Budaya muzik ini seterusnya berkembang dan turut berevolusi sesuai dengan peristiwa dan pengalaman masyarakat mahupun tuntutan cita rasa dan fitrah manusia. Proses 'akulturasi', iaitu percampuran dua kebudayaan atau lebih yang saling bertemu dan saling mempengaruhi merupakan antara faktor penyumbang perkembangan dan evolusi seni muzik di dunia (Muhammad Takari, 2001). Manakala proses 'difiusi', iaitu penyebaran atau resapan sesuatu bentuk kebudayaan tertentu dalam kebudayaan yang lain kesan daripada pengaruh luar akhirnya akan menyebabkan proses penyesuaian dan penerimaan ini diterima dalam masyarakat itu sendiri (Haviland, Walrath, McBride, & Prins, 2012). Masyarakat Melayu juga tidak terkecuali daripada mengalami proses akulturasi dan difiusi budaya sehingga menjadikan bangsa Melayu kaya dengan elemen budaya, termasuklah seni budaya muziknya yang tersendiri.

Kesan kedatangan pengaruh dari luar rumpun Melayu seperti India, Arab, Cina dan Eropah mahupun dari dalam rumpun Melayu itu sendiri telah mewujudkan suatu interaksi sosiobudaya. Interaksi dan amalan harian sesebuah masyarakat melalui muzik yang dianggap popular pula, memantulkan cerminan ekspresi sesuatu budaya masayarakat (Adil Johan, 2018). Hal ini menjadi sebab yang menyumbang pada kepelbagaian genre muzik di rantau ini (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 2003). Salah satu genre muzik yang terhasil kesan daripada proses akulturasi dan difiusi terutama dalam irama muzik Melayu yang popular dalam kalangan masyarakat sehingga ke abad ini ialah genre muzik dangdut. Menerusi genre ini, dangdut turut memuatkan gambaran budaya, identiti, imej, kelas, status dan pemikiran tersendiri (Weintraub, 2012; Mohd. Khatibul Umam, 2014).

Sejak akhir-akhir ini, terdapat beberapa buah lagu dangdut yang meraih perhatian dan popular di Indonesia termasuk pendengar di Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat menerusi jumlah tontonan irama

dangdut di pautan *YouTube* yang kian meningkat dan mencecah puluhan malah ratusan juta penonton sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia sejak akhir-akhir ini. Fenomena ini lebih jelas lagi dapat dilihat apabila Nella Kharisma (artis dangdut Indonesia) dicatatkan sebagai 10 artis teratas dari Asia Tenggara pada tahun 2019 (*Top 10 artist by youtube Daily views*) yang mendapat perhatian penonton. Malah statistik peningkatan dan penggunaan lagu dangdut dalam pelbagai saluran muzik digital seperti *Joox, Spootify, Tik Tok* dan sebagainya memperlihat sambutan yang hangat dalam kalangan penggemar muzik masa kini terutama di Malaysia dan di Indonesia.



Sumber: https://www.linkedin.com/pulse/music-trigger-cities-focus-southeast-asia-jason-joven/

Selain itu, irama dangdut semakin dianggap berprestij dengan kemunculan program *D'Academy* (khusus nyanyian lagu dangdut) yang telah disiarkan menerusi televisyen Indosiar bermula pada 16 November 2015 (musim pertama) dengan melibatkan pelbagai penyanyi dan juri dari negara Asia seperti Malaysia, Brunei, Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia selaku tuan rumah. Acara ini juga telah menjadi suatu fenomena yang menjadi liputan hangat apabila D'Academy Asia berjaya menjadi program pencarian bakat dengan rating dan share tertinggi, serta meraih anugerah Panasonic Gobel Awards 2016 untuk kategori Pencarian Bakat & Reality Show Terbaik.

Namun begitu, telah banyak persoalan ditimbulkan masyarakat seperti 'mengapa lirik lagu dangdut walaupun mengungkapkan tentang peristiwa kesedihan mahupun masalah sosial tetap mendorong penikmatnya untuk berjoget dan bergoyang?'. Tidak kurang juga kekeliruan dalam kalangan masyarakat seperti kenyataan 'Saya tak faham kenapa mempromosi budaya gelek dan dangdut kepada kanak-kanak' kerana tindakan syarikat Les' Copaque Production memuat naik video muzik 'Goyang Upin & Ipin' telah mencatat lebih 1 juta tontonan hanya 24 jam selepas dimuat naik ke YouTube (Astro Awani, 2020). Tindakan ini dikatakan mempunyai impak negatif dalam kalangan generasi muda sepeti remaja dan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat sisi positif irama muzik dangdut melalui aspek muzikal yang perlu diketahui umum terutama terhadap kesan psikologi muzik kepada pendengar sehingga genre ini mudah diterima oleh pelbagai golongan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, kajian ini berhasrat untuk meneliti dan menjelaskan aspek muzikal yang menjadi latar dalam penghasilan lagu dangdut berdasarkan jenis instrumen, dan tekstur muzikal (tempo dan kunci nada) yang terdapat di Malaysia dan di Indonesia sepanjang zaman. Hal ini perlu dirungkai kerana penyampaian muzik atau dendangan lagu (latar iringan lagu) juga mempunyai kaitan yang rapat dengan gambaran sosial budaya dan pemikiran sesebuah masyarakat (Shepherd, 1991; Norshafawati, 2010; Ab Samad Kechot Rahim Aman & Shahidi, 2017) serta kesan psikologi muzik dalam kehidupan sosial manusia (Juslin & Sloboda, 2001; Becker, 2004; Penman & Becker, 2009).

SEJARAH IRAMA DANGDUT DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Ringkasnya, sejarah menunjukkan konsep irama dangdut berasal dari Indonesia sekitar akhir era 60-an dan awal 70-an (Frederick, 1982; Mona Lohanda, 1983; Ainur Rofieq, 1997; Tan Sooi Beng, 2003; Suryadi, 2013; Derta Arjaya, 2016). Lagu dangdut merupakan "terjemahan irama lagu India" yang mula dimainkan oleh

pemuzik-pemuzik orkes Melayu sekitar 1960-an di negara Indonesia serta berpadu dengan unsur atau elemen muzik India, Timur Tengah, dan Amerika (Weintraub, 2012; Yuwono, 2016).

Lagu dangdut juga merupakan genre muzik yang memiliki evolusi perkembangan dari masa ke semasa dan sentiasa diminati oleh banyak masyarakat (Muttaqin, 2006). Kemudian irama ini berkembang popular di Malaysia pada era 70-an (Pravina Manoharan, Mohd Azam Sulong & Raja Azuan Nahar Raja Adnan, 2009). Perkembangannya di Malaysia ditandai dengan munculnya penyanyi berirama dangdut seperti Sarena Hashim dan M. Daud Kilau sekitar era 1970-an. Kemudian irama ini mula diterima sebagai sebahagian daripada konsep etnik kreatif/irama Malaysia yang dipelopori oleh Datuk Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah) sekitar tahun 90-an menerusi program Anugerah Juara Lagu (Kamarulzaman Mohamed Karim, 2016).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN ASPEK MUZIKAL LAGU DANGDUT MALAYSIA DAN INDONESIA

Dalam penulisan ini, analisis dijalankan dengan kaedah analisis kandungan kualitatif yang diperoleh daripada senarai lagu-lagu dangdut yang terdapat di Malaysia dan di Indonesia bermula era 60-an (Indonesia), 70-an (Malaysia) dan seterusnya era terkini 2000-an. Kajian hanya difokuskan terhadap aspek muzikal berdasarkan lagu-lagu dangdut hits (popular) sepanjang zaman iaitu dengan mengambil beberapa sampel lagu mewakili setiap penyanyi pada setiap era bagi mendapatkan data sebenar kekerapan aspek muzikal (instrumen dan tekstur) yang digarapkan dalam penciptaan sesebuah lagu dangdut. Hal ini bertepatan dengan kaedah kajian bersifat kualitatif iaitu tidak menggunakan data yang banyak, yang penting ialah penjelasan yang padat sudah memadai (Zoltan@ Do_rnyei, 2007).

Analisis dan perbincangan pada bahagian ini akan menghuraikan aspek muzikal yang difokuskan kepada jenis instrumen (alatan muzik) dan tekstur muzik (tempo dan kunci nada) yang terdapat dalam gubahan lagu dangdut Malaysia dan Indonesia sepanjang zaman (era 60-an, 70-an, 80-an, 90-an dan 2000-an.

Instrumen

Dapatan analisis instrumen dalam lagu dangdut Malaysia dan Indonesia berdasarkan era sepanjang zaman dipaparkan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 1: Data Aplikasi Instrumen Lagu Dangdut Berdasarkan Era di Malaysia dan Indonesia

Era	*Malaysia*	*Era*	*Indonesia*
	Instrumen		Instrumen
70-an & 80-an	Drum, Gitar Elektrik, Bass, Mandolin, *Tabla*, Perkusi, Sintetizer, Keybord, Seruling, Biola,	*60-an*	*Tabla*, *Gendang*, bass, gitar akustik, Suling Sitar, Gambus
90-an	Drum, Gitar Elektrik, Bass, Mandolin, *Gendang*, *Tabla*, Perkusi, Sintetizer, Keybord, Seruling, Biola, Alat muzik digital, drum elektrik	*70-an & 80-an*	Drum, Gitar Elektrik, Bass, Mandolin, *Tabla*, Perkusi, Sintetizer, Saxophone, Keybord, Seruling, Biola, Trompet, Obo
		90-an	Alat muzik digital, drum elektrik, Tabla, Perkusi, Gitar Elektrik, Bass, Keybord, Mandolin, *Khendang*, Seruling
			Alat muzik digital, drum elektrik, *Khendang*, Perkusi, Gitar Elektrik, Bass, Keybord, Mandolin, *Tabla*, Seruling
2000-an	*Kendhang*, *Ketipung*, Drum, Gitar Elektrik, Bass, *Tabla*, Perkusi, Sintetizer, Keybord	*2000-an*	*Kendhang*, *Gendang*, *Ketipung*, Drum, Gitar Elektrik, Bass, *Tabla*, Perkusi, Sintetizer, Keybord, Seruling

Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis data instrumen bagi lagu dangdut Malaysia dimulakan pada era 70-an kerana pada era tersebut irama dan lagu dangdut baru dihasilkan. Manakala data instrumen lagu dangdut

di Indonesia dimulakan pada era 60-an sesuai dengan bermulanya era ”proto-dangdut” dengan kemunculan penyanyi seperti Elly Khadam, Munif Bahasuan, dan A.Rafiq (Suryadi, 2013).

Instrumen yang diaplikasikan dalam penghasilan lagu dangdut di Indonesia pada era 60-an didapati menggunakan instrumen seperti tabla, gendang, bass, gitar akustik, suling/seruling, sitar, gambus, mandolin, tamborin, dan akordian. Seiring perkembangan irama muzik dangdut di Indonesia, lagu-lagu yang dihasilkan pada era 70-an telah mengaplikasikan jenis instrumen seperti gitar dan bass elektrik menggantikan gitar dan bass akustik. Selain itu, instrumen akordian pula digantikan dengan *keybord* serta alat muzik tambahan seperti drum akustik, saxophone, trumpet, obo, biola, dan timphani. Perkembangan jenis instrumen yang digunakan dalam lagu-lagu dangdut era 70-an di Indonesia ini juga turut mempengaruhi penghasilan lagu-lagu dangdut di Malaysia pada era 70-an dan 80-an. Ini dapat didengar melalui lagu-lagu seperti *’Kau pergi tanpa pesan’* oleh Sharifah Aini, *’Bersama’* oleh Sarena Hashim, *’Mengapa dikenang’* nyanyian Herman Tino dan *’Cek Mek Molek*’ oleh Dato’ M. Daud Kilau.

Seterusnya pada era 90-an yang dikatakan sebagai revolusi muzik dangdut di Malaysia dan Indonesia telah mula beradaptasi secara drastik dengan unsur-unsur muzik dangdut barat seperti rock, regge dan rap. Ini jelas didengar melalui aplikasi meluas jenis instrumen digital seperti sintetizer, gitar elektrik (bunyi *distortion/ overdrive/fuzz*) yang bersifat garang dan agresif, serta drum elektrik (*digital drum*) dalam lagu-lagu dangdut yang dihasilkan. Bahkan aplikasi jenis muzik tersebut kekal digunakan sehingga era 2000-an di kedua-dua negara. Proses perkembangan terutama dari segi komposisi jenis instrumen yang dalam penghasilan lagu-lagu dangdut jelas menunjukkan berlaku proses akulturasi dan difiusi dalam budaya muzik dangdut yang asalnya merupakan muzik Melayu (Muhammad Takari, 2001).

Walau bagaimanapun, hasil analisis berdasarkan jadual tersebut menunjukkan pengunaan instrumen Tabla dan gendang/khendang (alat muzik khusus) tetap hadir pada setiap penghasilan lagu-lagu dangdut di kedua-dua negara sepanjang zaman. Khendang adalah merupakan adaptasi daripada instrumen tabla yang berasal dari India (Suseno, 2005). Menurut Weintraub, (2013) dan Denis Setiaji, (2019), pengkhususan bunyi rentak chalte dan koplo yang dihasilkan menerusi paluan atau ketukan instrumen tabla atau khendang (gendang ketipung) merupakan pola permainan irama asas dalam lagu dangdut di nusantara. Simatupang (1996) pula berpendapat, istilah itu dangdut sendiri dikeluarkan dari bunyi sepasang gendang kecil yang dimainkan khusus untuk muzik dangdut. Manakala Djuanda (1998) menegaskan bahawa, istilah dangdut dihasilkan dari peniruan bunyi perkusi gendang (*Onomatopoiea*) yang memiliki bunyi *”ta-dunk-dunk*” = *’Dang’*, dan bunyi *’doot’* = Dut.

Terdapat kajian menjelaskan bahawa ciri khas instrumen gendang tabla menghasilkan bunyi ’nduut’ berupaya memberikan kesan psikologi, meningkatkan daya tarikan erotik, dan menyenangkan irama muzik itu sendiri (Setiawan, 2019). Bunyi ketukan yang dihasilkan oleh gendang ’tabla’ mahupun ’khendang’ juga mampu menstimulasikan rasa gembira dan rangsangan bersemangat apabila dimainkan (Nugroho & Hastjarjo, 2017). Kajian juga mendapati pendengar muzik yang berasal dari India cenderung mengesan bunyi bersifat ’damai’ (*peacesfullness*) dan sifat kegembiraan (*Happyness*) yang terhasil dari irama India (Balkwill and Thompson, 1999; William Forde Balkwill et al., 2004; Fritz et al., 2009; Laukka et al., 2013). Bunyi yang dihasilkan ini adalah melalui beberapa instrumen muzik India seperti gabungan tabla dan sitar seperti dalam permainan muzik karnatik. Ini bermakna, kecenderungan ekpresi spontan dari rangsangan irama yang bersifat gembira dalam irama muzik dangdut sehingga mendorong untuk berjoget atau menggerakkan tubuh badan seperti bergoyang adalah suatu bentuk apresiasi terhadap seni muzik tersebut (Widiyo, 2004).

Tekstur (Tempo dan Kunci Nada)

Dapatan analisis tekstur muzikal berdasarkan tempo dan kunci nada dalam lagu dangdut Malaysia dan Indonesia berdasarkan era sepanjang zaman dipaparkan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 2: Data Tekstur Muzikal (tempo dan kunci Nada) Lagu Dangdut Berdasarkan Era Di Malaysia dan Indonesia.

Malaysia				*Indonesia*			
	Tekstur				Tekstur		
Era	**Tempo**	**bpm**	**Kunci Nada**	*Era*	**Tempo**	**bpm**	**Kunci Nada**
70-an & 80-an	Vivace	155	Minor	*60-an*	Allegro	135	Major
	Vivace	155	Minor		Prestissimo	205	Major
	Assai	145	Minor		Vivace	180	Minor
	Vivace	165	Minor		Maestoso	90	Minor
	Assai	140	Minor		Allegro	135	Minor
	Moderato	100	Minor		Animato	120	Minor
	Assai	140	Minor	*70-an & 80-an*	Vivace	165	Minor
	Vivace	168	Minor		Prestissimo	190	Minor
	Allegreto	105	Minor		Presto	185	Minor
	Allegro	135	Minor		Animato	115	Minor
					Vivace	160	Major
					Allegro	130	Minor
90-an	Allegro	130	Minor	*90-an*	Vivace	155	Minor
	Vivace	155	Minor		Assai	140	Major
	Vivace	160	Minor		Assai	145	Major
	Presto	185	Minor		Presto	180	Minor
	Animato	125	Minor		Animato	120	Minor
	Allegro	135	Minor		Animato	120	Minor
	Presto	185	Minor		Animato	125	Minor
	Vivace	155	Minor		Animato	125	Minor
	Vivace	170	Minor				
	Assai	150	Minor				
	Vivace	165	Minor				
2000-an	Vivace	160	Minor	*2000-an*	Vivace	170	Minor
	Assai	140	Minor		Vivace	165	Minor
	Allegro	130	Minor		Allegro	130	Minor
	Allegro	130	Minor		Allegro	130	Minor
	Assai	150	Minor		Vivace	165	Minor
					Assai	145	Minor

Dari segi tekstur muzikal dangdut Malaysia dan Indonesia pada setiap era yang dipaparkan jelas menunjukkan dominasi ekspresi tempo yang cepat/pantas digunakan pada era bermulanya irama lagu berentak dangdut (60-an) hingga pada era 2000an. Perkara ini bertepatan dengan kecenderungan tempo cepat yang sering digunakan dalam penghasilan lagu-lagu dangdut khususnya pada jenis kategori dangdut koplo (Weintraub, 2013; Rasita, 2017). Dalam istilah muzikal, lagu yang mempunyai tempo cepat akan dinyanyikan dengan ekspresi gembira dan bersemangat. Lagu yang mempunyai tempo sedang cepat adalah lebih bersifat gembira dan megah (Kamien, 1992). Kesan dari aplikasi tempo terhadap lagu juga sebenarnya mampu memberi aura rangsangan atau keghairahan kepada pendengar berdasarkan kelajuan dan kelambatan sesebuah lagu (Thompson et al., 2001). Justeru itu, peranan tempo sangat penting bagi menghidupkan suasana emosi dan aura (sedih, gembira, semangat) tertentu dalam sesebuah lagu.

Berdasarkan paparan Jadual 2 juga, unsur kunci nada *'minor'* dilihat mendominasi suasana latar (*mood*) dalam kebanyakan penciptaan lagu-lagu dangdut yang dihasilkan berbanding penggunaan kunci nada *'major'* bagi kedua-dua negara. Sifat kunci nada diterjemahkan dengan perasaan duka dan bersifat melankolik diwakili *'minor*', manakala perasaan gembira dan bahagia diwakili *'major'* (Schoen, 1940; Lundin, 1967; Thompson, Schellenber; Husain, 2001).

Hasil penelitian menunjukkan kecenderungan tempo cepat (seperti dalam Jadual 2) digabungkan bersama kunci nada *'minor'* (*fast tempo in minor scale*) dalam penghasilan lagu dangdut memperlihat karekter khusus dalam budaya muzik irama dangdut yang dihasilkan. Dalam konteks muzikal, tempo cepat mampu membangkitkan emosi positif, keterujaan, rasa bahagia dan gembira. Sebaliknya tempo yang lambat melahirkan emosi negatif, kesedihan, tekanan perasaan (Peretz et al., 1998; Balkwill & Thompson, 1999; Juslin & Sloboda, 2001). Terdapat kajian menjelaskan bahawa manipulasi tempo terhadap skala nada (kunci nada)

mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perubahan rangsangan (*arousal*) dan suasana (*mood*) sesebuah lagu mahupun kesan emosi terhadap pendengar (Gabrielsson, Thompson, & Schellenberg, 2002). Ini bermakna penggunaan aplikasi tempo yang laju dalam penghasilan lagu dangdut lebih cenderung menghasilkan kesan emosi positif seperti rasa gembira, ingin menari/bergoyang dan mudah diterima oleh pendengar walaupun menggunakan kunci nada *'minor'* (sedih/melankolik).

Hal ini penting untuk ketahui kerana terdapat kesan atau makna tambahan (ekstra muzikal) yang membantu membawa kepada interaksi kognitif pendengar di luar konteks muzik seperti gambaran pemikiran, tindakan, dan emosi (Juslin & Sloboda, 2001; Kivy, 2002; Patel, 2008; Koelsch, 2012). Dalam konteks ini, tindak balas kognitif melalui keadaan emosi positif diterjemahkan dengan penerimaan lagu dangdut dari pelbagai golongan masyarakat termasuk kanak-kanak. Perkara ini senada dengan pendapat Suls dan Martin (2005) bahawa perubahan emosi adalah berdasarkan tingkahlaku yang ditunjukkan seseorang melalui ransangan yang diterima. Rangsangan dari budaya muzik dangdut (menghasilkan kognitif positif) inilah yang menyebabkan irama ini mudah diterima dan menepati citarasa pelbagai golongan masyarakat sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia. Justeru itu, pendedahan terhadap pelbagai tekstur muzik dapat menerangkan kesan terhadap perubahan keadaan emosi, dan kesan umum bagi menterjemahkan sesuatu budaya (Schellenberg et al., 2007).

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian aspek muzikal dangdut, dapat disimpulkan bahawa ekspresi yang terhasil dari komposisi instrumen serta hubungan tekstur melibatkan tempo dan kunci nada dalam penghasilan lagu dangdut menterjemahkan ekpresi budaya muzik itu sendiri. Ini menjelaskan mengapa kisah atau peristiwa sama ada sedih dan gembira yang diungkapkan menerusi lirik lagu dangdut tetap mendorong untuk pendengar berjoget atau bergoyang. Pengkhususan jenis instrumen seperti gendang tabla atau khendang dan sifat tekstur muzikal seperti tempo cepat (bersemangat, bermotivasi dan gembira) yang memanipulasi kunci nada minor mewujudkan suatu ekspresi muzik yang mampu memberi rangsangan positif kepada pendengarnya. Ini menunjukkan alunan dan irama muzik yang menyaluti lagu dangdut juga mampu merangsang gerak tubuh untuk berjoget/bergoyang kerana iramanya yang ringan dan mampu memberi motivasi serta semangat kepada pendengar dalam aktiviti harian (Benny Arya Ferdiyanto & M. Muttaqin, 2017). Selain itu, kesan ekspresi muzik dangdut tersebut menyebabkannya mudah disenangi dan menjadi tarikan kepada pendengar mahupun pelbagai golongan masyarakat sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia.

RUJUKAN

Abdullah Yusof & Awerman Bidin, (2008). Perkembangan seni muzik dalam peradaban Islam di nusantara. *Journal of Al-Tamaddun, 3*(1), 48-67.

Balkwill, L. L., Thompson, W. F. (1999). A cross-cultural investigation of the perception of emotion in music: Psychophysical and cultural cues. *Journal Music Percept. 17,* 43–64. Doi 10.2307/40285811.

Balkwill, L. L., Thompson W. F., Matsunaga R. I. E. (2004). Recognition of emotion in Japanese, western, and Hindustani music by Japanese listeners. *Journal Japanese Psychological Research, 46*(1), 337–349.

Becker, J. (2004). *Deep listeners: Music, emotion, and trancing.* Bloomington, IN: Indiana University Press.

Fritz T., Jentschke S., Gosselin N., Sammler D., Peretz I., Turner R., et al. (2009). Universal recognition of three basic emotions in music. *Current Biology. 19*(7), 573–576. DOI: 10.1016/j.cub.2009.02.058.

Gabrielsson, A., Thompson, W. F. & Schellenberg, E. G. (2002). Effects of musical tempo and mode on arousal, mood, and spatial abilities. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal, 20*(2), 151-171.

Haviland, W. A., Walrath, D., McBride, B., & Prins, H. (2012). *The essence of anthropology* (3rd ed.). CENGAGE Learning Custom Publishing.

Juslin, P. N., & Sloboda, J. A. (Eds.). (2001). *Music and emotion: Theory and research*. Oxford: Oxford University Press.

Kamien, R. (1992). *Music: An appreciation*. (5th ed.). United States of America: Mc Graw-Hill, Inc.

Laukka P. (2004). Instrumental music teachers' views on expressivity: A report from music conservatories. *Journal Music Educ. Res. 6*, 45–56.

Matusky P. & Tan S. B. (2012), Muzik Malaysia: Tradisi klasik, rakyat dan sinkretik. Kuala Lumpur.

Muhammad Takari. (2001). Akulturasi kebudayaan musikal dalam seni pertunjukan dangdut. *Selonding: Jurnal Masyarakat Etnomusikologi Indonesia, 1*(1),103-118.

Nugroho D.A, & Hastjarjo, D.T. (2017) The effects of Bayan Tabla Timbre on stimulus discrimination and perception of music emotion in a Dangdut music fans, Neutral, and Haters Group. *Journal Psychiatry, 20*(3), 1-7.

Penman, J. & Becker, J. (2009). Religious ecstatics "Deep listeners" and musical emotion. *Empirical Musicology Review, 4*(2), 49-70.

Peretz I., Gagnon L., & Bouchard B. (1998). Music and emotion: perceptual determinants, immediacy, and isolation after brain damage. *Journal Cognition, 68,* 111–141.

Riyonto. (1992). Pembentangan kertas kerja Seminar Sehari Seni Orkes Melayu Jawa, Tengah Semarang: IKIP MGRI Semarang dan Hisomi MKGR Kodya Dati Semarang, Jawa Tengah. Indonesia.

Suryadi. (2013). Sejarah dangdut: Sebuah sejarah musikal dan sosial dari musik paling populer di Indonesia. *Journal of Arts Discourse, 12*(1) 133-140

Thompson, W. F., Schellenberg, E. G., & Husain, G. (2001). Arousal, mood, and the Mozart effect. *Journal Psychological Science, 12*, 248–251.

Widiyo. (2004). Musik Dangdut di kalangan remaja Kota Semarang. *Jurnal of Arts Reasearch and Education, 5*(3), 1-12.

PENUNGGANG AGAMA: WAJARKAH DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI FILEM ISLAM?

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
adiamzar@usim.edu.my

ABSTRAK

Kebejatan masalah sosial dan ketidakfahaman masyarakat terhadap konsep beragama, khususnya di Malaysia telah mendorong golongan pengkarya dan penerbit filem untuk menghasilkan filem yang berunsurkan Islam. Hal ini dapat dilihat dengan penghasilan banyak filem yang berunsurkan Islam seperti *Munafik 1*, *Munafik 2*, termasuklah *Penunggang Agama* yang disiarkan menerusi saluran berbayar Astro First. Dari satu sudut, kehadiran genre filem ini yang keluar daripada kerangka biasa dalam lapangan industri hiburan dapat 'menyelamatkan' kedudukan filem lain di Malaysia yang kebiasaanya hanya bersifat stereotaip dan paling utama dapat menyebarkan dakwah Islam melalui medium filem yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, penghasilan filem tersebut menimbulkan sedikit kekeliruan pada penjenamaannya yang disandarkan pada filem Islam. Umum mengetahui penyandaran pada sifat Islam mestilah dipasakkan pada nilai dan fundamental yang berteraskan akidah, syariat dan akhlak. Oleh itu, kajian ini ingin berfokus pada filem *Penunggang Agama* arahan Syafiq Yusof sebagai sampel utama serta melihat ketepatan pengklasifikasian filem *Penunggang Agama* sebagai filem seram Islamik seperti yang dikatakan oleh pengarah filem tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini akan merungkai persoalan tersebut menerusi analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa *Penunggang Agama* merupakan naskhah filem yang masih belum menepati konsep filem Islam yang sebenar apabila terdapat beberapa isu yang kontradik dengan fundamental Islam. Perkara ini terlihat dari aspek pensyariatan dan hukum hakam Islam seperti percampuran antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim serta aspek akidah Islamiah yang melibatkan pernyataan yang boleh melorongkan pada perbuatan syirik kepada Allah SWT. Secara keseluruhannya, kesedaran untuk berdakwah menerusi penghasilan filem sahaja tidak memadai tetapi mestilah mengikut kerangka fundamental Islam yang telah ditetapkan.

Kata kunci: *Penunggang Agama*, filem, Islam

PENGENALAN

Fenomena filem yang berunsurkan Islam sejak akhir-akhir ini, khususnya di Malaysia mahupun di negara seberang sedang hangat diperkatakan oleh masyarakat. Lambakan penerbitan filem berunsurkan Islam dari negara seberang tersebut seperti contoh *Ayat-Ayat Cinta, Ketika Cinta Bertasbih, Ketika Cinta Bertasbih 2, Makmum* dan lain-lain lagi secara realitinya menjadi faktor penarik kepada pembikin filem di Malaysia untuk menghasilkan filem dalam genre Islam atau berunsurkan Islam. Satu contoh yang boleh dilihat ialah menerusi penghasilan filem *Munafik* yang diarahkan oleh Syamsul Yusof pada tahun 2016 apabila filem tersebut meraih sambutan yang cukup menggalakkan daripada masyarakat apabila berjaya meraih kutipan tiket keseluruhannya sebanyak RM 17.04 juta (Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah & Wan Yusnee Abdullah, 2017). Ini mungkin didorong oleh mesej dakwah yang sarat terdapat dalam filem tersebut yang berjaya menarik perhatian masyarakat untuk menonton. Menurut Muhammad Muhaimin dan Rosmawati (2018), mesej dakwah sangat jelas terdapat dalam filem yang bergenre seram tersebut yang mengetengahkan tema akidah, syariat dan akhlak di samping mempunyai kritikan sosial yang mantap.

Lanjutan daripada itu, usaha yang dimulakan oleh Syamsul Yusof itu diteruskan pembikinannya menerusi *Munafik 2* pada 2017 dan seterusnya ditayangkan pada 2018. Hasil yang diterima adalah sangat membanggakan apabila berjaya memperolehi kutipan pecah panggung dan juga box office sebanyak RM 37.78 juta. Kejayaan yang diperolehi oleh Syamsul Yusof dalam pembikinan filem bergenre seram ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi adik beliau iaitu Syafiq Yusof yang juga seorang pengarah muda yang berbakat

besar untuk turut berkarya dalam penghasilan filem yang bergenre seram. Hasilnya pada April 2021, sebuah naskhah filem yang diberi judul sebagai *Penunggang Agama* berjaya ditayangkan di saluran Astro First selepas penutupan pawagam seluruh negara disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak Mac 2020. Karya hebat ini dihasilkan oleh Syafiq yang diterbitkan secara bersama oleh Skop Production Sdn Bhd dan juga Astro Shaw. Menurut Syafiq dalam video '*Di Sebalik Tabir'* pembikinan filem ini, beliau menyatakan bahawa beliau telah memilih tema filem *horror* Islamik untuk diketengahkan dalam filem *Penunggang Agama*. Manakala nada yang sama juga disuarakan oleh penerbit filem ini, iaitu Datuk Dr Yusof Haslam dalam *'Di Sebalik Tabir'* yang menyatakan bahawa ini merupakan satu keberanian yang cuba dibawa oleh Syafiq untuk berkarya ke satu genre yang lain daripada yang pernah diarah oleh beliau sebelum ini iaitu genre seram tapi Islamik.

Berdasarkan kenyataan dua orang watak penting dalam pembikinan filem ini, mereka menyifatkan bahawa *Penunggang Agama* merupakan naskhah filem yang bertemakan seram Islamik atau bahasa mudahnya adalah filem Islam. Persoalannya, adakah dakwaan dan tanggapan yang dikemukakan mereka berdua itu terhadap filem *Penunggang Agama* yang kononnya bersifat Islam merupakan satu penarafan yang tepat dan betul? Adakah mereka yakin seratus peratus filem bikinan mereka wajar diklasifikasikan sebagai filem Islam? Jika betul-betul yakin, apakah skema dan pemberat yang digunakan untuk menyatakan ia sebagai sebuah filem Islam? Menurut Naim Ahmad (2011), filem Islam boleh ditakrifkan sebagai sebuah hasil seni berbentuk 'produk halal' yang dihasilkan dengan nama Allah melalui proses pra penerbitan, penerbitan dan pasca penerbitan dengan pengisian dan garapan bersandarkan kepada kod etika dan nilai Islam sehinggalah kepada proses edaran, tayangan dan tontonan khalayak yang bertujuan menerapkan nilai murni, menyebarluaskan dakwah Islamiah dan menegakkan amar maaruf nahi mungkar. Manakala definisi filem Islam yang diberikan oleh Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail (2001) pula menyatakan filem Islam ialah filem yang menemukan kefahaman Islam dengan Allah, alam semesta, kehidupan dan manusia sebagai pertemuan yang menyeluruh dan sebahagiannya yang hanya terhad kepada sifat-sifat keislamnnya. Justeru, berdasarkan takrifan filem Islam ini, adakah filem *Penunggang Agama* memenuhi kelayakan tersebut? Justeru, bagi menjawab persoalan ini, makalah ini akan merungkaikan secara akademik dan ilmiah berkenaan status sebenar filem ini sama ada wajar diklasifikasikan sebagai filem Islam ataupun sebaliknya dengan menggunakan dua kerangka atau aspek analisis, iaitu aspek akidah Islam dan syariat Islam.

SINOPSIS FILEM

Secara keseluruhannya, filem ini lebih cenderung kepada genre seram dengan mengisahkan mengenai kehidupan sebuah keluarga kaya iaitu Datuk Hafsyam (lakonan Datuk Jalaluddin Hassan) dan isteri beliau iaitu Datin Maria (lakonan Sabrina Ali) yang mendiami kediaman mewah di Cameron Highlands. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan dan juga hartanah yang berpengaruh di Cameron Highlands dan sangat dikenali oleh penduduk di kawasan itu. Turut mendiami bersama mereka berdua adalah anak beliau iaitu Amir (lakonan Zul Arifin), Anna, isteri Amir (lakonan Azira Shafinaz) dan juga anak mereka berdua iaitu Sara (lakonan Putri Qaseh Izwandy). Konflik penceritaan filem ini bermula apabila Datin Maria sering kali diganggu oleh makhlus halus yang menyebabkan Datuk Hafsyam terpaksa meminta bantuan rawatan ruqyah Islam daripada Tok Aji (lakonan Nasir Bilal Khan) dan isteri beliau, Puan Huda (lakonan Salina Saibi). Masalah semakin rumit apabila Amir dan isterinya mengesyaki sesuatu yang tidak kena terhadap rawatan ruqyah Islam yang diberikan oleh Tok Aji untuk merawat ibu tirinya sehinggalah berlakunya perselisihan faham antara beliau dengan bapanya yang menyebabkan beliau dan keluarganya dihalau daripada rumah. Pada masa yang sama, Datuk Hafsyam semakin menaruh kepercayaan yang tinggi kepada Tok Aji untuk memulihkan keadaan isterinya sehinggalah terbongkar amalan penyelewengan dan khurafat yang dilakukan Tok Aji melalui percubaan untuk merogol Datin Maria yang kemudiannya dapat diselamatkan oleh Amir dan Anna. Kemuncak kepada penceritaan ini adalah ketika mana Datuk Imran yang juga merupakan sahabat kepada Datuk Hafsyam telah mati ditikam oleh Tok Aji dalam satu upacara pemujaan syaitan dan juga Tok Aji telah mati ditikam oleh beliau sendiri dalam upacara pemujaan yang sama. Peleraian kepada filem ini telah membawa kepada episod kebahagiaan baru dalam keluarga Datuk Hafsyam apabila isteri beliau telah pulih daripada gangguan makhlus halus yang sebenarnya berpunca daripada santau yang dihantar sendiri oleh sahabat baiknya, Datuk Draman yang iri hati dan ingin membolot kemewahan rakannya sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara paksinya menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhannya dan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Untuk peringkat pengumpulan data, pengkaji telah memilih filem *Penunggang Agama* yang diterbitkan oleh Astro Shaw dan Skop Production Sdn. Bhd serta ditayangkan menerusi Astro First sebagai sumber primer data dengan melaksanakan dua fasa penontonan secara berturutan. Untuk fasa pertama, pengkaji telah menonton filem ini secara menyeluruh untuk mendapatkan gambaran dan aliran cerita ini daripada peringkat permulaan, perkembangan, kemuncak sehinggalah kepada peleraian cerita ini berakhir. Untuk fasa kedua, pengkaji telah menonton sekali lagi tetapi tidak secara berturutan dan lebih kepada untuk proses pengekodan data-data penting untuk dianalisis. Seterusnya untuk peringkat penganalisisan data, pengkaji telah menggunakan kaedah tematik dengan menggariskan dua aspek penting yang menjadi neraca penilaian keabsahan untuk menentukan filem *Penunggang Agama* sama ada wajar diklasifikasikan sebagai filem Islam atau sebaliknya. Kedua-dua aspek itu ialah aspek syariat Islam dan aspek akidah Islam. Menerusi peringkat analisis ini, proses pengekodan babak penceritaan dalam filem ini telah dilabel dengan label A yang merujuk kepada Akidah dan label B yang merujuk kepada Syariat. Untuk pengekodan data, ada diselitkan bersama bagi setiap A dan B iaitu masa perjalanan babak tersebut bersama gambar. Butiran pengekodan secara keseluruhannya adalah A1 hingga A8 serta B1 hingga B7. Tujuan penegekodan data ini adalah untuk memudahkan proses penganalisisan data dan juga perbincangan secara komprehensif mengenai babak-babak dalam filem *Penunggang Agama*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Untuk bahagian dapatan kajian ini, perbincangan akan cuba membahaskan secara terperinci dan menyeluruh berkenaan sebab dan alasan mengapa filem *Penunggang Agama* tidak wajar diklasifikasikan sebagai filem Islam walaupun pengarah filem ini iaitu Saudara Syafiq Yusof menyifatkan ia sebagai sebuah filem yang bertemakan *horror* Islamik. Juga, analisis kajian yang bakal diperjelaskan pada perbincangan seterusnya juga ingin menafikan secara ilmiah berkenaan kenyataan Datuk Dr Yusof Haslam selaku penerbit filem ini yang memuji keberanian pengarah filem iaitu Syafiq Yusof untuk mencuba kepada satu genre filem yang belum pernah diarahkan oleh beliau sebelum ini iaitu genre seram tapi Islamik. Bagi melancarkan perbahasan dan perbincangan, pengkaji telah memutuskan untuk melihat daripada dua aspek atau fundamental Islam yang paling asas sebagai neraca penilaian iaitu daripada aspek syariat Islam dan akidah Islam. Ini berikutan kedua-dua aspek ini merupakan aspek yang saling melengkapi dalam pembinaan manhaj Islam yang syumul disamping aspek akhlak Islam yang menjadi pelengkap kepada kedua-dua aspek tersebut. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 82 dan juga surah al-Hasyr ayat 7 yang bermaksud:

> Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah dan petunjuk (al-An'am:82)
>
> Apa yang Rasul berikan kepada kalian, terimalah. Apa yang dia larang atas kalian, tinggalkanlah. Bertakwalah kalian kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya (al-Hasyr:7)

Oleh itu, perbincangan pada analisis berikutnya akan melihat secara mendalam mengenai aspek akidah yang secara jelasnya masih banyak kelompongan dan kelemahan yang perlu diperbaik dalam naratif filem ini.

Aspek Akidah Islam: Dialog dalam filem yang bersifat ambiguiti dan pemujaan selain Allah SWT

Dalam perbincangan aspek pertama ini, iaitu yang menyentuh berkenaan aspek akidah Islam, ia merupakan perbahasan yang sangat bersifat asas dan tunjang dalam memutuskan atau memberikan penilaian yang sewajarnya kepada filem *Penunggang Agama*. Hal yang demikian ini kerana akidah Islam yang dipasakkan

dalam diri seseorang manusia itu adalah manifestasi daripada keimanan dan kepercayaan kepada rukun Iman dan rukun Islam yang merupakan sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng dan bersahaja. Jika pengaplikasian konsep akidah Islam ini tidak dipraktikkan secara berhati-hati dalam filem ini, dikhuatiri akan membawa implikasi yang besar terhadap pegangan akidah para pelakon tersebut. Secara keseluruhannya, setelah diteliti menerusi pemerhatian yang mendalam, terdapat lapan babak penceritaan dalam filem ini yang mengandungi dialog-dialog yang bersifat ambiguiti dalam aspek akidah dan bernada seolah-olah memuja kuasa selain daripada Allah SWT. Ia dapat dilihat seperti berikut :

A1 : Minit 44:44

A2 : Minit 1:10:16

A3 : Minit 1:11:35

A4 : Minit 1:12:14

A5 : Minit 1:12:24

A6 : Minit 1:12:29

A7 : Minit 1:19:48

A8 : Minit 1:21:49

Secara naratifnya, jika ingin dilihat daripada pemerian dialog di atas, kesemuanya mengandungi maksud yang bercanggah dan menyeleweng dengan prinsip akidah Islam, iaitu mempunyai unsur syirik dan pemujaan selain daripada Allah SWT. Ini dapat dilihat menerusi A1 pada minit ke 44 di mana Tok Aji lakonan Nasir Bilal Khan telah menyatakan kepuasan hatinya dengan berkata *"telah aku sahut perintahmu, ya Iblis"* apabila telah berjaya memperdayakan Dato Hafsyam dan Datin Maria dengan memberikan tangkal, kuih dan air minuman sebagai alat untuk menyesatkan mereka. Selain itu, dialog pemerian berkenaan dengan pemujaan terhadap Iblis adalah menerusi A2, A3, A4, A6, A7 dan A8 pada minit ke 1:10:16, 1:11:35, 1:12:14, 1:12:29, 1:19:48 dan 1:21:49 di mana Tok Aji telah berkata *"Kau percaya bahawa Iblis akan bantu kau? Aku percaya", "Sahut seruanku ya Iblis, ya Iblis, sahut seruanku! Sahut seruanku, ya Iblis! Sahut seruanku!", "Kau sudah berjanji yang kau akan tolong aku apabila aku dalam kesusahan", "Aku tersepit, aku mohon bantuanmu",*

"Hai Iblis, aku sanggup ikut apa-apa saja perintah kau", dan "Hilangkanlah kesakitan ini, ya Iblis, tunaikan janji kau, kembalikan nyawa aku". Keseluruhannya, enam dialog ini disebut oleh Tok Aji berkisar mengenai tipu daya yang telah dilakukan oleh beliau terhadap rakannya Datuk Imran dengan melakukan pembunuhan yang kejam ke atas beliau semata-mata untuk mendapatkan darah untuk dijadikan santapan Iblis. Kemudian giliran beliau pula diperdayakan oleh Iblis apabila Iblis telah merasuk Puan Huda lalu jelmaan Iblis dalam diri Puan Huda tersebut telah mengarahkan Tok Aji untuk menikam dirinya sendiri dan akhirnya beliau telah menemui ajal di situ. Dialog pemerian Iblis jelmaan Puan Huda pula boleh dilihat menerusi A5 pada minit ke 1:12:24 dengan berkata *"Hidup senang kau ialah ihsan daripada aku"*. Kata-kata ini merupakan manifestasi atas kesombongan Iblis atas kejayaannya memperdayakan Tok Aji dan Puan Huda dalam mengikut segala arahan dan kemahuannya.

Secara ironinya, jika dinilai secara kasar daripada dialog-dialog yang diperkatakan oleh Tok Aji lakonan Nasir Bilal Khan dan juga Puan Huda lakonan Salina Saibi, boleh dikatakan dialog-dialog tersebut mempunyai pemaknaan yang tersendiri yang membawa kepada interpretasi pemujaan dan memohon pertolongan selain daripada Allah SWT iaitu kepada Iblis laknatullah. Walaupun pada hakikatnya ia dibawa dalam ruang lingkup lakonan semata-mata, tapi sebaiknya dialog-dialog yang mempunyai ambiguti dan kekaburan makna perlulah dielakkan apatah lagi ayat dan perkataan yang diucapkan itu mengandungi makna yang membawa kepada pemujaan dan memohon pertolongan selain daripada Allah SWT. Secara asasnya, menurut Naim Ahmad (2011), terdapat klausa dalam garis panduan penapisan filem yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 2010 pada bahagian 2.3 Sosiobudaya yang menyatakan bahawa filem yang bertemakan cerita hantu yang menyeramkan dan juga yang memaparkan cara pemujaan dan kelakuan pelik dan ganas terhadap manusia perlulah diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat. Jika diteliti dalam filem *Penunggang Agama*, dialog-dialog pemerian seperti yang dikemukan sebelum ini mengandungi makna yang agak melampaui daripada batas akidah walaupun realitinya ia hanya sekadar lakonan. Pada hemat pengkaji, dialog-dialog sedemikian sebaiknya perlulah dielakkan bagi mengurangkan babak-babak yang berkaitan dengan pemujaan Iblis, hantu dan sebagainya. Ini penting bagi merasionalkan semula watak-watak antagonis supaya lebih mematuhi batasan-batasan akidah yang ditetapkan oleh Islam dan mengelakkan daripada tergelincir dari akidah Islam secara tidak sedar.

Selain itu, terdapat juga klausa dalam garis panduan penapisan filem tersebut dengan merujuk pada bahagian 2.3 Sosiobudaya yang menyatakan bahawa perbuatan memuliakan atau mendewakan pemujaan kuasa hantu tanpa balasan buruk sehingga tamat cerita perlulah diteliti dan disemak dengan sebaik-baiknya oleh pembikin sesuatu filem (Naim Ahmad, 2011). Dalam filem *Penunggang Agama*, watak jahat yang ironinya didokong oleh Tok Aji, Datuk Imran dan Puan Huda gagal diselesaikan dengan baik. Ini dapat dilihat secara jelas dalam filem ini bahawa hanya watak Tok Aji dan Datuk Imran yang berjaya ditamatkan dengan cara pembunuhan kejam yang dilakukan oleh Tok Aji ke atas Datuk Imran dan kemudiannya Tok Aji sendiri yang menikam dirinya akibat terpedaya dengan hasutan Iblis jelmaan Puan Huda. Manakala, watak Puan Huda gagal diselesaikan dengan baik dalam filem ini kerana tiada babak pada penghujung filem ini yang menyingkap berkenaan kesudahan yang terjadi pada beliau. Yang hanya dipaparkan adalah kekesalan beliau terhadap kesilapannya yang menyuruh suaminya membunuh diri sendiri dan seterusnya dipaparkan tentang dendam beliau terhadap Amir dan Anna dengan mengoyakkan gambar mereka berdua dan kemudiannya diakhiri dengan jeritan dan laungan beliau yang berlatarbelakangkan api yang sangat marak. Jadi kesudahan yang boleh dilihat adalah tiadanya pengakhiran yang sesuai untuk menggambarkan situasi Puan Huda sama ada dia bertaubat ataupun diakhiri hayatnya dengan balasan yang buruk. Justeru, dapat dilihat situasi penceritaan dalam filem ini sedikit tergantung kerana watak jahat tidak berjaya diselesaikan dengan baik oleh pengarah filem dan ini sedikit sebanyak akan menimbulkan tanda tanya kepada penonton berkenaan hala tuju penceritaan ini dalam mendokong amalan pemujaan terhadap Iblis mahupun hantu.

Aspek Syariat Islam: Percampuran antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim

Aspek seterusnya yang diperhalusi selepas akidah Islam adalah berkaitan dengan aspek syariat Islam yang merupakan tunjang dan fundamental yang cukup penting dalam membentuk kerangka Islam yang syumul. Pemerian tentang kepentingan syariat yang tersirat dalamnya berkenaan hukum hakam dan peraturan kehidupan yang bersumberkan Islam telah difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud:

Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmatKu dan telah Ku redhai Islam sebagai agamamu

Merujuk aspek syariat yang ingin diketengahkan dalam analisis filem ini, ia akan merujuk satu isu yang sangat jelas bersalahan dan kontradik dengan hukum hakam Islam, iaitu percampuran antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim atau bukan daripada pasangan yang syarii. Melalui pengamatan pengkaji, terdapat 7 babak secara keseluruhannya yang terdapat dalam filem ini yang memaparkan secara sengaja berkenaan percampuran antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim. Bukti terperinci dapat dilihat seperti perincian di bawah:

B1 : Minit 5:30

B2 : Minit 47:51

B3 : Minit 48:10

B4 : Minit 57:42

B5 : Minit 1:07:38

B6 : Minit 1:23:02

B7 : Minit 1:04:12

Secara keseluruhannya, dapat dilihat dengan jelas dan terang dalam ketujuh-tujuh babak seperti di atas ini bahawa wujud percampuran antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim atau percampuran yang tidak syarii. Ini dapat dilihat menerusi B1 pada minit ke 5:30 di mana watak Amir yang dilakonkan oleh Zul Arifin terang-terangan bersalaman dan menyentuh tangan Datin Maria walaupun konon-kononya ingin menunjukkan rasa hormat kepada ibu tirinya itu. Seterusnya, babak pencampuran yang lain dapat dilihat pada B2 pada minit ke 47:51 ketika Datin Maria sedang mengamuk akibat dirasuk Iblis pada malam hari seterusnya telah mencekik tengkuk anak tirinya Amir. Babak seterusnya, iaitu B3 pada minit ke 48:10 juga memperlihatkan percampuran yang jelas dan nyata apabila Datuk Hafsyam memeluk isterinya bagi menenangkannya selepas sedar daripada dirasuk Iblis. Kemudian pada babak B4 pada minit 57:42 menonjolkan perwatakan Tok Aji yang menyentuh dahi Datin Maria untuk menenangkannya selepas mengamuk susulan tindakan Amir yang membaca ayat Kursi untuk melindungi ayahnya daripada termakan hasutan dan tipu daya Tok Aji. Pada babak B5 pula pada minit ke 1:07:38, kelihatan Tok Aji mengamuk dan memukul Puan Huda selepas rancangannya untuk merogol Datin Maria tidak kesampaian. Ini adalah kerana beliau terlebih dahulu telah melaporkan kegiatan dan niat Tok Aji itu kepada Amir dan Anna yang seterusnya telah membawa mereka berdua ke rumah

Tok Aji dan sekaligus telah menyebabkan kegiatan penyelewengan Tok Aji telah terbongkar. Seterusnya, pada babak B6 pada minit ke 1:23:02, dapat dilihat Puan Huda memeluk suaminya, Tok Aji yang telah menemui ajalnya sendiri akibat ditikam oleh dirinya sendiri dan untuk babak terakhir B7 pada minit ke 1:04:12, terdapat percubaan untuk merogol daripada Tok Aji ke atas Datin Maria sebagai timbal balas terhadap perjanjian dengan Iblis.

Secara keseluruhannya, kesemua babak yang dikemukakan dalam penjelasan sebelum ini adalah bertujuan untuk menonjolkan ketidakfahaman pembikin filem ataupun pengarah filem terhadap konsep pematuhan terhadap aspek syariat Islam dalam filem *Penunggang Agama*. Kesemua babak yang ditonjolkan oleh pengarah filem ternyata bersalahan dengan aspek syariat Islam yang berkaitan dengan percampuran atau pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Banyak ayat Al-Qur'an yang telah menjelaskan berkenaan perkara ini antaranya dalam surah al-Nur ayat 31-32, surah al-Mukminuun ayat 7, an-Nisa ayat 25 :

> Katakanlah kepada laki-laki yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, memelihara kemaluannya, yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan. Katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman, hendaklah mereka menundukkan pandangannya dan kemaluannya. (al-Nur:31-32)
>
> Barang siapa mencari zina maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. (al-Mukminuun:7)
>
> Sedang mereka pun wanita wanita yang memelihara diri, bukan penzina dan bukan pula wanita wanita yang mengambil laki laki hanya sebagai teman mainnya. (al-Nisa:25)

Perkara ini turut diperkuatkan dengan garis panduan penapisan filem yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 2010 yang menyatakan di bawah 2.3 Sosiobudaya bahawasanya semua adegan berpeluk antara lelaki dan wanita secara mengghairahkan perlulah diteliti semula akan pelaksanaannya bagi mengelakkan berlakunya kontroversi (Naim Ahmad, 2011). Terdapat juga klausa yang menyatakan juga adegan yang keterlaluan terhadap tingkah laku, gerak geri dan perkataan yang boleh merangsang seks atau menjurus kepada hubungan seks perlulah dielakkan daripada ditonjolkan dalam filem (Naim Ahmad, 2011). Walaupun realitinya tidak terdapat babak dalam filem *Penunggang Agama* yang terkait dengan klausa adegan yang keterlaluan dan gerak geri yang boleh merangsang seks, namun babak-babak pergaulan dan percampuran antara pelakon-pelakon berlainan jantina dalam filem ini wajar dielakkan dan dijauhi kerana ia bertentangan dengan syariat Islam pada realiti hukumnya dan paling penting hukum Islam terpakai dalam semua keadaan dan masa, tidak kira ketika hanya dalam lakonan ataupun di luar lakonan. Oleh itu, keprihatinan daripada pembikin filem terutamanya dalam menjaga "maruah" filem ini yang dikatakan sebagai filem bertemakan *horror* islamik wajar dijaga statusnya agar mesej positif yang ingin disampaikan dapat diterima oleh masyarakat awam secara keseluruhannya.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, filem *Penunggang Agama* yang diarahkan oleh Syafiq Yusof ini masih belum layak dan wajar untuk dikatakan sebagai filem Islam secara keseluruhannya. Hal yang demikian ini kerana masih terdapat banyak kelemahan dan kelompongan yang sangat jelas terpampang dalam naratif penceritaan filem ini terutamanya yang berkait dengan dua aspek dan fundamental yang menjadi skema penilaian dalam kajian ini iaitu akidah Islam dan syariat Islam. Pertama, melihat kepada aspek akidah, masih banyak dialog dan babak yang memerihalkan berkenaan pemujaan Iblis dan syaitan yang sepatutnya untuk filem seram Islam, ia mestilah dikurangkan pemaparannya terutamanya ayat-ayat pemujaan yang bersifat ambiguiti dan ayat yang mempunyai pemaknaan yang jelas dalam memohon pertolongan kepada Iblis. Kedua, menyentuh berkenaan aspek syariat, masih terdapat banyak babak dan adegan dalam filem ini yang melanggar hukum Islam terutama dalam aspek percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Ia dapat dilihat dengan nyata sekali terutamanya adegan bersalaman dan berpelukan yang sepatutnya tidak boleh dilakonkan dan dipaparkan sama sekali dalam filem yang didakwa oleh Syafiq Yusof sebagai filem seram Islam. Pemaparan ini secara tidak langsung telah mencalarkan "niat baik" beliau untuk melihat filem ini berdiri sebagai sebuah naskhah

filem Islam yang tulen. Tanpa menafikan idea asal dan usaha keras pengarah dalam menonjolkan nilai-nilai pengajaran yang banyak diperolehi daripada filem ini, sesuatu yang mungkin perlu dilakukan oleh para ahli akademik, intelektual dan pembikin-pembikin filem untuk duduk berbincang secara serius dan memikirkan naskhah filem Islam yang terbaik yang boleh dihasilkan pada masa-masa yang mendatang.

RUJUKAN

Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail. (2001). *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah & Wan Yusnee Abdullah. (2017). Kriteria patuh syariah dalam filem berasaskan hukum fiqh: Satu kajian awal. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. *3*, 151-167.

Muhammad Muhaimin Zainal Abidin & Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). Analisis mesej dakwah dalam filem Munafik (2016). *Fikiran Masyarakat*. *6*(1), 23-29.

Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam: Satu pembicaraan*. Shah Alam: Penerbit Uni-N Production Sdn Bhd.

Penunggang Agama. (2021). Skop Productions Sdn Bhd & Astro Shaw.

WARISAN SEJARAH DI DAERAH KUBANG PASU DAN PROSPEK PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERASASKAN SEJARAH

Mohd Kasri Saidon, PhD
Universiti Utara Malaysia
kasri@uum.edu.my

Zolkefli Bahador
Universiti Utara Malaysia
zolkefli@uum.edu.my

Ainal Akmar Ahmad
Universiti Utara Malaysia
ainal@uum.edu.my

ABSTRAK

Kubang Pasu merupakan antara daerah yang tertua dalam pensejarahan negeri Kedah. Pelbagai rentetan peristiwa telah berlaku di daerah ini. Bermula dengan siri peperangan krisis politik dalaman, serangan Kedah-Siam hingga membawa kepada peperangan moden Jepun menyerang Tanah Melayu. Semua peristiwa ini terisi dalam sejarah tempatan Kubang Pasu. Ada peristiwa sejarah yang menjadi komponen sejarah negeri dan negara. Malah jauh dari itu, ada peristiwa yang tercatat sebagai peristiwa penting dalam sejarah empayar British di timur. Terdapat beberapa kesan tinggalan sejarah yang masih ada, seperti makam Puteri Lindungan Bulan, Istana Tunku Kudin, terusan binaan pembesar dan kubu British era Perang Dunia Kedua. Tinggalan ini merupakan aset yang sangat bernilai. Malangnya ia tidak dijaga, difahami kisah dan dihayati aspek sejarah yang ada padanya oleh masyarakat setempat. Kefahaman sejarah masih lagi dititik rendah dan aset sebegini kekal pada situasi yang sama saban hari berganti. Pelancongan berkonsepkan sejarah sepatutnya dapat dilaksanakan untuk kebaikan aset tersebut, masyarakat dan kemajuan negeri. Kertas kerja ini mengutarakan tentang aset sejarah yang ada, kondisi semasa dan prospek kemajuan pelancongan yang dapat diusahakan darinya.

Kata kunci: Kubang Pasu, peperangan, aset, situasi, pelancongan

PENGENALAN

Kedah dapat dikatakan sebagai antara negeri tertua di semenanjung Malaysia. Negeri ini mempunyai sejarah yang begitu panjang dari sudut sejarah kesultanan. Malah jumpaan purba di Sungai Batu di daerah Kuala Muda membuktikan wujud tamadun yang lebih tua dari era cacatan kesultanan sebelumnya. Antara perwarisan cerita tentang sejarah negeri ini disandarkan pada epik klasik Merong Mahawangsa, tamadun Sungai Batu pula dilihat mungkin lebih tua daripada kisah dalam penceritaan lama itu. Pentadbiran kesultanan yang bermula di arah selatan negeri dan kemudian berpindah ke utara menjadi medan pada episod pensejarahan negeri yang berterusan hingga kini. [1]

Kubang Pasu merupakan satu daerah dalam negeri Kedah. Daerah ini berkeluasan 945 km persegi dan bersempadankan daerah Kota Setar di selatan, Padang Terap di timur dan di sebelah utara ia bersempadan dengan negeri Perlis. Dapat dikatakan daerah ini merupakan antara pecahan daerah yang tertua di Kedah dan sekali gus mempunyai begitu banyak perwarisan sejarah di situ. Semua warisan sejarah ini ada yang bersifat binaaan dan dituruti dengan naratif sejarah yang menarik.[2] Tempat bersejarah agak banyak, namun tidak semuanya masih kekal. Banyak yang telah tidak lagi kelihatan akibat perubahan masa dan juga kesedaran akan kepentingan penjagaan aset sebegini yang masih rendah. [3]

1 Rujuk Siti Hawa Saleh (Peny.). 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: University Malaya Press

2 Untuk pemahaman lanjut beberapa artikel dapat dirujuk dalam Khoo Kay Kim (Peny.), 1983. *Beberapa Aspek Sejarah Kedah,* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia

3 Untuk pemahaman lanjut tentang sejarah awal Kedah, rujuk Bahagian A dalam Ishak Saat dan Mohd Kasri Saidon, Alor Setar

Sejarah daerah ini telah mula disebut ratusan tahun dahulu. Ia bermula dengan perubahan kawasan pusat pemerintahan dari selatan negeri ke utara. Kerajaan negeri Kedah awalnya terkenal dengan penguasaaan kawasan maritime. Ia kemudian menjadi teras hasil negeri dengan perdagangan secara sisir pantai. Kewujudan kota pemerintahan seperti di Sungai Mas dan Bukit Meriam di daerah Kuala Muda menjadikan Kedah kukuh dengan tumpuan pedagang.[4] Lebih klasik daripada itu, tamadun Sungai Batu yang baru ditemui telah menunjukkan sejarah ketamadunan Kedah bermula lebih awal dari pentarikhan awal Masihi.



Kertas kerja ini mengutarakan beberapa kesan sejarah di Kubang Pasu yang masih ada dan potensinya sebagai tarikan untuk pelancongan sama ada dari dalam atau luar negeri. Seperti yang dinyatakan dari awal, kawasan ini mempunyai tinggalan sejarah lebih awal, namun hingga kini tidak banyak yang dapat dikekalkan. Begitupun apa yang ada sewajarnya dijaga dengan baik dan diperkuat dengan pendidikan serta kesedaran sejarah pada masyarakat seluruhnya. Hasil daerah yang kini bergantung pada percukaian tanah dapat ditingkatkan dengan kehadiran pelancong luar. Melaka, misalnya, telah berjaya meletakkan pelancongan sejarah sebagai teras pendapatan negeri yang utama. Di Kedah mungkin hanya Langkawi yang mampu setakat ini berbuat begitu, namun jika Kubang Pasu digerakkan pada tumpuan yang sama ada kemungkinan sedikit sebanyak faedah sebegini akan diperoleh. Oleh hal yang demikian, adalah wajar bagi aset sejarah ini dijaga, dipulihara dan didendangkan supaya ia menjadi tarikan umum dan tidak lagi tersisih kaku dalam arus pembangunan. Dalam kertas kerja ini diketengahkan sebanyak empat aset sejarah yang dapat dibangunkan seperti yang dimaksudkan.

ASET SEJARAH DI KUBANG PASU

Istana Tunku Kudin

Bangunan ini merupakan runtuhan lama milik Tunku Dhiaudin atau lebih dikenali sebagai Tunku Kudin. Watak ini amat popular dalam sejarah Kedah dan dalam sejarah Malaysia, khususnya dalam kisah Perang Saudara di Selangor. Tunku Kudin merupakan antara nama penting peristiwa tersebut, Beliau merupakan anak kepada Sultan Zainal Rashid (1) yang memerintah Kedah semasa itu. Tunku Kudin telah berkahwin dengan puteri Sultan Abdul Samad, Selangor iaitu Tengku Arfah. Atas dasar kebolehan beliau dalam hal ehwal tadbir, beliau telah dilantik sebagai Wizurai bagi pihak Sultan Selangor. Apabila berlaku perang pada tahun 1867-1874, serta perebutan kuasa antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi, Tunku Kudin yang dilantik sebagai Yam Tuan Selangor telah melemahkan pasukan Raja Mahadi dan mengusahakan bantuan orang Kedah ke Selangor. Ada antara mereka yang pulang selepas krisis ini berakhir dan ada yang kekal tinggal di Selangor.

Dalam Warna Kemeriahan Silam, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, 2018.

4 Kesan kewujudan kota pemerintahan lama ini sudah tidak lagi jelas akibat dari pembangunan dan ketidakfahaman sejarah, kesan yang tinggal hanyalah pintu gerbang Kota Kuala Muda yang masih kekal.



Penglibatan Tunku Kudin telah memberikan impak yang negatif pada pihak istana Kedah. Di Kedah, tindakan Tunku Kudin telah dianggap mencampuri urusan politik negeri Selangor apatah lagi dengan penglibatan rakyat Kedah yang dibawa bersamanya. Tunku Kudin kemudian tidak berjaya menaiki takhta kerajaan Kedah apabila dilantik Tunku Abdul Hamid sebagai Sultan bagi mengantikan Sultan Zainal Rashid yang mangkat. Tunku Kudin kemudiannya banyak berada di Pulau Pinang dan mangkat di sana. Namun begitu jasad beliau disemadikan di makam diraja Langgar di Kedah. [5]

Binaan banglo atau disebut istana Tunku Kudin ini bermula sekitar 1854-79, dikatakan tukang Cina diupah bagi menyiapkannya. Bangunan ini berbentuk dua tingkat dengan keluasan yang sederhana. Ia dibina di Bukit Tinggi, iaitu diseberang sungai Bukit Pinang. Kawasan Bukit Pinang ini pernah menjadi kota istana untuk tiga orang Sultan, termasuklah Sultan Ataullah, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad Tajuddin (1). Kawasan ini juga pada masa dahulu lengkap dengan istana, tambatan dan kawasan permakaman. Namun setelah kota istana berpindah ke Anak Bukit dengan Kota Setar menjadi pusat pemerintahan ia telah tidak lagi menjadi tumpuan. Nasib istana Tunku Kudin juga begitu apabila ditinggalkan oleh pewarisnya dan kini dalam keadaan yang mengecewakan bagi peminat sejarah.

Istana dan kawasan sekitarnya berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan tarikan pelancongan sejarah. Kawasan sekitarnya kini telah berubah menjadi kawasan perumahan dan kawasan dusun buah-buahan. Kawasan ini juga tidak jauh dari lapangan terbang utama di Kepala Batas. Jarak istana ini dengan pusat bandar Alor Setar atau Jitra juga tidak jauh, ia tidak menjadi halangan bagi urusan pergerakan pelancongan. Namun kesedaran setempat juga amat diperlukan bagi merealisasikan tujuan ini. Lebih utama juga, bangunan ini perlu dipulihara sewajarnya. Ia tidak lagi boleh dilihat terabai, pasarana perhubungan telah sedia baik dan kerja pembangunan dikira tidaklah sesuatu yang merumitkan jika kerjasama yang baik diperoleh dari pewarisnya.

5 Makam diraja ini terletak kira-kira 12 km dari pusat bandar Alor Setar. Ia berhampiran dengan aliran sungai dan pekan Langgar.

Makam Tunku Anom

Makam ini terletak kira-kira 4 km dari bandar Jitra menuju ke arah barat daerah. Tunku Anom merupakan anak kepada Tunku Abdul Rahman dan cucu kepada Tunku Ibrahim Raja Muda (Limbong). Selepas siri Perang Kedah-Siam yang bermula 1821 dengan serangan awal di Kota Kuala Kedah, negeri ini berada di bawah pentadbiran kerajaan Siam melalui wakilnya di Ligor (Nakorn Sitammarat sekarang).[6] Polisi perang dan pentadbiran adalah berasaskan apa yang diputuskan di Bangkok, khususnya oleh kerajaan King Rama III dan ia diperturunkan untuk seliaan tadbir oleh kuasa perintah di Ligor di bawah yang bergelar Cho Phya Ligor. Di Kedah, Alur Ganu dijadikan pusat pemerintahan militer Siam.[7] Ia dketuai oleh Phya Buri Sakmuton yang merupakan anak kepada Raja Ligor.[8] Semasa ini ramai rakyat Kedah dan termasuk juga di Kubang Pasu memilih untuk berhijrah keluar. Di daerah Kota Setar ramai yang mengungsi sehingga ke Seberang Perai yang dikuasai Inggeris. Episod ini merupakan era yang menyukarkan bagi sejarah Kedah. Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin ketika ini berada di Melaka setelah dibawa Inggeris ke sana. Kedah berada di bawah pemerintahan militer Siam sepenuhnya. [9]

Ketika ini muncul kebijaksanaan strategi dan diplomasi yang dilakukan oleh kerabat Kedah, khususnya Tunku Anom. Beliau bertindak berpakat dengan pejuang Kedah menyusun gerakan bawah tanah menyerang dan mencetuskan ancaman pada militer Siam. Pada masa yang sama helah diplomasi dilaksanakan dengan pergi ke Ligor dan menyantuni hormat pemerintah Ligor.[10] Seterusnya kebijaksanaan ini telah menyakinkan Siam untuk kembali menyerah kuasa tadbir kepada Kedah. Wilayah Kedah berpecah kepada empat, iaitu Kedah, Setul[11] dan Perlis[12] malah Kubang Pasu dianugerahkan sebagai negeri pada Tunku Anom. Lalu bergelarlah Kubang Pasu Darulqiam yang bermaksud berdiri dengan sendirinya. Tunku Anom sebelum ini yang ditugaskan sebagai ketua persembahan bunga mas dan perak begitu mashyur sebagai "Raja Jembangan", perlambangan pada kerja beliau dalam urusan tersebut. [13]

Begitupun hayat kerajaan Kubang Pasu ini tidak lama apabila selepas kemangkatan beliau dan pengganti seterusnya telah menyerah kembali pemerintah Kubang Pasu pada kuasa Sultan. Pulau Pisang, Jitra pernah menjadi kota pemerintahannnya. Kawasan ini diperlengkapkan dengan istana, kota tembok tanah, penjara, masjid dan juga perusahaan kain.[14] Namun semuanya kekal dalam lipatan sejarah yang tidak ramai yang tahu, hatta masyarakat setempat sekalipun. Perkara ini seharusnya ditimbulkan melalui pendidikan sejarah tempatan kepada masyarakat setempat khususnya dan seluruh negeri amnya. Agensi penguasa tempatan dan badan bukan kerajaan seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif. Pasarana jalan perhubungan sudah dikira memadai, menjadi permasalahan ialah pengetahuan dan kesedaran tempatan.

---

6 Rujuk informasi yang lebih meluas dalam Ibrahim Ismail, 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu,* Jitra: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

7 Alor Ganu ialah sebuah kampong ditepi sungai Bukit Pinang, lokasi sekarang terletak tidak jauh dari lapangan terbang Kepala Batas.

8 Terdapat juga penceritaan tentang Perang Kedah-Siam ini dalam Mazizah Hj.Md.Darus dan Zahidi Dato'Zainol Rashid (Peny.)., 1999. *Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga-Kumpulan Artikel Wan Shamshudin Mohd Yusof*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

9 Untuk keterangan lanjut rujuk Dato' James F. Agustine(1996) , Kedah Zaman Silam, Alor Setar : Muzium Negeri Kedah,Bab 69

10 Dalam tahun 2010, penulis bersama PSMCK ke Nakhorn Sitammarat dan berjaya mengesan beberapa pucuk meriam milik Kedah yang dirampas dalam Perang Kedah-Siam 1821-1839. Ditemui juga keturunan penduduk Kedah di kawasan Khlong Din di daerah yang sama.

11 Sekarang dikenali sebagai wilayah Satun, Thailand, dahulunya dalam penguasaan Kedah disebut Setul Mambang Segara.

12 Untuk memahami sejarah Perlis, lihat tulisan Abdullah Zakaria hlm.27 dalam Ishak Saat dan Mohd Kasri Saidon , Sejarah Penelitian Negara Bangsa, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, 2016

13 Sebuah sekolah menengah di Jitra diabadikan dengan nama Tunku Anum. Rujuk juga perihal bunga mas dalam Dato' Dr. Wan Shamshudin Mohd Yusof, "Bunga Emas Negeri Kedah", Seminar Bunga Emas, Lembaga Muzium Negeri Kedah 1 November 2010.

14 Kawasan perusahan kain tersebut dikenali dengan nama Pulau Ka'in, ia terletak tidak jauh dari Pulau Pisang yang menjadi pusat pemerintahan ketika itu. Sering diceritakan orang dahulu bahawa perusahan kain ini diusahakan awalnya oleh pedagang keturunan Chulia dari India.

Kubu British –*Battle of Jitra*

Satu-satunya peperangan era moden yang berlaku di Kedah ialah Perang Dunia Kedua. Kedah dalam perikatan Tanah Melayu telah menjadi pintu masuk serangan pihak Jepun selain di Pengkalan Chepa, Kelantan. Tanah Melayu di bawah naungan British telah mula menyediakan rancangan pertahanan dengan memgambil andaian perancangan musuh. Operasi Matador telah dibuat oleh pihak Berikat yang melibatkan pakatan tentera dari Tanah Melayu, Britain, Australia, India dan New Zealand bagi mempertahankan Tanah Melayu.[15]

Lapangan terbang Kepala Batas bersempadan dengan daerah Kubang Pasu dan dipisahkan hanya dengan sebatang sungai yang tidak begitu luas. Lapangan terbang ini amat strategik kerana ia menjadi pemangkin pada pertahanan pihak Berikat. Ia diperlukan sebagai pengkalan gerak bagi pesawat peninjau, pengebom dan pejuang yang ada dipihak Berikat. Sejarah menyaksikan pertahanan udara di Tanah Melayu agak lemah jika dibandingkan dengan pihak Jepun. Ini termasuk kuantiti dan kualiti pesawat terbang, kenderaan perisai dan pengalaman anggota di medan perang. Dapat dikatakan hampir kebanyakan elemen tempur memihak pada Jepun, kecuali perbekalan logistik.[16]

Untuk mempertahankan lapangan terbang dan pusat bandar, pihak Berikat telah merancang pertahanan utama 10 km di hadapan. Bandar Jitra dan sebahagian daerah Kubang Pasu telah dijadikan pengkalan pertahanan utama. Pihak Berikat dalam Plan Matador telah membina puluhan kubu pertahanan konkrit yang dipanggil sebagai PillBox. Kubu ini dibina dari arah barat, iaitu di Bukit Kalong, Kodiang[17] dan berjajar beberapa tempat hingga ke sisi Bukit Malau, di Jitra. Kubu yang dibina ini lebih menumpukan pertahanan di jalan utara dari utara ke lapangan terbang Kepala Batas. Namun pelbagai kelemahan yang ada di pihak Berikat telah menjadikan kubu ini tidak dapat digunakan secara efektif. Hasilnya ia ditinggalkan begitu sahaja. Kini sebahagian dari kubu tersebut masih lagi ada, manakala yang lain telah musnah akibat kerja-kerja pembangunan.

15 Kupasan tentang perang ini boleh juga diperolehi sebahagiannya dari Abdul Samad Idris, 1983. *Askar Melayu 50 Tahun,* Kuala Lumpur: Pustaka Budiman. Namun pertahan di Jitra hanya lebih bertumpu pada pasukan dari England dan India.

16 Satu tinggalan berupa pusat bekalan logistik masih dapat dilihat di Lorong Kubu, Bukit Pinang yang tidak jauh dari lapangan terbang Kepala Batas.

17 Paling barat ialah dua Pillbox di Bukit Kalung, Kodiang Kedah. Ia terletak dikaki bukit dan memberi fokus kepada arah barat serta landasan keretapi dari Kedah ke Perlis seterusnya ke Thailand.

Kubu-kubu ini mencatat sejarah yang tersendiri kerana di tempat ini berlaku antara pertempuran pertama pihak Berikat dengan kuasa Jepun di sebelah timur (Asia Tenggara).[18] Di sini juga kekalahan pertama berlaku dan kemudiannya membawa pada kekalahan yang berupa pengunduran ke arah selatan hingga tewasnya pertahanan akhir di Singapura. Bagi kubu yang masih kekal, struktur binaannya masih lagi kukuh, namun ia memerlukan kerja pemuliharaaan yang sewajarnya. Jalan perhubungan juga harus dibaiki dan dinaik taraf untuk tujuan pelancongan. Di beberapa tempat yang lain, selain Kedah, ada kubu sebegini yang telah dipulihara dengan baik, namun ada juga yang telah lenyap akibat faktor masa dan pembangunan. Di Pulau Pinang, markas pertahanan di Telok Bahang, misalnya dijaga dengan baik dan telah dijadikan muzium perang.[19]

Pertempuran di Nongka, Asun

Perang Dunia Kedua dan serangan mula Jepun ke Kedah telah mendapat tentangan hebat di beberapa kawasan. Antara yang kerap disebut dalam banyak penulisan ialah di kampong Nongka yang terletak tidak jauh dari Asun.[20] Kawasan ini dipertahankan oleh pasukan pihak Berikat dan menerima asakan dari tentera Jepun. Pertempuran dalam hujan tengkujuh ini menyaksikan pergerakan pertahanan yang padu dibuat oleh pihak Berikat. Kekuatan pasukan dengan sokongan pasukan meriam yang berada di Asun juga memperkukuh lagi pertahanan pihak Berikat. Namun kemaraan pihak Imperial Jepun dengan formasi kereta kebal kecil[21] dan kemahiran serta pengalaman tenteranya juga menjadikan pihak Berikat tidak dapat bertahan lama. Pertempuran yang juga memakan korban ini juga kemudiannya memudahkan pihak Jepun menembusi pertahanan Berikat. Jepun terus mara dan pasukan Berikat berundur ke selatan ke arah Jitra melalui aliran sungai, sawah dan pinggir bukit di kampong Kunluang, Binjal dan akhirnya berkumpul di Jitra.[22]

Adalah wajar bagi tempat sebegini diingati sebagai kawasan bersejarah. Tidak ada apa-apa binaan yang ditinggalkan kedua belah pihak, namun ia kekal disebut dalam sejarah peperangan oleh para peminat dan pengkaji Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) pernah mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk dibina satu tugu bagi memperingati peristiwa tersebut. Malangnya hingga kini perkara tersebut masih belum menjadi kenyataan. Kertas kerja ini melihat hal ini perlu ditimbulkan kembali dan direalisasikan satu tugu bagi mengukuhkan aset sejarah di daerah Kubang Pasu ini.[23]

---

18 Kupasan lanjut tentang serangan Jepun ke negara Asia Tenggara ini dapat dilihat dalam Jessy, Joginder Singh, 1971. *Sejarah Asia Tenggara,* Kuala Lumpur: Longman

19 Untuk gambaran penuh pengalaman pihak British rujuk Chye Kooi Loong., 2002. *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-1942*, Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquities.

20 Nongka merupakan sebuah kampong yang terletak tidak jauh dari Asun. Pertahanan Berikat dikuatkan dengan senjata berat berada di bukit Asun. Kini kawasan ini telah menjadi laluan lebuhraya utara-selatan. Bukit Asun pula terbelah dua dimana lebuhraya merentas ditengahnya.

21 Model yang digunakan ialah Type 95 dan 97, kereta kebal kecil ini begitu efektif dengan konsep serangan di kawasan tropika. Dalam kempen perang di Tanah Melayu pasukan kereta kebal ini turut disertai oleh Lt.Kol.Saeki.

22 Pasukan Berikat berundur melalui kampong Kunluang, Asun dan ke arah timur ke kawasan berbukit di Binjal, dari situ mereka bergerak ke Jitra.

23 Penulis terlibat dalam pengkajian tempat serta penyediaan kertas cadangan tugu bagi pihak PSMCK pada kerajaan negeri Kedah.

PELANCONGAN SEJARAH DI KEDAH (KUBANG PASU)

Secara umumnya Kedah bukanlah negeri yang bergantung penuh pada pelancongan sebagai sumber pendapatan negeri. Malah tidak keterlaluan jika kita katakan jika di Kedah hanya Langkawi sahaja yang sehingga kini menjadi tarikan pada perkara yang berkisar pada sejarah, legenda dan mitos. Tidak jelas penonjolannya di tempat lain. Terlalu subjektif untuk dicari di mana punca ia berlaku begitu, namun perkara yang dapat dikesan ialah lima perkara asas, yakni hala tuju negeri, kesedaran, jati diri, pemahaman rakyat terhadap sejarah serta promosi.[24]

Kedah merupakan negeri yang tua yang memiliki begitu banyak aset dan perwarisan sejarah. Kewujudan tamadun awal abad sebelum Masihi telah sedia wujud di Kedah. Bukti awal ialah di Sungai Batu, Kuala Muda. Sebelum itu telah Kedah masyhur Kedah dengan candi-candi Hindu lama di Pengkalan Bujang, Merbok. Namun hingga kini ia masih tidak gah seperti yang sepatutnya. Di Kota Setar, terdapat bangunan lama yang bersejarah seperti Masjid Zahir, Balai Nobat dan Balai Besar[25]. Ditambah lagi dengan beberapa buah muzium seperti Muzium Negeri, Muzium Padi, Muzium Diraja[26] dan Galeri Sultan Abdul Halim. Tidak cukup daripada itu, Rumah Peringatan Medeka[27] dan Rumah Kelahiran Dr Mahathir[28] juga tarikan yang ada di Alor Setar. Namun, ia masih menjadi masalah kerana kedua-dua lokasi ini masih dilihat tidak kukuh sebagai pusat tarikan pelancong. Di sini berbalik semula pada lima perkara asas yang disebutkan di atas, jika asas ini tidak berubah bererti tidak banyak perubahan nanti yang dapat dibuat. Asas pengerakan yang paling utama masih kekal pada respon rakyat untuk memeriahkan pelancongan sejarah ini.

Namun hal yang sama juga dapat dilihat di negeri lain selain Kedah. Ia juga berhadapan dengan fenomena serupa dalam mempertingkatkan dapatan dari pelancongan sejarah. Melaka menjadi contoh terbaik ketika ini, asas sejarah yang ada telah dimantapkan dengan penjagaan aset sejarah secara terbaik. Bermodalkan cerita jatuhnya Kota Melaka pada Portugis dalam tahun 1511 lampau telah menjadi paksi ekonomi Melaka kemudiannya. Pelbagai program pembangunan fizikal dan pemantapan pengetahuan hala tuju negeri dibuat ke arah menjadikan pelancongan sebagai punca utama kekayaan ekonomi negeri. Kesannya jelas terhasil apabila sambutan terhadap pelancongan di Melaka begitu meriah.

Kedah tidak lagi boleh hanya bergantung pada Langkawi sebagai sumber pelancongan. Aset yang ada di daerah lain perlu dikembangkan atau dimajukan. Kubang Pasu merupakan daerah yang bersempadan antarabangsa dengan Thailand. Sejarah Kubang Pasu juga banyak berkait dengan apa yang menjadi sisipan sejarah Thailand. Malah ada sejumlah besar kaum keturunan Siam rakyat Kedah yang mendiami Kubang Pasu. Kelompok Siam yang rata-rata beragama Budhha ini juga mempunyai persamaan dari segi budaya dan bahasa dengan masyarakat Thai di Thailand. Perkara ini dapat dijadikan sebagai satu peluang yang bakal memberi impak positif terhadap pelancongan. Ada juga di Kubang Pasu ini kelompok Melayu yang bertutur dalam bahasa Siam.[29] Keunikan ini juga jika digandingkan dengan aset sejarah dapat menjadi tarikan sosial yang positif terhadap hala tuju pelancongan di Kedah. Apa yang utama ialah kesungguhan dari kepimpinan negeri dan masyarakat Kedah, secara am dan Kubang Pasu, khususnya. [30]

---

24 Untuk bacaan yang lebih bersifat naratif, karya Dato'Ismail Hj Salleh dalam Mazizah Hj.Md Darus & Zahidi Dato' Zainal Rashid 1999, *Kumpulan Artikel Tokoh Sejarah Kedah, Tak Sesunguh Seluang Melaut,* Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

25 Ketiga bangunan ini terletak berdekatan dan ia menjadi tumpuan pelancung di masa ini. Balai Besar pernah menjadi pusat pentadbiran rasmi kerajaan Kedah sebelum bangunan lebih moden dibuat. Upacara rasmi kerajaan juga pernah dibuat disini.

26 Muzium ini asalnya ialah Istana Pelamin yang dibuat sempena perkahwinan lima beradik anak-anak Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1906. Perkahwinan yang terkenal sebagai "3 millions wedding "ini berlangsung selama tiga bulan. Kemudiannya istana ini digunakan sebagai sekolah kemahiran pelajar perumpuan yang dikenali sebagai Sekolah Tenun. Dalam tahun 1990an dipulihara oleh kerajaan negeri dan dijadikan muzium diraja.

27 Rumah ini adalah rumah kediaman Tunku di Alor Setar, ia berhampiran dengan Pasar Manjelara di kawasan yang hampir sama. Semasa penghujung tamat konfrantasi Malaysia-Indonesia, dirumah inilah Tunku menerima kunjungan wakil Indonesia, lihat catatan Tunku dalam Tunku Abdul Rahman Putra, 1980. *Pandang Balik,* Singapore: Heineman Edu. Books.

28 Rumah ini rumah keluarga Tun Mahathir yang terletak di Jalan Kilang Ais. Apabila Tun Mahathir berkahwin beliau telah membina sebuah rumah di Titi Gajah. Rumah ini telah dipulihara oleh pihak kerajaan dan dijadikan tempat lawatan di bawah seliaan Arkib Negara.

29 Bahasa Siam di Kedah berbeza dengan bahasa Thai yang dituturkan di Thailand khususnya di Bangkok. Namun di kawasan selatan Thai seperti di wilayah Songkla ia masih dapat difahami.

30 Kelompok Melayu bertutur bahasa Siam di Kubang Pasu terdapat di kawasan Asun, Changlun, Kodiang dan Pulau Nyior, Jitra

KESIMPULAN

Kedah, khususnya daerah Kubang Pasu mempunyai aset sejarah bernilai untuk diketengahkan sebagai modal tarikan bagi pelancongan negeri. Prasarana yang ada sudah dikira cukup, namun penambahbaikan akan memberikan impak yang lebih positif. Kesedaran, hala tuju, pemahaman, jatidiri dan promosi bakal menguatkan maksud pelancongan sejarah ini secara holistik. Kedah tidak lagi mampu bergantung pada Langkawi semata-mata untuk dapatan hasil pelancongan negeri, kawasan lain perlu dimajukan daripada aset yang telah tersedia lama. Kubang Pasu yang mempunyai beberapa aset sejarah perlu dilihat sebagai projek permulaan untuk merealisasikan maksud ini. Yang paling dirisaukan adalah sekiranya kesedaran tentang kepentingan penjagaan dan pemuliharaan sejarah ini tidak wujud, maka negeri dan negara bakal menerima nasib malang untuk generasi pada masa hadapan. Dalam dunia yang bersaing ke arah keuntungan material kini, kekuatan jati diri bangsa yang terasas dalamnya aspek sejarah harus diperkasakan. Malang hari hadapan andainya sejarah kita harus ditadah dari sumber asing lantaran apa-apa yang ada di hadapan mata tidak dihargai dengan sewajarnya.

RUJUKAN

Abdul Samad Idris. (1983). *Askar Melayu 50 Tahun,* Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.

Agustine, J. F. (1996). K*edah zaman silam*. Alor Setar: Muzium Negeri Kedah.

Chye Kooi Loong. (2002). *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-1942*, Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquities.

Ibrahim Ismail. (1987). *Sejarah Kedah sepintas lalu.* Jitra: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Ishak Saat dan Mohd Kasri Saidon. (2016). *Sejarah penelitian negara bangsa*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Ishak Saat dan Mohd Kasri Saidon. (2018). *Alor Setar dalam warna kemeriahan silam*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Jessy Joginder Singh. (1971). *Sejarah Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Longman.

Khoo Kay Kim (Peny.). (1983). *Beberapa aspek sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Mazizah Hj.Md Darus & Zahidi Dato' Zainal Rashid. (1999). *Kumpulan artikel tokoh sejarah Kedah: Tak sesunguh seluang melaut.* Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

Mazizah Hj. Md. Darus & Zahidi Dato'Zainol Rashid (Peny.). (1999). *Dari Pulau Adang ke Pulau Tiga: Kumpulan artikel Wan Shamshudin Mohd Yusof*. Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

Siti Hawa Saleh (Peny.). (1970). *Hikayat Merong Mahawangsa.* Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Tunku Abdul Rahman Putra (1980). *Pandang balik.* Singapore: Heineman Edu. Books.

Wan Shamshudin Mohd Yusof. (2010, 1 November). Bunga Emas Negeri Kedah. *Seminar Bunga Emas.* Lembaga Muzium Negeri Kedah, Kedah, Malaysia.

BAHASA DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA DI MALAYSIA

Nazri Muslim
Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia
nazrim@ukm.edu.my

ABSTRAK

Agenda pembinaan negara bangsa sangat relevan dan mendesak bagi Malaysia untuk menangani pelbagai cabaran yang berlaku, khususnya dari perspektif kepelbagaian budaya, bahasa, etnik dan agama. Pembinaan negara bangsa bermula dengan kewujudan bangsa dan bangsa tersebut melahirkan sebuah negara. Umumnya, negara ialah sekelompok manusia yang mendiami sesebuah wilayah yang tinggal di bawah pemerintahan kerajaan dan tidak tertakluk kepada kuasa luar serta berasaskan perlembagaan yang sedia ada. Bangsa pula merujuk satu komuniti yang terbentuk dalam sejarah, dipertautkan melalui perkongsian wilayah, ekonomi, serta mempunyai unsur-unsur yang merangkumi bahasa, budaya dan nilai yang dikongsi bersama. Negara bangsa pula didefinisikan sebagai pembentukan berasaskan proses penyatuan bangsa serta diperkuat lagi dengan persempadanan wilayah tertentu sebagai identiti. Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik telah menempuh cabaran dalam proses pembinaan negara bangsa yang melibatkan bahasa, agama, globalisasi, isu-isu perlembagaan dan lain-lain. Artikel ini akan menganalisis peranan bahasa, khususnya Bahasa Melayu sebagai antara elemen utama dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia

Kata kunci: negara bangsa, bahasa Melayu, perlembagaan, etnik

PENGENALAN

Agenda pembinaan negara bangsa sangat relevan bagi Malaysia untuk menangani pelbagai cabaran yang berlaku. Sebelum kehadiran penjajah, pembinaan negara bangsa tidak pernah menjadi persoalan penting kerana Tanah Melayu terdiri daripada etnik Melayu yang dominan, kerajaan Melayu yang stabil di samping etnik lain yang diasimilasikan dengan budaya Melayu. Namun, kedatangan penjajah Inggeris yang memperkenalkan dasar terbuka kepada imigran dari China dan India, telah mengubah wajah Malaysia daripada negara monoetnik kepada multietnik dan persoalan negara bangsa mula dibincangkan. Tun Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991 sewaktu memperkenalkan Wawasan 2020 menegaskan cabaran paling asas dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan sendiri ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Cabaran utama dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia ialah kepelbagaian bahasa, manakala bahasa merupakan elemen utama dalam pembentukan negara bangsa.

KONSEP NEGARA BANGSA

Shamsul Amri Baharuddin (2012) dalam membincangkan konsep negara bangsa telah membahagikan kewujudan negara bangsa ini kepada tiga keadaan. Keadaan pertama ialah satu bangsa mewakili satu negara. Konsep negara bangsa bermula daripada satu ras yang membentuk bangsa dan mewujudkan satu negara. Justeru, ia akan melahirkan sebuah negara bangsa, seperti bangsa Jepun membentuk negara Jepun.

Keadaan kedua ialah bangsa tanpa negara. Terdapat sebilangan bangsa tanpa negara dan mereka menuntut bangsa mereka untuk bernegara dan mempunyai autonomi dan pemerintahan sendiri. Contohnya, bangsa Melayu Patani di Selatan Thailand. Bangsa Melayu Patani dahulu merupakan sebuah kerajaan yang berautoriti dan mempunyai pemerintahan sendiri. Namun, akibat daripada penjajahan, Patani diserahkan kepada Thailand sedangkan, bangsa Melayu Patani adalah beragama Islam dan berbudaya Melayu.

Keadaan ketiga ialah negara tanpa bangsa. Senario ini berlaku pada negara apabila kewujudan sesebuah

negara terjadi dan diperakui kedaulatannya, tetapi tidak jelas dari segi identiti bangsa yang dibina. Kewujudan negara sebegini boleh dirujuk dalam konteks Malaysia. Malaysia lahir sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa dengan setiap etnik mengekalkan identiti masing-masing. Senario yang serupa bagi Indonesia yang terkenal sebagai sebuah negara yang terdiri dari ratusan bangsa besar dan ribuan sub etnik dengan bahasanya masing-masing.

Negara bangsa merupakan konsep dan ideologi yang lahir dalam sejarah bangsa Eropah yang menghadapi masalah nasionalisme, seterusnya menyebabkan berlakunya peperangan antara bangsa-bangsa Eropah dan mencetuskan revolusi. Ia merupakan suatu peralihan dari penekanan terhadap monarki kepada kedaulatan terhadap negara. Umpamanya, Revolusi Perancis tahun 1789 menentang sistem feudal yang dianggap sebagai bermulanya perbahasan akademik dan politik bangsa Eropah tentang konsep negara bangsa (Mohamed Anwar Omar Din, 2004).

Chambers' Encyclopedia (1973) memberi definisi pembinaan negara bangsa sebagai 'a collective noun and may sefe be agreed to connect a group of people possessed of certain distinctive characteristics, real or imagined, and united certain special ties, sentimental, political or both. This group must be of substantial size ... a society united under one government in a political state*'*. Dengan erti kata lain, negara bangsa itu merupakan satu proses melahirkan bangsa baru, yakni sebuah negara yang mempunyai kedaulatan di mana semua rakyatnya disatukan oleh ikatan seperti bahasa, budaya, nilai dan lain-lain lagi yang membentuk bangsanya. Tujuan utama pembinaan bangsa itu adalah untuk melahirkan perasaan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu bangsa dan negara.

Tun Dr. Mahathir mengatakan bahawa, *"*Bangsa Malaysia means people who are able to identify themself with the country, speak bahasa Malaysia and accept the constitution*"*. Konsep negara bangsa pula dirumuskan dalam ucapan terakhir Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu, *"*Malaysia must be a country that is ethnical, integrated, living in harmony with full and fair partnership, made up of one 'Bangsa Malaysia', with political and dedication to the nation" (Lee Kam Hing, 2005). Takrifan tersebut bermakna bahawa semua warganegara Malaysia hendaklah dianggap sebagai rakyat Malaysia, tanpa mengira etnik dan mengikrarkan taat setianya kepada negara. Tun Mahathir telah meletakkan tiga syarat utama, iaitu rakyat berbilang etnik di negara ini hendaklah mengindentifikasikan diri mereka dengan negara ini, hendaklah bertutur dalam bahasa kebangsaan dan mendukung Perlembagaan yang mengandungi kontrak sosial dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia (Hassan Ahmad, 2004).

SEJARAH PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA DAN INDONESIA

Pembentukan negara bangsa di Malaysia melibatkan proses dan perjalanan sejarah yang panjang. Walaupun Malaysia telah merdeka lebih 65 tahun, tetapi apa yang dibentuk ialah sebuah negara dan bukannya sebuah negara bangsa. Menurut Abdul Rahman Embong (2015), apabila Malaysia diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, apa yang lahir ialah sebuah negara dan bukannya sebuah bangsa. Begitu juga apabila Malaysia terbentuk pada 16 September 1963, apa yang wujud ialah negara Malaysia dan bukannya bangsa Malaysia. Justeru, Malaysia masih dalam proses pembentukan bangsanya berdasarkan acuan sendiri (Mohd Syariefudin Abdullah, 2014).

Pembinaan negara bangsa bukan konsep yang baharu, tetapi ia telah lama diperkatakan dan bermula di Eropah. Menurut Abdul Rahman Embong (2015), konsep negara bangsa di Eropah bermula apabila lahirnya kelompok bangsa yang menentang kuasa feudal dan proses pembentukan sistem baharu yang dipanggil kapitalis. Kejayaan kapitalis membolehkan mereka berkuasa dan membentuk sebuah negara moden yang mana entiti negara ialah mempunyai sempadan atau wilayah tertentu dan juga adanya bangsa tertentu yang mendukung negara tersebut.

Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003), dalam proses modenisasi, setiap negara harus mengalami tiga tahap perkembangan dalam proses pembinaan negara bangsa, iaitu:

(a) Pembentukan kuasa pusat iaitu merujuk usaha menguatkuasakan kewibawaan awam ke seluruh negara;

(b) Pembentukan negara yang bertujuan memupuk rasa sepunya, patriotisme dan semangat kesetiaan dalam kalangan rakyat; dan

(c) Pembangunan negara bangsa iaitu merujuk usaha menggerakkan seluruh sumber manusia dan material bagi mencapai kemajuan dan perpaduan.

Negara di Eropah telah mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan proses pembinaan negara

bangsa. Mereka juga tidak menghadapi masalah yang kritikal dalam pembinaan negara bangsa berbanding Malaysia. Keadaan berbeza di Malaysia kerana negara merdeka selepas Perang Dunia Kedua dan pada masa yang sama negara perlu melaksanakan ketiga-tiga proses tersebut secara serentak dengan kadar yang lebih cepat berbanding dengan negara maju. Justeru, pembinaan negara bangsa dalam konteks Malaysia, terdapat banyak perkara yang masih belum dapat diselesaikan pada setiap peringkat pembinaan negara bangsa.

CABARAN PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA DI MALAYSIA

Hubungan etnik yang harmonis merupakan kunci pembinaan negara bangsa. Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, mustahil negara ini dapat dibina jika hubungan etnik tidak dapat diuruskan dengan baik. Pembinaan negara bangsa memerlukan penekanan terhadap cabaran dalam menguruskan kepelbagaian. Kejayaan menguruskan kepelbagaian ialah kunci penting dalam mewujudkan kestabilan. Kejayaan kerajaan dalam menguruskan kepelbagaian agama, bahasa, budaya, pekerjaan, penempatan dan lain-lain lagi, menjadi elemen penting dalam pembinaan negara bangsa. Cabaran yang paling sukar dalam pembinaan negara Malaysia adalah untuk menyatukan pelbagai etnik yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, agama, bahasa dan pengalaman yang berbeza di bawah satu payung iaitu bangsa Malaysia (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang, 2011).

Formula Malaysia dalam proses pembinaan negara bangsanya ialah formula tawar-menawar, perundingan dan integrasi. Formula ini membolehkan Malaysia dibangunkan dengan mengekalkan budaya asal sesuatu etnik. Apabila kemerdekaan Tanah Melayu (1957) dan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia (1963), matlamatnya bukan untuk membentuk Bangsa Malaysia, tetapi membentuk sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa atau etnik yang mempunyai latar belakang berbeza sama ada daripada segi budaya, bahasa dan agama. Apa yang menariknya di sini ialah perbezaan ini tidak membawa kepada konflik yang boleh menghancurkan negara ini. Malahan, ia menjadi kunci penting kepada pembinaan negara bangsa Malaysia (Nazri Muslim & Azizi Umar, 2017).

Konsep sosial merupakan satu konsep yang luas yang terkandung di dalamnya elemen kemanusiaan dan kemasyarakatan yang secara jelas meliputi bahasa. Jelaslah, dalam masyarakat di Malaysia, wujud satu sifat saling terima menerima dan hormat-menghormati. Dalam aspek bahasa, walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa lain dibenarkan untuk digunakan pada pelbagai peringkat tanpa sekatan. Menjadi perkara biasa di Malaysia iaitu masyarakat yang bukan berbangsa Melayu boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik (Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim, 2019).

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan oleh masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik. Pada masa ini, Bahasa Melayu merupakan salah satu antara bahasa utama di Asia Tenggara kerana Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan bagi empat buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan negara Brunei Darussalam (Amat Jauhari Moain, 1989). Keempat-empat negara ini mempunyai penduduk lebih daripada 300 juta orang. Jumlah penduduk Indonesia sahaja, iaitu dijangkakan pada tahun 2020 akan meningkat seramai lebih 271 juta.

Bahasa Melayu merupakan salah satu cabang daripada keluarga besar bahasa Austronesia. Keluarga bahasa Austronesia itu terbahagi kepada empat cabang, iaitu Atayalic, Tsouic, Paiwanic dan Malayo-Polinesia. Sejarah juga telah membuktikan bahawa Bahasa Melayu telah muncul sebagai bahasa yang berwibawa dan diterima umum di kepulauan Melayu berbanding dengan ratusan bahasa Nusantara yang juga berasal daripada bahasa Austronesia.

PERUNTUKAN BAHASA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Pertama, disentuh dalam Perkara 152 iaitu: (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen: Dengan syarat bahawa
(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
(b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana

Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.
(2) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.
(3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, teks sahih-
(a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen; dan
(b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
(4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris: Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.
(5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
(6) Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Kedua, dinyatakan dalam Perkara 160B. Jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan teks bahasa kebangsaan itu sebagai teks sahih, dan selepas itu, jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks bahasa kebangsaan itu dengan teks bahasa Inggeris Perlembagaan ini, teks bahasa kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris itu (Nazri Muslim, 2020).

KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perkara 152 (1) memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Istilah bahasa Malaysia timbul selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk menggalakkan orang bukan Melayu menggunakan bahasa kebangsaan. Di Amerika, orang memanggil bahasa Inggeris sebagai bahasa Inggeris, tidak bahasa Amerika dan begitu juga di Britain. Justeru, penggunaan istilah bahasa Malaysia itu tidak begitu menepati kehendak perlembagaan itu sendiri.

Peruntukan Perkara 150(6A) dengan terang menyatakan bahawa hal-hal yang berhubung dengan bahasa Melayu, walaupun dalam keadaan darurat adalah dilindungi oleh perlembagaan. Perkara 150(6A) ini penting kerana secara umumnya perisytiharan darurat mempunyai kesan menggantung sebahagian besar peruntukan-peruntukan perlembagaan. Dengan kata lain, ia menyebut pengecualian terhadap bahasa Melayu kepada kuasa darurat yang luas itu (Abdul Aziz Bari, 2005).

Kedudukan bahasa Melayu ini semakin jelas dalam perlembagaan melalui Perkara 10 (4) yang menjadikan bahasa Melayu adalah antara perkara yang sensitif yang dilarang daripada dibahaskan di tempat terbuka atas tujuan keselamatan dan ketenteraman awam. Kedudukan ini juga begitu kukuh kerana ia tidak dapat dipinda oleh Parlimen jika tidak mendapat sokongan dua pertiga setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja melalui Perkara 159 (5). Begitu juga dengan kedudukan sebagai bahasa rasmi bagi tujuan kerajaan baik kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri dan termasuk apa-apa tujuan untuk sesuatu kuasa awam, hendaklah menggunakan bahasa Melayu kecuali atas beberapa perkara yang dibenarkan oleh undang-undang seperti yang termaktub dalam Seksyen 4, Akta Bahasa Kebangsaan. Antara pengecualian tersebut ialah bagi tujuan hubungan diplomatik dan latihan yang dijalankan oleh pakar-pakar asing (Nazri Muslim, 2012).

Seterusnya, perkara ini ditambah lagi dengan peruntukan di bawah Perkara 160B yang menjelaskan bahawa jika perlembagaan diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan jika terdapat percanggahan teks terjemahan dengan teks dalam bahasa Inggeris, maka teks kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa kedudukan bahasa Melayu adalah lebih tinggi dari bahasa Inggeris. Lebih menarik lagi kedudukan ini termaktub dan diterima dalam Perlembagaan Persekutuan yang merupakan sumber undang-undang tertinggi di Malaysia. Justeru, jika berlaku pertikaian dalam mana-mana perjanjian, maka perjanjian

dalam bahasa Melayu diutamakan atau jika ingin dibuat perjanjian yang melibatkan dua pihak, sewajarnya perjanjian itu dibuat dalam bahasa Melayu (Nazri Muslim, 2020).

PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI ELEMEN PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA

Bahasa kebangsaan termaktub dalam perlembagaan melalui Perkara 152, iaitu memperuntukkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu (mengikut implikasi yang diperlukan mestilah digunakan untuk maksud-maksud rasmi). Namun, perkara ini juga melindungi bahasa-bahasa lain dan seterusnya memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain daripada maksud rasmi) atau mengajar atau belajar bahasa lain.

Melalui kontrak sosial, Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan. Peruntukan ini penting kerana bahasa merupakan penghubung antara masyarakat yang berbilang budaya dan etnik. Hal ini kerana kepelbagaian bahasa yang tidak difahami secara meluas antara satu sama lain boleh menimbulkan salah faham yang akhirnya menjurus kepada ketegangan dan konflik (Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim 2019).

Selain itu, Bahasa Melayu juga menjadi satu lambang penyatuan dan jati diri semua etnik selaras dengan prinsip "Bahasa Jiwa Bangsa". Persefahaman menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga tidak menjejaskan penggunaan bahasa ibunda etnik lain malah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebelum Perang Dunia Kedua, Bahasa Melayu digunakan secara meluas bagi tujuan rasmi seperti mesyuarat, surat-menyurat, perundangan dan kehakiman di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Jabatan Polis, dan sebagainya bagi memudahkan urusan pentadbiran kerana kakitangannya terdiri daripada pelbagai kaum (Mohd Salleh Abas, 1985).

Perkara ini diperkuatkan lagi oleh hakikat bahawa Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi apabila Johor menerima Penasihat Inggeris pada tahun 1914. Sebagai contoh, dalam surat bertarikh 11 Mei 1914, Sultan Ibrahim iaitu Sultan Johor menulis surat kepada Sir Arthur Young, Gabenor Singapura: "Beta juga perlu meminta penerimaan Yang di Pertuan terhadap prinsip bahawa Bahasa Melayu dan Inggeris harus diterima sebagai bahasa rasmi untuk digunakan di dalam mahkamah keadilan beta dan di dalam semua jabatan kerajaan beta. Berhubungan dengan penulisan bahasa Melayu, huruf Jawi perlu diberikan pengiktirafan rasmi" (Maxwell & Gibson, 1924).

Begitu juga, pegawai-pegawai Eropah yang memegang lebih 95% jawatan Kumpulan I perlu mempelajari Bahasa Melayu, mengambil ujian Bahasa Melayu dan dikehendaki lulus, barulah boleh ditempatkan di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu (Mohamed Suffian Hashim, 1987). Keadaan ini menunjukkan Bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa perantaraan rasmi walaupun di zaman penjajah Inggeris.

Ini telah diiktiraf oleh Tan Siew Sin dalam Majlis Perundangan Persekutuan, 10 Julai 1957 iaitu: "Masyarakat bukan Melayu menaruh harapan yang besar terhadap kebudayaan dan bahasa mereka. Biar saya nyatakan, sebagai contoh, Perlembagaan Reid sebagaimana rangka awalnya tidak menyebut apa-apa tentang mengekal dan mengembang bahasa Cina dan Tamil, ataupun bahasa-bahasa lain. Apabila dicadangkan kepada pemimpin Melayu bahawa perlembagaan sepatutnya dengan eksplisit menyatakan pengekalan dan perkembangan kedua-dua bahasa Cina dan Tamil hendaklah digalakkan dan dipelihara, mereka bersetuju. Saya sebutkan kejadian ini untuk menunjukkan kepada mereka di luar bulatan bahawa pemimpin Melayu pada asasnya adalah adil dan berpandangan luas" (Nazri Muslim, 2020).

Selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan kedudukan Bahasa Melayu mula diketepikan. Sebagai contoh, di bawah Perlembagaan Malayan Union, bahasa rasmi untuk Majlis Mesyuarat Sultan-Sultan (setaraf dengan Majlis Raja-raja masa kini) ialah Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Begitu juga halnya dengan bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Malayan Union ialah bahasa Inggeris. Walaupun Malayan Union dibubarkan akibat ditentang oleh orang Melayu, namun, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menggantikannya juga telah mengekalkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Persekutuan.

Penggunaan bahasa Inggeris diperkukuhkan lagi di bawah peruntukan apa-apa yang perlu dicatat atau ditukar ke dalam bentuk penulisan, mesti dalam bahasa Inggeris (Mohd. Salleh Abas, 1985). Penghakisan bahasa Melayu ini berlaku kerana penerimaan kepada sistem *common law* British dan sistem pentadbiran mereka. Perkara ini dilakukan dengan mengubah peranan British daripada menjadi penasihat kepada

pemerintah iaitu perubahan daripada memerintah secara tidak langsung melalui Sultan kepada pemerintahan secara langsung (Nazri Muslim, 2020).

Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 telah menobatkan bersama bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar dan bahasa ilmu. Penggunaan serta fungsi bahasa Melayu semakin meluas dari suatu zaman ke zaman lain dengan penambahan kosa kata baharu yang berperanan melengkapi beberapa istilah serta ilmu baharu agar dapat difahami oleh seluruh masyarakat Malaysia. Maka tidak hairanlah bahasa Melayu pada hari ini semakin meluas fungsinya iaitu bukan sekadar sebagai alat komunikasi masyarakat Malaysia malah lebih dari itu. Selain sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan, bahasa Melayu pada hari ini juga berperanan sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan, bahasa pembentukan jati diri, dan sebagainya.

Ternyata, pemimpin terdahulu telah memutuskan bahawa sebuah negeri yang merdeka tidak dapat terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi jika hendak menyatupadukan penduduknya lebih-lebih lagi yang bersifat majmuk. Maka, orang bukan Melayu perlu menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama juga orang Melayu wajar menerima hak orang bukan Melayu untuk mengguna dan mempelajari bahasa ibunda mereka seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Dalam konteks masyarakat majmuk, kelihatan sukar untuk setiap etnik berkompromi dalam hal budaya dan agama kerana ia amat sensitif. Maka, hanya bahasa yang boleh dikompromi untuk dikongsi bersama iaitu Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan etnik di Malaysia.

Seterusnya, bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Penduduk Malaysia yang berbilang etnik dan agama telah menjalani kehidupan seharian mereka dengan penuh harmoni tanpa sebarang masalah. Kesemua etnik dapat hidup dengan aman dan sejahtera ke arah untuk membangunkan negara. Kesemua itu tidak akan berhasil sekiranya perpaduan yang utuh antara etnik tidak berlaku. Bahasa Melayu menjadi salah satu unsur terpenting, khususnya sebagai faktor penyatuan bangsa dan budaya masyarakat berbilang kaum (Asmah Hj. Omar, 1979). Bahasa telah menjadi alat perpaduan yang menyatukan hati rakyat Malaysia yang tidak mengenal erti perbezaan agama, bangsa serta adat resam sesuatu bangsa. Mereka saling menerima serta menghormati segala amalan dan pegangan masing-masing dengan tidak mempersoalkan sebarang rasa tidak puas hati antara mereka. Hal ini jelas membuktikan bahawa bahasa dapat menjadikan hubungan silaturrahim antara masyarakat semakin erat dan terbukti benar apabila bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa utama dalam berkomunikasi.

Perpaduan sememangnya amat penting dalam sesebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, agama, bangsa dan adat resam. Hal ini kerana, hanya perpaduan yang dapat menjamin kemajuan negara yang akan melahirkan sikap hormat-menghormati serta bekerjasama dalam mencapai matlamat negara mencapai negara maju. Dengan bahasa warisan, iaitu bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa perpaduan, ini telah merapatkan jurang perbezaan fahaman antara etnik. Bahasa Melayu telah berjaya membentuk sikap toleransi dalam memperkatakan sesuatu hal, terutamanya perkara yang berkaitan dengan sensitiviti sesebuah bangsa sama ada berkaitan isu agama, kepercayaan atau adat budaya kehidupan (Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017).

Tanpa perpaduan yang kuat, segala matlamat dan gagasan yang dibuat, tidak dapat dicapai serta dilaksanakan dengan jayanya. Keberhasilan mengukuhkan perpaduan melalui bahasa warisan ini menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang memiliki keistimewaan tersendiri dalam membentuk persefahaman dalam kalangan rakyatnya yang berbilang etnik. Ternyata perpaduan merupakan tunjang keamanan dan kemajuan sesebuah negara dengan menjadikan bahasa sebagai alat untuk mencapai sasaran yang dikehendaki dan seterusnya merapatkan hubungan antara masyarakat.

Seterusnya sebagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang menunjukkan jati diri rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Bahasa Melayu kemudian diperkukuhkan dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar dalam institusi pendidikan menerusi Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Bahasa rasmi ialah bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan awam, bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Secara mudahnya dapatlah difahami bahawa bahasa rasmi merupakan bahasa yang digunakan dalam semua urusan terutamanya urusan pentadbiran negara, pendidikan, perniagaan, dan sebagainya.

Selain itu, peranan bahasa Melayu yang dikatakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi juga telah mewujudkan lambang jati diri rakyat Malaysia apabila menuturkan bahasa Melayu secara keseluruhannya.

Perkara ini diungkapkan dalam dasar bahasa yang merujuk kepada Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah memilih bahasa Melayu sebagai lambang jati diri warganegara Malaysia. Bahasa sememangnya dapat membezakan identiti dan seterusnya membentuk jati diri sesebuah bangsa. Sebagai contoh, negara Jepun membentuk identiti mereka dengan memperkasakan dan mempertahankan bahasa mereka. Penggunaan bahasa ibunda mereka bukan sahaja dalam kalangan masyarakat malah dengan masyarakat luar yang datang ke negara mereka. Malah orang luar yang datang ke negara mereka amat sukar untuk menggunakan bahasa asing seperti bahasa Inggeris yang telah dianggap oleh negara barat sebagai bahasa global, sebaliknya perlu mempelajari bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi. Hal ini membuktikan betapa masyarakat Jepun amat mempertahankan bahasa warisan atau bahasa ibunda mereka yang menjadi lambang jati diri mereka kehidupan (Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017).

'Bahasa Jiwa Bangsa', itulah frasa yang sesuai untuk melambangkan signifikan sesuatu bahasa kepada bangsa di Malaysia. Slogan ini menjadi keramat yang meningkatkan perasaan sayang oleh masyarakat Malaysia terhadap bahasa Melayu sebagai wadah dalam berkomunikasi. Sememangnya bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi antara masyarakat dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang etnik telah menerima Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan oleh semua etnik sekian lamanya tanpa sebarang masalah. Penggunaan bahasa Melayu menjadi teras kepada identiti rakyat Malaysia oleh negara luar. Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi, malah telah dikembangkan penggunaannya dalam segala aspek ilmu seperti ilmu sains, matematik, ekonomi, agama, kedoktoran dan sebagainya.

Berikutnya sebagai bahasa ilmu. Dalam usaha negara ke arah membangunkan negara dari aspek ekonomi, pembangunan bahasa Melayu dilihat juga semakin pesat. Bahasa bukan sahaja menjadi alat bagi masyarakat Malaysia untuk berkomunikasi malah juga digunakan dalam pelbagai bidang. Antara bidang yang digunakan adalah seperti bidang ekonomi, sains, matematik dan sebagainya. Bahasa Melayu dilihat dapat digunakan dan disesuaikan dengan kemajuan teknologi baharu. Pelbagai istilah asing yang baharu seperti istilah bidang sains dapat diserap masuk dalam bahasa Melayu walaupun pada dasarnya merupakan bahasa pinjaman (Nazri Muslim, 2020).

Bahasa Melayu telah terbukti sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Laporan Razak 1957 telah digubal dan dilaksanakan, dan seterusnya dalam Laporan Rahman Talib 1961. Laporan tersebut bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan sepenuhnya sebagai bahasa ilmu pengetahuan agar dapat berkembang menjadi bahasa moden yang diterima pakai oleh masyarakat dan mampu menjadi asas pembinaan negara yang maju dan disegani di mata dunia.

Secara fitrah, apabila sesebuah negara semakin pesat membangun, secara automatik penggunaan bahasa juga semakin meluas khasnya sebagai bahasa ilmu. Perkembangan inovasi dalam pelbagai bidang telah membawa bahasa Melayu berkembang seiring dengan kemajuan yang dibawa masuk oleh negara maju yang lain. Sememangnya bahasa Melayu telah berjaya membuktikan bahawa keindahan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu itu bukan sahaja sebagai alat perpaduan dan lambang jati diri rakyat Malaysia, malah sebagai alat pembangunan negara. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam segala bidang tidak perlu disangkal sama sekali oleh mana-mana pihak atau individu kerana buktinya telah terpapar di depan mata dengan melihat kemajuan yang dikecapi tidak kira sama ada dalam bidang teknologi, sains, sumber manusia mahupun ekonomi. Bahkan dalam politik juga telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu digunakan secara ilmiah dalam mengutarakan idea serta cadangan apabila berada di Parlimen (Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017).

Hal ini membuktikan kepada kita bahawasanya bahasa Melayu bukanlah bahasa yang rendah kualitinya dan tidak dapat membina negara ke arah negara maju setanding negara maju yang lain. Keyakinan masyarakat dalam menilai dan mentafsir penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu diperluas agar tersemat dalam hati setiap rakyat Malaysia bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang tinggi kualitinya (Chan Swee Heng Ain Nadzimah Abdullah & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017).

Seterusnya, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa warisan. Kesedaran tentang kepentingan pengekalan bahasa Melayu sebagai khazanah warisan negara dengan pengisytiharan Hari Bahasa Sedunia oleh UNESCO *(United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)* pada tarikh 21 Februari setiap tahun bermula 2000. Melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Bahasa Melayu telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada 10 Mei 2012 untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai

bahasa warisan negara yang dikategorikan dalam Warisan Kebudayaan Tidak Ketara *(intangible heritage)*. Dalam akta ini, bahasa tergolong kepada bentuk warisan tidak nyata yang turut dikelaskan bersama dengan nilai adat dan budaya serta persuratan untuk menghasilkan budaya ilmu dan kepakaran tertentu (Rosli bin Hj. Nor, 2006). Berdasarkan dasar yang telah digubal dan dilaksanakan, jelas usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa warisan untuk memelihara khazanah negara tersebut agar terus bertahan dalam cabaran pada masa kini telah dibuat.

KESIMPULAN

Pembinaan negara bangsa memerlukan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat dan jentera kerajaan. Rakyat Malaysia perlu memahami, menghayati dan mengaplikasi supaya proses pembinaan negara bangsa menjadi lebih kukuh. Rakyat perlu bijak dan bersedia dalam menangani ancaman untuk memusnahkan negara bangsa. Satu nilai yang dikongsi bersama perlu diwujudkan dan dihargai oleh seluruh warganegara Malaysia (Nazri Muslim, 2019). Justeru, pelbagai bahasa, adat dan budaya yang wujud dalam sesebuah masyarakat bukan merupakan alasan untuk tidak berjaya. Manakala Bahasa Melayu telah terbukti sebagai elemen penting dan utama ke arah mencapai pembinaan negara bangsa Malaysia. Malah, Malaysia telah membuktikan rakyatnya berjaya menguruskan negara dengan baik. Kunci kepada kejayaan Malaysia dalam perkara ini adalah implementasi dalam aspek perpaduan dalam kepelbagaian dan kesepaduan dalam kepelbagaian. Terbukti menunjukkan bahawa Bahasa Melayu merupakan elemen penting dalam pembinaan negara bangsa d Malaysia.

RUJUKAN

Abdul Aziz Bari. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara bangsa: Proses dan perbahasan* (Edisi kedua). Bangi, Malaysia: Penerbit UKM.

Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon. (2017). Sejarah dan Perkembangan Bahasa Melayu. Dalam Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Che Ibrahim Salleh. *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Amat Johari Moin. (1989). Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: Suatu analisis sosiolinguistik. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj Omar. (1979). *Language planning for unity and efficiency*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah & Muhamad Nor Firdaus Wahidon. (2017). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Warisan. Dalam Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Che Ibrahim Salleh. *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

*Chambers' Encyclopedia, (*1973). Chicago: William Benton Publisher.

Hassan Ahmad. (2004). Kesusasteraan dan pembinaan negara bangsa. Dalam Shaiful Bahri Md. Radzi et al. (Eds.). *Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melqyu (SAKM) VIII* (hlm. 1-13). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lee Kam Hing. (2005). Writing Malaysia's contemporary history. Dalam Wang Gungwu (Ed.). *Nation-building: Five Southeast Asian Histories* (hlm. 163-190). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Maxwell & Gibson. (1924). *Treaties and engagements affecting Malay states and Borneo*. London: Truscott and Son Ltd.

Mohamad Anwar Omar Din. (2004). Legitimasi mitos dalam pembinaan negara bangsa. Dalam Shaiful Bahri Md. Radziet al. (Eds.). *Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melqyu (SAKM) VIII* (hlm.431-447). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Suffian Hashim. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Salleh Abas. (1985). *Unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Syariefudin Abdullah. (2014). *MPU3113 Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Nazri Muslim and Azizi Umar. (2017). Malay Royal Institution according to the Federal Constitution within the context of ethnic relations in Malaysia. *Akademika, 87*(1), 35-48.

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan etnik di malaysia dari perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, *29*(1), 1-28.

Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim. (2019). Malaysia Federal Constitution from constitutional sociology contexts. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, *14*(11): 3761-3770.

Nazri Muslim. (2012). Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, *19*(2), 19-62.

Nazri Muslim. (2019). Socializing the constitution: Malaysian national agenda. *Asian Social Sciences*, *15*(11), 35-41

Nazri Muslim. (2020). *Islam dan Melayu dalam perlembagaan: Tiang seri hubungan etnik di Malaysia* (Edisi Kedua). Bangi: Penerbit UKM.

Rosli Hj Nor. (2006). National Heritage Act 2005. *Seminar National Heritage Act 2005*. Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur, Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik* (Edisi kedua). Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.

Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. (2003). *Pendidikan negara bangsa.* Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

PENGALAMAN TRAGEDI 13 MEI 1969: CITRA HUBUNGAN ETNIK DALAM MENDEPANI CABARAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Nor Azlah Sham Rambely
Universiti Utara Malaysia
azlah@uum.edu.my

Rashidah Mamat
Universiti Utara Malaysia
shidah@uum.edu.my

ABSTRAK

13 Mei 1969 merupakan tragedi berdarah yang berlaku dalam negara kita setelah 12 tahun kemerdekaan dikecapi. Konflik etnik antara kaum Melayu dan kaum Cina mendasari tragedi 13 Mei 1969. Isu politik, perasaan tidak puas hati, kecewa, prejudis menebal dalam hati dan perasaan kedua-dua kaum ini, sehingga akhirnya terjadinya peristiwa ini yang menyebabkan kematian, kemusnahan harta-benda serta ketegangan kaum. Meneliti tragedi ini dari sudut pandang konflik semata-mata, tidak akan menghasilkan natijah yang baik untuk generasi masa depan. Sebaliknya mendatangi isu ini melalui dimensi kesepaduan sosial diharap memberi ruang atau paradigma baru ke arah pemahaman masyarakat genreasi baru tentang kepentingan kesepaduan yang akan membawa ke arah perpaduan. Analisa kandungan dalaman dokumen dijadikan paksi untuk menterjemahkan kerangka pandangan ini. Teori kesepaduan sosial adalah satu teori yang dipopularkan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Hubungan Etnik bagi membina Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang diimpikan. Sesungguhnya, tragedi 13 Mei 1969 adalah peristiwa yang telah berlalu, namun ianya penting dalam konteks membina sebuah negara bangsa Malaysia yang aman dan damai tanpa prasangka negatif. Justeru melalui sudut pandang yang berbeza, tragedi ini dapat memberi panduan sebaiknya kepada generasi baru untuk masa kini dan masa depan.

Kata kunci: Tragedi 13 Mei 1969, dimensi konflik, dimensi kesepaduan sosial, hubungan etnik

PENGENALAN

Impak penjajahan British mengubah kependudukan Tanah Melayu dari "*unisociety*" kepada "*plural society*". Bermula dari sinilah pertembungan antara kaum bermula, sebagaimana menurut Chai Hon-Chan, "*The central problem of West Malaysian politics after World War II was the question of citizenship and the political status of the Chinese and Indians vis-à-vis the Malays*".[10] Perlaksanaan dasar penjajahan British melahirkan masyarakat *unisociety* yang berhadapan dengan perbezaan yang ketara antara satu sama lain, sama ada dari segi agama, bahasa, penempatan, pekerjaan malahan budaya.

Namun perubahan masa dan perkembangan generasi serta untuk mengukuhkan ekonomi, terma *unity in diversity* dijadikan satu landasan utama bagi menggembleng semangat perpaduan dari kepelbagaian yang berbeza.

'Unity in diversity' membawa penjelmaan dalam bentuk tiga wajah: satu wajah positif, satu konflik dan satu wajah idaman. Wajah positif datangnya daripada kepelbagaian yang dimegahkan, dirayakan (*celebrating diversity*) dan dikomersialkan. Berbilion ringgit, misalnya, boleh diperoleh dengan 'menjual kepelbagaian' ini melalui program seperti "Tahun Melawat Malaysia." Makanya pendapatan ini menyumbang terus kepada ekonomi negara. Wajah negatif yang menjelma bersama fenomena kepelbagaian adalah berpunca daripada perbezaan yang ada dalam berbagai bentuk dalam masyarakat. Setiap bentuk itu mempunyai potensi menimbulkan konflik, pertelingkahan, bertikam lidah dan fitnah memfitnah yang dibakar pula oleh khabar angin. Ditambah dengan prejudis dan stereotaip yang terus merendahkan rasionaliti, meningkatkan ketegangan,

mencabar harmoni dan menggegar stabiliti. Manakala wajah idaman yang muncul daripada kepelbagaian ini adalah satu bayangan ke arah suatu bentuk perpaduan yang paling ideal, iaitu, *unity in uniformity*, atau 'perpaduan dalam kesatuan.' Keinginan idealistik ini sering diungkapkan terus menerus dan berulang kali dalam ucapan ahli politik dan pemimpin dan juga terdapat dalam lirik pelbagai lagu bersifat patriotik, iaitu, kata-kata "satu negara, satu bangsa, satu bahasa" (Shamsul Amri, 2014)

Sejak awal penubuhan Malaysia, selain isu integrasi nasional, isu kesepaduan sosial turut mendapat perhatian pemimpin. Peristiwa rusuhan kaum yang tragik pada 1969, menyebabkan isu kesepaduan etnik atau kesepaduan sosial bertambah mendesak. Bagi Malaysia, pembinaan negara bangsa merujuk kepada pembinaan sebuah negara yang bersatu padu dari segi politik, ekonomi, budaya, sosial dan wilayah, dengan jati dirinya yang jelas. Dasar perpaduan nasional di negara ini adalah berasaskan integrasi, iaitu kesepaduan sosial dan integrasi nasional. Kesepaduan sosial merujuk kepada kesatuan dan kepaduan hubungan dalam kalangan pelbagai etnik di negara ini sehingga wujudnya keharmonian dan keamanan. Integrasi nasional bermaksud usaha yang dilakukan dengan penuh sedar, melalui perekayasaan sosial, iaitu melalui pelbagai dasar seperti bahasa dan budaya kebangsaan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dengan identiti nasional dalam sebuah negara persekutuan (Jeniri, 2015).

Kebanyakan kajian tentang hubungan etnik di Malaysia sering kali menggunakan paradigma konflik sebagai analisis utama untuk memahami permasalahan yang wujud dalam hubungan etnik. Namun dalam penulisan ini paradigma alternatif digunakan bagi melihat permasalahan etnik bukan bertujuan untuk menafikan bahawa tiada konflik tetapi sebagai satu cara pandang yang memberi tempat yang lebih wajar kepada sisi positif dalam menganalisis dan memahami hubungan etnik. Hal ini dirasakan wajar kerana hakikatnya aspek yang lebih dominan dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia bukan berasaskan konflik tetapi didasari oleh kesepaduan sosial. Menggunakan paradigma kesepaduan sosial untuk memahami hubungan etnik di Malaysia bermula dengan premis bahawa kesepaduan sosial telah wujud di peringkat masyarakat awam. Hanya perlu dikukuhkan lagi supaya perpaduan yang dicita-citakan oleh masyarakat dan negara dapat dicapai.

Kesepaduan sosial yang dinikmati sekarang merupakan proses yang panjang dan berterusan sejak wujudnya interaksi antara masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Kewujudan kesepaduan sosial disumbangkan secara "*top-down*" atau hasil daripada tindakan kerajaan yang diterapkan kepada masyarakat dan ada yang disumbangkan secara "*bottom-up*" iaitu hasil daripada interaksi dan jalinan hubungan yang berlaku di peringkat masyarakat awam itu sendiri dalam kehidupan sehari-hari tanpa campur tangan oleh pihak kerajaan. Justeru objektif penulisan pertama adalah untuk mengenal pasti fenomena etnisiti dan permasalahan yang wujud berdasarkan Tragedi 13 Mei 1969 dan yang keduanya memahamkan rakyat Malaysia untuk melihat fenomena etnisiti dan permasalahan yang wujud melalui perspektif dan dimensi kesepaduan sosial yang ada dalam masyarakat Malaysia bagi memahami citra hubungan etnik masa kini. Penekanan terhadap kesepaduan sosial penting kerana masyarakat Malaysia perlu didedahkan dengan pemahaman citra hubungan etnik yang adil dan menyeluruh bagi membina kesejahteraan hidup rakyat Malaysia yang lebih baik.

TRAGEDI 13 MEI 1969 DARI SUDUT PANDANG KONFLIK

Secara umumnya kepincangan memahami dan menghormati perlembagaan negara telah membawa kepada percakaran kaum sehinggalah kepada kemuncak tragedi 13 Mei 1969. 13 Mei 1969 merupakan satu detik hitam yang bersejarah di bumi Semenanjung Malaysia. 13 Mei 1969 tercatat dalam sejarah kita sebagai hari Tragedi Nasional. Pada hari itu asas pendirian negara kita telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya pernah dialami dengan meletusnya rusuhan antara kaum. Mujurlah kerajaan telah mengambil tindakan yang segera dan tegas, dibantu dengan setianya oleh pihak tentera dan polis. Maka dapatlah pihak berkuasa mengawal keadaan secepat-cepatnya. Kalau tidak kerana langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan dengan segera itu maka tentulah seluruh negeri ini akan tersebar dalam mala petaka yang besar (*The National Operations Council*, 1974).

Buat pertama kalinya selepas kemerdekaan dikecapi, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu terutamanya Cina meletus yang memporak-porandakan tanah air. Tragedi 13 Mei 1969 merupakan klimaks kepada kewujudan permusuhan antara kaum Melayu dan Cina.

Perlu dilihat bahawa pertembungan konflik perkauman ini bukanlah berlaku secara tiba-tiba tetapi duri-duri perkauman telah ada dan wujud sejak awal lagi sewaktu proses penjajahan berlangsung (Nor

Azlah Sham Rambely, 2015). Laporan British menegaskan, "the root cause of antagonism between Chinese and Malays and Chinese and Indians are too well known to need to be rehearsed here- the economic pressures, the religious differences and the differences of racial characteristics"(FCO 24/480 Malaysia: Internal Affairs West Malaysia Internal Situation). K. Jeyaratnam (1958) pula memperincikan punca konflik perkauman, iaitu,

> The racial problem was not merely one of political and linguistic differences. Its texture was far more intricate and several other factors, less obvious perhaps, but equally problematic, were involved – social structure, economic role, religious differences, temperament, degree of education, productive capacity, and above all, each community's individual attitude towards the country (hal. 7).

Pertembungan konflik perkauman antara kaum yang berlaku antara kaum Melayu dan Cina tidak timbul begitu sahaja. Sebaliknya kemelut pergolakan antara kaum ini telah berakar umbi sejak awal lagi semasa Tanah Melayu dijajah dan dicaturkan arah tujunya oleh negara yang menjajahnya. Antara faktor kemelut pergolakan kaum sehingga membawa kepada penerusan isu perkauman antara bangsa Melayu dan kaum Cina adalah kewujudan ketidakseimbangan ekonomi orang Melayu kesan kebanjiran kaum bukan Melayu di negara ini (dari dasar ekonomi kapitalis penjajah British), kesan pendudukan Jepun (1942-1945), pembentukan Perlembagaan Kerakyatan MU 1946, serta isu selepas kemerdekaan (1957) iaitu antaranya isu kerakyatan dalam pilihan raya 1959, 1964 dan 1969 dan isu komunis (Parti Komunis Malaysia dan Darurat 1948-1960) (Nor Azlah Sham, 2015).

Hal ini disebabkan apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957, ia mewarisi pelbagai masalah yang ditinggalkan oleh penjajah British. Di antara yang terpenting ialah berhubung dengan masalah kependudukan. Dasar penjajah British yang membawa masuk buruh-buruh asing, terutama dari negara China dan India untuk tujuan-tujuan ekonomi telah mengubah struktur demografi negara ini hingga menimbulkan masalah apabila negara mencapai kemerdekaan dan apabila negara hendak memulakan dasar-dasar berhubung dengan kenegaraan. Banci penduduk Tanah Melayu yang dibuat pada tahun 1947, 1957 dan 1970 menunjukkan bahawa bilangan orang-orang Melayu hampir 50% daripada jumlah penduduk manakala sebahagian yang lain terdiri daripada penduduk-penduduk kaum imigran. Perbezaan etnik ini lebih ketara lagi dengan terdapatnya perbezaan dari segi bahasa, agama, kebudayaan, pengalaman sejarah, aktiviti-aktiviti ekonomi dan corak penempatan. Jurang perbezaan yang begitu luas di kalangan kumpulan etnik di negara ini menjadikan penghidupan begitu mencabar dan tidak kurang juga menakutkan (Haris Md. Jadi. 1990).

Dasar pecah dan perintah British semasa zaman penjajahan telah mewujudkan peminggiran jurang ekonomi dan pendidikan. Peminggiran ini telah menyebabkan orang Cina berada di kawasan bandar dan membantu ekonomi kapitalis British khususnya dalam sektor perlombongan bijih timah. Manakala masyarakat Melayu terus terpinggir dengan sistem ekonomi sara diri. Oleh yang demikian orang Melayu tidak mampu menghadapi tujahan ekonomi orang Cina yang berada di kawasan bandar. Keadaan ini terus mengekalkan orang Melayu dalam kepompong mereka yang tersendiri. Jurang perbezaan ini terus kekal ke era pasca merdeka dengan kewujudan perbezaan status sosioekonomi antara kaum.

Faktor utama yang menjadikan Peristiwa 13 Mei 1969 sebagai peristiwa hitam dalam sejarah negara ialah perasaan tidak puas hati terhadap hak istimewa orang Melayu. Semasa kempen Pilihan Raya 1969, ahli-ahli politik dari kalangan parti pembangkang, telah membangkitkan soal-soal Bangsa Malaysia berkaitan dengan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu), kedudukan istimewa orang Melayu sebagai (Bumiputera) dan hak kerakyatan orang bukan Melayu (Nor Azlah Sham, 2015). Ini telah mencetuskan kemarahan orang Melayu dan juga memberi tanda kepada orang Cina bahawa mereka boleh mempunyai hak sama rata seperti kaum Melayu. Memandangkan sistem pendidikan pada ketika itu menggunakan sistem vernakular dan informasi yang boleh diperoleh sangat terhad. Maka, orang Cina kurang memahami konsep yang diguna pakai di Tanah Melayu ketika itu. Mereka tidak dapat menerima keadaan di mana mereka mempunyai kuasa ekonomi manakala orang Melayu adalah tuan kepada Tanah Melayu. Maka sebagai tuan tanah orang Melayu berhak mempunyai peraturan dan perkara-perkara yang diklasifikasikan sebagai hak yang tidak patut diusik oleh orang selain tuan tanah. Tambahan pula dengan hasutan anasir komunis, kaum Cina semakin berani melakukan keganasan (Tunku Abdul Rahman, 2007). Ada segelintir masyarakat Cina yang mengiktiraf ketuanan Melayu tetapi pendirian mereka dipengaruhi oleh ahli politik mereka. Maka sehingga kini komuniti

Cina akan tetap memperjuangkan kepentingan kaum mereka tanpa mengira pegangan politik mereka kerana Peristiwa 13 Mei 1969 telah membuktikan bahawa mereka mampu berkuasa. Walau bagaimanapun, peristiwa ini membuktikan orang Melayu tetap akan mempertahankan negara ini sebagai tanah tumpah darah mereka.

Implikasi pertama Peristiwa 13 Mei ialah pengisytiharan darurat. Berikutan rusuhan yang berlaku pada 13 Mei di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, pada 16 Mei 1969, Darurat telah diisytiharkan oleh Yang Di-Pertuan Agong di bawah Ordinan No.2 (Kuasa-kuasa perlu) Darurat 1969 – P.U.(A) 149 (Abdul Rahman Ibrahim, 2011). Walaupun tragedi ini telah lama berlalu, terdapat usaha pihak tertentu menimbulkan faktor kejadian yang dibimbangi akan mencetuskan semula perselisihan kaum. Misalnya, setelah 40 tahun tercetusnya tragedi ini, sebuah buku diterbitkan pada tahun 2009 berjudul "13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi tentang Rusuhan 1969 Malaysia" yang ditulis oleh Dr Kua Kia Soong (ahli sosialis) bagi menangkis Laporan Mageran. Buku ini merupakan huraian pertama rusuhan perkauman 13 Mei 1969 di Malaysia yang menggunakan dokumen-dokumen deklasifikasi yang diambil dari Pejabat Rekod Awam, London. Pada pandangan beliau, rusuhan tersebut bukan satu ledakan keganasan spontan antara orang Melayu dan Cina, tetapi ia adalah satu kudeta yang dirancangkan oleh kelas pemerintah kapitalis menentang kelas aristokrat yang dipimpin oleh Tunku (Kua Kia Soong, 2009). Sudut pandang etnik ini dibimbangi mampu mencetuskan perasaan tidak puas hati antara rakyat berterusan.

Sebenarnya, kemerdekaan tidak menjamin keamanan akan terus wujud. Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia menghadapi masalah rumit melibatkan hubungan kaum sehingga kadangkala dianggap tidak mungkin dapat di atasi. Sebagaimana menurut Oong Hak Ching, kehadiran beberapa kelompok etnik yang berbeza dalam sesuatu unit politik selalunya menimbulkan banyak masalah terutama bagi mencari satu dasar pembentukan negara bangsa (Oong Hak Ching, 1997). Walaupun kemerdekaan dirai namun hakikatnya konsep negara bangsa yang sebenarnya belum lagi wujud kerana penduduk pada masa itu didukung oleh faham perkauman yang tebal. Kaum terbesar masih dikenali mengikut sektor pekerjaan dan tempat tinggal. Keadaan berpuak-puak penduduk Malaysia masih jelas kelihatan walaupun negara telah mencapai kemerdekaan. Perasaan iri hati dan tidak percaya antara kaum terus berlaku sehinggalah akhirnya meletus tragedi berdarah 13 Mei 1969 (Comber, 1993). Tragedi 13 Mei 1969 membuktikan wujud perasaan iri hati dan tidak percaya antara kaum telah berlaku. Jurang antara kaum masih ada dan Malaysia belum lagi mencapai taraf negara bangsa tetapi satu negara banyak bangsa. Sehubungan itu, pengalaman Tragedi 13 Mei 1969 dan kerelevenan kesan tragedi ini membuktikan bahawa satu tindakan perlu diambil bagi mengukuhkan hubungan kaum.

Justeru, isu di atas menunjukkan pola kerencaman dan kepelbagaian penduduk yang wujud secara tidak langsung menggalakkan perspektif bahawa hubungan etnik di Malaysia pada umumnya adalah bersifat rapuh, mudah retak dan cenderung ke arah ketegangan dan sering membawa kepada keadaan yang berkonflik. Adakah pandangan sebegini tepat untuk menghuraikan hubungan etnik di Malaysia? Jika pandangan sebegini diterima, negara Malaysia sebagai sebuah negara bangsa mungkin tidak dapat bertahan dan wujud dalam peta dunia. Keadaan yang wujud ialah etnik yang pelbagai ini akan membentuk negara mengikut acuan etnik masing-masing. Namun demikian, hakikatnya negara Malaysia dengan kerencaman demografi yang berbeza masih terus kukuh, maju dan membangun malah disegani oleh jiran tetangga dalam konteks negara berbilang etnik. Dengan komposisi etnik, agama, budaya dan bahasa yang begitu kompleks, Malaysia berjaya mengekalkan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat serta pencapaian pembangunan. Justeru, keunikan tadbir urus negara dalam mengolah perpaduan dalam kepelbagaian amat penting daripada hanya melihat dimensi konflik mahupun ketegangan.

Aspek tadbir urus perpaduan dalam kepelbagaian ini sebenarnya membawa kepada kefahaman terhadap proses kesepaduan sosial dalam masyarakat yang sebenarnya merupakan inti pati kepada kestabilan, keamanan, mahupun kerukunan hidup masyarakat berbilang etnik. Kestabilan dan keamanan yang dikecapi oleh Malaysia telah diiktiraf oleh Global Peace Index 2019, Malaysia adalah satu-satunya negara heterogeneous dengan komposisi demografi pelbagai etnik berada di senarai paling atas. Sebaliknya, negara-negara lain yang berada pada kedudukan lebih baik daripada Malaysia secara umumnya ialah negara yang lebih bersifat homogeneous. Pada tahun 2011 kedudukan Malaysia berada di tangga ke-19 manakala pada tahun 2012 kedudukannya adalah pada tangga ke-20 iaitu mendahului Australia (ke-22) dan Singapura (ke-23)(Institute for Economics and Peace 2011). Kini pada tahun 2019, Malaysia berada di tangga ke 16, iaitu satu pencapaian yang amat membanggakan (Global Peace Index 2019, (http://visionofhumanity.org/app/uploads/2019/06/GPI-2019-web003.pdf)

Oleh itu pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia untuk mengangkat paradigma kesepaduan sosial

sebagai teras dan orientasi memahami permasalahan etnik yang wujud di Malaysia berbanding paradigma konflik yang telah digunakan sebelum ini. Justeru keperluan masyarakat memahami hubungan etnik di Malaysia melalui dimensi kesepaduan sosial wajar kerana hakikatnya aspek yang lebih dominan dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia bukan berasaskan konflik tetapi didasari oleh kesepaduan sosial.

DIMENSI KESEPADUAN SOSIAL

Apakah maksud 'kesepaduan sosial'? Kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik, kerana wujudnya kesepakatan sosial (social bonding) yang kuat yang terbina untuk sekian lamanya berasaskan setidak-tidaknya lima pra-syarat:

1.Taraf kebendaan yang berkualiti, seperti mempunyai indeks kualiti hidup yang sederhana ke tinggi
2.Akses kepada kemudahan yang boleh menjamin dan mempertahan kualiti hidup dan mobiliti sosial
3.Aturan sosial yang stabil, aman dan selamat
4. Interaktif aktif berlandaskan jaringan dan pertukaran hubungan yang positif
5. Wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana

Senario yang menggalakkan kesepaduan sosial bertahan boleh dibayangkan seperti berikut: biarpun wujud perbezaan, kontradiksi, contestation dan konflik dalam sesuatu masyarakat itu, jika para anggotanya sanggup berunding dan bertolak ansur untuk mewujudkan konsensus, tolak ansur, toleransi dalam semangat akomodasi, malah bersungguh membina harmoni dan pelbagai bentuk ikatan sosial (social alliance), kesepaduan sosial akan mekar segar bugar terpamer dan sedia terperaga (Shamsul Amri, 2014).

MEMAHAMI DIMENSI KESEPADUAN SOSIAL DALAM ISU HUBUNGAN ETNIK SI MALAYSIA

Dalam menggambarkan hubungan etnik, terdapat sarjana yang menyatakan bahawa masyarakat yang memiliki kerencaman budaya, bahasa, agama dan kemajmukan etnik seperti di Malaysia pasti akan terpisah dan terasing mengikut kumpulan etnik, agama, budaya dan bahasa masing-masing tanpa nilai yang dapat mengikat mereka bersama. Selain itu, perbezaan etnik melahirkan persaingan antara kumpulan etnik sehingga berlaku kepupusan ciri-ciri etnik, iaitu dari segi bahasa, budaya dan agama mereka apabila etnik yang dominan menguasai etnik minoriti. Media massa juga sering membawa laporan kewujudan polarisasi etnik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dengan menyatakan bahawa mahasiswa tidak berminat untuk berkongsi dengan etnik lain seperti tinggal sebilik, makan bersama, belajar bersama, bergaul bersama dalam kegiatan lain di kampus. Malahan media massa sering membangkitkan sentimen etnik atau agama dalam laporan berita. Di samping itu, aktiviti dalam kempen pilihan raya sering menjadi gelanggang untuk meraih undi dengan cara menggemblengkan sentimen dan kepentingan etnik masing-masing sehingga mencetuskan keresahan dalam kalangan etnik dan membawa kepada aspek ketegangan etnik.

Natijahnya, adakah adil memotretkan hubungan etnik di Malaysia dalam perspektif yang sempit dengan melihat masyarakat Malaysia ini hanya dari sudut konflik, sengketa, pertentangan dan ketegangan semata-mata? Di mana pula penilaian masyarakat keseluruhan melihat kejayaan negara mengurus soal kesepaduan sosial yang dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat selepas Peristiwa 13 Mei 1969 sehingga hari ini yang berjaya diangkat dalam Global Peace Index 2019 dan kejayaan ekonomi Malaysia yang berdaya saing setanding dengan negara lain? Oleh itu hubungan etnik di Malaysia perlu dilihat dari perspektif dan dimensi kesepaduan sosial yang merupakan formula kesejahteraan masyarakat berbilang kaum. Tambahan pula kebanyakan kajian hubungan etnik di Malaysia telah menggunakan paradigma konflik sebagai alat analisis yang utama dalam menganalisis dan memahami setiap permasalahan yang wujud dalam masyarakat. Melalui paradigma konflik yang menjadi pendekatan utama itu terdapat kecenderungan pengkajinya untuk menggeneralisasikan sesuatu permasalahan secara simplistic sedangkan permasalahan yang wujud pada masa kini adalah bertindan lapis antara etnik, agama, kelas, gender, umur, orientasi seksual, budaya, ideologi dan kategori-kategori sosial yang lain. Perspektif yang digunakan oleh pengkaji menggambarkan hubungan etnik di Malaysia adalah rapuh, retak dan penuh dengan pertentangan dan persengketaan adalah berdasarkan paradigma konflik. Oleh itu konsep polarisasi, segregasi, ketegangan, persaingan, persengketaan, pertentangan, perbezaan atau perpecahan digunakan sebagai alat analisis dan pengukur untuk memahami permasalahan tersebut.

Cara pandang dari kaca mata konflik umumnya mengandaikan masyarakat Malaysia seolah-olah berada dalam dikotomi, pertentangan, persengketaan dan saling bersaing khususnya antara kumpulan yang berlainan etnik dan agama. Cara pandang yang sebegini gagal untuk melihat pelbagai sisi yang amat pelbagai antara satu kategori sosial dengan satu kategori sosial yang lain. Seharusnya melalui peristiwa 13 Mei 1969, masyarakat Malaysia perlu didedahkan dengan situasi positif yang dapat merapatkan hubungan kaum. Ringkasnya walaupun konflik berlaku, masih ada tangan-tangan dan perasaan yang mementingkan kemanusiaan, daripada melihat kepentingan kaum sendiri. Ini dibuktikan melalui cerita-cerita saksi mata tentang bagaimana peranan antara kaum semasa 13 Mei 1969, membantu menyelamatkan kaum lain dalam suasana konflik yang mengancam nyawa mereka sendiri. Fauziah Ahmad, bercerita pengalamannya ketika berlakunya 13 Mei 1969 beliau berumur 13 tahun. Tinggal di belakang Chong Hwa High School di Batu 3¾ Jalan Gombak, kira-kira 20 minit dari Pekan Chow Kit. Kawasan yang 99% dihuni orang Cina dan hanya ada dua buah rumah orang Melayu dan sebuah rumah orang India Muslim. "Cuma saya tak dapat lupa jiran-jiran Cina di kawasan perumahan kecil di belakang Chong Hwa High School sampai ke hari ini. Kalau tidak kerana jiran-jiran yang baik hati dan bermuafakat, pasti kami sekeluarga tidak wujud hari ini', (Fauziah 2013). Beliau menjelaskan bagaimana mereka sekeluarga terselamat kerana jiran-jiran yang berbangsa Cina menjaga keselamatan mereka, memberi makanan dan menghulurkan ubat-ubatan untuk ibu beliau yang jatuh sakit kerana terkejut dengan kejadian tersebut.

Begitu juga dengan kisah seorang Konsultan (berumur 26 tahun pada tahun 1969) menceritakan bagaimana pengalaman pada 13 Mei beliau secara sukarela bertugas sebagai Red Cross dalam bahagian Komuniti Khidmat Sosial, diberi tanggungjawab berkhidmat malam dalam penghantaran bungkusan makanan dan bantuan perubatan. Beliau menjelaskan bagaimana beliau berganding bahu bersama-sama rakan dari kaum yang lain dan mereka bekerjasama tanpa memikirkan isu perkauman. "Yang peliknya, 13 Mei 1969 telah menyatukan kaum, di mana ia menjadi panggilan yang cuba mengejutkan kami daripada sikap leka dalam keharmonian kaum. Sekarang ini orang ramai terutamanya orang muda dah macam tak mahu atau sangat berhati-hati kalau nak menolong sesama saudara mereka. Kita tidak lagi menawarkan pertolongan masing-masing. Walaupun dengan pelbagai jari ditundingkan dan juga retorik politik selepas itu, generasi kami tetap yakin yang kami perlu buat bahagian masing-masing dalam mengekalkan keamanan terutamanya dalam interaksi kami dengan saudara seMalaysia yang lain. Saya sungguh-sungguh berharap yang generasi seterusnya dapat mengekalkan sikap ini" (Azar Ishak, 2017).

Seorang rakyat Malaysia berbangsa Cina iaitu Lyn (berumur 20 tahun pada 1969) menceritakan pengalamannya ketika tragedi 13 Mei 1969. Beliau menceritakan bagaimana semasa tinggal bersembunyi di Hostel Methodist Girl seorang tukang kebun Melayu menjaga penduduk hostel dengan mengatakan yang tiada orang Cina di sana, walaupun keluarga kawan si tukang kebun seorang Melayu dibunuh oleh Cina. Menurut beliau, "Saya berkahwin dengan Melayu. tapi saya selalu ingatkan anak-anak saya akan darah Cina mereka. Kita tidak boleh biarkan rusuhan kaum berlaku lagi, itulah pengajaran yang paling penting"(https://soscili.my/5-lagi-pengalaman-sebenar-rakyat-Malaysia-ketika-tragedi-13-mei 1969/disiarkan pada 12 Mei 2017).

. Dato' Derrick Fernandez (berumur 20 tahun ketika 1969) turut menceritakan pengalamannya bekerja sebagai wartawan BERNAMA di tengah bandar berdekatan Kampung Baru. "Kami ada pas pelekat kereta akhbar yang membenarkan kami untuk bergerak sewaktu perintah berkurung. Bila saya kembali ke pejabat, dua wartawan perempuan Cina yang tinggal di Chow Kit ingin balik ke rumah dan mandi apa semua. Dua gadis ini terperangkap dalam konflik, dilindungi oleh rakan sekerja Melayu mereka bila sekumpulan orang datang ke pejabat dan bertanya jika ada mana-mana orang Cina di situ. Seorang office boy Melayu pun terperangkap kat pejabat, terlalu takut nak balik ke rumah dia kat Sungai Besi. Saya hantar semuanya ke rumah masing-masing, menempuhi beberapa checkpoint yang dijaga oleh polis. Kat Chow Kit, saya terpaksa turunkan dulu budak Melayu tadi supaya saya boleh pergi dengan dua gadis tadi dan jemput dia balik kemudiannya". Menurut beliau, walaupun dalam keadaan yang paling teruk masa itu, sikap tolak ansur sesama bangsa waktu itu lebih baik daripada sekarang. Beberapa ekstremis (daripada kedua-dua belah pihak) telah menghasut orang untuk berkumpul untuk menimbulkan huru-hara. Selang ketika perintah berkurung tamat, beliau masih bergaul dengan rakan sekerja dari kaum lain, dan di kawasan pasar kebanyakan penjual Cina terus berjual walaupun ketika barang makanan tidak mencukupi (Fernandez, 2017).

Berhubung isu keharmonian kaum sekarang ini berbanding semasa tragedi 13 Mei 1969, Lau Chee Hong (berumur 18 tahun pada 1969) menjelaskan, "Demografi pada waktu itu sangat berbeza. Saya ada sikit je kawan sekelas Melayu sewaktu sekolah kebangsaan dan lagi sikit waktu sekolah menengah. Saya ada

satu kawan Melayu yang rapat, cukup rapat saya boleh lawat dia di Kampung Baru. Di sepanjang zaman persekolahan kami, saya boleh kata dengan penuh ikhlas yang kami tak mengenal bangsa. Kami semua makan makanan yang sama di kantin. Perkataan halal tak wujud pun dalam kosa kata kami. Kalau kamu baca mana-mana surat khabar zaman 60-an dan bandingkannya dengan sekarang, kamu akan perasan yang wartawan zaman dulu melaporkan berita dengan elemen perkauman atau keagamaan yang sedikit. Istilah hudud atau syariah tak wujud pun zaman tu. Perkataan seperti Tuhan & Allah digunakan dan tiada siapa yang bising pun. Sekarang ni semuanya pasal mentaliti "Kita vs Mereka" yang diperapkan dalam semua aspek hidup rakyat Malaysia" (Lau Chee Hong, 2017).

Menurut Khoo Kay Kim (2017), isu-isu seperti ini tidak akan timbul jika kita faham dengan keadaan masyarakat, "Kita punya masalah sebenarnya adalah sehingga sekarang kita tak kenal antara satu sama lain. Hanya melalui sistem pendidikan, kita boleh menyatukan masyarakat. Kalau ada berbagai jenis sekolah pun, sukatan pelajaran mesti sama. Latihan guru juga mesti satu saja. Jika dulu, dari Pulau Pinang sampai Johor Bharu ada maktab perguruan. Sekarang mana ada lagi. Untuk membina sebuah negara, terlebih dahulu membina sekolah!"

Dalam keghairahan mengangkat paradigma konflik sebagai teras dan orientasi memahami permasalahan yang wujud di Malaysia, realitinya tahap kehidupan harian masyarakat awam berada dalam kesepaduan sosial yang relatifnya adalah bersifat aman dan stabil. Selepas peristiwa 13 Mei 1969 konflik bersifat kekerasan etnik secara terbuka yang berlaku adalah terlalu kecil. Dalam tempoh lebih daripada empat dekad yang lalu semenjak peristiwa 13 Mei 1969, Malaysia secara relatifnya masih belum goyah dengan konflik peristiwa etnik mahupun konflik agama namun kadang-kadang kesannya boleh mengancam kesepaduan sosial yang sudah sedia wujud dalam masyarakat berbilang etnik. Walaupun tidak dinafikan bahawa konflik, pertentangan dan saling bertanding sering muncul dan memenuhi wacana sama ada di kedai kopi, warung teh tarik, restoran mamak, atau di ruang maya blog, internet dan portal sesawang, serta kekerasan fizikal seperti yang berlaku di Kampung Rawa, Kampung Medan, Kamunting tetapi kekerasan fizikal tersebut adalah bersifat lokal dan terkawal tidal merebak serta berlarutan sehingga mencantas pokok sosial yang mengikat masyarakat setempat. Kehidupan harian masyarakat awam khususnya di luar kawasan konflik yang tersebut tetap diteruskan dalam suasana yang relatifnya aman dan damai. Keadaan ini adalah realiti kehidupan sosial yang wujud di Malaysia dan jarang diungkapkan oleh para sarjana kajian etnik. Realiti yang lebih positif dan sebenarnya lebih dominan serta lebih terserlah umumnya terlepas pandang daripada mata para sarjana kajian etnik.

KESIMPULAN

Sekiranya ditelusuri, cara pandang melalui paradigma konflik merupakan warisan pembentukan ilmu kolonial yang bersifat esensialis, tetap dan cenderung meletakkan ciri-ciri sosial yang terdapat pada subjek yang menjadi anak jajahan mereka. Malaysia juga tidak terkecuali dalam kancah wacana berbentuk konflik apabila kerajaan British di Tanah Melayu pada ketika itu mengisytiharkan darurat dalam menangani ketidakstabilan sosiopolitik berikutan tindakan kekerasan yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya. Paradigma konflik ini terus mendapat tempat sebagai cara pandang yang dominan dalam memahami masyarakat Malaysia apabila berlaku pertentangan sengit antara organisasi politik yang mewakili kepentingan kumpulan etnik yang pelbagai di Malaysia sama ada pada era kolonial ataupun pascakolonial. Cara pandang melalui perspektif konflik semakin popular dan kukuh apabila meletusnya Peristiwa 13 Mei 1969 sehingga ada yang meramalkan bahawa projek pembangunan negara bangsa Malaysia akan gagal. Proses pembentukan cara pandang melalui perspektif konflik merupakan suatu proses yang panjang, lama dan berterusan. Dari era kolonial sehingga ke masa kini, paradigma konflik telah menjadi cara pandang yang dominan dalam masyarakat untuk memahami fenomena etnisiti dan permasalahan yang wujud di Malaysia sehingga menyebabkan sukar untuk melihat dengan cara pandang yang lain. Malaysia yang diramalkan oleh banyak pihak akan berakhir dengan perpecahan akibat tragedi 13 Mei 1969, tidak berlaku, kerana selepas peristiwa tersebut, ternyata Malaysia lebih stabil dan kukuh berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Maka kerana itu penulisan ini diharap dapat memberi ruang untuk kita memahami citra hubungan etnik di Malaysia dengan lebih adil dan menyeluruh melalui cara pandang dari perspektif dan dimensi kesepaduan sosial.

Sesungguhnya, dalam usaha kita untuk menjadi sebuah negara bangsa, pelbagai strategi, pendekatan dan dasar telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai negara impian tersebut. Negara impian dan idaman kita bukan sahaja perlu makmur dan maju dalam semua bidang, tetapi mempunyai hubungan etnik yang

harmoni dan bersatu padu, serta mencapai integrasi nasional di bawah sistem persekutuan. Malaysia yang kita impikan ialah sebuah negara yang menyaksikan rakyat berbilang kaum, budaya dan agama dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Rakyatnya memiliki kesatuan dan perpaduan yang utuh, serta berada dalam keadaan harmoni sesuai dengan tuntutan perlembagaan. Perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan tunjang kestabilan sosiopolitik di negara ini demi kemajuan dan keutuhan bangsa.

Melangkah ke hadapan, maka di sinilah peranan kemandirian bangsa penting untuk diterapkan kepada seluruh masyarakat Malaysia. Iaitu satu keadaan di mana sebahagian besar, jika tidak seluruh rakyat, dapat hidup mandiri di atas kaki sendiri atau dengan kata lain dalam keadaan sejahtera lahir dan batin. Bangsa yang boleh berdikari atas kaki sendiri dan berfikir bukan untuk diri sendiri, baik dalam sosial, politik, kebudayaan mahupun ekonomi. Bangsa yang faham tentang peranan mereka sebagai tunjang kekuatan dan kesepaduan masyarakat. Bangsa yang meletakkan kepentingan masyarakat lebih utama berbanding kepentingan diri. Justeru, jika tercapai, maka inilah intisari kemerdekaan sebenarnya!

RUJUKAN

Azar Ishak. (2017). https://soscili.my/5-lagi-pengalaman-sebenar-rakyat-Malaysia-ketika-tragedi-13-mei-1969/disiarkan pada 12 Mei 2017.

Fauziah Samad (2013), *7 Rakyat Malaysia Berkongsi Pengalaman Pada 13 Mei 1969*, https://www.dapurkakjee.com/2013/05/13-mei-1969-pengalaman-kjee.html

FCO 24/480 Malaysia: Internal affairs West Malaysia Internal Situation. Racial Antagonism in Malaysia, Extremist Malay Groups and their Potential for Revolution.

Fernandez, D. (2017). https://soscili.my/5-lagi-pengalaman-sebenar-rakyat-Malaysia-ketika-tragedi-13-mei-1969/disiarkan pada 12 Mei 2017.

Global Peace Index. (2019). http://visionofhumanity.org/app/uploads/2019/06/GPI-2019-web003.pdf

Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, politik dan pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Institute for Economics and Peace. (2011). http://economicsandpeace.org/reports Jebat Must Die (Jun 12, 2009). The 13th May riots: The true and fair view analysis by Jebat must die. Diakses daripada https:// jebatmustdie.files.wordpress.com/2009/06/13-may-1969-analysis-by-jmd.pdf.

Jeniri Amir. (2015). kesepaduan sosial dan integrasi nasional dalam masyarakat Malaysia hari ini: Peranan sastera dan bahasa kebangsaan. *Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2015*, ASWARA, Kuala Lumpur, Malaysia.

K. Jeyaratnam. (1958). *Racial factors in the political development of the Federation of Malaya*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). The University of British Columbia, Amerika Syarikat.

Kua Kia Soong. (2009). *May 13: Declassified documents on the Malaysian Riot of 1969.* Kuala Lumpur: Suhakam.

Lau Chee Hong. (2017). https://soscili.my/5-lagi-pengalaman-sebenar-rakyat-Malaysia-ketika-tragedi-13-mei-1969/disiarkan pada 12 Mei 2017.

Combe, L. (1969). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah perhubungan Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: DBP.

Nor Azlah Sham Rambely (2015). *Proses pembentukan kerakyatan dan kewarganegaran Malaysia serta impaknya terhadap Tragedi 13 Mei 1969*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Oong Hak Ching. (1997). Masalah komuniti orang Cina dan pembentukan dasar kesatuan negara bangsa di bawah pemerintahan colonial British di Tanah Melayu, 1942-1952, *Seminar Sejarah Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 1-23.

Shamsul Amri Baharuddin. (2014, 19-21 Januari). *Perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat. Ucaptama untuk Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman*, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, JPT, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

The May 13 Tragedy. (1974). A Report. The National Operations Council.

NILAI WARISAN SEMULA JADI: KAJIAN PEMBUDAYAAN BUDAYA POPULAR DALAM KALANGAN PENDAKI DI MALAYSIA

Norzaliza Ghazali
Universiti Utara Malaysia
zaliza@uum.edu.my

Mohd Raime bin Ramlan
Universiti Utara Malaysia
raime@uum.edu.my

Sazali Bin Saad
Universiti Utara Malaysia
sazali@uum.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pembudayaan budaya popular dan nilai warisan semula jadi, iaitu gunung-gunung yang terdapat di Malaysia dalam mendepani cabaran Covid 19. Aktiviti pendakian menjadi semakin popular dalam masyarakat pada hari ini. Secara tidak langsung, ia mendorong kewujudan pelbagai kumpulan pendaki yang aktif walaupun mengikut S.O.P. Namun, kekurangan pemahaman dan kesedaran mengenai pemeliharaan alam telah menyebabkan terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab yang telah merosakkan flora dan fauna serta melakukan tingkah laku yang negatif seperti memusnahkan fitur geologi, melukiskan grafiti dan melakukan vandalisme. Artikel ini bertujuan memberi gambaran sebenar tentang faktor-faktor berlakunya tingkah laku negatif ini dan menilai impak aktiviti pendakian ini sebagai satu budaya popular. Pembudayaan nilai warisan semula jadi menjadi agenda utama dalam memastikan kelestarian alam terjaga. Data yang digunakan dalam penulisan ini diperoleh daripada laporan-laporan mengenai isu ini, kajian lapangan dan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap pendaki yang kurang kesedaran dan kemahiran mendaki antara faktor yang menyumbang tingkah laku negatif yang berlaku dalam aktiviti pendakian gunung di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat memahami faktor-faktor penyebab isu ini berlaku yang pastinya mewujudkan masyarakat yang tidak mempunyai nilai peradaban yang tinggi dan seterusnya menggugat warisan semula jadi hutan di Malaysia.

Kata kunci: budaya popular, nilai warisan semula jadi, tingkah laku negatif, etika

PENGENALAN

Alam merupakan satu ciptaan Allah SWT yang menakjubkan. Setiap ciptaan Allah SWT dalam alam ini berkait rapat dengan aspek keseimbangan. Kehidupan yang berada dalam alam ini telah diberikan peranan masing-masing untuk mewujudkan keseimbangan sesama sendiri. Ini termasuklah manusia, haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Ketiga-tiganya mempunyai hubungan yang saling memerlukan untuk keseimbangan alam ini. Melalui hubungan inilah, Allah SWT telah melarang berlakunya perilaku-perilaku yang menyalahgunakan alam ini seterusnya memberi kesan yang yang buruk kepada hidupan di alam ini.

Khazanah alam semulajadi seperti sumber hutan, tanah tinggi, pulau dan pantai adalah salah satu tarikan pelancong di Malaysia. Malaysia amat kaya dengan hutan belantara dan gunung-ganang yang mempunyai keunikan tersendiri. Keindahan landskap alam semulajadi, dihiasi flora dan fauna yang unik membuatkan masyarakat pada hari ini gemar melakukan aktiviti rekreasi terutamanya pendakian. Aktiviti rekreasi lasak memanjat gunung merupakan aktiviti sihat dan merupakan aktiviti fizikal yang popular.

Gunung merupakan puncak yang menonjol di atas kawasan tanah tinggi dengan keluasan yang terhad. Pergunungan adalah beberapa siri gunung yang berhimpun di bawah satu jaluran banjaran, permatang

dan genting yang dipisahkan oleh genting dan sungai. Rangkaian pergunungan adalah gabungan zon yang terdiri daripada beberapa pergunungan digabungkan. Pergunungan dihasilkan oleh tektonik yang berlanggar menyebabkan bongkahan batu mantel terbujur selepas pergerakkan larva. Perubahan tektonik ini menghasilkan gunung dan jurang pada bahagian yang lain.

Antara sebab-sebab gunung perlu sentiasa dipelihara ialah kawasan gunung meliputi 24% dari keluasan daratan, gunung juga menjadi penghadang yang menghasilkan hujan dan sumber bekalan air bersih di sekitar kawasan pamah. Selain itu, 78% dari atmosfera merupakan nitrogen, yang dapat diserap oleh tumbuhan hutan kemudiannya digunakan oleh manusia atau haiwan. Tumbuh-tumbuhan menyerap radiasi sinar matahari melalui gas karbon dioksida dan apabila bercampur dengan air ia bertukar menjadi bikarbonat yang dapat melarutkan batuan dan meninggalkannya di lautan. Pergunungan dihuni oleh tumbuhan yang berfungsi mengeluarkan oksigen untuk kehidupan manusia. Penghuraian air hujan dan karbon dioksida melepaskan oksigen kembali ke atmosfera. Justeru, pemeliharaan yang berterusan amat penting dalam memastikan warisan alam semulajadi ini sentiasa terjaga demi kesejahteraan umat manusia.

Pada masa kini, aktiviti pendakian menjadi satu budaya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia tanpa mengira umur. Gaya hidup sihat ini adalah sesuatu yang baik, namun kurangnya pemahaman dan kesedaran mengenai pemeliharaan alam telah menyebabkan terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab telah merosakkan flora dan fauna serta melakukan tingkah laku yang negatif seperti memusnahkan fitur geologi, melukiskan graffiti dan melakukan vandalisme semasa melakukan aktiviti ini. Terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak mengetahui etika yang betul ketika menjalankan aktiviti pendakian.

Sehubungan itu, kajian ini melihat faktor-faktor berlakunya tingkah laku negatif ini dan menilai impak aktiviti pendakian ini sebagai satu budaya popular. Kajian ini penting untuk membendung tingkah laku negatif daripada terus mencemarkan alam semulajadi dan memastikan kelestarian alam sekitar terjaga.

Kajian dijalankan berbentuk kualitatif, iaitu kajian lapangan dan temu bual berstruktur sebagai reka bentuk kajian. Kajian lapangan telah dilakukan di kawasan terpilih iaitu Gunung Baling, Gunung Keriang, Kedah dan Bukit Bendera, Pulau Pinang. Manakala seramai dua puluh (20) orang pendaki yang berpengalaman telah ditemu bual untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Temu bual telah direkodkan dan dicatat sebagai bahan kajian.

Budaya popular didefinisikan sebagai ciri-ciri budaya pelbagai kaum yang terpilih, dikenal pasti boleh dipopularkan, dikongsi dan dihayati bersama sebagai budaya sepunya. Ciri-ciri penting budaya popular boleh ditakrifkan memiliki daya tarikan, merentasi semua golongan, kelas sosial, batasan etnik, agama dan diterima oleh masyarakat umum. Ia dihasilkan secara sedar, dihargai, diperakui, diamalkan, dihayati secara kolektif oleh warga sesebuah kelompok, komuniti, masyarakat massa dan bangsa. Wan Abdul Kadir (2006) menyatakan bahawa budaya popular ialah unsur-unsur budaya yang diminati atau diberikan tumpuan ramai. Unsur-unsur budaya itu menjadi bahan pengguna kepada majoriti anggota masyarakat, yang mana generasi muda adalah anggotanya. Terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada kepesatan dan perkembangan budaya popular seperti modenisasi, hiburan masa lapang, bandar-bandar moden, gaya hidup, komunikasi, perhubungan dan dasar politik global.

Laku musnah atau vandalisme merujuk tabiat seseorang membinasakan harta, merupakan nama bagi sebuah puak di Eropah iaitu *Vandal*, yang telah membinasakan kota Rome pada tahun 445. Pada lazimnya, laku musnah dianggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi pada keadaan tertentu, vandalisme merupakan satu bentuk ritual yang dilakukan oleh golongan manusia yang tidak puas hati terhadap kondisi masyarakat.

Vandalisme juga ditakrifkan sebagai "*wilfully destroy or damage works of art, public and private property, the beauties of nature, etc*" (*Kamus Oxford Advanced Learner's*). Manakala Dewan Bahasa dan Pustaka memberi pentakrifan vandalisme sebagai satu bentuk jenayah di sisi moral. Sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotori, atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme. Di Malaysia, isu vandalisme dilihat semakin berleluasa dan membimbangkan. Hal ini kerana segelintir daripada masyarakat kita bersikap lepas tangan dan tidak bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan. Namun, tanpa kita sedari, vandalisme juga berlaku di kawasan rekreasi, pergunungan dan bukit-bukau. Artikel ini memfokuskan mengenai tingkah laku negatif ini yang berlaku di gunung-gunung dan bukit-bukau di Semenanjung Malaysia.

AKTIVITI PENDAKIAN GUNUNG

Aktiviti *hiking* (mendaki) bukit ataupun gunung semakin menjadi kegilaan ramai. Bukit ataupun gunung kini menjadi destinasi riadah yang dilakukan pelbagai peringkat umur, termasuk dalam kalangan orang berumur dan kanak-kanak. Ini sedikit sebanyak menunjukkkan bahawa aktiviti rekreasi seperti pendakian semakin digemari masayarakat dan menyumbang kepada gaya hidup sihat yang sering menjadi faktor penting dalam penjagaan kesihatan seorang manusia.

Aktiviti mendaki bukit mampu mencabar stamina seseorang. Ia dapat membakar kalori dengan banyak kerana membabitkan latihan kardio. Aktiviti mendaki bukit tergolong dalam satu daripada lima latihan kardio terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh dan menguatkan otot kaki dan gluteus, Selain itu, aktiviti mendaki juga dapat menurunkan tekanan darah dan mengurangkan risiko diabetes, penyakit jantung dan obesiti. Namun, meskipun dilihat aktiviti mendaki ini lebih kepada aktiviti yang menyihatkan badan, tetapi pada masa yang sama ia turut mempunyai sebab-sebab menarik yang lain, di antaranya adalah:

1. Mendaki mampu meningkatkan mood seseorang, mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan daya ingatan (Kajian Universiti Stanford, 2014)

2. Mendaki juga boleh menangkis kemurungan dan mengurangkan stress. Dengan melakukan aktiviti mendaki berjalan kaki selama 90 minit dalam persekitaran semulajadi, ia boleh menyumbang kepada kesihatan otak, di samping membantu menangani masalah kemurungan dan mengurangkan rasa stress.

3. Mendaki turut boleh membantu menyelesaikan masalah. Dengan meluangkan masa di luar, dipercayai dapat membantu meningkatkan perhatian dan kemahiran seseorang dalam menyelesaikan masalah kreatif sebanyak 50%.

4. Selepas sejam berinteraksi dengan alam semula jadi pula, prestasi daya ingatan dan perhatian juga dikatakan meningkat sehingga 20%. (Kajian University of Michigan, 2008).

5. Mendaki juga boleh menguatkan silaturrahim sesama individu, di mana selain meningkatkan rangkaian sosial buat mereka yang mempunyai hobi yang sama, ia memberikan kita peluang untuk berinteraksi dengan dunia luar.

6. Mendaki juga untuk menikmati keindahan puncak dan berkongsi di laman sosial.

Aktiviti pendakian menjadi semakin popular dalam masyarakat pada hari ini terutama generasi muda. Secara tidak langsung, ia mendorong kepada kewujudan pelbagai kumpulan pendaki yang aktif. Namun, kurang kesedaran dan sikap tidak bertanggungjawab segelintir pendaki meninggalkan impak negatif terhadap alam sekitar dan mengurangkan kemampuan hutan untuk menjalankan fungsi ekologinya. Malaysia mempunyai banyak tempat pendakian dan rekreasi yang cantik dan menarik untuk dikunjungi, namun isu vandalisme telah mencacatkan pemandangan dan memberi tanggapan negatif khususnya kepada pelancong-pelancong di dalam mahupun luar negara. Kemajuan pembangunan negara tidak ada gunanya jika rakyat tidak mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga harta benda.

Terdapat beberapa jenis vandalisme di negara ini, iaitu merosakkan harta benda, menconteng, mencuri, mencemar, membakar dan sebagainya. Pada kebiasaannya, kawasan yang menjadi tumpuan vandalisme adalah di tandas awam, kawasan perumahan kos rendah, taman permainan dan lain-lain. Vandalisme sering dipandang remeh oleh masyarakat tanpa memikirkan bahawa sekiranya tidak dibendung maka tidak mustahil vandalisme ini akan terus menjadi budaya masyarakat kita pada masa hadapan. Selain itu, ia juga akan merugikan negara dari segi kos perbelanjaan iaitu kerajaan terpaksa menampung kos perbelanjaan penyelenggaraan harta awam yang telah dirosakkan.

KEWUJUDAN VANDALISME DI PERGUNUNGAN

Sesungguhnya kewujudan gunung-ganang di atas muka bumi ini adalah untuk memberikan kestabilan kepadanya serta menjadi pasak bagi bumi. Ini berdasarkan ayat 31 dalam surah al-Anbiya:

Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak

menggegar mereka dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani.

Ayat di atas menjelaskan bahawa kepentingan gunung-ganang dalam mewujudkan kestabilan alam ini. Bukan sahaja gunung-ganang malah bukit-bukau juga berperanan untuk menjadi pasak kepada bumi ini. Jadi seharusnya manusia yang telah diberikan akal fikiran mampu untuk berfikir secara waras dalam menjaga alam ini dan perlu meneliti dan berpandangan jauh sebelum melakukan sesuatu perkara sesuai dengan kelebihan akal yang dikurniakan. Manakala dalam Surah al-A'raf ayat 74, Allah SWT berfirman:

Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Ad, dan ditempatkannya kamu di bumi, (dengan diberi kemudahan) untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata, dan kamu memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka, kenangkanlah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi.

Analisis dapatan kajian mendapati bahawa mentaliti dan sikap masyarakat menjadi faktor utama isu ini sukar dibendung. Sikap tidak bertanggungjawab merosakkan kemudahan sepanjang laluan turut mengundang masalah apabila berlaku kemalangan. Sifat mementingkan diri sendiri tanpa melihat hak orang lain dalam menggunakan kemudahan yang disediakan. Selain itu, sikap bangga diri apabila dapat sampai ke puncak gunung. Hal ini sering berlaku terutamanya dalam kalangan pendaki remaja. Tahap kematangan mereka masih rendah untuk membezakan perkara yang betul dan salah. Hal ini turut disokong oleh responden kajian, iaitu:

"Tiada rasa tanggungjawab atau bersalah ke atas orang di sekeliling." (R.6)
"Bukti bahawa pendaki telah sampai (gah dengan pencapaian sendiri)". (R.10)
"Kurang matang (remaja/belia). (R.11, R.19)
"Bangga diri/ingin menunjuk kehebatan dengan mencatatkan nama sebagai pendaki yang terawal sampai" (R.12, R.13, R.14 dan R.17)

Faktor yang kedua menyebabkan vandalisme ini berlaku iaitu masalah emosi dan tekanan yang dihadapi oleh seseorang individu. Mereka memilih melakukan vandalisme sebagai jalan untuk meluahkan perasaan marah, bosan, sedih dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai tempat untuk meluahkan masalah. Segala yang terlintas dalam fikiran mereka yang ketidakstabilan dalam emosi dicurahkan ke atas permukaan batu, daun-daun dan papan tanda yang terdapat sepanjang laluan trek ke puncak. Tujuan mereka tidak jelas. Kemungkinan hanya sekadar menghabiskan masa lapang. Responden menyatakan bahawa: "Inginkan perhatian atau ingin dikenali oleh orang ramai. Contohnya perbuatan menconteng dinding dengan pelbagai lukisan dan lakaran tanpa kebenaran, menulis nama di pondok-pondok rehat awam". (R.5)

"Faktor berlakunya vandalisme mungkin disebabkan oleh tekanan hidup individu tersebut dan melakukan kerosakan adalah salah satu cara bagi menzahirkan tekanan yang dihadapi". (R.7)
"Emosi tidak stabil (melepaskan perasaan tidak puas hati dan geram kepada masyarakat, sesuatu isu atau ibu bapa)". (R.8, R.16, R.19)

Konflik jiwa yang tinggi juga mendorong seseorang untuk melakukan vandalisme, kerana inginkan perhatian. Dorongan emosi menguasai diri daripada akal fikiran lalu mendorong mereka melakukan vandalisme tanpa ada kesedaran dan pertimbangan yang rasional. Sehubungan itu, secara tidak langsung masalah vandalisme ini juga sebenarnya boleh menjurus kepada masalah sosial yang lain seperti ponteng sekolah, ponteng kerja, kemahiran sosial yang lemah, masalah keluarga, masalah dengan pihak berkuasa dan lain-lain. Selain itu, bagi pelaku remaja yang aktif melakukan vandalisme juga mereka mudah terlibat dengan jenayah apabila dewasa disebabkan mereka sudah terjebak dengan masalah ini sejak remaja lagi.

Faktor yang ketiga ialah tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan pendaki mengenai kepentingan memelihara alam sekitar. Ketua kumpulan yang dilantik atau malim gunung memainkan tanggungjawab untuk menerangkan peraturan semasa aktiviti pendakian. Disiplin yang tinggi perlu sentiasa diterapkan dalam kalangan pendaki. Berikut merupakan pandangan responden:

"Tahap kesedaran yang rendah, pendedahan yang rendah tentang perlunya menjaga harta/persekitaran awam (R.4, R.14)

"Tiada/kurang kesedaran sivik, antaranya tiada matapelajaran sivik, tata rakyat di sekolah ketika ini. (R.10)

"Tahap kesedaran kurang tentang penjagaan alam sekitar (R.11)

"Tiada kesedaran tentang pentingnya menjaga harta benda/kemudahan awam (R.16, R.18, R.19)

Masyarakat yang gemar melakukan aktiviti pendakian ini sepatutnya mengetahui dan memahami kod etika pendakian. Kebanyakan pendaki yang professional memahami etika dan adab dalam pendakian. Contohnya, kod etika pendakian di Taman Negara Pahang.

Kod Etika Pendakian
- Sihat tubuh badan, tidak menghidap lemah jantung, asma dan penyakit kronik yang lain - Pendaki mestilah mempunyai ketahanan fizikal dan mental - Pendaki mempunyai pengalaman pendakian di mana-mana gunung di dunia atau di Malaysia - Pendaki dikehendaki mendaftarkan diri di Pejabat Penguatkuasaan Taman Negara sebelum melakukan pendakian - Pendaki perlulah mempunyai seorang pemandu arah yang dilantik oleh jabatan Perhilitan bagi membawa mereka mendaki - Pendaki perlulah mengisytiharkan barangan yang dibawa semasa pendakian di Pejabat Penguatkuasa sebelum pendakian bermula - Barangan seperti tin, botol, bateri, plastik, pakaian perlu direkodkan dan hendaklah dibawa ke Kuala Tahan. Kehilangan barangan tersebut akan didenda dan tidak diberikan sijil pendakian. - Pendaki hanya membawa barangan sendiri sahaja begitu juga pemandu arah. - Pisau melebihi empat inci, radio dan cat sembur adalah dilarang. - Dilarang membakar sampah dan membuat unggun api di kawasan gunung. - Dilarang menconteng dan mengukir pada pokok-pokok dan papan tanda.

Selain itu, terdapat juga mereka yang mendaki untuk keseronokkan sahaja dan hanya mengikut kawan. Rakan sebaya mempunyai pengaruh dominan ke atas perlakuan remaja dalam segala aktiviti berfaedah atau tidak berfaedah. Menurut Kevan (2006), golongan ini tidak dapat melarikan diri daripada melalui proses "keakuran kepada rakan sebaya". Mereka melakukan sesuatu tingkah laku atas pemintaan rakan-rakan walaupun mereka tidak berniat jahat berbuat demikian. Lazimnya mereka mematuhi arahan kerana takut disisih daripada kumpulan. Dalam hal ini responden yang ditemu bual juga berpendapat sedemikian:

"Bukan pencinta alam semulajadi sebenar. *Hiking* sebab ikut kawan. *Hiking* sebab nak *update* facebook dan instagram. *Hiking* sebab nak nampak *cool.* (R.2)

"Antara lain ada juga yang melakukan vandalism hanya sekadar suka-suka disebabkan mengikut kawan dan salah satu cara meyakinkan kumpulan mereka adalah dengan melakukan cara yang sama". (R.7)

"Terikut-ikut dengan rakan hiking tetapi tidak faham tentang adab dan etika mendaki" (R.20)

"Ramai anak muda (belia) yang tidak faham kepentingan jaga alam. Hanya suka-suka mendaki" (R.20)

RAJAH 1: Vandalisme pada papan tanda Gunung Baling, Kedah

Hasil kajian lapangan ke Gunung Baling, Kedah penyelidik mendapati bahawa terdapat banyak tulisan tangan pada papan tanda di puncak Gunung Baling. Nama-nama mereka yang telah berjaya sampai ke puncak di tulis dengan sewenang-wenangnya. Ini menggambarkan perbuatan tidak menghargai harta benda awam. Papan tanda yang disediakan adalah untuk memaklumkan bahawa pendaki telah sampai ke puncak dan dapat bergambar sebagai kenangan. Ini juga mengakibatkan pendaki yang lain berasa terkilan dan tidak selesa kerana terpaksa bergambar dengan contengan vandalisme dan graffiti seperti nama individu tertentu. Rajah 1 menunjukkan papan tanda yang telah diconteng oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

RAJAH 2: Vandalisme pada kaktus di Bukit Bendera, Pulau Pinang

Seterusnya, kajian lapangan yang dijalankan di Bukit Bendera, Pulau Pinang pula menunjukkan bahawa terdapatnya pendaki yang tidak bertanggungjawab memusnahkan kaktus-kaktus yang menghiasi landskap Bukit Bendera. Rajah 2 menunjukkan tulisan nama-nama dan tarikh individu berkenaan mendaki. Kemusnahan yang berlaku mencacatkan pemandangan dan pastinya menimbulkan seribu satu pertanyaan dalam kalangan pendaki. Secara tidak langsung, ini membawa persepsi yang negatif dalam kalangan pendaki luar negara terhadap masyarakat Malaysia. Vandalisme sering dipandang remeh oleh masyarakat tanpa memikirkan bahawa sekiranya tidak dibendung, maka tidak mustahil vandalisme ini akan terus menjadi budaya masyarakat kita pada masa hadapan. Lama-kelamaan masyarakat Malaysia dilabelkan sebagai rakyat yang tidak prihatin oleh negara luar. Selain itu, negara juga mengalami kerugian dari segi kos perbelanjaan iaitu kerajaan terpaksa menampung kos perbelanjaan penyelenggaraan harta awam yang telah dirosakkan.

RAJAH 3: Contengan yang memusnahkan fitur geologi, di Gunung Keriang, Kedah

Seterusnya, dalam Rajah 3 menunjukkan contengan nombor di sepanjang laluan ke puncak. Gunung Keriang, Kedah. Gunung Keriang terletak kira-kira 10km ke utara Bandaraya Alor Setar dan merupakan satu-satunya bukit batu kapur berbentuk mogot yang terdapat dalam daerah Kota Setar. Gunung Keriang dari segi geologinya terdiri daripada jujukan lapisan batu kapur yang dipanggil formasi Chuping ataupun formasi Kodiang. Jujukan batu kapurnya sama seperti yang terdapat di bukit-bukit sekitar pekan Kodiang, Kedah dan sangat kaya dengan fosil, terutamanya fosil mikro. Kedudukan Gunung Keriang yang terletak di pinggir bandar Alor Setar bukan sahaja menjadikan ia mercu tanda yang cukup mudah dikenali dan tersergam indah malah cukup masyhur dengan nilai khazanahnya. Terdapat sekurang-kurangnya 10 jenis batu berlainan yang terdapat di Gunung Keriang. Kepelbagaian batu yang menarik ini menjadikan Gunung Keriang sebagai warisan geologi yang unik dan patut dilindungi. Kawasan gua batu kapur yang masih belum diusik sepenuhnya, dikatakan dipenuhi bunga kristal kalsit unik dan bernilai tinggi yang mendambakan setiap peminat kristal dari dalam dan luar negara. Namun, kecantikan gunung ini dicemari oleh tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab yang mencacatkan keindahan gunung tersebut.

RAJAH 4: Tanda arah yang mengelirukan para pendaki di Gunung Keriang

Isu keselamatan menjadi keutamaan semasa melakukan pendakian. Kemalangan semakin kerap berlaku yang membabitkan pendaki tempatan. Menurut laporan Persatuan Mencari dan Menyelamat Gunung Malaysia (Mosars), setakat 2018 sejumlah 105 kes direkodkan membabitkan 400 orang mangsa berdasarkan kes yang dilaporkan di media massa. Berdasarkan kepada angka kemalangan ketika mendaki menunjukkan bahawa tahap keselamatan dalam kalangan pendaki amat membimbangkan dan perlu dipandang serius. Sehubungan itu, apabila berlakunya vandalisme yang membabitkan tanda arah yang mengelirukan, ini membahayakan pendaki yang perlu mendapatkan bantuan dengan segera apabila berlakunya kecemasan.

IMPLIKASI AKTIVITI PENDAKIAN SEBAGAI BUDAYA POPULAR

Berdasarkan kajian yang dijalankan antara implikasi utama vandalisme ialah menjejaskan industri eko-pelancongan negara. Apabila hal ini terjadi kemelesetan ekonomi negara boleh berlaku. Pelancong beranggapan bahawa masyarakat Malaysia bersikap tidak bertanggungjawab kerana persekitaran yang kotor. Ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk melancong ke Malaysia. Pelancong luar sebenarnya lebih berminat untuk menikmati keunikan dan keindahan alam semula jadi dengan Hutan Hujan Tropika yang masih hijau, tinggi kepelbagaian biologi, sungai serta air terjun yang menarik, pantai yang bersih dan indah. Malaysia memiliki hutan tertua di dunia iaitu Hutan Belum di Perak yang berusia lebih dari 130 juta tahun dan ia sebenarnya lebih tua dari hutan Amazon. Justeru, nilai warisan alam ini perlu dipelihara dengan sebaiknya. Berikut merupakan komen responden:

"Tempat kotor tidak akan menarik pelancong asing. (R.2)
"Rosak reputasi negara dan sumber alam bagi tujuan pelancongan (R.3, R.4, R.5),

"Mencerminkan budaya negatif di mata pelancong (R.8, R.9, R.10)
"Kesan ekonomi apabila kekurangan pelancong (R.18)

Selain itu, budaya popular ini boleh mengakibatkan kerosakan kepada kemudahan, alam semulajadi terjejas dan mengganggu ekosistem hutan. Ekosistem memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Ia adalah amanah dan anugerah Tuhan kepada manusia yang harus dipelihara sebagai warisan generasi yang berpanjangan. Satu keseimbangan wujud antara manusia dan organisma dengan alam sekitar dan keseimbangan ini adalah dinamik, iaitu sentiasa berubah. Walaupun tanggungjawab menjaga alam sekitar sangat penting namun ia seringkali diabaikan. Warisan ini sebenarnya terlalu tinggi nilainya dalam kehidupan manusia. Perbuatan mencemarkan alam sekitar adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan nilai dan etika agama. Kebanyakan pencemaran yang berlaku disebabkan oleh aktiviti-aktiviti manusia. Hal ini dinyatakan oleh responden seperti berikut:

"Berlaku kecacatan pandangan dan kerosakan kepada kemudahan awam dan pelancongan seperti laluan trek, papan tanda di puncak gunung dan arca-arca atau monumen yang dibina. (R.1, R.3, R.4, R.5, R.6, R.8, R.10)
"Kerosakkan kepada alam sekitar seperti pokok dan batuan sungai" (R.5)
"Kecacatan pandangan dan kerosakan nilai pada produk perlancongan" (R.9)
"Kemusnahan flora dan fauna, gangguan habitat binatang" (R.18)
"Merosakkan alam sekitar dan menganggu ekosistem" (R. 19)
"Mencacatkan pemandangan alam sekitar dan berlakunya masalah kesihatan akibat pencemaran" (R.19)
"Merosakkan alam dan menganggu ekosistem" (R.20)
"Sampah yang banyak menyebabkan masalah kesihatan" (R.20)
"Aliran air sungai tersekat" (R.20)

STRATEGI UNTUK MENGATASI ISU VANDALISME

Terdapat tiga cadangan utama hasil kajian yang dijalankan, iaitu melalui pendidikan, melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, memperkasa masyarakat setempat dengan melaksanakan pelbagai aktiviti kesedaran. Mason (2003), menyatakan bahawa interpretasi adalah cara untuk membentuk sikap dan tingkahlaku orang kerana ia adalah proses berkomunikasi melalui makna simboliknya. Dengan menjelaskan kepada pendaki, mereka dapat mengambil bahagian dalam proses pendidikan formal atau tidak formal, dan dapat dilakukan melalui pelbagai bentuk (seperti media) dan demonstrasi.

Pendidikan merupakan kaedah terpenting dalam membendung kegiatan vandalisme. Melalui pendidikan, masyarakat terutama golongan remaja dididik agar mencintai alam sekitar dan menjada segala kemudahan awam yang disediakan. Selain itu, pendidikan secara formal mahupun secara tidak formal mampu membina sikap menghargai harta benda awam yang merupakan tanggungjawab bersama. Berikut merupakan komen responden:

"Pendidikan supaya ada kesedaran sejak awal sekolah tentang perlunya alam sekitar dipelihara" (R.3, R.8)
"Didikan awal tentang penjagaan harta awam dari peringkat sekolah rendah lagi" (R.4)
"Mengadakan kursus, selitkan silibus penjagaan alam sekitar" (R. 12)

Selain ini, pihak berkuasa berperanan penting memelihara dan memulihara kawasan rekreasi seperti gunung-gunung dan bukit-bukit. Penguatkuasaan yang tegas perlu dilakukan untuk menjamin isu vandalisme ini tidak menular dalam kalangan masyarakat terutama komuniti pendaki. Aktiviti pendakian sememangnya baik untuk kesihatan, namun masyarakat juga perlu diingatkan peri pentingnya penjagaan alam sekitar. Hukuman dan denda membuatkan masyarakat lebih berhati-hati apabila melakukan sesuatu yang salah seperti membuang sampah merata-rata, menconteng sesuka hati pada dinding gunung, gua, tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok dan mematahkan kayu-kayu apabila berkhemah. Ini ditegaskan lagi dengan penyataan responden di bawah:

"Menguatkuasakan undang-undang vandalisme dengan lebih keras seperti denda yang tinggi. Dengan hukuman sebegini masyarakat akan lebih prihatin dan berjaga-jaga untuk melakukan vandalism" (R.1)
"Penguatkuasaan perlu lebih tegas. Selesai pendakian kenakan tindakan jika berlaku vandalisme" (R.2)
"Peraturan program kawasan rekreasi perlu dapatkan permit dan deposit kebersihan serta jaminan keselamatan peralatan atau kemudahan awam di kawasan rekreasi perlu dikuatkuasakan". (R.5)
"Ketatkan peraturan atau undang-undang berkaitan aktiviti seperti keperluan permit, jurupandu bertauliah, dan sebagainya. (R.3, R.4, R. 17)
"Bagi yang melakukan kesalahan dikenakan hukuman larangan untuk masuk ke kawasan tersebut dalam tempoh waktu tertentu" (R. 17)

Seterusnya, usaha yang berterusan amat diperlukan untuk memperkasakan masyarakat setempat dengan mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran individu dan masyarakat mengenai pentingnya melindungi sumber alam. Pelaksanaan aktiviti kesedaran ini mampu menangani vandalisme daripada berlaku. Kekurangan kempen kesedaran untuk masyarakat tempatan menyebabkan mereka tidak mengetahui kepentingan memelihara kelestarian alam sekitar. Pengurusan tapak warisan negara juga perlu bantuan dan penyertaan masyarakat setempat agar mereka menghargai dan menjaga warisan di tempat tinggal mereka. Papan tanda juga perlu diletakkan sebagai peringatan kepada pendaki. Hal ini dinyatakan oleh responden di bawah:

"Sistem rekod untuk merekodkan semua individu yang mengunjungi aktiviti di kawasan rekreasi". (R.5)
"Mengadakan siri program pendedahan atau kesedaran kepada penggiat rekreasi (*Trail Talk, Awareness Program, Adopt Your Trail*) (R.5)
"Penekanan kempen kesedaran patut bermula dari sekolah rendah, kesedaran melalui media massa" (R.6)
"Sering mengadakan program motivasi dan alam sekitar dalam kalangan pendaki" (R.8)
"Perbanyakkan papan tanda. Peringatan kepada pendaki berkaitan perlunya menjaga alam sekitar dan larangan merosakkan kawasan sekeliling" (R.5, R.10)

KESIMPULAN

Aktiviti pendakian menjadi budaya popular kerana diminati oleh segenap lapisan masyarakat. Aktiviti yang berasaskan cabaran ini, menjadikan nilai warisan semulajadi sebagai medium untuk berinteraksi dengan alam. Namun, perlunya jalinan hubungan interaktif yang lebih jelas antara keduanya untuk melindungi sumber asalnya daripada dirosakkan oleh aktiviti yang tidak bertanggungjawab. Kekurangan pemahaman dan kesedaran mengenai pemeliharaan alam telah menyebabkan terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab telah merosakkan flora dan fauna serta melakukan tingkah laku yang negatif seperti memusnahkan fitur geologi, melukiskan graffiti dan melakukan vandalisme. Sehubungan itu, pembudayaan nilai warisan semulajadi menjadi agenda utama dalam memastikan kelestarian alam terjaga. Justeru, semua pihak seperti kerajaan, NGO, universiti, komuniti, individu perlu berusaha sehabis baik menangani isu ini agar tidak wujud masyarakat yang tidak mempunyai nilai peradaban yang tinggi dan seterusnya menggugat warisan semula jadi hutan di Malaysia.

RUJUKAN

Mason, P. (2003). *Tourism impacts, planning and management*. Great Britain: Biddles Ltd.

Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISTILAH-ISTILAH MANTIK DALAM KEBUDAYAAN SANSKRIT-MELAYU

Nur Nadiah Binti Lani
Universiti Kebangsaan Malaysia
nadiah_lani@ukm.edu.my

Mariati binti Mokhtar
Universiti Kebangsaan Malaysia
mariatimokhtar@gmail.com

ABSTRAK

Pengaruh Sanskrit dalam kebudayaan Melayu sering dibincangkan oleh para penyelidik tamadun Melayu. Namun begitu, fokus kajian tersebut dilihat lebih tertumpu dalam bidang kesusasteraan, bahasa dan budaya Melayu. Sedangkan karya pengaruh Hindu-Buddha yang telah tersebar ke serata tempat termasuk kepulauan Melayu ini turut berkait dengan bidang epistemologi dan mantik. Epistemologi ialah teori pengetahuan yang merupakan satu daripada cabang falsafah yang membahaskan tentang terjadinya pengetahuan, sumber pengetahuan, asal mula pengetahuan, kaedah atau cara memperoleh pengetahuan, kesahan dan kebenaran pengetahuan. Ilmu mantik mempunyai hubungan dengan bahasa yang dituturkan oleh manusia. Peranan mantik adalah untuk membimbing manusia berfikir mengikut kaedah berfikir yang bersistem supaya dapat menilai kebenaran atau kepalsuan sesuatu ungkapan kata. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti istilah mantik dalam bahasa serumpun Melayu atau istilah yang boleh diangkat maknanya menjadi istilah mantik. Kajian dijalankan dengan meneliti sebuah buku logik Hindu-Buddha yang ditulis oleh Stcherbatsky. Istilah Sanskrit dicari dalam kamus rumpun Melayu dan dikenal pasti sama ada tergolong dalam istilah mantik ataupun bukan. Hasil kajian mendapati terdapat 120 istilah Sanskrit telah disenaraikan di dalam kamus rumpun Melayu dan 70 istilah telah dikategorikan sebagai istilah mantik. Hasil pengumpulan istilah mantik ini juga menunjukkan bahawa ilmu mantik sebenarnya telah dimulakan oleh masyarakat Melayu sejak dari dahulu lagi.

Kata kunci: mantik, bahasa, sanskrit, epistemologi, etnomatematik

PENGENALAN

Bidang epistemologi atau juga dikenali sebagai teori pengetahuan telah dibangunkan sejak dari dahulu lagi. Ia berkembang selari dengan perkembangan tamadun manusia kerana epistemologi merupakan sumber utama untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Istilah epistemologi berasal daripada perkataan Yunani 'episteme' yang bererti pengetahuan dan 'logos' yang bererti ilmu, kajian. Epistemologi dipercayai telah dimulakan oleh masyarakat alam Melayu. Epistemologi Melayu dipengaruhi oleh pandangan alam semesta atau sejagat atau weltanshauung masyarakat yang ditentukan oleh nilai agama, kepercayaan, pegangan dan kebudayaan masyarakat. Menurut Ferry Hidayat (2006) masyarakat di alam Melayu pada masa dahulu telah menggunakan alam sejagat, pancaindera dan 'rasa' untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Suku Minangkabau misalnya, mereka menganggap alam haiwan dan tumbuh-tumbuhan sebagai 'Guru kepada Segala-Segalanya'. Masyarakat di alam Melayu menggunakan pancaindera untuk mengenali, mengalami, merasai, melihat, merenung fenomena alam yang berlaku di sekitar mereka seterusnya menyimpulkan pengetahuan yang baharu daripada penelitian fenomena yang telah mereka cerap.

Kajian yang dijalankan oleh Hashim (2001) menyatakan terdapat dua kaedah pendekatan dalam ilmu epistemologi Melayu. Pertama pendekatan etnografi iaitu menganalisis dan membangunkan konsep ilmu pengetahuan yang ditanggapi dan dipegang oleh orang Melayu seperti yang terkandung dalam khazanah kesusasteraan bertulis dan lisan seperti prosa dan puisi; pantun; syair; peribahasa; mantra; cerita rakyat; dan pelbagai bentuk kepustakaan Melayu. Ciri-ciri kebenaran tidak terlibat tetapi hanya mementingkan

penganalisisan, pembangunan dan penghuraian konsep ilmu pengetahuan dan pemikiran yang dipegang oleh orang Melayu melalui khazanah kesusasteraan ini. Pendekatan kedua pula ialah penubuhan konsep ilmu pengetahuan dan pemikiran yang dipegang oleh orang Melayu, iaitu melalui kaedah yang pertama tetapi melakukan penilaian, penyaringan, pemilihan dan pengenalpastian dari segi kebenaran, kepalsuan, kesahihan dan keabsahan kewibawaan ilmu dalam tradisi Barat dan Islam. Dari sudut metafora Melayu, Hassan (2003) telah mengkaji bagaimana orang Melayu berfikir menggunakan metafora sebagai kerangka analisis. Menurut beliau, metafora dapat dikaji berdasarkan teori linguistik kognitif untuk melihat bagaimana pemikir Melayu menyampaikan makna yang bersifat konseptual atau bercorak abstrak, yakni tidak bersifat literal atau harafiah, melalui ungkapan bahasa 'berlapis' atau bahasa kiasan dan perumpamaan. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa pemikiran Melayu bersifat bersepadu kerana masyarakat dapat membentuk teori ilmu pengetahuan berdasarkan dua teori iaitu daripada pencerapan melalui daya inderawiyah dan kaedah rasionalisme.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Mantik menjadi pendahuluan kepada banyak ilmu yang bersumberkan akal dan fikiran serta memainkan peranan dalam pembentukan epistemologi di alam Melayu. Mantik merujuk kepada ilmu kaedah berfikir yang bersistem menerusi pengalaman manusia biasa yang mempunyai fikiran yang waras. Peranan mantik adalah untuk membimbing manusia berfikir mengikut kaedah tersebut supaya dapat menilai kebenaran atau kepalsuan sesuatu ungkapan kata. Terdapat beberapa unsur mantik yang dapat dikenal pasti dalam kepustakaan Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Lim (2003) mendapati peribahasa yang sering diungkapkan oleh orang Melayu sebenarnya mempunyai maksud yang lebih mendalam. Antara unsur mantik yang boleh ditemui dalam peribahasa adalah transitif, sebab akibat dan analogi. Mat Rofa (2007) mendapati bahawa pemikiran orang Melayu dinyatakan secara berkias dan retorik, analogi dan tamsilan yang diungkapkan menerusi pantun, gurindam, seloka, syair, simpulan bahasa, peribahasa dan sebagainya. Beliau telah mengkaji beberapa unsur mantik yang terdapat dalam kepustakaan Melayu. Di antara unsur mantik yang dapat dilihat ialah terdapat unsur hujahan transitif dalam pantun Melayu, paradoks dalam cerita rakyat, kontrapositif dan induksi dalam cerita-cerita Melayu dan Alkhawarizmi dalam penyelesaian teka-teki yang sering diungkapkan oleh orang Melayu.

Ilmu mantik mempunyai hubungan dengan bahasa yang dituturkan oleh manusia. Mantik lahir daripada pemikiran manusia manakala pemikiran seseorang adalah perkara yang abstrak yang dilahirkan menerusi bahasa dan pertuturan. Menurut Mat Rofa (1994) sejarah pembentukan ilmu mantik memperlihatkan bahasa sebagai bahasa perbahasan perdebatan ahli-ahli falsafah untuk membuktikan hujah-hujah yang diutarakan oleh mereka adalah benar. Mereka bijak menyusun hujah-hujah tersebut sehingga masyarakat pada masa itu keliru dengan permainan bahasa mereka. Dalam membuat kesimpulan, seseorang perlu berfikir supaya tindakan atau rumusan yang dibuat adalah tepat. Abdullah (1996) telah menulis berkaitan dengan kehadiran mantik induktif dan mantik deduksi dalam pertuturan masyarakat Melayu. Kedua-dua mantik ini digunakan untuk membuat kesimpulan daripada andaian yang telah dibuat. Bezanya ialah mantik deduksi digunakan untuk membuat kesimpulan khusus daripada andaian umum, manakala mantik induktif pula membuat kesimpulan daripada andaian khusus.

Mohammad Alinor (2007) telah mengkaji kehadiran istilah mantik dalam kebudayaan Melayu. Hasil kajian yang telah dijalankan, didapati terdapat beberapa istilah Sanskrit yang berkaitan dengan 16 cabang epistemologi dan mantik ada digunakan dalam bahasa-bahasa serumpun Melayu. Istilah-istilah tersebut adalah *Pramana, Prameya, Samsaya, Prayojana, Drstanta, Siddhanta, Avayana, Traka, Nirnay, Vada, Jalpa, Vitanda, Hetvabhasa, Chala, Jati* dan *Nigrahasthana.* Daripada kajian-kajian lepas, didapati aspek epistemologi dan mantik telah wujud dalam budaya masyarakat Melayu sedari dari dahulu lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti istilah-istilah mantik dalam bahasa serumpun Melayu atau istilah-istilah yang boleh diangkat maknanya menjadi istilah-istilah mantik berdasarkan penelitian terhadap beberapa kamus rumpun Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan meneliti sebuah buku logik Hindu-Buddha yang ditulis oleh Stcherbatsky. Beberapa kamus yang terdapat dalam rumpun Melayu telah digunakan untuk menyemak istilah-istilah

Sanskrit yang mempunyai unsur kesamaan dengan bahasa-bahasa rumpun Melayu. Antara kamus yang telah digunakan ialah:

1. Kamus Jawa Kuna-Indonesia (Mardiwarsito 1978)
2. Kamus Acheh Indonesia (Aboe et al. 2001)
3. Kamus Bahasa Madura-Indonesia (Asis 1977)
4. Kamus Bahasa Bugis-Indonesia (Ide 1977)
5. Kamus Bahasa Indonesia-Minangkabau (Nurlela et al. 2001)
6. Kamus Bahasa Melayu Makasar-Indonesia (Aburaerah 2001)
7. Kamus Bahasa Banjar-Indonesia (Abdul Djebar 1977)
8. Kamus Batak-Indonesia (Saladin & Riris 1994)

DAPATAN

Daripada terjemahan yang dilakukan, sebanyak 120 istilah yang mempunyai unsur kesamaan dengan bahasa-bahasa rumpun Melayu dijumpai. Daripada keseluruhan 120 dapatan, hanya terdapat 70 istilah sahaja yang dikategorikan sebagai istilah mantik. Berikut merupakan istilah mantik dalam bahasa Sanskrit yang telah dikenal pasti dalam kamus rumpun Melayu.

1. Adhigama (Jawa) yang bererti faedah dan pengetahuan.

2. Adi (Jawa, Batak dan Banjar). Istilah Jawa bererti permulaan, pertama, dan lain-lain dan selanjutnya. Selain itu terdapat istilah adhi yang bermaksud tertinggi, terutama, terbaik dan ulung. Dalam Istilah Batak, bererti ini (kata penunjuk mengenai diri sendiri, digunakan sebagai akhiran atau diletakkan di belakang kata), sana dan yang di sana. Manakala dalam Istilah Banjar bererti bertingkah.

3. Agama (Jawa) yang bererti ilmu dan pengetahuan.

4. Ajnana (Jawa) yang bererti hal tahu (faham, mengerti) dan hal tahu benar. Selain itu, ia juga bererti pengetahuan sejati dan kebijaksanaan.

5. Aksa (Jawa) yang bererti pancaindera dan mata.

6. Anadi (Jawa) yang bererti tanpa mula dan akhir, abadi dan kekal.

7. Anu (Bugis, Bahasa Melayu Makasar dan Banjar). Istilah Bugis bererti kepunyaan. Istilah Banjar bererti sesuatu yang tidak tentu. Istilah Bahasa Melayu Makasar mempunyai maksud yang sama, iaitu kepunyaan.

8. Anumana (Jawa) yang bererti kesimpulan, analogi dan contoh.

9. Angin (Batak) yang bererti padanan, tara dan bandingan.

10. Apramana (Jawa) yang bererti tak terbilang/ternilai.

11. Artha (Jawa) yang bererti maksud, tujuan, (pengertian/pemahaman akan) makna, erti, kegunaan, keuntungan, kemanfaatan, yang berfaedah dan faedah.

12. Ati (Jawa dan Bahasa Melayu Makasar). Istilah Jawa bererti berfikir manakala istilah Bahasa Melayu Makasar bererti hati.

13. Atindriya (Jawa) yang bererti tidak tercerap oleh indera.

14. Atmya (Jawa) yang bererti hakikat.

15. Citta (Jawa) yang bererti nyawa, jiwa, sukma, roh, perasaan, hati, fikiran, nurani, iktikad, kehendak hati dan keyakinan.

16. Darsana (Jawa) yang bererti teladan dan contoh.

17. Dharma (Jawa) yang bererti keadilan dan kebenaran.

18. Drsta (Jawa) yang bererti dilihat dan penglihatan.

19. Drsti (Jawa) yang bererti penglihatan, mata, pemandangan dan pendapat.

20. Drsya (Jawa) yang bererti nampak.

21. Eka (Jawa) bererti satu, sekata dan setuju.

22. Gati (Bugis), iaitu magati yang bererti seandainya dan seumpamanya.

23. Grahaka (Jawa) yang bererti mencerap.

24. Grahya (Jawa) yang bererti sesuatu yang dicerap (yang nampak, terdengar, tercium, terasa dan teraba).

25. Hana (Aceh) yang bererti tidak ada dan tidak.

26. Hetu (Jawa) yang bererti taakulan.

27. Iccha (Jawa) yang bererti harapan, kehendak, kemahuan, hasrat, senang, suka dan sorak.

28. Jagat (Jawa, Banjar, Madura dan Minangkabau). Istilah Jawa bererti bumi dan dunia/jagat. Istilah Banjar pula bererti jagat dan dunia. Istilah Madura bererti sejagat dan banyak sekali. Istilah Minangkabau bererti bumi dan dunia.

29. Janya (Banjar) yang bererti katanya.

30. Jati (Jawa dan Minangkabau). Istilah Jawa bererti kerana itu, sehingga dan sebab. Manakala dalam Istilah Minangkabau bererti sejati dan asli.

31. Jnapaka (Jawa) yang bererti memberi tahu dan mengajari.

32. Kala (Bahasa Melayu Makasar, Madura dan Aceh). Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti kalah. Istilah Madura bererti kalah, waktu dan saat. Istilah Aceh bererti kala dan waktu.

33. Karana (Jawa, Bugis, Bahasa Melayu Makasar dan Madura). Istilah Jawa bererti sebab, alasan, lantaran, membuat, menghasilkan, perbuatan, pembuatan, kegiatan dan jangka waktu, iaitu setengah hari. Istilah Bugis bererti kerana. Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti kerana. Istilah Madura bererti kerana dan sebab.

34. Karuna (Jawa) yang bererti belas kasihan dan sayang.

35. Laman (Aceh) yang bererti jikalau dan sekiranya.

36. Madhya (Jawa) yang bererti tengah, tidak memihak, ketika, tatkala, pada/di waktu, sementara dan selamanya.

37. Maha (Jawa) yang bererti hendak, ingin, usaha, besar dan sangat.
38. Na (Bugis, Batak, Bahasa Melayu Makasar dan Aceh). Istilah Bugis bererti maka, dan, di dan nya. Istilah Batak bererti yang, bahawa, bahawasanya dan nya. Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti dengan, bersama, nya, ia, dia dan nanti. Istilah Aceh pula bererti ada, lahir dan ya.

39. Nama (Jawa, Batak, Bahasa Melayu Makasar, Aceh dan Minangkabau). Istilah Jawa bererti nama. Istilah Batak bererti nama saja dan hanya. Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti gelar. Manakala Istilah Aceh dan Minangkabau mempunyai maksud yang sama, iaitu nama.

40. Nirakara (Jawa) yang bererti wujud.

41. Paksa (Jawa dan Aceh). Istilah Jawa bererti kehendak, kemahuan, maksud, tujuan, usul, perasaan, pendapat, pengertian, pengetahuan, pengakuan, penetapan, keputusan, memaksa, teguh, tekun dan bertengkar. Istilah Aceh pula bermaksud periang, waktu, kesempatan yang baik untuk melakukan sesuatu keperluan, waktu yang baik, keuntungan yang tidak disangka-sangka, memaksa, paksaan dan kekerasan.

42. Para (Banjar dan Madura). Istilah Banjar bererti menuju dan maju. Istilah Madura bererti kata sandang/artikel menyatakan banyak dan hampir.

43. Paramartha (Jawa) yang bererti hal (perkara, kebenaran) tertinggi/terutama/termulia, benar, sungguh, nyata, sejati, agung dan sayang (cinta kasih) sesama.

44. Pariksa (Jawa) yang bererti uji, cuba & periksa.

45. Pata (Bugis) yang bererti empat.

46. Pradhana (Jawa) yang bererti terkemuka, pertama, terutama, terpenting dan kepala (sesuatu yang di depan).

47. Prakrti (Jawa) yang bererti pekerti/sifat/tabiat/wujud/jasmani (asli), kebiasaan dan kemahuan alam.

48. Pramana (Jawa) yang bererti besarnya, luasnya, lamanya, banyaknya/jumlahnya, ukuran, peraturan, batas, terkenal (kerana/oleh/dengan) dan berkuasa.

49. Prathama (Jawa) yang bererti pertama, terutama dan teristimewa.

50. Pratyaksa (Jawa) yang bererti yang jelas, nyata, biasa, pandangan, faham, mahir, terkenal dan umum.

51. Pilu (Bahasa Melayu Makasar, Banjar dan Aceh). Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti sedih dan terharu. Manakala Istilah Banjar dan Aceh mempunyai maksud yang sama, iaitu pilu.

52. Pinda (Banjar) yang bererti seperti dan kelihatan.

53. Rasa (Bahasa Melayu Makasar, Madura, Banjar, Aceh dan Minangkabau). Istilah Bahasa Melayu Makasar bererti kecap dan bau. Istilah Aceh bererti perasaan, pendapat, merasa, merasakan, mengalami dan berpendapat. Istilah Minangkabau pula bererti pertimbangan dan perasaan. Manakala Istilah Banjar dan Madura mempunyai maksud yang sama, iaitu rasa.

54. Sadhana (Jawa) yang bererti alat/saranan (untuk mencapai tujuan), syarat, penyelesaian dan hasil.

55. Samagri (Jawa) yang bererti samagra, semua, seluruhnya, lengkap dan berkumpul.

56. Samudaya (Jawa) yang bererti kumpulan, kelompok, semua, jumlah, seluruhnya dan keseluruhan.

57. Samya (Jawa) yang bererti semua.

58. Sat (Aceh) yang bererti semuanya.

59. Satya (Jawa) yang bererti benar dan sungguh.

60. Tad (Jawa). Digunakan sebagai kata pengganti tat di depan kata yang berbunyi mula konsonan lunak dan bermaksud engkau tidak.

61. Tahu (Jawa, Minangkabau dan Melayu Makasar). Istilah Jawa bererti tahu, ahli, mahir, pengalaman dan terbiasa. Istilah Minangkabau bererti tahu, pandai. Manakala Istilah Melayu Makasar bererti tahu, maklum.

62. Tat (Jawa) yang bererti oleh engkau tidak dan kerana itu.

63. Tau (Melayu Makasar) yang bererti tahu.

64. Ubhaya (Jawa) bererti keduanya.

65. Udaharana (Jawa) yang bererti contoh dan sesuatu (peristiwa, kejadian) yang terjadi lebih dahulu.

66. Upacara (Jawa dan Minangkabau). Istilah Jawa bererti cara berbicara. Manakala Istilah Minangkabau masih sama maksudnya, iaitu upacara.

67. Upadesa (Jawa) yang bererti petunjuk, nasihat, pelajaran, pengajaran, syariat dan syarat.

68. Upaya (Jawa) bererti tambahan, alat, syarat, saranan, akal, siasat, muslihat, (daya) upaya, reka, peraturan pemerintah, rancangan dan rencana.

69. Utpatti (Jawa) yang bererti ada.

70. Yatha (Jawa) yang bererti seperti, sesuai dan menurut.

PERBINCANGAN

Hasil daripada penelitian berkaitan dengan istilah yang terdapat dalam kamus-kamus tersebut, didapati bahawa kebanyakan istilah tersebut jarang didengari atau dituturkan oleh masyarakat Melayu. Daripada beratus-ratus istilah yang terdapat di dalam buku tersebut, hanya sebahagian kecil sahaja yang mempunyai perkataan yang sama dengan istilah-istilah yang diguna pakai dalam bahasa rumpun Melayu. Hal ini berlaku mungkin kerana sudah wujud istilah yang mempunyai maksud yang serupa dalam istilah yang digunakan oleh masyarakat ketika itu menyebabkan mereka tidak menggunakan istilah tersebut dalam pertuturan harian. Perkara ini menjadikan penjodohan istilah-istilah sanskrit tersebut dengan istilah-istilah dalam bahasa rumpun Melayu agak sukar dilakukan. Terdapat juga beberapa masalah lain, iaitu kesukaran untuk membezakan sama ada perkataan tersebut merupakan istilah mantik ataupun tidak. Kesukaran ini berlaku kerana tidak banyak kajian yang dilakukan mengenai pengkelasan istilah mantik secara terperinci dilakukan. Oleh itu, proses penyenaraian istilah-istilah ini agak kabur kerana istilah-istilah tersebut perlulah dikaji dan diteliti berdasarkan beberapa aspek untuk mengangkatnya menjadi istilah mantik. Walaupun begitu, antara aspek-aspek yang boleh diambil kira untuk pengkelasan istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini adalah kuantiti dalam mantik seperti istilah wujud dan semua serta aspek implikasi yang juga dikenali sebagai sebab-munasabab.

Selain itu, kajian ini melihat kaitan istilah-istilah ini dengan aspek epistemologi. Contohnya dalam perkataan jagat, masyarakat pada masa tersebut memerhatikan alam sejagat untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Mereka juga mencerap ilmu pengetahuan melalui alat indera terutama sekali melalui penggunaan

daya penglihatan mereka. Aspek lainnya pula ialah istilah-istilah yang terdapat ketika penghujahan. Seperti yang diketahui, mantik dan penghujahan saling berkait rapat. Seseorang akan berhujah untuk mencari kebenaran yang mutlak. Aspek etika juga diterapkan dalam pemilihan istilah-istilah ini. Walaupun etika merupakan sesuatu bidang di luar konteks bidang mantik, namun ia mempunyai kaitan. Etika adalah ilmu yang berkaitan dengan kenapa dan mengapa seseorang melakukan atau menghindari daripada melakukan sesuatu perkara. Terdapat beberapa istilah yang dianggap tidak ada kaitan dengan mantik. Contohnya perkataan suka dan gembira. Menurut Kamus Dewan, istilah ini dimaksudkan dengan perasaan yang gembira. Namun jika diperhalusi, perasaan itu sememangnya akan lahir di dalam diri seseorang tanpa disedari, tetapi untuk menangani masalah tersebut, seseorang perlu berfikir. Di sinilah kaedah mantik digunakan. Oleh itu, didapati sebenarnya sudah terdapat banyak istilah mantik yang digunakan dalam pertuturan masyarakat Melayu sejak daripada dahulu lagi. Perkara ini jelas membuktikan penerokaan ilmu mantik dalam tamadun Melayu lama sebenarnya sudah mula wujud dan tidak mustahil jika dapat disimpulkan, masyarakat tamadun Melayu lama telah mempunyai ciri-ciri intelektual awal pada masa itu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil pengumpulan istilah-istilah mantik daripada khazanah-khazanah alam Melayu lama yang boleh diangkat menjadi istilah mantik akan dapat membuktikan bahawa ilmu mantik sebenarnya telah lama dibangunkan oleh masyarakat Melayu. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan masyarakat dalam rumpun Melayu itu sendiri telah membangunkan ilmu epistemologinya sendiri. Dengan dapatan ini juga, jelas menunjukkan walaupun tanpa bantuan teknologi yang canggih, masyarakat alam Melayu pada zaman itu tetap tidak ketinggalan dalam penerokaan ilmu pengetahuan. Diharapkan agar kajian-kajian seperti ini dapat dijalankan oleh ahli-ahli matematik tempatan. Hal ini kerana, khazanah-khazanah yang berharga jika hilang akan membawa kerugian kerana pelbagai ciri-ciri intelektual masyarakat pada masa itu dapat dikaji dan dikupas oleh para akademik. Seterusnya dapatan baharu ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang agar dapat mewujudkan ilmu-ilmu baharu bidang ilmu pengetahuan terutamanya melibatkan pemikiran dan akal budi masyarakat alam Melayu lama.

RUJUKAN

Abdul Djebar Hapip. (1977). *Kamus Bahasa Banjar-Indonesia*. Jakarta. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan.

Abdullah Hassan. (1996). Logik induktif dalam komunikasi. *Pelita Bahasa,* 12 - 13.

Aboe Bakar, Budiman Sulaiman, M. Adnan Hanafiah, Zainal Abidin Ibrahim & Sharifah H. (2001). *Kamus Acheh Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Department Pendidikan Nasional, Balai Pustaka.

Aburaerah Arief, Abdul Muthalib, Abdul Kadar Mulya & Zainuddin Hakim. (2001). *Kamus Bahasa Melayu Makasar-Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Department Pendidikan Nasional, Balai Pustaka.

Arif Budi Wurianto. (2015). Kata serapan bahasa Sanskerta dalam bahasa Indonesia. *Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra dan Pengajaran, 1*(2), 125-134.

Asis Safioedin S.H. (Pnys). (1977). *Kamus Bahasa Madura-Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan.

Ferry Hidayat. (2006). http://indonesianphilosophy.blogspot.com.

Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lim Kim Hui. (2003). *Budi as the Malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Asia-Africa Institute, Hamburg, Jerman.

M. Ide Said DM (Pnys). (1977). *Kamus Bahasa Bugis-Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan.

Mardiwarsito (Pnys). (1978). *Kamus Jawa Kuna-Indonesia*. Jakarta: Penerbit Nusa Indah.

Mat Rofa Ismail. (1994). Peranan mantik dalam pemikiran ilmiah: Mantik menerusi pengungkapan bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa, 38*(6), 496 - 504.

Mat Rofa Ismail. (2007, 21 November). Etnomantik Melayu: Satu perbincangan awal. *Seminar Matematik Rumpun Melayu.* Laboratori Inovasi dalam Pendidikan Matematik Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM).

Mohammad Alinoor Abdul Kadir. (2007, 21 November). Enambelas cabang ilmu mantik dalam kebudayaan Melayu-Sanskrit. *Seminar Matematik Rumpun Melayu*. Laboratori Inovasi dalam Pendidikan Matematik Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM).

Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah. (2017). *Keluarga Bahasa Indo-Malaynesia dan pengaruh bahasa sanskrit dalam memperkayakan perbendaharaan kosa kata Bahasa Melayu*. *Jurnal Kesidang, 2*, 77-95.

Nurlela Adnan, Ermitati & Ronida M. Nur. (2001). *Kamus Bahasa Indonesia-Minangkabau*. Jakarta: Pusat Bahasa Department Pendidikan Nasional, Balai Pustaka.

Saidin Sarumpaet & Riris K. Toha-Sarumpaet. (1994). *Kamus Batak-Indonesia*. Jakarta: Erlangga.

Scherbatsky. (1962). *Buddhist logic*. New York. Dover Publication Inc.

KONSEP IDENTITI NASIONAL DAN ERTI "MENJADI RAKYAT MALAYSIA" DARI PERSPEKTIF PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGARA

Rashidah Mamat
Universiti Utara Malaysia (UUM)
shidah@uum.edu.my

Nor Azlah Sham Rambely
Universiti Utara Malaysia (UUM)
azlah@uum.edu.my

ABSTRAK

Pembinaan negara bangsa dan rupa bentuk identiti nasional Malaysia yang khusus telah menjadi cabaran besar kepada Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, agama, bahasa dan budaya. Cabaran ini telah menimbulkan kekeliruan yang menyulitkan rakyat Malaysia, terutamanya kepada pelajar di luar negara untuk mengartikulasikan identiti mereka. Golongan pelajar yang diklasifikasikan sebagai pelajar elit ini dianggap sebagai "duta kecil" yang akan menjadi cermin kepada imej negara pada peringkat antarabangsa. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji sejauh mana belajar di luar negara telah memberi kesan kepada pemahaman pelajar tentang identiti nasional negara dan erti "menjadi rakyat Malaysia" pada diri mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian untuk meneroka persepsi dan pengalaman dua kategori pelajar Malaysia; Melayu dan bukan Melayu di dua buah universiti di United Kingdom (UK). Hasil kajian dapat menjadi kayu ukur untuk mengenal pasti sejauh mana identiti nasional ini penting kepada individu sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Namun, ternyata maklum balas kedua-dua kumpulan pelajar berkenaan konsep identiti nasional dan erti 'menjadi rakyat Malaysia' masih merupakan persoalan empirikal. Data yang ada belum dapat menyelesaikan isu ini. Malah, dapat dilihat juga terdapat penolakan yang jelas untuk mentafsirkan sewenang-wenang atau secara superfisial tentang konsep identiti nasional ini. Secara umum takrifan "identiti nasional" di Malaysia ini masih diperdebatkan.

Kata kunci: identiti nasional, negara bangsa, pelajar Malaysia di luar negara, rakyat Malaysia

PENGENALAN

Pembinaan negara bangsa dan rupa bentuk identiti nasional Malaysia yang khusus telah menjadi cabaran besar kepada Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa sejak dari pasca kemerdekaan hingga ke hari ini (Shamsul, 1996). Cabaran ini telah menimbulkan kekeliruan yang menyulitkan rakyat Malaysia terutamanya kepada pelajar di luar negara untuk menzahirkan identiti mereka. Golongan pelajar ini berperanan sebagai "Duta Kecil" negara dan bakal menjadi pemimpin yang akan mencorak masa depan negara. Sehubungan itu, satu penyelidikan telah dijalankan untuk mengkaji sejauh mana belajar di luar negara telah memberi kesan kepada pemahaman pelajar tentang identiti nasional negara dan erti "menjadi rakyat Malaysia" pada diri mereka. Kajian mengenai pengertian menjadi warganegara Malaysia mengikut tafsiran pelajar adalah sebagai kayu ukur untuk mengenal pasti sejauh mana identiti nasional ini penting kepada individu sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa.

METODOLOGI DAN KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian untuk meneroka persepsi dan pengalaman dua kategori pelajar Malaysia; Melayu dan bukan Melayu di dua buah universiti di United Kingdom (UK). Sampel responden terdiri daripada tiga puluh dua pelajar sarjana muda (masing-masing

enam belas responden dari setiap universiti dan kumpulan etnik). Pelajar pada peringkat sarjana muda dipilih menjadi sampel disebabkan mereka merupakan kumpulan pelajar Malaysia terbesar di UK. Sampel-sampel ini mewakili empat kumpulan pelajar utama dengan jumlah yang sama bagi setiap kategori. Mereka terdiri daripada pelajar Melayu tahun pertama, pelajar Melayu tahun akhir, pelajar bukan Melayu tahun pertama dan pelajar bukan Melayu tahun akhir.

Secara umumnya, identiti nasional atau identiti kebangsaan merupakan identiti yang bersifat kolektif. Menurut Diamantopoulos (2005) identiti kolektif boleh ditafsirkan sebagai "*positioning the 'self' of a community as opposed to the 'others'*". Manakala Wodak, et.al. (2003) berpendapat bahawa identiti kebangsaan berkaitan dengan elemen-elemen berhubung dengan 'ingatan kolektif'. Kedua-dua sarjana ini berpendapat bahawa dimensi identiti nasional hadir apabila dikaitkan dengan tema sejarah dan budaya serta tema-tema seperti keperibadian, persamaan, kesamarataan, perbezaan dari 'yang lain', keunikan dan autonomi. Smith (1991) dalam bukunya *National Identity* menyatakan bahawa identiti nasional secara langsung berkait dengan konsep nasionalisme, ideologi dan gerakan; ia adalah konsep multidimensi termasuk bahasa, sentimen dan simbolisme tertentu. Beliau berpendapat bahawa konsep 'kesamaan' adalah aspek unik identiti nasional yang mana ahli-ahli dari sesebuah kumpulan tertentu adalah sama dalam aspek tertentu dan mereka berbeza daripada bukan ahli di luar kumpulan. Ciri-ciri asas identiti nasional seperti yang digariskan oleh Smith (1991) termasuklah wilayah bersejarah atau tanah air, mitos dan kenangan sejarah yang sama, persamaan budaya yang diamalkan oleh masyarakat setempat, hak dan tugas undang-undang yang sama untuk semua ahli dan ekonomi yang sama dengan kebolehan mobiliti wilayah untuk ahli-ahli kumpulan tersebut. Oleh yang demikian, identiti nasional ini dapat mewujudkan sebuah negara bangsa yang mendorong kepada kedaulatan dan demokrasi.

Secara keseluruhannya, identiti nasional memberikan rasa kesedaran kolektif dalam kalangan ahli kumpulan khususnya mereka berkongsi perasaan yang sama kepada negara dan bangsa. Perkongsian perasaan kekitaan dan rasa kepunyaan secara kolektif terhadap negara ini menjadi syarat utama kepada pembinaan negara bangsa yang kukuh. Identiti nasional ini juga dapat mempengaruhi cara berfikir, cara melihat dunia, dan memberi pengalaman tentang dimensi kognitif sikap seseorang individu. Dalam erti kata lain, identiti nasional dan rasa kepunyaan terhadap kumpulan sendiri dan negara meletakkan seseorang di peta dunia. Ia menjadi asas rujukan serta melahirkan perasaan bangga; memberitahu tentang siapa sebenarnya mereka.

TAFSIRAN IDENTITI NASIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR

Sifat majmuk negara ini sering mencetuskan persoalan tentang, 'apakah identiti nasional Malaysia'? Persoalan ini telah menyebabkan berlakunya persaingan dan perdebatan mengenai identiti 'tulen' dan terbaik untuk semua rakyat Malaysia. Kerumitan dan pertikaian yang sering muncul dalam masyarakat ini menyebabkan perlunya untuk menganalisis bagaimana seseorang individu mentafsir konsep identiti nasional khususnya dalam kalangan pelajar Malaysia di luar negara.

Sebagai warganegara Malaysia secara keseluruhannya

Berdasarkan jawapan pelajar yang ditemubual, ada yang mengakui bahawa mereka tidak pernah mendengar tentang konsep identiti nasional dan kurang memahami tentang konsep tersebut. Kekurangan pemahaman tentang konsep ini jelas dalam maklum balas seperti identiti nasional dikaitkan dengan memiliki pasport, kad pengenalan atau kadang kala keliru dengan konsep kewarganegaraan. Seramai tiga belas pelajar memberi pandangan identiti nasional mereka sebagai satu entiti keseluruhan warganegara Malaysia dan bukannya memperkenalkan diri mereka berdasarkan bangsa; Melayu, Cina atau India. Pengertian identiti nasional sebagai entiti keseluruhan ini dilihat sebagai titik permulaan ke arah sentimen nasionalisme atau patriotisme yang seterusnya membawa kepada idea perpaduan negara. Lebih daripada itu, pandangan seperti ini menunjukkan bahawa rasa mempunyai identiti yang sama untuk semua rakyat Malaysia dapat dicapai dengan cara menanamkan idea identiti kebangsaan yang tunggal. Citee (pelajar wanita bukan Melayu tahun akhir) memberi tafsirannya tentang konsep identiti nasional:

> Ia tidak sepatutnya memisahkan anda sebagai orang perseorangan sebaliknya, mengintegrasikan anda sebagai sebahagian daripada seluruh bangsa. Anda berada di bawah satu negara dan anda perlu menjadi sebahagian daripada itu. Tidak kira sama ada anda orang Melayu, Cina atau India, anda harus

memperkenalkan diri anda sebagai rakyat Malaysia.

Majoriti responden bersetuju bahawa perpaduan adalah sangat penting kerana ia membangkitkan rasa kesetiaan kepada negara. Pandangan seperti ini dapat dilihat dalam temubual dengan Janet (pelajar wanita bukan Melayu tahun akhir): "Identiti nasional adalah mengenai 'Bangsa Malaysia' dan saya fikir perpaduan sangat penting bagi kita seperti berjuang untuk matlamat yang sama. Ia membolehkan kita melindungi antara satu sama lain". Pandangan Janet ini disokong oleh pendapat Charlie (pelajar lelaki bukan Melayu tahun akhir) yang mengatakan bahawa melalui identiti nasional Malaysia, akan menyaksikan rakyat Malaysia sanggup mempertahankan rakyat Malaysia yang lain dan bersedia menyumbang untuk negara ini. Azie (pelajar wanita Melayu tahun pertama) memberikan jawapan yang lebih mudah apabila dia bercakap tentang topik ini, "Ini bermakna bahawa sebagai warganegara Malaysia kita adalah rakyat Malaysia. Kita akan merasa kita benar-benar orang Malaysia ". Perkara utama yang boleh difahami daripada pendapat-pendapat pelajar ini ialah identiti nasional dikaitkan dengan nilai dalaman dan sentimen ikatan emosi kepada negara asal mereka, Malaysia. Pandangan ini juga merujuk kepada pendapat bahawa identiti nasional ditakrifkan sebagai perasaan kolektif terhadap kumpulan nasional (Koenig, 2006) dan berorientasikan ke arah wawasan yang jelas tentang satu 'bangsa'.

Sebagai rujukan dan pengiktirafan

Responden-responden kajian turut menyatakan kepentingan memiliki identiti nasional yang tulen kerana ia membolehkan mereka dikenali dan membezakannya daripada orang lain. Pendapat ini menyokong pandangan Triandafyllidou (2001 dikutip dalam Fenton, 2007: 334) yang mengatakan bahawa identiti berfungsi sebagai "*points of reference, and allow the relevant 'others'*". Berdasarkan tafsiran ini, pelajar Malaysia di luar negara secara peribadi dapat mencorak pandangan bagaimana identiti nasional dilihat oleh dunia luar. Ketika ditanya mengenai tafsirannya mengenai identiti nasional, Fahmi (pelajar lelaki Melayu tahun pertama) menegaskan bahawa: "Kita sebagai rakyat Malaysia sepatutnya mempunyai sesuatu supaya orang lain dapat mengenali negara kita melalui kita". Pandangan ini disokong oleh Asmida (pelajar wanita Melayu tahun akhir) yang melihat bahawa identiti nasional sebagai faktor penting yang memudahkan orang luar memahami Malaysia dan rakyatnya.

Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa fungsi identiti nasional sebagai 'simbol' atau 'tanda' yang berasal daripada konsep 'kesamaan', di mana ahli-ahli kumpulan tertentu mempunyai persamaan yang menunjukkan mereka berbeza daripada pihak luar (Smith, 1991). Selain itu, Ellen (pelajar wanita bukan Melayu tahun pertama) menyatakan kelebihan mempunyai identiti nasional: "Jika semua rakyat Malaysia mampu membentuk satu identiti, orang dari luar negara tentu memberi persepsi positif terhadap kita ... tentu saja identiti nasional sangat penting". Pandangan Ellen ini menunjukkan bahawa bagaimana persepsi orang luar terhadap Malaysia sebahagiannya berkemungkinan bergantung kepada cara bagaimana identiti nasional dipamerkan. Dalam konteks ini, persepsi terhadap identiti nasional mempunyai hubungan dengan proses pengiktirafan universal terhadap ciri-ciri khas atau cara hidup yang dipamerkan oleh pelajar luar negara. Oleh yang demikian, situasi dan lokasi yang berbeza telah membantu pelajar Malaysia di luar negara untuk membentuk kefahaman mereka tentang pentingnya identiti nasional melalui refleksi terhadap tanah air mereka sendiri.

Manakala beberapa pelajar lain mengaitkan identiti nasional dengan tempat kelahiran mereka atau negara asal mereka. Dalam hal ini, ungkapan seperti 'dari mana anda berasal', 'di mana anda dilahirkan' dan 'siapa anda' lebih terserlah dalam tafsiran identiti nasional mereka. Salah satu daripada contoh yang paling jelas adalah pendapat daripada Asrul (pelajar lelaki Melayu tahun akhir); "Saya fikir ia adalah penjelasan tentang siapa kita berdasarkan bangsa atau negara dari mana kita berasal". Sekali lagi, responden percaya bahawa identiti nasional mempunyai hubungan kuat dengan sikap individu yang mencerminkan imej negara. Berdasarkan faktor ini, dapat difahami bahawa walau di mana seseorang warganegara Malaysia itu berada, identiti mereka akan kekal dalam cara hidup mereka sehingga menjadi penanda yang dapat dikenali oleh orang lain. Dengan kata lain, identiti nasional dapat memberikan keterangan tentang asal usul seseorang dan juga boleh dianggap sebagai ciri penting dari rasa kepunyaan seseorang serta hubungannya dengan negara (Huddy & Khatib, 2007; Ezell, Seeleib-Kaiser, & Tiryakian, 2003).

Walau pun identiti nasional dapat mewujudkan perasaan kepunyaan dan hubungan dengan negara asal, dalam beberapa temubual khususnya dengan pelajar bukan Melayu terdapat kekeliruan tentang bagaimana

identiti nasional dapat disesuaikan oleh pelajar-pelajar tersebut. Janet (pelajar wanita bukan Melayu tahun akhir) mengatakan bahawa:

> Saya fikir identiti nasional penting, tetapi kadang-kadang saya berasa keliru dengan identiti itu. Orang Cina di Malaysia kadang-kadang merasa sedikit keliru kerana mereka tidak tahu sama ada mereka benar-benar 'milik' Malaysia atau China. Apabila mereka pergi ke China, mereka tidak termasuk sebagai rakyat China, ketika di Malaysia mereka bukan majoriti. Jadi, berada ditengah-tengah…

Pandangan Janet di atas seolah-olah menunjukkan bahawa orang bukan Melayu di Malaysia berada di sempadan antara satu identiti yang sama untuk semua rakyat Malaysia dan status mereka sebagai minoriti. Menurut Parekh (2000), identiti nasional bukan sahaja harus merangkumi semua warganegara, tetapi juga menerima mereka sebagai ahli masyarakat yang layak dan sah. Dalam kes ini, mesej yang hendak disampaikan adalah jelas: kewarganegaraan yang sah, nilai dan persefahaman dilihat menjadi antara faktor penerimaan pelajar terhadap identiti kebangsaan. Sementara responden-responden lain memberi pendapat yang hampir sama, Hong (pelajar lelaki tahun akhir bukan Melayu) pula mempunyai pandangan berbeza. Baginya identiti nasional Malaysia dilihat sama seperti yang diamalkan di Indonesia yang mana semua orang telah diasimilasikan sepenuhnya ke dalam ideologi masyarakat asal. Perspektif ini menunjukkan terdapat keraguan terhadap seruan ke arah pembinaan identiti nasional. Pandangan sebegini selari dengan hujah Ishak (1999) yang mengatakan bahawa ramai orang bukan Melayu melihat usaha kerajaan untuk membentuk 'bangsa Malaysia' sebagai percubaan menjadikan pembinaan negara bangsa sebagai sebuah projek etnik. Malah, rasa tidak puas hati dan kekecewaan terhadap penggunaan identiti nasional jelas kelihatan pada pendapat salah seorang pelajar lelaki bukan Melayu tahun akhir, Abhay:

> Identiti nasional bermakna orang mempunyai perasaan yang sama terhadap negara. Bagaimana anda dapat merasakan yang sama apabila anda tidak diperlakukan secara saksama? Walaupun hak yang sama rata tidak sepenuhnya diberikan, sekurang-kurangnya rakyat perlu merasa puas hati.

Pelajar ini menuntut agar kaum minoriti diberikan pengiktirafan yang sesuai dalam ekspresi kolektif identiti nasional Malaysia. Pengiktirafan tersebut menurut Parekh (2000) sebagai "public legitimacy on their presence recognises them as valued members of the community and facilitates their integration" (hal, 204). Penyataan ini juga menunjukkan bahawa 'identiti nasional' memberikan nilai yang berbeza kepada individu yang berbeza.

ERTI "MENJADI RAKYAT MALAYSIA"

Perbincangan mengenai identiti nasional Malaysia yang berkaitan dengan pelajar Malaysia di luar negara tidak akan lengkap tanpa merujuk kepada erti "menjadi rakyat Malaysia". Secara ringkas, bahagian ini cuba untuk mengkaji bagaimana pelajar memperkenalkan diri mereka semasa di luar negara dalam usaha untuk meneroka kefahaman mereka menjadi rakyat Malaysia. Setiap pelajar diberikan soalan yang sama: "Apa erti menjadi rakyat Malaysia?" Majoriti pelajar menunjukkan kesulitan dalam menjawab soalan tersebut. Kajian mendapati tidak ramai pelajar yang berfikir secara serius terhadap makna menjadi rakyat Malaysia. Malah sesetengah daripada mereka tidak memahami atau tidak tahu bagaimana untuk memberi jawapan. Namun, kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar dapat menyatakan pandangan mereka dengan jelas.

Malaysia sebagai tanah air

Refleksi yang paling umum mengenai erti 'menjadi rakyat Malaysia' dalam kalangan pelajar yang ditemubual telah diluahkan melalui ikatan emosi kepada negara kelahiran. Ekspresi seperti 'rumah saya', 'negara saya', 'tempat saya dilahirkan' dan 'di mana saya berasal' jelas ketara dalam perbualan pelajar. Pandangan ini disertai dengan maklum balas responden untuk mengambil tanggungjawab dan menyumbang kepada negara mereka. Menariknya, lebih ramai pelajar bukan Melayu terutama pelajar tahun pertama memberi tafsiran erti 'menjadi rakyat Malaysia' sebagai 'tanah kelahiran' berbanding pelajar Melayu. Pelajar-pelajar ini percaya bahawa disebabkan mereka lahir dan membesar di Malaysia, mereka berhak mendapat status warganegara Malaysia. Justeru, Malaysia dianggap sebagai tanah air. Charlie (pelajar lelaki bukan Melayu tahun akhir) berkata:

> ‘Menjadi rakyat Malaysia’ bermakna saya seorang warganegara Malaysia dan saya berasal dari Malaysia. Seperti sesuatu yang saya akan sentiasa ingat dan ada jaminan bahawa saya mempunyai tempat untuk kembali, rumah saya. Sebagai seorang rakyat Malaysia, saya mempunyai tanggungjawab untuk negara pada suatu hari nanti.

Manakala Fang, pelajar bukan Melayu tahun pertama, berkongsi pandangan yang sama, “Saya tidak tahu, sebagai rakyat Malaysia seperti saya memikirkan tentang tanah air saya dan saya gembira menjadi sebahagian daripadanya (Fang) “.

Responden lain yang berkongsi pendapat ini seolah-olah kurang bersemangat mengenai soalan yang dikemukakan. James (pelajar lelaki bukan Melayu tahun pertama) menyatakan pandangannya sebagai: “Saya tahu Malaysia mempunyai banyak masalah politik tetapi saya dibesarkan di sana dan saya masih memanggilnya tanah air saya”. Pandangan ini menggambarkan bahawa ikatan psikologi kepada negara dilihat menjadi elemen penting dalam maklum balas pelajar. Ini selari dengan teori Miller (2005) dan Smith (1991) yang menunjukkan bahawa identiti nasional bagi komuniti tertentu ada hubungan dengan wilayah atau ‘tanah air’. Walau bagaimanapun, pendapat Hong (pelajar lelaki bukan Melayu tahun akhir) agak berbeza dari rakan-rakannya. Hong menegaskan bahawa walaupun Malaysia adalah tempat kelahirannya, ia bukan menjadi masalah besar untuk dia berhijrah ke tempat lain. “Bagi saya, tetapi bukan untuk setiap rakyat Malaysia lah, disebabkan saya dilahir dan dibesarkan di sana, saya menjadi rakyat Malaysia. Tetapi, tidak menjadi masalah bagi saya untuk bermastautin di mana sahaja di dunia ini “. Hong turut mendedahkan bahawa dia telah memiliki status Penduduk Tetap Singapura sejak tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun dia tetap tidak mahu melepaskan kewarganegaraan Malaysia kerana status kewarganegaraan Malaysia tidak dapat diambil kembali dengan mudah.

Pandangan Hong di atas memperlihatkan mesej yang seolah-olah bercanggah dengan sikapnya yang menganggap Malaysia sebagai tanah air memandangkan dia mempunyai niat untuk keluar dari Malaysia dan kini memegang Status Penduduk Tetap Singapura. Ini bermakna terdapat rasa kecewa dan rasa tidak selamat yang tersembunyi dalam persepsi pelajar mengenai kehidupan di Malaysia. Dalam hal ini, satu kajian oleh Lam dan Yeoh (2004) yang bertajuk ‘*Negotiating ‘home’ and ‘National Identity’: Chinese-Malaysian Transmigrants in Singapore’,* mendapati bahawa majoriti orang Cina Malaysia yang memilih untuk tinggal di Singapura melihat Malaysia sebagai “ tanah air ‘ yang boleh menjadi tempat di mana seseorang tidak mahu tinggal “(Lam & Yeoh, 2004). Oleh yang demikian, dapatan kajian yang sedang dibuat ini sangat selari dengan pendapat Bammer (1994) yang mengatakan bahawa ‘tanah air dan negara’ tidak lagi membentuk ‘persamaan fungsi’ dalam banyak kes (Bammer, 1994). Dapat juga ditafsirkan bahawa kelayakan responden-responden bukan Melayu sebagai warganegara Malaysia memberi ruang untuk mereka menganggap negara ini sebagai tanah air. Hal ini menunjukkan bahawa istilah ‘ rakyat Malaysia’ lebih bermaksud kewarganegaraan daripada kenegaraan.

Berbeza dengan responden-responden dari kalangan pelajar Melayu. Walaupun bilangan pelajar Melayu yang memberi makna Malaysia sebagai ‘tanah air’ adalah kurang berbanding pelajar bukan Melayu, sebaliknya mereka memberi erti tentang ‘menjadi rakyat Malaysia’ sebagai rasa kepunyaan kepada negara asal mereka, ‘*sense of belonging*’. Oleh itu, frasa seperti ‘negara saya’ lebih kerap dinyatakan oleh responden Melayu. Sebagai contoh, Hakim (pelajar lelaki Melayu tahun akhir) berpendapat: “Malaysia adalah negara saya, tidak kira betapa baik negara-negara lain, saya rasa lebih selesa di tempat saya sendiri. Saya hanya berharap Malaysia akan menjadi negara yang lebih baik di masa hadapan “. Sementara Fauziah (pelajar wanita Melayu tahun pertama) berkata:

> Saya rasa senang menjadi rakyat Malaysia kerana kita berbeza dengan orang lain di sini. Kita membawa budaya dan identiti kita di negara asing, tetapi ini bukan negara saya. Saya sangat merindui Malaysia.

Beberapa pelajar Melayu juga menunjukkan perasaan yang berkobar-kobar untuk pulang ke tanah air dan menyumbang kepada negara mereka. Misalnya Amalina (pelajar wanita Melayu tahun pertama) mengatakan bahawa sebagai seorang warganegara Malaysia dia mempunyai kewajipan untuk berkhidmat kepada negara dan atas sebab itu dia memutuskan untuk kembali ke Malaysia selepas menamatkan pengajian. Apa yang dapat disimpulkan dari perbincangan dalam bahagian ini ialah terdapat kemungkinan peserta bukan Melayu menganggap Malaysia sebagai ‘tanah air’ tetapi tidak ‘sepenuhnya tanah tumpah darah’, memandangkan ada

kecenderungan untuk meninggalkan negara ke tempat baru. Manakala responden-responden Melayu pula telah menganggap Malaysia sebagai negara mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara yang mereka miliki dan tempat untuk menumpahkan taat setia mereka.

Berperanan sebagai duta dan membawa budaya Malaysia

Kajian mendapati kebanyakan responden meletakkan diri mereka sebagai duta atau 'wakil' negara apabila ditanya tentang apa erti 'menjadi rakyat Malaysia'. Ini terbukti dalam beberapa temubual dengan pelajar Melayu terutamanya dalam kalangan pelajar tahun pertama, bahawa mereka menganggap diri mereka sebagai 'duta kecil' (Dasan, 2007) yang mewakili Malaysia di luar negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab mereka untuk bertindak dan menjaga perilaku kerana mereka mencerminkan imej negara. Berada di luar negara membuat mereka menyedari betapa identiti sebagai rakyat Malaysia lebih berharga berbanding semasa di tanah air di mana mereka dikelilingi oleh masyarakat mereka sendiri. Sehubungan itu, bagi majoriti pelajar tahun pertama, rasa sebahagian daripada Malaysia ini telah mendorong wujudnya rasa bangga yang lebih kuat kepada negara mereka sendiri. Asrul (pelajar lelaki Melayu tahun pertama) memberi pandangan:

> Menjadi rakyat Malaysia tidak bermakna apa-apa apabila saya di Malaysia kerana semua orang adalah rakyat Malaysia. Tetapi menjadi rakyat Malaysia mempunyai makna yang besar apabila saya di sini, di luar negara. Saya seperti duta kecil di negara saya di mana saya membawa imej negara dan orang akan menilai Malaysia berdasarkan apa yang saya lakukan.

Pandangan-pandangan di atas selari dengan cadangan Hume (2008) bahawa identiti nasional yang dahulunya tidak diekspresikan di negara asal boleh muncul dalam konteks negara tuan rumah. Ini disebabkan oleh persekitaran yang berbeza dan terpencil dari komuniti sendiri. Sementara itu, Learman (2008) juga menekankan bahawa pengalaman hidup di luar negara mendorong sesetengah pelajar untuk melihat secara kritis terhadap nilai mereka sendiri dan memberi refleksi mendalam terhadap negara asal mereka.

Bagi sesetengah pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini, isu kritikal tentang 'menjadi rakyat Malaysia' terletak pada masalah 'identiti' itu sendiri. Hal ini didapati dalam kalangan pelajar bukan Melayu yang mengalami konflik identiti. Kenyataan tipikal yang mereka bangkitkan adalah 'mereka sering keliru tentang kami' atau 'mereka fikir semua rakyat Malaysia mempunyai budaya dan agama yang sama'. Daawei (pelajar lelaki bukan Melayu tahun akhir) berkongsi perasaannya mengenai perkara ini:

> Mereka sentiasa keliru tentang kami. Mereka fikir semua orang di Malaysia mempunyai budaya yang sama atau agama yang sama. Ia agak rumit bagi kami untuk menjelaskan kepada mereka kerana mereka tidak tahu bahawa Malaysia mempunyai pelbagai etnik, jadi mereka menyangka kami dari negara China. Saya perlu menjelaskan yang nenek moyang saya berasal dari China, sejarah dan sebagainya. Nenek moyang saya sebenarnya datang dari sana tetapi saya produk dari sini jadi saya anak Malaysia.

Dari pandangan ini, dapat dirumuskan bahawa pemahaman yang lebih jelas mengenai identiti nasional Malaysia di peringkat antarabangsa, akan memudahkan bagi rakyat Malaysia di luar untuk bercakap mengenai identiti mereka. Menariknya, apa yang jelas dalam data yang terkumpul ialah hampir semua responden bukan Melayu melaporkan bahawa bukan menjadi keutamaan untuk mereka memperkenalkan diri sebagai orang 'Cina' atau 'India' kerana kemungkinan disalah tafsir atau disalah anggap oleh orang lain. Oleh itu, pelajar-pelajar ini lebih gemar mencampurkan unsur etnik dan kewarganegaraan apabila memperkenalkan diri mereka. Ini menunjukkan bahawa sifat etnisiti mewujudkan 'kepelbagaian' (Glass, 1993) dalam identiti pelajar bukan Melayu di luar negara. Selvan menjelaskan, "Orang di sini akan berfikir saya orang India seperti orang India di India atau orang British kelahiran India. Itulah sebabnya saya memperkenalkan diri saya sebagai *Malaysian Indian*.

Dalam keadaan ini adalah menjadi keutamaan bagi pelajar-pelajar ini untuk memastikan perbezaan antara diri mereka dengan kaum India atau Cina tersebut. Pertembungan identiti ini memberi ruang untuk responden-responden bukan Melayu untuk mengakui bahawa budaya dan bahasa Malaysia yang membezakan identiti mereka dengan kedua-dua etnik tersebut (Beng, 2000). Alice (pelajar wanita bukan Melayu tahun pertama) kelihatan lebih menunjukkan nilai sebagai rakyat Malaysia berbanding dengan orang Cina dari negara lain apabila menghadapi kekeliruan seperti ini. Dia berkata:

> Kerana saya dilahirkan dan dibesarkan di Malaysia, saya menggelarkan diri saya sebagai rakyat Malaysia. Jika saya kembali ke China, walaupun saya orang Cina, mereka mungkin tidak akan menerima saya. Hakikatnya budaya saya kini ialah budaya Malaysia dan ini mencerminkan siapa anda.

Perbincangan di atas timbul daripada fakta bahawa belajar di luar negara mempunyai kesan yang signifikan terhadap sikap pelajar Malaysia terhadap peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia di luar negara. Hal yang menjelaskan bahawa peranan sebagai 'Duta Malaysia' dalam komposisi 'budaya Malaysia' yang dikongsi bersama turut membawa mesej semangat patriotisme dan nasionalisme terhadap negara.

Identiti keagamaan

Salah satu penanda penting yang membezakan kedua-dua kategori pelajar ialah agama. Faktor agama menjadi sumber utama untuk menerangkan identiti diri khususnya pelajar Melayu. Majoriti responden menolak idea bahawa 'menjadi rakyat Malaysia' harus berdasarkan bangsa atau etnik sebaliknya perlulah berteraskan agama (Islam). Jelas sekali, komitmen terhadap agama Islam adalah faktor utama pelajar-pelajar Melayu lebih cenderung kepada identiti Islam melebihi identiti yang berteraskan etnik atau kewarganegaraan. Malah, Morse (1976) berpendapat bahawa tahap kepentingan identiti nasional berbeza mengikut kawasan yang berlainan, atau identiti agama serta tafsiran psikologi seseorang. Hasil temubual menunjukkan pelajar-pelajar ini lebih ketara berpersepsi bahawa 'menjadi Muslim lebih penting daripada menjadi warganegara Malaysia'. Terdapat juga beberapa pelajar Melayu melihat 'menjadi rakyat Malaysia' sebagai bersifat 'rasis' berbanding dengan identiti agama. Pandangan ini dikaitkan dengan 'nasionalisme' yang menekankan rasa kepunyaan terhadap puak, kaum atau kumpulan tertentu dan akhirnya menjurus kepada perkauman dan prasangka kaum (Vatikiotis, 1987; Muta'hhari, 2004). Bagi pelajar-pelajar ini, kecenderungan terhadap etnik atau bangsa dilihat sebagai mengatasi kesatuan masyarakat yang lebih luas atau 'ummah' secara keseluruhan. Seperti kata Zahidi (pelajar lelaki Melayu tahun akhir):

> Saya tidak begitu selesa untuk dilabel sebagai Melayu atau rakyat Malaysia kerana ia kelihatan bersifat perkauman. Saya lebih suka dipanggil seorang Muslim. Agama kita tidak membezakan orang berdasarkan bangsa atau warna kulit, sebaliknya menganggap semua umat Islam sebagai satu 'ummah'.

Hal yang demikian sama dengan penemuan Halstead dan Pike (2006) yang berhujah bahawa "*many Muslims consider themselves to be citizens primarily of the ummah, the worldwide community of believers… in such cases loyalty to a political entity is secondary*" (hal. 8). Oleh kerana konsep 'ummah' menganjurkan perpaduan masyarakat berasaskan kepercayaan yang dikongsi bersama, maka idea untuk menegakkan negara yang bersatu padu tetapi terhad kepada etnik, kaum, negara atau wilayah tertentu tidak dapat diterima. Bagi Zaiton (pelajar wanita Melayu tahun akhir), tafsiran dan pandangan beliau tentang 'menjadi rakyat Malaysia' telah beralih daripada sikap positif kepada sikap negatif semasa beliau berada di UK. Pandangan Zaiton selari dengan pandangan Zahidi:

> Sebelum saya datang ke sini, semasa di Malaysia saya agak chauvinis yang bermakna saya bangga dengan bangsa saya dan mahu mempertahankannya. Tetapi sekarang saya dapat melihat agama lebih penting daripada bangsa atau kaum. Saya fikir bangsa hanya boleh membawa kita kepada perkauman.

Zaiton kemudian menambah tentang pentingnya memperjelaskan tentang latarbelakang agamanya sebagai identiti dengan mengatakan;

> Selepas tiga tahun berada di UK, saya mula mengubah persepsi diri saya ... bukan hanya sebagai orang Melayu atau warga Malaysia tetapi saya sebagai Muslim. Bagi saya, untuk menjadi Muslim adalah lebih penting daripada menjadi rakyat Malaysia.

Apa yang jelas daripada maklum balas pelajar-pelajar ini ialah memperkenalkan diri sebagai 'orang Malaysia' dalam keadaan tertentu adalah tidak menjadi keutamaan pelajar sama ada secara teori atau praktik. Tanggapan pelajar mengenai 'menjadi Muslim lebih penting daripada menjadi rakyat Malaysia' adalah selaras dengan kajian Jacobson (1997) tentang British Pakistan di Britain. Beliau mendapati bahawa generasi kedua

British Pakistan kurang menekankan aspek 'Pakistani' atau 'Asia' sebagai ciri identiti mereka. Sebaliknya ciri ini dianggap sebagai aspek sampingan berbanding dengan identiti Islam. Begitu juga, kajian Hussein dan Bagguley (2005) mengenai identiti British Pakistan di Bradford selepas rusuhan 2011. Mereka berpendapat bahawa seseorang individu mungkin mempunyai banyak identiti. Kajian mereka juga mendapati bahawa responden mendefinisikan konsep identiti nasional sebagai sinonim dengan konsep kewarganegaraan. Oleh itu, seseorang boleh memperkenalkan diri mereka sama ada sebagai British / Pakistani / Muslim. Secara keseluruhannya, analisis di atas menggambarkan bahawa identiti agama melangkaui sempadan bangsa, etnik atau wilayah di mana seseorang individu merasa lebih terikat dengan kepercayaan yang sama. Oleh yang demikian, identiti keagamaan menjadi lapisan paling atas yang mengatasi lapisan identiti lain.

PENOLAKAN IDENTITI SEBAGAI WARGA MALAYSIA

Walaupun majoriti responden yang ditemubual telah menunjukkan pandangan yang agak bersemangat untuk menjadi rakyat Malaysia atau sekurang-kurangnya mempunyai orientasi yang berbeza terhadap identiti mereka, sebaliknya, ada segelintir pelajar yang menunjukkan sikap kurang berminat dengan identiti Malaysia. Mereka juga tidak tertarik dengan isu-isu berkaitan Malaysia. Trend sedemikian jelas dalam temubual dengan lima pelajar tahun akhir dan tiga pelajar tahun pertama. Hal yang demikian dihubungkaitkan dengan sosialisasi dan pengalaman mereka semasa di UK yang mencipta satu jarak yang menjauhkan diri mereka dari dikenali sebagai rakyat Malaysia. Situasi ini menggambarkan bahawa belajar di luar negara seolah-olah memberikan pengaruh kuat untuk menyembunyikan identiti yang sepatutnya dipamerkan. Satu contoh penting dapat dilihat melalui penyataan Erma (pelajar wanita Melayu tahun akhir) yang mendapati bahawa belajar di luar negera telah mewujudkan ruang untuk menilai realiti di Malaysia. Pelajar ini tidak akan mendedahkan dirinya sebagai rakyat Malaysia kerana dia berpendapat bahawa ia mempunyai konotasi negatif.

Dalam sesi temubual tersebut, Erma jelas mengangkat suaranya; "Saya tidak tahu! Saya tidak ada perasaan terhadapnya ... ia tidak bermakna apa-apa (menjadi rakyat Malaysia) ". Label sentimen anti negara ini dinyatakan oleh pelajar tersebut disebabkan perasaan malu untuk dikaitkan dengan identiti Malaysia. Responden ini mendakwa ia adalah berpunca daripada sikap buruk beberapa ahli parlimen dalam siaran langsung semasa mesyuarat parlimen Malaysia. Justeru, ia mempengaruhi penafian identiti ini. Kes Erma kelihatan berbeza dengan hujah Learman (2008) apabila beliau menunjukkan bahawa belajar di luar negara memberikan peluang yang besar untuk pelajar menganalisis negara asal mereka dengan lebih kritikal, yang membawa kepada penghargaan kepada sama ada kelebihan atau kekurangannya. Dalam satu keadaan, situasi ini mencerminkan bagaimana belajar di luar negara dapat menimbulkan kesan negatif terhadap sikap pelajar terhadap negara sendiri dan identiti mereka. Manakala dari sudut yang lain pula, faktor disebalik sikap pesimis pelajar-pelajar tersebut perlu kepada penelitian lanjut untuk menangani masalah sikap negatif ini.

Contoh lain, Nazri (pelajar lelaki Melayu tahun akhir) enggan mendedahkan dirinya sebagai seorang rakyat Malaysia semasa belajar di UK. Keluhan dan perasaan tidak puas hati terhadap politik Malaysia jelas dalam naratifnya apabila dia menuduh Malaysia sebagai sebuah negara hipokrit. Baginya menjadi rakyat Malaysia tidak lebih sekadar terikat dengan dokumen pengenalan diri, "Menjadi rakyat Malaysia kepada saya hanya kerana anda boleh mendapat manfaat daripadanya, seperti memiliki pasport Malaysia, selain itu ia tidak begitu penting". Identiti nasional juga ditolak oleh beberapa responden, kebanyakannya pelajar bukan Melayu. Hal ini ditegaskan oleh Sophie (pelajar wanita bukan Melayu tahun akhir), yang jelas menunjukkan kekurangan semangat untuk 'menjadi rakyat Malaysia' selepas lima tahun berada di UK, "Bagi saya ia hanya nama, seperti rakyat Malaysia. Satu-satunya perkara yang saya bangga adalah makanan, jika tidak, tidak banyak nak dibanggakan". Secara umum, tindak balas jenis ini menepati apa yang Fenton (2007) terma sebagai 'sikap acuh tak acuh' atau 'mengabaikan' identiti nasional. Selvan (pelajar lelaki bukan Melayu tahun pertama) turut mempunyai sikap yang sama dengan mengatakan, "Ia adalah negara saya tetapi untuk memperkenalkan identiti diri saya sebagai rakyat Malaysia mungkin tidak begitu penting di sini kerana tidak semua orang tahu tentang Malaysia". Apa yang penting dalam komen ini ialah 'menjadi rakyat Malaysia' dan 'kedudukan negara' di peringkat antarabangsa adalah jelas berkaitan. Dalam kes Malaysia, kedudukan negara di peringkat global mempunyai hubungan yang negatif dengan pengenalan identiti. Oleh itu, kecenderungan pelajar untuk menjarakkan diri dari dikaitkan dengan negara ini atau menyembunyikan kewarganegaraan mereka tidak dapat disangkal. Hal ini mengesahkan hujah oleh Dolby (2005) yang mengatakan bahawa pengaruh persepsi global terhadap sesebuah negara mempunyai kesan yang signifikan terhadap identiti nasional rakyatnya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, respons kedua-dua kumpulan pelajar berkenaan konsep identiti nasional dan erti 'menjadi rakyat Malaysia' masih merupakan persoalan empirikal. Data-data yang ada belum dapat menyelesaikan isu ini. Malah, dapat dilihat juga terdapat penolakan yang jelas untuk mentafsirkan sewenang-wenang atau secara superfisial tentang konsep identiti nasional ini. Bagi pelajar-pelajar yang terlibat, membina identiti kebangsaan adalah perjalanan yang rumit dan mencabar. Isu hak dan ikatan yang kukuh dengan identiti etnik tetap menjadi konflik yang berterusan dengan idea pembinaan negara bangsa yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Jelas bahawa erti 'menjadi rakyat Malaysia' bagi setiap kumpulan etnik pelajar masih menjadi subjek yang diperdebatkan (Shamsul, 1996; Haque, 2003; Hashim & Tan, 2009). Manakala data yang diperoleh masih dikategorikan kecil untuk membuat generalisasi untuk semua rakyat Malaysia. Oleh kerana makna identiti nasional Malaysia yang 'ideal' terus diperdebatkan, tidak statik dan bercampur aduk, maka konsep ini masih terbuka untuk ditakrif atau dicipta semula kepada makna yang baru.

RUJUKAN

Bammer, A. (1994). Mother tongues and other strangers: Writing 'family' across cultural divides, Dalam A. Bammer (Ed.), *Displacements: cultural identities in question*, Bloomington: Indiana University Press.

Beng, T.C. (2000). Ethnic identities and national identities: Some examples from Malaysia. *Journal of Identities, 6*(4), 441-480

Breakwell, G. (1986). *Coping with threatened identities*. London: Methuen.

Dasan, J. (2007). *UMS menjayakan Dasar Pandang ke Timur.* New Sabah Times. hal. 10-11. Diakses pada 27 Jun 2010.: http://eprints.ums.edu.my/2713/1/ar0000000016.pdf

Diamantopoulos, A. (2005). National identity. *International Marketing Seminar*. [Online]. Diakses pada 20 May 2009. http://www.unet.univie.ac.at/~a0102141/downloads/National%20Identity%20-%20NATID.pdf

Dolby, N. (2005). Globalisation, identity, and nation: Australian and American undergraduates abroad. *The Australian Educational Researcher, 32*(1):101-118

Ezell, E .D., Seeleib-Kaiser, M., & Tiryakian, E. A. (2003). National identity issues in the new German elites: A study of German university students. *International Journal of Comparative Sociology*, *44*(4), 280-308

Fenton, S. (2007). 'ndifference towards national identity: What young adults think about being English and British. *Nations and Nationalism, 13*(2), 321-339.

Glass, J. M. (1993). Multiplicity, identity and the horrors of selfhood: Failures in the postmodern position, *Political Psychology*, *14*(2), 255-278

Halstead, J. M., & Pike, M.A. (2006) *Citizenship and moral education: Values in action*. Oxford and New York: Routledge.

Haque, M. S. (2003). The role of the state in managing ethnic tensions in Malaysia: A critical discourse. *American Behavioral Scientist, 47*(3), 240-266

Hashim, R. & Tan, C. (2009). A hyphenated identity: Fostering national unity through education in Malaysia and Singapore. *Citizenship Teaching and Learning, 5*(1), 46-62

Huddy, L., & Khatib, N. (2007). American patriotism, national identity, and political involvement. *American Journal of Political Science*, *51*(1), 63-77

Hume, S. (2008). Ethnic and national identities of Africans in the United States. *The Geographical Review*, *98*(4), 496–512

Hussain,Y., & Bagguley, P. (2005). Citizenship, ethnicity and identity: British Pakistanis after the 2001 'Riots'', *Sociology*, *39*(3), 407-425

Ishak, M. (1999). *From plural society to bangsa Malaysia: Ethnicity and nationalism in the politics of nation-building in Malaysia*, (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). University of Leeds, United Kingdom

Jacobson, J. (1997). Religion and Ethnicity: Dual and alternative sources of identity among young British Pakistanis. *Ethnic and Racial Studies*, *20*(2), 238-256.

Koenig, N. (2006). *Construction of national identity and national pride of Germans in the intercultural*. [online]. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Eastern Michigan University Diakses pada 25 Februari 2009.https://dspace.emich.edu:8443/dspace/bitstream/1970/184/2/thes_MA_06_KoenigN_1.pdf

Lam, T., & Yeoh, B.S.A. (2004). Negotiating 'home' and 'national identity': Chinese-Malaysian transmigrants in Singapore', *Asia Pacific Viewpoint*, *45*(2), 141-164.

Learman, M. A. (2008). *Through a different lens: Student perspectives on the impact of study abroad* [online]. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Graduate College of Bowling Green State University [Accessed 25 February 2009]: <http://www.ohiolink.edu/etd/sendpdf.cgi/Learman%20Megan%20A.pdf?acc_num=bgsu1214071527.

Miller, D. (2005). *Citizenship and national identity*. Cambridge: Blackwell Publisher Ltd.

Morse, S. J. (1976). *National identity from a social psychological perspective: Two Brazilian case studies.*[Online Microfilm], Diakses pada 2 Mac 2009. http://eric.ed.gov/ERICWebPortal/custom/portlets/recordDetails/detailmini.jsp?_nfpb=true&_&ERICExtSearch_SearchValue_0=ED130938&ERICExtSearch_SearchType_0=no&accno=ED130938>

Muta'hhari, M. (2004), *The reciprocal services between Islam and Iran*. International Centre for Islamic Studies.

Parekh, B. (2000), *Rethinking multiculturalism: Cultural diversity and political theory*. London: MacMillan Press LTD.

Rabushka, A., & Shepsle, K. (1972). *Politics in plural society: A theory of democratic instability*. Colombus, Ohio: Charles E. Merrill

Shamsul, A.B. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Journal of Southeast Asian Studies, 34*(3), 476-499.

Smith, A. D. (1991). *National identity*. London: Penguin Group.

Vatikiotis, P. J. (1987), *Islam and state,* London: Croom Helm

Wodak, R., Cillia, R.D., Reisigl, M., & Liebhart, K. (2003). *The discursive construction of national identity* (A. Hirsh & R. Mitten, Penterj.). Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

AKULTURASI BUDAYA ARAB KE DALAM MASYARAKAT MELAYU MELALUI PANTUN

Rozita bt Omar
IPG Kampus Ipoh
rozita@ipgmipoh.edu.my

Norehan bt Muhamad
IPG Kampus Ipoh
norehan@ipgmipoh.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau hubungan budaya masyarakat Melayu dan Arab melalui puisi tradisional Melayu iaitu pantun. Pantun ialah puisi tradisional Melayu lama yang merupakan cerminan budaya masyarakat tersebut. Pantun merupakan antara cara masyarakat Melayu zaman dahulu berhibur. Pantun mempunyai nilai murni iaitu memberi nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan pengkaji menganalisis pantun-pantun Melayu yang menunjukkan hubungan budaya Melayu dan Arab. Akulturasi adalah suatu proses sosial yang timbul apabila suatu kelompok manusia dengan suatu kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur-unsur daripada suatu kebudayaan asing sehingga unsur-unsur kebudayaan asing itu lambat laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya keperibadian kebudayaan itu sendiri. Dapatan kajian memperlihatkan pemikiran kreatif dan kritis generasi dahulu melahirkan idea melalui pantun berdasarkan kehidupan seharian mereka berkaitan politik, sosial dan ekonomi. Melalui analisis pantun, pengkaji dapat mengetahui bahawa wujudnya hubungan politik, sosial dan ekonomi masyarakat Arab di Malaysia sejak dahulu lagi. Secara tidak langsung kajian ini dapat mengenal pasti hubungan erat antara kedua-dua masyarakat ini telah berlaku sejak zaman-berzaman. Implikasi hasil kajian ini membuktikan bahawa berlaku akulturasi hubungan budaya masyarakat Melayu dan Arab sejak dahulu hingga kini. Hal ini dapat dibuktikan melalui pantun yang dihasilkan oleh masyarakat terdahulu. Usaha menghimpunkan pantun, menjadi perlu sebagai bahan dokumentasi generasi masa ini dan akan datang dengan harapan tradisi berpantun dapat terus dilanjutkan sebagai warisan Melayu yang tidak akan pupus.

Kata kunci: akulturasi, pantun, budaya, Melayu, Arab

PENGENALAN

Pantun merupakan khazanah bangsa Melayu di Malaysia. Berabad-abad lamanya masyarakat Melayu tradisi menjadikan pantun sebagai wadah ucapan penting mereka. Hal ini kerana pantun merupakan puisi tradisional yang paling popular dan sering diperdengarkan.Tradisi berpantun ini tidak terhad kepada masyarakat Melayu di Malaysia sahaja, malah pantun tidak asing bagi masyarakat Melayu di Indonesia, Brunei dan Singapura.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan meninjau hubungan budaya masyarakat Melayu dan Arab melalui puisi tradisional Melayu iaitu pantun. Francois Rene Daillie (1988) menerangkan hubungan pantun dengan budaya orang Melayu dengan kata-kata yang berikut:

> Puisi pendek ini merupakan keseluruhan kehidupan dan satu alam semesta dalam sebutir pasir. Puisi ini mengandungi dalam dirinya segala unsur-unsur kehidupan manusia Melayu, tanahnya, rumahnya, tamannya, sawahnya, sungai, sera atau belukar, buah-buahan, binatang-binatang, burung-burung, ikan-ikan, dan beberapa perkara kecil dalam kehidupan hariannya.

Pernyataan ini menepati penyataan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* (1990) yang menyatakan bahawa isi pantun menggambarkan keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu yang membawa perasaan, masalah manusia dan bangsanya, dilema menghadapi alam atau manusia lainnya serta mencari jalan untuk menjadi manusia yang baik. Apabila negara kita didatangi masyarakat Arab, maka berlakulah proses akulturasi ke dalam budaya Melayu. Akulturasi merupakan perpaduan dua buah budaya yang menghasilkan budaya baharu tanpa menghilangkan unsur-unsur asli dalam budaya tersebut. Terjadinya proses akulturasi adalah adanya persenyawaan iaitu penerimaan kebudayaan tanpa rasa terkejut. Justeru dalam kajian ini, pengkaji melihat proses akulturasi yang terdapat dalam pantun Melayu dari aspek politik, sosial, dan ekonomi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menetapkan objektif yang berikut, iaitu:

1. mengenal pasti hubungan budaya Arab dalam pantun Melayu
2. mengenal pasti masyarakat Melayu terdahulu melahirkan idea melalui pantun berkaitan politik, sosial dan ekonomi masyarakat.
3. menganalisis pantun dan hubungannya dengan akulturasi budaya Melayu dan budaya Arab

SOALAN KAJIAN

1. Adakah terdapat hubungan budaya Arab dalam pantun Melayu?
2. Adakah masyarakat Melayu terdahulu melahirkan idea melalui pantun berkaitan politik, sosial dan ekonomi masyarakat Arab?
3 Adakah berlaku hubungan akulturasi budaya Melayu dan budaya Arab melalui pantun?

BATASAN KAJIAN

Kajian hanya terbatas pada pantun Melayu yang terdapat dalam *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Terdapat sebanyak 5154 buah pantun Melayu dalam buku ini.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk membuktikan bahawa berlaku akulturasi hubungan budaya masyarakat Melayu dan Arab sejak dahulu hingga kini melalui pantun dari aspek politik, sosial, dan ekonomi. Hubungan perdagangan Arab dengan Tanah Melayu telah berlaku sebelum wujudnya Islam di Tanah Melayu lagi iaitu pada zaman Kerajaan Melayu Awal. Aktiviti dagangan bertambah selepas Islam diperkenalkan di Tanah Melayu pada abad ke-7 Masihi . Sesuai dengan Islam yang bersifat universal, masyarakat Melayu selesa dengan agama Islam yang dianuti oleh mereka. Justeru, hal ini memudahkan lagi pedagang-pedagang Arab untuk melakukan aktiviti dagangan mereka . John Crawford telah mengemukakan teorinya dan disokong oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (dalam Ruslan Zainuddin, 2003) iaitu Islam datang dari Arab melalui pedagang. Buktinya catatan China mengatakan orang Arab dan Parsi telah mempunyai pusat perniagaan di Canton sejak tahun 300 Masihi. Pedagang Arab yang ke China telah singgah di pelabuhan Asia Tenggara khasnya di Selat Melaka kerana kedudukannya strategik dan pedagang Arab ini tinggal beberapa bulan di Asia Tenggara dan ada yang menetap serta membina perkampungan Arab. Perkampungan ini juga menjadi tempat untuk berdagang. Ada juga pedagang Arab yang berkahwin dengan wanita tempatan dan menyebarkan Islam. Apabila Islam telah bertapak, sistem pemerintahan diperkenalkan. Sultan sebagai ketua negara dan ketua agama Islam, undang-undang berdasarkan hukum syariah diperkenalkan walaupun tidak secara menyeluruh.

Dari sudut sejarahnya selepas kedatangan Islam dan pembentukan Kerajaan Melaka yang bercorak keislaman, kita dapati proses Islamisasi di bidang undang-undang, sosiobudaya dan politik berterusan berlaku. Dalam bidang undang-undang dimulai dengan undang-undang Kanun Melaka & Kanun Laut Melaka, diikuti pula dengan Kanun Pahang dan seterusnya Kanun Kota Setar dan lain-lain. Demikian juga dengan Perlembagaan Terengganu & Perlembagaan Negeri Johor. Perubahan dalam bidang sosiobudaya juga berlaku.

Orang Melayu telah menghayati nilai-nilai akhlak Islam dalam kehidupan yang terangkum dalam adab-adab kehidupan mereka seperti adab berpakaian, adab berbahasa, adab berjiran dan sebagainya. Dalam bidang politik, kekuasaan politik itu merupakan satu amanah Allah dan para pemimpin diminta bertindak mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh Islam. Justeru, kajian ini dapat menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang erat antara masyarakat Melayu dan Arab ini sejak zaman-berzaman.

KAJIAN LITERATUR

Sehingga kini terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh sarjana, misalnya oleh Harun Mat Piah (1989) dan juga oleh Francois-Rene Dailie (1988) yang meneliti pantun dari aspek dalaman dan juga luarannya. Kajian-kajian lain adalah seperti yang dilakukan oleh Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (1996) yang melihat pantun dari aspek akal budi Melayu. Ada juga kajian yang cuba melihat struktur ayat dalam pantun Melayu. Zahir Ahmad (2005) dalam kajiannya yang bertajuk Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya Dan Pensejarahan Melayu telah mengkaji pantun dengan meneliti unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam pantun. Unsur-unsur sejarah adalah nama-nama tempat, nama-nama tokoh, peristiwa yang berlaku, adat resam, dan budaya seperti yang tergambar dalam pantun. Selain itu, Nirwana et.al (2017) telah melihat perenggu minda orang Melayu sebagaimana yang terpancar dalam pantun Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling iaitu alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Konsep berguru kepada alam jelas tercermin dalam penciptaan pantun Melayu. Dalam pantun yang dikaji, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perekonomian. Namun kajian berkaitan akulturasi khususnya dengan budaya masyarakat Arab masih belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan sahaja iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Kaedah ini lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan kajian ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa dunia pantun itu adalah nyata. Pantun dapat menceritakan hal manusia, alam dan apa-apa sahaja yang dilihat oleh mata dan difikirkan oleh manusia. Dalam pantun, kita melihat perkara yang sebenar berlaku kerana pantun dicipta berdasarkan pemikiran dan pemerhatian seseorang yang mencipta pantun secara lisan atau tulisan. Buku *"Kurik Kundi Merah Saga (KKMS:*2009), memaparkan unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam pantun seperti nama-nama tempat, nama-nama tokoh, peristiwa yang berlaku, adat-resam dan budaya seperti yang tergambar dalam pantun (Zahir Ahmad, 2005). Melalui pantun dapat dilihat proses akulturasi budaya Arab ke dalam budaya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu boleh menerima budaya orang Arab dan disesuaikan dengan persekitaran mereka. Akulturasi yang jelas dalam pantun Melayu bolehlah dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu sosial, politik dan ekonomi.

Aspek sosial

Dalam kajian ini, hubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Arab tidak dapat dipisahkan kerana hubungan yang erat dalam kehidupan seharian mereka. Dalam masyarakat yang hidup bersama-sama, budaya Arab telah diterima oleh orang Melayu yang ditulis dalam pantun yang terdapat dalam buku KKMS. Pantun yang bertulis berkaitan dengan perkataan Arab banyak dilihat kerana pencipta pantun menggunakan pembayang pantun dan maksud pantun yang mengaitkan dengan budaya masyarakat Arab. Contoh pembayang pantun yang menggunakan perkataan Arab dalan KKMS "Orang Arab pulang ke Jeddah" , "Orang Arab bergoreng

kicap", "Orang Arab pulang ke Arab" , "Orang Arab mengukus pulut" , "Orang Arab pulang ke Acheh", "Orang Arab minum serbat" , Orang Arab berjalan ke tanjung", "Anak Arab lalu sekawan", dan lain-lain lagi. Kita akui, masyarakat di sesebuah tempat dan bangsa itu mempunyai cara hidup serta adat resam yang agak berbeza tetapi pengaruh sesuatu budaya akan diterima kerana proses akulturasi akan sentiasa ada mengikut zaman. Hal ini dapat kita lihat meliputi aspek agama, pendidikan, kesenian, pekerjaan seharian, makanan, pakaian, dan sebagainya.

Orang Melayu menerima kehadiran masyarakat Arab sejak zaman kerajaan Melayu Lama kerana hubungan politik, sosial dan ekonomi. Kedatangan masyarakat Arab telah membawa agama Islam dan menjadi anutan kepada masyarakat Melayu. Orang Melayu telah menerima agama Islam sebagai peraturan hidup melalui Al-Quran dan hadis. Jika berlaku sesuatu kepada diri, maka orang Melayu akan berserah kepada Allah SWT. Contoh pengaruh Arab seperti pantun yang berikut;

Ambil galah kupaskan jantung,
Orang Arab bergoreng kicap,
Kepada Allah tempat bergantung,
Kepada nabi tempat mengucap.

KKMS (2009, h. 617)

Memandangkan latar kehidupan masyarakat Arab secara asasnya diwarnai dengan struktur dan aktiviti keagamaan yang agak konservatif, malah secara langsung menjadikannya sebagai identiti yang mendasari kehidupan beragama dan jaringan sosial di mana –mana sahaja mereka berada khususnya di Tanah Melayu. Pendidikan sangat penting dalam masyarakat Melayu terutama mengenai didikan agama diberikan kepada anak-anak sejak mereka kecil terutamanya kepada anak-anak lelaki. Masyarakat Melayu telah menerima cara hidup masyarakat Arab dengan memberi didikan agama semasa anak-anak masih kecil. Pada zaman sekarang, mengaji telah diajar dari kecil lagi oleh ibu bapa. Malahan, dalam pantun ini jelas ada unsur motivasi iaitu siapa yang pandai mengaji sangat dihormati dan akan mudah naik haji serta boleh ziarah ke makam nabi. Perkara ini boleh dilihat dalam pantun seperti dibawah:

Budak-budak baik mengaji,
Dapat mengaji sangat terpuji:
Cari nafkah dapat naik haji,
Boleh ziarah makam nabi.

KKMS (2009, h. 623)

Selain didikan mengenai perlunya mengaji pada peringkat awal kanak-kanak, orang Melayu juga mengamalkan sikap menuntut ilmu supaya bersungguh-sungguh kerana menuntut ilmu itu adalah ajaran Islam dan telah tersemat di hati masyarakat Melayu dengan peribahasa Melayu iaitu "menuntut ilmu hingga ke liang lahat". Lihat pantun berikut;

Anak ayam turun sepuluh,
Mati seekor tinggal sembilan:
Kutuntut ilmu bersungguh-sungguh,
akan buat bekalan hari kemudian.

KKMS (2009, h. 618)

Orang Melayu pada peringkat awal hanya bersekolah pondok tetapi kemudian menerima sekolah secara vernakular dan kini ada pelbagai pilihan untuk menuntut ilmu tidak dibataskan kepada sekolah agama sahaja. Ada pelbagai cara dan pilihan untuk menuntut ilmu sesuai dengan keadaan semasa. Walaupun menerima ilmu dengan pelbagai cara, didikan agama tidak diketepikan oleh masyarakat Melayu hingga kini kerana kepercayaan kepada Allah, Tuhan, Nabi, dosa, pahala, sembahyang, iman, doa, kubur, qadak, qadar, jodoh, sedekah dan sebagainya yang mengaitkan hal-hal agama Islam tetap disemat dalam hati masyarakat Melayu. Contoh baris-baris pantun dalam KKMS seperti "minta ampun segala dosa", "hendak menyebut Tuhan yang satu" , "lekas juga jalan ke syurga", "di dalam kubut berdinding papan" , "kalau tidak sembahyang lagi", "qadak

hidup dua kali" , "dunia ikut firman Allah", "Naik haji Makkah-Madinah" , "diberi Allah umur panjang" dan sebagainya. Contoh pantun yang berkaitan ajaran agama Islam berkaitan agama iaitu doa, iman dan mati.

Anak ayam turun enam,
Satu mati tinggal lima:
Minta doa tetapkan iman,
Minta mati dalam agama.

KKMS (2009, h. 618)

Orang Melayu mengamalkan cara kehidupan Islam. Jika berlaku kematian, jenazah akan di kuburkan dalam tanah dan didindingkan dengan papan. Cara pengebumian ini berbeza dengan cara orang bukan Islam. Itulah cara kehidupan orang Melayu yang menguruskan cara pengkebumian mengikut cara Islam. Dalam pantun berikut terdapat unsur nasihat kepada masyarakat Melayu agar sentiasa membuat kebaikan. Jika tidak berbuat berbaik serta mati yang tidak membawa pahala maka akan menangis kerana menyesal di dunia tidak membuat kebaikan. Contoh pantun tentang kubur dan papan.

Asam kandis asam gelugur,
Dua urat asam belimbing:
Menangis mayat dalam kubur,
Melihat papan menjadi dinding.

KKMS (2009, h. 618)

Orang Melayu juga kaya dengan unsur kesenian yang berkaitan dengan alat muzik dan permainan Contoh alat permainan rakyat dan tarian seperti "Kuda Kepang", "Zapin", "Barongan", "Rodat" dan "Hamdolok" sejenis tarian yang yang kononnya dibawa dari Tanah Arab dan mempunyai pengaruh muzik Arab dan sebahagian seni katanya dalam bahasa Arab. Tarian ini diiringi oleh muzik yang rancak dengan nada Timur Tengah. Sebahagian dari hasil seni katanya dalam bahasa Arab, di samping pantun-pantun Melayu yang popular. Biasanya "Hamdolok" dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian dengan tujuan utamanya sebagai hiburan. (Mohd Thani Ahmad: 2000). Tarian-tarian ini juga diiringi dengan alat muzik rebana atau kompang dan gambus yang merupakan campuran budaya antara Arab dan Melayu. Gambus merupakan alat muzik yang berasal dari Yemen dan tersebar di Tanah Arab. Orang Melayu hingga kini masih mengamalkan unsur kesenian tersebut. Contoh pantun:

Pukul rebab pukul rebana,
Pukul lesung rumah Encik Ali;
Apa sebab apa kerana,
Rasa bergantung tidak bertali.

KKMS (2009, h. 248)

Bergesek rebab bertali dua,
Mari gesek bertali kain;
Mari adik bersahabat dua,
Bersahabat saya nanti pergi ke lain.

KKMS (2009, h. 341)

Gambus popular di negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia, Brunei dan Indonesia. Gambus mencetuskan genrenya tersendiri dan dimainkan dalam tarian Zapin sebuah tarian tradisional di negara-negara Asia Tenggara Islam. Contoh:

Jika tuan memanting gambus,
Gambus dipanting si burung pingai;
Bukan tuan memaksa bagus,
Kami memaksa budi perangai.

KKMS (2009, h. 604)

Dari segi hiasan dan pakaian, jelas menunjukkan wujudnya akulturasi antara orang Melayu dan Arab. Orang Melayu dapat menerima pengaruh Arab dengan menggunakan jubah, kopiah dan purdah. Orang Melayu menerima penggunaan jubah, kopiah dan purdah dalam budaya mereka sebagai satu pembaharuan dan tidak mengubah budaya yang sedia ada. Antara baris pantun yang menunjukkan akulturasi seperti penggunaan jubah, kopiah dan purdah seperti "*Encik Mat tukang kopiah" , "Haji-haji memakai jubah", "Tuan Haji berbaju jubah"* dan *"Beli kain buat purdah".* Penggunaan jubah, kopiah dan purdah sesuai dengan tuntutan agama Islam. Jubah boleh digunakan untuk lelaki dan wanita. Jubah ialah baju panjang biasanya digunakan untuk menunaikan haji atau sembahyang. Kopiah untuk lelaki dan purdah untuk wanita. Kopiah atau *"kufi"* atau ketayap dipakai atas kepala. Hukum menutup kepala bagi lelaki Islam hukumnya sunat dan sunnah Rasululah SAW. Selain itu, pemakaian kopiah juga boleh dikenakan dengan lilitan serban. Pemakainan kopiah sangat meluas dalam kalangan masyarakat Melayu terutama apabila menunaikan sembahyang. Kita boleh lihat situasi pemakaian kopiah dalam kalangan lelaki Melayu sangat penting kerana ada orang Melayu yang boleh membuat kopiah. Contoh pantun berkaitan kopiah.

Encik Mat tukang kopiah,
Bawa kuda di bawah bukit;
Iman jatuh kerana kakanda,
Kakanda bimbang bukit sedikit.

KKMS (2009, h.111)

Penggunaan jubah sering dipakai oleh orang lelaki terutama yang balik daripada menunaikan haji. Kini jubah dipakai untuk sembahyang, hari raya dan waktu-waktu tertentu oleh golongan remaja yang mengikut fesyen. Contoh pantun penggunaan jubah:

Haji-haji memakai jubah,
Sembahyang dalam perahu;
Tuan berjanji tidak berubah,
Bulan di atas dimakan Rahu.

KKMS (2009, h. 111)

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2007), purdah ialah kain yang dipakai di muka wanita supaya jangan kelihatan muka. Dalam bahasa Arab purdah dikenali sebagai *"niqab" atau "jilbab"* untuk menutup aurat wanita. Kini, banyak purdah digunakan oleh golongan wanita Islam untuk menutup aurat. Penggunaan purdah kini sangat berleluasa terutama sewaktu musim covid`19. Contoh pantun penggunaan purdah dalam kalangan wanita Melayu.

Beli kain buat purdah,
Mana yang baik bolehlah dipilih;
Disangka langit itu rendah,
Dipandang dekat dicapai tak boleh.

KKMS (2009, h. 412)

Selain itu, orang Melayu suka memakai barang perhiasan seperti cincin, gelang dan sebagainya. Kita boleh lihat orang Melayu suka membeli cincin semasa menunaikan haji di Mekah sebagai kenangan. Perkara itu telah ada dalam pantun KKMS menyatakan orang Melayu suka memakai cincin dari Tanah Arab (Yemen). Contoh pantun:

Cincin ini dari Yemen,
Pakai tangan jari kanan;
Barang ini barang makanan,
Kalau tak makan rasa kempunan.

KKMS (2009, h. 349)

Akulturasi budaya orang Melayu juga telah menerima budaya orang Arab dari segi warna pakaian untuk solat. Pakaian warna putih sangat disukai. Orang Arab lelaki suka menggunakan jubah berwarna putih. Masyarakat Melayu juga menggunakan warna putih jika berkaitan dengan agama seperti warna jubah dan telekung. Contoh pantun:

Baju putih seluar putih,
Dipakai orang sembahyang Jumaat;
Duduk letih berdiri letih,
Hati bimbang lemah semangat.

KKMS (2009, h. 349)

Dari segi cara memulakan sesuatu kerja mesti didahului dengan menyebut "Bismillah" sesuai dengan ajaran Islam. Pengaruh Arab dan Islam tidak dapat dipisahkan dalam budaya orang Melayu. Contoh pantun:

Bismillah mengepal nasi,
Nasi mentah dikepal jangan;
Bismillah memulakan nyanyian,
Nyanyi salah dikeji jangan.

KKMS (2009, h. 342)

Tabuh juga dikenali sebagai beduk. Tabuh merupakan sebuah gendang yang digunakan bagi menandakan masuk waktu solat di surau atau masjid pada zaman dahulu. Juga digunakan sebagai alat muzik semasa upacara rasmi pada suatu masa dahulu. Berlakunya akulturasi pengaruh agama Islam telah menjadikan tabuh sebagai alat muzik dan digabungkan dengan budaya Melayu. Contoh pantun:

Tabuh bunyi hari Jumaat,
Itu bernama gendang raya;
Bagai nabi kasih umat,
Begitu juga kasih saya.

KKMS (2009, h. 299)

Dari sudut pemakanan, orang Melayu telah menerima pengaruh Arab dan berlaku akulturasi dalam masyarakat orang Melayu seperti air minuman yang dikenali sebagai serbat dan buah kurma. Makanan dari tanah Arab iaitu kurma merupakan makanan penting apabila tiba waktu bulan Ramadan. Kurma menjadi menu utama apabila hendak berbuka puasa. Contoh pantun:

Orang bersalam di dalam perahu,
Makan ubi dengan kurma;
Orang Islam hendaklah tahu,
Bilangan nabi dua puluh lima.

KKMS (2009, h. 631)

Serbat dikenali sebagai minuman manis yang asalnya dari Turki dan Parsi telah dibawa oleh orang Arab ke Tanah Melayu. Dari bahasa Arab dikenali dengan nama minuman *sharba* dan dalam bahasa melayu dikenali sebagai serbat. Contoh:

Beli pauh beli serbat,
Makan bersama gula batu;
kalau jauh apa nak buat,
Sama-sama menanggung rindu.

KKMS (2009, h. 52)

Aspek gelaran pengaruh Arab telah diterima pakai oleh masyarakat Melayu yang berketurunan Arab. Antara gelaran yang masih di guna seperti "Syed" , "Syarifah", "Maulana" , Sheikh" dan "Siti". Contoh

pantun:

Yam Tuan Raja Maktabar,
Sheikh Idrus datuk pendeta;
Adakah tuan mendengar khabar?
Saya yang kurus menanggungcinta.

KKMS (2009, h. 331)

Maulana Si Maulani,
Kucing bubuk makan di pinggan;
Mahu di sana mahu di sini,
Seperti pungguk rindukan bulan.

KKMS (2009, h. 584)

Pengaruh kedatangan orang Arab ke Tanah Melayu membawa agama yang mempunyai pelbagai amalan hidup. Amalan keagamaan Islam termasuklah Rukun Islam, yang merupakan lima tanggungjawab yang menyatukan Muslim ke dalam sebuah masyarakat. Solat (sembahyang) lima waktu adalah wajib bagi orang Islam. Masyarakat orang Melayu sangat mengambil berat hal tersebut. Selain itu, terdapat syariat Islam yang menyentuh pada hampir semua aspek kehidupan dan kemasyarakatan. Jika ada yang tidak sembahyang, maka masyarakat akan menegur orang tersebut. Hal jni dinyatakan dalam lagu dan kata-kata seperti "kalau tidak sembahyang apa gunanya"dan "sembahyanglah anda sebelum anda disembahyangkan". Contoh pantun:

Encik Akop menggali kolam,
Delima batu dipenggal-penggal;
Kalau dah sanggup jadi Islam,
Lima waktu jangan ditinggal.

KKMS (2009, h. 625)

Orang Melayu juga sangat mengambil berat urusan berkaitan agama. Contoh berkaitan dengan sambutan bulan Ramadan dan sambutan hari raya. Islam mempunyai dua perayaan utama iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Hari Raya Aidilfitri dirayakan pada hujung Ramadan setelah umat Islam berpuasa sepanjang bulan tersebut. Tujuan puasa adalah untuk mengajar umat Islam untuk bersabar dan kerendahan hati, dan juga untuk memperingati umat Islam bahawa mereka adalah bertuah dan seharusnya membantu yang miskin dan kurang upaya. Pada awal pagi hari pertama Aidilfitri, umat Islam akan melakukan sembahyang iaitu "Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri. Mereka menyambut hari raya dengan pakaian baharu dan menyediakan makanan yang enak-enak untuk disedekahkan dan menghidangkan kepada para tetamu yang datang beraya. Contoh:

Bulan puasa memetik kelapa,
Hendak menyambut Aidilfitri;
Budi kami tidak seberapa,
Kenangan diberi kekal abadi.

KKMS (2009, h. 600)

Aspek ekonomi

Ekonomi juga berkaitan dengan pantun yang memaparkan dari sudut perniagaan. Sejarah menyatakan bahawa kedatangan orang Arab bukan sahaja menyebarkan agama tetapi turut menjalankan perniagaan. Orang Arab memang mahir dalam berniaga. Antara perniagaan mereka ialah berjual intan, menjual kopiah dan Quran seperti baris "Tuan menjaja Quran Istanbul". Malahan kini, orang Melayu ramai yang berniaga kopiah dan menjadi punca rezeki dalam kehidupan mereka. Jelas dalam dua pantun berikut:

Orang Arab berjalan ke tanjung,
Datang ke tanjung menjual intan;
Jangan diharap berdua pulang,
Janji manis ditelan jangan.

KKMS (2009, h. 214)

Encik Mat tukang kopiah,
Kopiah beludu jahit sehari;
Kepada tuan tidak berubah,
Sudah dituju di jantung hati.

KKMS (2009, h. 111)

Masyarakat Melayu akan menyambut Hari Raya setelah berjaya berpuasa sebulan dan meraikan dengan memakai baju baharu, peralatan baharu seperti pinggan-mangkuk, langsir baharu dan sebagainya untuk menyambut hari kemenangan. Contoh pantun:

Beli gelas beli cawan,
Untuk pagi Hari Raya;
Tidakkah belas hati tuan,
Melihat nasib hidup saya.

KKMS (2009, h. 513)

Aspek politik

Politik Orang Arab mempunyai pemimpin seperti raja dan menteri sama seperti Orang Melayu pada zaman ini yang mengekalkan sistem beraja. Raja adalah penaung kepada agama Islam dan adat resam orang Melayu di Malaysia. Raja dikenali juga dengan gelaran Sultan. Berlaku akulturasi pengaruh Arab dalam konteks sebuah raja mutlak dengan beberapa garisan Islam. Raja ialah ketua negara dan kerajaan. Keputusan dibuat, berdasarkan sebahagian daripada perundingan antara para panglima kanan keluarga diraja dan penubuhan agama. Al-Quran diisytiharkan sebagai perlembagaan negara, yang ditadbir berdasarkan hukum Islam (Syariah). Majlis Kesetiaan bertanggungjawab untuk menentukan Raja baharu dan Putera Mahkota yang baharu. Semua warganegara seumur hidup mempunyai hak untuk menghadiri, bertemu, dan petisyen raja secara langsung melalui pertemuan suku tradisional yang dikenali sebagai majlis. Malaysia kini juga mengamalkan sistem raja berpelembagaan bagi pemerintahan ketika ini.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pantun merupakan rakaman pengalaman dan pemerhatian peribadi si pemantun dalam menjalani kehidupan seharian. Pengalaman dan pemerhatian tersebut diungkapkan semula dalam baris-baris yang walaupun terhad tetapi tidak menjejaskan mesej yang hendak disampaikan. Penggunaan nama-nama tempat nama-nama tokoh, aktiviti kesenian, aspek kebudayaan digunakan untuk mengkaji aspek budaya dalam sesebuah masyarakat. Bagaimanapun bahan-bahan dalam kajian pantun ini perlu diperbanding dengan budaya masyarakat yang lain untuk dipastikan kebenaran fakta yang terdapat dalamnya. Penambahan kosa kata baharu seperti purdah dalam kamus Bahasa Melayu yang berkaitan budaya Arab dipinjam seperti dalam pantun *"Beli kain buat purdah"*. Selain itu, tidak dinafikan terdapat kata pinjaman yang telah digunakan dalam perbendaharan bahasa Melayu *seperti quran, hadis, Maghrib, ulama, maulana, sheikh, Saidina, khalifah, takdir, syurga, neraka, iman, makrifat, kitab, hadis, lafaz, syariat, adat, amal* dan sebagainya semakin bertambah. Buku *"Kurik Kundi Merah Saga"* dapat memaparkan tentang akulturasi budaya Arab dalam budaya Melayu seperti aspek politik, sosial dan ekonomi melalui pantun. Pemeliharaan pantun lisan Melayu perlu dibukukan supaya pelbagai aspek tentang budaya masyarakat untuk generasi akan datang. Hal ini kerana pantun merupakan cerminan masyarakat dahulu yang menjadi warisan bangsa dan perlu dipelihara dan diwarisi.

RUJUKAN

Dailllie, F. (1988). *Alam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (Edisi ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu (Edisi ke-2). (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Fauzi Abdullah. (2018). *Penciptaan dan persembahan puisi tradisional*. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn. Bhd.

Mohd Thani Ahmad. (2000). *Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016) *Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. Jurnal Melayu, 15*(2), 146-159.

Ruslan Zainuddin. (2003). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Zahir Ahmad (2005). Pantun Melayu sebagai manifestasi sosiobudaya dan pensejarahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu,16*, 241-253.

HUBUNGAN EMPAYAR TURKI DAN KERAJAAN MELAYU DALAM MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI UNIVERSITI LEIDEN

Salmah Jan Noor Muhammad
Universiti Putra Malaysia
salmahjan@upm.edu.my

ABSTRAK

Dalam meneliti katalog manuskrip Melayu di Perpustakaan Universiti Leiden, Netherlands, terdapat senarai yang mencatatkan tentang kerajaan Turki dan Tanah Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat suatu hubungan yang erat antara kedua-dua buah kerajaan ini. Oleh itu, penulisan ini akan mengenal pasti dan menganalisis hubungan antara kerajaan Turki dan Tanah Melayu dari pelbagai aspek dalam manuskrip Melayu terpilih menerusi koleksi Perpustakaan Universiti Leiden. Kaedah kepustakaan dan analisis kandungan akan digunakan untuk meneliti topik perbincangan. Hasil dapatan dijangkakan akan adanya hubungan erat daripada sudut sosial dan politik antara Turki dan kerajaan Melayu. Penulisan ini secara langsung akan menyumbangkan kepada kajian tentang hubungan antarabangsa terutamanya tentang kerajaan Turki dan kerajaan Tanah Melayu yang terlibat dan seterusnya dapat mengetengahkan cara pemerintahan yang diamalkan oleh pemerintah Islam dalam mengekalkan hubungan silaturrahim sepertimana yang tercatat dalam manuskrip Melayu.

Kata Kunci: Kerajaan Melayu, hubungan antarabangsa, Manuskrip Melayu, Turki, Universiti Leiden

PENGENALAN

Kerajaan Turki merupakan sebuah negara Islam yang kuat dan kukuh menjelang abad ke-14 di bawah pemerintahan sultan-sultan berdedikasi seperti Sultan Abdul Hamid I, Sultan Salim III dan Sultan Mahmud II. Anthony Reid (2005) dalam tulisannya bertajuk *The Ottoman in Southeast Asia* telah membincangkan dengan mendalam tentang hubungan alam Melayu dengan Empayar Uthmaniyah pada abad ke-16 sehingga abad ke-20 Masihi. Antara hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa Uthmaniyah memainkan peranan penting sebagai pelindung kepada kerajaan-kerajaan Islam lain. Di Nusantara, Uthmaniyah dikenali sebagai Raja Rum dan diiktiraf sebagai pusat kekhalifahan terakhir serta mempunyai pengaruh kuat bagi perkembangan peradaban Nusantara sehinggakan terdapat fragmen yang dicatatkan dalam manuskrip Melayu yang berkaitan dengan kerajaan Turki.

Menurut Johns (1982) karya sastera Melayu tradisional seperti sejarah, hikayat dan salasilah kebiasaannya mengandungi maklumat dan penceritaan yang berkaitan dengan masa lalu dalam masyarakat Melayu. Sementara itu, Milner (2004) turut bersetuju bahawa karya sastera tradisional menunjukkan kecenderungan terhadap Timur Tengah dan Asia Tengah, terutamanya merujuk kepada kerajaan Rom dan Daulah Turki Uthmaniyah. Manakala Braginsky pula telah mengenal pasti terdapat sejumlah tema yang berkaitan dengan Turki Uthmaniyah pada naskhah-naskhah yang sudah lama dikenali dalam peradaban Melayu, iaitu *Hikayat Iskandar Zulkarnain, Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiyah*. Naskhah-naskhah ini mengetengahkan narasi yang berhubungan dengan masyarakat dan daerah Turki. Umum mengetahui bahawa tiga buah naskhah ini termasuk naskhah paling awal dari kategori tradisi kesusasteraan Islam Melayu yang menggantikan epos-epos Hindu dan telah disadur dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada abad ke-14 dalam kerajaan Samudera Pasai, yang berasal dari tradisi Islam Persia dan India (Iskandar, 1995). Manuskrip-manuskrip ini merangkumi bidang ilmu pengetahuan, bidang agama Islam, kesusasteraan, perundangan, perubatan, pelbagai petua dalam pekerjaan, sejarah, kemasyarakatan, teknologi, pengajian bahasa dan penulisan serta pelbagai bidang lagi. (Musa, Rodi, Pondo, & Muhammad, 2013)

Pemerintahan yang tersusun, ekonomi yang kukuh, masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam serta mempunyai kekuatan ketenteraan telah mengangkat kerajaan Turki sebagai idola kepada kerajaan terutamanya kerajaan Islam di Nusantara. Terdapat beberapa kajian sarjana yang dilakukan menyentuh tentang hubungan Turki dan Tanah Melayu. Misalnya, Moch Syarif Hidayatullah (....) *Bukti Hubungan Kerajaan Aceh*

Dan Kesultanan Turki Utsmani Dalam Naskah Khotbah Jihad, Ermy Azziaty 2014, 2016), *Aceh-Ottoman Relation in Bustan al-Salatin* Turki Uthmaniah, Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu dan Mat Rofa Ismail (2015), Kerdipan Bintang Melayu Di Langit Turki. Tulisan-tulisan ini menggambarkan hubungan erat yang terjalin antara Turki dan juga kerajaan-kerajaan di Nusantara. Justeru, wujud persoalan di sini apakah pengaruh kerajaan Turki yang dapat dikesan terhadap kerajaan Melayu berdasarkan kepada peristiwa yang direkodkan dalam manuskrip Melayu terutamanya yang tersimpan dalam koleksi Perpustakaan Universiti Leiden, Netherlands. Oleh itu, bagi menjawab kepada persoalan tersebut, penulisan ini akan mengenal pasti dan menganalisis pengaruh Empayar Turki terhadap kerajaan Melayu dalam manuskrip terpilih sebagai objektif kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk memperoleh data kajian dengan merujuk sumber primer dan sekunder seperti buku, tesis, artikel yang diterbitkan dalam jurnal. Terdapat empat tatacara kajian yang dirancangkan, iaitu memilih, mengumpul, menganalisis dan merumus data. Pada tahap pengumpulan data, penulis melakukan penelitian terhadap manuskrip pilihan yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan manuskrip diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap pertama manakala pada tahap ketiga, maklumat yang diperoleh akan dianalisis bagi melancarkan proses analisis dan tahap keempat ialah membuat rumusan secara keseluruhan berkenaan topik perbincangan.

BAHAN KAJIAN

Dalam penulisan ini, bahan kajian yang digunakan merupakan koleksi perpustakaan Universiti Leiden, iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Negeri Johor, Syair Sultan Abu Bakar* (manuskrip ini digunakan sebagai manuskrip tambahan sebagai kesinambungan peristiwa kepada *Hikayat Negeri Johor*), *Hikayat Aceh* dan *Bustan al-Salatin* untuk mengidentifikasikan topik perbincangan. Bahan tersebut ditandai dengan kod:

a. *Hikayat Merong Mahawangsa* bernombor Or. 26.739 : 12 merupakan koleksi Prof. Dr. Johannes Jacobus Ras (1926-2003).



b. *Hikayat Negeri Johor @ Hikayat Johor* bernombor Or. 1741: 2.



c. *Hikayat Aceh* bernombor Or. 1954



d. *Bustan al-Salatin* bernombor Or. 1694, Or. 1973, Or. 1974



ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam kertas kerja ini akan dibincangkan hubungan Empayar Turki dan kerajaan Melayu dalam manuskrip Melayu koleksi Universiti Leiden. Antara dapatan yang dikenal pasti ialah:

Nasab keturunan

> Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).
>
> (Surah al-Hujurat: 13)

Dalam agama Islam, penjagaan nasab keturunan sangat penting bagi memastikan susur galur keturunan tersebut mempunyai warisan yang kualiti dan kredibiliti baik. Nasab yang baik akan menghasilkan keturunan yang baik. Perkara ini juga sangat ditekankan dalam sesebuah pemerintahan yang mengutamakan anak gahara atau yang senasab. Ini kerana, nasab keturunan sangat berkaitan dengan daulat. Daulat adalah suatu bentuk keagungan dan simbol kepada sesebuah pemerintahan serta mempengaruhi urus tadbir dan juga hubungan diplomatik dengan kerajaan lain. Oleh itu, dalam hal ini, nasab keturunan perlu dipelihara dengan baik. Penjagaan nasab mempunyai peranan yang penting dalam menjamin kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani (Yashar Shariff, 2014)

Apabila meneliti manuskrip lama terutamanya yang bergenre historiografi akan ditemui perkahwinan diraja yang melibatkan kerajaan yang hebat, misalnya kerajaan Melaka dengan kerajaan China dan Majapahit selain terdapat juga peristiwa yang dikaitkan dengan unsur mitos untuk keagungan sesebuah keturunan. Unsur mitos ini merupakan antara stail yang terdapat dalam penulisan genre ini dan sangat akrab dalam kehidupan masyarakat pada zaman tersebut terutamanya yang berkaitan dengan asal usul kejadian. Siti Hawa Salleh (1998) menganggap bahawa cerita asal usul atau salasilah keturunan walaupun mempunyai unsur mitos adalah suatu yang sangat penting dan mempunyai nilai sejarah. Hal ini berlaku adalah untuk memastikan keturunan bakal pemerintah sesebuah kerajaan akan menjadi hebat dan agung.

Hikayat Merong Mahawangsa telah mengilhamkan penceritaan hubungan antara kerajaan Kedah dengan Turki Uthmaniyah. *Hikayat Merong Mahawangsa* secara asasnya merupakan sebuah karya agung Melayu terpenting dalam meriwayatkan sejarah asal usul negeri Kedah serta salasilah keturunan kesultanan Kedah. Meskipun tidak diketahui pengarang dan tarikh penulisannya, teks ini merupakan hasil sastera yang memancarkan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu tentang bentuk penulisan sejarah yang tersendiri (Harun, 2000). *Hikayat Merong Mahawangsa* ada mencatatkan bahawa salasilah keturunan raja Kedah berasal dari seorang pembesar berketurunan Raja Rom yang bernama Merong Mahawangsa. Walaupun terdapat perbincangan asal usul Merong Mahawangsa yang dikatakan berasal dari India seperti G. Mohamed Khan (1958) dan, Dzulkifli Salleh (1965) namun di sini penulis tidak membincangkan perkara tersebut.

Menurut Landau (1990), masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda menganggap 'Raja Rom' sebagai seorang raja yang agung dan kuat. Sejak abad ke-16, gelaran ini diberikan secara khusus kepada Sultan Turki Uthmaniyah selaku kerajaan Islam yang besar ketika itu dan peranan mereka sebagai pendukung khalifah Islam. Oleh itu, perkaitan nasab keturunan Kedah dan Rum (Turki) sangat penting pada ketika itu dalam meningkatkan keagungan waris pemerintahan Kedah. Perkaitan nasab antara Kedah dan Rom (Turki) dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

> Sebermula, maka tersebutlah perkataan **Raja Rom** sedang dihadapi segala raja-raja besar yang bermakuta, dengan segala menteri dan para penggawa,hulualang, sida-sida, bentara, biduanda sekalian, penuh sesak balai paseban agung, bermesyuarat bicara hendak mengantarkan anakanda baginda ke-Benua China serta menghadirkan segala kelengkapan bahtera dan kapal mencari harapan akan ganti baginda itu. Maka dalam banyak segala raja-raja yang duduk mengadap itu adalah seorang raja yang besar lagi bermakuta, sahabat kepadanya, bernama Raja Merong Mahawangsa.

Perkaitan nasab antara Kedah dengan Turki ini dilihat sesuatu yang membawa kebaikan dan kegemilangan kepada kerajaan Kedah. Waris Raja Merong Mahawangsa seperti Raja Merong Mahapudisat, Raja Seri Maha Wangsa, Raja Seri Maha Indera Wangsa, dan Raja Phra Ong Maha Wangsa yang kemudiannya dikenali sebagai Sultan Muzaffar Syah setelah memeluk Islam telah membawa kepada kegemilangan Kedah. Kerajaan Kedah maju antara abad ke-5 hingga abad ke-13 M dan merupakan pelabuhan dan kerajaan tertua di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Peristiwa ini merupakan antara bukti kejayaan warisan daripada perkaitan nasab dengan kerajaan Rom (Turki). Maier (1988) mengatakan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* ini menghubungkan keturunan raja Kedah dengan Rom dan Byzantium adalah untuk memberikan persepsi pengasasan sebuah kerajaan Melayu berhubungan dengan kerajaan-kerajaan lain.

Selain daripada *Hikayat Merong Mahawangsa*, terdapat naskhah lain yang turut mengaitkan dan mencatatkan perkaitan nasab dengan kerajaan Turki iaitu *Sejarah Melayu* apabila waris sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka mengetengahkan Raja Arashtun Shah, iaitu putera kepada Sultan Iskandar Zulkarnain dari Makadunia (Macedonia) berkahwin dengan Puteri Turkistan. Siti Hawa Salleh (1998) mengatakan bahawa peristiwa ini dimanifestasikan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dan mengaitkan Makadunia dan Rom terletak dalam daerah yang sama, iaitu di sebelah Barat Asia. Lazimnya, golongan pemerintah menyusurgalurkan dan keturunan mereka dan mengaitkan dengan raja yang mahsyur adalah untuk mengukuhkan hak sultan yang memerintah. Kedudukan sultan dikukuhkan lagi dengan daulat, adat-istiadat, adat kebesaran dan hak keistimewaan (Mohammad Isa Othman, 1990).

Lawatan diplomatik

Hubungan diplomatik sangat penting dalam membina serta mengukuhkan peradaban sesebuah kerajaan. Diplomatik merupakan hubungan yang terjalin antara dua atau lebih kerajaan yang mempunyai matlamat dan kepentingan bersama. Apabila misi dan visi kerajaan-kerajaan tersebut selari, maka hubungan diplomatik mudah terjalin. Dalam hal ini, hubungan diplomatik itu bukan sahaja memenuhi kelompangan atau kepentingan bersama semata, malah sesebuah kerajaan itu perlu bertindak dengan menumpukan kepada kaedah pembentukan, penyusunan serta mengawal jalinan hubungan diplomatik dengan teliti agar hubungan tersebut tidak mudah terganggu dengan ancaman luar (Salmah Jan Noor Muhammad, 2017). Terdapat pelbagai hubungan diplomatik yang boleh dijalinkan antaranya diplomatik politik, sosial, agama dan sebagainya.

Terdapat peristiwa di dalam naskhah yang mencatatkan hubungan diplomatik antara Turki dengan kerajaan-kerajaan Melayu.

Hikayat Negeri Johor dan *Syair Sultan Abu Bakar* telah mencatatkan lawatan diraja yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar ke Turki. *Hikayat Negeri Johor* sebagai sumber sejarah moden tulisan Mohd. Said bin Hj. Sulaiman iaitu setiausaha kepada almarhum Sultan Ibrahim (1895-1959) manakala *Syair Sultan Abu Bakar* telah dikaji oleh Mohd Yusof Md. Nor bagi menceritakan hal ehwal pemerintahan baginda. Kedua-dua naskhah ini sangat penting dalam mencatatkan perkembangan pemerintahan sultan di Johor.

Sultan Abu Bakar kerap melakukan lawatan diraja ke kerajaan luar khususnya kerajaan-kerajaan yang berpengaruh bagi memantapkan pemerintahan baginda. Menurut Mohd Said Sulaiman (1930), Sultan Abu Bakar (1862-1895) merupakan sultan yang bertanggungjawab terhadap dasar luar kerajaan baginda dengan mengadakan pelbagai siri lawatan diplomatik dengan negara Eropah dan Timur Tengah. Baginda merupakan pemerintah muslim pertama dari Asia Tenggara yang melawat Istanbul secara peribadi (Ismail Hakkı & Peacock, 2019) untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II, Sultan Uthmaniyyah. Sementara itu, Buyong Adil (1980) mengatakan bahawa Sultan Abu Bakar dan anakanda baginda, Sultan Ibrahim acapkali melakukan lawatan ke luar negara dengan tujuan membuat hubungan rapat dengan negara-negara lain termasuklah kerajaan Turki Uthmaniyah. Sultan Abu Bakar telah melakukan lawatan diraja baginda ke kerajaan tersebut pada tahun 1866, 1879 dan 1893. Menerusi peristiwa ini juga telah mencatatkan bahawa kerajaan Johor merupakan satu-satunya kerajaan yang bersungguh-sungguh menjadikan Islam sebagai tiang kerajaan dan hal ini telah membuka ruang diplomatik Johor dan Turki dalam menjalinkan hubungan atas kepentingan menjaga syiar Islam.

Sultan Abu Bakar dari Johor - raja Melayu pertama yang melawat Turki dan isteri Turkinya, Sultana Khadijah. Na Tien Piet, *Shaer almarhoem beginda Sultan Abubakar di negri Johor* (Singapore, 1896). Sumber : *British Library 14626.a.6*

Lawatan Diraja Johor ke Turki dalam *Hikayat Negeri Johor* dicatatkan seperti berikut:

> Hingga pada akhirnya lantaslah Yang Maha Mulia (Sultan Johor) berjumpa dengan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Khan di Konstantinopel (Istanbul). Maka diterimalah oleh baginda dengan sebaik-baik terimaan serta diraikan dengan secukup-cukupnya kerana amatlah gemar Yang Maha Mulia Sultan Turki itu melihatkan seorang raja sebelah timur begitu baik bawaan dan aturannya pada hal beragama Islam.

Sementara itu, menerusi bait *Syair Sultan Abu Bakar* pula menceritakan tentang kehebatan kedua-dua kerajaan dalam menjalinkan hubungan diplomatik:

Lalu semayam keduanya sultan
Di hadap menteri hulubalang sekalian
Sultan Abu Bakar arif dermawan
Terlalu manis bunyi perkataan

Seketika duduk duli khalifah

Diangkat orang penganan juadah
Berbagai nikmat yang indah-indah
Terlalu lazat kepada lidah
Alat perjamuan diberi nyata
Emas dan perak tatah permata
Tiadalah dapat hendak dikata
Sekalian itu indah semata

Lawatan diplomatik diraja ini telah memberikan kesan positif terhadap kerajaan Johor terutamanya dari aspek pentadbiran dan hubungan diplomatiknya. Antara kesannya ialah pemberian penganugerahan atau pengiktirafan Turki kepada Johor. Sultan Abu Bakar telah dianugerahkan bintang Uthmanli Darjah Pertama oleh Sultan Abdul Hamid II dalam lawatan diplomatik baginda ke Turki dan pengiring baginda bernama Haji Kassim dianugerahkan bintang Majidi. Penganugerahan ini penting terhadap Johor untuk menebarluaskan dan memperkukuhkan lagi pentadbiran Johor di samping. Ia seperti suatu kemenangan awal bagi Johor dalam melangkah arus pemodenan berbanding pentadbiran kerajaan-kerajaan lain di sekitarnya. Peristiwa ini telah dicatatkan dalam *Syair Sultan Abu Bakar* yang berbunyi:

Abdul Hamid namanya sultan
Arif laksana lagi dermawan
Bintang Uthmanli namanya tuan
Tanda bersahabat sudah ketahuan

Haji Kassim orang yang syahda
Pergi mengiring duli baginda
Orangnya mengerti bijak pun ada
Jadi pegawai seripada

Beroleh ia bintang nan Satu
Bintang Majidi namanya itu
Kurnia Sultan padanya itu
Terlalu suka di dalam kalbu

Lawatan diplomatik itu telah banyak mengubah corak pentadbiran Johor dan hubungan antara Turki dan Johor semakin erat. Menurut Buyong Adil (1980), Sultan Abu Bakar telah berusaha mengadakan berbagai-bagai jabatan bagi melicinkan lagi pentadbiran kerajaan negeri Johor menyamai negara-negara maju di bawah pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah. Ini dapat dilihat dengan adanya Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Perbendaharaan, Pejabat Audit, Mahkamah Besar, Pejabat Percetakan Kerajaan, Jabatan Kerjaraya, Polis, Pejabat Ukur, Pejabat Tanah, Pejabat Pelajaran dan lain-lain. Pentadbiran negeri dijalankan mengikut arahan baginda sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri serta dibantu juga oleh beberapa orang bangsa Eropah.

Penghantaran utusan

Kerajaan Aceh juga merupakan antara kerajaan nusantara yang mempunyai hubungan baik dengan Turki Uthmaniyah. *Hikayat Aceh* dan *Bustan al-Salatin* antara naskhah yang mencatatkan peristiwa tentang hubungan kedua-dua buah kerajaan tersebut. M.L Dames (1921) mengatakan bahawa secara realitinya sejarah hubungan di antara Aceh dan Turki Uthmaniyah adalah dibina semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah al-Kahhar (1537-1571), yang memohon bantuan untuk menentang penjajahan Portugis. Pada masa tersebut, daulah Turki Uthmaniyah menguasai perairan di Laut Merah dan melakukan serangan terhadap benteng Portugis di Pulau Diu, India.

Selain *Hikayat Aceh* dan *Bustan al-Salatin*, terdapat dua buah manuskrip tentang khutbah Jumaat, iaitu satu buah koleksi Perpustakaan Universiti Leiden bertajuk *mawlana al-Sultan ibn al-Sultan 'Abd al-Aziz Khan ibn al-Marhum Mahmud Kan ibn al-Marhum 'Abd al-Hamid Khan* bernombor Cod. Or. 229 dan Perpustakaan Nasional Jakarta yang bertajuk *Mawlana al-Sultan ibn al-Sultan ibn al-Sultan 'Abd al-Hamid Khan ibn al-Sultan 'Abd al-Majid Khan ibn Mahmud ibn 'Abd al-Hamid Khan* bernombor ML 465. Manuskrip khutbah

yang ditulis pada sekitar akhir abad ke 19 tersebut ada menyebutkan dua nama penguasa Turki Uthmaniyah, Sultan Abdul Aziz (1830-1876) pada manuskrip pertama manakala Sultan Abdul Hamid II (1842-1918) pada manuskrip kedua yang secara eksplisit disebut sebagai sultan yang perlu didoakan agar mendapat lindungan Allah untuk memenangkan Islam. Hal ini membuktikan bahawa terdapat hubungan khusus antara Turki dan Aceh.

Penghantaran utusan sebagai orang tengah sudah menjadi kelaziman dalam menguruskan sesuatu hubungan antara kerajaan. Menurut Muhammad, D. S. J. N. (2020), *diplomatic representative is a moderator to a government. The appointment of this post is done on the basis of their credibility in all aspect*. Sementara itu, dalam *Bustan al-Salatin,* Bab II, ada menyebutkan berkenaan penghantaran utusan yang membawa kepada hubungan permuafakatan.

> Kemudian daripada itu maka kerajaan Sultan Alau'ddin Ri'ayat Syah ibn Sultan Ali Mughayat Syah, pada hari Isnin waktu dhuha 20 bulan Dzulkaedah ialah yang mengadatkan segala istiadat kerajaan Aceh Darussalam dan menyuruh utusan kepada sultan Rum, ke negeri Istanbul karena meneguhkan agama Islam.

Sudah menjadi kelaziman, apabila utusan kembali ke kerajaan akan dititipkan dengan pelbagai iringan hadiah untuk pemerintahnya. Turki terkenal dengan sistem pertahanan dan ketahanan yang moden dan menjadi model kepada kerajaan-kerajaan Islam lain. Justeru, tidak menjadi satu kemustahilan apabila Turki memberikan hadiah peralatan senjata dan perwakilan yang mahir dalam bidang ketenteraan untuk berkongsi serta menunjuk cara pengendalian persenjataan. *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri ini menyebutkan bahawa utusan dari kerajaan Aceh telah membawa hadiah untuk pemerintah Aceh sekembalinya dari Turki.

> Maka dikirim sultan Rum daripada segala jenis-jenis utusan dan pandai yang tahu menuang bedil. Maka pada zaman itulah dituang orang meriam yang besar-besar. Dan ialah yang pertama berbuat kota di negeri-negeri Aceh Darussalam, dan ialah yang pertama-tama ghazi dengan segala kafir sehingga sendirinya berangkat menyerang Malaka.

Fragmen di atas berlanjutan dan berkaitan dengan penyataan Saim Kayzadibi (2011) yang menyatakan bahawa Nuruddin al-Raniri telah menceritakan menerusi *Bustan al-Salatin* bahawa Sultan Alaudin Riayat Syah al-Qahhar telah mengutuskan Hussein Effendi sebagai dutanya ke Istanbul. Dalam perlayaran tersebut Portugis berusaha memintas kapal duta tersebut tetapi tidak berjaya, lalu berita tentang gangguan Portugis dalam pelayaran tersebut dilaporkan kepada khalifah Uthmaniyyah. Khalifah menghantar bantuan ketenteraan kepada Aceh untuk melawan musuh tersebut. Dalam misi tersebut, kapal Aceh memasang bendera kerajaan Uthmaniyyah dalam misi ketenteraannya yang menunjukkan jalinan kedua-dua kerajaan tersebut melampaui sempadan geografi, tetapi diikat oleh kesatuan umat yang satu.

Penghantaran utusan diplomatik telah memberi manfaat yang besar kepada Aceh. Aceh menjadi sebuah kerajaan Islam yang kuat sementelaah juga pemerintah dan rakyatnya yang mempunyai semangat juang yang tinggi. Menurut Reni Juliani (2017), Aceh terkenal dengan petarung-petarung tangguh dan berani. Selain terkenal dengan wilayah yang kental dengan keislamiannya, daerah Aceh juga kaya akan hasil rempah-rempahnya dan menjadi sorotan bagi penjajah-penjajah yang ingin merebut Aceh. Namun, para penjajah tidak pernah berhasil menaklukkan Aceh. Rakyat Aceh dengan segenap kekuatannya bertarung mengusir para penjajah sehingga mereka berhasil mempertahankan Aceh.

Dalam *Hikayat Aceh* juga terdapat peristiwa tentang penghantaran utusan. Menariknya peristiwa ini diselitkan dengan keperluan mengubati penyakit. Umum perlu mengetahui bahawa *Hikayat Aceh* ditulis adalah untuk meningkatkan darjat Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam iaitu pemerintah agung kerajaan Aceh. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam merupakan Sultan Aceh teragung dan paling dikenali ramai, baik di Timur mahupun di Barat (Ahmad Jelani Halimi, 2008). Tujuan meningkatkan darjat pemerintah ini merupakan salah satu ciri dalam penulisan sastera sejarah.

Fragmen ini bermula apabila Sultan Muhammad, pemerintah Turki menghidapi penyakit. Teuku Iskandar dalam kajian beliau terhadap *Hikayat Aceh* mengatakan bahawa Turki pada masa itu sebenarnya diperintah oleh Sultan Ahmad I (1603-1617) menggantikan Sultan Muhammad III (1594-1603). Sandaran pendapat beliau ini adalah berdasarkan kepada tarikh hikayat ini ditulis iaitu semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Makota Alam (1607-1636).

Sultan Muhammad telah menghantar utusan baginda ke Aceh bernama Celebi Ahmad dan Celebi Ridwan untuk mendapatkan minyak kapur dan minyak tanah iaitu hasil cadangan daripada hakim baginda

bernama Taimunus dan Jalus. Kapur atau champor ialah sejenis bahan berwarna putih dan wangi terhasil daripada dalam pokok kayu yang biasanya tumbuh di hutan-hutan Kepulauan Sumatera. Bahan tersebut juga dikenali dengan panggilan kapur barus. Hutan di daerah Barus, Sumatera banyak ditumbuhi oleh pokok kapur (Hamka, 1984). Secara logiknya, perkara tersebut dapat dikaitkan dengan kerajaan Aceh yang kaya dengan tanaman herba.

Diceritakan semasa rombongan tersebut tiba di Aceh, Sultan Iskandar Muda sedang berperang. Justeru, utusan tersebut terpaksa menunggu kepulangan Sultan Iskandar Muda. Setelah berjaya mengalahkan Kerajaan Deli, Sultan Iskandar Muda memerintahkan dibuat persiapan sambutan utusan secara besar-besaran dan baginda berangkat sendiri ke Medan Khayyali untuk menyambut utusan berkenaan dan menyempurnakan permintaan dari utusan dan delegasi Turki tersebut. Setelah itu, utusan Turki berangkat pulang setelah mereka berjaya mendapatkan barangan yang diminta. Suatu hal yang menariknya daripada peristiwa kembalinya utusan tersebut ke Turki ialah mengangkat pemerintahan kerajaan Aceh di mata Sultan Muhammad.

> Dan ada hawa negeri Aceh Dar as-Salam itu sederhana jua tiada amat sejuk dan tiada amat hangat, daripada lalu cakrawala matahari dari masyrik ke maghrib itu berbetulan dengan bumi negeri itu. Maka dari kerana itulah segala isi negeri itu daripada manusyia dan gajah dan daripada segala binatang yang dalam negeri itu gagah dan berani dan tegar hati; daripada manusyia isi negeri itu dijadikan Allah Taala kuat bicaranya dan banyak bicaranya dan banyak muslihatnya pada mengikat perang tatkala berhadapan dengan seteru. Maka raja-raja yang telah lalu pada masanya kerajaan daripada nini datu Seri Sultan Perkasa ‘Alam tiada kelenggara akan kota negeri itu, melainkan Kota Buruj ninpun hanya tempat mengantarkan bedil yang besar-besar dan segala senjata yang besar-besar.

Kenyataan positif tentang Aceh dari utusan Turki itu telah menarik perhatian Sultan Muhammad sehinggakan baginda berkata bahawa:

> ...pada waktu yang sudah-sudah berkat kehendak Tuhan ada dua raja besar di dunia Nabi Allah Sulaiman dan Raja Iskandar. Sekarang pada zaman kita juga ada berkat kehendak Tuhan dua raja besar di dunia. Di barat kamilah raja besar itu dan di timur Sri Sultan Perkasa Alam [Iskandar Muda] lah raja besar itu dan yang menjunjung tinggi agama Allah dan Nabinya.

Pernyataan tersebut merupakan pengakuan Sultan Muhammad terhadap pemerintahan Sultan Iskandar Muda yang gagah dan terkenal. Ini kerana bukan perkara yang mudah untuk mendapat pengiktirafan daripada sebuah kerajaan besar yang diibaratkan sebagai ketua khalifah kepada semua kerajaan Islam di dunia. *Hikayat Aceh* merakamkan peristiwa bermakna ini untuk pembacaan generasi akan datang bahawa terdapat kerajaan di nusantara yang telah mendapat perhatian daripada Turki Uthmaniyah. Salah satu sumber sumbangan tersebut ialah melalui penghantaran utusan.

KESIMPULAN

Tidak diragukan lagi, kekhalifahan Turki Utmaniyah memiliki pengaruh yang kuat terhadap kerajaan Melayu daripada pelbagai sudut. Ternyata, Perpustakaan Universiti Leiden iaitu antara institusi terbesar yang menyimpan dan menghimpunkan kepustakaan ilmu dan rekod-rekod sejarah tentang kesultanan Melayu di nusantara mempunyai simpanan manuskrip yang sangat penting dalam menceritakan hubungan antara Turki dan Tanah Melayu. Justeru, perlunya kajian yang pelbagai dan berterusan terhadap simpanan khazanah ini agar ilmu yang tersimpan dapat disebarluaskan kepada orang ramai.

Hasil penelitian mendapati bahawa daripada manuskrip Melayu yang digunakan sebagai bahan perbincangan hubungan Turki dan Tanah Melayu dapat dikaitkan tentang susurgalur keturunan, lawatan diraja yang membawa kepada hubungan perkahwinan dan pengiktirafan serta penghantaran utusan yang memberi impak postif dalam meningkatkan kebesaran kerajaan Melayu. Dalam perbincangan ini juga diperoleh; bahawa antara kerajaan yang mempunyai hubungan rapat dengan Turki ialah kerajaan Johor, Aceh diikuti oleh Kedah. Namun demikian, penulis sedar bahawa terdapat lagi pengaruh besar lain yang belum diperbincangkan dalam

penulisan ini dan melibatkan kerajaan lain di nusantara. Oleh itu, kajian lanjutan dan penelitian mendalam perlu dilakukan dalam mengetengahkan pengaruh empayar Turki terhadap kerajaan Melayu dengan bersandarkan kepada manuskrip Melayu.

RUJUKAN

Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan tamadun bangsa Melayu.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Buyong Adil. (1980). *Sejarah Johor.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dames, M. L. (1921). The Portuguse and Turks in the Indian Ocean in the sixteenth century. *Journal of the Royal Asiatic Society, 1,* 16-19.

Hamka. (1984). *Tafsir al-azhar*. Surabaya: Yayasan Latimojong.

Harun Mat Piah Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

İsmail Hakkı Kadı & Peacock. A. C. S. (2019). *Ottoman-Southeast Asian relation* (2 vols.): *Sources from The Ottoman Archives*. Leiden: Brill.

John, A. H. (1982). The turning image: Myth and reality in Malay perceptions of the past. Dalam A. Reid & D. Marr (Eds.), *Perceptions of the past in Southeast Asia*. Singapore : Heinemann Educational Books.

Maier, H. M. J. (1988). *In the center of authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa.* Ithaca, NY: Southeast Asia Program, Cornell University.

Milner, A. C. (2004). Afterword: A history of Malay ethnicity. Dalam T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries*. Singapore: National University Press.

Mohammad Isa Othman. (1990). *Politik tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Md Nor. 2000. Syair Sultan Abu Bakar: Dokumentasi Sejarah Negeri Johor. *Dewan Sastera*, *30*(7),12-16.

Mohd. Said Sulaiman. (1930). *Hikayat Johor.* Johor: Johor Government Publishing Office.

Muhammad, D. S. J. N. (2020). Diplomatic negotiation for representative in conflict resolution. *International Journal of Advanced Science and Technology*, *29*(4s), 472-476.

Musa, H., Rodi, R. C., Pondo, H., Muhammad, S. J. N. (2013). Malay language and the concept of true knowledge from the perspective of Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Kemanusiaan*, *20*(1), 1–22.

Reid, A. (2005). *The Ottomans in Southeast Asia.* Asia Research Institute: National University of Singapore.

Reni Juliani. (2018). Menarik benang merah: Hubungan Aceh dengan Sulawesi Selatan. *Jurnal Ilmu Komunikasi, 3*(1), 1-15.

Saim Kayzadibi. (2011). *Ottoman connections to the Malay World: Islam, law and society.* Kuala Lumpur: The Other Press.

Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Kerencatan hubungan diplomatik Kesultanan Melayu Melaka, Johor dan Aceh. *MANU, 25,* 107-136.

Siti Hawa Salleh, (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbitan Universiti Malaya.

Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

PERMULAAN AKTIVITI PENTERJEMAHAN DARIPADA BAHASA ARAB KEPADA BAHASA LATIN DI ANDALUS PADA ABAD KE 10M

Salmah Omar
Universiti Utara Malaysia
salmahomar@uum.edu.my

Nor Hanani Ismail
Universiti Utara Malaysia
norhanani@uum.edu.my

Syed Sultan Bee binti Packeer Mohamed
Universiti Utara Malaysia
ss.bee@uum.edu.my

ABSTRAK

Cendekiawan Islam seperti Ibn Rushd, Ibn Sina, Ibn Khaldun, Ibn Bajjah, Al-Zahrawi, Jabir bin Aflas dan lain-lain telah menggunakan seluruh kehidupan mereka dalam usaha menyelidik dan meneroka berbagai bidang ilmu pengetahuan baru tanpa meninggalkan sumber al-Quran dan hadis. Mereka turut memperkembangkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari warisan tamadun Greek-Yunani yang telah ditinggalkan oleh sarjana terdahulu. Sesungguhnya para sarjana Islam di Andalus telah berjaya memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan dan perkembangan kegiatan keilmuan khususnya dalam bidang sains tulen. Kemasyhuran para sarjana Islam dalam ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains tulen ini telah berjaya menarik minat ramai pelajar dari seluruh Eropah. Sejak dari awal abad ke 10 M lagi, ramai sarjana dari Perancis, England, Itali dan German datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Mereka mendalami kebudayaan Islam sekaligus mempelajari bahasa Arab yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan pada zaman tersebut. Ia menjadi satu aset bagi mereka dalam usaha melakukan penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin. Bahasa Latin adalah bahasa kebudayaan dan perhubungan seluruh masyarakat Kristian di wilayah Eropah Latin. Justeru, dalam kertas kerja ini penulis akan menghuraikan permulaan aktiviti penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin yang berlaku pada abad ke 10 M. Para sarjana Barat yang datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu pengetahuan inilah yang bertanggungjawab memindahkan ilmu tersebut ke Barat melalui kegiatan penterjemahan. Melalui karya-karya terjemahan inilah segala ilmu pengetahuan Islam terutamanya dalam bidang sains dan falsafah ini diteroka, dikuasai dan dipindahkan oleh orang-orang Barat ke negara asal mereka.

Kata kunci: Andalus, penterjemahan, Bahasa Arab, Bahasa Latin

PENGENALAN

Kemasukan Islam di Andalus pada 711 M secara tidak langsung menyebabkan berkembangnya bahasa Arab dalam kalangan masyarakat pada masa tersebut. Ini berlaku kerana kaitan dan hubungan yang rapat antara agama Islam dan bahasa Arab itu sendiri. Agama Islam telah menjadi agama rasmi negara menggantikan agama Kristian, begitu juga bahasa Arab turut menjadi bahasa rasmi bagi masyarakat di sini. Bahasa Arab dikatakan berkembang begitu cepat sekali bukan sahaja dalam kalangan orang-orang Islam malah ia juga turut dipelajari dan dihayati oleh semua golongan masyarakat di Andalus. Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang menarik minat dan mendorong masyarakat Andalus mempelajari serta menguasai bahasa Arab ini, antaranya yang pertama ialah bahasa Arab adalah bahasa ilmu pengetahuan dan tamadun pada masa itu. Kedua, bahasa Arab adalah bahasa rasmi negara dan digunakan dalam segala urusan pentadbiran negara, jadi dengan menguasai bahasa ini maka mereka berpeluang menjawat jawatan-jawatan dalam negara dan dapat berhubung secara langsung dengan pemerintah-pemerintah yang kebanyakannya terdiri daripada

orang-orang Arab. Ketiga, bahasa Arab adalah bahasa agama kerana mempunyai kaitan yang rapat dengan al-Quran, hadis dan tradisi lmu Islam. Jadi, di atas dorongan inilah maka seluruh penduduk Andalus fasih dan mahir berbahasa Arab kerana keperluan dan kepentingan penggunaan dan penguasaan bahasa tersebut (Osman Haji Khalid, 1987).

Andalus telah mencapai satu tahap yang tinggi dalam penggunaan bahasa Arab seperti yang dapat dilihat melalui hasil kesusasteraan yang hebat seperti dalam bidang puisi, nahu, leksikografi, persuratan, sejarah dan geografi, agama, falsafah dan sains tulen. Tingkat kemahiran dan daya kreatif yang tinggi pula dapat diperhatikan melalui hasil seni dan seni binanya, dalam bidang muzik, pertanian, perdagangan dan industri. Justeru, pada zaman kegemilangannya, Andalus begitu dikagumi oleh seluruh masyarakat dunia.

Bandar Toledo di Andalus telah muncul sebagai pusat kegiatan penterjemahan. Para sarjana Barat telah berusaha keras menterjemah hasil-hasil karya sarjana Islam. Selain itu, tulisan-tulisan Aristotle, Euclid, Ptolemy, Galen, Hippocrates dan lain-lain yang telah diterjemah dan dikupas oleh sarjana Islam Andalus ke dalam bahasa Arab kini diterjemahkan pula ke bahasa Latin dan bahasa Eropah yang lain oleh sarjana Yahudi dan Kristian yang pernah menjadi murid kepada sarjana-sarjana Islam. Berhubung dengan perkara ini, penulis telah memetik kata-kata Lindberg (1978) yang berbunyi seperti berikut;

> Dalam banyak aspek, Sepanyol merupakan pusat terjemahan Arab-Latin yang ideal. Disebabkan Muslim Sepanyol (al-Andalus) memiliki budaya Arab yang cemerlang, ia mengandungi banyak teks Arab untuk terjemahan-versi Arab daripada karya Yunani yang asli, karya ahli matematik, ahli astronomi, dan pakar perubatan timur Arab, dan karya ilmiah yang dihasilkan di al-Andalus.

PERMULAAN AKTIVITI PENTERJEMAHAN PADA ABAD KE 10 DAN 11 M

Sejak dari akhir abad ke 10 M lagi telah ada beberapa bukti menunjukkan bermulanya aktiviti penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin. Salah seorang sarjana Kristian terawal melibatkan diri dalam aktiviti penterjemahan ini ialah Gerbert of Aurillac (945-1003 M), seorang sarjana Perancis yang kemudiannya dikenali dengan nama Pope Sylvester II (999-1003 M). Beliau mendapat pendidikan di biara rahib di Aurillac. Pada tahun 967 M, beliau menuju ke Catalonia yang terletak di utara Andalus, berhampiran kaki banjaran Pyrennes. Beliau telah menghabiskan masa selama tiga tahun dari 967 M sehingga 970 M di biara Santa Maria de Ripoll di Catalonia untuk mempelajari ilmu matematik dan muzik di bawah seorang paderi bernama Atto. Di sinilah juga beliau mempelajari ilmu matematik dan astronomi Islam (W. Montgomery Watt, 1972). Beliau telah menggunakan gereja di utara Andalus sebagai pusat untuk mendapatkan seberapa banyak karangan Arab di dalam terjemahan bahasa Latin. Secara tidak langsung, beliau mula mempelajari bahasa Arab kerana kedua-dua matapelajaran ini paling banyak terdapat di dalam buku bahasa Arab dan bahasa Latin yang telah diterjemah daripada bahasa Arab.

Terdapat bukti yang menunjukkan penglibatan beliau dalam penterjemahan ilmu matematik dan astronomi Islam ke dalam bahasa Latin, antaranya ialah surat beliau bertarikh 984 M kepada Lupito of Barcelona, yang mana beliau meminta Lupito menyerahkan kembali buku astrologi yang telah diterjemahnya daripada bahasa Arab. Selain itu, beliau juga meminta Bishop Bonfil of Gerona dan Abbot Giraldus of Aurillac menghantar kepadanya salinan buku bertajuk *De multiplicatione et divisione numerorum* yang ditulis oleh Joseph the Spaniard (Rene Taton, 1957). Bukti lain dapat diketahui melalui manuskrip Ripoll yang kini tersimpan di Barcelona. Manuskrip ini dianggap penting kepada sejarah aktiviti penterjemahan Arab-Latin kerana ia mengandungi salinan karya saintifik terawal yang diterjemah daripada bahasa Arab. Manuskrip bertarikh pertengahan kedua abad ke 10 M atau awal abad ke 11 M ini mengandungi satu karangan panjang mengenai astrolab dan peraturan pengukuran di dalam bahasa Latin, yang mana sebahagian daripadanya adalah hasil penterjemahan dan sebahagian lain adaptasi daripada karangan Islam (David C. Lindberg, 1978). Jelas di sini bahawa abad ke 10 M telah memperlihatkan permulaan berlakunya perpindahan atau pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah melalui penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin.

Pada abad berikutnya, jejak langkah Gerbert ini telah diikuti pula oleh seorang rahib yang berasal dari Afrika Utara iaitu Constantine the African (1065-85 M) (Dunlop, 1958). Constantine adalah seorang Muslim Tunisia yang telah menukar agamanya kepada ajaran Kristian. Beliau terkenal sebagai pengembara yang hebat dan telah memulakan kerjayanya sebagai penterjemah dengan menterjemah karya-karya perubatan Greek-Arab daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin semasa pengembaraannya di sebelah timur (Holt et al., 1970).

Menurut Peter the Deacon, seorang ahli sejarah di monastery of Monte Cassino, Constantine telah meninggalkan bandar Carthage (tempat tinggalnya) selama tiga puluh sembilan tahun untuk mendapatkan ilmu di Timur. Di sinilah beliau mempelajari tatabahasa, dialektik, geometri, aritmetik, astronomi, ilmu tilik (necromancy) dan muzik orang Chaldean, Arab, Persia, Islam, Mesir dan India (Lindberg, 1978).

Karya-karya terjemahan Constantine dalam bidang perubatan begitu banyak dan penting. Di antara karya penterjemahan beliau termasuklah *Zad al-Musafir* dan beberapa karya lain oleh Ishaq al-Israili (Isaac Israeli), *Hunain Ibn Ishaq's Isagoge to Galen's Tegni* dan *Liber de oculis*, tiga karya Hippocrates iaitu *Aphorisms, Prognostica* dan *Regimen* serta komentar tentang Galen bertajuk *the Pantegni* oleh 'Ali Ibn al-'Abbas (Halay Abbas) dan karya bertajuk *Kamil al-Sina'a al-Tibbiyya* (*Liber regius*) oleh 'Ali b. 'Abbas al-Majusi (P.M. Holt et al, 1970). Penterjemahan yang dilakukan oleh Constantine ini meninggalkan kesan yang sangat besar kepada bidang perubatan di Eropah. Dengan kata lain, Constantine dianggap sebagai penyumbang utama kepada Salerno sehingga ia menjadi sebuah sekolah perubatan yang terpenting di Eropah dan sebagai pengasas kepada bidang perubatan yang Barat telah bina beberapa abad lamanya (Lindberg, 197 8).

Kegiatan awal penterjemahan ini telah menimbulkan keinginan yang kuat dalam kalangan sarjana Eropah untuk mendapatkan lebih banyak lagi ilmu pengetahuan Greek-Arab. Bermula pada awal abad ke 12 M dan seterusnya abad ke 13 M, kegiatan penterjemahan menjadi aktiviti terpenting bagi seluruh sarjana Eropah dan Andalus terus menjadi tumpuan utama mereka untuk melakukan kegiatan penterjemahan ini. C.W. Previte- Orton menganggap abad ke 12 M dan ke 13 M sebagai zaman keemasan bagi aktiviti penterjemahan di Andalus (Previte-Orton, 1953). Berhubung hal ini juga, Grant (1971) menyatakan bahawa;

> aktiviti terjemahan yang merevolusikan pemikiran ilmiah barat dan menentukan corak perjalanannya selama berabad-abad yang akan datang berlaku pada abad kedua belas. Antara tahun 1125 dan 1200, banyak sekali karya penting sains Yunani dan Arab yang diterjemahkan kepada bahasa Latin, dengan lebih banyak lagi karya diterjemahkan pada abad ketiga belas**.**

AKTIVITI PENTERJEMAHAN PADA PERTENGAHAN PERTAMA ABAD KE 12M

Aktiviti penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin dan bahasa Eropah yang lain mencapai kemuncaknya pada abad ke 12 M. Kegiatan penterjemahan ini semakin meluas berlaku bukan sahaja di dalam bidang perubatan dan astronomi tetapi juga meliputi ilmu falsafah dan kajian saintifik. Pada masa yang sama ia telah melangkaui batasan geografi dan terus berkembang luas di seluruh Eropah (Lindberg, 1978). Berhubung perkara ini, penulis telah memetik kata-kata Hill (1993) yang berbunyi seperti berikut;

> Era kegemilangan penyebaran sains Islam di Barat berlaku dalam abad kedua belas dan awal abad ketiga belas. Pergerakan terjemahan abad kedua belas daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin, sama ada terjemahannya berasal dari karya Yunani atau Islam, menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan sains Eropah (Donald R. Hill, 1993).

Aktiviti penterjemahan ini semakin giat dijalankan setelah bandar Toledo jatuh ke tangan orang-orang Kristian pada tahun 1085 M. Dalam buku bertajuk *The Legacy of Islam*, Arnold dan Guillaume (1931) menyatakan bahawa;

> Peluang untuk mengetahui dan mempelajari tentang kehidupan/budaya/ilmu orang/negara Timur terbuka kepada Sepanyol dan seluruh Eropah dengan penaklukan Toledo (1085), yang menjadi pusat terjemahan dari bahasa-bahasa Timur. Seawal tahun 1120, Petrus Alfonsi, seorang Yahudi Sepanyol yang dibaptiskan dan ayah baptisnya adalah Alfonso VII, memperkenalkan dongeng India ke Sepanyol dengan koleksi cerita terkenal yang dikenali sebagai Disciplina Clericalis. Terjemahan kepada bahasa Sepanyol dari 'kisah India' dari Calila e Dimna yang dibuat secara langsung daripada teks bahasa Arab bermula dari tahun 1251: ini merupakan percubaan awal untuk bercerita dalam bahasa Sepanyol. Percintaan Seven Sages (Sindibad atau Sendebar) diterjemahkan daripada bahasa Arab untuk Infante Don Fadrique pada sekitar tahun 1253, di bawah nama Libro de los engannos e asayamientos de las mujeres.

Menurut Holt dan rakan-rakannya (1970);

> Pada masa ini pusat kegiatan tersebut telah beralih ke Toledo, yang telah dikembalikan kepada Dunia Kristian beberapa dekad sebelumnya, dan telah menjadi mercu tanda budaya Graeco-Arab-Hebraic untuk seluruh wilayah Latin Barat. Kegiatan sanjungan para cendekiawan yang datang berbondong-bondong ke sana dari seluruh pelosok Eropah, untuk mempelajari khazanah falsafah dan sains Graeco-Arab, adalah ciri menarik di sebahagian besar kegemilangan abad kedua belas.

Penulis juga memetik kata-kata Trend (1944**)** yang berbunyi seperti berikut;

> Peristiwa yang membuka peluang komunikasi antara para cendekiawan Muslim Sepanyol dan orang-orang Inggeris dan Perancis adalah penaklukan Toledo oleh Alfonso VI, pada tahun 1085. Toledo, dengan jumlah gabungan penduduknya yang luarbiasa yang terdiri daripada orang-orang beragama Islam, Yahudi, Kristian Sepanyol Mozarab, pendatang dari Castile dan Leon, dan paderi-paderi dari Perancis, menjadi sekolah terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Latin selama dua abad. Cendekiawan yang mengembara dari Oxford, Paris, atau Salamanca akan memerlukan, ketika tiba di Toledo, pertolongan daripada beberapa orang Yahudi yang berpengalaman dan terpelajar, yang akan mengetahui di mana untuk mencari manuskrip Arab Aristotle, atau salah seorang penulis perubatan atau muzik kuno, yang dicari mereka.

Archbishop di Toledo bernama Raymund I (1125-52M) telah menubuhkan sebuah akademi penterjemahan di sini. Di bawah pengaruh dan sokongan beliaulah, maka aktiviti penterjemahan di sini semakin giat dijalankan (Winter H.J.J, 1952). Aktiviti penterjemahan dikatakan berlangsung daripada tahun 1135 M sehingga 1284 M dan bermula pada pertengahan abad inilah, ramai sarjana daripada seluruh Eropah telah datang ke Toledo. Kebanyakan sarjana ini datang di atas kehendak mereka sendiri dan ada yang tinggal di Toledo selama beberapa tahun semata-mata untuk mengumpul segala khazanah yang diperolehi daripada pemikiran sarjana-sarjana Islam di sini (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar sarjana Eropah yang sampai ke Toledo ini tidak dapat menguasai bahasa Arab dan ini menyebabkan mereka tidak boleh memahami teks Arab di dalam berbagai bidang yang agak susah seperti falsafah, perubatan, matematik, astronomi, astrologi dan sains tulen. Oleh itu, mereka menggunakan khidmat para sarjana Yahudi dan Mozarab yang tinggal di Toledo untuk menterjemah karya Arab secara literal ke dalam bahasa Sepanyol yang kemudiannya diterjemah pula oleh mereka ke dalam bahasa Latin (P.M. Holt et al, 1970). Sarjana Eropah tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan penterjemah kerana kebanyakan sarjana Yahudi, Mozarab dan Mudejars boleh menguasai dua bahasa dan tiga bahasa sekaligus (Mason, 1956). Grant (1971) menyatakan bahawa;

> Di antara semua pusat terjemahan di Sepanyol, Toledo merupakan yang paling unggul. Di sini, dan di tempat lain, terjemahan dibuat dengan pelbagai cara. Sekiranya penterjemah menguasai bahasa Arab dengan baik, dia akan menterjemahkan secara langsung; jika tidak, dia mungkin bekerjasama dengan orang Arab atau Yahudi. Ada kalanya, jika dia tahu berbahasa Sepanyol, dia mungkin meminta seseorang untuk menterjemah daripada bahasa Arab kepada bahasa Sepanyol, dan dia sendiri membuat penterjemahan terakhir kepada bahasa Latin.

Perkara ini turut dinyatakan oleh Winter (1952):

> Terjemahan mungkin sering dibuat dengan kerjasama tiga orang, seorang Kristian, seorang Muslim, dan seorang Yahudi yang menjadi penghubung antara mereka kerana dia tahu bahasa Latin dan Arab; peranan yang dimainkan oleh penyampai Yahudi dalam apa jua hal amatlah penting.

Di antara para sarjana Eropah yang menggunakan bantuan penterjemah ini ialah Plato of Tivoli dengan pembantunya Abraham bar Hiyya (Abraham Judaeus atau Savasorda, Gerald of Cremona dan Mozarab Galippus (Ghalib) dan Gundisalvi bersama pembantunya bernama Jew John Avendeath (Ibn Dawud) atau lebih dikenali sebagai Johannes Hispanus (Dunlop, 1958). Kerjasama yang lama di antara Gundisalvi dan Johannes menjadi contoh utama bagi aktiviti penterjemahan yang dilakukan secara berkelompok ini.

Walau bagaimanapun, tidak semua karya terjemahan yang dihasilkan oleh Dominicus Gundisalvi dan Gerald of Cremona ini mendapat bantuan sarjana Yahudi dan Mozarab kerana terdapat juga karya terjemahan yang dilakukan sendiri oleh mereka. Misalnya, Dominicus Gundisalvi dianggap sebagai penterjemah utama yang menterjemah karya falsafah Arab seperti karya *al-Farabi's Liber de scientiis*, *De intellectu* dan *Tanbih 'ala Sabil al-Sa 'ada*, karya *al-Kindi's De intellectu, al-Ghazali's Maqasid al-Falasifa*, *Ibn Sina's Metaphysics, Physics, De coelo et mundo* dan lain-lain lagi (Holt et al., 1970).

Selain daripada kumpulan penterjemah yang telah dinyatakan tadi, terdapat juga beberapa sarjana Eropah lain di Toledo seperti Michael Scot, Hermann the Dalmatian dan Robert of Chester. Mereka telah bekerja keras dan menghabiskan masa selama beberapa tahun untuk mendapat ilmu di sini. Pada tahun 1145 M, Robert telah menterjemahkan *Jabr-o-Muqabla* (algebra) yang telah dihasilkan oleh al-Khwarizmi. Michael Scot juga telah menterjemah penulisan Ibn Sina dan Ibn Rushd. Selain itu, sarjana Inggeris lain yang datang ke Toledo pada tahun 1126 M ialah Adelard of Bath. Beliau telah menterjemah ke dalam bahasa Latin jadual astronomi yang telah dihasilkan oleh al-Majriti. Al-Majriti adalah sarjana Islam Andalus yang terkenal sebagai ahli astronomi dan ahli matematik (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Sehingga beberapa abad seterusnya, Toledo terus muncul sebagai pusat penterjemahan yang sangat terkenal di kalangan para sarjana Eropah dan masyarakat tempatan. Selain Toledo, terdapat banyak lagi pusat penterjemahan di Andalus misalnya di bahagian utara bandar ini, antaranya ialah Tarazona, sebuah bandar kecil di barat Saragosa, di mana Hugh Of Santala telah menjalankan aktiviti penterjemahan dalam bidang saintifik.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa hampir kesemua sarjana Barat yang melibatkan diri dalam aktiviti penterjemahan ini mempelajari bahasa Arab dan memperolehi ilmu pengetahuan Islam di Andalus. Para sarjana Barat yang datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu pengetahuan inilah yang bertanggungjawab memindahkan ilmu tersebut ke Barat melalui kegiatan penterjemahan. Aktiviti penterjemahan ini dianggap sebagai jalan utama pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah.

RUJUKAN

Arnold., T & Gullaume, A. (1931). *The legacy of Islam*. London: Oxford University Press.

Dunlop, D.M. (1958). Arabic science in the west. Karachi: Pakistan Historical Society Publication.

Grant, E. (1971). *Physical science in the middle ages*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Hill, D. R. (1993). *Islamic science and engineering*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

Holt, P. M., Lambton, K. S., & Lewis, (Eds). (1970). *The Cambridge history of Islam*, Volume 2B. Cambridge: University Press.

Lindberg, D. C. (1978). *Science in the middle ages*. Chicago: University Of Chicago Press.

Mason, S. F. (1956). *Main currents of scientific thought*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

Mahmud, S. F. (1960). *A short history of Islam*. Karachi: Oxford University Press.

Osman Haji Khalid. (1987). *Kesusasteraan Arab di zaman Abbasiah, Andalus dan zaman moden*. Kuala Lumpur: Darul Nadwah, Muadzam Shah.

Previte-Orton, C. W. (1953). *The shorter Cambridge medieval history, Vol 1, The later Roman Empire to the twelfth century.* Cambridge: Cambridge University Press.

Taton, R. (1963). *History of science ancient and medieval science from the beginnings to 1450.* Translated by A.J. Pomrans. New York: Basic Books Inc.

Trend, J. B. (1994). *The civilization of Spain*. London: Oxford University Press.

Watt, W. M. (1972). *The influence of Islam on medieval Europe: Islamic survey.* Edinburgh: Edinburgh University Press.

Winter, H. J. J. (1952). *Eastern science*. London: John Murray Ltd.

TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT LABUAN TERHADAP DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Shahidi A. H.
Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

Muhamad Syahmi Shabri
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Budaya, secara umumnya, merujuk cara hidup. Ia juga merujuk amalan, tingkah laku yang tidak bertentangan dengan agama dan diamalkan oleh sesebuah komuniti tersebut. Menurut *Kamus Dewan* (2005) budaya merujuk kemajuan fikiran, akal budi, berkelakuan, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, budaya dapat juga ditakrifkan sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap, dan nilai.

Budaya berkemampuan untuk berubah seiring dengan peredaran masa dan bantuan pengaruh-pengaruh yang datang dari luar konteks budaya masyarakatnya. Di Malaysia, misalnya, budaya kebangsaan akan bertembung dengan elemen budaya barat menerusi konsep globalisasi serta keperluan memenuhi Revolusi Industri Gelombang Keempat. Revolusi Industri ini telah mencetuskan fenomena budaya maya yang memberi impak kepada hampir semua aspek kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, besar kemungkinan berlakunya proses-proses adaptasi budaya baru menerusi penyerapan budaya maya terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan tentang kefahaman rakyat Malaysia masa kini tentang kemurnian jati diri budaya rakyat Malaysia serta kebudayaan kebangsaan yang berpaksikan perpaduan dan keharmonian kaum.

Kerajaan Malaysia telah menggubal satu dasar bagi menjamin kestabilan, keamanan dan keharmonian masyarakat majmuk negara ini untuk hidup bersatu padu dalam masyarakat yang didiami. Dasar yang telah digubal itu ialah Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971). Dasar ini digubal bertujuan bagi mengekalkan keharmonian masyarakat sejagat khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, penggubalan dasar ini juga bertujuan untuk mengukukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan dan juga untuk memupuk serta memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan.

Masyarakat yang mendiami kawasan pulau adalah kelompok yang signifikan dalam kelestarian kebudayaan tempatan kerana asas ketamadunan budaya tempatan berakar dari wilayah. Di samping itu juga, pulau adalah Kawasan yang aktif memperlihatkan pertembungan antara unsur tempatan dengan elemen budaya luar misalnya kepesatan pelancongan, perdagangan, penjajahan. Berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan ke arah intergrasi nasional (khususnya intergrasi budaya atau kebudayaan kebangsaan) maka wajarlah kefahaman budaya dan kebudayaan kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya masyarakat kepulauan ini diberi perhatian dan diteliti semula. Sebagai permulaan memahami tahap kefahaman masyarakat pulau ini, maka penulisan ini memfokuskan penelitian kepada pulau Labuan di Sabah.

Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah pulau yang terbesar di semenanjung Malaysia. Menurut laman web rasmi perbadanan Labuan, seramai 97800 orang penduduk yang menetap di Wilayah ini dan terdiri daripada pelbagai etnik. Kepelbagaian etnik ini menimbulkan kepelbagaian budaya yang wujud di Wilayah Persekutuan Labuan. Hal ini selanjutnya menimbulkan persoalan tentang tahap kefahaman pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan (1971) terhadap keseluruhan masyarakat majmuk di Wilayah Persekutuan Labuan dan adakah dasar tersebut difahami oleh masyarakatnya.

PERNYATAAN MASALAH

Pada 16 hingga 20 Ogos 1971, Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal. Penggubalan dasar ini dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama daripada gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini digubal tepat dengan keadaan masyarakat di

negara ini yang mana ianya terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik masyarakat. Kepelbagaian etnik di Malaysia terutama di Wilayah Persekutuan Labuan haruslah dipupuk melalui dasar-dasar negara supaya ianya boleh dijadikan satu panduan dalam usaha untuk membentuk dan juga mengekalkan identiti masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan pada peringkat antarabangsa. Umum mengetahui, sehingga ke hari ini Dasar Kebudayaan Kebangsaan masih lagi tidak termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, sekiranya pelaksanaan dasar ini masih lagi tidak termaktub dalam perlembagaan persekutuan, maka usaha dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik di Wilayah Persekutuan Labuan ini terutama dalam aspek amalan sosial, ritual dan perayaan akan menemui kegagalan. Faktor kegagalan ini berlaku disebabkan oleh ketidakfahaman masyarakat pelbagai etnik di Wilayah Persekutuan Labuan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan juga menimbulkan ketidaktepatan amalan dalam kehidupan masyarakat pelbagai budaya. Menurut Yahaya Ibrahim (2007), Mustaffa Omar & Ishak Yussof (2006), kepulaun adalah wilayah aktif dalam pertembungan antara unsur tempatan dengan anasir luar, sedangkan ia merupakan asas ketamadunan budaya tempatan (Norlida Hanim *et. al* (2017). Pertembungan unsur budaya ini akan menyebabkan juga budaya asalan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan akan mengalami kepupusan. Sehubungan dengan itu, akta Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini diperlukan segera supaya budaya masyarakat pelbagai etnik di kepulauan dapat dikekang dek kerana pertembungan revolusi 4.0.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan perkara yang penting dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana objektiflah yang menentukan hala tuju semasa kajian. Kajian tanpa objektif adalah kajian yang tidak terarah kerana kerana tidak mempunyai matlamat serta tujuan sesuatu kajian itu dijalankan. Kajian ini telah mengenal pasti tiga objektif yang akan digunakan dalam kajian ini.

1. Mengenalpasti tahap kefahaman awal penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).
2. Menganalisis tahap kefahaman masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan terhadap DKK.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini memberi impak sosial yang signifikan terutamanya terhadap masyarakat multi-etnik di Wilayah Persekutuan Labuan yang berkaitan dengan aspek jati diri dan perpaduan kaum antara masyarakat di Labuan. Sehubungan dengan itu, kajian seperti ini diharapkan dapat membantu pihak yang berwajib terhadap isu perpaduan kaum di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan wilayah ini didiami oleh kumpulan masyarakat pelbagai etnik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara umumnya melibatkan kaedah penyelidikan triangulasi. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana ia memberikan kekuatan yang signifikan terhadap dapatan kajian memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif dalam kajian ini merujuk kepada kaedah survey orang awam di lapangan dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil daripada survei tersebut akan dianalisis dengan menggunakan kaedah SPSS. Bagi pendekatan kualitatif pula, pengkaji melakukan perbincangan dengan kumpulan terfokus (FGD) dan juga pemerhatian dilapangan. Segala perbincangan dengan FGD ini akan dirakam dengan menggunakan alat perakam SONY. Hasil rakaman tersebut akan ditranskripsi dan seterusnya dianalisis.

Sampel kajian

Sampel dalam kajian ini merujuk kepada sejumlah responden yang yang terdiri darpada orang awam yang akan digunakan bagi mendapatkan reaksi orang awan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Persampelan data ini di ambil mengikut populasi penduduk di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 130 orang responden telah dipilih mewakili seluruh Wilayah tersebut. Kesemua responden terdiri daripada pelbagai latar belakang dan juga umur. Kelompok responden yang berumur 30 tahun dan ke bawah hingga

ke 55 tahun merupakan hampir 90% daripada jumlah keseluruhan sampel. Hal ini kerana mereka merupakan kelompok yang paling akttif dalam arena pembangunan negara. Manakala 10% lagi responden terdiri daripada kelompok yang berusia 55 tahun dan ke atas. Kelompok ini lebih sikit kerana mereka dianggap sudah berpengalaman tinggi dalam kehidupan dan telah melalui pelbagai rintangan dalam pembangunan negara.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian penting A dan B. Bahagian A mengandungi maklumat asas responden seperti jantina, umur, agama, bangsa, dan pekerjaan. Bahagian B pula berkaitan tentang kefahaman budaya kebangsaan. Dalam bahagian ini, sebanyak 33 acara kebudayaan yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pelancong Malaysia di seluruh Malaysia telah disenaraikan pada bahagian ini. Pada bahagian ini juga, responden hanya perlu menandakan "ya" sekiranya memiliki maklumat berkaitan acara budaya dan "tidak" sekiranya tidak memiliki maklumat acara budaya tersebut. Keseluruhan data yang diberikan oleh responden akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

ANALISIS TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT LABUAN TERHADAP DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Berikut merupakan hasil analisis dapatan kajian di Wilayah Persekutuan Labuan. Terdapat beberapa aspek yang telah diuji oleh pengkaji untuk melihat tahap kefahaman dan keberkesanan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah dimeterai pada tahun 1971, antaranya dari segi jantina, umur, agama, bangsa, dan pekerjaan.

1. Jantina

JADUAL 1: Tahap kefahaman DKK berdasarkan aspek Jantina



2. Umur

JADUAL 2: Tahap kefahaman DKK berdasarkan aspek Umur



3. Agama

JADUAL 3: Tahap kefahaman DKK berdasarkan aspek agama



4. Bangsa

JADUAL 4: Tahap kefahaman DKK berdasarkan aspek bangsa



5. Pekerjaan

JADUAL 5: Tahap kefahaman DKK berdasarkan aspek pekerjaan



Jadual di atas menunjukkan hasil analisis tahap kefahaman masyarakat Labuan terhadap dasar kebudayaan kebangsaan. Sebanyak lima faktor yang telah digariskan oleh pengkaji iaitu dari segi jantina, umur, agama, bangsa, dan pekerjaan. Hasil analisis kefahaman budaya berdasarkan jantina mendapati jantina perempuan lebih memahami dasar kebudayaan kebangsaan iaitu seramai 53.1% berbanding dengan jantina lelaki iaitu seramai 46.9%. Bagi kumpulan umur pula mendapati golongan yang berumur 30 tahun

dan ke bawah menunjukkan tahap kefahaman budaya yang paling tinggi iaitu seramai 41.5% dan seramai 13.1% pula mewakili golongan yang berumur 56 tahun dan ke atas menunjukkan tahap kefahaman yang paling rendah. Seramai 85.4% tahap kefahaman yang paling tinggi bagi faktor agama iaitu islam dan yang paling rendanya pula adalah agama hindu iaitu seramai 0.8%. Bagi faktor bangsa pula, tahap kefahaman yang paling tinggi ialah seramai 63.8% iaitu mewakili bangsa Melayu, dan seramai 1.5% pula menunjukkan tahap ketidakfahaman yang paling rendah, iaitu mewakili bangsa India. Faktor pekerjaan pula menunjukkan pekerjaan lain-lain menyumbang kepada tahap kefahaman yang paling tinggi iaitu seramai 37.7% dan seramai 6.2% pula merupakan pelajar dan ianya menunjukkan peratusan yang paling rendah.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah memperlihatkan kepada umum bahawa masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan tahap kefahaman terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Labuan amat peka terhadap aktiviti perpaduan kaum dalam kalangannya. Konsep kefahaman yang tinggi dalam kalangan masyarakat Labuan telah membawa mesej yang besar kepada negara terutamanya isu yang berkaitan perpaduan masyarakat berbilang kaum. Sungguhpun begitu, masyarakat ini peka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan, namun perlu diingat bahawa asas perpaduan haruslah berpaksikan pada dasar-dasar yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Sekiranya dasar-dasar ini tidak diwartakan dalam Perlembagaan negara, mungkin peristiwa berdarah seperti 13 Mei mungkin boleh berulang. Hal ini disebabkan oleh tidak ada satu dasar yang khusus bagi mengarahkan masyarakat supaya menjadi ikutan terutamanya terhadap amalan sosial, ritual, dan perayaan. Selain itu juga, konsep penerima kepelbagaian budaya lain yang ada dalam masyarakat sejagat juga perlulah melihat kepada Perlembagaan negara iaitu tidak mengenepikan hukum hakam kita sebagai orang islam di negara ini. oleh yang demikian, dengan adanya dasar khusus yang termaktub dalam perlembagaan, maka rakyat di negara ini mampu mengecapi kemajuan dan kemakmuran dengan harmoni tanpa ada persengketaan dalam kalangan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas sumbangan dana penyelidikan FRGS/1/2018/WAB04/UKM/02/2

RUJUKAN

Kamus Dewan (Edisi ke-empat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mustaffa Omar & Ishak Yussof. (2006). Transisi demografi dan cabaran pembangunan lestari di Pulau Tuba, Langkawi. *Jurnal e-Bangi, 1*(1), 1-22.

Norlida Hanim Mohd Salleh, Md Shafiin Shukor & Siti Hajar Mohd Idris. (2017). Impak pembangunan pelancongan ke atas persekitaran manusia dan fizikal komuniti Pulau Tioman. *Akademika, 87*(3), 47-60.

REFLECTION OF ISLAM IN "SEJAHTERA" SYNONYMS

Suhaimi Mhd Sarif
International Islamic University Malaysia
suhaimims@iium.edu.my

Yusof Ismail
International Islamic University Malaysia
yusof.edu@gmail.com

Nur Arfifah Sabiah
International Islamic University Malaysia
arfifah@iium.edu.my

ABSTRACT

Bahasa Melayu or Bahasa Malaysia has been enriched with words from other languages from Sanskrit to English to Arabic. Historically being the language among the Malays in the country, and whose majority profess the religion of Islam a huge amount of Arabic corpus has been incorporated in the Malay language. "Sejahtera" is intimately related with the very fundamental spirit of the faith, i.e., Islam. From this root, outgrows the five pillars of Islam. This concept is not confined within the five pillars of Islam, but it permeates the entire life of a Muslim. This study is set out to accomplish two objectives: firstly, to identify the synonyms of the word "sejahtera" (literally means prosperity, peace, etc.), and the extent of affinity among the synonyms. Secondly, the study aims to establish some conceptual-spiritual association between the concept of "sejahtera" and select Qur'anic Verses and Ahadith. The first objective has achieved by listing the synonyms, content analyzing the meaning among the synonyms, and assigning standardized themes to the common themes. The second objective also achieved by matching the meaning of relevant Qur'anic Verses and Ahadith. The association or matching process will also reveal the subjectively rated degree of relationship. The rating process will be done by the authors who are competent due to their familiarity with the subject matters, the Bahasa, Islam and the business discipline. Results of the study are expected to argue closely and distantly related synonyms to "sejahtera," the level of association between the word "sejahtera" and Qur'anic Verses and Ahadith.

Keywords: content analysis, Islam, language, Malay, sejahtera

INTRODUCTION

The word "sejahtera" has been used in scholarly seminars, social forums, and daily conversation. The greeting "salam sejahtera," and "selamat sejahtera," have been used as opening greeting (Awang & Suyanto, 2017; Sarif & Zainudin, 2020). Recently, "Mysejahtera" apps in mobile phone is a must for everyone to scan for attendance into any building, venue and event as part of tracking and tracing application for covid-19 infection (Borra, 2020; Hasan, Mohamed & Yusoff, 2020). The same application is used for vaccination registration and administration.

Bahasa Melayu or Bahasa Malaysia has been enriched with words from other languages from Sanskrit to English to Arabic. Historically being the language among the Malays in the country, and whose majority profess the religion of Islam a huge amount of Arabic corpus has been incorporated in the Malay language (Maros & Shaari, 2019). "Sejahtera" is intimately related with the very fundamental spirit of the faith, i.e., Islam. From this root, outgrows the five pillars of Islam. This concept is not confined within the five pillars of Islam, but it permeates the entire life of a Muslim.

This study is set out to accomplish two objectives: firstly, to identify the synonyms of the word "sejahtera" (literally means prosperity, peace, etc.), and the extent of affinity among the synonyms. Secondly,

the study aims to establish some conceptual-spiritual association between the concept of "sejahtera" and select Qur'anic Verses and Ahadith.

LITERATURE REVIEW

The terms "sejahtera" is not new in Malay-Muslims society. *Sejahtera* has been used widely in the Malay-Muslims society even though the term is not originated from the Malay word (Manjit Kaur, 2019; Maros & Shaari, 2019).

Sejahtera term has been aligned well in other socio-economic aspects (Allwood, 2005). The role of *sejahtera* enables leadership to bring social welfare and happiness (Baharom, 2021). The concept of *sejahtera* has been easily incorporated into Malay-Muslims practices (Ikhsan, 2017; Sidi, 2020; Sukmasari, 2020). No doubt Malay words have various language and cultural influences (Abdullah & Abdullah, 2019). In terms of application, it has been extended to socio-economic dimensions (Hakim, 2019). Islam emphasizes on social welfare (Hamid, 2018).

The socio-economic notion of *sejahtera* with Islamic perspective is apparent in Islamic teachings. The five pillars of Islam, from the declaration of faith (*shahadatain*) to solat of five times a day, zakat, fasting in Ramadan and hajj, have *sejahtera* notion (Mawdudi, 2013; Ramadan, 2017). This is in line with the essence of Islam which teaches about peace. Islam itself from the word *salam*, which is peace (Nar, 1996; Mawdudi, 2013; Ramadan, 2017).

METHODOLOGY

The first objective will be achieved by listing the synonyms, content analyzing the meaning among the synonyms, and assigning standardized themes to the common themes. The use of Internet Search Engines is timely due to its richness (Hatcher et al, 2021; Jadav & Shrivastava, 2021).

The second objective will be achieved by matching the meaning of relevant Qur'anic Verses and Ahadith. The association or matching process will also reveal the subjectively rated degree of relationship. The rating process will be done by the authors who are competent due to their familiarity with the subject matters, the Bahasa, Islam and the business discipline. According to Chan et al (2021), the richness of contents Internet sources allows for retrieval. In addition, the power of retrieval and marketing is also apparent through the Internet sources (Kovalenko & Kuzmenko, 2020; Das, 2021; Jadav & Shrivastava, 2021).

FINDINGS AND DISCUSSION

This part presents the findings.

Firstly, the researchers searched for the meaning of "sejahtera" from Kamus Dewan 4th edition and MyKamus (online dictionary).

Sejahtera is about being "peace (aman) and prosperity (makmur)," easy (senang) and tranquil (tenteram)," " protected from disaster" ("*aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara daripada bencana (kesusahan, gangguan dan lain-lain*)." When people said that "moga-moga kita dapat hidup dalam sejahtera." In addition, we greeted people with "selamat sejahtera." Menyejahterakan means "menjadikan sejahtera, mengamankan, menyelamatkan. In our doa "Ya Tuhan-ku, sejahterakanlah Laksamana itu." Sometimes we used "kesejahteraan keselamatan," "kesenangan hidup," "kesentosaan," "ketenteraman,". Often people always said "manusia mesti bekerja keras untuk mendapatkan sejahtera di dunia dan di akhirat."

Sejahtera in Bahasa Melayu is an adjective. From two dictionaries, *Kamus Dewan* 4th edition and online MyKamus found high frequency of synonym for sejahtera is "makmur," and "aman." Other synonyms are "senang," "tenteram," "terpelihara," "mewah," "cerah", "damai," "bahagia," and "jernih." Table 1 summarizes the terms generated from Kamus Dewan and MyKamus.

TABLE 1: Terms from *Kamus Dewan* and MyKamus

Kamus Dewan 4th edition	MyKamus	Similarities
Aman (peace)	Makmur (prosperity)	Makmur (prosperity)
Makmur (prosperity)	Mewah (luxury)	Aman (peace)
Senang (easy)	Cerah (broad light)	
Tenteram (tranquil)	Damai (tranquil)	
Terpelihara (protected)	Aman (peace)	
	Bahagia (happy)	
	Jernih (crystal clear)	

In zakat, *sejahtera* is obtained after paying the zakat. The *sejahtera* is obtained after purification of soul and wealth. According to Sarif & Zainudin (2020), *sejahtera* denotes adherence, discipline, purification of soul and wealth. Even in the absence of zakat, all businesses are required to pay business taxation. The impact of zakat enables *sejahtera* and *barakah* in the business activities. In the presence of *sejahtera* in the management of the business entities, allows for the management and leadership to gain sustainability in leadership and business continuity.

Secondly, the researchers conducted a quick search on the terms "sejahtera" on Google, Yahoo and Bing search engines (8 May 2021, 6-6.30 p.m. Kuala Lumpur Malaysia Time, 30 minutes). Google produced 34,600,000 results, the highest hit compared to Yahoo with 1,360,000 results and Bing with 1,370,000 Results. The scope of results has been ranged from language, literature, sociology, economics and business areas.

Thirdly, the researchers conducted a quick search on the terms "sejahtera" on Sunnah.com. Sejahtera term has been similar to peace, prosperity, *salam*, happiness, tranquil, and harmony. For the term peace and *salam* produced 9,180 hits. Nevertheless, other terms like prosperity with 84 hits, happiness with 137 hits, tranquil (*sakinah*) with 66 hits and harmony (*khair*) with 8 hits. Table 2 summarizes the terms related to sejahtera and number of hits.

TABLE 2: Related terms to *sejahtera* and number of hits

Terms	**No of hits**	**Link**
Peace	9180	https://sunnah.com/search?q=peace
Salam	9180	https://sunnah.com/search?q=salam
Happiness	137	https://sunnah.com/search?q=happiness
Prosperity	84	https://sunnah.com/search?q=prosperity
Tranquil (sakinah)	66	https://sunnah.com/search?q=tranquil
Harmony (khair)	8	https://sunnah.com/search?q=harmony

The hit generated from the Internet Search Engines and databases showed that the term "Sejahtera" is related to prosperity and progressive. This is in line with the substance of Islamic teaching for sustainable development (Qodir et al., 2020). It conveyed multilayered messages about peace (Razak, 2020).

CONCLUSION

This study sets out to accomplish two objectives: firstly, to identify the synonyms of the word "sejahtera" (literally means prosperity, peace, etc.), and the extent of affinity among the synonyms. Secondly, the study aims to establish some conceptual-spiritual association between the concept of "sejahtera" and select Qur'anic Verses and Ahadith. The first objective has achieved by listing the synonyms, content analyzing the meaning among the synonyms, and assigning standardized themes to the common themes. The second objective also achieved by matching the meaning of relevant Qur'anic Verses and Ahadith. The association or matching process will also reveal the subjectively rated degree of relationship. The rating process will be done by the authors who are competent due to their familiarity with the subject matters, the Bahasa, Islam and the business

discipline. Results of the study are expected to argue closely and distantly related synonyms to "sejahtera," the level of association between the word "sejahtera" and Qur'anic Verses and Ahadith.

REFERENCES

Allwood, J. (2005). Comparing conflict related terms in Swedish and Malay. *Malay Images.* Universiti Pendidikan Sultan Idris, 279-333.

Abdullah, M. N. A., & Abdullah, M. Y. (2019). Kosa kata Indo-Eropah, Semitik, Sino-Tibet dan Darvidien dalam internasionalisasi Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dunia di Alam Malaynesia. *Jurnal Kesidang*, *3*(1), 23-32.

Awang, M., & Suyanto, N. (2017). Pendekatan keselamatan dan kesejahteraan pelajar untuk sekolah-sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, *6*, 139-153.

Baharom, Z. (2021). Case study on linking sejahtera leadership with gross national happiness. *International Journal of Human Potentials Management*, *3*(1), 14-24.

Borra, S. (2020). COVID-19 apps: Privacy and security concerns. In *Intelligent Systems and Methods to combat Covid-19 (pp. 11-17)*. Springer, Singapore.

Chan, H. P., Xu, L., Liu, H. H., Zhang, R. T., & Sangaiah, A. K. (2021). System design of cloud search engine based on rich text content. *Mobile Networks and Applications*, *26*(1), 459-472.

Das, S. (2021). *Search engine optimization and marketing: A recipe for success in digital marketing*. CRC Press.

Hakim, I. (2019). The dialectic of contemporary thought of the Muhammadiyah economic movement. *JESI Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia*, *9*(1), 51-64.

Hamid, A. (2018, January). Muhammadiyah and da'wah in social welfare. *Proceedings of The International Conference on Social Sciences* (ICSS), *1*(1).

Hasan, S. S. C., Mohamed, D., & Yusoff, Y. (2020). Mysejahtera app and the privacy rights in times of Covid 19: the legal and syariah perspectives. *INSLA E-Proceedings*, *3*(1), 575-580.

Hatcher, W. G., Qian, C., Gao, W., Liang, F., Hua, K., & Yu, W. (2021). Towards efficient and intelligent internet of things search engine. *IEEE Access*, *9*, 15778-15795.

Ikhsan, M. A. (2017). Nilai-nilai cinta tanah air dalam perspektif al-Qur'an. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, *2*(2), 108-114.

Jadav, N. K., & Shrivastava, S. (2021). An Analysis on Incompetent Search Engine and Its Search Engine Optimization (SEO). *International Conference on Innovative Computing and Communications(pp. 203-214)*. Springer, Singapore.

Kamus Dewan (4th edition). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kovalenko, A., & Kuzmenko, Y. (2020). Online marketing impact on micro-enterprises: An insight through visibility in search engines. *Management & Marketing*, *15*(1), 38-58.

Manjit Kaur, B. S. (2019). '*Borrowed borrowings' traced from Sanskrit to Malay to Malaysian English.* (Unpublished Phd Thesis), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Maros, M., & Shaari, A. H. (2019). *Cultural values in Malay speech acts.* Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Mawdudi, S. A. (2013). *Towards understanding Islam*. Kube Publishing Ltd.

MyKamus. (2021). http://mykamus.com/free/2010/09/sejahtera/ (8 May 2021)

Nasr, S. H. (1996). The meaning and concept of philosophy in Islam. *History of Islamic Philosophy*, *1*, 30.

Ramadan, T. (2017). *Introduction to Islam*. Oxford University Press.

Qodir, Z., Jubba, H., Hidayati, M., Abdullah, I., & Long, A. S. (2020). A progressive Islamic movement and its response to the issues of the ummah. *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies*, *10*(2), 323-352.

Razak, D. A. (2020). *Essay on Sejahtera: Concept, principle and practice*. IIUM Press.

Sidi, B. A. (2020). *Unity and diversity: National identity and multiculturalism in Indonesia.* (Unpublished doctoral dissertation). University of Otago, Otago, New Zealand.

Sukmasari, D. (2020). Konsep kesejahteraan masyarakat dalam perspektif al-Qur'an. *At-Tibyan*, *3*(1), 1-16.

Sarif, S. M., & Zainudin, D. (2020, November). Influence of zakat on *sejahtera* strategic position andaction. *International Conference of Zakat* (pp. 255-264).

PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN MAHASISWA SARJANA MUDA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Syahrina bt. Abdullah
Universiti Utara Malaysia.
syahrina@uum.edu.my

Norashidah bt. Hashim
Universiti Utara Malaysia.
norashidah@uum.edu.my

ABSTRAK

Pembudayaan keusahawanan melalui proses pendidikan menjadi semakin penting kepada mahasiswa universiti abad kini. Proses pendidikan sama ada secara formal mahupun tidak formal adalah teras kepada pemupukan budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) umumnya dan Universiti Utara Malysia (UUM) khususnya. Sebagai sebuah universiti pengurusan terkemuka, UUM menerajui keunggulan dalam menyediakan platform pendidikan khususnya dalam bidang pengurusan dan keusahawanan yang kini menjadi agenda dan fokus utama negara serta Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT, KPM). Pembudayaan keusahawanan dianggap penting dalam membangunkan modal insan yang holistik bagi memenuhi kemahiran insaniah yang digariskan oleh KPT. Kertas kerja ini akan membincangkan pendekatan yang digunakan oleh UUM dalam membudayakan keusahawanan kepada mahasiswa Sarjana Muda yang belajar di UUM. Justeru, melalui pembudayaan ini mahasiswa Sarjana Muda mampu menterjemahkan peluang dalam mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari sebagai satu elemen kemahiran insaniah *(soft skills*) yang perlu dimiliki oleh mahasiswa sebelum bergraduat kelak.

Kata kunci: pembudayaan keusahawanan, modal insan, kemahiran insaniah (*soft skills*)

PENGENALAN

Pendidikan keusahawanan adalah teras kepada pemupukan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT umumnya. Salah satu objektif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi menggalakkan graduan menceburi bidang keusahawanan seterusnya menjadi pencipta pekerjaan. Generasi usahawan siswazah yang ingin dilahirkan mempunyai ciri holistik, serta berintegriti yang tinggi untuk mampu berdaya saing dalam pasaran global. Oleh yang demikian, KPT telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan utama dalam usaha untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global (Norashidah & Syahrina, 2021). Selaras dengan aspirasi PPPM (PT) untuk menyemai minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan menjadi penjana pekerjaan, serta memastikan kemampanan kewangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. Kini, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT diteruskan untuk fasa 2021-2025.

Seterusnya KPT telah merangka Pelan Tindakan ini merupakan kesinambungan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang diperkenalkan oleh KPT pada tahun 2010 dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015. Pelan Tindakan ini memfokuskan kepada empat inisiatif utama berdasarkan dua strategi di bawah Lonjakan 1 PPPM (PT) dengan mekanisme pengukuran dan sasaran masing-masing bagi tempoh 2016 sehingga 2020 dan 2021 sehingga 2025 seperti berikut:

i) Strategi A:
Membangunkan Kurikulum Holistik Dan Bersepadu dengan Inisiatif 1: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang

pengajian. Ini bermaksud elemen keusahawanan akan diterapkan kepada semua mahasiswa dan semua bidang pengajian di universiti.

ii) Strategi B:

Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran. Terdapat tiga inisiatif yang dilaksanakan iaitu pertama melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan atau *Job Creator Framework*. Inisiatif kedua ialah menambahbaik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar dan inisiatif ketiga memperkukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.

Oleh yang demikian, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah turut mengambil inisiatif bagi menerapkan pendidikan keusahawanan secara berstruktur dalam program akademik kepada semua pelajar merentas kampus. Universiti Utara Malaysia (UUM) sangat komited untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan keusahawanan secara berterusan sebagai suatu usaha untuk memenuhi keperluan pasaran dan pembangunan negara. Sebagai universiti yang menumpukan pengkhususan dalam bidang pengurusan dan keusahawanan di Malaysia, usaha yang gigih amat dititik beratkan bagi melahirkan graduan yang kompeten dan dinamik.

Inisiatif ini bermula lebih awal lagi, dengan memperkenalkan kursus keusahawanan sebagai subjek teras dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan. Diikuti dengan memperkenalkan kursus asas keusahawanan sebagai kursus teras universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar. Selain itu, Program Ijazah Sarjana Keusahawanan (SMK) dengan Kepujian. telah dimulakan pada tahun 2004. Melalui program Ijazah Sarjana Muda universiti ini telah berjaya melahirkan para pelajar yang mampu mewujudkan pekerjaan sendiri tanpa perlu bergantung kepada orang lain. Selain itu, graduan siswazah ini juga berkebolehan, berkemahiran serta berupaya menggabungkan kepakaran mereka dengan peluang yang berkaitan dalam proses penciptaan produk atau penghasilan usaha teroka baru.

Hal ini selaras dengan Universiti Utara Malaysia sebagai sebuah universiti pengurusan telah mengalami perkembangan yang pesat dalam bidang akademik, penyelidikan, latihan, konsultansi dan tenaga manusia sejak dari awal penubuhannya. Melalui SMK diharap dapat melahirkan siswazah yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut serta nilai keusahawanan di samping melahirkan lebih ramai usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020. Program SMK ini bertujuan mengurangkan kadar pengangguran kerana ia dapat melatih graduan untuk berdikari dengan membuka perniagaan sendiri di samping melahirkan golongan usahawan dalaman (*intrapreneurs*), tenaga pengajar serta jurulatih, pegawai dalam institusi kewangan dan badan-badan kerajaan.

OBJEKTIF

Objektif kertas kerja ini ialah membincangkan pendekatan yang digunakan bagi pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Sarjana Muda UUM.

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Pendidikan keusahawanan merujuk kepada pendidikan yang menekankan kepada aspek kreativiti, inovasi dan pembangunan keterampilan individu sebagai usahawan yang merangkumi aspek pemikiran, sikap dan kemahiran keusahawanan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Pendidikan keusahawanan dapat membentuk pelajar yang mempunyai pemikiran, sikap dan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan (Armanurah, Salmah & Norashidah, 2006; Abdul Razak, Syahrina, & Armanurah, 2010; Ooi Yeng Keat, Christopher Selvarajah, & Meyer, 2011). Ia juga adalah satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran (Nor Aishah, 2006) sama ada secara formal atau tidak formal.

Tujuan pendidikan keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Abuzuhri & Hashim, 2017). Manakala Armanurah (2014) menyatakan tujuan utama pendidikan keusahawanan adalah untuk membangunkan sikap, kemahiran dan pemikiran keusahawanan.

Sikap keusahawanan terdiri daripada ciri-ciri keusahawanan yang penting (Hashim et al. 2019). Antara ciri-ciri keusahawanan penting yang perlu dibentuk melalui pendidikan keusahawanan adalah keperluan untuk pencapaian, kepimpinan, kreatif, berkeyakinan, mempunyai hubung jalin, berinisiatif, pengambil risiko, berimiginasi dan berkeupayaan menganalisa. Tingkah laku dan ciri-ciri keusahawanan ini boleh dibentuk melalui pendidikan keusahawanan (Kuratko & Frederick, 2010).

Mohd. Salleh et al. (2005) juga menegaskan bahawa masyarakat enterprais yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan boleh dilahirkan melalui pendidikan tinggi jika strategi yang bersesuaian digunakan. Pelajar universiti mempunyai potensi keusahawanan yang baik, cuma pihak universiti sahaja perlu mengenal pasti kaedah yang menyeluruh untuk membangunkan potensi tersebut. Justeru itu, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan program-program pendidikan keusahawanan secara terancang dan mantap (Jabatan Keusahawanan UUM, 2003) untuk membangunkan kecenderungan, minat dan aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar IPT dan merialisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka.

PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN

Pembudayaan keusahawanan merangkumi proses pembangunan pengetahuan, kemahiran, sikap serta personaliti mahasiswa supaya mereka teruja kepada kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap bidang yang diceburi. Dalam melahirkan ramai usahawan dalam kalangan mahasiswa, IPT memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan kurikulum dan ko-kurikulum serta prasarana yang kondusif demi melatih mahasiswa agar mempunyai motivasi yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Melalui proses pembudayaan ini, mahasiswa pasti dapat bertindak selari dengan hasrat KPT dalam melahirkan ramai usahawan dalam kalangan graduan. Mahasiswa yang dilatih dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan pasti mempunyai laluan kerjaya yang unik dan berbeza dengan graduan yang makan gaji. Selain itu juga, mahasiswa yang mempunyai kecenderungan untuk menceburi bidang keusahawanan sudah pasti dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada individu lain serta masyarakat.

Pembudayaan keusahawanan dapat memberi impak yang sangat berguna kepada mahasiswa terutama mahasiswa yang menceburi dalam bidang perniagaan ketika pengajian. Melalui pembudayaan keusahawanan ini, mahasiswa di UUM mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas dalam kerjaya yang bakal diceburi kelak. Selain itu juga, melalui proses pendidikan keusahawanan, mahasiswa mampu mempamerkan potensi dan kebolehan diri dengan mempraktikkan ilmu keusahawanan yang dimiliki. Melalui aktiviti praktikal keusahawanan, mahasiswa yang menjalankan perniagaan ketika pengajian di universiti mampu menjana pendapatan sendiri dan menguruskan kewangan diri dan perniagaan dengan baik. Seterusnya, mahasiswa juga mampu bertindak berdasarkan perancangan yang teliti. Ini bermakna, mahasiswa universiti dapat merancang serta mengurus masa dengan berkesan.

Pendidikan dan latihan keusahawanan juga mampu melengkapkan diri mahasiswa dengan kemahiran untuk berkreativiti dan berinovasi selari dengan matlamat KPT iaitu untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai ciri inovatif. Melalui ciri inovatif ini, mahasiswa pastinya mampu melihat dan merebut peluang yang ada. Ini adalah kerana kadang kala peluang yang ada, hanya datang sekali dalam hidup. Selain itu juga, pendidikan keusahawanan dapat membudayakan mahasiswa untuk meningkatkan kualiti kerja yang terbaik dalam setiap tugasan yang dilakukan dengan menepati ciri-ciri yang perlu ada pada diri setiap usahawan. Justeru pembudayaan keusahawanan dapat memberi impak positif dalam diri setiap mahasiswa. Sudah pasti UUM dapat melahirkan mahasiswa yang kompeten, berketerampilan dan pro-aktif ketika bergraduat kelak.

PENDEKATAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DAN UUM

Adalah menjadi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan modal insan yang mempunyai pemikiran keusahawanan bagi menggalakkan graduan menceburi bidang keusahawanan seterusnya menjadi pencipta pekerjaan (Armanurah et al. 2020). Di peringkat IPT pendidikan keusahawanan dilaksanakan dalam bentuk akademik dan kokurikulum. Penawaran kursus keusahawanan dan program keusahawanan telah ditawarkan di peringkat ijazah sarjana muda dan pasca siswazah. Dalam usaha untuk mengintegrasikan pendidikan keusahawanan pada peringkat pendidikan tinggi, Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi (kini Kementerian Pendidikan Tinggi) telah menetapkan domain keusahawanan sebagai

salah satu daripada lapan domain hasil pembelajaran yang perlu dipamirkan oleh pelajar di akhir sesuatu program yang ditawarkan oleh IPTA (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010).

i) Matapelajaran Asas Keusahawanan

Selain itu, bermula pada semester 1 sesi 2007/2008 kursus Asas Keusahawanan yang bertujuan untuk pembudayaan keusahawanan di IPT dijadikan sebagai kursus teras bagi semua IPTA. Selain usaha KPT, pelbagai pendekatan lain telah digunakan oleh IPTA dalam penawaran pendidikan keusahawanan masing-masing (Armanurah et al. 2014). Jadual 2.2 adalah perincian penawaran kursus dan program akademik keusahawanan oleh IPTA di Malaysia.

ii) Ko-kurikulum Keusahawanan

Di samping penawaran pendidikan keusahawanan dalam bentuk kurikulum akademik, aktiviti kokurikulum juga dilaksanakan di IPT dalam pelbagai bentuk seperti menerusi penglibatan kelab atau persatuan dalam pelbagai aktiviti keusahawanan termasuklah aktiviti perniagaan berbentuk *hands-on.*

iii) Matapelajaran Keusahawanan

Universiti Utara Malaysia (UUM) menerajui keunggulan dalam melahirkan ramai golongan pengurus baik di sektor awam mahupun swasta. Sejak dari awal penubuhannya, UUM kekal di atas landasan untuk melahirkan pengurus profesional yang cekap dalam meneruskan pembangunan Malaysia. Selaras dengan tujuan ini juga, UUM menekankan aspek keusahawanan sebagai sebahagian daripada fokus pendidikan ke arah melahirkan golongan profesional yang mempunyai ciri keusahawanan malahan mampu menjadi usahawan yang berjaya. Bermula dengan penawaran satu kursus Keusahawanan yang ditawarkan sebagai kursus elektif kepada pelajar sejak awal tahun 1990an lagi, disiplin keusahawanan telah berkembang. Sehingga kini kursus keusahawanan bukan sahaja menjadi kursus yang ditawarkan sebagai teras universiti bahkan satu program Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) telah di tawarkan di UUM sejak sesi pengajian 2004/2005 (Habshah et al., 2012).

iv) Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan

Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) di UUM telah diperkenalkan pada sesi pengajian 2004/2005. Matlamat program ini ialah melahirkan para graduan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan seperti kreativiti, kemampuan mengambil risiko, pengetahuan, kemahiran, inisiatif, fleksibiliti dan personaliti diri untuk merebut peluang-peluang baru dalam pasaran kerja, di samping memperbaiki peluang mobiliti kerjaya mereka dan berupaya mengambil inisiatif membuka perniagaan baru sebagai kerjaya tetap mereka (Buku Panduan Akademik sesi 2009/2010, Kolej Perniagaan). Antara objektif program ini adalah seperti berikut: 1. Melahirkan graduan yang mampu mengaplikasi teori-teori perniagaan dalam pelbagai konteks, dan dilengkapi dengan ilmu yang menjurus kepada kerjaya keusahawanan. 2. Menghasilkan graduan yang mahu memulakan perniagaan mereka sendiri 3. Menghasilkan graduan yang kompeten dalam menyediakan khidmat perundingan, bimbingan dan nasihat kepada bakal-bakal usahawan. 4. Melahirkan graduan yang berupaya menjana pengetahuan yang akan membantu dalam peningkatan kerjaya di bidang institusi kewangan, jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana serta syarikat multinasional. Program Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian telah dilancarkan pada Jun 2004 dengan pengambilan pelajar seramai 50 orang pelajar. Para graduan ini telah diberikan pendedahan dalam aspek kemahiran dan pengetahuan tentang persekitaran serta selok belok perniagaan yang mereka akan lalui. Dengan ini mereka akan menjadi lebih bersedia dan sudah dapat menjangkakan kesukaran yang akan dihadapi. Mereka juga dapat mengenal pasti kelebihan penglibatan dan faedah yang akan dinikmati apabila terlibat dalam perniagaan (Syahrina et al., 2014).

v) Latihan dan Program Keusahawanan

Program dan latihan keusahawanan (PLK) di luar kuliah merupakan merupakan program yang dilaksanakan oleh UUM dengan pembiayaan dari Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha untuk membudayakan bidang keusahawanan dalam kalangan mahasiswanya. Manakala, program yang ditaja oleh KPT ini akan dilaksanakan oleh Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dengan kerjasama pensyarah-pensyarah keusahawanan UUM. Antara program yang pernah dilaksanakan oleh UUM antaranya ialah Program Start-up, Program Usahawan *Food Truck*, Program Pembangunan Francais Siswazah dan banyak lagi. Program ini juga akan melibatkan pemain industri sebagai mentor industri dan pensyarah sebagai mentor akademik mahasiswa. Justeru, ramai mahasiswa yang mendapat manfaat dalam program yang dilaksanakan ini.

vi) Prasarana dan Persekitaran UUM

Selain daripada itu prasarana dan persekitaran dalaman yang kondusif serta menyokong aktiviti keusahawanan di UUM diperkemaskan dengan penyediaan institusi kecemerlangan iaitu Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), unit ko-kurikulum Keusahawanan, bangunan The Mall bagi aktiviti siswaniaga, kiosk perniagaan di kawasan akademik dan Dewan Penginapan Pelajar UUM. Semua prasarana fizikal yang dibangunkan ini bertujuan untuk menyokong dan menyemarakkan aktiviti pembudayaan keusahawanan di kawasan kampus UUM Sintok (Syahrina, Armanurah & Habshah, 2014). Justeru, prasarana dan persekitaran yang kondusif yang disediakan oleh UUM sangat membantu dari aspek pembudayaan keusahawanan kepada mahasiswanya.

KESIMPULAN

Pendidikan keusahawanan dapat memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa universiti. Melalui pembudayaan keusahawanan, sikap positif, yakin pada kebolehan diri, kreativiti, inovasi serta ciri kepimpinan dapat disemai dalam diri mahasiswa. Ianya sangat penting dalam mewujudkan keyakinan pada diri mahasiswa dan perlu diperkukuhkan dari masa ke masa kerana mahasiswa hari ini terdedah kepada perubahan, cabaran, persaingan dan ketidakpastian dalam persekitaran pekerjaan. Mahasiswa seharusnya mempamerkan sikap positif dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan pada masa depan. Justeru mahasiswa wajar didedahkan dengan aspek keusahawanan dalam memenuhi kemahiran insaniah yang wajar dimiliki sebelum mereka bergraduat kelak.

RUJUKAN

Abdul Razak, A., Syahrina, A. & Armanurah, M. (2010). Entrepreneurial characteristics and entrepreneurial intentions among undergraduates: Case of UiTM Students, *The First Seminar on Entrepreneruship and Societal Development in ASEAN (ISE-SODA)*, 70-82.

Abuzhuri, N. M. & Hashim, N. (2017). The role of entrepreneurial opportunity recognition on relationship among entrepreneurship education and entrepreneurial career option. *European Journal of Business and Management*, *9*(30), 99-106.

Armanurah Mohamad, Salmah Ishak & Norashidah Hashim. (2006, 9-10 Disember). Perkembangan pendidikan keusahawanan dalam institusi pendidikan di Malaysia. *The 2nd National Conference on Entrepreneurship and Small Business (NCESB 2006*). *Advancing Entrepreneurship and SMEs In the Growing Challenges of Globalization.* Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Institut Pembangunan Keusahawanan. Malaysia.

Armanurah Mohamad. (2014). *Penilaian pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia*. (Tesis Phd yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Armanurah Mohamad, Norashidah Hashim, Awanis Ku Ishak & Syahrina Abdullah. (2020). Pemikiran keusahawanan pelajar institut pengajian tinggi awam Malaysia dan hubungankaitnya dengan bidang pengajian pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, *5*(35), 321-331.

Habshah Bakar, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat & Syahrina Abdullah (2012). *Laporan akhir kajian pengesanan graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan UUM*, Sintok, Kedah.

Hashim, N., Othman, A., Hussain, M.N. & Mohamad, A. (2019). Islamic entrepreneurship education model for higher education institution. *Journal of Advanced Research in Dynamical and Control Systems*, *11*(5), 511-526.

Jabatan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia. (2003). *Kertas kerja cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian*. Fakulti Pengurusan Perniagaan, UUM.

Kementerian Pengajian Tinggi (2010). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*, Diakses di www.mohe.gov.my pada 15 Januari 2017.

Kuratko, D. F. & Frederick, H.H. (2010). *Entrepreneurship theory process practice* (Edisi kedua). Ohio: South-Western, Thompson Corporation.

Mohd. Salleh Hj. Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienti Abu Bakar & Muhammad Nasri Md. Hussain. (2005). *Asas keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

Nor Aishah Buang (2006). *Hubungkait pendidikan universiti dengan tingkah laku kerjaya keusahawanan siswazah ke arah pembangunan pendidikan keusahawanan yang berkesan*. Deraf Laporan Akhir Projek Penyelidikan UKM.

Norashidah Hashim & Syahrina Abdullah. (2021). *Laporan akhir penyelidikan mengejar impian keusahawanan,* Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Ooi Yeng Keat, Christopher Selvarajah, & Meyer, D. (2011). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International Journal of Business and Social Science*, *2*(4), 206-220.

Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad & Habshah Bakar. (2014). Kerjaya graduan program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan sejurus menamatkan pengajian di Universiti Utara Malaysia*, Prosiding PERKEM ke-9 (2014)*, 285 - 291.

PEMBENTUKAN KEPERIBADIAN MANUSIA YANG MULIA MELALUI PERUMPAMAAN DALAM AL-QURAN

Syed Sultan Bee bt. Packeer Mohamed
Universiti Utara Malaysia
ss.bee@uum.edu.my

Afifah Abu Yazid
Universiti Utara Malaysia
afifah865@uum.edu.my

Syahrul Faizaz Abdullah
Universiti Utara Malaysia
faizaz@uum.edu.my

Mohd. Nizho Abdul Rahman
Universiti Utara Malaysia
nizho@uum.edu.my

Salmah bt. Omar
Universiti Utara Malaysia
salmahomar@uum.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran mengandungi banyak perumpamaan yang berperanan membentuk keperibadian yang mulia dalam diri manusia. Manusia dapat membentuk keperibadian yang mulia dalam diri mereka apabila mereka mempraktikkan akhlak yang baik dan meninggalkan akhlak yang buruk. Namun begitu, kita sering dipaparkan dengan berita yang menyedihkan di media sosial seperti kes penipuan, pergaduhan, pembunuhan, penghinaan dan kezaliman sesama manusia. Seperti yang kita ketahui, Allah S.W.T. melarang keras akhlak yang buruk dan perbuatan yang jahat ini. Sebaliknya, Dia memerintahkan manusia agar berakhlak dengan akhlak yang baik seperti bersatu padu, berkasih sayang, hormat menghormati dan tolong menolong di antara mereka. Mesej ini disampaikan oleh Allah S.W.T. dalam pelbagai bentuk termasuklah melalui perumpamaan dalam al-Quran yang amat menarik dan mudah dicapai oleh akal dan pancaindera manusia. Justeru, satu kajian berbentuk kualitatif dijalankan untuk meneliti konsep perumpamaan dalam al-Quran serta menganalisis ayat al-Quran yang mengandungi perumpamaan berkaitan galakan berakhlak baik dan larangan berakhlak buruk. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpul data. Manakala kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul. Hasil kajian mendapati bahawa perumpamaan dalam al-Quran amat berkesan dalam membentuk keperibadian yang mulia dalam diri manusia. Analogi yang diberikan amat jelas menggambarkan ganjaran besar yang disediakan oleh Allah S.W.T. kepada mereka yang berakhlak baik dan balasan buruk yang disediakan kepada mereka yang berakhlak tidak baik. Kajian ini diharapkan dapat memberi peringatan kepada masyarakat agar menjadikan perumpamaan dalam al-Quran sebagai motivasi untuk sentiasa berakhlak baik dan meninggalkan akhlak yang buruk agar keperibadian yang mulia dapat dibentuk dalam diri mereka.

Kata kunci: keperibadian mulia, akhlak baik, akhlak buruk, perumpamaan dalam al-Quran

PENGENALAN

Fitrah semulajadi manusia amat menyukai akhlak yang mulia dan sebaliknya membenci akhlak yang buruk. Seseorang yang memiliki akhlak yang baik seperti jujur, pemurah, suka menolong, sabar, beramanah dan sebagainya akan disenangi oleh sesiapa sahaja. Manakala seseorang yang memiliki

akhlak yang tidak baik seperti bohong, kedekut, marah, hasad dengki dan sebagainya akan dibenci oleh orang yang berada di sekitarnya. Oleh sebab itu, agama Islam amat menggesa setiap individu Muslim agar sentiasa menghiasi diri mereka dengan akhlak yang mulia dan menjauhi akhlak yang buruk. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyuruh manusia agar bersifat dengan akhlak yang baik. Misalnya, dalam surah Aali 'Imran, ayat 133 hingga 134, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

> Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa; Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.

Jelas daripada ayat di atas bahawa Allah S.W.T. menyebut akhlak mulia yang dimiliki oleh orang yang bertakwa iaitu bersedekah, menahan perasaan marah dan memaafkan kesalahan orang lain. *Justeru, adalah sangat penting bagi setiap individu Muslim berusaha untuk mempraktikkan akhlak yang baik dalam kehidupan mereka. Mereka mestilah memperbaiki diri mereka dari semasa ke semasa agar sentiasa berakhlak dengan akhlak yang terpuji dan menjauhi akhlak yang terkeji.*

Antara pendekatan yang boleh diambil oleh seseorang Muslim dalam usahanya untuk berakhlak dengan akhlak yang baik ialah merenung dan mengambil pengajaran daripada perumpamaan al-Quran. Perumpamaan merupakan salah satu laras bahasa yang terkandung dalam al-Quran. Penggunaan laras ini amat berkesan untuk mendidik serta menarik jiwa dan perasaan manusia agar terkesan dengan ayat-ayat yang dibaca. Hal ini kerana ia berfungsi untuk menerangkan intipati perintah dan larangan Allah S.W.T. dengan gambaran yang boleh dicapai oleh akal dan pancaindera manusia. Justeru, ia amatlah sesuai dijadikan sebagai terapi untuk membentuk manusia yang berakhlak mulia.

Bertitik tolak daripada pengenalan tersebut, artikel ini akan mengupas tiga sub topik utama iaitu konsep perumpamaan dalam al-Quran, galakan berakhlak baik dan larangan berakhlak buruk yang terdapat dalam perumpamaan al-Quran. Berikut adalah kupasan tentang ketiga-tiga sub topik tersebut.

KONSEP PERUMPAMAAN DALAM AL-QURAN

Perumpamaan merupakan salah satu laras bahasa yang diketengahkan dalam al-Quran. Ia mampu menjelaskan suatu perkara dengan mengemukakan analogi yang boleh dicapai oleh pancaindera manusia. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa perumpamaan dalam al-Quran boleh menjadi penawar kepada spiritual manusia yang terganggu. Berikut adalah kupasan tentang konsep perumpamaan dalam al-Quran:

1) Pengertian Perumpamaan

Perkataan perumpamaan disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-amthal*. *Al-amthal* ialah kata jamak bagi perkataan *al-mathal* (Anis, Ibrahim; Abdul Halim Muntasir; al-Sowalihi, 'Atiyyah & Muhammad Khalfullah Ahmad, t.t.).

Dari sudut bahasa, *al-mathal* bermaksud sesuatu yang dibandingkan dengan yang lain untuk dijadikan sebagai contoh (Ibn Manzur,1995). Sementara dari sudut istilah pula, ulama tafsir juga didapati memberi definisi yang sama seperti ahli bahasa. Contohnya, al-Zamakhshari (1995) dalam kitabnya *al-Kashshaf* menyatakan bahawa asal perkataan perumpamaan ialah *al-mithl* iaitu *al-nazir* yang membawa maksud serupa, sebanding dan setara.

2) Klasifikasi Perumpamaan dalam al-Quran

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza mengenai klasifikasi perumpamaan dalam al-Quran. Sebahagian daripada mereka iaitu al-Zarkasyi (1957) dan al-Suyuti (1996) berpendapat bahawa ia terbahagi kepada dua jenis sahaja iaitu perumpamaan *musarrahah* dan *kaminah*. Manakala sebahagian daripada ulama yang lain menambah satu lagi jenis iaitu perumpamaan *mursalah* (Muhammad Bakr Ismail, 1986). Berikut adalah penjelasan mengenai ketiga-tiga jenis perumpamaan tersebut:

i) Perumpamaan *Musarrahah*

Perumpamaan jenis ini menggunakan perkataan *mathal* secara langsung dan jelas atau menggunakan perkataan yang menunjukkan persamaan (al-Qattan, 2000). Contohnya, firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 17 yang bermaksud:

> Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

ii) Perumpamaan *Kaminah*

Perumpamaan jenis ini tidak menggunakan perkataan *mathal* secara langsung sebagaimana perumpamaan *musarrahah*. Tetapi, perumpamaan tersebut diambil daripada makna yang tersirat dalam susunan ayat al-Quran yang mana maknanya menyamai perumpamaan atau kata-kata hikmah yang terdapat dalam kalangan orang Arab (Muhammad Bakr Ismail, 1986). Al-Suyuti (1996) mengemukakan contoh perumpamaan jenis ini iaitu perumpamaan Arab yang bermaksud:

> Sebaik-baik perkara ialah pertengahannya.

Ia menyamai firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 68 yang bermaksud:

> Tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu.

iii) Perumpamaan *Mursalah*

Perumpamaan jenis ini tidak mengandungi kalimah *mathal* secara nyata dan maknanya juga tidak menunjukkan sebarang perumpamaan. Ia dianggap perumpamaan kerana penggunaannya yang meluas disebabkan ungkapannya yang ringkas, maknanya yang padat serta kandungannya yang menjadi asas akhlak atau agama (al-Fayyad, 1995). al-Saghir (1992) memberi contoh perumpamaan jenis ini iaitu ungkapan yang bermaksud:

> Apa-apa yang kamu tanam, kamu akan menuainya.

Ia bersesuaian dengan firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa', ayat 123 yang bermaksud:

> Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu.

3) Keunikan Perumpamaan dalam al-Quran

Perumpamaan dalam al-Quran mengandungi pelbagai keunikan yang tersendiri sehingga dapat merawat penyakit rohani yang dideritai oleh kebanyakan manusia. Al-Qattan (2000) telah mengenalpasti keunikan tersebut. Antaranya adalah seperti berikut:

i) Ia memperjelaskan perkara *'aqli* (perkara yang digambarkan dalam pemikiran akal) dalam bentuk *hissi* (yang dapat dirasai oleh pancaindera). Ianya lebih memudahkan pemahaman manusia.
ii) Ia mendedahkan sesuatu yang ghaib (tidak nyata) dalam bentuk yang nyata dan realistik.
iii) Ia menghimpunkan makna dan maksud yang menarik dalam ungkapan yang ringkas.
iv) Ia mendidik jiwa manusia agar mudah menyukai suatu sifat yang baik.
v) Ia mendidik jiwa manusia agar mudah membenci suatu sifat yang keji.

GALAKAN BERAKHLAK BAIK DALAM PERUMPAMAAN AL-QURAN

Kitab suci al-Quran diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada umat manusia untuk membimbing mereka agar

sentiasa berada pada jalan yang diredhai oleh Allah S.W.T. Ia mengandungi perumpamaan yang berperanan menggalakkan manusia untuk sentiasa berakhlak mulia. Antara ayat al-Quran yang memuatkan perumpamaan tersebut adalah seperti berikut:

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 265 yang bermaksud:

> Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.

Ayat di atas menggalakkan manusia supaya bersifat ikhlas dalam bersedekah. Ia membicarakan tentang balasan pahala yang Allah S.W.T. sediakan kepada mereka yang bersedekah dengan niat yang benar-benar ikhlas keranaNya. Allah S.W.T. menyatakan bahawa golongan ini mempunyai dua tujuan dalam membelanjakan harta mereka pada jalanNya. Tujuan pertama ialah untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat pujian manusia. Manakala tujuan kedua pula ialah untuk mendapat keteguhan jiwa. Ertinya, perbelanjaan yang mereka keluarkan adalah untuk mendidik jiwa mereka agar mendapat ketenangan, memaafkan kesalahan orang lain serta mempunyai kesabaran dan keimanan yang kuat dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan agama. Hal ini kerana orang yang ikhlas berbelanja di jalan Allah S.W.T. ialah mereka yang telah berjaya menundukkan nafsu mereka yang selalu mendorong mereka ke arah mengaut harta kekayaan sebanyak mungkin. Mereka tidak mempunyai kesulitan untuk berakhlak dengan akhlak yang baik dan taat kepada segala perintah Allah S.W.T. (Shihab, 2002; Ibn ‘Asyur, 1984).

Rentetan itu, Allah S.W.T. mengumpamakan golongan yang ikhlas dalam bersedekah seperti kebun lebat yang terletak di tanah tinggi. Keberadaannya di tanah tinggi menjadikan pohon-pohon di kebun itu disiram oleh hujan lebat yang mencurah secara langsung dari langit. Ia menimpa daun, dahan dan selebihnya turun untuk diserap oleh akar pohon-pohon tersebut yang kuat mencengkam tanah. Manakala sisa air yang tidak diperlukan oleh pohon-pohon ini turun mengalir ke tanah rendah untuk digunakan oleh pohon-pohon lain yang tumbuh di situ. Sudah tentulah pohon-pohon ini menghasilkan buah yang dua kali ganda lebih berbanding pohon-pohon yang berada di tanah rendah. Bukan itu sahaja, pohon-pohon ini juga tidak memerlukan hujan yang lebat untuk pertumbuhannya. Malah, jika disiram oleh embun dan hujan gerimis sudah memadai untuk menyuburkannya. Demikianlah keadaan kebun itu. Ia mampu menghasilkan buah yang banyak sama ada air yang diterimanya sedikit atau banyak. Begitu jugalah keadaan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah dengan niat yang tulus ikhlas. Dia akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah S.W.T. sama ada sedikit atau banyak harta yang dibelanjakan (Shihab, 2002; al-Khazin, 1994; Tantawi, 2007).

Begitulah gambaran yang jelas sekali tentang balasan lumayan yang Allah S.W.T. sediakan kepada mereka yang ikhlas dalam bersedekah. Ia sudah tentu mampu menggerakkan hati manusia agar membelanjakan harta benda mereka semata-mata kerana Allah S.W.T. serta mengharapkan keredhaan dan pahala daripadaNya. Ia juga mampu menyedarkan manusia bahawa harta bukan milik mereka yang hakiki. Sebaliknya, ia adalah milik Allah S.W.T. Mereka hanya dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai perantara untuk menyampaikan bantuan Allah S.W.T. kepada hamba-Nya yang memerlukan.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Aali ‘Imran, ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya”.

Ayat di atas menggalakkan perpaduan di antara umat Islam dan melarang mereka daripada perpecahan. Ia berkisar tentang keadaan umat Islam pada zaman jahiliyah yang hidup dalam keadaan berpecah-belah

dan sering bergaduh antara satu sama lain. Rentetan itu, ayat ini dimulakan dengan perintah Allah S.W.T. kepada umat Islam agar mereka berpegang teguh dengan kitab, agama dan perintahNya. Mereka juga dilarang bertelingkah antara satu sama lain sepertimana keadaan mereka dulu sebelum Islam. Dengan itu, mereka akan menjadi kuat serta dapat mengalahkan musuh mereka (Tantawi, 2007; al-Zuhaili, 1997).

Seterusnya, Allah S.W.T. dalam ayat ini mengingatkan umat Islam kembali tentang nikmat terbesar yang telah diberikan kepada bangsa Arab iaitu nikmat persaudaraan sesama Islam, nikmat kesatuan setelah mereka berpecah belah serta nikmat saling mencintai setelah mereka saling bermusuhan dan berbunuhan (al-Zuhaili, 1997). Allah S.W.T. mengumpamakan keadaan mereka ketika mereka kafir dan saling bermusuhan antara satu sama lain seperti seseorang yang berada sangat hampir dengan neraka. Sepertimana neraka boleh membinasakan manusia, maka begitulah juga kekufuran dan perpecahan memusnahkan manusia. Justeru, Allah S.W.T. mengingatkan mereka bahawa Dia telah menyelamatkan mereka daripada terjatuh ke dalam neraka dengan memberi petunjuk kepada kebenaran melalui Rasulullah S.A.W. yang diutuskan olehNya sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam (Tantawi, 2007). Dalam pada itu, Ibn 'Asyur (1984) berpendapat bahawa Allah S.W.T. memilih neraka dalam perumpamaan ini kerana ia paling kuat dan paling cepat membinasakan sesuatu. Oleh itu, ia sangat sesuai digunakan bagi menggambarkan keadaan kebinasaan.

Di samping itu, Tantawi (2007) pula merumuskan bahawa ayat ini memberi gambaran yang sangat indah tentang hal keadaan orang Islam sebelum dan selepas mereka memeluk Islam. Sebelum memeluk Islam, mereka berada dalam kekufuran, perpecahan dan saling berbunuhan. Keadaan mereka ini diumpamakan oleh Allah S.W.T. seperti keadaan orang yang berada sangat dekat dengan neraka dan hampir-hampir jatuh ke dalamnya. Manakala selepas Islam, mereka berada dalam kebenaran, persaudaraan dan saling berkasih sayang antara satu sama lain kerana mendapat hidayah Allah S.W.T. melalui Rasulullah S.A.W. Dengan itu, mereka terlepas daripada kebinasaan. Keadaan Rasulullah S.A.W. ini diumpamakan oleh Allah S.W.T. seperti keadaan orang yang menyelamatkan orang lain daripada termasuk ke dalam api yang membara.

Oleh itu, jelas daripada perumpamaan di atas bahawa umat Islam haruslah sentiasa hidup bersatu-padu dan menghindari perpecahan antara mereka. Mereka haruslah berpegang teguh dengan agama Allah S.W.T., kitab-Nya, mentaati segala perintah dan meninggalkan segala laranganNya. Mereka juga harus sedar bahawa hanya dengan perpaduan mereka akan menjadi kuat. Sebaliknya, perpecahan akan mengundang kehancuran mereka. Justeru, mereka haruslah saling berkasih sayang dan hormat menghormati antara satu sama lain walaupun kadang kala berlaku perselisihan pendapat di antara mereka.

LARANGAN BERAKHLAK BURUK DALAM PERUMPAMAAN AL-QURAN

Sepertimana al-Quran mengandungi perumpamaan yang menggalakkan manusia berakhlak baik, ia juga mengandungi perumpamaan yang melarang mereka daripada berakhlak buruk. Perumpamaan ini sangat perlu diambil iktibar oleh mereka dalam usaha menjadikan diri mereka sebagai manusia yang berakhlak mulia. Antara ayat al-Quran yang memuatkan perumpamaan tersebut ialah firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 266 yang bermaksud:

> Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan anggur, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, ia juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan yang membawa api sehingga terbakarlah ia? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).

Ayat ini mengandungi perumpamaan yang menggambarkan tentang balasan buruk yang disediakan oleh Allah s.w.t. kepada mereka yang bersedekah dan mengiringinya dengan perbuatan riyak, ungkit- mengungkit dan menyakiti penerima sedekah. Allah s.w.t. mengumpamakan keadaan golongan ini seperti keadaan seorang tukang kebun yang memiliki kebun kurma dan anggur yang sangat subur dan cantik. Di samping itu, ditanam juga berbagai macam buahan yang lain. Bukan itu sahaja, dalam kebun itu juga terdapat sungai yang mengalir (Hamka, 1983, al-Khazin, 1994, Tantawi, 2007).

Seterusnya, kebun itu disifatkan sebagai satu-satunya milik seorang ayah ketika badannya masih kuat. Namun, si ayah sudah mulai tua dan dia mempunyai anak dan cucu yang ramai serta masih kecil dan lemah. Kebun itulah satu-satunya yang diharapkan oleh orang tua itu untuk menjadi sumber rezeki dia dan anak

cucunya yang di bawah tanggungannya. Jadi, dia sangat memerlukan kebun itu kerana dia tidak dapat mencari sumber pendapatan selainnya lantaran usianya yang sudah tua. Sekiranya tiada kebun itu atau tidak memberi hasil yang memuaskan, maka akan sengsaralah hidupnya dan anak cucunya (Hamka, 1983, al-Khazin, 1994, Tantawi, 2007).

Selanjutnya, ketika segala pengharapan, baik oleh si tua atau anak cucunya sangat bergantung kepada kebun tersebut, tiba-tiba datanglah angin puting beliung yang membawa api. Api itu membakar seluruh kebun tersebut. Maka musnahlah segala harapan si tua dan anak cucunya untuk menjadikan kebun tersebut sebagai punca rezeki mereka (Hamka, 1983, al-Khazin, 1994, Tantawi, 2007).

Maka demikianlah hal keadaan orang yang riyak, mengungkit-ungkit dan menyakiti penerima sedekah. Dia membuat amal kebajikan di dunia ini iaitu memberi sedekah. Justeru, dia amat mengharapkan ganjaran daripada sedekah yang pernah disumbangkan itu di dunia. Hal ini kerana dia menghadapi situasi yang sangat sulit di akhirat yang memerlukannya kepada pahala untuk menyelamatkannya daripada api neraka. Namun, ternyata dia tidak memperolehi apa-apa ganjaran kerana sedekahnya hancur musnah akibat sifatnya yang buruk itu seperti hancur dan musnah kebun yang subur tadi dibakar api (Hamka, 1983, al-Khazin, 1994, Tantawi, 2007).

Daripada penelitian ke atas ketiga-tiga ayat perumpamaan yang dibincangkan di atas, kita dapati kesemuanya memberi gambaran yang jelas, realistik serta dapat diterima oleh akal dan pancaindera manusia. Analogi yang terdapat dalam ketiga-tiga ayat ini membabitkan benda hidup iaitu manusia serta tumbuhan dan juga benda bukan hidup iaitu hujan, api serta angin. Ia ditonjolkan dalam bentuk yang begitu indah sehingga mampu menarik minda dan jiwa sesiapa yang mendengar atau membacanya. Justeru, sudah tentu ia memainkan peranan yang amat besar dalam pembentukan akhlak yang mulia dalam diri manusia.

KESIMPULAN

Ayat al-Quran mengandungi banyak perumpamaan yang berperanan membentuk manusia yang berakhlak mulia. Ia memberi motivasi kepada manusia untuk mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan mereka dengan membawa perumpamaan yang menggambarkan ganjaran yang berlipat ganda diberikan kepada mereka. Dalam ayat pertama Allah S.W.T. mengumpamakan balasan pahala yang akan diberikan kepada mereka yang ikhlas membelanjakan harta mereka pada jalan-Nya seperti kebun yang berada di tempat tinggi dan mendapat hujan yang lebat. Natijahnya, kebun ini dapat mengeluarkan hasil dua kali ganda lebih banyak daripada kebun yang lain. Dalam pada itu, kebun ini tetap juga dapat mengeluarkan hasil yang banyak walaupun mendapat hujan yang renyai-renyai.

Di samping itu, perumpamaan al-Quran juga menggalakkan manusia berakhlak mulia dengan memberi gambaran tentang manusia yang terselamat daripada bahaya. Dalam ayat kedua, Allah S.W.T. mendatangkan perumpamaan berkenaan orang Arab yang hidup berbaik-baik di antara mereka setelah mereka hidup saling bermusuhan sebelum kedatangan Islam. Keadaan mereka sama seperti keadaan seorang yang berada sangat hampir dengan neraka, lalu diselamatkan oleh seseorang daripada terjatuh ke dalamnya.

Selain itu, dalam memainkan peranannya membentuk akhlak yang mulia dalam diri manusia, perumpamaan al-Quran juga melarang manusia daripada berakhlak buruk. Untuk itu, Allah S.W.T. mendatangkan perumpamaan yang mengandungi ancaman kepada mereka yang berakhlak buruk. Dalam ayat ketiga, Allah S.W.T. melarang orang beriman daripada bersikap mengungkit-ungkit tentang sedekah yang dikeluarkan oleh mereka serta menyakiti hati penerima sedekah tersebut. Ia akan menyebabkan pahala sedekah itu terbatal dan tidak dapat menolong mereka di saat mereka amat memerlukan kepada pahala tersebut di akhirat nanti. Allah S.W.T. menggambarkan keadaan mereka seperti seorang lelaki tua yang mempunyai sebuah kebun yang subur tetapi musnah akibat angin kencang dan api. Pada masa yang sama, dia juga terpaksa menanggung ramai anak cucu yang masih kecil. Maka punahlah harapan lelaki itu dan anak cucunya untuk menjadikan kebun itu sebagai sumber rezeki mereka.

Sebagai kesimpulan, dapat kita perhatikan bahawa perumpamaan al-Quran mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dalam mendidik peribadi manusia agar menjadi manusia yang berakhlak mulia. Ia memainkan peranan yang penting dalam memotivasikan manusia untuk menghiasi diri mereka dengan sifat-sifat terpuji dan meninggalkan sifat-sifat terkeji. Perumpamaan ini amat mudah difahami dan dihayati kerana ia digambarkan dengan suatu keadaan yang sangat jelas dan hampir dengan kehidupan manusia. Oleh itu, kita perlulah meneliti dan mengambil iktibar daripada perumpamaan ini dalam usaha menjadikan diri kita sebagai hamba yang diredhai oleh Allah S.W.T.

NOTA: Sumber rujukan bagi kesemua terjemahan ayat al-Quran dalam artikel ini ialah Basmeih, Abdullah Muhammad. (2000). *Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Quran.* Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.

RUJUKAN

Al-Fayyad, Muhammad Jabir. (1995). *Al-Amthal fi al-Quran al-Karim.* Riyadh: Al-Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.

Al-Khazin, 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim. (1994). Lubab al-Takwil fi Ma'ani al-Tanzil (Tafsir al-Khazin). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qattan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran.* Al-Riyadh : Maktabah al-Ma'arif.

Al-Saghir, Muhammad Husayn 'Ali. (1992). *Al-Surah al-Fanniyyah fi al-Mathal al-Quraniy.* Beirut: Dar al-Hadi.

Al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. (1996). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran.* Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud bin Umar. (1995). *Al-Kasysyaf 'an Haqaiq Ghawamidh al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Takwil.* Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Al- Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah. (1957). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran.* Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj.* Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Anis, Ibrahim; Abdul Halim Muntasir; al-Sowalihi, 'Atiyyah & Muhammad Khalfullah Ahmad. (t.t.). *al-Mu'jam al-Wasit*. T.T.P : T.P.

Basmeih, Abdullah Muhammad. (2000). *Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Quran.* Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.

Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar.* Jakarta: Pustaka Panjimas.

Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir.* Tunisia: Al-Dar al-Tunisiyyah.

Ibn Manzur. (1995). *Lisan al-'Arab.*Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Muhammad Bakr Ismail. (1986). *Al-Amthal al-Quraniyyah: Dirasah Tahliliyyah.* Kaherah: Matba'ah al-Amanah.

Shihab, Muhammad Quraish. (2002). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran.* Jakarta: Lentera Hati.

Tantawi, Muhammad Sayyid. (2007). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim.* Kaherah: Dar al-Sa'adah.

TEMA:

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA, SAS-TERA DAN BUDAYA

PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN UNTUK URUSAN HARIAN DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Amirul Mukminin Mohamad
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
mieroll@ukm.edu.my

Azlan Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
az_ahmad@ukm.edu.my

Noorhazila Mohd Hamid
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
hazilahamid@ukm.edu.my

Sofia Ayup
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
sofia@ukm.edu.my

Zuraini Mohaidin
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
ammani@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi dalam urusan harian, yang melibatkan komunikasi bersama orang sekeliling seperti keluarga dan rakan serta komunikasi dalam urusan di tempat awam. Kajian tinjauan ini melibatkan 258 orang pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat prasiswazah. Data kajian dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif secara peratusan untuk mengetahui nilai kekerapan bagi setiap situasi penggunaan Bahasa Kebangsaan. Skala likert lima mata bagi nilai kekerapan tersebut ditandai dengan Setiap Masa, Kerap, Kadang-Kadang, Jarang dan Tidak Pernah. Kutipan data dilakukan menggunakan borang soal-selidik dalam talian melalui aplikasi Google Form. Analisis peratusan mencatatkan nilai bawah 70% bagi skala kekerapan 'Setiap Masa' dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan ketika bersama kawan-kawan (64.4%), ketika berjumpa orang baharu atau yang tidak dikenali (55.2%), ketika urusan membeli-belah di pusat beli belah (58.7%) dan ketika berbual bersama rakan-rakan sekuliah (66.5%). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam komunikasi dan urusan harian pelajar Melayu di IPTA turut dikuasai oleh Bahasa Inggeris dalam beberapa perkara tertentu, selain daripada Bahasa Kebangsaan. Dapatan kajian ini diharap mampu menyumbang kepada perancangan program, kursus dan langkah bersesuaian untuk membudayakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Kata kunci: Bahasa Kebangsaan, Pelajar Melayu, Komunikasi, Urusan Harian

PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu di universiti merupakan lanjutan daripada peggunaan pada peringkat sekolah rendah dan menengah sehingga sekitar tahun 1980-an. Meninjau sebelum tahun 1970-an, semua kursus di kolej dan universiti kecuali kursus di Jabatan bahasa Melayu dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Perubahan secara beransur-ansur dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai pengantar kursus pada peringkat

kolej dan universiti pada tahun 1970-an dan pada awal 1980-an merupakan sebahagian daripada dasar kerajaan untuk membentuk negara Malaysia yang bersatu padu. Melalui Akta Pelajaran 1961 yang diluluskan, kerajaan menukar bahasa pengantar darjah satu sekolah aliran Inggeris kepada bahasa Melayu manakala pada peringkat institusi pengajian tinggi, perubahan ini melibatkan perubahan bahasa pengantar di universiti dan kolej (Zaitul Azma, 2010)

Apabila bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar sepenuhnya di universiti dan semua pengajian jurusan sastera pada tahun 1983 hingga 1991, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam bidang pendidikan baik pada peringkat sekolah rendah, menengah, maktab dan universiti dapat dilaksanakan dengan lancar. Dalam tahun 1996 beberapa Akta Pendidikan negara seperti Akta IPTS 1996 telah diluluskan oleh Parlimen dan masih berkuat kuasa hingga kini. Akta pendidikan ini bertujuan memantapkan sistem pendidikan negara khususnya pada peringkat pendidikan tinggi. Semua perkembangan ini telah membawa perubahan yang besar terhadap bahasa Melayu di Malaysia.

Nilai bahasa Melayu menjadi tinggi kerana kebanyakan peluang pekerjaan di sektor awam mewajibkan pemohonnya lulus sekurang-kurangnya dengan kredit bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (Ainun Rahmah et al., 2017). Semua urusan dengan agensi kerajaan perlu menggunakan bahasa Melayu. Generasi muda daripada pelbagai keturunan berusaha untuk belajar dan menggunakan bahasa Melayu dengan sebaiknya. Pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) daripada pelbagai disiplin ilmu juga mempelajari dan cuba menguasai bahasa Melayu dan menterjemahkan bahan-bahan pengajaran daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Sebagai usaha jangka panjang, negara perlu memajukan bahasa kebangsaan dengan menjadikan bahasa sebagai agenda utama bagi pembangunan negara sama ada dalam sains,teknologi.pertanian dan pembangunan prsasarana. Masyarakat Malaysia yang multietnik terbahagi mengikut ideologi, kepercayaan, agama dan bahasa. Dalam konteks ini, pelajar di institusi pengajian tinggi yang bakal menggalas peranan pemimpin masa hadapan yang lahir dan menggunakan bahasa Melayu perlulah memenuhi tanggungjawab untuk menyemarakkan kembali penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan sebaik mungkin.

PERMASALAHAN KAJIAN

Lahir dan membesar sebagai seorang warganegara, seorang pelajar yang melalui proses pembelajaran bahasa Melayu sejak dari sekolah hingga peringkat universiti seharusnya lebih cakna dalam menggunakannya dengan bangga. Walaupun bahasa Melayu sudah dipelajari dan digunakan sejak sekian lama, namun permasalahan penggunaannya masih tetap berlaku, khususnya dalam kalangan pelajar.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar masih terdapat kelemahan. Ketidakfasihan dan penguasaan kosa kata yang terhad menjadikan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang lisan menjadi terbatas. Hal ini dapat dilihat dalam situasi harian yang berlaku di dalam bilik kuliah. Menurut Chew Fong Peng (2016), murid-murid Cina di SJKC dan SK mempunyai masalah sebutan kerana kurang membaca buku atau bahan bacaan bahasa Melayu disebabkan oleh faktor kebudayaan, pengaruh rakan dan keluarga

Dalam aspek lisan pula, terdapat kelemahan penggunaan bahasa Melayu terutama semasa pelajar membentangkan tugasan di dalam kelas. Kelemahan yang biasa berlaku seperti percampuran kod bahasa (penggunaan bahasa rojak), penggunaan kata sapaan dan rujukan hormat, pemilihan kata yang sesuai dan slanga. Menurut artikel tentang sekolah rendah menyatakan masalah penguasaan bahasa Melayu tidak hanya berlaku dalam kalangan masyarakat bukan Melayu, tetapi dalam masyarakat Melayu itu sendiri baik dalam pertuturan mahupun penulisan. Artikel Tentang Sekolah Rendah (2016), turut menyatakan bahawa pelajar-pelajar Melayu beranggapan bahawa mereka tidak perlu mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda mereka, bahkan boleh dikatakan semua orang Melayu telah menggunakan bahasa Melayu sejak kecil, mengikut pertuturan masyarakat sekeliling. Pembelajaran bahasa Melayu tidak dititikberat kerana masyarakat Melayu beranggapan mereka sudah menguasai kemahiran menggunakan bahasa Malaysia memandangkan mereka boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu. Sebenarnya orang Melayu perlu sedar bahawa anggapan sedemikian adalah tidak benar. Bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka dalam pertuturan harian bukanlah sama dengan struktur bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa ilmu dalam situasi formal. Keadaan ini berbeza sama sekali.

Kelemahan-kelemahan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan

pelajar universiti masih perlu dipertingkatkan bagi memantapkan penggunaan yang bahasa Melayu yang baik dan betul pada masa akan datang. Oleh yang demikian, satu kajian rintis telah dilakukan terhadap pelajar dengan memfokuskan kepada pelajar berbangsa Melayu sahaja untuk melihat aspek penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam situasi harian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

i. meninjau kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi dalam situasi komunikasi bersama orang sekeliling seperti keluarga dan kawan-kawan,
ii. mengkaji kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi semasa dalam urusan di tempat awam
iii. meneliti kecenderungan penggunaan bahasa lain untuk tujuan komunikasi harian oleh pelajar selain Bahasa Kebangsaan

PERSOALAN KAJIAN

PK1 : Bagaimanakah tahap kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu dalam situasi komunikasi bersama keluarga dan kawan-kawan?
PK2 : Bagaimanakah tahap kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu semasa berkomunikasi dalam urusan di tempat awam?
PK3 : Apakah kecenderungan bahasa lain yang digunakan dalam komunikasi pelajar selain Bahasa Kebangsaan?

KAJIAN LITERATUR

Sikap terhadap bahasa kebangsaan

Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar pendidikan. Dalam konteks keseluruhannya, penggunaan bahasa Melayu sepatutnya tidak boleh diganggu lantas menjadi medium penting dalam mewujudkan keharmonian dan mengukuhkan perpaduan masyarakat di Malaysia (Norayu Basir, 2012). Di sini, fungsi bahasa bukan hanya menjadi alat komunikasi dan interaksi antara penuturnya sahaja, malah membentuk jati diri, integrasi dan maruah masyarakat penuturnya selain mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi adab susilanya (Rozita Che Rodi & Hashim Musa, 2014).

Walau bagaimanapun, fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan boleh tergugat dengan pengaruh bahasa lain terhadap masyarakat. Ammar Asuraf dan Sa'adiah (2020) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat terdapat pelajar yang bersikap negatif terhadap bahasa Melayu.. Golongan yang menunjukkan sikap negatif terhadap bahasa Melayu adalah dalam kalangan atau golongan ahli keluarga elit dan menganggap bahasa Melayu tiada nilai prestij yang tinggi berbanding bahasa Inggeris. Namun, jumlahnya adalah sedikit berbanding jumlah pelajar yang bersikap positif. Terdapat juga sebilangan pelajar yang mempamer sikap bahasa yang positif terhadap bahasa Melayu. Sikap bahasa yang positif ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mendapat semakin tempat dan kedudukan yang tinggi dalam kalangan pelajar bangsa Melayu di Singapura. Walaupun mereka diwajibkan mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan, namun mereka masih tetap fasih dan mahu menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Para pelajar Melayu Singapura ini dilihat masih mengekalkan bahasa Melayu serta memiliki sikap yang prihatin dan positif dalam diri mereka.

Masyarakat dan bahasa rojak

Apabila penguasaan tatabahasa bahasa Melayu semakin lemah dalam kalangan masyarakat, dengan sendirinya jati diri masyarakat juga semakin berkurangan dan usaha pembinaan negara bangsa Malaysia akan turut terjejas. Masyarakat Malaysia perlulah komited dalam menggembleng tenaga untuk memastikan kelangsungan bahasa Melayu yang tinggi dan bermutu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi. Mohd Syuhaidi dan

Aliffluqman (2018) menyatakan bahawa aliran pertuturan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dikatakan merupakan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu dan penggunaan bahasa kebangsaan.

Dalam keghairahan mereka menggunakan *Facebook*, mereka sering menggunakan percampuran bahasa atau bahasa rojak dalam kehidupan harian mereka. Hal ini menunjukkan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu di laman sosial dan sekaligus membuktikan bahawa masalah bahasa rojak di laman sosial perlu dilihat dengan lebih serius agar bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan kepada kedudukan yang sepatutnya. Di sebalik penekanan terhadap bahasa Inggeris, bahasa Melayu mempunyai peranan yang amat penting dalam konteks abad ke-21. Sikap yang lebih praktikal dan lebih sihat ialah pendirian menang-menang, yang membawa erti mendaulatkan bahasa kebangsaan tetapi tidak mengabaikan bahasa Inggeris (Nik Safiah Karim, 2002).

UKM dan pemartabatan bahasa kebangsaan

Dalam konteks di institusi pengajian tinggi, Fariza Md. Sham (2018) mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu masih belum dilaksanakan sepenuhnya dalam urusan rasmi dan komunikasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pengurusan dan pentadbiran turut terkesan kerana tiada satu garis panduan secara khusus berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di UKM.

Sebagai universiti awam yang mengumpulkan sarjana dan ilmuan, perkembangan ilmu dalam bahasa Melayu lebih cepat dikembangkan sekiranya penggunaan bahasa Melayu dapat dibudayakan oleh para ilmuan dalam penerbitan ilmiah dan pengajaran serta pembelajaran. Situasi ini akan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam konteks penyebaran ilmu (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2015). Penggunaan bahasa Melayu di UKM dalam pengurusan dan pentadbiran menyokong UKM untuk memartabatkan bahasa Melayu dan juga sebagai bahasa ilmu. Malah ia juga boleh menjadi satu mekanisma untuk perpaduan dan semangat kekitaan (Siti Nor Azhani et al., 2014).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai teknik pengumpulan data. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar–pelajar di IPTA (Universiti Kebangsaan Malaysia). Bilangan sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah seramai 258 orang pelajar Melayu prasiswazah yang dipilih secara rawak melalui persampelan mudah. Para pelajar ini mengikuti bidang pengajian berbeza di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan instruman borang soal selidik. Instrumen soal selidik dipilih untuk mendapatkan maklumat dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala, 2017).

Pengedaran borang soal selidik dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form*. Tinjaun berasaskan web dipilih kerana penggunaannya adalah sangat popular dalam penyelidikan masa ini. Di samping itu, pengedaran borang boleh dilakukan secara maya hanya menggunakan pautan yang tersedia dan mampu mencapai jumlah respondan yang maksimum dengan cepat dan mudah (Raja, 2018).

Pemilihan responden melibatkan pelajar-pelajar Melayu yang sedang mengikuti kursus-kursus elektif di Pusat Pengajian Citra UKM dalam Semester II bagi sesi 2019/2020. Aplikasi permesejan *Whatsapp* serta *Telegram* telah dipilih sebagai medium perantara yang bertindak sebagai platform hebahan mengenai tujuan dan matlamat kajian ini dilaksanakan. *Group whatsapp* serta *Telegram* telah ditubuhkan oleh guru-guru Bahasa dan akan dikategorikan sebagai set-set soal selidik. Set-set ini akan diselia sepenuhnya oleh para guru di mana guru akan bertanggungjawab sebagai pentadbir kepada kumpulan dan perlu membawa masuk pelajar masing-masing ke dalam kumpulan supaya pautan *Google Form* dapat dikongsi dan diedarkan kepada responden mengikut sasaran yang telah digariskan.

Soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada 4 bahagian, iaitu Bahagaian A (maklumat diri pelajar) yang mempunyai 6 soalan, Bahagian B (Bahasa Melayu dalam urusan harian) yang merangkumi 12 soalan,

Bahagian C (Bahasa Melayu dalam urusan rasmi) yang mengandungi 10 soalan, dan bahagian D (Bahasa Melayu dalam kegemaran) yang mempunyai 8 soalan. Walaupun begitu, hanya Bahagian A dan Bahagian B sahaja yang akan difokuskan dan dibincangkan dalam kajian kali ini. Skala Likert lima mata digunakan bagi menunjukkan tahap kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Melayu. Skala Likert itu diperincikan sebagai 1 = Tidak pernah, 2 = Jarang, 3 = Kadang-kadang , 4 = Kerap dan 5 = Setiap masa.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan dan membincangkan dapatan kajian yang berfokus kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Melayu di UKM ketika berkomunikasi dalam situasi harian.

JADUAL 1: Dapatan Demografi Peserta Kajian

PROFILE	KETERANGAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Jantina	Lelaki	61	23.8
	Perempuan	197	76.2
Umur	19-20	56	21.7
	21-22	161	62.3
	23-23	36	14.2
	25 ke atas	5	1.8
Fakulti	Fakulti Ekonomi & Pengurusan	45	17.4
	Fakulti Pengajian Islam	51	20.3
	Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan	82	31.6
	Kampus KL (FGG, FFAR, FSK, FPER)	2	1.1
	Fakulti Pendidikan	15	5.7
	Fakulti Undang-Undang	1	0.4
	Fakulti Kejuruteraan	3	1.1
	Pusat Pengajian Citra	27	10
	Fakulti Teknologi & Sains Maklumat	2	0.7
	Fakulti Sains Teknologi	30	11.7
Jumlah		258	100%

Berdasarkan dapatan demografi dalam Jadual 1 di atas, seramai 197 pelajar perempuan dan 61 pelajar lelaki daripada jumlah keseluruhan 258 responden terlibat dalam menjawab soal-selidik. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 161 orang daripada mereka berada dalam lingkungan umur 21 hingga 22 tahun, manakala hanya 5 orang responden sahaja yang mencapai usia 25 tahun dan ke atas. Taburan data fakulti menunjukkan bahawa 258 responden kajian ini daripada fakulti serta bidang pengajian yang pelbagai, dan bukan hanya tertumpu kepada satu bidang atau fakulti sahaja. Nilai tertinggi dicatatkan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dengan 82 orang responden, diikuti oleh Fakulti Pengajian Islam (FPI) dengan 51 orang. Nilai terendah dicatatkan oleh Fakulti Undang-Undang (FUU) dengan hanya seorang sahaja responden.

Objektif I – Meninjau Kekerapan Penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh Pelajar Melayu di Institusi

Pengajian Tinggi dalam Situasi Komunikasi bersama Orang Sekeliling seperti Keluarga dan Kawan-Kawan

JADUAL 2(a): Peratusan kekerapan penggunaan bahasa kebangsaan bersama orang sekeliling

ITEM	KENYATAAN	SETIAP MASA	KERAP	KADANG-KADANG	JARANG	TIDAK PERNAH
P1	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Ibu Bapa	214 82.9%	25 9.6%	10 3.9%	9 3.6%	0 0
P2	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Adik Beradik atau Saudara-Mara	200 77.5%	33 12.9%	18 6.8%	7 2.8%	0 0
P3	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Kawan-Kawan	166 64.4%	70 27.1%	20 7.8%	2 0.7%	0 0
P4	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berjumpa Orang Baharu atau yang Tidak Dikenali	142 55.2%	84 32.5%	28 10.7%	4 1.6%	0 0
P5	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Bertemu Jiran Tetangga	210 81.4%	41 15.8%	4 1.4%	4 1.4%	2 0.7%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK1 : Bagaimanakah tahap kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu dalam situasi komunikasi bersama keluarga dan kawan-kawan?

Berdasarkan Jadual 2(a), peratusan tinggi 80% dan ke atas bagi kekerapan berbahasa kebangsaan pada setiap masa dicatatkan pada item P1 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Ibu Bapa* dengan 82.9% atau 214 orang, dan item P5 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika bertemu Jiran Tetangga* dengan 81.4% atau 210 orang. Skor peratusan terendah bagi skala tersebut dicatatkan oleh item P4 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika berjumpa Orang Baharu atau yang Tidak Dikenali* dengan 55.2% atau 142 orang responden sahaja. Jadual tersebut juga mencatatkan nilai peratusan bagi skala 'Kadang-Kadang' dan 'Jarang' bagi kesemua item. Skor peratusan tertinggi bagi kekerapan kadang-kadang turut dicatatkan pada item P4 dengan nilai 10.7% atau 28 orang responden, manakala 1.4% atau 4 orang bagi kekerapan jarang menggunakan Bahasa Kebangsaan untuk item yang sama. Nilai peratusan tertinggi bagi kekerapan jarang menggunakan Bahasa Kebangsaan dicatatkan oleh item P1 dengan 3.6% atau 9 orang responden. Skor bagi kekerapan tidak pernah menggunakan bahasa kebangsaan dicatatkan oleh item P5 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika Bertemu Jiran Tetangga* dengan 0.7% atau 2 orang responden.

Objektif II – Mengkaji Kekerapan Penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh Pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi semasa dalam Urusan di Tempat Awam

JADUAL 2(b): Peratusan kekerapan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam

ITEM	KENYATAAN	SETIAP MASA	KERAP	KADANG-KADANG	JARANG	TIDAK PERNAH
P6	Penggunaan Bahasa Melayu dalam Urusan Membeli-Belah di Pasar Raya Atau Pusat Beli-Belah	151 58.7%	87 33.5%	18 7.1%	2 0.7%	0 0
P7	Penggunaan Bahasa Melayu di Kedai atau Pasar Malam	207 80.4%	48 18.5%	3 1.1%	0 0	0 0

P8	Penggunaan Bahasa Melayu di Klinik atau ketika Berjumpa Doktor	181 70.4%	61 23.5%	15 5.7%	1 0.4%	0 0
P9	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berbual dengan Rakan Sekuliah di Kampus	172 66.5%	74 28.5%	11 4.6%	1 0.4%	0 0
P10	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berbual bersama Kakitangan UKM di Lokasi Universiti	202 78.6%	51 19.6%	2 0.7%	3 1.1%	0 0

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK2 : Bagaimanakah tahap kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh pelajar Melayu semasa berkomunikasi dalam urusan di tempat awam?

Berdasarkan Jadual 2(b), peratusan tinggi 80% dan ke atas bagi kekerapan berbahasa Kebangsaan pada setiap masa dicatatkan pada item P7 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu di Kedai atau Pasar Malam* dengan 80.4% atau 207 responden. Nilai peratusan kedua tertinggi dicatat oleh item P10 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berbual bersama Kakitangan UKM di Lokasi Universiti* dengan 78.6% atau 202 responden. Skor peratusan terendah bagi kekerapan ini dicatatkan oleh item P6 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu dalam Urusan Membeli-Belah di Pasar Raya atau Pusat Beli-Belah* dengan 58.7% atau 151 orang responden sahaja.

Jadual tersebut juga mencatatkan nilai peratusan bagi skala 'Kadang-Kadang' dan 'Jarang' bagi beberapa item, namun tiada catatan skor bagi kekerapan tidak pernah menggunakan Bahasa Kebangsaan. Skor peratusan tertinggi bagi kekerapan kadang-kadang dicatatkan pada item P6 dengan nilai 7.1% atau 18 orang responden, manakala 0.7% atau 2 orang bagi kekerapan jarang menggunakan Bahasa Kebangsaan untuk item yang sama. Nilai peratusan tertinggi bagi kekerapan jarang menggunakan Bahasa Kebangsaan dicatatkan oleh item P10 dengan 1.1% atau 3 orang responden.

Objektif III – Meneliti Kecenderungan Penggunaan Bahasa Lain untuk Tujuan Komunikasi Harian oleh Pelajar selain Bahasa Kebangsaan

JADUAL 2(c): Kecenderungan penggunaan bahasa lain selain bahasa kebangsaan

ITEM	KENYATAAN	KECENDERUNGAN BAHASA LAIN
P1	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Ibu Bapa	Bahasa Inggeris 13.2% - 34 orang
P2	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Adik Beradik atau Saudara-Mara	Bahasa Inggeris 14.7% - 38 orang
P3	Penggunaan Bahasa Melayu ketika bersama Kawan-Kawan	Bahasa Inggeris 24% - 62 orang
P4	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berjumpa Orang Baharu atau yang Tidak Dikenali	Bahasa Inggeris 31.7% - 82 orang
P5	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Bertemu Jiran Tetangga	Bahasa Inggeris 11.6%- 30 orang
P6	Penggunaan Bahasa Melayu dalam Urusan Membeli-Belah di Pasar Raya atau Pusat Beli-Belah	Bahasa Inggeris 26% - 67 orang
P7	Penggunaan Bahasa Melayu di Kedai atau Pasar Malam	Bahasa Inggeris 12% - 31 orang
P8	Penggunaan Bahasa Melayu di Klinik atau Ketika Berjumpa Doktor	Bahasa Inggeris 18.2% - 47 orang

P9	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berbual dengan Rakan Sekuliah di Kampus	Bahasa Inggeris 21.7% - 56 orang
P10	Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berbual bersama Kakitangan UKM di Lokasi Universiti	Bahasa Inggers 13.6% - 35 orang

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK3 : Apakah kecenderungan bahasa lain yang digunakan dalam komunikasi pelajar selain Bahasa Kebangsaan?

Dalam borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada pelajar, mereka dikehendaki untuk menyatakan kecenderungan penggunaan bahasa selain Bahasa Kebangsan yang digunakan dalam semua pernyataan, jika mereka memilih skala kekerapan selain daripada 'Setiap Masa'. Berdasarkan jadual 2(c), nilai peratusan tertinggi bagi penggunaan Bahasa Inggeris dalam komunikasi harian pelajar Melayu ialah pada item 4 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika Berjumpa Orang Baharu atau Tidak Dikenali* dengan 82 orang atau 31.7%. Item P6 mencatatkan nilai kedua tertinggi penggunaan Bahasa Inggeris sebagai kecenderungan alternatif dengan 67 orang atau 26%. Nilai peratusan terendah dicatatkan oleh P5 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu ketika Bertemu Jiran Tetangga* dan P6 iaitu *Penggunaan Bahasa Melayu di Kedai atau Pasar Malam* dengan masing-masing 30 orang atau 11.6% dan 31 orang atau 12%.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian yang telah dibentangkan pada bahagian sebelum ini telah menyatakan beberapa gagasan penting iaitu, pertama, penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam komunikasi harian responden bersama keluarga dan rakan adalah tinggi dalam situasi bersama ibu bapa dan jiran tetangga. Tinggal dan membesar dalam suasana keluarga dan masyarakat Melayu, kebanyakan responden memiliki Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Ibu bapa sebagai sumber pemerolehan bahasa, dan mereka dikelilingi jiran tetangga berbangsa Melayu yang menjadikan mereka selesa bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

Gagasan kedua, kekerapan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam situasi komunikasi bersama orang baharu atau tidak dikenali adalah kurang berbanding situasi yang lain. Berdasarkan maklum balas secara tidak langsung, beberapa responden menyatakan mereka tidak menggunakan bahasa kebangsaan secara sepenuhnya ketika berkomunikasi dengan individu di luar kerana kewujudan variasi bahasa pasar serta kepelbagai masyarakat di luar yang berbeza kaum dan bahasa ibunda menyebabkan campur aduk antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris serta bahasa pasar adalah perkara biasa.

Gagasan ketiga, penggunaan Bahasa Kebangsaan di kedai dan pasar malam adalah paling tinggi berbanding situasi tempat awam lain. Situasi yang memperlihatkan kebanyakan peniaga pasar malam berbangsa Melayu serta peniaga kedai yang bertutur dalam bahasa Melayu menjadikan penggunaan Bahasa Kebangsaan di lokasi-lokasi ini adalah pada tahap tinggi. Gagasan keempat, penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam komunikasi di pusat membeli-belah adalah yang paling rendah peratusan berbanding lokasi lain. Berbeza dengan pasar malam dan kedai runcit biasa yang dinaungi oleh peniaga Melayu, pekerja dan kakitangan di pusat membeli-belah terdiri daripada individu berbeza kaum dan bahasa ibunda. Dalam konteks ini, responden merasakan penggunaan bahasa alternatif ialah keperluan untuk memudahkan urusan jual beli.

Gagasan kelima, bahasa Inggeris ialah bahasa alternatif yang menjadi pilihan responden yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan. Dalam hal ini, responden yang memilih skala 'Kerap', 'Kadang-Kadang', 'Jarang' atau 'Tidak Pernah' memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa alternatif. Ada juga yang menyatakan bahasa lain seperti dialek utara dan dialek Pantai Timur, namun kedua-duanya ialah variasi daripada bahasa Melayu dan tidak dianggap sebagai bahasa asing.

Tuntasnya, penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia bukanlah di tahap yang membimbangkan memandangkan nilai 70% dan ke atas berjaya dicatatkan pada skala kekerapan 'Setiap Masa' untuk kebanyakan item situasi. Namun, keberadaan nilai dan peratusan pada skala kadang-kadang, jarang serta tidak pernah menunjukkan bahawa masih ada pelajar Melayu yang

tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan atau memiliki kadar penggunaan bahasa lain yang melebihi bahasa ibunda sendiri. Sesungguhnya, kadar peratusan kecil ini perlu ditangani agar tiada pelajar mahupun orang Melayu yang malu untuk berbahasa kebangsaan.

RUJUKAN

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahmod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(2), 77-88.

Ammar Asyraf Mansor & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana, 4*(2), 1-17.

Artikel Tentang Sekolah Rendah. (2016). Punca-punca masalah penguasaan bahasa melayu di kalangan pelajar tahun enam di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan langkah mengatasinya.

Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.*

Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing questionnaire base on selection and designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, *5*(6), 1–3.

Fariza Md. Sham, Rohana Tan & Mohd Najid Adun. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies, 18*(1), 176-197.

Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman ohd Mazzalan. (2018). Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. *Academia Journal,7*(1), 62-71.

Nik Safiah Karim. (2002). Bahasa Melayu: Bahasa Melayu abad ke-21. (Dalam Talian). Telah dicapai pada 16 Mac, 2021, http://pemacudbp.dbp.gov.my

Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. (2015). Penerbitan ilmiah Bahasa Melayu dalam kalangan ilmuan negara. *Journal of Business and Social Development, 3,* 25-32.

Norayu Basir. (2012). *Perpaduan etnik menerusi penggunaan Bahasa Melayu*. Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.

Raja, T. (2018). Online tools for data collection. Dalam *Education 5.0: Perspectives and Previews* Tamil Nadu: Tamil Nadu: St. Xavier's College of Education.

Rozita Che Rodi & Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu bahasa negara bangsa Malaysia. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu, 1*(2), 257-272.

Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2014). Teori semangat kekitaan (Assabiyah) Ibnu Khaldun dan pemartabatan Bahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal Pertanika Mahawangsa,1*(2), 247-256.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Linguistik, 10*, 62-82

DORONGAN MOTIVASI INSTRUMEN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI TERHADAP PENGUASAAN BAHASA KEBANGSAAN BERDASARKAN MODEL ARCS KELLER

Arul Das a/l Arumugam
Universiti Putra Malaysia
aruldas_arumugam@yahoo.com

Vijayaletchumy a/p Subramaniam
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kawalan emosi individu terhadap penguasaan bahasa kebangsaan dipengaruhi oleh faktor minat (Chew Fong Peng, 2016). Ramai pelajar mengalami stres kerana tidak dapat skor markah yang memuaskan hati ibu bapa dan guru (Wan Mohd Rushidi Wan Mahmud, 2012). Stres 'breakdown' atau gangguan emosi kerap berlaku dalam kalangan pelajar sehingga ada keinginan untuk membunuh diri (Harian Metro, 30 April 2019; Utusan Borneo, 28 Oktober 2016). Oleh itu, penyelidikan ini berusaha mengenal pasti pengaruh penggunaan Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri(IPKK) terhadap dorongan motivasi pembelajaran pelajar. Sebelum menjalankan tinjauan ini, pelajar-pelajar telah berpeluang menggunakan IPPK bagi dua ujian yang berbeza. Tinjauan ini menggunakan Model Motivasi Attention(A)-Relevence(R)-Confidence(C)-Satisfaction(S) atau ARCS yang dipelopori oleh John M. Keller. Penyelidikan bersifat kajian kuantitatif di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen utama. Seramai 115 orang pelajar dari tiga buah sekolah khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dipilih sebagai persampelan tujuan (purposive sample). Mereka membandingkan setiap item berdasarkan pengalaman yakni, setelah dan sebelum menggunakan IPPK bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan IPPK mempengaruhi dorongan motivasi pelajar untuk mengawal emosi yang seimbang dalam menguasai bahasa kebangsaan. Ia bersifat menarik perhatian atau keinginan untuk belajar, membekalkan ilmu mengikut kesesuaian, membentuk keyakinan diri dan menjana kepuasan diri.

Kata kunci: perhatian, kesesuaian, keyakinan, kepuasan

PENGENALAN

Penilaian kendiri merupakan aspek penting dalam usaha menambahbaikkan kualiti diri. Ia dilihat dalam pelbagai dimensi yakni, sebagai kaedah menentukan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Hanapiah Khamis, Azali Rahmat, & Norkhalid Salimin, 2019; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei, 2017), menentukan perbezaan pada pembelajaran regulasi kendiri dan dimensi-dimensinya (Mohammad Haafiz Ahmad, Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari, Arbiah Maddahiri, & Hairi Asul, 2018) dan mengenal pasti kawasan kekuatan dan kelemahan diri dalam sesuatu perkara (Andrade & Valtcheva, 2009). Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK) pula merupakan bahan yang terhasil melalui rekaan baharu guru hasil kajian tindakan dengan mengadaptasikan Model Elliot (1991). Ia dihasilkan khas untuk mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT) dan memberi fokus pada kertas pemahaman. Kertas kerja membentangkan dapatan tentang dorongan motivasi IPPK terhadap penguasaan bahasa kebangsaan berdasarkan model ARCS yang dipelopori oleh Keller.

Sistem Bahasa DSKP dan Klon IPPK

Klon S. B. (Sistem Bahasa) ditentukan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Sekolah Jenis Kebangsaan-SJK). Menurut DSKP ter-

kini, aspek tatabahasa dan aspek seni bahasa wujud dalam ketiga-tiga kemahiran asas iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Oleh itu, pentaksiran bilik darjah hanya diutamakan bagi kemahiran, bukannya aspek. Ini bererti standard prestasi yang menjadi panduan pentaksiran memberi keutamaan kepada penilaian secara holistik yakni, penggunaan tatabahasa yang betul, seni bahasa yang betul dan tanda baca yang betul. Sebutan dan intonasi dalam kemahiran mendengar dan bertutur banyak dipengaruhi oleh kosa kata yang tepat dan tanda baca yang betul. IPPK mengambil kira aspek morfologi dan sintaksis Bahasa Melayu.

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur kata, bentuk kata dan golongan kata (DSKP KSSR BM SJK:2017). Struktur kata merujuk pola suku kata bagi kata asli Bahasa Melayu dan kata pinjaman Bahasa Melayu. Bentuk kata pula terdiri daripada kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk. Proses pembentukan kata meliputi pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Golongan kata terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Kata tugas ini terbahagi kepada 16 kelompok kecil iaitu, kata hubung, kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pangkal ayat, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemeri, kata sendi nama, kata pembenar, kata arah, kata bilangan, kata penekan dan kata pembenda(Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2006).

Sintaksis ialah bidang ilmu yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Aspek sintaksis yang diberi tumpuan adalah pembahagian subjek dan predikat, jenis-jenis ayat(ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan), ragam ayat (ayat aktif dan ayat pasif), susunan ayat (susunan biasa dan susunan songsang) binaan ayat (ayat dasar, ayat tunggal ayat terbitan atau ayat majmuk) dan proses ayat terbitan(proses penggantian, proses pengguguran dan proses peluasan). Sistem ejaan pula memberi penekanan kepada aspek tanda baca yang mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan. Pola keselarasan huruf vokal, ejaan kata pinjaman dan ejaan kata dasar dan kata terbitan diberi penekanan dalam sistem ejaan ini. Selain itu, kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu bagi mengembangkan potensi pelajar menyampaikan idea yang disintesis. Peribahasa pula merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat.

Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK) BM Pemahaman

IPPK bagi kertas pemahaman Bahasa Melayu ini terdiri daripada enam konstruk iaitu konstruk S. B - klon sistem bahasa (tatabahasa dan kefahaman), konstruk No. Soalan - nombor soalan mengikut bahagian, konstruk M - markah mengikut bahagian, konstruk JM - jumlah markah, konstruk B - betul dan konstruk C- pen-Capaian warna (perlu diisi berdasarkan jadual penentu warna yakni, hijau-mantap, kuning-sederhana dan merah-lemah.

RAJAH 1 IPPK Bahasa Melayu (Pemahaman)

S.B	Bhg	No. Soalan	M	JM	B	C
KN	A					
	B					
KK	A					
	B					
KA	A					
	B					
KGN	A					
	B					
KG	A					
	B					

KH	A					
	B					
KS	A					
	B					
PW	A					
	B					
PB	A					
	B					
SS	A					
	B					
SJ	A					
	B					
SA	A					
	B					
PK	A					
	B					
KEF1	A					
KEF2	B					
KEF3	B					
KEF4	B					

JM	M	K	H		JM	M	K	H
1	0	-	1		**6**	0,1,2	3,4	5,6
2	0	1	2		**7**	0,1,2	3,4,5	6,7
3	0	1,2	3		**8**	0,1,2	3,4,5	6,7,8
4	0,1	2	3,4		**9**	0,1,2,3	4,5,6	7,8,9
5	0,1	2,3	4,5		**10**	0,1,2,3,4	5,6,7	8,9,10

Catatan ; JM = Jumlah Markah, M = Merah, K = Kuning, H = Hijau

Konstruk S.B (Sistem Bahasa) terdiri daripada 17 klon yang disesuaikan dengan trend soalan terkini UPSR mulai tahun 2016. Setiap S.B ditulis dalam bentuk akronim. *KN* - Kata Nama, KK - Kata Kerja, KA - Kata Adjektif, KGN - Kata Ganti Nama, KG - Kata Ganda, KH - Kata Hubung, KS - Kata Sendi Nama, PW - Penanda Wacana, PB - Penjodoh Bilangan, SS-Seni Bahasa(Perumpamaan, bidalan,simpulan bahasa, pepatah dan kata hikmat), SJ - Soal Jawab, SA - Struktur Ayat, PK - Perbendaharaan Kata, KEF1 - Kefahaman bentuk objektif Bahagian A, KEF2 - Kefahaman teks 1 Bahagian B, KEF3 - Kefahaman teks 2 Bahagian B (cerita atau cerpen) dan KEF4 - Kefahaman teks 3 Bahagian B (puisi).

Kebolehgunaan IPPK ini diuji dalam kalangan 33 pelajar Tahun 4 di SJKT Ladang Cairo, Mantin pada tahun 2017 sehingga mereka menduduki peperiksaan UPSR pada 2019. Dalam peperiksaan akhir tahun 2017, peratus pelajar yang mencapai penguasaan minimum sekurang-kurangnya pada gred D adalah 57.57%(19 orang). Namun, penggunaan IPPK di Tahun 5 tidak dilaksanakan bagi dua ujian terakhir kerana guru mata pelajaran Bahasa Melayu digembeleng tenaga dalam kelas pecutan akhir UPSR. Ini menyebabkan peratus pencapaian kelas sekurang-kurangnya pada tahap minimum menurun ke 27.27%(9 orang) sahaja. Komposisi bilangan responden berdasarkan gred adalah A-0 orang, B-1 orang, C-6 orang, D–2 orang dan

E–24 orang. Namun, setelah kelas diserahkan kembali kepada pengkaji pada tahun 2019 penggunaan IPPK dilaksanakan setelah setiap ujian. Dalam UPSR 2019(Tahun 6) peratus pelajar yang menguasai penguasaan minimum adalah 84.8% (28orang) iaitu peningkatan sebanyak 57.53% berbanding dengan tahun sebelum. Komposisi bilangan responden berdasarkan gred adalah A-0, B–3 orang, C–7 orang, D–18 orang dan E–5 orang. Ini menunjukkan penggunaan IPPK bagi setiap ujian semasa di Tahun 6 mempengaruhi peningkatan pencapaian. Seramai 5 responden yang memperolehi gred E sering tidak hadir ke sekolah sebelum peperiksaan UPSR kerana masalah kesihatan dan pengangkutan. Namun, responden-responden ini turut dapat melihat potensi masing-masing selepas setiap ujian.

Kemesraan pelajar terhadap IPPK bermula dengan aktiviti 'membulatkan nombor soalan' yang diperoleh markah penuh di ruang No. Soalan, mengira dan menulis jumlah skor markah dalam konstruk B (Betul) dan mengecam pencapaian warna berdasarkan julat markah dalam Jadual Penentu Warna (JPW). Pelajar membandingkan skor B dengan JPW lalu melengkapkan konstruk C (Pencapaian) dengan warna yang sesuai. Kesemua aktiviti ini hanya boleh dilakukan berdasarkan skrip jawapan pelajar yang sudah disemak samada oleh guru atau pelajar sendiri.

Sebagai contoh, soalan-soalan klon KN(kata nama) terdiri daripada soalan-soalan bernombor 1, 2 dan 4 di Bahagian A dan soalan bernombor 22 di Bahagian B. Soalan-soalan di Bahagian A diperuntukkan markah skor sebanyak 1 bagi setiap soalan maka, ruang M bagi Bhg A diisi 3. Soalan bagi Bahagian B diperuntukkan markah yang berbeza. Berdasarkan contoh di sini, soalan 22 diperuntukkan markah skor sebanyak 2 maka, ruang M bagi Bhg B diisi 2. Kedua-dua bahagian ini membawa markah skor sejumlah 5 maka, ia diisi dalam ruang JM. Kesemua konstruk ini diselesaikan oleh guru sebelum diberi kepada pelajar untuk menentukan skor di konstruk B(Betul) dan warna di konstruk C(PenCapaian). Penentuan pencapaian berdasarkan julat markah bagi JM 5 seperti berikut:

JM	M	K	H
5	0,1	2,3	4,5

Julat markah bagi JM5 di atas adalah 0 dan 1 dalam zon Merah, 2 dan 3 dalam zon Kuning, dan 4 dan 5 dalam zon Hijau. Ini bererti, seseorang pelajar mencapai warna merah jika mendapat marka samada 0 atau 1. Pelajar layak menduduki zon Kuning jika memperoleh markah B samada 2 atau 3. Pelajar layak menduduki zon Hijau jika mendapat markah 4 atau 5. Pencapaian dan tafsiran dinyatakan dalam contoh (Rajah 2).

RAJAH 2 Contoh pencapaian yang berbeza

Contoh 1 : Pelajar A

S.B	Bhg	No. Soalan	M	JM	B	C
KN	A	1, 2, 4	3	**5**	1	
	B	22[2]	2			

Pelajar A memperoleh betul hanya bagi soalan bernombor 4. Markah bagi soalan 4 ialah 1 maka, ditulis 1 di ruang B.

Contoh 2 : Pelajar B

S.B	Bhg	No. Soalan	M	JM	B	C
KN	A	1, 2, 4	3	**5**	**2**	
	B	22[2]	2			

Pelajar B mendapat markah penuh bagi soalan 22 iaitu 2 markah maka, markah 2 ditulis di ruang B.

Contoh 3 : Pelajar C

S.B	Bhg	No. Soalan	M	JM	B	C
KN	A	1, 2 4	3	**5**	**4**	
	B	22[2]	2			

Pelajar C memperoleh betul bagi soalan 2 dan 4 di Bahagian A dan soalan 22 di Bahagian B yang membawa markah 2 maka, jumlah markah betul dikira 4 dan ditulis dalam konstruk B.

METODOLOGI KAJIAN

Kerangka Teori / Model

Kerangka model motivasi ARCS atau Attention-A (Perhatian), Relevance-R (Kesesuaian), Confidence-C (Keyakinan), Satisfaction-S (Kepuasan) digunakan untuk mendapatkan respons daripada 115 orang responden. Keller mendefiniskan strategi mendapatkan perhatian sebagai kaedah menarik minat belajar dan merangsang keinginan untuk belajar. Oleh itu, cara menjadikan pengalaman pembelajaran sesuatu yang menarik dan merangsang pelajar menjadi persoalan utama yang ditimbulkan oleh Keller. Kategori perhatian ini merangkumi ciri-ciri manusia seperti refleks orientasi, rasa ingin tahu dan mencari sensasi. Oleh itu, Keller mencadangkan A1: Kebangkitan persepsi, A2: Kebangkitan penyiasatan dan A3: Pemboleh ubah tentang cara mengekalkan perhatian pelajar. Justeru, item-item yang disesuaikan adalah A1: Model IPPK mencungkil minat saya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa, A2: Model IPPK merangsang saya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu dan A3: Model IPPK menyedarkan saya agar perlu berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah.

Strategi membekalkan kesesuaian pula didefinisikan sebagai cara mempengaruhi sikap positif dengan memenuhi keperluan atau matlamat peribadi pelajar. Kerelevanan atau kesesuaian merupakan faktor yang berpengaruh dalam memotivasikan pelajar untuk belajar. Keller menyatakan kesesuaian mempengaruhi sikap positif dengan memenuhi keperluan seseorang pelajar. Jika pelajar menganggap instrumen penilaian kendiri berkait rapat dengan pembelajarannya maka, motivasinya terbangkit untuk menggunakan instrumen tersebut. Selain itu, kandungan dan komponen instrumen mestilah sesuai dengan mereka. Ini secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan pembelajaran bagi seseorang pelajar. Oleh itu, Keller mencadangkan R1: Orientasi Matlamat, R2: Padanan Motif dan R3: Keakraban. Justeru, item-item yang disesuaikan adalah R1: Model IPPK sesuai dengan tahap pemahaman saya, R2: Model IPPK memberi pilihan kepada saya untuk menyusun langkah seterusnya dan R3: Arahan dan panduan penggunaan model IPPK jelas dan mudah.

Merujuk strategi membentuk keyakinan, Keller mendefinisikannya sebagai cara membantu pelajar untuk merasai atau mempercayai bahawa dia mampu berjaya atau memegang kawalan ke atas kejayaan diri sendiri. Maka, timbul persoalan bagaimanakah harus seseorang guru membantu pelajarnya untuk berjaya atau memberi kuasa kawalan ke atas kejayaan diri sendiri? Keller menyatakan keyakinan adalah konsep yang merangkumi beberapa konstruk motivasi seperti konsep persepsi kawalan peribadi, harapan untuk berjaya dan ketidakberdayaan serta terlalu percaya pada diri (*over confident*). Pengalaman kejayaan mendorong motivasi yang berterusan jika ada cabaran yang memerlukan sedikit usaha untuk berjaya. Pada masa yang sama, pengalaman kejayaan ini mengurangkan kegelisahan pelajar terhadap ancaman kegagalan dalam peperiksaan. Oleh itu, Keller mencadangkan tiga komponen dalam strategi ini iaitu C1: Keperluan pembelajaran iaitu cara pelajar dibantu membina harapan positif untuk berjaya, C2:Peluang kejayaan iaitu cara pengalaman pembelajaran menyokong atau meningkatkan kepercayaan pelajar terhadap kecekapan mereka, dan C3: Kawalan peribadi iaitu cara pelajar mengetahui dengan jelas bahawa kejayaan mereka berdasarkan usaha dan kemampuan mereka. Justeru, item-item yang disesuaikan adalah C1: Model ini membantu diri saya untuk menentukan target seterusnya, C2: Model ini menyokong motivasi bahawa saya boleh maju dan C3: Model ini membantu saya untuk mengetahui kejayaan sebenar saya.

Merujuk strategi menjana kepuasan, Keller mencadangkan cara memperkukuh pencapaian dengan ganjaran samada dari dalaman atau dari luaran. Menurutnya, penguasaan kemahiran atau pengetahuan yang berguna dan perasaan terhadap cabaran-cabaran yang berjaya diharungi dapat memotivasikan pelajar.. Kepuasan diri dicapai berdasarkan penghasilan tugas pada akhir pembelajaran. Pelajar perlu merasakan dirinya puas

setelah dapat memerhati kekuatan dan kelemahan pada diri sendiri. Oleh itu, Keller mengetengahkan tiga kategori strategi untuk menjana kepuasan yakni, S1: Akibat semula jadi, S2: Akibat positif dan S3: Ekuiti. Justeru, item-item yang disesuaikan adalah S1: Saya boleh menggunakan model ini untuk mengukur kejayaan pada masa akan datang, S2: Model ini menggiatkan motif saya untuk maju ke arah kecemerlangan dan S3: Model ini mencetus nilai kendiri positif (buat latih-tubi dan sebagainya).

Populasi, persampelan dan instrumen kajian

Penyelidik menggunakan teknik persampelan bukan kebarangkalian dalam kajian ini. Teknik ini terdiri daripada persampelan kuota, persampelan bertujuan dan persampelan mudah. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu (John Arul Philip, 2013). Menurut John Arul Philip lagi, penyelidik menggunakan pertimbangannya untuk memilih persampelan untuk menjawab persoalan atau objektif kajian tertentu. Dalam kajian ini, penyelidik memilih persampelan ketiga-tiga sekolah SJKT di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat Selangor. Populasi kajian terdiri daripada 115 orang pelajar Tahun 4. Setiap responden diberikan soal selidik pada akhir kajian. Soal selidik ini dipungut daripada setiap responden. Data akan dikumpul berdasarkan respons tanda / pada ruang SETUJU, TIDAK SETUJU dan KURANG PASTI. Responden membuat perbandingan berdasarkan pengalaman selepas(POST) dan sebelum(PRA) menggunakan IPPK. Respons ini dapat berguna untuk menjawab persoalan kajian iaitu sejauh mana IPPK mempengaruhi dorongan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa kebangsaan yakni, Bahasa Melayu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Strategi A-Perhatian (Attention)

JADUAL 1 Dapatan bagi elemen A-Perhatian (Attention)

KOD ARCS	ITEM		PRA			POST		
			SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI	SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI
A1	Model ini mencungkil minat saya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa.		0	115 (100%)	0	115 (100%)	0	0
A2	Model ini merangsang saya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu.		0	115 (100%)	0	115 (100%)	0	0
A3	Model ini menyedarkan saya agar perlu berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah.		0	115 (100%)	0	115 (100%)	0	0
Peratus keseluruhan bagi elemen A-Perhatian		A	0%	115 (100%)	0%	115 (100%)	0%	0%

Berdasarkan Jadual 1, dapatan umum bagi elemen Perhatian menunjukkan pemilihan Setuju menjadi dominan 100% di segmen Post berbanding dengan 0% di segmen Pra. Malah, kesemua responden memilih Tidak Setuju pada segmen Pra. Dapatan yang sama iaitu 100% bagi item A1, item A2 dan item A3 di mana kesemua responden memilih Setuju di segmen Post manakala memilih Tidak Setuju di segmen Pra. Ini menunjukkan kesemua responden mempunyai tanggapan yang positif di segmen Post bahawa model IPPK mencungkil minatnya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa (item A1), merangsangnya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu (item A2) dan menyedarkannya perlu berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah (item A3). Ini berbeza dengan dapatan di segmen Pra di mana 100% responden tidak setuju kerana pada awalnya mereka tidak mengetahui fungsi sebenar instrumen penilaian kendiri ini.

Merujuk item A1 dalam segmen Pra, tiada responden dari ketiga-tiga sampel yang bersetuju atau tidak pasti bahawa model ini boleh mencungkil minatnya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa. 100% responden tidak setuju dengan item A1 ini. Ini bermakna tiada seorang pun responden yang mempunyai persepsi positif tentang kebolehgunaan instrumen ini untuk mencungkil minat dalam mengenal pasti pencapaian sebenar. Namun, setelah mempunyai pengalaman kesemua 115(100%) responden dari ketiga-tiga sampel bersetuju bahawa model IPPK ini mencungkil minatnya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa. Dapatan ini menunjukkan, IPPK berjaya membangkitkan persepsi yang positif dalam pelajar terhadap kepercayaan dan keyakinan diri sendiri.

Merujuk item A2, kesemua 115 responden telah memberi respons bagi segmen‘Pra’ dan segmen ‘Post’. Bagi segemen ‘Pra’, kesemua115 responden(100%) mempunyai persepsi yang pasif yakni, tidak bersetuju bahawa model ini berkeupayaan merangsangnya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu. Namun, persepsi ini berubah setelah menggunakan IPPK sebanyak dua kali. Kesemua 50 (100%) responden dari Sampel A, 60(100%) responden dari Sampel B dan 5(100%) responden dari Sampel C bersetuju bahawa IPPK membantu mereka terangsang untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu. Ini menunjukkan kebangkitan penyiasatan sudah wujud dalam kalangan responden.

Merujuk item A3, masih kesemua 115 responden telah memberi respons bagikedua-dua segmen pra dan post penggunaan IPPK. Bagi segmen pra penggunaan 50 orang(100%) responden di Sampel A, 60 orang (100%) responden di Sampel B dan 5 orang(100%) responden tidak sedar bahawa IPPK boleh menyedarkannya untuk berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah. Namun pada segemen post penggunaan, kesemua mereka iaitu 100% responden bersetuju bahawa model IPPK menyedarkannya untuk berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah. Respon ini menunjukkan pelajar dapat mengekalkan perhatian terhadap pembelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi ketiga-tiga item menunjukkan perkembangan yang positif. IPPK berjaya mencetus rasa ingin tahu tentang perkembangan kedudukannya dalam setiap klon sistem bahasa. Justeru, pelajar menggunakan kaedah inkuiri atau penyiasatan terhadap diri sendiri. Ini mendorong motivasi pelajar untuk mengekalkan perhatian khasnya bagi klon sistem bahasa yang lemah. Ini selari dengan strategi mendapatkan perhatian oleh Keller yang mencadangkan pengalaman pembelajaran itu menarik dan mampu merangsang pelajar. Kategori perhatian ini merangkumi ciri-ciri manusia seperti refleksi orientasi, rasa ingin tahu dan mencari sensasi. Melalui elemen perhatian, IPPK telah menarik minat dan merangsang keinginan untuk mengetahui perkembangan seterusnya dalam kalangan pelajar.

Strategi R-Kesesuaian (Relevance)

JADUAL 2 Dapatan bagi elemen R-Kesesuaian (Relevance)

KOD ARCS	ITEM		PRA			POST		
			SETU-JU	TIDAK SETUJU	KU-RANG PASTI	SETU-JU	TIDAK SETU-JU	KU-RANG PASTI
R1	Model ini sesuai dengan tahap pe-mahaman dan usia saya.		0	4 (3.48%)	111 (96.52%)	115 (100%)	0	0
R2	Model ini memberi pilihan kepada saya untuk menyusun langkah seterusn-ya.		0	4 (3.48%)	111 (96.52%)	115 (100%)	0	0
R3	Arah-an dan panduan peng-gunaan model ini jelas dan mudah.		0	1 (0.87%)	114 (99.13%)	115 (100%)	0	0
Peratus keseluruhan bagi elemen R-Kes-esuaian		R	0%	2.6%	97.4%	100%	0%	0%

Secara umum peratus keseluruhan bagi elemen Kesesuaian pada segmen Post jelas memihak 100% kepada pemilihan Setuju. Namun, pada segmen Pra, dapatannya bercampur antara Tidak Setuju (2.6%) dan Kurang Pasti (97.4%). Tiada seorangpun responden yang memilih Setuju (0%). Merujuk jumlah dan peratus responden mengikut item, segmen Post bagi R1, R2 dan R3, 100% responden memilih Setuju manakala tiada (0%) responden yang memilih Tidak Setuju dan Kurang Pasti. Namun, perbezaan dapat dilihat di segmen Pra di mana bagi R1, Setuju (0%), Tidak Setuju (3.48%) dan Kurang Pasti (96.52%).

Merujuk item 1, kesemua 115(100%) responden di ketiga-tiga sampel pada segmen Post bersetuju bahawa model IPPK sesuai dengan tahap pemahaman dan usia masing-masing. Ini berbeza dengan persepsi pada segmen Pra di mana 4 orang tidak setuju manakala 111 menyatakan mereka kurang pasti. Tiada seorang pun yang mempunyai persepsi awal bahawa IPPK bersesuaian dengan tahap pemahamannya. Dapatan bagi R1 ini menunjukkan IPPK boleh mencungkil motivasi untuk memenuhi keperluan pelajar berdasarkan kemampuan-nya. Pelajar mampu membulatkan nombor soalan yang diiperoleh skor markah penuh, menjumlahkan skor markah penuh dan mencari kedudukan warna dalam Jadual Penentu Warna.

Merujuk item R2 pada segmen Post, kesemua 115 (100%) responden bersetuju bahawa model IPPK memberi pilihan kepadanya untuk menyusun langkah seterusnya. Ini bermakna langkah mengenal pasti pen-capaian sebenar dalam setiap klon sistem bahasa merangsang pelajar untuk menambahbaik pencapaian da-

lam peperiksaan akan datang melalui langkah seterusnya. Pada segmen Pra, 2 responden masing-masing di Sampel A dan C tidak setuju bahawa model ini boleh memberi pilihan kepadanya untuk menyusun langkah seterusnya. Seramai 48 responden di Sampel A, kesemua 60 responden di Sampel B dan 3 responden di Sampel C memilih kurang pasti. Secara keseluruhannnya, padanan antara motif pembelajaran dengan langkah pembelajaran dapat dilihat pada segmen Post.

Seterusnya, bagi R3 iaitu 'Arahan dan panduan penggunaan model IPPK ini jelas dan mudah', kesemua 115 (100%) responden di ketiga-tiga sampel bersetuju di segmen Post walaupun di segmen Pra tiada seorang pun berbuat demikian. Di segmen Pra, seorang responden dari Sampel A menyatakan tidak setuju manakala 49 yang lain menyatakan kurang pasti. Respons Sampel B dan Sampel C di segmen Pra 100% bertumpu pada pilihan Kurang Pasti. Ini menunjukkan wujud keakraban antara kejelasan panduan penggunaan IPPK dengan sifatnya yang mesra pengguna.

Secara keseluruhannya, respons pada segmen Post bagi ketiga-tiga item menunjukkan pelajar dapat berinteraksi dengan IPPK seiring dengan cadangan Keller untuk membangkitkan keperluan pelajar mengikut kemampuan. Selain itu, IPPK mengambilkira persekitaran pembelajaran yang berbeza bagi setiap pelajar yakni, pelajar bebas belajar samada secara individu atau kumpulan. Merujuk aspek keakraban, motivasi dalaman responden-responden boleh dicungkil kerana adanya pengetahuan baharu dalam IPPK yang boleh membantunya mencapai matlamat yang ditentukan. Aspek mempengaruhi sikap positif dengan memenuhi keperluan atau matlamat peribadi pelajar merupakan definisi yang diberikan oleh Keller tentang strategi membekalkan kesesuaian.

Strategi C-Keyakinan (Confidence)

JADUAL 3 Dapatan bagi elemen C-Keyakinan (Confidence)

KOD ARCS	ITEM	PRA			POST		
		SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI	SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI
C1	Model ini membantu diri saya untuk menentukan target seterusnya	0	2 (1.8%)	113 (98.2%)	115 (100%)	0	0
C2	Model ini menyokong motivasi bahawa saya boleh maju.	0	0	115 (100%)	115 (100%)	0	0
C3	Model ini membantu saya untuk mengetahui kejayaan sebenar saya.	0	3 (2.6%)	112 (97.4%)	115 (100%)	0	0
Peratus keseluruhan bagi elemen C-Keyakinan		0	1.74%	98.26%	100%	0	0

Merujuk Jadual 3, dapatan menunjukkan kesemua 115 responden memberi respons bagi kedua-dua segmen Pra dan Post penggunaan IPPK. Secara umum peratus keseluruhan bagi elemen Kesesuaian pada segmen Post jelas memihak 100% kepada pemilihan Setuju. Namun, pada segmen Pra, dapatannya bercam-

pur antara Tidak Setuju(1.74%) dan Kurang Pasti(98.26%). Tiada seorangpun responden yang memilih Setuju(0%). Merujuk jumlah dan peratus responden mengikut item, segmen Post bagi C1, C2 dan C3, 100% responden memilih Setuju manakala tiada(0%) responden yang memilih Tidak Setuju dan Kurang Pasti. Namun, perbezaan dapat dilihat di segmen Pra di mana bagi C1, Setuju(0%), Tidak Setuju(1.8%) dan Kurang Pasti(98.2%). Bagi item C2 di segmen Pra, Setuju(0%), Tidak Setuju(0.9%) dan Kurang Pasti(99.1%). Bagi item C3 di segmen Pra, Setuju(0%), Tidak Setuju(2.6%) dan Kurang Pasti(97.4%)

Apabila dikaji secara secara berasingan mengikut sampel, dapatan bagi item-item C1, C2 dan C3 dapat dinyatakan secara terperinci. Merujuk item C1, dalam segmen Post, kesemua 115 (100%) responden bersetuju bahawa model ini membantu diri masing-masing untuk menentukan target seterusnya. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Ini merupakan perkembangan yang positif berbanding segmen Pra kerana tiada responden (0%) yang bersetuju mempunyai persepsi awal bahawa IPPK boleh membantunya menentukan target seterusnya. Ini menunjukkan IPPK mendorong pelajar untuk menentukan target seterusnya berdasarkan pencapaian semasa. Ini bermakna IPPK dapat menyuntik keperluan pembelajaran iaitu membina harapan positif untuk berjaya.

Bagi item C2 dalam segmen Post, kesemua 115(100%) responden bersetuju bahawa model IPPK ini menyokong motivasinya untuk maju. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Ini merupakan perkembangan yang positif berbanding segmen Pra kerana tiada (0%) responden yang mempunyai anggapan awal bahawa IPPK boleh menyokong motivasinya untuk maju. Dapatan ini menunjukkan IPPK dapat menyuntik motivasi dalam jiwa pelajar untuk maju dalam penguasaan bahasa kebangsaan. Ini mewujudkan peluang kejayaan melalui pengalaman pembelajaran yang menyokong atau meningkatkan kepercayaan pelajar terhadap kecekapan dirinya.

Sebagaimana item C1 dan C2, kesemua 115 responden telah memberi respons bagi segmen Pra dan segmen Post dalam item C3. Merujuk segmen Post, kesemua 115(100%) responden bersetuju bahawa model IPPK ini membantunya untuk mengetahui kejayaan sebenar dalam kertas pemahaman Bahasa Melayu. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Ini merupakan perkembangan yang positif berbanding segmen Pra kerana tiada (0%) responden yang mempunyai anggapan awal bahawa IPPK boleh membantunya untuk mengetahui kejayaan sebenar dalam kertas pemahaman Bahasa Melayu. Dapatan bagi segmen Post didapati lebih positif berbanding dapatan dalam segmen Pra. Dapatan ini menggalakkan kawalan peribadi pelajar agar mengetahui dengan jelas bahawa kejayaan mereka berdasarkan usaha dan kemampuan mereka.

Secara keseluruhannya, persoalan Keller tentang penyemaian keyakinan melalui cara pembelajaran ala kendiri terjawab dalam segmen Post item C1, C2 dan C3. Merujuk C1, terdapat sebilangan pelajar yang mempunyai tahap kemampuan yang tinggi untuk mengenali kriteria penilaian. Pelajar juga dapat mengetahui objektif pembelajaran agar dapat membuat penilaian kendiri pada akhir sesuatu sesi pembelajaran. Berhubung C2: Peluang kejayaan, IPPK memiliki kriteria yang logik iaitu penentuan warna lampu trafik yakni, hijau-boleh maju lagi, kuning-tunggu dan perhati, dan merah-berhenti dan mengulangkaji. Logik ini mempengaruhi keyakinan pelajar dalam mencipta harapan dan menentukan langkah-langkah yang lebih bermakna. Merujuk C3: Kawalan peribadi, IPPK mewujudkan persekitaran pembelajaran yang stabil yakni, pelajar dibenarkan untuk mengurus kawalan peribadi. Sejajar dengan pendapat Keller, IPPK memberikan maklum balas pembetulan kepada pelajar dan membantunya melihat punca kesalahan dan mengambil tindakan pembetulan.

Strategi S-Kepuasan (Satisfaction)

JADUAL 4 Dapatan bagi elemen S-Kepuasan(Satisfaction)

KOD ARCS	ITEM	PRA			POST		
		SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI	SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG PASTI
S1	Saya boleh menggu-nakan model ini untuk mengukur ke-jayaan pada masa akan datang.	0	4 (3.5%)	111 (96.5%)	115 (100%)	0	0
S2	Model ini menggiatkan motif saya untuk maju ke arah kece-merlangan.	0	4 (3.5%)	111 (96.5%)	115 (100%)	0	0
S3	Model ini mencetus nilai kendiri positif (buat latih-tubi dan sebagainya).	56 (49%)	8 (7%)	51 (44%)	115 (100%)	0 (0%)	0 (0%)
Peratus keseluruhan bagi elemen S-Kepua-san		16.3%	4.6%	79.1%	100%	0%	0%

Berdasarkan Jadual 4, peratus keseluruhan bagi elemen Kesesuaian pada segmen Post jelas memihak 100% kepada pemilihan Setuju sahaja. Namun, pada segmen Pra, dapatannya bercampur antara Setuju(16.3%), Tidak Setuju(4.6%) dan Kurang Pasti(79.1%). Merujuk jumlah dan peratus responden mengikut item, segmen Post bagi S1, S2 dan S3, 100% responden memilih Setuju manakala tiada(0%) responden yang memilih Tidak Setuju dan Kurang Pasti. Namun, perbezaan dapat dilihat di segmen Pra di mana bagi S1, Setuju(0%), Tidak Setuju(3%) dan Kurang Pasti(97%). Bagi item S2 di segmen Pra, Setuju(0%), Tidak Setuju(3%) dan Kurang Pasti(97%). Bagi item S3 di segmen Pra, Setuju(49%), Tidak Setuju(7%) dan Kurang Pasti(44%).

Merujuk item S1 dalam segmen Post, kesemua 115 (100%) responden bersetuju bahawa mereka boleh menggunakan model IPPK ini untuk mengukur kejayaan pada masa akan datang. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Ini merupakan perkembangan yang positif berbanding segmen Pra kerana tiada responden (0%) yang bersetuju mempunyai persepsi awal bahawa dirinya boleh menggunakan model IPPK untuk mengukur kejayaan pada masa akan datang. Ini menunjukkan IPPK mewujudkan akibat semula jadi yakni, memberi dorongan untuk mengimbas kelemahan diri sendiri.

Merujuk item S2 dalam segmen Post, kesemua 115 (100%) responden bersetuju bahawa model IPPK menggiatkan motifnya untuk maju ke arah yang lebih cemerlang. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Ini merupakan perkembangan yang positif berbanding segmen Pra kerana tiada responden (0%) yang bersetuju mempunyai persepsi awal bahawa model IPPK ini boleh menggiatkan motifnya untuk maju ke arah lebih cemerlang. Secara keseluruhannya, motivasi 100% responden terdorong pada segmen Post berbanding 0% pada segmen Pra. Ini menunjukkan IPPK mewujudkan akibat positif yakni, mendorong pelajar untuk bergerak seiring motif yang dibentuk.

Merujuk item S3 dalam segmen Post, kesemua 115 (100%) responden bersetuju bahawa model IPPK mencetus nilai kendiri positif seperti membuat aktiviti latih tubi. Oleh itu, dapatan bagi Tidak Setuju dan Kurang Pasti di segmen Post tercatat masing-masing 0%. Secara keseluruhannya, persetujuan pelajar terhadap keupayaan model IPPK mencetus nilai kendiri positif meningkat daripada 48.7% pada segmen Pra kepada 100% pada segmen Post. Ini menunjukkan IPPK mewujudkan ekuiti di mana setiap responden boleh menentukan target mengikut keupayaan masing-masing.

Secara keseluruhannya, persoalan Keller tentang cara memudahcarakan penggunaan pengetahuan baharu melalui peluang-peluang yang bermakna terjawab dalam segmen Post item S1. Keller mendefinisikan strategi menjana kepuasan sebagai usaha memperkukuh pencapaian dengan ganjaran samada dari dalaman atau luaran. Melalui IPPK, pengalaman seseorang pelajar 'slow learner' yang akhirnya berjaya melepasi tugasan yang mencabar menjadi pengalaman yang paling memuaskan hati. Selain itu, penggunaan kemahiran atau pengetahuan yang baharu seperti klon sistem bahasa dan proses pengukuran kemajuan mempertingkat motivasi intrinsik pelajar untuk mendapatkan ganjaran ektrinsik. IPPK menggalakkan aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman. Merujuk S2: Akibat positif pula, pelajar diberi kebebasan untuk melakukan aktiviti peneguhan demi kejayaan pada masa akan datang. Dengan berpeluang melihat potensi pembelajaran khasnya melalui warna trafik, perasaan pelajar terkawal terhadap situasi pembelajaran. Berhubung S3: Ekuiti, sejajar dengan pemikiran Keller IPPK membantu pelajar untuk mewujudkan perasaan positif tentang pencapaiannya dalam pembelajaran. Menurut Keller, pencapaian orang ketiga mempengaruhi perasaan seseorang pelajar. Akibat kecenderungan untuk membuat perbandingan, seseorang pelajar mudah berasa gembira jika mengatasi orang lain atau kecewa sekiranya diatasi oleh orang lain. Oleh itu, IPPK dapat menangani masalah ekuiti ini dengan memastikan hasil tugasan selaras dengan standard yang ditetapkan.

KESIMPULAN

Model motivasi ARCS didapati berjaya mempengaruhi dorongan motivasi intrinsik kesemua 115 responden. Kaedah penggunaan IPPK yang mudah dan menarik menyebabkan kelangsungan aktiviti memerhati diri, menyesuaikan diri, meyakini diri dan mencari kepuasan diri (Heidi Andrale, 2009 ; Siti Mahmudah, 2016). Ia mencungkil keinginan untuk belajar, membekalkan ilmu mengikut kesesuaian usia, membentuk keyakinan diri dan menjana kepuasan diri pelajar. Melalui elemen Perhatian, kesemua responden tercungkil minatnya untuk mengetahui pencapaian dalam setiap klon sistem bahasa. Mereka juga didapati terangsang untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu. Responden-responden menggambarkan IPPK boleh menyedarkan mereka berhati-hati dalam klon sistem bahasa yang lemah. Melalui elemen Kesesuaian pula, kesemua responden menyetujui ketiga-tiga penyataan tentang model IPPK. Mereka memberi respon bahawa model IPPK ini sesuai dengan pemahaman dan usia, memberi pilihan untuk menentukan langkah seterusnya dan panduan penggunaannya jelas dan mudah. Dari perspektif keyakinan, kesemua responden meemilih untuk bersetuju bahawa model IPPK boleh membantunya untuk menentukan sasaran pencapaian dalam ujian seterusnya. Selain itu, kesemua mereka menerima model ini sebagai alat motivasi untuk menyokong kemajuannya dan boleh membantunya untuk mengetahui kejayaan sebenar. Dari perspektif kesesuaian, kesemua responden menyatakan IPPK boleh digunakan untuk mengukur kejayaan pada masa akan datang. Selain itu, model IPPK mencungkil motivasi untuk menambahbaik prestasi dan mencetus nilai kendiri positif seperti membuat latih tubi. Ini jelas menunjukkan IPPK berpengaruh dalam mewujudkan kepuasan pada diri para pengguna. Berdasarkan dapatan secara keseluruhan, dapat dinyatakkan IPPK bersifat mesra pelanggan yakni, menyelesaikan masalah melalui cara yang mudah dan menarik. IPPK juga bersifat dinamika di mana ia boleh disuaikan mengikut trend Pentaksiran Bilik Darjah(PBD). Ini bermakna motivasi pelanggan boleh dipastikan sentiasa terkawal kerana dibiasakan untuk menghargai pontesi diri sendiri daripada melihat potensi orang lain. Nilai menghargai diri ini dapat menjayakan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan masyarakat yang berpotensi dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek serta berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri(Chithra a/p Raju:2003). Keseimbangan emosi ini menggalakkan seseorang sentiasa menggunakan Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi utama dalam amalan harian. Oleh itu, model motivasi ARCS dan model IPPK saling melengkapi agenda untuk mencungkil motivasi perkembangan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Secara keseluruhan, motivasi memainkan peranan yang besar dalam menentukan tahap kawalan kendiri atau motivasi dengan pencapaian seperti disebut oleh Azizi Hj. Yahya., Yusof Boon dan Kamaliah Noordin (2005).

RUJUKAN

Andrade, H. (2009) Promoting learning and achievement through self-assessment. University of Albany, New York. Dicapai pada 2.11.2019 melalui scholarsarchieve.library. albany.edu/cgi/view content.cgi?=1011&context_etap_far_scholar.

Arul Das Arumugam. (2019). Teori ARCS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Seremban : Percetakan Seremban Sdn. Bhd.

Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. (2005). Hubungan antara konsep kendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar. http://eprints.utm.my/id/eprint/2332/2/AziziYahaya_pdf

Chee Hwa Ooi & Vijayaletchumy Subramaniam. (2016). Tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah Journal, 18*(December*),* 115-130.

Chithra a/p Raju.(2003). *Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Kertas projek. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chew Fong Peng.(2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6*(2), 10-22.

Cook, V. (1991). *Second language learning and language teaching*. London: Edward Arnold.

Elliot, J. (1993). Professional education and the idea of a practical education science. Dalam *Reconstructing Teacher Education*. London: The Falmer Press.

Hanapiah Khamis, Azali Rahmat, & Norkhalid Salimin. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Pentaksir Ekstensif modifikasi permainan kategori memadang dalam mata pelajaran Pendidikan Jas mani Tahun 5. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 6*(1), 95-122.

John Arul Philip. (2013). *Quantitative research methodology*. Kuala Lumpur: Open University of Malaysia.

Keller, J. M. (2010). *Motivational design for learning and performance: The ARCS model approach.* New York: Springer.

Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari, Arbiah Maddahiri, & Hairi Asul. (2018). Pembelajaran regulasi kendiri di kalangan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab sekolah menengah: Satu analisis perbandingan mengikut jenis sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 3*(2), 57-64.

Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian kendiri pembelajaran Geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 14*(1), 211-265.

Nathesan,S.(2012). Bahasa Melayu mudah dipelajari tetapi sukar dikuasai? *Pelita Bahasa, Jun,* 8-11.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Tahun 2018 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Kementerian Pendidikan Malaysia. Dicapai melalui https://www.moe. pada 3.3.2020.

Reynolds, K. M., Roberts, L. M., & Hauk, J. (2017). *Exploring motivation: Integrating the ARCS model with instruction*. University of Colorado https:scholar.colorado.edu/libr_facpapers/96

Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor. (2017).Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman), 5*(1), 45-55.

Siti Mahmudah. (2016). Model ARCS dalam Bahasa Inggeris sebagai kelas bahasa asing: Suatu kajian deskriptif di Gred Kesebelas MA NU Salafiyah Demak pada Tahun Akademik 2015/2016. Kertas projek. Universiti Islam Negeri Walingso, Semarang, Indonesia. Dicapai melalui sesawang http://eprints.walisongo.ac.id/6062/1/113411012.pdf pada 20.11.2019.

Wan Mohd Rushidi Wan Mahmud. (2012). Tekanan menghadapi peperiksaan. Dicapai pada 3.1.2017 melalui sesawang jpnperka.moe.gov.my/jpn.

PEMBANGUNAN 'KOLEKSI PERMAINAN BAHASA' KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Atiqah binti Ceh Ismail
Universiti Putra Malaysia (UPM)
gs55663@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian tentang pembentukan 'Koleksi Permainan Bahasa' ini bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah kekeliruan terhadap penguasaan bahasa Melayu pada peringkat awal usia kanak-kanak yang hanya tertumpu kepada penguasaan abjad sahaja sekali membantu dalam penambahbaikan amalan pembelajaran agar lebih menarik dan efektif. Permasalahan yang didapati adalah kebanyakan kanak-kanak hanya tahu menyebut abjad-abjad tanpa mengenali bentuk dan rupa abjad tersebut dilihat ketara apabila ujian pengecaman bentuk abjad dilakukan keatas murid prasekolah memperlihatkan bahawa kebanyakan daripada kanak-kanak hanya menghafal susunan abjad tanpa menguasai fahaman bentuk serta bunyi bagi setiap abjad. Kajian ini akan mengenal pasti tahap penguasaan abjad yang dimiliki oleh kanak-kanak prasekolah seterusnya menjelaskan masalah pengasaan abjad yang dialami kanak-kanak prasekolah akhir sekali membangunkan 'Koleksi Permainan Bahasa' sebagai alat bantu. Kajian dilakukan di sebuah prasekolah luar bandar yang terletak di Daerah Bera, Pahang. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah triangulasi data iaitu pemerhatian, aktiviti berbentuk ujian serta temu bual. Dalam membangunkan alat bantu tersebut, pengkaji mengaplikasikan prinsip Design and Development Research (DDR) dan kaedah Multisensori. Alat yang digunakan dalam kajian ini adalah, Kad Aktiviti, nota lapangan serta rakaman. Hasil dapatan kajian mendapati 9 orang daripada 25 orang murid prasekolah masih belum menguasai abjad secara keseluruhan dengan baik. Seterusnya, kajian ini mendapati terdapat lapan masalah pengusaan abjad yang dihadapi oleh murid prasekolah ini.

Kata kunci: penguasaan abjad, permainan bahasa, kaedah multisensori

PENGENALAN

Rasionalnya kajian ini dilakukan adalah kerana mengecam huruf merupakan suatu proses yang amat penting semasa pemerolehan bahasa awal kanak-kanak dalam membantu kanak-kanak ke arah menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kanak-kanak perlu diberikan asas yang kukuh bagi mengecam setiap satu abjad serta menulisnya dengan betul semasa peringkat awal lagi. Mustahil bagi seseorang individu itu untuk menguasai sesuatu perkara tanpa memahami dan menguasai peringkat asasnya terlebih dahulu. Begitu juga dengan proses pembelajaran bahasa bagi kanak-kanak normal. Mereka tidak akan mampu untuk membaca dan menulis dengan baik sekiranya mereka tidak mengecam setiap satu abjad dengan baik. Sesi pembelajaran yang kurang menarik dan membosankan sedikit sebanyak menjejaskan tumpuan dan penerimaan daripada sebilangan kanak-kanak. Pada peringkat umur yang masih seawall lima ke enam tahun, proses pembelajaran yang diterapkan perlulah kreatif dalam menarik perhatian mereka sekali gus tidak membosankan. Melalui kaedah pembelajaran yang sesuai, kanak-kanak akan lebih berminat untuk melibatkan diri dalam suatu sesi pembelajaran tersebut. Masalah yang dialami dalam pemerolehan sesuatu bahasa dapat diatai sekiranya golongan tenaga pengajar dan ibu bapa khususnya menguasai teknik dan kaedah yang yang betul dalam membantu kanak-kanak.

Di Malaysia, statistik mencatatkan peningkatan kadar buta huruf bagi kanak-kanak prasekolah meningkat sebanyak 70% di kawasan luar bandar manakala 50% di kawasan bandar dalam negara pada tahun 2018 (Harian Metro). Peningkatan kadar buta huruf yang dicatatkan adalah merujuk kepada kanak-kanak yang buta huruf pada usia tujuh tahun. Permasalahan ini mengakibatkan pelbagai pihak mempertikaikan keberkesanan proses pemerolehan bahasa awal kanak-kanak sebelum meningkat umur ke tujuh tahun iaitu memasuki ali-

ran tahun 1 di sekolah rendah. Permasalahan ini turut disebut oleh Abdul Rasid Jamian (2016) dalam kajian yang berjudul 'Permasalah Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar' dengan kenyataan bahawa murid-murid di kawasan luar bandar mengalami masalah mengenal huruf, mengeja, membaca dan menulis dalam penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Tambahnya lagi, rentetan daripada masalah-masalah yang dialami tersebut, perkara ini menyumbang kepada peningkatan peratusan tahap buta huruf dan keciciran murid sekolah rendah.

Permasalahan yang seterusnya, didapati bahawa kebanyakan kanak-kanak hanya tahu menyebut abjad-abjad tanpa mengenali bentuk dan rupa abjad tersebut. Wan Fatmawati (2014) turut memberikan kenyataan terhadap permasalahan yang sama iaitu kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun mampu menyebut abjad A hingga Z dengan lancar. Namun gagal mengenal setiap abjad dengan betul. Permasalahan ini turut dinyatakan dalam satu laporan akhbar yang menyatakan bahawa kanak-kanak hanya lancar menghafal abjad mengikut susunan daripada A hingga Z tanpa mengenali setiap satu bentuk abjad tersebut. Sekiranya dibiarkan keadaan ini terus berlarutan dialami oleh kanak-kanak prasekolah, maka ia akan mendatangkan masalah kepada kanak-kanak tersebut apabila melangkah masuk ke aliran tahun 1.

Pengkaji semakin tertarik untuk menjalankan kajian ini setelah pengkaji melihat sendiri segala permasalahan yang diterangkan diatas benar-benar meninggalkan kesan buruk kepada murid, guru serta institusi sekolah. Statistik yang diperoleh dari Pejabat Pendidikan Daerah Bera mencatatkan berlaku peratusan kadar kemerosotan bagi subjek bahasa murid tahun satu di Daerah ini ekoran mereka gagal untuk menjawab ujian dengan baik kerana pada tahap ini juga ada antara mereka masih belum menguasai abjad dengan baik. Permasalahan ini disifatkan berpunca daripada kegagalan proses pembelajaran sebelum mereka masuk ke tahun satu.

Kajian ini akan memenuhi tuntutan tiga objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan abjad daam kalangan kanak-kanak prasekolah.
2. Menjelaskan masalah penguasaan abjad yang dihadapi kanak-kanak prasekolah.
3. Membangunkan 'Koleksi Permainan Bahasa' sebagai alat bantu penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah.

Kajian berbentuk kajian kualitatif ini menggunakan ujian ringkas terhadap sampel dan data yang diterjemahkan kepada carta dalam bentuk kuantitatif untuk melihat tahap penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah dengan lebih jelas dan teratur. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah triangulasi data iaitu pemerhatian, temu bual serta ujian terhadap sampel. Instrumen 'Set Kad Abjad' digunakan dalam mengumpul data objektif satu dan dua kajian ini iaitu melalui aktiviti pengecaman abjad yang terbahagi kepada dua aktiviti iaitu aktiviti mengenal abjad dan aktiviti menyusun abjad. Populasi seramai 25 orang murid di prasekolah Sekolah Kebangsaan Felda Tementi. Jumlah populasi ini hanya bilangan murid sahaja tidak termasuk guru prasekolah tersebut. Manakala sampel dalam kajian ini merupakan kanak-kanak yang dikategorikan sebagai kumpulan rawatan iaitu seramai 9 orang daripada jumlah populasi serta guru prasekolah di lokasi kajian ini. Dalam menyempurnakan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan dua teori, iaitu pertama Kaedah Multisensori oleh Orton dan Willingham (1920) seterusnya teori yang kedua ialah Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang dipelopori oleh Richey & Klien (2007).

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Tahap penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah

Keseluruhan data primer dalam kajian ini diperoleh secara terus di lokasi kajian. Pemerhatian yang dibuat selama enam minggu di lokasi kajian sekali gus temu bual yang dijalankan membantu pengkaji untuk mengenal pasti tahap penguasaan abjad sebenar yang dimiliki oleh keseluruhan populasi di prasekolah tersebut. Kaedah pelaksaan ujian yang berbentuk aktiviti bersama sampel sememangnya amat menyumbang dalam proses pengumpulan data bagi objekti ini. Analisa objektif ini juga dibuat dengan menerapkan fasa analisis keperluan seperti yang ditetapkan oleh Richey dan Klein dalam Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (2007). Dapatan yang diperoleh bagi mengenal pasti tahap penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah ini direkodkan dengan cara mengkategorikan kanak-kanak prasekolah ini kepada dua kategori iaitu pertama murid yang menguasai abjad daripada huruf a hingga z dan murid yang tidak menguasai abjad dari a hingga z.

JADUAL 1 Tahap penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah

Kumpulan Murid	Bilangan (Orang)
Kumpulan A : Menguasai abjad a – z	16 (64%)
Kumpulan B : Tidak menguasai abjad a – z	9 (36%)

Dapatan kajian ini diperoleh melalui kaedah pemerhatian, temu dual serta ujian keatas sampel. Pengkaji membuat rumusan keseluruhan tahap penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah dalam jadual tersebut. Setelah analisa dibuat, dapatan kajian yang diperoleh bagi objektif satu ini menunjukkan terdapat sebilangan murid prasekolah ini mencatatkan sebilangan jumlah yang dianggap tinggi dalam kumpulan murid yang masih tidak memiliki penguasaan abjad secara menyeluruh walaupun sudah berada di tahap prasekolah. Jadual diatas menunjukkan 9 orang murid daripada bilangan keseluruhan terbukti tidak memiliki penguasaan abjad secara keseluruhan daripada huruf a – hingga z. Manakala 16 orang murid lagi mencatatkan rekod penguasaan abjad yang baik. Amat membimbangkan pengkaji apabila, bukan sahaja murid yang berumur 5 tahun sahaja masih belum memiliki peguasaan abjad dengan baik, namun bilangan murid yang tidak menguasai abjad yang direkodkan itu juga terdiri daripada murid yang berusia 6 tahun. Bilangan peratusan yang dicatatkan bagi murid yang masih belum mampu menguasai 26 abjad itu secara keseluruhan adalah sebanyak 36 peratus. Seterusnya, 64 peratus murid selebihnya berjaya menguasai abjad dengan baik dalam usia lima hingga enam tahun mereka. Jika masalah ini dibiarkan berlarutan maka kanak-kanak ini akan gagal menguasai peringkat berbahasa yang lebih tinggi iaitu menguasai kosa kata, perkataan, binaan ayat serta peringkat tertinggi iaitu menghasilkan ayat yang bermakna.

Objektif 2: Masalah penguasaan abjad yang dihadapi kanak-kanak prasekolah

Setelah pengkaji berjaya mengenal pasti tahap penguasaan abjad yang dimiliki oleh kanak-kanak prasekolah ini, pengkaji membuat analisa yang lebih mendalam terhadap murid yang tersenarai dalam kumpulan B iaitu murid prasekolah yang tidak mampu menguasai abjad dengan baik daripada huruf a hingga z iaitu sampel kajian. Seterusnya, dalam objektif kedua ini pengkaji melakukan tinjauan yang lebih dekat dengan sampel bagi mendapatkan data.Ujian keatas sampel dalam mengenal pasti masalah penguasaan abjad yang dihadapi ini dilakukan dengan menggunakan instrumen yang sama seperti dalam pengumpulan data objektif sebelumnya iaitu penggunaan set kad abjad berwarna. Aktiviti 2 ini dinamakan sebagai aktiviti 'Mari menyusun abjad'. Dalam proses pengumpulan data ini juga, pengkaji berfungsi sebagai pemerhati sahaja. Pengkaji tidak terlibat secara terus bersama murid prasekolah dalam mendapatkan data.Setelah dapatan daripada pemerhatian, temu bual guru prasekolah serta ujian terhadap sampel diperoleh, berikut merupakan kesemua masalah yang dihadapi oleh sampel dalam proses menguasai sesuatu abjad. Terdapat lapan masalah yang dihadapi oleh sampel dalam proses menguasai abjad. Terdapat sembilan orang sampel dalam kajian ini, kesemua sampel ini direkodkan menghadapi kesemua masalah yang disenaraikan dalam kajian ini. Setiap permasalahan ini akan dirincikan dengan lebih mendalam seperti berikut :

Masalah 1	Hanya menghafal urutan bunyi abjad daripada A hingga Z

Permasalahan ini merupakan masalah yang paling ketara dapat dilihat semasa pemerhatian dilakukan. Seperti kebiasaan, teknik nyanyian lagu abjad menjadi pilihan utama guru mahupun ibu bapa dalam mengajar kanak-kanak berkaitan 26 abjad daripada huruf a hingga z. Kesan buruknya, kanak-kanak hanya menghafal lirik dan intonasi nyanyian yang diajarkan kepada mereka tanpa mengetahui perkara dan subjek yang sepatutnya mereka fahamkan dan kuasai dalam lagu tersebut. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap sampel semasa sesi pembelajaran dilakukan, kesemua sampel mampu untuk menyanyikan abjad daripada huruf a hingga z dengan lancar. Namun mereka gagal untuk memahami dan menguasai perkara yang sepatutnya mereka pelajari melalui nyanyian lagu tersebut iaitu pembejaran mengenal dan menguasai bunyi dan bentuk setiap abjad itu. Semasa sesi ujian dilakukan, guru meminta sampel untuk menyanyikan dan menyebut kesemua 26 abjad sambil menunjukkan jari kearah Kad Abjad yang terdapat dihadap sampel. Kesemua sampel mampu untuk menyanyikan dan menyebut abjad dengan lancer. Namun pergerakan jari mereka tidak selari dengan abjad yang mereka nyanyikan. Ada antara sampel yang direkodkan nyanyiannya masih belum tamat namun jarinya sudah menunjuk kearah abjad z.

Masalah 2	Gagal mengecam abjad dengan betul

Beralih kepada masalah kedua iaitu rentetan daripada masalah satu, pengkaji mendapati sampel gagal mengecam keseluruhan 26 abjad dengan betul. Hal ini demikian kerana, prasekolah merupakan tempat pertama mereka menerima pembelajaran secara formal. Sampel tidaklah mencatatkan sifat penguasaan tentang abjad. Mereka masih mengecam beberapa abjad dengan baik. Namun, perkara yang menjadi tumpuan dan perhatian pengkaji adalah untuk membendung permasalahan ini. Perkara biasa bagi kanak-kanak prasekolah menghadapi masalah terutama dalam mengenal huruf semasa di peringkat awal. Namun, perkara ini dilihat tidak dibendung dengan baik kerana rentetan kegagalan mengecam abjad semasa di prasekolah, murid ini berisiko menyumbang kepada bilangan jumlah murid buta huruf setiap tahun seperti statistik yang dicatatkan pada tahun-tahun sebelumnya di Pejabat Pendidikan Daerah Bera.

Semasa aktiviti dijalankan, guru meminta sampel untuk mengangkat kad abjad mengikut arahan yang diberikan oleh guru. Kesemua sampel direkodkan menghadapi masalah ini namun bukanlah kepada semua abjad. Ada abjad-abjad yang berjaya dikuasai oleh sampel. Sampel mengalami kesukaran untuk menguasai kesemua 26 abjad. Dalam pada itu, guru juga menggunakan pendekatan mengangkat kad abjad secara rawak dan meminta sampel mengena pasti abjad apakah itu, masalah yang sama juga direkodkan.

Masalah 3	Gagal membunyikan abjad dengan betul

Seterusnya, dalam permasalahan ini pula pengkaji mendapati tidak semua sampel mengalami masalah yang ketara dalam membunyikan abjad. Setelah pemerhatian yang dilakukan, masalah gagal membunyikan abjad dengan betul ini bukan merupakan masalah yang tidak terlalu membimbangkan. Masalah ini didapati berlaku dalam sesetengah situasi sahaja. Dalam kajian ini, masalah ini dikenal pasti wujud apabila terdapat sampel yang mengalami masalah untuk menyebut huruf s. Sebutan yang dilontarkan oleh sampel tersebut kedengaran seperti sebutan huruf s yang pelat. Sebutan huruf s yang dilontarkan kedengaran seperti gabungan huruf s dan h. Hal ini demikian kerana terdapat abjad yang memiliki bunyi yang seakan sama sebagai contoh huruf s dan h, huruf b dan p , huruf t dan h, f dan v, serta huruf s dan z. Jika diteliti, permasalahan yang dialami ini merupakan masalah yang normal dilakukan dalam proses pembelajaran awal bahasa kanak-kanak. Kekeliruan membunyikan huruf b dan p wajar berlaku kerana kedua-dua huruf ini tergolong dalam kategori kosonan letupan bersuara. Titik artikulasi bagi kedua huruf ini juga terletak berhampiran antara satu sama lain iaitu b merupakan konsonan letupan dua bibir manakala d pula letupan gusi.

Namun masalah ini juga perlu diberikan perhatian kerana, penguasaan bahasa juga merujuk kepada kemahiran membunyikan abjad dengan betul. Proses membunyikan setiap abjad memiliki cara yang berbeza-beza antara satu sama lain. Pelbagai titik artikulasi yang dimiliki oleh individu yang normal membolehkan individu tersebut mengeluarkan bunyi yang betul. Kesalahan membunyikan abjad ini boleh disifatkan sebagai kekeliruan, tidak sengaja dan memang tidak berkemampuan. Namun semua sampel dalam kajian ini merupakan kanak-kanak normal yang sempurna alat pertuturannya. Berdasarkan temu bual bersama guru, guru mengelaskan sampel cuai dan keliru dalam situsai tersebut sahaja. Hal ini demikian kerana, semasa menyanyikan lagu abjad sampel mampu membunyikan sebutan abjad itu dengan betul.

Masalah 4	Gagal menulis abjad dengan betul

Permasalahan ini timbul semasa guru meminta setiap sampel untuk menulis abjad yang berbeza-beza setiap seorang. Namun dapatan mendapati bahawa sampel masih belum mampu untuk menulis bentuk abjad yang diminta dengan baik. Menerusi temu bual bersama guru, permasalahan ini timbul kerana sampel masih belum mengingati bentuk dan rupa setiap abjad satu persatu. Namun sampel mengetahui kewujudan abjad tersebut dalam memori mereka kerana mereka telah menghafal bunyi setiap abjad mengikut susunan. Semasa aktiviti 2, arahan yang diberikan oleh guru adalah meniru semula abjad yang terdapat pada Set Kad Abjad setelah dipilih secara rawak oleh guru. Hasil pemerhatian mendapati, tindak balas yang diberikan sampel adalah lebih positif berbanding tugasan menulis abjad di papan hitam dilakukan. Semasa aktiviti 2 dijalankan, sampel mempunyai rujukan bentuk dan rupa abjad tersebut. Mereka hanya dikehendaki untuk meniru bentuk yang mereka dapat lihat. Walaupun hasil penulisan yang diperoleh tidaklah sempurna, namun pengkaji dapat

menyimpulkan bahawa kanak-kanak ini tiada masalah untuk menulis sesuatu abjad itu sekiranya mereka mempunyai rujukan.

Masalah 5	Sukar membezakan huruf besar dan huruf kecil sesuatu abjad

Dalam kajian ini, masalah kesukaran membezakan huruf besar dan huruf kecil sesuatu abjad tidak berlaku dalam analisis setiap 26 abjad yang dilakukan. Namun, disebabkan mereka tidak dapat mengenali huruf-huruf kecil yang seakan sama bentuk seperti huruf b, d, p dan q, kesukaran untuk menterjemah bentuk abjad tersebut dan masalah kesukaran untuk menulis timbul. Kanak-kanak yang memiliki masalah berbahasa seperti ini sering dikaitan dengan sindrom down, autisme, hiperaktif, terencat akal dan kurang upaya dalam pembelajaran seperti disleksia. Berbeza dengan kajian ini, sampel yang dikaji dalam kajian ini tidak tergolong dalam kategori kanak-kanak disleksia dan sebagainya. Kesemua sampel merupakan kanak-kanak normal. Kekeliruan antara huruf besar dan huruf kecil ini merupakan masalah yang boleh dikatakan wajib berlaku semasa proses pembelajaran bahasa awal seseorang kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa masalah utama murid dalam kemahiran menulis ialah tidak dapat membezakan huruf besar dengan huruf kecil dalam penulisan. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu buaual bersama guru, beliau berpendapat bahawa permasalahan dalam menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu dapat diperbaiki dengan bantuan guru yang kreatif dan inovatif serta berusaha membina persekitaran yang kondusif dan memberikan motivasi agar murid terus belajar.

Masalah 6	Gagal membezakan abjad yang bentuk seakan sama

Selain itu, sebilangan kanak-kanak mengalami masalah kekeliruan pada huruf-huruf yang seakan sama. Dalam perkembangan fizikal dan mental sepanjang zaman prasekolah, kanak-kanak biasanya mengalami kekeliruan huruf. Kanak-kanak tidak dapat membezakan antara huruf-huruf yang mempunyai bentuk yang seakan sama seperti huruf b dan d, p dan q, m dan w, y, g dan j, u dan n, m dan n, c dan e serta h dan n. Masalah kekeliruan terhadap abjad yang memounyai bentuk yang seaka sama ini merupakan masalah yang dering kita temui dalam kajian-kajian berkaitan kanak-kanak disleksia. Namun begitu, dengan melakukan kesalahan membezakan setiap abjad ini bukan bermaksud kanak-kanak tersebut memiliki simptom disleksia. Permasalahan ini juga berlaku dalam kalangan kanak-kanak normal. Ini kerana proses pembelajaran bahasa awal kanak-kanak tidak boleh lari dari bentuk-bentuk masalah seperti ini.

Proses pembelajaran bahasa yang berlaku dirumah sebelum seorang kanak-kanak menerima pendidikan formal disekolah merupakan proses semula jadi sahaja. Dalam fasa ini, pendedahan dan tunjuk ajar yang diterima belum cukup untuk membantu kanak-kanak ini menguasai abjad sekali gus membezakan bentuk-betuknya. Di sekolah, pendidikan yang diterima lebih bersistem. Oleh hal yang demikian, galakan untuk seseorang itu menerima pendedaha secara formal sebelum masuk ke sekolah amat ditekankan. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak yang tidak memeliki pendedehan awal sebelum masuk ke sekolah akan mengalami kesukaran semasa masuk prasekolah kerana di sekolah, pembelajaran abjad dari awal tidak termasuk dalam DSKP sekolah rendah.

Masalah 7	Memerlukan masa yang panjang untuk mengenal sesuatu huruf

Rentetan daripada masalah-masalah di atas, masalah ini merupakan kesan daripada kegagalan menguasai abjad dengan baik. Melalui pemerhatian semasa pembelajaran dalam bilik darjah dilakukan, sampel yang tidak menguasai abjad dengan baik ini memerlukan lebih masa untuk memahami dan memberi respon kepada guru berbanding murid lain. Guru prasekolah menyatakan bahawa sampel akan memberikan respon yang teragak-agak iaitu sampel akan berhenti sejenak sebelum menyebut sesuatu huruf disebabkan kanak-kanak tidak pasti akan bacaannya.

Masalah 8	Menyebut abjad sesuka hati atau meneka sahaja

Masalah tidak kenal huruf merupakan punca utama kebanyakan kanak-kanak gagal membaca dengan baik. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak akan menyebut sesuatu huruf sesuka hati atau dengan meneka sahaja. Bukan itu sahaja sampel kerap mengelak daripada melakukan aktiviti membaca. Masalah ini bukan sahaja dikenal pasti sebagai suatu masalah sahaja, namun ianya juga merupakan satu bentuk alasan atau kaedah yang digunakan oleh sampel untuk mempercepatkan proses pembelajaran tersebut.

Berikut pengkaji menyenaraika permasalahan yang dihadapi sampel dalam bentuk jadual.

JADUAL 2 Masalah penguasaan abjad yang dihadapi kanak-kanak prasekolah

Bilangan	Masalah
Masalah 1	Hanya menghafal urutan bunyi abjad daripada A hingga Z
Masalah 2	Gagal mengecam abjad dengan betul
Masalah 3	Gagal membunyikan abjad dengan betul
Masalah 4	Gagal menulis abjad dengan betul
Masalah 5	Sukar membezakan huruf besar dan huruf kecil sesuatu abjad
Masalah 6	Gagal membezakan abjad yang bentuk seakan sama
Masalah 7	Memerlukan masa yang panjang untuk mengenal sesuatu huruf
Masalah 8	Menyebut abjad sesuka hati atau meneka sahaja

Objektif 3: Pembangunan 'Koleksi Permainan Bahasa' kanak-kanak prasekolah.

Bagi objektif terakhir ini, pengkaji masih dalam proses untuk menghasilkan sebuah prototaip 'Koleksi Permainan Bahasa' yang terdiri daripada lima jenis bentuk permainan bahasa yang berbeza. Dalam pembangunan 'Koleksi Permainan Bahasa' ini, pengkaji mengaplikasikan pendekatan Pendekatan Penyelidikan dan Reka Bentuk atau DDR (2007) serta Kaedah Multisensori (1920). 'Koleksi Permainan Bahasa' ini merupakan satu set permainan bahasa yang memfokuskan aspek penguasaan abjad sahaja. Aspek selain daripada penguasaan abjad tidak diterapkan dalam permainan ini.

Permainan 1	------	Visualistik (V)
Permainan 2	------	Auditori (A)
Permainan 3	------	Kinestetik (K)
Permainan 4	------	Tekstil (T)
Permainan 5	------	Gabung jalin (V, A, K, T)

Teknik multisensori ini merupakan salah satu teknik pengajaran yang dapat meningkatkan daya sensori kanak-kanak. Ini adalah kerana pengajaran dengan menggunakan teknik multisensori dapat merangsang penggunaan deria kanak-kanak seperti deria penglihatan, deria rasa, deria pendengaran, deria sentuh secara tidak langsung dapat membantu otak kanak-kanak untuk memahami dan menterjemahkan perkara yang dipelajari dalam bentuk yang lebih konkrit. Namun, kaedah ini tidak dijadikan sebagai suatu budaya dalam proses pembelajaran. Menurut kajian-kajian lepas, teknik multisensori dapat mempercepatkan proses kanak-kanak untuk mengenal huruf dan membaca terutamanya kanak-kanak yang mengalami disleksia, tetapi sejauhmanakah pelaksanaan teknik multisensori ini dilaksanakan di kelas-kelas prasekolah bagi membantu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran literasi ini adalah kerana ramai guru-guru masih belum didedahkan dengan teknik multisensori.

Prototaip 'Koleksi Permainan Bahasa' masih dalam tempoh pembangunan.

KESIMPULAN

Terdapat lambakan kajian lampau yang telah dilakukan berkaitan keberkesanan teknik bermain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, pengkaji tertarik untuk membangunkan sebuah alat bantu berbentuk permaina yang menerapkan aspek gabungan deria yang memfokuskan penguasaan abjad kanak-kanak. Kajian tentang keberkesanan kaedah bermain dan belajar telah terbukti mendatangka impak positif. Maka sudah tiba masanya untuk pengkaji-pengkaji masa kini untuk memvariasikan kajian dengan menghasilkan sesuatu yang boleh dimanfaat dalam proses pembelajaran bahasa itu sendiri. Buka hanya sekadar menjadi rujukan ilmiah semata-mata. Yang menjadikan kajian ini berbeza dengan kajian permaian bahasa lain, kajian ini mengangkat elemen kaedah multisensori dalam pembangunan satu set permainan yang bertujuan memperkasa penguasaan abjad kanak-kanak prasekolah.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.*

Ayob, A. (2018). Manipulasi kebolehcapaian murid dalam gaya bahasa berasaskan teks interaktif permainan bahasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *3*(10), 50-64.

Izzati Ismail & Kamarul Arifin bin Abdul Rahman. (2013). Mengenal pasangan huruf kecil dan huruf besar melalui permainan bahasa. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ), 3*(13), 119-136.

Fairosnita Ibrahim & Kamarul Shukri Mat The. (2015). *Pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Arab.* Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Harian Metro. (2018, February 19). Kadar buta huruf semakin meningkat, 8.

Harian Metro. (2019, Februari 26). Kenal huruf belum cukup, 6.

Kamarudin Haji Husin. (1998). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Mohd. Nazri Abdul Rahman (2016). *Application of Fuzzy Delphi approach in designing homeschooling education for early childhood islamic education*. (Teis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.

Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi. (2016). *Tahap kefahaman membaca antara murid pasca linus dan murid arus perdana.* Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Naimah Yusoff. (2005). *Perbandingan dua kaedah mengajar bacaan awal Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Sri Utami Soraya Dewi. (2015). Pengaruh metode multisensori dalam meningkatkan kemampuan membaca permulaan pada anak kelas awal sekolah dasar. *Jurnal Program Studi PGMI, 2*(1), 1-11.

Subramaniam, Ilangko. (2014). Aktiviti permainan bahasa, wahana penguasaan kosa kata. Jurnal *Pendidikan Bahasa Melayu.*

Nur Syuhada Mohamad Abdul Wahab & Faridah Yunus. (2016). *Teknik multisensori dalam pengajaran dan pembelajaran literasi huruf kanak-kanak prasekolah.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Fatmawati Wan Bujang. (2014). *Jom Mengecam ABC*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP KG(BM). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy Dewitt & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research.* Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.

PEMAHAMAN GURU-GURU TERHADAP KURIKULUM BAHASA MELAYU TAHAP 1 DI SJKC

Chew Fong Peng
Universiti Malaya (UM)
fpchew@um.edu.my

ABSTRAK

Kurikulum Bahasa Melayu sentiasa menjadi isu perdebatan dalam arena Pendidikan untuk menilai keberkesanan kualiti Pendidikan Malaysia. Memasuki era revolusi industri 4.0, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2010) telah disemak pada 2017 dalam mengemaskini kurikulum pendidikan negara. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, memainkan peranan penting sebagai pemangkin kemajuan negara. Namun begitu, sesetengah guru di sekolah rendah masih belum memahami kurikulum Bahasa Melayu sepenuhnya. Justeru kajian ini bertujuan untuk meninjau pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Responden kajian ini terdiri daripada 308 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di beberapa buah SJKC yang merangkumi lima zon yang dipilih, iaitu zon utara Semenanjung, tengah Semenanjung, selatan Semenanjung, timur Semananjung dan timur Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu tahap I di SJKC berada di tahap tinggi (M=4.06, SP=.63). Analisis inferensi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu berdasarkan lokasi sekolah, zon kajian, pengalaman mengajar dan pengalaman mengikuti kursus Bahasa Melayu. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengambil kira faktor demograf guru dalam merangka kursus kurikulum Bahasa Melayu yang bersesuaian untuk mereka.

Kata kunci: Bahasa Melayu, guru, kurikulum, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

PENGENALAN

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa sekarang dan akan datang. Justeru proses pembangunan kurikulum sentiasa berlangsung dari semasa ke semasa. Pembangunan kurikulum melibatkan aktiviti seperti semakan semula, penstrukturan semula, penambahbaikan sehinggalah perubahan dan penukaran kurikulumnya. Proses ini biasanya lebih tertumpu kepada tiga komponen asas kurikulum, iaitu isi kandungan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan bentuk penilaian.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan kurikulum merupakan satu proses yang dinamik dan berterusan. Oleh itu, penekanan kurikulum adalah berbeza dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain (Ahmad Hussein, 2012). Pada tahun 1955, Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) digubal sempena era kemerdekaan untuk memperkenalkan kemahiran 3M, yakni membaca, menulis dan mengira. Masuk fasa kedua, pada 1983, Penyata Mahathir dijelmakan secara rasmi ke seluruh sekolah di Malaysia sebagai Kurikulum Baru Sekolah Rendah bagi menggantikan kurikulum lama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pada tahun 1993, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan. Perubahan dari kurikulum baru kepada kurikulum bersepadu adalah cetusan berterusan objektif Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang digubal pada 1988 (BPK, 2014). KBSR disemak semula pada tahun 2003 kerana dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) (Nor Aziz, 2012). KBSR (semakan) telah digubal semula menjadi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan murid-murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21. Kurikulum ini dijalankan secara berperingkat di seluruh Malaysia bagi murid Tahun Satu 2011 (Bahagian Pembangunan

Kurikulum, 2016a). Kurikulum ini selaras dengan perkembangan dan permintaan semasa yang menuntut modal insan yang lebih berkualiti sejajar dengan zaman yang serba maju dan mampu bersaing di peringkat global. Seterusnya pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) kemudian disemak semula pada tahun 2017 untuk mengimbangi set ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 mempunyai banyak perbezaan dari Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang lama, antaranya dari aspek dokumen kurikulum, peruntukan masa, organisasi kurikulum, elemen merentas kurikulum, penekanan pedagogi, pentaksiran dan penjenamaan semula mata pelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016b). Standard yang diketengahkan ini mengandungi Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Standard Kurikulum ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi kurikulum Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah dengan memberi fokus kepada penguasaan asas kemahiran bahasa dalam kalangan murid melalui pendekatan modular yang bersepadu, seimbang dan holistik. Pendekatan modular merangkumi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, serta penguasaan aspek tatabahasa dan seni Bahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu adalah berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Standard ini menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan sebagai bahasa pengantar di sekolah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan, penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan bahasa kedua kepada murid untuk memperoleh kemahiran bahasa yang ditentukan dalam Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Standard ini juga menekankan kepelbagaian minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid.

.

PERNYATAAN MASALAH

Guru merupakan orang yang berpengaruh terhadap sesebuah inovasi pendidikan. Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan bergantung kepada kefahaman serta kompetensi guru, iaitu pelaksanaannya di sekolah (Mohd Nazri & Wan Nurul Baizura, 2014). Pengetahuan dan pemahaman guru untuk melaksanakan sesuatu kurikulum baharu amat diperlukan bagi menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu kurikulum baharu yang diperkenalkan. Pengetahuan guru tentang sesuatu kurikulum dapat meningkatkan kefahaman murid.

Pengetahuan guru untuk melaksanakan sesuatu kurikulum baharu amat diperlukan bagi menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu kurikulum baharu yang diperkenalkan. Pengetahuan guru terhadap sesuatu kurikulum dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Namun demikian, guru-guru sering menghadapi pelbagai cabaran terutama dari segi pengetahuan tentang kurikulum mata pelajaran dan kemahiran pedagogi apabila kurikulum baharu diperkenalkan (Chapman, 2012). Perubahan dalam kurikulum sukar dilaksanakan jika guru sebagai pelaksana mempunyai tanggapan dan pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut. Di samping itu, tanpa pengetahuan, pengalaman dan keupayaan juga akan menyebabkan guru kurang bersedia untuk menghadapi dan melaksanakan perubahan yang dirancangkan

Norazilawati, Noraini, Mahizer, Nik Azmah dan Rumaizah (2014) dalam kajian mereka menyatakan guru diminta untuk menerima sesuatu kurikulum dan memahami intipati perubahan kurikulum tersebut serta mahir melaksanakannya. Memandangkan guru adalah golongan yang akan melaksanakan sesuatu program yang baharu di sekolah, maka gambaran yang sedikit tentang program yang telah dibentuk akan menyebabkan guru-guru tidak faham apakah rasional di sebalik perubahan tersebut dan apakah peranan mereka dalam melaksanakan program yang telah dibentuk. Oleh itu, sebarang perubahan dalam kurikulum perlu disebarkan dan diberikan penjelasan secara mantap kepada para guru.

Pengetahuan dan pemahaman guru tentang pelaksanaan kurikulum merupakan faktor yang paling dominan dalam pelaksanaan kurikulum (Kang & Lim, 2015). Kekurangan ilmu pengetahuan tentang kurikulum yang digunakan menyebabkan guru tidak mengetahui aspek-aspek perubahan yang telah berlaku. Ramai guru didapati menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti perubahan yang sepatutnya perlu dilaksanakan oleh mereka. Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan dan Maslinda Pungut (2020) menyatakan guru-guru masih belum memahami dan menguasai sepenuhnya kandungan Pembelajaran Abad ke-21. Guru-guru juga

belum mempunyai kesediaan yang mantap dalam melaksanakan KBAT dalam PAK21. Awoniyi (2016) turut menyatakan guru Matematik tidak memahami garis panduan untuk melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Veloo, Krishnasamy, dan Md-Ali (2015) dan Rohaida Mazlan (2017) pula menjelaskan kurangnya pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran atau kemahiran adalah disebabkan kurangnya pendedahan terhadapnya. Pengetahuan yang dimiliki oleh guru secara tidak langsung akan mempengaruhi komitmen guru untuk melaksanakan sesuatu perubahan yang berlaku dalam kurikulum. Guru-guru yang tidak berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman tidak akan mencapai objektif perubahan kurikulum yang dihasratkan.

Selain itu, guru-guru perlu memahami kurikulum supaya dapat melaksanakan pengajaran yang efektif. Ppengetahuan kurikulum ini sangat penting kerana guru-guru yang telah memahami kandungan kurikulum akan dapat menyampaikan isi kandungan mata pelajaran mengikut pengetahuan, kebolehan, minat dan pengalaman sedia ada murid. Di samping itu, Che Zanariah dan Fadzilah (2011) menjelaskan bahawa terdapat masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis. Oleh itu, tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru perlu dipertingkatkan bagi memastikan kurikulum dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan (Chew Law Beng, 2018).

Kajian tentang pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu belum meluas dijalankan. Sebaliknya kajian tentang pelaksanaan kurikulum lebih banyak dijalankan bagi mata pelajaran Sains, Matematik, STEM dan Bahasa Inggeris. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 (Tahun Satu, Dua dan Tiga), khususnya Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) di SJKC.

Objektif Kajian

Objektif Kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 di SJKC.
2. Mengenal pasti perbezaan pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu tahap 1 di SJKC berdasarkan demografi.

Soalan Kajian

Secara spesifiknya, kajian ini cuba untuk mencari jawapan kepada dua soalan berikut:

1. Apakah tahap pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 di SJKC?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 di SJKC berdasarkan lokasi sekolah, zon, pengalaman mengajar dan pengalaman guru mengikuti kursus Bahasa Melayu?

Hipotesis Kajian

Hipotesis nul dibangunkan untuk soalan kajian kedua seperti berikut:

Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu (BM) tahap 1 di SJKC berdasarkan:

i. lokasi sekolah
ii. Zon
iii. pengalaman mengajar
iv. pengalaman guru mengikuti kursus Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk mengenal pasti tahap pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pengkaji telah menjalankan kajian di beberapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mengikut mengikut lima zon. Zon kajian terdiri daripada zon utara Semenan-

jung (Pulau Pinang), selatan Semenanjung (Johor), timur Semenanjung (Pahang), tengah Semenanjung (Selangor) dan Malaysia Timur (Sabah). Pemilihan lokasi tersebut dibuat atas faktor kekangan masa dan kekangan jarak yang tidak dapat dielakkan. Keseluruhannya, sejumlah 308 orang guru bahasa Melayu dijadikan sebagai responden kajian dengan menggunakan kaedah persampelan selesa (*convenience sampling method*) bagi mengumpul data

Soal selidik kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Mohamad Zaidir dan Kamisah (2017) dan Rohaida Mazlan (2017). Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A ialah maklumat latar belakang atau demografi responden. Bahagian B pula terdiri daripada 17 item yang berhubung kait dengan pemahaman guru-guru terhadap KSSR. Pengkaji menggunakan Skala Likert lima mata dalam soal selidik in

Kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 30 orang guru bahasa Melayu di tiga buah sekolah di zon tengah yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar. Data yang diperolehi melalui kajian rintis dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Packages for the Social Science (SPSS)* versi 25.0. Dalam kajian ini, nilai Cronbach Alpha soal selidik ini ialah 0.94, menunjukkan soal selidik pengkaji mempunyai ketekalan yang tinggi dan boleh diteruskan dalam kajian sebenar.

Meneliti demografi responden, didapati guru-guru dari bandar adalah lebih ramai (192, 62.1%) daripada guru dari luar bandar (116, 37.5%). Dari segi zon pula, responden guru dari zon Johor paling banyak (75, 24.3%), diikuti zon Pahang (74, 23.9%), zon Pulau Pinang (69, 22.3%), zon Sabah (47, 15.2%), manakala bilangan responden yang paling kurang adalah zon Selangor (43, 13.9%). Pengalaman mengajar pula menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun adalah kumpulan yang paling ramai (80, 25.9%), kedua ialah kumpulan 11 hingga 5 tahun (78, 25.2%), diikuti 16 hingga 20 (76, 24.6%), dan akhirnya 6 hingga 10 tahun (74, 23.9%). Seterusnya, sebanyak 252 (81.6%) orang guru yang pernah mengikuti kursus Bahasa Melayu manakala 55 (17.8%) orang guru tidak pernah berbuat demikian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Soalan kajian 1: Apakah pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK?

Keputusan soalan 1 dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1 Pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
5	Saya faham RPH perlu dirancang mengikut kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.19	.62
6	Saya faham kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK mengikut tema	4.18	.62
17	Saya faham menetapkan objektif pengajaran yang hendak diajar	4.13	.57
13	Saya faham cara mengajar kemahiran membaca Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.10	.60
11	Saya faham merancang RPH mengikut tema.	4.10	61
4	Saya mengoptimakan waktu mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 SJK dalam waktu yang diperuntukkan.	4.10	.64
3	Saya faham kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK perlu dihabiskan (300 seminggu) dalam waktu yang ditetapkan.	4.07	.69
9	Saya faham menggunakan strategi, contohnya strategi berpusatkan murid untuk mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.06	.63

2	Saya faham konsep pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.05	.58
10	Saya faham menggunakan teknik contohnya, teknik *i-think*, peta minda dll. untuk mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 SJK	4.04	.58
16	Saya faham cara untuk menilai prestasi mengikut tahap murid-murid.	4.03	.66
1	Saya faham standard kandungan kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.03	.67
8	Saya tahu menggunakan sumber PdP untuk mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 SJK dengan berkesan.	4.02	.54
12	Saya faham cara mengajar kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	4.02	.61
14	Saya faham cara mengajar kemahiran menulis Bahasa Melayu Tahap 1 SJK	3.98	.61
7	Saya faham cara untuk menentukan standard pembelajaran berdasarkan kebolehan murid-murid.	3.94	.78
15	Saya faham cara mengajar kemahiran aspek seni bahasa Bahasa Melayu Tahap 1 SJK.	3.93	.68
	Purata	**4.06**	**.63**

Berdasarkan Jadual 2, item ke-5 (saya faham RPH perlu dirancang mengikut kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK) menunjukkan pemahaman guru yang paling tinggi terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK (*M*= 4.19, *SP*= .62). Item ke-6 (saya faham RPH perlu dirancang mengikut kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK) merupakan item kedua tinggi pemahaman guru (*M* = 4.18, *SP* = .62). Seterusnya item ke-17 (saya faham menetapkan objektif pengajaran yang hendak diajar) merupakan item ketiga tinggi bagi pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK (*M* = 4.13, *SP* = .57).

Di sebalik itu, item ke-14 (saya faham cara mengajar kemahiran menulis Bahasa Melayu Tahap 1 SJK) merupakan item ketiga rendah pemahaman guru (*M*= 3.98, *SP* =.61). Seterusnya, item ke-7 (saya faham cara untuk menentukan standard pembelajaran berdasarkan kebolehan murid-murid) merupakan item kedua rendah pemahaman guru (*M*= 3.94, *SP* =.78), manakala item ke-15 (saya faham cara mengajar kemahiran aspek seni bahasa Bahasa Melayu Tahap 1 SJK) merupakan item paling rendah pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK (*M*= 3.93, *SP* =.68).

Secara kesimpulannya, pengetahuan guru terhadap pelaksananan DSKP Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi (*Min Purata* = 4.06, *SP* = .63). Dapatan kajian ini dapat dikaitkan dengan kajian Kang dan Lim (2015) dan Rohaida Mazlan (2017) yang mendapati pengetahuan guru-guru terhadap pelaksanaan KSSR berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini turut disokong dengan kajian Kalai Selvan dan Sarimah (2016) yang menunjukkan pelaksanaan pentaksiran guru di dalam kelas dipadankan dengan pemahaman mereka tentang PBS.

Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman guru terhadap DSKP Bahasa Melayu adakah kunci kepada keberkesanan pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Guru-guru memainkan peranan utama dalam menggunakan pengetahuan yang dimiliki untuk dikongsi bersama murid-murid untuk mencapai matlamat DSKP.

Soalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu (BM) tahap 1 di SJKC berdasarkan lokasi sekolah, zon, pengalaman mengajar dan pengalaman guru mengikuti kursus Bahasa Melayu?

i) Lokasi sekolah

JADUAL 3 Ujian-*t* bagi pemahaman guru berdasarkan lokasi sekolah

Lokasi Sekolah	*Min*	*SP*	*t*	*p*	Saiz Kesan (SK)
Bandar	4.05	.523	-.409	.000	.04
Luar bandar	4.07	.348			

* $p<0.05$

Keputusan ujian-*t* menunjukkan markat min lokasi bandar (*M* = 4.05, *SP* = .52) adalah lebih rendah berbanding dengan lokasi luar bandar (*M* = 4.07 *SP* = .35 dengan nilai *t* = -.409 dan signifikan pada aras $p < 0.05$, SK = .04. Saiz kesan bagi pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu adalah kecil. Hal ini dapat ditafsirkan sebagai lokasi sekolah mempengaruhi pemahaman guru-guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK pada tahap yang sedikit. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK berdasarkan lokasi sekolah. Justeru hipotesis nul dalam kajian ini ditolak.

Keadaan ini berlaku berkaitan dengan tahap pendidikan guru terlatih yang lebih banyak tertumpu di bandar berbanding di luar bandar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), seterusnya mempengaruhi pemahaman mereka terhadap kurikulum KSSR. Keadaan menjadi lebih serius apabila kebanyakan guru yang mengajar Bahasa Melayu bukan pengkhususan Bahasa Melayu. Kajian KPM (2017) menunjukkan kadar guru-guru sekolah rendah yang bukan pengkhususan Bahasa Melayu adalah antara 22.5% hingga 53.2% di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, peratusan guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah sangat tinggi, iaitu 82.7%. Bagi menangani isu ini, kursus berkaitan Bahasa Melayu perlu dilaksanakan.

ii) Zon

JADUAL 3 Ujian ANOVA sehala bagi pemahaman guru berdasarkan zon

Pemboleh Ubah Zon	n	Punca Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Selangor	43	Antara Kumpulan	12.461	4	3.115	17.545	.000
Pulau Pinang	69	Dalam Kumpulan	53.800	303	.178		
Johor	75						
Pahang	74						
Sabah	47						
		Jumlah	**66.261**	**307**			

* $p <0.05$

Berdasarkan Jadual 3, didapati zon Johor memperoleh skor min tertinggi (*M*= 4.20, *SP* = .40), diikuti dengan zon Selangor (*M*= 4.19, *SP* = .36), zon Sabah (*M* = 4.15, *SP* = .46), zon Pahang (M = 4.12, SP = .38) dan yang terendah ialah zon Pulau Pinang (M = 3.69, SP = .49). Analisis ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK berdasarkan zon *(F*(4, 303) = 17.545, *p* = .00). Hal ini dapat ditafsirkan sebagai pemahaman guru-guru dipengaruhi oleh zon atau negeri tempat bertugas mereka. Guru-guru SJKC yang mengajar di zon Johor didapati mempunyai pemahaman yang lebih positif dalam melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 sekolah berbanding guru-guru yang mengajar di zon Selangor, Pahang, Pulau Pinang dan Sabah. Ini bermakna, zon mempengaruhi pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJKC. Oleh itu, hipotesis nul kajian ini ditolak.

Perbezaan yang ketara itu berlaku berikutan perbezaan persekitaran negeri, budaya, dan pedagogi guru Bahasa Melayu masing-masing. Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Sarabiah

(2018) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan keberkesanan bimbingan jurulatih *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) mengikut zon, iaitu guru-guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ zon Pudu didapati mempunyai pandangan yang hampir sama dengan guru-guru di zon Bangsar terhadap pelaksanaan amalan bimbingan.

iii) Pengalaman mengajar

JADUAL 4 Ujian ANOVA sehala bagi pemahaman guru berdasarkan pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	**n**	**Punca Variasi**	**Jumlah Kuasa Dua**	***Df***	**Min Kuasa Dua**	***F***	***p***
1- 5 tahun	80	Antara Kumpan	5.001	3	1.667		.000
6-10 tahun	74	Dalam Kumpulan	61.260	304	.202		
11-15 tahun	78						
16-20 tahun	76						
		Jumlah	**66.261**	**307**			

* $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4, guru-guru yang berpengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun memperoleh skor min tertinggi (M = 4.20, SP = .52), diikuti 11 hingga 15 tahun (M = 4.15, SP = .45), 6 hingga 10 tahun (M = 4.01, SP = .34) dan yang terendah ialah 1 hingga 5 tahun (M = 3.88, SP = .46). Analisis ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan ($F = 8.272$, $p < 0.05$) antara pemahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 SJK dengan pengalaman mengajar. Dalam hal ini, guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar dapat memahami kurikulum Bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Oleh itu, hipotesis nul dalam kajian ini ditolak.

Hasil kajian ini disokong oleh Norazilawati, Noraini, Mahizer, Nik Azmah dan Rumaizah (2014) yang menyatakan guru-guru yang lebih berpengalaman mempunyai pengetahuan dan minat yang lebih tinggi berbanding guru baharu. Namun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan kajian Hanifah Mahat, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Shaharudin Idrus (2013) yang menemui bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pemahaman guru di SJKC yang signifikan terhadap DSKP dalam pelaksanaan PBS mengikut pengalaman mengajar. Dapatan kajian Kang dan Lim (2015) juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengetahuan guru-guru yang signifikan terhadap pelaksanaan KSSR berdasarkan pengalaman mengajar guru. Begitu juga dengan dengan kajian Ozkan (2016) yang mendapati bahawa guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 10 tahun mempunyai kesedaran tentang istilah kurikulum yang lebih tinggi daripada mereka yang mengajar lebih 10 tahun. Hal ini demikian kerana guru-guru muda baru menjalani Peperiksaan Saringan Kakitangan Awam untuk menjadi guru bertauliah yang antara lain menguji pengetahuan kurikulum mereka

iv) Pengalaman mengikuti kursus Bahasa Melayu

Keputusan analisis menunjukkan *Wilcoxon W* berada pada nilai 4327.00 pada aras signifikan (p = .00). Ini menunjukkan terdapat perbezaan pemahaman guru yang signifikan dengan pengalaman mereka pernah mengikuti kursus Bahasa Melayu. Ini bermakna guru-guru yang pernah mengikuti kursus Bahasa Melayu mempunyai pemahaman yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak pernah mengikuti kursus Bahasa Melayu. Oleh itu, hipotesis nul kajian ini ditolak.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Noel Jimbai dan Zamri (2016) yang menyatakan pelantikan guru sepenuh masa sebagai jurulatih SISC+ untuk memberikan sokongan daripada Pejabat Pendidikan Daerah ke sekolah dapat memastikan pelaksanaan dasar dan program KPM di sekolah, meningkatkan tahap profesionalisme, pengetahuan, kemahiran dan sikap diri masing-masing dan merancang serta menyelaraskan pelaksanaan kursus untuk guru-guru di daerah masing-masing.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa guru-guru memerlukan sokongan berterusan untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu mengikut DSKP di dalam kelas. Latihan berterusan membantu guru-guru untuk meningkatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai DSKP dan bagaimana DSKP dapat diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, adalah dicadangkan agar pihak kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan SJKC mengadakan kursus yang lebih komprehensif berkenaan kurikulum bahasa Melayu Tahap 1 ini. Walaupun dapatan kajian menunjukkan hasil yang positif, namun guru-guru yang tidak pernah mengikuti kursus Bahasa Melayu tidak dapat memahami DSKP semakan 2017 sepenuhnya, dan seterusnya menjejaskan pengajaran mereka di dalam kelas. Oleh hal yang demikian, kursus berkenaan kurikulum Bahasa Melayu yang lebih holistik sangat penting dan perlu diadakan di peringkat sekolah.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu haruslah dikuasai dengan baik oleh semua murid sekolah kerana Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaaan. Sehubungan dengan itu, guru-guru Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid berpandukan DSKP. Kajian ini membuktikan bahawa pemahaman guru-guru di SJKC terhadap kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 adalah positif, namun begitu penambahbaikan boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan DSKP Bahasa Melayu di bawah KSSR. Mereka haruslah mengambil kira faktor demografi guru-guru dalam merangka kursus untuk membantu mereka memahami pedagogi Bahasa Melayu yang bersesuaian. Langkah ini sangat penting dalam usaha memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping meningkatkan profesionalisme guru-guru.

RUJUKAN

Ahmad, Hussein (2012). *Mission of public education in Malaysia: The challenge of transformation.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Awoniyi, F. C. (2016). The understanding of senior high school mathematics teachers of school-based assessment and its challenges in the Cape Coast Metropolis. *British Journal of Education*, *4*(10), 22–38.

Chapman, O. (2012). Challenges in mathematics teacher education. *Journal of Mathematics Teacher Education, 15,* 263–270.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). Kementerian Pendidikan Malaysia. Dimuat turun pada 23hb April 2021 daripada http://web.moe.gov.my/bpk/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=311&Itemid=477&lang=en&showall=1

Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. (2016a). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun 1. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. (2016b). Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. (2017). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun 3. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. (2020). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 5*(1), 100-119.

Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *1*(1), 67–87.

Chew Law Beng. (2018). Kepimpinan distributif guru besar, sikap, pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru dalam pelaksanaan perubahan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di sekolah-sekolah SJK (C) negeri Perak. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Hanifah Mahat, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Shaharudin Idrus (2013). Satu kajian pentingnya pengetahuan guru dalam pelaksanaan Program Sekolah Lestari di Malaysia. *Perspektif, 5*(2), 75-92.

Kang Mu Huai, & Lim Hooi Lian. (2015). Pengetahuan dan keprihatinan guru-guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). *JPBU, 8,* 22–31.

Kem Kalai Selvan Arumugham, & Sarimah Shaik Abdullah. (2016). Teachers ' understanding of school based assessment : A case study of Malaysian primary school teachers. *International Journal of Advanced Education and Research*, *1*(6), 16–19.

Kenterian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 – 2025*. Putrajaya.

Mohd Nazri Abdul Rahman, & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Nor. (2014). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 1*, 53–64.

Mohamad Zaidir Zainal Abidin, & Kamisah Osman. (2017). Tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran dan pelaksanaan guru sains terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, *1*(1), 97–113.

Noel Jimbai anak Balang & Zamri Mahamod. 2016. Persepsi dan proses bimbingan SISC+ terhadap guru-guru Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru, 11*, 90-103.

Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Mahizer Hamzah, Nik Azmah Nik Yusuf & Rumaizah Omar. (2014). Kesediaan guru sains dan matematik dalam pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 4*(1), 81-96.

Nor Aziz, Nor Hayati (2012). Bersama dunia pendidikan: KBSR dan KSSR. Dimuat turun pada 23hb April, 2021 daripada http://tie4848.blogspot.com/2012/10/kbsr-dan-kssr.html

Ozkan, H.H. (2016). An analysis of teachers' opinions about their knowledge of curriculum terms awareness. *Universal Journal of Educational Research, 4*(7), 1601-1613.

Rohaida Mazlan. (2017). Tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(2), 30–40.

Sarabiah Jusoh. (2018). Persepsi, amalan dan keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8*(1), 42–52.

Veloo, A., Krishnasamy, H. N. & Md-Ali, R. (2015). teachers' knowledge and readiness towards implementation of school based assessment in secondary schools. *International Education Studies, 8*(11), 193-203.

PENGAJARAN BAHASA MELAYU VERSI INDONESIA DI THAILAND: SATU LANGKAH MENGANTARABANGSAKAN *BAHASA MELAYU* DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Djusmalinar
Prince of Songhla Universiti, Kampus Pattani
djusmalinar.d@psu.ac.th

ABSTRAK

Pengajaran Bahasa Melayu versi Indonesia (bMvI) di Thailand disambut baik oleh kalangan masyarakat Thailand yang berada di Bangkok semenjak tahun 2017. Pemilihan Bahasa Melayu versi Indonesia untuk dipelajari oleh masyarakat Thailand kerana bahasa Melayu (bM) itu merupakan salah satu bahasa yang diingini oleh penduduk Thailand (Kompas, Red. 2017). Alasan seterusnya pemilihan bMvI untuk dipelajari kerana beberapa universiti di negera itu telah membuka mata kuliah bahasa Melayu versi Indonesia, sama ada sebagai mata kuliah pilihan mahupun sebagai mata kuliah minor. Melihat semakin meningkat pengajaran bM di Thailand khususnya bMvI mendorong pengkaji untuk melakukan kajian lebih lanjut. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dan metod kuantitatif dengan menggunakan teknik temuduga dengan Atase Pendidikan dan Kebudayaan di Kedutaan Republik Indonesia Bangkok dan seorang pensyarah bMvI di Universiti Thamasat, Bangkok serta membuat soal selidik dalam kalangan mahasiswa yang mengambil mata kuliah mata pelajaran itu di universiti tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pengajaran bMvI di Thailand dalam kalangan mahasiswa merupakan suatu peluang untuk mempelajari bM dan khususnya mengenai budaya Indonesia. Kemahiran yang telah diperoleh para mahasiswa akan memberi peluang kepada mereka melamar kerjaya di syarikat-syarikat Indonesia di Bangkok. Manakala bagi wakil duta, menganggap ia merupakan suatu peluang diplomasi budaya untuk menginternasionalisasi bMvI di peringkat antarabangsa.

Kata kunci: pengajaran, universiti, kemahiran, bahasa Melayu versi Indonesia

PENGENALAN

Pengajaran bahasa Melayu versi Indonesia di Thailand telah bermula semenjak tahun 1980-an. Pengajaran mata kuliah itu bermula di negeri-negeri bahagian Selatan Thailand yang dikenali dengan nama *Sam Changwad Chaideng Pak Thai.* Pengajaran bahasa tersebut dilaksanakan dalam kalangan murid sekolah-sekolah swasta agama Islam; yang dikenali juga sebagai sekolah pondok - sebelum wujud Komuniti ASEAN dalam tahun 2015. Komuniti ASEAN bersepakat untuk menggunakan bahasa Melayu versi Malaysia dan bahasa Melayu versi Indonesia sebagai bahasa ASEAN.

Negara Thailand sebagai anggota ASEAN yang menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa rasminya turut memberi sokongan pada bahasa ASEAN ini dengan cara membuka peluang kepada masyarakatnya untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sama ada versi Malaysia mahupun versi Indonesia. Berdasarkan laporan daripada akhbar Kompas (2017) dinyatakan bahawa bM versi Indonesia adalah bahasa yang disukai orang Thai untuk mempelajarinya.

Melihat peluang bahasa Melayu khasnya versi Indonesia sebagai bahasa antarabangsa, Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Bangkok melalui Atase Pendidikan telah menyambut baik minat masyarakat Thailand mempelajarai bahasa itu. Sehubungan itu, KBRI di Bangkok telah bertindak pantas menyediakan tenaga pengajaran untuk memberikan pengajaran bahasa Melayu versi Indonesia secara percuma kepada sekolah-sekolah dan juga universiti. Tenaga pengajar atau guru-guru berkenaan didatangkan khas untuk mengajar bM Indonesia untuk Penutur Asing (BIPA) dan kepada para mahasiswa Tahun Akhir yang menjalani latihan mengajar. Umumnya mahasiswa yang menjalani latihan mengajar bMvI dan juga bahasa Inggeris adalah dikirim oleh pihak berkenaan di Indonesia untuk mengajar di sekolah-sekolah agama Islam di Selatan Thailand. Hal ini dapat dilakukan dengan mudah dan lancar kerana peranan para alumni Indonesia di Thai-

land telah memberi kerjasama membantu yang mengadakan MOU dengan pihak berkenaan di sekolah-sekolah agama Islam yang berada di Selatan Thailand.

Untuk kertas kerja ini, kajian difokuskan ke atas isi kandungan sesi temu duga dengan Atase Pendidikan dan Kebudayaan di Kedutaan Republik Indonesia Bangkok, dan dengan seorang pensyarah Bahasa Melayu versi Indonesia di Universiti Thamasat Universiti, Bangkok serta soal selidik ke atas para mahasiswa yang mengambil subjek bahasa Melayu itu di Universiti Thamasat. Kajian ini mengguna metod kualitatif dan kuantitatif. Menurut Johnson & Onwuegbuzie (2004), metod campuran adalah cara kajian dengan menggabungkan dua metod dalam satu penyelidikan. Metod kualitatif digunakan melalui temuduga dua orang dan metod kuantitatif kepada para mahasiswa Universiti Thamasat. Hasil dapatan ini diharapkan dapat memberikan gambaran mengenai situasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu versi Indonesia di Thailand melalui model *Socio-educational,* Gardner (1985).

KAJIAN TEORI

Kemampuan untuk menguasai pelbagai bahasa merupakan nilai tambah bagi sesiapa sahaja yang belajar bahasa, termasuk mahasiswa yang mempelajari bahasa kedua atau bahasa ketiga. Bagi seorang mahasiswa yang dapat menguasai bahasa kedua atau bahasa ketiga sangat dipengaruhi oleh minat dan sikap masing-masing ketika belajar satu-satu bahasa itu. Faktor ini dikenali sebagai faktor ekstralinguistik.

Faktor ekstralinguistik dapat dilihat daripada motivasi, emosi, sikap, dan keperibadian seseorang ketika proses pembelajaran berlangsung (Rohaidah Kamaruddin, 2012). Faktor ekstralinguitik ini bersumber daripada teori *socio-educational* Garder (1985) seperti gambar rajah berikut.

RAJAH 1



Rajah 1 menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai kemampuan berfikir, motivasi, berbahasa, dan situasi yang berbeza ketika belajar bahasa kedua, ketiga dan seterusnya. Perbezaan ini akan menghasilkan bahasa rasmi dan bahasa tidak rasmi. Pembelajar bahasa yang dapat menguasai bahasa tidak rasmi akan mendapatkan dua kesempatan untuk dapat menguasai linguistik dan non-linguistik daripada bahasa tersebut (Yong Chyn-chye, 2013).

METOD PENELITIAN

Penelitian ini menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif atau metod campuran. Menurut Johnson & Onwuegbuzie (2004) metod campuran adalah cara penyelidikan yang menggabungkan dua kaedah dalam satu kajian.

Teknik pengumpulan data daripada narasumber dilakukan melalui temuduga dengan pegawai Atase Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Republik Indonesia di Bangkok dan dengan seorang pensyarah di Universiti Thamasat. Metod yang digunakan kepada kedua-dua mereka itu ialah melalui metod kualitatif yang akan menghasilkan pandangan dan pendapat baharu.

Manakala teknik soal-selidik pula diberikan kepada mahasiswa sesi pengajian akademik 2019-2020 yang mengambil subjek bahasa bM versi Indonesia sebagai mata kuliah pilihan dalam Jurusan Pengajian Asia Tenggara, di Universiti Thamasat.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Hasil kajian daripada temu duga dengan tokoh berkenaan, iaitu Prof. Dr. Mustari Mustafa pegawai Atase Pendidikan dan Kebudayaan (Atdikbut) Kedutaan Republik Indonesia di Bangkok, beliau menyambut baik semangat masyarakat Thailand, khasnya di Bangkok untuk mempelajari bahasa Melayu Indonesia. Menurut beliau dengan adanya pengajaran bahasa itu, ia merupakan suatu langkah sebagai media diplomasi kebahasaan dan budaya di ASEAN melalui Pengajaran Bahasa Indonesia untuk Penutur Asing (BIPA). Katanya, melalui pengajaran seumpama itu ia merupakan salah satu cara untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu/ Indonesia di luar negara.

Hal ini sesuai dengan perlembagaan Republik Indonesia nombor 24 tahun 2019 pindaan 44 yang berisi bahasa Indonesia dapat diguna sebagai bahasa diplomasi kebahasaan dan kebudayaan untuk membangun citra positif masyarakat dan mempromosikan budaya Indonesia di dunia antarabangsa, khasnya di ASEAN. Menurut beliau lagi, semenjak wujud ASEAN Komuniti ada lapan buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang membuka subjek bahasa Indonesia sebagai kursus pilihan; antaranya di Universiti Naresuan, Universiti Chulalongkorn, Universiti Mae Fah Luang, dan Universiti Chang Mai. Apa yang lebih membanggakan lagi ialah semenjak tahun 1999 bahasa Melayu versi Indonesia di Universiti Naseruan diajarkan oleh seorang pensyarah warga negara Thailand sendiri, iaitu Asst. Prof. Dr. Siriphon Maneechukate tetapi terhenti selepas beberapa tahun beroperasi. Pada tahun 2011 kursus tersebut dibuka semula sebagai menyambut kewujudan ASEAN komuniti di bawah *Language Center* (NULC).

Melihat semakin ramai tenaga pengajar bahasa ini diperlukan untuk beberapa universiti sebagaimana dinyatakan di atas, maka Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan melalui Pusat Pengembangan Strategi dan Diplomasi Kebahasaan (PPSDK) berperanan penting dan bertanggungjawab dalam mengirimkan pensyarah-pensyarah khas untuk mengajarkan mata pelajaran bahasa ini ke universiti-universiti di Thailand semenjak tahun 2011 hingga 2015. Para pensyarah yang akan mengikuti program BIPA daripada PPSDK ini dikehendaki mendaftar dalam suatu organisasi yang diberi nama APPBIPA. Melalui organisasi ini para pensyarah akan dihantar ke beberapa negara yang mengajarkan bahasa Indonesia; seperti, Thailand, Filipina, Vietnam dan beberapa negara ASEAN lagi.

Tugas dan tanggungjawab ATDIKBUD selain menyediakan tenaga pengajar, pihaknya juga memberikan peluang kepada masyarakat Thailand untuk mencintai bahasa Indonesia ini melalui pertandingan pidato dan sesi bercerita. Calon-calon yang menjuarai pidato tersebut iaitu yang muncul sebagai johan, naib johan, pemenang tiga dan saguhati akan dibiayai untuk melawat negara Indonesia selama beberapa hari. Bagi pelajar yang berminat untuk mempelajari bahasa dan kebudayaan Indonesia di Indonesia dapat mengikuti program Dharmasiswa. Program Dharmasiswa adalah program yang ditawarkan kepada masyarakat luar negara yang berminat untuk belajar bahasa Indoesia atau budaya Indonesia di Indonesia selama setahun. Program Dharmasiswa ini akan membiayai semua perbelanjaan sama ada tiket penerbangan pulang dan balik, dan kos sara hidup selama berada di Indonesia. Mereka yang terpilih ini merupakan duta negara berkenaan yang akan dipertemukan dengan rakan-rakan lain dari negara Amerika, Australia, Filipina, Perancis, dan sebagainya. Program Dharmasiswa ini telah pun berlangsung selama 10 tahun sebelum pendemi Covid-19.

ATDIKBUD juga membuka peluang kepada masyarakat professional di Thailand untuk belajar bahasa Melayu Indonesia di Kedutaan Republik Indonesia Bangkok semenjak tahun 2008. Pengajaran dilakukan dalam kalangan kakitangan Kedutaan RI, agensi-agensi kerajaan, tentera atau pegawai keselamatan, dan kakitangan syarikat penerbangan Garuda Indonesia. Pengajaran ini memperuntukkan masa pada waktu petang hari hingga malam selama 50 jam. Alasan mereka ingin belajar bahasa Melayu kerana Indonesia merupakan sebuah negara besar dan mempunyai pasaran yang berpotensi. Apabila dapat menguasai bahasa Melayu, maka mereka akan dapat berkomunikasi dengan ramai orang daripada Malaysia, Brunei dan Singapura.

Seterusnya, hasil wawancara dengan Bapak Dr. Hamam Supriadi. Beliau ialah seorang pensyarah tetap di Jurusan Pengajian Asia Tenggara di Universiti Thamasat semenjak lima belas tahun lalu. Beliau juga pernah mengajar bahasa Melayu versi Indonesia di bawah cawangan bahasa Melayu di Universiti Ramkamheng ketika mengambil pengajian di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 1997-1999.

Dr. Hamam kini mengajar dalam bidang kajian Indonesia di Universiti Thamasat kampus Tha Pracan. Tahun 2000 universiti tersebut sudah menawarkan program Asia Tenggara dengan membuka 6 subjek Indonesia sebagai subjek wajib pilihan. Maksudnya, mahasiswa yang mengambil Kawasan Indonesia mesti mengambil enam (6) subjek yang terdiri daripada lapan belas (18) kredit. Enam subjek tersebut yang ditawarkan itu mengandungi ekonomi, sosial dan budaya. Kajian mengenai negara Indonesia ini telah dikendalikan selama 20 tahun dan menghasilkan 21 angkatan.

Berikut adalah subjek yang ditawarkan pada sesi 2020; iaitu antaranya *Basic Indonesia Language and Culture, Advance Indonesia Language and Culture, Indonesia for Culture Managers, Elementary Indonesia I,*

Indonesia Language I, Intermediate Indonesia I, Indonesia Language 3, Advanced Indonesia 1. Subjek-subjek yang ditawarkan mempunyai kapasiti 10 – 40 mahasiswa sahaja. Ia bertujuan untuk melibatkan beberapa kajian dalam bidang yang lain, seperti Kajian Malaysia, Kajian Vietnam, Kajian Cina dan sebagainya. Kajian mengenai negara Indonesia adalah antara kajian yang diminati oleh ramai mahasiswa. Hal ini dapat dilihat dalam jadual berikut daripada jumlah mahasiswa yang mengambil subjek yang ditawarkan pada tahun Semester I tahun 2020.

JADUAL 1 Nama Subjek pada Kajian Indonesia (Kampus Tha Pracan)

No	Kod	Tahun	Nama Subjek	Jumlah Mahasiswa
1	HIM255	2561	Basic Indonesia Language and Culture	30
2	HM375	2557	Advance Indonesia Language and Culture	35
3	HM375	2561	Advance Indonesia Language and Culture	35
4	HM 455	2557	Indonesia for Culture Managers	41
5	SE284	2556	Elementary Indonesia I	32
6	SE284	2561	Indonesia Language I	32
7	SE384	2556	Intermediate Indonesia I	30
8	SE384	2561	Indonesia Language 3	30
9	SE484	2556	Advanced Indonesia 1	10

Jadual 1 di atas memperlihatkan bahawa mahasiswa yang mengambil Kajian Indonesia rata-rata berjumlah sekitar 30 orang setiap angkatan. Hal ini dapat diketahui daripada tahun yang terrcantum di atas seperti 2561, 2557, dan 2556. Kod juga membezakan tahapan yang diambil, seperti kod HIM; bererti subjek yang berhubungan dengan bahasa dan budaya. Manakala kod 255, 375, dan 455 adalah tingkatan kemahiran subjek. Demikian juga dengan kod SE yang bererti subjek untuk kemahiran bahasa yang terdiri juga daripada pelbagai tingkat; contohnya 284, 384, dan 484.

Pengajaran yang diberikan berupa kemahiran membaca, perbualan, menulis, mendengar, tatabahasa dan kosa kata. Masalah selama pengajaran adalah kemahiran perbualan dan mendengar. Salah satu usaha yang dilakukan untuk mengurangkan masalah berkaitan adalah dengan mengendalikan bengkel budaya; antaranya aktiviti membatik, bermain angklung, aktiviti masak-memasak makanan Indonesia dan berkunjung ke Kedutaan Indonesia. Bapak Hamam juga menawarkan program summer kepada mahasiswa dengan melancong ke Indonesia, khasnya ke Yogya. Program summer ini bekerjasama dengan Univeriti Gajah Mada, Fakultas Humaniora, jurusan Bahasa Indonesia selama dua minggu hingga sebulan. Kosnya ditanggung sendiri oleh pelajar yang berminat.

Selain sebagai pensyarah di Thamasat, Bapak Dr. Hamam Supriadi juga adalah sebagai ketua APPBIPA Thailand. Menurutnya, antara pengajaran BIPA yang paling ramai ialah pada tahun 2017. Hal ini dapat dilihat daripada jadual grafik berikut:

JADUAL 2 Grafik jumlah mahasiswa BIPA



Jadual 2 di atas menunjukkan jumlah mahasiswa BIPA dalam tahun 2017, iaitu seramai 7698 orang. Ramai peserta BIPA ini, pertamanya disebabkan dasar kerajaan Thailand yang menggalakkan masyarakat untuk belajar bahasa ASEAN. Kedua, cara pandangan mahasiswa terhadap bahasa Melayu Indonesia lebih mudah untuk dipelajari banding bahasa Thai, di samping mempunyai ramai penuturnya. Ketiga, adanya dasar

kerajaan Indonesia melalui program PPSDK, iaitu menghantar pensyarah ke Thailand secara percuma untuk ditempatkan di beberapa univeriti di negara itu.

Taburan pensyarah Bahasa Melayu versi Indonesia di universiti-universiti di Thailand dalam tahun 2017 ialah;

1. Universiti Khonkaen,
2. Universiti Chiang Mai,
3. Universiti Chulalongkorn,
4. Universiti Fatoni,
5. Universiti Kasesat,
6. Universiti Mae Fah Luang,
7. Universiti Maejo,
8. Universiti Mahasarakam,
9. Universiti Mahidol,
10. Universiti Naresuan,
11. Universiti NP Rajabath,
12. Universiti PSU Pattani,
13. Universiti PSU Phuket,
14. Universiti Rajabaht Yala,
15. Universiti Rajabath SUT,
16. Universiti Rajabhat Phuket,
17. Universiti Rajamanggala T.U,
18. Universiti Walailak.
19. Unversiti Thamasat.

Pensyarah yang dihantar berkhidmat ini terdiri daripada mereka yang berstatus Prof. dan Dr. Program PPSDK ini yang paling ramai pada tahun 2017.

Berikut ialah soal selidik yang dijalankan pada salah satu kelas yang dikendalikan Bapak Haman Supriadi, iaitu subjek bahasa Indonesia 3. Mahasiswa yang dapat mengisi soal selidik berjumlah 19 orang sahaja yang terdiri daripada 10 orang wanita dan 9 orang lelaki. Jika digambarkan seperti berikut:

RAJAH 2 Mahasiswa yang mengikuti soal selidik



Daripada Rajah 2 di atas dapat disimpulkan bahawa selisih mahasiswa yang mengambil Kajian Indonesia antara wanita dan lelaki tidak banyak; iaitu hanya selisih satu. Biasanya perbandingan antara wanita dengan lelaki yang belajar di Thailand 1:10. Ini suatu pemandangan yang baik dan berkesan. Usia responden berada pada umur antara 19 tahun hingga 21 tahun.

Soalan yang diberikan hanya dengan dua jawapan ya atau tidak. Umumnya jawapan yang diberikan adalah ya. Hal ini dapat dilihat daripada gambar rajah berikut;

RAJAH 3 Jawapan mahassiwa terhadap soalan yang diberikan



Rajah 3 merupakan kesimpulan daripada jawab soalan yang diberikan, antaranya: Adakah anda suka belajar bahasa Indonesia, adakah anda suka dengan dosen yang mengajar, adakah dosen mengguna bahasa Indonesia ketika mengajar, dan adakah dosen mengguna bahasa Thai ketika mengajar. Semua soalan dijawab dengan ya semua atau seratus peratus

Untuk mengetahui sama ada setiap mahasiswa mempunyai kemampuan berfikir, motivasi, berbahasa, dan situasi yang menyebakan mereka mengambil Kajian Indonesia, maka digunakannya teori *socio-educational* Garder (1985). Hasil kajian daripada soal selidik mendapati:

1. Faktor Motivasi (formal)

Mahasiswa yang mengambil Kajian Indonesia kerana bahasa Melayu Indonesia salah satu bahasa ASEAN dan akan bekerja di Indonesia sama ada di Thailand di Kedutaan Indonesia atau bersama rakan kongsi Indonesia-Thailand. Hal ini juga kerana banyak syarikat Thailand yang melabur di Indonesia sehingga peluang-peluang kerjaya akan memberikan peluang kepada mereka untuk mendapat kerja di syaraikat-syarikat berkenaan di Indonesia mahupun di Thailand.

2. Faktor Sikap (informal)

Mahasiswa yang mengikuti Kajian Indonesia mendapat banyak pengalaman untuk berinteraksi dengan rakan-rakan dalam kelas dan di luar kelas. Pelbagai kegiatan yang dilakukan di dalam kampus; antaranya bengkel membatik, memainkan alat muzik angklung, dan memasak merupakan salah satu cara dari sikap keterbukaan menerima idea dan berkongsi pengalaman. Manakala kegiatan berkunjung ke Kedutaan Indonesia juga salah satu cara untuk mempercepat proses kemahiran berkomunikasi dengan orang asal Indonesia, iaitu kakitangan pegawai Kedutaan Indonesia.

GAMBAR 1 Aktiviti Bengkel Angklung



Gambar 1 merupakan aktiviti bengkel alat muzik Angklung. Alat muzik ini diperbuat daripada buluh dan dimainkan dengan menggoyangkan bahagian tertentu not hingga menghasilkan bunyi suara yang merdu. Kepaduan antara pemain Angklung dengan jumlah banyak akan menghasil melodi yang merdu dan menarik.

3. Faktor Instrumen

Kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa umumnya baik kerana pensyarah yang mengajarkannya dapat mengguna dua bahasa sekaligus, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai. Penyarah juga sudah menerbitkan buku Bahasa Indonesia dengan dwibahasa. Selain itu pensyarah juga aktif untuk bekerjasama dengan universiti-universiti di Indonesia untuk menerima mahasiswa tingkat akhir sebagai *patner* pada aktiviti perkhemahan bahasa. Setiap pelajar Indonesia mesti menjaga pelajar Thailand seramai 5 orang setiap kumpulan.

GAMBAR 2 Aktiviti Perkhemahan Bahasa

Gambar 2 memperlihatkan permainan rakyat Indonesia disertai dengan lagu daerah. Ransangan untuk mencintai Indonesia juga diberikan melalui penggunaan pakaian berimej budaya pakaian Indonesia.

GAMBAR 3 Memakai Pakaian Adat Jawa

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian melalui teknik temuduga daripada dua orang tokoh yang diwawancara dapat dirumuskan bahawa peranan bahasa Melayu versi Indonesia bukan sahaja sebagai bahasa negara tetapi diperluaskan sebagai bahasa diplomatik berdasarkan perlembagaan negara Republik Indonesia nombor 24 tahun 2019 pindaan 44. Untuk memanjangkannya maka peranan daripada duta bangsa di luar negara, khasnya ATDIKBUD di Kedutaan Indonesia di Bangkok telah menyebarkan program yang dicanangkan; antaranya program PPSDK, dan Dharmasiswa. Universiti yang membuka Kajian Indonesia merupakan rakan kongsi untuk menyebarkan bahasa Melayu ini supaya lebih luas lagi melalui pembelajaran yang berkesan.

Mahasiswa yang mengikuti subjek Kajian Indonesia umumnya termotivasi untuk bekerja dengan rakan kongsi syarikat-syarikat yang telah bekerja sama antara Indonesia dan Thailand. Ini merupakan peluang yang baik bagi mereka sehingga perlu mempelajari bahasa dan budaya Indonesia. Pengajaran yang diberikan di Thamasat Universiti sangat baik dengan fasiliti yang baik.

RUJUKAN

Chye, Yong Chyn. (2013). Peranan faktor ekstralinguistik dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing. *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu, 4*(1), 231-244

Gardner, R.C. (1985). *Social, psychology in the second language learning.* London: Edward Amor

Johnson, R., & Onwuegbuzie, A. (2004). Mixed methods research: A research paradigm whose time has come. *Educational Researcher*, *33*(7), 14-26.

Nurul Ain Ahmad & Rohaidah Kamarudin. (2019). Faktor ekstralinguistik terhadap sikap pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di universiti terpilih di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 7*(1), 69–76.

KESILAPAN BAHASA DALAM PERTUTURAN MURID-MURID ROHINGYA: SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH PELANGI KASIH

Faridah binti Nazir, PhD
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
fidafn@iium.edu.my

Balqis binti Senawi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
qies2594@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa dalam pertuturan murid Rohingya dan membanding beza faktor-faktor kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya di Sekolah Pelangi Kasih. Sekolah Pelangi Kasih merupakan sebuah sekolah yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan kerjasama daripada United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), juga dikenali sebagai Agensi Pelarian PBB. Mereka menyediakan pendidikan khusus untuk pelarian Rohingya di Malaysia. Kajian ini terbatas pada kesilapan bahasa dalam pertuturan murid Rohingya di Sekolah Pelangi Kasih sahaja. Di samping itu, kaedah kajian yang digunakan pengkaji ialah kaedah perpustakaan, kaedah lapangan, temu bual serta kaedah pemerhatian turut serta di kelas bahasa Melayu dan Matematik. Kajian terhadap kesilapan bahasa dalam pertuturan murid Rohingya ini dilakukan oleh pengkaji kerana telah timbul beberapa faktor yang boleh menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan mereka. Sebelum itu, pengkaji mendapati bahawa, kajian-kajian lepas lebih berfokuskan pada kesilapan bahasa dalam kalangan murid berbangsa Melayu di Malaysia. Melalui penelitian dan penghasilan data yang dikumpul, kajian ini ternyata berbeza dengan kajian-kajian yang lepas kerana hasil daripada beberapa sumber yang dicari oleh pengkaji tentang kesilapan bahasa, setakat ini pengkaji masih belum menemui kajian yang dilakukan terhadap murid-murid Rohingya. Oleh itu, pengkaji berharap kajian yang dilakukan ini dapat membantu pengkaji yang akan datang untuk menjalankan kajian baharu terhadap murid-murid Rohingya.

Kata Kunci: kesilapan bahasa, Rohingya, Sekolah Pelangi Kasih, Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR)

PENDAHULUAN

Sehingga akhir April 2019, terdapat kira-kira 90,200 pelarian Rohingya yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di Malaysia. Populasi yang besar adalah dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak pelarian Rohingya ini didiskriminasi berhubung dengan sektor pendidikan. Kesannya di Malaysia, kanak-kanak pelarian tidak mendapat kemudahan untuk memperoleh pendidikan formal seperti kanak-kanak yang lain. Sebaliknya, kos pendidikan swasta sering terlalu mahal, menjadikannya tidak terjangkau untuk komuniti ini menanggung beban. Ketidakbolehan akses kepada pendidikan yang baik, beribu-ribu kanak-kanak Rohingya terdedah kepada aktiviti pemerdagangan manusia, masalah sosial dan buta huruf. Di samping itu, kanak-kanak pelarian Rohingya yang bermukim dan belajar di Malaysia diwajibkan untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, bahasa merupakan alat perhubungan komunikasi yang sangat utama untuk setiap manusia. Melalui bahasa manusia dapat saling mendekati antara satu sama lain.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian terhadap kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya ini dilakukan oleh pengkaji kerana telah timbul beberapa faktor yang boleh menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan mereka. Hal ini disebabkan oleh, murid Rohingya yang dikaji bukanlah berasal dalam kalangan penutur asli bahasa Melayu itu sendiri tetapi mereka hanya menuturkan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa

Burma dan bahasa Rohingya. Sudah tentu, serba sedikit pasti akan wujud kesilapan bahasa dalam pertuturan mereka. Sementelah, penutur asli bahasa Melayu juga belum tentu mampu bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Maka, disebabkan inilah pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian terhadap murid-murid Rohingya berbanding murid-murid penutur asli bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif seperti yang berikut:

a) Mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya di Sekolah Pelangi Kasih.
b) Membanding beza faktor-faktor kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya di Sekolah Pelangi Kasih.

DEFINISI OPERASIONAL

Bahagian ini menghuraikan definisi operasional bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini bagi memperincikan perbincangan yang timbul. Bahagian ini menghuraikan konsep-konsep utama kajian ini, iaitu kesilapan bahasa, bahasa Rohingya dan bahasa Burma.

Kesilapan bahasa

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (1994), analisis kesilapan bahasa bermaksud penghuraian sesuatu perkara untuk mengetahui asal-usulnya, baik dan buruknya atau mengkaji suatu perbuatan yang salah atau apa-apa yang silap dalam suatu kata-kata yang disusun mengikut tatabahasa dan digunakan oleh seseorang dalam pertuturan atau penulisan. Pernyataan ini diperkuatkan lagi oleh Corder (1990) dengan menyatakan bahawa, semua orang yang belajar bahasa pasti tidak akan lepas daripada berbuat kesilapan.(Noor Aziah, 2004). Terdapat dua bentuk kesilapan bahasa yang sering berlaku, iaitu kesilapan perkataan dan kesilapan struktur ayat. Kesilapan perkataan selalunya terlibat dalam aspek morfem. Morfem ialah unit terkecil yang menjadi unsur perkataan. Kesalahan aspek unsur perkataan atau juga dikenali sebagai aspek morfologi, merupakan aspek kesalahan yang paling banyak dilakukan. Kebanyakan kesilapan ini berlakunya dalam kesilapan penggunaan imbuhan kata kerja meN-, ter-, di-, memper-, -kan.

Sehubungan dengan itu, kesilapan struktur ayat atau juga dikenali sebagai sintaksis, iaitu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk ayat, struktur ayat, dan binaan atau konstruksi ayat. Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat malah hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat juga. Kesilapan sintaksis merupakan kesilapan binaan bahasa yang jauh daripada struktur ayat yang betul dalam sesuatu bahasa. Kesilapan ini termasuklah kesilapan klausa dan ayat yang disebabkan oleh kejanggalan dan ayat tidak gramatis.

Bahasa Rohingya dan Bahasa Burma

Perkembangan bahasa Rohingya adalah paling menjadi pertanyaan. Situasi ini terjadi kerana bahasa Rohingya ialah hasil campuran bahasa yang berbeza. Bahasa ini dikembangkan dalam tempoh lebih dari seribu tahun. Perkara yang perlu diperhatikan di sini ialah bahasa rasmi Arakan telah menjadi Persia sejak zaman raja-raja Mrauk-U awal hingga tahun 1845, 22 tahun lebih jauh mendominasi penaklukan Arakan oleh orang-orang bangsa Inggeris. Semasa hubungan Mrauk-U, Benggal begitu terkenal dengan kesusasteraan Bengali yang mampu berkembang sampai ke Mahkamah Arakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini ialah kaedah perpustakaan, kaedah lapangan, kaedah temu bual secara berstruktur, pemerhatian ikut serta, dan kaedah penganalisisan data.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil data dapatan kajian bagi objektif pertama dan objektif kedua, iaitu mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa dan membanding beza faktor-faktor kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya di Sekolah Pelangi Kasih. Analisis kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid bagi kajian ini telah dijalankan melalui traskripsi ke teks daripada hasil pemerhatian dan temu bual yang dirakamkan dengan menggunakan telefon pintar.

DAPATAN KAJIAN KETIKA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK

Pada 16 Julai 2019, data telah dikumpulkan di kelas Matematik dengan cara menggunakan kaedah pemerhatian. Seramai empat orang, iaitu dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan diperhati oleh pengkaji bagi mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya yang dipilih secara rawak.

Dapatan Kajian Pemerhatian Ikut Serta di Kelas Bestari

a) Kesilapan Penggunaan Kata Singkat

i) Kebiasaannya penggunaan kata singkat ini sering dituturkan oleh penutur bahasa. Hal ini kerana, bagi memudahkan setiap percakapan yang ingin disampaikan. Namun, penggunaan kata singkat tetap menyalahi hukum tatabahasa yang betul. Penggunaan kata singkat bukan sahaja berlaku ketika bertutur malah berlaku juga dalam penulisan yang menggunakan bahasa Melayu. Berikut merupakan kesilapan bahasa yang berlaku dalam pertuturan murid-murid.

*Cikgu, ni nak buat cam na?

Ayat yang betul: Cikgu, ini macam mana hendak buat.

ii) Ayat di bawah menunjukkan kesilapan penggunaan kata tanya ‘macam mana’ yang sering dituturkan oleh murid-murid untuk merujuk kepada cara ‘bagaimana’ sesuatu perkara dilakukan. Ditambah pula dengan kebanyakan penggunaan kata singkat di dalam ayat yang diujarkan.

*Macam mana nak buat? Macam mana nak buat?

Ayat yang betul: Bagaimana hendak buat? Bagaimana hendak buat?

*Cikgu, yang ni nak bahagi cam na?

Ayat yang betul: Cikgu, bagaimana hendak bahagi yang ini?

*Cikgu, tak paham.

Ayat yang betul: Cikgu, tidak faham.

iii) Kata bantu aspek menerangkan masa pada kerja yang dilakukan, iaitu sama ada kerja itu akan, sedang, masih, baru, sudah, atau belum dilakukan. Ayat di bawah menggunakan kata bantu ‘sudah’ tetapi dijadikannya kata singkat sebagai ‘dah’. Penggunaan kata ‘sudah’ memadai hanya sekali. Tidak perlu berulang banyak kali.

*Dah agak dah.

Ayat yang betul: Sudah agak.

b) Kesilapan Struktur Ayat

Bagi murid-murid Rohingya semestinya mereka tidak dapat menjauhkan diri daripada melakukan kesilapan struktur ayat. Kesilapan ini berlaku apabila murid sedang cuba menanyakan sesuatu tetapi berlakunya susunan struktur ayat yang tidak betul. Hal ini boleh berlaku ketika mereka tidak sedar akan kesilapan yang dilakukan.

Ayat yang silap: Cikgu, boleh tiru sini darab.
Sepatutnya: Cikgu, bolehkah nombor ini didarabkan?

Dapatan Kajian Pemerhatian Ikut Serta di Kelas Cerdik

a) Kesilapan Ayat Tanya

'Bagaimanakah' dan 'mengapakah' lebih tepat penggunaannya daripada 'kenapakah' dan 'macam manakah'. Sekiranya kata tanya diletakkan di hadapan ayat, partikel -kah mesti diletak.
Cikgu, yang ni nak bahagi cam na?

Ayat yang betul: Cikgu, bagaimanakah hendak bahagi yang ini?

b) Kesilapan Penggunaan Kata Singkat

i) Kata bantu ragam yang hadir sebelum kata kerja dalam frasa kerja ialah perkataan yang menerangkan ragam atau keadaan sesuatu perbuatan itu dilakukan, seperti seseorang itu *mesti* melakukan, *hendak* melakukan, atau berkeupayaan melakukan sesuatu perbuatan itu. Berikut merupakan kata bantu ragam 'hendak' yang dituturkan oleh murid tetapi disingkatkan menjadi 'nak'.

*Nak minum air.
Sepatutnya: Hendak minum air

Seterusnya, ayat yang diujarkan oleh murid-murid mempunyai kesilapan kata singkat ialah:

*Cikgu, bukan macam ni.
Sepatutnya: Cikgu, bukan macam ini.

*Kena titik kat mana tah? Kat strawberi?
Sepatutnya: Di mana perlu letak titik. Di strawberi?

ii) Kata bantu aspek menerangkan masa pada kerja yang dilakukan, iaitu sama ada kerja itu akan, sedang, masih, baru, sudah, atau belum dilakukan. Ayat di bawah menggunakan kata bantu 'sudah' tetapi dijadikannya kata singkat sebagai 'dah'.

*Ayat yang salah: Saya dah letak dah.
Sepatutnya: Saya sudah letak.

iii) Dalam bahasa Melayu, perkataan *yang* bukan sahaja digunakan sebagai penanda relatif, tetapi digunakan juga sebagai pengganti nama yang digugurkan daripada *frasa nama + yang* seperti yang terdapat dalam ayat di bawah.

*Yang nombor dua tu.
Cuma kesilapan ayat di atas berlaku dari segi kata singkatan "tu"
Ayat sepatutnya: Yang nombor dua itu.

c) Kesilapan Imbuhan

Imbuhan awalan digunakan untuk mengubah bentuk atau tugas. Imbuhan men- untuk kata dasar yang bermula dengan huruf c, d, dan j. Kesilapan ayat berlaku apabila selepas frasa nama tidak dimasukkan imbuhan awalan men-. Sebagai contohnya,

"Setiap orang dapat 6K."
Ayat yang betul: Setiap orang mendapat 6K.

DAPATAN KAJIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Pada 1 November 2019, dapatan data kedua telah dikumpul di kelas Bahasa Melayu juga dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Seramai empat orang, iaitu dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan diperhati oleh pengkaji bagi mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya yang dipilih secara rawak.

Dapatan Kajian Pemerhatian Ikut Serta di Kelas Bestari

a) Kesilapan Kata

Berdasarkan semakan daripada laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2019) tiada kata 'pikir' yang ditemui. Oleh itulah, penggunaan kata "pikir" di dalam ayat adalah salah. Penggunaan kata "tengah" tidak sesuai untuk digunakan bagi menunjukkan perbuatan yang sedang dilakukan oleh seseorang itu.

*Saya tengah pikir
Ayat betul: Saya sedang fikir.

b) Kesilapan Penggunaan Kata Singkat

Kebiasaannya penggunaan kata singkat ini sering dituturkan oleh penutur bahasa. Hal ini kerana, bagi memudahkan setiap percakapan yang ingin disampaikan. Namun, penggunaan kata singkat tetap menyalahi hukum tatabahasa yang betul. Penggunaan kata singkat bukan sahaja berlaku ketika bertutur malah berlaku juga dalam penulisan yang menggunakan bahasa Melayu. Berikut merupakan kesilapan bahasa yang berlaku dalam pertuturan murid-murid.

i. Saya nak pergi ke KLCC.

   Ayat yang betul: Saya hendak pergi ke KLCC.

ii. Saya <u>nak</u> bagi buku ini kepada Umairah.

   Sebetulnya: Saya <u>hendak</u> bagi buku ini kepada Umairah.

iii. Saya tak de.
   Sepatutnya: Saya tidak ada.

c) Kesilapan Kata Serapan Tidak Betul

Kata serapan seperti *pencil box* yang berasal daripada bahasa Inggeris. Pencil box sepatutnya tidak boleh digunakan. Kata tersebut sudah ada istilahnya dalam bahasa Melayu yang sebenar, iaitu kotak pensil.

Ayat yang salah: Saya bagi *pencil box* ini.
Selain kesilapan penggunaan kata serapan tidak betul, dalam ayat ini berlaku juga kesilapan penggunaan kata

sendi nama "bagi" digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan kegunaan sesuatu.

Sepatutnya: Saya beri kotak pensel ini.

d) Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama

Kesilapan penggunaan kata sendi nama "dari" dan "daripada". Penggunaan kata sendi nama "dari" digunakan untuk menunjukkan masa, tempat, dan arah. Seterusnya, bagi penggunaan kata sendi nama "daripada" digunakan untuk perbandingan dan punca sesuatu perkara.

Ayat dalam penggunaan kata sendi nama yang salah: Saya berasal daripada kampung
Sebetulnya: Saya berasal dari kampung.

e) Percampuran Kod

Percampuran kod bahasa adalah penggunaan lebih daripada satu bahasa di dalam sebuah pertuturan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Nababan, percampuran kod merupakan satu keadaan atau cara berbahasa di mana pengguna bahasa mencampurkan satu bahasa atau lebih ke dalam satu pertuturan (Tan Kooi Yee, 2009). Di bawah adalah ayat yang salah kerana berlaku percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

i) Oh, *no*.
Sepatutnya: Oh, tidak.

f) Kesilapan Imbuhan

Terdapat hanya dua akhiran yang membentuk kata kerja dalam bahasa Melayu, iaitu: -kan dan -i. Golongan kata yang boleh hadir dengan akhiran-i ialah kata kerja, kata nama, kata tugas, dan kata adjektif. Kesilapan ayat yang dapat dikenal pasti tiada akhiran -i selepas imbuhan meN ialah:

*Setiap hari Syahmi pergi sekolah menaik bas.

Kesilapan yang berlaku terhadap ayat di atas ialah subjek di pertengahan ayat tidak dimasukkan imbuhan meN- i dan tiada kata hubung keterangan cara yang dimasukkan menjadikan ayat tersebut tergantung. Keterangan cara ialah unsur yang menerangkan gaya atau kaedah sesuatu perbuatan berlaku. Kata hubung keterangan cara yang perlu dimasukkan dalam ayat ialah *dengan*.

Ayat yang betul: Setiap hari Syahmi pergi ke sekolah dengan menaiki bas.

Dapatan Kajian Pemerhatian Ikut Serta di Kelas Cerdik

a) Kesilapan Penggunaan Kata Singkat

Kebiasaannya penggunaan kata singkat ini sering dituturkan oleh penutur bahasa. Hal ini kerana, bagi memudahkan setiap percakapan yang ingin disampaikan. Namun, penggunaan kata singkat tetap menyalahi hukum tatabahasa yang betul. Penggunaan kata singkat bukan sahaja berlaku ketika bertutur malah berlaku juga dalam penulisan yang menggunakan bahasa Melayu. Berikut merupakan kesilapan bahasa yang berlaku dalam pertuturan murid-murid.

*Ayat yang salah: Cikgu, buku bahasa Melayu ada kat cikgu ke?
Sepatutnya: Cikgu, buku bahasa Melayu ada kepada cikgu?

*Ayat yang salah: Nombor tiga tu dia siapa tu?

Dalam ayat ini berlaku juga kesilapan ayat dan kata singkat. Sepatutnya: Siapakah, orang yang bernombor tiga itu?

b) Kesilapan Ayat Tanya Dengan Ayat Tanya

Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat yang mengandungi kata tanya seperti berapa, bagaimana, bila, kenapa, dan mengapa. Dalam susunan biasa, kata tanya menduduki unsur predikat seperti yang terdapat dalam ayat di bawah:

i. Mana Sudur dan Syahid?

ii. Bila saya pergi ke sekolah?
iii. Mengapa saya ke sekolah?

Bagi bentuk tulisan, ayat di atas perlu menerima partikel -kah pada unsur yang dikedepan, seperti ayat yang sepatutnya.

i. Di manakah Sudur dan Syahid?

ii. Bilakah saya pergi ke sekolah?
iii. Mengapakah saya ke sekolah?

Selain itu, terdapat satu ayat tanya yang diujarkan oleh murid Rohingya, iaitu “Macam manakah?” untuk menanyakan cara sesuatu perkara dilakukan. Sepatutnya ayat tanya yang betul tu bertanyakan bagi cara ialah “Bagaimanakah?”.Di samping itu, penggunaan ayat tanya dengan kata ganti nama diri tanya. Ayat jenis ini terdiri daripada ayat yang mengandungi kata ganti nama tanya seperti siapa, mana, dan apa. Dalam susunan biasa, kata ganti nama tanya perlulah diletak di bahagian predikat.

Ayat yang salah: Nombor tiga tu dia siapa tu?
Sepatutnya: Nombor tiga itu siapa?

c) Kesilapan Kata Penegas

Kata penegas yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian tertentu dalam ayat. Terdapat kata penegas ‘kah’ tetapi diujarkan dengan kata ‘ke’ yang ingin menegaskan setiap ayat ujaran. Namun, penggunaan ‘ke’ adalah kesilapan kata penegas yang sering ditutur oleh penutur.

Ayat yang salah: Cikgu, buku bahasa Melayu ada kat cikgu ke?
Sepatutmya: Cikgu, buku bahasa Melayu ada kepada cikgukah?

d) Predikat Frasa Sendi Nama

Frasa sendi nama yang menjadi predikat terbina daripada kata sendi nama yang diikuti oleh frasa nama. Kesilapan dalam ayat di bawah jelas terjadi kerana tiada penggunaan kata sendi nama yang dimasukkan untuk menunjukkan masa.

i. Terletak masa awal ayat.
Sepatutnya: Terletak pada masa awal ayat.

DAPATAN KAJIAN FAKTOR-FAKTOR KESILAPAN BAHASA

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 8 orang responden dari kelas Arif dan Dinamik terdapat pelbagai punca yang menghalang murid-murid asing untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat faktor yang dapat disenaraikan, iaitu kejahilan, persekitaran, gangguan bahasa, dan gangguan psikologi.

Faktor kejahilan

Sikap murid yang hanya melakukan pergaulan sesama mereka akan menyebabkan murid ini merasakan, mereka tidak perlu untuk berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, mereka mempunyai bahasa ibunda sendiri. Faktor pertama kesilapan bahasa dalam pertuturan murid-murid Rohingya yang ingin dikaji ialah kejahilan bahasa Melayu dalam kalangan penutur bahasa asing. Terdapat sesetengah pihak yang mengaku tahu, tetapi sebenarnya tidak tahu. Malahan, aspek bahasa yang silap dikatakan yang silap itu betul, manakala aspek bahasa yang betul dikatakan silap. Kini, banyak kosa kata yang hadir menampakkan gejala tersebut. Dalam dapatan kajian bahasa, gejala ini dikenali sebagai kejahilan bahasa. Kejahilan juga dapat dilihat apabila penutur asing seperti murid Rohingya yang dikaji silap dalam membezakan struktur ayat dan kosa kata yang betul dalam bahasa Melayu. Kemungkinan terpengaruh dengan faktor bahasa ibunda mereka.

Faktor gangguan bahasa

Gangguan bahasa berlaku apabila responden yang dikaji dilihat lebih cenderung memindahkan ciri dan struktur bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa yang baru dipelajari (bahasa Melayu). Hal ini dapat dilihat ketika responden 7 dan responden 8 mengungkapkan contoh ayat dalam bahasa Myanmar bagi mudahkan pengkaji untuk melihat perbezaan struktur ayat dalam bahasa ibunda mereka dan bahasa Melayu. Sebagai contohnya:

"Mak sudah makan nasi tak. Saya kena tolong apa? Mak, nak tidur tak?" (R7)
"Ibu masak tak? Ibu tulis tak? Ibu jaga anak ke?" (R8)

Berdasarkan rakaman audio bersuara yang telah dirakam ketika temu bual responden 7 dan responden 8. Pengkaji mendapati bahawa setiap ayat yang diujarkan oleh mereka ke dalam bahasa Myanmar terdapat struktur ayat yang perlu berada di depan ayat tetapi berada di belakang ayat dan begitu juga sebaliknya. Melalui laras bahasa yang dituturkan oleh mereka, dapatlah ditafsirkan dan mengagak bahasa ibunda yang dikuasai oleh mereka itu dapat mempengaruhi gangguan berbahasa mereka ketika menggungkapkan pertuturan ke dalam bahasa Melayu. Menurut Bhela (1999), apabila terdapat jurang perbezaan yang jauh antara dua bahasa (bahasa ibunda dan bahasa kedua), maka makin banyaklah kesukaran yang perlu dihadapi oleh seseorang murid.

Faktor Persekitaran

Faktor yang keempat menjadi punca kepada murid Rohingya ini bertutur dalam bahasa Melayu ialah faktor persekitaran. Suasana persekitaran yang tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya menyukarkan murid-murid ini untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka tinggal dan bergaul sesama mereka sahaja, tiada fungsi bahasa Melayu untuk digunakan melainkan di sekolah sahaja. Hal ini bertepatan dengan pernyataan daripada hasil dapatan temu bual daripada beberapa orang responden yang ditemui menggunakan bahasa Rohingya di rumah dan kawasan kejiranan mereka. Seperti responden 1,4, dan 6. Dapatan kajian yang diperoleh daripada ungkapan responden 6 yang menjawab pertanyaan daripada penemubual, iaitu "Adakah jiran atau orang sekeliling di kawasan perumahan anda boleh bertutur dengan bahasa Melayu?":

"Selalunya jiran selalu bertutur dengan menggunakan bahasa Rohingya." (R8)

Selain itu, responden-responden yang terbabit dalam bertutur menggunakan bahasa Burma/Myanmar di rumah ialah responden 2,7, dan 8. Hanya responden 5 yang menggunakan separuh bahasa Burma dan separuh lagi bahasa Melayu. Berikut ayat di bawah yang dituturkan oleh responden 5:

"Kadang-kadang bahasa Myanmar. Kadang-kadang bahasa Melayu."(R5)

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Meskipun, semasa penyelidikan dilakukan dan pengkaji mendapati murid-murid melakukan beberapa kesilapan bahasa dalam satu ayat ketika mereka berujar, tetapi fokus utama pengkaji adalah untuk mengenal pasti

kesilapan bahasa murid-murid berdasarkan aspek yang dipilih seperti kata, frasa, ayat dan ortografi. Pengkaji telah membetulkan dan menghuraikan kesilapan dalam aspek yang dipilih dengan terperinci. Di samping itu, kesilapan aspek lain yang ada turut dibetulkan. Menurut Bell (1981), kesilapan bahasa dimaksudkan kepada bentuk pertuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa dan kesalahan ini timbul akibat daripada ketidaksempurnaan penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu. Selain itu, kesilapan bahasa juga merujuk kepada bentuk-bentuk kelemahan pelaksanaan dan berlaku secara kebetulan atau tidak sengaja (Dulay et al., 1982; Hammersly, 1982).

Dalam pada itu juga, Corder (1973) menyatakan bahawa, kesilapan penting terhadap tiga golongan, iaitu golongan pengajar bagi menunjukkan perkembangan prestasi, kesilapan bahasa pengkaji bagi menunjukkan cara pemerolehan bahasa dan strategi pelajar. Seterusnya, golongan pelajar dan mereka juga boleh mempelajari kesilapan bahasa yang mereka lakukan. Pendidikan subjek bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid asing penting untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, setiap faktor ini perlu diberikan perhatian penting terutamanya oleh guru-guru bagi memastikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid asing menjadi lebih dinamik. Sebagai contohnya, bimbingan secara berkala daripada guru-guru yang sudah pasti terdiri daripada penutur asli untuk membantu tahap penguasaaan bahasa Melayu murid-murid Rohingya ini dengan baik.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (1982). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Cady, J. F. (1978). *A history of modern Burma*. United Kingdom: Cornell University Press.

Corder, S. P. (1971). Describing the language learner's language. CILT Reports and Papers, No. 6, 57–64.

Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Harmondsworth: Penguin Education.

HLA PE. (1985). *Burma literature, historiography, scholarship, language, life, and Buddhism*. Singapura: ISEAS Publishing.

Jilani, A. F. K. (2001). *A cultural history of Rohingya*. Singapura: ISEAS Publishing.

Md. Saddam Hossain & Md. Sajjad Hosain. (2019). Rohingya identity crisis: A case study. *Saudi Journal of Humanities and Social Sciences.* Diakses daripada: http://scholarsmepub.com/sjhss/

Md. Yunus. (1994). *A history of Arakan*. Bangladesh: Chittagong University Press.

Noor Aziah Haji Mohd Awal (2004). Pertukaran agama: Hak penjagaan anak- isu dan masalah. *The Malayan Law Journal Articles*, 3.

Steinbergh, D. I. (2010). *Burma/Myanmar what everyone needs to know*. New York: Oxford University Press.

Thawnghmung, A. M. (2008). *The Karan revolution in Burma: Diverse voices, uncertain ends.* Singapura: ISEAS Publishing.

PENGUASAAN MORFOLOGI PELAJAR CINA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU TAHAP 2 DI DAERAH ASAJAYA

Hasanah Adon
Universiti Putra Malaysia (UPM)
adonhasanah@gmail.com

Rozita Che Rodi
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Ita_cherodi@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu penyelidikan ke atas penguasaan morfologi pelajar Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu Tahap 2. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan bahasa dari aspek golongan kata yang kerap dilakukan oleh pelajar Cina. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar Cina Tahap 2 di enam buah sekolah SJKC di Daerah Asajaya. Data kajian terdiri dari Kertas Ujian PraUPSR AR2 Bahasa Melayu Bahagian Pemahaman. Bahan kajian yang telah dipilih dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Berdasarkan kajian, didapati bahawa memang terdapat masalah dalam penguasaan morfologi oleh pelajar Cina Tahap 2. Dapatan analisis menemukan banyak kesalahan morfologi yang pelajar lakukan. Secara keseluruhan mengikut urutan, kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh sampel ialah kesalahan golongan kata Karyaan sebanyak 57.25 peratus, golongan kata Benda iaitu 31.8 peratus dan seterusnya golongan kata adverba sebanyak 10.95 peratus. Dapatan kajian ini dapat menggambarkan bahawa penguasaan morfologi pelajar-pelajar Cina masih pada tahap kurang memuaskan. Kajian ini amat penting untuk pihak yang terlibat khususnya para pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat memainkan peranan bagi melahirkan pelajar yang prihatin terhadap kesilapan bahasa supaya tidak berlarutan hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Kata kunci: penguasaan, morfologi, bahasa Melayu, pelajar Cina, pembelajaran bahasa Melayu

PENGENALAN

Pelbagai kajian dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu yang mempunyai kesedaran dan keyakinan terhadap penggunaan bahasa Melayu dengan betul khususnya dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu standard merupakan subjek wajib lulus Abdul Ghalib Yunus (2002). Justeru, pelajar wajib menguasai bahasa Melayu dengan baik bagi merealisasikan hasrat menjadikan bahasa Melayu bahasa komunikasi dan perpaduan di Malaysia (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010). Bilangan generasi muda bukan Melayu yang gagal bertutur bahasa kebangsaan dikhuatiri meningkat pada masa depan kerana hampir 90 peratus daripada mereka bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan, Teo Kok Seong (2017). Penguasaan bahasa Malaysia yang lemah serta sukar memahami sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu punca utama kira-kira 30 peratus daripada pelajar kaum Cina keciciran di peringkat sekolah menengah (Wang Hong Cai, 2017) Masalah penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar yang bersekolah rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) kini semakin membimbangkan dan harus diambil perhatian serius. Dianggarkan 50 peratus daripada pelajar SJKC menghadapi masalah bertutur dan memahami bahasa Malaysia dan ini akan menyusahkan diri mereka sendiri apabila ke sekolah menengah.

Dapatan ini selaras dengan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019, seramai 19, 884 calon iaitu 66.18 peratus Sekolah Kebangsaan 2019 mencapai tahap penguasaan minimum berbanding 62.44 peratus pada 2018. Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan, seramai 6, 041 calon (61.81 peratus) mencapai tahap penguasaan minimum pada 2019 berbanding 59.65 peratus pada 2018. Peningkatan pencapaian tahap minimum UPSR 2019 bagi Sekolah Kebangsaan adalah sebanyak 3.74 peratus manakala bagi Sekolah Jenis Kebang-

saan adalah sebanyak 2.16 peratus. Seramai 39, 818 calon sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menduduki UPSR pada tahun 2019. Seramai 30, 044 (75.45 peratus) adalah calon Sekolah Kebangsaan dan seramai 9, 774 orang (24.55 peratus) adalah calon Sekolah Jenis Kebangsaan.

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menilai pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di samping Bahasa Cina atau Bahasa Tamil bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). UPSR berperanan sebagai checkpoint untuk mengukur kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul selama enam tahun di sekolah rendah.

PENGGOLONGAN KATA

Golongan kata boleh juga disebut sebagai kelas kata, kategori kata dan jenis kata. Golongan kata merupakan proses menjeniskan dan mengggelompokkan kata berdasarkan kriteria tertentu. Antara kriteria yang digunakan untuk menggolongkan perkataan ialah ciri-ciri persamaan yang dimiliki oleh kategori kata tersebut, makna kata, kesempurnaan bentuk, taburan kata dan fungsinya dalam ayat. Menurut Nahu Melayu Mutakhir terdapat 3 golongan utama seperti berikut:

1. Golongan Kata Benda dan subgolongannya,
2. Karyaan dan subgolongannya,
3. Adverba dan subgolongannya

KAJIAN TENTANG KESALAHAN PENGGUNAAN BAHASA KEDUA

Banyak kajian menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua khususnya pelajar Cina melakukan banyak kesalahan bahasa. Antaranya, kesalahan morfologi (Ellis, 2008) kesalahan kata kerja (Hashim,2009), kasalahan kata sendi nama (Habsah, 1982) kesalahan tatabahasa dari aspek perkataan, frasa dan ayat (Money, 2004) kesalahan frasa kerja transitif, rasa kerja tak transitif, frasa kerja pasif pelaku pertama, kedua dan ketiga (Suffian, 1994). Chew Fong Seng (2016) dan Lee (2009), Nursidah Ab. Hamid, Fairose Sulaiman, Jamaludin Badusah (2017). Ang Lay Hoon, Che Radiah Mezah (2017), Rosharimah (2017) Zamri Mahamod (2016).

Banyak gejala yang menyimpang dari peraturan nahu dan panduan kesantunan Melayu berlaku dalam penggunaan bahasa sekarang, Asmah Haji Omar (2015). Kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penggunaan aspek bahasa yang tidak sempurna daripada tatabahasa baku (Awang Sariyan, 1984). Kesalahan bahasa biasanya berpunca daripada penukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu bahagian ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan, rangkai kata hingga menyebabkan ayat yang dibentuk mengandungi kesalahan (Corder, 1973, 1981).

Biarpun terdapat banyak kajian oleh para sarjana dalam usaha untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina yang kini menjadi isu nasional, namun ketandusan kajian berkaitan permasalahan itu telah mendorong suatu analisis secara rinci dilakukan.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu yang semakin meruncing dalam kalangan penutur Cina berkemungkinan disebabkan kesukaran memahami tatabahasa bahasa kedua secara menyeluruh. Kesukaran mempelajari bahasa Melayu oleh pelajar Cina ini perlu dianalisis dari peringkat asas bagi merungkai permasalahan sebelum menular ke peringkat menengah dan seterusnya dalam masyarakat. Kesalahan bahasa kerap dilakukan pelajar cina berbanding pelajar bumiputera kerana masalah ganggunan bahasa ibunda dan pengaruh dialek tempatan serta struktur bahasa Cina yang berbeza dengan bahasa Melayu.

Masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina khususnya di SJKC dikatakan amat membimbangkan dan telah menjadi isu nasional. Kelemahan penguasaan murid Cina dalam aspek Bahasa Melayu bukan sahaja boleh menjejaskan keyakinan mereka tetapi juga ketepatan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Justeru isu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina ini tidak boleh dipandang enteng dan perlu diatasi dengan kadar segera (Najib Tun Razak, 2017).

Masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina dapat dikaitkan dengan kelemahan penguasaan morfologi murid Cina. Kegagalan murid Cina menguasai morfologi ini menyukarkan murid Cina untuk mempelajari Bahasa Melayu sekali gus menyebabkan pencapaian mereka dalam peperiksaan Bahasa Melayu berada pada tahap yang tidak baik.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesalahan morfologi dari aspek kata pelajar Cina.
2. Mengklasifikasikan kesalahan kata mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir pelajar Cina

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah Kesalahan penggunaan aspek kata dalam penulisan bahasa Melayu pelajar Cina?
2. Apakah kesalahan penggunaan aspek kata mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir pelajar Cina?

KEPENTINGAN KAJIAN

Penguasaan bahasa memungkinkan pelajar menyampaikan idea dan pendapat baik secara lisan dan tulisan, situasi formal atau tidak formal. Penguasaan bahasa yang mantap juga memungkinkan pelajar menjawab soalan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi juga dalam mata pelajaran yang lain dengan baik dan berkesan. Kerelevanan kepada pelajar, guru, dan sekolah juga dapat memanfaatkan maklumat hasil daripada kajian ini dalam Meningkatkan pretasi penguasaan bahasa Melayu pelajar, mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelbagai pihak dapat berusaha untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik demi kebaikan bersama serta merangka strategi yang sesuai untuk menangani masalah kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina dengan berkesan selaras dengan tututan pendidikan negara.

REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan di lapangan yang dijalankan ini berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Majid Konting, 1998).

TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan di enam buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsan Cina (SJKC) di Daerah Asajaya, Samarahan, Sarawak. Kesemua sekolah ini dipilih kerana dapat memenuhi syarat dan keperluan kajian.

PERSAMPELAN

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan. Menurut Chua Yan Piaw (2014) persampelan bertujuan adalah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu telah dipilih sebagai sampel. Kajian ini terdiri daripada 50 orang pelajar Cina Tahap 2 yang dipilih memenuhi kriteria yang yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu pelajar berbangsa Cina yang bersekolah di SJKC yang mempelajarai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen skrip jawapan sampel untuk set kertas ujian AR2 PraUPSR Bahasa Melayu kertas pemahaman dan kertas penulisan telah dianalisis untuk mengumpul data.Untuk mendapatkan data yang diperlukan, setiap sampel diminta menjawab kertas ujian tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan.Set soalan lengkap Kertas Kertas pemahaman dan penulisan mengikut format peperiksaan UPSR sebenar mengandungi Bahagian A dan bahagian B untuk kertas pemahaman, manakala kertas penulisan mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Kesalahan morfologi dari aspek kata dalam kertas ujian pelajar Cina dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut penggolongan kata dalam Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima oleh Asmah Haji Omar (2015). Jenis kesalahan yang dikenal pasti ialah morfologi (golongan kata). Pemberian markah adalah

berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan dan penentuan gred markah dan tahap penguasaan adalah berpandukan penskoran Ujian Penilaian Sekolah Rendah oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya skor purata pencapaian markah sampel yang dikaji menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka keseluruhanya berada pada tahap memuaskan iaitu pencapaian julat markah 50-64 peratus. Min purata bagi seorang pelajar adalah 58.6%. Min dikira daripada hasil tambah titik tengah bagi julat gred markah darab kekerapan bilangan sampel yang dikaji dibahagi dengan nilai kekerapan bilangan sampel yang dikaji. Justifikasi menentukan pencapaian tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina menunjukkan tahap penguasaan memuaskan.

Berdasarkan pencapaian peratusan lulus pelajar Cina Tahap 2 iaitu seramai 5 (10%) orang sampel mendapat pencapaian cemerlang gred A dengan julat markah 80-100. Seterusnya seramai 11 (22%) orang sampel mendapat pencapaian Baik gred B dengan memperolehi julat markah 65-79, dikuti seramai 22 orang sampel iaitu 22 (44%) orang sampel mencapai tahap penguasaan memuaskan gred C dengan julat markah 50-64. Jumlah sampel seramai 8 orang iaitu (16%) pula berada pada tahap penguasaan minimum gred D dengan julat markah 40-49, manakala hanya seramai 4 orang iaitu (8%) orang sampel yang mendapat gred E dengan julat markah 0-39 iatu belum mencapai tahap penguasaan minimum.

Kesalahan morfologi mengikut golongan kata Nahu Melayu Mutakhir

Dapatan kesalahan morfologi mengikut golongan kata Nahu Melayu Mutakhir dalam kalangan pelajar Cina yang telah dikaji dipaparkan seperti berikut:

JADUAL 1: Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Kedua-Bahasa Diraja

Salah	Betul
baginda ***kami*** ***mereka***	"Mengapakah ***tuanku*** bermuram durja?" Tanya Tun Mamat kepada Sultan Aminudin Arif.

Huraian : **Kata ganti nama diri kedua *tuanku*** digunakan ketika bercakap untuk menggantikan diri kedua bagi sultan atau raja manakala ***baginda***, kata ganti nama diri ketiga, untuk menyebut orang yang menjadi raja atau sultan. Menurut Asmah Haji Omar (2015, h. 87) ada perkataan khas bagi ganti nama dalam bahasa diraja iaitu: Diri pertama (beta, patik), Diri kedua, (tuanku) dan Diri ketiga (tuanku). Beta dan patik berbeza dalam pemakaiannya sungguhpun kedua-duanya merujuk kepada orang pertama. Tuanku digunakan oleh rakyat apabila bercakap dengan raja yang memerintah untuk merujuk kepada raja yang berkenaan. Dalam hal ini tuanku berfungsi sebagai kata ganti nama diri kedua. Kata yang sama berfungsi sebagai pengganti nama orang ketiga jika rakyat merujuk kepada raja yang memerintah atau isterinya, apabila bercakap dengan orang lain. Dalam kedua-dua fungsi itu tuanku menunjukkan proses pandang ke atas.

JADUAL 2: Kesalahan Penggunaan Kata Penjodoh Bilangan

Salah	Betul
buah ***punting*** ***kumpulan***	Puan Asma memasukkan beberapa ***cubit*** garam dan serbuk perasa ke dalam masakannya.

Huraian: 'Penjodoh bilangan' ialah perkataan yang digunakan selepas kata bilangan dan sebelum kata nama untuk menjelaskan jenis dan bilangan kata nama itu. Penjodoh bilangan hendaklah digunakan dengan betul supaya menepati konteks atau maksud ayat. Penggunaan kata ***cubit*** digunakan untuk benda yang diambil dengan hujung jari seperti garam, gula dan sebagainya.

JADUAL 3: Kesalahan Penggunaan Kata Kerja Transitif

Salah	Betul
melalaikan mengasingkan meletakkan	Puan Haliza sedang ***mengisikan*** sarung bantal itu dengan kekabu.

Huraian: 'Kata kerja' boleh didahului oleh kata bantu dan wujud dalam bentuk aktif dan pasif serta mempunyai jenis tak transitif atau transitif. Kata kerja umum sepatutnya dipilih dan digunakan berdasarkan konteks dan maksud seperti contoh yang berikut: ***mengisikan*** yang membawa maksud memasukkan sesuatu.

JADUAL 4: Kesalahan Penggunaan Kata Ganda Berentak

Salah	Betul
berulang-alik ***berliku-liku*** ***bersilang-silang***	Keadaan jalan raya di bandar yang ***bersimpang-siur*** itu telah menyebabkan kami tersesat.

Huraian: Kata sifat gandaan berentak bersimpang-siur menunjukkan jalan raya yang mempunyai banyak simpang untuk dituju.

JADUAL 5: Kesalahan Penggunaan Kata Terbitan

Salah	Betul
tersimpan ***penyimpanan***. ***menyimpan***	Pemain ***simpanan*** yang baru sahaja memasuki padang itu telah menjaringkan gol.

Huraian: Berdasarkan ciri morfologi, penggolongan kata diteliti dari aspek imbuhan, iaitu imbuhan dijadikan ciri bagi menunjukkan keanggotaan sesuatu kata ke dalam golongan tertentu. Contohnya bagi kata nama, imbuhan yang biasanya membentuk kata nama ialah imbuhan peN-, per-...-an, pe-...-an, ke-...-an dan -an (Asmah Hj. Omar, 1962: 442; LawYock Fang, 1967: dan 1984).Oleh itu, imbuhan ini, apabila digandingkan dengan kata dasar, akan membentuk kata terbitan yang tergolong dalam kata nama. Jadi kata **simpan** mendapat imbuhan-an membentuk kata terbitan yang tergolong dalam kata nama.

JADUAL 6: Kesalahan Penggunaan Kata Hubung

Salah	Betul
Supaya ***Untuk*** ***atau***	Barangan buatan Malaysia bukan sahaja berkualiti ***malahan*** lebih murah berbanding barangan import.

Huraian: Kata hubung perlu digunakan berdasarkan tugasnya sebagai kata hubung gabungan atau pancangan. Oleh itu perkataan ini tidak boleh bergantian dalam ayat.Ini kerana fungsi kata hubung **supaya, untuk, atau, malahan** adalah tidak sama dalam ayat.

JADUAL 7: Penggunaan Kesalahan Kata Nama

Salah	Betul
juruterbang ***juruselam*** ***jurujual***	Sudah dua tahun Puan Aina bekerja sebagai **jururawat** di Hospital Umum Kuching.

JADUAL 8: Kesalahan Penggunaan Kata Sifat

Salah	Betul
Seram ***Hairan*** ***kusam***	Puan Tan berasa **gayat** apabila melihat ke bawah dari atas menara itu.
…masih **pekat** jahit-anya …pakaiaannya agak **pekat**	…gemar minum kopi **pekat** …membeli santan **pekat.**

JADUAL 9: Kesalahan Penggunaan Kata Nama Terbitan

Salah	Betul
Muafakat ***Muslihat*** ***mustahak***	Program yang telah dirancang itu perlu mencapai **matlamat** yang ditetapkan.

JADUAL 10: Kesalahan Penggunaan Kata Perintah

Salah	Betul
Jemput jangan kalian berani datang ke sini lagi. **Sila** kamu bersabar dengan apa yang terjadi. **Tolong jangan** kamu bermain di sini.	**Jangan** mudah putus asa jika kamu mahu ber-jaya.

Huraian : Ayat di atas salah kerana ayat tersebut merupakan gabungan ayat silaan dan ayat larangan.Hal ini tidak dibenarkan dalam bahasa Melayu. Oleh itu perkatan **sila, tolong , minta** tidak boleh hadir serentak da-lam ayat larangan.

JADUAL 11: Kesalahan Penggunaan Kata Sifat

Salah	Betul
…usia yang masih **uzur**	muda
…amalan pemakanan yang **kukuh**	salah
…kuantiti yang **ringan**	kecil
…murid-murid **mantap** belajar	sibuk

JADUAL 12: Kesalahan Penggunaan Kata kerja aktif dalam cakap ajuk dan cakap pindah

Salah	Betul
"Saya berasal dari Johor Bahru dan berumur 12 tahun," kata Azlina. Azlina **memberitahu** kepada saya bahawa dia berasal dari Johor Bahru dan berumur 12 tahun.	Azlina **menyatakan** kepada saya bahawa dia berasal dari Johor Bahru dan berumur 12 tahun

JADUAL 13: Kesalahan Penggunaan Kata Kerja transitif Dalam Cakap Ajuk kepada Cakap Pindah

Salah	Betul
Pesanan Cikgu Basri kepada saya untuk mengisi masa sepanjang cuti sekolah untuk melakukan aktiviti yang berfaedah, mengu-langkaji pelajaran dan membuat kerja rumah.	Beliau **mengingatkan saya** agar mengulang kaji pelajaran dan memanfaatkan masa cuti se-kolah dengan aktiviti berfaedah.

JADUAL 14: Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama

Salah	Betul
…kerumah	…ke rumah
…dinegara	…di negara
…pada malam	…pada waktu malam
…dikawasan	…di kawasan
…ditempat	…di tempat
…dilembaran	…di lembaran
…diatas lantai	…di atas lantai

Huraian: Kata sendi ***di*** dan ***ke*** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat perlu dijarakkan.

RUMUSAN

Analisis dapatan kajian ini menunjukkan terdapat 676 kesalahan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Cina. Jumlah ini merangkumi ketiga-tiga aspek golongan kata. Secara purata, setiap sampel telah melakukan lebih 10 kesalahan morfologi, dari segi kesalahan penggunaan kata dari golongan kata benda sebanyak 215 iaitu (31,8%), golongan kata karyaan berjumlah 387 iaitu (57.25%) dan golongan kata adverba sebanyak 74 iaitu (10.95%).

JADUAL 15: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Nahu Melayu Mutakhir Pelajar Cina Yang Telah Dikaji

Golongan Kata	Kekerapan	Peratusan
Golongan Kata Benda	215	31.8 %
Golongan Kata Karyaan	387	57.25 %
Golongan Kata Adverba	74	10.95 %
Jumlah	676	100

Berdasarkan ketiga-tiga golongan kata tersebut kesalahan tertinggi dilakukan ialah Golongan Kata Karyaan yang merangkumi kata kerja dan kata sifat. Kesalahan kedua tertinggi pula adalah kesalahan Golongan Kata Benda iaitu kata nama, kata ganti nama dan kata bilangan. Kesalahan paling rendah adalah Golongan Kata Adverba yang merangkumi kata tugas. Berdasarkan kesalahan morfologi dalam Kertas Ujian AR2 PraUPSR pemahaman dan penulisan bahasa Melayu pelajar Cina, tidak dinafikan bahawa gangguan bahasa ibunda mendorong pelajar melakukan kesalahan morforlogi ini. Dapatan ini selaras dengan dapatan dalam kajian oleh Ooi (2017), Cheun et.al (2009), Money (2004), Chew Fong Seng (2016) dan Lee (2009), Nursidah Ab.Hamid, Fairose Sulaiman, Jamaludin Badusah (2017), Ang Lay Hoon, Che Radiah Mezah (2017), Rosharimah (2017) dan Zamri Mahamod (2016).

KESIMPULAN

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) penting untuk menyahut seruan kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 yang menyebut bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang perlu dikuasai oleh semua rakyat Malaysia baik dari peringkat rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi sehinggalah mereka berupaya menguasai bahasa Melayu dengan baik dalam masyarakat kelak. Maka segala obligasi dan sinergi semua pihak berkaitan adalah dituntut demi membendung masalah ini supaya tidak menjadi semakin parah dan menjadi polemik yang akhirnya merugikan masyarakat dan negara.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Selangor Darul Ehsan. Dewan Bahasa Pustaka.

Awang Sariyan. (2011, 14-16 Mac). Pendidikan Bahasa Melayu dalam pembentukan jati diri bangsa: Penga jaran seni bahasa untuk penghayatan bahasa kepada pelajar asing. *Seminar Bahasa Melayu 2011*. Per satuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Ba hasa dan Pustaka Wilayah Timur.

Chew Fong Peng & Lee Tan Luck.(2009, 2-3 Disember). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. *2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance*, UiTM, Shah Alam.

Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6*(2),10-22.

Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah penyelidikan* (Edisi Ketiga). Selangor Darul Ehsan: Mc Graw Hill Education.

Corder, S.P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Harmondsworth: Penguin Education.

Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pem belajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7*(1), 74-84.

Ellis, Rod. (2008). *The study of second language acquisition*. Oxford, UK: Oxford University Press.

Hazlina Abdul Halim, & Ang Lay Hoon. (2015). Kesalahan pemilihan dan pembentukan kata dalam terjemahan bahasa Perancis, *GEMA Online Journal of Language Studies*.

Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa, 5*(4).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Pelaporan Pentaksiran Sekolah rendah 2019. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Gred Terkini UPSR. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 6. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Ooi Chwee Hwa. (2017). Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah, 20*.

Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu, 15*(2).

Tengku Nor Faizul Tengku Embong. (2006). Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar-pelajar Cina. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6*(1), 38-51.

PENGGUNAAN AYAT MAJMUK DALAM PENULISAN KARANGAN MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)

Marimuthu Punniaseelan
Universiti Putra Malaysia (UPM)
veeyahshagan15@yahoo.com

Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Universiti Putra Malaysia (UPM)
letchumy1617@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan Penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan murid sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil. Pengkaji telah memilih seramai 40 orang murid tahun 5 sebagai sampel. Lokasi kajiannya adalah di SJKT Saraswathi, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel dibuat mengikut tahap pencapaiaan akademik yang setaraf dan mempunyai kemahiran penulisan karangan. Subjek kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan *(purposive sampling)*. Pengkaji mengkaitkan Model Matlamat Bebas (Free –Goal Evaluation Model) oleh Scirven (1972) dengan kajian ini. Model ini menekankan konsep penilaian matlamat bebas penilai berada dalam program pendidikan tersebut dan membuat kajian untuk menilai semua 'output'. Penyelidik menggunakan kaedah kajian analisis kandungan, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Instrumen seperti latihan penulisan karangan, rakaman audio temu bual, dan catatan pemerhatian digunakan untuk memperoleh data kajian. Latihan penulisan karangan dianalisis bagi mengenal pasti kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil. Temu bual dilaksanakan terhadap guru bahasa Melayu bagi mengetahui tahap penggunaan ayat majmuk murid dalam penulisan karangan. Penganalisisan data dilakukan berdasarkan kepada pendekatan kaedah kualitatif. Hasil kajian ini memberi kesedaran kepada tenaga pengajar khasnya guru-guru bahasa Melayu SJKT tentang tahap penguasaan dan penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil. Justeru, hal ini mendorong para guru bagi membuat penambahbaikan kaedah pengajaran dalam PdPc.

Kata kunci: ayat majmuk gabungan berurutan, ayat majmuk gabungan bertentangan, kekerapan penggunaan ayat majmuk, tahap penguasaan ayat majmuk

PENGENALAN

Perlembagaan Malaysia Perkara 152(1) mengiktirafkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Bahasa Melayu selaku bahasa rasmi dapat digunakan dalam segala urusan rasmi. Selain bahasa rasmi, bahasa Melayu juga secara luas digunakan sebagai wahana komunikasi bagi menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah dan program-program bagi memartabatkan bahasa Melayu. Antaranya, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Sehubungan dengan itu, semua murid dari aliran Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) wajib mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal yang demikian kerana, walaupun bahasa ibunda dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut namun bahasa Melayu tetap diajar sebagai bahasa kedua dengan harapan semua pelajar berbilang kaum harus menguasai dan menggunakan bahasa Melayu dengan betul sama ada dalam bentuk penulisan mahu pun pertuturan. Namun, murid - murid dari aliran sekolah jenis kebangsaan mengalami kesukaran dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu terutama dalam penulisan karangan. Penggunaan ayat yang tidak gramatis dalam penulisan karangan merupakan satu masalah besar yang dapat dikesan dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Penguasaan tatabahasa yang lemah, kurang kemahiran dalam penggunaan bahasa serta tidak minat mempe-

lajari bahasa Melayu merupakan antara faktor yang menyebabkan murid-murid sekolah Tamil mengalami kesukaran dalam penghasilan karangan yang bermutu.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian menunjukkan pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil merupakan masalah utama yang dihadapi oleh segelintir murid sekolah Tamil dalam penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu (Hei, 2016). Bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Ooi Chew 2017). Hal ini menyebabkan murid sukar untuk menghasilkan karangan yang berkualiti dan kebanyakkan karangan yang dihasilkan tidak mencapai taraf yang dikehendaki dan masih pada tahap yang rendah. Kekeliruan dalam penulisan dan penggunaan ayat majmuk menyebabkan murid sekolah Tamil lebih kerap membuat penterjemahan literal dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu dalam penulisan ayat bahasa Melayu (Mahendran, 2016).

Kelemahan dalam penulisan ayat gramatis seperti ayat majmuk yang betul dalam karangan menyebabkan kualiti karangan tersebut terjejas dan murid juga mendapat markah yang sangat kurang dan ada yang gagal dalam kertas penulisan bahasa Melayu UPSR. Berdasarkan data keputusan peperiksaan UPSR kertas bahasa Melayu penulisan sekolah Tamil di Zon Pudu, Cheras dari tahun 2017 hingga 2019 mencatat peratus kegagalan dari 14% hingga 25% (Jabatan Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020). Sepatutnya jumlah kegagalan adalah sifar. Ini menunjukkan ada juga murid masih tidak dapat menguasai kemahiran penulisan karangan walaupun mempelajari bahasa Melayu selama enam tahun di sekolah rendah.

Lebih-lebih lagi, murid lebih kerap menggunakan ayat tunggal berbanding ayat majmuk kerana ayat tunggal mudah ditulis dengan ringkas berbanding dengan ayat majmuk. Maka dalam hasil penulisan karangan murid, penggunaan jenis-jenis ayat majmuk sangat kurang dan ada kalanya sangat sedikit berbanding dengan ayat tunggal. Hal ini menunjukkan murid masih lemah dalam penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan. Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk dalam karangan memberi impak yang baik terutama penyampaiaan dan penghuraiaan idea – idea secara bernas dan jelas. Ia akan membantu murid dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Maka, kajian ini membincangkan kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil.

Ayat majmuk gabungan

Menurut Nik safiah Karim et al. (2015, hal. 497) ayat majmuk terdiri daripada percantuman atau penyambungan dua atau lebih ayat menjadi satu ayat baharu dengan menggunakan kata hubung gabungan. Penggunaan kata hubung yang berbeza dalam percantuman ayat –ayat tunggal menghasilkan tiga jenis ayat majmuk gabungan, iaitu ayat majmuk gabungan berurutan, ayat majmuk gabungan bertentangan dan ayat majmuk gabungan berpasangan. Namun kajian ini hanya memfokuskan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan.

Ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan

Ayat majmuk gabungan berurutan merupakan ayat majmuk gabungan terdiri daripada susunan fakta secara berurutan, Asmah Hj Omar (2009) dan Nik Safiah Karim et al. (2015, hal. 503). Kata hubung gabungan seperti *dan, lalu, serta, sambil* digunakan bagi menghasilkan ayat majmuk gabungan berurutan. Manakala, ayat majmuk gabungan bertentangan pula susunan ayatnya memberi maksud yang bertentangan terhadap ayat-ayat yang digabungkan dengan kata hubung seperti *tetapi, atau, manakala, kecuali* dan sebagainya. Kedua-dua jenis ayat majmuk gabungan ini dianalisis secara terperinci berdasarkan hasil penulisan karangan murid-murid sekolah Tamil bagi meninjau kekerapan penggunaan ayat-ayat tersebut.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian berkaitan ayat majmuk telah dilakukan oleh pengkaji tempatan. Antaranya Norul Haida Redzuan (2018) dalam kajiannya mendapati ayat majmuk pancangan relatif lebih tinggi berbanding dengan ayat majmuk komplemen dan ayat majmuk keterangan digunakan oleh murid-murid tingkatan satu

dalam penulisan karangan. Kajian Abdul Razak dan Nurul Ain (2014) yang bertujuan menganalisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun merumuskan bahawa ayat majmuk pancangan yang digunakan dalam pantun mengalami proses-proses transformasi seperti pengguguran, peluasan dan penyusunan semula. Dalam pada itu, satu lagi kajian Analisis ayat gabungan bahasa Melayu dalam pantun Melayu oleh Abdul Razak dan Nurul Ain (2016) dilakukan bagi mengenal pasti jenis ayat majmuk gabungan dan struktur ayat yang digunakan dalam penulisan pantun Melayu yang terpilih. Dapatan kajian menunjukkan ayat majmuk gabungan berurutan melibatkan kata hubung dan, lalu, serta, sambil kerap digunakan dalam pantun yang dikaji. Selain itu, dapatan juga menerangkan proses pengguguran dan penyusunan semula mencatat kedudukan tinggi dalam pembentukan ayat majmuk gabungan. Seterusnya, ada juga kajian dilakukan bagi meninjau tahap penguasaan ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar prauniversiti oleh Zurakintan Abdul Razak (2014), menunjukkan pelajar prauniversiti masih lemah dalam penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pelajar tidak mahir dalam penggunaan atau pemilihan kata hubung yang tepat sewaktu penulisan karangan. Pemilihan kata hubung yang kurang tepat dan tidak sesuai dalam pembinaan ayat majmuk dalam penulisan karangan menyebabkan berlakunya kesalahan pembentukan ayat majmuk. Kesalahan sebegini sudah pasti akan menjejaskan kualiti dan mutu sesuatu hasil karangan. Justeru penggunaan bahasa yang baik dan betul sangat penting dalam penyampaian sesuatu idea dengan jelas dan mudah sama ada dalam bentuk penulisan mahu pun secara verbal.

METODOLOGI

Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih 40 orang murid tahun lima dari SJK Tamil sebagai sampel. Pengkaji memastikan subjek kajian mempunyai tahap pencapaiaan akademik yang setaraf dan berkebolehan menulis karangan. Kajian ini berlandaskan Model Matlamat Bebas (Free –Goal Evaluation Model) oleh Scirven (1972) yang menilai sesuatu program pendidikan dengan menilai pencapaiaan atau 'Output' yang diterima dengan kajian ini. Data dikumpul menerusi penulisan karangan oleh sampel. Kaedah kajian analisis kandungan, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual dapat digunakan. Instrumen seperti latihan penulisan karangan, rakaman audio temu bual dan nota lapangan pemerhatian digunankan untuk memperoleh data yang dikehendaki. Karangan yang dihasilkan oleh sampel dianalisis untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil. Temu bual terhadap guru mata pelajaran bahasa Melayu juga dilakukan bagi mengetahui tahap penguasaan dan penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini penyelidik akan menghuraikan lebih terperinci tentang kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan karangan murid sekolah Tamil. Data yang dianalisis dapat ditunjukkan dalam bentuk jadual dan carta palang sebagai bukti dan sokongan kepada dapatan kajian. Oleh sebab data kajian ini dikumpul melalui penulisan karangan murid-murid tahun lima, pengkaji membuat satu rumusan secara menyeluruh dalam penggunaan bilangan ayat dalam skrip karangan yang dikaji. Jadual 1 berikut menunjukkan penelitian secara terperinci berkaitan analisis penggunaan jumlah ayat dalam penulisan karangan para responden.

JADUAL 1 Penggunan ayat secara keseluruhan dalam penulisan karangan

	Jumlah	Peratus %
Jumlah Ayat Gramatis	305	80.9
Jumlah Ayat Tidak Gramatis	72	19.1
Jumlah ayat	377	100
Jumlah Ayat Tunggal	158	51.8
Jumlah Ayat Majmuk	147	48.2
Jumlah	305	100

Berpandukan kepada data yang terpapar dalam jadual 1, seramai 40 responden kajian telah menghasilkan sejumlah 377 ayat termasuk ayat gramatis dan ayat tidak gramatis. Daripada jumlah tersebut sebanyak 305 (80.9 %) ayat merupakan pembinaan ayat gramatis dan yang selebihnya iaitu 72 ayat (19.1 %) adalah ayat tidak gramatis. Dalam pada itu, daripada 305 jumlah ayat gramatis, didapati sebanyak 158 ayat bersamaan dengan (51.8 %) merupakan ayat tunggal. Manakala, sampel dapat menghasilkan sebanyak 147 (48.2 %) ayat majmuk dalam penulisan karangan. Ayat majmuk yang dikenal pasti adalah meliputi ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan sahaja. Apa yang dapat dilihat adalah perbezaan penggunaan ayat tunggal dan ayat majmuk adalah sebanyak 11 ayat sahaja. Walaupun perbezaan ini tidak tinggi namun, sewaktu analisis dibuat didapati ada dalam kalangan responden hanya seorang sahaja langsung tidak menggunakan ayat majmuk dalam penulisan karangan. Sampel 05, hanya menggunakan ayat tunggal sahaja dalam keseluruhan karangan. Hal ini mungkin disebabkan, sampel lebih gemar menggunakan ayat tunggal berbanding ayat majmuk dalam penulisan karangan. Kemungkinan sampel lebih cenderung menggunakan ayat tunggal kerana bentuk ayat tersebut ringkas dan pendek serta mudah untuk ditulis bagi menyampaikan isi. Seterusnya penyelidik akan meneliti penggunaan ayat majmuk dalam hasil karangan para responden. Jadual 2 berikut menerangan penggunaan ayat majmuk yang dikenal pasti dalam karangan para sampel.

JADUAL 2 Penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan

Jenis-jenis ayat majmuk	Jumlah	Peratus %
Ayat Majmuk Gabungan	126	85.7
Ayat Majmuk Pancangan	21	14.3
Ayat Majmuk Campuran	0	0
Jumlah Ayat Majmuk	147	100

Seperti yang diketahui, ayat majmuk terbahagi kepada 3 jenis, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Antara ketiga-tiga ayat majmuk ini, pada peringkat sekolah rendah kebanyakan murid biasa menggunakan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Di peringkat sekolah rendah penggunaan ayat majmuk campuran sangat kurang digunakan dan ada dalam kalangan mereka masih kurang mahir dalam pembentukan ayat jenis ini. Hal ini demikian kerana mereka masih kurang berpengetahuan dalam penulisan ayat majmuk campuran yang melibatkan gabungan antara beberapa ayat tunggal atau ayat majmuk. Data menunjukkan terdapat 126 iaitu (85.7%) ayat majmuk gabungan dapat digunakan oleh sampel dalam penulisan karangan. Manakala sebanyak 21 (14.3%) ayat majmuk pancangan telah dikenal pasti dalam hasil karangan. Tiada penggunaan ayat majmuk campuran dalam hasil karangan sampel. Data ini jelas menunjukkan murid-murid lebih kerap menggunakan ayat majmuk gabungan berbanding ayat majmuk pancangan mahu pun ayat majmuk campuran kerana perbezaan yang ditunjukkan adalah sebanyak 105 ayat iaitu (71.4 %). Dalam erti kata lain, berdasarkan kepada keputusan analisis data kajian didapati secara keseluruhan penggunaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan para sampel 6 kali ganda dengan penggunaan ayat majmuk pancangan. Hal ini mendapati murid lebih selesa dengan pembentukkan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan. Seterusnya, selaras dengan tajuk perbincangan pengka-

ji juga memaparkan data keseluruhan sampel yang menggunakan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan. Data yang diperoleh diberikan dalam bentuk jadual supaya ia lebih terperinci dan mudah untuk dijelaskan secara mendalam.

JADUAL 3 Bilangan sampel yang menggunakan ayat majmuk gabungan

Ayat Majmuk Gabungan	Jumlah Respon-den	Peratus %	Jumlah Ayat	Peratus %
Ayat Majmuk Gabungan Berurutan	39	97.5	126	100
Ayat Majmuk Gabungan Bertentangan	0	0	0	0
Tidak penggunaan Ayat majmuk	1	2.5	-	-
Jumlah	40	100	126	100

Berdasarkan jadual 3, seramai 39 responden daripada 40 sampel iaitu 97.5% telah menggunakan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan. Hanya seorang sampel sahaja iaitu 2.5% tidak langsung menggunakan ayat majmuk dalam penulisan karangan. Disamping itu, kelompok ayat majmuk gabungan boleh dibahagikan kepada ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan. Data menunjukkan hampir kesemua sampel menggunakan ayat majmuk gabungan berurutan dalam karangan mereka kecuali seorang sampel nombor 5. Seramai 39 orang responden iaitu 97.5% telah menggunakan ayat majmuk gabungan berurutan dalam karangan mereka. Manakala, bagi penelitian terhadap ayat majmuk gabungan bertentangan; data menunjukkan tiada langsung penggunaan jenis ayat ini dalam karangan. Ini bermakna daripada 40 responden tiada seorang pun menggunakan ayat majmuk gabungan bertentangan dalam karangan mereka. Carta palang di bawah menunjukkan penggunaan kelompok ayat majmuk gabungan berurutan berserta dengan bilangan dan peratus penggunaan dalam penulisan karangan.

RAJAH 1 Bilangan sampel yang menggunakan ayat majmuk gabungan berurutan



Hasil analisis data, ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan dibezakan melalui penggunaan kata hubung gabungan berurutan dan bertentangan. Kata hubung seperti ***dan, sambil, lalu*** dan ***serta*** digunakan untuk menyambung ayat tunggal susunan faktanya berurutan menjadi ayat majmuk gabungan berurutan. Sebaliknya, kata hubung gabungan bertentangn seperti ***atau, tetapi, manakala*** dan ***kecuali*** digunakan untuk menyambung ayat-ayat yang membawa maksud bertentangan menjadi ayat majmuk gabungan bertentangan. Hasil kajian mendapati secara keseluruhan terdapat 126 ayat majmuk gabungan berurutan digunakan dalam penulisan karangan oleh 39 responden. Manakala, 0% dicatatkan bagi penggunaan ayat majmuk gabungan bertentangan seperti mana diterangkan tadi. Jadual 4 berikut menjelaskan lebih mendalam lagi penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan mengikut penggunaan kata hubung, jumlah ayat dan peratus penggunaan dalam penulisan karangan responden.

JADUAL 4 Bilangan responden penggunaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan

Ayat Majmuk Gabungan	Kata hubung	Bilangan responden	Bilangan ayat	Peratus %
Ayat Majmuk Gabungan berurutan	Dan	39	116	92.1
	Sambil	5	8	6.3
	Lalu	2	2	1.6
	Serta	0	0	0
Ayat Majmuk Bertentangan	Atau	0	0	0
	Tetapi	0	0	0
	Manakala	0	0	0
	Kecuali	0	0	0
Jumlah			126	100

Jadual 4 menunjukkan penelitian secara terperinci penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan berdasarkan penggunaan kata hubung gabungan. Secara keseluruhan dapatan menjelaskan hasil penulisan karangan daripada 40 responden; seramai 39 orang responden boleh menggunakan ayat majmuk gabungan berurutan dalam karangan mereka. Namun begitu, sekirannya dilihat dari segi penggunaan kata hubung gabungan berurutan ***serta*** langsung tidak digunakan dalam karangan. Pada masa yang sama, kata hubung ***sambil*** hanya digunakan seramai 5 responden sebanyak 8 ayat iaitu 6.3%. Manakala kata hubung ***lalu*** pula sangat sedikit digunakan dalam karangan iaitu hanya 2 orang responden sahaja menggunakan jenis kata hubung ini dengan bilangan ayat 2 dan peratusnya 1.6. Kata hubung gabungan berurutan ***dan*** mencacat penggunaan yang tertingi iaitu seramai 39 responden menggunakan dalam karangan mereka. Sebanyak 116 iaitu 92.1% ayat melibatkan kata hubung ***dan*** digunakan dalam penulisan karangan para sampel. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Rohani Binti Mafot & Nurhani Binti Idris (2017) iaitu kesemua 14 sampel dalam kajiannya menggunakan kata hubung **'dan'** dalam pembinaan ayat majmuk.

Penggunaan ayat majmuk bertentangan melibatkan kata hubung ***atau, tetapi, manakala*** dan ***kecuali*** langsung tidak kelihatan dalam penulisan karangan para responden. Setelah pengkaji menganalisis hasil karangan didapati tidak terdapat penggunaan ayat majmuk gabungan bertentangan oleh sampel dalam penulisan karangan. Penulisan mereka lebih tumpu kepada penggunaan ayat tunggal dan ayat majmuk gabungan berurutan sahaja. Walaupun kata hubung jenis gabungan bertentangan telah pun diberi pendedahan kepada para sampel dalam proses pembelajaran, namun mereka tidak mahu menggunakannya dalam penulisan karangan. Seterusnya jadual 5, menunjukkan beberapa contoh ayat majmuk gabungan berurutan dalam sampel penulisan karangan.

JADUAL 5 Contoh penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan dalam penulisan karangan

Kata hubung	Contoh ayat ayat majmuk gabungan berurutan oleh sampel	Sampel (S)
Dan	Saya ***dan*** kakak bermain bola di tepi pantai.	S 15 Ayat 6
	Sharvein ***dan*** Sashvein membina istana pasir.	S 20 Ayat 5
	Encik Saravanan ***dan*** keluarganya berkelah di tepi pantai.	S 32 Ayat 1
	Emak menyediakan nasi lemak ayam ***dan*** jus oren.	S 40 Ayat 4
	Saya ***dan*** abang membeli belon di tepi pantai.	S 13 Ayat 6
Sambil	Bapa memerhati kami ***sambil*** membaca surat khabar.	S 01 Ayat 8
	Ibu menyediakan makanan ***sambil*** mendengar radio.	S 19 Ayat 6
	Saya dan adik berjalan di tepi pantai ***sambil*** makan aiskrim.	S 24 Ayat 7
	Emak berehat ***sambil*** mendengar lagu dalam telefon bimbit.	S 30 Ayat 5
	Abang mandi ***sambil*** menyanyi lagu.	S 27 Ayat 6
Lalu	Mereka membentangkan tikar ***lalu*** meletakkan barang.	S 02 Ayat 5
	Adik memakai pelampung ***lalu*** terjun ke dalam laut	S 22 Ayat 7

Daripada jumlah 116 ayat majmuk gabungan berurutan menggunakan kata hubung ***'dan',*** 113 daripadanya adalah ayat yang mengandungi gabungan antara dua subjek dan satu predikat. Seperti contoh dalam jadual 5, ayat yang ditulis oleh sampel 15 ayat nombor 6 (*Saya dan kakak bermain bola di tepi pantai).* Ayat ini menunjukkan penggunaan dua subjek iaitu ***saya*** dan ***kakak*** bagi menerangkan predikat iaitu perbuatan dalam ayat tersebut *(bermain bola di tepi pantai).* Begitu juga dalam contoh-contoh ayat yang ditulis oleh sampel 20, sampel 32, dan sampel 13. Manakala, penggabungan satu subjek dengan dua predikat melibatkan kata hubung ***'dan'*** hanya terdapat sebanyak 3 ayat sahaja. Antaranya contoh ayat yang ditulis oleh sampel 40, ayat ke 4 adalah *(Emak menyediakan nasi lemak ayam dan jus oren).* Ayat ini dapat dihasilkan gabungan antara satu subjek ***emak*** dan dua predikat ***nasi lemak*** dan ***jus oren***. Pengkaji mendapati kebanyakan sampel hanya membina ayat majmuk gabungan berurutan dengan menggunakan ***'dan'*** dengan memberi fokus kepada dua subjek. Sampel juga kurang pengetahuan dalam pembinaan ayat majmuk gabungan berurutan melibatkan lebih dari satu atau beberapa subjek dan penggunaan lebih dari satu atau beberapa predikat. Hal ini menunjukkan sampel masih pada tahap rendah dalam pembinaan ayat majmuk berurutan melibatkan kata hubung ***'dan'***. Kepelbagaian bentuk ayat majmuk berurutan yang dihasilkan oleh murid dalam penulisan karangan akan mencerminkan kecekapan dan kemahiran penggunaan dan penguasaan bahasa mereka. Pada hal, berdasarkan kepada analisis karangan para sampel pengkaji mendapati murid-murid masih pada tahap rendah dalam pembinaan ayat majmuk gabungan berurutan. Pada masa yang sama, mereka juga lemah dalam pembinaan ayat majmuk gabungan bertentangan.

Di samping itu, hasil temu bual bersama beberapa guru mata pelajaran bahasa Melayu mendapati tahap penguasaan ayat majmuk dalam kalangan murid-murid SJK Tamil masih pada tahap yang rendah dan lemah selaras dengan dapatan kajian Ika Dirga Sari, Hermawati Syaril dan Zul Amri (2018) dan Zurakintan (2014). Guru bahasa Melayu yang ditemu bual juga berpendapat murid-murid SJK Tamil mengalami kesukaran dalam pembentukan ayat majmuk yang gramatis terutama dalam penulisan karangan akibat mereka keliru dengan struktur ayat bahasa Melayu dengan bahasa ibunda. Kajian Tay Meng Guat & Wong Shia Ho (2016) juga menjelaskan murid Cina mengalami kesukaran dalam pembelajaran dan penulisan bahasa Melayu kerana struktur bahasa Melayu agak berbeza dengan struktur bahasa ibunda mereka.

Tambahan pula, hasil temu bual mendapati penguasaan kemahiran tatabahasa yang lemah juga menjadi masalah besar kepada segelintir murid sekolah Tamil kerana mereka masih rasa keliru dalam pemilihan dan penggunaan kata hubung yang sesuai untuk menulis sesuatu ayat majmuk. Veera Deviyana (2017), Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail (2013) dan Arpah Abdul Rashid (2010) dalam kajiannya masing-masing mendapati kebanyakkan kesalahan tatabahasa sewaktu pembinaan ayat majmuk berlaku akibat penggunaan kata hubung yang tidak tepat.

Selain itu, seorang lagi guru berpendapat murid SJKT tidak menunjukkan sikap kesungguhan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Maklum balas guru tersebut disokong oleh dapatan kajian Saraswathi el.al (2017) dengan menyatakan murid sekolah Tamil kurang minat dalam pembelajaran bahasa Melayu. Mereka hanya menganggap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Namun dapatan kajian Nancy anak Ngumbang dan Zamri Mahamod (2017) agak beza dengan dapatan Saraswathi el.al (2017) iaitu murid Melanau menunjukkan sikap, minat dan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kebanyakan murid sekolah Tamil bersikap tidak mementingkan bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan. Sikap kurang minat dan tidak kesungguhan terhadap pembelajaran bahasa Melayu menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas tatabahasa yang sedia termaktub dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Murid-murid sedemikian tidak menunjukkan sikap usaha dalam mempelajari dan menguasai kemahiran-kemahiran tatabahasa yang betul. Malah, mereka beranggapan bahawa mata pelajaran bahasa Melayu sangat susah dan sukar untuk dikuasainya. Bagi mereka pembelajaran bahasa Melayu adalah semata-mata untuk lulus peperiksaan dan setakat mendapat peluang pekerjaan di sektor kerajaan, Saraswathi el.al (2017). Kerelaan dan kesungguhan serta sikap cinta kepada bahasa tidak wujud dalam kalangan mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah berputus asa sekirannya gagal dalam kertas peperiksaan bahasa Melayu dan tidak mahu berusaha lagi untuk mencapai keputusan yang lebih baik. Kegagalan penggunaan kepelbagaian ayat majmuk dalam karangan menyebabkan kualiti karangan yang dihasilkan oleh mereka tidak menepati tahap yang dikehendaki.

Dapatan temu bual juga menunjukkan pengaruh bahasa ibunda iaitu bahaa Tamil merupakan kekangan kepada murid sekolah Tamil bagi menguasai bahasa Melayu. Dapatan ini disokong oleh Mahendran (2016),

Suthanthiradevi (2004) dan (1999). Manakala dapatan kajian Mohd Norazmie Mohd Yusof dan Saidatul Nomis Haji Mahadi (2019) dan Norizan Che Su (2018) juga mendapati terdapat pengaruh bahasa ibunda dalam pembinaan struktur ayat bahasa Melayu. Kelemahan murid dalam penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan secara langsung akan merosot pencapaian mereka dalam kertas penulisan bahasa Melayu sedangkan kertas penulisan bahasa Melayu semata-mata memberi penekanan kepada kemahiran menulis karangan.

Sekiranya murid gagal dalam kertas bahasa Melayu di peperiksaan UPSR; mereka perlu menduduki kelas peralihan selama setahun sebelum melangkah ke tingkatan satu. Sewaktu mereka berada dalam kelas peralihan, aktiviti PdPc berasaskan peningaktan kepada kemahiran bahasa Melayu dijalankan. Hal ini telah dibuktikan sebagai dapatan kajian oleh Indumathy Munusamy (2013) dalam kajiannya, iaitu penguasaan bahasa Melayu pelajar peralihan memang di tahap yang sederhana dan mereka memerlukan kaedah–kaedah pengajaran yang baik untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Justeru, murid-murid harus sedar bahawa pentingnya penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan bagi menjelaskan dan mengembangkan sesuatu idea dalam penulisan karangan. Tanpa penggunaan ayat majmuk dalam penulisan karangan, sukar bagi mereka untuk menghasilkan suatu karangan yang bermutu dan mencapai tahap pencapaiaan yang ditentukan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, jumlah ayat yang dihasilkan oleh 40 orang murid tahun lima selaku sampel adalah sebanyak 377 ayat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 305 ayat merupakan ayat gramatis dan yang selebihnya ayat tidak gramatis. Pengkaji kemudian mengkategorikan ayat gramatis yang disenaraikan kepada dua peringkat iaitu ayat tunggal dan ayat majmuk. Masing – masing mencatat 158 ayat tunggal dan 147 ayat majmuk. Pada peringkat ayat majmuk, 147 ayat majmuk dbahagikan lagi kepada jenis-jenis ayat majmuk iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Pengkaji mendapati sebanyak 126 ayat adalah jenis ayat majmuk gabungan, 21 ayat jenis ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran pula tidak terdapat dalam penulisan karangan. Kemudian, sejumlah 126 ayat majmuk gabungan diasingkan mengikut ayat majmuk gabungan berurutan dan ayat majmuk gabungan bertentangan. Pengkaji mendapati jumlah ayat majmuk gabungan iaitu 126 adalah jenis gabungan berurutan dan tidak terdapat ayat majmuk gabungan bertentangan dalam penulisan. Setelah analisis dilakukan terhadap kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan data menunjukkan hanya kata hubung ***'dan'*** lebih kerap digunakan oleh sampel dalam penulisan karangan berbanding dengan kata hubung gabungan berurutan yang lain seperti ***'sambil', 'lalu'*** dan ***'serta'.*** Berdasarkan data, sebanyak 116 ayat (91.2%) daripada 126 ayat majmuk gabungan berurutan melibatkan penggunaan kata hubung ***'dan'***. Sampel lebih kerap menggunakan kata hubung ***'dan'*** dalam pembinaan ayat.

Secara keseluruhan dalam penganalisisan data menunjukkan penggunaan ayat majmuk gabungan berurutan lebih tinggi berbanding dengan penggunaan ayat majmuk gabungan bertentangan yang tidak langsung digunakan dalam penulisan karangan sampel. Berdasarkan DSKP Kementerian Pelajaran Malaysia, pembelajaran ayat majmuk bermula dari tahun 2 selaras dengan standard kandungan dan standard pembelajaran merangkumi tajuk pembinaan ayat majmuk dan penggunaan kata hubung dalam ayat. Ekoran itu, murid-murid berpeluang mempelajari pembinaan atau penggunaan ayat majmuk diperingkat sekolah rendah bermula dari tahun 2 hingga tahun 6. Hal ini dapat dibuktikan dengan melakukan pemerhatian terhadap aktiviti pengajaran guru dan pembelajaran murid di bilik darjah. Murid dari tahun lima pula, telah mempelajari kemahiran ayat majmuk selama empat tahun. Tempoh masa selama empat tahun merupakan satu jangka masa yang lama bagi seseorang murid untuk menguasai kemahiran pembinaan ayat majmuk. Mereka juga sepatutnya mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam penggunaan ayat majmuk dalam pembinaan ayat dan penggunaan jenis-jenis ayat majmuk seperti ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan sebagainya dalam penulisan karangan. Murid-murid tahun 5 selaku sampel dalam kajian ini, masih lemah dan kurang pengetahuan dalam penggunaannya. Guru mata pelajaran bahasa Melayu harus mengorak langkah bagi mengatasi masalah ini pada peringkat awal di sekolah rendah. Guru perlu memahami masalah anak murid terutama dalam penguasaan bahasa Melayu dan cuba sedaya upaya untuk membantu mereka bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu terutama penggunaan ayat majmuk dan penguasaan bahasa yang betul dalam penulisan dan petuturan. Selain itu murid-murid yang bermasalah perlu menggandakan usaha dan perlu sedar bahawa tidak boleh bergantung hanya kepada guru sahaja. Murid juga perlu rajin berusaha dan bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa

Melayu. Bimbingan guru dan usaha yang berterusan oleh murid sudah pasti boleh mengatasi masalah penggunaan dan pembinaan ayat majmuk dalam penulisan karangan serta menguasai kemahiran-kemahiran asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil.

RUJUKAN

Abdul Razak Abdul Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2014). Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu. *MANU, Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 23*, 111-141.

Abdul Razak Abdul Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016.) Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN), 4*(2), 23 – 36.

Arina Johari & Mohd. Zuber Ismail (2013, 23-25 Ogos). Analisis kesalahan Umum struktur Ayat majmuk oleh pelajar asing. *Proceeding of International Language for Communication*.

Arpah Binti Abdul Rashid. (2010). Penguasaan dan struktur ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Singapura. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ika Dirga Sari, Hermawati Syaril & Zul Amri. (2018). Menganalisis ayat majmuk dalam penulisan murid jabatan English. *Jurnal Sosial Sains, Pendidikan Dan Kemasyarakatan, 301*.

Indhumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.

Mahendran Manian & Karteges Ponniah. (2014). Pengaruh bahasa ibunda (bahasa Tamil) dalam proses pem belajaran bahasa Melayu. *Jurnal Ilmu pendidikan dan pengajaran*, 1(Mac).

Mohd Norazmie Mohd Yusof & Saidatul Nomis Haji Mahadi, (2019). Pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa, 19*(1), 96-116.

Nancy anak Ngumbang & Zamri Mahamod, (2017). Sikap, Minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Pendeta Journal of Malay Language, 8,* 47-58.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norizan Che Su. (2018). Analisis kontrastif kata sendi nama 'Pada' bahasa Melayu dan bahasa Thai. *Jurnal Linguistik, 21*(1).

Norul Haida Hj Redzuan, Normarini Norzan & Abdullah Yusof. (2018). Analisis penggunaan Ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu *International Journal of Education, Pcychology and Counseling, 3*, 41–50).

Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy (2017). Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah, 20*, 35-45.

Rohani Binti Mafot & Nurhani Binti Idris. (2017). Penggunaan gambar bagi meningkatkan penggunaan Ayat majmuk dalam penulisan dengan menggunakan strategi (T dan R). Seminar bahasa di Singapura.

Saraswathy, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor, (2017). Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation 5*(1), 45-55.

Suthanthiradewi J.N.J Money (2004). *Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Suthanthiradewi J.N.J Money (1996). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal pendidikan IPGK Bl, 13,* 53-63.

Veera Deviyana, (2017), *Kesalahan penguaan kata hubung dalam ayat majmuk.* (Tesis yang tidak diterbit kan). Univerisiti Lampung, Indonesia.

Zurakintan Binti Abdul Razak. (2014). *Penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

MEMPERKASAKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS MELALUI GAMIFIKASI DALAM PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

Mohd Fadli bin Ahdon
Kolej Komuniti Arau Perlis
fadlie@staf.kkarau.edu.my

Ainul Mardhiyah binti Mat Yusoff
Kolej Komuniti Arau Perlis
aindhiyah@gmail.com

Nurraihan binti Md Ramly
Kolej Komuniti Arau Perlis
nur.ann77@gmail.com

ABSTRAK

Gamifikasi menggunakan elemen permainan dalam merangsang dan memberikan motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran. Pendekatan yang menggunakan kaedah permainan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Justeru itu aplikasi gamifikasi berasaskan web dan mobil telah dibangunkan sebagai salah satu alternatif agar pelajar dapat belajar tanpa batasan masa dan tempat bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya (SKHWY), Sanglang Kedah. Ini berdasarkan daripada hasil kajian rintis yang mendapati 72.4% pelajar SKHWY mengalami kesukaran untuk memahami konsep penulisan yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris kerana kekurangan perbendaharaan kata dan masalah tatabahasa. Tujuan utama aplikasi gamifikasi ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar serta merangsang minat bagi mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan mewujudkan pengalaman menarik kepada pelajar. Satu kajian tindakan turut dilaksanakan ke atas 30 orang pelajar tahun 6 di SKHWY yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi melihat sejauh mana sikap serta motivasi pelajar terhadap penggunaan aplikasi permainan ini. Ujian pra dan pasca telah dijalankan untuk membandingkan jumlah markah yang telah diperoleholehi responden sebelum dan selepas aplikasi ini digunakan. Setelah kedua-dua ujian ini dijalankan, dapatan menunjukkan peningkatan markah sebanyak 30.4% dari 55.60% dalam ujian pra ke 86% dalam ujian pasca. Data yang diperoleh telah membuktikan bahawa penggunaan aplikasi gamifikasi ini dapat menjadi satu alternatif sebagai alat pembelajaran kendiri bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris ke arah Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) dalam menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif.

Kata kunci: gamifikasi, bahasa inggeris, PAK21

PENGENALAN

Mata pelajaran Bahasa Inggeris merupakan subjek teras yang wajib diikuti oleh pelajar tahun enam di seluruh rendah seluruh negara. Mata pelajaran yang menekankan kepada kemahiran pemahaman dan tatabahasa menumpukan kepada empat hasil pembelajaran utama, iaitu *Listening, Speaking, Reading dan Writing*. Namun begitu berdasarkan kajian Attewell (2014), tidak semua pelajar dapat memahami dengan mudah konsep-konsep ini berikutan banyak penerangan dalam bentuk teori yang memerlukan daya pemahaman yang tinggi. Berdasarkan kajian rintis yang dilakukan di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, Sanglang Kedah, sebanyak 76.4% pelajar mengalami kesukaran untuk memahami konsep-konsep yang terdapat dalam subjek Bahasa Inggeris kerana kesukaran memahami tatabahasa dan pembentukan ayat. Lantaran kurangnya kefahaman di dalam kelas, para pelajar memerlukan waktu tambahan belajar di luar waktu kelas untuk membuat pembelajaran kendiri bagi meningkatkan lagi kefahaman dalam mata pelajaran ini.

Selain itu, antara dilema yang sering dialami guru pada awal persekolahan tahun enam ketika kelas Bahasa Inggeris ialah persepsi awal pelajar terhadap matapelajaran ini iaitu sukar untuk difahami dan susah untuk lulus. Antara keluhan yang biasa didengari adalah:

"Bahasa Inggeris fuhhh subjek membunuh ni"

"Susahnya nak belajar Bahasa Inggeris Nak guna di mana nanti benda ni."

"Apa tujuan saya belajar Bahasa Inggeris. Tak menarik langsung!"

Kebanyakan pelajar telah membuat tanggapan awal tentang matapelajaran ini sedangkan mereka belum lagi melangkah masuk ke dalam bilik darjah. Sikap ini terus terbawa-bawa sehinggalah mereka mengikuti mata pelajaran ini sehingga akhir tahun. Ini secara tidak langsung menyebabkan minat mereka untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris ini terjejas. Kurangnya minat, sikap dan motivasi pelajar yang rendah terhadap mempelajari matapelajaran ini menyebabkan para guru menghadapi masalah dalam menarik minat pelajar dalam memahami mata pelajaran Bahsa Inggeris ini.

Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Begitulah juga dengan sikap yang ditunjukkan oleh pelajar yang mempelajari mata pelajaran ini. Sekiranya mereka tidak berusaha dan tidak menunjukkan minat dalam mempelajari matapelajaran ini, ia akan menjejaskan pencapaian penilaian berterusan mereka sepanjang tahun mahupun di dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) kelak. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan semasa proses pembelajaran dan pengajaran yang lalu bagi mata pelajaran ini, *Grammar* dan *Sentence* merupakan antara topik-topik yang sering menjadi masalah kepada pelajar. Kegagalan pelajar memberi perhatian terhadap kelas dan perbincangan yang dijalankan juga mempengaruhi kefahaman mereka terhadap sesebuah topik yang diajar di dalam matapelajaran ini.

Justeru itu, kajian ini cuba mengkaji penggunaan gamifikasi sebagai alat pembelajaran menerusi penggunaan permainan dalam medium pembelajaran komputer untuk topik *Grammar* dan *Sentence* di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya.

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengkaji kesan pengunaan gamifikasi di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

ii. Mengkaji kesan pengunaan gamifikasi di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

iii. Mengkaji pengunaan gamifikasi di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Elemen gamifikasi yang dibangunkan boleh digunakan untuk semua pelajar tahun enam bagi mendalami topik *Grammar* dan *Sentence* dengan lebih terperinci menerusi penggunaan elemen grafik dan interaktiviti yang disediakan. Peranti yang diperlukan untuk penggunaan gamifikasi adalah semua komputer dan peranti mudah alih seperti telefon bimbit, pembantu peribadi digital (PDA), dan tablet.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan gamifikasi yang menggunakan elemen permainan dapat meransang dan memberikan motivasi kepada pelajar agar pengajaran dapat diintegrasi dalam bentuk permainan. Pendekatan yang menggunakan kaedah permainan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan interaktif ke arah pembelajaran abad ke 21 (PAK21). Ini termasuklah melibatkan penggunaan alatan teknologi mudah alih dan pegang tangan, seperti PDA, telefon bimbit, komputer riba dan teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Menurut Bob Litke (2012), proses P&P kini menjangkaui ruang fizikal bilik kuliah dan lebih bersifat globalisasi dan sepanjang hayat. Ini mendorong pelbagai kajian untuk menerokai potensi teknologi dan peralatan mudah alih untuk menyokong proses P&P tanpa had ruang dan sempadan (Sharples, 2000; Sharples, 2002; Liu, Wang, Chan, Ko, dan Yang, 2003). Kajian terdahulu menunjukkan gamifikasi dapat memberikan kesan yang signifikan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran (Zurita & Nussbaum, 2004). Sementara itu Wood (2003) pula berpendapat penggunaan teknologi komputer dalam pendidikan dapat menyumbang ke arah menyelesaikan jurang digital dalam kalangan negara-negara membangun. Ini menunjukkan penggunaan gamifikasi dalam P&P memberikan kesan yang postif dalam memudahkan

proses pembelajaran berlaku tanpa dibatasai ruang masa dan lokasi.

Sebagai pelajar di sekolah khususnya di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, para pelajar berpeluang menggunakan kemudahan makmal di sekolah yang dilengkapi kemudahan internet dan komputer. Dengan adanya peralatan berteknologi ini, kita berpeluang untuk mengubah bentuk kaedah pembelajaran dengan mencipta komuniti pembelajaran yang luas, untuk menghubungkan manusia pada masa nyata ataupun dunia maya. Perkembangan teknologi mudah alih pada masa kini menjadikan proses pembelajaran tidak terhad dalam tembok fizikal bilik darjah tetapi bergerak keluar ke persekitaran pembelajaran pelajar dan bentuk pembelajaran menjadi lebih bersituasi, personal, berkerjasama dan sepanjang hayat (Naismith, Lonsdale, Vavoula, & Sharples, 2004). Penggunaan gamifikasi membantu dalam meningkatkan motivasi pelajar, meningkatkan kemahiran mengorganisasi, menggalakkan perasaan tanggungjawab, mengggalakkan pembelajaran secara kolaboratif, dan membantu memantau kemajuan pelajar dengan lebih cepat dan cekap (Savill-Smith & Kent, 2013). Ini menunjukkan penggunaan gamifikasi dapat mendorong ke arah pembelajaran kendiri dengan menyelitkan unsur motivasi dalam membina minat dan sikap positif kepada pelajar.

Motivasi penting dalam menarik minat pelajar untuk terus menggunakan peralatan mudah alih sebagai platform pembelajaran. Menurut Greenberg dan Baron (2004) motivasi ditakrifkan sebagai suatu proses yang mendorong, mengarahkan, memelihara perilaku manusia kearah pencapaian suatu tujuan. Motivasi juga membuat kita bergerak untuk melakukan sesuatu dan membantu kita untuk menyelesaikannya. Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada kesediaan seseorang pelajar untuk belajar menggunakan kaedah gamifikasi dengan penuh minat dan menyiapkan tugasannya dengan berusaha keras hasil daripada peningkatan motivasi di dalam diri.

Manakala sikap adalah suatu keadaan dimana seseorang mempunyai perhatian terhadap sesuatu dan disertai keinginan untuk mengetahui dan mempelajari bagi membuktikan sesuatu dengan lebih lanjut lagi dalam proses pembelajaran menggunakan gamifikasi. Dalam konteks kajian ini, sikap juga berkait rapat dengan motivasi dalaman yang akan meningkat menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik yang tersedia dalam pembelajaran menggunakan gamifikasi. Kecekapan kendiri (Self Efficacy) pula adalah merujuk secara saintifik kepada sejauh mana individu memilih keyakinan terhadap kemampuan dirinya dalam mencapai satu-satu matlamat. Dalam pembelajaran mobil, ianya merupakan penilaian terhadap kebolehan untuk mengorganisasi dan menyempurnakan urutan persembahan tinghkah laku yang diperlukan untuk memperolehi matlamat yang dituju. Dalam konteks kajian ini, ianya merujuk kepada keyakinan pelajar dalam menggunakan gamifikasi sebagai alatan pembelajaran kendiri dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

PERLAKSANAAN KAJIAN

Kerangka kerja konseptual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 menerangkan bahawa pengkaji menggunakan pelajar tahun enam Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, sebagai sampel kajian terhadap keberkesanan penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris Tahun 6. Terdapat tiga pembolehubah yang ingin dilihat oleh pengkaji iaitu kesan kepada sikap pelajar terhadap penggunaan gamifikasi, kesan kepada motivasi pelajar terhadap penggunaan gamifikasi dan kesan kepada kecekapan kendiri pelajar terhadap penggunaan gamifikasi.

RAJAH 1 Kerangka Kerja Konseptual

Untuk melihat keberkesanan penggunaan gamifikasi, satu kajian telah dilaksanakan terhadap dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan kawalan dan eksperimen yang terdiri daripada 20 orang pelajar tahun enam bagi kelas 6 Mutiara dan 20 orang pelajar tahun enam bagi 6 Berlian di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya Arau yang mengambil mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan merujuk kepada model Kurt Lewin sebagai panduan melaksanakan kajian. Model Kurt Lewin melibatkan lima langkah utama iaitu mengenal pasti aspek amalan, merancang pelan tindakan, melaksanakan pelan tindakan, melihat kesan tindakan, dan membuat refleksi ke atas segala tindakan. Dalam mengenal pasti aspek amalan, para pengkaji telah mengenal pasti aspek amalan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu menemubual pelajar yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris secara tidak rasmi, menjalankan pemerhatian semasa proses P&P dan menganalisis markah peperiksaan sebelum ini. Selepas masalah dikenal pasti, satu pelan tindakan bagi mengatasi masalah telah direkabentuk.

Dalam pelaksanaan kajian ini, beberapa kaedah digunakan untuk pengumpulan data iaitu pemerhatian, ujian pra dan pasca, soal selidik serta temubual bersemuka dengan kumpulan eksperimen. Pemerhatian terhadap tingkah laku dan tindak balas pelajar telah dibuat semasa proses P&P bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Adalah didapati pelajar menunjukkan tindakbalas yang minima dan minat yang kurang terhadap pembelajaran di bilik darjah ketika sesi soal jawab dilaksanakan.

Ujian pra diberikan kepada kumpulan eksperimen yang terdiri daripada 20 orang pelajar untuk mengesan sejauh mana kefahaman dan kecekapan kendiri mereka mengenai topik *Grammar* dan *Sentence* di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris melalui pembelajaran konvensional di dalam bilik darjah. Selepas pelajar menjawab soalan ujian pra, markah mereka direkodkan dan kertas jawapan pelajar tidak dipulangkan. Seterusnya, para pelajar didedahkan pula dengan kaedah pembelajaran menggunakan gamifikasi. Pelajar kemudiannya diberikan ujian pasca dengan set soalan yang sama untuk menguji kefahaman dan ingatan mereka mengenai topik-topik yang diajar. Daripada keputusan, para pengkaji dapat membuat analisa untuk menilai keberkesanan penggunaan gamifikasi di dalam proses P&P.

Borang soal selidik tadbir sendiri turut disediakan dan diedarkan kepada pelajar dalam kumpulan eksperimen. Untuk tujuan ini, instrumen pengujian berskala likert yang mengandungi 4 konstruk Ujian Ukuran Skala Motivasi Bahan Pengajaran (IMMS) digunakan. Selain itu, kaedah temubual bersemuka dilakukan selepas soal selidik dijalankan bertujuan untuk mengesahkan maklum balas berkaitan pembelajaran pelajar menggunakan gamifikasi. Temubual ini hanya dilaksanakan ke atas beberapa pelajar dari kumpulan sasaran yang dipilih secara rawak. Selain itu, temubual bersemuka juga dilakukan kepada guru yang mempunyai mahupun

yang tidak mempunyai latar belakang di dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai penggunaan gamifikasi sebagai alat pengajaran kepada pelajar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan objektif serta faktor yang mempengaruhi kajian ini, beberapa hipotesis telah dibangunkan untuk diuji bagi mendapatkan keputusan kajian yang lengkap. Hipotesis tersebut adalah:

a) Ho1: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
b) Ho2: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
c) Ho3: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Hasil analisis Ujian-t bagi menjawab soalan kajian adalah seperti dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3.

JADUAL 1 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Sikap Pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya Kesan Daripada Penggunaan Gamifikasi Dalam Mata pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Kawalan	20	47.5	18.590	1.903	0.062
Eksperimen	20	42.100	16.127		

*Signifikan pada tahap p<0.05
**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 1 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menjawab hipotesis (a). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=1.903. Tahap signifikan tersebut adalah lebih besar dari 0.05, (p>0.05). Oleh itu tidak dapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya.

JADUAL 2 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Motivasi Pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya Kesan Daripada Penggunaan Gamifikasi Dalam Mata pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Kawalan	20	40.9	20.244	-1.317	0.192
Eksperimen	20	46.3	16.226		

*Signifikan pada tahap p<0.05
**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 2 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menjawab hipotesis (b). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=-1.317. Tahap signifikan tersebut adalah lebih besar dari 0.05, (p>0.05). Oleh itu tidak dapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya.

JADUAL 3 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Kecekapan Kendiri Pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya Kesan Daripada Pembelajaran Mobil Dalam Mata pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Kawalan	40	44.500	19.222	0.883	0.380
Eksperimen	40	41.200	13.714		

*Signifikan pada tahap p<0.05
**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 3 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menjawab hipotesis (c). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada penggunaan gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=0.883. Tahap signifikan tersebut adalah lebih besar dari 0.05, (p>0.05). Oleh itu tidak dapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan terhadap kumpulan eksperimen, pelajar lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru ketika proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan. Suasana pembelajaran di dalam kelas juga menjadi lebih aktif dan memberangsangkan berikutan pemahaman yang lebih jelas terhadap konsep yang diajar oleh guru di dalam bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Manakala dapatan dari ujian pra dan pasca, daripada 20 sampel yang mengambil kedua-dua ujian, hasilnya pengurangan sebanyak 7.5% terhadap bilangan pelajar yang mendapat markah di bawah 5 berjaya dilakukan pada ujian. Bilangan pelajar yang mendapat markah penuh di dalam ujian pasca juga meningkat daripada seorang ketika ujian pra kepada 11 orang.

Berdasarkan temubual yang dilakukan kepada 10 orang responden, 80% mengakui bahawa penggunaan gamifikasi membantu menarik minat mereka untuk mempelajari topik *Grammar* dan *Sentence* dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Seramai 7 orang responden bersetuju bahawa penggunaan gamifikasi membantu meningkatkan kefahaman mereka mengenai konsep *Grammar* dan *Sentence*. Namun, 50% responden berpendapat bahawa konsep *Grammar* dan *Sentence* bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipelajari tanpa penerangan secara terus di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Pendekatan pembelajaran melalui gamifikasi mendorong pelajar untuk sentiasa mencari ilmu untuk memenuhi rasa ingin tahu mereka dan untuk kepuasan diri. Secara tidak langsung, ia turut membangunkan kemahiran kognitif dan motor pelajar yang seterusnya meningkatkan kemahiran pelajar dalam memberikan pengalaman kepada pelajar untuk melalui proses penguasaan dan melibatkan mereka dalam situasi yang sukar, serta menyediakan beberapa alternatif untuk proses penyelesaian. Pemerkasaan penggunaan gamifikasi dalam kalangan pelajar, pendidik dan pereka bentuk bahan pengajaran perlu selangkah ke hadapan dalam memilih elemen dan mengaplikasikan bahan kandungan ke dalam konteks pendidikan dalam memastikan penyampaiannya agar lebih berkesan. Sekiranya gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Ingeris dapat dilaksanakan dengan teliti, ia akan menjadi satu strategi yang kuat dalam meningkatkan program pendidikan negara sekaligus mencapai objektif pembelajaran dengan mempengaruhi tingkah laku pelajar dalam persekitaran P&P dalam usaha memartabatkan lagi strategi pendidikan.

Hasil daripada dapatan yang diperolehi, penggunaan gamifikasi dalam pembelajaran bahasa inggeris sesuai untuk dilaksanakan di sekolah. Kemudahan kaedah pendidikan yang serba moden dan mudah alih ini perlulah diuji secara kolektif untuk memastikan para pelajar khususnya di sekolah dapat merasai keseronokan pembelajaran di mana-mana sahaja tanpa dibatasi had tempat dan waktu. Selain itu, faedah-faedah yang dapat diperolehi dengan penggunaan gamifikasi boleh dijadikan motivasi dalam menjayakan transformasi pengajaran ini. Kesan- kesan positif ini jika dapat diterapkan di dalam suasana pembelajaran di sekolah rendah di Malaysia khususnya di Sekolah Kebangsaan haji Wan Yahya semestinya dapat meningkatkan prestasi seseorang pelajar dalam semua aspek yang ingin dicapai.

RUJUKAN

Attewell, J. (2014). *Mobile technologies and learning: A technology update and m-learning project summary*. Learning and Skills Development Agency. London.

Bob Little (2012*). Effective and efficient mobile learning: issues and tips for developer.* Dicapai pada 24 April 2021 dari http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/00197851211267983.

Baker, A., Krull, G., & Mallinson, B. (2005). *A proposed theoretical model for m-learning adoption in developing countries*. 4th World Conference on Mobile Learning. Cape Town, South Africa.

Freitas, S. de., & Levene, M. (2003). *Evaluating the development of wearable devices,personal data assistants and the use of other mobile devices in further and higher education institutions*. JISC Technology and Standards Watch Report: Wearable Technology.

Liu, T. C., Wang, H. Y., Liang, J. K., Chan, T. W., Ko, H. W., & Yang, J. C. (2003).Wireless and mobile technologies to enhance teaching and learning. *Journal of Computer Assisted Learning, 19*(3), 371-382.

Naismith, L., Lonsdale, P., Vavoula, G., & Sharples, M. (2004). *NESTA Futurelab Report 11: Literature review in mobile technologies and learning*. Bristol, UK: NESTA Futurelab.

Saedah Siraj (2005). Pembelajaran Mobile dalam kurikulum masa depan. *Jurnal Pendidikan, Journal on Isues of Education, 27*, 115-126.

Saedah Siraj (2005). *M-Learning dalam pembangunan sekolah berteknologi di Malaysia: prospek pelaksanaan*. Seminar Kebangsaan JPPG. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Savill-Smith, C., & Kent, P. (2013). *The use of palmtop computers for learning: a review of the literature*. London, UK: Learning and Skill Development Agency.

Sharples, M. (2000). The design of personal mobile technologies for lifelong learning. *Computer & Education, 34*, 177-193.

Sharples, M., D. Corlett, & Westmancott,O. (2002), The design and implementation of a mobile learning resource. *Personal and Ubiquitous Computing, 2002. 6*(3), 234.

Sharples, M. (2006). Forward. Dalam M. Sharples (Eds.), *Big issues in mobile learning* (hal. 4-5). The University of Nottingham, UK: LSRI.

Triantafillou, E., Georgiadou, E., Economides, A. A. (2006). *The design and evaluation of a computeriaed adaptive test on mobile devices.* Science Direct (hal. 1319-1330). Elservier.

Wood, K. (2003). *Introduction to mobile learning (m-learning)*. Dicapai pada 22 April 2021 dari http://ferl.becta.org.uk/display.cfm?page=65&catid=192&resid=5194

Zurita, G. & Nussbaum, M. (2004). A constructivist mobile learning environment supported by a wireless handheld network. *Journal of Computer Assisted Learning 20*(4), 235–243.

KESAN PENGGUNAAN APLIKASI *MES* TERHADAP SIKAP, MOTIVASI DAN KECEKAPAN KENDIRI PELAJAR DALAM MEMPELAJARI BAHASA INGGERIS

Mohd Fadli bin Ahdon
Kolej Komuniti Arau Perlis
fadlie@staf.kkarau.edu.my

Hasniza binti Harun
Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya
g-36066632@moe-dl.edu.my

Mohd Noor Arif bin Abdullah
Kolej Komuniti Arau Perlis
arifsyukran_lillah@yahoo.com.sg

ABSTRAK

Pembelajaran mobil yang berlaku tanpa batasan lokasi dan masa telah membawa kepada penggunaan teknologi mudah alih sejajar dengan pembelajaran berasaskan heutagogi dan revolusi Industri 4.0 yang meliputi pelbagai bidang pembelajaran termasuklah pembelajaran bahasa Inggeris. Justeru itu satu aplikasi pembelajaran mobil yang bernama *MES (Mobile for English Subject)* telah dibangunkan sebagai salah satu alternatif pembelajaran subjek bahasa Inggeris sekolah rendah yang merangkumi penggunaan ayat dan tatabahasa secara interaktif dan menarik. Ini lantaran daripada kajian rintis yang dilakukan yang mendapati 68.9% responden yang terdiri daripada pelajar di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya mengalami masalah untuk mendapatkan bacaan tambahan mempelajari pengunaan ayat dan tatabahasa bahasa Inggeris kerana kesukaran mendapatkan sumber bacaan dan rujukan yang diperlukan. Aplikasi *MES* ini dibangunkan sebagai kemudahan kepada orang ramai khususnya generasi muda yang dikenali sebagai digital native untuk mempelajari bahasa Inggeris secara mobil dan juga membolehkan menguji kefahaman melalui latihan pengukuhan yang disediakan. Satu kajian telah dijalankan bagi melihat potensi penggunaan aplikasi *MES* dengan menggunakan model Kurt Lewin dalam melihat kesan penggunaan aplikasi *MES* terhadap sikap, motovasi dan kecekapan kendiri pelajar. Ujian pra dan pasca telah dijalankan kepada responden kajian untuk membandingkan jumlah markah yang telah diperoleh oleh responden sebelum dan selepas aplikasi MES digunakan. Dapatan menunjukkan peningkatan markah sebanyak 45% dari 40% dalam ujian pra ke 85% dalam ujian pasca. Selain itu, instrumen pengujian berskala likert yang mengandungi 4 konstruk Ujian Ukuran Skala Motivasi Bahan Pengajaran (IMMS) digunakan untuk menguji maklumbalas responden semasa menggunakan aplikasi *MES*. Hasil kajian mendapati pembelajaran mobil yang diterapkan dalam *MES* dapat menjadi salah satu alternatif kepada usaha mempelajari bahasa Inggeris seiring dengan revolusi Industri 4.0.

Kata kunci: pembelajaran mobil, bahasa Inggeris, revolusi industi 4.0

PENGENALAN

Teknologi kini berkembang pesat tanpa batasan. Ini termasuklah membawa perubahan kepada kaedah pembelajaran manusia yang berkait rapat dengan perkembangan komunikasi. Komunikasi merupakan suatu proses pertukaran dan perkongsian maklumat di antara satu dengan yang lain. Ini disokong dengan kenyataan Bob Little (2012) yang menyifatkan proses pembelajaran dan pengajaran sekarang tidak terhad di dalam bilik darjah sahaja namun lebih bersifat globalisasi dan ke arah pembelajaran sepanjang hayat. Ini sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini terutamanya yang melibatkan peralatan mudah alih seperti telefon bimbit, PDA dan tablet yang banyak memberikan kesan yang signifikan kepada proses pembelajaran tanpa had dan ruang sempadan. Selain itu, faktor harga kebanyakan telefon bimbit yang lebih murah berbanding komputer riba juga menjadi salah satu pemangkin kepada penggunaan teknologi tanpa wayar dalam

pendidikan yang menurut Wood (2003) menjadi faktor penyumbang dalam mengurangkan jurang digital di kalangan negara-negara membangun. Tambahan pula, kajian dari Metcalf *et al*., (2008) mendapati penggunaan peranti mudah alih dalam pembelajaran dan pengajaran dapat merangsang minat pelajar untuk lebih mempelajari mata pelajaran ini. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peralatan mudah alih dalam pembelajaran memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan minat dan motivasi pelajar.

Mata pelajaran Bahasa Inggeris merupakan subjek bahasa teras yang wajib diikuti oleh pelajar tahun enam di seluruh rendah seluruh negara. Mata pelajaran yang menekankan kepada kemahiran pemahaman dan tatabahasa menumpukan kepada empat hasil pembelajaran utama, iaitu *Listening*, *Speaking*, *Reading* dan *Writing*. Namun begitu berdasarkan kajian Attewell (2014), tidak semua pelajar dapat memahami dengan mudah konsep-konsep ini berikutan banyak penerangan dalam bentuk teori yang memerlukan daya pemahaman yang tinggi. Berdasarkan kajian rintis yang dilakukan, sebanyak 89.4% pelajar mengalami kesukaran untuk memahami konsep-konsep dalam subjek Bahasa Inggeris kerana kesukaran memahami tatabahasa dan pembentukan ayat. Lantaran kurangnya kefahaman di dalam kelas, para pelajar memerlukan waktu tambahan belajar di luar waktu kelas untuk membuat pembelajaran kendiri bagi meningkatkan lagi kefahaman dalam mata pelajaran ini.

Justeru itu, kajian ini cuba mengkaji potensi aplikasi mobil yang dikenali sebagai *MES: Mobile for English Subject* sebagai alat pembelajaran kendiri menerusi penggunaan mobil dalam medium pembelajaran mudah alih dengan menggunakan platform android untuk topik ayat dan tatabahasa di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris tahun enam. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengkaji kesan pembelajaran mobil di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
ii. Mengkaji kesan pembelajaran mobil di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
iii. Mengkaji kesan pembelajaran mobil di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Aplikasi yang diberi nama *MES: Mobile for English Subject* ini merupakan salah satu aplikasi yang dibangunkan berasaskan platform Android yang terdiri daripada dua modul iaitu nota dan latihan. Selain itu, aplikasi *MES* boleh digunakan untuk semua pelajar tahun enam yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris terutamanya untuk Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya. Tujuan aplikasi ini dibangunkan adalah untuk sebagai kemudahan kepada pelajar untuk merujuk nota yang disediakan dan juga membolehkan pelajar membuat ulangkaji latihan yang disertakan di luar waktu kelas tanpa terikat kepada batasa lokasi dan masa. Untuk membolehkan pelajar menggunakan aplikasi *MES*, para pelajar perlu memuat turun fail installasi aplikasi *MES* dalam bentuk *apk (android package*) untuk dimasukkan di dalam telofon mudah alih masing-masing. Rajah 1 memaparkan contoh paparan antaramuka utama aplikasi *MES*.

RAJAH 1 Paparan Antaramuka Aplikasi *MES*

ULASAN KARYA

Menurut Ahmad dan Ammar (2018), pembelajaran mobil (*m-Learning*) boleh didefinasikan sebagai kaedah pembelajaran yang menggunakan peranti mudah alih seperti PDA, tablet dan telefon mudah alih dalam melalui proses pembelajaran dan pengajaran. Kukulska-Hulme dan Traxler (2005) pula menakrifkan *m-Learning* merupakan satu proses pembelajaran yang memfokuskan kepada transformasi proses pembelajaran tanpa tertakluk kepada lokasi fizikal proses pembelajaran tersebut dijalankan. Evolusi yang menjurus kepada perubahan dalam teknologi pendidikan telah membawa kepada penggunaan m-Learning sejajar dengan pembelajaran berasaskan heutagogi. Teknologi pendidikan ini dilihat dapat meningkatkan lagi tahap pembelajaran dan pengajaran disamping menarik minat pelajar untuk belajar.

Teknologi komunikasi juga telah berkembang apabila fungsi penggunaan telefon bimbit bukanlah sekadar hanya untuk membuat panggilan dan menerima panggilan, menghantar dan menerima pesanan semata-mata. Ini disokong oleh kenyataan Wood (2003) yang menyebut tentang fungsi telefon bimbit yang telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti internet, email, sms, mms dan pelbagai aplikasi yang menyokong penggunaan elemen animasi dan multimedia seperti gambar dan video. Selain itu jika dilihat senario semasa, telefon mudah alih pintar yang menggunakan sistem pengoperasian Android telah menjadi alat komunikasi yang digunakan dan diperlukan bagi kebanyakan pengguna telefon bimbit terutamanya di kalangan pelajar. Penggunaan sistem pengoperasian Android lebih meluas kerana Android merupakan sistem pengoperasian telefon bimbit yang disediakan secara terbuka dan percuma yang disokong oleh Google Corporation iaitu sebuah syarikat enjin carian terkemuka di dunia. Kelebihan Android yang percuma menjadi faktor yang memudahkan pelajar untuk menggunakan pelbagai aplikasi di bawah platform Android terutamanya yang melibatkan aplikasi pembelajaran dan pengajaran.

Sebagai pelajar di sekolah khususnya di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, para pelajar berpeluang menggunakan kemudahan makmal di sekolah yang dilengkapi kemudahan internet dan komputer Selain itu dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kebanyakan ibu bapa menyediakan peralatan mudah alih untuk pembelajaran anak mereka. Menerusi pendekatan heutagogi yang menawarkan kebebasan kepada pelajar untuk menentukan sendiri apa yang ingin dipelajari peralatan mudah alih menjadi medium penting dalam mencipta komuniti pembelajaran maya yang luas di samping menghubungkan manusia pada masa nyata ataupun dunia maya. Kenyataan ini disokong oleh Sharples (2006), yang menyebut tentang faedah peralatan mudah alih dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat di samping menyediakan tenaga pakar yang diperlukan dalam pembelajaran maya.

Motivasi penting dalam menarik minat pelajar untuk terus menggunakan peralatan mudah alih sebagai platform pembelajaran. Menurut Greenberg dan Baron (2003) motivasi ditakrifkan sebagai suatu proses yang mendorong, mengarahkan, memelihara perilaku manusia kearah pencapaian suatu tujuan. Motivasi juga membuat kita bergerak untuk melakukan sesuatu dan membantu kita untuk menyelesaikannya. Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada kesediaan seseorang pelajar untuk belajar menggunakan telefon bimbit dengan penuh minat dan menyiapkan tugasannya dengan berusaha keras hasil daripada peningkatan motivasi di dalam diri.

Manakala sikap adalah suatu keadaan apabila seseorang mempunyai perhatian terhadap sesuatu dan disertai keinginan untuk mengetahui dan mempelajari bagi membuktikan sesuatu dengan lebih lanjut lagi dalam proses pembelajaran mobil. Dalam konteks kajian ini, sikap juga berkait rapat dengan motivasi dalaman yang akan meningkat menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik yang tersedia dalam pembelajaran mobil. Kecekapan kendiri (*Self Efficacy*) pula adalah merujuk secara saintifik kepada sejauh mana individu memilih keyakinan terhadap kemampuan dirinya dalam mencapai satu-satu matlamat. Dalam pembelajaran mobil, ianya merupakan penilaian terhadap kebolehan untuk mengorganisasi dan menyempurnakan urutan persembahan tinghkah laku yang diperlukan untuk memperolehi matlamat yang dituju. Dalam konteks kajian ini, ianya merujuk kepada keyakinan pelajar dalam menggunakan gamifikasi sebagai alatan pembelajaran kendiri dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk melihat keberkesanan penggunaan aplikasi *MES*, satu kajian telah dilaksanakan terhadap dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan kawalan dan eksperimen yang terdiri daripada 20 orang pelajar tahun enam bagi kelas 6 Mutiara dan 20 orang pelajar tahun enam bagi 6 Berlian di Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, Sanglang Kedah yang mengambil mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan merujuk kepada model Kurt Lewin sebagai panduan melaksanakan kajian. Model Kurt Lewin melibatkan lima langkah utama iaitu mengenal pasti aspek amalan, merancang pelan tindakan, melaksanakan pelan tindakan, melihat kesan tindakan, dan membuat refleksi ke atas segala tindakan. Dalam mengenal pasti aspek amalan, para pengkaji telah mengenal pasti aspek amalan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu menemubual pelajar yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris secara tidak rasmi, menjalankan pemerhatian semasa proses P&P dan menganalisis markah peperiksaan sebelum ini. Selepas masalah dikenal pasti, satu pelan tindakan bagi mengatasi masalah telah direkabentuk.

Kerangka kerja konseptual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 menerangkan bahawa pengkaji menggunakan pelajar tahun enam daripada Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya, Sanglang Kedah sebagai sampel kajian terhadap keberkesanan pembelajaran mobil. Terdapat tiga pembolehubah iaitu motivasi, sikap dan kecekapan kendiri yang ingin dilihat oleh pengkaji iaitu kesan kepada sikap, motivasi dan kecekapan kendiri pelajar terhadap penggunaan pembelajaran mobil.

RAJAH 2 Kerangka Kerja Konseptual

Tindakan seterusnya adalah memilih strategi untuk menyelesaikan masalah yang wujud dan mengenal pasti instrumen bagi proses pengumpulan data. Sebelum sesi pengujian dijalankan, para pengkaji telah menjalankan ujian pra ke atas peserta-peserta kajian. Langkah seterusnya adalah memberi rawatan menggunakan strategi yang telah ditentukan. Dalam langkah ini, aplikasi *MES* telah dipilih sebagai alat pembelajaran kendiri bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Langkah seterusnya bagi memenuhi reka bentuk kajian tindakan mengikut model Kurt Lewin adalah membuat penilaian terhadap strategi yang telah dipilih dan dijalankan ke atas peserta kajian dengan menjalankan ujian pasca. Tujuan penilaian tersebut adalah bagi menentukan keberkesanan strategi yang telah diberikan terhadap peserta. Akhirnya refleksi dilakukan terhadap rawatan yang telah diberikan terhadap peserta kajian.

Dalam pelaksanaan kajian ini, beberapa kaedah digunakan untuk pengumpulan data iaitu pemerhatian, ujian pra dan pasca, soal selidik serta temubual bersemuka dengan kumpulan eksperimen. Pemerhatian terhadap tingkah laku dan tindak balas pelajar telah dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Adalah didapati pelajar menunjukkan tindakbalas yang minima dan minat yang kurang terhadap pembelajaran secara teori ketika sesi soal jawab dilaksanakan.

Ujian pra diberikan kepada kumpulan eksperimen yang terdiri daripada 20 orang pelajar yang ditentukan berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) untuk mengesan sejauh mana kefahaman dan kecekapan kendiri mereka mengenai topik tatabahasa di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Instrumen utama dalam kajian ini ialah ujian yang dibina berdasarkan sukatan mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk pelajar peringkat permulaan yang meliputi semua tajuk yang diajar sepanjang kajian yang mempunyai aras yang sesuai dengan pelajar (mudah, sederhana dan susah) dan mempunyai binaan soalan iaitu pemahaman dan pengetahuan Ujian ini mengandungi 50 soalan dan setiap satu jawapan yang betul bagi soalan ini akan diberikan 2 markah. Jumlah markah keseluruhan adalah 100%. Soalan-soalan yang dibuat adalah dalam bentuk subjektif dan objektif. Masa yang diperuntukkan untuk ujian ini ialah 1 jam. Kedua-dua kumpulan responden mendapat soalan yang sama sahaja. Reka bentuk ujian pra-pasca menggunakan dua kali pengukuran (pengukuran yang sama) ke atas pembolehubah bersandar iaitu sebelum dan selepas pembolehubah bebas (aplikasi *MES*) dimanipulasi. Dengan instrumen ini, pengkaji dapat mengetahui serta membuat perbandingan antara kedua-dua kumpulan tersebut seterusnya dapat menentukan sama ada penggunaan aplikasi *MES* dapat memberi kesan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris atau tidak.

Selain itu, soal selidik ini dijalankan ke atas responden kajian bagi mendapatkan data dan pandangan pelajar tentang penggunaan aplikasi *MES* dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Menurut Mohd Majid Konting (1990), instrumen soal selidik dianggap sesuai dalam bidang pendidikan bagi tujuan pengumpulan

data. Justeru itu, satu set soal selidik yang terdiri daripada 36 item telah dikemukakan kepada responden untuk dilengkapkan. Item yang digunakan dalam soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu demografi, minat responden terhadap penggunaan animasi, kesan penggunaan aplikasi *MES* dan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden sepanjang penggunaan aplikasi *MES*. Soal selidik ini dibina bagi meninjau tahap keberkesanan mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan menggunakan aplikasi *MES*. Responden diberi tempoh 45 minit untuk menjawab soal selidik dan mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk melengkapkan borang soal selidik tersebut. Set soalan dalam soal selidik ini terdiri dari enam item aneka pilihan, dua item terbuka dan selebihnya digubal dengan menggunakan 'Skala Likert' sebagai pilihan jawapan responden. Untuk skala likert, para responden hanya perlu menyatakan nilai persetujuan mereka dengan menandakan nombor pilihan mereka berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan pada awal set soal selidik. Sebelum soal selidik dijalankan ke atas responden sebenar, soal selidik tersebut telah diserahkan kepada penyelia terlebih dahulu untuk semakan kemudian diuji dalam satu ujian rintis ke atas atas 30 orang responden yang relevan. Keputusan ujian mendapati skor Coeficient Alpha adalah 0.979, menepati tahap keesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif serta faktor yang mempengaruhi kajian ini, tiga hipotesis nul telah dibangunkan untuk diuji bagi mendapatkan keputusan kajian yang lengkap. Hipotesis tersebut adalah:

i. Ho1: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
ii. Ho2: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
iii. Ho3: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Hasil analisis Ujian-t bagi menguji hipotesis kajian tersebut adalah seperti dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3.

JADUAL 1 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Sikap Pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya Daripada Pembelajaran Mobil Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t		Tahap Signifikan
Kawalan	20	48.5	18.590	1.902		0.062
Eksperimen	20	41.100	16.127			

*Signifikan pada tahap p<0.05

**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 1 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menguji hipotesis kajian (i). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=1.902 dengan tahap signifikan 0.062. Didapati nilai signifikansi t > 0.05, maka Ho1 diterima, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap sikap pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya.

JADUAL 2 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Motivasi Pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya Daripada Pembelajaran Mobil Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Kawalan	20	40.9	20.244	-1.316	0.192
Eksperimen	20	46.3	16.226		

*Signifikan pada tahap p<0.05
**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 2 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan kawalan untuk menguji hipotesis kajian (ii). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=-1.316 dengan tahap signifikan 0.192. Didapati nilai signifikansi t < 0.05, maka Ho2 ditolak, maka terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap motivasi pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya.

JADUAL 3 Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Kecekapan Kendiri Pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya Daripada Pembelajaran Mobil Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Kawalan	20	41.5	21.312	-1.245	0.185
Eksperimen	20	47.2	17.134		

*Signifikan pada tahap p<0.05
**Signifikan pada tahap p<0.01

Jadual 3 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan kawalan untuk menguji hipotesis kajian (iii). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris adalah t=-1.245 dengan tahap signifikan 0.185. Didapati nilai signifikansi t < 0.05, maka Ho3 ditolak, maka terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaaan Haji Wan Yahya.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan terhadap kumpulan eksperimen, pelajar lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru ketika proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan. Selain itu suasana pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih aktif dan memberangsangkan berikutan pemahaman yang lebih jelas terhadap konsep yang diajar oleh guru di dalam kelas bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Perbandingan bilangan pelajar mengikut markah di dalam Ujian Pra dan Pasca adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4 berikut.

JADUAL 4 Analisis Markah Ujian Pra dan Pasca Mata Pelajaran Bahasa Inggeris.

	Bilangan Pelajar	
Markah	**Pra**	**Pasca**
100	0	7
90	0	5
80	1	5
70	6	2
60	3	1
50	3	0
< 50	7	0
Jumlah Pelajar	**20**	**20**

Daripada 20 sampel yang mengambil kedua-dua ujian, hasilnya pengurangan sebanyak 100% terhadap bilangan pelajar yang mendapat markah di bawah 50 berjaya dilakukan pada ujian. Bilangan pelajar yang mendapat markah penuh di dalam ujian pasca juga meningkat daripada tiada ketika ujian pra kepada 7 orang. Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4, tiada pelajar yang mendapat markah 50 dan ke bawah di dalam ujian pasca.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Penggunaan aplikasi *MES* dilihat dapat membantu dalam meningkatkan motivasi pelajar dan kecekapan kendiri pelajar. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi dan kecekapan kendiri pelajar Sekolah Kebangsaan Haji Wan Yahya kesan daripada pembelajaran mobil dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ini disokong oleh Savill-Smith dan Kent (2003) yang menyebut tentang penggunaan peranti mudah alih yang dapat meningkatkan kemahiran mengorganisasi, menggalakkan perasaan bertanggungjawab, menggalakan pembelajaran kolaboratif, dan membantu menyemak kemajuan pelajar dengan lebih cepat dan cekap. Di samping itu penggunaan kaedah ini dilihat lebih efisyen dalam pelaksanaan latihan kepada pelajar selepas proses pembelajaran dan pengajaran bagi kursus terbabit tanpa menggunakan kertas dan pensil. Secara tidak langsung juga, suasana pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih aktif dan pelajar lebih proaktif dalam sesi pembelajaran dan pengajaran.

Kesimpulannya, pendidikan berteraskan m-Learning yang diterapkan dalam aplikasi *MES* menjadi salah satu alternatif kepada pembelajaran kendiri kepada pelajar. Ini bertepatan dengan pembelajaran berteraskan heutagogi yang sesuai digunakan untuk generasi z masa kini yang lebih menjurus kepada pembelajaran berpusatkan diri sendiri. Justeru itu kajian lanjutan berhubung kaedah pembelajaran yang berteraskan mudah alih ini perlulah diuji secara kolektif untuk memastikan pelajar khususnya di peringkat sekolah rendah dapat merasai keseronokan pembelajaran di mana-mana sahaja tanpa dibatasi had, tempat dan masa. Selain itu, manfaat yang dapat diperolehi hasil penggunaan M-Learning dalam aplikasi *MES* boleh dijadikan pemangkin dalam menjayakan transformasi pembelajaran berteraskan pembelajaran mobil di peringkat sekolah rendah khususnya dalam proses pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

RUJUKAN

Ahmad, F. M. Y & Ammar, B. Y (2018). Kebolehgunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Bagi Kursus Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan Dalam Islam (M-Istech) Di Politeknik Malaysia, *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education,2*, (1), 18-28.

Attewell, J. (2014). Mobile technologies and learning: A technology update and m-learning project summary. *Learning and Skills Development Agency*. London.

Little, B. (2012). Effective and efficient mobile learning: issues and tips for developer. Dicapai pada April 20, 2021 dari http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/00197851211267983

Greenberg, J., & Baron, R. A, (2003). *Behavior in Organization: Understanding and managing the human side of work*. Pearson College Division.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*, 607-610

Kukukska-Hulme, A., & Traxler, J. (2005). *Mobile learning: A handbook for educators and trainers*. London, UK: Routledge.

Lewin, K. (1946). Action research and minority problems. *Journal of Social Issues*, *2*, 34-46.

Metcalf, D., Milrad, M., Cheek, D., Raasch, S. & Hamilton, A. (2008). My Sports Pulse: Increasing Student Interest in STEM Disciplines through Sports Themes, Games and Mobile Technologies, *Proceedings of WMUTE'08, IEE*, Computer Society, 23-30.

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Savill-Smith, C., & Kent, P. (2003). *The use of palmtop computers for learning: a review of the literature.* London, UK: Learning and Skill Development Agency.

Sharples, M. (2006). Dalam M. Sharples (Ed..), *Big issues in mobile learning* (hal. 4-5). The University of Nottingham, UK: LSRI.

Wood, K. (2003). Introduction to mobile learning (M-Learning). FERL – Technology for E-Learning. Dicapai pada April 25, 2021 dari http://ferl.becta.org.uk/display.cfm?page=65&catid=192&resid=5194.

GAYA PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) KAMPUS PAGOH SEPANJANG PANDEMIK COVID-19

Nora'Azian Nahar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
noraazian@iium.edu.my

Nurul Jamilah Rosly
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
nuruljamilah@iium.edu.my

Nur Syuhada Binti Mohd Hanapi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Syuhadahanafee@gmail.com

Muhamad Amirul Sahdun
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
muhamadamirulsahdun@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) cawangan Pagoh. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan apakah gaya pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pelajar. Data kajian ini soal selidik yang diadaptasi dan dianalisis menggunakan statistik mudah untuk melihat kekerapan dan peratusan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Analisis gaya pembelajaran yang dibincangkan berdasarkan pendekatan Model Dunn & Dunn (1982). Subjek kajian terdiri daripada 100 orang pelajar dari Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh yang terdiri daripada pelajar Jabatan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MALCOM), Pelajar Jabatan Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (ENCOM), Pelajar Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (ARCOM) dan pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (TPHM). Hasil dapatan daripada unsur persekitaran menunjukkan sebanyak 52% sangat setuju jika kelas atas talian berlangsung menggunakan kerusi dan meja. Unsur emosi menunjukkan sebanyak 52% sangat setuju untuk menyiapkan tugasan dengan bimbingan pensyarah sepanjang pembelajaran atas talian. Selain itu, unsur sosiologikal menunjukkan sebanyak 58% pelajar sangat bersetuju untuk menjalani kelas atas talian tanpa gangguan daripada rakan-rakan sebaya. Berdasarkan unsur fizikal pula, sebanyak 38% pelajar sangat setuju jika paparan dan slaid video sepanjang pembelajaran atas talian dan sebanyak 58% pelajar dari unsur psikologikal sangat bersetuju jika pensyarah memberikan maklumat keseluruhan tugasan yang akan dilakukan. Jelasnya, gaya pembelajaran atas talian ini telah mengubah pengamalan gaya pembelajaran lama kepada gaya pembelajaran baharu bersesuaian dengan kaedah pengajaran norma baharu di institut pengajian tinggi.

Kata kunci: gaya pembelajaran, norma baharu, unsur, pembelajaran atas talian dan cabaran

PENDAHULUAN

Perubahan dunia disebabkan wabak COVID-19 ini telah membawa perubahan yang sangat besar kepada keseluruhan aspek kehidupan manusia. Perubahan tersebut turut memberikan kesan terhadap sistem pendidikan di Malaysia. Bertitik-tolak daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seluruh institusi dalam negara telah ditutup demi keselamatan dan kesejahteraan semua. Penularan wabak COVID-19 merupakan krisis global yang bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka tertangguh, bahkan menjadi tanggungjawab dan peranan pendidik begitu mencabar. Bagi memastikan kelangsungan

proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas atas talian terpaksa dijalankan dari rumah. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebenarnya telah meletakkan satu cabaran yang cukup hebat kepada komuniti pendidikan tinggi. Cabaran untuk menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan amalan baharu perlu ditempuhi.

Gaya pembelajaran seseorang pelajar turut berubah mengikut keadaan yang melanda dunia kerana gaya pembelajaran mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Gaya pembelajaran juga boleh dikaitkan dengan cara seseorang pelajar itu belajar untuk memahami sesuatu pelajaran yang dipelajari. Gaya pembelajaran seseorang itu adalah bebas mengikut kemampuan individu tersebut dan mestilah memuaskan keperluan individu itu untuk mencapai tahap kefahaman yang diinginkan. Secara amnya gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Terdapat pelbagai teori dan model gaya pembelajaran yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan yang dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai panduan oleh pelajar masa ini. Namun begitu, pelajar perlu mengetahui kepelbagaian gaya pembelajaran untuk dipraktikkan.

Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Walau apa pun juga gaya pembelajaran yang diikuti, setiap individu yang bergelar pelajar seharusnya mengaplikasikan gaya pembelajaran yang dipilih dengan sebaiknya mengikut peraturan yang dikehendaki. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan satu proses pembelajaran yang berkesan kepada pelajar seterusnya menyumbang sesuatu perkara yang berkualiti kepada pendidikan negara kita.

PERNYATAAN MASALAH

Setiap individu mempunyai cara tersendiri yang diamalkan bagi membantu penguasaan sesuatu bahasa yang dipelajari. Cara dan kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dinamakan sebagai gaya dan strategi pembelajaran. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang kadang-kadang berlaku tanpa disedari oleh individu tersebut. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran tersendiri dan ini juga turut menentukan strategi pembelajaran mereka. Strategi dan gaya pembelajaran dapat membantu pelajar menguasai sesuatu bahasa dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka. Zamri, Kamilah dan Wan Muna Ruzanna (2016) berpendapat bahawa bagi membantu memantapkan keberkesanan pembelajaran, adalah penting bagi pelajar mengenal pasti strategi dan gaya pembelajaran mereka. Namun, penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini menyebabkan pelbagai sektor utama seperti pelancongan, penerbangan, perkhidmatan dan pendidikan terpaksa ditutup bagi mengekang penularan wabak ini menjadi lebih serius. Di Malaysia, Perdana Menteri telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. Hasil pengumuman ini telah menyebabkan penutupan sekolah dan universiti bagi mengawal penularan wabak ini menjadi lebih serius.

Hal ini menyebabkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2020), mengarahkan semua pembelajaran secara fizikal diteruskan secara pengajaran dan pembelajaran atas talian. Situasi ini pastinya memberikan impak yang besar terutamanya kepada pendidik dan juga pelajar untuk menerima pembelajaran secara norma baharu. Keadaan ini menimbulkan pelbagai rungutan terutamanya daripada pelajar yang tinggal di luar bandar yang terpaksa mencari liputan internet yang laju bagi memastikan pembelajaran atas talian dijalani dengan sempurna. Selain itu, para pelajar juga memerlukan perbelanjaan kewangan yang banyak untuk membeli data pakej internet bagi memastikan kelancaran pembelajaran atas talian (Berita Harian: Julai 2020, Disember 2020). Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran dalam norma baharu pelajar di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM) Pagoh Johor. Hal ini kerana, gaya pembelajaran pada hari ini sangat penting bagi setiap pelajar kerana mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik mereka dan merupakan satu mekanisme pembelajaran dalam mendepani cabaran norma baharu.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian pelaksanaan pembelajaran secara atas talian dalam tempoh pandemik Covid-19 telah dilaksanakan oleh Muhammad Izzat, Zuriani Hanim dan Nur Hafizaliyana (2020) kepada para pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) bagi memperlihat pandangan mereka terhadap gaya pembelajaran norma baharu sepanjang pandemik. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan tinjauan deskriptif dengan menggunakan nilai min. Sebanyak lima aspek yang dikaji, iaitu kandungan pembelajaran atas talian, interaksi atas talian, maklum balas pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh

pensyarah dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima aspek yang dikaji berada pada tahap sederhana dan usaha penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih baik.

Seterusnya, kajian daripada Norul Naim, Siti Nurnajah Adilah dan Hafsah (2021) memperlihat sikap yang positif daripada pelajar Tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Fizik bagi pembelajaran secara atas talian manakala motivasi pelajar pula adalah kurang positif. Di samping itu, hasil dapatan kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar yang menjalani pembelajaran secara tidak segerak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bagi pembelajaran dalam talian. Hal ini menunjukkan bahawa sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran atas talian secara segerak seperti melalui persidangan video adalah lebih posifit berbanding pembelajaran tidak segerak. Oleh hal yang demikian, gaya pembelajaran secara atas talian yang lebih efektif memerlukan para guru untuk menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran secara langsung atau secara gabungan antara segerak dan tidak segerak.

Selain itu, penerimaan pelajar politeknik Balik Pulau terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian pula menunjukkan kesan yang positif (Siti Nazilah, Liyana & Adirah, 2020). Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kesedaran dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik berskala likert lima. Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai min bagi aspek kesedaran dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran secara atas talian berada pada tahap yang tinggi, iaitu 4.12 dan 4.07.

Kajian Eva Luthfi (2020) pula memperlihatkan strategi ibu bapa dalam mengajar dan mendidik anak dalam pembelajaran dari rumah sepanjang tempoh pandemik Covid-19. Metodologi kajian yang dilaksanakan ialah kualitatif dengan menggunakan analisis deskriptif kualitatif. Pemerhatian dilakukan terhadap ibu bapa dan anak-anak yang berada di rumah akibat wabak yang melanda. Kesimpulan daripada kajian tersebut memperlihat bahawa ibu bapa banyak memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak sewaktu sesi pembelajaran secara atas talian terutama anak-anak di sekolah rendah dan TADIKA.

Tinjauan pembelajaran secara atas talian dalam menghadapi wabak pandemik COVID-19 telah dilaksanakan oleh Tigus Juni Betri (2020). Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pengkaji menerapkan kaedah analisis kepustakaan. Menurut pengkaji beberapa langkah dan persiapan perlu diterapkan dalam kegiatan pembelajaran secara atas talian oleh pihak guru seperti menyediakan kemudahan untuk mengakses laman pembelajaran secara atas talian, menyusun kurikulum yang relevan dengan era teknologi, menyediakan bahan teori dalam bentuk dokumen atau fail PDF dan bahan praktikal dalam bentuk video tutorial, simulasi interaktif atau diperlihat secara langsung melalui sidang video. Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar fleksibiliti dan kemampuan para guru dalam mengadaptasi dengan gaya pembelajaran yang baharu.

Jelasnya, dapatan kajian lepas berkaitan dengan gaya pembelajaran norma baharu sepanjang pandemik COVID-19 menunjukkan kandungan pembelajaran atas talian, interaksi atas talian, maklum balas pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian adalah pada peringkat yang sederhana. Kajian juga banyak memfokuskan persiapan yang perlu dilakukan oleh pihak pengajar dan cabaran kepada ibu bapa yang terpaksa mengajar anak-anak mereka sendiri sepanjang pandemik ini. Oleh hal yang demikian kajian ini wajar dijalankan untuk melihat gaya pembelajaran yang dipilih oleh pelajar KLM dan cabarannya untuk proses penambahbaikan bagi memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih baik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menghuraikan gaya pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pelajar di Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan (KLM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh.

Kajian ini ingin menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar di KLM, Kampus Pagoh?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar KLM sepanjang kelas atas talian dijalankan?

METODOLOGI KAJIAN

Responden kajian

Responden kajian terdiri daripada 100 orang pelajar yang terdiri dalam kalangan pelajar Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan (KLM), Kampus Pagoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang mengambil jurusan bahasa Melayu (MALCOM), Bahasa Inggeris (ENCOM), Bahasa Arab (ARCOM) dan Pelancongan dan Hospitaliti (TPHM). Responden terdiri daripada 32 orang pelajar lelaki dan 68 orang pelajar perempuan. Sebanyak 45 orang pelajar MALCOM, 20 orang dari ENCOM, 18 orang dari ARCOM dan 17 orang dari TPHM. Responden dipilih secara rawak yang kesemuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Instrumen kajian

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang diubah suai daripada soal selidik oleh Wang (2015), dan Roshidah Hassan (2017). Kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan oleh Oxford (1990) dan kategori gaya pembelajaran Christison (2013) digunakan sebagai panduan dalam merangka soalan-soalan soal selidik ini. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang pelajar dan juga mengenal pasti jenis strategi pembelajaran dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh mereka. Soalan 1 hingga 10 merupakana soalan yang berkaitan dengan latar belakang subjek iaitu jantina, umur, tahun pengajian dan bahasa yang dikuasai dan sedang dipelajari oleh pelajar. Seterusnya Soalan 8 merujuk kepada Alat yang digunakan untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) : dan Soalan 9 untuk pakej Internet yang digunakan oleh pelajar dan Soalan 10 berkaitan dengan pautan yang digunakan untuk pembelajaran secara atas talian.

Bahagian B: Gaya pembelajaran yang terdiri daripada stimulus pertama: persekitaran terdiri daripada unsur-unsur-unsur bunyi, cahaya, suhu, dan pola. Stimulus kedua: motivasi, ketabahan, tanggungjawab dan struktur. Stimulus ketiga: Sosiologi iaitu sendiri, pasangan, rakan sebaya, pasukan, guru dan pelbagai cara. Setimulus keempat: Fizikal yang terdiri daripada persepsi, makan, waktu dan gerakan. Stimulus kelima: Global atau analitik, otak kiri atau otak kanan dan impulsif atau reflektif. Terdapat 25 item yang perlu diisi oleh responden.

Bahagian C: Sebanyak 16 item disediakan berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pandemik-19.

Bahagian D: Kesan pembelajaran atas talian. Sebanyak 7 item dikemukakan untuk melihat kesan pembelajaran atas talian pelajar KLM.

PENGUMPULAN DATA

Sebelum soal selidik diedarkan, pelajar dimaklumkan tujuan soal selidik. Mereka juga diberikan pilihan sama ada untuk mengambil bahagian atau tidak. Sekiranya pelajar tidak bersetuju untuk menjadi responden kajian, mereka dibenarkan meninggalkan kelas. Responden diminta mengisi borang soal selidik yang diedarkan sebelum kelas tamat. Responden mengambil masa antara 10 hingga 15 minit untuk menjawab semua soalan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Selain daripada soal selidik, data juga diperoleh melalui temu bual secara tidak formal yang dijalankan bersama dengan pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan kursus ini.

Model Dunn dan Dunn

Terdapat dua inventori yang menggunakan model ini, iaitu Inventori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) dan *Productivity Environmental Preference Survey* (Dunn, Dunn & Price 1982). Inventori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) digunakan untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran dalam proses kaunseling, kerana model ini ada adalah model pelbagai dimensi yang boleh dipercayai dan mempunyai kesahan dan juga asas penyelidikan yang kukuh. Model yang dicipta oleh oleh Rita Dunn dan Kenneth Dunn (1982)

mencadangkan bahawa gaya pembelajaran seseorang pelajar bergantung kepada unsur-unsur yang disukai bawah lima stimulus seperti jadual yang berikut:

Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1982)

Stimulus	Unsur	Ciri-ciri
1. Persekitaran	bunyi	Suka belajar tanpa bunyi bising atau dengan mendengar muzik
	Cahaya	Suka belajar di tempat yang cerah atau di tempat yang kurang cahaya
	Suhu	Suka belajar di tempat yang sejuk atau panas.
	Pola	Suka belajar di tempat formal yang ada kerusi dan meja atau di tempat tidak formal seperti berbaring atau duduk di atas lantai.
2. Emosi	Motivasi	Boleh merangsang diri untuk belajar atau perlu dirangsang oleh guru.
	Ketabahan	Boleh belajar dalam jangka masa yang pendek atau panjang.
	Tanggungjawab	Bertanggungjawab untuk belajar atau perlu bimbingan oleh guru.
	Struktur	Suka belajar mengikut jadual waktu atau suka belajar sekiranya lebih masa diberi untuk sesuatu mata pelajaran atau perkara.
3.Sosiologi	Sendiri	Suka belajar secara sendirian
	Pasangan	Suka belajar secara berpasangan
	Rakan sebaya	Suka belajar dengan rakan sebaya
	Pasukan	Suka belajar dalam pasukan
	Guru	Suka belajar dengan bimbingan guru
	Pelbagai cara	Dapat belajar dengan mana-mana cara yang tersebut di atas.
4. Fizikal	Persepsi	Suka belajar dengan perkara / benda maujud atau abstrak atau melalui pengalaman.
	Makan	Suka atau tidak suka makan dan minum semasa belajar.
	Waktu	Suka belajar sesuatu mata pelajaran pada waktu yang sesuai atau pada bila-bila masa.
	Gerakan	Suka atau tidak suka bergerak semasa belajar.
5. Psikologi	*Global* atau Analitik	Pelajar *global* suka belajar secara menyeluruh; pelajar analitik suka belajar mengikut urutan dan membuat analisis.
	Otak kiri atau otak kanan	Pelajar yang memproses maklumat menggunakan otak kiri suka belajar bahagian-bahagian bahasa, dan membuat pengiraan dan analisis; Pelajar yang memproses maklumat menggunakan otak kanan suka belajar secara keseluruhan , membuat sintesis, melukis, membuat gerakan dan mencipta sesuatu.
	Impulsif atau Reflektif	Pelajar yang impulsif bertindak secara spontan manakala pelajar yang reflektif berfikir sebelum bertindak.

DAPATAN KAJIAN

Data dianalisis dengan kaedah pengiraan kekerapan dan perutusan. Kekerapan dan peratusan gaya pembelajaran dikira untuk melihat gaya pembelajaran yang manakah paling kerap dipilih oleh responden. Dalam analisis ini, peratusan mengambil kira angka bulat terhampir. Bahagian ini membincangkan demografi responden dan gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan demografi pelajar, responden kajian ini adalah seramai 100 orang pelajar yang terdiri daripada 32 orang responden lelaki iaitu sebanyak (32%) dan 68 orang responden perempuan iaitu sebanyak (68%) daripada keseluruhan responden. Berumur antara 21 hingga 27 tahun. Bilangan adik-beradik antara tiga hingga sembilan orang. Responden yang mengambil jurusan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MALCOM) adalah lebih tinggi berbanding jurusan lain, iaitu sebanyak 45 orang pelajar bersamaan (45%). Seterusnya, jurusan Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (ENCOM) pula ialah seramai 20 orang responden yang bersamaan (20%) diikuti jurusan Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (ARCOM), 18 orang (18%) dan yang terakhir jurusan Pelancongan dan Hospitaliti (TPHM), iaitu sebanyak 17 orang bersamaan (17%). Daripada analisis yang dijalankan, 99 orang menggunakan komputer dan hanya 1 orang menggunakan telefon bimbit malah sebanyak 83 orang menggunakan kedua-dua peralatan tersebut sepanjang menjalani sesi pembelajaran atas talian. Paling banyak responden menggunakan WiFi iaitu 38%, Maxis (20%), Umobile (14%), Celcom (12%) dan Digi (10%). Selain itu, terdapat responden yang menggunakan talian seperti Tune Talk dan OneXOX, iaitu sebanyak 6%. Pautan pembelajaran Google Meet paling tinggi dipilih iaitu sebanyak 89%, kedua Zoom iaitu (6%) dan 5% lagi menggunakan kesemua pautan yang tersedia bagi menjalani pembelajaran secara atas talian seperti Google Meet, Google Classroom, dan Webex.

Dapatan bagi gaya pembelajaran yang dipilih oleh responden adalah seperti berikut:

Persekitaran

Menurut Dunn & Dunn (1982), gaya pembelajaran yang merangkumi faktor persekitaran penting kepada pelajar terutama yang berkait rapat dengan empat unsur utama iaitu cahaya, bunyi, suhu dan reka bentuk tempat belajar. Berdasarkan analisis yang ditunjukkan dalam aspek persekitaran sebanyak 41% pelajar bersetuju menjalani kelas secara atas talian dalam keadaan yang sunyi. Hal ini menunjukkan pelajar perlukan suasana yang tenang untuk memfokuskan pembelajaran mereka. Selain itu, 47.7% pelajar bersetuju menggunakan tempat yang terang untuk belajar. Hal ini penting dalam memberikan fokus kepada pembelajaran yang memerlukan pencahayaan komputer yang terang. Dapatan data juga tidak menunjukkan peratusan yang tinggi kepada penggunaan pendingin udara ketika belajar berbanding dengan 52% pelajar sangat setuju memerlukan duduk di atas kerusi dan meja ketika kelas atas talian berlangsung. Hanya 28% pelajar tidak pasti untuk mengikuti kelas atas talian secara berbaring atau bersila.

Emosi

Emosi berkait rapat dengan perasaan jiwa seseorang. Dunn & Dunn (1982) menekankan bahawa gambaran emosi ini dapat dilihat daripada unsur motivasi, ketabahan, sikap keazaman, tanggungjawab dan struktur. Motivasi biasanya dibahagikan kepada motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang kuat biasanya suka belajar dengan inisiatif sendiri. Manakala, pelajar yang bermotivasi ekstrinsik hanya boleh belajar mengikut arahan yang berstruktur daripada guru. Sikap keazaman dan tanggungjawab pula dapat mempengaruhi gaya pembelajaran. Pelajar yang mempunyai sikap keazaman dan tanggungjawab akan mengambil inisiatif sendiri dan dapat belajar dalam tempoh masa yang panjang. Pelajar yang kurang berazam dan kurang bertanggungjawab hanya dapat belajar dalam tempoh masa yang singkat, dan memerlukan masa rehat sebelum meneruskan proses pembelajarannya.

Berdasarkan unsur emosi sebanyak 41% pelajar sangat tidak setuju jika pembelajaran secara atas talian dilakukan tanpa rehat dan sebanyak 46% pelajar bersetuju jika pembelajaran atas talian ini dapat diselang-seli dengan waktu rehat. Namun 59% pelajar setuju untuk menyiapkan tugasan jika mendapat bimbingan daripada pelajar. Data juga menunjukkan sebanyak 38% pelajar tidak bersetuju jika tugasan dilakukan tanpa bimbingan pensyarah dan 54% pelajar sangat bersetuju untuk melakukan tugasan dengan sebaik mungkin jika terdapat penilaian daripada pensyarah.

Sosiologikal

Dari unsur sosiologi, terdapat sesetengah individu yang lebih suka belajar secara bersendirian dan tidak mahu diganggu semasa mereka belajar. Mereka lebih selesa bersendirian berbanding belajar dengan kawan-kawan mereka kerana mereka kurang gemar membuang masa untuk bercakap sesama rakan yang akan menjadikan mereka tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pembelajaran mereka. Namun terdapat pelajar yang suka belajar secara berpasangan dengan memilih kehadiran individu yang rapat dengannya. Terdapat juga sesetengah pelajar suka pembelajaran dalam bentuk kumpulan yang biasanya melibatkan lebih daripada dua orang rakan sebaya. Hal ini dilihat pelajar boleh melibatkan perbincangan dan perkongsian idea-idea tentang cara pembelajaran yang berbeza. Berdasarkan unsur sosiologikal, dapatan menunjukkan 35% pelajar tidak pasti untuk ditemani seseorang untuk belajar. Namun 42% pelajar setuju untuk belajar secara bersendirian. Sebanyak 40% suka belajar secara berkumpulan dengan rakan sebaya. Terdapat 52% pelajar setuju kerana mereka suka belajar bersendirian tetapi kadang-kadang suka belajar dengan kawan-kawan. Pelajar yang sangat setuju pula sebanyak 42% untuk suka belajar dengan bimbingan pensyarah.

Fizikal

Gaya pembelajaran unsur fizikal merujuk kepada pelajar biasanya memperoleh maklumat atau pengalaman melalui persepsi visual, auditori ataupun kinestetik-tactile. Pelajar yang mempunyai persepsi visual yang tajam, akan suka belajar dengan alat bantu mengajar seperti carta, gambar, graf, gambar rajah, slaid, video, televisyen, komputer dan sebagainya. Bagi persepsi auditori yang baik pula, pelajar itu suka belajar dalam keadaan yang ada suara latar belakang seperti siaran muzik dari radio atau kaset. Pelajar yang mempunyai kinestetik-tactile yang kuat dan cekap, suka belajar dengan cara menyentuh dan merasa. Gaya pembelajarannya diperlihatkan aktif dan tidak boleh duduk diam di tempat belajar bagi tempoh masa yang agak lama. Berdasarkan unsur fizikal pula didapati sebanyak 47% pelajar setuju memahami tayangan video dan slaid dalam pembelajaran. Sebanyak 31% pelajar setuju tidak boleh belajar dengan duduk dalam jangka masa yang panjang. Data juga menunjukkan sebanyak 53% setuju untuk mengadakan kelas kepada pada waktu petang dan sebanyak 35% tidak setuju untuk mengadakan kelas pada waktu malam. Kebanyakan 43% pelajar setuju suka melakukan pergerakan semasa kelas sedang berlangsung.

Psikologikal

Berdasarkan unsur psikologikal, gaya pembelajaran jenis ini menekankan gaya pembelajaran seperti analitik iaitu pelajar suka belajar sesuatu secara teliti. Mereka suka menganalisis fakta dan isi pelajaran secara terperinci. Gaya pembelajaran global pula merujuk kepada pelajar yang suka belajar sesuatu secara keseluruhan dengan mengamati aspek-aspek atau perkara secara menyeluruh atau holistik. Ada juga pelajar yang menggunakan unsur gerak hati, dan belajar bergantung kepada angin atau moodnya. Angin yang baik mendorong pelajar belajar dengan bersungguh-sungguh. Jika sebaliknya yang berlaku, mereka akan berangan-angan dan tidak memberikan tumpuan. Gaya pembelajaran bersifat reflektif merujuk kepada pelajar yang suka belajar dengan cara berfikir. Pelajar ini lebih suka menggunakan kemahiran berfikir untuk membuat kajian, membentuk hipotesis, menganalisis, mentafsir dan membuat kesimpulan. Berdasarkan unsur psikologikal, sebanyak 33% pelajar tidak pasti memahami pembelajaran atas talian berbanding pembelajaran di dalam kelas. Sebanyak 46% pelajar setuju lebih memahami pembelajaran apabila pensyarah menunjukkan video. Namun terdapat 44% pelajar hanya bersetuju pembelajaran dilakukan di atas talian. Terdapat 52% pelajar bersetuju untuk mencatat nota ketika pensyarah menyampaikan pengajaran di atas talian. Kebanyakan 58% pelajar sangat setuju untuk mengetahui tugasan secara keseluruhan sebelum melakukannya.

PERBINCANGAN DAN CABARAN

Belajar secara atas talian memang menguji kemampuan dan ketabahan pelajar dan pensyarah. Banyak perkara yang terpaksa ditempuh setiap hari berkaitan dengan capaian Internet terutamanya. Sepanjang pandemik COVID-19 seseorang pelajar juga perlu memilih gaya pembelajaran yang berbeza dengan gaya pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas. Antara cabaran yang terpaksa ditempuh oleh semua pelajar termasuk pelajar

KLM Pagoh adalah seperti berikut: Sebanyak 34% setuju menghadapi masalah Internet, 33% responden tidak setuju dengan item tidak memahami isi pembelajaran yang bagi subjek yang dipelajari, 33% tidak pasti dan 33% setuju keliru dengan arahan daripada pensyarah. Cabaran belajar secara atas talian seterusnya ialah 41% pelajar KLM setuju dibebani dengan tugasan yang banyak. 31% tidak pasti tidak mendengar suara pensyarah dengan jelas ketika belajar atas talian. Dapatan daripada item ketujuh 37% pelajar KLM sangat setuju kerja secara kumpulan sukar dijalankan kerana penjarakan sosial dan tidak dapat merentas negeri. Pergerakan yang terhad menyebabkan 38% pelajar setuju menyebabkan pelajar tidak aktif menjalankan aktiviti. Sebanyak 37% pelajar pula bersetuju cabaran belajar atas talian menyebabkan pelajar kekurangan bahan rujukan dan mengehadkan pemahaman mereka berbanding dengan kaedah belajar secara bersemuka. Cabaran lain sebanyak 34% setuju hubungan antara pelajar dengan guru terasing menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap minima dalam subjek yang diikuti. Hampir 60% pelajar setuju dan sangat setuju bahawa kelas atas talian kurang berkesan berbanding dengan kelas bersemuka.

KESIMPULAN

Jelasnya, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu membentuk personaliti, kredibiliti mereka kerana dunia pembelajaran memerlukan persediaan, kebijaksanaan dan sangat bergantung kepada individu itu sendiri untuk mencapai kecemerlangan. Hasil pembelajaran seseorang bukan sahaja dipengaruhi oleh gaya pembelajaran namun dipengaruhi juga faktor-faktor lain termasuk kecerdasan dan mutu pengajaran pensyarah. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran atas talian ini telah mengubah pengamalan gaya pembelajaran lama kepada gaya pembelajaran baharu bersesuaian dengan kaedah pengajaran norma baharu di institut pengajian tinggi.

RUJUKAN

Amirudin Mohd Salim, Mohd Rakime Shaffai & Md. Hidayat Abd. Jalil. (2018). Kesedaran, penerimaan, keberkesanan dan hubungannya terhadap pelaksanaan e-Pembelajaran dalam kalangan pensyarah Politeknik Merlimau. http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa2/KESEDARAN,%20PENERIMAAN,KEBERKESANAN%20DAN%20HUBUNGKAITNYA%20TERHADAP%20PERLAKSANAAN%20e-PEMBELAJARAN%20DALAM%20KALANGAN%20PENSYARAH%20POLITEKNIK%20MERLIM%20%281%29.pdf.

Dunn, R. S., Dunn, K. J., & Price, G. E. (1979). Identifying individual learning styles. Dalam. J. W. Keefe (Ed.). *Student learning style: Diagnosing and prescribing programs* (hlm. 39-54). Reston, VA: National Association of Secondary School Principals

Eva Luthfi Fakhru Ahsani. (2020). Strategi orang tua dalam mengajar dan mendidik anak dalam pembelajaran at the home masa pandemi Covid-19. Institut Agama Islam Negeri Kudus.

Haslinda Hasan. (2020). Pandemik Covid-19 dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) pelajar asasi di Universiti Utara Malaysia (UUM). *E-prosiding NADARATA 2020: Bahasa, Sastera dan Budaya. Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budyaa dalam Era Pandemik 2020*.

Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini & Nur Hafizaliyana Hassan. (2020). Persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian dalam era pandemik Covid-19. *Jurnal Kesidang, 5*, 88-99.

Nor Azulia Kamarudin, Rukhaiyah Abd. Wahab, Khairul Faiz Alimi. (2020). Cabaran dan kesan budaya pembelajaran maya era-pandemik terhadap pelajar kursus kuantitatif. *E-prosiding NADARATA 2020: Bahasa, Sastera dan Budaya. Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budyaa dalam Era Pandemik 2020*.

Norul Haida Reduzan, Zulkifli Osman, Abdullah Yusof. (2018, 10-11 May). Keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *9th International Conference on Language, Education, Humanities and Innovation.*

Norul Naim Makhtar, Siti Nurnajah Adilah Rosli & Hafsah Taha. (2021). Kesan pembelajaran dalam talian terhadap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar bagi subjek Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters*, *9*(1), 60-76.

Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19. http://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf. Diakses pada 20 Mac 2021.

Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies, 17*(1). http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08

Siti Nazilah Hamzah, Liyana Mat Rani & Adirah Isa. (2020). *International Journal of Education and Pedagogy*, *2(*4), 407-41.

Tigus Juni Betri. (2020). Pembelajaran *online* wabah Covid-19. Universitas Slamet Riyadi Surakarta.

PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP PERKEMBANGAN LITERASI BAHASA MELAYU

Norsahirah binti Ghani
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
p20201000394@siswa.upsi.edu.my

Abdul Rasid bin Jamian
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

Norfaizah binti Abdul Jobar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Literasi membaca merupakan keperluan asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta merupakan kemahiran yang penting selain daripada kemahiran menulis, kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar. Istilah literasi bukanlah perkara asing dalam dunia pendidikan hari ini. UNESCO (2019) turut menggariskan literasi sebagai pemacu kepada pembangunan lestari yang membuka peluang yang lebih besar dalam pasaran buruh, meningkatkan tahap kesihatan keluarga, mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan peluang dalam kehidupan. Dalam makalah ini, penyelidik akan menghuraikan tentang literasi membaca serta perkaitan antara faktor persekitaran dengan perkembangan literasi. Teori Persekitaran Bronfenbrenner yang memperkenalkan lima sistem dalam ekologi perkembangan manusia iaitu *microsystem*, *mesosystem*, *exosystem*, *macrosystem* dan *chronosystem* digunakan dalam huraian makalah ini. Dengan perkaitan ini, penyelidik dapat memahami bagaimana persekitaran yang melingkungi kehidupan murid akan mempengaruhi perkembangan psikologi, sahsiah dan intelek mereka. Hubungan yang baik antara murid dan individu sekeliling juga akan menjadikan mereka insan yang seimbang psikologi dan seterusnya membantu murid dalam meningkatkan penguasaan dalam akademik. Kesimpulannya, persekitaran yang positif akan membantu murid mencapai kecemerlangan manakala persekitaran yang negatif akan membantutkan semua usaha tersebut.

Kata kunci: literasi, membaca, perkembangan literasi, teori persekitaran Bronfenbrenner, perkembangan manusia

PENGENALAN

Bahasa merupakan elemen penting dalam proses kemahiran berbahasa terutamanya untuk menguasai literasi membaca. Halliday (1993) berpendapat bahawa "When children learn language, they are not simply engaging in one type of learning among many; rather, they are learning the foundations of learning itself" (hal. 93). Dari perspektif sosiobudaya pula, Vygotsky (1962) menggambarkan bahasa sebagai dua alat yang mempunyai fungsi yang berbeza. Pertama, bahasa berfungsi sebagai alat budaya untuk membina dan berkongsi pengetahuan dalam kalangan anggota masyarakat. Kedua, bahasa berfungsi sebagai alat psikologi yang digunakan untuk menyusun proses dan kandungan pemikiran individu. Secara mudahnya, bolehlah disimpulkan bahawa bahasa merupakan agen penghubung dalam proses komunikasi yang berlaku sesama manusia. Melalui bahasa, manusia dapat berkomunikasi dan berinteraksi dalam masyarakat secara berkesan. Mereka dapat menyusun dan mengutarakan idea serta pengalaman sewaktu proses komunikasi berlaku menggunakan bahasa pertuturan seharian.

Dalam konteks pendidikan pula, kebolehan atau kecekapan berbahasa murid-murid adalah berkait rapat dengan kebolehan mereka dalam menguasai kemahiran bahasa. Kemahiran bahasa secara umum merangkumi empat aspek utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh yang demikian,

penekanan yang lebih perlu diberikan kepada murid-murid sejak berada di sekolah rendah bagi memastikan mereka dapat menguasai kesemua kemahiran tersebut secara terancang. Hal ini kerana, kesemua kemahiran bahasa ini sangat penting dalam kehidupan mereka, sama ada pada peringkat alam persekolahan, alam pekerjaan, ataupun dalam menjalani kehidupan seharian.

LITERASI MEMBACA

Dalam makalah ini, penyelidik lebih memfokuskan mengenai kemahiran literasi membaca. Hal ini kerana, literasi membaca merupakan keperluan asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta merupakan kemahiran yang penting selain daripada kemahiran menulis, kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar. Istilah literasi juga bukanlah perkara asing dalam dunia pendidikan hari ini. UNESCO (2019) turut menggariskan literasi sebagai pemacu kepada pembangunan lestari yang membuka peluang yang lebih besar dalam pasaran buruh, meningkatkan tahap kesihatan keluarga, mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan peluang dalam kehidupan. Literasi juga turut dikenali sebagai celik huruf atau kenal huruf yang menekankan mengenai keupayaan murid membaca, menulis, mendengar dan bertutur serta memahami percakapan atau penulisan (Mohd Asnorhisham & Abdul Rahim, 2018: 83).

Selain itu, Fong (2015, hal. 2) juga turut bersetuju bahawa literasi merupakan asas utama dalam proses pembelajaran semasa pendidikan rendah hingga ke peringkat seterusnya. Tanpa kemahiran ini, hampir mustahil untuk seseorang murid dapat menguasai pendidikan dan seterusnya meletakkan diri mereka dalam masyarakat. Oleh itu, kemahiran asas literasi perlulah dikuasai oleh murid-murid sejak sekolah rendah lagi. Kemahiran yang memberi penekanan kepada keupayaan murid membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah (dengan menggunakan kata hubung) ini dapat membantu murid mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Kesimpulannya, kemahiran literasi adalah penting untuk membangunkan sepenuhnya potensi seseorang individu bagi membolehkan mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik dan bermanfaat seterusnya memberi sumbangan kepada masyarakat di sekeliling mereka.

TEORI PERSEKITARAN BRONFENBRENNER

Teori Ekologi telah diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner. Teori ini kemudiannya mengalami beberapa penambah baikkan sehingga terhasilnya Teori Ekologikal dan seterusnya Teori Boiekologikal. Perubahan-perubahan yang berlaku ini adalah kerana adanya kritikan-kritikan terhadap teori ekologi yang diperkenalkan pada awalnya. Walaupun terdapat beberapa fasa penambah baikkan yang berlaku, namun teori ini masih menekankan tentang pengaruh persekitaran terhadap perkembangan manusia.

Menurut Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), perkembangan kanak-kanak merupakan hasil interaksi mereka dengan persekitaran. Teori ini sesuai digunakan untuk memahami bagaimana persekitaran yang melingkungi kehidupan seseorang kanak-kanak atau murid dapat mempengaruhi perkembangan psikologi mereka. Bronfenbrenner (1979) dalam kajiannya menyatakan bahawa:

> *The ecology of human development involves the scientific study of the progressive, mutual accommodation between an active, growing human being and the changing properties of the immediate settings in which the developing person lives, as this process is affected by relations between these settings, and by the larger contexts in which the settings are embedded* (hal. 21)

Menurut Bronfenbrenner, persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu sistem sosial sebagai struktur berlapis yang melibatkan individu terdekat dalam kehidupan kanak-kanak. Mereka adalah terdiri daripada ibu bapa, keluarga dan mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak tersebut secara langsung atau tidak langsung. Persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak tersebut akan mempengaruhi perkembangan psikologi, sahsiah dan intelek mereka. Hubungan yang baik dengan individu sekeliling juga akan menjadikan mereka insan yang seimbang psikologi dan seterusnya membantu dalam meningkatkan penguasaan dalam akademik.

Teori ini mempunyai lima sistem yang saling berkait antara satu sama lain iaitu mikrosistem *(mi-*

crosystem), mesosistem (*mesosystem*), ekosistem (*exosystem*), makrosistem (*macrosystem*) dan kronosistem (*chronosystem*).

Mikrosistem

Mikrosistem merupakan lapisan pertama dalam teori ini. Mikrosistem menerangkan tentang individu yang sentiasa berhubungan secara langsung dalam persekitaran seseorang. Dalam kehidupan seorang kanak-kanak, mikrosistem melibatkan persekitaran yang terdekat iaitu mereka berinteraksi dalam persekitaran yang kecil seperti interaksi dengan ibu bapa, rakan sebaya, dan jiran tetangga. Kanak-kanak menghabiskan sebahagian besar masa mereka bersama ibu bapa, adik-beradik, guru dan rakan sekolah dan jiran tetangga. Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang paling penting dalam kehidupan anak mereka manakala faktor persekiran dalam keluarga pula merupakan faktor yang paling besar mempengaruhi perkembangan seorang kanak-kanak.

Individu yang terlibat dalam pembentukan sosialisasi peringkat awal disekeliling kanak-kanak memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan minda, fizikal dan emosi. Di sini, kanak-kanak mula meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada ahli di sekeliling mereka. Hubungan yang berlaku dalam mikrosistem juga adalah bersifat dua arah. Hal ini bermaksud, individu dalam sistem tersebut berpeluang mempengaruhi antara satu sama lain. Kanak-kanak berkemungkinan boleh dipengaruhi oleh orang lain di dalam persekitaran mereka dan kanak-kanak juga mampu mengubah kepercayaan dan tindakan orang lain di dalam persekitaran tersebut.

Mesosistem

Mesosistem pula merupakan lapisan kedua dalam Teori Persekitaran Bronfenbrenner. Mesosistem bermaksud hubungan antara mikrosistem dengan mikrosistem yang lain. Sebarang perkara yang berlaku dalam satu mikrosistem akan mempengaruhi interaksi antara mikrosistem yang lain. Hubungan timbal balas antara mikrosistem-mikrosistem lain akan mempengaruhi hubungan murid dengan mikrosistem tersebut dan sekali gus akan mempengaruhi perkembangan mereka. Dalam mesosistem, hubungan keluarga dengan rakan, guru dan jiran menjadi fokus utama untuk mengenal pasti pengaruh terhadap hubungan murid dengan persekitaran tersebut. Menurut Bronfenbrenner (1979):

> *A mesosystem comprises the interrelations among two or more settings in which the developing person actively participates (such as, for a child, the relations among home, school, and neighborhood peer group; for an adult, among family, work, and social life)* (hal, 25).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa mesosistem merupakan interaksi antara keluarga dengan sekolah seperti interaksi ibu bapa dengan pihak sekolah dan interaksi antara guru, ibu bapa dengan rakan. Interaksi yang wujud ini akan mempengaruhi interaksi dalam mikrosistem yang lain.

Ekosistem

Ekosistem merupakan lapisan ketiga dalam teori persekitaran ini. Eksosistem mempunyai kaitan rapat di antara pengalaman dengan persekitaran yang tidak melibatkan murid secara langsung tetapi keputusan yang diambil dalam persekitaran tersebut memberi kesan kepada kanak-kanak atau orang dewasa yang terlibat dengan murid itu. Secara mudahnya, ekosistem menerangkan bagaimana pengalaman seseorang individu itu dipengaruhi oleh orang sekeliling mereka.

Makrosistem

Makrosistem ialah lapisan keempat dalam teori ini. Makrosistem melibatkan perkembangan individu yang dipengaruhi oleh norma-norma, nilai, amalan dan adat resam masyarakat. Misalnya dalam masyarakat dahulu, pendidikan bagi anak-anak perempuan tidak dititikberatkan. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa kaum perempuan akan kekal berada di ceruk dapur dan tidak mampu menjadi pemimpin dalam masyarakat.

Kronosistem

Kronosistem ialah lapisan kelima dan merupakan lapisan terakhir dalam teori ini. Kronosistem adalah berkaitan dengan perubahan sesuatu keadaan dalam suatu tempoh masa. Keadaan ini berlaku selaras dengan arus perubahan serta perkembangan teknologi maklumat yang dicapai oleh sesebuah negara. Kronosistem juga merujuk keadaan sosiosejarah perkembangan seseorang murid. Sebagai contohnya, murid-murid zaman sekarang ialah mereka yang terdiri daripada generasi yang kebanyakkannya ditempatkan di pusat jagaan harian seperti di taman asuhan kanak-kanak (taska) atau diasuh di rumah orang lain atau dijaga oleh pembantu rumah. Malahan, mereka juga adalah generasi pertama yang hidup pada zaman globalisasi yang lebih berfokuskan kepada permainan yang diperoleh daripada media elektronik seperti komputer dan permainan video. Perkara ini berbeza dengan kanak-kanak pada zaman dahulu yang lebih terdedah dengan permainan berunsurkan tradisional seperti congkak, layang-layang, gasing dan sebagainya.

PERKAITAN ANTARA TEORI PERSEKITARAN DAN LITERASI MEMBACA

Tinjauan literatur dalam makalah ini akan mengulas tentang literatur terdahulu yang berkisarkan tentang Teori Persekitaran Bronfenbrenner bagi melihat sama ada terdapat perkaitan teori ini dengan perkembangan literasi bahasa.

Terdapat beberapa kajian lepas di barat yang mengkaji tentang Teori Bioekologikal dalam aspek perkembangan literasi bahasa. Antaranya ialah Jaeger (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Negotiating Complexity: A Bioecological Systems Perspective on Literacy Development*. Jaeger (2016) menyatakan bahawa penerapan teori Bronfenbrenner dapat meningkatkan kemungkinan bahawa perkembangan literasi dapat difahami sebagai "*site of transaction*" antara proses kognitif dan tingkah laku sosial. Hal ini kerana, teori Bronfenbrenner merupakan kerangka yang sangat berguna untuk menggambarkan perkembangan literasi kerana ia memberikan penjelasan menyeluruh mengenai pengalaman literasi, menunjukkan cara untuk meningkatkan perkembangan individu untuk bertindak balas dalam persekitaran ekologi mereka (2016, hal. 164). Walau bagaimanapun, Jaeger turut menegaskan bahawa pengaplikasian teori ini dalam konteks penyelidikan berkaitan literasi adalah sangat mencabar. Oleh yang demikian, Jaager menyarankan agar penyelidik yang ingin mengaplikasikan teori ini dalam kajian mereka supaya mengikut panduan yang telah disarankan oleh Bronfenbrenner bagi memastikan hasil kajian yang diperoleh lebih bermanfaat.

Kajian Jaeger (2016) ini telah disokong oleh Rojas-Drummond, (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Explaining Literacy Development from a Bioecological Systems Framework: Affordances and Challenges: Commentary on Jaeger*. Rojas-Drummond (2016) menyatakan bahawa Jaeger telah memberikan satu meta-analisis kajian yang sangat berguna kepada pembaca yang menggunakan kerangka teoretikal Bronfenbrenner untuk mengkaji aspek perkembangan literasi. Kajian penerokaan yang telah dijalankan oleh Jaegar dengan menggunakan kriteria yang ketat dan teliti juga dapat dijadikan panduan untuk kajian empirikal pada masa hadapan kerana memberikan penjelasan yang tepat dan inklusif tentang perkembangan literasi. Penerangan Jaegar tentang bagaimana teori bioekologikal Bronfenbrenner ini digeneralisasikan dan diekstrapolasi dengan baik dapat digunakan secara komprehensif dan sistematik dalam perkembangan literasi. Rojas-Drummond (2016) juga turut menerangkan bahawa Jaegar telah menggunakan beberapa rajah bagi menjelaskan bagaimana tahap analisis yang berbeza mengikut pendapat Bronfrenbrenner diterjemahkan ke dalam domain literasi. Antaranya ialah (a) ciri-ciri peribadi pembaca dari permintaan, sumber dan kekuatan, (b) proses proksimal berlaku semasa pembaca berinteraksi dalam persekitaran sekolah (c) cara beberapa mikrosistem seperti rumah, rakan, sekolah dan komuniti berinteraksi pada tahap mesosistem literasi, dan (d) bagaimana kekuatan ekosistem dan makrosistem dapat mempengaruhi mesosistem literasi.

Selain memberikan komen tentang Jaegar dalam kajiannya, Rojas-Drummond (2016) turut memberikan pendapat peribadi tentang perkaitan antara Teori Bronfenbrenner dan perkembangan literasi. Rojas menyatakan bahawa walaupun Bronfenbrenner menganggap bahawa bahasa sebagai faktor penyumbang semasa menjelaskan tentang model *Process/Person/Context/Time*, namun teori Bronfenbrenner kurang memberi penekanan berbanding pendekatan teori lain seperti model linguistik fungsional sistemik dan teori sosiobudaya yang diperkenalkan oleh Halliday (1985).

PENGARUH KELUARGA, GURU DAN SEKOLAH TERHADAP PERKEMBANGAN LITERASI BAHASA

Pengaruh Keluarga

Keluarga didefinisikan sebagai sebuah institusi sosial yang paling kecil yang mana anggotanya adalah terdiri daripada kaum keluarga, saudara mara, kaum kerabat, dan sanak saudara. Kesemua anggota keluarga ini tinggal di dalam sebuah bangunan yang dipanggil rumah yang terdiri daripada pelbagai jenis dan ukurannya (Hendri Sufriadi, 2016, hal. 19). Keluarga merupakan elemen utama yang memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam bidang pendidikan.

Terdapat beberapa penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa terhadap perkembangan literasi bahasa. Antaranya ialah kajian Nurulhusna Abdul Malek (2017) yang meneliti penglibatan ibu bapa dalam aspek kognitif, sosial,emosi dan bahasa serta hubungannya dengan perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian; bahasa, komunikasi dan literasi awal; dan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak. Kajian yang berbentuk tinjauan ini telah menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 279 orang sampel ibu bapa dan kanak-kanak yang dipilih daripada beberapa buah Taska Permata Kemas di Negeri Perak dan Selangor. Data kajian yang diperoleh juga telah dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan tahap penglibatan ibu bapa dan perkembangan kanak-kanak manakala statistik inferensi menerangkan hubungan serta perbezaan antara pemboleh ubah. Hasil kajian mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam aspek bahasa menunjukkan nilai min tertinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek bahasa kemahiran membaca dengan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal (Nurulhusna Abdul Malek, 2017, hal. 97)

Selain itu, kajian Ruslida (2005) yang bertajuk 'Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Kanak-kanak Prasekolah dalam Kemahiran Asas Membaca' juga turut mengkaji perkaitan pengaruh ibu bapa terhadap perkembangan literasi membaca anak-anak mereka. Kajian ini telah mengkaji tentang penglibatan ibu bapa dalam empat aspek iaitu interaksi, meluangkan masa membaca dan bercerita, memberikan bimbingan dan sokongan material kepada anak-anak mereka di rumah. Bagi melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menggunakan sampel seramai 125 orang kanak-kanak prasekolah daripada lima buah prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia serta 125 orang ibu bapa di daerah Petaling Jaya, Selangor. Instrumen kajian ialah ujian kemahiran asas membaca untuk responden kanak-kanak manakala soal selidik pula dijawab oleh ibu bapa kanak-kanak prasekolah yang terlibat dalam ujian kemahiran asas membaca ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian kemahiran asas membaca kanak-kanak prasekolah.

Berdasarkan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa ibu bapa yang mengambil berat dan mengikuti perkembangan anak-anak mereka secara tidak langsung akan dapat membantu meningkatkan perkembangan emosi, sahsiah, tingkah laku dan akademik kanak-kanak tersebut (Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa, 2018, hal. 197). Hal ini kerana, kejayaan akademik anak-anak bukanlah dapat dicapai dengan mudah. Semua ini melibatkan satu proses yang panjang dan perlu dimulai oleh keluarga secara asasnya. Kemudian, barulah ianya diteruskan lagi bermula dari prasekolah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti. Oleh yang demikian, setiap ibu bapa haruslah bertindak dengan bijak dan arif dalam membimbing anak-anak mereka semasa berada dalam lingkungan keluarga. Hal ini sangat penting kerana keluarga yang harmoni secara tidak langsung akan dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang akademik dan stabil emosinya (Hendri Sufriadi, 2016, hal. 11)

Pengaruh Guru

Apabila kita berbicara mengenai pendidikan, salah satu komponen yang paling penting yang bertindak sebagai pelaksana ialah guru. Guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam membangunkan negara serta merupakan penggerak dalam memenuhi keperluan dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Oleh itu, peranan dan sumbangan guru amat diperlukan bagi melaksanakan segala yang telah direncanakan oleh pihak kerajaan sebagai salah satu usaha pembaharuan dalam bidang pendidikan. Seorang guru yang baik juga seharusnya mempunyai kriteria yang diperlukan supaya dapat membangunkan potensi dan bakat yang ada dalam diri murid mereka. Ini jelas membuktikan bahawa guru memikul tanggungjawab

yang sangat besar dalam mendidik dan melahirkan generasi pewaris yang tidak hanya mempunyai pencapaian akademik yang baik malahan mempunyai akhlak yang terpuji (Yenice, 2009).

Oleh yang demikian, guru seharusnya membekalkan murid dengan segala isi kandungan pengajaran yang sepatutnya bagi memastikan mereka semua dapat menguasai literasi membaca. Seseorang guru yang berkualiti juga perlulah mempunyai kebolehan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap apa yang diajar kepada murid mereka serta mempunyai pengetahuan isi kandungan yang secukupnya dalam bidang yang diajar. Selain itu, faktor persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan berkualiti juga secara tidak langsung akan mempengaruhi proses pemindahan pembelajaran yang berkesan (Norhafizah Hamzah, 2017, hal. 7).

Interaksi yang baik antara guru dan murid juga secara tidak langsung dapat mewujudkan hubungan yang positif di dalam bilik darjah. Guru yang baik juga akan dapat menilai perubahan yang berlaku pada murid mereka serta mengetahui keperluan murid tersebut. Kepekaan guru terhadap keadaan bilik darjah juga akan memberikan impak yang besar kepada guru dan murid itu sendiri. Hal ini kerana, guru berupaya mencorakkan persekitaran bilik darjah supaya selesa dan seterusnya meningkatkan kemampuan murid untuk belajar. Persekitaran bilik darjah yang kondusif akan terhasil apabila wujudnya kerjasama dan interaksi yang berkesan antara guru dan murid. Apabila situasi pembelajaran menjadi menarik, maka minat murid terhadap pembelajaran dapat dipertingkatkan.

Murid akan berasa seronok untuk belajar kerana mereka dapat melakukan pelbagai aktiviti pembelajaran yang aktif dan memberangsangkan. Penglibatan aktif murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini akan memberikan impak yang lebih positif kepada mereka dan memudahkan mereka untuk menguasai kemahiran-kemahiran penting termasuklah kemahiran membaca. Guru seharusnya memainkan peranan penting dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang signifikan dan berkesan kepada murid-murid. Hal ini kerana, guru merupakan antara faktor penentu kejayaan dan kegagalan pembelajaran murid (Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya, 2016, hal. 103). Oleh itu, guru perlulah lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran supaya murid dapat belajar dan menguasai pengetahuan dengan lebih baik terutamanya dalam aspek literasi membaca.

Pengaruh Sekolah

Suasana yang tenteram dan selesa di sekolah adalah elemen yang sangat penting kepada murid dan guru dalam memastikan pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan berkesan. Hal ini kerana, murid menghabiskan hampir separuh daripada masa mereka di sekolah. Oleh itu, bilik darjah haruslah sentiasa kondusif dan mampu menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Reka bentuk fizikal bilik darjah termasuklah makmal, perpustakaan, bilik tayangan dan persekitaran dalaman yang lain akan memberikan kesan terhadap pembelajaran murid dan juga mempengaruhi penilaian oleh guru. Perspektif fizikal bagi bilik darjah boleh dilihat dari segi saiz dan bentuk, ruang, cahaya dalaman, warna, tema, tahap kebisingan, pilihan perabot dan susunan tempat duduk serta kemudahan teknologi yang moden yang disediakan (Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya, 2016, hal. 103).

Hal ini kerana, keadaan bilik darjah yang sesak akan menjadi penghalang kepada proses capaian matlamat pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu, persekitaran pembelajaran bilik darjah perlulah memenuhi keperluan guru, murid dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Peralatan, susun atur bilik darjah juga perlulah mampu merangsang pembelajaran, menggalakkan penglibatan aktif murid dan seterusnya memudahkan urusan guru. Penggunaan peralatan, pengurusan bilik darjah dan persekitaran yang baik secara tidak langsung akan dapat meningkatkan produktiviti pembelajaran dan menjanjikan keselesaan kepada murid-murid. Murid akan dapat memahami isi pelajaran dan melibatkan diri dengan aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran jika berada dalam suasana yang kondusif dan menenangkan fikiran.

Ketidakselesaan yang wujud di dalam bilik darjah juga akan mempengaruhi motivasi murid untuk belajar. Hal ini kerana, persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran fizikal juga boleh diumpamakan sebagai guru ketiga yang akan berperanan dalam membimbing pembelajaran di bilik darjah (Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya, 2016, hal. 104). Semua murid akan dapat memberi lebih tumpuan terhadap pembelajaran sekiranya mereka berada dalam situasi yang selamat dan selesa.

Justeru itu, semua sekolah perlulah membekalkan persekitaran pembelajaran yang baik samada daripada aspek fizikal dan psikososial terhadap murid-murid mereka. Kajian mendapati bahawa kekurangan

prasarana dan kemudahan pembelajaran, suasana pembelajaran yang tidak selesa dan selamat serta kondusif terutama di luar bandar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid (Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi Salleh, 2009). Kajian oleh Khadijah Kamaruzzaman dan Azimin Samsul Mohd Tazilan (2013) juga mendapati bahawa kebanyakan bilik darjah tidak menyediakan persekitaran yang selesa bagi memenuhi keperluan guru dan murid.

Murid pada hari ini sangat mengharapkan bilik darjah yang dilengkapi dengan peralatan berteknologi moden seperti komputer yang mencukupi serta mempunyai capaian internet yang pantas agar dapat memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Kelengkapan teknologi ini perlulah ditambah baik dan ditingkatkan dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan murid dalam pembelajaran. Hal ini kerana, penggunaan teknologi merupakan salah satu sumber pedagogi yang berkesan dan berpotensi dalam membantu guru dan murid ketika pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di dalam bilik darjah (Rawlins & Kehrwald, 2014).

Oleh itu, kemudahan persekitaran pembelajaranyang disediakan di sekolah perlu seiring dengan perkembangan teknologi bagi membantu murid mencapai kejayaan yang optimum terutamanya dalam literasi bahasa. Hal ini kerana, sumber pengetahuan pada hari ini bukan lagi hanya tertakluk kepada pengajaran guru semata-mata. Murid seharusnya diberi peluang untuk mendapat ilmu seluasnya daripada sumber yang pelbagai. Justeru itu, dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, berpusatkan murid serta memenuhi kepuasan guru dan murid, maka sewajarnya persekitaran bilik darjah dinilai semula dan dibuat penambahbaikan terutamanya dalam aspek kemudahan teknologi bagi meningkatkan lagi keberkesanan pembelajaran di dalam bilik darjah (Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim, 2010). Pihak sekolah perlulah memainkan peranan yang penting dalam perkara ini bagi memastikan warga mereka mendapat manfaat yang sebaiknya dan seterusnya melahirkan murid yang menguasai pelbagai kemahiran penting.

KESIMPULAN

Keluarga merupakan persekitaran terdekat yang memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang seimbang untuk kanak-kanak. Namun begitu, guru dan sekolah juga turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak secara tidak langsung. Perkara ini berlaku kerana, semua invidu yang melingkungi kehidupan kanak-kanak akan turut memberikan impak sama ada berbentuk positif mahupun negatif terhadap perkembangan kanak-kanak tersebut. Bentuk hubungan tersebut akan memberikan memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap perkembangan kanak-kanak. Misalnya, hubungan yang negatif akan menganggu emosi kanak-kanak dan sekali gus akan menjejaskan pelajaran dan kehidupan seharian kanak-kanak tersebut.

Perkara ini bertepatan dengan apa yang telah diperkatakan oleh Bronfenbrenner (1977) bahawa:

> *The experience of a child in daycare, in the classroom, or in the informal peer group may change his pattern of activities and interaction with parents or siblings in the home, or vice versa, with consequent implications for learning and development"* (hal. 523).

Hal ini membuktikan bahawa hubungan ibu bapa, guru dan pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kanak-kanak sama ada dalam aspek pencapaian akademik, akhlak, psikologi mahupun personaliti. Jika hubungan kerjasama itu berjaya, maka murid akan merasakan bahawa sekolah adalah merupakan sebuah tempat yang selamat serta memberikan kegembiraan dan keselesaan kepada mereka (Chavkin & William, 1998). Persekitaran pembelajaran yang kondusif juga akan dapat mewujudkan hubungan guru dan murid yang baik serta meningkatkan motivasi murid. Ini secara tidak langsung akan menaikkan lagi semangat murid untuk belajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid dari semasa ke semasa (Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya, 2016, hal. 103). Hal ini kerana, hubungan yang baik antara murid dan individu sekeliling akan menjadikan mereka insan yang seimbang psikologi dan seterusnya membantu mereka dalam meningkatkan penguasaan dalam akademik terutamanya dalam literasi membaca.

Dapatan ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Bronfenbrenner (1994), iaitu "the effects of family and school processes were greater than those attributable to socioeconomic status or race" (hal. 40). Perkara ini berlaku kerana, hubungan antara persekitaran memainkan peranan yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak. Hubungan persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak seperti keluarga, guru dan sekolah merupakan pengaruh penting dalam perkembangan psikologi kanak-kanak yang turut memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Ibu bapa dan guru dan pihak sekolah merupakan individu

penting yang terlibat dalam membentuk perkembangan kanak-kanak agar menjadi individu yang cemerlang dalam akademik dan seterusnya memiliki personaliti yang baik. Kesimpulannya, persekitaran yang positif akan membantu murid mencapai kecemerlangan manakala persekitaran yang negatif akan membantutkan semua usaha tersebut.

RUJUKAN

Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: research perspectives. *Developmental Psychology, 22*, 723-742.

Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological Models of Human Development. In *International Encyclopedia of Education*. Vol. 3, 2nd. Ed., 37-43.

Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya. (2016). Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar dan Keselesaan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, *6*(1), 101-120.

Che Nidzam, Che Ahmad, Kamisah, Osman & Lilia, Halim. (2010). Predictive Relationship Between Science Laboratory Learning Environment and Level of Students Satisfaction. *Jurnal Pendidikan Malaysia. 35*(2) 19-30.

Fong, C. P. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *5*(2), 1-11.

Halliday, M. (1985). *An introduction to functional grammar.* New York, NY: Routledge.

Hendri Sufriadi. (2016). *Pengaruh keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi dan pencapalan akademik dalam kalangan pelajar madrasah di Aceh.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia.

Jaeger, E. (2016). Negotiating Complexity: A Bioecological Systems Perspective on Literacy Development. *Human Development, 59*(4), 163-187. doi:10.2307/26765137

Khadijah Kamaruzzaman & Azimin Samsul Mohd Tazilan. (2013). Thermal Comfort Assessment of A Classroom in Tropical Climate Conditions. *Recent Advances in Energy, Environment & Development. 30*(1), 87-91.

Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Hamdan. (2018). Intervensi Penguasaan Menulis Literasi Bahasa Melayu Murid Menerusi Pendekatan Co-LINUS. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan 2017, 18*, 83-91.

Norhafizah Hamzah. (2017). *Analisis kepercayaan, persekitaran pengajaran dan pembelajaran serta pengetahuan isi kandungan terhadap pendekatan pengajaran guru Biologi.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia.

Nurulhusna Abdul Malek. (2017). *Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan holistik kanak-kanak di Taska Permata Kemas.* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia.

Rawlins, P., & Kehrwald, B. (2014). Integrating educational technologies into teacher education: A case study. *Innovations in Education and Teaching International*. *51*(2), 207-217. doi: 10.1080/14703297.2013.770266

Reay, D. (2004). Education and Cultural Capital: The implications of changing trends in education policies. *Cultural Trends, 13*(2), 73-86.

Rojas-Drummond, S. (2016). Explaining Literacy Development from a bioecological systems framework: Affordances and challenges: commentary on Jaeger. *Human Development, 59*(4), 188-194. doi:10.2307/26765138

Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2018). Mesosistem dalam novel kanak-kanak terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu, 29,* 181-200.

Tudge, J. (2016). Implicit versus explicit ways of using Bronfenbrenner's bioecological theory: Commentary on Jaeger. *Human Development, 59*(4), 195-199. doi:10.2307/26765139

Yenice, N. (2009). Search of Science teacher's teacher efficacy and self-efficacy levels relating to science teaching for some variables. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1062-1067

Rohaty Mohd. Mazjub. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ruslida Che Man (2005) *Hubungan penglibatan ibubapa dengan pencapaian kanak-kanak prasekolah dalam kemahiran asas membaca.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2019). Literacy. https://en.unesco.org/themes/literacy, dimuat turun pada 10 Julai 2020.

Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and language*. Cambridge, MA: MIT Press.

Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes.* Cambridge, MA: Harvard University Press.

Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi Salleh. (2009, 3-5 Februari). Memperkasakan pendidikan luar bandar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar.* Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

PENGETAHUAN AWAL MATEMATIK KANAK-KANAK BERDASARKAN PRINSIP PERANCANGAN DALAM ANIMASI *UPIN DAN IPIN*

Norsaliza Mohd Shuhaini, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
saliza@pbmpu.edu.my

Shahril Ismail, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
shahril.ismail@pbmpu.edu.my

ABSTRAK

Pengalaman kemahiran nombor dalam persekitaran berangka menyumbang kepada pembangunan kognitif kanak-kanak. Pengalaman persekitaran awal Matematik kanak-kanak berpindah dari semua pengalaman, bahan dan kehidupan sosial mereka lebih-lebih lagi melalui penglibatan secara langsung ibu bapa atau orang lain dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis pembinaan peringkat-peringkat dalam Prinsip Perancangan dalam kandungan transkripsi video animasi *Upin dan Ipin.* Penganalisisan terhadap peringkat-peringkat yang terkandung dalam Prinsip Perancangan dalam menguruskan perkembangan kognitif kanak-kanak yang diutarakan dalam Pendekatan Pengurusan (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2013) amat signifikan dan relevan dalam memperjelas kreativiti kanak-kanak dalam melakukan proses pemikiran dan tindakan daripada satu peringkat ke satu peringkat yang lain untuk mencapai matlamat. Perancangan yang dibentuk tidak memadai tanpa strategi yang bijak. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dua kaedah, iaitu Kaedah Kepustakaan dan Kaedah Analisis Kandungan Transkripsi Video dengan menerapkan Pendekatan Kajian Kualitatif dengan reka bentuk Fenomenologi. Hasil analisis menunjukkan pemaparan kandungan video animasi *Upin dan Ipin* dilihat mempamerkan keupayaan kanak-kanak merancang tanpa sengaja dan tiada paksaan melalui proses pengalaman persekitaran berangka. Kesimpulannya, Prinsip Perancangan yang ditonjolkan ini amat signifikan untuk memperlihatkan pengurusan perancangan kanak-kanak berlaku melalui kebijakan ibu bapa berdasarkan kelangsungan mod pengajaran dalam persekitaran numerasi rumah yang berperanan dalam menyokong dan dorongan ingin tahu yang wujud dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci: animasi Upin dan Ipin, pendekatan pengurusan, prinsip perancangan, peringkat-peringkat perancangan, awal Matematik

PENGENALAN

Menelusuri era kepintaran si cilik, kajian yang memfokus terhadap aspek pembelajaran kanak-kanak terutama kemahiran awal matematik menjadi subjek kajian para pengkaji berbanding banyaknya kajian yang berkaitan perubahan sikap kanak-kanak. Terdahulu, kajian-kajian pembelajaran matematik yang melibatkan operasi pengiraan lebih berfokus kepada bilangan kanak-kanak yang berkemahiran Matematik berbanding kajian-kajian yang melihat kanak-kanak dari sudut mempunyai kemahiran Awal Matematik yang pelbagai. Pembelajaran nombor bermula dari operasi pengiraan yang paling asas. Pendapat Chin (2013) menjelaskan "penguasaan pengiraan asas adalah penting bagi membolehkan kanak-kanak menggunakan nombor dengan bebas bagi tujuan operasi berbeza (seperti operasi bahagi dan darab) tanpa perlu untuk sentiasa membuat penghitungan" (hal. 9).

Memetik pandangan (Blevins-Knabe & Austin, 2016) pula bidang Matematik berkembang lebih konsisten tambahan lagi apabila kemahiran berangka hanya melibatkan kanak-kanak yang mempunyai pelbagai kemahiran Matematik kesan daripada persekitaran rumah. Penelitian kajian yang dijalankan memperjelaskan terdapat tiga aliran dalam kajian yang menyimpulkan bahawa pembangunan kognitif kanak-kanak dipengaruhi persekitaran awal Matematik kanak-kanak tersebut.

Dapatan awal kajian Eccles et al. (1993) membuktikan bahawa ibu bapa membawa pengaruh yang dominan kepada pembangunan kognitif dan pencapaian akademik kanak-kanak. Yang kedua pula merujuk LeFevra, Clarke, dan Stringer (2002) yang mendapati perkembangan literasi kanak-kanak dipengaruhi persekitaran celik huruf. Selanjutnya, penyelidikan (Bradley, 2010) pula mendedahkan bahawa pembangunan kognitif diukur oleh pemerhatian rumah dalam aspek pengiraan kesan daripada persekitaran rumah.

Bahkan, kajian terawal Durkin, Shire, Riem, Crowther, dan Rutter (1986) dan Young-Loveridge (1989) telah terlebih dahulu membuktikan kesan persekitaran rumah terhadap kemahiran nombor kanak-kanak melalui gambaran persekitaran numerasi rumah dalam menyumbang kepada prestasi kanak-kanak. Para penyelidik turut menekankan bahawa pembelajaran penomboran dikesan melalui interaksi antara ibu dan anak. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Young-Loveridge (1989) dengan mendapati kepelbagaian aktiviti dan kegiatan penomboran dalam persekitaran rumah saling berkait rapat dengan prestasi kanak-kanak.

Tambahan lagi, kajian Young-Loveridge (1989) turut membuktikan kesahihan kajian Saxe, Guberman, dan Gearhart (1987) yang mendapati pengiraan kanak-kanak dipengaruhi oleh keadaan sosial persekitaran rumah yang mendapati ketika aktiviti bermain si ibu kerap mengajar anak-anak mereka mengira. Selanjutnya, kajian semula dari tahun 2000 hingga kini (De Florio & Beliakoff, 2015; Huntsinger, Jose, & Luo, 2016) berhubung kesan persekitaran rumah terhadap perkembangan Matematik kanak-kanak menunjukkan kerasionalan kajian kini selaras dengan matlamat dapatan kajian terdahulu. Kajian merumuskan bahawa pemahaman pengaruh persekitaran rumah terhadap kemahiran pengiraan awal meramalkan prestasi akademik seseorang kanak-kanak.

Namun, lain pula dengan kajian yang menemukan dapatan bahawa kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah mempunyai tahap kemahiran Matematik yang lebih rendah. Kajian ini telah dijalankan oleh Missal Hionoski, Askie dan Repasky (2015) yang melihat kewujudan hubung kait kajian ini dengan pembelajaran Matematik kanak-kanak melalui transkripsi kajian. Hal ini demikian kerana pengkaji melihat transkrip ini mengandungi pembelajaran berangka tanpa disedari wujud dalam persekitaran keluarga berpendapatan rendah dan kajian ini telah mencadangkan variasi pengiraan dalam persekitaran rumah sebagai jalan penyelesaian.

Berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Foci (dalam Tudge & Stanley, 2008) melalui penggunaan kedua-dua Teori Piaget dan Vygotsky. Kajian dengan jelas menunjukkan bahawa pengalaman memainkan peranan dalam pembangunan Matematik kanak-kanak. Bagi Teori Piaget meskipun kesalahfahaman yang wujud merendahkan peranan persekitaran sosial tetapi melalui kedudukan kanak-kanak berpindah dari semua pengalaman, bahan dan kehidupan sosial mereka lebih-lebih lagi apabila penglibatan secara langsung ibu bapa atau orang lain turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.

Rangsangan tugas keibubapaan secara langsung atau tidak langsung turut mempengaruhi kebolehcapaian tinggi dalam maklumat Matematik yang wujud dalam alam sekitar anak-anak. Perbezaan antara pengalaman pengiraan rumah langsung dan tidak langsung dilihat oleh pengkajin LeFevre et al. (2009) berdasarkan kesungguhan ibu bapa mengajar anak-anak. Pengalaman pengiraan secara langsung melibatkan pengajaran yang disengajakan tentang Matematik. Malahan, pengiraan rumah secara tidak langsung pula melibatkan pengiraan berangka termasuk aktiviti tidak rasmi seperti memberi peluang untuk menyatakan pendapat tentang Matematik di samping menjadikan pembelajaran Matematik sebagai bukan matlamat utama.

Perkembangan kognitif kanak-kanak juga dilihat melalui peranan ibu bapa dan orang dewasa yang mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan persekitaran fizikal dan sosial untuk kanak-kanak. Tiada penanda aras yang menakrifkan kekerapan aktiviti pengiraan rumah perlu dilakukan dapat memberi kesan kepada perkembangan kemahiran Matematik kanak-kanak. Dengan yang demikian, kajian-kajian ini memberikan bukti bahawa persekitaran rumah sememangnya bersesuaian untuk menunjukkan prestasi kanak-kanak dalam mempengaruhi semua jenis pembangunan kognitif termasuklah pembangunan Matematik seperti mana yang terkandung dalam Kurikulum Permata Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008).

PRINSIP PERANCANGAN DALAM PENDEKATAN PENGURUSAN

Pendekatan Pengurusan dalam dunia kritikan sastera di Malaysia menjadi satu pendekatan moden yang telah dirangka oleh pengasasnya Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013). Para pengkritik tempatan masih belum meneroka secara serius Pendekatan Pengurusan ini. Penampilannya dijangkakan membawa satu aliran

pemikiran baharu dan transformasi dalam dunia kritikan sastera disebabkan faktor pengurusan menjadi entiti yang dianggap terasing dan terpinggir dalam dunia kesusasteraan.

Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013), menjelaskan Pendekatan Pengurusan menjadi pendekatan yang meneliti karya sastera dengan mengaplikasikan lima kerangka prinsip asas pengurusan, iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan dan Prinsip Pengawalan yang dapat diaplikasikan dalam karya-karya sastera tempatan. Pengaplikasian prinsip-prinsip ini disarankan diteliti terhadap aspek berkaitan struktur teks, iaitu dari segi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan pemikiran.

Secara rangkumnya, Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) telah menggariskan Prinsip Perancangan sebagai prinsip pertama yang disarankan dalam Kerangka Pendekatan Pengurusan ini. Berdasarkan tafsiran Azman Che Omar (dalam Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016) menyatakan bahawa perancangan menjadi "satu proses menentukan objektif yang dikehendaki dan seterusnya membina strategi-strategi tindakan yang sesuai di samping mengambil kira faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran" (hlmn. 30). Melalui Prinsip Perancangan ini, Mohammad Mokhtar Abu Hassan (dalam Mohamad Zuber Ismail, 2017) telah mencadangkan satu rajah berkenaan dimensi perancangan berdasarkan peringkat-peringkat perancangan seperti yang dipaparkan berikut:

RAJAH 1 Peringkat-peringkat perancangan

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Minda kanak-kanak secara semula jadi sangat mudah dikawal dan dikuasai melalui pemerhatian dan persekitaran Hal ini bertepatan dengan pandangan Bandura (1973) yang menjelaskan pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak, iaitu pada praoperasi konkrit dua hingga tujuh tahun, pemerhatian terhadap persekitaran sangat mempengaruhi tingkah laku seharian Bahkan, kanak-kanak mudah terpengaruh secara semula jadi melalui pengolahan apa yang dilihat dan apa yang didengar dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, kanak-kanak perlu cekap dalam pemikiran kritikal, menyelesaikan masalah dan rasa ingin tahu yang menebal lebih-lebih lagi untuk menjayakan diri dalam dunia yang kerap berubah dek arus pemodenan.

Rangsangan keraguan dan timbulnya permasalahan melahirkan pemikiran yang cerdas dalam diri kanak-kanak. Tujuan seseorang berfikir dan bertindak pula lahir daripada pentafsiran rangsangan dengan membuat pertimbangan dan keputusan yang rasional terhadap msalah yang dihadapi. Upin, Ipin dan Mail menjadi penimbulan watak kanak-kanak praoperasi yang berada pada berkeupayaan berfikir secara logik tetapi masih terbatas. Berikutan penjelasan ini, perbincangan selanjutnya diteliti berdasarkan struktur cerita dalam episod 'Usahawan Muda' yang memberi fokus utama kepada Prinsip Perancangan yang menggerakkan kemahiran awal matematik kanak-kanak melalui keterampilan watak dan isu yang diketengahkan dalam episod ini.

Perancangan Upin, Ipin dan Mail sebagai watak kanak-kanak dalam kajian ini memfokus kepada tanggapan refleksi yang berupaya membuktikan bahawa dengan adanya pengiraan rumah dan pemerhatian persekitaran mendorong kanak-kanak membuat perancangan bagi menjayakan isu yang diketengahkan melalui pengaruh watak dewasa abang Salleh. Melalui pengiraan rumah ini, pengkaji memperlihatkan keupayaan kanak-kanak membuat perancangan secara tidak langsung dalam menyelesaikan isu yang dibangkitkan dalam episod yang dianalisis di samping penampakan peranan dan pengaruh watak dewasa kuat dalam isu kajian melalui kearifan tempatan kepengarangan episod ini.

Kemahiran Awal Matematik Mail

Pengiraan rumah bagi watak Mail dilihat menerusi sikap semula jadi Mail yang dipaparkan oleh pengarang episod Upin dan Ipin ini sebagai seorang watak kanak-kanak yang gemar berniaga. Mail dilahirkan dalam golongan keluarga yang mempunyai latar belakang perniagaan. Mail sebagai watak-kanak-kanak prasekolah yang ditonjolkan oleh pengarang sentiasa membantu ibunya menjual ayam bakar di pasar. Izham abag kepada Mail juga turut berniaga keropok di universiti. Malahan, Mail juga terkenal sebagai watak-kanak-kanak yang akan menjual apa sahaja dengan sebutan "Dua singgit" selagi barang yang dijual boleh memberi keuntungan kepadanya. Pengaruh persekitaran pengiraan umah yang dipamerkan oleh ibu dan abangnya turut mendorong Mail untuk berniaga disebabkan kemahirannya dalam pengiraan secara tidak langsung.

Pengarang dalam episod ini mendedahkan Mail sebagai watak kanak-kanak yang bijak mengira. Hal ini dapat diperhatikan dalam jadual berikut yang menunjukkan berlakunya konteks pengiraan mudah dalam dunia kanak-kanak praoperasi.

JADUAL 1 Pengiraan mudah watak Mail sebelum ceper dijual

Watak	Petikan Dialog	Kod
Abang Salleh	Itulah, berniaga ni bukan senang	UMB2D65
Mail	Ha, kita jual dua singgit	UMB2D66

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan watak abang Salleh sebagai watak dewasa yang mencetus kepada terpengaruhnya watak kanak-kanak Mail untuk turut berniaga secara dalam talian, Disebabkan Mail yang sudah terbiasa dengan jualan yang mudah tetapi memberi keuntungan dengan cepat, Mail mencadangkan supaya cepernya (penutup botol minuman) dijual dua RM1. Manakala, watak abang Salleh pula menjelaskan tentang kesukaran berniaga secara dalam talian. Meskipun percanggahan pendapat berlaku antara watak Mail dan abang Salleh, tetapi kepengarangan episod ini membawa nilai murni melalui tontonan kepada kanak-kanak, iaitu dengan menunjukkan sifat saling hormat menghormati watak kanak-kanak kepada watak dewasa apabila Mail menyetujui cadangan abang Salleh untuk membuat promosi. Selesai membuat promosi, sekali lagi watak Mail menonjol dengan kemahiran mengiranya apabila Mail dengan mudah menyatakan dia akan kaya kerana cepernya berjaya dijual. Perhatikan jadual selanjutnya.

JADUAL 2 Pengiraan mudah watak Mail setelah ceper dijual

Watak	Petikan Dialog	Kod
Mail	Wah, laku ceper aku. Matanya memandang skrin komputer riba abang Salleh. 15 ceper berjaya dijual. Wah ada lagi.kayalah aku.	UMB3D1
Upin	Ceper lagi.mengeluh. Apa ni bang, ceper je yang laku.	UMB3D2

Jadual yang dipaparkan dengan jelas menunjukkan Mail bijak dalam pengiraan. Melalui tatapan hanya diskrin komputer riba abang salleh, Mail menjelaskan dia menjadi kaya apabila 15 cepernya berjaya dijual dengan harga RM 1 menjadikan keuntungannya sebanyak RM15 berbanding jika dijual RM1 tetapi mendapat

dua ceper. Begitu juga apabila dia melihat angka 100 pada skrin komputer riba abang Salleh yang mejelaskan Mail juga bijak mengenal nombir besar sama seperti dalam jadual yang selanjutnya.

JADUAL 3 Mail mengenal nombor

Watak	Petikan Dialog	Kod
Mail	Wah, orang ni pesan 100 layang-layang.	UMB3D7
Upin	Wah.	UMB3D10

Kemahiran Awal Matematik Upin dan Ipin

Kemahiran awal matematik Upin dan Ipin berbeza dengan bimbingan pengiraan rumah watak kanak-kanak Mail. Watak kanak-kanak Upin dan Ipin dilatarkan oleh pengarangnya sebagai watak kanak-kanak yang bukannya lahir dalam keluarga yang berniaga. Kedua-dua kanak-kanak ini hanya mendapat bimbingan watak dewasa dalam keluarga, iaitu Kak Ros yang sering mendedahkan kanak-kanak ini dengan pengiraan mudah dalam latar penceritaan episod Upin dan Ipin dan didikan di sekolah. Meskipun, Upin dan Ipin tidak didedahkan dengan persekitaran perniagaan, tetapi watak kanak-kanak ini terdedah dengan pemerhatian watak dewasa dan pengaruh rakan sebaya seperti Mail. Upin dan Ipin yang terpengaruh dengan aktiviti abang salleh berniaga secara dalam talian turut mendorong watak kanak-kanak ini berfikir untuk menjual sesuatu yang menguntungkan sepertimana keuntungan yang diterima oleh abang salleh yang menjual barang-barang hantaran perkahwinan.

JADUAL 4 Pengaruh watak dewasa abang Salleh

Watak	Petikan Dialog	Kod
Mail	Tempahan? Dalam komputer?	UMB1D6
Upin	Haah, guna internet	UMB1D7
Abang Salleh	Untungggg…	UMB1D8
Ipin	Ha? Macamana eh?	UMB1D9

Perkataan ‘untung’ yang disebut oleh abang Salleh membangkitkan keterujaan kanak-kanak tersebut untuk turut sama berniaga secara dalam talian meskipun tidak mempunyai ilmu perniagaan sepertimana yang dimiliki oleh abang Salleh. Disebabkan keterujaan dan sikap ingin tahu kananak-kanak ini, Ipin menyuarakan pertanyaan supaya abang Salleh dapat mengajarnya cara perniagaan yang memberi wang yang banyak.

JADUAL 4 Upin dan Ipin memujuk Tok Dalang

Watak	Petikan Dialog	Kod
Ipin	Cantikkan. Menunjukkan layang-layang yang dibuat oleh atok kepada Upin	UMB1D32
Tok Dalang	Memang lah, kan atok yang buat	UMB1D33
Upin	Aaa … Atok, kalau jual ni mesti laku	UMB1D34
Ipin	Betul betul betul	UMB1D35

Tok Dalang	Nak jual? eh eh jual kat kampung ni mana nak laku. Semua orang boleh buat sendiri.	UMB1D36
Upin	Jual kat internet lah tok. Abang Salleh pun buat ma-cam tu.	UMB1D37
Tok Dalang	Iya? Laku ke?	UMB1D38
Upin	Atok buat la banyak-banyak. Kitorang jualkan.	UMB1D39

Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi perbualan antara Upin dan Ipin bersama tok Dalang untuk memujuk Tok Dalang membuat layang-layang supaya mereka dapat berniaga sepertimana yang dilakukan oleh abang Salleh. Meskipun mendapat halangan daripada kata-kata tok dalang 'laku ke?" tetapi Upin tetap berkeras mahu menjual dengan mengeluarkan ayat "Atok buat la banyak-banyak. Kitorang jualkan". Dalam konteks ini, kanak-kanak berupaya berfikiran logik tetapi kelogikan yang terbatas tanpa menghiraukan aspek kerugian. Bagi tanggapan awal kanak-kanak ini apa sahaja yang dijual akan membawa keuntungan.

JADUAL 5 Upin dan Ipin mengenal nombor besar

Watak	Petikan Dialog	Kod
Abang Salleh	Ada ke 100 layang-layang?	UMB3D11
Upin dan Ipin	mengira jari	UMB3D12

Selanjutnya, struktur penceritaan ini turut mempamerkan watak kanka-kanak Upin dan Ipin yang mengenal nombor. Hal ini dapat dilihat melalui dialog abang Salleh yang menyebut serratus dan Upin dan Ipin mula mengira jari. Hal ini menunjukkan Upin dan Ipin mengenal bahawa 100 adalah jumlah yang besar. Hal ini dibuktikan lagi melalui jadual dalam dialog perbualan Upin dan Ipin bersama Tok Dalang tentang isu 100 keping layang-layang yang ditempah orang secara dalam talian.

JADUAL 6 Perbualan tempahan 100 keping layang-layang

Watak	Petikan Dialog	Kod
Abang Salleh	Atok, laku tok. Layang-layang laku.	UMB3D12
Upin dan Ipin	Atok buat mestilah laku.	UMB3D13
Ipin	Orang tu nak 100 layang-layang. Ade ke?	UMB3D14
Tok Dalang	Iskh, banyaknya, atok buat sikit je.	UMB3D15
Upin	Huh, macamana ni.	UMB3D16
Ipin	Atok, atok buatlah lagi	UMB3D17

Mahu atau tidak mahu, Upin dan Ipin terus memujuk Tok Dalang untuk menyiapkan 100 keping layang-layang yang telah ditempah. Dalam keadaan ini, Upin dan Ipin sendiri tidak mengira keuntungan 100 keping layang-layang bersamaan RM 500 apabila sekeping layang-layang terjual dengan harga promosi RM5. Tetapi, dalam keadaan ini, Upin dan Ipin hanya memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah tempahan yang diterima dan perkataan untung yang disebut oleh abang Salleh. Setelah semuanya selesai, barulah Upin

dan Ipin mula menunjukkan kemahiran pengiraan awal matematik apabila mereka menerima wang keuntungan. Hal ini didedahkan pada dialog anatara Upin dan Ipin berdasarkan bahagian 3 episod ini.

JADUAL 7 Hasil jualan dalam talian

Watak	Petikan Dialog	Kod
Upin	Akak akak tengok ni, sambil menunjukkan duit.	UMB3D28
Kak Ros	ha?banyaknya	UMB3D29
Upin	Inilah duit yang kitorang dapat.	UMB3D30

Menerusi dialog dalam jadual ini menunjukkan watak kanak-kanak ini mengetahui pengiraan apabila Upin menunjukkan wang hasil jualan layang-layang secara dalam talian. Meskipun tidak menyebut jumlahnya tetapi mereka sedikit merungut apabila kakaknya meminta wang tersebut untuk disimpan seperti dialog yang berikut "ala kak, kitorang nak…". Namun, hasil pujukan dan tawaran lain yang diberikan oleh kak Ros, akhirnya kedua-dua kanak-kanak ini bersetuju apabila pengiraan awal matematik berlaku pada dialog watak Ipin sepertimana yang dipaparkan dalam jadual selanjutnya.

JADUAL 8 Ipin bijak mengira

Watak	Petikan Dialog	Kod
Kak Ros	Dengan kad tu korang boleh beli barang setakat 50 ringgit je, paham	UMB3D38
Ipin	Aku 50 campur duit kau 50 dah…uuu banyak.	UMB3D39
Kak Ros	Eh …duit tu untuk belanja sebulan .Beli apa yang patut je.	UMB3D40
Upin	Paham ...Terima kasih, sayang akk.	UMB3D41

Dialog dalam jadual ini menunjukkan kepintaran Ipin dalam mengira operasi tambah apabila kak Ros memberi mereka masing-masing kad yang bernilai RM50. Meskipun nilainya tidak sama dengan keuntungan yang mereka peroleh hasil jualan layang-layang secara dalam talian, tetapi Ipin membuat operasi penambahan wangnya denagn wang Upin dan nilainya menjadi banyak.

Hasil penelitian pengkaji, ketiga-tiga kanak-kanak ini, iaitu Upin, Ipin dan Mail mempunyai kemahiran mengira awal matematik yang mudah hasil daripada pengaruh persekitaran dan pemerhatian. Berdasarkan adanya kemahiran awal matematik mudah ini telah membawa wattak kanak-kanak ini membuat perancangan perniagaan secara dalam talian secara tidak langsung melalui pemerhatian, dan bimbingan watak dewasa abang salleh. Hal ini dirumuskan oleh pengkaji menerusi peringkat-peringkat perancangan kanak-kanak ini dalam menjayakan impian mereka berniaga. Perhatikan carta alir peringkat-peringkat perancangan kanak-kanak ini yang berlaku tanpa disedari oleh kanak-kanak tersebut.

Perancangan dalam episod ini ditunjukkan dengan jelas berlaku pada rajah 1 carta alir peringkat perancangan watak kanak-kanak yang bermula dengan menetapkan objektif, iaitu berniaga secara dalam untuk mendapatkan untung sepertimana yang diperolehi oleh abang Salleh sebagai watak yang membawa kepada penggerak perancangan watak kanak-kanak ini. Setelah menentukan objektif peringkat selanjutnya beralih kepada bentuk strategi. Melalui peringkat ini kepengarangan episod ini menjadikan menjual barang secara dalam talian sebagai bentuk strategi dalam peringkat perancangan kedua terkesan daripada pengaruh watak abang Salleh yang menjual barang-barang perkahwinan. Kearifan pengarang episod ini terus membawa watak kanak-kanak ini ke peringkat perancangan seterusnya, iaitu ke peringkat pilihan alternatif cara yang boleh

digunakan untuk menjual layang-layang dan ceper (penutup botol) memandangkan watak-watak dalam cerita ini tinggal di kampung. Malahan, barang yang hendak dijual terlalu mudah untuk didapati di kawasan perkampungan.

Peringkat selanjutnya beralih kepada peringkat pilih satu cara bagi perancangan yang dibuat. Pada peringkat ini pilihan yang dibuat oleh kanak-kanak ini adalah menjual layang-layang dan ceper secara dalam talian memandangkan watak penggerak perancangan kanak-kanak ini terlibat dalam penjualan barang secara dalam talian. Setelah barang yang hendak dijual tersedia, abang Salleh sebagai watak pemudah cara memilih satu cara dengan memuat naik ke laman web jualan. Namun, peringkat perancangan beralih ke peringkat kelima apabila barang yang dijual tidak mendapat permintaan. Perhatikan pergerakan perancangan dalam rajah yang berikut:



RAJAH 1 Aliran Perancangan Upin, Ipin dan Mail [Peringkat Perancangan]

Hasilnya, berdasarkan carta ini memperlihatkan peringkat kaji semula perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah ini. Pada peringkat ini berlaku perbincangan antara watak abang Salleh dengan watak kanak-kanak, iaitu Upin, Ipin dan Mail. Mail mencadangkan supaya barang tersebut dijual dengan harga dua seringgit tetapi ditegah oleh abang Salleh dengan alasan mereka akan mengalami kerugian berdasarkan jadual yang berikut.

JADUAL 8 Perbualan kaji semula kegagalan

Watak	Petikan Dialog	Kod
Mail	Ha, kita jual murah 2 singgit.	UMB2D66
Abang Salleh	Ha? Mana boleh.Rugi.	UMB3D67

Bagi menjayakan rancangan kanak-kanak ini untuk berniaga, pengarang melalui watak abang Salleh membawa kanak-kanak ini ke peringkat membuat keputusan. Hasilnya abang Salleh mencadangkan mereka membuat promosi dan akhirnya barang dijual mendapat tempahan yang banyak dan ketiga-tiga kanak-kanak itu mendapat keuntungan masing-masing.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dan analisis kajian yang dijalankan dengan menggunakan Prinsip Perancangan dalam episod Upin dan Ipin 'Usahawan Muda' memperlihatkan pengaplikasian prinsip perancangan ini berkecenderungan yang tinggi dalam struktur cerita kepengarangan episod Upin dan Ipin. Hal ini dengan jelas dan mempamerkan kesignifikan dan kerevelanan pengiraan rumah atau pengiraan awal matematik kanak-kanak dalam mengupayakan kanak-kanak mencapai matlamat mereka. Analisis struktur cerita yang dilakukan secara terperinci dalam episod ini memperlihatkan pengaplikasian peringkat-peringkat perancangan yang diketengahkan oleh pengarang di samping mewujudkan watak pencetus perancangan, iaitu aspek pemerhatian dan pengaruh watak dewasa dalam persekitaran. Bertepatan dengan sarana prinsip ini, tanpa perancangan yang rapi dan bersistematik, matlamat yang dirancang tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, dalam sesuatu perancangan kehadiran kepimpinan sangat diperlukan bagi mengatur langkah-langkah strategik dalam mencapai hala tuju yang jelas.

RUJUKAN

Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learning analysis.* New Jersey: Printice Hall.

Blevins-Knabe, B., & Austin, A.M.B. (2016). *Early chilhood Mathematics skill development in the home enviroment.* USA: Springer.

Chin, K. E. (2013). *Making sense of Mathematics: Supportive and problematics conceptions with special reference to trigonometry*. (Tesis Phd yang tidak diterbitkan). University of Warwick, UK.

De Florio, L., & Beliakoff, A. (2015). Socioeconomic status and preschoolers' Mathematical knowledge: The contribution of home activities and parent beliefs. *Early Education and Development*, *26*(3), 319–341. doi: 10.1080/10409289.2015.968239.

Durkin, K., Shire, B., Riem, R., Crowther, R. D., & Rutter, D. R. (1986). The social and linguistic context of early number word use. *British Journal of Developmental Psychology, 4*(3), 269–288. doi: 10.1111/j.2044-835X.1986.tb01018.x.

Eccles, J. S., Arberton, A., Buchanan, C. M., Janis, J., Flanagan, C., Harold, R., … Reuman, D. (1993). School and family effects on the ontogeny of children's interests, self-perceptions, and activity choices. Dalam J. E. Jacobs, & R. M. Ryan (Eds.). *Developmental Perspectives on Motivation* (hal. 55-67). Lincoln, NE: University of Nebraska Press.

Huntsinger, C., Jose, P., & Luo, Z. (2016). Parental facilitation of early Mathematics and reading skills and knowledge through encouragement of home-based activities. *Early Childhood Research Quarterly, 37*, 1–15. doi: 10.1016/j.ecresq.2016.02.005.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Kurikulum Permata Negara*. https://www.academia.edu.

LeFevre, J.-A., Skwarchuk, S.-L., Smith-Chant, B. L., Fast, L., Kamawar, D., & Bisanz, J. (2009). Home numeracy experiences and children's Math performance in the early school years. *Canadian Journal of Behavioural Science/Revue Canadienne Des Sciences Du Comportement, 41*(2), 55–66. doi.org/10.1037/a0014532

Missall, K., Hojnoski, R. L., Caskie, G. L., & Repasky, P. (2015). Home numeracy environments of preschoolers: Examining relations among Mathematical activities, parent Mathematical beliefs, and early Mathematical skills. *Early Education and Development, 26*(3), 356–376. doi: 10.1080/10409289.2015.968243 .

Mohd Zuber Ismail, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Dimensi perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa*: Kajian pendekatan pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu, 27,* 25-44.

Mohamad Mokhtar Hassan. (2013). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera. *Himpunan Ilmuan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 4-5 Oktober, Perak.

Mohamad Zuber Ismail. (2017*).* Cerita lipur lara terpilih berdasarkan pendekatan pengurusan. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Saxe, G. B., Guberman, S. R., & Gearhart, M. (1987). Social processes in early number development. *Monographs of the Society for Research in Child Development, 52*(2), 162. doi: 10.2307/1166071.

Tudge, J., Li, L., & Stanley, T. K. (2008). The impact of method on assessing young children's everyday mathematical experiences. Dalam O. Saracho & B. Spodak (Eds.), *Contemporary perspectives on mathematics in early childhood education* (hal. 187–214). Charlotte, NC: Information Age Publishing

Upin dan Ipin terbaru. (2017, Oktober 12). *Upin dan Ipin Usahawan Muda* [video]. https://youtu.be/iPv-JkqDyQl0

Young-Loveridge, J. M. (1989). The relationship between children's home experience and their Mathematical skills on entry to school. *Early Child Development and Care, 43*, 43–59.doi: 10.1080/0300443890430105

STRATEGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN JENIS PERBINCANGAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN EMPAT ARAS SEDERHANA

Richard Ignacy
Universiti Putra Malaysia
rignacy82@gmail.com

Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Objektif pendidikan Bahasa Melayu (KSSM dan KBSM) bahawa, setiap murid sekolah perlu menguasai kemahiran menulis berpandukan penggunaan tatabahasa yang betul dari aspek perkataan, ayat, sistem bahasa, ejaan dan tulisan yang kemas. Kemahiran menulis merupakan kemahiran aras tinggi. Murid-murid perlu mempunyai penguasaan yang baik dari aspek penulisan pendahuluan, pengolahan idea dan bahagian penutup karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis, menarik dan matang (KPM, 2014). Walau bagaimanapun, penguasaan murid-murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu (BM) masih dalam pencapaian masih lemah dan sederhana. Selain itu, latar belakang murid yang pelbagai, murid-murid tidak didedahkan dengan bahan bacaan ilmiah, keterhadan perbendaharaan kata dan kekangan penggunaan BM di rumah merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru BM di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertumpu kepada kaedah penulisan karangan yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran menulis murid-murid tingkatan empat dengan memfokuskan karangan jenis perbincangan. Objektif khusus kajian ini adalah mengaplikasikan kaedah UMIBaKaP dan bahan bantu mengajar (Fail KFC) bagi meningkatkan kualiti penulisan karangan. Kajian ini menggunakan Rangka Kerja Gradual Release of Responsibility (GRRF) dan Model Pembelajaran Kolaboratif (Reid,1989) yang menjadi panduan utama untuk melihat keberkesanan strategi pengajaran yang berpusatkan murid-murid. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Instrumen yang diaplikasikan ialah pemerhatian, temu bual separa berstruktur dengan responden dan analisis dokumen (karangan). Kaedah yang efektif dengan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut PDPc abad ke-21 dapat meningkatkan kemahiran menulis murid bagi meningkatkan prestasi murid-murid aras sederhana kepada aras baik dan cemerlang.

Kata Kunci: kemahiran menulis, kaedah UMIBakaP dan fail KFC, Modul Pembelajaran Kolaboratif, PDPc abad ke-21

PENGENALAN

Matlamat pendidikan bahasa Melayu melalui dasar KSSM dan KBSM amatlah jelas yakni, setiap murid sekolah perlu menguasai kemahiran menulis yang gramatis dengan berpandukan penggunaan tatabahasa yang betul dari aspek perkataan, ayat, sistem bahasa, ejaan dan tulisan yang kemas. Kemahiran ini diberi penekanan yang serius dalam dasar pendidikan kebangsaan kerana penguasaan kemahiran menulis tahap tinggi dapat memastikan golongan muda bersaing maju dalam cabaran global terutamanya dalam menempuh pasaran kerjaya kelak.

Walau bagaimanapun, pencapaian murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu didapati terjejas dan gagal mencapai kepujian dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kerana kelemahan penguasaan bahasa murid tersebut. (Mohd.Nasruddin Bin Basar, 1997). Laporan Prestasi Calon bagi kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) memperlihatkan bahawa murid didapati lemah dalam mengolah ayat

dan mengutarakan hujah yang bersesuaian dengan menggunakan bahasa yang gramatis.

Laporan ini telah dilakukan oleh ketua pemeriksa bagi kertas Bahasa Melayu Bahagian A: Karangan Bahan Rangsangan yang diduduki oleh calon yakni, prestasi calon didapati hampir menyamai pencapaian bagi tahun 2012, 2013 & 2014 iaitu kebanyakan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang tidak gramatis. Calon juga terpengaruh dengan gaya bahasa lisan. Di samping itu, terdapat juga ayat-ayat tergantung. Calon juga lemah dalam penggunaan imbuhan dan pemilihan kata yang tepat di samping kosa kata yang terhad. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012,2013 & 2014).

Selain itu, murid-murid juga didapati gagal menguasai format penulisan karangan, kaedah penulisan yang berkesan, masalah pengolahan ayat dan kekurangan sumber rujukan yang sesuai (Elina Mohd Abd Kahar & Abdul Jawi Abnoh Sawi). Perkara ini turut mendapat perhatian dalam kajian Abdul Jalil Othman (2001) bahawa murid-murid gagal menggunakan wacana bahasa yang koheren dan bersesuaian (Nor Asiah Ismail, 2011 & Nik Safiah Karim, etl, 2009). Mengikut pandangan Fadzilah Kassim (2002) murid-murid juga didapati tiada pendedahan secara holistik tentang kemahiran, kaedah dan strategi penulisan yang berkesan. Hal tersebut mengakibatkan murid-murid tidak mempunyai persediaan yang rapi untuk memulakan proses menulis karangan (Roselan Baki, 2001).

Pandangan Chellamal Bagavathy (2005) pula mengatakan bahawa murid-murid tidak memahami kaedah penulisan bahasa Melayu yang efektif disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya, kemenjadian murid yang lemah, kurang minat terhadap mata pelajaran bahasa Melayu, kelemahan proses penulisan karangan seperti salah memilih tajuk karangan, pemerengganan yang tidak sistematik, tiada perancangan sebelum menulis karangan, dan pelbagai kesalahan bahasa yang berlaku dalam penulisan karangan.

Melihat kepada permasalahan tersebut, kajian ini bertumpu kepada kaedah penulisan karangan yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran menulis murid-murid tingkatan empat dengan memfokuskan karangan jenis perbincangan. Kaedah penulisan yang efektif dengan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut PDPc abad ke-21 dapat meningkatkan kemahiran menulis murid bagi meningkatkan prestasi murid-murid aras sederhana kepada aras baik dan cemerlang.

FOKUS KAJIAN

Seramai empat belas orang murid ini kurang membaca bahan bacaan luas seperti majalah dan surat khabar. Selain itu, kebanyakan murid menganggap Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang sukar untuk mendapat gred A dalam peperiksaan SPM. Oleh itu, mereka lebih memberikan tumpuan kepada mata pelajaran elektif yang dianggap mata pelajaran baru dan susah bagi kebanyakan pelajar. Murid-murid sekolah A (tahap sederhana) yang menjadi kumpulan sasaran kajian didapati pelajar-pelajarnya dapat menulis karangan mengikut format karangan yang dikehendaki. Murid-murid juga mampu mengutarakan idea-idea karangan berdasarkan peta minda yang dihasilkan. Perkara yang menjadi kebimbangan pengkaji ialah murid-murid gagal menghuraikan idea yang diberikan, dan pengolahan idea kurang menarik serta kurang berkesan. Satu program intervensi telah dirancang bagi membimbing dan membantu pelajar untuk menulis pendahuluan karangan yang berkualiti daripada segi huraian dan bahasa serta mampu meraih markah yang tinggi dalam setiap kali peperiksaan. Perkara ini hanyalah satu permulaan kerana untuk melengkapkan sebuah karangan, bahagian lain seperti menghuraikan isi dan menulis kesimpulan juga penting. Namun begitu, kajian ini dilakukan secara bersungguh-sungguh demi mendedahkan cara mudah menghasilkan karangan bahan rangsangan berdasarkan Kaedah UMIBaKaP dan penggunaan alat bantu mengajar KFC.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi berkesan meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis perbincangan bahasa Melayu dalam kalangan murid tingkatan empat. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengaplikasikan kaedah penulisan efektif dan bahan bantu mengajar dalam karangan jenis perbincangan bagi meningkatkan kualiti penulisan karangan murid-murid tingkatan empat.
2. Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan koheren dengan menggunakan kaedah penulisan efektif dan bahan bantu mengajar yang sesuai.

3. Mengenal pasti keberkesanan kaedah penulisan karangan dan bahan bantu mengajar dalam kalangan murid-murid tingkatan empat.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut :

1. Bagaimanakah murid-murid dapat mengaplikasikan kaedah penulisan efektif dan bahan bantu mengajar dalam karangan jenis perbincangan untuk meningkatkan kualiti penulisan karangan di sekolah?
2. Bagaimanakah murid-murid dapat menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan koheren dengan menggunakan kaedah penulisan efektif dan bahan bantu mengajar?
3. Apakah kesan penggunaan kaedah penulisan karangan dan bahan bantu mengajar tersebut dalam kalangan murid-murid tingkatan empat?

PROSEDUR KAJIAN

Tinjauan Awal

Kajian terhadap empat belas orang pelajar dari kelas 5 Akaun tidak mampu memberikan huraian yang bernas berdasarkan tugasan karangan, walaupun idea-idea atau isi-isi diberikan. Perkara yang menjadi isu di sini ialah pelajar-pelajar ini gagal mempersembahkan karangan yang cemerlang dan matang. Tinjauan terhadap isu ini telah dibuat melalui dua cara, iaitu:

Temu bual dengan pelajar

Pengkaji telah bertanya responden tentang punca-punca yang menyebabkan karangan mereka pendek, kurang matang dan idea tidak berkembang. Responden memaklumkan bahawa mereka mampu memberikan idea tentang tugasan tetapi mereka menghadapi masalah untuk mengolah idea supaya menjadi matang dan menarik. Murid-murid juga menghadapi masalah besar dalam menghasilkan karangan yang menarik .

Memeriksa Karangan Respoden (Analisis Dokumen)

Pengkaji telah memberikan tugasan kepada murid untuk menulis karangan berdasarkan soalan yang dikemukakan. Setelah memeriksa dan menganalisis karangan yang ditulis oleh responden, terbukti bahawa mereka mampu mengutarakan idea-idea penting berdasarkan peta minda yang dihasilkan, tetapi mereka tidak dapat mengembangkan idea mengikut tugasan dan tidak mampu menyatakan contoh-contoh yang relevan dengan kehendak soalan. Pengolahan ayat juga tidak menunjukkan kegramatisan dan kematangan.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

i. Kaedah UMIBaKaP dan Alat Bantu Mengajar

Murid-murid diberikan senarai perkataan dan frasa menarik (peribahasa, pendapat tokoh dan maklumat berkaitan) yang telah diberikan untuk dihayati dan diingati. Mereka diminta menulis perkataan dan frasa-frasa menarik yang baru di dalam buku catatan. Setiap hari pada waktu Pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu seorang pelajar diminta memberikan lima kata dan frasa menarik untuk dikongsi bersama-sama. Murid-murid juga diberikan lembaran penanda wacana sebagai panduan untuk memulakan sesuatu ayat dan pelajar diminta mengingatinya. Setiap kali waktu pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan, pelajar diminta menggunakan penanda wacana, kata, dan frasa menarik yang telah diberikan yang boleh dirujuk melalui Fail KFC dan boleh diakses dengan Kod- QR.

ii. Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat, pelajar telah berupaya mengingati dan menggunakan penanda

wacana, kata, dan frasa menarik yang telah diberikan. Murid-murid mula menunjukkan minat menulis karangan kerana pengetahuan mereka tentang penggunaan penanda wacana, kata, dan frasa menarik bertambah. Karangan yang dihasilkan memperlihatkan kematangan dan kecemerlangan.

iii. Refleksi

Aktiviti ini telah berjaya mengubah persepsi pelajar bahawa aktiviti penulisan merupakan aktiviti yang menyeronokkan sekiranya mereka mempunyai ilmu tentang penulisan dan mereka mempunyai pengetahuan luas tentang penanda wacana. Hasil penulisan akan bertambah menarik sekiranya mereka mampu menulis dengan menggunakan kata dan faras menarik dan tepat penggunaanya

KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini menggunakan Rangka Kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF) dan Modul Pembelajaran Kolaboratif yang menjadi panduan utama untuk melihat keberkesanan strategi pengajaran yang berpusatkan murid-murid. Guru-guru tidak lagi menjadi dominan dalam pelaksanaan PDPc di bilik darjah sebaliknya menjadi fasilitator atau pemudah cara dalam membimbing murid-murid. Rangka Kerja Gradual Release of Responsibility (GRRF) yang dipetik dan diubah suai daripada Fisher, D. & Frey, N. (2008).

RAJAH 1 Rangka Kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF)



Rajah di atas menunjukkan penglibatan murid-murid dalam proses PDPc di bilik darjah telah melalui proses peralihan secara berperingkat-peringkat. Modul pembelajaran kolaboratif menjadi elemen penting dalam pelaksanaan PDPc di bilik darjah mengikut Rangka Kerja GRRF. Dalam hal ini, pelaksanaan strategi pengajaran guru secara rinci dapat dijelaskan dengan menggunakan Model Pembelajaran Kolaboratif (Reid, 1989). Model Pembelajaran Kolaboratif ini menekankan lima aspek dalam proses PDPc iaitu penglibatan, eksplorasi, transformasi, persembahan dan refleksi. Berdasarkan Rangka Kerja GRRF dan Model Pembelajaran Kolaboratif, maka terhasillah kerangka baharu yang diubahsuai untuk kepentingan kajian ini.

RAJAH 2 Kerangka Konseptual Baharu Rangka Kerja *Gradual Release of Responsibility* (Fisher & Frey, 2013) dan Model Pembelajaran Kolaboratif (Reid, 1989)



Kerangka baharu ini merupakan integrasi daripada Rangka Kerja GRRF dan Model Pembelajaran Kolaboratif yang penting untuk melaksanakan kajian ini. Proses PDP secara terancang mampu menarik minat murid-murid melibatkan diri secara aktif sepanjang proses PDP. Oleh itu, dalam kerangka baharu ini dijelaskan secara rinci bahawa guru seharusnya bertindak sebagai pemudah cara(fasilitator) dengan melaksanakan proses PDP secara kolaboratif bersama murid-murid. Pengajaran yang berpusatkan murid dapat meningkatkan daya tumpuan murid, membina kerjasama yang baik, keyakinan dalam memberi pendapat dan menyelesaikan sesuatu tugasan secara koperatif mengikut lima fasa pembelajaran yang termaktub dalam Model Pembelaja-

ran Kolaboratif ini. Fasa-fasa pembelajaran yang bermula daripada fasa penglibatan, eksplorasi, transformasi, persembahan dan refleksi dilaksanakan secara kolaboratif dan berpusatkan murid di samping melihat peranan guru sebagai pemudah cara sepanjang fasa pembelajaran tersebut dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

RAJAH 3 Keputusan Pra ujian dan Pasca ujian Karangan B (Kertas 1) Bahasa Melayu terhadap murid-murid 5 Akaun Sekolah A Tahun 2020

Nama Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Pencapaian
Murid 1	55 %	72%	+ 17
Murid 2	57%	74%	+17
Murid 3	60%	77%	+17
Murid 4	53%	70%	+17
Murid 5	62%	78%	+16
Murid 6	54%	73%	+19
Murid 7	61%	76%	+15
Murid 8	63%	80%	+17
Murid 9	57%	77%	+20
Murid 10	60%	75%	+15
Murid 11	52%	70%	+18
Murid 12	64%	82%	+18
Murid 13	51%	70%	+19
Murid 14	70%	85%	+15

KESIMPULAN

Kesimpulannya, strategi penulisan yang efektif penting dalam usaha membantu murid-murid aras sederhana meningkatkan prestasi dalam bahasa Melayu SPM. Kaedah penulisan yang efektif, penggunaan alat bantu mengajar yang menarik serta pengaplikasian model pembelajaran kolaboratif berupaya meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid. Guru-guru tidak harus mendominasi PDPc di bilik darjah sebaliknya hendaklah berpusatkan murid-murid. Proses penulisan murid akan menjadi lebih terancang, sistematik, menarik dan matang kerana penggunaan kaedah penulisan yang efektif. Kemahiran menulis seperti ini perlu dilatih secara berterusan agar dapat membentuk murid-murid yang lebih kreatif dan kritis.

RUJUKAN

Abdul Ghani Bin Jalil. (2016). Tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid ber prestasi rendah. *Proceeding of ICECRS, 1, 951-958*.

Abdul Jalil Othman. (2001). Perkaitan semantik dalam penulisan. *Issues in Education, 24*, 141-157.

Chellamal Bagavathy. (2005). Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa dalam Bahasa Melayu melalui cara permainan bahasa. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005*.

Che Zanariah Che Hassan &Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1*(1), 67 -87.

Fisher, D., & Frey, N. (2008). *Better learning through structured teaching: A framework for the Gradual Release of Responsibility*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).

Griffen Anak Encharang. (2012). Kesan teknik "Think-Pair-Share" dalam kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian murid Tahun Empat. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012, 15-29*.

Haris Fadzilah Kassim. (2002). *Masalah menulis karangan di kalangan pelajar Tingkatan Empat: Satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Laporan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Kedudukan bahasa Melayu.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Bahasa Melayu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng. (2017). Amalan pengajaran guru bahasa melayu tingkatan empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 4*(1).

Mohd Nasruddin Basar.(1997). *Perkaitan antara kemahiran menulis karangan dengan kecekapan penggunaan tatabahasa Bahasa Malaysia di kalangan pelajar Tingkatan Empat* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahayah Ariffin. (2010). Kajian Kes Dalam Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam Pendidikan* (hal. 345-371). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Nor Asiah binti Ismail (2011, 10-12 Mei). Penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu dari perspektif komunikatif. *Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur,* IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu.

Noor Habsah Ali & Yahya Othman (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ).*

Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu, 9*, 227-240.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, (2009).*Tatabahasa Dewan* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusataka.

Mariati binti Mokhtar & Mazliza binti Mohtar (2018). Penguasaan Bahasa Melayu pelajar pintar dan berbakat: Analisis ungkapan indah dalam penulisan karangan. *journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), 4*(10), 19-25.

Rozita Radhiah & Abdul Rasid Jamian. (2012). Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, 27,* 52 – 68.

Khawidah Abd Samad & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2009). Pengaplikasian teori rangkaian motor pembelajaran dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue.*

Zaleha Ahmad.(2014). Kemahiran menulis: Peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar melalui program 'Tinta Emas'. *Park View Primary School, Ministry of Education Singapore*

PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN DI PERINGKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: KAJIAN KE ATAS MAHASISWA SARJANA MUDA

Siti Nor Azhani Mohd Tohar
Universiti Sains Islam Malaysia
azhanitohar@usim.edu.my

Siti Nor Baya Mat Yacob
Universiti Sains Islam Malaysia
snorbaya@usim.edu.my

ABSTRAK

Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan kerana ia sebahagian daripada kontrak sosial dan unsur tradisi dalam perlembagaan, simbol identiti kebangsaan, penanda aras semangat kekitaan serta alat penyatuan dan kemajuan rakyat seterusnya negara. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pemartabatan bahasa kebangsaan di peringkat institusi pengajian tinggi dalam konteks melihat perbezaan antara jenis IPT dan bidang pengajian mahasiswa sarjana muda di IPTA dan IPTS. Kajian ini dijalankan secara pengedaran borang soal selidik yang melibatkan 407 responden pelbagai etnik dari Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Multimedia (MMU). Kajian mendapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam skor pemartabatan bahasa kebangsaan antara mahasiswa IPTA (min: 2.90; S.P: .49) dan mahasiswa IPTS (min: 2.93; S.P: .52). Begitu juga, kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara mahasiswa jurusan sains dan teknologi (min: 2.89; S.P: .51) dengan mahasiswa jurusan sains sosial (min: 2.94; S.P: .50). Ini menunjukkan tahap pemartabatan bahasa kebangsaan di kedua-dua jenis IPT di tahap yang sama, begitu juga senario yang berlaku bagi klasifikasi bidang pengajian. Implikasinya, sama ada IPT di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta, serta sama ada bidang pengajian sains dan teknologi mahupun sains sosial didapati kurang memartabatkan bahasa kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa mandala ilmu tinggi masih kurang diyakini dan dapat memberi impak kepada krisis identiti nasional rakyat Malaysia.

Kata kunci: Bahasa Melayu, semangat kekitaan, identiti nasional, multi etnik, perpaduan

PENGENALAN

Salah satu ciri asas sesebuah tamadun perlu mempunyai bahasa yang dapat berperanan sebagai pengungkap dan pengantar segala kegiatan ketamadunan (Hashim Musa, 2005; Wan Hashim Wan Teh 1997). Peranan bahasa ini dapat dibuktikan dengan kegemilangan tamadun yang pernah terbina, kesemuanya menggunakan bahasa tamadunnya sendiri dalam mengungkap ilmu (Hashim Musa, 2005). Justeru, penetapan satu bahasa kebangsaan menjadi keperluan penting dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat multi etnik. Penetapan satu bahasa kebangsaan ini merupakan mekanisme kekuatan tamadun Malaysia melalui penyatuan masyarakat multi etnik yang memiliki kepelbagaian bahasa ibunda. Sehubungan itu, Perkara 152(1) telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan sebagaimana peruntukan di bawah:

"Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen"

Namun, pemartabatan bahasa kebangsaan semakin terhakis dalam kalangan generasi muda apatah lagi dalam gelombang globalisasi dan kepesatan kemajuan sains dan teknologi kini mendorong pemerkasaan bahasa Inggeris terutamanya dalam tujahan pendidikan negara. Justeru, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan mengikut jenis IPT, iaitu IPTA dan IPTS serta mengikut bidang pengajian, iaitu bidang Sains dan Teknologi serta Sains Sosial.

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan data kuantitatif secara pengedaran borang soal selidik melalui pensampelan rawak berstrata ke atas 407 pelajar Ijazah Sarjana Muda dari UPM, UM, MMU dan UNISEL. Kajian melibatkan mahasiswa dari bidang Sains dan Teknologi dan Sains Sosial secara berstrata. Maklumat demografi responden boleh dirujuk di **Jadual 1**. Instrumen Pemartabatan Bahasa Kebangsaan telah dibentuk melalui sorotan literatur, adaptasi instrumen berkaitan dan hasil temu bual seorang pakar bahasa di Malaysia. Kebolehpercayaan dan pengesahan instrumen telah dilakukan melalui Analisis Faktor Penerokaan (EFA) and Analisis Faktor Pengesahan (CFA) menggunakan perisian SPSS versi 22. Hasilnya, Instrumen Pemartabatan Bahasa Kebangsaan diwakili 12 item yang terdiri daripada tiga dimensi, iaitu i) kefasihan, ii) pengiktirafan, dan iii) kecanggihan berbahasa.

Kesemua instrumen ini mengaplikasikan skala pengukuran empat mata iaitu, angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'setuju', dan 4 mewakili 'sangat setuju'.

JADUAL 1: Profil Demografi

Faktor Demografi		Kekerapan	%
	(n=407)		
IPTA	UPM	108	26.5
	UM	105	25.8
IPTS	MMU	94	23.1
	UNISEL	100	24.6
Bidang Pengajian	Sains sosial	210	51.6
	Sains dan teknologi	197	48.4
Tahun Pengajian	Tahun pertama dan kedua	216	53.1
	Tahun ketiga dan ke atas	191	46.9
Jantina	Lelaki	150	36.9
	Perempuan	257	63.1
Umur	Kurang daripada 23 tahun	257	63.1
	23 tahun dan ke atas	150	36.9
Etnik	Melayu	242	59.5
	Cina	122	30.0
	India	43	10.6

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbezaan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Jenis IPT

Analisis Ujian T dijalankan bagi menentukan perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa IPT berdasarkan jenis IPT. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan jenis IPT mereka (IPTA dan IPTS).

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam skor pemartabatan bahasa kebangsaan bagi mahasiswa IPTA (min: 2.90; S.P: .49) dan mahasiswa IPTS (min: 2.93; S.P: .52); t(405)=-.439, p=.66. Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan antara mahasiswa IPTA dan IPTS. Maka, sama ada mahasiswa IPTA mahupun mahasiswa IPTS memartabatkan bahasa kebangsaan di tahap yang sama.

JADUAL 2 Ujian T Tidak Bersandar bagi Analisis Perbezaan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Jenis IPT

Pemboleh Ubah	Jenis IPT	Ujian t tidak bersandar						
		Min	Sisihan Piawai	T	Darjah Kebebasan	P	Perbezaan min	*Eta Squared*
Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	IPTA	2.90	.49	-.439	405	.661	-.02	.00
	IPTS	2.93	.52					

Hasil analisis menunjukkan bahawa jenis IPT tidak menjadi faktor kepada pemartabatan bahasa kebangsaan. Malahan dapatan ini menunjukkan bahawa IPTA turut belum mampu mengangkat bahasa Melayu untuk dimartabatkan oleh warga siswanya memandangkan senario kini menunjukkan sektor IPTA sendiri mulai mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa mandala ilmu tinggi berbanding bahasa Melayu.

Kerajaan telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu bermula tahun 1983, iaitu merupakan tahun pertama dalam semua kursus di universiti diajar dalam bahasa Melayu sahaja termasuklah dalam bidang Sastera, Sains, Kejuruteraan, Perubatan dan lain-lain, malahan, sebelum Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 diluluskan, universiti hanya boleh ditubuhkan oleh pihak kerajaan sahaja demi untuk melindungi kepentingan matlamat integrasi nasional dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan di institusi pendidikan tinggi (Sufean Hussin, 2004).

Namun, selari dengan dasar kerajaan yang mulai ingin memperkasakan bahasa Inggeris seawal abad ke 20, maka, IPTA yang merupakan institusi pendidikan tertinggi negara pasti menerima impak daripada dasar-dasar pemerkasaan bahasa Inggeris ini.

Justeru, berlakunya peningkatan dan peluasan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kursus di IPTA (Awang Sariyan, 2011). Budaya pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris telah mendorong sesetengah pelaksana Dasar Pendidikan Kebangsaan di IPTA mengetepikan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ilmu dengan alasan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan menghasilkan pendidikan bertaraf dunia (UiTM TNC (Akad) 2/1, 9/2000).

Maka, tidak hairanlah sekiranya dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan pemartabatan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa IPTA dan IPTS memandangkan IPTA sendiri telah cenderung untuk memperkasakan bahasa Inggeris mengatasi pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selari dengan senario pemerkasaan bahasa Inggeris yang dijalankan oleh pihak kerajaan dalam institusi-institusi pendidikan negara.

Perbezaan berdasarkan Bidang Pengajian

Jadual 3 menunjukkan penganalisisan Ujian T bagi menentukan perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa IPT berdasarkan bidang pengajian. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan bidang pengajian mereka (1=sains dan teknologi, 2= sains sosial).

Hasil analisis memaparkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pemartabatan bahasa kebangsaan, $t(405) = -.834$, $p=.41$ antara mahasiswa jurusan sains dan teknologi (min: 2.89; S.P: .51) dan mahasiswa jurusan sains sosial (min: 2.94; S.P: .50). Ini menunjukkan bahawa pemartabatan bahasa kebangsaan antara mahasiswa jurusan sains dan teknologi juga mahasiswa jurusan sains sosial di tahap yang sama. Bidang pengajian didapati tidak dapat menjadi penentu kepada pemartabatan bahasa kebangsaan mahasiswa-mahasiswa IPT.

JADUAL 3 Ujian T Tidak Bersandar bagi Analisis Perbezaan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Bidang Pengajian

Pemboleh Ubah	Bidang Pengajian	Ujian T tidak bersandar						
		Min	S.P	t	Darjah kebebasan	p	Perbezaan Min	*Eta Squared*
Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	Sains & Teknologi	2.89	.51	-.834	405	.405	-.042	.00
	Sains Sosial	2.94	.50					

Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Chow Fong Peng & Zahari Ishak (2008) bahawa terdapat berbezaan tahap keyakinan mahasiswa IPT terhadap bahasa Melayu dengan mahasiswa daripada bidang sains tulen dan teknikal lebih yakin terhadap bahasa Inggeris manakala mahasiswa dalam bidang sastera dan agama lebih yakin terhadap bahasa Melayu. Justeru, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa senario yang telah berubah yang mana pemartabatan terhadap bahasa Melayu kini tidak lagi berbeza antara mahasiswa sains dan sains sosial. Walaupun mahasiswa sains sosial didapati lebih memartabatkan bahasa kebangsaan berbanding mahasiswa sains namun perbezaannya tidak begitu ketara.

Begitu juga dapatan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad (2010) menunjukkan pelajar aliran Sastera bersikap lebih positif untuk mempelajari bahasa Melayu kerana pelajaran bahasa Melayu sentiasa berkait rapat dengan pelajaran Sastera. Kemiripan kedua-dua mata pelajaran tersebut turut mendorong pelajar aliran Sastera untuk tetap mengambil mata pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran pilihan walaupun ia tidak dijadikan mata pelajaran wajib. Sikap pelajar aliran Sains, Perakaunan dan Teknik yang kurang memberangsangkan pula dilihat sebagai salah satu kesan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, khususnya sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Kajian juga mendapati bahawa lebih daripada 17.0% pelajar aliran Sains, Perakaunan, Teknik dan aliran-aliran lain mempunyai kecenderungan untuk tidak mengambil mata pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran pilihan sekiranya ia tidak diajarkan sebagai mata pelajaran wajib. Hal ini berlaku kerana mereka kurang berminat dengan mata pelajaran yang bersifat retorik seperti bahasa Melayu dibandingkan dengan mata pelajaran Sains dan Teknologi yang bersifat numerik dan objektif.

Kecenderungan penekanan kepada bahasa Inggeris yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sedari alam persekolahan lagi sedikit sebanyak turut mempengaruhi bidang sains sosial. Justeru, tidak mustahil sekiranya tiada perbezaan yang ketara dalam pemartabatan bahasa kebangsaan antara bidang sains dan sains sosial.

Ini selari dengan senario pemerkasaan bahasa Inggeris di peringkat IPTA yang semakin meluas maka, ia turut memberi impak kepada bidang pengajian mahasiswa di IPT. Tambahan pula, mahasiswa IPTS daripada bidang sains sosial sememangnya telah terdedah dengan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris, maka tidak wujudlah perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan mereka dengan mahasiswa daripada bidang sains di IPTS. Ditambah pula dengan pemerkasaan bahasa Inggeris di IPTA tertakluk kepada semua bidang yang ditawarkan.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa, sama ada IPT di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta, serta sama ada bidang pengajian sains dan teknologi mahupun sains sosial didapati kurang memartabatkan bahasa kebangsaan. Ini menunjukkan wujudnya krisis keyakinan terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mandala ilmu tinggi dan dapat memberi impak kepada krisis identiti nasional rakyat Malaysia.

Perlu disedari bahawa identiti sepunya melalui pemartabatan bahasa kebangsaan dapat menjadi benteng kepada generasi muda untuk berkompromi dengan tuntutan globalisasi dan perkembangan pesat dunia sains dan teknologi. Institusi pendidikan merupakan medium penting dalam menyebarkan ideologi kebangsaan daripada peringkat awal usia sehingga ke peringkat tinggi agar masyarakat pelbagai etnik dapat menyedari keperluan untuk mempunyai rasa kesatuan dan memiliki identiti sepunya demi kelangsungan tamadun

Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebenarnya mampu menjadi bahasa mandala ilmu tinggi dan mampu menghakis kecelaruan identiti generasi muda kini sekiranya pelbagai pihak terutamanya para penggubal dasar dapat melaksanakan dasar-dasar bahasa kebangsaan dengan lebih tegas dan jitu.

RUJUKAN

Awang Sariyan (2011). Pembudayaan bahasa dan pembentukan rupa bangsa. Dalam Arba'ie Sujud, Adi Yasran Abdul Aziz, Ahmad Yusoff Buyong & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ed.). *Linguistik dan pembudayan Bahasa Melayu* (hal. 3-59). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Chow Fong Peng & Zahari Ishak (2008). Tahap penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa/i ipta dan ipts dalam sistem pendidikan negara. *Jurnal Pengajian Melayu, 19*, 16-36.

Hashim Musa (2005). Pemerkasaan tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi globalisasi Barat. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies, 10*(3): 67-87.

Sufean Husin (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UiTM (2000). TNC(Akad.)2/1.2000. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik) Bil 9/2000. 14 Julai 2000.

Wan Hashim Wan Teh (1997). Tamadun Melayu dan pembinaan tamadun abad ke 21. Dalam Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (Ed.), *Tamadun Melayu menyongsang abad kedua puluh satu* (hal. 69-144). Bangi: Penerbit UKM.

Apa tandanya batang padi,
Tumbuhnya di ladang lebar buahnya;
Apa tandanya orang berbudi,
Elok dipandang baik lakunya.

Apa tandanya si batang tebu,
Batang tebu halus uratnya;
Apa tandanya orang berilmu,
Orang berilmu halus sifatnya.

Apa tandanya batang bengkal,
Batang bengkal banyak bukunya;
Apa tandanya orang berakal,
Orang berakal bijak lakunya.

Apa tandanya batang betik,
Batang betik panjang pangkalnya;
Apa tanda orang nan cerdik,
Orang cerdik panjang akalnya

Kalau bergalah di semak-semak,
Kalau memanjat dicari dahan,
Kalau berlunjur ditarik lutut;
Kalau bersalah di semak-semak,
Kalau tersesat dicari jalan,
Kalau terlanjur berbalik surut.

Tenas Effendy, 2007



Pusat Pengajian
Bahasa, Tamadun & Falsafah

SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY

Universiti Utara Malaysia